



KEMENTERIAN
PENDIDIKAN
MALAYSIA
IPG KAMPUS ILMU KHAS



PROSIDING

SEMINAR PENYELIDIKAN PENYELIDIK MUDA

ZON TENGAH 2019

Penyelidikan Peneraju Kecemerlangan Pendidikan

23 & 24 APRIL 2019

INSTITUT PENDIDIKAN GURU
KAMPUS ILMU KHAS, KUALA LUMPUR

ANJURAN BERSAMA

SISWA GURU PISMP AMBILAN JUN 2015
DAN

JABATAN PENDIDIKAN MUZIK

JABATAN SAINS SUKAN

JABATAN PENDIDIKAN KHAS

JABATAN PENGKHUSUSAN BAHASA INGGERIS

JABATAN PENYELIDIKAN & INOVASI PROFESIONALISME KEGURUAN

**Prosiding Seminar Penyelidikan Penyelidik Muda (SPPM) Zon Tengah
23-24 April 2019
Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas, Kuala Lumpur**

Terbitan:

**Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas,
Jalan Yaacob Latif,
56000 Cheras, Kuala Lumpur
2019**

Hak Cipta Terpelihara

Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana bahagian, artikel, ilustrasi dan isi kandungan dalam prosiding ini dalam apa jua bentuk dan dengan cara apapun sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman dan cara lain sebelum mendapatkan keizinan dari Pengarah Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas, Kuala Lumpur

Perundingan tertakluk kepada royalti atau honorarium.

Penyunting:

**Tan Chin Hui (Ketua)
Sit Ai Chin
Patricia Tan Mun Ee
Nur Syarafina Awanis Binti Abdul Rahman
Ashley Chang Wui Ling
Ang Chong Yin
Aina Kasmuni Binti Mohd Jahudi
Nur Suhaila Binti Zainudin
Tan Hui En
Lee Ke Xin**

**Pensyarah Penasihat
Dr Ramesh Rao a/l Ramanaidu**

**Diatur huruf : SIDANG PENYUNTING
Muka taip teks : Arial
ISBN: : 978-967-5580-14-7
Percetakan : Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas, Kuala Lumpur
Laman web : <http://ipgkik.moe.edu.my/>**

| Bil. | Tajuk artikel | Nama | Halaman |
|------|---|---|---------|
| 1 | PERSEPSI SISWA GURU PENGKHUSUSAN PENDIDIKAN KHAS MASALAH PENDENGARAN TERHADAP PENGALAMAN PRAKTIKUM | FARAH NUR SYAHIRAH BINTI ALWI | 2 |
| 2 | MENINGKATKAN KEMAHIRAN MENGUNAKAN IMBUHAN AWALAN "ME-" MURID KETIDAKUPAYAAN PENDENGARAN TAHUN 3 | NATASHA BINTI GHAZI | 7 |
| 3 | MENINGKATKAN KEMAHIRAN MENGUNAKAN KINCIR WAHU PENGUNAAN PERMAINAN KAD ISYARAT PERCIK DALAM MENGISYARAT DAN MENGEJA PERKATAAN MURID MASALAH PENDENGARAN TAHUN 5 | NUR AMIRAH SYAHIRAH BINTI NAZUMUDDIN | 12 |
| 4 | KESEDIAAN SISWA GURU PENDIDIKAN KHAS MASALAH PENDENGARAN UNTUK MENGAJAR MATA PELAJARAN BAHASA MELAYU DI SEKOLAH | NUR DIANA BINTI AMRAN | 17 |
| 5 | PENGUNAAN ALAT BANTU DENGAR DALAM KALANGAN MURID KETIDAKUPAYAAN PENDENGARAN MENGIKUT PERSPEKTIF SISWA GURU MASALAH PENDENGARAN | NUR SYAHIRAH BINTI ABDUL MAJID | 23 |
| 6 | PERSEPSI GURU BAHASA ISYARAT KOMUNIKASI TERHADAP BUKU TEKS DAN TAHAP PENGGUNAANNYA DI DALAM BILIK DARJAH | NUR ZARATUL ULA BINTI RAZUAN | 30 |
| 7 | SATU TINJAUAN MINAT MURID PENDIDIKAN KHAS MASALAH PENDENGARAN TERHADAP PUSAT SUMBER SEKOLAH | NURNABILA HUSNA BINTI MOHMAD ASARI | 37 |
| 8 | KEBERKESANAN KOMUNIKASI SELURUH SISWA GURU PENDISIKAN KHAS DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN MURID MASALAH PENDENGARAN | NURUL ASYIQIN BINTI RUSLAN | 43 |
| 9 | TAHAP PENGUSAHAAN RANCANGAN PENDIDIKAN INDIVIDU (RPI) SISWA GURU PENDIDIKAN KHAS MASALAH PENDENGARAN AMBILAN JUN 2015 DI INSTITUT PENDIDIKAN GURU KAMPUS ILMU KHAS | NURUL HIDAYAH BINTI MOHD SABAR | 48 |
| 10 | TINJAUAN TERHADAP PERSEPSI GURU PENDIDIKAN KHAS TERHADAP FAKTOR-FAKTOR PENGLIBATAN MURID BERMASALAH PENDENGARAN DALAM AKTIVITI SUKAN DI SEKOLAH | NURUL NABILA BINTI ZULKIFLI | 54 |
| 11 | TAHAP EFIKASI SISWA GURU PENDIDIKAN KHAS MASALAH PENDENGARAN DI INSTITUT PENDIDIKAN GURU KAMPUS ILMU KHAS | SIT AI CHIN | 60 |

| Bil. | Tajuk artikel | Nama | Halaman |
|------|---|--|---------|
| 12 | PERSEPSI SISWA GURU PENDIDIKAN KHAS OPSYEN MASALAH PENDENGARAN AMBILAN JUN 2015 TERHADAP PENGGUNAAN BAHASA ISYARAT MALAYSIA (BIM) DALAM AMALAN PEMBELAJARAN DAN PEMUDAHCARAAN | SITI HANIS HASINEEA BINTI MD SHAMLAN | 66 |
| 13 | PERSEPSI SISWA GURU TERHADAP KETERLIBATAN AKADEMIK MURID KETIDAKUPAYAAN PENDENGARAN DAN KETIDAKUPAYAAN PENGLIHATAN | SITI HASIBAH BINTI CHE SARIF | 72 |
| 14 | LATIHAN PRAKTIKUM GURU PELATIH ORANG KURANG UPAYA DI INSTITUT PENDIDIKAN GURU KAMPUS ILMU KHAS: SATU KAJIAN KES | SYAKIRAH BINTI ABDUL HALIM | 79 |
| 15 | PENGUASAAN BAHASA ISYARAT SISWA GURU OPSYEN PENDIDIKAN KHAS MASALAH PENDENGARAN AMBILAN JUN 2015 DI INSTITUT PENDIDIKAN GURU KAMPUS ILMU KHAS | WAN ATIQA BINTI WAN HUSSIN | 85 |
| 16 | PENGGUNAAN TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI DALAM PENGAJARAN OLEH SISWA GURU PENDIDIKAN KHAS MASALAH PENDENGARAN SEMASA PRAKTIKUM | CHAN MANG CHEE | 93 |
| 17 | CABARAN PENGGUNAAN PENGAJARAN MAYA (FROG VLE) DALAM KALANGAN GURU PENDIDIKAN KHAS MASALAH PENDENGARAN | DASHWINI A/P SELVAM | 98 |
| 18 | TAHAP KESEDIAAN SISWA GURU BUKAN OPSYEN PENDIDIKAN KHAS DALAM MENGAJAR MURID BERKEPERLUAN KHAS. | HALIMATUS SA'ADIAH ABDULLAH | 104 |
| 19 | MENINGKATKAN KEMAHIRAN MENGEJA PERKATAAN KATA KERJA 'I_K2' MURID BERMASALAH PENDENGARAN TAHUN 2 | LAILI ASMAH BINTI MOHD YUSOF | 110 |
| 20 | MENINGKATKAN KEMAHIRAN MENYUSUN RANTAI MAKANAN DALAM KALANGAN MURID KETIDAKUPAYAAN PENDENGARAN TAHUN 5 | MOHAMMAD BIN ABD RAHMAN | 115 |
| 21 | MENGGUNAKAN FOOD MAZE PENGGUNAAN BOWLING TRAFFIC LIGHT DALAM MENINGKATKAN KEMAHIRAN MEMBACA DALAM KALANGAN MURID MASALAH PENDENGARAN | NUR AMALINA BINTI MADZLAN | 121 |
| 22 | PELAKSANAAN PENDEKATAN INKUIRI-PENEMUAN DALAM MATA PELAJARAN SAINS MURID KETIDAKUPAYAAN PENDENGARAN : SATU KAJIAN KES | NUR ATIKAH SYAMIMI BINTI ABDULLAH ZAWAWI | 127 |
| 23 | TINJAUAN TERHADAP TAHAP KEPIMPINAN DALAM KALANGAN JAWATANKUASA PERWAKILAN PELAJAR INSTITUT PENDIDIKAN GURU | NUR KHADIJAH BINTI MAHDAR | 133 |

| Bil. | Tajuk artikel | Nama | Halaman |
|------|--|---|---------|
| 24 | MENINJAU PERSPEKTIF GURU TERHADAP PENGGUNAAN BAHAN BERBANTUKAN KOMPUTER DALAM PEMBELAJARAN DAN PEMUDAHCARAAN (PDPC) MURID PENDIDIKAN KHAS MASALAH PENDENGARAN PERINGKAT SEKOLAH RENDAH | NUR SYAZANI IZZATI BINTI SALIMI | 138 |
| 25 | PENGGUNAAN KAEDAH PEMBELAJARAN KOPERATIF DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (PDP) OLEH SISWA GURU PENDIDIKAN KHAS MASALAH PENDENGARAN | NUR WAHIDAH BINTI YAZAID | 144 |
| 26 | PERSEPSI SISWA GURU PENDIDIKAN KHAS MASALAH PENDENGARAN TERHADAP PENGGUNAAN PETA I-THINK DALAM PROSES PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (PDP) | NURFARAHIN BINTI MOHD FUZI | 149 |
| 27 | KOMPETENSI GURU PENDIDIKAN KHAS TERHADAP PENGGUNAAN KOD TANGAN BAHASA MALAYSIA(KTBM) | PATRICIA TAN MUN EE | 154 |
| 28 | FAKTOR-FAKTOR YANG MENDORONG TEKANAN KERJA DALAM KALANGAN GURU-GURU PENDIDIKAN KHAS MASALAH PENDENGARAN : SATU KAJIAN TINJAUAN | SHARMMILA A/P SERIRAMULU | 159 |
| 29 | PENGGUNAAN SISTEM TOKEN EKONOMI DALAM PEMBELAJARAN DAN PEMUDAHCARAAN (PDPC) OLEH GURU PENDIDIKAN KHAS MASALAH PENDENGARAN | VEENOSHINI A/P NITHIANANTHAN | 165 |
| 30 | TAHAP KESEDIAAN GURU PELATIH PENDIDIKAN KHAS DALAM PROGRAM PENDIDIKAN INKLUSIF (PPI) | ARISYAH BINTI AZHA | 172 |
| 31 | PERSEPSI GURU PENDIDIKAN KHAS TERHADAP KETERLIBATAN AKADEMIK MURID MASALAH PENGLIHATAN DALAM PROGRAM PENDIDIKAN KHAS INTEGRASI (PPKI) | FATIN AMIRAH BINTI MOHAMAD SUHAIMI | 176 |
| 32 | KEMAHIRAN LITERASI KOD BRAILLE BAHASA MELAYU GRED 2 SINGKATAN TANDA KATA RINGKAS BAGI MURID BUTA MENGGUNAKAN KIT TT | IZZATI SYAHIRAH BINTI AMRULLAH | 180 |
| 33 | CABARAN GURU PENDIDIKAN KHAS DALAM MELAKSANAKAN PENTAKSIRAN BERASASKAN SEKOLAH BAGI MURID MASALAH PENGLIHATAN SATU KAJIAN KES | KHALIMATUN SADIHAH BINTI MD SUNI | 185 |
| 34 | TAHAP PENGETAHUAN GURU PELATIH PENDIDIKAN KHAS TERHADAP KEMAHIRAN PENGURUSAN TINGKAH LAKU MURID | NUR ATHIRAH BINTI SHAMSUL HADI | 190 |
| 35 | TAHAP KESEDIAAN GURU PELATIH PENDIDIKAN KHAS DALAM MELAKSANA PDPC | NUR SYARAFINA AWANIS BINTI ABDUL RAHMAN | 195 |

| Bil. | Tajuk artikel | Nama | Halaman |
|------|--|--|---------|
| 36 | PERSPEKTIF GURU SENIOR TERHADAP KUALITI GURU NOVIS KELUARAN IPG BERPANDUKAN STANDARD 3 DALAM STANDARD GURU MALAYSIA | NURHAFIZAH BINTI ZAMRI | 199 |
| 37 | PERSEPSI GURU PELATIH PENDIDIKAN KHAS TERHADAP PENYEDIAAN BAHAN BANTU MENGAJAR UNTUK MURID PENDIDIKAN KHAS MASALAH | NURUL ALIYA BINTI MOHAMAD | 205 |
| 38 | MENINGKATKAN KEFAHAMAN MENUKAR NOMBOR PECAHAN KEPADA NOMBOR PERPULUHAN DALAM KALANGAN MURID BERMASALAH PENGLIHATAN TERHAD MENGUNAKAN COUPLE MATH FOR DECIMAL | NURUL ALYA BINTI KHAIRUL FAUZI | 209 |
| 39 | MENINGKATKAN KEMAHIRAN MEMBACA PERKATAAN SUKU KATA KV+KV MURID TAHUN SATU MENGGUNAKAN KAD IMBASAN SUKU KATA BERWARNA | NURUL IMANIYAH BINTI KHAIRULLAH | 215 |
| 40 | PERSEPSI GURU TERHADAP PERKHIDMATAN MAKANAN DI KANTIN SEKOLAH PENDIDIKAN KHAS | PAVITRA A/P CHANDRAN | 221 |
| 41 | KEMAHIRAN SOSIAL MURID MASALAH PENGLIHATAN MENGIKUT PERSEPSI GURU PELATIH | SAIDATI NUR AINSYA BINTI MOHAMED GHAZALI | 227 |
| 42 | MENINGKATKAN KEMAHIRAN MENYELESAIKAN OPERASI TOLAK DALAM LINGKUNGAN 10 MURID BERMASALAH PENGLIHATAN DENGAN MENGGUNAKAN KAEDAH CATCH AND REMOVE (CAR) | SITI NOOR NADIAWANI BINTI MOHD ZULKIFLI | 232 |
| 43 | TAHAP PENGETAHUAN GURU MASALAH PENGLIHATAN TERHADAP PENGGUNAAN SISTEM TOKEN DALAM MENANGANI TINGKAH LAKU DISTRUPTIF | SITI NURSYUHADAH BINTI SHAPEI | 238 |
| 44 | PENGGUNAAN KOTAK SIFIR CILIK DALAM PENGUSAAN SIFIR 6 HINGGA 9 BAGI MURID MASALAH PENGLIHATAN | SUHAILI BINTI ELIASSAK | 243 |
| 45 | TAHAP PENGUSAAN GURU PENDIDIKAN KHAS MASALAH PENGLIHATAN TERHADAP TEKNIK BERMAIN DALAM PEMBELAJARAN DAN PEMUDAHCARAAN (PDPC) | ZAYANA SOFIA BT ZAKARIA | 248 |
| 46 | MENINGKATKAN PENGUSAAN NILAI NOT KROCET, KUAVAR, MINIM DAN SEMIBRIF DALAM METER EMPATAN MENGGUNAKAN PERMAINAN "STRIKE THE NOTES". | ABDUL HAFIZ BIN MUSTAFA | 254 |
| 47 | FAKTOR-FAKTOR YANG MEMPENGARUHI KOMPETENSI NYANYIAN MURID | ASHLEY CHANG WUI LING | 259 |
| 48 | PERSONALITI DAN PILIHAN GENRE MUZIK SISWA GURU DI INSTITUT PENDIDIKAN GURU KAMPUS ILMU KHAS | EDBERG OSWALD JUSTINUS | 265 |

| Bil. | Tajuk artikel | Nama | Halaman |
|------|--|-----------------------------------|---------|
| 49 | KESEDIAAN GURU BUKAN OPSYEN DALAM PEMBELAJARAN DAN PEMUDAHCARAAN (PDPC) PENDIDIKAN MUZIK DI SEKOLAH RENDAH | HILMANUDDIN BIN ABDULLAH | 270 |
| 50 | PENGGUNAAN LAGU AYUN DALAM PERKEMBANGAN SOSIAL MASYARAKAT BIDAYUH DI PERKAMPUNGAN DAERAH BAU SARAWAK | MARYLYN ANNE ANAK MICHAEL JEALI | 275 |
| 51 | PELAKSANAAN LATIHAN KUGIRAN OLEH GURU DAN KESANNYA TERHADAP MURID DI SEKOLAH KEBANGSAAN DESA TASIK | MOHAMAD TAUFIQ SYHAMI BIN AZMI | 280 |
| 52 | PENGARUH PERKEMBANGAN KEMAHIRAN MUZIKAL KUMPULAN PENGHIBUR JALANAN DI SEKITAR DAERAH PONTIAN | NUR RAFIDAH IBTISAM BINTI IBRAHIM | 285 |
| 53 | PERSEPSI SISWA GURU IPG KAMPUS ILMU KHAS TERHADAP PENGGUNAAN ELEMEN MUZIK KETIKA PDPC | NUR-RASYIQAH IYLIA AHMAD ZAIDEE | 290 |
| 54 | KEBERKESANAN PENGAPLIKASIAN SISTEM NOTASI KEPATIHAN DALAM PERMAINAN REKODER MURID SEKOLAH RENDAH | NURSHAFIQAH BINTI HAMIDON | 296 |
| 55 | KEBERKESANAN ELEMEN IMITASI DAN LITERASI MUZIK DALAM ENSEMBEL PERKUSI MURID TAHUN TIGA | NURUL AQILAH BINTI MOHD ARIFFIN | 302 |
| 56 | PENGGUNAAN KONSEP MUZIK DALAM PEMBELAJARAN DAN PEMUDAHCARAAN OLEH GURU BAHASA MELAYU DI SEKOLAH KEBANGSAAN BATU SEMBILAN, CHERAS, SELANGOR | SHAFINI ADHIRA BINTI MOHD ZAINI | 307 |
| 57 | MENINGKATKAN KEMAHIRAN MENEPUK CORAK IRAMA MENGGUNAKAN ENSEMBEL KOMPANG DALAM KALANGAN MURID TAHUN 5 | SYUKRI BIN SUPANGAN | 312 |
| 58 | PELAKSANAAN BAHAN BANTU MENGAJAR DALAM KALANGAN GURU PENDIDIKAN MUZIK TAHAP 2 DI SEKOLAH RENDAH ZON SENTUL | WILLIBRORD SIPIN @ WILLIAM | 318 |
| 59 | MENINGKATKAN KEMAHIRAN MENEPUK CORAK IRAMA DALAM KALANGAN MURID TAHUN 5 DENGAN MENGGUNAKAN PAPAN STICK, STAY AND PLAY | ANAS FARID BIN ADIZAR | 325 |
| 60 | PELAKSANAAN PEMANASAN SUARA BAGI AKTIVITI KOIR DALAM KALANGAN PEMIMPIN KOIR DI SEKOLAH RENDAH | ANG CHONG YIN | 330 |
| 61 | PENGGUNAAN BLOK RITMA UNTUK MENINGKATKAN KEMAHIRAN MENCIPTA CORAK IRAMA DALAM KALANGAN MURID TAHUN EMPAT | CARYN TIONG WEN JIA | 335 |
| 62 | FAKTOR-FAKTOR YANG MEMPENGARUHI MINAT SISWA GURU DALAM BIDANG PENGKHUSUSAN PENDIDIKAN MUZIK DI INSTITUT PENDIDIKAN GURU | CHUAH YU TI | 340 |

| Bil. | Tajuk artikel | Nama | Halaman |
|------|---|--|---------|
| 63 | MENINGKATKAN KEMAHIRAN MEMAINKAN NOT G, A, B, C, D DENGAN REKODER MENGGUNAKAN G-GLOVE DALAM KALANGAN MURID TAHUN LIMA | ENNOS JULIAN | 346 |
| 64 | PERSEPSI SISWA GURU TERHADAP PENGINTEGRASIAN MUZIK DALAM MATA PELAJARAN BAHASA INGGERIS | EUNICE ALFRED MUKRI | 351 |
| 65 | PELAKSANAAN PENGAJARAN CORAK IRAMA DALAM KALANGAN MURID TAHUN 3 OLEH GURU MUZIK DI SEBUAH SEKOLAH DI KUALA LUMPUR - SATU KAJIAN KES | LAU WEIHAN | 356 |
| 66 | NILAI MUZIKAL DALAM KALANGAN MURID ORANG ASLI DI SEKITAR HULU LANGAT | MOHAMED NOOR FARHAN BIN NOOR AZAM | 361 |
| 67 | MENINGKATKAN KEMAHIRAN ASAS PENJARIAN REKODER DALAM KALANGAN MURID TAHUN TIGA MENGGUNAKAN TRAFFIC NOTES | NIK NUR LIYANA BINTI NIK MOHD FAUZI | 365 |
| 68 | PENGUNAAN KAEDAH MNEMONIK BERLAGU DALAM MENINGKATKAN PENGUSAAN MENGENAL NOT DALAM KLEF TREBEL | NURLIANA BINTI ARIFFIN | 370 |
| 69 | MENINGKATKAN KEMAHIRAN KAWALAN PERNAFASAN MURID TAHUN 5 DALAM PERMAINAN REKODER DENGAN MENGGUNAKAN KAEDAH LATIHAN ALAT STRAWTER | RACKHAL AMERSON JILUM RINI | 375 |
| 70 | KEBERKESANAN KAEDAH NYANYIAN TERHADAP PENGUSAAN PUISI KLASIK BAHASA CINA MURID TAHUN 3 | TIEW SYNMAN | 380 |
| 71 | FAKTOR YANG MENGHALANG PENGLIBATAN SISWA GURU WANITA SEMESTER LIMA INSTITUT PENDIDIKAN GURU KAMPUS ILMU KHAS DALAM AKTIVITI SUKAN | AFIFI AZALY BIN MUSTAPA | 387 |
| 72 | MENINJAU TAHAP PENGUSAAN GURU DALAM MENGGUNAKAN BAHAN MEDIA MUDAH ALIH DALAM PENGAJARAN PENDIDIKAN KESIHATAN | AINA KASMUNI BINTI MOHD JAHUDI | 391 |
| 73 | KESAHAN KONSTRUK INSTRUMEN MENGELECEK DAN INSTRUMEN HANTARAN DEKAT LERET SUKAN BOLA SEPAK DALAM KALANGAN MURID 10 HINGGA 12 TAHUN | ALIFF LUKMAN BIN TAWAM | 396 |
| 74 | TINJAUAN PENDIDIKAN LUAR TERHADAP PERUBAHAN SIKAP SISWA GURU PISMP MAJOR PENDIDIKAN JASMANI KURSUS PJMS 3113 | FARAH NABILA BINTI MHD 'ASRI | 401 |
| 75 | FAKTOR KEKANGAN PERSEKITARAN SEKOLAH TERHADAP PELAKSANAAN PENDIDIKAN JASMANI | MOHAMAD ALIFF MIRZA BIN ESA | 407 |
| 76 | PERSEPSI GURU PELATIH PENDIDIKAN JASMANI TERHADAP AMALAN KESELAMATAN SEMASA PEMBELAJARAN DAN PEMUDAHCARAAN (PDPC) | MOHAMAD IKRAM AMIN BIN ADANAN | 413 |

| Bil. | Tajuk artikel | Nama | Halaman |
|------|--|---|---------|
| 77 | TAHAP PENGUASAAN DAN PELAKSANAAN GURU PENDIDIKAN JASMANI DALAM MENGURUS UJIAN SEGAK | MOHD AKRAM BIN AZMAN | 417 |
| 78 | EFIKASI KENDIRI GURU PENDIDIKAN JASMANI TERHADAP PELAKSANAAN PENGAJARAN DAN PEMUDAHCARAAN PENDIDIKAN JASMANI SEKOLAH RENDAH SEKITAR ZON PUDU | MOHD NOOR AZHAR BIN MARZUKHI | 422 |
| 79 | KESEPADUAN PASUKAN SUKAN HOKI SEKOLAH SUKAN MALAYSIA BUKIT JALIL (SSBJ), KUALA LUMPUR | MUHAMAD HANAFI BIN SALIM | 428 |
| 80 | MENINJAU AMALAN PEDAGOGI ABAD KE-21 DALAM PEMBELAJARAN DAN PEMUDAHCARAAN (PDPC) DALAM KALANGAN SISWA GURU PENDIDIKAN JASMANI | NUR HAWA BINTI MOKHTAR | 433 |
| 81 | KEBOLEHPERCAYAAN DAN KESAHAN CONVERGENT INSTRUMEN KETANGKASAN DALAM KALANGAN MURID LELAKI TAHUN 4 | NUR IZZATI AKMAL BINTI NAZRILAZDIN | 438 |
| 82 | TAHAP STRES SISWA GURU OPSYEN PENDIDIKAN JASMANI IPG KAMPUS ILMU KHAS SEMASA MENJALANI PRAKTIKUM DI SEKOLAH PADA TAHUN 2018 | NURUL NADHIRAH BINTI AHMAD AYOB | 443 |
| 83 | PERBANDINGAN KESEPADUAN DALAM SUKAN BOLA JARING MALAYSIA | RAJA NURNINA QAMARINA BINTI RAJA AZLAN SHAH | 448 |
| 84 | PENGARUH MOTIVASI TERHADAP SISWA GURU AMBILAN JUN 2015 SEMASA PRGORAM BIG DI IPGKIK | WAN ABDUL HAMID BIN WAN HARUL | 453 |
| 85 | TAHAP PENGETAHUAN DAN AMALAN PEMAKANAN ATLET IPG KAMPUS ILMU KHAS. | AIMAN HAKIMIN BIN MOHD SALEH | 459 |
| 86 | HUBUNGAN PENGGUNAAN BAHAN BANTU MENGAJAR DENGAN MINAT MURID-MURID TAHUN LIMA TERHADAP PENDIDIKAN KESIHATAN | DAYANA BINTI RAZALI | 464 |
| 87 | TAHAP KEBIMBANGAN SEBELUM PERTANDINGAN DALAM KALANGAN ATLET RAGBI DI INSTITUT PENDIDIKAN GURU KAMPUS ILMU KHAS | HASLIENA BINTI HUSSIN | 468 |
| 88 | HUBUNGAN ANTARA TAHAP KECERGASAN FIZIKAL BERLANDASKAN KESIHATAN DAN PENCAPAIAN AKADEMIK MURID DI SEKOLAH KEBANGSAAN SEKSYEN 7 BANGI | MOHAMAD HAZIM BIN HAMID | 473 |
| 89 | TAHAP KEPUASAN SISWA GURU PENDIDIKAN JASMANI INSTITUT PENDIDIKAN GURU KAMPUS ILMU KHAS TERHADAP AKTIVITI PROGRAM PENDIDIKAN LUAR | MOHAMMAD AFIZFIRDAUS BIN KAMARAZAMAN | 478 |
| 90 | HUBUNGAN KEKUATAN MENTAL DENGAN TAHAP PRESTASI AKADEMIK ATLET RAGBI INSTITUT PENDIDIKAN GURU KAMPUS ILMU KHAS | MOHD HANAFI BIN SAMION | 483 |
| 91 | TAHAP KEKUATAN MENTAL PEMAIN BOLA IPGKIK | MUHAMAD AMIRUL MUKMIN BIN MD NOR | 488 |

| Bil. | Tajuk artikel | Nama | Halaman |
|------|--|-------------------------------------|---------|
| 92 | FAKTOR2 YANG MENGHALANG PENGLIBATAN KEGIATAB KOKURIKULUN SUKAN DALAM KALANGAN SISWA GURU SEMESTER 4 AMBILAN JUN 2016 DI IPGKIK | MUHAMAD NAIM BIN MOHD SAHAL | 493 |
| 93 | GAYA KEPIMPINAN KEJURULATIHAN DI SEKOLAH SUKAN BUKIT JALIL | MUHAMMAD NAZIRUL MUBIN BIN HAMIZA | 498 |
| 94 | TAHAP EFIKASI KENDIRI GURU PENDIDIKAN JASMANI DI SEKOLAH RENDAH DI DAERAH HULU LANGAT, SELANGOR | MUHAMMAD SYAHMI BIN AYUB | 502 |
| 95 | TAHAP KESEDIAN SISWA GURU PENDIDIKAN JASMANI (PJ) TERHADAP PENERAPAN KEMAHIRAN BERFIKIR ARAS TINGGI (KBAT) SEMASA SESI PEMBELAJARAN DAN PEMUDAHCARAAN (PDPC) | NUR HIDAYAHTUN SOLEHAH BINTI YAHAYA | 507 |
| 96 | KOMITMEN SUKAN DALAM KALANGAN PEMAIN RAGBI DI INSTITUT PENDIDIKAN GURU | NUR SUHAILA BINTI ZAINUDIN | 512 |
| 97 | FAKTOR MOTIVASI TERHADAP PENGLIBATAN SUKAN DALAM KALANGAN SISWA GURU DI INSTITUT PENDIDIKAN GURU KAMPUS ILMU KHAS | PUTERI AISYAH BINTI NOORDIN | 517 |
| 98 | KECEDERAAN ANTERIOR CRUCIATE LIGAMENT (ACL) DALAM KALANGAN SISWA GURU IPGKIK | SITI ARINI BINTI MOHD YUNUS | 521 |
| 99 | MENINGKATKAN KOORDINASI MATA DAN TANGAN MURID PEREMPUAN TAHUN 5 DENGAN MENGGUNAKAN KAEDAH BALL WALL - TOSS | ZURAIDA BINTI ZABIDIN | 526 |
| 100 | WORK RELATED STRESS: PRIMARY SCHOOL ENGLISH TEACHER COPING STRATEGIES | ANISAH BINTI MOHD HAIZALD | 531 |
| 101 | A STUDY OF TEACHER QUESTIONING PATTERNS IN SJK(C) PRIMARY ESL CLASSROOM | CHEW YAN HONG | 535 |
| 102 | USING "THINKING CUBES" TO ENHANCE HIGHER ORDER THINKING SKILLS (HOTS) IN READING COMPREHENSION DURING GROUP WORK AMONG SELECTED PUPILS IN YEAR 5 MERAH | GAN POH XIAN | 541 |
| 103 | ANXIETY IN ORAL PRESENTATION AMONG YEAR 5 STUDENTS IN MALAYSIAN PRIMARY ESL CLASSROOM | JESSICA TAY POH YEN | 546 |
| 104 | USING 'HOT AIR BALLOON RIDE' DIGITAL GAME TO IMPROVE LOW ACHIEVING PUPILS USE OF INTERROGATIVE PRONOUNS | LEE JIA YI | 551 |
| 105 | EXPLORING ENGLISH LANGUAGE TEACHERS' USE OF BAHASA MALAYSIA IN THE PRIMARY ESL CLASSROOM | MANISHA VALLI A/P P.GANASON | 556 |

| Bil. | Tajuk artikel | Nama | Halaman |
|------|--|-----------------------------------|---------|
| 106 | IMPROVING PUPILS' COMPREHENSION OF NARRATIVE TEXTS BY USING "STOMAJIGSAW" STRATEGY AMONG SELECTED PUPILS IN YEAR 5 BUNGA | MAYA FUSPALIA BINTI JUSMAN | 563 |
| 107 | IMPROVING PUPILS' PARTICIPATIONS IN WRITING LESSONS BY USING STORYBIRD AMONG SELECTED PUPILS IN YEAR 5 ILTIZAM | MUHAMMAD HAZIM BIN MISWAN | 568 |
| 108 | USING CCCCS TO IMPROVE SIMPLE SENTENCE CONSTRUCTION IN PRESENT CONTINUOUS TENSE AMONG SELECTED LOW PROFICIENCY PUPILS OF YEAR 3 HIJAU | PHOON WEN YUN | 573 |
| 109 | USING "ILLUMINATED LEARNING" TO IMPROVE SELECTED PUPILS' LEARNING OF PREPOSITION IN YEAR 5 ROSE | SHARULATHA A/P NERU | 579 |
| 110 | FACTORS IN THE WORK ENVIRONMENT THAT CONTRIBUTE TO ESL TEACHER RETENTION IN AN URBAN GOVERNMENT-AIDED CHINESE PRIMARY SCHOOL | TAN HUI EN | 585 |
| 111 | FACTORS CONTRIBUTING TO CODE-SWITCHING AMONG ENGLISH TEACHERS AND PUPILS IN A MALAYSIAN PRIMARY ENGLISH CLASSROOM. | AQIB ASYRAF BIN RAMLI | 592 |
| 112 | USING MAP-PAIR-SHARE STRATEGY (MPS) TO IMPROVE NARRATIVE READING COMPREHENSION AMONG THE SELECTED LOW PROFICIENCY YEAR 4 PENYAYANG PUPILS | FOO HUI HUA | 595 |
| 113 | USING SANDWICH WRITING TEMPLATE TO IMPROVE ORGANISATION OF IDEAS IN PARAGRAPH WRITING AMONG SELECTED PUPILS IN YEAR 5 DELIMA | JOANNA JOHN | 600 |
| 114 | FACTORS CONTRIBUTING TO YEAR 4 PUPILS RELUCTANCE TO ORALLY RESPOND TO THE TEACHER IN A CHINESE PRIMARY ESL CLASSROOM | KOH XIAO CHEE | 605 |
| 115 | USING ADAPTED SONG LYRICS TO IMPROVE SELECTED YEAR 5 MERAH PUPILS' LEARNING OF SIMPLE PRESENT AND SIMPLE PAST TENSE | LEE KE XIN | 612 |
| 116 | NILAM PROGRAMME: DOES TEACHER'S SELECTION OF ENGLISH READING TEXTS HELP PROMOTES PUPILS' INTEREST IN READING | MARINA BINTI MAMUD | 618 |
| 117 | ESL TEACHER TRAINEE'S PERCEPTIONS TOWARDS NON-STREAMING CLASSROOM PRACTICE IN THE MALAYSIAN ESL CLASSROOM | MUHAMMAD AKID AQWA BIN MOHD SAIDI | 623 |
| 118 | A STUDY OF PARENTS' QUALITY TIME SPENT WITH CHILDREN AND THEIR COMMUNICATION STYLES' IMPACTS ON STUDENTS' PARTICIPATION IN THE PRIMARY ESL CLASSROOM | NUR FASIAH BINTI RAMLY | 629 |

| Bil. | Tajuk artikel | Nama | Halaman |
|------|--|--|---------|
| 119 | USING FILM STRIP AND QUESTIONING TO IMPROVE SEQUENCING SKILL OF ENGLISH NARRATIVE TEXTS AMONG YEAR 5 LOW PROFICIENCY PUPILS | NURASYIKIN BINTI MADDU | 635 |
| 120 | FACTORS AFFECTING TEACHERS' CHOICE OF APPROACHES IN TEACHING VERB TENSES IN THE PRIMARY ESL CLASSROOM | NURUL FAKHIRA ZAKIRAH BINTI MOHD NAZLI | 639 |
| 121 | USING PEER-PICTURE-PROMPT (3PS) BOARD GAME TO IMPROVE ORAL EXPRESSION OF IDEAS AMONG SELECTED LOW-PROFICIENCY PUPILS OF YEAR 4 HARMONI | TAN CHIN HUI | 645 |
| 122 | SCHOOL-BASED ASSESSMENT: ESL TEACHERS' READINESS IN THE IMPLEMENTATION OF SBA IN SELECTED PRIMARY SCHOOLS IN KUALA LUMPUR | YULIANI BINTI OSMAN | 650 |

G8.1 Pendidikan Khas-Masalah Pendengaran



PERSEPSI SISWA GURU PENGKHUSUSAN PENDIDIKAN KHAS MASALAH PENDENGARAN TERHADAP PENGALAMAN PRAKTIKUM

FARAH NUR SYAHIRAH BINTI ALWI
Jabatan Pendidikan Khas

Pensyarah Pembimbing
EN. ARMAN BIN AB SANI

ABSTRAK

Kajian ini dijalankan untuk meninjau persepsi siswa guru pengkhususan Pendidikan Khas Masalah Pendengaran terhadap pengalaman praktikum dari aspek pembangunan sikap dan peningkatan kemahiran profesional. Responden kajian ini adalah seramai 28 orang siswa guru yang terdiri daripada siswa guru pengkhususan Pendidikan Khas Masalah Pendengaran yang telah mempunyai pengalaman praktikum selama dua fasa. Instrumen kajian yang digunakan merupakan satu set borang soal selidik yang ditadbir ke atas sampel siswa guru melalui aplikasi google form. Data dianalisis menggunakan statistik deskriptif yang melibatkan skor min dan sisihan piawai. Dapatan kajian menunjukkan secara keseluruhannya, mata bagi mengukur tahap pembangunan sikap ialah pada tahap tinggi iaitu nilai min sebanyak 4.23 dan sisihan piawai 0.51. Seterusnya, tahap peningkatan kemahiran profesional pula berada pada tahap yang sangat tinggi iaitu nilai min sebanyak 4.30 dan sisihan piawai 0.51. Untuk kajian seterusnya, dicadangkan agar saiz sampel dibesarkan dan dibuat terhadap semua siswa guru berlainan amalan dan pengkhususan. Objektif lain juga boleh ditambah dalam kajian lanjutan seperti mengenal pasti tahap kesediaan perancangan pengajaran siswa guru dalam program latihan mengajar dan mengenal pasti tahap kesediaan amalan refleksi siswa guru dalam program latihan mengajar. Dapatan kajian ini diharapkan dapat memberi panduan kepada pihak yang terlibat untuk sentiasa memberi perhatian terhadap pembangunan sikap dan kemahiran profesional siswa guru yang bakal bergelar guru.

Kata Kunci: Praktikum, pembangunan sikap, kemahiran profesional, siswa guru

ABSTRACT

This study was conducted to examine the perceptions of trainee teachers majoring in special education of hearing impaired towards the practical experience from the aspects such as their attitude and professional skills development. The respondents of this study were 28 trainee teachers in Special Education of Hearing impaired and have gone through 2 phases of practical. The instrument used in this study is survey distributed using *Google Forms*. The data were analyzed using descriptive statistic involving mean score and standard deviation. The findings of the study show that the attitude development is high with a mean value of 4.23 and standard deviation of 0.51. The study highlighted that the professionalism of trainee teachers is at a high level with mean value of 4.30 and standard deviation of 0.51. For further studies, it is proposed to increase the sample size and to carry out on trainee teachers from other courses. Other objectives may also be added in further studies such as identifying the level of readiness of the trainee teacher's lesson planning in teaching, and identifying the level of preparedness of trainee teachers' reflection in teaching. The findings of this study are expected to provide guidance to the parties concerned to always pay attention to the attitudes development and professional skills constructed for future teachers.

Keywords: Practicum, attitude development, professional skills, teacher students

Emel: farahsyahirahalwi@gmail.com

1.0 PENGENALAN

Falsafah Pendidikan Guru telah menyatakan bahawa, seorang guru perlu mempunyai sikap berpekeri mulia, berpandangan progresif dan saintifik, bersedia mendukung aspirasi negara serta menyanjung warisan kebudayaan negara seterusnya menjamin perkembangan individu dan memelihara satu masyarakat yang bersatu-padu, demokratik, progresif dan berdisiplin. Seorang pendidik juga perlu mempunyai ciri-ciri profesionalisme yang lazimnya dikaitkan dengan sesuatu profesion. Berdasarkan

kenyataan ini, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah memberi tanggungjawab penuh kepada Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM) untuk mengeluarkan guru yang mampu menggalas amanah tersebut (KPM 2003). KPM juga telah mewajibkan semua siswa guru di IPGM menjalani praktikum ataupun latihan mengajar sebagai latihan dalam menjadi seorang guru. Hal ini kerana, IPGM mempunyai misi untuk melaksanakan sistem pendidikan guru yang bertaraf dunia demi memastikan guru-guru sentiasa berketerampilan bagi memenuhi aspirasi KPM.

Menurut Syed Ismail Syed Mustapa dan Lye Guet Poh (2016), melalui program praktikum, siswa guru akan memperoleh pengalaman sebenar sebagai seorang guru. Siswa guru dikehendaki menerima dan mematuhi amalan kerja keguruan yang meliputi tugas-tugas pengajaran di samping tugas-tugas bukan mengajar. Semasa menjalani praktikum inilah siswa guru akan belajar menjadi guru dengan mempraktikkan teori-teori pendidikan yang mereka telah pelajari di IPGM. Abdul Hakim, Mustafa, Rahimah dan Ilni Suhada, (2014) mendapati bahawa pengalaman praktikum dapat membentuk sikap, memperkembangkan kemahiran profesion guru pelatih dan memantapkan mereka ketika menguruskan permasalahan yang dihadapi.

2.0 PERNYATAAN MASALAH

Kepentingan pembangunan sikap dan pembangunan profesional adalah sesuatu yang memang tidak dapat dinafikan. Seorang guru perlulah mempunyai sikap yang sentiasa positif dan baik untuk menjadi contoh kepada murid-murid. Hal ini kerana perkembangan negatif akan menjadi punca utama kepada kemerosotan proses pengajaran dan dianggap kualiti pengajaran tidak berkesan, tidak cekap dan berkualiti rendah (Khairul Anwar Bakar, 2014). Kajian-kajian lampau kebanyakannya hanya tertumpu kepada pelajar daripada institut atau universiti mereka masing-masing. Sehubungan itu, pengkaji ingin menjalankan satu kajian terhadap Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas bagi menjawab persoalan apakah persepsi siswa guru terhadap pengalaman praktikum dari aspek pembangunan sikap dan peningkatan kemahiran profesional.

3.0 OBJEKTIF KAJIAN DAN PERSOALAN KAJIAN

Objektif kajian ini adalah untuk:

1. Menilai persepsi siswa guru terhadap pengalaman praktikum dari aspek pembangunan sikap.
2. Menilai persepsi siswa guru terhadap pengalaman praktikum dari aspek peningkatan kemahiran profesional.

Kajian ini dilaksanakan untuk menjawab soalan kajian berikut:

1. Apakah persepsi siswa guru terhadap pengalaman praktikum dari aspek pembangunan sikap?
2. Apakah persepsi siswa guru terhadap pengalaman praktikum dari aspek peningkatan kemahiran profesional?

4.0 METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif yang berbentuk deskriptif—secara tinjauan yang menggunakan borang soal selidik untuk mengumpulkan maklumat dan data. Soal selidik yang digunakan untuk kajian ini telah disesuaikan daripada instrumen Abdul Hakim Abdullah et al. (2014). Instrumen kajian terbahagi kepada tiga bahagian iaitu bahagian A melibatkan tentang maklumat Responden, Bahagian B adalah mengenai persepsi tentang pembangunan sikap dan Bahagian C pula adalah mengenai persepsi tentang peningkatan kemahiran profesional. Sampel kajian terdiri daripada 28 orang siswa guru Pengkhususan Pendidikan Khas Masalah Pendengaran semester 7 di Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas. Data-data yang diperoleh dianalisis menggunakan statistik deskriptif. Statistik ini merangkumi min dan sisihan piawai bagi menjelaskan semua dapatan yang dikaji. Data-data yang diperoleh dianalisis menggunakan program perisian SPSS versi 22.0. Skala pengukuran skor min diukur berdasarkan interpretasi skor min oleh *Bahagian Perancangan & Penyelidikan Dasar Pendidikan (BPPDP, 2006)* iaitu Tahap sangat rendah = Min (1.00-1.89), Tahap rendah = Min (1.90-2.69), Tahap sederhana = Min (2.70-3.49), Tahap Tinggi = Min (3.50-4.29), dan Tahap Sangat Tinggi = Min (4.30-5.00).

5.0 DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Berdasarkan analisis data yang telah dijalankan, min keseluruhan bagi Bahagian B iaitu berkaitan pembangunan sikap, adalah 4.23. 12 item berada pada tahap tinggi, manakala enam item berada pada tahap yang sangat tinggi. Dua item yang mempunyai min tertinggi adalah item 8 dan item 13. Kemudian, bagi tiga item dengan min terendah ialah item 9, item 16 dan item 17.

Dapatan ini selari dengan dapatan kajian Abdul Hakim Abdullah et al. (2014), di mana hasil kajian mereka memperlihatkan sebahagian besar responden bersetuju bahawa latihan praktikum berjaya membangunkan sikap-sikap positif ke dalam diri mereka. Dapatan kajian ini juga selari dengan kajian yang telah dibuat oleh Suhana Mohamed Lip, Sapie Sabilan, Mohamad Fuad Ishak, Suziana Hanini Sulaiman, & Mohd Faez Ilias (2016). Kajian tersebut mendapati kesan latihan mengajar secara keseluruhan terhadap sikap guru pelatih berada pada tahap tinggi dengan min 4.23.

Dapatan ini juga telah disokong oleh Mohd Nasir Ripin, Azhar Muhammad, dan Siti Hajar Dawad (2012) yang telah mendapati pelajar berminat terhadap pengajaran dan guru-guru pelatih ini telah mencatatkan pencapaian yang positif pada pandangan pelajar. Dapatan ini dirumuskan seperti dalam Jadual 1.

Jadual 1
Persepsi tentang Pembangunan Sikap

| No | Item | Min | SP | Tahap |
|-------------|--|------|------|---------------|
| 1. | Saya sentiasa bersikap positif | 4.14 | 0.53 | Tinggi |
| 2. | Saya sentiasa amanah dalam melakukan setiap tugas | 4.25 | 0.44 | Tinggi |
| 3. | Saya mempunyai sikap yang bertanggungjawab | 4.39 | 0.50 | Sangat Tinggi |
| 4. | Saya sentiasa tekun dalam semua tugas | 4.14 | 0.36 | Tinggi |
| 5. | Saya sentiasa bersikap adil | 4.14 | 0.53 | Tinggi |
| 6. | Saya amat menitikberatkan penampilan | 4.36 | 0.56 | Sangat Tinggi |
| 7. | Saya mempunyai fikiran yang rasional | 4.14 | 0.45 | Tinggi |
| 8. | Saya amat komited dalam menjalankan tugas | 4.46 | 0.51 | Sangat Tinggi |
| 9. | Saya sentiasa berdisiplin | 4.00 | 0.61 | Tinggi |
| 10. | Saya sangat menepati masa | 4.18 | 0.40 | Tinggi |
| 11. | Saya mudah bekerjasama dengan rakan yang lain | 4.43 | 0.57 | Sangat Tinggi |
| 12. | Saya tidak mengharapkan pujian | 4.36 | 0.56 | Sangat Tinggi |
| 13. | Saya sentiasa memperbaiki diri | 4.46 | 0.51 | Sangat Tinggi |
| 14. | Saya tahan menghadapi cabaran | 4.14 | 0.59 | Tinggi |
| 15. | Saya bekerja secara sukarela walau lepas waktu bekerja | 4.14 | 0.53 | Tinggi |
| 16. | Saya hadir awal ke sekolah | 4.04 | 0.64 | Tinggi |
| 17. | Saya bijak mengurus masa | 4.04 | 0.43 | Tinggi |
| 18. | Saya mudah menyesuaikan diri | 4.29 | 0.54 | Tinggi |
| KESELURUHAN | | 4.23 | 0.51 | Tinggi |

Berdasarkan analisis data yang telah dijalankan, bagi Bahagian C iaitu berkaitan peningkatan kemahiran profesional min keseluruhan adalah 4.30. 12 item berada pada tahap tinggi, manakala 10 item berada pada tahap yang sangat tinggi. Item 17 merupakan item yang mempunyai min tertinggi. Bagi item yang mendapat skor min yang terendah ialah item ke 20.

Hasil analisis keseluruhan min persepsi siswa guru tentang peningkatan kemahiran profesional ialah 4.30 dan sisihan piawai 0.51. Hal ini menunjukkan persepsi siswa guru tentang peningkatan kemahiran profesional berada pada tahap yang sangat tinggi. Antara dapatan yang tergolong pada tahap yang sangat tinggi ialah daripada item yang pertama. Dapatan ini telah menunjukkan siswa guru sentiasa mengasah pelbagai kemahiran profesional mereka untuk menjadi sorang guru yang profesional sepanjang menjalani praktikum. Dapatan kajian ini telah disokong oleh dapatan kajian Mahaya Salleh (2016) yang menunjukkan peningkatan dan perubahan positif pola perkembangan Identiti Profesional Guru mempunyai hubungan langsung dengan tempoh masa latihan praktikum. Semakin lama masa

guru pelatih menjalani latihan praktikum, maka semakin stabil perkembangan Identiti Profesional Guru dalam diri mereka.

Hasil dapatan kajian ini telah menyokong teori identiti sosial yang diutarakan oleh Tajfel dan Turner (1979) yang mendasari kajian ini. Ini dapat dilihat apabila skor min keseluruhan adalah pada tahap tinggi. Hal ini berlaku kerana siswa guru menjalani praktikum secara berkumpulan antara empat hingga lima orang di sesebuah sekolah. Sebagai bakal guru, kemungkinan individu berkenaan akan mengamalkan identiti seorang guru dan mula bertindak dengan cara seorang guru harus bertindak di samping mematuhi norma-norma kumpulan. Rumusan dapatan untuk konstruk peningkatan kemahiran profesional adalah seperti dalam Jadual 2.

Jadual 2
Persepsi tentang Peningkatan Kemahiran Professional

| No | Item | Min | SP | Tahap |
|-------------|--|------|------|---------------|
| 1. | Saya sentiasa mengasah pelbagai kemahiran profesional | 4.43 | 0.50 | Sangat Tinggi |
| 2. | Saya mempelbagaikan teknik peningkatan ilmu pengetahuan | 4.14 | 0.45 | Tinggi |
| 3. | Saya mendapatkan bahan media untuk peningkatan ilmu | 4.43 | 0.63 | Sangat Tinggi |
| 4. | Saya mempraktikkan pengetahuan bahasa isyarat | 4.36 | 0.56 | Sangat Tinggi |
| 5. | Saya sentiasa memperbaiki kemahiran bahasa isyarat | 4.43 | 0.50 | Sangat Tinggi |
| 6. | Saya sentiasa berinteraksi dengan murid | 4.11 | 0.43 | Tinggi |
| 7. | Saya sentiasa berinteraksi dengan para guru | 4.21 | 0.50 | Tinggi |
| 8. | Saya mengajar kelas pelbagai perbezaan tahap murid | 4.21 | 0.63 | Tinggi |
| 9. | Saya mempraktikkan pendekatan pusat murid | 4.46 | 0.58 | Sangat Tinggi |
| 10. | Saya mengendalikan langkah-langkah pengajaran dengan baik | 4.21 | 0.42 | Tinggi |
| 11. | Saya mempelbagaikan teknik set induksi | 4.21 | 0.50 | Tinggi |
| 12. | Saya sentiasa mempertingkatkan kemahiran penyampaian | 4.29 | 0.46 | Tinggi |
| 13. | Saya mempelbagaikan kaedah pengajaran | 4.32 | 0.48 | Sangat Tinggi |
| 14. | Saya mewujudkan suasana demokratik semasa proses pengajaran | 4.18 | 0.39 | Tinggi |
| 15. | Saya mewujudkan interaksi guru-murid yang mesra | 4.54 | 0.51 | Sangat Tinggi |
| 16. | Saya membangkitkan motivasi murid | 4.36 | 0.49 | Sangat Tinggi |
| 17. | Saya menggunakan teknik pujian dan galakan semasa pengajaran | 4.64 | 0.49 | Sangat Tinggi |
| 18. | Saya mempelbagaikan teknik penyooalan | 4.32 | 0.48 | Sangat Tinggi |
| 19. | Saya menguruskan penggunaan papan tulis yang efektif | 4.14 | 0.65 | Tinggi |
| 20. | Saya menggunakan buku teks dengan berkesan | 4.07 | 0.72 | Tinggi |
| 21. | Saya mempelbagaikan sumber pengajaran dan pembelajaran | 4.43 | 0.50 | Sangat Tinggi |
| 22. | Saya mengawal kelas dengan berkesan | 4.11 | 0.42 | Tinggi |
| KESELURUHAN | | 4.30 | 0.51 | Sangat Tinggi |

6.0 KESIMPULAN, CADANGAN DAN IMPLIKASI

Kajian ini telah menjawab dua persoalan iaitu tentang apakah persepsi siswa guru terhadap pengalaman praktikum dari aspek pembangunan sikap dan apakah persepsi siswa guru terhadap peningkatan kemahiran profesionalisme. Hasil kajian mendapati bahawa persepsi siswa guru terhadap pengalaman praktikum dari aspek pembangunan sikap berada pada tahap yang tinggi dengan min sebanyak 4.23 dan sisihan piawai 0.51 manakala persoalan yang kedua iaitu tentang persepsi siswa guru terhadap pengalaman praktikum dari aspek peningkatan kemahiran profesionalisme mendapati berada pada tahap yang sangat tinggi dengan min sebanyak 4.30 dan sisihan piawai 0.51. Hasil dapatan menunjukkan siswa guru mempunyai pembangunan sikap dan peningkatan kemahiran profesional yang baik sepanjang menjalani praktikum selama dua fasa. Hasil dapatan kajian ini dapat menjawab kedua-dua persoalan yang ditetapkan oleh pengkaji.

Sebagai cadangan kajian lanjutan, pengkaji mencadangkan kepada pengkaji akan datang agar saiz sampel kajian dibesarkan supaya dapatan kajian dapat digeneralisasikan di samping memperoleh

dapatan yang lebih tepat dan menambah kuasa ujian. Seterusnya, beberapa perkara lain yang boleh ditambahkan sebagai objektif kajian lanjutan adalah seperti mengenal pasti tahap kesediaan perancangan pengajaran siswa guru dan tahap kesediaan amalan refleksi siswa guru dalam program latihan mengajar.

Implikasi kajian ini melihat siswa guru dapat merefleksi diri mereka sepanjang menjalani praktikum sebanyak dua fasa. Kajian yang dijalankan ini telah membantu pensyarah pembimbing dan guru pembimbing mencari maklumat dan idea untuk mempertingkatkan lagi prestasi siswa guru serta membantu mereka menerapkan sikap dan peningkatan kemahiran profesion sebagai seorang guru dengan berkesan. Insititut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas (IPGKIK) dan Jabatan Pendidikan Khas (JPK) harus melakukan penyelidikan bagi meningkatkan prestasi dan kualiti pengurusan amalan profesional untuk melahirkan siswa guru yang berkualiti, cemerlang dan berdaya saing. Kajian ini diharapkan dapat membantu pihak IPGM dalam meningkatkan mutu pendidikan dan kualiti guru pada masa akan datang.

RUJUKAN

- Abdul Hakim, Mustafa, Rahimah & Ilni Suhada. (2014). Perpepsi terhadap pengalaman praktikum dalam kalangan guru pelatih Pendidikan Islam. Seminar Kebangsaan Majlis Dekan-dekan Pendidikan IPTA.
- Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan (2006). Pelan Induk Pembangunan Pendidikan 2006-2010/ Putrajaya: Kementerian Pelajaran Malaysia
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (2003). *Standard kualiti pendidikan Malaysia-Sekolah: pernyataan standard*. Kuala Lumpur: Jemaah Nazir Sekolah, Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Khairul Anwar Bakar. (2014). *Tahap kesediaan guru pelatih Institut Pendidikan Guru dalam latihan mengajar*. Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional
- Mahaya Salleh. (2016). *Keberkesanan latihan praktikum berasaskan kepada perkembangan identiti profesional guru pelatih di Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM)*. Tesis Ijazah Doktor Falsafah.
- Mohd Nasir Ripin, Azhar Muhammad & Siti Hajar Dawad. (2012). Pencapaian Guru pelatih Pendidikan Islam UTM dalam latihan praktikum mengikut persepsi pelajar. *Jurnal Teknologi*, 58 (1), 127-133.
- Syed Ismail Syed Mustapa & Lye Guet Poh. (2016). Tahap stres siswa pendidik ipg kampus ilmu khas semasa. *Jurnal Penyelidikan Tempawan*. Jilid XXXIII , 137-152.
- Suhana Mohamed Lip, Sapie Sabilan, Mohamad Fuad Ishak, Suziana Hanini Sulaiman, & Mohd Faez Ilias. (2016). Kesan latihan mengajar terhadap perubahan sikap dari perspektif guru pelatih Diploma Perguruan. *International Conference on Islamic Education and Research 2016 (ICIER2016)*., 20-31.
- Tajfel, H., & Turner, J. C. (1979). An integrative theory of intergroup conflict. *The social psychology of intergroup relations.*, 33, 47

**MENINGKATKAN KEMAHIRAN MENGGUNAKAN IMBUHAN AWALAN meN-
MURID KETIDAKUPAYAAN PENDENGARAN TAHUN 3
MENGGUNAKAN KINCIR WAHU**

NATASHA BINTI GHAZI
Jabatan Pendidikan Khas

Pensyarah Pembimbing
DR. MASITAH BINTI TAIB

ABSTRAK

Kajian ini dijalankan untuk meningkatkan kemahiran menggunakan imbuhan awalan meN- bagi murid ketidakupayaan pendengaran tahun 3 menggunakan Kincir WAHU. Seorang murid perempuan tahun 3 dipilih sebagai murid kajian. Pengumpulan data awal mendapati murid tidak dapat menguasai imbuhan awalan meN-. Tahap penguasaan kemahiran imbuhan awalan meN- adalah lemah, contohnya menggunakan kata dasar sahaja tanpa menambahkan imbuhan awalan meN- terhadap kata kerja yang digunakan dalam ayat seperti 'Kakak sapu sampah'. Berdasarkan Teori Pembelajaran Konstruktivisme, keseimbangan (*equilibrasi*) dapat dicapai apabila murid melalui tiga proses utama iaitu skema, penyerapan (asimilasi) dan pengubahsuaian (akomodasi). Kaedah pengumpulan data yang digunakan adalah ujian pra dan pasca, ujian pencapaian, analisis dokumen dan temu bual. Dapatan kajian menunjukkan terdapat perbezaan peningkatan dalam skor markah ujian pasca berbanding ujian pra, peningkatan dalam skor markah ujian pencapaian serta peningkatan prestasi pada lembaran kerja yang diberikan pada langkah-langkah tindakan. Hasil dapatan melalui kaedah analisis dokumen dan temu bual juga menunjukkan bahawa murid dapat menguasai kemahiran imbuhan awalan meN-. Antara cadangan yang dikemukakan untuk tindakan susulan ialah dengan mengubahsuaikan Kincir WAHU pada saiz yang lebih kecil, diinovasikan dalam bentuk *powerpoint* interaktif dan tidak menggunakan warna dalam Kincir WAHU.

Kata Kunci: Murid ketidakupayaan pendengaran, imbuhan awalan meN-, Kincir WAHU

ABSTRACT

This research was conducted to increase the use of the prefix meN- for a Year 3 with hearing impairment using Kincir WAHU. A Year 3 female pupil, is selected as the study participant. The purpose of this study to help the study participant in increase the use of meN- prefix using Kincir WAHU. The first data collection found that study participant could not master the meN- prefix. The level of mastery of the meN- prefix skills is weak, for example using the basic word without adding a meN- prefix to the verb used in a sentence like "Kakak sapu sampah". Based on the theory of Constructivism Learning, the study participants managed to achieve a balance in the study through the schemes, absorption, modification (accommodation) and equilibration. The data collection methods consisted of pre and post trials, achievement tests, document analysis and interviews. The findings show that there are differences between in scores of post-test compared to pre-test, significant improvement in score of achievement test marks and worksheets by the study participant in the research. The result of documents and interviews analysis also showed the use of the prefix meN- has increased by study participant. This study proposes some modification of the Kincir WAHU it smaller in size, innovated in interactive powerpoint and without using colour in Kincir WAHU.

Keywords: Hearing impairment pupil, prefix meN-, Kincir WAHU

Emel: natashaghazi@gmail.com

1.0 PENGENALAN

Penguasaan tatabahasa merupakan asas utama dalam menguasai sesuatu bahasa. Walau bagaimanapun, terdapat banyak perkara terutamanya tatabahasa yang seolah-olah tidak mampu dikuasai oleh murid ketidakupayaan pendengaran sehingga berlakunya kesalahan tatabahasa bagi proses pengimbuhan dalam penulisan mereka (Nor Hidayah Md Khanapiah, 2016). Hal ini disebabkan Bahasa Melayu merupakan bahasa kedua bagi murid ketidakupayaan pendengaran (Abdullah Yusoff,

1994; Shahrul Arba'iah Othman, 2001) dan penulisan imbuhan adalah terlalu kompleks bagi mereka. Berdasarkan pengalaman praktikum, saya turut mengenal pasti berkaitan dengan isu tersebut dalam kalangan murid ketidakupayaan pendengaran tahun 3. Hasil daripada penandaan latihan membina ayat, saya dapati murid menggunakan kata dasar sahaja tanpa menambahkan imbuhan awalan meN- terhadap kata kerja yang digunakan, sebagai contohnya, 'Kakak sapu sampah'. Ini disebabkan, murid masih tidak begitu memahami dan menguasai rumus tatabahasa terutamanya konsep imbuhan awalan meN- bagi kata dasar "sapu" menjadi perkataan berimbuhan "menyiram". Tambahan lagi, saya dapati murid ketidakupayaan pendengaran kurang berminat dalam aktiviti membaca yang melibatkan kosa kata dan tatabahasa. Justeru, pemilihan intervensi yang sesuai dalam kajian ini dapat membantu murid untuk meningkatkan konsep imbuhan awalan meN- murid ketidakupayaan pendengaran tahun 3 dengan menggunakan Kincir WAHU.

2.0 FOKUS KAJIAN

Sebelum melaksanakan proses tindakan, saya telah menjalankan pengumpulan data awal untuk mengenal pasti masalah atau isu murid yang perlu ditangani dalam pembelajaran Bahasa Melayu menggunakan tiga kaedah iaitu ujian diagnostik, analisis dokumen dan temu bual. Ketiga-tiga kaedah tersebut mendapati bahawa murid ketidakupayaan pendengaran tahun 3 menghadapi masalah dalam kemahiran imbuhan awalan meN-. Bagi mengatasi masalah tersebut, fokus kajian ini dijalankan untuk meningkatkan kemahiran imbuhan awalan meN- murid ketidakupayaan pendengaran tahun 3 dengan menggunakan Kincir WAHU. Selain itu, kajian ini juga melibatkan kata dasar yang bermula dengan huruf k, p, s dan t sahaja. Empat huruf pertama kata dasar tersebut akan berubah menjadi huruf ng, m, ny dan n apabila menerima imbuhan awalan meN-, sebagai contohnya huruf 's' menjadi huruf 'ny' seperti 'me- + siram = 'menyiram'. Berdasarkan Teori Pembelajaran Konstruktivisme, keseimbangan (*equilibrasi*) terhadap penguasaan kemahiran imbuhan awalan meN- dapat dicapai apabila murid melalui tiga proses utama iaitu skema, penyerapan (asimilasi) dan pengubahsuaian (akomodasi). Justeru, penggunaan Kincir WAHU dalam kajian ini merupakan tindakan yang tepat kerana menjadi intervensi untuk membantu murid ketidakupayaan pendengaran tahun 3 dalam meningkatkan kemahiran imbuhan awalan meN-

3.0 OBJEKTIF KAJIAN DAN PERSOALAN KAJIAN

3.1 Objektif Umum

Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk meningkatkan kemahiran menggunakan imbuhan awalan meN- murid ketidakupayaan pendengaran tahun 3 dengan menggunakan Kincir WAHU.

3.2 Objektif Khusus

Pada akhir kajian, murid ketidakupayaan pendengaran tahun 3 boleh:

- Menukarkan kata dasar yang bermula dengan huruf k, p, s dan t kepada perkataan berimbuhan awalan meN- dengan betul bagi murid ketidakupayaan pendengaran tahun 3 dengan menggunakan Kincir WAHU.
- Menggunakan perkataan berimbuhan awalan meN- bagi kata dasar yang bermula huruf k, p, s dan t dalam ayat dengan betul bagi murid ketidakupayaan pendengaran tahun 3 dengan menggunakan Kincir WAHU.

3.3 Soalan Kajian

- Adakah Kincir WAHU dapat membantu murid ketidakupayaan pendengaran tahun 3 bagi menukarkan kata dasar yang bermula dengan huruf k, p, s dan t kepada perkataan berimbuhan awalan meN- dengan betul?
- Adakah Kincir WAHU dapat membantu murid ketidakupayaan pendengaran tahun 3 bagi menggunakan imbuhan awalan meN- bagi kata dasar yang bermula dengan huruf k, p, s dan t dalam ayat dengan betul?


4.0 PESERTA KAJIAN

Kajian ini melibatkan seorang murid perempuan ketidakupayaan pendengaran tahun 3 yang bersekolah di sebuah Sekolah Kebangsaan Pendidikan Khas (SKPK) di Perak. Murid adalah berbangsa Melayu dan beragama Islam. Murid dipilih melalui keputusan kaedah pengumpulan data awal melalui tiga

instrumen iaitu ujian diagnostik, analisis dokumen serta temu bual bersama-sama guru mata pelajaran Bahasa Melayu.

5.0 TINDAKAN YANG DIJALANKAN

Kincir WAHU telah membantu murid ketidakupayaan pendengaran tahun 3 dalam meningkatkan kemahiran imbuhan awalan meN-. Intervensi ini menfokuskan kepada dua belas kata dasar yang bermula dengan huruf k, p, s dan t (kawal, kutip, kupas, pandu, potong, pakai, sapu, sandang, siram, tulis, tangkap, tunggang). Terdapat tujuh tindakan yang telah dijalankan bagi meningkatkan kemahiran imbuhan awalan meN- murid ketidakupayaan pendengaran tahun 3 dalam masa empat minggu semasa tempoh praktikum seperti yang tertera dalam Rajah 1.




Rajah 1. Tindakan yang dijalankan

Kaedah pengumpulan data yang digunakan dalam kajian ini adalah ujian, analisis dokumen serta temu bual. Ujian pra, ujian pasca dan ujian pencapaian dianalisis secara deksriptif menggunakan peratusan markah manakala analisis dokumen dan temu bual dianalisis secara kualitatif.

6.0 DAPATAN KAJIAN

Hasil daripada dapatan, saya telah dapati bahawa pengumpulan data melalui ujian pra dan ujian pasca, analisis dokumen dan temu bual dapat menjawab persoalan-persoalan tersebut. Oleh itu, dapatan kajian untuk ujian pra dan ujian pasca, ujian pencapaian, analisis dokumen dan temu bual diterangkan seperti yang berikut.

6.1 Ujian Pra dan Ujian Pasca




Rajah 2. Perbandingan keputusan ujian pra dan ujian pasca

Rajah 2 menunjukkan perbandingan keputusan ujian pra dan ujian pasca dalam setiap bahagian A, bahagian B, bahagian C dan bahagian D. Bagi menjawab kedua-dua persoalan, dapatan kajian jelas

menunjukkan terdapat perbezaan yang ketara antara keputusan skor markah ujian pra dengan ujian pasca bagi setiap bahagian. Oleh itu, jumlah markah keseluruhan bagi keempat-empat bahagian telah menunjukkan keputusan ujian pra murid berada pada tahap belum mencapai tahap minimum iaitu 11 daripada 48 markah penuh, 22.9% manakala ujian pasca berada pada tahap cemerlang iaitu 41 daripada 48 markah penuh, 85.4%. Secara keseluruhannya, dapatan keputusan menunjukkan bahawa peningkatan yang sangat ketara iaitu sebanyak 62.5% antara ujian pasca dengan ujian pra.

6.2 Ujian Pencapaian



Rajah 3. Perbandingan keputusan ujian pencapaian I dan ujian pencapaian II

Rajah 3 menunjukkan perbandingan keputusan ujian pencapaian I dan ujian pencapaian II dalam bahagian A (menukarkan kata dasar kepada perkataan berimbuhan awalan meN-) dan bahagian B (menggunkan perkataan berimbuhan awalan meN- dalam ayat). Kedua-dua ujian tersebut tidak menunjukkan perbandingan keputusan skor markah yang ketara bagi setiap bahagian. Ujian pencapaian memperoleh markah sebanyak 14 daripada 16 markah penuh, 87.5% manakala ujian pencapaian II memperoleh markah 15 daripada 16 markah penuh, 93.7%. Oleh itu, keputusan markah kedua-dua ujian tersebut jelas menunjukkan bahawa murid telah berjaya menguasai rumus tatabahasa antara huruf pertama kata dasar dengan huruf yang perlu diubah apabila diimbuhi dengan imbuhan awalan meN- seperti huruf k dengan ng, huruf p dengan m, huruf s dengan ny dan huruf t dengan n.

6.3 Analisis dokumen

Keputusan yang diperoleh daripada analisis dokumen melalui catatan diari dan lembaran kerja jelas menunjukkan murid dapat menguasai rumus tatabahasa berkaitan dengan huruf pertama kata dasar k, p, s dan t akan berubah menjadi ng, m, ny dan n. Semasa intervensi dijalankan, murid telah menunjukkan prestasi yang ketara melalui tiga lembaran kerja yang disediakan kepada murid. Tambahan lagi, murid telah menunjukkan respons yang positif terhadap intervensi yang dilaksanakan dengan mempamerkan minat dan kemahuan untuk mempelajari imbuhan awalan meN- dengan menggunakan Kincir WAHU.

6.4 Temu bual

Dalam kajian ini, saya menggunakan instrumen temu bual secara berstruktur bersama-sama guru mata pelajaran Bahasa Melayu. Saya mendapatkan maklum balas daripada guru bagi menilai kesesuaian intervensi yang dijalankan terhadap murid dengan menunjukkan rakaman video dan gambar sebelum menjalankan temu bual. Temu bual yang dijalankan adalah lebih terarah dan tersusun yang mengandungi empat soalan iaitu kelebihan penggunaan Kincir WAHU, impak penggunaan Kincir WAHU, kerelevanan penggunaan Kincir WAHU dan cadangan penambahbaikan. Semasa menjalankan temu bual, saya merekod semua interaksi yang wujud dengan menggunakan perakam audio supaya maklumat yang ditranskripsikan adalah tepat. Saya telah mengekodkan temu bual tersebut kepada empat kategori iaitu kelebihan, impak, kerelevanan dan penambahbaikan.

7.0 REFLEKSI

Berdasarkan dapatan kajian yang diperoleh daripada ujian, analisis dokumen serta temu bual, dapat dibuktikan bahawa penggunaan Kincir WAHU telah dapat membantu murid ketidakupayaan pendengaran tahun 3 dalam menukarkan kata dasar yang bermula dengan k, p, s dan t kepada perkataan berimbuhan awalan meN- dan menggunakan dalam ayat. Perkara ini dapat dilihat dengan

jelas terdapat perbezaan skor markah ujian pasca berbanding ujian pra. Selepas mengaplikasikan penggunaan Kincir WAHU, murid telah menunjukkan peningkatan sebanyak 62.5% antara kedua-dua ujian tersebut.

Oleh demikian, terdapat beberapa kekuatan dan kelemahan sepanjang tempoh pelaksanaan kajian ini. Antara kekuatan yang dikenal pasti adalah konsep antara warna dengan huruf dalam penggunaan Kincir WAHU dapat menarik minat murid dan meningkatkan kefahaman konsep imbuhan awalan meN-. Konsep warna ini disokong oleh kajian yang dilakukan oleh Conelia Anak Ragum (2012), beliau menyatakan bahawa *The Effects of Color on Memory* adalah penggunaan warna yang dapat meningkatkan kadar rangsangan psikologi. Penggunaan Kincir WAHU juga membantu minda murid lebih meningkat untuk memahami serta mengingati konsep imbuhan awalan meN-. Oleh demikian, limitasi deria yang dialami oleh murid ketidakupayaan pendengaran sememangnya menuntut semua guru bertindak untuk meningkatkan kualiti, kreativiti dan kritis dalam PdP berbanding dengan teknik pengajaran *chalk and talk* (Mazenah Awg Seman, 2012).

Kelemahan yang dikenalpasti pula ialah saya kurang menekankan aspek kemahiran mengeja bagi kata dasar yang diperkenalkan ketika proses intervensi. Oleh itu, aspek kemahiran ejaan juga perlu dititikberatkan di samping penguasaan kemahiran imbuhan awalan. Seterusnya, kelemahan yang kedua adalah skop perkataan ketika menjalankan intervensi tidak mengambil kira tema-tema yang terkandung dalam buku teks. Penggunaan kata dasar yang berfokus mengikut tema penting bagi membolehkan guru untuk merancang aktiviti yang lebih sistematik. Kelemahan yang ketiga ialah saya tidak menggunakan bahan multimedia berbentuk interaktif semasa intervensi dijalankan, contohnya *powerpoint*.

8.0 CADANGAN TINDAKAN SUSULAN

Terdapat beberapa cadangan penambahbaikan yang dapat ditambahbaik bagi kajian yang seterusnya. Antara cadangan yang boleh diberi perhatian ialah i) Kincir WAHU yang berbentuk lebih kecil dan praktikal seperti "*pocket book*" supaya mudah digunakan dan di bawa kemana-mana sahaja ii) membina Kincir WAHU dalam bentuk *powerpoint* yang interaktif iii) tidak menggunakan warna dalam Kincir WAHU.

RUJUKAN

Abdullah, Y. (1994). Nostalgia di Onikawa : Bahasa dan orang cacat. *Jurnal Pendidikan*, 8-10.

Conelia anak Ragum. (2012). *Penggunaan nombor berwarna dalam membantu murid mengingat nombor 1 hingga 9*. Koleksi Artikel Penyelidikan Tindakan : Seminar Penyelidikan Tindakan IPG KBL Tahun 2012.

Mazenah Awg Senah. (2012). *Kemahiran penggunaan imbuhan awalan "meN" bagi kata dasar yang bermula huruf k, t dan s bagi murid tahun 2 sekolah rendah*. Fakulti Pendidikan dan Bahasa: Open University Malaysia.

Nor Hidayah Md Khanapiyah. (2016). *Analisis Penggunaan Imbuhan Kata Kerja Dalam Penulisan Murid Pekak*. Kuala Lumpur: Fakulti Bahasa dan Linguistik Universiti Malaya.

Shahrul Arba'iah Othman. (2001). *Implikasi Penggunaan Kod Tangan Bahasa Melayu Terhadap Pencapaian Perbendaharaan Kata dan Ejaan di kalangan Pelajar Bermasalah Pendengaran Tingkatan 2*. Kuala Lumpur. Tesis Sarjana: Fakulti Bahasa Linguistik Universiti Malaya.

**PENGGUNAAN PERMAINAN KAD ISYARAT PerCIK DALAM MENINGKATKAN KEMAHIRAN
MENGISYARAT DAN MENGEJA PERKATAAN MURID KETIDAKUPAYAAN PENDENGARAN
TAHUN 5**

NUR AMIRAH SYAHIRAH BINTI NAZUMUDDIN
Jabatan Pendidikan Khas

Pensyarah Pembimbing
DR. MASITAH BINTI TAIB

ABSTRAK

Kajian ini dijalankan bagi meningkatkan kemahiran mengisyarat dan mengeja perkataan dalam kalangan murid ketidakupayaan pendengaran tahun 5 di sebuah sekolah di sekitar Melaka. Peserta kajian terdiri daripada seorang murid lelaki. Fokus kajian ini adalah untuk memastikan murid dapat mengisyarat dan mengeja perkataan bagi mata pelajaran Bahasa Isyarat Komunikasi menggunakan kaedah permainan kad isyarat PerCIK. Tinjauan awal menggunakan pelaksanaan ujian diagnostik, temu bual dan analisis dokumen mendapati murid mempunyai ketidakupayaan dalam kemahiran mengisyarat dan mengeja perkataan. Kajian ini didasari oleh teori kognitif Jean Piaget. Tiga sesi tindakan telah dijalankan dalam kajian ini. Kaedah ujian, pemerhatian dan temu bual digunakan untuk mengutip data. Ujian pencapaian diberikan sebanyak dua kali iaitu selepas sesi tindakan 1 dan tindakan 2. Analisis daripada ujian pencapaian, pemerhatian dan temu bual menunjukkan perubahan positif dalam kemahiran mengisyarat dan mengeja perkataan murid. Hasil analisis data juga menunjukkan bahawa terdapat peningkatan markah oleh murid berbanding keputusan ujian pra. Penggunaan kad isyarat PerCIK ini dilihat sangat berkesan dan bertepatan dengan keperluan murid masalah pendengaran bagi meningkatkan kemahiran mengisyarat dan mengeja perkataan dalam kalangan murid ketidakupayaan pendengaran tahun 5.

Kata Kunci: Ketidakupayaan pendengaran, kad isyarat PerCIK, kemahiran mengisyarat perkataan, kemahiran mengeja perkataan

ABSTRACT

This study was conducted to improve the signing and spelling skills among students in standard 5 of hearing impaired in a school around Melaka. The study participants consisted of a male student. The focus of this study is to ensure students can sign and spell words for the Bahasa Isyarat Komunikasi subject using the PerCIK signaling card method. Preliminary surveys using the implementation of diagnostic tests, interviews and document analysis have found students with inability to sign and spell words. This study is based on the cognitive theory of Jean Piaget. Three action sessions were conducted in this study. Test methods, observations and interviews are used to collect data. Achievement test is given twice, after the action sessions 1 and action 2. Analysis of achievement tests, observations and interviews showed a positive change in signing skills and spelling skill of the student. The results of the data analysis also showed that there was an increase in scores scored by students compared to pre test results. The use of PerCIK signaling cards is seen to be very effective and coincide with the needs of hearing impaired pupils in order to improve the signing skills and spelling skills amongst the hearing impairments students in the year 5.

Keywords: Hearing impaired, PerCIK signaling cards, word signing skills, spelling skills

Emel: amirahnazumuddin@gmail.com

1.0 PENGENALAN

Menurut Aidah Alias, Nadzri Mohd Sharif, Nor Fariza Baharudin, Meor Hasmadi Meor Hamzah, & Farihan Zahari (2016), murid-murid bermasalah pendengaran yang menggunakan bahasa isyarat sebagai medium untuk berkomunikasi amat sukar menulis atau menghasilkan sesebuah karangan. Hal ini kerana mereka tidak dapat menyatakan idea dalam struktur ayat bahasa. Semasa menjalani praktikum di sekolah yang lalu, pengkaji juga telah menghadapi masalah yang sama. Pengkaji mendapati bahawa sebahagian besar murid masalah pendengaran tahun 5 lemah untuk mengeja dan mengisyaratkan perkataan.

Melalui penelitian terhadap latihan dan lembaran kerja peserta kajian pula, pengkaji mendapati peserta kajian sangat lemah dalam menjawab soalan-soalan berkaitan kemahiran yang dikaji. Analisis pencapaian peserta kajian dalam peperiksaan pertengahan tahun 2018 juga mendapati peserta kajian agak lemah di dalam mata pelajaran Bahasa Isyarat Komunikasi (BIK) di mana peserta kajian hanya mendapat gred D iaitu berada pada tahap lemah atau tidak memuaskan. Lebih jelas lagi melalui ujian diagnostik yang telah dijalankan, pengkaji mendapati masalah mengeja dan mengisyarat perkataan dalam kalangan murid-murid tahun 5 merupakan masalah yang paling utama yang menjadi punca kepada kegagalan mereka sewaktu menjawab soalan yang diberikan. Bagi kajian ini, pengkaji telah mengenal pasti teori yang bersesuaian dengan kajian iaitu teori kognitif Jean Piaget (1963). Menurut Piaget persekitaran kanak-kanak dan perkembangan neurologinya menentukan pembelajaran oleh itu pemilihan Bahan Bantu Belajar (BBB) yang sesuai dengan tahap perkembangan murid-murid dan penekanan penggunaan BBB yang menarik amatlah penting pada peringkat ini.

2.0 FOKUS KAJIAN

Pengkaji mendapati terdapat masalah mengeja dan mengisyarat perkataan dalam kalangan murid-murid tahun 5. Justeru, pengkaji telah membuat keputusan untuk menjalankan kajian berfokuskan kepada tahap penguasaan kemahiran mengisyarat dan mengeja perkataan dalam mata pelajaran Bahasa Isyarat Komunikasi bagi topik kata adjektif yang melibatkan murid bermasalah pendengaran tahun 5 dengan menggunakan model Kurt Lewin (1946). Kajian ini bertujuan untuk meningkatkan penguasaan kemahiran mengisyarat dan mengeja perkataan dalam kalangan murid-murid bermasalah pendengaran dan seterusnya membantu mereka untuk mengisyarat dan mengeja setiap perkataan dengan tepat.

Isu keperihatinan yang mendorong ke arah penyelidikan ini adalah kerana pengkaji ingin membuat penambahbaikan terhadap proses pembelajaran dan pengajaran (PdPc) dengan memperkenalkan penggunaan permainan kad isyarat PerCIK sebagai media pembelajaran bagi membantu meningkatkan penguasaan mengisyarat dan mengeja perkataan murid-murid tahun 5.

3.0 OBJEKTIF DAN SOALAN KAJIAN

3.1 Objektif Umum

Objektif umum kajian ini adalah untuk meningkatkan kemahiran mengisyarat dan mengeja perkataan bagi murid tahun 5 menggunakan permainan Kad Isyarat PerCIK.

3.2 Objektif Khusus

- Murid dapat mengisyaratkan perkataan dengan betul menggunakan permainan kad isyarat PerCIK.
- Murid dapat mengeja perkataan secara bertulis dengan tepat menggunakan permainan kad isyarat PerCIK

3.3 Persoalan Kajian


- Adakah penggunaan kaedah permainan kad isyarat PerCIK dapat meningkatkan kemahiran mengisyarat perkataan murid tahun 5 masalah pendengaran?
- Adakah permainan kad isyarat PerCIK dapat meningkatkan kemahiran mengeja perkataan secara bertulis bagi murid-murid tahun 5 masalah pendengaran?

4.0 PESERTA KAJIAN

Kajian ini dijalankan ke atas seorang murid tahun 5 di salah sebuah sekolah rendah pendidikan khas di sekitar Melaka. Murid dipilih sebagai peserta kajian untuk melihat kesan sebelum dan selepas PdPc menggunakan permainan kad isyarat PerCIK sebagai Bahan Bantu Belajar (BBB) bagi mata pelajaran BIK di dalam kelas. Dalam aspek ini, peningkatan mengisyarat dan mengeja dalam subjek BIK yang dikaji merangkumi kebolehan murid untuk membuat isyarat dengan tepat dan kebolehan murid mengeja dengan betul.

5.0 PELAKSANAAN TINDAKAN

Pengkaji telah menggunakan reka bentuk penyelidikan tindakan dengan 1 kitaran berdasarkan model Kurt Lewin (1946). Beberapa instrumen seperti ujian, pemerhatian dan temu bual untuk menilai hasil tindakan yang telah dijalankan ke atas peserta kajian. Pengkaji juga telah menjalankan tiga kali tindakan dalam tiga pembelajaran dan pengajaran yang berbeza. Selain itu, pengkaji juga memilih untuk menggunakan pendekatan pembelajaran menggunakan kad isyarat PerCIK bagi membantu meningkatkan penguasaan mengisyarat dan mengeja perkataan peserta kajian.



Rajah 1. Sesi tindakan 1, sesi tindakan 2 dan sesi tindakan 3


5.1 PENGUMPULAN DAN ANALISIS DATA

Pengkaji memberikan markah berdasarkan bilangan jawapan yang betul. Markah yang diperoleh digredkan mengikut peratusan berdasarkan format yang telah ditetapkan oleh sekolah melalui pengredan A, B, C dan D. Bagi menganalisis data bagi instrumen temu bual pula, pengkaji telah menyediakan beberapa soalan formal yang telah disediakan sebelum sesi temu bual berlangsung. Temu bual dijalankan secara lisan bersama guru BIK. Jawapan yang diperoleh daripada temu bual direkod oleh pengkaji secara bertulis. Kemudian, data temu bual dikodkan mengikut tema-tema tertentu. Manakala cara menganalisis data bagi instrumen pemerhatian pula, pengkaji membuat pemerhatian tingkah laku berdasarkan senarai semak yang telah disediakan dengan mengira kekerapan berlakunya tingkah laku yang menunjukkan murid tidak dapat mengeja dan mengisyarat perkataan yang diberikan dengan tepat.

6.0 DAPATAN KAJIAN


Keseluruhan perbincangan mengenai dapatan kajian dipaparkan dalam bentuk rajah dan graf yang merangkumi 4 jenis ujian iaitu ujian pra, ujian pencapaian 1, ujian pencapaian 2 dan ujian pasca, 2 kali pemerhatian iaitu sebelum dan selepas serta temu bual bersama guru matapelajaran BIK.

6.1 Ujian



Rajah 2. Peratusan markah ujian pra, ujian pencapaian 1 dan ujian pasca kemahiran mengisyarat

Berdasarkan peratusan markah pada Rajah 1, peserta kajian menunjukkan peningkatan yang konsisten di mana pada ujian pra murid hanya mencapai gred D dengan peratusan sebanyak 25% sahaja yang berada pada tahap lemah. Tetapi peserta kajian menunjukkan peningkatan yang baik apabila mendapat peratusan markah sebanyak 41.7% di dalam ujian pencapaian 1 dan cemerlang pada ujian pasca dengan peratusan sebanyak 83.3%. Ketiga-tiga ujian ini telah membuktikan bahawa permainan kad isyarat PerCIK telah berjaya membantu meningkatkan kemahiran mengisyarat perkataan murid tahun 5 masalah pendengaran bagi topik kata adjektif dalam mata pelajaran BIK.



Rajah 3. Peratusan markah ujian pra, ujian pencapaian 2 dan ujian pasca kemahiran mengeja

Melalui graf yang ditunjukkan pada rajah 4, hasil ujian pra menunjukkan peserta kajian menunjukkan kemahiran mengeja yang sangat lemah dengan hanya dapat menjawab 2 daripada 12 soalan. Namun, perubahan dapat dilihat pada ujian pencapaian 2 apabila peserta kajian dapat mengeja 6 daripada 12 soalan dengan betul dengan memperoleh peratusan markah sebanyak 50% dan pada ujian pasca peserta kajian terus menunjukkan pencapaian yang lebih baik apabila berjaya mencapai kecemerlangan dengan dapat mengeja 10 daripada 12 soalan yang diberikan dengan dengan pemerolehan peratusan markah sebanyak 83.3%. Oleh itu, jelaslah hasil dapatan daripada ketiga-tiga ujian ini membuktikan bahawa penggunaan permainan kad isyarat PerCIK telah membantu meningkatkan kemahiran mengeja perkataan murid masalah pendengaran tahun 5.

6.2 Pemerhatian

Pengkaji telah menjalankan dua kali pemerhatian iaitu sebelum dan selepas tindakan dengan menggunakan senarai semak. Berdasarkan hasil analisis senarai semak, didapati kedua-dua persoalan kajian telah berjaya dijawab apabila terdapatnya perubahan tingkah laku positif mengeja dan mengisyarat murid selepas tindakan dilaksanakan yang menunjukkan bahawa kaedah yang digunakan oleh pengkaji telah berjaya membantu peserta kajian untuk menguasai kemahiran mengeja dan mengisyarat perkataan bagi topik kata adjektif dalam mata pelajaran BIK dalam kalangan murid-murid masalah pendengaran tahun 5.

6.3 Temu bual

Pengkaji telah menjalankan temu bual terhadap guru BIK tahun 5. Sebanyak 4 soalan telah disediakan oleh pengkaji, Kesimpulannya, pengkaji mendapati maklum balas yang diberikan oleh guru terhadap peningkatan kemahiran mengisyarat dan mengeja perkataan peserta kajian adalah positif. Justeru itu, kaedah permainan kad isyarat PerCIK dilihat memberikan kesan positif dalam membantu peserta kajian meningkatkan penguasaan kemahiran mengisyarat dan mengeja perkataan.

7.0 REFLEKSI

Objektif kajian yang ditetapkan iaitu meningkatkan kemahiran mengisyarat dan mengeja perkataan peserta kajian telah tercapai. Pengkaji sangat berpuas hati dengan prestasi yang ditunjukkan oleh peserta kajian. Pengkaji juga berasa bangga dengan kejayaan yang ditunjukkan oleh peserta kajian dari segi perubahan tingkah laku yang positif semasa PdPc dan kejayaan murid dalam penguasaan kemahiran mengisyarat dan mengeja perkataan yang sangat baik berbanding sebelum ini. Keberkesanan penggunaan permainan kad isyarat PerCIK sebagai satu bahan bantu belajar yang menggunakan kad sangat membantu dalam meningkatkan kemahiran mengeja peserta kajian kerana menurut Roziah Abd Hamid (2005), Abbasian & Ghorbanpour (2016) dan Alanazi (2017), penggunaan kad dalam PdPc mampu merangsang dan meningkatkan kemahiran membaca, menulis serta bahasa murid.

8.0 CADANGAN TINDAKAN SUSULAN

Pengkaji bercadang untuk melakukan kajian seterusnya dengan menggunakan kaedah permainan kad isyarat PerCIK dengan penggunaan elemen media interaktif seperti penggunaan *power point*, kaedah permainan kad isyarat PerCIK digunakan untuk mengajar murid masalah pendengaran dengan berfokuskan kepada kemahiran membuat ayat dan memperluaskan kajian ini kepada murid-murid dari tahun yang berbeza.

RUJUKAN

- Abbasian, G.-R., & Ghorbanpour, E. (2016). The Effect of Flash Card-based Instruction on Vocabulary Learning by EFL Learners. *International Journal Of Humanities And Cultural Studies*, 1929-1938.
- Aidah Alias, Nadzri Mohd Sharif, Nor Fariza Baharudin, Meor Hasmadi Meor Hamzah, & Farihan Zahari. (2016). Penerokaan kesan pengajaran dan pembelajaran menggunakan imej visual dalam kalangan pelajar cacat pendengaran. *Jurnal komunikasi*, 145-162.
- Alanazi, M. S. (2017). Use of Flashcards in Dealing with Reading and Writing. *Multidisciplinary Journal of Educational Research*, 7(1) 53-87.
- Piaget, J. (1963). *The Origins of intelligence in the child*. London: Routledge & Kegan Paul.
- Aidah Alias, Nadzri Mohd Sharif, Nor Fariza Baharudin, Meor Hasmadi Meor Hamzah, & Farihan Zahari. (2016). Penerokaan kesan pengajaran dan pembelajaran menggunakan imej visual dalam kalangan pelajar cacat pendengaran. *Jurnal komunikasi*, 145-162.

KESEDIAAN SISWA GURU PENDIDIKAN KHAS MASALAH PENDENGARAN UNTUK MENGAJAR MATA PELAJARAN BAHASA MELAYU DI SEKOLAH

NUR DIANA BINTI AMRAN
Jabatan Pendidikan Khas

Pensyarah Pembimbing
CIK. BESIRA BIBI BINTI MOHD ALI

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan mengenal pasti tahap kesediaan siswa guru pengkhususan Pendidikan Khas Masalah Pendengaran untuk mengajar mata pelajaran Bahasa Melayu di sekolah. Kesediaan siswa guru ini amat penting bagi membantu mempertingkatkan penguasaan bahasa murid masalah pendengaran. Kajian tinjauan ini melibatkan seramai 28 orang siswa guru tahun akhir Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan pengkhususan Pendidikan Khas Masalah Pendengaran. Kaedah pengumpulan data adalah secara soal selidik menggunakan skala 5 likert. Item soal selidik terdiri daripada profil responden, tahap kesediaan dari aspek pengetahuan, dan tahap kesediaan dari aspek kemahiran siswa guru untuk mengajar mata pelajaran Bahasa Melayu di sekolah. Data dianalisis secara deskriptif iaitu kekerapan, peratusan dan min. Dapatan kajian menunjukkan tahap pengetahuan siswa guru berada pada tahap kesediaan tinggi (min=4.00). Tahap kemahiran siswa guru pula berada pada tahap kesediaan sederhana (min=3.86). Dapatan tahap kesediaan siswa guru dari aspek kemahiran pada tahap sederhana itu perlu ditingkatkan dengan cara meningkatkan pembacaan atau mengikuti kursus sampingan di luar IPG berkaitan kemahiran seni bahasa dan tatabahasa. Beberapa cadangan dikemukakan bagi memantapkan lagi tahap kesediaan guru-guru pelatih tersebut bertepatan dengan Anjakan 4 Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia: Mentransformasi profesion keguruan menjadi profesion pilihan.

Kata Kunci: Tahap kesediaan, pendidikan khas masalah pendengaran, Bahasa Melayu

ABSTRACT

The purpose of this study is to distinguish the Special Education (Hearing Impaired) trainee teachers' readiness level to teach Bahasa Melayu in schools. The preparedness of these trainee teachers is very important to help improve the mastery of the language among the hearing impaired students. This survey involves 28 final year trainee teachers of the Bachelor Degree Programme of Special Education (Hearing Impaired). The data collection method involved questionnaire using likert scale utilizing 5 scale. The questionnaire items consisted of respondents' profiles, level of readiness from the knowledge aspect, and the level of preparedness from the trainee teachers skill of teaching Bahasa Melayu in school. Data was analyzed descriptively ie frequency, percentage and mean. The findings show that the level of knowledge of the trainee teachers is at high readiness (mean = 4.00). The skill level of the trainee teachers is at the moderate level (mean = 3.86). Thus, it should be improved by increasing the individuals' knowledge through reading or attending additional courses at IPG level that are related to Bahasa Melayu language and grammar skills. Several suggestions were made to enhance the level of preparedness of the trainee teachers that coincides with the shift 4 of Education Development Plan : Transforming the teaching profession into becoming a profession of choice.

Keywords: Readiness level, Special Education (Hearing Impaired), Bahasa Melayu

Emel: diana.amran96@gmail.com

1.0 PENGENALAN

Perkara yang perlu diperakui oleh semua pihak bahawa jurang pencapaian antara murid bermasalah pendengaran dengan rakan sebaya mereka adalah agak ketara terutamanya melibatkan mata pelajaran Bahasa Melayu. Oleh itu, menurut Satiah Abdullah (2009), kanak-kanak masalah pendengaran memerlukan kaedah pengajaran dan pembelajaran (PdP) yang berbeza daripada kanak-kanak tipikal. Justeru, fokus khusus perlu diberikan kepada semua siswa guru pendidikan khas masalah pendengaran supaya mereka bersedia bukan sahaja daripada aspek pengetahuan tetapi juga daripada

aspek kemahiran untuk mengajar mata pelajaran Bahasa Melayu. Hal ini penting kerana Bahasa Melayu bukan sahaja merupakan mata pelajaran teras tetapi sudah menjadi tanggungjawab semua guru yang mengajar murid masalah pendengaran bersama-sama membantu menangani masalah bahasa yang dihadapi oleh murid.

2.0 PENYATAAN MASALAH

Di Institut Pendidikan Guru (IPG), siswa guru pengkhususan pendidikan khas masalah pendengaran tidak mengikuti kursus khas mengenai pedagogi mata pelajaran Bahasa Melayu kecuali mereka yang mengambil elektif teras Bahasa Melayu. Malangnya, bagiambilan Jun 2015, tiada siswa guru yang mengambil elektif teras Bahasa Melayu. Hal ini menyebabkan siswa guru ini bergantung sepenuhnya kepada kursus PKDK 3093 Pengajaran Bahasa untuk Murid-Murid Masalah Pendengaran. Namun, kursus ini tidak memfokuskan khusus kepada pedagogi atau kaedah pengajaran untuk mata pelajaran Bahasa Melayu. Perkara yang membimbangkan adalah hasil kajian oleh Abdul Rasid Jamian (2011) menunjukkan komitmen guru merupakan antara salah satu faktor kegagalan murid menguasai kemahiran berbahasa. Justeru, pengkaji berpendapat bahawa kajian tentang kesediaan siswa guru pendidikan khas masalah pendengaran untuk mengajar mata pelajaran Bahasa Melayu di sekolah perlu dilakukan kerana siswa guru ini bakal menyertai dunia pendidikan dan perlu sekurang-kurangnya mempunyai asas Bahasa Melayu yang baik kerana Bahasa Melayu ialah bahasa pengantar persekolahan yang memperlihatkan kepentingannya dalam sistem pendidikan negara (Alis Puteh, 2015). Oleh itu, kajian mengenai tahap kesediaan siswa guru pendidikan khas masalah pendengaran untuk mengajar mata pelajaran Bahasa Melayu daripada aspek pengetahuan yang terbahagi kepada dua skop kajian iaitu pengetahuan isi kandungan dan pemerolehan pengetahuan serta daripada aspek kemahiran yang terbahagi kepada dua skop kajian iaitu penguasaan teknik mengajar kemahiran Bahasa Melayu dan pendekatan khas PdP bahasa kepada murid-murid masalah pendengaran telah dijalankan.

3.0 OBJEKTIF DAN SOALAN KAJIAN

Tujuan utama kajian ini dijalankan adalah untuk mengkaji kesediaan siswa guru pendidikan khas masalah pendengaran untuk mengajar mata pelajaran Bahasa Melayu di sekolah. Objektif kajian ini adalah untuk:

- i) Mengetahui tahap kesediaan siswa guru pendidikan khas masalah pendengaran untuk mengajar mata pelajaran Bahasa Melayu daripada aspek pengetahuan.
- ii) Mengetahui tahap kesediaan siswa guru pendidikan khas masalah pendengaran untuk mengajar mata pelajaran Bahasa Melayu daripada aspek kemahiran.

Kajian ini dilaksanakan untuk menjawab soalan kajian berikut:

- i) Apakah tahap kesediaan siswa guru pendidikan khas masalah pendengaran untuk mengajar mata pelajaran Bahasa Melayu daripada aspek pengetahuan?
- ii) Apakah tahap kesediaan siswa guru pendidikan khas masalah pendengaran untuk mengajar mata pelajaran Bahasa Melayu daripada aspek kemahiran?

4.0 METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini adalah penyelidikan jenis kajian tinjauan deskriptif yang berfokus kepada kesediaan siswa guru pendidikan khas masalah pendengaran untuk mengajar mata pelajaran Bahasa Melayu di sekolah daripada aspek pengetahuan dan kemahiran. Sampel bagi kajian ini terdiri daripada populasi iaitu melibatkan 28 orang siswa guru tahun akhir Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan pengkhususan Pendidikan Khas Masalah Pendengaran iaitu siswa guruambilan Jun 2015.

Kaedah pengumpulan data adalah secara soal selidik menggunakan skala 5 likert iaitu sangat tidak setuju, tidak setuju, kurang setuju, setuju dan sangat setuju. Instrumen kajian ini terdiri daripada 25 item dan dibahagikan kepada empat bahagian. Bahagian A ialah profil responden, Bahagian B berkenaan kesediaan pengetahuan, Bahagian C mengenai kesediaan kemahiran manakala Bahagian D mengenai cadangan usaha bagi meningkatkan tahap kesediaan siswa guru. Soal selidik ini adalah secara atas talian iaitu melalui aplikasi google forms. Penganalisan data kajian dilakukan menggunakan *Statistical Package for the Social Science* (SPSS). Data dianalisis secara deskriptif iaitu kekerapan, peratusan dan min. Tafsiran min yang digunakan adalah berdasarkan kepada Jadual 1.

Jadual 1
Jadual Tafsiran Min

| Skor Min | Interpretasi Persetujuan | Tafsiran |
|-------------|--------------------------|---------------|
| 1.00 – 1.99 | Sangat tidak setuju | Sangat rendah |
| 2.00 – 2.99 | Tidak setuju | Rendah |
| 3.00 – 3.99 | Tidak pasti | Sederhana |
| 4.00 – 4.99 | Setuju | Tinggi |
| 5.00 | Sangat setuju | Sangat tinggi |

Sumber Adaptasi daripada Azlina Mohd Sera'ai (2009) & Chua (2009)

5.0 DAPATAN DAN PERBINCANGAN

5.1 Profil responden

Jadual 2
Profil Demografi Responden Kajian (N=28)

| Demografi | Kekerapan | Peratusan |
|---|-----------|-----------|
| <i>Kumpulan</i> | | |
| G7.1 | 14 | 50.0% |
| G7.2 | 14 | 50.0% |
| <i>Jantina</i> | | |
| Lelaki | 2 | 7.1% |
| Perempuan | 26 | 92.9% |
| <i>Pengalaman mengajar murid masalah pendengaran</i> | | |
| Ya | 28 | 100.0% |
| Tidak | 0 | 0.0% |
| <i>Pengalaman mengajar mata pelajaran Bahasa Melayu</i> | | |
| Ya | 11 | 39.2% |
| Tidak | 17 | 60.7% |

Kajian ini melibatkan seramai 28 responden iaitu siswa guru tahun akhir pendidikan khas masalah pendengaranambilan Jun 2015. Seramai 14 responden (50.0%) adalah dari kumpulan G7.1 dan 14 responden (50.0%) lagi adalah dari kumpulan G7.2. Berdasarkan jantina, seramai dua responden (7.1%) lelaki dan seramai 26 responden (92.9%) perempuan. Seterusnya, berdasarkan pengalaman mengajar murid masalah pendengaran, kesemua responden iaitu seramai 28 orang siswa guru (100.0%) pernah mengajar murid masalah pendengaran. Berdasarkan pengalaman mengajar mata pelajaran Bahasa Melayu pula, 11 responden (39.2%) pernah mengajar mata pelajaran Bahasa Melayu manakala selebihnya 17 responden (60.7%) tidak pernah mengajar mata pelajaran Bahasa Melayu.

5.2 Kesediaan siswa guru dalam aspek pengetahuan

Jadual 3

Analisis Konstruk Kesiediaan daripada Aspek Pengetahuan

| Bil | Item | Min | Tahap Kesiediaan |
|------------------------------------|---|------|------------------|
| I PENGETAHUAN ISI KANDUNGAN | | | |
| 1 | Saya mempunyai pengetahuan untuk mengajar KSSR mata pelajaran Bahasa Melayu bagi murid masalah pendengaran | 3.86 | Sederhana |
| 2 | Saya mempunyai kefahaman yang jelas terhadap setiap topik dan item dalam mata pelajaran Bahasa Melayu | 3.61 | Sederhana |
| 3 | Saya memahami objektif pengajaran Bahasa Melayu | 4.18 | Tinggi |
| 4 | Saya mempunyai pengetahuan tentang teori pembelajaran bahasa murid masalah pendengaran | 3.86 | Sederhana |
| II PEMEROLEHAN PENGETAHUAN | | | |
| 5 | Saya memperoleh pengetahuan untuk mengajar bahasa kepada murid masalah pendengaran melalui kursus yang ditawarkan di IPG | 4.50 | Tinggi |
| 6 | Saya memperoleh pengetahuan untuk mengajar mata pelajaran Bahasa Melayu melalui pembacaan | 4.00 | Tinggi |
| 7 | Saya memperoleh pengetahuan untuk mengajar mata pelajaran Bahasa Melayu melalui perbincangan dengan orang yang lebih pakar (pensyarah, guru pembimbing) | 4.39 | Tinggi |
| 8 | Saya memperoleh pengetahuan untuk mengajar mata pelajaran Bahasa Melayu melalui sumber rujukan tambahan | 4.21 | Tinggi |
| 9 | Saya memperoleh pengetahuan untuk mengajar mata pelajaran Bahasa Melayu melalui pengalaman | 4.00 | Tinggi |
| 10 | Saya memperoleh pengetahuan untuk mengajar mata pelajaran Bahasa Melayu dengan menghadiri kursus-kursus tambahan | 3.43 | Sederhana |
| | | 4.00 | Tinggi |

Berdasarkan Jadual 3, didapati hasil dapatan min yang diperolehi bagi konstruk kesiediaan siswa guru daripada aspek pengetahuan menunjukkan hanya empat daripada sepuluh item yang mewakili tahap kesiediaan sederhana, manakala selebihnya tinggi. Bagi sub konstruk pengetahuan isi kandungan, item yang menunjukkan tahap kesiediaan tinggi (min=4.18) ialah item 3 iaitu "saya memahami objektif pengajaran Bahasa Melayu". Namun, dapatan kajian mendapati bahawa siswa guru perlu meningkatkan lagi kefahaman tentang topik dan item dalam mata pelajaran Bahasa Melayu kerana item ini menunjukkan min yang paling rendah (min=3.61). Hal ini kerana, menurut Zamri Mahamod, Mahidin Awang Itam & Afendi Hamat (2011) adalah penting untuk guru sentiasa berusaha memberikan kefahaman kepada murid akan sesuatu topik seperti yang dicadangkan di dalam buku teks.

Analisis pada sub konstruk pemerolehan pengetahuan mendapati bahawa hanya satu item sahaja yang menunjukkan tahap kesiediaan sederhana manakala selebihnya lima item menunjukkan tahap kesiediaan yang tinggi. Item dengan min yang paling rendah (min=3.43) ialah item 'saya memperoleh pengetahuan untuk mengajar mata pelajaran Bahasa Melayu dengan menghadiri kursus-kursus tambahan'. Walau bagaimanapun, didapati siswa guru lebih bergantung kepada kursus yang ditawarkan di IPG sahaja kerana item bagi pernyataan 'saya memperoleh pengetahuan untuk mengajar bahasa kepada murid masalah pendengaran melalui kursus yang ditawarkan di IPG' mempunyai nilai min yang paling tinggi (min=4.50) dengan tahap kesiediaan tinggi. Namun, menurut Abdul Ghafar Don, Ab. Halim Tamuri, Supyan Hussin & Mohd Aderi Che Noh (2015) dalam konteks meningkatkan kualiti untuk menghadapi dunia pekerjaan, program-program latihan perlu dilaksanakan secara sistematik dan berterusan. Oleh itu, siswa guru juga harus memainkan peranannya dengan sentiasa berusaha menghadiri atau menyertai bengkel-bengkel yang dianjurkan ke arah peningkatan diri sebagai persediaan untuk menghadapi alam pekerjaan sebagai pendidik.

5.3 Kesediaan siswa guru dalam aspek kemahiran

Jadual 4

Analisis Konstruk Kesediaan daripada Aspek Kemahiran

| Bil | Item | Min | Tahap Kesediaan |
|--|---|------|-----------------|
| I. PENGUASAAN TEKNIK MENGAJAR KEMAHIRAN BAHASA MELAYU | | | |
| 1 | Saya menguasai teknik mengajar kemahiran berisyarat/ mendengar dan bertutur | 4.11 | Tinggi |
| 2 | Saya menguasai teknik mengajar kemahiran membaca | 4.07 | Tinggi |
| 3 | Saya menguasai teknik mengajar kemahiran menulis | 4.04 | Tinggi |
| 4 | Saya menguasai teknik mengajar kemahiran seni bahasa | 3.46 | Sederhana |
| 5 | Saya menguasai teknik mengajar kemahiran tatabahasa | 3.71 | Sederhana |
| II. PENDEKATAN KHAS PDP BAHASA | | | |
| 6 | Saya mempunyai kemahiran mengajar mata pelajaran Bahasa Melayu menggunakan pendekatan induktif | 4.18 | Tinggi |
| 7 | Saya mempunyai kemahiran mengajar mata pelajaran Bahasa Melayu menggunakan pendekatan deduktif | 4.00 | Tinggi |
| 8 | Saya mempunyai kemahiran mengajar mata pelajaran Bahasa Melayu menggunakan pendekatan eklektik | 3.71 | Sederhana |
| 9 | Saya mempunyai kemahiran mengajar mata pelajaran Bahasa Melayu menggunakan pendekatan Top-Down | 3.61 | Sederhana |
| 10 | Saya mempunyai kemahiran mengajar mata pelajaran Bahasa Melayu menggunakan pendekatan Bottom-Up | 3.68 | Sederhana |
| | | 3.86 | Sederhana |

Berdasarkan Jadual 4, hasil dapatan min yang diperolehi bagi konstruk kesediaan siswa guru daripada aspek kemahiran menunjukkan hasil yang sekata iaitu lima daripada 10 item menunjukkan tahap kesediaan tinggi manakala selebihnya menunjukkan tahap kesediaan sederhana. Bagi sub konstruk penguasaan teknik mengajar kemahiran Bahasa Melayu hanya tiga item menunjukkan kesediaan siswa guru berada pada tahap yang tinggi manakala selebihnya dua item berada pada tahap yang sederhana dalam menguasai teknik mengajar kemahiran Bahasa Melayu. Siswa guru didapati kurang menguasai teknik mengajar kemahiran seni bahasa (min=3.46) dan teknik mengajar kemahiran tatabahasa (min=3.71). Hal ini perlu segera diatasi oleh siswa guru bagi memastikan hasrat KPM dalam Pelan Hala Tuju Pendidikan Bahasa Melayu 2016-2025 untuk memartabatkan Bahasa Melayu melalui transformasi kurikulum dengan memberi fokus kepada penguasaan asas kemahiran bahasa dalam kalangan murid termasuklah penguasaan aspek tatabahasa dan seni bahasa dapat direalisasikan (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2017).

Selain itu, bagi sub konstruk pendekatan khas PdP bahasa kepada murid-murid masalah pendengaran mendapati bahawa tahap kesediaan siswa guru masih berada pada tahap sederhana untuk mengajar mata pelajaran Bahasa Melayu menggunakan pendekatan eklektik (min=3.71), pendekatan *Top-Down* (min=3.61) dan pendekatan *Bottom-Up* (min=3.68). Siswa guru didapati lebih bersedia menggunakan pendekatan induktif (min=4.18) dan pendekatan deduktif (min=4.00). Walau bagaimanapun, menurut Shahabuddin Hashim, Rohizani Yaakub & Mohd. Zohir Ahmad (2007), walaupun didapati kebanyakan guru lebih gemar menggunakan pendekatan induktif dan deduktif, namun pendekatan eklektik dan pendekatan lain juga penting untuk digunakan kerana dapat mengatasi kelemahan dan kekurangan yang terdapat pada kedua-dua pendekatan induktif dan deduktif. Oleh itu, sudah menjadi tanggungjawab siswa guru untuk berusaha melengkapkan diri mereka dengan kelima-lima pendekatan khas PdP bahasa ini.

6.0 KESIMPULAN, CADANGAN DAN IMPLIKASI

Hasil dapatan kajian ini menunjukkan kesediaan siswa guru secara keseluruhannya adalah pada tahap kesediaan tinggi dalam aspek pengetahuan manakala tahap kesediaan sederhana bagi kesediaan aspek kemahiran. Oleh itu, siswa guru pendidikan khas masalah pendengaran bertanggungjawab melengkapkan diri dengan segala pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan untuk mengajar mata

pelajaran Bahasa Melayu. Selain itu, siswa guru juga disarankan untuk memanfaatkan kursus-kursus yang disediakan di IPG dengan sebaiknya untuk mendapatkan segala pengetahuan, kemahiran dan pengalaman yang secukupnya bagi menjadi bekalan sewaktu menempuh dunia pendidikan sebenar selepas tamatnya pengajian di IPG.

Walau bagaimanapun, kajian ini merupakan kajian di peringkat awal yang menggunakan ruang masa dan keperluan yang terhad. Oleh itu, terdapat beberapa batasan kajian dan aspek yang tidak diberi perhatian dengan terperinci. Hasil daripada kajian ini, pengkaji mendapati terdapat beberapa kekurangan dan kelemahan dalam kajian ini yang boleh diperbaiki untuk penambahbaikan bagi kajian seterusnya. Antara kajian lanjutan yang dicadangkan adalah kajian yang akan datang haruslah melibatkan populasi yang lebih besar dengan jumlah responden yang lebih ramai. Selain itu, pengkaji mencadangkan agar skop kajian dijalankan secara menyeluruh yang meliputi aspek kesediaan minat, sikap dan keberkesanan sendiri siswa guru pendidikan khas masalah pendengaran untuk mengajar mata pelajaran Bahasa Melayu. Seterusnya, dicadangkan untuk kajian yang akan datang responden yang digunakan boleh melibatkan guru sekolah pendidikan khas masalah pendengaran yang mengajar mata pelajaran Bahasa Melayu.

RUJUKAN

- Abdul Ghafar Don, Ab. Halim Tamuri, Supyan Hussin & Mohd Aderi Che Noh. (2015). Penilaian keberkesanan kursus pusat latihan pengurusan pendidikan islam dan dakwah Selangor (ILDAS). *Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, 2(3), 1-14.
- Abdul Rasid Jamian. (2011). Permasalahan Kemahiran Membaca Dan Menulis Bahasa Melayu Murid-Murid Sekolah Rendah Di Luar Bandar. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 1(1), 1-12.
- Alis Puteh. (2015). *Kelangsungan Bahasa Melayu Dalam Sistem Pendidikan Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Azlina Mohd Sera'ai. (2009). *Orientasi dan motivasi pelajar dalam pembelajaran Bahasa Sepanyol*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Chua Yan Piaw. (2009). *Statistik penyelidikan lanjutan*. Shah Alam: Mc Graw Hill Education (Malaysia) Sdn Bhd.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2017). *Pelan Hala Tuju Pendidikan Bahasa Melayu 2016 - 2025*. Putrajaya: Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan.
- Satiah Abdullah. (2009). *Kaedah Pengajaran Bahasa Melayu untuk Murid-Murid Pekak*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Shahabuddin Hashim, Rohizani Yaakub & Mohd. Zohir Ahmad. (2007). *Pedagogi : Strategi dan Teknik Mengajar dengan Berkesan*. Batu Caves, Selangor: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Zamri Mahamod, Mahidin Awang Itam & Afendi Hamat. (2011). Sikap Guru Bahasa Melayu Sekolah Rendah Terhadap Penggunaan Buku Teks Bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 1(2), 17-30.

PENGUNAAN ALAT BANTU DENGAR DALAM KALANGAN MURID KETIDAKUPAYAAN PENDENGARAN MENGIKUT PERSPEKTIF SISWA GURU MASALAH PENDENGARAN

NUR SYAHIRAH BINTI ABDUL MAJID
Jabatan Pendidikan Khas

Pensyarah Pembimbing
DR. MADINAH BINTI MOHD YUSOFF

ABSTRAK

Kajian ini dijalankan untuk mengkaji perspektif siswa guru masalah pendengaran terhadap penggunaan alat bantu dengar (ABD) dalam kalangan murid ketidakupayaan pendengaran (KP). Perspektif ini dinilai daripada aspek pengetahuan ABD, peranan dan halangan dalam meningkatkan keberkesanan ABD. Kajian ini juga mempunyai dua soalan terbuka iaitu pandangan penggunaan ABD dalam kalangan murid KP dan cadangan untuk meningkatkan keberkesanan ABD. Kajian ini merupakan kajian tinjauan dengan menggunakan soal selidik sebagai instrumen kajian. Seramai 36 orang siswa guru Pendidikan Khas Masalah Pendengaran yang telah menjalani latihan praktikal di sekolah pendengaran dipilih sebagai sampel kajian. Data kuantitatif dianalisis secara statistik deskriptif dan data kualitatif dianalisis mengikut tema. Hasil kajian menunjukkan tahap pengetahuan sampel kajian terhadap ABD berada pada tahap tinggi. Bagi aspek peranan dan halangan pula pada tahap sederhana. Bagi analisis soalan terbuka, majoriti siswa guru berpendapat ABD mampu meningkatkan perkembangan bahasa dan pendengaran murid-murid. Siswa guru juga berpendapat bahawa ABD haruslah sering diselenggara untuk meningkatkan keberkesanan alat tersebut. Implikasi kajian ini memberi cadangan mengenai peranan guru dan ibu bapa dalam membantu meningkatkan kemahiran mendengar dan berkomunikasi murid KP yang menggunakan ABD.

Kata Kunci: Siswa guru masalah pendengaran, murid ketidakupayaan pendengaran, alat bantu dengar.

ABSTRACT

This study was carried out to examine the perspective of hearing-impaired(HI) teacher trainees on the usage of hearing aid (HA) among HI students. This perspective is measured from the aspects of HA's knowledge, roles and barriers in enhancing the effectiveness of the HA. This study contains two open-ended questions which are views on the usage of HA among HI students and recommendation of research samples to improve the effectiveness of HA. This research is a survey which uses questionnaire as the research instrument. A total of 36 Special Education (Hearing Impairment) teacher trainees who had undergone practical training in HI school were selected as the research samples. Quantitative data was analyzed descriptively and qualitative data was analyzed according to the emerging themes. The results showed the level of research samples' knowledge of HA are at high level. Meanwhile, in terms of roles and barriers, at a moderate level. For open-ended questions analysis, majority of the teacher trainees thought that HA is able to increase language development and students' hearing. The teacher trainees also believed that HA must be regularly maintained to enhance the effectiveness of the tool. The implications of this study provide recommendations for teachers' and parents' roles in helping to improve listening skills and communication skills of HI students who use the HA.

Keywords: Hearing-impaired teacher trainees, hearing-impaired students, hearing aid.

Emel: irahsyahirah96@yahoo.com

1.0 PENGENALAN

Alat bantu dengar (ABD) merupakan alat yang penting kepada murid ketidakupayaan pendengaran yang masih memiliki saki baki pendengaran. Ketidakupayaan ini memberi kesan kepada kemahiran pertuturan dan sosial mereka. Penggunaan ABD berupaya membantu mereka mendengar bunyi-bunyi di persekitaran dengan lebih jelas sekali gus meningkatkan kemahiran sosial mereka.

2.0 PERNYATAAN MASALAH

Meskipun penggunaan ABD amat penting bagi meningkatkan kemahiran komunikasi dalam kalangan murid ketidakupayaan pendengaran, terdapat juga segelintir guru pendidikan khas masalah pendengaran yang tidak memiliki pengetahuan dan kemahiran secukupnya untuk mengendalikan ABD. Menurut Noreha Yusof (2008), sebilangan besar guru pendidikan khas masalah pendengaran tidak mempunyai pengetahuan dan kemahiran secukupnya mengenai ABD. Perkara ini tidak seharusnya berlaku kerana pengetahuan guru dalam alat amplifikasi, jenis dan tahap ketidakupayaan pendengaran serta strategi komunikasi amat penting supaya guru dapat menentukan kaedah pembelajaran yang sesuai terhadap murid ketidakupayaan pendengaran di dalam kelas (Coombe, 2018). Perkara ini turut disokong oleh Antia (2015) berpendapat amat penting ibu bapa dan guru mempunyai pengetahuan menyelesaikan masalah berkenaan ABD seperti mengetahui cara penyelenggaraan harian ABD, peka dengan kerlipan lampu pada alat tersebut, mempunyai alat ganti dan bateri ABD serta mengetahui butiran ahli audiologis untuk dihubungi berkenaan ABD yang digunakan oleh murid.

3.0 OBJEKTIF DAN SOALAN KAJIAN

Antara objektif kajian ini ialah:

- a) Mengenal pasti tahap pengetahuan siswa guru yang mengajar program ketidakupayaan pendengaran terhadap penggunaan ABD.
- b) Mengetahui peranan siswa guru masalah pendengaran yang mengajar murid ketidakupayaan pendengaran terhadap penggunaan ABD dalam kalangan murid di sekolah.
- c) Mengenal pasti halangan yang dihadapi oleh siswa guru masalah pendengaran mengajar murid ketidakupayaan pendengaran bagi membantu keberkesanan penggunaan ABD.
- d) Mengetahui pandangan siswa guru masalah pendengaran terhadap penggunaan ABD dalam kalangan murid ketidakupayaan pendengaran.
- e) Mengetahui cadangan siswa guru masalah pendengaran bagi meningkatkan keberkesanan penggunaan ABD dalam kalangan murid ketidakupayaan pendengaran.

Lima persoalan kajian iaitu:

- a) Apakah tahap pengetahuan siswa guru yang mengajar program ketidakupayaan pendengaran terhadap penggunaan ABD?
- b) Apakah peranan siswa guru masalah pendengaran yang mengajar murid ketidakupayaan pendengaran terhadap penggunaan ABD dalam kalangan murid di sekolah?
- c) Apakah halangan yang dihadapi oleh siswa guru masalah pendengaran yang mengajar murid ketidakupayaan pendengaran bagi menjalankan peranan mereka membantu keberkesanan penggunaan ABD?
- d) Apakah pandangan siswa guru masalah pendengaran terhadap penggunaan ABD dalam kalangan murid ketidakupayaan pendengaran?
- e) Apakah cadangan siswa guru masalah pendengaran bagi meningkatkan keberkesanan penggunaan ABD dalam kalangan murid ketidakupayaan pendengaran?

4.0 METADOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian tinjauan. Teknik persampelan bertujuan telah digunakan dengan melibatkan seluruh populasi yang terdiri daripada siswa guru yang telah menjalani latihan praktikum di Sekolah Pendidikan Khas Pendengaran. Walaupun demikian, daripada 66 orang sampel yang menerima soal selidik, hanya 36 orang yang memberikan maklum balas soal selidik untuk dianalisis.

Instrumen kajian merupakan soal selidik bertajuk "Penggunaan Alat Bantu Dengar dalam Kalangan Murid Ketidakupayaan Pendengaran Mengikut Perspektif Siswa Guru Pendidikan Khas Masalah Pendengaran". Soal selidik ini mempunyai lima bahagian iaitu:

Bahagian A – Maklumat Diri

Bahagian B – Pengetahuan Siswa Guru Terhadap Alat Bantu Dengar

Bahagian C – Peranan Siswa Guru Terhadap Alat Bantu Dengar

Bahagian D – Halangan Siswa Guru dalam Membantu Keberkesanan Penggunaan Alat Bantu Dengar

Bahagian E – Pandangan Meningkatkan Keberkesanan Alat Bantu Dengar

Terdapat 10 item pada Bahagian B hingga Bahagian D yang memerlukan sampel memilih jawapan yang tepat dalam skala Likert lima mata. Manakala bahagian E ialah soalan terbuka dan sampel memberi pendapat mereka mengenai penggunaan ABD dan cara meningkatkan keberkesanan ABD.

Dalam aspek kesahan, pengkaji merujuk kepada pensyarah penyelia untuk menjamin kesahan kandungan terhadap instrumen dan item soal selidik yang telah dibina. Untuk mengesahkan kebolehpercayaan, pengkaji menggunakan kaedah ketekalan dalaman iaitu mencari nilai Cronbach Alpha (α) bagi setiap konstruk melalui program *Statistical Package for Social Science* (SPSS) versi 22 dan nilai alpha (α) secara keseluruhan bagi kajian ini ialah 0.737 iaitu tahap sederhana.

Kaedah pengumpulan data dilakukan dengan menggunakan dua jenis data iaitu data kuantitatif dan data kualitatif. Data kuantitatif pada bahagian B, C dan D dikumpulkan dengan menggunakan skala Likert lima mata akan dianalisis menggunakan kaedah statistik deskriptif dengan aplikasi SPSS versi 22.0. Analisis deskriptif berfokus kepada skor min bagi item dan fokus perbincangan adalah bagi dapatan skor min tertinggi dan skor min terendah bagi setiap item. Penentuan tahap skor min seperti yang dicadangkan oleh ketetapan Millar (1997) seperti dalam Jadual 1.

Jadual 1
Penentuan Tahap Skor Min

| Bil. | Skor Purata Min | Tahap |
|------|-----------------|-----------|
| 1 | 1.0 - 2.5 | Rendah |
| 2 | 2.6 - 3.99 | Sederhana |
| 3 | 4.00 - 5.00 | Tinggi |

Manakala data kualitatif pada bahagian E iaitu soalan terbuka dianalisis dengan menggunakan beberapa proses seperti transkripsi, reduksi serta proses koding.

5.0 DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Hasil analisis data bagi persoalan 1, 'Pengetahuan Siswa Guru terhadap Alat Bantu Dengar' dapat dirujuk pada Jadual 2 di bawah. Berdasarkan Jadual 2, purata min keseluruhan ialah 4.09 yang berada pada tahap tinggi. Item lapan mempunyai nilai min paling tinggi sebanyak 4.56 menjelaskan bahawa sampel kajian mengetahui cara tepat untuk mengendalikan ABD iaitu tangan perlu dalam keadaan bersih. Menurut Nahazatul Islia Jamari (2014), tangan perlulah dalam keadaan bersih dan kering sebelum mengendalikan ABD. Item dua mempunyai skor min terendah sebanyak 3.42 kerana sampel kajian tidak bersetuju bahawa kehilangan pendengaran semakin teruk jika ABD yang digunakan tidak berfungsi secara optimum. Perkara ini disangkal oleh Church (2018) yang berpendapat tanpa stimulasi bunyi yang mencukupi, saraf pendengaran akan berkurangan secara berkala dan menyebabkan semakin sukar untuk mendengar.

Jadual 2
Pengetahuan Siswa Guru terhadap Alat Bantu Dengar

| Bil. | Perkara | Min |
|-------------------|---|------|
| 1 | Alat bantu dengar adalah penyelesaian kepada ketidakupayaan pendengaran yang dialami oleh murid anda. | 3.75 |
| 2 | Kanak-kanak yang memakai alat bantu dengar yang tidak berfungsi dengan baik akan mengalami kehilangan tambahan sebanyak 30dB. | 3.42 |
| 3 | Alat bantu dengar membantu murid menerima dan memahami pengajaran dengan lebih berkesan. | 3.94 |
| 4 | Gandaan pada alat bantu dengar diberi berdasarkan kepada setiap frekuensi kehilangan pendengaran pemakai. | 3.86 |
| 5 | Terdapat tiga komponen utama alat bantu dengar iaitu mikrofon, <i>amplifier</i> dan <i>earphone</i> . | 4.22 |
| 6 | Sisa pendengaran boleh digunakan melalui penggunaan alat bantu dengar. | 4.39 |
| 7 | Bunyi yang dikeluarkan oleh alat bantu dengar terlalu perlahan. Ia mungkin disebabkan oleh bateri lemah dan perlu diganti. | 4.28 |
| 8 | Ketika menyelenggara alat bantu dengar, tangan hendaklah sentiasa kering dan bersih. | 4.56 |
| 9 | <i>Air Blower</i> atau <i>Puffer</i> digunakan untuk menghilangkan wap atau cecair yang terdapat di dalam salur acuan telinga. | 4.17 |
| 10 | Alat bantu dengar perlu ditutup dahulu sebelum ia dipasangkan atau ditanggalkan daripada telinga bagi mengelakkan bunyi siulan. | 4.33 |
| Purata Jumlah Min | | 4.09 |

Dapatan soalan 2 dapat dilihat pada Jadual 3. Min keseluruhan Jadual 3 iaitu 3.82 iaitu berada pada tahap sederhana. Item 10 mempunyai skor min tertinggi iaitu 4.22. Penggunaan ABD yang berfungsi memudahkan murid menerima input bahasa sekali gus meningkatkan kemahiran sosial mereka. Tempoh penggunaan ABD yang lama juga mempengaruhi peningkatan dalam perkembangan pertuturan dan bahasa (Tomblin, Oleson, Ambrose, Walker & Moeller, 2014). Skor min terendah iaitu 3.14 pada item empat membuktikan bahawa sampel kajian jarang berhubung dengan audiologis sekolah untuk memastikan keberkesanan ABD murid. Perkara ini seharusnya diubah agar sampel kajian sentiasa merujuk kepada ahli audiologis untuk memastikan murid ketidakupayaan pendengaran menggunakan ABD yang berfungsi dan sesuai dengan tahap pendengarannya.

Jadual 3
Peranan Siswa Guru terhadap Alat Bantu Dengar

| Bil. | Perkara | Min |
|-------------------|--|------|
| 1 | Saya memeriksa alat bantu dengar setiap kali sebelum proses pengajaran dan pembelajaran dijalankan. | 3.56 |
| 2 | Ketika menjalankan pengajaran pertuturan, saya perlu bercakap dengan menggunakan nada suara normal dalam kedudukan 30cm/1 kaki di antara mulut guru dengan mikrofon murid. | 3.89 |
| 3 | Ketika menjalankan aktiviti pengajaran dan pembelajaran guru perlu berada 2–3 meter dari murid. | 3.81 |
| 4 | Saya sentiasa berhubung dengan audiologis sekolah untuk mengetahui keberkesanan dan kesesuaian alat bantu dengar yang digunakan oleh murid di kelas saya. | 3.14 |
| 5 | Saya memastikan keadaan kelas saya tidak bising terutamanya sewaktu proses pengajaran dan pembelajaran dijalankan. | 4.20 |
| 6 | Saya akan menggantikan bateri yang mati atau lemah dengan bateri yang baru. | 3.67 |
| 7 | Saya akan memaklumkan kepada pihak sekolah mengenai kerosakan alat bantu dengar murid. | 4.03 |
| 8 | Saya turut memberi pendedahan kepada murid tentang penjagaan alat bantu dengar. | 3.64 |
| 9 | Saya akan memastikan alat bantu dengar dipakai dengan betul. | 4.08 |
| 10 | Saya akan memastikan alat bantu dengar yang dipakai oleh murid berfungsi dengan baik. | 4.22 |
| Purata Jumlah Min | | 3.82 |

Dapatan soalan 3 berdasarkan Jadual 4 di bawah. Berdasarkan Jadual 4, purata nilai min keseluruhan adalah 2.94 iaitu pada tahap sederhana. Sampel berhadapan dengan cabaran yang tidak terlalu besar untuk membantu keberkesanan penggunaan ABD. Item dua mempunyai nilai min tertinggi iaitu 3.58 menjelaskan kebanyakan sampel bersetuju alat pemeriksaan ABD yang dibekalkan tidak berfungsi menyebabkan mereka mengalami kesulitan dalam menyelenggara ABD murid. Perkara ini perlu dicegah secepatnya dengan memastikan setiap guru mempunyai kit penyelenggaraan ABD yang lengkap kerana penyelenggaraan ABD yang sempurna memastikan ABD berfungsi pada tahap optimum.

Jadual 4

Halangan Siswa Guru dalam Membantu Keberkesanan Penggunaan Alat Bantu Dengar

| Bil. | Perkara | Min |
|-------------------|--|------|
| 1 | Saya tidak dibekalkan dengan kelengkapan (alat pemeriksaan) untuk memeriksa alat bantu dengar. | 3.42 |
| 2 | Alat pemeriksaan yang dibekalkan kepada saya tidak sempurna kerana sudah tidak berfungsi lagi. | 3.58 |
| 3 | Saya tidak mempunyai masa yang cukup untuk memeriksa alat bantu dengar sebelum proses PdP kerana ingin menumpukan kepada pengajaran. | 3.25 |
| 4 | Saya mempunyai banyak tugas lain yang lebih penting untuk dilakukan. Oleh itu, saya tidak menghiraukan tentang alat bantu dengar murid. | 2.61 |
| 5 | Sekolah tidak menyediakan alat ganti bateri dan salur acuan telinga. | 3.00 |
| 6 | Alat bantu dengar yang rosak tidak dihantar oleh pihak sekolah untuk diperbaiki. | 3.09 |
| 7 | Alat bantu dengar murid sudah lama tidak diservis, oleh itu pemeriksaan harian oleh guru tidak dapat membantu alat bantu dengar berfungsi dengan baik. | 3.17 |
| 8 | Sikap sesetengah daripada ibu bapa yang tidak membenarkan guru memeriksa alat bantu dengar. | 2.92 |
| 9 | Saya tidak mempunyai kemahiran untuk memeriksa alat bantu dengar. | 2.39 |
| 10 | Saya tidak berminat untuk memeriksa alat bantu dengar. | 1.98 |
| Purata Jumlah Min | | 2.94 |

Bagi analisis dapatan data kualitatif terhadap pandangan penggunaan ABD pula, kebanyakan sampel berpendapat ABD berupaya untuk peningkatan bahasa dan tahap pendengaran murid. Pandangan ini disokong oleh Bess dan Humes (2008) iaitu kanak-kanak yang menggunakan ABD dapat mendengar sebanyak 22 jenis bahasa dan meningkatkan tahap pertuturan. Terdapat sampel yang mengatakan murid sering menanggalkan ABD kerana tidak berasa selesa. Terdapat kajian mengatakan individu ketidakupayaan pendengaran enggan memakai ABD yang dibekalkan adalah kerana ketidakselesaian dan tidak mengetahui cara memasukkan acuan telinga dengan betul (McCormark & Fortnum, 2013). Penggunaan ABD dalam kalangan murid sekolah juga memudahkan mereka memahami arahan guru dan mengikuti PdP yang dijalankan.

Bagi dapatan data kualitatif yang kedua iaitu cadangan meningkatkan keberkesanan ABD, sampel berpendapat ABD perlulah diselenggara oleh pihak yang berkaitan untuk memastikan sentiasa berfungsi dengan optimum. Sampel memberi cadangan untuk memberi pendedahan kepada komuniti mengenai penggunaan ABD agar mereka mengetahui kepentingan ABD. Saranan seterusnya ialah melakukan kolaboratif antara pelbagai pihak. Kolaborasi antara ibu bapa, guru dan audiologis memberi impak terhadap perkembangan murid ketidakupayaan pendengaran menerusi pembangunan sistem sokongan yang memenuhi keperluan murid berkenaan (Arzulyna Anal, 2018). Cadangan terakhir ialah murid melibatkan diri dengan aktif dalam intervensi awal yang meliputi aktiviti pertuturan dan mendengar sambil menggunakan ABD untuk meningkatkan keupayaan memperoleh dan mengeluarkan bunyi bahasa. Mohd Zuri Ghani dan Aznan Che Ahmad (2015) menyebut antara kelebihan intervensi awal ialah menghalang kecacatan yang dialami menjadi lebih teruk dan mengelakkan perkembangan terbantut.

6.0 KESIMPULAN, CADANGAN DAN IMPLIKASI

Kajian tinjauan ini dijalankan untuk mengetahui persepsi siswa guru yang mengajar murid ketidakupayaan pendengaran terhadap penggunaan ABD. Instrumen soal selidik yang telah diagihkan

kepada 36 orang sampel. Data dikumpul melalui secara kualitatif dan kuantitatif. Data kuantitatif memerlukan sampel memilih jawapan yang pada skala Likert lima mata yang meliputi aspek tahap pengetahuan ABD, peranan guru terhadap ABD dan halangan yang dihadapi melaksanakan peranan tersebut. Manakala data kualitatif pula, sampel kajian memberi pendapat kesan penggunaan ABD serta cara meningkatkan keberkesanan penggunaan ABD dalam kalangan murid ketidakupayaan pendengaran.

Cadangan bagi meningkatkan kualiti kajian lanjutan ialah melibatkan alat amplifikasi yang lain seperti pacakan koklea. Saiz sampel juga dibesarkan dengan melibatkan guru-guru Pendidikan Khas Pendengaran di seluruh Malaysia. Instrumen kajian dipelbagaikan dengan menggunakan kaedah temu bual dan pemerhatian. Perkara ini bagi menjamin dapatan kajian lebih jitu dan memberi gambaran meluas mengenai kajian lanjutan yang akan dijalankan.

Kajian ini memberi implikasi kepada beberapa pihak seperti guru dan ibu bapa. Hal ini dibuktikan guru mendapat pengetahuan yang lebih mendalam mengenai kepentingan penggunaan ABD terhadap murid. Ibu bapa perlu sentiasa menggalakan dan menyokong anak mereka menggunakan ABD untuk meningkatkan pencapaian akademik serta meningkatkan pelbagai kemahiran. Berdasarkan kajian yang dijalankan oleh Shahrul Arba'iah (2007) mengenai faktor yang menyumbang kepada kecemerlangan akademi murid ketidakupayaan cacat pendengaran bergantung kepada tiga faktor penting iaitu ibu bapa, khidmat sokongan dan sikap pelajar itu sendiri.

RUJUKAN

- Antia, S. D. (2015). Enhancing academic and social outcomes balancing individual, family, and school assets and risks for deaf and hard-of-hearing students in general education. *Educating deaf learners creating a global evidence base*, 527-571.
- Ardzulyna Anal. (2018). *Impak kepekakkan terhadap perkembangan murid bermasalah pendengaran : implikasi kepada keperluan sistem sokongan*. Selangor: Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Bess, F. H., & Humes, L. E. (2008). *Audiology: The fundamentals (4th ed.)*. Philadelphia, PA: Wolters Kluwer: Lippincott Williams & Wilkins.
- Church, C. (2018, May 9). *What happens when you need hearing aids, but don't wear them?* Retrieved from Half Price Hearing Aids: <http://halfpricehearingaids.com/what-happens-when-you-need-hearing-aids-but-dont-wear-them/>
- Coombe, S. (2018). *New Zealand primary school teachers' knowledge of hearing impairment and deafness*. Christchurch, New Zealand: University of Canterbury.
- McCormack, A., & Fortnum, H. (2013). Why do people fitted with hearing aids not wear them? *International Journal of Audiology*, 52(5), 360–368.
- Mohd Zuri Ghani & Aznan Che Ahmad. (2015). *Kaedah dan strategi pengajaran kanak-kanak berkeperluan khas*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Millar, L. R. (1997). Personality assessment of early visual impaired persons using the CPI and the MMPI. *Journal of Visual Impairment and Blindness*, 172-178.
- Nahazatul Islia Jamari. (7 Mac, 2014). *Tips penjagaan alat bantu pendengaran si kecil*. Retrieved from Portal Rasmi MyHealth Kementerian Kesihatan Malaysia: <http://www.myhealth.gov.my/tips-penjagaan-alat-bantu-pendengaran-si-kecil/>
- Noreha Yusof. (2008). *Kemahiran guru pendidikan khas bermasalah pendengaran terhadap penggunaan alat bantuan pendengaran di kalangan murid-murid khas bermasalah pendengaran di sekolah pendidikan khas dan integrasi di negeri perak*. Perak: Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Shahrul Arba'iah Othman. (2007). *Faktor yang menyumbang kepada kecemerlangan akademik pelajar pekak: Kajian Kes Retrospektif*. Selangor: Tesis Doktor Falsafah. Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia.

Tomblin , B., Oleson , J., Ambrose, S., Walker, E., & Moeller, M. (1 May, 2014). The influence of hearing aids on the speech and language development of children with hearing loss. *JAMA Otolaryngol Head Neck Surg*, 140(5), pp. 403-409.

PERSEPSI GURU BAHASA ISYARAT KOMUNIKASI TERHADAP KESESUAIAN BUKU TEKS DAN TAHAP PENGGUNAANNYA DI DALAM BILIK DARJAH

NUR ZARATUL ULA BINTI RAZUAN
Jabatan Pendidikan Khas

Pensyarah Pembimbing
DATIN SITI MUHIBAH BINTI NOR

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan mengenal pasti persepsi guru Bahasa Isyarat Komunikasi (BIK) terhadap kesesuaian Buku Teks Bahasa Isyarat Komunikasi (BTBIK) dan tahap penggunaannya di dalam bilik darjah. Persepsi guru BIK ini amat penting bagi membantu melihat kesesuaian BTBIK untuk digunakan di dalam bilik darjah. Kajian tinjauan ini melibatkan 30 orang guru BIK di 10 buah sekolah Sekolah Kebangsaan Pendidikan Khas (SKPK) di negeri-negeri Pantai Barat Semenanjung Malaysia. Kaedah pengumpulan data adalah secara soal selidik menggunakan skala likert 5 skala. Item soal selidik terdiri daripada profil responden, kesesuaian aspek isi kandungan serta bahasa dan isyarat dan tahap penggunaan BTBIK di dalam bilik darjah. Data dianalisis secara deskriptif iaitu kekerapan, peratus dan min. Hasil kajian menunjukkan secara umum kesesuaian BTBIK bagi aspek isi kandungan berada pada tahap yang tinggi (min=3.85). Kesesuaian BTBIK bagi aspek bahasa dan istilah berada pada tahap yang sederhana (min=3.48). Manakala hasil bagi tahap penggunaan semasa di dalam bilik darjah berada pada tahap yang sederhana (min=3.10). Bagi analisis soalan terbuka, guru-guru mengakui bahawa kekerapan penggunaan BTBIK berada pada tahap sederhana. Hal ini kerana terdapat beberapa cadangan yang berkaitan dengan keperluan kursus telah dikodkan dalam soalan terbuka. Tahap penggunaan BTBIK berada pada tahap sederhana kerana guru BIK kurang didedahkan tentang tatacara penggunaan BTBIK secara berkesan di dalam bilik darjah. Pendedahan kursus terhadap guru BIK amat penting bagi meningkatkan pengetahuan dan kemahiran agar guru dapat mengaplikasikan BTBIK di dalam bilik darjah. Namun begitu, guru BIK kurang menggunakan BTBIK di dalam bilik darjah ketika mengajar.

Kata Kunci: Guru Bahasa Isyarat Komunikasi, buku teks dan penggunaan

ABSTRACT

The purpose of this study is to identify teachers' perception of Bahasa Isyarat Komunikasi (BIK) on the suitability of the Bahasa Isyarat Komunikasi text books (BTBIK) and frequency of using text books in the classroom. The perception of BIK teachers is very important in helping to see BTBIK suitability for use in the classroom. This survey involved 30 BIK teachers in 10 Special Education Schools (SKPK) schools in the West Coast states of Peninsular Malaysia. The data collection method questionnaire using likert scale utilizing 5 scale. The questionnaire items consisted of respondents' profiles, suitability of aspects of content, language and signaling and frequency of using BTBIK in the classroom. Data was analyzed descriptively ie frequency, percentage and mean. The results show that BTBIK's suitability for content was at a high level (mean = 3.85). BTBIK suitability for language and terms is at a moderate level (mean = 3.48). While the results for the current frequency of using in the classroom are at a moderate level (min = 3.10). Several suggestions teachers acknowledged that the frequency of BTBIK usage was moderate. This is because there are some suggestions related to the course requirements has be encoded in an open question. Frequency of BTBIK usage is moderate level because BIK teachers are less expose to BTBIK effective use procedures in the classroom. The course exposure to BIK teachers is crucial in enhancing knowledge and skills to enable teachers to apply BTBIK in the classroom. However, BIK teachers using less BTBIK in the classroom while teaching.

Keywords: Bahasa Isyarat Komunikasi teachers, textbooks and frequency

Emel: nurzaratulularazuan@gmail.com

1.0 PENGENALAN

Bahasa Isyarat Komunikasi (BIK) merupakan mata pelajaran tambahan. Mata pelajaran BIK menggunakan Buku Teks Bahasa Isyarat Komunikasi (BTBIK) yang diterbitkan untuk murid ketidakupayaan pendengaran. Keutamaan rujukan dan penggunaan bahasa isyarat dalam buku ini berdasarkan Bahasa Melayu Kod Tangan terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka (Shazlin Sulaiman, 2013). Walau bagaimanapun, masalah penyelarasan kod dan ketidakcukupan kod bagi merujuk kata dalam Bahasa Melayu (Abdullah Yusoff & Che Rabiaah Mohamed, 2009). Hal ini menyebabkan penyelarasan pada penggunaan kod tidak selaras bagi merujuk setiap kata dalam Bahasa Melayu (Hasuria Che Omar, 2009). Oleh itu, isi kandungan dan bahasa dan istilah buku teks juga perlulah sesuai dengan keadaan semasa.

2.0 PERNYATAAN MASALAH

Buku teks merupakan sumber terpenting dalam proses PdP. Kementerian Pelajaran Malaysia pekiling Ikhtisas bil 12/1999 telah menyatakan bahawa buku teks yang diperakui oleh Kementerian Pendidikan adalah wajib digunakan di semua sekolah kerajaan. Menurut Kementerian Pendidikan Malaysia dalam Kurikulum Standard Sekolah Rendah Pendidikan Khas (2015), menyatakan mata pelajaran BIK digubal dengan memberi penekanan kepada penguasaan berkomunikasi murid ketidakupayaan pendengaran yang merangkumi aspek-aspek kemahiran praisyarat, kemahiran visual dan kemahiran bahasa isyarat kreatif.

Namun begitu, fokus utama mata pelajaran BIK untuk memberi peluang pembelajaran dari aspek pemerolehan dan penguasaan Bahasa Melayu. Menurut Nik Hassan Seman, Mustafa Che Omar, Abdullah Yusoff & Mohd Yusof Abdullah (2016), murid ketidakupayaan pendengaran menghadapi masalah dari segi kemahiran bahasa. Masalah ini kerana sikap murid ketidakupayaan pendengaran yang kurang membaca. Oleh itu, kajian perlu dilaksanakan bagi mengetahui kesesuaian dan kekerapan penggunaan buku teks ini. Justeru, pengkaji berpendapat bahawa kajian tentang persepsi guru Bahasa Isyarat Komunikasi terhadap kesesuaian BTBIK dan kekerapan penggunaannya di bilik darjah perlu dilakukan.

3.0 OBJEKTIF DAN SOALAN KAJIAN

Objektif kajian ini adalah untuk:

- a) Mengetahui kesesuaian BTBIK terhadap murid-murid ketidakupayaan pendengaran daripada aspek isi kandungan semasa PdP di dalam bilik darjah.
- b) Mengetahui kesesuaian BTBIK terhadap murid-murid ketidakupayaan pendengaran daripada aspek bahasa dan istilah semasa PdP di dalam bilik darjah.
- c) Mengetahui tahap penggunaan BTBIK oleh guru-guru Bahasa Isyarat Komunikasi yang mengajar murid-murid ketidakupayaan pendengaran semasa PdP di dalam bilik darjah.
- d) Mendapat maklumat berkaitan cadangan guru Bahasa Isyarat Komunikasi ke arah peningkatan penggunaan BTBIK di dalam bilik darjah.

Kajian ini bertujuan untuk menjawab persoalan kajian seperti berikut:

- a) Adakah aspek isi kandungan dalam BTBIK sesuai dengan tahap murid-murid ketidakupayaan pendengaran semasa PdP di dalam bilik darjah?
- b) Adakah aspek bahasa dan istilah dalam BTBIK sesuai dengan tahap murid-murid ketidakupayaan pendengaran semasa PdP di dalam bilik darjah?
- c) Apakah tahap penggunaan BTBIK oleh guru-guru Bahasa Isyarat Komunikasi yang mengajar murid-murid ketidakupayaan pendengaran semasa PdP di dalam bilik darjah?
- d) Apakah cadangan guru Bahasa Isyarat Komunikasi ke arah peningkatan penggunaan BTBIK di dalam bilik darjah?

4.0 METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini adalah penyelidikan jenis kajian deskriptif. Sampel kajian ini terdiri daripada populasi iaitu melibatkan 30 orang guru BIK di 10 buah sekolah SKPK di negeri-negeri Pantai Barat Semenanjung Malaysia.

Instrumen soal selidik yang digunakan adalah secara atas talian iaitu melalui aplikasi *google forms*. Instrumen kajian ini terdiri daripada 41 item dan dibahagikan kepada empat bahagian. Bahagian A terdiri daripada maklumat demografi responden, Bahagian B mengenai kesesuaian aspek isi kandungan serta bahasa dan istilah terhadap BTBIK, Bahagian C mengenai tahap penggunaan BTBIK semasa pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah dan Bahagian D mengenai cadangan untuk meningkatkan penggunaan BTBIK. Bagi memudahkan skala 5 likert iaitu sangat tidak setuju, tidak setuju, kurang setuju, setuju dan sangat setuju digunakan pengkaji.

Penganalisan data kajian dilakukan menggunakan *Statistical Package For the Sosial Science 22.0* (SPSS 22.0). Data dianalisis secara deskriptif iaitu kekerapan, peratusan dan min. Tafsiran min digunakan adalah berdasarkan jadual 1.

Jadual 1
Jadual Tafsiran Min

| Skor min | Tahap |
|-------------|---------------|
| 1.00 - 1.89 | Sangat rendah |
| 1.90 – 2.69 | Rendah |
| 2.70 – 3.49 | Sederhana |
| 3.50 – 4.29 | Tinggi |
| 4.30 – 5.00 | Sangat Tinggi |

Sumber: Bahagian Perancangan & Penyelidikan Dasar Pendidikan (BPPDP) (2006)

5.0 DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Soalan Kajian 1 : Kesesuaian daripada aspek isi kandungan

Jadual 2
Persepsi Guru Bahasa Isyarat Komunikasi terhadap Kesesuaian Aspek Isi Kandungan

| Bil. | Pernyataan | Skala (%) | | | | | Min | Tahap |
|---|---|-----------|----|--------------|--------------|--------------|------|---------------|
| | | STS | TS | KS | S | SS | | |
| i) Kesesuaian aspek Isi Kandungan BTBIK dalam Pengajaran dan Pembelajaran | | | | | | | | |
| 1 | Isi Kandungan BTBIK disusun mengikut (SP) dan (HSP). | - | - | - | 9 (30.0) | 21 (70.0) | 4.70 | Sangat Tinggi |
| 2 | Kandungan BTBIK merangkumi aras- aras HSP. | - | - | - | 10 (33.3) | 20 (33.3) | 4.67 | Sangat Tinggi |
| 3 | Menguasai kemahiran praisyarat melalui kandungan | - | - | 9 (30.0) | 20 (66.7) | 1 (3.3) | 3.73 | Tinggi |
| 4 | Menguasai kemahiran visual melalui kandungan BTBIK. | - | - | 9 (30.0) | 20 (66.7) | 1 (3.3) | 3.73 | Tinggi |
| 5 | Menguasai kemahiran isyarat kreatif melalui kandungan | - | - | 9 (30.0) | 20 (66.7) | 1 (3.3) | 3.73 | Tinggi |
| 6 | Mengandungi ayat dan gaya bahasa yang mudah difahami. | - | - | 11 (36.7) | 18 (60.0) | 1 (3.3) | 3.67 | Tinggi |

| | | | | | | | | |
|-------------------|--|------------|-------------|--------------|--------------|------------|------|-----------|
| 7 | Mengandungi unsur kemahiran berfikir dan mencabar minda. | 2 (6.7) | 8 (26.7) | 16 (53.3) | 3 (10.0) | 1 (3.3) | 2.77 | Sederhana |
| 8 | Kandungan BTBIK menjurus kepada kepelbagaian budaya, bahasa, agama dan kaum di Malaysia. | - | - | 10 (33.3) | 20 (66.7) | - | 3.67 | Tinggi |
| 9 | Mempunyai kesepaduan kemahiran dan nilai murni. | - | - | 4 (13.3) | 25 (83.3) | 1 (3.3) | 3.90 | Tinggi |
| 10 | Kandungan BTBIK merentas kurikulum | - | - | 3 (10.0) | 27 (90.0) | - | 3.90 | Tinggi |
| Purata Jumlah min | | | | | | | 3.85 | Tinggi |

Dapatan menunjukkan purata jumlah min yang diperoleh adalah 3.85. Skor min bagi item satu mencatatkan min yang paling tertinggi iaitu 4.70 yang menyebut bahawa "Isi Kandungan BTBIK disusun mengikut kehendak Sukatan Pelajaran (SP) dan Huraian Sukatan Pelajaran (HSP)". Item satu menunjukkan persetujuan yang sangat tinggi adalah mencapai hasrat Kementerian Pelajaran Malaysia (2019) yang menyebut buku teks yang bermutu bukan sahaja dapat menentukan perkembangan ilmu pengetahuan. Manakala menurut Bahagian Buku Teks, Kementerian Pendidikan Malaysia (2019), penulisan buku teks ini berpandukan DSKP yang disediakan oleh Bahagian Pembangunan Kurikulum. Kajian berkaitan juga dijalankan oleh Tay Meng Guat (2010) yang menunjukkan skor positif dengan hasil kajian membuktikan bahawa buku teks bahasa Melayu memerlukan beberapa penambahbaikan untuk menjadikan buku teks yang lebih berkualiti.

Walaupun demikian, daripada aspek isi kandungan terdapat juga item-item yang mencatat skor min yang rendah. Contohnya bagi item 7 yang menyebut "Kandungan BTBIK mengandungi unsur kemahiran berfikir dan mencabar minda murid ketidakupayaan pendengaran. Item ini menunjukkan persetujuan yang sederhana. Ini dapat dilihat menerusi analisis soalan terbuka iaitu "Penggunaan BTBIK hanya sekadar panduan isi kandungan yang akan dipelajari lebih mudah menggunakan kamus KTBM untuk mencari kod isyarat kerana mempunyai huraian yang lebih jelas". Kajian berkaitan juga dijalankan oleh Nur Fatin Fariha Zarwawi (2015) Kementerian Pendidikan Malaysia telah melaksanakan pembelajaran melalui buku teks digital, hasil kajian didapati pelaksanaan penggunaan buku teks digital masih ditahap kurang memuaskan dan masih memerlukan penambahbaikan di masa akan datang.

Soalan Kajian 2 : Kesesuaian daripada aspek Bahasa dan Istilah

Jadual 3

Persepsi Guru Bahasa Isyarat Komunikasi terhadap Kesesuaian Aspek Bahasa dan Istilah Buku

| Bil | Pernyataan | Skala | | | | | Min | Tahap |
|---|--|-------|----|--------------|--------------|-------------|------|--------|
| | | STS | TS | KS | S | SS | | |
| ii) Kesesuaian aspek bahasa dan istilah BTBIK dalam Pengajaran dan Pembelajaran | | | | | | | | |
| 1 | BTBIK bahasa, istilah dan ejaan tepat, tekal dan kemas kini. | - | - | 2 (6.7) | 23 (76.7) | 5 (16.7) | 4.10 | Tinggi |
| 2 | Ejaan dirujuk Kamus Dewan Bahasa. | - | - | - | 25 (83.3) | 5 (16.7) | 4.17 | Tinggi |
| 3 | BTBIK menggunakan laras bahasa Melayu yang tepat | - | - | 13 (43.3) | 15 (50.0) | 2 (6.7) | 3.63 | Tinggi |
| 4 | Menggunakan perbendaharaan kata sesuai | - | - | 12 (40.0) | 17 (56.7) | 1 (3.3) | 3.63 | Tinggi |

| | | | | | | | | |
|-------------------|--|-------------|--------------|--------------|--------------|--------------|------|-----------|
| 5 | Bahasa jelas. | - | 5 (16.7) | 14 (46.7) | 9 (30.0) | 2 (6.7) | 3.27 | Sederhana |
| 6 | Kod bahasa isyarat jelas. | 6 (20.0) | 10 (33.3) | 11 (36.7) | 1 (3.3) | 2 (6.7) | 2.43 | Rendah |
| 7 | Ayat arahan yang digunakan jelas dan mudah | - | 2 (6.7) | 16 (53.3) | 10 (33.3) | 2 (6.7) | 3.40 | Sederhana |
| 8 | bahasa dan istilah soalan latihan jelas dan difahami | - | 3 (10.0) | 15 (50.0) | 10 (33.3) | 2 (6.7) | 3.37 | Sederhana |
| 9 | Penggunaan kosa kata jelas. | - | 3 (10.0) | 14 (46.7) | 11 (36.7) | 2 (6.7) | 3.40 | Sederhana |
| 10 | Dialog atau latihan jelas. | - | - | 3 (10.0) | 12 (40.0) | 15 (50.0) | 3.40 | Sederhana |
| Purata Jumlah min | | | | | | | 3.48 | Sederhana |

Menurut Bahagian Buku Teks, Kementerian Pelajaran Malaysia (2019), daripada aspek bahasa dan istilah, setiap buku teks perlu memenuhi syarat-syarat seperti penggunaan bahasa, istilah dan ejaan mestilah tepat, tekak dan kemas kini. Menurut Dewan Bahasa dan Pustaka (2012) keutamaan utama Buku Teks BIK ini adalah untuk merujuk dan menggunakan bahasa isyarat berdasarkan Bahasa Malaysia Kod Tangan (BMKT) yang diterbitkan oleh DBP. Dapatan kajian menunjukkan purata min ialah 3.48. Hal ini menunjukkan bahawa persepsi guru Bahasa Isyarat Komunikasi terhadap aspek bahasa dan istilah “kurang bersetuju”.

Terdapat item yang mencatat skor min yang rendah iaitu 2.43. Item enam yang menyebut bahawa “Kod isyarat yang dipersembahkan dalam BTBIK adalah jelas”. Hal ini disokong oleh Aisyah Sjahrony, Maimun Lubis dan Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff (2017) buku teks yang berkualiti akan menghasilkan satu teks bacaan mudah difahami oleh murid khususnya kepada murid ketidakupayaan pendengaran. Persetujuan yang rendah ini juga dapat dilihat menerusi analisis soalan terbuka yang menyebut “Kod isyarat yang terdapat di dalam BTBIK perlu saiz yang lebih jelas dan mempunyai penerangan”.

Soalan Kajian 3 : Tahap penggunaan BTBIK oleh guru-guru yang mengajar murid ketidakupayaan pendengaran semasa PdP di dalam bilik darjah.

Jadual 4

Tahap Penggunaan BTBIK oleh Guru-guru yang Mengajar Murid Ketidakupayaan Pendengaran semasa PdP di dalam Bilik Darjah

| Bil. | Pernyataan | Skala | | | | | Min | Tahap |
|---|---|-------------|--------------|-------------|--------------|--------------|------|---------------|
| | | STS | TS | KS | S | SS | | |
| (iii) Tahap penggunaan BTBIK oleh guru-guru yang mengajar murid ketidakupayaan pendengaran semasa PdP di dalam bilik darjah | | | | | | | | |
| 1 | Saya kerap menggunakan BTBIK murid ketidakupayaan pendengaran yang high-function. | - | - | 4 (13.3) | 21 (70.0) | 5 (16.7) | 4.03 | Tinggi |
| 2 | Saya kerap menggunakan BTBIK murid ketidakupayaan pendengaran yang low-function. | 5 (16.7) | 18 (60.0) | 7 (23.3) | - | - | 2.07 | Rendah |
| 3 | BTBIK memudahkan kerja guru. | - | - | 1 (3.3) | 27 (90.0) | 2 (6.7) | 4.03 | Tinggi |
| 4 | Guru-guru BIK perlu diberi pendedahan secukupnya | - | - | - | 24 (80.0) | 6 (20.0) | 4.20 | Tinggi |
| 5 | Guru perlu diberi penjelasan tentang kaedah penggunaan BTBIK | - | - | - | 15 (50.0) | 15 (50.0) | 4.50 | Sangat Tinggi |

| | | | | | | | | |
|-------------------|---|---|---|-------------|--------------|--------------|------|---------------|
| 6 | Menyertai kursus, guru BIK lebih mendapat pemahaman | - | - | - | 10 (33.3) | 20 (66.7) | 4.67 | Sangat Tinggi |
| 7 | Saya membina peta minda | - | - | 8 (26.7) | 18 (60.0) | 4 (13.3) | 3.87 | Tinggi |
| 8 | Saya memandang serius pelaksanaan penggunaan BTBIK | - | - | 2 (6.7) | 21 (70.0) | 7 (23.3) | 4.17 | Tinggi |
| 9 | Saya menggunakan BTBIK untuk menjayakan kaedah PdP | - | - | 2 (6.7) | 26 (86.7) | 2 (6.7) | 4.00 | Tinggi |
| 10 | Penggunaan BTBIK mempunyai nilai | - | - | 1 (3.3) | 26 (86.7) | 3 (10.0) | 4.07 | Tinggi |
| Purata Jumlah min | | | | | | | 3.10 | Sederhana |

Bagi aspek tahap penggunaan BTBIK semasa PdP di dalam bilik darjah, nilai skor min ialah 3.10. Item enam dengan skor min 4.67 menyatakan bahawa "Dengan menyertai kursus, guru BIK lebih mendapat pemahaman terhadap penggunaan BTBIK dalam PdP". Ini menunjukkan responden berminat terhadap pendedahan tentang kursus tatacara penggunaan BTBIK semasa PdP di dalam bilik darjah. Menurut Mahidin Awang Itam (2006) walaupun sekolah-sekolah dibekalkan Buku Panduan Guru (BPG), pendedahan penggunaannya perlu dibuat dari semasa ke semasa. Menurut Bahagian Buku Teks, Kementerian Pendidikan Malaysia (2019), buku panduan guru untuk *Common European Framework of References (CEFR)* dibekalkan ke semua sekolah untuk guru merujuk dan membuat pengubahsuaian mengikut kesesuaian murid berkeperluan khas.

Walaupun bagaimanapun, dapatan bagi skor min terendah adalah pada item dua. Item dua dengan skor min 2.07 "Saya kerap menggunakan BTBIK semasa PdP untuk mengajar murid ketidakupayaan pendengaran yang *low-function*". Dapatan ini selaras dengan dapatan Fatimahzahrah Othman & Aliza Alias (2016), dapatan menunjukkan guru telah menggunakan buku teks sebagai penyediaan aktiviti pengajaran semasa merancang pdp mengikut tahap kesesuaian murid. Pendapat ini selaras dengan Peraturan Pendidikan Khas (2013) Bahagian 8 (1) menyatakan bahawa seseorang guru boleh membuat pengubahsuaian kaedah atau teknik PdP seperti BBM.

Soalan Kajian 4 : Cadangan Meningkatkan Kesesuaian penggunaan Buku Teks Bahasa Isyarat Komunikasi

"Analisis Jawapan Soalan Terbuka bagi Tema Cadangan meningkatkan kesesuaian penggunaan Buku Teks Bahasa Isyarat Komunikasi"

Berdasarkan pandangan guru-guru dalam soalan terbuka, guru perlu didedahkan atau diberikan kursus tatacara penggunaan BTBIK semasa PdP di dalam bilik darjah. Walaupun sekolah-sekolah dibekalkan Buku Panduan Guru (BPG), pendedahan penggunaannya perlu dibuat dari semasa ke semasa. Sepatutnya semua guru setiap mata pelajaran perlu diberi kursus tatacara penggunaan BTBIK supaya penggunaan BTBIK dalam pembelajaran lebih bermakna dan berkesan.

6.0 KESIMPULAN, CADANGAN DAN IMPLIKASI

Hasil dapatan kajian ini menunjukkan persepsi guru Bahasa Isyarat Komunikasi terhadap kesesuaian BTBIK bagi aspek isi kandungan berada pada tahap yang tinggi. Seterusnya, bagi aspek bahasa serta istilah berada pada tahap yang sederhana. Manakala bagi tahap penggunaan semasa di dalam bilik darjah juga berada pada tahap yang sederhana. Bagi analisis soalan terbuka, guru-guru mengakui bahawa kekerapan penggunaan BTBIK berada pada tahap sederhana. Hal ini kerana guru BIK kurang didedahkan tentang tata cara penggunaan BTBIK secara berkesan di dalam bilik darjah. Oleh itu, BTBIK dan kekerapan penggunaan perlu dirancang sebaik mungkin agar murid ketidakupayaan pendengaran tidak ketinggalan dalam arus globalisasi.

Kajian ini merupakan kajian di peringkat awal yang menggunakan ruang masa dan keperluan yang terhad. Hasil daripada kajian ini, pengkaji mendapati terdapat beberapa kekurangan dan kelemahan dalam kajian ini yang boleh diperbaiki untuk penambahbaikan kajian seterusnya. Antara kajian lanjutan yang dicadangkan dalam kajian akan datang haruslah menjalankan skop kajian yang

menyeluruh yang melibatkan aspek-aspek lain seperti aspek persembahan serta aktiviti dan latihan. Seterusnya, generalisasi dari segi saiz sampel kajian perlu dibesarkan. Akhir sekali, menjalankan satu kajian berkenaan kelemahan dan kebaikan BTBIK dari sudut persepsi murid-murid ketidakupayaan pendengaran.

RUJUKAN

- Abdul Shukor Abdullah. (1999). *Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 12/1999*. Kuala Lumpur: Pejabat Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia.
- Abdullah Yusoff & Che Rabiaah Mohamed. (2009). Memartabatkan bahasa orang pekak. *Deaf Empowerment Through Sign language Research*, 73-98.
- Aisyah Sjahrony, Maimun Aqsha Lubis & Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff. (2017). *Kepentingan Kebolehbacaan Buku Teks dalam Dunia Pendidikan*. Kuala Lumpur: Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Dewan Bahasa dan Pustaka. (2012). *Buku Teks Bahasa Isyarat Komunikasi (Masalah Pendengaran) Tahun Tiga*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Fatimahtulzahrah Othman & Aliza Alias. (2016). *Penggunaan buku teks Bahasa Inggeris KSSRPK dalam pengajaran dan pembelajaran murid bermasalah pendengaran*. Kuala Lumpur: International Conference On Special Education In Southeast Asia Region 6.
- Hasuria Che Omar. (2009). *Penterjemahan dan Bahasa Isyarat*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Negara Malaysia Berhad.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2019, Februari 7). *Bahagian Buku Teks*. Retrieved from Portal Rasmi Kementerian Pendidikan Malaysia: <https://www.moe.gov.my/index.php/my/korporat/jabatan-dan-bahagian/bahagian-buku-teks>
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2006). *Portal Rasmi Kementerian Pendidikan Malaysia*. Retrieved from Bahagian Perancangan & Penyelidikan Dasar Pendidikan (BPPDP) .
- Mahidin Awang Itam. (2006). *Sikap Guru Terhadap Keberkesanan Buku Teks Bahasa Melayu Dan Penggunaannya Di Dalam Bilik Darjah*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nik Hassan Seman, Mustafa Che Omar, Abdullah Yusoff & Mohd Yusuf Abdullah,. (2016). Analisis Permasalahan Pelajar Cacat Pendengaran Dalam Pembelajaran Mata Pelajaran Pendidikan Islam di Malaysia. *Jurnal Ilmi*, Jilid 6 2016 : 105-124.
- Nur Fatin Fariha Zarwawi. (2015). *Pelaksanaan Pembelajaran Melalui Buku Teks Digital Dalam Memperkasakan Pengajaran Guru di Sekolah*. Kuala Lumpur: Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- Peraturan-Peraturan Pendidikan (Pendidikan Khas) 2013*. (2013, Julai 18). Kuala Lumpur: Jabatan Peguam Negara.
- Shazlin Sulaiman. (2013). *Bahasa Isyarat Komunikasi*. Selangor: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Tay Meng Guat. (2010). Pandangan Guru Pelatih Terhadap Buku Teks Bahasa Melayu Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah. *Jurnal Penyelidikan IPG KBL*, Jilid 9 , 20-30.

SATU TINJAUAN MINAT MURID PENDIDIKAN KHAS MASALAH PENDENGARAN TERHADAP PUSAT SUMBER SEKOLAH

NURNABILA HUSNA BINTI MOHMAD ASARI
Jabatan Pendidikan Khas

Pensyarah Pembimbing
EN. MOHD YUSOFF BIN MOHD NOOR

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan meninjau minat murid pendidikan khas masalah pendengaran terhadap Pusat Sumber Sekolah. Tumpuan kajian ini adalah untuk mengenal pasti faktor-faktor yang mempengaruhi minat murid pendidikan khas masalah pendengaran terhadap Pusat Sumber Sekolah. Kajian ini dijalankan di sebuah sekolah rendah yang menempatkan murid pendidikan khas masalah pendengaran di negeri Selangor. Seramai 30 orang responden telah dipilih sebagai subjek kajian ini. Responden-responden adalah terdiri daripada murid pendidikan khas masalah pendengaran di tahun empat, lima dan enam. Kajian ini menggunakan kaedah tinjauan melalui soal selidik untuk mendapatkan data. Data dan maklumat dalam kajian ini dikemukakan dalam bentuk statistik diskriptif, dimana kaedah kekerapan, peratusan dan min digunakan untuk menganalisis data. Hasil kajian mendapati bahawa minat murid pendidikan khas masalah pendengaran terhadap pusat sumber sekolah dalam konteks motivasi (min 3.76) dan bahan (min 3.34) berada pada tahap yang tinggi. Hasil analisis kajian ini mendapati motivasi dan bahan bukan faktor utama yang mempengaruhi minat murid tersebut terhadap Pusat Sumber Sekolah. Namun begitu, terdapat beberapa faktor luaran yang melibatkan skop yang lebih kecil dalam mempengaruhi motivasi intrinsik dan ekstrinsik murid tersebut.

Kata Kunci: Murid Pendidikan Khas masalah pendengaran, pusat sumber sekolah, minat

ABSTRACT

The purpose of this study was to make a survey of hard of hearing student's interest on school library. The main focus of this study was to identify the factors that affects special education hearing disability student's interest on school library. This study was carried out in a primary school which placing special education hearing disability students in Selangor. The respondents consist of special education hearing disability students from year four, five and six. The method used for the study was the survey method and the instrument used to solicit opinion of the respondents was a questionnaire. Data gathered from research is presented in the form of descriptive statistic, where as the frequency, the percentage and mean analysis is used to analyse data. The study found that students with hard of hearing's interest on school library in motivation contacts (mean 3.74) and reading source (mean 3.34) was high. The result of the study revealed that motivation and reading source is not the main factor of hard of hearing student's interest on school library. However, there is some external factors that involving a small scope that affects the student's intrinsic and extrinsic motivation.

Keywords: Hearing-impaired student, school library, interest

Emel: Nabila96bella@gmail.com

1.0 PENGENALAN

Kajian ini dijalankan untuk mengetahui penggunaan Pusat Sumber Sekolah (PSS) dalam kalangan murid- murid pendidikan khas masalah pendengaran sekolah rendah di sebuah sekolah di Selangor. Kajian ini juga meninjau faktor-faktor yang mempengaruhi penggunaan PSS dalam kalangan murid-murid masalah pendengaran di sekolah rendah. Dalam kajian ini, soal selidik telah diedarkan kepada responden yang terdiri daripada semua guru bagi mengenal pasti tahap penggunaan PSS dalam kalangan murid- murid masalah pendengaran. Dapatan kajian pada keseluruhannya menunjukkan bahawa penggunaan PSS dalam kalangan murid-murid pendidikan khas masalah pendengaran adalah tidak menggalakkan. Oleh itu, pengkaji ingin mengkaji tentang faktor yang mempengaruhi minat murid mengunjungi PSS.

2.0 PERNYATAAN MASALAH

Berdasarkan analisis dokumen rekod lawatan ke pusat sumber menunjukkan bahawa kecenderungan pelajar untuk mengunjungi pusat sumber adalah pada tahap yang lemah. Bagi mendapatkan kepastian secara lebih mendalam, pengkaji telah membuat pemerhatian secara tidak formal dan mendapati bahawa kehadiran pelajar ke PSS amat tidak menggalakkan. Pengkaji juga telah menemu bual beberapa orang guru di sekolah bagi mendapatkan keterangan lebih lanjut tentang sambutan pelajar terhadap PSS. Berdasarkan kepada maklum balas yang diterima, pengkaji dapat menyimpulkan bahawa murid-murid bermasalah pendengaran kurang minat untuk mengunjungi pusat sumber.

Seorang pengkaji, Chanami Gunasekera (dalam Robins, 2014), pada 2010 pernah mengkaji tentang tahap penggunaan perpustakaan oleh pelajar-pelajar di sebuah universiti di Sri Lanka dan hasil kajiannya menunjukkan ia berada pada tahap yang positif. Namun kali ini, pengkaji telah mengkaji tentang tahap penggunaan PSS oleh murid-murid pendidikan khas masalah pendengaran. Setelah maklumat awal dikumpul, ternyata murid-murid pendidikan khas masalah pendengaran sememangnya kurang berminat terhadap PSS. Penyelidikan ini dilaksanakan di sebuah sekolah pendidikan khas di sekitar Selangor. Dengan terlaksananya penyelidikan ini, diharapkan dapat membantu memberi informasi kepada pihak sekolah dan pihak Kementerian Pelajaran Malaysia untuk menyusun dan merancang perubahan yang berkesan untuk membantu meningkatkan penggunaan PSS dalam kalangan pelajar-pelajar pendidikan khas masalah pendengaran. Kajian ini juga memberi kesedaran kepada pelajar-pelajar pendidikan khas masalah pendengaran mengenai peranan dan fungsi sesebuah PSS dan membantu memberi maklumat tentang keberkesanan perubahan yang telah dilakukan terhadap PSS.

3.0 OBJEKTIF KAJIAN DAN PERSOALAN KAJIAN

Objektif kajian ini adalah untuk:-

1. Mengenal pasti bagaimana motivasi murid menjadi faktor minat murid pendidikan khas masalah pendengaran terhadap PSS.
2. Mengenal pasti bagaimana bahan bacaan menjadi faktor minat murid pendidikan khas masalah pendengaran ke PSS.

Dua persoalan kajian telah dikenal pasti iaitu:-

1. Bagaimanakah motivasi murid menjadi faktor minat murid pendidikan khas masalah pendengaran terhadap PSS?
2. Bagaimanakah bahan bacaan mempengaruhi minat murid pendidikan khas masalah pendengaran terhadap PSS?

4.0 METODOLOGI KAJIAN

Kajian yang telah dijalankan adalah berbentuk tinjauan. Pengumpulan data adalah melalui kaedah kuantitatif dengan menggunakan borang soal selidik terhadap murid pendidikan khas bermasalah pendengaran. Bagi menjalankan kajian ini, seramai 30 orang murid dari sekolah pendidikan khas dipilih untuk dijadikan sebagai sampel kajian. Setiap item dalam borang soal selidik yang diaplikasikan daripada kajian oleh Isnazhana Ismail (2006). Untuk tujuan ini, penyelidik telah memilih seramai 10 orang murid sebagai sampel kajian rintis dan memperoleh nilai Alpha Cronbach sebanyak 0.72. Pengumpulan data dibuat berdasarkan soal selidik yang ditadbir. Setiap data yang diperolehi daripada pelbagai instrumen kajian telah direkodkan. Kemudian pengkaji menganalisis data-data tersebut bagi mendapatkan maklumat yang lebih lanjut tentang faktor yang mempengaruhi ketidaktercapaian murid pendidikan khas masalah pendengaran untuk mengunjungi PSS.

5.0 DAPATAN DAN PERBINCANGAN

5.1 Motivasi Mempengaruhi Minat Murid Pendidikan Khas Masalah Pendengaran Terhadap PSS

Jadual 1

Bagaimanakah Motivasi Mempengaruhi Minat Murid Pendidikan Khas Masalah Pendengaran terhadap PSS?

| Bil. | Item | Kekerapan (%) | | | | | Min |
|------|--|---------------|----------|-----------|-----------|----------|------|
| | | STS | TS | TP | S | SS | |
| I. | Suasana belajar yang kondusif mendorong saya mengunjungi Pusat Sumber Sekolah. | 0 (0.0) | 0 (0.0) | 3 (10.0) | 24 (80.0) | 3 (10.0) | 4.00 |
| II. | Saya mengunjungi Pusat Sumber Sekolah tanpa arahan. | 0 (0.0) | 5 (16.7) | 7 (23.3) | 17 (56.7) | 1 (3.8) | 3.47 |
| III. | Saya sedar bahawa penggunaan Pusat Sumber Sekolah yang betul akan memberikan kejayaan kepada saya. | 0 (0.0) | 0 (0.0) | 7 (23.3) | 18 (60.0) | 5 (16.7) | 3.93 |
| IV. | Saya sentiasa mengulang kaji pelajaran di Pusat Sumber Sekolah bersama rakan- rakan. | 0 (0.0) | 0 (0.0) | 7(23.3) | 19 (63.3) | 4 (13.3) | 3.90 |
| V. | Saya suka mengunjungi Pusat Sumber Sekolah untuk membuat rujukan. | 0 (0.0) | 0 (0.0) | 11 (36.7) | 15 (50.0) | 4 (13.3) | 3.77 |
| VI. | Saya sering menyiapkan kerja sekolah dengan rujukan di Pusat Sumber Sekolah. | 2 (6.7) | 1 (3.3) | 7 (23.3) | 20 (66.7) | 0 (0.0) | 3.50 |

Kajian mendapati min keseluruhan bagi faktor motivasi mempengaruhi minat murid bermasalah pendengaran terhadap PSS berada pada tahap yang tinggi iaitu 3.76. Hal ini menunjukkan bahawa motivasi bukanlah faktor utama yang mempengaruhi minat murid tersebut. Motivasi pendidikan dari segi teorinya biasa dikaitkan dengan soal pencapaian seseorang dalam bidang pendidikan. Motivasi pendidikan boleh dibahagi kepada dua iaitu motivasi intrinsik dan motivasi ekstrinsik. Motivasi intrinsik bermakna keterlibatan dalam sesuatu aktiviti tanpa menerima apa-apa ganjaran luar (Plotnik & Kouyoumdjian, 2011). Motivasi ekstrinsik pula bermaksud keterlibatan dalam sesuatu aktiviti atau tingkah laku sama ada untuk mengurangkan keperluan biologi atau membantu kita mencapai insentif dan ganjaran luar (Plotnik & Kouyoumdjian, 2011).

Hasil kajian mendapati bahawa motivasi bukanlah faktor utama minat kanak- kanak pendidikan khas masalah pendengaran terhadap PSS. Namun, dari sudut motivasi intrinsik dan ekstrinsik murid tersebut terdapat sedikit perbezaan. Hal ini dapat dilihat berdasarkan kesedaran mereka terhadap penggunaan PSS yang akan memberikan kejayaan kepada mereka pada item 3. Namun rekod kehadiran murid di perpustakaan menunjukkan angka yang sangat lemah. Hal ini juga dapat dilihat berdasarkan item 2 iaitu perakuan bahawa mereka mengunjungi PSS tanpa arahan menunjukkan kadar sebanyak iaitu 3.47. Hal ini menunjukkan bahawa murid pendidikan khas masalah pendengaran mempunyai motivasi intrinsik yang rendah.

Hal ini dapat disokong dengan kajian yang dilakukan oleh Azizi dan Jaafar Sidek (2006), yang menyatakan bahawa motivasi dianggap sebagai unsur yang membolehkan pelajar melibatkan diri secara aktif dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Di samping itu, ia menjadikan proses pembelajaran berlaku dalam situasi yang bermakna, berfaedah dan menyeronokkan. Oleh itu, guru perlu sentiasa memberi penegasan serta-merta kepada pelajarnya apabila mereka memperlihatkan tingkah laku positif dan lebih bermotivasi.

5.2 Bahan Mempengaruhi Minat Murid Pendidikan Khas Masalah Pendengaran Terhadap Pusat Sumber Sekolah

Jadual 2

Bagaimanakah Bahan Bacaan Mempengaruhi Minat Murid Pendidikan Khas Masalah Pendengaran terhadap Pusat Sumber?

| Bil. | Item | Kekerapan (%) | | | | | Min |
|-------|--|---------------|----------|-----------|-----------|-----------|------|
| | | STS | TS | TP | S | SS | |
| I. | Bahan yang disediakan memudahkan saya membuat rujukan pelajaran. | 0 (0.0) | 0 (0.0) | 4 (13.3) | 25 (83.3) | 1 (3.3) | 3.90 |
| II. | Bahan yang disediakan adalah mesra pengguna. | 0 (0.0) | 2 (6.7) | 6 (20.0) | 20 (66.7) | 2 (6.7) | 3.73 |
| III. | Bahan rujukan menggunakan bahasa yang mudah difahami. | 0 (0.0) | 0 (0.0) | 11 (36.7) | 16 (53.3) | 3 (10.0) | 3.73 |
| IV. | Bahan rujukan mempunyai gambar-gambar isyarat memudahkan saya untuk merujuk. | 0 (0.0) | 0 (0.0) | 7 (23.3) | 23 (76.7) | 0 (0.0) | 3.77 |
| V. | Grafik pada bahan rujukan menarik minat saya untuk membaca. | 0 (0.0) | 0 (0.0) | 16 (53.3) | 14 (46.7) | 0 (0.0) | 3.47 |
| VI. | Pemilihan warna pada bahan bacaan menarik perhatian saya. | 0 (0.0) | 4 (13.3) | 8 (26.7) | 18 (60.0) | 0 (0.0) | 3.47 |
| VII. | Bahan rujukan sesuai dengan semua tahap keupayaan murid. | 0 (0.0) | 0 (0.0) | 1 (3.3) | 11 (36.7) | 18 (60.0) | 3.57 |
| VIII. | Bahan bacaan berasaskan peta minda sangat berguna kepada saya. | 0 (0.0) | 2 (6.7) | 8 (26.7) | 12 (40.0) | 8 (26.7) | 2.87 |

Merujuk kepada jadual 2, didapati bahawa nilai min bagi item-item di bahagian ini adalah berada pada tahap yang tinggi dan sederhana. Min keseluruhan adalah sebanyak 3.34. Satu kajian oleh Michael E.Kane pada 2010 mengenai strategi pembelajaran visual terhadap murid bermasalah pendengaran mendapati bahawa pembelajaran berasaskan peta minda memberi impak yang positif terhadap akademik murid bermasalah pendengaran. Menurut Tee et al. (b) (2009), peta minda adalah sangat sesuai digunakan untuk membuat nota pada sesebuah topik untuk suatu mata pelajaran berdasarkan prinsip penggunaannya.

Namun, sebaliknya berlaku pada hasil kajian ini. Item 8, bahagian B memperoleh min pada tahap yang sederhana iaitu 2.87. Hal ini berlaku mungkin disebabkan oleh faktor-faktor luaran seperti ketidakfahaman tentang kegunaan peta minda itu sendiri atau pemilihan peta minda yang salah kepada murid pendidikan khas masalah pendengaran. Menurut Abdul Fatah Hassan dalam kajian Mohd Sidek et al. (2013), penggunaan pengurusan grafik dalam amalan pengajaran guru di Malaysia seperti peta minda masih di tahap yang rendah serta tidak menggalakkan murid menjadi lebih kreatif dan kritis dalam pembelajaran mereka. Oleh yang demikian, murid-murid ini tidak terbiasa dan kurang mahir dalam penggunaan peta minda dalam pembelajaran mereka kerana menurut teori pembelajaran Bruner, Bruner berpendapat bahawa ilmu baru mungkin berasal daripada pengalaman sebelumnya, mungkin juga tidak berkaitan langsung dengan pengetahuan yang sedia ada. Oleh itu, guru perlu memperkenalkan murid dengan peta minda dan cara penggunaannya dan ianya digunakan secara kerap dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

M. Markscharck (2016) pula menyatakan bahawa beliau percaya guru yang tidak mahir dalam bahasa isyarat dapat menyampaikan maklumat yang tepat mengenai konsep melalui karektor animasi. Melalui kajian ini juga dapat dilihat pendekatan visual memainkan peranan yang penting dalam membina kefahaman murid cacat pendengaran. Oleh itu, penggunaan peta minda dalam pembelajaran kepada murid pendidikan khas masalah pendengaran sangat berkesan dan perlu dilatih supaya menjadi kebiasaan dan meningkatkan pemahaman mereka tentang kegunaan peta- peta minda tersebut.

Seterusnya, bagi mencapai sesuatu objektif dalam pembelajaran, bahan-bahan pembelajaran itu memerlukan motivasi yang baik agar para pelajar khususnya boleh menarik perhatian mereka untuk mempelajari bahasa tersebut dengan baik. Dan ini memerlukan tahap kebolehan membaca yang sesuai untuk pelajar serta dapat menarik minat dan motivasi mereka untuk terus menggunakannya (Salasia Hanin Hamjah et al. 2011). Begitu juga dengan bahan-bahan rujukan yang lain. Jika dilihat

pada item 4 (Bahagian B, ianya dipersetujui oleh kebanyakan responden. Hal ini kerana pemilihan bahan rujukan yang betul iaitu menggunakan bahasa yang mudah difahami berserta gambar isyarat yang memudahkan mereka memahami informasi yang disampaikan.

Hal ini disokong oleh Low Lee Kean (2015) yang menyatakan bahawa pengajaran dan pembelajaran BIM secara formal tidak diajar kepada murid-murid pekak di sekolah kerana ia akan bercanggah dengan sistem pendidikan iaitu amalan pengajaran Bahasa Melayu adalah melalui Komunikasi Seluruh KTBM kepada murid-murid pekak. Kebanyakan murid-murid pekak menggunakan BIM apabila berkomunikasi sesama mereka. Situasi ini juga dilaporkan oleh (Paulraj, Yaacob, Desa, & Majid, 2009) dalam kajian. Namun begitu, bahan yang disediakan di PSS menepati piawaian yang ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia yang menetapkan bahawa Kod Tangan Bahasa Melayu perlu digunakan di sekolah dalam mata pelajaran yang menggunakan Bahasa Melayu.

6.0 KESIMPULAN, CADANGAN DAN IMPLIKASI

Hasil daripada analisis dapatan kajiannya, didapati bahawa minat murid terhadap PSS dari sudut motivasi adalah tinggi. Begitu juga bahan bacaan yang menjadi pengaruh yang positif terhadap minat murid pendidikan khas masalah pendengaran terhadap PSS. Ini menggambarkan bahawa murid-murid pendidikan khas masalah pendengaran gemar mengunjungi PSS atas faktor-faktor tertentu termasuklah motivasi yang tinggi dan bahan bacaan yang menarik. Adalah diharapkan dengan adanya kajian ini akan dapat dipertingkatkan lagi kefahaman dan kesedaran pihak-pihak berkenaan bagi mengambil beberapa tindakan sewajarnya.

Hasil daripada dapatan kajian ini, penyelidik mengemukakan beberapa cadangan sebagai kajian lanjutan daripada kajian yang telah dijalankan oleh penyelidik ini iaitu:

- i. Dicadangkan agar kajian- kajian tentang keberkesanan PSS harus dilakukan bagi memberi panduan kepada guru- guru pusat sumber untuk memaksimumkan tahap penggunaan PSS oleh murid.
- ii. Pihak Kementerian Pendidikan dan Pusat Perkembangan Kurikulum harus giat menjalankan penyelidikan bagi memastikan keberkesanan PSS terhadap murid pendidikan khas masalah pendengaran meningkat.
- iii. Dicadangkan agar kajian ini diperluaskan. Dengan itu, hasil kajian yang dijalankan kelak dapat menjelaskan lebih tepat lagi perkara- perkara yang mempengaruhi kunjungan murid- murid pendidikan khas masalah pendengaran ke PSS.

Adalah Diharapkan agar kajian ini dapat memberikan panduan dan implikasi yang positif kepada pihak-pihak yang berkaitan, khasnya yang terlibat dalam pengurusan PSS bagi murid- murid pendidikan khas masalah pendengaran. Kementerian seharusnya membuat penilaian terhadap keberkesanan PSS ini secara berterusan dari masa ke masa bagi mengenalpasti pendekatan- pendekatan yang lebih efektif bagi menarik minat murid-murid pendidikan khas masalah pendengaran terhadap PSS. Di samping itu, pendekatan-pendekatan baru yang lebih berwibawa haruslah diselidiki dan seterusnya diperkembangkan untuk perlaksanaan di sekolah-sekolah lain. Keupayaan kita untuk mengenal pasti kesilapan-kesilapan yang telah berlaku memungkinkannya kita untuk tidak mengulanginya lagi dan seterusnya mencari kaedah-kaedah yang lebih efektif untuk kejayaan di masa hadapan.

Seterusnya, kementerian juga haruslah mempertingkatkan lagi peruntukan alat-alat teknologi di PSS sesuai dengan kemajuan kita pada zaman ini seperti alat-alat berteknologi tinggi ini, pembantu-pembantu yang terdiri daripada sukarela-sukarela yang berkemahiran bolehlah dijemput untuk menjadi pengajar dan pengendali dalam bidang teknologi ini untuk membimbing murid- murid dan guru. Kementerian melalui pihak sekolah dan guru dengan kerjasama pihak-pihak swasta harus mengadakan pelbagai strategi dan pendekatan bagi membantu meningkatkan minat terhadap PSS.

RUJUKAN

- Robins, R. H. (2014). *General linguistics: An introductory survey*. London: Routledge.
- Plotnik, R. & Kouyoumdjian, H. (2011). *Introduction to psychology*. 9th.ed. Belmont, CA: Wadsworth Cengage Learning.
- Azizi dan Jaafar Sidek. 2006. *Siri Kaunseling: Membentuk Identiti Remaja*. Bentong: PTS Profesional Publishing Sdn. Bhd.
- Tee, Tze Kiong, Jailani Bin Md Yunos, Baharom Bin Mohamad, Widad Bt.Othman dan Yee, Mei Heong (a) (2009). Pengintegrasian Kemahiran Berfikir Aras Tinggi Menerusi Peta Minda Bagi Mata Pelajaran Kemahiran Hidup. *Persidangan Kebangsaan Pendidikan Sains dan Teknologi 2009 (PKPST 2009)*. m.s. 114-121.
- Morere, D. *Visual Language and Visual Learning Science of Learning Center*, (2011). *Reading research and deaf children*. Diakses daripada laman: <http://tinyurl.com/myjblr7>
- Marschark, M., Professor of Deaf Education Director of the Deaf Studies Unit of the Department of Primary Education Venetta Lampropoulou, & Skordilis, E. K. (2016). *Diversity in Deaf Education*. New York, NY: Oxford University Press.
- Muhamad Sidek, Mohamad Ab Kadir & Mohamad Sabri Awang Hitam. 2013. *Penilaian Pelaksanaan Program i-Think: Satu Pengenalan*.
- Kean, L. L. (2015). *Intervensi awal bahasa isyarat terhadap penguasaan kod tangan bahasa Melayu (KTBM) dalam kalangan kanak-kanak bermasalah pendengaran*.
- Salasiah Hanin Hamjah, Zainab Ismail, Rosmawati Mohamad Rasit & Ermy
- Rozali. 2010. *Kaedah Peningkatan Motivasi Belajar Dalam Kalangan Fakulti Pengajian Islam, UKM. Kongres Pengajaran Pembelajaran 2010*. 12- 15 Disember 2010.
- Paulraj, M. P., Yaacob, S., Desa, H., & Majid, W. M. (2009). *Gesture recognition system for Kod Tangan Bahasa Melayu (KTBM) using neural network*. *2009 5th International Colloquium on Signal Processing & Its Applications*. doi:10.1109/cspa.2009.5069179

KEBERKESANAN KOMUNIKASI SELURUH SISWA GURU PENDIDIKAN KHAS DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN MURID MASALAH PENDENGARAN

NURUL ASYIQIN BINTI RUSLAN
Jabatan Pendidikan Khas

Pensyarah Pembimbing
CIK. BESIRA BIBI BINTI MOHD ALI

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti keberkesanan komunikasi seluruh siswa guru pendidikan khas dalam pengajaran dan pembelajaran murid masalah pendengaran. Keberkesanan siswa guru dalam penggunaan komunikasi seluruh amat penting bagi meningkatkan pencapaian murid masalah pendengaran. Kajian ini melibatkan 29 orang siswa guru tahun akhir (semester 8) Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan pengkhususan Pendidikan Khas Masalah Pendengaran. Kaedah pengumpulan data adalah secara soal selidik menggunakan skala likert menggunakan 5 skala. Item soal selidik terdiri daripada profil responden iaitu jantina, bangsa dan pengalaman mengajar, tahap pengetahuan siswa guru pendidikan khas berkaitan komunikasi seluruh dan keberkesanan penggunaan komunikasi seluruh dalam pengajaran dan pembelajaran murid masalah pendengaran. Data dianalisis secara deskriptif iaitu kekerapan, peratusan dan min. Dapatan kajian menunjukkan tahap pengetahuan siswa guru berada pada tahap sangat tinggi (min=4.32). Dapatan kesan penggunaan komunikasi seluruh siswa guru pula berada pada tahap tinggi (min=4.20). Dapatan bagi keberkesanan penggunaan komunikasi seluruh adalah baik dan boleh ditingkatkan dengan cara mengikuti amali di luar IPG, pembacaan dan menyertai kursus sampingan yang berkaitan cara berkomunikasi dengan murid masalah pendengaran. Beberapa cadangan dikemukakan bagi memantapkan lagi keberkesanan penggunaan komunikasi seluruh siswa guru dalam pengajaran dan pembelajaran murid masalah pendengaran.

Kata Kunci: Keberkesanan, komunikasi seluruh, siswa guru

ABSTRACT

This study aims to identify the effectiveness of communication of all special education trainee teachers in the teaching and learning of hearing impaired students. The effectiveness of trainee teachers in the use of total communication is crucial to improving the achievement of hearing-impaired students. This study involved 29 final year trainee teachers (semester 8) of the Bachelor Degree Program of Special Education Special Education Hearing Problems. The data collection method used is questionnaire applying likert scale using 5 scale. Questionnaire items consisted of respondents' profiles, gender, race and teaching experience, level of knowledge of special education teachers in total communication and the effectiveness of communication use throughout the teaching and learning of hearing impaired students. Data was analyzed descriptively ie frequency, percentage and mean. The findings show that the trainee teachers level of knowledge of the students is very high (min = 4.32). The findings of the effectiveness of total communication of all the trainee teachers are at high level (min = 4.20). The findings for the effectiveness of using the whole communication are good and can be improved by attending the practical sessions outside IPG, reading and participating in related courses on how to communicate with hearing students impaired. Some suggestions are put forward to further strengthen the effectiveness of communication across all trainee teachers in the teaching and learning of hearing impaired students.

Keywords: Effectiveness, whole communication, trainee teachers

Emel: nurulasyiqinruslan96@gmail.com

1.0 PENGENALAN

Menurut Hasuria Che Omar, Rokiah Awang, Syed Zainal Ariff Syed Jamaluddin dan Noriah Mohamed (2009), komunikasi seluruh merupakan kaedah komunikasi yang menggabungkan pertuturan, gerakan bibir, isyarat tangan dan ejaan jari. Jamilah K.A Mohamed (2005) pula menyatakan antara elemen penting dalam komunikasi seluruh termasuklah penggunaan isyarat dan pertuturan secara serentak. Pengajaran guru pula hendaklah dirancang secara sistematik menggunakan kaedah dan teknik yang sesuai bagi menghasilkan pembelajaran berkesan (Shahabuddin Hashim, Rohizani Yaakub dan Mohd Zohir Ahmad, 2003). Oleh itu, siswa guru pengkhususan pendidikan khas masalah pendengaran perlulah menguasai kaedah komunikasi seluruh untuk pengajaran dan pembelajaran yang berkesan kepada murid masalah pendengaran (Hasuria et al., 2009).

2.0 PERNYATAAN MASALAH

Menurut Mohd Zamri Abdullah, Mohd Din Haron dan Shukri Ismail (2016), komunikasi melibatkan proses menyampaikan maklumat kepada orang lain melalui komunikasi secara lisan iaitu proses pemindahan maklumat kepada individu atau kumpulan dan komunikasi bukan lisan melalui isyarat tangan, gerak kepala dan ungkapan muka. Menurut Mohd Huzairi Awang, Hajarul Bahti Zakaria dan Rahimin Affandi Abd. Rahim (2010), Pihak Persekutuan Orang Pekak Malaysia (MFD) menetapkan Bahasa Isyarat Malaysia (BIM) digunakan secara menyeluruh kerana BIM diiktiraf sebagai bahasa rasmi golongan pekak. Hal ini menyebabkan komunikasi murid adalah terhad dalam kalangan mereka sahaja. Dalam pengajaran dan pembelajaran, komunikasi berkesan bukan sahaja melibatkan isyarat tangan sahaja. Menurut Syahril Abdullah (2009), individu masalah pendengaran memerlukan penggunaan seluruh anggota badan untuk berkomunikasi. Hal ini bermakna komunikasi secara lisan dan bukan lisan perlulah digunakan agar pengajaran dan pembelajaran dilaksanakan dengan lebih berkesan.

3.0 OBJEKTIF DAN PERSOALAN KAJIAN

3.1 Objektif kajian

- a. Mengenal pasti tahap pengetahuan siswa guru pendidikan khas berkaitan komunikasi seluruh
- b. Mengenal pasti kesan penggunaan komunikasi seluruh dalam pengajaran dan pembelajaran murid masalah pendengaran.

3.2 Soalan kajian

- a. Apakah tahap pengetahuan siswa guru pendidikan khas berkaitan komunikasi seluruh?
- b. Apakah kesan penggunaan komunikasi seluruh siswa guru pendidikan khas dalam pengajaran dan pembelajaran murid masalah pendengaran?

4.0 METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif berbentuk deskriptif secara tinjauan yang menggunakan borang soal selidik untuk mengumpulkan maklumat dan data.

4.1 Sampel kajian

Fokus kajian tertumpu kepada 29 orang siswa guru pengkhususan pendidikan khas masalah pendengaran di Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas yang telah menjalani pratikum selama 6 bulan.

4.2 Instrumen kajian

Kajian ini menggunakan soal selidik yang mempunyai dua bahagian iaitu bahagian A dan B. Bahagian A ialah latar belakang diri dan bahagian B terdiri daripada 2 aspek iaitu tahap pengetahuan siswa guru pendidikan khas berkaitan komunikasi seluruh dan kesan penggunaan komunikasi seluruh dalam pengajaran dan pembelajaran murid masalah pendengaran.

4.3 Analisis data

Kaedah analisis statistik deskriptif dijalankan berdasarkan data-data yang diperolehi dengan menggunakan perisian *Statistical Package For Social Science* (SPSS) versi 22.0 untuk mendapatkan bilangan kekerapan, peratusan dan min. Untuk menentukan nilai skor min tinggi dan rendah, tahap

interpretasi skor min digunakan dalam Jadual 1 mengikut Bahagian perancangan & Penyelidikan Dasar Pendidikan (BPPDP), (2006).

Jadual 1
Tahap Interpretasi Skor Min

| Skor Min | Tahap |
|-------------|---------------|
| 1.00 – 1.89 | Sangat Rendah |
| 1.90 – 2.69 | Rendah |
| 2.70 – 3.49 | Sederhana |
| 3.50 – 4.29 | Tinggi |
| 4.29 – 5.00 | Sangat Tinggi |

5.0 DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Jadual 2 menunjukkan taburan min keseluruhan bagi tahap tinggi dan sangat tinggi adalah berdasarkan jadual 1.

Jadual 2
Taburan Min Keseluruhan bagi Keberkesanan Komunikasi Seluruh Siswa Guru

| Keberkesanan Komunikasi Seluruh | Min Keseluruhan | Keberkesanan |
|---------------------------------|-----------------|---------------|
| B (I) Tahap Pengetahuan | 4.32 | Sangat Tinggi |
| B (II) Kesan Penggunaan | 4.20 | Tinggi |

Soalan 1: Apakah tahap pengetahuan siswa guru pendidikan khas berkaitan komunikasi seluruh?

Nilai min secara keseluruhan bagi tahap pengetahuan komunikasi seluruh siswa guru adalah sangat tinggi iaitu 4.32 pada konstruk B(I). Menurut Hamdi Ishak, Abdul Halim Tamuri, Rosadah Abdul Majid dan Safani Bari (2012), kaedah komunikasi yang digunakan terhadap murid masalah pendengaran adalah melibatkan bahasa isyarat, lisan, ejaan jari, gerak badan dan menulis di papan putih. Kaedah yang digunakan ini adalah selaras dengan dasar Kementerian Pendidikan Malaysia yang menerima pendekatan komunikasi seluruh dalam sistem pendidikan murid masalah pendengaran. Kajian tersebut menunjukkan bahawa kaedah komunikasi seluruh telah digunakan di sekolah yang mempunyai murid masalah pendengaran semasa sesi pengajaran dan pembelajaran berlangsung.

Soalan 2: Apakah kesan penggunaan komunikasi seluruh dalam pengajaran dan pembelajaran murid masalah pendengaran?

Nilai min secara keseluruhan bagi kesan penggunaan komunikasi seluruh dalam pengajaran dan pembelajaran murid masalah pendengaran adalah tinggi iaitu 4.20 pada konstruk B (II). Menurut Syahril Abdullah (2009), individu masalah pendengaran memerlukan penggunaan seluruh anggota badan mereka untuk berkomunikasi seperti jejari, tangan, mata, kening, bibir, kaki dan kepala yang merupakan unsur penting dalam komunikasi seharian di sekolah. Oleh sebab itu, siswa guru seharusnya meningkatkan lagi latihan dengan mendalami dan menguasai kemahiran komunikasi bagi membolehkan kepelbagaian bentuk komunikasi yang sesuai dapat digunakan kepada murid masalah pendengaran (Tay Meng Guat, 2013).

6.0 KESIMPULAN, CADANGAN DAN IMPLIKASI

Berdasarkan jadual 1, siswa guru yang mempunyai pengetahuan tinggi sahaja tidak mencukupi jika tiada latihan atau amali yang membantu meningkatkan kemahiran dalam pengkhususan yang diambil. Mereka seharusnya berusaha untuk meningkatkan kemajuan diri melalui penyertaan kursus dan program di luar IPG, amali dan projek yang menjurus ke arah pengkhususan supaya pengetahuan dan kemahiran yang diperolehi daripada pengalaman membolehkan siswa guru bersedia menghadapi dunia pendidikan khas masalah pendengaran. Menurut Juliana Osong, Norafidah Noralidin dan Alyssa Simon (2010), pembelajaran abad ke-21 memerlukan pengetahuan akademik serta kemahiran yang kukuh dalam diri guru bagi memenuhi keperluan murid yang pelbagai. Pendidikan yang berkualiti membantu

guru mengenal pasti selain melatih generasi baru guru untuk melaksanakan peranan dan tanggungjawab yang lebih besar dalam pendidikan.

Cadangan untuk penambahbaikan kajian ini termasuklah melaksanakan kajian dalam bentuk kualitatif selain kuantitatif yang memberikan soal selidik kepada responden supaya pengkaji boleh mendapatkan maklumat yang lebih banyak. Kajian ini boleh dijalankan bukan sahaja di IPG Kampus Ilmu Khas tetapi boleh dilaksanakan di IPG, universiti awam atau swasta lain. Bilangan responden juga boleh diubah daripada 29 orang agar lebih ramai responden dilibatkan dalam kajian untuk dapatan yang lebih baik. Di samping itu, kajian ini boleh dilakukan dalam pendidikan khas bagi ketidakupayaan masalah penglihatan, pembelajaran dan lain-lain kerana kesan penggunaan kaedah komunikasi seluruh amat penting untuk diketahui oleh semua guru dan juga bakal guru di sekolah.

Implikasi pelaksanaan kajian ini termasuklah siswa guru pendidikan khas masalah pendengaran dapat menambah pengetahuan di samping membuat refleksi terhadap kaedah komunikasi yang digunakan terhadap murid masalah pendengaran dalam bilik darjah. Bagi murid pendidikan khas masalah pendengaran, mereka dapat meningkatkan pencapaian dalam bidang akademik melalui kaedah komunikasi yang digunakan oleh guru di sekolah bagi memperoleh bahasa dan ilmu pengetahuan terhadap sesuatu subjek. Pihak Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM) pula boleh menambah baik profesion perguruan berkaitan masalah pendengaran agar sesuai dalam pengajaran dan pembelajaran murid masalah pendengaran selain mengubahsuai kursus bagi meningkatkan kemahiran berkomunikasi dengan murid masalah pendengaran sebagai persediaan siswa guru untuk meningkatkan pencapaian murid masalah pendengaran. Akhir sekali, masyarakat juga boleh mengetahui kaedah yang digunakan untuk berkomunikasi dengan lebih berkesan kepada mereka yang mempunyai masalah pendengaran. Hal ini secara tidak langsung dapat merapatkan jurang antara masyarakat dan individu masalah pendengaran untuk berkomunikasi antara satu sama lain.

RUJUKAN

- Bahagian perancangan & Penyelidikan Dasar Pendidikan (BPPDP). (2006). *Pelan Induk Pembangunan Pendidikan 2006-2010*. Putrajaya: Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Hamdi Ishak, Abdul Halim Tamuri, Rosadah Abdul Majid dan Safani Bari. (2012). Dapatan dan Perbincangan Kajian. *Amalan Pengajaran Guru dalam Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam di Sekolah Kebangsaan Pendidikan Khas (Masalah Pendengaran)*, 10-14.
- Hasuria Che Omar, Rokiah Awang, Syed Zainal Ariff Syed Jamaluddin dan Noriah Mohamed. (2009). *Bahasa Verbal dan Bukan Verbal I*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Negara dan Universiti Sains Malaysia.
- Jamila K.A. Mohamed. (2005). *Pendidikan Khas untuk Kanak-kanak Istimewa*. Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing Sdn.Bhd.
- Juliana Osong, Norafidah Noralidin dan Alyssa Simon. (2010). Pelajar dan belajaar abad ke-21. *Persediaan Pengetahuan dan Kemahiran Guru Abad ke-21*, 1-30.
- Mohd Huzairi Awang, Hajarul Bahti Zakaria dan Rahimin Affandi Abd. Rahim. (2010). 6.0 Perbincangan. *Pendidikan Islam Golongan Masalah Pendengaran: Tinjauan Awal Isu dan Cabaran daripada Perspektif Guru*, 4-5.
- Mohd Zamri Abdullah, Mohd Din Haron dan Shukri Ismail. (2016). Komunikasi. *Persepsi siswa guru terhadap gaya komunikasi dan interaksi pensyarah institut pendidikan guru kampus kota bharu*, 43.
- Shahabuddin Hashim, Rohizani Yaakub & Mohd Zohir Ahmad. (2003). *Strategi dan Teknik Mengajar Dengan Berkesan*. Shah Alam: PTS Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Syahril Abdullah. (2009). Bab 2 : Kajian Berkaitan. *Kaedah Pengajaran Bahasa Melayu untuk Murid-murid Pekak*, 1-19.

Tay Meng Guat. (2013). Pengenalan. *Komunikasi interpersonal dalam kalangan pelajar institut pendidikan guru semasa praktikum*, 1-17.

**TAHAP PENGUASAAN RANCANGAN PENDIDIKAN INDIVIDU (RPI) DALAM KALANGAN SISWA
GURU PENDIDIKAN KHAS MASALAH PENDENGARAN AMBILAN JUN 2015 DI INSTITUT
PENDIDIKAN GURU KAMPUS ILMU KHAS**

NURUL HIDAYAH BINTI MOHD SABAR
Jabatan Pendidikan Khas

Pensyarah Pembimbing
EN. MOHD SABRINORDIN B. MOHD YUSOFF

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan mengenalpasti tahap penguasaan Rancangan Pendidikan Individu (RPI) siswa guru masalah pendengaran. Tahap penguasaan siswa guru ini amat penting bagi memastikan keberkesanan pembelajaran bagi murid pendidikan khas kerana dengannya dapat memastikan tahap kebolehan murid memperolehi objektif pembelajaran yang telah ditetapkan. Kajian tinjauan ini melibatkan 28 orang siswa guru pendidikan khas masalah pendengaranambilan Jun 2015 di IPG Kampus Ilmu Khas. Borang soal selidik telah digunakan sebagai instrumen kajian dan pengumpulan data dilakukan dengan menggunakan lima Skala Likert. Data-data ini kemudiannya diproses menggunakan perisian "Statistical Package for Social Science (SPSS)" versi 22.0. Data dianalisis secara deskriptif iaitu dalam bentuk kekerapan, peratus, min serta sisihan piawai. Hasil dapatan kajian ini menunjukkan tahap pengetahuan RPI dalam kalangan siswa guru berada pada tahap tinggi (min=4.293). Manakala hasil dapatan bagi tahap kemahiran membina dan melaksana RPI dalam kalangan siswa guru juga pada tahap tinggi (min=3.924). Oleh itu, pendedahan yang diberikan semasa mengikuti kursus Rancangan Pendidikan Individu (RPI) pada semester 6 merupakan faktor kepada tingginya tahap pengetahuan dan kemahiran siswa guru terhadap RPI. Berdasarkan hasil dapatan kajian, pengkaji telah mengutarakan beberapa cadangan bagi membantu Kementerian Pelajaran Malaysia dalam meningkatkan tahap penguasaan siswa guru pendidikan khas.

Kata Kunci: Pengetahuan, kemahiran, siswa guru

ABSTRACT

This study aims to identify the mastery level of the Individual Education Plan (IEP) among the teacher trainees majoring in Special Education (Hearing impairment). The teacher trainees' mastery level in IEP is very important to ensure the effectiveness of learning for special education pupils as it helps to ensure that the pupils are able to achieve the learning objectives set. This survey involves 28 special education teacher trainees June 2015 intake in IPG Kampus Ilmu Khas. A questionnaire was used as the research instrument and the data was collected using five Likert Scale. These data were then processed using the Statistical Package for Social Science (SPSS) software version 22.0. The data were analysed descriptively in terms of frequency, percentage, mean and standard deviation. The result of this study shows that the knowledge regarding IEP among the teacher trainees is at high level (mean = 4.293). The findings of the mastery level in developing and implementing IEP among teacher trainees are also at a high level (mean = 3.924). Hence, the exposure given to the teacher trainees during the Individual Education Plan (IEP) course in semester 6 was a factor for their high level of knowledge and skills regarding IEP. Based on the findings of the study, the researcher has presented some suggestions to help the Ministry of Education to increase the level of mastery among special education teacher trainees.

Keywords: Knowledge, skills, teacher trainees

Emel: hidayahsabar96@gmail.com

1.0 PENGENALAN

Menurut Akta Pendidikan 1996, pendidikan untuk semua menegaskan tentang hak semua kanak-kanak untuk diberi pendidikan tanpa mengira latar belakang. Hal ini menunjukkan semua kanak-kanak termasuk kanak-kanak bermasalah pembelajaran, pendengaran dan penglihatan layak menerima pendidikan yang sempurna. Oleh itu, Rancangan Pendidikan Individu (RPI) diwujudkan bagi membantu

kanak-kanak yang mempunyai masalah yang berbeza dan memerlukan pemerhatian yang lebih. RPI merupakan satu dokumen bagi membantu lagi keberkesanan pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas.

2.0 PENYATAAN MASALAH

RPI dilaksanakan di sekolah kerana kurang dianggap penting dan kurangnya pengetahuan serta kurang kemahiran secara mendalam terhadap RPI. Berdasarkan kajian Hasmilini Sulaiman (2011), pihak sekolah dan jawatankuasa menghadapi kesukaran untuk menyediakan dan melaksanakan RPI dengan berkesan kerana terlalu banyak masalah yang wujud terutamanya berkaitan dengan tuntutan undang-undang, kelemahan memberi latihan yang cukup kepada guru-guru pendidikan khas tentang RPI. Justeru itu, kajian ini adalah untuk mengenal pasti tahap penguasaan RPI dalam kalangan siswa guru pendidikan khas masalah pendengaranambilan Jun 2015 di Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas yang bakal mengajar murid-murid ketidakupayaan pendengaran di sekolah.

3.0 OBJEKTIF DAN PERSOALAN KAJIAN

3.1 Objektif

1. Menenal pasti tahap pengetahuan RPI dalam kalangan siswa guru pendidikan khas masalah pendengaran
2. Menenal pasti tahap kemahiran membina dan melaksana RPI dalam kalangan siswa guru pendidikan khas masalah pendengaran

3.2 Persoalan Kajian

1. Sejauh mana pengetahuan RPI dalam kalangan siswa guru pendidikan khas masalah pendengaran?
2. Sejauh mana kemahiran membina dan melaksana RPI dalam kalangan siswa guru pendidikan khas masalah pendengaran?

4.0 METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini adalah penyelidikan jenis kajian deskriptif. Seramai 28 orang siswa guru pendidikan khas masalah pendengaranambilan Jun 2015 di IPG Kampus Ilmu Khas menjadi responden kepada kajian ini. Instrumen soal selidik yang digunakan adalah secara atas talian iaitu melalui aplikasi *google forms*. Instrumen kajian ini terdiri daripada 22 item dan dibahagikan kepada tiga bahagian. Bahagian A terdiri daripada maklumat responden, Bahagian B mengenai tahap pengetahuan Rancangan Pendidikan Individu (RPI) dan Bahagian C mengenai tahap kemahiran membina dan melaksana Rancangan Pendidikan Individu (RPI) dalam kalangan siswa guru pendidikan khas masalah pendengaran. Penganalisan data kajian dilakukan menggunakan *Statistical Package For the Sosial Science (SPSS)* versi 22.0. Data dianalisis secara deskriptif iaitu kekerapan, peratusan dan min. Tafsiran min digunakan adalah berdasarkan jadual 1.

Jadual 1

Jadual Tafsiran Min

| Skor min | Tahap |
|-------------|---------------|
| 1.00 - 1.89 | Sangat rendah |
| 1.90 – 2.69 | Rendah |
| 2.70 – 3.49 | Sederhana |
| 3.50 – 4.29 | Tinggi |
| 4.30 – 5.00 | Sangat Tinggi |

Sumber: Bahagian Perancangan & Penyelidikan Dasar Pendidikan (BPPDP) (2006)

5.0 DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Instrumen soal selidik digunakan untuk memperoleh hasil dapatan kajian. Terdapat tiga bahagian dalam soal selidik ini iaitu A, B dan C. Bahagian A merupakan maklumat responden. Terdapat dua item pada bahagian ini iaitu berkaitan jantina dan bangsa responden. Terdapat 28 orang responden yang

mengambil bahagian mengisi borang soal selidik ini, dua orang (3.7%) adalah siswa guru lelaki dan 26 orang (96.3%) adalah siswa guru perempuan. Hal ini kerana, siswa guru pendidikan khas masalah pendengaranambilan Jun 2015 di IPG Kampus Ilmu Khas mempunyai dua orang siswa guru lelaki sahaja. Manakala dapatan mendapati ramai responden berbangsa Melayu iaitu seramai 22 orang responden (78.6%). Manakala, dapatan mendapati responden berbangsa Cina dan India adalah sama iaitu tiga orang responden (10.7%) berbangsa Cina dan tiga orang responden (10.7%) berbangsa India.

Jadual 2

Tahap Pengetahuan RPI dalam Kalangan Siswa Guru Pendidikan Khas Masalah Pendengaran

| Bil | Tahap Pengetahuan RPI dalam kalangan Siswa Guru Pendidikan Khas Masalah Pendengaran | Skala | | | | | Min | Sisihan piawaiian (SP) |
|-----|---|---------------|---------------|--------------|-------------|---|------|------------------------|
| | | 5 | 4 | 3 | 2 | 1 | | |
| 1 | Saya memahami konsep Rancangan Pendidikan Individu (RPI) | 6 (21.4%) | 21 (75%) | 1 (3.6%) | - | - | 4.18 | 0.48 |
| 2 | Saya tahu elemen-elemen yang terdapat dalam RPI. | 5 (17.9%) | 19 (67.9%) | 3 (10.7%) | 1 (3.6%) | - | 4.0 | 0.67 |
| 3 | Saya tahu RPI bukan sahaja untuk murid masalah pembelajaran, tetapi juga untuk murid ketidakupayaan pendengaran dan penglihatan. | 17 (60.7%) | 11 (39.3%) | - | - | - | 4.61 | 0.50 |
| 4 | Saya tahu bahawa RPI dibina berdasarkan aspek akademik, sosial, emosi dan rohani. | 8 (28.6%) | 16 (57.1%) | 4 (14.3%) | - | - | 4.14 | 0.65 |
| 5 | Saya tahu tentang RPI dijalankan dengan kolaborasi pelbagai pihak seperti sekolah, ibu bapa, kumpulan multi disiplin dan agensi atau khidmat sokongan lain. | 16 (57.1%) | 10 (35.7%) | 2 (7.1%) | - | - | 4.5 | 0.64 |
| 6 | Saya tahu bahawa RPI dibina dengan mengambil kira tahap kebolehan dan keupayaan murid. | 13 (46.4%) | 15 (53.6%) | - | - | - | 4.46 | 0.51 |
| 7 | Saya mengetahui matlamat dan objektif RPI dinyatakan dalam bentuk akademik, sosial, emosi dan rohani yang dapat diperhatikan dan diukur | 11 (39.3%) | 15 (53.6%) | 2 (7.1%) | - | - | 4.32 | 0.61 |

| | | | | | | | | |
|-----------------|--|---------------|---------------|--------------|-------------|---|-------|-------|
| 8 | Saya mengetahui wujudnya jawatankuasa khas RPI di sekolah. | 8 (28.6%) | 14 (50%) | 5 (17.9%) | 1 (3.6%) | - | 4.04 | 0.80 |
| 9 | Saya tahu RPI perlu dibuat semakan pemantauan dan penilaian dari semasa ke semasa. | 10 (35.7%) | 16 (57.1%) | 2 (7.1%) | - | - | 4.29 | 0.60 |
| 10 | Saya tahu tentang Rancangan Pendidikan Individu (RPI) perlu ditambah baik selepas sesi refleksi. | 12 (42.9%) | 15 (53.6%) | 1 (3.6%) | - | - | 4.39 | 0.57 |
| Min Keseluruhan | | | | | | | 4.293 | 0.603 |

Dapatan mengenai tahap pengetahuan RPI siswa guru menunjukkan bahawa min tertinggi ialah pada item 3 iaitu 4.61. Ini menunjukkan bahawa majoriti responden tahu RPI bukan sahaja untuk murid masalah pembelajaran, tetapi juga untuk murid ketidakupayaan pendengaran dan penglihatan. Seksyen 41 (Akta Pendidikan 1996 Peraturan-peraturan Pendidikan (Pendidikan Khas, 2013), seseorang guru hendaklah menggunakan Rancangan Pendidikan Individu dan membuat pengubahsuaian kepada kaedah atau teknik pengajaran dan pembelajaran, masa yang diperuntukkan bagi setiap aktiviti, susunan aktiviti dan bahan bantu mengajar yang bersesuaian dengan keupayaan murid. Hal ini menunjukkan bahawa RPI boleh digunakan untuk semua murid pendidikan khas. Selain itu, min terendah pula ialah 4.0 pada item 2 iaitu berkaitan dengan pengetahuan siswa guru terhadap elemen-elemen yang terdapat dalam RPI. Menurut Sanches-Ferreira, Lopes-dos-Santos, Alves, Santos, & Silveira-Maia (2013) matlamat dan strategi yang sesuai merupakan elemen penting dalam RPI yang berkesan.

Jadual 3

Tahap Kemahiran Membina dan Melaksana RPI dalam Kalangan Siswa Guru Pendidikan Khas Masalah Pendengaran

| Bil | Tahap kemahiran membina dan melaksana RPI Siswa Guru Pendidikan Khas Masalah Pendengaran | Skala | | | | | Min | Sisihan piawaian |
|-----|--|--------------|---------------|--------------|-------------|---|------|------------------|
| | | 5 | 4 | 3 | 2 | 1 | | |
| 1 | Saya berupaya mengenal pasti masalah murid ketidakupayaan pendengaran sebelum merancang RPI. | 8 (28.6%) | 16 (57.1%) | 4 (14.3%) | - | - | 4.14 | 0.65 |
| 2 | Saya berupaya memperoleh maklumat murid untuk merancang RPI. | 5 (21.4%) | 20 (71.4%) | 2 (7.1%) | - | - | 4.14 | 0.52 |
| 3 | Saya berupaya menganalisis keputusan dan menentukan calon sebelum merancang RPI. | 5 (17.9%) | 17 (60.7%) | 5 (17.9%) | 1 (3.6%) | - | 3.93 | 0.72 |
| 4 | Saya berupaya menilai kebolehan dan kelemahan individu untuk merancang RPI. | 7 (25%) | 19 (67.9%) | 1 (3.6%) | 1 (3.6%) | - | 4.14 | 0.65 |
| 5 | Saya berupaya membuat hipotesis baru dalam merancang RPI. | 3 (10.7%) | 16 (57.1%) | 7 (25%) | 2 (7.1%) | - | 3.71 | 0.76 |

| | | | | | | | | |
|-----------------|--|--------------|---------------|--------------|--------------|---|-------|------|
| 6 | Saya dapat menilai kaedah dan bahan pengajaran untuk merancang RPI. | 4 (14.3%) | 21 (75%) | 2 (7.1%) | 1 (3.6%) | - | 4.0 | 0.61 |
| 7 | Saya dapat menyediakan RPI mengikut format yang betul. | 5 (17.9%) | 17 (60.7%) | 5 (17.9%) | 1 (3.6%) | - | 3.93 | 0.72 |
| 8 | Saya dapat melaksana dan mengurus RPI semasa praktikum di sekolah. | 4 (14.3%) | 15 (53.6%) | 4 (14.3%) | 5 (17.9%) | - | 3.64 | 0.95 |
| 9 | Saya dapat menilai RPI selepas melaksanakan RPI semasa praktikum di sekolah. | 3 (10.7%) | 14 (50%) | 7 (25%) | 4 (14.3%) | - | 3.57 | 0.88 |
| 10 | Saya dapat menentukan kaedah penilaian yang sesuai berdasarkan intervensi yang dijalankan. | 6 (21.4%) | 17 (60.7%) | 5 (17.9%) | - | - | 4.04 | 0.64 |
| Min Keseluruhan | | | | | | | 3.924 | 0.71 |

Manakala, min tertinggi berkaitan tahap kemahiran membina dan melaksana RPI adalah pada item 1, 2 dan 4 iaitu 4.14. Item tersebut adalah berkaitan dengan kemahiran berupaya mengenal pasti masalah murid ketidakupayaan pendengaran sebelum merancang RPI, kemahiran berupaya memperoleh maklumat murid untuk merancang RPI dan kemahiran berupaya menilai kebolehan dan kelemahan individu untuk merancang RPI. Guru-guru Pendidikan Khas berperanan mengumpul maklumat murid, memberi maklumat mengikut tahap keupayaan murid dan kelemahan pembelajaran murid dalam pembentukan RPI (Sitti Hasnah Bandu et al., 2012). Hal ini menunjukkan kemahiran yang dinyatakan di dalam item tertinggi ini sangat penting untuk memastikan RPI dapat dilaksanakan dengan jayanya bagi memudahkan guru menetapkan pendekatan pengajaran yang ingin dijalankan. Min terendah pula adalah 3.57 pada item 9 iaitu kemahiran menilai RPI selepas melaksanakan RPI semasa praktikum di sekolah. Menurut Kaufman & Wanberg (2015), RPI mengandungi sistem penilaian murid yang dijalankan oleh guru. Maklumat penilai dijadikan sebagai alat pengukur untuk mengetahui perkembangan tahap pencapaian murid dan keberkesanan usaha, motivasi serta tindakan yang telah diambil oleh guru.

6.0 KESIMPULAN, CADANGAN DAN IMPLIKASI

Hasil dapatan kajian ini menunjukkan tahap penguasaan RPI siswa guru pendidikan khas masalah pendengaran dari aspek pengetahuan dan kemahiran berada pada tahap yang tinggi. Hal ini kerana siswa guru sudah didedahkan tentang RPI semasa mengikuti kursus latihan keguruan di IPG Kampus Ilmu Khas pada semester 6. Oleh itu, Siswa guru juga boleh menghadiri bengkel tambahan dan seminar RPI di luar waktu pengajaran bagi meningkatkan lagi pengetahuan dan kemahiran siswa guru terhadap RPI.

Kajian ini merupakan kajian di peringkat awal yang menggunakan ruang masa dan keperluan yang terhad. Hasil daripada kajian ini, pengkaji mendapati terdapat beberapa kekurangan dan kelemahan dalam kajian ini yang boleh diperbaiki untuk penambahbaikkkan kajian seterusnya. Antara kajian lanjutan yang dicadangkan dalam kajian akan datang haruslah lebih terperinci. Seterusnya, kajian ini boleh dijalankan kepada siswa guru pendidikan khas masalah penglihatan dan pembelajaran. Pemilihan sampel juga boleh diperluaskan kerana semakin ramai bilangan responden, semakin tepat dapatan kajian yang dijalankan. Akhir sekali, kajian lanjutan diharapkan meliputi aspek yang lebih meluas.

RUJUKAN

- Hasmili Sulaiman. (2011). *Persepsi Guru Terhadap Pelaksanaan Rancangan Pendidikan Individu (RPI) Dalam Program Pendidikan Khas Bermasalah Pembelajaran*. Universiti Teknologi Malaysia, Kuala Lumpur, Malaysia.
- Kaufman, R., & Wandberg, R. (2015). *Powerful Practices for High-Performing Special Educators*. New York, NY: Simon & Schuster.

Kementerian Pendidikan Malaysia. (2006). *Portal Rasmi Kementerian Pendidikan Malaysia*. Retrieved from Bahagian Perancangan & Penyelidikan Dasar Pendidikan (BPPDP) .

Peraturan-peraturan Pendidikan (Pendidikan Khas). (2013). Jabatan Peguam Negara.

Sanches-Ferreira, M., Lopes-dos-Santos, P., Alves, S., Santos, M., & Silveira-Maia, M. (2013). How individualised are the Individualised Education Programmes (IEPs): an analysis of the contents and quality of the IEPs goals. *European Journal of Special Needs Education*, 28(4), 507-520. Retrieved from <https://www.tandfonline.com/doi/abs/10.1080/08856257.2013.830435>

Sitti Hasnah Bandu, & Zalizan Mohd Jelas. (2012). The IEP: Are Malaysian Teachers Ready? *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, 47, 1341-1347. Retrieved from <https://www.tandfonline.com/doi/abs/10.1080/08856257.2013.830435>

PERSEPSI GURU PENDIDIKAN KHAS TERHADAP FAKTOR-FAKTOR PENGLIBATAN MURID KETIDAKUPAYAAN PENDENGARAN DALAM AKTIVITI SUKAN DI SEKOLAH

NURUL NABILA BINTI ZULKIFLI
Jabatan Pendidikan Khas

Pensyarah Pembimbing
DATIN SITI MUHIBAH BINTI NOR

ABSTRAK

Sukan dan aktiviti fizikal telah dikenal pasti sebagai tingkah laku sihat yang sangat berfaedah dan berpotensi untuk meningkatkan kesihatan fizikal dan psikologi di kalangan lelaki dan wanita semua peringkat umur. Kajian ini akan menyentuh tentang masalah yang melibatkan penglibatan murid ketidakupayaan pendengaran dalam sukan di sekolah. Tumpuan kajian ini adalah untuk melihat secara lebih terperinci tentang faktor penglibatan murid pendidikan khas ketidakupayaan pendengaran dalam kokurikulum sukan di sekolah. Kajian ini dilaksanakan bagi tujuan merungkai persoalan berkenaan persepsi guru pendidikan khas terhadap penglibatan murid dalam sukan pada aspek peluang murid dan sokongan pihak sekolah. Kajian ini telah dijalankan kepada 30 orang guru pendidikan khas Sekolah Kebangsaan Pendidikan Khas (SKPK) di sekitar Kuala Lumpur. Reka bentuk kajian yang telah digunakan adalah kajian tinjauan. Kaedah penganalisan data yang telah digunakan adalah kaedah kuantitatif di mana pengkaji telah memilih untuk menggunakan cara penganalisan data deskriptif untuk menghuraikan ciri-ciri pemboleh ubah dan membuat kesimpulan tentang data numerikal. Hasil dapatan kajian ini menunjukkan persepsi guru pendidikan khas terhadap penglibatan murid dalam sukan dari aspek peluang murid dan sokongan pihak sekolah pada tahap yang tinggi. Secara keseluruhannya, masalah yang dihadapi ini dapat dibendung jika pihak yang berkaitan dapat memainkan peranan mereka dengan baik.

Kata Kunci: Guru pendidikan khas, murid ketidakupayaan pendengaran, kokurikulum sukan

ABSTRACT

Sports and physical activity have been identified as very beneficial and potentially healthy behaviours to enhance physical and psychological health among men and women of all ages. This study will address the problems involving the involvement of hearing-impaired students in sports in schools. The focus of this study is to look in more detail about the factors of involvement of special education students in hearing issues in sports co-curriculum in schools. This study was conducted to address the question of the perception of special education teachers on the involvement of students in sports on the aspect of student opportunities and school support. This study was conducted to 30 special education teachers of Special Education National School (SKPK) around Kuala Lumpur. The research design has been used was survey study design. The method of analysing the data used was the quantitative method in which the researcher chose to use the method of analysing descriptive data to describe the characteristics of the variables and to summarize the numerical data. The findings of this study show the perception of special education teachers on the involvement of students in sports in terms of student opportunities and school support at a high level. On the whole, the problems encountered can be contained if the relevant parties can play their part properly.

Keywords: Special education teachers, hearing-impaired students, sports co-curriculum

Emel: nurulnabila969@gmail.com

1.0 PENGENALAN

Sukan merupakan salah satu aspek di bawah kokurikulum di sekolah. Kokurikulum merupakan sebahagian daripada kurikulum yang penting dalam memberi sumbangan kepada murid dari segi fizikal, rohani dan jasmani. Antara tujuan aktiviti kokurikulum dijalankan di sekolah adalah untuk memberi pengalaman kepada murid-murid serta dapat membantu mereka dalam mencapai kehidupan yang seimbang. Mohd Sofian, Aminuddin & Borhan (2002), berpendapat kokurikulum merupakan suatu pelengkap kepada kehendak dan keperluan kurikulum di mana ia menyediakan pelbagai peluang

kepada murid untuk menambah, mengukur dan mengamalkan kemahiran, pengetahuan dan nilai-nilai yang telah dipelajari semasa pembelajaran di bilik darjah. Tumpuan kajian ini adalah untuk melihat secara lebih terperinci tentang faktor penglibatan murid pendidikan khas masalah pendengaran dalam kokurikulum sukan di sekolah.

2.0 PERNYATAAN MASALAH

Kajian ini akan menyentuh tentang faktor yang melibatkan penglibatan murid ketidakupayaan pendengaran dalam sukan di sekolah. Kokurikulum tidak penting dan banyak membuang masa kerana ianya tidak dinilai sebagaimana kegiatan yang melibatkan akademik. Pendapat ini disokong oleh Ahmad Badawi (1984), menyatakan pelajar terlalu mementingkan peperiksaan sehinggakan kegiatan kokurikulum yang juga sebahagian daripada pembelajaran tidak mendapat perhatian sewajar di kalangan mereka.

Menurut Ramlan Abdul Wahab (2004), penglibatan dan penyertaan para pentadbir, guru dan pelajar dalam pelaksanaan aktiviti kokurikulum di sekolah umumnya hanyalah di tahap minimum. Tanggapan bahawa aktiviti kokurikulum adalah tidak sepenting aktiviti kurikulum masih membelenggu komitmen kebanyakan pentadbir, guru-guru, para pelajar dan ibu bapa. Selain itu, kekangan yang dihadapi oleh sekolah untuk menyediakan kemudahan-kemudahan seperti padang dan tempat khas untuk bersukan. Sukan olahraga juga memerlukan murid untuk menggunakan track yang sesuai, dan semestinya kemudahan tersebut tidak disediakan di kawasan sekolah. Tanpa sokongan ini, murid tersebut tidak akan dapat menyertai kegiatan sukan dengan sempurna dan seterusnya mematikan minat murid tersebut.

3.0 OBJEKTIF DAN SOALAN KAJIAN

Objektif kajian ini dijalankan adalah bertujuan untuk:

1. Mengenalpasti peluang yang diberikan kepada murid untuk melibatkan diri dalam sukan.
2. Mengenalpasti sokongan yang disediakan oleh pihak sekolah untuk murid ketidakupayaan pendengaran untuk melibatkan diri dalam sukan.

Kajian ini bertujuan untuk menjawab persoalan kajian seperti berikut:

1. Apakah peluang yang diberikan kepada murid ketidakupayaan pendengaran dalam sukan?
2. Apakah sokongan yang disediakan oleh pihak sekolah untuk murid ketidakupayaan pendengaran untuk melibatkan diri dalam sukan?


4.0 METODOLOGI KAJIAN

Reka bentuk kajian yang digunakan adalah kajian tinjauan. Sampel kajian ini terdiri daripada 30 orang guru pendidikan khas masalah pendengaran di sekitar Kuala Lumpur bagi mendapatkan data berkenaan persepsi guru pendidikan khas terhadap faktor-faktor penglibatan murid ketidakupayaan pendengaran dalam aktiviti sukan di sekolah. Instrumen pengukuran yang digunakan adalah satu set borang soal selidik. Soal selidik ini dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu Bahagian A mengenai maklumat diri responden, Bahagian B mengenai peluang murid dan Bahagian C mengenai sokongan pihak sekolah.

Kesahan kajian dilakukan menggunakan kaedah rujukan pakar. Dalam menganalisis soal selidik ini, pengkaji menggunakan nilai Alpha Cronbach bagi menentukan kebolehpercayaan soal selidik yang dibina. Dalam kajian rintis yang telah dijalankan, nilai Alpha Cronbach bagi bahagian B dan bahagian C adalah melebihi 0.90 yang menunjukkan setiap pembolehubah mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi. Data yang dikumpulkan terdiri daripada instrumen soal selidik. Dalam menganalisis soal selidik ini, pengkaji menggunakan peratusan dan kekerapan serta min sebagai pengukuran bagi membolehkan data ini dianalisis menggunakan Microsoft Excel 2013 dan perisian Statistical Packages for the Social Sciences (SPSS) version 20.0 bagi mendapatkan maklumat mengenai 30 sampel kajian yang telah dipilih.

5.0 DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Peratusan responden mengikut sekolah adalah seperti rajah 1.



Rajah 1. Peratusan jumlah responden kajian

Jadual 1
Taburan Responden Kajian

| | SEKOLAH | | | |
|-------|---------------------|---------|---------------|-------------------|
| | Frekuensi | Peratus | Peratus Valid | Peratus Kumulatif |
| Valid | SKPK Jalan Peel | 15 | 50.0 | 50.0 |
| | SKPK Kampung Baharu | 15 | 50.0 | 100.0 |
| | Total | 30 | 100.0 | |

Analisis dapatan soal selidik yang dimuatkan dalam Jadual 1 menunjukkan responden seramai 30 orang terdiri daripada 50% guru Pendidikan khas SKPK Jalan Peel dan 50% SKPK Kampung Baharu masing-masing mempunyai jumlah seramai 15 orang untuk setiap sekolah.

ANALISIS BAHAGIAN B: Peluang murid untuk melibatkan diri dalam sukan

Jadual 2
Persepsi Guru Pendidikan Khas terhadap Peluang Murid untuk Melibatkan Diri dalam Sukan

| Bil | Pernyataan | Skala | | | | | Min | Tahap |
|-----|---|-------|----|-------------|---------------|---------------|------|---------------|
| | | STS | TS | KS | S | SS | | |
| 1 | Penyertaan sukan terbuka kepada semua murid | - | - | - | 3 (10.0%) | 27 (90.0%) | 4.90 | Sangat Tinggi |
| 2 | Murid yang mempunyai kemahiran sedia ada dibenarkan menyertai aktiviti atau pertandingan sukan. | - | - | 2 (6.7%) | 22 (73.3%) | 6 (20.0%) | 4.13 | Tinggi |
| 3 | Sukan yang ditawarkan dan dianjurkan bersesuaian dengan murid. | - | - | - | 6 (20.0%) | 24 (80.0%) | 4.80 | Sangat Tinggi |
| 4 | Peralatan sukan yang sesuai disediakan untuk digunakan oleh murid. | - | - | - | 13 (43.3%) | 17 (46.7%) | 4.57 | Sangat Tinggi |

| | | | | | | | | |
|--------|---|---|---|--------------|---------------|---------------|------|---------------|
| 5 | Kemudahan kawasan bersukan yang sesuai disediakan. | - | - | - | 13 (43.3%) | 17 (46.7%) | 4.57 | Sangat Tinggi |
| 6 | Kemudahan kawasan bersukan dapat digunakan sepenuhnya. | - | - | - | 14 (46.7%) | 16 (53.3%) | 4.53 | Sangat Tinggi |
| 7 | Masa untuk murid berlatih sukan diperuntukkan pada satu masa tertentu. | - | - | 2 (6.7%) | 23 (76.7%) | 5 (16.7%) | 4.10 | Tinggi |
| 8 | Guru mempunyai pengetahuan dan pengalaman yang cukup untuk mengendalikan pengurusan sukan di sekolah. | - | - | 8 (26.7%) | 20 (66.7%) | 2 (6.7%) | 3.80 | Tinggi |
| 9 | Guru membantu dan membimbing murid yang melibatkan diri dalam sukan. | - | - | - | 4 (13.3%) | 26 (86.7%) | 4.87 | Sangat Tinggi |
| 10 | Ibu bapa menyokong anak mereka untuk menyertai aktiviti sukan atau mewakili sekolah. | - | - | - | 9 (30.0%) | 21 (70.0%) | 4.70 | Sangat Tinggi |
| JUMLAH | | | | | | | 4.50 | |

Analisis dapatan soal selidik yang dimuatkan dalam Jadual 2 menunjukkan item 1 (min=4.90), item 2 (min=4.13), item 3 (min=4.80), item 4 (min=4.57), item 5 (min=4.57), item 6 (min=4.53), item 7 (min=4.10), item 8 (min=3.80), item 9 (min=4.87), dan item 10 (min=4.70). Oleh itu, min keseluruhan yang diperoleh berada pada tahap tinggi iaitu 4.50.

Skor min bagi item satu mencatatkan min yang tertinggi iaitu 4.90. Item satu iaitu "Penyertaan sukan terbuka kepada semua murid" menunjukkan persetujuan yang sangat tinggi dan mencapai hasrat seperti yang telah dinyatakan dalam Laporan Jawatankuasa Kabinet (1979), bahawa semua murid hendaklah digalakkan supaya mengambil bahagian dengan lebih aktif dalam aktiviti kokurikulum. Setiap murid perlu menyertai satu badan beruniform, satu sukan atau permainan dan satu kelab atau persatuan di sekolah. Ia juga bertetapan dengan Dasar 1 Murid 1 Sukan (1M1S), yang mewajibkan setiap murid menyertai sekurang-kurangnya satu aktiviti sukan di sekolah. Item 8 iaitu "Guru mempunyai pengetahuan dan pengalaman yang cukup untuk mengendalikan pengurusan sukan di sekolah" mempunyai skor min yang paling rendah iaitu 3.80. Terdapat segelintir responden yang tidak menyokong pernyataan tersebut kerana mereka berpendapat bahawa guru mempunyai kurang pengetahuan dan pengalaman dalam mengendalikan pengurusan di sekolah. Kenyataan ini disokong oleh Mawoh Madang (2010), bahawa guru kurang melibatkan diri dalam kursus-kursus berkaitan dengan aktiviti kokurikulum.

ANALISIS BAHAGIAN C: Sokongan pihak sekolah kepada murid

Jadual 3
Persepsi Guru Pendidikan Khas terhadap Sokongan Pihak Sekolah kepada Murid

| Bil | Pernyataan | Skala | | | | | Min | Tahap |
|-----|---|---------|--------|----|---------------|---------------|------|---------------|
| | | ST S | T S | KS | S | SS | | |
| 1 | Pihak sekolah memberi penghargaan kepada murid yang menyertai aktiviti sukan. | - | - | - | 2 (6.7%) | 28 (93.3%) | 4.93 | Sangat Tinggi |
| 2 | Pihak sekolah menyediakan kemudahan | - | - | - | 18 (60.0%) | 12 (40.0%) | 4.40 | Sangat Tinggi |

| | | | | | | | | |
|---------------|---|---|---|---------------|---------------|---------------|-------------|---------------|
| | pengangkutan untuk menghantar murid yang menyertai pertandingan di luar sekolah. | | | | | | | |
| 3 | Pihak sekolah menyediakan tempat latihan yang sesuai untuk murid melakukan aktiviti sukan. | - | - | - | 17 (46.7%) | 13 (43.3%) | 4.43 | Sangat Tinggi |
| 4 | Pihak sekolah menyediakan tempat latihan yang selamat untuk digunakan oleh murid melakukan aktiviti sukan. | - | - | - | 16 (53.3%) | 14 (46.7%) | 4.47 | Sangat Tinggi |
| 5 | Pihak sekolah mengemaskini peralatan dari satu masa ke satu masa supaya murid dapat menggunakannya dengan baik. | - | - | 6 (20.0%) | 21 (70.0%) | 3 (10.0%) | 3.90 | Tinggi |
| 6 | Pihak sekolah menyediakan dan memperuntukkan masa untuk murid berlatih sukan di sekolah. | - | - | 1 (3.3%) | 26 (86.7%) | 3 (10.0%) | 4.07 | Tinggi |
| 7 | Pihak sekolah menggalakkan guru untuk mempunyai kemahiran dalam aktiviti sukan supaya dapat membimbing murid dengan lebih baik. | - | - | - | 14 (46.7%) | 16 (53.3%) | 4.53 | Sangat Tinggi |
| 8 | Pihak sekolah menyediakan peruntukan kewangan yang mencukupi untuk digunakan oleh murid melakukan aktiviti sukan. | - | - | 4 (13.3%) | 25 (83.3%) | 1 (3.3%) | 3.90 | Tinggi |
| 9 | Pihak sekolah melantik jurulatih khas untuk melatih murid yang melibatkan diri dalam aktiviti sukan. | - | - | 22 (73.3%) | 6 (20.0%) | 2 (6.7%) | 3.33 | Sederhana |
| 10 | Pihak sekolah menyediakan program latihan sukan sepanjang tahun dan bukan hanya untuk sesuatu masa tertentu sahaja. | - | - | 1 (3.3%) | 26 (86.7%) | 3 (10.0%) | 4.07 | Tinggi |
| JUMLAH | | | | | | | 4.20 | |

Analisis dapatan soal selidik yang dimuatkan dalam Jadual 3 menunjukkan item 1 (min=4.93), item 2 (min=4.40), item 3 (min=4.43), item 4 (min=4.47), item 5 (min=3.90), item 6 (min=4.07), item 7 (min=4.53), item 8 (min=3.90), item 9 (min=3.33), dan item 10 (min=4.07). Oleh itu, min keseluruhan yang diperoleh berada pada tahap tinggi iaitu 4.20.

Skor min bagi item satu mencatatkan min yang paling tertinggi iaitu 4.93. Item satu iaitu "Pihak sekolah memberi penghargaan kepada murid yang menyertai aktiviti sukan" menunjukkan persetujuan yang sangat tinggi. Mawoh Madang (2010), telah menyatakan dalam kajiannya, ramai responden bersetuju bahawa pihak sekolah menobatkan tokoh sukan pada peringkat sekolah. Item 9 yang menyatakan "Pihak sekolah melantik jurulatih khas untuk melatih murid yang melibatkan diri dalam aktiviti sukan" mempunyai skor min yang rendah iaitu 3.33. Ramai responden yang tidak menyokong pernyataan tersebut kerana mereka berpendapat bahawa pihak sekolah tidak melantik jurulatih khas untuk melatih murid yang melibatkan diri dalam sukan. Kenyataan ini disokong oleh Nur Syazana Mohammad Nazer (2009), yang dinyatakan dalam kajiannya bahawa kekangan jurulatih khas dalam sesuatu aktiviti mempengaruhi penglibatan murid dalam sukan tersebut.

6.0 KESIMPULAN, CADANGAN DAN IMPLIKASI

Hasil dapatan min keseluruhan yang tinggi bagi konstruk penglibatan murid dalam sukan dari aspek peluang murid didorong oleh penyertaan sukan yang terbuka kepada semua murid. Keadaan ini sangat positif kerana menepati kehendak seperti yang dinyatakan dalam Laporan Jawatankuasa Kabinet (1979), iaitu bahawa semua murid hendaklah digalakkan supaya mengambil bahagian dengan lebih aktif dalam aktiviti kokurikulum. Hasil dapatan min keseluruhan yang tinggi bagi konstruk penglibatan murid dalam sukan dari aspek sokongan pihak sekolah didorong oleh penghargaan yang diberikan kepada murid yang menyertai aktiviti sukan oleh pihak sekolah. Keadaan ini sangat positif kerana ia dapat mendorong murid untuk menyertai sukan kerana ingin mendapatkan penghargaan.

Dicadangkan kajian yang akan datang dapat melibatkan keseluruhan guru pendidikan khas di seluruh Malaysia. Saiz sampel yang besar akan lebih melambangkan populasi sebenar yang dikaji. Selain itu, kajian akan datang juga perlu mengambil kira perspektif murid ketidakupayaan pendengaran dalam penglibatan mereka dalam sukan di sekolah. Hasil kajian yang dijalankan kepada murid tersebut akan lebih efektif dan terperinci. Kajian ini boleh diperluaskan dengan mengkaji berfokuskan berkenaan satu sukan sahaja.

Guru juga perlu melibatkan diri dengan menyertai kursus-kursus kokurikulum yang disediakan oleh pihak sekolah supaya dapat meningkatkan kemahiran serta pengetahuan dalam bidang sukan di sekolah Infrastruktur yang baik dan selamat serta peralatan yang mencukupi juga perlu diberi perhatian supaya murid selesa untuk menggunakan kemudahan tersebut. Ibu bapa perlulah menyedari bahawa penglibatan anak mereka dalam bidang sukan amatlah penting. Ibu bapa tidak patut hanya mementingkan keputusan akademik yang cemerlang sahaja.

RUJUKAN

- Ahmad Badawi, "Kokurikulum akan dimasukkan dalam semua sijil peperiksaan" dlm. Utusan Malaysia, hlm. 4, 22 September 1984.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (1979). *Laporan Jawatankuasa Kabinet Mengkaji Pelaksanaan Dasar Pelajaran 1979*. Kuala Lumpur.
- Mawoh Madang. (2010). *Faktor-faktor yang menyumbang kepada kecemerlangan kokurikulum (sukan dan permainan) di SK Bukit Balai Tubau Bintulu*. Tesis Sarjana Muda: Open Universiti Malaysia.
- Mohd Sofian Omar Fauzee, Aminuddin Yusof & Borhan Yusof. (2002). *Kokurikulum, Peranan dan Implikasi*. Kuala Lumpur: Sanon Printing.
- Nur Syazana Mohammad Nazer. (2009). Faktor penglibatan murid Tahun 5 dan Tahun 6 dalam kegiatan kokurikulum sukan di Sekolah Kebangsaan Bukit Puteri. Tesis Sarjana Muda: Open Universiti Malaysia.
- Ramlan Abdul Wahab (2004). *Panduan Pengurusan Kokurikulum Di Sekolah*. Kuala Lumpur: Banter Sdn. Bhd.

TAHAP EFIKASI SISWA GURU PENDIDIKAN KHAS MASALAH PENDENGARAN DI INSTITUT PENDIDIKAN GURU KAMPUS ILMU KHAS

SIT AI CHIN

Jabatan Pendidikan Khas

Pensyarah Pembimbing
DR. ALIJAH BINTI UJANG

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk melihat tahap efikasi siswa guru Pendidikan Khas Masalah Pendengaran (PKD) di Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas (IPG KIK) terhadap tiga konstruk yang dipilih iaitu strategi pengajaran dan pembelajaran, pengurusan murid dan penggunaan bahasa isyarat dalam pembelajaran murid Pendidikan Khas Masalah Pendengaran. Seramai 48 orang siswa guru PKD telah dipilih sebagai sampel kajian. Mereka terdiri daripada siswa guru PKD semester lima dan tujuh pada tahun 2018 yang telah menjalani latihan praktikum di sekolah. Instrumen soal selidik secara atas talian telah digunakan dan ia diubahsuai dari soal selidik *Teachers Sense of Efficacy Scale* (TSES) yang dibina oleh *Tschannen-Moran* dan *Woolfolk-Hoy* (2001). Dapatan kajian menunjukkan bahawa siswa guru PKD mendapat skor min dan purata min dalam lingkungan 3.41–4.20 bagi kesemua item dalam ketiga-tiga konstruk. Ini menunjukkan siswa guru PKD mempunyai tahap efikasi yang tinggi dalam melaksanakan strategi PdP, menguruskan murid, dan menggunakan bahasa isyarat semasa menjalani latihan praktikum di sekolah. Kajian dilihat memberi implikasi yang positif di mana siswa guru PKD yang berefikasi tinggi dikatakan mempunyai kesediaan untuk menghadapi pelbagai cabaran di sekolah kelak. Prestasi sesebuah sekolah juga dapat ditingkatkan dengan adanya guru-guru pemulaan yang berefikasi tinggi. Namun, terdapat cadangan pendekatan yang sesuai untuk dipertimbangkan oleh pihak institut bagi meningkatkan kompetensi siswa guru terutamanya dalam mengajar perkataan abstrak kelak.

Kata Kunci: Efikasi sendiri, siswa guru Pendidikan Khas Masalah Pendengaran, strategi pengajaran dan pembelajaran, pengurusan murid, bahasa isyarat

ABSTRACT

The study aims to find out the level of self-efficacy of the special education (Hearing Impairment) teacher trainees in IPG KIK by implementing three constructs, namely teaching and learning strategies, classroom management, and using sign language in teaching hearing impairment students. A total of 48 special education teacher trainees (Hearing Impairment) were selected as the sample of the study. They are teacher trainees from semester five and semester seven majoring in Special Education (Hearing Impairment) that had undergone practicum in schools. An online questionnaire was used and it was adapted from the *Teachers Sense of Efficacy Scale* (TSES) questionnaire constructed by *Tschannen-Moran* and *Woolfolk-Hoy* (2001). The findings show that the special education teacher trainees (Hearing Impairment) received a mean score and average mean within 3.41 - 4.20 for all items in all three constructs. This shows that the special education teacher trainees (Hearing Impairment) have a high level of efficacy in implementing P&P strategies, managing pupils, and using sign language while undergoing practicum in schools. Studies have shown positive implications in which high-performing special education teacher trainees are said to have prepared themselves to face various challenges in school. The school's performance can also be improved by having high-efficacy beginner teachers. However, there are some suggestions to be considered by the institute to improve the competence of teachers especially in teaching abstract words in the future.

Keywords: Self-efficacy, special education teacher trainees (hearing impaired), teaching and learning strategies, classroom management, sign language

Emel: sit.aichin96@outlook.com

1.0 PENGENALAN

Pendidikan khas merupakan satu program untuk memenuhi keperluan pendidikan murid-murid berkeperluan khas yang terdiri daripada mereka yang mempunyai masalah penglihatan, pendengaran dan pembelajaran (Jamila K.A. Mohamed, 2008). Guru pendidikan khas memikul tanggungjawab yang besar dalam membina sikap yang positif serta memberi peluang pendidikan dan kualiti hidup yang sempurna kepada murid-murid berkeperluan khas. Dalam dunia pendidikan khas ini, guru perlu sentiasa bersedia dari segi mental dan fizikal dalam melaksanakan tanggungjawab sebagai seorang pendidik dengan cemerlang (Nor Laina Che Mat & Ahmad Tarmizi Che Mat, 2016). Individu yang mempunyai efikasi sendiri tinggi akan bekerja lebih rajin dan mampu bekerja dalam tempoh yang lebih lama berbanding individu yang berefikasi sendiri rendah (Mohd Zainal Abidin Che Mood, Mohd Aminudin Rahaman, Loh, & Zaharah Hussin, 2018). Justeru, tahap efikasi seseorang guru penting dalam menentukan kejayaan anak muridnya pada masa akan datang kerana guru yang berefikasi tinggi berupaya untuk membantu murid menghasilkan yang terbaik walaupun dalam keadaan yang sukar (Bandura, 1994).

2.0 PERNYATAAN MASALAH

Efikasi sendiri merujuk kepada pertimbangan seseorang mengenai kemampuannya untuk mengelola dan melaksanakan tindakan-tindakan yang perlu untuk mencapai prestasi yang telah ditetapkan (Bandura, 1994). Keyakinan yang dimiliki oleh seseorang guru akan dapat menjangkakan pencapaian yang tinggi serta kualiti yang baik dalam kerjaya guru pada masa akan datang (Shamsiah Md Nasir, Nor' Azah Ahmad Safran, & Norhayati Hashim, 2013). Sehubungan itu, siswa guru perlu mempunyai kesediaan dan keyakinan diri yang tinggi untuk memulakan kerjaya mereka sebagai seorang guru yang berkemampuan dalam berdepan dengan cabaran-cabaran sebagai seorang guru pendidikan khas. Pendidikan khas merupakan sistem PdP yang direka untuk memenuhi keperluan pendidikan murid yang mengalami ketidakupayaan belajar secara normal, salah satunya adalah murid ketidakupayaan pendengaran. Siswa guru PKD merupakan mereka yang menjalani sistem latihan perguruan di IPGKIK bagi mengajar murid ketidakupayaan pendengaran samada di Program Pendidikan Khas Integrasi ataupun di Sekolah Kebangsaan Pendidikan Khas kelak.

Beberapa kajian terdahulu mengenai tahap efikasi guru banyak melihat kepada tahap efikasi siswa guru dalam bidang pendidikan aliran perdana (Ahmad Zamri Khairani, 2016; Zalifah Sidek, 2014). Namun begitu, terdapat satu kajian yang menunjukkan bahawa sikap mempengaruhi efikasi sendiri siswa guru pendidikan khas di IPGKIK di mana siswa guru yang mempunyai tahap sikap yang tinggi turut meningkatkan efikasi sendiri siswa guru tersebut (Mohd Zainal Abidin Che Mood, Mohd Aminudin Rahaman, Loh, & Zaharah Hussin, 2018). Walau bagaimanapun, kajian tersebut menunjukkan kekuatan korelasi sikap siswa guru Pendidikan khas dengan efikasi sendiri guru berada pada tahap yang sederhana dan boleh ditambahbaik untuk mencapai tahap yang lebih tinggi. Kajian tersebut secara keseluruhannya menumpukan kepada siswa guru pendidikan khas Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP) secara umum di IPGKIK. Siswa guru PKD perlu mempunyai keyakinan yang tinggi kerana mengajar murid-murid ketidakupayaan pendengaran merupakan satu cabaran yang besar. Seseorang individu akan lebih mudah apabila berkomunikasi dengan menggunakan pertuturan, tetapi berbeza dengan individu pekak yang perlu menggunakan bahasa isyarat dalam komunikasi untuk memperoleh sesuatu maklumat (Abdullah Yusoff & Che Rabiaah, 2004). Maka inilah yang menjadi cabaran kepada guru-guru PKD terutamanya untuk mengajar bahasa kepada murid-murid ini. Usaha mendidik akan kurang berkesan sekiranya mereka kurang kepercayaan terhadap kebolehan mereka untuk melaksanakan tugas ini. Justeru, satu kajian mengenai tahap efikasi siswa guru yang bakal mengajar murid masalah pendengaran dijalankan untuk melahirkan guru-guru PKD yang yakin dengan kebolehan berbahasa isyarat, melaksanakan strategi PdP dan menguruskan tingkah laku murid supaya mereka sedar akan kemampuan diri mereka dalam melaksanakan sesuatu tugas dengan lebih kompeten serta meningkatkan lagi kualiti pendidikan di sekolah kelak.

3.0 OBJEKTIF DAN SOALAN KAJIAN

Objektif kajian ini dijalankan untuk:

- 1) Mengetahui tahap efikasi siswa guru PKD dalam strategi pengajaran dan pembelajaran (PdP).
- 2) Mengetahui tahap efikasi siswa guru PKD dalam pengurusan murid.
- 3) Mengetahui tahap efikasi siswa guru PKD dalam kemahiran menggunakan bahasa isyarat.

Kajian yang dijalankan bertujuan untuk menjawab persoalan-persoalan kajian tersebut:

- 1) Apakah tahap efikasi siswa guru PKD dalam strategi pengajaran dan pembelajaran (PdP)?
- 2) Apakah tahap efikasi siswa guru PKD dalam pengurusan murid?
- 3) Apakah tahap efikasi siswa guru PKD dalam kemahiran menggunakan bahasa isyarat?

4.0 METODOLOGI

Kajian ini dibuat secara tinjauan ke atas 48 orang siswa guru PISMP PKD seperti Jadual 1 berikut:

Jadual 1
Analisis Demografi Sampel Kajian

| Maklumat Sampel | Kekerapan | Peratusan (%) |
|-----------------|-----------|---------------|
| Jantina | | |
| Lelaki | 10 | 20.8 |
| Perempuan | 38 | 79.2 |
| Semester | | |
| Sem 5 | 29 | 60.4 |
| Sem 7 | 19 | 39.6 |
| Gred | | |
| A+ | 2 | 4.2 |
| A | 35 | 72.9 |
| A- | 7 | 14.6 |
| B+ | 3 | 6.3 |
| B | 1 | 2.1 |

Soal selidik yang telah diedarkan secara atas talian adalah instrumen yang telah diubahsuai dari soal selidik *Teachers Sense of Efficacy Scale* (TSES) iaitu dibina oleh *Tschannen-Moran* dan *Woolfolk-Hoy* (2001). Tahap efikasi dinyatakan melalui skala likert 1 hingga 5 dalam strategi PdP, pengurusan murid dan penggunaan bahasa isyarat dalam pengajaran murid PKD. Pengesahan instrumen telah dibuat oleh seorang pakar bidang PKD yang telah berkhidmat selama 20 tahun dan nilai keseluruhan alpha Cronbach (0.87) melalui ujian rintis menunjukkan semua item boleh diterima (Lim, 2007). Data dianalisis menggunakan statistik deskriptif iaitu min serta purata min bagi mengkatagorikan tahap efikasi siswa guru PKD.

5.0 DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Dapatan kajian mengenai tahap efikasi siswa guru PKD terhadap strategi PdP ditunjukkan dalam Jadual 2 berikut.

Jadual 2
Tahap Efikasi Siswa Guru PKD IPGKIK terhadap Strategi PdP

| BIL | ITEM | MIN | TAHAP |
|------------|--|------|--------|
| 6 | Mengubah suai pengajaran dengan tahap yang sesuai bagi setiap murid. | 4.12 | Tinggi |
| 7 | Mengukur pemahaman murid. | 4.00 | Tinggi |
| 4 | Pelaksanaan strategi-strategi alternatif dalam kelas. | 3.97 | Tinggi |
| 2 | Penjelasan alternatif atau contoh-contoh. | 3.93 | Tinggi |
| 1 | Penggunaan strategi penilaian yang pelbagai dengan kebolehan murid. | 3.79 | Tinggi |
| 8 | Memberi cabaran yang sesuai kepada murid. | 3.72 | Tinggi |
| 5 | Respons terhadap soalan-soalan sukar. | 3.68 | Tinggi |
| 3 | Mengajukan soalan-soalan yang berkualiti untuk murid-murid. | 3.56 | Tinggi |
| PURATA MIN | | 3.85 | Tinggi |

Purata min 3.85 menunjukkan tahap efikasi siswa guru PKD dalam aspek PdP adalah tinggi. Min tertinggi 4.12 bagi item mengubah suai pengajaran dengan tahap yang sesuai bagi setiap murid adalah indikator yang sangat baik kerana ia selaras dengan peraturan yang termaktub dalam Akta Pendidikan 1996 bahagian Pendidikan Khas bahawa guru berhak untuk mengubah suai kaedah atau teknik PdP dalam melaksanakan kurikulum mengikut tahap kesesuaian (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2014). Manakala aspek mengajukan soalan-soalan berkualiti kepada murid-murid (min 3.56) pula harus dipertingkatkan. Ini kerana pembelajaran abad ke-21 (PAK21) kini memerlukan guru mempunyai kemahiran menyoal soalan yang melibatkan pemikiran aras tinggi untuk mengembangkan potensi berfikir dan menggerakkan daya imaginasi murid (Zamri Mahamod & Nor Razah Lim, 2011).

Tahap efikasi siswa guru PKD dalam pengurusan murid ditunjukkan melalui Jadual 3 berikut.

Jadual 3

Tahap Efikasi Siswa Guru PKD IPGKIK dalam Pengurusan Murid

| BIL | ITEM | MIN | TAHAP |
|------------|---|------|---------------|
| 16 | Menggariskan rutin harian untuk memastikan aktiviti berjalan lancar. | 4.81 | Sangat tinggi |
| 12 | Mewujudkan sistem pengurusan kelas dengan murid-murid. | 4.06 | Tinggi |
| 11 | Menenangkan murid-murid yang mengganggu atau bising di dalam kelas. | 3.95 | Tinggi |
| 9 | Mengawal tingkah laku murid bermasalah di dalam kelas. | 3.91 | Tinggi |
| 13 | Memastikan murid-murid bermasalah tingkah laku tidak mengganggu keseluruhan pengajaran. | 3.91 | Tinggi |
| 14 | Memberi respon kepada murid-murid yang degil dan ingkar arahan. | 3.91 | Tinggi |
| 10 | Memastikan murid-murid mengikut peraturan kelas. | 3.83 | Tinggi |
| 15 | Memberikan jangkaan harapan dengan jelas berkenaan tingkah laku murid. | 3.83 | Tinggi |
| PURATA MIN | | 4.03 | Tinggi |

Purata min 4.03 menunjukkan tahap efikasi siswa guru PKD dalam aspek pengurusan murid adalah tinggi. Min tertinggi 4.81 bagi item menggariskan rutin harian untuk memastikan aktiviti berjalan lancar dan mewujudkan sistem pengurusan kelas dengan murid-murid (min 4.06) juga memberi gambaran yang sangat baik tentang kebolehan bakal guru ini menguruskan murid PKD, namun efikasi siswa guru dalam memastikan murid mengikut peraturan kelas (min 3.83) dan memberi jangkaan harapan terhadap tingkah laku murid (min 3.83) boleh dipertingkatkan dari masa ke semasa di mana guru perlu memberi tindak balas yang jelas sekiranya murid menunjukkan tingkah laku yang negatif. Saranan ini jelas menurut Zalina Katman, Mohd Hanafi Mohd Yasin, & Mohd Mokhtar Tahar (2016) yang mengatakan bahawa tingkah laku murid dapat dibentuk dan dikekalkan melalui peneguhan positif atau negatif,

Tahap efikasi siswa guru PKD dalam penggunaan bahasa isyarat ditunjukkan melalui Jadual 4 berikut.

Jadual 4

Tahap Efikasi Siswa Guru PKD IPGKIK dalam Penggunaan Bahasa Isyarat

| BIL | ITEM | MIN | TAHAP |
|------------|--|------|--------|
| 17 | Menggunakan bahasa isyarat (KTBM/KTBI) untuk berkomunikasi dengan murid-murid. | 3.95 | Tinggi |
| 18 | Menggunakan bahasa isyarat semasa melaksanakan PdP. | 3.95 | Tinggi |
| 24 | Membetulkan bahasa isyarat yang digunakan oleh murid-murid. | 3.85 | Tinggi |
| 21 | Memastikan murid-murid memahami bahasa isyarat yang digunakan. | 3.83 | Tinggi |
| 22 | Memastikan orang lain memahami bahasa isyarat yang digunakan. | 3.68 | Tinggi |
| 19 | Memahami maksud perkataan yang diisyaratkan oleh murid. | 3.66 | Tinggi |
| 20 | Berkomunikasi dengan OKU pendengaran selain daripada murid sendiri. | 3.58 | Tinggi |
| 23 | Mengisyaratkan perkataan abstrak. | 3.45 | Tinggi |
| PURATA MIN | | 3.74 | Tinggi |

Jadual 4 menunjukkan tahap efikasi siswa guru PKD terhadap penggunaan bahasa isyarat adalah tinggi dengan purata min 3.74. Dapatan menunjukkan item yang mempunyai min tertinggi ialah item menggunakan bahasa isyarat (KTBM/KTBI) untuk berkomunikasi dengan murid-murid (min 3.95) dan menggunakan bahasa isyarat semasa melaksanakan PdP (min 3.95). Ini menunjukkan siswa guru telah menguasai kemahiran menggunakan bahasa isyarat dan dapat mengaplikasikannya dengan baik semasa menjalani latihan praktikum di sekolah masing-masing, tetapi item bagi mengisyaratkan perkataan abstrak yang kewujudannya hanya ada dalam fikiran seperti cemburu, misteri, Tuhan, dan sebagainya (Dewan Bahasa dan Pustaka, 2007) dilihat mendapat nilai min terendah (min 3.45). Ini menjadi satu cabaran kepada siswa guru PKD untuk mengetahui pendekatan atau teknik pengajaran yang sesuai untuk menerangkan perkataan abstrak ini.

6.0 KESIMPULAN, CADANGAN DAN IMPLIKASI

Dapatan kajian menunjukkan siswa guru PKD mempunyai tahap efikasi yang tinggi dalam merancang strategi PdP, menguruskan murid dan menggunakan bahasa isyarat. Mereka mempunyai keyakinan untuk menjalankan tugasnya sebagai guru PKD yang baik di sekolah kelak terutamanya dalam merancang strategi PdP, menguruskan tingkah laku murid dan menggunakan bahasa isyarat dalam pengajaran murid PKD. Namun, siswa guru PKD tidak seharusnya berpuas hati sepenuhnya dengan pencapaian tersebut kerana terdapat beberapa aspek yang masih boleh ditambahbaik untuk mencapai tahap yang cemerlang, khususnya dalam mengisyaratkan perkataan-perkataan abstrak yang tergolong dalam kata nama seperti setia, perpaduan, taat dan sebagainya kepada murid-murid PKD dan mengajukan soalan-soalan berkualiti kepada murid-murid PKD.

Pihak-pihak yang terlibat iaitu pihak IPG perlulah membuat penambahbaikan dengan mendedahkan siswa guru PKD kepada kaedah dan teknik pengajaran yang sesuai untuk memperkenalkan perkataan abstrak seperti menggunakan video atau gambar melalui kursus-kursus tertentu. Malah, kemahiran siswa guru PKD mengajukan soalan yang berkualiti kepada murid-murid juga boleh ditingkatkan melalui bengkel mengenai penghasilan soalan-soalan berbentuk kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) untuk menguji tahap kefahaman murid secara menyeluruh terhadap sesuatu perkara. Siswa guru PKD juga perlu sentiasa meningkatkan kompetensi diri melalui pembacaan yang banyak dan sebolehnya menjadikan guru cemerlang sebagai role model di sekolah kelak. Bimbingan dan sokongan moral daripada pihak sekolah turut membolehkan siswa guru menjalankan tugasnya dalam persekitaran yang kondusif.

Justeru, sistem pendidikan yang sentiasa berubah seiring dengan perkembangan dunia mendorong guru-guru untuk melengkapkan diri dengan pengetahuan dan kemahiran yang pelbagai kerana kemajuan sesebuah negara bergantung kepada sistem pendidikan yang baik. Kajian lanjutan dicadangkan agar dapat menggabungkan kaedah kuantitatif dan kualitatif dalam pengumpulan data, melibatkan sampel yang lebih besar dan lokasi yang lebih luas. Satu kajian mengenai perbandingan tahap efikasi di antara siswa guru PKD di IPG dan Institut Pengajian Tinggi (IPT) juga baik untuk dijalankan.

RUJUKAN

- Abdullah Yusoff , & Che Rabiaah. (2004). Penguasaan Bahasa Melayu dalam kalangan murid Pekak: Suatu sorotan dari perspektif linguistik. *Jurnal Bahasa*, 4, 639-680. Retrieved from http://www.myjurnal.my/filebank/published_article/22983/2_Penguasaan_Bahasa_Melayu_dalam_Kalangan_Murid_Pekak.pdf
- Ahmad Zamri Khairani. (2016). Mengukur efikasi pengajaran guru pelatih Universiti Sains Malaysia. *Asia pacific journal of educators and education*, 31, 15-25.
- Bandura, A. (1994). *Self-efficacy*. Retrieved from Pdf: <https://www.uky.edu/~eushe2/Bandura/Bandura1994EHB.pdf>
- Dewan Bahasa dan Pustaka. (2007). *Kamus dewan* (4th ed.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Jamila K.A. Mohamed. (2008). *Pendidikan khas untuk kanak-kanak istimewa* (3 ed.). Batu Caves: PTS Professional.

- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2014). *Kod amalan pendidikan murid berkeperluan khas*. Retrieved from Pdf: https://www.moe.gov.my/images/pekeliling/2015/circularfile_file_001253.pdf
- Lim, H. C. (2007). *Penyelidikan pendidikan: Pendekatan kuantitatif dan kualitatif*. Shah Alam: Mc Graw Hill Education.
- Mohd Zainal Abidin Che Mood, Mohd Aminudin Rahaman, Loh, S. C., & Zaharah Hussin. (2018). Hubungan sikap terhadap efikasi sendiri guru pelatih pendidikan khas di institut pendidikan guru Kampus Ilmu Khas. *Jurnal penyelidikan tempawan*, XXXV, 58-67.
- Nor Laini Che Mat, & Ahmad Tarmizi Che Mat. (2016). Kesiediaan guru melaksanakan program modifikasi tingkah laku bagi pelajar berkeperluan khas sekolah menengah di Kuala Lumpur. *Jurnal Akademik*, 131-143.
- Shamsiah Md Nasir, Nor' Azah Ahmad Safran, & Norhayati Hashim. (2013). Tahap kesiediaan efikasi pengetahuan dan kemahiran profesional guru dalam kalangan guru pelatih. *Teknorat II jurnal penyelidikan*, XV, 143-155.
- Tschannen-Moran, M., & Hoy, A. W. (2001). Teacher efficacy: Capturing an elusive construct. *Teaching and teacher education*, 17(7), 783-805. doi:10.1016/S0742-051X(01)00036-1
- Zalifah Sidek. (2014). *Tahap efikasi sendiri dalam pengurusan bilik darjah dalam kalangan guru-guru pelatih Institut Pendidikan Guru (IPG) zon selatan*. (Unpublished master's thesis). Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Zalina Katman, Mohd Hanafi Mohd Yasin, & Mohd Mokhtar Tahar. (2016). Penggunaan peneguhan positif: Pujian dan token ekonomi untuk modifikasi tingkah laku murid pendidikan khas "slow learner". 1-8. Retrieved from https://www.researchgate.net/profile/Mohd_Yasin3/publication/311105655
- Zamri Mahamod, & Nor Razah Lim. (2011). Kepelbagaian kaedah penyoalan lisan dalam pengajaran guru Bahasa Melayu: kaedah pemerhatian. *Jurnal pendidikan Bahasa Melayu*, 51-65.

PERSEPSI SISWA GURU PENDIDIKAN KHAS OPSYEN MASALAH PENDENGARAN AMBILAN JUN 2015 TERHADAP PENGGUNAAN BAHASA ISYARAT MALAYSIA (BIM) DALAM AMALAN PEMBELAJARAN DAN PEMUDAHCARAAN

SITI HANIS HASINEEA BINTI MD SHAMLAN
Jabatan Pendidikan Khas

Pensyarah Pembimbing
EN. MOHD YUSOFF BIN MOHD NOOR

ABSTRAK

Bahasa Isyarat Malaysia (BIM) digunakan dikalangan orang pekak sebagai medium untuk berkomunikasi dengan orang di sekeliling mereka. Di Malaysia, KTBM merupakan bahasa isyarat rasmi yang digunakan dalam sistem pendidikan di semua sekolah untuk murid bermasalah pendengaran. Namun, terdapat guru-guru yang menggunakan BIM sama ada secara sedar atau tidak semasa berkomunikasi dengan murid-murid mereka kerana BIM adalah pendekatan yang menggunakan isyarat sebenar orang pekak dalam PdPc. Kajian ini dilaksanakan bagi tujuan merungkai persoalan berkenaan persepsi siswa guru Pendidikan Khas Ambilan Jun 2015 terhadap minat, pengetahuan dan kebolegunaan BIM mereka dalam amalan pembelajaran dan pemudahcaraan di sekolah. Kajian ini telah dijalankan kepada 28 orang siswa guru Pendidikan Khas ambilan Jun 2015 yang telah berpraktikum pada semester tujuh di enam buah Sekolah Pendidikan Khas (SKPK) di kawasan Semenanjung Malaysia. Reka bentuk kajian yang telah digunakan adalah kajian tinjauan. Kaedah penganalisan data yang telah digunakan adalah kaedah kuantitatif. Dapatan kajian menunjukkan bahawa persepsi siswa guru terhadap minat dan pengetahuan BIM dalam amalan PdPc adalah pada tahap sederhana dan persepsi mereka terhadap kebolegunaan BIM dalam amalan PdPc adalah pada tahap tinggi. Seterusnya, pihak Kementerian Pendidikan Malaysia, pihak sekolah dan guru serta pihak ibu bapa disarankan untuk menambahbaik BIM supaya dapat digunakan sebagai salah satu pendekatan dalam pendidikan di Malaysia.

Kata Kunci: Bahasa Isyarat Malaysia, siswa guru, pembelajaran dan pemudahcaraan

ABSTRACT

Malaysian Sign Language or Bahasa Isyarat Malaysia (BIM) is used among deaf community as a medium to communicate with people around them. In Malaysia, Manually Coded Malay or Kod Tangan Bahasa Melayu (KTBM) is the official sign language used in the Malaysia education system in all schools for hearing-impaired students. However, there are teachers who use BIM either consciously or not while communicating with their students. This is because, the application of BIM approach uses the real sign language of deaf community and it triggers teachers to use BIM in teaching hearing impaired students. This study is conducted in order to find out the perception of Special Education teacher trainees intake of June 2015 on their interest, knowledge and usability in teaching BIM in the classroom. This study was conducted on twenty eight special Education teacher trainees intake of June 2015 who had been through practical training during semester seven in six different Special Education Schools (SKPK) in Peninsular Malaysia. The study design that has been used is survey study design. The method of data analysis that has been used is a quantitative method. The study found that the teacher trainees's perception of interest and knowledge in teaching and learning BIM are at a moderate level and their perception on the usability of BIM in teaching and learning is at a high level. It is recommended that some actions must be taken by the Ministry of Education, schools and teachers as well as parents in order to improve BIM, to be used as one of the approaches in the education system of Malaysia.

Keywords: Malaysian Sign Language, teacher trainees, teaching and learning

Emel: hanishasineea@gmail.com

1.0 PENGENALAN

Bahasa isyarat merupakan suatu bentuk komunikasi yang digunakan oleh komuniti pekak. Menurut Mohamed Sazali Shaari (2004). BIM dianggap sebagai lambang identiti orang pekak kerana bentuk isyarat mereka adalah menurut kepada cara hidup dan budaya mereka. BIM digunakan sebagai sampingan atau secara informal iaitu selari dengan bahasa yang digunakan oleh orang pekak (Abdullah Yusoff, 1995). Kajian ini dapat memberi gambaran sebenar terhadap sejauh mana penggunaan BIM dapat membantu guru dan murid untuk mencapai objektif pembelajaran dan menjadikan proses pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc) lebih lancar.

2.0 PERNYATAAN MASALAH

Pendekatan penggunaan BIM adalah pendekatan yang menggunakan isyarat sebenar orang pekak dalam PdPc bahasa kepada murid-murid pekak (Paul & Quigley, 1994). Hal ini belum diperkenal dan dilaksanakan secara rasmi di Malaysia. Terdapat guru yang menggunakannya sama ada secara sedar atau tidak semasa berkomunikasi dengan murid-murid mereka. (Persekutuan Orang Pekak Malaysia, 2000). Oleh itu, penyelidik ingin mengkaji persepsi siswa guru Pendidikan Khas Ambilan Jun 2015 terhadap penggunaan BIM dalam amalan PdPc.

3.0 OBJEKTIF DAN SOALAN KAJIAN

Objektif kajian ini adalah untuk melihat:

1. Persepsi siswa guru Pendidikan Khas Ambilan Jun 2015 terhadap kebolegunaan BIM.
2. Persepsi siswa guru Pendidikan Khas Ambilan Jun 2015 terhadap pengetahuan BIM dalam PdPc.
3. Persepsi sama ada penggunaan BIM dapat mewujudkan minat dalam sesi PdPc siswa guru Pendidikan Khas Ambilan Jun 2015 dengan murid bermasalah pendengaran.

Kajian ini bertujuan untuk menjawab persoalan kajian seperti berikut:

1. Apakah persepsi siswa guru Pendidikan Khas Ambilan Jun 2015 terhadap kebolegunaan BIM?
2. Apakah persepsi siswa guru Pendidikan Khas Ambilan Jun 2015 terhadap pengetahuan BIM dalam PdPc?
3. Apakah persepsi siswa Guru Pendidikan Khas Ambilan Jun 2015 terhadap penggunaan BIM dalam mewujudkan minat dalam sesi PdPc dengan murid bermasalah pendengaran .

4.0 METODOLOGI KAJIAN

Reka bentuk kajian yang telah digunakan untuk melaksanakan kajian ini adalah kajian tinjauan. Kaedah penganalisan data yang telah digunakan adalah kaedah kuantitatif di mana pengkaji telah memilih untuk menggunakan cara penganalisan data deskriptif. Sampel kajian ini terdiri daripada semua siswa guru Pendidikan Khas Opsyen Masalah Pendengaran ambilan Jun 2015 di IPGKIK iaitu seramai 28 orang.

Soal selidik ini telah dijalankan ke atas sampel kajian bagi mendapatkan data berkenaan persepsi penggunaan BIM oleh siswa guru dalam amalan PdPc. Soal selidik berkenaan terdapat empat bahagian. Dalam bahagian A, satu soalan diberi untuk mendapatkan maklumat siswa guru. Manakala bahagian B pula mengandungi 10 soalan yang berkaitan dengan minat siswa guru terhadap BIM dalam amalan PdPC. Dalam bahagian C pula terdapat 10 soalan yang berkaitan dengan pengetahuan siswa guru terhadap BIM dalam amalan PdPc. Dalam bahagian D, terdapat 10 soalan yang berkaitan dengan kebolehan siswa guru menggunakan BIM dalam amalan PdPc. Bahagian B, C dan D ini, mempunyai lima peringkat pilihan berbentuk skala Likert lima point iaitu 1.sangat tidak setuju, 2.tidak setuju, 3.kurang setuju, 4.setuju dan 5.sangat setuju.

Kesahan kajian dilakukan menggunakan kaedah rujukan pakar. Dalam menganalisis soal selidik ini, pengkaji menggunakan nilai *Alpha* Cronbach bagi menentukan kebolehpercayaan soal selidik. Berdasarkan pendekatan model pengukuran Rasch, nilai Alpha Cronbach yang boleh diterima kebolehpercayaannya ialah di antara 0.71 – 0.99 di mana ianya berada pada tahap yang terbaik (71% - 99%) (Bond & Fox, 2015). Dalam kajian rintisan yang telah dijalankan, nilai Alpha Cronbach bagi bahagian B hingga D adalah melebihi 0.90. Ia menunjukkan bahawa semua item dalam setiap pembolehubah mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi.

Data yang dikumpulkan terdiri daripada instrumen soal selidik. Dalam menganalisis soal selidik ini, pengkaji menggunakan peratusan dan kekerapan dan min sebagai pengukuran bagi membolehkan data ini dianalisis menggunakan Microsoft Excel 2013 dan perisian 'Statistical Packages for the Social Science' (SPSS) bagi mendapatkan maklumat mengenai 28 sampel kajian yang telah dipilih.

5.0 DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Seramai 28 orang siswa guru Pendidikan Khas IPGKIK Opsyen Masalah Pendengaran Ambilan Jun 2015 telah dipilih sebagai responden. Profil responden memberi maklumat berkaitan agihan kelas atau unit responden di IPGKIK. Bilangan responden yang terdiri daripada kelas atau unit G7.1 ialah seramai 14 orang manakala bilangan responden yang terdiri dari kelas atau unit G7.2 ialah seramai 14 orang. Kesimpulannya peratusan responden bagi kelas atau unit G7.1 adalah 50% manakala peratusan responden bagi kelas atau unit G7.2 juga adalah 50%.

ANALISIS BAHAGIAN B: MINAT SISWA GURU

Jadual 1

Analisis Min bagi Minat Siswa Guru

| Bil | Item | Min |
|------------|---|------|
| 1 | Saya gembira menggunakan BIM dalam sesi PdPc. | 3.71 |
| 2 | Saya selesa menggunakan BIM dalam sesi PdPc. | 3.54 |
| 3 | Saya sentiasa menggunakan BIM dalam sesi PdPc | 2.93 |
| 4 | Saya dapat meningkatkan motivasi murid dalam PdPc dengan menggunakan BIM. | 3.68 |
| 5 | Saya suka berkomunikasi dengan murid di dalam sesi PdPc menggunakan BIM. | 3.36 |
| 6 | Saya menerapkan penggunaan BIM dalam pembinaan bahan bantu belajar. | 3.00 |
| 7 | Saya menggunakan BIM sepanjang proses PdPc. | 2.57 |
| 8 | Saya menggunakan BIM sebagai salah satu komponen dalam komunikasi seluruh di dalam sesi PdPc | 3.75 |
| 9 | Saya merasakan bahawa penggunaan BIM adalah lebih relevan berbanding Kod Tangan Bahasa Melayu (KTBM). | 2.82 |
| 10 | Jika diberi pilihan, saya akan menggunakan BIM sebagai medium utama untuk berkomunikasi dengan murid saya semasa sesi PdPc. | 2.93 |
| Jumlah Min | | 3.22 |

Analisis frekuensi, peratusan dan min yang dimuatkan dalam jadual 2 menunjukkan semua item berkaitan minat siswa guru terhadap BIM iaitu item 1 (3.71), item 2 (3.54), item 3 (2.93), item 4 (3.68), item 5 (3.36), item 6 (3.00), item 7 (2.57), item 8 (3.75), item 9 (2.82) dan item 10 (2.93). Min keseluruhan bagi konstruk minat siswa guru terhadap BIM adalah 3.22 iaitu pada tahap sederhana.

ANALISIS BAHAGIAN C: PENGETAHUAN SISWA GURU

Jadual 2

Analisis Min bagi Pengetahuan Siswa Guru

| Bil | Item | Min |
|-----|--|------|
| 1 | Saya mempunyai pengetahuan yang mendalam dalam BIM | 3.32 |
| 2 | Saya dapat menggunakan BIM dalam merancang bahan pengajaran dalam sesi PdPc | 3.18 |
| 3 | Saya dapat menggunakan BIM dalam mencapai objektif PdPc | 3.32 |
| 4 | Pengetahuan saya dalam BIM memudahkan proses PdPc | 3.46 |
| 5 | Saya boleh berkomunikasi dengan murid saya semasa dalam PdPc dengan lancar menggunakan BIM | 3.32 |
| 6 | Saya mampu menggunakan BIM secara ekspresif | 3.46 |
| 7 | Saya mampu menggunakan BIM secara reseptif | 3.50 |
| 8 | Saya menggunakan pengetahuan saya dalam BIM untuk menerangkan isi pelajaran yang kompleks kepada murid dalam sesi PdPc | 3.71 |

| | | |
|------------|---|------|
| 9 | Pengetahuan saya dalam BIM memudahkan komunikasi dua hala berlaku semasa dalam PdPc | 3.82 |
| 10 | Saya faham apa yang murid cuba sampaikan jika mereka menggunakan BIM semasa dalam sesi PdPc | 3.71 |
| Jumlah Min | | 3.48 |

Analisis frekuensi, peratusan dan min yang dimuatkan dalam jadual 3 menunjukkan semua item berkaitan pengetahuan siswa guru terhadap BIM iaitu item 1 (3.32), item 2 (3.18), item 3 (3.32), item 4 (3.46), item 5 (3.32), item 6 (3.46), item 7 (3.50), item 8 (3.71), item 9 (3.82) dan item 10 (3.71). Min keseluruhan bagi konstruk pengetahuan siswa guru terhadap BIM adalah 3.48 iaitu pada tahap sederhana.

ANALISIS BAHAGIAN D: KEBOLEHGUNAAN BIM SISWA GURU

Jadual 3

Analisis Frekuensi, Peratusan dan Min bagi Kebolehgunaan BIM Siswa Guru.

| Bil | Item | Min |
|------------|--|------|
| 1 | BIM dapat meningkatkan keberkesanan PdPc di dalam kelas | 3.75 |
| 2 | Murid lebih memahami apa yang diajar dengan menggunakan BIM | 3.46 |
| 3 | BIM dapat memudahkan komunikasi dua hala antara murid dan saya | 3.79 |
| 4 | Penggunaan BIM dapat memudahkan pelaksanaan aktiviti pembelajaran abad ke-21 | 3.57 |
| 5 | Penggunaan BIM meningkatkan tahap kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) murid saya | 3.46 |
| 6 | Objektif pembelajaran tercapai sebanyak lebih 70% jika saya menerapkan penggunaan BIM dalam PdPc | 3.18 |
| 7 | Saya menggunakan BIM untuk menggantikan sesuatu isyarat yang tiada dalam Kod Tangan Bahasa Melayu (KTBM) | 4.29 |
| 8 | BIM dijadikan sebagai sumber panduan kedua untuk mengajar selepas Kod Tangan Bahasa Melayu (KTBM) | 4.43 |
| 9 | Penggunaan BIM mampu menjadikan sesi PdPc lebih menarik dan autentik | 3.68 |
| 10 | Penggunaan BIM membantu saya untuk menyediakan pembelajaran yang lebih berbentuk situasi dalam PdPc | 3.82 |
| Jumlah Min | | 3.74 |

Analisis frekuensi, peratusan dan min yang dimuatkan dalam jadual 4 menunjukkan semua item berkaitan kebolehgunaan siswa guru terhadap BIM iaitu item 1 (3.75), item 2 (3.46), item 3 (3.79), item 4 (3.57), item 5 (3.46), item 6 (3.18), item 7 (4.29), item 8 (4.43), item 9 (3.68) dan item 10 (3.71). Min keseluruhan bagi konstruk kebolehgunaan siswa guru terhadap BIM adalah 3.74 iaitu pada tahap tinggi.

Analisis dapatan min bagi minat siswa guru dalam BIM adalah pada tahap sederhana iaitu 3.22. Hasil kajian ini mendapati bahawa siswa guru berasa gembira menggunakan BIM dalam sesi PdPc (min=3.71). Hasil kajian disokong oleh Gibson dan Dembo (1984), salah satu ciri-ciri guru yang tinggi efikasi ialah guru yang gembira dan sentiasa seronok dalam PdPcnya. Walaubagaimanapun, didapati bahawa tahap penggunaan BIM siswa guru adalah rendah (min=2.57). Menurut Abdullah Yusoff, & Che Rabiah Mohamed (2004), KTBM merupakan komunikasi utama dalam PdPc malah ianya digunapakai oleh murid-murid bermasalah pendengaran di Malaysia sebagai bahasa rasmi dan formal.

Analisis dapatan min bagi pengetahuan siswa guru dalam BIM adalah pada tahap sederhana iaitu 3.48. Siswa guru berpendapat bahawa pengetahuan mereka dalam BIM dapat memudahkan komunikasi dua hala semasa dalam sesi PdPc (min=3.82). Samsia Binti Abdu Rauf (2012), dalam kajiannya mengatakan bahawa BIM mudah digunakan dalam menjalankan komunikasi dua hala. Penggunaan BIM dalam hubungan interaksi adalah disebabkan ianya mudah digunakan mengikut pelbagai situasi. Namun, analisis kajian yang dijalankan mendapati bahawa siswa guru tidak menggunakan BIM dalam merancang bahan pengajaran dalam sesi PdPc (min=3.18). Menurut Abdul Rahim (2010), kajian yang dijalankannya mendapati bahawa BIM tidak menepati nahu bahasa Melayu memandangkan BIM mempunyai masalah struktur frasa yang sangat teruk.

Analisis dapatan min bagi kebolegunaan BIM siswa guru adalah pada tahap tinggi iaitu 3.74. kebanyakan siswa guru menggunakan BIM untuk dijadikan sumber panduan kedua mengajar selepas KTBM (min=4.43). Menurut Syar Meeze Mohd Rashid (2014), BIM merupakan bahasa visual. Disebabkan masalah pendengaran yang dihadapi, komuniti pekak banyak bergantung kepada visual. Walaubagaimanapun, berdasarkan analisis kajian yang dijalankan mendapati siswa guru tidak bersetuju bahawa objektif pembelajaran mereka tercapai sebanyak lebih 70% jika mereka menerapkan penggunaan BIM dalam PdPc (min=3.18). Kenyataan ini disokong oleh Samsia Binti Abdu Rauf (2012) yang mengatakan bahawa KTBM dilihat lebih efektif berbanding BIM kerana murid dan guru lebih memahami isyarat KTBM yang digunakan.

6.0 KESIMPULAN, CADANGAN DAN IMPLIKASI

Analisis min bagi konstruk minat, pengetahuan serta kebolegunaan menunjukkan bahawa persepsi dan pengetahuan siswa guru terhadap BIM berada di tahap sederhana. Manakala, persepsi siswa guru terhadap kebolegunaan BIM adalah pada tahap tinggi. Secara keseluruhannya, persepsi siswa guru bagi keseluruhan konstruk adalah pada tahap sederhana dimana persepsi siswa guru terhadap penggunaan BIM dalam amalan PdPc tidaklah terlalu positif atau negatif.

Dicadangkan agar satu kajian yang lebih holistik dilaksanakan bagi mengkaji persepsi guru-guru pendidikan khas yang mengajar murid-murid bermasalah pendengaran terhadap penggunaan BIM mereka dalam PdPc. Kajian ini haruslah diperluas dengan menjadikan guru-guru pendidikan khas murid bermasalah pendengaran di seluruh Malaysia sebagai responden. satu kajian dijalankan untuk meninjau sama ada BIM benar-benar berkesan dan relevan untuk diserapkan dalam kurikulum dan sistem pendidikan di Malaysia.

Dapatan kajian ini perlu diberikan perhatian serius bagi memastikan beberapa aspek yang berkaitan dengan penggunaan BIM dalam amalan PdPc dapat ditambahbaik dan diberikan perhatian sewajarnya oleh pihak-pihak yang berkenaan di Malaysia terutamanya pihak yang terlibat dalam perancangan dan pelaksanaan program pendidikan khas bagi murid-murid berkeperluan khas bermasalah pendengaran.

RUJUKAN

- Abdul Rahim Haji Razalli. (2010). *Keberkesanan Penggunaan bahasa isyarat Malaysia (BIM) dalam pengajaran Bahasa Melayu murid pekak*. UKM.
- Abdullah Yusoff, & Che Rabiah Mohamed. (2004). *Jurnal Dewan Bahasa. Penguasaan Bahasa Melayu dalam kalangan murid pekak: satu sorotan dari perspektif linguistik*, 4(4) : 639-680.
- Abdullah Yusoff. (1995). *Orang Pekak-Bisu : Bagaimanakah mereka berkomunikasi?.* Dalam *Pelita Bahasa* (pp. 16-17). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Bond, T.G, & Fox, C.M. (2015). *Applying The Rasch Model Fundamental Measurement in the Human Science*. New York: Routledge & T.
- Gibson, S, & Dembo, M. H. (1984). *Teacher efficacy: A construct validation. Journal of Educational Psychology*, 569-582.
- Mohamed Sazali Shaari. (2004). *Budaya orang pekak. Kertas persidangan keluarga Pekak bahagia*, 25-45
- Paul, P. & Quingley, S. (1994). *Language and deafness* . San Diego: Singular Publishing Group.
- Persekutuan Orang Pekak Malaysia. (2000). *Bahasa Isyarat Malaysia*. Selangor: Persekutuan Orang pekak Malaysia.
- Samsia Abdul Rauf. (2012). *Kemahiran penggunaan bahasa isyarat dalam kalangan pelajar bermasalah pendengaran di sekolah*. Bangi: UKM.

Syar Meeze Mohd Rashid . (2014). Kepentingan bahasa isyarat malaysia (bim) dalam pengajaran perkara asas fardhu ain (pafa) terhadap komuniti pekak . *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, 27-33.

PERSEPSI SISWA GURU TERHADAP KETERLIBATAN AKADEMIK MURID KETIDAKUPAYAAN PENDENGARAN DAN KETIDAKUPAYAAN PENGLIHATAN

SITI HASIBAH BINTI CHE SARIF
Jabatan Pendidikan Khas

Pensyarah Pembimbing
EN. ARMAN BIN AB SANI

ABSTRAK

Kajian ini dijalankan untuk meninjau persepsi siswa guru di Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas (IPGKIK) terhadap keterlibatan akademik murid ketidakupayaan pendengaran dan ketidakupayaan penglihatan di sekolah. Sampel kajian terdiri daripada 40 orang responden iaitu 25 orang siswa guru pengkhususan masalah pendengaran dan 15 orang siswa guru pengkhususan masalah penglihatan. Instrumen kajian merupakan satu set borang soal selidik yang ditadbir ke atas sampel siswa guru melalui aplikasi google form. Data dianalisis menggunakan statistik deskriptif dan statistik inferens. Dapatan kajian keterlibatan akademik murid ketidakupayaan pendengaran dan ketidakupayaan penglihatan adalah sederhana dan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara kedua-dua keterlibatan akademik murid. Kajian ini mempunyai implikasi peranan dan kesediaan bakal guru dalam meningkatkan keterlibatan akademik murid ketidakupayaan pendengaran dan ketidakupayaan penglihatan di sekolah. Pensyarah dan pihak Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM) berperanan membantu siswa guru dari sudut kemahiran dan teknikal untuk menceburkan diri dalam bidang pendidikan khas.

Kata Kunci: Keterlibatan akademik, murid ketidakupayaan pendengaran, murid ketidakupayaan penglihatan

ABSTRACT

The aim of this study is to explore the perceptions teacher trainees' in Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas towards academic engagement of pupils with hearing and visual impairments. This research was conducted 40 respondents which are 25 hearing special education teacher trainees and 15 visual special education teacher trainees. The instrument used was a set of questionnaires answered by teacher trainees through Google Form Application. The data was analysed by using a descriptive statistic and inference statistic. The result of this research has generally shown that teacher trainees' perception towards the academic engagement of pupils with hearing and visual impairments is medium and there is no significant difference between the academic engagement of pupils with hearing and visual impairments. This research highlights the importance of roles and readiness of teacher trainees in increasing and encouraging the academic involvement of pupils with hearing and visual impairments in school. The lecturers and Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM) play important roles in helping teacher trainees' in terms of skill and technical especially in special education field.

Keywords: Academic engagement, pupils with hearing impairment, pupils with visual Impairment

Emel: sitihاسبah95@yahoo.com

1.0 PENGENALAN

Keterlibatan dalam akademik merupakan komponen penting bagi setiap murid (Guardino & Antia, 2012). Keterlibatan murid di sekolah boleh menjadi petunjuk pencapaian seterusnya menyumbang kepada perkembangan sosial dan kognitif murid. Murid menunjukkan keterlibatan dalam akademik dengan menghadiri diri ke sekolah, memberi perhatian dalam bilik darjah, mengambil bahagian dalam aktiviti kurikulum, menjalankan aktiviti yang diberikan oleh guru dan menunjukkan usaha yang gigih serta membina rasa kekitaan sepanjang tempoh pembelajaran dan menunjukkan sikap dan tingkah laku yang positif (Smith, Ito, Gruenewald & Yeh, 2010) serta cenderung untuk berjaya apabila tamat persekolahan (Archambault, Janosz, Morizor & Pagani, 2009).

Guru memainkan peranan utama dalam mewujudkan suasana pembelajaran yang menarik. Keberhasilan proses pembelajaran dan pemudahcaraan memberi kesan kepada akademik yang bakal dihasilkan oleh murid (Almarode & Miller, 2017). Keterlibatan terbahagi kepada pelbagai dimensi yang memerlukan guru memantau keterlibatan murid dari aspek emosi, kognitif dan tingkah laku. Oleh itu untuk mengekalkan keterlibatan akademik, guru perlu memantau secara tekal dan bersedia untuk mengubahsuai persekitaran pembelajaran.

2.0 PERNYATAAN MASALAH

Pencapaian akademik sejak dari awal persekolahan penting untuk kejayaan masa hadapan. Namun demikian, hal ini semakin sukar dicapai jika murid-murid tersebut menghadapi masalah sensori seperti ketidakupayaan pendengaran atau ketidakupayaan penglihatan (Abdullah Yusoff & Che Rabiaah Mohamed, 2010).

Telah banyak kajian dilakukan tentang keterlibatan akademik murid namun kajian-kajian lepas hanya memberi tumpuan kepada satu kategori murid sahaja. Oleh itu, kajian ini dibuat untuk mengisi kekurangan yang ada dengan meninjau persepsi siswa guru terhadap keterlibatan akademik murid ketidakupayaan pendengaran dan murid ketidakupayaan penglihatan agar siswa guru terlibat dapat menyediakan persekitaran pembelajaran yang menepati keperluan murid yang pelbagai.

3.0 OBJEKTIF DAN SOALAN KAJIAN

Tiga objektif kajian ini telah dibina iaitu:

- i. Mengenal pasti tahap keterlibatan akademik murid ketidakupayaan pendengaran di sekolah.
- ii. Mengenal pasti tahap keterlibatan akademik murid ketidakupayaan penglihatan di sekolah.
- iii. Mengenal pasti perbezaan persepsi siswa guru ketidakupayaan pendengaran dengan ketidakupayaan penglihatan terhadap tahap keterlibatan akademik murid di sekolah.

Tiga persoalan kajian telah dibina iaitu:

- i. Apakah tahap keterlibatan akademik murid ketidakupayaan pendengaran di sekolah?
- ii. Apakah tahap keterlibatan akademik murid ketidakupayaan penglihatan di sekolah?
- iii. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan dalam persepsi siswa guru terhadap keterlibatan murid ketidakupayaan pendengaran dan ketidakupayaan penglihatan dalam akademik di sekolah?

4.0 METODOLOGI KAJIAN

Kajian tinjauan ini dilaksanakan di (IPGKIK). Sampel kajian (N=40) dipilih dengan melibatkan siswa guru pendidikan khas semester 7 ambilan Jun 2015 pengkhususan masalah pendengaran dan siswa guru masalah penglihatan. Taburan sampel siswa guru diberikan dalam Jadual 1.

Jadual 1

Sampel Siswa Guru mengikut Pengkhususan

| Siswa Guru | Sampel (n) |
|-------------------------------------|------------|
| Pengkhususan | |
| Pendidikan Khas Masalah Pendengaran | 25 |
| Pendidikan Khas Masalah Penglihatan | 15 |
| Jumlah | 40 |

Instrumen yang digunakan dalam kajian ini telah disesuaikan daripada instrumen kajian Manisah Mohd Ali dan Noorfaziha Hassan (2014) yang dibina dengan merujuk kepada *Modified Students Participation Questionnaire (mSPQ)*. Kebolehpercayaan instrumen kajian telah diukur dan mendapat nilai Alpha Cronbach 0.756. Hal ini menunjukkan instrumen mempunyai darjah kebolehpercayaan tinggi. Soal selidik ini mengandungi dua bahagian iaitu Bahagian A: Maklumat Latar Belakang Siswa Guru manakala Bahagian B pula adalah item berkaitan Persepsi Siswa Guru Terhadap Keterlibatan Akademik. Instrumen kajian ini mengandungi 35 item. Pengkaji telah mendapat kesahan instrumen daripada penyelia kajian dengan menunjukkan instrumen tersebut dan berbincang dengan penyelia kajian sebelum instrumen ditadbirkan. Kaedah penganalisan data yang digunakan adalah kaedah

kuantitatif. Pengkaji menggunakan aplikasi *Google Forms* untuk mendapatkan data daripada responden berkaitan dan menggunakan Perisian *Statistical Package for the Social Sciences (SPSS)* versi 22 untuk menganalisis data. Nilai min dikategorikan mengikut skor min ke dalam lima sela yang berbeza seperti yang dipaparkan dalam Jadual 2.

Jadual 2

Tahap Interpretasi Skor Min bagi Tahap Keterlibatan Murid dengan Ketidakupayaan Pendengaran dan Ketidakupayaan Penglihatan di Sekolah.

| Skor Min | Tahap |
|-----------|---------------|
| 1.00-1.89 | Sangat Rendah |
| 1.90-2.69 | Rendah |
| 2.70-3.49 | Sederhana |
| 3.50-4.29 | Tinggi |
| 4.30-5.00 | Sangat Tinggi |

Sumber: *Bahagian Perancangan & Penyelidikan Dasar Pendidikan (BPPDP) (2006)*

5.0 DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Dapatan kajian dinyatakan berdasarkan tiga persoalan kajian yang ditetapkan.

i. Persepsi siswa guru terhadap keterlibatan akademik murid ketidakupayaan pendengaran
Secara keseluruhan didapati siswa guru pengkhususan masalah pendengaran menilai tahap keterlibatan akademik murid ketidakupayaan pendengaran berada pada tahap sederhana (min=3.32, sp=0.39). Data kajian tentang tahap keterlibatan akademik murid ketidakupayaan pendengaran dipaparkan dalam Jadual 3.

Jadual 3

Tahap Keterlibatan Akademik Murid Ketidakupayaan Pendengaran

| ITEM | PERKARA | Pendengaran | | |
|------|--|-------------|------|-----------|
| | | Min | SP | Tahap |
| 1 | Murid memberikan kerjasama yang baik dengan rakan sebaya. | 3.80 | 0.65 | Tinggi |
| 2 | Murid memberi tumpuan di dalam kelas. | 3.56 | 0.58 | Tinggi |
| 3 | Murid memilih untuk menyiapkan tugas yang mudah berbanding tugas sukar. | 3.96 | 0.74 | Tinggi |
| 4 | Murid menganggap bahawa sekolah adalah penting. | 3.48 | 0.77 | Sederhana |
| 5 | Murid berusaha untuk melakukan sesuatu tugas dengan baik. | 3.76 | 0.52 | Tinggi |
| 6 | Murid menyisihkan diri daripada orang lain. | 2.60 | 1.04 | Rendah |
| 7 | Murid menyiapkan tugas yang diberikan di dalam kelas. | 3.84 | 0.55 | Tinggi |
| 8 | Murid menghadiri aktiviti di sekolah lain. | 3.52 | 0.96 | Tinggi |
| 9 | Murid mengangkat tangan untuk menjawab soalan. | 3.76 | 0.93 | Tinggi |
| 10 | Murid menyertai perbincangan dalam kelas secara aktif. | 3.52 | 0.87 | Tinggi |
| 11 | Murid menggunakan peralatan khas secara berdikari. | 3.56 | 0.82 | Tinggi |
| 12 | Murid menyiapkan kerja rumah pada masa yang ditetapkan. | 3.48 | 0.82 | Sederhana |
| 13 | Murid cuba untuk menyiapkan kerja dengan teliti, bukannya hanya sambil lewa. | 3.56 | 0.71 | Tinggi |
| 14 | Murid menunjukkan sikap tabah dan sabar dalam menghadapi cabaran. | 3.68 | 0.85 | Tinggi |
| 15 | Murid datang lewat ke kelas. | 2.68 | 1.07 | Rendah |
| 16 | Murid meminta bantuan guru dan rakan dengan sewajarnya. | 3.76 | 0.60 | Tinggi |
| 17 | Murid mengganggu rakan-rakan lain. | 3.24 | 1.01 | Sederhana |

| | | | | |
|-------------|--|------|------|-----------|
| 18 | Murid memulakan interaksi sosial dengan rakan sebaya. | 4.00 | 0.82 | Tinggi |
| 19 | Murid bertanya soalan untuk memperoleh lebih maklumat. | 3.08 | 0.95 | Sederhana |
| 20 | Murid menunjukkan sikap tidak tahu apa yang berlaku di dalam kelas. | 3.08 | 0.76 | Sederhana |
| 21 | Murid berusaha menyiapkan tugas walaupun tugas tersebut sukar. | 3.40 | 1.00 | Sederhana |
| 22 | Murid menunjukkan sikap tiada inisiatif untuk berdikari dan perlu dibantu untuk melakukan tugas. | 3.00 | 0.88 | Sederhana |
| 23 | Murid menunjukkan sikap mengagumi rakan-rakan yang cemerlang di sekolah. | 3.32 | 0.85 | Sederhana |
| 24 | Murid menunjukkan sikap terlalu banyak bercakap di dalam bilik darjah. | 3.52 | 0.96 | Tinggi |
| 25 | Murid berkelakuan gelisah dan sukar untuk memberi perhatian. | 3.08 | 0.95 | Sederhana |
| 26 | Murid menyatakan keperluan dalam cara yang sesuai kepada guru dan rakan sebaya. | 3.08 | 0.86 | Sederhana |
| 27 | Murid menunjukkan sikap cepat berputus asa apabila menghadapi cabaran menyiapkan kerja sekolah. | 3.16 | 0.80 | Sederhana |
| 28 | Murid merujuk guru dalam perbincangan sebelum atau selepas waktu sekolah. | 2.52 | 0.96 | Rendah |
| 29 | Murid mengetahui kepentingan kandungan mata pelajaran. | 3.00 | 1.08 | Sederhana |
| 30 | Murid lupa atau kehilangan bahan pembelajaran. | 3.44 | 0.82 | Sederhana |
| 31 | Murid perlu sentiasa diberi teguran. | 3.48 | 0.87 | Sederhana |
| 32 | Murid memperoleh bahan pembelajaran secara berdikari. | 3.04 | 1.10 | Sederhana |
| 33 | Murid mengatur ruang kerja sendiri. | 3.20 | 0.87 | Sederhana |
| 34 | Murid melakukan tugas lebih daripada yang diberikan. | 2.64 | 1.25 | Rendah |
| 35 | Murid merujuk kamus, ensiklopedia atau sumber lain untuk memperoleh maklumat. | 2.24 | 1.33 | Rendah |
| Keseluruhan | | 3.32 | 0.39 | Sederhana |

Daripada keseluruhan item soal selidik yang diberikan kepada siswa guru pengkhususan masalah pendengaran didapati bahawa item ke 18 yang menyatakan murid memulakan interaksi sosial dengan rakan sebaya berada pada tahap tertinggi di antara kesemua 35 item dengan nilai ($\text{min}=4.00$, $\text{sp}=0.82$). Hal ini disokong oleh Xerri, Radford dan Shacklock (2018) yang menyatakan hubungan rakan sebaya, hubungan pensyarah-siswa dan motif untuk belajar adalah indikator utama keterlibatan siswa dalam aktiviti akademik. manakala item ke 35 yang menyatakan kekerapan murid merujuk kamus, ensiklopedia atau sumber lain untuk memperoleh maklumat berada pada tahap terendah berbanding item yang lain dengan nilai ($\text{min}=2.24$, $\text{sp}=1.33$). Hal ini disokong oleh Haakma, Janssen dan Minnaert (2018), yang menyatakan pengajaran yang menyediakan khidmat sokongan yang diperlukan murid untuk belajar mempengaruhi secara positif keterlibatan murid.

ii) Persepsi siswa guru terhadap keterlibatan akademik murid ketidakupayaan penglihatan

Secara keseluruhan didapati siswa guru pengkhususan masalah penglihatan menilai tahap keterlibatan akademik murid ketidakupayaan penglihatan berada pada tahap sederhana ($\text{min}=3.24$, $\text{sp}=0.21$). Hal ini disokong oleh kajian yang dijalankan oleh Manisah Mohd Ali dan Noorfaziha Hassan (2014) yang meninjau perspektif guru terhadap keterlibatan akademik murid ketidakupayaan penglihatan.

Data kajian tentang tahap keterlibatan akademik murid ketidakupayaan penglihatan dipaparkan dalam Jadual 4:

Jadual 4

Tahap Keterlibatan Akademik Murid Ketidakupayaan Penglihatan

| ITEM | PERKARA | Penglihatan | | |
|------|--|-------------|------|-----------|
| | | Min | SP | Tahap |
| 1 | Murid memberikan kerjasama yang baik dengan rakan sebaya. | 3.40 | 0.91 | Sederhana |
| 2 | Murid memberi tumpuan di dalam kelas. | 3.07 | 0.46 | Sederhana |
| 3 | Murid memilih untuk menyiapkan tugas yang mudah berbanding tugas sukar. | 4.07 | 0.70 | Tinggi |
| 4 | Murid menganggap bahawa sekolah adalah penting. | 3.80 | 1.01 | Tinggi |
| 5 | Murid berusaha untuk melakukan sesuatu tugas dengan baik. | 3.53 | 0.64 | Tinggi |
| 6 | Murid menyisihkan diri daripada orang lain. | 2.93 | 1.10 | Sederhana |
| 7 | Murid menyiapkan tugas yang diberikan di dalam kelas. | 3.60 | 0.51 | Tinggi |
| 8 | Murid menghadiri aktiviti di sekolah lain. | 3.07 | 0.88 | Sederhana |
| 9 | Murid mengangkat tangan untuk menjawab soalan. | 3.60 | 0.63 | Tinggi |
| 10 | Murid menyertai perbincangan dalam kelas secara aktif. | 3.47 | 0.74 | Sederhana |
| 11 | Murid menggunakan peralatan khas secara berdikari. | 3.67 | 0.72 | Tinggi |
| 12 | Murid menyiapkan kerja rumah pada masa yang ditetapkan. | 3.20 | 0.68 | Sederhana |
| 13 | Murid cuba untuk menyiapkan kerja dengan teliti, bukannya hanya sambil lewa. | 3.07 | 0.88 | Sederhana |
| 14 | Murid menunjukkan sikap tabah dan sabar dalam menghadapi cabaran. | 3.27 | 0.46 | Sederhana |
| 15 | Murid datang lewat ke kelas. | 2.93 | 0.96 | Sederhana |
| 16 | Murid meminta bantuan guru dan rakan dengan sewajarnya. | 3.53 | 0.83 | Tinggi |
| 17 | Murid mengganggu rakan-rakan lain. | 3.47 | 0.83 | Sederhana |
| 18 | Murid memulakan interaksi sosial dengan rakan sebaya. | 3.73 | 1.03 | Tinggi |
| 19 | Murid bertanya soalan untuk memperoleh lebih maklumat. | 3.73 | 0.80 | Tinggi |
| 20 | Murid menunjukkan sikap tidak tahu apa yang berlaku di dalam kelas. | 2.93 | 0.80 | Sederhana |
| 21 | Murid berusaha menyiapkan tugas walaupun tugas tersebut sukar. | 3.07 | 0.70 | Sederhana |
| 22 | Murid menunjukkan sikap tiada inisiatif untuk berdikari dan perlu dibantu untuk melakukan tugas. | 3.00 | 0.66 | Sederhana |
| 23 | Murid menunjukkan sikap mengagumi rakan-rakan yang cemerlang di sekolah. | 3.60 | 0.99 | Tinggi |
| 24 | Murid menunjukkan sikap terlalu banyak bercakap di dalam bilik darjah. | 4.13 | 0.52 | Tinggi |
| 25 | Murid berkelakuan gelisah dan sukar untuk memberi perhatian. | 3.27 | 0.70 | Sederhana |
| 26 | Murid menyatakan keperluan dalam cara yang sesuai kepada guru dan rakan sebaya. | 3.07 | 0.70 | Sederhana |
| 27 | Murid menunjukkan sikap cepat berputus asa apabila menghadapi cabaran menyiapkan kerja sekolah. | 3.13 | 0.92 | Sederhana |
| 28 | Murid merujuk guru dalam perbincangan sebelum atau selepas waktu sekolah. | 2.60 | 0.99 | Rendah |
| 29 | Murid mengetahui kepentingan kandungan mata pelajaran. | 2.80 | 0.86 | Sederhana |
| 30 | Murid lupa atau kehilangan bahan pembelajaran. | 3.40 | 0.74 | Sederhana |

| | | | | |
|-------------|---|------|------|-----------|
| 31 | Murid perlu sentiasa diberi teguran. | 3.73 | 0.59 | Tinggi |
| 32 | Murid memperoleh bahan pembelajaran secara berdikari. | 2.67 | 0.72 | Rendah |
| 33 | Murid mengatur ruang kerja sendiri. | 2.60 | 0.91 | Rendah |
| 34 | Murid melakukan tugas lebih daripada yang diberikan. | 2.40 | 0.74 | Rendah |
| 35 | Murid merujuk kamus, ensiklopedia atau sumber lain untuk memperoleh maklumat. | 2.00 | 0.93 | Rendah |
| Keseluruhan | | 3.24 | 0.21 | Sederhana |

Daripada keseluruhan item soal selidik yang diberikan kepada siswa guru pengkhususan masalah penglihatan didapati item ke 24 yang menyatakan murid menunjukkan sikap terlalu banyak bercakap di dalam bilik darjah berada pada tahap tertinggi di antara kesemua 35 item dengan nilai (min=4.13, sp=0.52). Hal ini disokong oleh Noll (2007) yang menyatakan komunikasi yang baik akan membawa kepada perhubungan sosial yang baik. manakala item ke 35 yang menyatakan kekerapan murid merujuk kamus, ensiklopedia atau sumber lain untuk memperoleh maklumat berada pada tahap terendah berbanding item yang lain dengan nilai (min=2.00, sp=0.93). Hal ini disokong oleh Syed Hussein Alatas yang menyatakan masalah pencapaian akademik di kalangan pelajar disebabkan oleh sikap pelajar yang tidak gemar membaca dan mencari bahan pembelajaran secara berdikari.

iii) Perbezaan persepsi siswa guru terhadap tahap keterlibatan akademik murid ketidakupayaan pendengaran dan ketidakupayaan penglihatan

Jadual 5 menunjukkan hasil ujian-t tidak bersandar perbezaan persepsi siswa guru terhadap tahap keterlibatan akademik murid ketidakupayaan pendengaran dan ketidakupayaan penglihatan.

Jadual 5

Perbezaan Tahap Keterlibatan Akademik Murid Ketidakupayaan Pendengaran Dan Ketidakupayaan Penglihatan

| Pemboleh ubah | Pengkhususan | Bil (N) | Min | SP | t | DF | Tahap Signifikan (P) |
|-----------------------|--------------|---------|------|------|------|----|----------------------|
| Keterlibatan Akademik | PKD | 25 | 3.32 | 0.39 | .710 | 38 | 0.31 |
| | PKL | 15 | 3.24 | 0.21 | | | |

*signifikan pada nilai alpha <0.05

Ujian menunjukkan nilai $t(38) = .710$, $P=0.31$ adalah tidak signifikan. Keputusan menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan skor min keterlibatan akademik antara siswa guru pendidikan khas masalah pendengaran dan ($M=3.32$, $SP=0.39$), dan siswa guru pendidikan khas masalah penglihatan ($M=3.24$, $SP=0.21$).

6.0 KESIMPULAN, CADANGAN DAN IMPLIKASI

Hasil kajian mendapati persepsi siswa guru pengkhususan masalah pendengaran dan pengkhususan masalah penglihatan terhadap keterlibatan akademik murid ketidakupayaan pendengaran dan ketidakupayaan penglihatan berada pada tahap sederhana manakala keputusan ujian-t menunjukkan tidak terdapat perbezaan skor min keterlibatan akademik antara siswa guru pendidikan khas masalah pendengaran dan masalah penglihatan.

Sebagai cadangan kajian lanjutan, pengkaji perlu memperluaskan responden kajian dengan mengambil guru yang mengajar murid ketidakupayaan pendengaran dan ketidakupayaan penglihatan di sekolah sebagai sampel. Pengkaji perlu mengambil pengumpulan statistik data keputusan pencapaian akademik murid di sekolah di samping pengkaji boleh mengembangkan kajian berkaitan keterlibatan akademik murid ketidakupayaan pendengaran dan ketidakupayaan penglihatan dengan melihat kepada umur dan gender murid.

Implikasi kajian melihat siswa guru perlu bersedia dan bersikap positif untuk menerima murid berkeperluan khas dalam bilik darjah di samping perlu sentiasa meneroka ilmu pengetahuan dan maklumat tentang masalah murid ketidakupayaan pendengaran dan ketidakupayaan penglihatan

secara lebih mendalam. Sokongan daripada pensyarah terlatih perlu dengan merangka aktiviti dan kerja kursus yang melibatkan siswa guru pendidikan khas secara aktif dan praktikal. IPGM haruslah mempertingkatkan lagi peruntukan alat-alat teknologi di kelas pendidikan khas serta menambah baik alatan yang sedia ada kepada siswa guru serta menambah baik penyediaan modul pembelajaran.

RUJUKAN

- Abdullah Yusoff & Che Rabiaah Mohamed. (2010). Komunikasi warga pekak. *Jurnal Ilmu Pendidikan* Bil:1, hlm. 53-70.
- Almarode, J. T., & Miller, A. (2017). *From snorkelers to scuba divers: making the elementary science classroom a place of engagement and deep learning*. Thousand Oaks, CA: Corwin Press.
- Archambault, I., Janosz, M., Morizor, J. & Pagani, L. (2009). Adolescent behavioral, affective and cognitive engagement in school: Relationship to dropout. *Journal of School Health* 79(9): 408-415.79(9).
- Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan. (2006). *Pelan Induk Pembangunan Pendidikan 2006-2010*. Putrajaya: Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Haakma I, Janssen M.J., & Minnaert A, E. (2018). Needsupport in students with visual visual impairments. Comparing teacher and student perspectives. *Frontier education.*, 25aJanuary 2018. H
- Manisah Mohd Ali & Noorfaziha Hassan. (2014). Perspektif guru terhadap keterlibatan akademik dalam kalangan murid dengan ketidakupayaan penglihatan. *Jurnal Pendidikan Malaysia* (pp. 109-114). Selangor: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Noll, P. (2007). A methodology for statistical matching with fuzzy logic. *NAFIPS 2007 Annual Meeting of the North American Fuzzy Information Processing Society*.
- Smith, D.C., Ito, A., Gruenewald, J. & Yeh, H. (2010). Promoting school engagement: attitudes toward school among American and Japanese. youth. *Journal of School Violence* 9: 392-406.
- Syed Hussein Al-Alatas (n.d). The intellectuals and developing societies. *Intellectuals in developing societies*, 48-59.
- Xerri, M.J, Radford, K. Shacklock, K. (2018). Student engagement in academic activities: a social support perspective. *The International Journal of Higher Education Research*, 589-605

LATIHAN PRAKTIKUM GURU PELATIH ORANG KURANG UPAYA DI INSTITUT PENDIDIKAN GURU KAMPUS ILMU KHAS: SATU KAJIAN KES

SYAKIRAH BINTI ABDUL HALIM
Jabatan Pendidikan Khas

Pensyarah Pembimbing
DR. ALIJAH BINTI UJANG

ABSTRAK

Satu Kajian Kes yang bertajuk Latihan Praktikum Guru Pelatih Orang Kurang Upaya (OKU) di Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas ini telah dijalankan dengan menggunakan kaedah kualitatif. Kajian ini bertujuan untuk menganalisis pencapaian guru pelatih OKU dan mengenalpasti persepsi mereka terhadap pensyarah pembimbing, guru pembimbing, rakan praktikum, kemudahan sekolah dan institusi semasa latihan praktikum. Seramai empat orang guru pelatih OKU telah dipilih sebagai subjek kajian. Mereka terdiri daripada guru pelatih OKU ambilan Jun 2015 dan Jun 2016 yang telah menjalani latihan praktikum di sekolah. Jadual analisis dokumen dan protokol temu bual telah dibina bagi mendapatkan data dan maklumat. Data dianalisis menggunakan perisian *Microsoft Excel 2016*, statistik deskriptif iaitu peratusan bagi menjawab persoalan kajian pertama. Temu bual telah dirakam, ditranskripsikan dan dianalisa mengikut tema bagi mengetahui persepsi guru pelatih OKU tersebut. Seramai dua orang guru pelatih berjaya mencapai gred amat cemerlang (A+) dalam praktikum sementara dua orang lagi mendapat gred cemerlang (A-). Kesemua guru pelatih mempunyai persepsi yang positif terhadap pensyarah pembimbing dan guru pembimbing. Namun, aspek rakan praktikum, kemudahan sekolah dan institusi masih terdapat maklum balas yang negatif daripada guru pelatih OKU. Kajian ini memberikan implikasi terhadap sekolah dan institusi dalam membantu guru pelatih OKU bagi mendapat hak untuk akses kepada pekerjaan setara dengan orang normal iaitu dengan memastikan kelengkapan infrastruktur untuk guru pelatih OKU, menyediakan "buddy" dan "interpreter" untuk membantu guru pelatih OKU dalam menjalani latihan praktikum.

Kata Kunci: Latihan praktikum, guru pelatih OKU, Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas

ABSTRACT

A case study entitled Teacher Training Practicum for People with Disabilities (OKU) at the Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas (IPGKIK) has been done by using a qualitative method to answer all the questions arise during conducting the study. The purpose of this study is to analyze the achievement of OKU teacher trainees and to identify their perceptions towards the aspects of lecturers, teachers, practicum mates, school facilities and institute during practicum period. A total of four disabled trainee teachers were selected as the subject of study. They were selected from the June 2015 and June 2016 intake of OKU teacher trainees who had undergone practicum. Documental analysis and interview protocols had been developed and used for this study. The data were analyzed by using the Microsoft Excel 2016 software, which will answer the first question. The researcher had recorded and transcribed all the interviews conducted on the OKU trainee teachers to find out their perceptions. Based on the findings, two subjects were able to achieve very excellent grade (A+) in their practicum while two others had achieved excellent grade (A-). All of the subjects stated that lecturers and teachers assisted them during the practicum. However, there are negative feedbacks from them towards practicum mates, school facilities and institute. This study inflicted an implication towards the school and institute by making sure that organization provides better infrastructures for OKU trainee teachers, provides buddy and interpreter that can help the OKU trainee teachers undergo their practicum better.

Keywords: Practicum, OKU trainee teachers, Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas

Emel: syakirahhalimm@gmail.com

1.0 PENGENALAN

Orang Kurang Upaya (OKU) ialah mereka yang mempunyai kekurangan jangka panjang fizikal, mental, intelektual atau deria yang apabila berinteraksi dengan pelbagai halangan, boleh menyekat penyertaan mereka dalam masyarakat dengan berkesan (Kementerian Pembangunan Wanita, 2008). Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (2008) di dalam Akta Orang Kurang Upaya (OKU) menyatakan bahawa OKU hendaklah mempunyai hak untuk akses kepada pekerjaan atas asas kesetaraan dengan orang upaya. Oleh yang demikian, golongan OKU tidak terkecuali untuk menjadikan profesion keguruan sebagai kerjaya mereka. Sehubungan itu, Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas (IPGKIK) telah lama membuka laluan kepada Orang Kurang Upaya (OKU) untuk menjadi guru pelatih. Oleh itu, guru pelatih OKU perlu dilatih supaya dapat mencapai matlamat negara untuk membawa perubahan kepada generasi baru dan bersedia untuk memikul tanggungjawab yang diamanahkan.

Latihan praktikum dalam Program Latihan Perguruan menyediakan peluang bagi pelajar mempraktikkan teori dan amalan PdP untuk diaplikasikan ke dalam proses PdP yang tersendiri. Ia penting bagi guru pelatih sebelum mereka menjadi guru sebenar dalam sistem pendidikan (Abdul Rauf & T. Subahan, 1991). Jadi, guru pelatih OKU tidak terkecuali untuk mendapatkan latihan praktikum yang baik untuk menjadi guru yang berkualiti.

2.0 PERNYATAAN MASALAH

Terdapat banyak kajian lampau mengenai latihan praktikum guru pelatih. Terdapat masalah prestasi guru pelatih ketika praktikum yang kurang memuaskan (Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia & Kementerian Pelajaran Malaysia, 2005); masalah guru pelatih kurang mendapat bimbingan daripada pensyarah pembimbing (Megat Aman Zahiri Megat Zakaria, 2014); guru pelatih yang kurang dibimbing serta diselia dalam aspek pembinaan soalan (Noraini Mohd Nor & Mohd Azhar Ayob, 2010); guru pelatih kurang mendapat bimbingan daripada guru pembimbing (Jamaluddin Ramli, Ahmad Johan Sihes, Abdul Rahin Hamdan & Muainah Ismail, 2006); masalah persekitaran dan aspek penyediaan buku persediaan mengajar (Seth Sulaiman & Mohd Khairul Nizam Isnin, 2008). Walau bagaimanapun, kajian terhadap guru pelatih OKU yang menjalani latihan praktikum masih kurang dijalankan berbanding dengan guru pelatih normal. Oleh yang demikian, adalah satu keperluan untuk menjalankan kajian tentang guru pelatih OKU dalam menjalani latihan praktikum supaya semua faktor yang menjadi penghalang kepada kejayaan mereka dapat dibantu kerana mereka juga berhak untuk menjadi cemerlang dalam program perguruan ini.

3.0 OBJEKTIF DAN SOALAN KAJIAN

Objektif-objektif tersebut adalah seperti berikut:-

- i. Menganalisis pencapaian guru pelatih OKU semasa latihan praktikum.
- ii. Mengenalpasti persepsi guru pelatih OKU semasa praktikum dari aspek pensyarah pembimbing, guru pembimbing, rakan praktikum, kemudahan sekolah dan institusi atau unit praktikum.

Soalan-soalan tersebut adalah seperti berikut:-

- i) Apakah pencapaian guru pelatih OKU semasa latihan praktikum?
- ii) Apakah persepsi guru pelatih OKU semasa praktikum dari aspek pensyarah pembimbing, guru pembimbing, rakan praktikum, kemudahan sekolah dan institusi atau unit praktikum?

4.0 METODOLOGI KAJIAN

Reka bentuk kajian kes ini menggunakan analisis dokumen dan temu bual keatas dua orang guru pelatih OKU diambil Jun 2015 dan diambil Jun 2016. Keempat-empat mereka telah mengambil kursus profesionalisme iaitu Praktikum Fasa 1 (PRKA3026) semasa di semester 5 dan Praktikum Fasa 2 (PRKA3036) semasa di semester 7 dalam pengajian mereka.

Protokol temu bual dan jadual analisis yang digunakan telah mendapat pengesahan daripada seorang pakar Pendidikan Khas. Jadual analisis menunjukkan peratusan pencapaian siswa guru dalam perancangan dan pelaksanaan, pelaksanaan pentaksiran, menjalankan tugas-tugas lain dan pembinaan folio dalam bimbingan pertama dan kedua. Temu bual juga telah ditranskripsikan mengikut

pensyarah pembimbing, guru pelatih, rakan praktikum, kemudahan sekolah dan, institusi dan unit praktikum.

5.0 DAPATAN KAJIAN

Pencapaian guru pelatih OKU semasa latihan praktikum

Pencapaian guru pelatih OKU ditunjukkan dalam Jadual 1, 2, 3 dan 4 berikut:

Jadual 1

Jadual Analisis Pencapaian Praktikum SK1

| PR1 | KA | | KB | | KC | | KD | |
|-------|-------------|-------------|------------|-------------|------------|-------------|-------------|-------------|
| Tahap | Bimbingan | | | | | | | |
| T | B1 | B2 | B1 | B2 | B1 | B2 | B1 | B2 |
| 1 | | | | | | | | |
| 2 | 12 (63%) | | | | 1 (50%) | | 3 (100%) | |
| 3 | 7 (37%) | | 3 (75%) | | 1 (50%) | | | |
| 4 | | 7 (37%) | 1 (25%) | | | | | |
| 5 | | 12 (63%) | | 4 (100%) | | 2 (100%) | | 3 (100%) |
| PR2 | 92.0 % (A+) | | | | | | | |

Jadual 1 berikut menunjukkan pencapaian SK1 (OKU pekak yang memakai alat bantu pendengaran) telah mendapat gred amat cemerlang (A+) dalam latihan praktikum. Beliau telah mencapai tahap amat baik dan cemerlang (5) dalam komponen pentaksiran, peranan lain dan pembinaan portfolio semasa bimbingan kedua dan masih belum mencapai tahap amat baik dan cemerlang dalam komponen pelaksanaan dan perancangan.

Jadual 2

Jadual Analisis Pencapaian Praktikum SK2

| PR1 | KA | | KB | | KC | | KD | |
|-------|-------------|-------------|-------------|------------|-------------|-------------|-------------|-------------|
| Tahap | Bimbingan | | | | | | | |
| T | B1 | B2 | B1 | B2 | B1 | B2 | B1 | B2 |
| 1 | | | | 1 (25%) | | 2 (100%) | | |
| 2 | 2 | | | | | | | |
| 3 | | 2 (10%) | | | | | | 3 (100%) |
| 4 | 4 | 10 (53%) | 6 (32%) | 1 (25%) | | | | |
| 5 | 5 | 7 (37%) | 13 (68%) | 2 (50%) | 4 (100%) | | 2 (100%) | |
| PR2 | 93.5 % (A+) | | | | | | | |

Jadual 2 jelas menunjukkan pencapaian SK 2 (OKU buta) mendapat gred amat cemerlang (A+) dalam latihan praktikum. Beliau telah mencapai tahap amat baik dan cemerlang (5) dalam komponen pentaksiran dan peranan lain serta masih belum mencapai tahap amat baik dan cemerlang dalam komponen pelaksanaan dan perancangan serta komponen pembinaan portfolio.

Jadual 3
Jadual Analisis Pencapaian Praktikum SK3

| PR1 | KA | | KB | | KC | | KD | |
|-------|-------------|-------------|------------|------------|-------------|-------------|------------|-------------|
| Tahap | Bimbingan | | | | | | | |
| T | B1 | B2 | B1 | B2 | B1 | B2 | B1 | B2 |
| 1 | | | | | 2 (100%) | | | |
| 2 | | | | | | | | |
| 3 | 10 (53%) | 8 (42%) | 2 (50%) | 1 (25%) | | | 2 (67%) | |
| 4 | 9 (47%) | 11 (58%) | 2 (50%) | 3 (75%) | | 2 (100%) | 1 (33%) | 3 (100%) |
| 5 | | | | | | | | |
| PR2 | 77.5 % (A-) | | | | | | | |

Jadual 3 menunjukkan pencapaian SK 3 (OKU pekak yang berbahasa isyarat) pula berjaya mendapat grad A- (cemerlang) dalam latihan praktikum. SK3 tidak dapat mencapai tahap amat baik dan cemerlang (5) dalam kesemua komponen. Walaubagaimanapun, terdapat peningkatan bagi keempat-empat komponen tersebut pada bimbingan kedua bagi SK3.

Jadual 4
Jadual Analisis Pencapaian Praktikum SK4

| PR1 | KA | | KB | | KC | | KD | |
|-------|-------------|-------------|------------|-------------|-------------|-------------|------------|-------------|
| Tahap | Bimbingan | | | | | | | |
| T | B1 | B2 | B1 | B2 | B1 | B2 | B1 | B2 |
| 1 | | | | | | | | |
| 2 | | | | | | | | |
| 3 | 10 (53%) | | 3 (75%) | | 2 (100%) | | 2 (67%) | |
| 4 | 9 (47%) | 15 (79%) | 1 (25%) | 4 (100%) | | | 1 (33%) | 3 (100%) |
| 5 | | 4 (21%) | | | | 2 (100%) | | |
| PR2 | 78.0 % (A-) | | | | | | | |

Jadual 4 menunjukkan pencapaian SK4 (OKU rabun penglihatan) yang berjaya mendapat grad A- dalam latihan praktikum. SK4 mencapai tahap amat baik dan cemerlang (5) hanya dalam satu komponen iaitu komponen peranan lain semasa bimbingan kedua sementara bagi komponen pelaksanaan dan perancangan serta komponen pembinaan portfolio dan komponen pentaksiran masih belum mencapai tahap amat baik dan cemerlang.

Persepsi guru pelatih OKU semasa praktikum dari aspek pensyarah pembimbing

Dapatan temu bual menunjukkan aspek yang positif bagi pensyarah pembimbing. Keempat-empat guru pelatih OKU mempunyai persepsi bahawa pensyarah pembimbing banyak memberi bantuan, galakan dan teguran semasa latihan praktikum, menyamai kajian Mohd Fairuz Jafar, Shahizan Hasan & Azalina Yusoff (2017) yang menyatakan guru-guru pelatih sangat berpuas hati dengan penyeliaan pensyarah. Ini jelas daripada pernyataan berikut:-

“.....pensyarah pun ada jugak membantu...” (SK:1)

“.....pensyarah banyak membantu....” (SK:2)

“.....pensyarah ada tolong. Kalau tengok ada kesalahan pensyarah akan tolong.....” (SK:3)

“.....pensyarah banyak tolong tegur....” (SK:4)

Persepsi guru pelatih OKU semasa praktikum dari aspek guru pembimbing

Kesemua guru pelatih OKU menyatakan bahawa guru pembimbing memberi bantuan kepada mereka semasa latihan praktikum, menyamai dengan kajian Nor Asimah (2010) yang menyatakan guru pembimbing merupakan individu yang paling hampir dengan guru pelatih, banyak membantu, sentiasa

memberikan nasihat, menjadi tempat rujukan serta banyak memberi idea dan cadangan untuk mempertingkatkan kemahiran mengajar guru pelatih semasa menjalani latihan praktikum di sekolah. Perkara ini jelas dinyatakan seperti berikut:

- “...yang banyak membantu dalam awal-awal praktikum tu guru pembimbing...” (SK:1)*
“...dia membantu bagi macam nasihat....cara kita nak create RPH tu dengan lebih mantap lagi.....” (SK:2)
“....guru pembimbing tolong saya hasilkan BBM yang tarik perhatian murid....” (SK:3)
“...guru pembimbing yang banyak bagi cadangan-cadangan.....” (SK:4)

Persepsi guru pelatih OKU semasa praktikum dari aspek rakan praktikum

Dua daripada empat orang guru pelatih yang mendapat gred A+ menyatakan bahawa rakan praktikum banyak membantu semasa latihan praktikum dan ini menyamai kajian Fortuin & Bush (2010) yang menyatakan kerjasama dengan rakan kerja yang lain membantu meningkatkan produktiviti dan mutu kerja. Guru pelatih OKU buta menyatakan seperti berikut:

- “...kawan-kawan praktikum ada membantu jugak....” (SK:1)*
“.....rakan praktikum la yang banyak membantu....” (SK:2)
“...folio saya bawa balik rumah emm minta ahli keluarga jugalah tolong. Kakak saya lah yang tolong, kakak saya tolong uruskan folio....” (SK:2)

Sementara itu guru pelatih OKU pekak dan OKU rabun menyatakan bahawa rakan praktikum kurang membantu mereka semasa latihan praktikum seperti berikut:

- “.....kurang bantu... lebih banyak lecturer dan guru pembimbing tolong....” (SK:3)*
“....kawan tak ada membantu sangat....” (SK:4)

Persepsi guru pelatih OKU semasa praktikum dari aspek kemudahan sekolah

Melalui hasil dapatan yang diperolehi, kelengkapan atau kemudahan yang diberikan kepada guru pelatih OKU membantu mereka dalam menjalani latihan praktikum, menyamai dengan kajian Noorainul Arifah (2012) yang menyatakan fasiliti untuk golongan OKU sangat penting untuk dititikberatkan bagi membolehkan mereka berada dalam persekitaran yang mesra OKU (Noorainul Arifah, 2012). Hal ini jelas seperti pernyataan berikut:

- “.....sekolah tu dia ada kemudahan.... jalan warna kuning.... tekstil....” (SK:2)*
“.....kemudahan memang banyak lah dekat situ...ada sudut embosier” (SK:4)
“.....memang akan ada JBI (Jurubahasa Isyarat)....” (SK:1)
“.....guru yang pandai isyarat jadi JBI....” (SK:3)

Persepsi guru pelatih OKU semasa praktikum dari aspek institusi atau unit praktikum

Dua daripada empat orang guru pelatih OKU menyatakan bahawa mereka menerima bantuan daripada unit praktikum dan institusi semasa menjalani latihan praktikum, menyamai kajian Stack & Fede (2017) yang menyatakan institusi bertanggungjawab memberi bantuan kepada guru pelatih. Hal ini jelas seperti pernyataan berikut:

- “.....unit praktikum membantu dalam aspek CIDS....” (SK:1)*
“....sebab saya guna JAWS jadi CIDS tak boleh pakai lah..... pihak IPG, pengarah pun dah beritahu saya memang dikecualikan lah. Tapi saya pakai MyPOROMS....” (SK:2)
“.....IPG ni membantu saya lah sebabnya saya pinjam Brailleur daripada sana....” (SK:2)

Namun demikian, terdapat dua orang guru pelatih OKU pekak dan guru pelatih OKU rabun yang menyatakan mereka kurang menerima bantuan daripada unit praktikum atau institusi. Pernyataan guru pelatih adalah seperti berikut:

- “...tiada. Unit praktikum dan IPG takde tolong....” (SK:3)*
“....untuk IPG, IPG macam takde membantu....” (SK:4)

6.0 KESIMPULAN

Guru pelatih OKU juga boleh mencapai kecemerlangan dalam latihan praktikum sekiranya mereka mendapat sokongan daripada pensyarah pembimbing, guru pembimbing, rakan praktikum, kemudahan sekolah dan unit praktikum atau institusi. Bentuk sokongan yang mereka perlukan adalah berbeza mengikut ketidakupayaan masing-masing. Guru pelatih OKU penglihatan memerlukan lebih banyak bantuan daripada rakan praktikum. Oleh yang demikian, adalah dicadangkan supaya pihak pengurusan menyediakan pendamping “buddy” untuk membantu guru pelatih OKU yang buta semasa latihan

praktikum. Sementara itu, guru pelatih OKU yang peka memerlukan “*interpreter*” sebagai penterjemah untuk memudahkannya dalam masalah berkomunikasi dengan orang normal.

Kajian ini boleh diperluaskan dengan persampelan yang melibatkan penyarah pembimbing, guru pembimbing dan rakan praktikum serta melibatkan guru pelatih OKU di institusi pengajian tinggi yang lain.

Pengkaji berharap agar kajian ini dapat membuka mata semua pihak tentang betapa pentingnya bantuan dan kemudahan yang maksimum diberikan kepada guru pelatih OKU supaya mereka dapat mencapai kecemerlangan dalam praktikum seiring dengan guru pelatih normal.

RUJUKAN

Abdul Rauf Dalip & T. Subahan. (1991). *Isu-isu latihan mengajar*. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.

Jamaluddin Ramli, Ahmad Johan Sihes, Abdul Rahin Hamdan & Muainah Ismail. (2006). *Bimbingan guru pembimbing terhadap guru pelatih dalam latihan mengajar*. Johor: Universiti Teknologi Malaysia.

Kementerian Pembangunan Wanita, K. D. (2008). Akta orang kurang upaya 2008. *Undang-Undang Malaysia* (p. 9). Kuala Lumpur: Percetakan Nasional Malaysia Berhad.

Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia & Kementerian Pelajaran Malaysia. (2005). *Penilaian Latihan Mengajar Dalam Program Pendidikan Guru di Malaysia*. Jawatankuasa Penyelarasan Pendidikan Guru (JPPG) Malaysia. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.

Megat Aman Zahiri Megat Zakaria, Kamarul Jaeh & Nor Kamsiah. (2014). *Persepsi guru pelatih terhadap proses penyeliaan dan bimbingan yang diberikan oleh penyelia pembimbing bagi program latihan mengajar*. Universiti Teknologi Malaysia. Universiti Teknologi Malaysia (tidak diterbitkan), 1-11.

Mohd Fairuz Jafar, Shahizan Hasan & Azalina Yusoff. (2017). *Pengaruh aspek penyeliaan pensyarah dan aspek pemerhatian pengajaran rakan terhadap efikasi sendiri guru pelatih: satu struktur model*. *Jurnal Psikologi Malaysia*, 120-136.

Nor Asimah Zakaria. 2010. *Keberkesanan bimbingan guru pembimbing terhadap latihan mengajar guru pelatih*. UPSI, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Proceedings of the 4th International Conference on Teacher Education; Join Conference UPI & UPSI. Bandung, Indonesia, 8-10 November 2010.

Noorainul Arifah. (2012). *Penyediaan fasiliti OKU di Sekolah Menengah Pendidikan Khas Vokasional Indahpura*. Johor: Universiti Tun Hussein Onn.

Noraini Mohd Nor & Mohd Azhar Ayob. (2010). Persepsi guru pelatih terhadap penyeliaan latihan mengajar oleh guru pembimbing dan penyelia UTM semasa menjalani latihan mengajar. *Universiti Tkenologi Malaysia (tidak diterbitkan)*, 1-8.

Seth Sulaiman & Mohd Khairul Nizam Isnin. (2008). *Mengkaji permasalahan guru-guru pelatih Universiti Teknologi Malaysia bagi program Ijazah Sarjana Muda sains dan matematik yang menjalani latihan mengajar di sekolah*. Johor: Universiti Teknologi Malaysia.

Stack, K & Fede, J. 2017. Internships as a pedagogical approach to soft-skill development. *National Association of Colleges and Employers Journal*: 1-12.

**PENGUASAAN BAHASA ISYARAT SISWA GURU OPSYEN PENDIDIKAN KHAS MASALAH
PENDENGARAN AMBILAN JUN 2015 DI INSTITUT PENDIDIKAN GURU KAMPUS ILMU KHAS**

WAN ATIQA H BINTI WAN HUSSIN
Jabatan Pendidikan Khas

Pensyarah Pembimbing
EN. YUSOFF BIN MOHD NOOR

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti penguasaan bahasa isyarat siswa guru opsyen Pendidikan Khas Masalah Pendengaran Ambilan Jun 2015 di Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas. Pada masa kini, siswa guru dikatakan tidak mempunyai kompetensi dalam melaksanakan tugas sebagai seorang guru terutamanya guru pendidikan khas yang memerlukan kemahiran yang khusus untuk mengajar murid. Kajian ini dilaksanakan untuk melihat tahap kompetensi siswa guru dalam berbahasa isyarat sebagai persediaan untuk ditempatkan di sekolah dan mengajar murid pendengaran. Tumpuan kajian adalah untuk melihat penguasaan bahasa isyarat siswa guru dari aspek kemahiran, penggunaan dan minat terhadap bahasa isyarat. Kajian ini menggunakan kaedah tinjauan melalui soal selidik atas talian untuk mendapatkan data daripada responden seramai 28 orang. Data dan maklumat yang diperoleh dianalisis dalam bentuk statistik deskriptif iaitu penggunaan kaedah kekerapan, peratusan dan min. Dapatan kajian menunjukkan ketiga-tiga aspek yang dikaji berada pada tahap tinggi iaitu kemahiran bahasa isyarat siswa guru (min 4.04), penggunaan bahasa isyarat siswa guru (min 4.12) dan minat siswa guru dalam mempelajari bahasa isyarat (min 4.38). Hasil analisis kajian ini mendapati walaupun penguasaan bahasa isyarat siswa guru pada tahap tinggi, siswa guru masih perlu menambah baik dan memperbaiki beberapa perkara yang terdapat di dalam setiap aspek yang telah dikaji supaya siswa guru dapat menguasai bahasa isyarat sepenuhnya. Pihak-pihak yang terlibat juga perlu membantu menyediakan inisiatif, sokongan dan kerjasama dalam memastikan siswa guru dapat mencapai tahap penguasaan bahasa isyarat secara holistik.

Kata Kunci: Penguasaan, bahasa isyarat, siswa guru

ABSTRACT

The purpose of this study is to identify the capability of deaf education teacher trainees's for the Jun 2015 intake in Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas. Currently, the teacher trainees are said to have no competence in performing their duties as a teachers, especially special education teachers that are supposed to have special skills in teaching the students. This study is conducted to examine the level of competency of the teacher trainees in sign language to prepare them to be placed in schools to teach the hearing-impaired students. The focus of the study is to examine the capability of teacher trainees in terms of skills, usage and interest in sign language. Twenty eight respondents were given questionnaire through online to submit their answers. The data and information obtained were analyzed in the form of descriptive statistics including frequency, percentage and mean. The findings of the study show that the three aspects studied are classified in the high level of teacher trainees skills in sign language (mean 4.04), application of sign language among teacher trainees (mean 4.12) and teacher trainees's interest in learning sign language (mean 4.38). The result of this study shows that eventhough the capability of teacher trainees's sign language is in the high level, the teacher trainees still need to improve certain items in each of the aspect that has been studied so that the teacher trainees can master the sign language. Different multidiscipline also need to assist in providing initiatives, support and cooperation in ensuring that the teacher trainees are able to reach the high level of proficiency in sign language holistically.

Keywords: Capability, sign language, teacher trainees

Emel: wannatiqah@gmail.com

1.0 PENGENALAN

Ketidakupayaan mendengar bagi murid pendengaran menjadi penyumbang kepada kemerosotan prestasi akademik dan sahsiah murid. Ketidakupayaan mendengar menyebabkan mereka sering ketinggalan terutamanya dalam bidang akademik dan sosial berbanding dengan rakan-rakan tipikal. Bahasa isyarat digunakan oleh komuniti yang mempunyai masalah dalam bertutur, komuniti yang tidak boleh mempelajari bahasa melalui pertuturan, dan komuniti yang tidak boleh mendengar (Wilbur, 2013). Justeru, guru di sekolah bertanggungjawab untuk menguasai kemahiran bahasa isyarat kerana seseorang guru atau individu yang mengajar murid bermasalah pendengaran perlulah mempunyai kemahiran dalam menggunakan bahasa isyarat (Hamdi Ishak, Ab. Halim Tamuri, Rosadah Abdul Majid, & Safani Bari, 2010). Jadi, kemahiran ini perlulah dikuasai bermula di institusi pengajian di mana siswa guru opsyen Pendidikan Khas Masalah Pendengaran mestilah mempelajari dan mahir dalam menggunakan bahasa isyarat secara reseptif dan ekspresif.

2.0 PERNYATAAN MASALAH

Bagi memastikan kemenjadian murid pendengaran pada masa hadapan, siswa guru mestilah menguasai bahasa isyarat sepenuhnya. Namun realiti di dalam bilik darjah, sering kali siswa guru tidak mempunyai kompetensi sepenuhnya dalam melaksanakan tanggungjawab mereka (Shahabuddin Hashim, Rohizani Yaakub & Mohd Zohir Ahmad, 2007). Siswa guru yang kompeten adalah individu yang mempunyai kesediaan, kemampuan dan kepakaran khusus dalam bidang keguruan yang dipilih sehingga ia mampu melakukan tugas dan fungsinya sebagai guru dengan kemampuan maksimum. Oleh itu, kajian ini ingin mengkaji penguasaan bahasa isyarat siswa guru opsyen Pendidikan Khas Masalah Pendengaran Ambilan Jun 2015 di Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas (IPGKIK) sebagai persediaan untuk mengajar murid pendengaran setelah ditempatkan di sekolah kelak.

3.0 OBJEKTIF DAN SOALAN KAJIAN

Objektif kajian ini dijalankan adalah untuk melihat:

- i. Tahap penguasaan kemahiran bahasa isyarat siswa guru opsyen Pendidikan Khas Masalah Pendengaran Ambilan Jun 2015 di IPGKIK.
- ii. Pola penggunaan bahasa isyarat siswa guru opsyen Pendidikan Khas Masalah Pendengaran Ambilan Jun 2015 di IPGKIK.
- iii. Tahap minat siswa guru opsyen Pendidikan Khas Masalah Pendengaran Ambilan Jun 2015 di IPGKIK dalam mempelajari bahasa isyarat.

Kajian ini bertujuan untuk menjawab persoalan kajian seperti berikut:

- i. Apakah tahap penguasaan kemahiran bahasa isyarat siswa guru opsyen Pendidikan Khas Masalah Pendengaran Ambilan Jun 2015 di IPGKIK?
- ii. Apakah pola penggunaan bahasa isyarat siswa guru opsyen Pendidikan Khas Masalah Pendengaran Ambilan Jun 2015 di IPGKIK?
- iii. Apakah tahap minat siswa guru opsyen Pendidikan Khas Masalah Pendengaran Ambilan Jun 2015 di IPGKIK dalam mempelajari bahasa isyarat?

4.0 METODOLOGI KAJIAN

Reka bentuk kajian adalah penting bagi sesuatu kajian sebagai panduan untuk memastikan objektif kajian tercapai seterusnya menjawab persoalan kajian. Pengkaji telah memilih sampel kajian yang terdiri daripada 28 orang siswa guru opsyen Pendidikan Khas Masalah Pendengaran Ambilan Jun 2015 di IPGKIK. Ciri-ciri sampel adalah khusus kepada siswa guru opsyen Pendidikan Khas Masalah Pendengaran Ambilan Jun 2015 sahaja. Pengkaji menggunakan soal selidik yang menfokuskan kepada tiga aspek yang ingin dikaji iaitu kemahiran, penggunaan dan minat siswa guru terhadap bahasa isyarat. Seterusnya, pengkaji telah mendapatkan kesahan daripada dua orang pakar dalam bidang Pendidikan Khas Masalah Pendengaran di IPGKIK untuk menyemak dan memastikan kesahan isi kandungan instrumen kajian ini. Selain itu, bagi memastikan soal selidik yang dibina mempunyai tahap kebolehpercayaan yang tinggi, pengkaji telah menjalankan kajian rintis terhadap soal selidik tersebut. Pengumpulan data bagi kajian ini pula menggunakan soal selidik sepenuhnya secara atas talian dengan menggunakan aplikasi *Google Form*. Kemudian, pengkaji menganalisis dapatan kajian menggunakan perisian *Microsoft Excel 2010* dan *Statistical Package for the Social Science (SPSS)*.

Analisis ini dikenali juga sebagai analisis deskriptif dan pengkaji memilih untuk menganalisis dapatan kajian berdasarkan data min, peratusan, dan kekerapan.

5.0 DAPATAN DAN PERBINCANGAN

DAPATAN KAJIAN

Kajian telah dijalankan kepada 28 orang siswa guru yang terdiri daripada 50% siswa guru kelas G8.1 dan 50% siswa guru kelas G8.2 masing-masing mempunyai jumlah seramai 14 orang untuk setiap kelas. Kajian ini melibatkan responden yang mengikuti program pengajian yang sama iaitu opsyen Pendidikan Khas Masalah Pendengaran Ambilan Jun 2015.



Rajah 1. Peratusan jumlah responden kajian

Dapatan soal selidik responden dibahagikan kepada empat bahagian iaitu Bahagian A mengenai maklumat diri, Bahagian B mengenai kemahiran bahasa isyarat siswa guru, Bahagian C mengenai penggunaan bahasa isyarat siswa guru dan Bahagian D mengenai minat siswa guru terhadap bahasa isyarat.

BAHAGIAN B: KEMAHIRAN SISWA GURU DALAM BERBAHASA ISYARAT

Jadual 1

Analisis Tahap Penguasaan Kemahiran Bahasa Isyarat Siswa Guru

| Item | Kekerapan (Peratus %) | | | | | Min |
|---|-----------------------|------------|-------------|--------------|--------------|------|
| | STS | TS | KS | S | SS | |
| 1. Saya berupaya menggunakan Kod Tangan Bahasa Melayu (KTBM) dengan cekap. | - | - | 1 (3.6) | 23 (82.1) | 4 (14.3) | 4.11 |
| 2. Saya berupaya menggunakan Bahasa Isyarat Malaysia (BIM) dengan cekap. | - | 2 (7.1) | 7 (25.0) | 19 (67.9) | - | 3.61 |
| 3. Saya berupaya menggunakan bahasa isyarat secara ekspresif. | - | - | 2 (7.1) | 21 (75.0) | 5 (17.9) | 4.11 |
| 4. Saya berupaya menggunakan bahasa isyarat secara reseptif. | - | - | 5 (17.9) | 21 (75.0) | 2 (7.1) | 3.89 |
| 5. Saya boleh berkomunikasi dengan golongan pekak menggunakan bahasa isyarat. | - | - | 1 (3.6) | 24 (85.7) | 3 (10.7) | 4.07 |
| 6. Saya berupaya memahami maklumat yang dikemukakan oleh murid pekak. | - | - | 3 (10.7) | 22 (78.6) | 3 (10.7) | 4.00 |
| 7. Saya berupaya memberi respon terhadap maklumat yang dikemukakan oleh murid pekak menggunakan bahasa isyarat. | - | - | 1 (3.6) | 23 (82.1) | 4 (14.3) | 4.11 |
| 8. Saya berupaya menggunakan bahasa isyarat semasa berpraktikum di sekolah. | - | - | - | 17 (60.7) | 11 (39.3) | 4.39 |

| | | | | | | |
|--|---|---|-------------|--------------|-------------|------|
| 9. Saya berupaya mengenalpasti kesalahan bahasa isyarat yang dilakukan oleh murid. | - | - | 7 (25.0) | 17 (60.7) | 4 (14.3) | 3.89 |
| 10. Bahasa isyarat yang saya gunakan mudah difahami oleh murid. | - | - | - | 21 (75.0) | 7 (25.0) | 4.25 |
| Min Keseluruhan | | | | | | 4.04 |

Analisis dapatan soal selidik yang dimuatkan dalam Jadual 1 menunjukkan item 1 (min=4.11), item 2 (min=3.61), item 3 (min=4.11), item 4 (min=3.89), item 5 (min=4.07), item 6 (min=4.00), item 7 (min=4.11), item 8 (min=4.39), item 9 (min=3.89) dan item 10 (min=4.25). Oleh itu, min keseluruhan yang diperoleh berada pada tahap tinggi iaitu 4.38.

BAHAGIAN C: PENGGUNAAN BAHASA ISYARAT SISWA GURU

Jadual 2

Analisis Pola Penggunaan Bahasa Isyarat Siswa Guru

| Item | Kekerapan (Peratus %) | | | | | Min |
|---|-----------------------|-------------|--------------|--------------|--------------|------|
| | STS | TS | KS | S | SS | |
| 1. Saya mempelajari bahasa isyarat sekurang-kurangnya dua kali seminggu. | - | 3 (10.7) | 6 (21.4) | 15 (53.6) | 4 (14.3) | 3.71 |
| 2. Saya berlatih bahasa isyarat mengikut tajuk yang ada di dalam buku isyarat. | - | - | 2 (7.1) | 21 (75.0) | 5 (17.9) | 4.11 |
| 3. Saya sentiasa mencari peluang untuk berkomunikasi menggunakan bahasa isyarat dengan rakan-rakan. | - | 1 (3.6) | 5 (17.9) | 17 (60.7) | 5 (17.9) | 3.93 |
| 4. Saya kerap menggunakan bahasa isyarat berbanding bercakap dengan murid. | - | 2 (7.1) | 4 (14.3) | 14 (50.0) | 8 (28.6) | 4.00 |
| 5. Saya sering menawarkan diri untuk menjadi jurubahasa isyarat di institut pengajian saya. | 1 (3.6) | 7 (25.0) | 12 (42.8) | 7 (25.0) | 1 (3.6) | 3.00 |
| 6. Bahasa isyarat membantu saya untuk berinteraksi dengan murid pekak. | - | - | 1 (3.6) | 11 (39.3) | 16 (57.1) | 4.54 |
| 7. Saya dapat meningkatkan perbendaharaan bahasa isyarat jika berkomunikasi dengan murid pekak. | - | - | 1 (3.6) | 14 (50.0) | 13 (46.4) | 4.43 |
| 8. Penguasaan bahasa isyarat yang cekap menyakinkan saya untuk mengajar. | - | - | - | 13 (46.4) | 15 (53.6) | 4.54 |
| 9. Penggunaan bahasa isyarat yang kerap mengukuhkan kemahiran bahasa isyarat saya. | - | - | 1 (3.6) | 13 (46.4) | 14 (50.0) | 4.46 |
| 10. Penggunaan bahasa isyarat membantu saya mengajar dengan lebih efektif. | - | - | - | 15 (53.6) | 13 (46.4) | 4.46 |
| Min Keseluruhan | | | | | | 4.12 |

Analisis dapatan soal selidik yang dimuatkan dalam Jadual 2 menunjukkan item 1 (min=3.71), item 2 (min=4.11), item 3 (min=3.93), item 4 (min=4.00), item 5 (min=3.00), item 6 (min=4.54), item 7 (min=4.43), item 8 (min=4.54), item 9 (min=4.46) dan item 10 (min=4.46). Oleh itu, min keseluruhan yang diperoleh berada pada tahap tinggi iaitu 4.12.

BAHAGIAN D : KEMAHIRAN SISWA GURU DALAM BERBAHASA ISYARAT

Jadual 3

Analisis Tahap Minat Siswa Guru dalam Mempelajari Bahasa Isyarat

| tem | Kekerapan (Peratus %) | | | | | Min |
|--|-----------------------|------------|-------------|--------------|--------------|------|
| | STS | TS | KS | S | SS | |
| 1. Saya suka mempelajari bahasa isyarat. | - | - | - | 11 (39.3) | 17 (60.7) | 4.61 |
| 2. Saya belajar bahasa isyarat di atas kehendak saya sendiri. | - | - | 6 (21.4) | 8 (28.6) | 14 (50.0) | 4.29 |
| 3. Pembelajaran bahasa isyarat tidak membebankan saya. | - | - | 2 (7.2) | 13 (46.4) | 13 (46.4) | 4.39 |
| 4. Saya suka berkomunikasi dengan golongan pekak. | - | - | - | 16 (57.1) | 12 (42.9) | 4.43 |
| 5. Saya mempelajari bahasa isyarat bukan semata-mata untuk memenuhi keperluan kursus pengajian sahaja. | - | - | 3 (10.7) | 14 (50.0) | 11 (39.3) | 4.29 |
| 6. Pembelajaran bahasa isyarat menarik minat saya untuk meneroka budaya orang pekak. | - | - | - | 16 (57.1) | 12 (42.9) | 4.43 |
| 7. Saya suka menggunakan bahasa isyarat dengan komuniti pekak. | - | - | - | 17 (60.7) | 11 (39.3) | 4.39 |
| 8. Saya berminat untuk mendalami ilmu pengetahuan berkaitan bahasa isyarat. | - | - | 1 (3.6) | 15 (53.6) | 12 (42.9) | 4.39 |
| 9. Saya sedia mengikuti program atau kursus untuk meningkatkan penguasaan bahasa isyarat. | - | - | 2 (7.1) | 13 (46.4) | 13 (46.4) | 4.39 |
| 10. Saya sentiasa mengikuti perkembangan mengenai penggunaan bahasa isyarat dalam pendidikan. | - | 1 (3.6) | 5 (17.9) | 9 (32.1) | 13 (46.4) | 4.21 |
| Min Keseluruhan | | | | | | 4.38 |

Analisis dapatan soal selidik yang dimuatkan dalam Jadual 3 menunjukkan item 1 (min=4.61), item 2 (min=4.29), item 3 (min=4.39), item 4 (min=4.43), item 5 (min=4.29), item 6 (min=4.43), item 7 (min=4.39), item 8 (min=4.39), item 9 (min=4.39) dan item 10 (min=4.21). Oleh itu, min keseluruhan yang diperoleh berada pada tahap tinggi iaitu 4.38.

Secara keseluruhannya, kemahiran bahasa isyarat siswa guru adalah berada pada tahap tinggi dengan skor min sebanyak 4.04. Terdapat tiga item yang memperoleh nilai min yang sama iaitu item 1, 3 dan 7. Item 1 menunjukkan sebanyak 27 orang responden bersetuju bahawa mereka berupaya menggunakan KTBM dengan cekap. Kemahiran KTBM amat penting kerana KTBM banyak membantu dalam membetulkan bahasa murid pendengaran. Hal ini bertepatan dengan kajian Yong Siok Fang (2007) di mana guru-guru bersetuju bahawa bahasa isyarat KTBM adalah kod isyarat yang membantu pelajar dalam pelajaran mereka di dalam kelas. Item 3 pula menunjukkan sebanyak 26 orang responden bersetuju bahawa mereka berupaya menggunakan bahasa isyarat secara ekspresif. Perkara ini disokong oleh Hamdi Ishak *et al.* (2010) bahawa seseorang guru atau individu yang mengajar murid bermasalah pendengaran perlulah mempunyai kemahiran dalam menggunakan bahasa isyarat.

Selain itu, item 7 menunjukkan sebanyak 27 orang bersetuju bahawa mereka berupaya memberi respon terhadap maklumat yang dikemukakan oleh murid pekak menggunakan bahasa isyarat. Ini disokong oleh Zulkifli Md. Ali (2010) guru perlulah mempersiapkan diri dengan kemahiran berkomunikasi dengan golongan kurang upaya pendengaran supaya ilmu itu dapat disalurkan dengan lebih mendalam kepada mereka. Item 2 pula didapati memperoleh skor min paling rendah dengan nilai sebanyak 3.61 dan item ini berada pada tahap sederhana. Seramai 9 orang siswa guru tidak bersetuju terhadap keupayaan mereka menggunakan BIM dengan cekap. Faktor yang menyebabkan siswa guru

tidak dapat menguasai BIM adalah penggunaan kod isyarat KTBM lebih banyak berbanding BIM di sekolah (Zulkifli Md. Ali, Mohd Mokhtar Tahar, & Mohd Hanafi Mohd Yasin, 2010).

Seterusnya, dapatan menunjukkan penggunaan bahasa isyarat dalam kalangan siswa guru berada pada tahap tinggi dengan skor min sebanyak 4.12. Didapati item 6 merupakan item yang paling tinggi nilai skor min iaitu 4.54. Seramai 27 orang siswa guru bersetuju bahawa penggunaan bahasa isyarat membantu siswa guru untuk berinteraksi dengan murid pendengaran. Ini disokong oleh Lieberman *et al.* (2014) bahasa isyarat dapat membantu golongan kurang upaya pendengaran memahami dan menghayati sesuatu perkara dengan lebih mudah dan cepat. Item 5 pula memperoleh skor min paling rendah iaitu 3.00 sekaligus menunjukkan item ini berada pada tahap sederhana. Seramai 20 orang siswa guru tidak bersetuju berkaitan penglibatan mereka secara sukarela untuk menjadi jurubahasa isyarat di institut pengajian. Siswa guru perlu sentiasa mengambil peluang yang ada di sama ada di dalam atau luar institut pengajian. Hal ini disokong oleh Lourghan (2013) sekiranya individu ingin menyampaikan sesuatu perkara atau pengajaran kepada komuniti pekak perlulah menggunakan bahasa isyarat sebagai bentuk komunikasi utama.

Kemudian, dapatan keseluruhan menunjukkan minat siswa guru dalam mempelajari bahasa isyarat berada pada tahap tinggi dengan skor min sebanyak 4.38. Item 1 merupakan item yang paling tinggi nilai skor min iaitu 4.61. Didapati kesemua siswa guru bersetuju bahawa mereka suka mempelajari bahasa isyarat. Hal ini disokong oleh Mok Soon Sang (2004) yang menyatakan minat merupakan suatu sifat afektif pada diri seseorang yang akan menjadi faktor utama mempengaruhi pelajar untuk belajar. Item 10 pula memperoleh skor min paling rendah iaitu 4.21. Seramai enam orang responden tidak bersetuju dengan item ini menunjukkan mereka kurang mengikuti perkembangan mengenai penggunaan bahasa isyarat dalam pendidikan. Menurut Mohd Huzairi Awang, Hajarul Bahti Zakaria & Rahimin Affandi Abd Rahim (2012) setiap umat Islam termasuk golongan pekak wajib mempelajari Islam terutamanya Perkara Asas Fardhu Ain (PAFA). Terdapat bahasa isyarat yang khusus untuk mengajar al-Quran kepada murid pendengaran. Oleh itu, siswa guru perlu sentiasa cakna dengan keperluan bahasa isyarat murid pendengaran supaya murid dapat memperoleh ilmu pengetahuan sama dengan murid tipikal yang lain.

6.0 KESIMPULAN, CADANGAN DAN IMPLIKASI

Secara keseluruhannya, dapatan kajian menunjukkan bahawa penguasaan bahasa isyarat siswa guru berada pada tahap tinggi. Siswa guru perlulah sentiasa bersedia untuk melengkapkan diri dengan penguasaan bahasa isyarat supaya keperluan murid dalam pendidikan dapat dipenuhi tanpa sebarang masalah yang boleh mengganggu dan melambatkan proses pembelajaran murid. Kajian ini membantu siswa guru mengetahui kekuatan dan kelemahan mereka serta membuat refleksi sendiri dan sedar tentang kepentingan menguasai bahasa isyarat. Kajian ini juga membantu pihak-pihak yang terlibat memperluaskan lagi penyelidikan berkaitan penguasaan bahasa isyarat siswa guru seperti faktor-faktor penguasaan bahasa isyarat, keberkesanan kurikulum siswa guru sepanjang mengikuti pengajian dan sebagainya. Kajian ini masih berada di peringkat awal, oleh itu terdapat beberapa cadangan lanjutan yang boleh dilakukan oleh pengkaji yang akan datang. Kajian boleh ditambahbaik dengan meluaskan populasi kajian supaya dapatan kajian yang diperoleh lebih tepat. Selain itu, pengkaji juga boleh merancang untuk menjalankan kajian menggunakan pendekatan kualitatif.

RUJUKAN

- Hamdi Ishak, Ab. Halim Tamuri, Rosadah Abdul Majid, & Safani Bari. (2010). Amalan Pengajaran Dan Pembelajaran Pendidikan Islam Kepada Murid Sekolah Kebangsaan Pendidikan Khas Masalah Pendengaran: Satu Kajian Kes. *Prosiding Seminar Penyelidikan Siswazah Universiti Kebangsaan Malaysia*, 163-171.
- Lieberman, A. M., Borovsky, A., Hatrak, M. & Mayberry, R. I. (2014). Real-time Processing of ASL Signs: Effects of Linguistic Experience And Proficiency. *BUCLD 38 Proceedings University of California*, 23-26.
- Mohd Huzairi Awang, Hajarul Bahti Zakaria & Rahimin Affandi Abd Rahim. (2012). Pendidikan Islam Golongan Masalah Pendengaran: Tinjauan Awal Isu dan Cabaran daripada Perspektif Guru. *Jurnal Teknologi*, 135-139.

- Mok, S. S. (2004). *Psikologi Pendidikan untuk Kursus Diploma Perguruan Semester 3*. Subang Jaya: Kumpulan Budiman.
- Shahabuddin Hashim, Rohizani Yaakub & Mohd Zohir Ahmad (2007). *Pedagogi: Strategi Dan Teknik Mengajar Dengan Berkesan*. Bentong, Pahang: PTS Publications & Distributors.
- Wilbur, R. B. (2013). Changing How We Think About Sign Language, Gesture, and Agreement. *Sign Language and Linguistics*, 221-258.
- Yong, S. F. (2007). *Pengaruh bahasa isyarat Malaysia dalam penggunaan kod tangan bahasa Melayu di kalangan pelajar bermasalah pendengaran*. Projek Sarjana Pendidikan. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zulkifli Md. Ali, Mohd Mokhtar Tahar & Mohd Hanafi Mohd Yasin. (2010). Kesan bahasa isyarat Malaysia dalam penggunaan kod tangan bahasa melayu dalam kalangan pelajar bermasalah pendengaran. *Proceedings First Annual Inclusive Education Practices Conference*, 235-250.
- Zulkifli Md Ali. (2010). Kesan Bahasa Isyarat Malaysia Dalam Penggunaan Kod Tangan Bahasa Melayu dalam Kalangan Pelajar Bermasalah Pendengaran. *Prosiding Seminar Penyelidikan Siswazah Universiti Kebangsaan Malaysia*, 1(4), 109-121.

G8.2 Pendidikan Khas-Masalah Pendengaran



PENGGUNAAN TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI DALAM PENGAJARAN OLEH SISWA GURU PENDIDIKAN KHAS MASALAH PENDENGARAN SEMASA PRAKTIKUM

CHAN MANG CHEE
Jabatan Pendidikan Khas

Pensyarah Pembimbing
DR. MASITAH BINTI TAIB

ABSTRAK

Kajian ini dijalankan bertujuan mengenal pasti sikap siswa guru pendidikan khas masalah pendengaran dalam penggunaan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP) semasa praktikum. Konstruk yang dikaji adalah sikap siswa guru dalam penggunaan TMK, tahap kemahiran siswa guru dalam penggunaan TMK, dan tahap akses kemudahan TMK dalam PdP. Sampel kajian ini adalah terdiri daripada 28 orang siswa guru dari program Pendidikan Khas Masalah Pendengaran di IPG Kampus Ilmu Khas. Kaedah soal selidik telah digunakan sebagai instrumen kajian dan hasil dapatan kajian dihuraikan secara deskriptif dalam bentuk frekuensi dan peratus bagi setiap item. Hasil kajian menunjukkan seramai 85.8% siswa guru mempunyai keyakinan dan dapat menggunakan TMK dalam proses pengajaran dan pembelajaran dalam kelas dengan baik. Kajian ini juga menunjukkan bahawa pada tahap kemahiran dalam penggunaan TMK, 92.9% siswa guru adalah dapat menggunakan bahan TMK dalam kelas. Namun dapatan daripada kajian ini menunjukkan bahawa tahap akses kemudahan TMK dalam kelas merupakan salah satu halangan dalam penggunaan TMK dalam kelas kerana 78.6% siswa guru menyatakan bahawa kemudahan TMK adalah tidak lengkap dalam setiap kelas. Implikasi kajian ini adalah pihak sekolah perlu menyediakan kemudahan akses TMK yang lengkap dalam kelas supaya guru berpeluang mengaplikasikan TMK dalam pengajaran dan pembelajaran. Hal ini akan dapat melahirkan pelajar generasi baru yang celik dalam teknologi maklumat pada masa yang akan datang.

Kata Kunci: Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK), siswa guru, pendidikan khas

ABSTRACT

This study was conducted to examine the attitudes of special education teacher trainees in the use of Information and Communication Technology (ICT) in teaching process. The constructs studied were the attitude of teacher trainees in using ICT, the skill of using ICT by teacher trainees, and the accessibility level of ICT in teaching. This study used the entire population as sample of the study, which was 28 teacher trainees from the Special Education Department (Hearing Impairment) in IPG Ilmu Khas. This study used the quantitative approach with questionnaire instrument and the result was descriptively described in terms of frequency distribution and percentage for each item. The result shows that 85.8% of teacher trainees showed positive attitude and they have confidence in using ICT in the teaching and learning process. For the skill in using ICT, the result shows that 92.9% of teacher trainees are able to use ICT equipment in the classroom. However, the result of the study shows that the access level of ICT in the classroom is one of the obstacles in the use of ICT during teaching process as 78.6% of teacher trainees said that the facilities of ICT are not enough in the classroom. The implication of this study is the school needs to provide the sufficient facilities in the classroom so that teachers will be able to use the ICT in teaching and learning process. This will create a new generation of students who are literate in technology information in the future.

Keywords: Information and communication technology (ICT), teacher trainees, special education

Emel: guiren96@hotmail.com

1.0 PENGENALAN

Pada era globalisasi ini, teknologi maklumat dan komunikasi (TMK) telah menjadi suatu bahan yang tidak boleh dipisahkan dari kehidupan manusia dan perkembangan TMK telah merangsang cara hidup yang baru. Penggunaan teknologi TMK pintar yang semakin mesra pengguna menjadi salah satu penyumbang kepada penggunaan TMK sebagai alat pemudahcara yang sangat bermakna dalam

proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) (Rosseni Din, Mohamad Sahari Nordin, Norlide Abu Kassim, Tunku Badariah Tunku Ahmad, Kamaruzaman Jusoff, Nur Ayu Johar, Khairul Anwar Mastor, 2010). Maka dengan itu, untuk mencapai hasil pendidikan yang berkesan dan berkualiti tinggi, pendekatan dalam pendidikan harus dipertingkatkan secara sesuai dengan perkembangan pesat TMK. Sejak beberapa tahun yang lalu, kaedah PdP berbantuan komputer telah mula diperkenalkan dan kini dengan era teknologi yang semakin pesat, ianya semakin mendapat perhatian dalam proses PdP di sekolah (Christina Andin @ Nur Qistina Abdullah, dan Hazman Ali, 2009). Menyentuh tentang perkembangan pendidikan negara, para pendidik atau guru merupakan anggota yang terlibat secara langsung bagi melaksanakan proses PdP yang efektif dalam kelas. Keupayaan menggunakan TMK secara berkesan boleh dilihat sebagai satu agenda penting sebagai guru kepada murid terutamanya murid berkeperluan khas untuk memperolehi dan mengeksploitasikan maklumat dalam aktiviti PdP. Oleh yang demikian, seiring dengan perkembangan TMK diharapkan guru-guru yang telah mendapat pendedahan kemahiran TMK dalam PdP dapat merealisasikan penggunaan dalam kelas semasa mengajar.

2.0 PERNYATAAN MASALAH

Kebanyakan guru dibebankan dengan tugas yang tidak berbentuk akademik atau mengajar terlalu banyak subjek yang berbeza sehingga mempengaruhi sikap, kemahiran, dan komitmen guru terhadap penggunaan alat teknologi pendidikan dalam kelas (Siti Hajar Zakariah, 2013). Selain itu, pengetahuan dan kemahiran guru berkaitan TMK adalah merupakan aspek yang penting dalam pengintegrasian TMK di sekolah tetapi dalam kajian yang dibuat telah menunjukkan bahawa kebanyakan guru mempunyai pengetahuan dan kemahiran yang rendah dalam penggunaan TMK (Johari Hassan dan Siti Norazlina Kamisan, 2010). Hal ini juga dibuktikan dalam kajian Mohd Hasril Amiruddin (2009) yang menyatakan bahawa guru pendidikan khas tidak mempunyai kemahiran penggunaan TMK dalam pengajaran pelajar kurang upaya. Menurut kajian Mohd Aizuddin Mohmed @ Mohamed Zahari (2009), guru pelatih juga didapati bahawa mereka kekurangan kemahiran dalam menjalankan pengajaran berbantuan komputer. Keadaan ini akan melahirkan guru pendidikan khas yang lemah dalam penggunaan TMK dalam pengajaran.

Selain itu, dalam kajian Noor Mazlan Ahmad Zanzali dan Noraziah Kassim@Aziz (2010), kerosakan kemudahan peralatan TMK seperti projector (LCD) yang tidak dapat berfungsi dan sebagainya menjadi satu halangan terhadap guru pelatih semasa menjalani latihan mengajar. Faktor kemudahan alat TMK tersebut menyebabkan guru pelatih sukar untuk menggunakan TMK sebagai alat bantu dalam pengajaran mereka. Justeru, kajian ini bertujuan untuk mengkaji tentang sikap guru terhadap penggunaan TMK, kemahiran guru dalam penggunaan TMK dan juga kemudahan akses TMK dalam kelas.

3.0 OBJEKTIF KAJIAN DAN SOALAN KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk meninjau penggunaan TMK oleh siswa guru pendidikan khas masalah pendengaran dalam pengajaran semasa praktikum. Objektif kajian ini adalah untuk

- i. Mengenal pasti sikap siswa guru terhadap penggunaan TMK dalam proses PdP.
- ii. Mengenal pasti tahap kemahiran siswa guru dalam penggunaan TMK dalam proses PdP.
- iii. Mengenal pasti tahap kemudahan akses TMK dalam kelas semasa praktikum.

Kajian ini dilaksanakan untuk menjawab persoalan kajian tersebut:

- i. Apakah sikap siswa guru terhadap penggunaan TMK dalam proses PdP?
- ii. Apakah tahap kemahiran siswa guru dalam penggunaan TMK dalam proses PdP?
- iii. Apakah tahap kemudahan akses TMK dalam kelas semasa praktikum?

4.0 METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian tinjauan kerana kaedah tinjauan dapat mengumpulkan data dari satu populasi dan dapat menggambarkan satu keadaan yang ingin dikaji dengan berkesan. Sampel kajian ini adalah seramai 28 orang siswa guru terdiri daripada siswa guru PISMP Pendidikan Khas Masalah Pendengaranambilan Jun 2015 di IPG Kampus Ilmu Khas yang sudah menjalani latihan praktikum fasa 2 pada bulan Ogos 2018 sehingga bulan November 2018.

Kaedah pengumpulan data adalah menggunakan soal selidik skala likert lima mata secara atas talian melalui *google form* dan telah dianalisis dengan menggunakan (*Statistical Package for the Sosial Sciences*) SPSS versi 22. Item-item dalam soal selidik kajian ini adalah diadaptasikan daripada soal selidik kajian Johari Hassan dan Fazliana Rashida, (2011) untuk kesesuaian tajuk dan persoalan kajian saya. Nilai pekali *Alpha Cronbach* yang terdapat daripada kajian rintis adalah 0.86 di mana nilai tersebut menunjukkan kebolehpercayaan item dalam soal selidik yang tinggi (Gay, Mills, dan Airasian, 2008). Dapatan kajian telah dipersembahkan dalam bentuk kekerapan dan peratus serta dianalisis secara deskriptif.

5.0 DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Jadual 6.1
Sikap Guru terhadap Penggunaan TMK

| Bil | Perkara | Frekuensi, peratus (%) | | | | |
|-----|---|------------------------|-----------|---------------|---------------|---------------|
| | | STS | TS | TP | S | SS |
| 1 | selalu menggunakan TMK dalam PdP. | 0 (0%) | 0 (0%) | 2 (7.1%) | 15 (53.6%) | 11 (39.3%) |
| 2 | melayari internet untuk mendapat bahan sebagai sumber rujukan. | 0 (0%) | 0 (0%) | 0 (0%) | 11 (39.3%) | 17 (60.7%) |
| 3 | mempunyai masa yang mencukupi untuk mereka bentuk bahan pengajaran berasaskan komputer. | 0 (0%) | 0 (0%) | 11 (39.3%) | 12 (42.9%) | 5 (17.9%) |
| 4 | mempunyai keyakinan dalam penggunaan TMK | 0 (0%) | 0 (0%) | 4 (14.3%) | 19 (67.9%) | 5 (17.9%) |
| 5 | boleh mendapat bahan multimedia dengan senang. | 0 (0%) | 0 (0%) | 2 (7.1%) | 18 (64.3%) | 8 (28.6%) |

Berdasarkan hasil dapatan tersebut, kebanyakan responden mewujudkan sikap yang positif dalam penggunaan bahan TMK. Hal ini kerana lebih daripada 50% responden menyatakan bahawa mereka selalu menggunakan TMK dan mempunyai keyakinan dalam penggunaan TMK semasa PdP. Hasil dapatan juga menunjukkan bahawa mereka senang untuk mendapatkan bahan TMK melalui internet dan lebih separuh siswa guru menyatakan mereka mempunyai masa yang mencukupi dalam penyediaan bahan TMK untuk pengajaran. Hal ini menunjukkan siswa guru adalah dapat menerima bahan TMK sebagai satu alat bantu mengajar dalam kelas mereka semasa PdP.

Jadual 6.2
Kemahiran Guru dalam Penggunaan TMK

| Bil | Perkara | Frekuensi, Peratus (%) | | | | |
|-----|--|------------------------|--------------|---------------|---------------|--------------|
| | | STS | TS | TP | S | SS |
| 1 | Saya selalu mengikuti kursus yang mengenai penggunaan TMK | 0 (0%) | 4 (14.3%) | 13 (46.4%) | 8 (28.6%) | 3 (10.7%) |
| 2 | Saya boleh menggunakan bahan TMK yang berbeza dalam kelas | 0 (0%) | 0 (0%) | 8 (28.6%) | 17 (60.7%) | 3 (10.7%) |
| 3 | Saya dapat menggunakan bahan TMK secara interaktif | 0 (0%) | 0 (0%) | 2 (7.1%) | 19 (67.9%) | 7 (25.0%) |
| 4 | Saya mempunyai kemahiran dalam reka bentuk grafik atau animasi berkompoter | 0 (0%) | 2 (7.1%) | 11 (39.3%) | 11 (39.3%) | 4 (14.3%) |
| 5 | Saya mempunyai kemahiran dalam menyelenggara bahan TMK | 0 (0%) | 3 (10.7%) | 7 (25.0%) | 12 (42.9%) | 6 (21.4%) |

Hasil dapatan menunjukkan bahawa kurang daripada 50% siswa guru adalah kurang penglibatan dalam kursus mengenai penggunaan TMK. Namun hasil kajian juga menunjukkan bahawa seramai 60.7% siswa guru mampu menggunakan bahan TMK yang berbeza dan 67.9% siswa guru dapat menggunakannya secara interaktif dalam kelas. Selain itu, lebih daripada 50% siswa guru juga menyatakan mereka mempunyai kemahiran dalam menyelenggara bahan. Kemahiran siswa guru

dalam penggunaan TMK dapat dilihat adalah pada tahap yang baik di mana lebih separuh daripada responden tidak mengalami masalah dalam kemahiran penggunaan TMK.

Jadual 6.3
Tahap Kemudahan Akses TMK dalam Kelas

| Bil | Perkara | Frekuensi, Peratus (%) | | | | |
|-----|--|------------------------|--------------|---------------|---------------|--------------|
| | | STS | TS | TP | S | SS |
| 1 | Setiap kelas mempunyai kemudahan TMK yang lengkap | 1 (3.6%) | 9 (32.1%) | 12 (42.9%) | 5 (17.9%) | 1 (3.6%) |
| 2 | Setiap kelas disediakan kemudahan internet yang baik | 3 (10.7%) | 7 (25.0%) | 11 (39.3%) | 7 (25.0%) | 0 (0%) |
| 3 | Perisian komputer yang dibekalkan dalam sekolah adalah mencukupi | 0 (0%) | 5 (17.9%) | 9 (32.1%) | 9 (32.1%) | 5 (17.9%) |
| 4 | Setiap peralatan TMK yang disediakan dalam keadaan baik | 0 (0%) | 5 (17.9%) | 9 (32.1%) | 9 (32.1%) | 5 (17.9%) |
| 5 | Peralatan TMK dalam sekolah adalah terkini dan moden | 0 (0%) | 6 (21.4%) | 10 (35.7%) | 10 (35.7%) | 2 (7.1%) |

Melalui hasil dapatan tersebut, kurang daripada 50% siswa guru menyatakan bersetuju bahawa tahap kemudahan akses TMK adalah baik dan dapatan ini juga menunjukkan siswa guru menghadapi masalah mengenai peralatan TMK. Kemudahan internet dan perisian komputer yang dibekalkan dalam sekolah juga menunjukkan pada tahap yang kurang memuaskan oleh kebanyakan responden. Selain itu, hanya 35.7% siswa guru yang menyatakan peralatan TMK dalam sekolah disediakan dalam keadaan yang baik dan terkini. Oleh itu, dapatan ini menunjukkan tahap kemudahan akses TMK dalam kelas telah menjadi satu masalah dalam kalangan siswa guru semasa mengajar.

6.0 KESIMPULAN, CADANGAN DAN IMPLIKASI

Berdasarkan hasil kajian dapat dirumuskan bahawa siswa guru menunjukkan sikap yang positif terhadap penggunaan TMK dan dapat menerima bahan TMK sebagai satu alat bantu mengajar dalam kelas. Dalam Model Penerimaan Teknologi (TAM) menyatakan sikap dan persepsi guru terhadap penggunaan TMK boleh menjejaskan kekerapan penggunaan TMK dalam PdP (Davis, 1989). Oleh yang demikian, siswa guru yang mempunyai sikap positif dan mempunyai kemahiran yang baik dalam penggunaan TMK akan meningkatkan kekerapan penggunaan TMK dalam bilik darjah. Namun tahap kemudahan akses TMK yang kurang memuaskan dalam kelas telah menjadi satu halangan atau masalah terhadap siswa guru untuk mengaplikasikan kaedah TMK dalam PdP. Kaedah TMK merupakan kaedah pengajaran yang banyak bergantung kepada peralatan teknologi. Oleh itu, sekiranya kekurangan peralatan TMK atau peralatan mengalami masalah, maka kaedah TMK juga sukar untuk diaplikasikan dalam kelas semasa PdP.

Cadangan untuk kajian selanjutnya adalah dengan menggunakan kaedah temu bual dan borang soal selidik yang mempunyai soalan terbuka supaya hasil dapatan yang diperolehi lebih tepat dan terperinci. Hal ini membolehkan penyelidik memperoleh dapatan yang lebih teliti dan dapat menganalisis jawapan daripada responden dengan lebih menyeluruh. Pengkaji juga mencadangkan supaya kajian lanjutan dapat menggunakan jumlah populasi dan sampel kajian yang lebih besar untuk mengutip dapatan secara lebih meluas dan terperinci.

Implikasi kajian ini terhadap siswa guru adalah sebagai seorang bakal guru perlu melengkapkan diri dengan pengetahuan dan kemahiran dalam penggunaan TMK supaya dapat mengaplikasikan ilmu tersebut dalam PdP. Selain itu, pensyarah juga memainkan peranan yang penting sebagai pendidik kepada siswa guru dengan menunjukkan teladan yang baik dalam penggunaan TMK semasa PdP. Penggunaan TMK oleh pensyarah dalam PdP akan dicontohi oleh siswa guru dan membolehkan mereka untuk mengikut budaya pengajaran dengan menggunakan TMK dalam sekolah nanti. Pensyarah juga perlu menekankan kepentingan dan keberkesanan penggunaan TMK terhadap siswa guru semasa membuat pemerhatian dan penilaian semasa praktikum. Implikasi kajian terhadap Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM) adalah perlu mengadakan lebih banyak kursus atau program untuk memberi peluang kepada siswa guru terlibat secara langsung dalam program TMK. Disamping itu,

IPGM juga boleh menggalakkan penghasilan dan penghantaran kerja kursus dalam bentuk TMK. Hal ini untuk membolehkan siswa guru meneroka dan menguasai TMK dengan lebih mendalam sewaktu masih belajar di IPG sebelum masuk ke alam pendidikan.

RUJUKAN

- Christina Andin @ Nur Qistina Abdullah, & Hazman Ali. (2009). Penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) dalam kalangan guru-guru sekolah kebangsaan. Johor: Universiti Teknologi Malaysia.
- Davis, F. D. (1989). Perceived usefulness, perceived ease of use, and user acceptance of information technology. *MIS Quarterly*, 319-340.
- Gay, L. R., Mills, G. E., & Airasian, P. W. (2012). Educational research: Competencies for analysis and applications (10th Edition). United States: Pearson Education.
- Johari Hassan, & Fazliana Rashida. (2011). Penggunaan ICT dalam proses pengajaran dan pembelajaran di kalangan pendidik Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia Skudai, Johor. *Journal of Technical, Vocational & Engineering Education*, 22-37.
- Johari Hassan, & Siti Norazlina Kamisan. (2010). Halangan terhadap penggunaan komputer dan ICT di dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP) di kalangan guru di sekolah menengah kebangsaan luar bandar di daerah Kulai Jaya Johor. Johor: Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohd Aizuddin Mohmed@Mohamed Zahari. (2009). Penggunaan ICT dalam kalangan guru pelatih Matematik Fakulti Pendidikan, UTM. Johor: Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohd Hasril Amiruddin. (2009). Kemudahan, sikap dan kemahiran teknologi maklumat dan komunikasi (TMK) dalam kalangan guru-guru program pendidikan khas sekolah menengah teknik di Malaysia. Selangor: Universiti Putra Malaysia.
- Noor Mazlan Ahmad Zanzali, & Noraziah Kassim@Aziz. (2010). Penggunaan ICT dalam pengajaran dan pembelajaran Matematik di kalangan guru-guru pelatih UTM. Johor: Universiti Teknologi Malaysia.
- Rossen Din, Mohamad Sahari Nordin, Norlide Abu Kassim, Tunku Badariah Tunku Ahmad, Kamaruzaman Jusoff, Nur Ayu Johar, Khairul Anwar Mastor. (2010). Development and validation of meaningful hybrid E-training model for computer education. *International Journal of Computer Science and Information Technologies*, 179-184.
- Siti Hajar Zakariah. (2013). Beban tugas guru mempengaruhi penggunaan sumber teknologi pendidikan di empat buah Sekolah Menengah Teknik dan Vokasional di Johor. Johor: Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.

PENGGUNAAN PENGAJARAN MAYA (FROG VLE) DALAM KALANGAN GURU SEKOLAH PENDIDIKAN KHAS MASALAH PENDENGARAN

DASHWINI A/P SELVAM
Jabatan Pendidikan Khas

Pensyarah Pembimbing
DATIN SITI MUHIBAH BINTI HJ NOR

ABSTRAK

Kaedah pengajaran dan pembelajaran secara maya (*virtual learning*) merupakan kaedah yang paling popular digunakan masa kini di sekolah memandangkan kebergantungan manusia yang sangat tinggi kepada teknologi maklumat, maka abad ke-21 dicirikan sebagai abad teknologi maklumat dan komunikasi. Manakala terdapat ramai guru dan murid mengalami masalah dalam penggunaan aktiviti berasaskan teknologi dalam proses PdPC di bilik darjah. Kajian ini untuk mengenal cabaran yang dihadapi oleh guru pendidikan khas masalah pendengaran dalam penggunaan pengajaran maya (FROG VLE). Kajian ini dijalankan menurus dua objektif iaitu untuk mengenalpasti cabaran yang dihadapi oleh para guru SKPK Masalah Pendengaran dalam penggunaan Frog VLE dan juga mengenalpasti cadangan untuk menambahbaik Frog VLE di Sekolah Pendidikan Khas Masalah Pendengaran. Kajian ini berbentuk kaedah kuantitatif dengan menggunakan instrumen kajian soal selidik dan untuk menyokong data kuantitatif pengkaji pula mengadakan soalan terbuka untuk mengumpul pandangan guru mengenai pelaksanaan Frog VLE. Sampel kajian ini terdiri daripada 30 orang guru yang dipilih secara rawak daripada sebuah sekolah pendidikan khas masalah pendengaran di negeri Selangor. Sebilangan besar responden bersetuju bahawa kemudahan makmal komputer, kemudahan internet, pengetahuan guru, kefahaman murid masalah pendengaran, kemahiran guru dan kekurangan masa merupakan cabaran utama yang dihadapi oleh responden di SKPK Masalah Pendengaran dalam penggunaan pembelajaran maya Frog VLE. Antara cadangan penambahbaikan yang dikemukakan oleh responden ialah meningkatkan kemudahan internet, mempertingkatkan kemahiran guru dengan mengadakan lebih banyak latihan atau kursus program Frog VLE kepada guru-guru.

Kata Kunci: Frog VLE, internet, pembelajaran dan pengajaran, guru pendidikan khas

ABSTRACT

Virtual learning is the most popular method used today in schools as human reliance is extremely high on information technology, so the 21st century is characterized as information technology and communication age. While there are many teachers and students experiencing problems in the use of technology-assisted activities in the PdPC process in the classroom. This study is to identify the challenges faced by special education teachers of hearing problems in the use of virtual teaching (FROG VLE). This study is aimed at identifying the challenges faced by SKPK teachers in the use of Frog VLE as well as identifying the proposal to improve the Frog VLE at the Special Education School Hearing Problems. This study is a quantitative method using questionnaire survey instruments and for supporting the quantitative data of the researcher has open questions to gather teacher views on the implementation of Frog VLE. The sample of this study consisted of 30 teachers randomly selected from a special education school hearing problem in Selangor. A large number of respondents agreed that computer lab facilities, internet facilities, teachers' knowledge, understanding of hearing impairments, teachers' skills and lack of time were the main challenges faced by respondents in SKPK Hearing Problems in the use of Frog VLE virtual learning. Among the challenges faced by teachers in the Frog VLE presented by respondents are the improvement of internet facilities, teachers' skills need to be improved and to provide Frog VLE program training to teachers.

Keywords: Frog VLE, internet, learning and teaching, special education teachers

Emel: dachuselva@gmail.com

1.0 PENGENALAN

Kaedah pengajaran dan pembelajaran secara maya (*virtual learning*) merupakan kaedah yang paling popular digunakan masa kini di sekolah memandangkan kebergantungan manusia yang sangat tinggi kepada teknologi maklumat, maka abad ke-21 dicirikan sebagai abad teknologi maklumat dan komunikasi (Shahrizan Salian, 2010). Frog VLE adalah salah satu platform yang fleksibel di mana fail dan data yang disimpan di cloud boleh diakses di mana-mana sahaja tanpa mengira masa, tempat di dalam sekolah atau diluar sekolah. Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan Syarikat 1Bestari Net telah bermuafakat untuk meningkatkan tahap pendidikan dan melengkapkan murid-murid dengan kemahiran sewajarnya dalam bidang teknologi projek Frog VLE. Demi menjayakan projek Frog VLE, kemudahan Internet 4G tanpa wayar berkelajuan tinggi berserta Frog VLE telah disediakan oleh KPM di semua sekolah di seluruh Malaysia melalui bekerjasama dengan YTL Communication.

2.0 PERNYATAAN MASALAH

Isu yang ingin dikenalpasti melalui kajian tinjauan ini adalah cabaran penggunaan Frog VLE di dalam kalangan guru pendidikan khas masalah pendengaran serta pandangan para guru terhadap penggunaan Frog VLE. Hal ini demikian, kajian Norhayati Edje dan Johari Hassan (2012) mengatakan bahawa penggunaan Internet dalam proses pembelajaran seperti Frog VLE memudahkan beban pendidik serta melicinkan proses pengajaran dan pembelajaran. Namun, Johari Hassan dan Fazliana Rashid (2011) berpendapat bahawa ramai guru dan murid yang mengalami masalah dalam penggunaan aktiviti berbantuan teknologi dalam proses PdPC di bilik darjah. Pada masa yang sama menurut Ida Norini Mahamad (2013), Laporan Ketua Audit Negara Siri 3/2016 penggunaan VLE oleh golongan sasaran iaitu guru, murid dan ibu bapa sangat rendah iaitu pada tahap penggunaan 0.01 peratus sehingga 4.69 peratus sahaja walaupun beberapa latihan Program Pembelajaran Maya (PPM) kepada pemimpin sekolah telahpun dilaksanakan pada tahun 2013 dan 2014.

3.0 OBJEKTIF DAN SOALAN KAJIAN

Kajian yang dijalankan menjurus kepada dua objektif berikut :

- 1) Mengenalpasti cabaran yang dihadapi oleh para guru SKPK Masalah Pendengaran dalam penggunaan Frog VLE
- 2) Mengenalpasti cadangan untuk penambahbaikan Frog VLE di Sekolah Pendidikan Khas Masalah Pendengaran

Kajian ini menetapkan dua persoalan seperti berikut:

- 1) Apakah cabaran yang dihadapi oleh guru-guru SKPK Masalah Pendengaran dalam penggunaan Frog VLE?
- 2) Apakah cadangan untuk penambahbaikan Frog VLE di SKPK Masalah Pendengaran?

4.0 METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini telah menggunakan kaedah kuantitatif dan kualitatif dengan reka bentuk kajian tinjauan. Data kajian diperoleh daripada hasil jawapan responden dari borang soal selidik yang diedarkan kepada sampel kajian di atas talian. Populasi kajian adalah terdiri daripada 30 orang guru dari SKPK X di kawasan Selangor. Instrumen kajian ini iaitu soal selidik terdiri daripada enam bahagian yang mengandungi maklumat demografi, kemudahan makmal komputer, kemudahan Internet, pengetahuan guru, kemahiran guru dan faktor masa serta cadangan penambahbaikan. Kajian rintis telah dijalankan di salah sebuah sekolah pendidikan khas masalah pendengaran di kawasan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur untuk mengenal pasti kesesuaian soal selidik, melibatkan 12 orang guru menjawab soal selidik di atas talian dan telah pun mendapat bacaan nilai *Alpha Cronbach* sebanyak 0.96 dengan bantuan perisian *Statistical Package For Social Science (SPSS)*. Data telah dianalisis menggunakan statistik deskriptif yang memerihalkan kekerapan, peratus dan min oleh perisian (*SPSS*) dan dipersembahkan dalam bentuk graf, jadual dan carta. Manakala data kualitatif pula dianalisis melalui kaedah transkripsi dan koding mengikut tema yang telah ditetapkan berdasarkan konstruk-onstruk dalam instrumen kajian.

5.0 DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Secara keseluruhannya, responden yang terlibat dalam kajian ini adalah seramai 30 orang guru pendidikan khas masalah pendengaran di Sekolah Pendidikan Khas Masalah Pendengaran X yang terdiri daripada 15 orang lelaki dan 15 orang perempuan. Didapati sebahagian besar responden terdiri daripada lingkungan umur 35-40 tahun iaitu sebanyak 36.7% atau 11 orang dan juga responden dalam lingkungan umur 29-34 tahun iaitu sebanyak 33.7% atau 10 orang. Seterusnya, responden lain pula terdiri daripada lingkungan umur 40-45 tahun iaitu sebanyak 16.7% atau 5 orang dan hanya seramai 4 orang iaitu 13.3% responden terdiri dalam lingkungan umur 23-28 tahun. Manakala dari segi pengalaman responden mengajar di Sekolah Pendidikan Khas Masalah Pendengaran X, didapati bahawa kebanyakan responden tidak mempunyai pengalaman yang mendalam dan luas dalam bidang pendidikan khas masalah pendengaran ini.

Jadual 1

Taburan Skor Min bagi Setiap Konstruk dalam Soal Selidik

| Bil | Perkara | Min |
|-----|--|------|
| 1 | Kemudahan Makmal Komputer | 3.61 |
| 2 | Pengaksesan Internet | 3.11 |
| 3 | Kemahiran Menggunakan FROG VLE Dalam Kalangan Guru Pendidikan Khas | 3.30 |
| 4 | Minat Murid Terhadap FROG VLE | 3.43 |
| 5 | Faktor Masa | 3.30 |

Kemudahan Makmal Komputer

Berdasarkan jadual 1, analisis purata min bagi konstruk kemudahan makmal komputer pada tahap sederhana iaitu sebanyak 3.61. Kebanyakan responden bersetuju bahawa sekolah mereka meliputi dengan kemudahan komputer yang secukupnya serta mereka diberi input atau informasi yang mantap mengenai penggunaan Frog VLE. Namun begitu, ramai responden bersetuju bahawa wujudnya masalah penyelenggaraan peralatan ICT yang mengakibatkan murid-murid masalah pendengaran dan guru-guru tidak dapat menggunakannya apabila program FROG VLE berlangsung.

Pengaksesan Internet

Purata min bagi konstruk pengaksesan internet adalah pada tahap tinggi iaitu sebanyak 3.11. Kebanyakan responden bersetuju bahawa perkhidmatan Internet 1 Bestari Net yang diberi oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dengan kerjasama YTL Communication telah pun dibekalkan. Walaubagaimanapun, responden mengatakan bahawa perkhidmatan Internet di sekolah X sangat tidak stabil dan hanya beberapa tempat tertentu sahaja dapat pengaksesan Internet di kawasan sekolah.

Kemahiran Menggunakan FROG VLE Dalam Kalangan Guru Pendidikan Khas

Menurut jadual 1, kemahiran guru pendidikan khas dalam Platform Frog VLE ini pada tahap yang sederhana dengan mencatat min sebanyak 3.30. Kebanyakan responden yang menjawab positif dalam konstruk ini adalah responden-responden yang terdiri daripada golongan lelaki serta daripada golongan yang berumur muda. Mereka berpendapat bahawa penggunaan Frog VLE memudahkan tugas guru dalam PdPC serta mereka bersetuju bahawa mereka menggunakan aplikasi Frog VLE dalam PdPC sekurang-kurangnya 30 minit dalam seminggu. Manakala, dapatan juga membuktikan bahawa kebanyakan responden yang lama dalam perkhidmatan serta kebanyakan responden perempuan berasa penggunaan Frog VLE tidak memudahkan kerja mereka malah hanya membebankan mereka dalam kerjaya mereka.

Minat Murid Terhadap FROG VLE

Berdasarkan jadual 1, kefahaman murid-murid bermasalah pendengaran dalam penggunaan Frog VLE berada pada tahap sederhana juga iaitu sebanyak 3.43. Murid-murid masalah pendengaran ini hanya memahami kaedah penggunaan platform ini yang rendah walaupun mereka mempunyai keminatan yang tinggi dalam penggunaan platform ini. Hastie, M dan Dornan, D (2011) pula menyokong kenyataan di atas bahawa murid-murid masalah pendengaran lebih gemar melibatkan diri dalam pembelajaran maya berbanding dengan pembelajaran dalam bentuk konvensional.

Faktor Masa

Jadual 1 membuktikan bahawa faktor masa yang mempunyai soalan berbentuk negatif mencatatkan min sebanyak 3.30. Ramai responden bersetuju bahawa dengan menggunakan platform Frog VLE

mereka dapat mencapai objektif sesuatu PdPC dengan cepat dan tidak menyusahkan kerjaya mereka. Walaubagaimanapun, kebanyakan responden juga bersetuju bahawa ia tidak mempercepatkan kerja guru serta mereka tidak mempunyai masa yang secukupnya untuk membuat persediaan PdPC dalam Frog VLE.

Analisis Kualitatif

Responden-responden juga menjawab kontruk jenis soalan terbuka ini dengan penuh jujur ke arah proses penambahbaikan Program Pembelajaran Frog VLE. Antara cadangan yang dikemukakan oleh responden-responden adalah:

- a) penambahbaikan kemudahan Internet di kawasan sekolah seperti meningkatkan kelajuan Internet dan menambahbaik server down serta meluaskan rangkaian Internet supaya pencapaian Internet dapat diakses di seluruh kawasan sekolah.
- b) meningkatkan kemahiran guru terutamanya guru-guru yang lama dalam perkhidmatan seperti mencadangkan mengadakan kursus latihan pengendalian aplikasi Frog VLE.
- c) buku teks sekolah terutamanya buku teks aliran pendidikan khas masalah pendengaran perlu diupload dalam platform Frog VLE untuk kemudahan penggunaan para murid.
- d) proses penyelenggaraan kemudahan ICT perlu dilaksanakan secara kerap.

6.0 KESIMPULAN, CADANGAN DAN IMPLIKASI

Dapatan kajian menunjukkan bahawa pihak sekolah perlu menumpukkan lebih perhatian terhadap proses penyelenggaraan peralatan komputer di makmal komputer supaya peralatan dapat berfungsi dengan baikny walaupun sekolah mereka diliputi dengan kemudahan makmal komputer yang secukupnya. Hal ini demikian, Dnyaneshwar (2011) bersetuju bahawa demi menjayakan Program Pembelajaran Maya yang mengintegrasikan teknologi maklumat dalam PdPC prasarana seperti kemudahan makmal komputer yang dilengkapi dengan peralatan berkaitan dengan penggunaan teknologi maklumat serta penyediaan dan penyelenggaraan komputer yang mencukupi dan lancar amat diperlukan. Tahap pengaksesan Internet di sekolah pula satu lagi cabaran yang dihadapi oleh guru pendidikan khas di sekolah X. Di mana aspek kelajuan Internet pula perlu dititikberatkan oleh pihak KPM dan pihak sekolah.. Siti Aminah Khasiman (2013) pula mengutarakan pendapat beliau bahawa masalah akan wujud apabila prasarana yang tidak mencukupi menyebabkan terdapat ramai pelajar yang tidak dapat turut serta dalam proses PdPC melalui Frog VLE ini.

Dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap kemahiran para guru pendidikan khas dalam pengendalian platform Frog VLE berada pada tahap sederhana dan Fadhliah Abtholuddin (2013) berpendapat faktor terpenting dalam menentukan corak penggunaan TMK merupakan kebolehan atau efikasi sendiri para guru mampu bekerja dan menerima perubahan kaedah pengajaran yang berasaskan TMK. Ardi Marwan (2009) juga menambah bahawa mereka (guru) mempunyai perasaan resah atau *computer anxiety* serta akan sentiasa teragak-agak untuk menggunakan inovasi teknologi tersebut dalam PdPC. Ardi Marwan (2008) di mana beliau berpendapat bahawa dalam pada umumnya, pelajar lelaki menggunakan komputer lebih kerap daripada pelajar wanita. Kemahiran dan kefahaman murid-murid terutamanya murid-murid berpendidikan khas masalah pendengaran dalam Frog VLE sebagai antara ahli komuniti pembelajaran maya Frog VLE adalah sangat penting. Walaupun murid-murid bermasalah pendengaran memiliki ketidakupayaan dari segi fizikal namun mereka masih cukup sempurna dari segi intelek untuk melibatkan diri dalam program pembelajaran maya ini. Hasil kajian menunjukkan bahawa murid-murid masalah pendengaran kurang minat terhadap aplikasi FROG VLE dan hal ini mungkin berlaku sebab mereka kurang memahami penggunaan aplikasi ini.

Menurut dapatan kajian pengkaji boleh menyimpulkan bahawa guru-guru mengalami kekangan masa semasa mengendalikan Program Pembelajaran Maya (FrogVLE). Terdapat kekangan seperti capaian Internet rendah yang mengambil masa yang lama akan membantutkan usaha guru untuk menggunakannya. Responden juga bersetuju bahawa guru-guru pendidikan khas masalah pendengaran tidak mempunyai masa yang secukupnya untuk membuat persiapan PdPC dalam halaman Frog VLE (Clay Posey,2010). Antara cadangan penambahbaikan yang dikemukakan oleh responden untuk menangani cabaran-cabaran yang dihadapi oleh guru dalam penggunaan aplikasi Frog VLE adalah meningkatkan kelajuan Perkhidmatan Internet 1 Bestari Net di sekolah. Seterusnya, kemahiran guru-guru pendidikan khas perlu dipertingkatkan melalui mengadakan program latihan Frog VLE untuk meningkatkan keyakinan untuk melibatkan diri dalam persekitaran maya. Selain itu, responden juga berpendapat bahawa Kementerian Pendidikan Malaysia juga perlu menyelitkan kandungan Frog VLE dalam buku teks sekolah pendidikan khas masalah pendengaran. Guru-guru

pendidikan khas juga perlu selalu menggalakkan murid-murid pendidikan khas melibatkan diri dalam platform Frog VLE dan tidak boleh pandang rendah dengan kebolehan murid-murid pendidikan khas masalah pendengaran. Hal ini demikian murid-murid pendidikan khas masalah pendengaran juga memiliki tahap keintelektual yang hampir sama seperti murid-murid dalam aliran perdana.

IMPLIKASI

Implikasi untuk aliran pendidikan khas masalah pendengaran adalah dapat melahirkan guru-guru pendidikan khas masalah pendengaran yang berproduktif serta melahirkan guru perlu berani menempuhi cabaran yang dihadapi olehnya semasa penggunaan teknologi maklumat serta guru yang memiliki keyakinan yang tinggi. Selain itu, kajian ini juga dapat membantu murid-murid masalah pendengaran dapat peluang sama seperti murid-murid tipikal turut menjadi ahli komuniti dalam segala kemajuan dan inovasi dalam dunia pendidikan terkini. Pelaksanaan program pembelajaran maya seperti Frog VLE merupakan salah satu kaedah PdPC yang dianggap lebih berkesan kerana ia dapat mempromosikan pembelajaran aktif di samping meningkatkan tahap pengetahuan dan kemahiran pelajar dalam bidang komputer. Pelaksanaan program pembelajaran maya Frog VLE di sekolah-sekolah pendidikan khas mampu membentuk dan memperkembangkan potensi individu murid-murid pendidikan khas masalah pendengaran secara holistik dan bersepadu agar dapat menghasilkan individu yang seimbang dan harmonis. Mohd Izham Mohd Hamzah (2015) berpendapat bahawa KPM berhasrat bahawa pelaksanaan platform Frog VLE tanpa halangan, ia dapat mewujudkan sistem pembelajaran berasaskan laman web yang menyerupai pendidikan dunia sebenar dengan menyatukan konsep pendidikan konvensional serta meningkatkan mutu pendidikan negara ini. KPM berhasrat juga bahawa tahap pendidikan murid-murid masalah pendengaran tidak sepatutnya berhenti di tahap sekolah malah mereka perlu melanjutkan pelajaran sehingga ke peringkat tertinggi dengan menguasai kemahiran penggunaan komputer.

CADANGAN

Beberapa cadangan kajian yang boleh dijalankan dimasa akan datang adalah pengkaji boleh Melihat perbezaan ciri-ciri demografi seperti faktor jantina, pengalaman mengajar untuk menentukan perhubungan antara jantina, umur dan pengalaman mengajar guru dan penerimaan pembelajaran maya. Selain itu, berkemungkinan kajian yang serupa perlu dilaksanakan dengan skop batasan kajian yang luas untuk mendapat gambaran yang jelas mengenai cabaran-cabaran yang dialami oleh guru SKPK masalah pendengaran dalam penggunaan Frog VLE. Kajian masa hadapan juga boleh mengambil kira metodologi kajian yang lebih kompleks seperti kajian kes yang merangkumi pelbagai kaedah pengumpulan data demi mengenal pasti isu yang dikaji dengan lebih mendalam dan jelas. Kajian lanjutan juga boleh dilakukan untuk mengetahui kefahaman dan kemahiran guru-guru SKPK dalam penggunaan Frog VLE dalam PdPC mereka demi menguji kefahaman dan kemahiran guru serta kenal pasti tahap kemahiran guru-guru SKPK dalam pengendalian sesebuah platform program pembelajaran maya.

KESIMPULAN

Kajian ini telah mengenalpasti beberapa cabaran yang dialami oleh guru pendidikan khas masalah pendengaran dalam penggunaan Frog VLE. Aliran Pendidikan Khas juga perlu diberi peluang bagi memberi sumbangan ke arah perkembangan dunia pendidikan ke arah dunia pendidikan maya. Pihak Kementerian Pendidikan Malaysia perlu mengatasi cabaran-cabaran yang dihadapi oleh guru-guru pendidikan khas dalam pengendalian Frog VLE supaya usaha KPM tersebut akan berjalan dengan lancar tanpa sebarang halangan.

RUJUKAN

- Ardi Marwan. (2008). *An Analysis of Australian Students' Use of Information and Communication Technology (ICT)*. Indonesia: dipetik dari http://itdl.org/Journal/Nov_08/article05.html.
- Ardi Marwan. (2009). Teachers' Perceptions of a Computer Technology Integration Program in an Indonesian Polytechnic. *International Journal of Arts and Sciences*, 3(5), 80-97.
- Clay Posey, Paul Benjamin Lowry, Tom L Roberts, & T Selwyn Ellis. (2010). Proposing the online community self-disclosure model: the case of. *European Journal of Information Systems*.
- Dnyaneshwar,S. (2008). Use of virtual classroom in teaching through distance mode: A case study of SCDL. *ELT-India. International Journal for the Teachers of English*, 1(3), 35-42.

- Fadhilah Abtholuddin. (2013). *Hubungan Antara Efikasi Kendiri dan Kemahiran Belajar Dalam Kalangan Pelajar Kejuruteraan* (Master's thesis). Dipetik dari http://eprints.uthm.edu.my/4171/1/FADHILAH_ABTHOLUDDIN.pdf
- Ida Norini Mahamad. (2013). Kajian tinjauan mengenai keberkesanan penggunaan konsep persekitaran pengajaran maya frog (vle frog) di kalangan murid sk haji mahmud chemor, perak. *Kertas Projek Fakulti Pendidikan, Universiti Perguruan Sultan Idris*, 16-20.
- Johari Hassan, & Fazliana Rashid. (2011). Penggunaan ICT dalam proses pengajaran dan pembelajaran di kalangan pendidik Fakulti Pendidikan University Teknologi Malaysia, Skudai Johor . *Journal of Technical, Vocational & Engineering Education*, 22-37.
- Mohd Izham Mohd Hamzah. (2015). Amalan Kepimpinan Teknologi Pengetua dalam Pengintegrasian ICT di Sekolah Menengah. *3rd Global Summit on Education*, 684-694.
- Norhayati Edje, & Johari Hassan. (2012). Penggunaan Internet Di Dalam Mempertingkatkan Proses Pengajaran & Pembelajaran (P&P) Dalam Kalangan Pensyarah Fakulti Pendidikan, UTM Skudai. *Universiti Teknologi Malaysia Institutional Repository*, 1-7.
- Shahrizan Salian. (2010, Mac 11). *Teknologi remaja guna laman web sosial pamer popularity*. Dipetik dari Berita Harian Online: <http://www.bharian.com.my/>
- Siti Aminah Khasiman. (2013). Tinjauan awal penggunaan frog vle di sekolah. Dipetik dari <https://sekolahpenandaaras.wordpress.com/>

TAHAP KESEDIAAN SISWA GURU BUKAN OPSYEN PENDIDIKAN KHAS DALAM MENGAJAR MURID BERKEPERLUAN KHAS : SATU KAJIAN TINJAUAN

HALIMATUS SA'ADIAH BINTI ABDULLAH
Jabatan Pendidikan Khas

Pensyarah Pembimbing
EN. ARMAN BIN ABD. SANI

ABSTRAK

Perubahan besar akan dilihat pada tahun 2019 yang mana semua kanak-kanak kurang upaya daripada pelbagai kategori serta aras ketidakupayaan boleh ditempatkan di sekolah. Hal ini demikian kerana Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah melaksanakan *Zero Reject Policy* secara berperingkat bagi murid berkeperluan khas. Polisi ini adalah sejajar dengan hasrat Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM 2013-2025), yang telah mensasarkan 70 peratus penyertaan murid berkeperluan khas dalam sistem pendidikan arus perdana. Justeru, kajian ini bertujuan untuk meninjau tahap kesediaan siswa guru bukan opsyen Pendidikan Khas dalam mengajar murid berkeperluan khas. Aspek kesediaan yang dikaji adalah pengetahuan dan sikap. Responden kajian terdiri daripada 38 siswa guru bukan opsyen Pendidikan Khas Ambilan Jun 2015. Kajian ini berbentuk tinjauan dengan menggunakan soal selidik secara atas talian berskala Likert 4 poin sebagai instrumen pengumpulan data. Semua data dianalisis secara deskriptif. Dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap kesediaan siswa guru bukan opsyen Pendidikan Khas dalam mengajar murid berkeperluan khas adalah sederhana dalam aspek pengetahuan (46.1%), dan tinggi (68%) dalam aspek sikap. Implikasi dapatan kajian adalah terhadap beberapa pihak iaitu siswa guru, bidang ilmu dan latihan perguruan. Untuk tujuan kajian lanjutan, adalah dicadangkan agar memperluaskan sampel kajian yang melibatkan semua siswa guru bukan opsyen Pendidikan Khas pelbagai tahun ambilan. Selain itu, instrumen juga boleh ditambah baik dengan menambah konstruk serta ditambah bilangan item untuk setiap konstruk. Kajian juga boleh ditambah baik dengan menggunakan kaedah kajian kualitatif.

Kata Kunci: Kesediaan mengajar, siswa guru bukan opsyen Pendidikan Khas, murid berkeperluan khas

ABSTRACT

In 2019, there will be a drastic change where all the students with special education needs from all categories and levels can be placed in school. This is in line with the implementation of the Zero Reject Policy by the Ministry of Education (MOE). This policy is parallel with the Malaysia Education Blue Print (2013-2025) which aimed for 70 percent involvement from the students with special education needs in current mainstream education system. Therefore, the purpose of this research is to observe the level of readiness of non-option special education trainee teacher in teaching the students with special education needs. The respondents involved in this research were 38 non-option special education trainee teachers. This research used the method of observation using 4 points Likert scale questionnaires for the data collection. All data were descriptively analysed. The findings from this research shows that the level of readiness of non-option special education trainee teachers are average in the aspect of knowledge (46.1%) while in the aspect of attitude, their level is high (68%). The impact from the research involves several parties such as the trainee teachers, knowledge and teaching college. For further research purpose, it is highly suggested to widen the sample of the research which involves all non-option special education trainee teachers from different intake. Other than that, the instruments can also be improvised by adding the additional items for each constructs. This research can also be improvised by using the qualitative research methods.

Keywords: Willingness of teaching, non-option special education trainee teachers, special education needs

Emel: halimatussaadiahabdullah1996@gmail.com

1.0 PENGENALAN

Reformasi pendidikan dalam dekad akhir-akhir ini telah mengarah kepada persekitaran yang lebih inklusif untuk murid berkeperluan khas. Hal ini meletakkan permintaan yang tinggi terhadap kesediaan guru untuk mendidik pelbagai kategori murid di arus perdana. Hal ini tidak terkecuali untuk Malaysia. Menurut Datuk Yasmin Hussain, Timbalan Pengarah Bahagian Pendidikan Khas, 2019 merupakan tahun yang akan melihat perubahan besar terhadap kanak-kanak kurang upaya yang mana semua jenis ketidakupayaan daripada pelbagai aras boleh ditempatkan di sekolah. Hal ini demikian kerana Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) akan melaksanakan *Zero Reject Policy* secara berperingkat bagi murid berkeperluan khas. *Zero Reject Policy* merupakan dasar sedia ada yang dimantapkan daripada segi pelaksanaannya bagi memastikan murid berkeperluan khas menerima pendidikan yang selari dengan ketidakupayaan mereka sama ada ke sekolah arus perdana melalui Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) dan Program Pendidikan Inklusif (PPI) atau ke Sekolah Pendidikan Khas (SPK) (Azzayati Ahmad, 2018). Polisi ini adalah sejajar dengan hasrat Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM 2013-2025), yang telah mensasarkan 70 peratus penyertaan murid berkeperluan khas dalam sistem pendidikan arus perdana. Oleh itu, siswa guru bukan opsyen Pendidikan Khas seharusnya mempunyai kesedaran bahawa mereka perlu bersedia untuk ditempatkan di Program Pendidikan Khas seperti di SKPK, PPKI dan PPI dan mengajar murid berkeperluan khas. Bagi menghasilkan anak bangsa yang berguna, bakal guru perlu terlebih dahulu perlulah mantap dari segala segi dan perlu sentiasa berusaha meninggikan kebolehan dalam bidang yang dipertanggungjawabkan bagi mengekalkan kepercayaan murid terhadap mereka.

2.0 PERNYATAAN MASALAH

Menurut data Pendidikan Khas (2017), terdapat 815 guru dan 1,242 murid di SKPK. Namun demikian, melalui perbualan bersama rakan-rakan guru yang mengajar di empat buah SKPK, didapati bahawa 45 daripada 93 orang guru atau 48.4 peratus merupakan guru bukan opsyen Pendidikan Khas. Oleh hal yang demikian, siswa guru bukan opsyen Pendidikan Khas perlu bersedia untuk ditempatkan di Program Pendidikan Khas dan mengajar murid berkeperluan khas. Kajian tentang kesediaan guru bukan opsyen Pendidikan Khas untuk mengajar murid berkeperluan khas kurang dilakukan (Ekstam, Korhonen, Linnanmaki & Aunio, 2018; Manisah Mohd.Ali & Zaleha Saadi, 2012; Shahrul Arba'iah Othman, Rohana Lat, Alijah Ujang & Abdul Rahim Talib, 2013; Abdul Rahim Hamdan & Muhammad Khairul Anuar Hussin, 2013). Oleh hal yang demikian kajian ini perlu dijalankan untuk melihat sejauh mana tahap kesediaan siswa guru terutama yang bukan opsyen Pendidikan Khas untuk mengajar murid berkeperluan khas.

3.0 OBJEKTIF DAN SOALAN KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk melihat tahap kesediaan siswa guru bukan opsyen Pendidikan Khas dalam mengajar murid berkeperluan khas. Kajian ini menetapkan dua objektif iaitu :

1. Mengenal pasti tahap pengetahuan siswa guru bukan opsyen Pendidikan Khas dalam mengajar murid berkeperluan khas.
2. Mengenal pasti sikap siswa guru bukan opsyen Pendidikan Khas dalam mengajar murid berkeperluan khas.

Soalan kajian adalah seperti berikut:

1. Apakah tahap pengetahuan siswa guru bukan opsyen Pendidikan Khas dalam mengajar murid berkeperluan khas?
2. Apakah sikap siswa guru bukan opsyen Pendidikan Khas dalam mengajar murid berkeperluan khas?

4.0 METODOLOGI KAJIAN

Kajian tinjauan ini menggunakan soal selidik atas talian dengan skala Likert 4 poin sebagai instrumen pengumpulan data. Aspek kesediaan siswa guru yang dikaji ialah pengetahuan dan sikap. Setiap aspek ini terdiri daripada 10 item. Pengkaji mendapat kesahan dengan menggunakan kesahan kandungan dengan merujuk kepada penyelia. Kajian rintis telah dijalankan bagi menguji kebolehpercayaan soal selidik yang disediakan dan nilai Alphanya ialah 0.71. Persampelan bermatlamat telah digunakan dalam kajian ini. Responden terdiri daripada 38 siswa guru daripada Jabatan Pendidikan Jasmani,

Jabatan Pengajian Bahasa Inggeris dan Jabatan Pendidikan Muzik. Pemilihan mereka adalah berdasarkan kriteria bahawa mereka telah melalui Pengalaman Berasaskan Sekolah (PBS) sebanyak tiga kali dan Praktikum di sekolah sebanyak dua kali. Data kuantitatif dianalisis menggunakan statistik deskriptif dengan melihat peratusan dan min. Peratus antara 85 dan 100 dianggap tahap kesediaan sangat tinggi, peratus antara 70 dan 84 dianggap tinggi, peratus antara 50 dan 69 dianggap sederhana dan peratus 0 hingga 49 dianggap rendah.

5.0 DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Hasil dapatan kajian dianalisis dan dibincangkan mengikut dua persoalan kajian seperti berikut:

i. Apakah tahap pengetahuan siswa guru bukan opsyen Pendidikan Khas dalam mengajar murid berkeperluan khas?

Item 8 dan 9, menunjukkan 100 peratus responden menyatakan mereka memerlukan bantuan dalam mengajar murid berkeperluan khas dan berasa teruk kerana mereka mempunyai kurang pengetahuan tentang teknik mengajar dengan betul untuk murid berkeperluan khas. Item 10 juga menunjukkan sebanyak 81.6 peratus responden tidak mempunyai pengalaman mengendalikan murid berkeperluan khas sebelum ini. 73.7 peratus responden menyatakan bahawa mereka tidak mempunyai pengetahuan yang meluas tentang murid berkeperluan khas (item 1), 71.1 peratus responden tidak mempunyai pengetahuan yang cukup tentang kaedah yang sesuai dalam mengajar murid berkeperluan khas (item 2). Hanya Item 6 yang berada pada tahap sederhana iaitu 52.6 peratus responden tahu tentang perkhidmatan yang disediakan bagi murid berkeperluan khas. Min skor keseluruhan untuk sangat tidak setuju dan tidak setuju ialah 53.9 peratus, manakala untuk setuju dan sangat setuju ialah 46.1 peratus. Ini menunjukkan tahap kesediaan dari segi pengetahuan siswa guru bukan opsyen Pendidikan Khas bagi mengajar murid berkeperluan khas berada pada tahap rendah.

Dapatan kajian ini, selari dengan kajian Vagia Sereti dan Mira Tzvetkova-Arsova (2014), yang mendapati 33.3 peratus guru tidak mempunyai pengetahuan dalam mengajar murid kelainan upaya serta 92 peratus guru tidak mempunyai pengetahuan yang meluas mengenai murid kelainan upaya. Manakala, dapatan kajian ini tidak selari dengan kajian-kajian terdahulu antaranya kajian Ekstam, Korhonen, Linnanmaki dan Aunio (2018), mendapati responden mereka menunjukkan pengetahuan yang tinggi dan sederhana dalam mengajar matematik kepada kumpulan murid berkebolehan rendah. Manakala kajian Manisah Mohd. Ali dan Zaleha Saadi (2012), tentang kesediaan tenaga pengajar menghadapi mahasiswa berkeperluan khas serta kajian Shahrul Arba'iah Othman et al. (2013), tentang kesediaan pengetahuan pensyarah tentang keperluan pembelajaran pelajar berkeperluan khas berada pada tahap sederhana. Dapatan kajian diringkaskan dalam Jadual 1.

Jadual 1

Tahap Kesediaan dari Segi Pengetahuan Siswa Guru Bukan Opsyen Pendidikan Khas dalam Mengajar Murid Berkeperluan Khas.

| BIL | Aspek | Sangat Tidak Setuju | Tidak Setuju | Setuju | Sangat Setuju |
|-----|--|---------------------|---------------|---------------|---------------|
| 1 | Saya mempunyai pengetahuan yang meluas tentang murid berkeperluan khas. | 5 (13.2%) | 23 (60.5%) | 10 (26.3%) | - |
| 2 | Saya mempunyai pengetahuan yang cukup tentang kaedah yang sesuai dalam mengajar murid berkeperluan khas. | 3 (7.9%) | 24 (63.2%) | 11 (28.9%) | - |
| 3 | Saya sentiasa mencari maklumat tentang murid berkeperluan khas. | 2 (5.3%) | 20 (52.6%) | 14 (36.8%) | 2 (5.3%) |
| 4 | Saya tahu cara berkomunikasi dengan murid masalah pendengaran. | 10 (26.3%) | 21 (55.3%) | 7 (18.4%) | - |
| 5 | Saya mempunyai pengetahuan tentang peralatan yang digunakan untuk murid masalah penglihatan. | 6 (15.8%) | 19 (50%) | 13 (34.2%) | - |

| | | | | | |
|-----|--|---------------|---------------|---------------|---------------|
| 6 | Saya tahu tentang perkhidmatan yang disediakan bagi murid berkeperluan khas. | 2 (5.3%) | 16 (42.1%) | 19 (50%) | 1 (2.6%) |
| 7 | Saya tahu bahawa tahap pencapaian murid berkeperluan khas berbeza dari murid aliran perdana. | 3 (7.9%) | 20 (52.6%) | 15 (39.5%) | - |
| 8 | Saya memerlukan bantuan untuk mengajar murid berkeperluan khas | - | - | 16 (42.1%) | 22 (57.9%) |
| 9 | Saya berasa teruk kerana kurang pengetahuan tentang teknik mengajar yang betul untuk murid berkeperluan khas | - | - | 19 (50%) | 19 (50%) |
| 10 | Saya mempunyai pengalaman mengendalikan murid berkeperluan khas sebelum ini. | 15 (39.5%) | 16 (42.1%) | 7 (18.4%) | - |
| Min | | 12.1 | 41.8 | 34.5 | 11.6 |

n=38

ii. Apakah sikap siswa guru bukan opsyen Pendidikan Khas dalam mengajar murid berkeperluan khas ?

Item 2 dan 3 di mana 100 peratus responden bersetuju bahawa motivasi perlu diberikan bagi murid berkeperluan khas supaya mereka tidak merendah diri dan sebagai bakal guru di sekolah, mereka memahami hak untuk setiap murid untuk memperoleh ilmu. Selain itu, item 8 dan 10 juga menunjukkan 100 peratus responden bersetuju akan sentiasa berusaha untuk memberikan pengajaran yang terbaik untuk murid berkeperluan khas dan bersetuju dalam mengambil berat tentang kepelbagaian murid yang berbeza. Item 7 pula menunjukkan 68.5 peratus responden berasa beruntung jika terpilih untuk mengajar murid berkeperluan khas. Item 1 menunjukkan 57.9 peratus responden berasa yakin dengan murid berkeperluan khas. Sementara itu, seramai 55.3 peratus responden sentiasa mencari maklumat/input terkini mengenai murid berkeperluan khas (item 4). Min skor untuk sangat tidak setuju dan tidak setuju ialah 31.6 peratus manakala min skor untuk setuju dan sangat setuju ialah 68.0 peratus. Min skor ini menunjukkan tahap kesediaan siswa guru dari segi penerimaan adalah pada tahap sederhana.

Dapatan ini tidak selaras dengan kajian Siti Fatimah Ab. Wahab (2006), yang mana hasil dapatan kajian mereka menunjukkan tahap kesediaan sikap dan minat mengajar guru pelatih adalah tinggi. Kajian Shahrul Arba'iah Othman et al, juga menunjukkan bahawa tahap kesediaan pensyarah untuk mengajar pelajar berkeperluan khas adalah tinggi dalam aspek sikap (82.6%). Abdul Rahim Hamdan dan Muhamad Khairul Anuar Hussin (2013), juga mendapati majoriti responden kajian mereka menunjukkan sikap yang positif terhadap murid berkeperluan khas yang berada di PPI. Dapatan kajian dimuatkan dalam Jadual 2.

Jadual 2

Tahap Kesediaan dari Segi Siswa Guru Bukan Opsyen Pendidikan Khas dalam Mengajar Murid Berkeperluan Khas

| BIL | Aspek | Sangat Tidak Setuju | Tidak Setuju | Setuju | Sangat Setuju |
|-----|--|---------------------|---------------|---------------|---------------|
| 1 | Saya berasa yakin dengan murid berkeperluan khas. | 1 (2.6%) | 15 (39.5%) | 18 (47.4%) | 4 (10.5%) |
| 2 | Saya merasakan motivasi perlu diberikan bagi murid berkeperluan khas supaya mereka tidak merendah diri | - | - | 17 (44.7%) | 21 (55.3%) |
| 3 | Sebagai bakal guru, saya memahami hak untuk setiap murid untuk memperoleh ilmu | - | - | 18 (47.4%) | 20 (52.6%) |

| | | | | | |
|----|---|---------------|---------------|---------------|---------------|
| 4 | Saya sentiasa mencari maklumat/input terkini mengenai murid berkeperluan khas. | - | 17 (44.7%) | 15 (39.5%) | 6 (15.8%) |
| 5 | Saya boleh mengendalikan pengajaran untuk mana-mana kategori murid berkeperluan khas | 11 (28.9%) | 15 (39.5%) | 11 (28.9%) | 1 (2.6%) |
| 6 | Saya bersedia sekiranya diarahkan untuk mengajar mana-mana kategori murid berkeperluan khas | 8 (21.1%) | 14 (36.8%) | 14 (36.8%) | 2 (5.3%) |
| 7 | Saya berasa beruntung jika terpilih untuk mengajar murid berkeperluan khas. | 1 (2.6%) | 9 (23.7%) | 24 (63.2%) | 2 (5.3%) |
| 8 | Saya akan sentiasa berusaha untuk memberikan pengajaran yang terbaik untuk murid berkeperluan khas. | - | - | 28 (73.7%) | 10 (26.3%) |
| 9 | Saya akan membandingkan tahap pencapaian murid aliran perdana dengan murid berkeperluan khas. | 10 (26.3%) | 19 (50%) | 7 (18.4%) | 2 (5.3%) |
| 10 | Saya mengambil berat tentang kepelbagaian murid yang berbeza. | - | - | 19 (50%) | 19 (50%) |
| | Min | 8.2 | 23.4 | 45.0 | 23.0 |

n=38

6.0 KESIMPULAN, CADANGAN DAN IMPLIKASI

Kajian ini telah menjawab dua persoalan yang dikemukakan, iaitu tahap kesediaan dari segi pengetahuan dan sikap siswa guru bukan opsyen Pendidikan Khas dalam mengajar murid berkeperluan khas. Dapatan menunjukkan tahap kesediaan siswa guru bukan opsyen Pendidikan Khas dari aspek pengetahuan adalah pada tahap rendah dengan min peratusan 46.1. Selain itu, tahap kesediaan siswa guru bukan opsyen Pendidikan Khas dari segi sikap untuk mengajar murid berkeperluan khas adalah sederhana dengan min peratusan 68.0.

Kajian tinjauan ini hanya melibatkan sebilangan kecil sampel, maka untuk kajian seterusnya saiz sampel kajian perlu dibesarkan supaya dapatan kajian dapat digeneralisasikan di samping memperoleh dapatan yang lebih tepat dan menambah kuasa ujian. Adalah dicadangkan agar beberapa konstruk lain ditambah dan bilangan item bagi setiap konstruk juga ditambah. Kajian seterusnya boleh dilanjutkan secara kualitatif dengan mendapatkan pandangan responden dengan mengenal pasti tema dan subtema sekiranya mereka perlu mengajar murid berkeperluan khas.

Implikasi dapatan kajian ini akan mencadangkan beberapa perkara dan peranan pihak-pihak tertentu dalam membantu meningkatkan tahap kesediaan siswa guru bukan opsyen Pendidikan Khas dalam mengajar murid berkeperluan khas seperti berikut :

i. Implikasi bidang ilmu

Pihak IPGM boleh sentiasa mengemas kini Maklumat Kursus (MK) subjek Pengurusan Bilik Darjah dan Tingkah Laku (EDUP3043), Perkembangan Kanak-Kanak (EDUP3023) dan Pendidikan Inklusif (PJMS3132 / TSLB3132 / MUZK3132) mengikut perkembangan semasa murid berkeperluan khas supaya siswa guru sentiasa mempunyai pengetahuan yang terkini dan meluas.

ii. Implikasi kepada siswa guru

Siswa guru perlu diberi kesedaran tentang tanggungjawab mereka sebagai seorang pendidik. Penghayatan terhadap pendidikan harus dipupuk dari awal supaya siswa guru mempunyai motivasi diri untuk berkhidmat mengajar murid berkeperluan khas.

iii. Implikasi kepada latihan perguruan

Proses penapisan yang teliti dapat menyumbang ke arah penghasilan guru yang berkualiti. Selain kualiti peribadi dan kelayakan akademik, pengalaman sedia ada dan pencapaian terdahulu diambil kira untuk menyokong pemilihan guru. Oleh itu, siswa guru bukan opsyen Pendidikan Khas juga perlu peka dan prihatin terhadap keperluan dan maklumat terkini mengenai murid berkeperluan khas.

RUJUKAN

- Abdul Rahim Hamdan & Muhamad Khairul Anuar Hussin. (2013). *Persepsi guru aliran perdana terhadap inklusif*. Fakulti Pendidikan. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Azzayati Ahmad. (2018, Disember 19). *KPM laksanakan 'Zero Reject Policy' untuk murid berkeperluan khas bermula 2019*. Retrieved from Astro Awani: <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/kpm-laksana-zero-reject-policy-untuk-murid-berkeperluan-khas-bermula-2019-193974>
- Bahagian Pendidikan Khas. (2017). *Kementerian Pendidikan Malaysia*. Retrieved Mac 12, 2018, from <https://www.moe.gov.my/index.php/my/arkib/pemberitahuan/2018/3988-data-pendidikan-khas-2017>
- Ekstam, Korhonen, Linnamaki & Aunio. (2018). Special education and subject teachers' self-perceived readiness to teach mathematics to low-performing middle school students. *Journal of Research in Special Educational Needs*, v18 n1 p59-69.
- Kementerian Pendidikan Malaysia (2013). *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025: Pendidikan prasekolah hingga lepas menengah*. Putrajaya.
- Manisah Mohd. Ali & Zaleha Saadi. (2012). *Kesediaan dan perimaan para pengajar di Institut Pengajian Tinggi (IPT) terhadap mahasiswa/mahasiswi berkeperluan khas*. Bangi: Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 12.
- Shahrul Arba'iah Othman, Rohana Lat, Alijah Ujang & Abdul Rahim Talib. (2013). *Tahap kesediaan pensyarah di Institut Pendidikan Guru untuk mengajar pelajar berkeperluan khas*. Kuala Lumpur: Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas.
- Siti Fatimah Ab. Wahab. (2006). *Tahap kesediaan pengetahuan dan kemahiran pedagogi, sikap dan minat mengajar guru pelatih kimia tahun akhir 5SPK dan 5SPC*. Skudai: Fakulti Pendidikan , UTM.
- Vagia Sereti & Mira Tzvetkova-Arsova. (2014). Readiness of regular schools and regular teachers for inclusion of students with multiple disabilities. *Formal, Informal and Natural Education, issue 1*, 21-43.

MENINGKATKAN KEMAHIRAN MENGEJA PERKATAAN KATA KERJA 'i_K2' MURID BERMASALAH PENDENGARAN TAHUN 2

LAILI ASMAH BINTI MOHD YUSOF
Jabatan Pendidikan Khas

Pensyarah Pembimbing
EN. MOHD SABRINORDIN BIN MOHD YUSOFF

ABSTRAK

Kajian ini dijalankan untuk meningkatkan kemahiran mengeja perkataan kata kerja 'i_K2' murid bermasalah pendengaran Tahun 2. Kajian ini melibatkan seorang murid bermasalah pendengaran di sebuah sekolah kebangsaan yang mempunyai Program Pendidikan Khas (SKPK) masalah pendengaran. Kajian ini menggunakan tiga jenis instrumen pengumpulan data iaitu ujian, pemerhatian dan analisis dokumen. Dapatan ujian menunjukkan berlakunya peningkatan dalam kemahiran mengeja perkataan kata kerja secara lisan iaitu mengisyarat dan bertulis setelah tindakan dijalankan. Dapatan pemerhatian menunjukkan perubahan respons murid yang positif ketika mengeja perkataan kata kerja secara lisan iaitu mengisyarat dan kekerapan kesalahan ejaan semakin berkurangan. Selain itu, dapatan analisis dokumen pula menunjukkan kekerapan kesalahan ejaan perkataan kata kerja secara bertulis juga semakin berkurangan. Pelaksanaan permainan 'i_K2' berjaya meningkatkan kemahiran mengeja perkataan kata kerja secara lisan iaitu mengisyarat dan bertulis bagi murid dalam kajian ini. Seterusnya, pengkaji mengesyorkan untuk menambah bilangan murid dan mengajar lebih banyak perkataan pada kajian akan datang.

Kata Kunci: 'i_K2', murid bermasalah pendengaran, kemahiran mengeja perkataan kata kerja secara lisan iaitu mengisyarat dan bertulis.

ABSTRACT

This study was conducted to improve the spelling skills of the word 'i_K2' for hearing impaired student of Year 2. The study involves a hearing-impaired student from a Special Education Program (SKPK). This research uses three types of data collection instrument namely tests, observation and analysis of documents. The results of the test show the increase in the ability of the student to verbal spelling skills with signing and in writing after the action has been carried out. The results of the observation show positive change in student response and the student's frequency of verbal spelling error decreased significantly. Subsequently, the results of document analysis show the frequency of verbal spelling errors in the form of writing decreased remarkably. The implementation of 'i_K2' game successfully improved the student's verbal and writing spelling skill in this study. Next, the researcher suggests to increase the number of students and teach more words in future studies.

Keywords: 'i_K2', hearing impaired student, verbal spelling skill, writing spelling skill.

Emel: liliyusof96@gmail.com

1.0 PENDAHULUAN

Bahasa Melayu merupakan salah satu bahasa yang wajib dipelajari oleh semua murid di Malaysia. Pengkaji telah melaksanakan praktikum Fasa II di sebuah Sekolah Kebangsaan Pendidikan Khas di sekitar kawasan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Dalam tempoh masa menjalani praktikum Fasa II, pengkaji telah diamanahkan untuk mengajar mata pelajaran Bahasa Melayu bagi kelas 2 Orkid. Senario yang berlaku dalam kelas Tahun 2 ini ialah seorang murid menghadapi masalah dalam mengeja perkataan kata kerja secara lisan (mengisyarat) dan bertulis. Pengkaji mendapati murid ini melakukan banyak kesalahan ejaan serta mengambil masa yang lama untuk mengeja satu perkataan kata kerja apabila diminta untuk mengisyaratkan dan menulis perkataan kata kerja tersebut. Lebih-lebih lagi, murid tersebut dilihat seperti mengeja secara rambang dan kelihatan menggaru-garu kepala apabila diminta untuk mengeja secara lisan (mengisyarat) dan bertulis. Bahasa isyarat badan yang ditunjukkan oleh murid tersebut, melambangkan bahawa dia tidak yakin untuk mengeja golongan kata iaitu kata kerja secara lisan (mengisyarat) dan bertulis. Kajian yang dijalankan meliputi penggunaan teknologi

maklumat dan komunikasi (TMK) iaitu menggunakan 'Isyarat Kata Kerja (i_K2)' dalam meningkatkan kemahiran mengeja perkataan kata kerja 'i_K2' secara lisan iaitu mengisyarat dan bertulis.

2.0 FOKUS KAJIAN

Kajian ini berfokuskan kepada kemahiran mengeja perkataan. Fokus utama kajian ini ialah meningkatkan kemahiran mengeja perkataan kata kerja Bahasa Melayu murid masalah pendengaran yang disediakan dalam 'i_K2'. Permainan interaktif multimedia ini amat sesuai untuk dijalankan bagi mengajar murid bermasalah pendengaran Tahun 2 kerana murid-murid bermasalah pendengaran lebih tertarik dengan aktiviti yang berunsurkan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) serta bahan yang berbentuk visualisasi. Permainan 'i_K2' ini mudah ditadbir oleh guru kerana ia merupakan bahan bantu mengajar digital yang mesra pengguna. Di samping itu, ia merupakan usaha untuk memenuhi keperluan murid serta individu visual-learner di mana 'i_K2' menggabungkan kedua-dua medium imej dan pergerakan. Hal ini disokong oleh Aidah Alias (2016), yang menyatakan amalan semasa dalam PdPc di kalangan murid bermasalah pendengaran dan kaedah yang sesuai untuk mengajar mereka adalah dengan menggunakan imej dan pergerakan. Oleh yang demikian, penggunaan 'i_K2' ini bersesuaian, relevan dan membuka jalan baru dalam bidang pendidikan sekali gus dapat membantu murid bermasalah pendengaran Tahun 2 untuk mengeja perkataan kata kerja dengan betul.

3.0 OBJEKTIF KAJIAN DAN SOALAN KAJIAN

3.1 Objektif Umum

Meningkatkan kemahiran mengeja perkataan kata kerja murid bermasalah pendengaran Tahun 2 melalui permainan interaktif multimedia 'Isyarat Kata Kerja i_K2'.

3.2 Objektif Khusus

- i. Meningkatkan kemahiran mengeja perkataan kata kerja secara lisan (mengisyarat) melalui permainan interaktif multimedia 'Isyarat Kata Kerja (i_K2)'.
- ii. Meningkatkan kemahiran mengeja perkataan kata kerja secara bertulis melalui permainan interaktif multimedia 'Isyarat Kata Kerja (i_K2)'.

3.3 Persoalan Kajian

- i. Adakah permainan interaktif multimedia 'Isyarat Kata Kerja (i_K2)' dapat meningkatkan kemahiran mengeja perkataan kata kerja secara lisan (mengisyarat) bagi murid bermasalah pendengaran Tahun 2?
- ii. Adakah permainan interaktif multimedia 'Isyarat Kata Kerja (i_K2)' dapat meningkatkan kemahiran mengeja perkataan kata kerja secara bertulis bagi murid bermasalah pendengaran Tahun 2?

4.0 KUMPULAN SASARAN

Murid yang dipilih dalam kajian ini adalah seorang murid lelaki bermasalah pendengaran yang berbangsa Melayu daripada kelas 2 Orkid. Murid tersebut tidak mempunyai masalah-masalah lain selain daripada masalah pendengaran dan masih mempunyai sisa-sisa pendengaran dengan berbantuan alat bantu dengar (ABD). Pendapat ini disokong oleh Kail (2001), beliau menyatakan bahawa kanak-kanak yang mempunyai masalah pendengaran akan mempunyai kesukaran dalam aktiviti pembelajaran. Rasional pemilihan murid tersebut dalam kalangan murid-murid kelas 2 Orkid adalah kerana, murid ini belum menguasai kemahiran mengeja perkataan iaitu dengan mengisyarat dan bertulis.

5.0 PELAKSANAAN TINDAKAN

5.1 Cara Mengumpul Data/ Maklumat

Pengkaji telah menggunakan tiga cara pengumpulan data awal iaitu ujian diagnostik pemerhatian berstruktur dan temu bual. Namun, untuk mendapatkan data yang terperinci dan menyeluruh semasa kajian ini dijalankan, pengkaji telah menggunakan instrumen iaitu ujian, pemerhatian dan analisis dokumen. Setiap cara pengumpulan data mempunyai kelebihan tertentu yang membantu pengkaji mendapatkan maklumat yang sah dan terperinci.

5.2 Analisis Tinjauan Awal

Jadual 1 di bawah menunjukkan analisis bagi tinjauan masalah kajian.

| Kaedah | Analisis Data |
|-------------------------|---|
| Ujian Diagnostik | Murid bermasalah pendengaran Tahun 2 masih lemah dalam mengeja perkataan. |
| Pemerhatian Berstruktur | Murid bermasalah pendengaran Tahun 2 kerap mengeja perkataan secara tersekat-sekat, meniru pergerakan tangan guru berulang-ulang kali dan pengambilan masa yang lama untuk mengeja satu perkataan. Tambahan lagi, sikap murid ini yang asyik menggaru kepala dan meminta bantuan guru serta rakan-rakan untuk mengeja perkataan juga membuktikan murid tersebut menghadapi kesukaran untuk masalah ini. |
| Temu Bual | Temu bual yang dijalankan bersama guru mata pelajaran Bahasa Melayu kelas 2 Orkid menerangkan bahawa murid ini tidak dapat mengeja sesuatu perkataan tanpa bantuan guru dan tidak diberikan pendedahan awal kepada huruf kerana, murid tersebut tidak mendapat pendidikan awal di tadika. Tambahan lagi, murid ini kekurangan sumber pembelajaran yang sesuai dengan tahap kognitifnya. |


5.3 Tindakan Menangani Masalah

Pengkaji telah merancang untuk menjalankan intervensi kitaran pertama dengan memperkenalkan 'i_K2' kepada murid bermasalah pendengaran Tahun 2. Pengkaji telah melaksanakan permainan tersebut dalam tempoh masa 30 minit. Dalam permainan ini, pengkaji telah menyediakan tiga ujian iaitu 'Yang Mana Satu', 'Belon Udara' dan 'Pilih Ejaan'. Setiap ujian terdiri daripada aktiviti kemahiran mengeja perkataan kata kerja secara berperingkat. Pengkaji menilai keberkesanan permainan ini dalam meningkatkan kemahiran mengeja perkataan kata kerja murid bermasalah pendengaran Tahun 2 dan membuat penambahbaikan pada kitaran yang kedua.

5.4 Keputusan Ujian

Ujian Pra dan Pasca


Ujian pra yang dilaksanakan sebelum intervensi ternyata kurang memuaskan. Namun begitu, selepas intervensi terdapat peningkatan melebihi separuh dalam peratusan markah murid bermasalah pendengaran Tahun 2. Peningkatan yang dinyatakan oleh pengkaji boleh dilihat dengan jelas menggunakan graf. Hasil keputusan murid ini semasa ujian pasca melonjak naik jika dibandingkan dengan ujian pra. Rajah 1 di bawah menunjukkan perbezaan peratusan markah markah ujian pra dan pasca murid bermasalah pendengaran Tahun 2.



Rajah 1. Perbezaan peratusan markah ujian pra dan pasca murid bermasalah pendengaran Tahun 2.

Ujian Pencapaian


Menurut Mizan Adiliah Ahmad Ibrahim (2011), ujian pencapaian merupakan ujian untuk mengukur pengetahuan murid mengenai apa yang diketahui olehnya dalam pelbagai mata pelajaran yang telah dipelajari serta sejauh mana kebolehan murid mengaplikasikan pengetahuan tersebut. Dalam konteks kajian ini, pengkaji mendapati murid bermasalah pendengaran Tahun 2 menunjukkan peningkatan yang positif dalam kemahiran mengeja perkataan kata kerja 'i_K2' setelah menjalani empat sesi intervensi. Rajah 2 menunjukkan perbandingan markah bagi empat-empat ujian pencapaian.



Rajah 2. Keputusan ujian pencapaian

Pemerhatian : Aspek Akademik

Menurut Nik Safiah Karim (2006), pemerhatian merupakan satu teknik awal dalam usaha mendapatkan data primer untuk mengkaji dan memahami murid. Dalam kajian ini, pemerhatian berstruktur dianalisis dengan melihat jumlah kesalahan ejaan perkataan kata kerja yang dilakukan oleh murid sepanjang empat sesi intervensi dari segi empat aspek kesalahan ejaan perkataan kata kerja. Berdasarkan Rajah 3, data menunjukkan bahawa murid bermasalah pendengaran Tahun 2 semakin kurang melakukan kesalahan ejaan perkataan kata kerja secara lisan iaitu dengan mengisyarat dari segi empat aspek tersebut.



Rajah 3. Perbezaan jumlah kesalahan ejaan perkataan kata kerja murid masalah pendengaran Tahun 2

Analisis Dokumen

Analisis dokumen telah dilakukan pada kertas ujian pencapaian 1, ujian pencapaian 2, ujian pencapaian 3 dan ujian pencapaian 4 murid bermasalah pendengaran Tahun 2. Dalam ujian pencapaian 1, murid

tersebut telah melakukan kesalahan ejaan secara bertulis dari aspek penggantian huruf dan pengguguran huruf. Dalam pencapaian 2 pula murid tersebut melakukan kesalahan ejaan perkataan kata kerja secara bertulis iaitu dari aspek pengguguran huruf. Manakala, dalam ujian pencapaian 3 yang telah diedarkan semasa sesi intervensi ketiga, murid tersebut juga telah melakukan kesalahan ejaan dari aspek pengguguran huruf iaitu 'kerja'. Namun, dalam ujian pencapaian 4 murid ini berjaya menjawab semua soalan ejaan dengan mengeja semua empat perkataan kata kerja dengan betul secara bertulis. Secara keseluruhannya, kesemua jumlah kesalahan dari empat aspek tersebut dalam lembaran kerja keempat adalah sifar. Ini jelas menunjukkan bahawa (i_K2)' telah berjaya membantu murid tersebut untuk mengeja perkataan kata kerja 'i_K2' secara bertulis dengan betul.

6.0 RUMUSAN KAJIAN

Hasil dapatan daripada instrumen kajian yang digunakan iaitu ujian, pemerhatian dan analisis dokumen telah membuktikan bahawa penggunaan 'i_K2' dalam kajian ini telah berjaya meningkatkan kemahiran mengeja perkataan kata kerja murid bermasalah pendengaran Tahun 2 secara berkesan. Dapatan kajian ini juga membuktikan bahawa kedua-dua objektif kajian yang ditetapkan telah berjaya dicapai melalui empat sesi intervensi yang telah dijalankan.

7.0 REFLEKSI

Pengkaji telah mengenal pasti beberapa kekuatan dan kelemahan semasa menjalankan kajian ini. Antara kekuatan yang telah dikenal pasti ialah pengkaji mendapat kerjasama yang amat baik dari semua pihak terutamanya pihak sekolah semasa menjalankan kajian ini. Pengkaji juga berjaya menyiapkan tugas ini mengikut masa yang telah ditetapkan walaupun mendapat pelbagai halangan dan cabaran. Permainan 'i_K2' juga menarik minat murid untuk belajar kata kerja kerana penerapan unsur Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK). Namun, kelemahan kajian ini ialah pengkaji hanya menguji keberkesanan permainan interaktif multimedia 'Isyarat Kata Kerja (i_K2)' terhadap seorang murid sahaja. Seterusnya, jumlah perkataan yang diuji juga hanya berfokuskan kepada 16 perkataan kata kerja sahaja. Kaedah pengumpulan data juga hanyalah tiga kaedah sahaja dan permainan ini juga boleh diaplikasikan kepada daripada kata kerja kepada golongan kata yang lain. Tempat yang kurang sesuai untuk bermain permainan ini iaitu di dalam kelas sedikit sebanyak mempengaruhi pelaksanaan tindakan.

8.0 CADANGAN KAJIAN SELANJUTNYA

Pada kajian yang seterusnya, pengkaji mencadangkan penambahbaikan bagi kesinambungan kajian ini. Antara cadangan yang boleh diberi perhatian ialah menambah bilangan murid kajian. Bukan itu sahaja, memperbanyakkan jumlah perkataan ejaan dan untuk kajian yang seterusnya, pengkaji akan menggunakan kaedah temu bual bagi mendapatkan maklumat yang menyeluruh tentang keberkesanan intervensi daripada perspektif pelbagai pihak. Pengkaji juga bercadang untuk melaksanakan permainan ini untuk mengajar kemahiran mengeja perkataan golongan kata yang lain. Antaranya kata nama, kata adjektif dan kata tugas. Akhir sekali, memandangkan produk inovasi yang dijalankan adalah berunsurkan TMK, pengkaji bercadang supaya permainan interaktif multimedia 'i_K2' ini dijalankan di makmal komputer.

RUJUKAN

- Aidah Alias. (2016). Penerokaan kesan pengajaran dan pembelajaran menggunakan visual imej dalam kalangan pelajar cacat pendengaran. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication* (1st ed.). Kuala Lumpur: USM.
- Kail, R. J. (2001). *Children and Development* (2nd ed.). Boston: Allyn & Bacon. Mizan Adiliah Ahmad Ibrahim. (2011). *Pengurusan perkhidmatan personaliti murid*. Shah Alam: Cerdik Publication.
- Nik Safiah Karim. (2006). *Tatabahasa dewan edisi baharu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

MENINGKATKAN KEMAHIRAN MENYUSUN RANTAI MAKANAN DALAM KALANGAN MURID KETIDAKUPAYAAN PENDENGARAN TAHUN 5 MENGGUNAKAN FOOD MAZE

MOHAMMAD BIN ABD RAHMAN
Jabatan Pendidikan Khas

Pensyarah Pembimbing
EN. MOHD SABRINORDIN BIN MOHD YUSOFF

ABSTRAK

Kajian ini dijalankan untuk meningkatkan kemahiran menyusun rantai makanan dalam kalangan murid ketidakupayaan pendengaran Tahun 5 dengan menggunakan *Food Maze*. Kajian ini dijalankan selama 4 minggu dan seorang murid Tahun 5 di SKPK di negeri Perak telah dipilih untuk kajian ini. Pelaksanaan pengumpulan data awal adalah melalui ujian diagnostik, analisis dokumen dan pemerhatian. Hasil daripada analisis pengumpulan data awal menunjukkan murid yang dipilih mempunyai kelemahan dalam menguasai kemahiran menyusun rantai makanan dan masalah fokus semasa mempelajari rantai makanan ini. Justeru, *Food Maze* telah digunakan bertujuan untuk membantu meningkatkan kemahiran menyusun rantai makanan dan fokus semasa menggunakannya di dalam kelas. Kajian ini menggunakan tiga jenis kaedah pengumpulan data iaitu ujian, analisis dokumen dan pemerhatian. Data-data telah dianalisis secara statistik deskriptif. Subjek kajian telah menunjukkan peningkatan sebanyak 72% untuk ujian Pra dan Pasca setelah intervensi dijalankan. Oleh itu, penggunaan *Food Maze* dapat meningkatkan penguasaan kemahiran menyusun rantai makanan dalam kalangan murid ketidakupayaan pendengaran. Cadangan penambahbaikan kajian ini pada masa akan datang adalah menekankan penggunaan elemen-elemen visual yang lebih realistik dalam penggunaan *Food Maze*.

Kata Kunci: Kemahiran menyusun rantai makanan, *Food Maze*, murid ketidakupayaan pendengaran

ABSTRACT

The research was conducted to increase the proficiency in arranging food chain in Year 5 students with hearing impairment using the *Food Maze*. A Year 5 student from a Hearing Impairments Primary School in Perak was chosen for the research and the intervention was conducted for 4 weeks. The initial data were collected using a diagnostic test, document analysis and observation to identify the arranging food chain skill by the student and lacking of focus during the lesson in the classroom. Based on the initial data collection, the subject showed significant weakness in food chain arranging skill. Hence, the *Food Maze* is aim to help in improving food chain arranging skill and lack of focus in the classroom. The data were collected using pre-post test, document analysis and observation and were analysed with descriptive statistic. The subject showed gradual improvement by 72% during pre-post test after the interventions. Therefore, the use of *Food Maze* can increase among student with hearing impairments can improve student's proficiency in food chain arranging skill. For future recommendation, researcher can include visuals that are more realistic when using *Food Maze*.

Keywords: Students with hearing impairments, *Food Maze*, food chain

Emel: muhammadabdrahman4@gmail.com

1.0 PENDAHULUAN

Mata pelajaran Sains adalah mata pelajaran teras yang diberikan penekanan dalam sistem pendidikan di Malaysia. Perkara ini turut merangkumi murid ketidakupayaan pendengaran. Penguasaan mata pelajaran Sains amat penting bermula di peringkat sekolah rendah lagi kerana mereka menggunakan kurikulum aliran perdana sebagai kurikulum pembelajaran. Namun begitu, ramai murid ketidakupayaan pendengaran lemah dalam kemahiran menyusun sesuatu objek atau hidupan yang diperlukan dalam pembelajaran sains. Kelemahan ini adalah disebabkan kekurangan input bahasa yang betul daripada persekitaran mereka yang menyebabkan kesukaran untuk mempelajari sesuatu kemahiran berbanding kanak-kanak normal (Sharmista Chakravarthy, 2013). Oleh itu, kajian ini telah memberi tumpuan kepada usaha untuk meningkatkan kemahiran menyusun bagi topik rantai makanan bagi murid ketidakupayaan pendengaran.

Pengkaji telah mengenal pasti bahawa murid ini mengalami masalah menyusun rantai makanan. Murid ini kelihatan malas dan pengkaji memaksa murid ini untuk terus fokus tetapi setelah diberi latihan ternyata murid ini tidak mampu menjawab walaupun satu soalan dengan betul. Hal ini memberi kesedaran kepada pengkaji bahawa murid ini mengalami kesukaran dalam memahami dan menguasai susunan rantai makanan.

2.0 FOKUS KAJIAN

Fokus utama kajian ini dijalankan adalah untuk meningkatkan kemahiran menyusun rantai makanan dalam kalangan murid ketidakupayaan pendengaran Tahun 5 dengan menggunakan *Food Maze*. Pengkaji telah menggunakan instrumen ujian diagnostik, analisis dokumen dan pemerhatian. Pemerhatian dilakukan secara berstruktur dan tidak berstruktur iaitu senarai semak dan rekod naratif. Berdasarkan tinjauan masalah, pengkaji dapat mengenalpasti beberapa isu yang berkaitan dengan masalah ini. Murid keliru dengan susunan rantai makanan bagi habitat.

1. Murid tidak dapat menyusun rantai makanan dengan betul.
2. Murid tidak fokus semasa sesi PdP.

3.0 OBJEKTIF KAJIAN DAN SOALAN KAJIAN

3.1 Objektif Umum

Meningkatkan kemahiran menyusun rantai makanan dalam kalangan murid ketidakupayaan pendengaran Tahun 5 menggunakan *Food Maze*.

3.2 Objektif Khusus

- 3.2.1 Meningkatkan kemahiran menyusun rantai makanan dengan menggunakan *Food Maze* dalam kalangan murid ketidakupayaan pendengaran Tahun 5.
- 3.2.2 Meningkatkan fokus murid ketidakupayaan pendengaran Tahun 5 dalam menyusun rantai makanan menggunakan *Food Maze*.

3.3 Persoalan Kajian

- 3.3.1 Adakah penggunaan *Food Maze* dapat meningkatkan kemahiran menyusun rantai makanan dalam kalangan murid ketidakupayaan pendengaran Tahun 5?
- 3.3.2 Adakah penggunaan *Food Maze* dapat meningkatkan fokus murid ketidakupayaan pendengaran Tahun 5 dalam menyusun rantai makanan?

4.0 KUMPULAN SASARAN

Peserta kajian adalah seorang murid Tahun 5 yang berumur 11 tahun (Murid A). Murid A ialah seorang murid lelaki berbangsa Melayu yang mempunyai ketidakupayaan pendengaran pada tahap 90 dB iaitu tahap yang sangat teruk dan hanya bergantung sepenuhnya kepada penggunaan Bahasa Isyarat sebagai medium untuk berkomunikasi. Murid A berasal daripada keluarga yang mempunyai sosioekonomi yang rendah. Murid A dipilih berdasarkan kelemahan dalam penguasaan kemahiran menyusun rantai makanan dalam mata pelajaran Sains yang ketara berbanding rakan-rakan kelasnya yang lain.

5.0 PELAKSANAAN KAJIAN

5.1 Kaedah Pengumpulan Data

Dalam kajian ini, saya memilih tiga instrumen untuk dijadikan alat mengumpul data yang diperlukan daripada subjek kajian:

- a) Ujian
- b) Pemerhatian (senarai semak dan rekod anekdot)
- c) Analisis dokumen

5.2 Analisis Tinjauan Awal


Jadual 1

Analisis Tinjauan Masalah

| Kaedah | Analisis Data |
|-------------------------------|--|
| Ujian Diagnostik | Subjek kajian masih lemah dalam menyusun rantai makanan. Murid keliru dengan susunan pengeluaran dan pengguna. |
| Pemerhatian (Senarai Semak) | Subjek kajian menunjukkan tingkah laku tidak fokus di dalam kelas semasa mempelajari rantai makanan. |
| Pemerhatian (Borang Anekdote) | Subjek kajian menunjukkan tingkah laku tidak fokus di dalam kelas semasa mempelajari rantai makanan. |
| Analisis Dokumen | Berdasarkan hasil tugasan kajian, didapati kerap melakukan kesilapan dalam menyusun rantai makanan. |

5.3 Tindakan Menangani Masalah

Model kajian tindakan yang telah digunakan ialah model Kurt Lewin (1946).



Rajah 1. Model Kurt Lewin yang diadaptasi mengikut kajian

Perancangan

Proses perancangan adalah proses pengkaji merancang intervensi yang sesuai dilakukan untuk mengatasi masalah yang telah dikenal pasti oleh pengkaji. Pengkaji merancang untuk menggunakan *Food Maze* bagi mengatasi kelemahan dalam kemahiran menyusun rantai makanan bagi murid. Penggunaan *Food Maze* ini juga dirangka bagi meningkatkan fokus murid semasa sesi intervensi dijalankan.

Tindakan

Pengkaji telah menjalankan tiga sesi intervensi dalam kajian ini dengan menggunakan *Food Maze*. Pengkaji telah menghasilkan Rancangan Pengajaran Harian (RPH) bagi ketiga-tiga sesi intervensi. Langkah-langkah pengajaran dalam sesi intervensi adalah sama bagi ketiga-tiga intervensi kecuali soalan-soalan yang diberi kepada Murid A adalah berbeza.

Pemerhatian

Pada peringkat pemerhatian, pengkaji melaksanakan proses pengumpulan data kajian. Tujuan pemerhatian dijalankan adalah untuk memerhati keadaan Murid A semasa intervensi dijalankan. Dalam proses pemerhatian, pengkaji mengumpul data dengan menggunakan ujian, pemerhatian dan analisis dokumen. Ujian ini merangkumi ujian pra dan ujian pasca serta ujian pencapaian. Pemerhatian yang dibuat pula adalah senarai semak dan borang anekdot.

Refleksi

Proses refleksi ialah proses yang dilakukan oleh pengkaji untuk mengenal pasti masalah atau isu yang ingin diberi tumpuan sebelum, semasa dan selepas intervensi dijalankan. Pengkaji dapat menilai kekuatan dan kelemahan serta cadangan penambahbaikan yang dapat dilakukan melalui proses refleksi yang telah dijalankan.

5.4 Keputusan Kajian

Kaedah ujian, kaedah pemerhatian serta analisis dokumen telah digunakan bagi menjawab persoalan kajian di atas

5.4.1 Ujian

i. Ujian Pra dan Pasca


Jadual 2 merupakan jadual keputusan ujian pra dan ujian pasca bagi Murid A. Rajah 2 pula menunjukkan graf keputusan ujian pra dan ujian pasca bagi Murid A.

Jadual 2

Keputusan Ujian Pra dan Ujian Pasca

| Bil | Perkara | Ujian Pra | Ujian Pasca |
|-----|----------------------|-----------|-------------|
| 1 | Markah Ujian | 3/18 | 16/18 |
| 2 | Peratusan Markah (%) | 17 | 89 |
| 3 | Gred Pencapaian | E | A |

Perbandingan keputusan ujian pra dan ujian pasca dapat dirumuskan dalam graf di bawah:



Rajah 2. Graf keputusan ujian pra dan ujian pasca

Berdasarkan keputusan yang telah dianalisis, Murid A mendapat markah yang rendah untuk Ujian Pra. Murid A hanya memperoleh markah sebanyak 3/18. Secara keseluruhannya, Murid A mendapat skor 17 % (gred E) bagi ujian Pra. Dalam ujian pasca pula, Murid A memperoleh markah sebanyak 16/18. Secara keseluruhannya, Murid A mendapat 89% (gred A). Peningkatan skor Murid A dibuktikan dengan peningkatan sebanyak 72% daripada perbandingan yang dilakukan dalam ujian pasca dan ujian pra.


ii. Ujian Pencapaian

Pada intervensi pertama, ujian pencapaian Murid A mendapat skor 67% (Gred B) manakala Murid A mendapat skor 67% (Gred B) pada intervensi yang kedua. Pada intervensi ketiga, Murid A mendapat markah penuh iaitu 100% (gred A). Jadual 3 menunjukkan keputusan ujian pencapaian 1, 2, dan 3 manakala Rajah 3 menunjukkan graf keputusan ujian pencapaian.

Jadual 3

Keputusan Ujian Pencapaian

| Ujian pencapaian | Jumlah | Peratus (%) | Gred |
|------------------|--------|-------------|------|
| 1 | 8/12 | 67 | B |
| 2 | 8/12 | 67 | B |
| 3 | 12/12 | 100 | A |



Rajah 3. Graf keputusan ujian pencapaian

5.4.2 Analisis Dokumen

Analisis dokumen telah dilakukan pada kertas ujian pencapaian. Hasil analisis dalam ujian pencapaian 1 menunjukkan Murid A tidak dapat menyusun dua hidupan rantai makanan dalam habitat di dalam hutan. Dalam ujian pencapaian 2, Murid A telah melakukan kesalahan dalam meletakkan hidupan dalam habitat di dalam kolam. Murid A telah menunjukkan peningkatan yang amat baik dalam ujian pencapaian 3 kerana dapat menyusun kesemua hidupan dalam rantai makanan dengan tepat.

5.4.3 Pemerhatian

i. Senarai Semak

Pengkaji telah melaksanakan pemerhatian berstruktur menjurus kepada fokus murid. Murid A menunjukkan peningkatan bagi fokus semasa mempelajari rantai makanan. Jadual 4 merupakan dapatan analisis perbandingan hasil pemerhatian melalui senarai semak sebelum dan selepas intervensi dilaksanakan.

Jadual 4

Perbandingan Senarai Semak Sebelum dan Selepas Intervensi

| Bil | Item | Sebelum | | Selepas | |
|--------------------------------------|--|---------|-------|---------|-------|
| | | Ya | Tidak | Ya | Tidak |
| Bahagian A: Penglibatan Murid | | | | | |
| 1 | Murid menumpukan perhatian sewaktu PdP. | | / | / | |
| 2 | Murid dapat melakukan aktiviti tanpa bimbingan guru. | | / | / | |
| 3 | Murid seronok mengikuti aktiviti yang dijalankan | | / | / | |
| 4 | Murid menunjukkan minat terhadap aktiviti menyusun rantai makanan. | | / | / | |
| 5 | Murid dapat menyusun rantai makanan tanpa bimbingan guru. | | / | / | |
| 6 | Murid dapat membina rantai makanan tanpa bimbingan guru. | | / | / | |
| 7 | Murid dapat menentukan hidupan dalam rantai makanan. | | / | / | |
| 8 | Murid dapat memberikan jawapan yang betul tanpa bimbingan guru. | | / | / | |

ii. Rekod Anekdote

Pengkaji telah merekod pemerhatian menggunakan borang anekdot yang dilakukan sebelum intervensi dan selepas intervensi yang dijalankan. Berdasarkan rekod anekdot yang dilakukan sebelum intervensi, Murid A menunjukkan tingkah laku tidak fokus sepanjang PdP. Walaupun begitu, setelah menggunakan *Food Maze* ini, terdapat perubahan yang ketara yang boleh dilihat sepertimana yang ditunjukkan pada

borang anekdot selepas intervensi. Murid A melibatkan diri secara aktif di dalam kelas dan memberikan tumpuan sepenuhnya di dalam kelas.

6.0 RUMUSAN KAJIAN

Secara keseluruhan, hasil dapatan menunjukkan bahawa penggunaan Food Maze telah meningkatkan kemahiran menyusun rantai makanan bagi Murid A dan fokus Murid A semasa mempelajari rantai makanan. Pernyataan ini disokong melalui peningkatan peratusan bagi ujian pra dan pasca serta ujian pencapaian. Hasil pemerhatian menunjukkan peningkatan fokus Murid A semasa mempelajari rantai makanan. Hasil analisis dokumen pula telah menunjukkan Murid A telah berjaya mengurangkan kesalahan dalam menyusun hidupan di dalam rantai makanan.

7.0 REFLEKSI

Kekuatan kajian ini adalah pengkaji telah dapat mencapai objektif yang telah ditetapkan. Penggunaan *Food Maze* yang melibatkan penggunaan deria visual telah menarik minat murid. Penggunaan *Food Maze* berasaskan permainan interaktif membantu murid lebih fokus semasa mempelajari rantai makanan.

Namun begitu, pengkaji juga mengenal pasti beberapa kelemahan dalam kajian ini iaitu dari aspek bilangan murid kajian dan aspek pengintegrasian visual di dalam *Food Maze*. Dari segi aspek bilangan murid kajian, pengkaji hanya menguji keberkesanan *Food Maze* terhadap seorang murid ketidakupayaan pendengaran Tahun 5 sahaja dalam kajian ini. Pengintegrasian elemen-elemen visual yang dilakukan pada *Food Maze* adalah secara ringkas dan mudah serta ianya tidak berbentuk realistik.

Cadangan penambahbaikan ialah pengkaji perlu menambah bilangan murid kajian, pengkaji berpendapat sekiranya kajian seterusnya hendak dijalankan bilangan murid perlu ditambah supaya dapatan kajian yang diperoleh mempunyai pelbagai variasi seperti graf, carta dan sebagainya. Melalui cara ini pengkaji dapat membuat perbandingan data yang lebih jitu dan meyakinkan. Selain itu, penggunaan aplikasi yang boleh memuat animasi berdasarkan gambar sebenar haiwan tersebut seperti penggunaan aplikasi *Pivot Animator*. Hal ini dapat membantu memberi kesan realistik terhadap rupa sebenar haiwan tersebut.

8.0 CADANGAN KAJIAN SELANJUTNYA

Antara cadangan kajian seterusnya adalah penggunaan *Food Maze* dalam mata pelajaran lain bagi penggunaan kemahiran yang sama. Penggunaan *Food Maze* ini boleh digunakan bagi mata pelajaran Sejarah, Bahasa Inggeris. Permainan interaktif ini juga boleh diinovasikan mengikut kesesuaian mata pelajaran.

RUJUKAN

- Sharmista Chakravarthy. (2013). Cognitive development in deaf children. *International journal of education*, 92-94.
- Kurt Lewin. (1946). Personal and Intellectual Influences Leading to Lewin's Paradigm of Action Research: Towards The 60th Anniversary of Lewin's 'Action Research and Minority Problems' (1946). *Sage Journals*, 1-46.

PENGGUNAAN BOWLING TRAFFIC LIGHT DALAM MENINGKATKAN KEMAHIRAN MEMBACA DALAM KALANGAN MURID MASALAH PENDENGARAN

NUR AMALINA BINTI MADZLAN
Jabatan Pendidikan Khas

Pensyarah Pembimbing
DR. RAMESH RAO A/L RAMANAIDU

ABSTRAK

Kajian tindakan ini bertujuan untuk meningkatkan kemahiran membaca perkataan dalam Bahasa Malaysia bagi murid masalah pendengaran. Kajian ini dilakukan setelah pengkaji mengenal pasti bahawa peserta kajian mengalami kesukaran dalam membaca perkataan KVKVKV dalam Bahasa Malaysia seperti 'kereta'. Bagi mengatasi masalah ini, pengkaji telah menggunakan kaedah *Bowling Traffic Light*. Seorang murid telah dipilih untuk kajian ini. Satu intervensi telah dilaksanakan bagi membantu meningkatkan kemahiran membaca perkataan KVKVKV peserta kajian. Alat pengumpulan data yang telah digunakan ialah ujian diagnostik, ujian pra dan pasca dan pemerhatian menggunakan borang senarai semak. Berdasarkan analisis dapatan kajian, menunjukkan berlakunya peningkatan dalam membaca perkataan KVKVKV. Oleh itu, dapatan kajian menunjukkan bahawa *Bowling Traffic Light* mampu untuk meningkatkan kemahiran membaca perkataan KVKVKV secara berisyarat dan bertulis bagi murid masalah pendengaran.

Kata Kunci: Bowling Traffic Light, perkataan KVKVKV, murid masalah pendengaran

ABSTRACT

The main purpose of this study is to improve the reading skills of Bahasa Malaysia among the students with hearing problem. While doing this study, researcher noticed that, participants faced difficulty in reading sentences that consist of KVKVKV structure in Bahasa Malaysia such as 'kereta'. To overcome this matter, researcher used the 'Bowling Traffic Light' technique. One student was recognised to be the subject for the research purpose. An intervention was carried out by the researcher to help the subject to increase the level of efficiency of reading Bahasa Malaysia words with KVKVKV structure. The researcher have used three methods of collecting data such as diagnostic test, pre-test and post-test and observation using the checklist. Findings showed that there is improvement in reading KVKVKV words. Therefore, findings showed that Bowling Traffic Light is able to improve the skill of reading KVKVKV words in both, signing and writing form for student with hearing problem.

Keywords : Bowling Traffic Light, KVKVKV words, hearing impairment students

Emel: inanur2811@gmail.com

1.0 PENGENALAN

Penggunaan inovasi dalam proses Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) adalah amat penting bagi guru. Inovasi dalam PdP merupakan suatu pembaharuan kreatif di mana kaedah baru digunakan bagi seseorang guru untuk memastikan pengajarannya tercapai (Yahya Buntat & Lailinanita Ahamad, 2012). Pada kebiasaannya, apabila seseorang guru melaksanakan PdP dalam kelas, pendekatan serta teknik pengajarannya adalah amalan biasa dan ini kurang memberikan impak positif terhadap pembelajaran murid. Kemahiran membaca pula merupakan kemahiran yang terdapat dalam Dokumen Standard Kurikulum Kebangsaan (DSKP) Bahasa Malaysia Tahun 1. Kemahiran membaca bermula daripada mengenal, mengecam dan menyebut huruf dan suku kata, membatangkan dan membaca perkataan, ayat, petikan ataupun karangan. Kegagalan murid menguasai perkataan KVKVKV ini akan menyekat penguasaan kemahiran membaca perkataan yang lebih mencabar. Menurut Siti Hajar Abdul Aziz (2009), kemahiran mendengar dan bertutur sudah mendahului kemahiran membaca dan menulis. Oleh demikian, murid masalah pendengaran akan mempunyai masalah membaca. Sehubungan dengan itu, penciptaan inovasi bahan bantu belajar (BBB) membaca amat digalakkan.

Refleksi Pengajaran dan Pembelajaran Lalu

Semasa praktikum fasa kedua, saya perlu menjalankan sesi PdP subjek Bahasa Malaysia bagi Tahun Pengukuhan. Antara standard kandungan yang dipilih ialah kemahiran membaca suku kata yang pelbagai seperti KVKV, KVKVKV dan sebagainya. Untuk mengenal pasti tahap kelemahan murid, bagi permulaan, saya telah mengajar perkataan KVKV pada tahap awal dan didapati murid telah menguasai suku kata tersebut. Selepas itu, pengajaran dilanjutkan pada tahap yang lebih tinggi iaitu perkataan KVKVKV. Perkataan KVKVKV yang tidak bertema telah digunakan. Murid didapati mengalami kesukaran dalam membaca suku kata KVKVKV dan apabila membaca telah berlaku pengguguran suku kata pada awalan, pertengahan dan akhir perkataan. Sebagai contoh, perkataan 're' digugurkan bagi perkataan 'kereta' dan menghasilkan perkataan 'kete'.

2.0 FOKUS KAJIAN

Saya mendapati peserta kajian mempunyai masalah dalam membaca perkataan KVKVKV di mana murid sering meninggalkan atau menggugurkan suku kata pada awalan, pertengahan dan akhir perkataan. Hal ini akan menyebabkan perkataan yang dibaca oleh murid tidak bermakna berdasarkan kad bergambar yang ditunjukkan. Untuk mengatasi masalah ini, saya telah memilih kaedah *Bowling Traffic Light* sebagai intervensi kepada masalah yang dialami oleh peserta kajian. *Bowling Traffic Light* merupakan salah satu bahan untuk PdP yang disediakan dalam bentuk digital iaitu perisian *Powerpoint*. Dalam perisian tersebut, ada 27 paparan slaid yang terbahagi kepada tiga bahagian iaitu nota, manual penggunaan dan latihan tubi. Dalam bahagian nota, penerangan mengenai susunan warna lampu isyarat di mana warna pertama (merah) melambangkan suku kata yang pertama dan gambar dan perkataan KVKVKV manakala bahagian manual penggunaan pula menunjukkan cara bermain permainan ini. Seterusnya, dalam bahagian latihan tubi, terdapat soalan mengenai perkataan KVKVKV yang diajar.

3.0 OBJEKTIF KAJIAN DAN SOALAN KAJIAN

Objektif Umum:

Meningkatkan kemahiran membaca perkataan KVKVKV dalam kalangan murid-murid masalah pendengaran Tahun Pengukuhan menggunakan "*Bowling Traffic Light*".

Objektif Khusus:

Murid masalah pendengaran Tahun Pengukuhan dapat:

1. Membedakan empat daripada enam perkataan KVKVKV dengan mengikut susunan yang betul menggunakan "*Bowling Traffic Light*".
2. Membaca empat daripada enam perkataan KVKVKV dengan betul dan lancar dengan menggunakan '*Bowling Traffic Light*'.

Persoalan Kajian

Antara persoalan kajian yang telah dibentuk adalah seperti yang berikut :

1. Adakah murid masalah pendengaran dapat membezakan empat daripada enam perkataan KVKVKV dengan mengikut susunan yang betul menggunakan '*Bowling Traffic Light*' ?
2. Adakah murid masalah pendengaran dapat membaca empat daripada enam perkataan KVKVKV dengan betul dan lancar dengan menggunakan '*Bowling Traffic Light*' ?

4.0 PESERTA KAJIAN

Kajian ini dijalankan dengan melibatkan seorang murid Tahun Pengukuhan sekolah pendidikan khas masalah pendengaran yang berbangsa Cina yang bersekolah di Sekolah Kebangsaan Pendidikan Khas yang bertempat di Melaka. Murid ini didapati telah memakai alat bantu dengar dan mempunyai tahap kehilangan pendengaran 80dB di telinga kanan dan 75dB di telinga kiri. Murid tersebut tergolong di dalam kategori bermasalah pendengaran tahap teruk.

5.0 PELAKSANAAN TINDAKAN

Pelaksanaan intervensi *Bowling Traffic Light* telah dijalankan sebanyak tiga kali yang ditunjukkan dalam jadual 5.1.

Jadual 5.1
Intervensi Bowling Traffic Light

| Sesi | Masa | Aktiviti |
|------|----------|--|
| 1 | 30 minit | <ol style="list-style-type: none">1. Dimulakan dengan memberi ujian pra bagi menguji pengetahuan sedia ada murid.2. Murid ditunjukkan BBB <i>Bowling Traffic Light</i> dimana ada tiga bahagian iaitu nota, manual penggunaan dan latihan tubi.3. Murid dibimbing oleh guru cara untuk mengendalikan permainan ini.4. Murid diberikan kuiz secara spontan oleh guru mengenai perkataan yang telah diajar. |
| 2 | 30 minit | <ol style="list-style-type: none">1. Murid ditunjukkan buat kali kedua BBB tersebut.2. Kali ini, murid bermain BBB itu dengan sendiri tanpa bantuan guru.3. Murid menjawab latihan tubi yang diberi dengan sendiri.4. Terakhir sekali, murid diberikan ujian pasca (Lampiran B) untuk menguji kefahaman murid mengenai perkataan KVKVKV yang telah diajar. |
| 3 | | <ol style="list-style-type: none">1. Ulang sesi kedua. |

Kaedah Pengumpulan Data Ujian Diagnostik

Ujian diagnostik bertujuan untuk mengenal pasti kelemahan murid dalam membaca yang ditunjukkan dalam jadual 5.2.

Jadual 5.2
Bentuk Soalan Ujian Diagnostik

| Bahagian | Bentuk Soalan |
|----------|--------------------------------------|
| A | Isi tempat kosong dengan huruf A - Z |
| B | Aktiviti padanan suku kata KVKV |
| C | Aktiviti padanan suku kata KVKVKV |

Ujian Pasca

Ujian pasca merupakan ujian yang diberikan kepada peserta kajian selepas diberikan intervensi yang ditunjukkan dalam jadual 5.3. Setiap bahagian mengandungi enam soalan dan soalan yang betul diberi satu markah.

Jadual 5.3
Bentuk Soalan Ujian Pasca

| Bahagian | Bentuk soalan |
|----------|--|
| A | Padankan gambar dengan perkataan yang betul. |
| B | Isi tempat kosong berdasarkan gambar dengan mengikut warna yang betul. |
| C | Lengkapkan tempat kosong dengan suku kata yang betul berdasarkan tiga warna. |

Pemerhatian

Pemerhatian dilakukan ke atas peserta kajian secara tidak berstruktur dari aspek tingkah laku peserta kajian semasa belajar menggunakan *Bowling Traffic Light*.

Cara Menganalisis Data

Ujian Diagnostik

Saya telah membuat analisis ujian diagnostik dengan menggunakan statistik deskriptif. Soalan yang dijawab membawa kepada satu markah dan dikira mengikut format pengiraan dalam rajah 5.1. Set ujian ini mengandungi 30 soalan dan markah akan diterjemahkan menjadi peratus dan dipersembahkan dalam jadual.

$$\frac{\text{Jumlah kesalahan yang diperolehi oleh murid}}{\text{Jumlah markah penuh setiap bahagian (\%)}} \times 100$$

Rajah 5.1. Format pengiraan peratus bagi setiap kesalahan dalam setiap set ujian

Ujian Pasca

Saya telah membuat analisis ujian pasca untuk mengetahui peningkatan murid dalam kemahiran membaca dengan menggunakan kaedah analisis deskriptif dimana memberi markah pada jawapan murid dengan merujuk kepada format pengiraan dalam rajah 5.2. Markah itu akan diterjemahkan menjadi peratus dan digredkan serta dipersembahkan dengan menggunakan graf atau jadual.

$$\frac{\text{Jumlah skor yang diperolehi oleh murid}}{\text{Jumlah markah penuh setiap bahagian (\%)}} \times 100$$

Rajah 5.2. Format pengiraan peratus bagi setiap skor dalam setiap set ujian

Pemerhatian

Saya menganalisis data pemerhatian dengan menggunakan statistik deskriptif melalui senarai semak pemerhatian. Semasa melaksanakan kajian, saya mengira jumlah tingkah laku membaca yang tepat dari aspek membaca dan mengingat susunan perkataan KVKVKV semasa dan selepas intervensi.

Cara Menyemak Data

Kaedah triangulasi data digunakan untuk mengesahkan kebolehpercayaan data.

6.0 DAPATAN KAJIAN

Ujian Diagnostik

Dapatan menunjukkan bahagian soalan yang mempunyai peratusan tertinggi telah dipilih untuk dilakukan intervensi. Perbezaan peratusan kesalahan telah ditunjukkan di dalam jadual 6.1. Peserta kajian memperoleh markah paling rendah dengan gred pencapaian E iaitu gagal dan dapat mengenal pasti kelemahan peserta kajian iaitu dalam bahagian C yang soalan berbentuk perkataan KVKVKV. Kesalahan sebanyak empat daripada enam soalan dengan peratus sebanyak (66.7).

Jadual 6.1

Markah Ujian Diagnostik Peserta Kajian

| Bahagian A | Bahagian B | Bahagian C | Peratus Keseluruhan (%) | Gred Pencapaian |
|--------------|------------|-------------|-------------------------|-----------------|
| 2/19 (10.5%) | 0/5 (0%) | 4/6 (66.7%) | 20 | E |

Ujian Pra dan Pasca

Peningkatan kemahiran membaca perkataan KVKVKV dilihat dalam jadual 6.2 yang menunjukkan perbandingan keputusan ujian pra dan pasca yang telah dianalisis dalam bentuk peratusan. Justeru itu, terserlah peningkatan iaitu daripada 56% (10/18) kepada 100% (18/18) sebanyak 44%.

Jadual 6.2

Perbandingan Keputusan Ujian Pra dan Ujian Pasca

| Ujian | Markah | Peratus | Peningkatan |
|-------|--------|---------|-------------|
| Pra | 10/18 | 56% | 44% |
| Pasca | 18/18 | 100% | |

Pemerhatian

Aspek yang diperhatikan ialah ketepatan membaca dan mengingat susunan suku kata KVKVKV dalam jadual 6.3 yang dilihat berlaku peningkatan.

Jadual 6.3
Aspek Membaca dan Mengingat Susunan Perkataan KVKVKV

| Bil. | Aktiviti | Sesi | | |
|------|--|------|---|---|
| | | 1 | 2 | 3 |
| 1. | Mengecam dan memadankan gambar dengan perkataan | 2 | 4 | 6 |
| 2. | Mengisi tempat kosong berdasarkan gambar mengikut warna | 6 | 6 | 6 |
| 3. | Melengkapkan tempat kosong dengan suku kata berdasarkan tiga warna | 2 | 4 | 6 |

7.0 REFLEKSI

Berdasarkan analisis dan interpretasi saya terhadap data yang diperolehi melalui ujian diagnostik, ujian pra dan pasca dan pemerhatian terbukti bahawa kebolehan peserta kajian membaca perkataan KVKVKV dengan betul dan tepat dilihat semakin meningkat. Tambahan lagi, dapatan yang diperolehi telah menyokong kajian pengkaji lepas yang telah mengkaji mengenai kemahiran membaca murid sekolah rendah yang terdiri daripada murid pemulihan. Justeru, kajian ini telah membuktikan bahawa penggunaan BBB seperti *Bowling Traffic Light* ini mampu untuk meningkatkan kemahiran membaca dalam subjek Bahasa Malaysia dengan mudah.

Rentetan itu, *Bowling Traffic Light* ini telah berjaya dalam menarik minat murid untuk membaca kerana penggunaan teknik dan elemen digital seperti animasi, pergerakan, gambar yang berwarna-warni serta muzik selingan. Ini berkaitan dengan pendapat oleh Felder dan Solomon (2013), yang mengatakan bahawa maklumat sebegini paling mudah diserap oleh kanak-kanak bermasalah pendengaran apabila mereka melihat sesuatu yang visual seperti gambar, video dan animasi bergerak. Ini bersesuaian dengan Baharom Mohamad (2011) yang menyeru agar guru peka terhadap perkembangan teknologi terkini agar dapat mempelbagaikan teknik pengajaran di sekolah.

8.0 CADANGAN KAJIAN SUSULAN

Bowling Traffic Light ini dapat membantu meningkatkan kemahiran membaca suku kata KVKVKV secara berkesan. Namun begitu, antara cadangan yang boleh disusulkan ialah memuatkan video ke dalam *Bowling Traffic Light* dan mempelbagaikan permainan serta memperbanyakkan kuiz di dalam BBB ini. Menurut model pemprosesan maklumat ingatan deria Gagne (1988), gambar atau video yang dimuatkan haruslah menggunakan gambar kebiasaan untuk murid lihat. Ini bertujuan untuk menguatkan daya ingatan mereka melalui deria penglihatan. Selain itu, penggunaan gambar atau video yang bergerak sebagai BBB juga amat bersesuaian diterapkan dalam *Bowling Traffic Light* ini kerana ia dapat meningkatkan minat murid untuk membaca dan memudahkan murid untuk memahami sesuatu konsep secara mendalam. Seterusnya, *Bowling Traffic Light* ini perlu ditambah baik lagi dari segi kuiz seperti mempelbagaikan bentuk soalan dan permainan. Soalan perlu ditambahkan agar murid sentiasa diberikan peluang untuk memantapkan pengetahuan mereka di mana aktiviti pengayaan dan pemulihan boleh diberikan. Ruang melayari laman sesawang yang berkaitan dengan isi pelajaran juga boleh diwujudkan agar murid mudah untuk mencari info yang berkaitan. Ini bertepatan dengan seruan Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) yang menjadikan 1BestariNet sebagai usaha mengubah platform pendidikan di Malaysia serta merapatkan jurang digital antara murid luar bandar dengan murid bandar dengan menyediakan pendidikan berteraskan internet yang berkualiti kepada semua rakyat Malaysia (Zurina Binti Hamid dan Sanitah Binti Mohd Yusof, 2014).

RUJUKAN

- Baharom Mohamad. (2011). Teknologi komunikasi dan maklumat dalam program Pendidikan Khas aliran teknik dan vokasional di Malaysia. *ATIKAN*, 41-58.
- Felder, & Solomon. (2013, Januari 25). Learning styles and strategies (Web log post). Retrieved from :<http://www4.ncsu.edu/unity/lockers/users/f/felder/public/ILSdir/styles.html>
- Gagne. (1988). *Essentials of learning for instruction* . Florida State: Pearson.
- Siti Hajar Abdul Aziz. (2009). *Bahasa Malaysia II*. Selangor: Oxford Fajar Sdn Bhd.
- Yahya Buntat, & Lailinanita Ahamad. (2012). Inovasi pengajaran dan pembelajaran dalam kalangan guru-Guru teknikal di sekolah menengah teknik dari perspektif guru. *Journal of Technical, Vocational & Engineering Education*, 44-58.
- Zurina Hamid, & Sanitah Mohd Yusof. (2014, November 11). Pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran menggunakan *Frog VLE* bagi mata pelajaran Bahasa Melayu di sekolah rendah. Kertas kerja dibentangkan di International Education Postgraduate seminar di UTM, Johor Bahru. pp.221-240.

PELAKSANAAN PENDEKATAN INKUIRI-PENEMUAN DALAM MATA PELAJARAN SAINS MURID KETIDAKUPAYAAN PENDENGARAN : SATU KAJIAN KES

NUR ATIKAH SYAMIMI BINTI ABDULLAH ZAWAWI
Jabatan Pendidikan Khas

Pensyarah Pembimbing
DR. MADINAH BINTI MOHD YUSOF

ABSTRAK

Pendekatan inkuiri-penemuan merupakan satu strategi pengajaran dan pembelajaran yang berpusatkan murid dan memerlukan murid terlibat secara aktif dalam aktiviti yang dilaksanakan oleh guru di dalam bilik darjah (Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2016). Kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengenal pasti strategi dan masalah guru mata pelajaran Sains dalam melaksanakan pendekatan inkuiri-penemuan terhadap murid ketidakupayaan pendengaran. Reka bentuk kajian adalah kajian kes. Pengkaji menggunakan kaedah temu bual dan pemerhatian sebagai instrumen kajian. Sampel kajian ini terdiri daripada tiga orang guru mata pelajaran Sains yang mengajar di Sekolah Pendidikan Khas sekitar Negeri Sembilan. Dapatan kajian yang diperolehi dianalisis secara kualitatif. Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa guru melaksanakan strategi pendekatan inkuiri-penemuan dengan menggunakan kaedah demonstrasi dan eksperimen yang menggalakkan penglibatan aktif murid-murid ketidakupayaan pendengaran semasa menjalankan penyiasatan dengan bimbingan guru. Guru melaksanakan pendekatan inkuiri-penemuan secara inkuiri terbimbing kepada murid ketidakupayaan pendengaran. Hasil dapatan kajian juga menunjukkan bahawa murid ketidakupayaan pendengaran lemah dalam menguasai bahasa menyebabkan mereka sukar untuk memahami konsep Sains. Implikasi daripada dapatan kajian ialah guru perlu sentiasa memberi bimbingan dan rangsangan kepada murid ketidakupayaan pendengaran agar murid dapat terlibat aktif dalam proses Pembelajaran dan Pemudahcaraan (PdPc) serta dapat meningkatkan inkuiri dalam diri. Pengkaji mencadangkan guru-guru pendidikan khas diberi pendedahan tentang Model Inkuiri Suchman dan Model Pembelajaran 5E agar mereka dapat mengaplikasikan pendekatan inkuiri-penemuan dengan berkesan di sekolah.

Kata Kunci : Pendekatan inkuiri-penemuan, murid ketidakupayaan pendengaran, guru Sains

ABSTRACT

Inquiry-discovery approach is a student-centered teaching and learning strategy and requires students to be actively involved in the activities performed by of teachers in the classroom (Curriculum Development Section, 2016). The main objective of this study is to identify the strategies and problems of Science subject teachers in implementing inquiry-findings approaches to students of hearing disabilities. The research design is a case study. The researcher used interviews and observation methods as research instruments. The sample of this study consists of three Science subject teachers who teach in Special Education School around Negeri Sembilan. The findings obtained were analyzed qualitatively. The findings show that teachers are implementing inquiry-approach strategy using demonstration and experimental methods that encourage the active involvement of students with hearing disabilities while carrying out investigations with teacher guidance. Teachers carry out an inquiry-finding approach by inquiry guided to the student's hearing disabilities. The findings also show that students with hearing disabilities are poor in language and it make them difficult to understand the concepts of Science. The implication of the findings is that teachers should always give guidance and stimulus to students in hearing disabilities. So that, students can be actively involved in the learning and facilitating process as well as increase their in-person inquiry. The researchers suggested that Special Education teachers be given exposure on the Suchman Inquiry Model and the 5E Learning Model, so they can apply the inquiry-findings approaches effectively in school.

Keywords : Inquiry-discovery approaches, students with hearing disabilities, Science teachers

Emel: nuratikahsyamimi96@gmail.com

1.0 PENGENALAN

Inkuiri bermaksud mencari maklumat, menyoal dan menyiasat sesuatu fenomena yang berlaku (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013). Manakala, penemuan pula didefinisikan sebagai perihal menemui atau menemukan sesuatu dengan sendiri (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2015). Tuntasnya, pendekatan inkuiri-penemuan merupakan satu strategi pengajaran dan pembelajaran berpusatkan murid yang memerlukan murid terlibat secara aktif dalam aktiviti yang dilaksanakan oleh guru di dalam bilik darjah (Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2016). Kaedah pengajaran yang boleh digunakan dalam pendekatan inkuiri-penemuan ialah eksperimen, projek, penerokaan dan pencarian maklumat, simulasi, penyelesaian masalah, penggunaan teknologi, lawatan dan penggunaan sumber luar (BPK, 2016). Tambahan pula, dalam proses melaksanakan pendekatan inkuiri-penemuan ini guru berperanan sebagai pemantau dan pembimbing murid dalam memperoleh sesuatu pengetahuan (Syahrudin Kamarudin, 2010). Menurut Sim (2008), guru yang mengajar mata pelajaran Sains perlu bertindak sebagai penyoal, pengemuka masalah atau sebagai perangsang dalam pembentukan idea, pengujian idea dan pembinaan konsep yang menggunakan soalan sebagai mekanisme untuk mencapai hasil pembelajaran.

2.0 PERNYATAAN MASALAH

Terdapat sebilangan guru di sekolah masih menggunakan strategi pengajaran tradisional iaitu *Chalk and Talk* (Sim, 2008). Strategi pengajaran tradisional ini merupakan satu kaedah pengajaran yang berpusatkan guru. Guru yang menggunakan strategi pengajaran tradisional ini hanya bergantung sepenuhnya kepada buku teks yang disediakan dan menyediakan latih tubi kepada murid tanpa memberi penerangan konsep yang kukuh (Sim, 2008). Selain itu, guru-guru di sekolah juga tidak mempunyai kemahiran dan pengetahuan untuk mengaplikasikan strategi pendekatan inkuiri-penemuan dalam PdPc (Sim, 2008). Justeru, idea pendekatan inkuiri-penemuan tersebut hanya dipraktikkan di atas buku kerja sahaja bukannya di dalam makmal Sains seperti yang disarankan (Nur Maslina Mastam, 2012). Bukan itu sahaja, sepanjang proses PdPc berlangsung di dalam bilik darjah guru jarang mengemukakan soalan yang boleh merangsang pemikiran murid dan tidak mengintegrasikan KBAT dalam pengajaran (Nur Maslina Mastam, 2012). Malah, terdapat beberapa orang guru beranggapan bahawa peranan fasilitator hanya membimbing murid dilihat seperti tidak bekerja dan sia-sia (Sim, 2008).

Kajian ini dapat dihubungkan dengan kajian yang dijalankan oleh Sim (2008) dan Thangavelo Marimuthu et. al (2001) menunjukkan bahawa guru-guru di sekolah kurang menggalakkan penglibatan murid secara aktif dalam bilik darjah serta kurang berkemahiran dalam teknik penyoalan berasaskan inkuiri dan fasilitator. Skop dan batasan kajian yang dilimitasikan oleh pengkaji hanyalah di dalam kawasan SKPK A sahaja. Limitasi bagi kajian ini juga ialah pengkaji tidak dapat membuat generalisasi hasil daripada dapatan kajian kerana sampel kajian tidak mewakili semua guru pendidikan khas yang terdapat dalam populasi tersebut (Syed Ismail Syed Mustapa, Ismail Raduan; & Bushro Ali, 2018).

3.0 OBJEKTIF DAN PERSOALAN KAJIAN

Kajian ini menetapkan dua objektif yang perlu dicapai iaitu :

1. Mengenal pasti strategi pelaksanaan pendekatan inkuiri-penemuan dalam proses PdPc guru mata pelajaran Sains terhadap murid ketidakupayaan pendengaran.
2. Mengenal pasti masalah-masalah yang dihadapi oleh guru pendidikan khas semasa melaksanakan PdPc mata pelajaran Sains menggunakan pendekatan inkuiri-penemuan kepada murid ketidakupayaan pendengaran.

Persoalan kajian yang perlu diperjelaskan dalam kajian ini adalah seperti yang berikut :

1. Apakah strategi pelaksanaan pendekatan inkuiri-penemuan yang dilaksanakan oleh guru pendidikan khas dalam proses PdPc mata pelajaran Sains murid masalah pendengaran ?
2. Apakah masalah-masalah yang dihadapi oleh guru pendidikan khas semasa melaksanakan PdPc mata pelajaran Sains menggunakan pendekatan inkuiri-penemuan kepada murid-murid masalah pendengaran

4.0 METODOLOGI KAJIAN

Reka bentuk kajian ini ialah kajian kes dan pengkaji menggunakan pendekatan kualitatif agar dapat mengkaji dengan lebih mendalam tentang apa yang dikaji. Pengkaji menggunakan pensampelan bertujuan dan tiga orang guru mata pelajaran Sains yang mengajar di sebuah Sekolah Pendidikan Khas sekitar Negeri Sembilan iaitu SKPK A telah dipilih sebagai sampel kajian. Instrumen kajian yang digunakan dalam kajian kes ini ialah protokol temu bual dan borang senarai semak. Kaedah temu bual dan kaedah pemerhatian digunakan dalam proses pengumpulan data. Kaedah temu bual yang digunakan oleh pengkaji ialah temu bual semi-berstruktur setelah memperoleh persetujuan daripada mereka. Kaedah temu bual dianalisis dengan cara menghasilkan transkripsi daripada protokol temu bual dan mengenal pasti tema yang terdapat dalam transkripsi. Kaedah pemerhatian pula dilaksanakan dengan cara pengkaji membuat pemerhatian terhadap strategi pengajaran guru di dalam bilik darjah menggunakan borang senarai semak sebanyak tiga kali bagi setiap peserta kajian. Borang senarai semak dianalisis dengan cara menyemak bilangan (/) dan (X) dan kemudiannya membentuk tema berdasarkan aspek yang terdapat dalam borang senarai semak. Pengkaji juga telah mendapatkan bantuan pakar iaitu penyelia kajian untuk membuat semakan terhadap protokol temu bual dan borang senarai semak yang telah dibina agar dapat meningkatkan kesahan dan kebolehpercayaan kajian.

5.0 DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Dapatan kajian yang diperolehi daripada kaedah temu bual dan pemerhatian melalui protokol temu bual dan borang senarai semak dihuraikan mengikut persoalan kajian yang telah dinyatakan dan dipersembahkan dalam Jadual 1 dan Jadual 2.

Jadual 1
Tema, Sub Tema dan Kod bagi Kajian Kes

| Bil | Tema | Sub Tema | Kod |
|-----|------------------------------|--|----------------|
| 1. | Penggunaan Kaedah Pengajaran | Demonstrasi Eksperimen | KP/D KP/E |
| 2. | Penglibatan Murid | Menjalankan penyiasatan | PM/MP |
| 3. | Pengumpulan Data | Pemerhatian | PD/P |
| 4. | Membuat Kesimpulan | Rangsangan daripada Guru Bimbingan Guru | PD/RG MK/BG |
| 5. | Masalah dalam PdPc | Faktor Murid Sumber PdPc | M/FM M/S |

Jadual 2
Kekerapan Peserta kajian Menggunakan Pendekatan Inkuiri-Penemuan

| Bil | Perkara | Kekerapan | | |
|-----|--|-----------|--------|--------|
| | | Guru A | Guru B | Guru C |
| 1. | Kaedah Pengajaran Guru menunjukkan demonstrasi aktiviti PdPc yang dirancang kepada murid-murid. | 3 | 3 | 3 |
| 2. | Guru menggunakan kaedah eksperimen dalam proses PdPc mata pelajaran Sains. | 2 | 2 | 3 |
| 3. | Penglibatan Murid Murid menjalankan penyiasatan dengan bimbingan guru | 2 | 3 | 3 |
| 4. | Pengumpulan Data Murid membuat pemerhatian terhadap aktiviti yang dijalankan. | 3 | 3 | 3 |
| 5. | Murid bertanyakan soalan kepada guru. | 0 | 0 | 0 |
| 6. | Murid menjawab soalan yang ditanya oleh guru. | 3 | 3 | 3 |
| 7. | Membuat Kesimpulan Murid membuat kesimpulan terhadap aktiviti yang dijalankan dengan bimbingan guru. | 3 | 3 | 1 |
| | Masalah dalam PdPc | | | |

| | | | | |
|-----|---|---|---|---|
| 8. | Murid tidak dapat menjawab dan memahami soalan yang diberi. | 2 | 3 | 3 |
| 9. | Kemudahan infrastruktur kurang. | 0 | 1 | 2 |
| 10. | Kekurangan BBB untuk digunakan dalam bilik darjah. | 0 | 3 | 3 |

Strategi Pelaksanaan Pendekatan Inkuiri-Penemuan

Tema pertama ialah penggunaan kaedah pengajaran. Terdapat dua sub tema iaitu demonstrasi dan eksperimen. Dapatan temu bual bagi sub tema demonstrasi menunjukkan bahawa semua peserta kajian menggunakan demonstrasi dalam proses PdPc.

“Mula-mula, kita demolah dekat dia orang. Lepas kita demo, dia akan buat sendiri bergantung kepada eksperimen tu ...” (Guru C)

Bagi dapatan pemerhatian pula menunjukkan bahawa semua peserta kajian menunjukkan kekerapan tinggi. Rumusnya, inkuiri dapat ditingkatkan melalui pembelajaran secara visual. Dapatan ini disokong oleh Felder dan Solomon (2013) yang menyatakan bahawa melalui contoh gambar dan demonstrasi, murid ketidakupayaan pendengaran akan dapat belajar dengan lebih berkesan. Bagi sub tema eksperimen, dapatan temu bual menunjukkan semua peserta kajian menggalakkan penggunaan kaedah eksperimen dalam proses PdPc. Dapatan daripada pemerhatian pula menunjukkan kekerapan bagi Guru C adalah tinggi. Rumusnya, murid ketidakupayaan pendengaran dapat memperoleh pengalaman semasa menjalankan penyiasatan (Syahruzaman, 2010).

Tema kedua ialah penglibatan murid mempunyai satu sub tema menjalankan penyiasatan. Dapatan temu bual menunjukkan semua peserta kajian memberi bimbingan kepada murid semasa menjalankan penyiasatan. Dapatan pemerhatian pula menunjukkan kekerapan yang tinggi bagi Guru B dan Guru C. Rumusnya, guru perlu memainkan peranan sebagai fasilitator yang baik agar dapat memberi bimbingan kepada murid. Tema ketiga ialah pengumpulan data yang mempunyai dua sub tema iaitu pemerhatian dan rangsangan daripada guru. Dapatan temu bual bagi sub tema pemerhatian menunjukkan semua peserta kajian bersetuju murid perlu melakukan pemerhatian. Dapatan pemerhatian pula menunjukkan kekerapan yang tinggi bagi semua peserta kajian. Rumusnya, murid ketidakupayaan pendengaran dapat memperoleh idea mengenai apa yang berlaku melalui pemerhatian (Osborne & Freyberg, 1985). Dapatan temu bual bagi sub tema kedua menunjukkan semua peserta kajian bersetuju bahawa murid memerlukan rangsangan daripada guru. Manakala, dapatan pemerhatian pula menunjukkan kekerapan yang tinggi bagi semua peserta kajian. Rumusnya, guru berperanan sebagai penanya soalan dan perangsang kepada murid untuk menjawab soalan (Sim, 2008).

Tema keempat ialah membuat kesimpulan mempunyai sub tema bimbingan guru. Dapatan temu bual menunjukkan semua peserta kajian berpendapat bahawa guru perlu memberi bimbingan untuk murid membuat kesimpulan. Manakala, dapatan pemerhatian pula menunjukkan kekerapan yang tinggi bagi semua peserta kajian. Rumusnya, guru memberi bimbingan kepada murid untuk membuat kesimpulan agar murid dapat membuat gambaran secara menyeluruh.

Masalah Guru dalam Melaksanakan Pendekatan Inkuiri-Penemuan

Dapatan kajian bagi masalah dalam PdPc adalah disebabkan faktor murid dan sumber PdPc. Dapatan temu bual bagi sub tema faktor murid menunjukkan semua peserta kajian berpendapat bahawa masalah murid menjadi punca utama ketidaklancaran proses PdPc.

“Murid tidak tahu membaca menyebabkan mereka kurang kefahaman tentang sesuatu konsep. Itu lah masalah utama dalam melaksanakan PdPc.” (Guru C)

Dapatan pemerhatian pula menunjukkan kekerapan yang tinggi bagi Guru B dan Guru C. Dapatan temu bual bagi sub tema kedua menunjukkan semua peserta kajian ada menggunakan carta, gambar, video dan frog VLE untuk melaksanakan proses PdPc. Manakala, dapatan pemerhatian menunjukkan kekerapan yang tinggi bagi semua peserta kajian. Rumusnya, guru tidak mempunyai masalah dari segi sumber PdPc.

6.0 KESIMPULAN, CADANGAN DAN IMPLIKASI

KESIMPULAN

Kesimpulannya, strategi pendekatan inkuiri-penemuan yang digunakan oleh peserta kajian terhadap murid ketidakupayaan pendengaran boleh dikategorikan sebagai inkuiri terbimbing. Hal ini demikian kerana guru-guru memainkan peranan sebagai fasilitator dan perangsang kepada murid untuk berfikir sekali gus meningkatkan inkuiri dalam kalangan murid-murid ketidakupayaan pendengaran. Murid-murid ketidakupayaan pendengaran digalakkan untuk terlibat aktif dalam aktiviti yang dilaksanakan agar mereka dapat menjalankan penyiasatan dengan bimbingan guru. Masalah yang dihadapi oleh guru dalam melaksanakan PdPc menggunakan pendekatan inkuiri-penemuan ialah murid mempunyai kemahiran kosa kata yang terhad dan menghadapi kesukaran untuk memahami konsep Sains.

CADANGAN

Kajian ini diharapkan dapat diperluaskan lagi kepada murid ketidakupayaan penglihatan dan pembelajaran dalam Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) juga Program Pendidikan Inklusif (PPI) agar dapat menerapkan pendekatan inkuiri-penemuan dalam kalangan mereka. Selain itu, pengkaji juga mencadangkan pihak sekolah mengadakan kursus atau program pelaksanaan pendekatan inkuiri-penemuan agar guru-guru dapat mengaplikasikannya dan memperoleh pendedahan tentang Model Inkuiri Suchman dan Model Pembelajaran 5E. Kajian ini diharapkan dapat dilanjutkan dengan menggunakan pendekatan kuantitatif dan reka bentuk kajian tinjauan serta memilih sampel yang lebih besar.

IMPLIKASI

Hasil dapatan kajian ini dapat memberi implikasi kepada guru sekolah dan murid ketidakupayaan pendengaran. Implikasi kajian ini terhadap guru ialah dapat melahirkan guru abad ke-21 yang boleh memainkan peranan sebagai fasilitator dan mewujudkan pembelajaran yang aktif dalam kalangan murid. Selain itu, guru juga dapat menambahbaik pengajaran mereka yang menggunakan pendekatan inkuiri-penemuan dengan berkesan. Implikasi kajian ini terhadap murid ketidakupayaan pendengaran pula ialah murid ketidakupayaan pendengaran dapat melibatkan diri secara aktif dalam melakukan penyiasatan serta dapat mewujudkan interaksi sosial antara guru dengan murid.

RUJUKAN

- Bahagian Pembangunan Kurikulum. (2016). *Panduan pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran berasaskan inkuiri*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Felder, R. M. and Solomon, B. A. (2013). *Learning styles and strategies*. Retrieved December 9, 2013, from <http://www4.ncsu.edu/unity/lockers/users/f/felder/public/ILSdir/styles.html>
- Kamus Dewan Edisi Empat*. (2015). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2013). *Dokumen Standard Kurikulum Pentaksiran Sains Tahun 4*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Lebedeff, T. B. (2010). *The value of visual literacy practices in the education of deaf students: The experience of deaf teachers*. Retrieved December 9, 2013, from <http://www.interdisciplinary.net/ci/vl/vl2/lebedeff>
- Nur Maslina Mastam. (2012). *Kefahaman Pelajar Bermasalah Pendengaran Terhadap Konsep Sains Jirim*. (Tesis Sarjana Pendidikan Kimia yang tidak diterbitkan). Universiti Teknologi Malaysia. Kuala Lumpur.
- Osborne, R. & Freyberg, P. (1985). *Learning in science: The Implications of children's science*. Portsmouth, NH: Heinemann.
- Sim, S. L. (2008). *Amalan dan masalah pelaksanaan pendekatan inkuiri-penemuan dalam pengajaran Sains di kalangan guru pelatih UTM semasa latihan mengajar di negeri Johor*. (Tesis Ijazah Sarjana Muda Sains yang tidak diterbitkan). Universiti Teknologi Malaysia, Johor.

- Syahruzaman Kamarudin. (2010). *Perlaksanaan dan penguasaan pendekatan inkuiri di Sekolah Berasrama Penuh (SBP)*. (Tesis Ijazah Sarjana Muda Sains tidak diterbitkan). Universiti Teknologi Malaysia, Kuala Lumpur.
- Syed Ismail Syed Mustapa, Ismail Raduan, & Bushro Ali. (2018). *Penyelidikan dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur: Oxford Fajar Sdn.Bhd.
- Thangavelo Marimuthu., Azman Jusoh., & Rodziah Ismail. (2001). *Amalan dan masalah pelaksanaan strategi inkuiri-penemuan di kalangan guru pelatih Sains semasa praktikum:satu kajian kes*. (Tesis Ijazah Sarjana Muda yang tidak diterbitkan). Maktab Perguruan Sultan Abdul Halim, Sungai Petan, Kedah.

TINJAUAN TERHADAP TAHAP KEPIMPINAN DALAM KALANGAN JAWATANKUASA PERWAKILAN PELAJAR INSTITUT PENDIDIKAN GURU

NUR KHADIJAH BINTI MAHDAR
Jabatan Pendidikan Khas

Pensyarah Pembimbing
DR. RAMESH RAO A/L RAMANAIDU

ABSTRAK

Kepimpinan merupakan aspek yang penting dalam membentuk sesuatu organisasi Bagi mencapai matlamat, misi, visi dan objektif sesebuah organisasi. Menurut Danielson (2007), beliau mengatakan bahawa terdapat beberapa nilai dan ciri-ciri yang menjadikan siswa guru sebagai pemimpin guru. Di Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas (IPGKIK), terdapat badan organisasi yang dikenali sebagai Jawatankuasa Perwakilan Pelajar (JPP). Badan organisasi ini adalah pemimpin pelajar yang akan menjalankan aktiviti di kampus, menyelesaikan masalah pelajar dan sebagainya. Kajian ini dijalankan untuk mengkaji tahap kepimpinan siswa guru dalam kalangan JPP IPGKIK. Sampel kajian ini adalah 31 orang siswa guru ahli Jawatankuasa. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif dengan menggunakan instrumen soal selidik yang mengandungi empat konstruk dan enam item bagi setiap konstruk, dengan skala likert 5. Kajian mendapati bahawa secara keseluruhannya kemahiran membuat perancangan berada pada sederhana rendah iaitu dengan catatan min 2.29. Dapatan kajian menunjukkan bahawa aspek kemahiran pelaksanaan aktiviti berada pada tahap sederhana rendah dengan catatan min 2.29. Di samping itu, kajian menunjukkan bahawa dalam aspek keberkesanan aktiviti juga berada pada tahap sederhana rendah iaitu dengan catatan min 2.65. Dapatan kajian menunjukkan bahawa kemahiran menyelesaikan masalah berada tahap sederhana rendah iaitu dengan catatan min 2.03. Faktor yang menjadi dorongan ahli menjadi pemimpin yang berkualiti ialah semangat sepasukan dengan catatan 45.2 peratus. Dicadangkan ahli yang bakal memegang jawatan dalam JPP diberikan pendedahan melalui kursus.

Kata Kunci: Kepimpinan, siswa guru dan kemahiran menyelesaikan masalah

ABSTRACT

Leadership is an important aspect in shaping an organization to achieve its goals, mission, vision and objectives. According to Danielson (2007), there are some values and characteristics that makes a teacher trainee a teacher leader. At Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas, there is an organization body known as the Student Representative Committee ("JPP"). This organization body consists of student leaders who will conduct campus activities, solve students' problems and many more. This study was conducted to examine the extent of leadership among teacher trainees from the Student Representative Committee of the Teachers Training Institute of the Special Education Campus. The sample of this study are 31 teacher trainees who were the committee members. This study adopts a quantitative approach using questionnaires containing four constructs and six items for each construct, with Likert scale 5. The study found that overall planning skills were moderate to low at 2.29 mean. The findings also showed that the implementation skills for activities are at moderate level with a mean of 2.29. In addition, the study presented that activity effectiveness is also at a moderate level with a mean of 2.65. Furthermore, the findings also revealed that problem solving skills were below average with a mean of 2.03. The factor that motivates members to become great leaders is team spirit with a record of 45.2 percent. It is proposed that prospective teachers who hold positions in JPP are given exposure through the course.

Keywords: Leadership, teacher trainees and problem-solving skills

Emel: nurkhadijahpenang@gmail.com

1.0 PENGENALAN

Pemimpin merupakan individu yang boleh memberi pengaruh kepada individu yang lain di dalam suatu pertubuhan. Sesuatu yang menarik dalam kepimpinan adalah kewujudan pemimpin yang berada dalam organisasi yang mempunyai struktur yang tersendiri dengan mewujudkan hubungan pemimpin dan pengikut bagi mencapai kecemerlangan. Pencapaian yang cemerlang dalam sesuatu organisasi memerlukan langkah-langkah atau aktiviti-aktiviti yang di rancang oleh pemimpin bagi mendorong pengikutnya meningkat tekad dan keazaman ke arah kecemerlangan organisasi tersebut.

Di Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas (IPGKIK), terdapat satu badan organisasi yang dikenali sebagai Jawatankuasa Perwakilan Pelajar (JPP). Sejumlah 27 jawatan dipertandingkan pada setiap tahun bagi memenuhi kerusi bertanding. Melalui organisasi itu, siswa guru dilatih dan didedahkan untuk mengendalikan program Institut Pendidikan Guru (IPG), menjadi suara dan wakil kepada siswa guru yang lain. Secara keseluruhan, mereka ini dilatih untuk menjadi pemimpin yang dedikasi dan bersedia untuk menghadapi pelbagai cabaran yang datang. JPP merupakan satu platform bagi siswa guru menyahut cabaran untuk memiliki sifat kepimpinan yang mereka boleh praktikkan semasa di IPGKIK satu hari nanti.

2.0 PERNYATAAN MASALAH

Dalam menangani masalah kepimpinan, kebanyakan negara ASEAN termasuk Malaysia menstrukturkan semula kepimpinan di institusi pendidikan mereka dalam menempuh persaingan di peringkat global (Chang, 2012). Di IPGKIK, sebuah badan organisasi dikenali sebagai JPP sering berdepan dengan isu-isu siswa guru berkaitan dengan harga makanan kafe, parkir kereta dan motor, pintu pagar kampus dan pintu pagar kolej kediaman, kes kecurian, dan banyak lagi. Sebagai seorang pemimpin pelajar, ahli JPP mesti bersedia berhadapan dengan perkara-perkara sebegini dan mengemukakan cadangan bagi mengatasi masalah ini.

Pada sesi 2017/2018, ahli JPP menang tanpa bertanding oleh kerana siswa guru yang bertanding pada ketika itu hanyalah 27 orang. Pilihanraya Kampus (PRK) hanya akan diadakan jika penyertaan JPP lebih daripada 27 orang. Ini menunjukkan sambutan penyertaan siswa guru IPGKIK pada sesi 2017/2018 tidak begitu memberangsangkan. Begitu juga dengan sesi 2018/2019, dimana barisan Ahli Majlis Mesyuarat menang tanpa bertanding dengan bilangan 20 orang siswa guru.

Di kampus, terdapat juga siswa guru yang bersifat agresif dan sering menggunakan sosial media untuk menghentam para barisan JPP dengan mengatakan JPP kurang mendengar pendapat orang lain, tidak mengatasi masalah siswa guru dengan berhemah, dan sebagainya. Ini akan menyebabkan siswa guru kurang menghormati JPP sebagai seorang pemimpin siswa dan mereka tidak akan mendengar arahan dan bersifat tidak peduli.

Jika JPP tidak boleh mengatasi masalah ini, maka kepimpinan pelajar tidak berjaya dan tidak berkualiti kerana menurut Sinek (2017), pemimpin yang hebat adalah pemimpin yang boleh mempengaruhi orang lain. Jadi, jika JPP sendiri tidak dapat melahirkan aspek kemahiran membuat perancangan, kemahiran menyelesaikan masalah, kemahiran pelaksanaan aktiviti, keberkesanan aktiviti yang dirancang dan dorongan, JPP tidak berjaya memimpin siswa guru di IPG Kampus Ilmu Khas.

3.0 OBJEKTIF DAN SOALAN KAJIAN

Kajian ini telah dijalankan menjurus dua objektif berikut :

1. mengenalpasti faktor dalam organisasi Jawatankuasa Perwakilan Pelajar (JPP) yang menjadi dorongan ahli untuk menjadi pemimpin yang berkualiti.
2. mengenalpasti tahap kepimpinan JPP dalam empat aspek :-
 - 2.1 Kemahiran membuat perancangan
 - 2.2 Kemahiran pelaksanaan aktiviti
 - 2.3 Kemahiran menyelesaikan masalah
 - 2.4 Keberkesanan aktiviti

Kajian ini menetapkan dua persoalan seperti berikut:

1. Apakah faktor dalam organisasi JPP yang menjadi dorongan ahli untuk menjadi pemimpin yang berkualiti?
2. Apakah tahap kepimpinan JPP dalam empat aspek :-
 - 2.1 Kemahiran membuat perancangan
 - 2.2 Kemahiran pelaksanaan aktiviti
 - 2.3 Kemahiran menyelesaikan masalah
 - 2.4 Keberkesanan aktiviti

4.0 METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian secara tinjauan. Instrumen soal selidik likert lima mata dan soalan berbentuk *open-ended* digunakan dalam soal selidik. Soalan selidik ini terdiri daripada lima item yang berkaitan dengan latar belakang responden. Item yang terdapat dalam bahagian ini ialah :

1. Jantina
2. Pengkhususan
3. Semester
4. Sesi berkhidmat dalam JPP
5. Pernah terlibat dalam JPP (Ya/Tidak)

Seterusnya, terdapat empat konstruk pada soal selidik ini, konstruk A ialah kemahiran membuat perancangan, konstruk B ialah kemahiran pelaksanaan aktiviti, konstruk C adalah keberkesanan aktiviti, dan konstruk D adalah kemahiran menyelesaikan. Satu item jenis terbuka (*open-ended questions*) juga diberikan untuk meninjau aspek lain yang mendorong responden untuk menjadi pemimpin yang berkualiti.

Soal selidik yang digunakan merupakan daripada kajian yang telah dilaksanakan bertajuk Kemahiran Kepimpinan Jawatankuasa Perwakilan Pelajar sesi 2015/2016, IPG Kampus Ilmu Khas, Kuala Lumpur oleh Syed Ismail Syed Mustapa, Ahmad Subki Miskon dan Noor Fitriyati Abdul Samad. (2016). Prosedur pengumpulan data dilaksanakan secara atas talian menggunakan platform *google form*. Perisian *Microsoft Excel 2016* digunakan untuk menganalisis dapatan yang dikumpul melalui soal selidik

5.0 DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Dapatan kajian telah dikumpul melalui borang soal selidik yang telah diberi kepada 31 orang responden melalui atas talian dan telah dianalisis dengan menggunakan perisian *Microsoft Excel 2016* dengan menggunakan statistik diskriptif iaitu frekuensi, min dan juga peratus. Dapatan yang telah dianalisis dipersembahkan melalui jadual mengikuti empat konstruk yang berbeza.

Jadual 5.1
Bilangan Ahli Peserta Kajian.

| Sesi Berkhidmat | JPP sesi 2015/2016 | JPP sesi 2016/2017 | JPP sesi 2017/2018 | JPP sesi 2018/2019 | Jumlah |
|------------------------------|--------------------|--------------------|--------------------|--------------------|--------|
| Bilangan ahli peserta kajian | 2 | 5 | 13 | 11 | 31 |

Jadual 5.2
Peratusan Faktor yang Mendorong Ahli JPP untuk Menjadi Pemimpin yang Berkualiti.

| Bil. | Faktor | Peratusan |
|------|---|-----------|
| 1. | Semangat sepasukan | 45.2% |
| 2. | Keupayaan untuk merancang dan mencapai matlamat | 6.5% |
| 3. | Keupayaan untuk berkomunikasi dengan baik | 29.0% |
| 4. | Keupayaan untuk membimbing orang lain | 12.9% |
| 5. | Bijak dalam membuat keputusan | 6.5% |

Berdasarkan jadual 5.2, jelas menunjukkan bahawa semangat sepasukan merupakan faktor utama yang mendorong ahli JPP untuk menjadi pemimpin yang berkualiti. Menurut Hean dan Garret (2013), dengan adanya semangat kerjasama dalam sebuah organisasi, organisasi tersebut akan mampu mencapai matlamat-matlamat yang hendak dicapai.

Jadual 5.3
Min dan Tahap Bagi Setiap Konstruk.

| Bil. | Konstruk | Min | Tahap |
|------|---------------------------------|------|------------------|
| 1. | Kemahiran membuat perancangan | 2.29 | Sederhana rendah |
| 2. | Kemahiran pelaksanaan aktiviti | 2.29 | Sederhana rendah |
| 3. | Kemahiran menyelesaikan masalah | 2.03 | Sederhana rendah |
| 4. | Keberkesanan aktiviti | 2.65 | Sederhana rendah |

Berdasarkan Jadual 5.3, kesemua konstruk berada pada min 3.00 ke bawah dan kesemuanya hanya pada tahap sederhana rendah. Ini menunjukkan bahawa tahap kepimpinan 31 orang ahli JPP yang ditinjau hanya pada tahap sederhana rendah bagi keempat-empat konstruk iaitu kemahiran membuat perancangan, kemahiran pelaksanaan aktiviti, kemahiran menyelesaikan masalah dan juga keberkesanan aktiviti.

6.0 CADANGAN DAN IMPLIKASI

6.1 CADANGAN

Siswa guru JPP dicadangkan untuk diberi pendedahan melalui kursus yang berkaitan kepimpinan seperti *team building*. Kursus sebegini penting bagi memantapkan lagi daya keyakinan seseorang, kemahiran-kemahiran yang perlu ditumpukan sebagai seorang pemimpin. Kursus Pengurusan Organisasi JPP akan dilaksanakan pada setiap tahun oleh Jabatan Hal Ehwal Pelajar. Jadi, kursus sebegini boleh dilaksanakan sekurang-kurangnya tiga kali setahun bagi menjalankan sesi refleksi ahli JPP terhadap kepimpinan mereka. Mereka juga boleh melaporkan segala jenis aduan dan permasalahan di kampus bagi mengadakan sesi perbincangan bersama penasihat-penasihat JPP agar masalah dapat diatasi dengan lebih sistematik.

Sebuah kabinet bayangan JPP boleh dibuat sebelum JPP sesi akan datang dilantik. JPP yang sedia ada boleh memilih di kalangan siswa guru yang berpotensi untuk menggantikan tempat mereka pada sesi akan datang. Perkara ini akan melancarkan proses pemilihan ahli yang baru dan kualiti ahli juga lebih baik berbanding ahli JPP yang dipilih secara paksaan mahupun rawak. Menurut Farr (2015), kabinet bayangan ataupun dikenali sebagai *shadow cabinet* berfungsi sebagai satu sistem sokongan

juga dimana kita memilih seseorang bagi meyambung jawatan yang dipegang setelah pemimpin tersebut tidak lagi berada dalam sebuah organisasi. Ini kerana suatu kepercayaan akan diwujudkan terhadap kedua individu tersebut dan masing-masing akan sentiasa memberi semangat pada satu sama lain.

6.2 IMPLIKASI

Siswa guru yang berani menyahut cabaran untuk bertanding dalam JPP selama satu tahun sudah tentu mengetahui gerak geri menguruskan aktiviti, menyelesaikan masalah dan memimpin orang lain berbanding siswa kampus yang lain. Siswa guru akan lebih berkeyakinan dalam mengendalikan mesyuarat, bercakap di khalayak ramai, mengemukakan idea dan sebagainya. Menurut Khair Mohamad Yusof (2007), apabila kita mengambil jawatan dalam mana-mana organisasi tidak kira sekolah mahupun tempat kerja, kita akan berasa lebih berkeyakinan oleh kerana kita dapat menonjolkan lagi kebolehan kita dan boleh menjadi mentor kepada orang lain. Ternyata, siswa guru JPP merupakan contoh siswa di setiap IPG bagi menjalankan tugas yang diberi dan menjadi rujukan siswa guru yang lain.

Setiap IPG juga beruntung mempunyai badan organisasi yang membantu dalam pengurusan IPG, kebajikan siswa dan juga menjadi wakil siswa untuk mewakili seluruh siswa guru yang lain. IPGKIK khususnya giat dengan aktiviti dan program sukarelawan, program anjuran jabatan, program siswa guru dan sebagainya. Jadi, JPP yang akan bantu dalam mengendalikan aktiviti serta program di IPG. Apabila tenaga kerja yang ramai bekerjasama, sudah tentu aktiviti yang dijalankan akan lebih lancar dan sistematik. Darling-Hammond (2003) juga mengatakan bahawa kerja sepasukan mampu meningkatkan produktiviti dan kualiti kerja.

RUJUKAN

- Chang, P.K, Ahmad, F, Ibrahim, F, & Kho, S.N. (2012). Correlating Graduate Marketability Dimensions with the Measurements of University-Student Prosiding Persidangan Kebangsaan Pembangunan Holistik Pelajar (NAHSDEC) 2014 Relationship, Asian Social Science Journal. Dipetik oleh www.ccsenet.org/dass.
- Darling-Hammond, L. (2003). Keeping good teachers: Why it matters: What leaders can do. *Educational leadership*, 60(8), 6-13
- Farr, M. (2015). *The shadow cabinet*. History and Policy. Dipetik oleh <http://www.historyandpolicy.org/opinion-articles/articles/the-shadow-cabinet>
- Hean, S. & Garret, R. (2013). Sources of job satisfaction in science secondary school teachers in Chile. *A journal of comparative education*, 31(3), 363-379.
- Khair Mohamad Yusof (2007). *Latihan berorientasikan pertumbuhan untuk pemimpin pendidikan*.Genting Highlands: Institut Aminuddin Baki.
- Simon Sinek. (2017). Leaders eat last: Why some teams pull together and others don't.
- Syed Ismail Syed Mustapa, Ahmad Subki Miskon, & Noor Fitriyati Abdul Samad.pre (2016).Kemahiran Kepimpinan Jawatankuasa Perwakilan Pelajar sesi 2015/2016, IPG Kampus Ilmu Khas, Kuala Lumpur. *Penerbitan Jurnal Pendidikan Serantau*, 818-827

**MENINJAU PERSPEKTIF GURU TERHADAP PENGGUNAAN BAHAN BERBANTUKAN
KOMPUTER DALAM PEMBELAJARAN DAN PEMUDAHCARAAN (PDPC) MURID PENDIDIKAN
KHAS MASALAH PENDENGARAN PERINGKAT SEKOLAH RENDAH**

NUR SYAZANI IZZATI BINTI SALIMI
Jabatan Pendidikan Khas

Pensyarah Pembimbing
CIK. BESIRA BIBI BINTI MOHD. ALI

ABSTRAK

Penggunaan bahan berasaskan komputer memainkan peranan yang sangat penting dalam memberikan pendidikan yang boleh memenuhi keperluan murid-murid berkeperluan khas masalah pendengaran. Keberkesanan penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi (TMK) dalam pengajaran dan pembelajaran oleh Shau (2008) menunjukkan bahawa kemahiran, guru yang sederhana terhadap TMK dan kemudahan kurang lengkap mempengaruhi murid. Kajian ini dijalankan bertujuan untuk meninjau perspektif guru terhadap penggunaan bahan berbantuan komputer dalam pembelajaran dan pemudahcaraan bagi murid-murid pendidikan khas masalah pendengaran berdasarkan kepada kesediaan guru serta cabaran yang dihadapi oleh guru. Reka bentuk kajian adalah kajian tinjauan yang dijalankan melalui edaran soal selidik terhadap 30 orang guru pendidikan khas masalah pendengaran dari sekolah pendidikan khas di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap kesediaan guru pendidikan khas terhadap penggunaan bahan bantu komputer adalah pada tahap sederhana rendah di mana masih terdapat tujuh orang (23.3%) guru yang tidak mahir menggunakan bahan bantu komputer dan 86.7% mengalami cabaran dalam penggunaan bahan tersebut seperti menghadapi masalah teknikal di sekolah, manakala 60.0% menyatakan mereka mempunyai banyak beban tugas lain. Implikasi daripada dapatan kajian ialah guru perlu mencuba meningkatkan kemahiran dan kesediaan menggunakan bahan bantu komputer. Kajian ini hanya menumpukan kepada guru-guru pendidikan khas masalah pendengaran peringkat sekolah rendah di sekitar Wilayah Kuala Lumpur. Adalah dicadangkan bahawa guru-guru pendidikan khas masalah pendengaran diberikan kursus khas berkaitan komputer dan kerajaan membekalkan kemudahan komputer yang mencukupi.

Kata Kunci : Bahan berbantuan komputer, murid bermasalah pendengaran, guru

ABSTRACT

The use of computer-based materials plays a very important role in delivering education that could meet the requirements of hearing impaired students. The effectiveness of information and communications technology (ICT) in teaching and learning by Shau (2008) indicates that the teacher's moderate mastery of the ICT skills and insufficient facilities affect the students. This study aims to review the teachers' perspective towards the use of the computer in learning and facilitating the hearing impaired students based on the teachers' preparedness and challenges. The design of this study is a survey that has been distributed to 30 teachers who teach hearing impaired students from different special education schools in Kuala Lumpur. Study shows that the special education teachers's level on the use of the computer is low where there are still 23.3% teachers who are not good at using computer-based materials and 86.7% are experiencing a challenge like having technical problems in school, whereas 60.0% states they have many other things to work on. The implications of these findings are that teachers need to improve their skills and preparedness in using computer-based aids in their lessons. This study focuses on the special education teachers from hearing impaired division around Kuala Lumpur. Thus, suggesting that the special educational teachers to be trained with technology tools and prepare them for integrating computer technology in the classroom.

Keywords : Computer-based materials, hearing impaired students, teachers

Emel: sya.syazani@gmail.com

1.0 PENGENALAN

Penggunaan komputer dalam pengajaran dapat meningkatkan akses guru dan murid kepada proses pengajaran (Hatini Mustafa, 2009). Pengajaran menggunakan multimedia dipercayai mampu merangsang pembelajaran dan meningkatkan tahap pencapaian akademik murid dengan memenuhi keperluan pendidikan murid-murid masalah pendengaran untuk mudah memahami pembelajaran melalui penyajian pemahaman secara visual dan memberi peluang kepada mereka untuk terlibat secara interaktif seiring murid tipikal.

Faktor-faktor yang mempengaruhi penggunaan bahan berbantuan komputer dalam kalangan guru boleh dibahagikan kepada institusi, sumber dan guru itu sendiri. Perspektif guru, keyakinan guru dan sokongan pihak sekolah terhadap penggunaan bahan bantu komputer mempengaruhi penggunaan bahan tersebut dalam PdPc murid pendidikan khas masalah pendengaran dari segi tahap kesediaan dan cabaran yang dihadapi.

2.0 PERNYATAAN MASALAH

Keselesaan guru dengan kaedah pengajaran tradisional menjadi punca murid lemah akademik atau kurang bermotivasi terhadap pelajaran yang dikendalikan secara tradisional (Zaidatol Akmaliah, 2005). Strategi pengajaran tradisional tidak bersesuaian dengan murid pendidikan khas yang lebih memerlukan PdPc yang interaktif dan aktif kerana mereka lebih bergantung kepada visual.

Perkara yang mendorong kajian ini dijalankan adalah sikap pasif guru seperti keselesaan guru menggunakan pengajaran tradisional yang menyebabkan pembelajaran kurang efektif dan kurang menarik. Melalui kajian ini juga, pengkaji akan mendapatkan maklumat berkaitan dengan perspektif guru pendidikan khas masalah pendengaran terhadap penggunaan bahan berbantuan komputer dalam PdPc dari aspek tahap kesediaan serta cabaran yang dihadapi. Faktor guru kurang keyakinan untuk mempelajari kemahiran komputer yang dianggap tinggi serta beban yang dipikul oleh mereka di sekolah mungkin mempengaruhi tahap kesediaan guru dan cabaran yang dihadapi dalam menggunakan bahan tersebut. Bilangan waktu mengajar yang banyak menyebabkan guru sukar untuk membuat persediaan mengajar menggunakan bahan berbantuan komputer. Seterusnya, kajian ini juga dijalankan kerana kurangnya kajian yang meninjau mengenai tahap kesediaan serta cabaran-cabaran yang dihadapi oleh guru masalah pendengaran dalam menggunakan bahan berbantuan komputer.

3.0 OBJEKTIF DAN PERSOALAN KAJIAN

Kajian ini menetapkan dua objektif iaitu :

1. Mengenalpasti tahap kesediaan guru terhadap penggunaan bahan berbantuan komputer dalam pembelajaran dan pemudahcaraan.
2. Mengenalpasti cabaran yang dihadapi guru pendidikan khas masalah pendengaran dalam penggunaan bahan berbantuan komputer dalam pembelajaran dan pemudahcaraan.

Kajian ini menetapkan dua persoalan seperti berikut :

1. Apakah tahap kesediaan guru terhadap penggunaan bahan berbantuan komputer dalam pembelajaran dan pemudahcaraan?
2. Apakah cabaran yang dihadapi guru pendidikan khas masalah pendengaran dalam penggunaan bahan berbantuan komputer dalam pembelajaran dan pemudahcaraan?

4.0 METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan reka bentuk tinjauan melalui edaran borang soal selidik dengan skala likert empat mata kepada sampel kajian bermatlamat iaitu seramai 30 orang guru pendidikan khas masalah pendengaran dari dua buah sekolah di Kuala Lumpur. Populasi kajian ini adalah semua guru pendidikan khas yang mengajar murid pendidikan khas masalah pendengaran di sekolah pendidikan khas masalah pendengaran. Guru pendidikan khas masalah pendengaran dipilih kerana bertepatan dengan kehendak kajian.

Soal selidik diedarkan menggunakan Google Docs Form dan terdiri daripada tiga bahagian :

a) Bahagian demografi

Berkaitan jantina, umur dan sekolah yang diajar.

b) Tahap kesediaan guru terhadap penggunaan bahan berbantuan komputer dalam PdPc.

Soalan berkaitan kemahiran guru dan kekerapan penggunaan bahan bantu komputer.

c) Cabaran guru dalam penggunaan bahan berbantuan komputer dalam PdPc.

Berkaitan keyakinan guru, bebanan tugas yang dihadapi oleh guru, kelengkapan peralatan di sekolah serta pengetahuan dan kemampuan guru mengendalikan kelas menggunakan bahan berbantuan komputer.

Kebolehpercayaan dan kesahan soal selidik ini diuji melalui kajian rintis yang dijalankan kepada 10 orang guru pendidikan khas masalah pendengaran daripada sekolah pendidikan khas luar Kuala Lumpur. Data dianalisis secara deskriptif dalam bentuk min dan peratusan.

5.0 DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Dapatan kajian mendapati bahawa tahap kesediaan guru adalah sederhana dan cabaran yang dihadapi oleh guru pula adalah rendah seperti yang dinyatakan dalam Jadual 1.

Jadual 1

Taburan Min Konstruk B dan Konstruk C

| Konstruk | Min | Tahap |
|---------------------------|-------|-----------|
| B (Tahap Kesediaan) | 2.937 | Sederhana |
| C (Cabaran yang dihadapi) | 2.193 | Rendah |

Tahap kesediaan guru terhadap penggunaan bahan berbantuan komputer dalam PdPc.

Jadual 2

Taburan Min dan Peratus Item Konstruk B

| Bil. | Item | Min | Skala | | | |
|--------|--|-------|-------|-------|-------|-------|
| | | | STS | TS | S | SS |
| 4. | Saya juga menggunakan media sosial (Whatsapp, Instagram, Facebook dsb) dalam PdPc. | 2.667 | 6.7% | 33.3% | 46.7% | 13.3% |
| 6. | Saya merasakan penggunaan bahan berbantuan komputer memudahkan PdPc dalam kelas. | 3.167 | 3.3% | 3.3% | 66.7% | 26.7% |
| Jumlah | | 2.937 | | | | |

Dapatan menunjukkan bahawa tahap kesediaan guru terhadap penggunaan bahan bantu komputer dalam PdPc ialah sederhana. Majoriti responden merasakan penggunaan bahan bantu komputer memudahkan PdPc dalam kelas. Sarmasik, Serbetcioglu & Kut (2009) menyatakan bahawa bahan bantu komputer menyediakan persekitaran penglihatan interaktif dan memudahkan pembelajaran individu masalah pendengaran yang sukar.

Kebanyakan responden turut menggunakan media sosial dalam PdPc murid-murid bermasalah pendengaran seperti memanfaatkan aplikasi Facebook dan Whatsapp.

Cabaran guru dalam penggunaan bahan berbantuan komputer dalam PdPc.

Jadual 3

Taburan Min dan Peratus Item Konstruktif C

| Bil. | Item | Min | Skala | | | |
|--------|---|-------|-------|-------|-------|-------|
| | | | STS | TS | S | SS |
| 6. | Saya mempunyai banyak beban tugas lain. | 2.667 | 3.3% | 36.7% | 50.0% | 10.0% |
| 8. | Saya kurang dapat mengendalikan kawalan kelas dengan baik sekiranya menggunakan bahan berbantuan komputer | 1.767 | 33.3% | 56.7% | 10.0% | 0% |
| Jumlah | | 2.193 | | | | |

Secara keseluruhannya, cabaran yang dihadapi guru dalam menggunakan bahan bantu komputer adalah rendah. Majoriti mempunyai beban tugas lain seperti dalam kajian Norazilawati Abdullah, Noraini Mohamed Noh, Nik Azmah Nik Yusuff & Rosnidar Mansor (2013). Pembolehubah luaran iaitu tugas luar dan jadual waktu yang padat menyukarkan guru untuk melakukan persediaan awal dan mempengaruhi tingkah laku penggunaan bahan tersebut dalam PdPc.

Selain itu, segelintir guru kurang dapat mengendalikan kawalan kelas dengan baik sekiranya menggunakan bahan bantu komputer dalam PdPc. Hal ini demikian kerana guru perlu mengawal alatan teknologi di samping mengawal murid.

6.0 KESIMPULAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN

Hasil edaran soal selidik secara bermatlamat kepada 30 orang guru mendapati majoriti responden berumur antara 26 hingga 55 tahun dari kategori jantina perempuan iaitu 73.3 peratus.

Kesimpulan analisis tahap kesediaan guru terhadap penggunaan bahan bantu komputer adalah pada tahap sederhana. Dapatan ini adalah sama dengan dapatan kajian Maimun Aqsha Lubis, Wan Nurul Syuhada' Wan Hassan & Mohd Isa Hamzah (2017) yang juga menunjukkan tahap kesediaan guru Pendidikan Islam terhadap penggunaan komputer adalah pada tahap sederhana. Namun begitu, responden menunjukkan kesediaan positif mengenai penggunaan bahan berbantuan komputer dapat menarik minat murid-murid. Rata-rata responden merasakan murid mudah untuk memahami pengajaran menggunakan bahan berbantuan komputer. Siti Hajar Halili & Suguneswary (2016) telah melihat kepada persepsi guru dari segi kemudahan penggunaan TMK dan mendapati bahawa penggunaan TMK memudahkan proses pengajaran dan pembelajaran.

Cabaran guru terhadap penggunaan bahan bantu komputer dalam PdPc adalah rendah. Didapati bahawa kelengkapan peralatan komputer di sekolah tidak mencukupi dan mendorong kepada pengajaran tradisional. Kajian Yahya Othman & Dayang Rini Pakar (2011) menunjukkan bahawa kurangnya bahan TMK dan kepakaran yang dimiliki oleh guru-guru menyukarkan penyediaan bahan berbantuan komputer. Selain itu, terdapat beberapa masalah teknikal seperti capaian internet yang lemah dan kegagalan elektrik. Kajian oleh Maimun Aqsha Lubis et. al. (2017) mengukuhkan lagi masalah-masalah teknikal lain seperti skrin komputer membeku sewaktu menjalankan PdP menggunakan multimedia. Beban tugas lain turut merupakan cabaran kepada guru. Waktu mengajar yang maksima dan urusan luar yang berlebihan menyebabkan guru menghadapi kekangan masa untuk menyediakan bahan bantu mengajar untuk digunakan semasa PdPc.

Hasil dapatan kajian ini boleh memberi implikasi kepada beberapa pihak yang terlibat dalam bidang ini. Tahap kesediaan sederhana menunjukkan guru-guru perlu keluar dari zon selesa dan meningkatkan kemahiran menggunakan komputer seiring dengan arus pembangunan supaya guru lebih bersedia dalam mengendalikan komputer sebelum memulakan proses PdPc (Mohd Sabrinordin Mohd Yusoff, 2011). Kecekapan serta kebolehan guru akan mempengaruhi kesediaan guru menggunakan bahan bantu komputer dalam PdPc. Berikutan segelintir guru tidak mahir untuk teknologi komputer, guru perlu kerap menggunakan bahan bantu komputer semasa mengajar serta meningkatkan kemahiran penggunaan dan pengendalian komputer guru. Guru juga perlu sentiasa bersedia menyahut cabaran dengan bersikap optimis dan positif dalam melaksanakan tanggungjawab mendidik anak murid.

Hasil kajian juga diharap dapat menyedarkan pihak pentadbir sekolah tentang tahap kesediaan dan cabaran guru dalam hal ini yang masih sederhana dan rendah. Pihak pentadbir perlu menyediakan kursus kemahiran penggunaan komputer kepada guru-guru dan menyediakan guru-guru untuk mengintegrasikan teknologi komputer dalam PdPc dengan menggalakkan mereka menggunakan bahan bantu komputer dan memantau penggunaan bahan bantu komputer yang digunakan oleh guru serta menjadikan contoh kepada guru-guru lain. Kesediaan guru dalam TMK menunjukkan pemahaman dan kemahiran guru tentang teknologi baru yang diperolehi menerusi kursus-kursus teknologi yang terkini. Pihak pentadbir sekolah juga boleh

Masalah kekurangan alatan dan teknikal yang masih wujud tetap perlu diberikan perhatian oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Dalam usaha memenuhi objektif penyebaran TMK dalam pendidikan KPM perlu melaksanakan pemantauan untuk memastikan alatan komputer dalam keadaan baik. Lai, Noormawati Kamarudin, Rashidah Lip & Noridah Hasnan (2017) mendapati bahawa kelengkapan kemudahan dan infrastruktur TMK yang terhad menjadi masalah utama pembelajaran berkomputer tidak dapat dijalankan sepenuhnya. Masalah capaian internet yang lemah sehingga menyukarkan penggunaan komputer dalam PdPc perlu dipandang serius oleh KPM. Pengemaskinian, pelaksanaan penggantian dan penyelenggaraan hendaklah dilakukan dengan segera bagi memastikan PdPc berkomputer dapat dilaksanakan agar pelajar dapat menikmati pembelajaran abad ke-21.

Adalah dicadangkan supaya kajian seperti ini dijalankan secara berkala bagi melihat penggunaan bahan bantu komputer dalam PdPc di sekolah. Kajian yang dilaksanakan berterusan membolehkan kita mengetahui kemajuan dan faktor penghalang pelaksanaan TMK (Ya'akub Haji Ibrahim, 2009). Di samping itu, guru-guru masalah pendengaran di sekolah juga perlu didedahkan dengan pengintegrasian teknologi komputer dalam bilik darjah serta meningkatkan pengetahuan dan kemahiran bagi mencapai hasrat KPM dalam melahirkan dan melestarikan guru-guru yang berkualiti. Jumlah responden kajian boleh ditingkatkan kepada jumlah yang lebih banyak. Blaikie (2010) menyatakan pertambahan saiz persampelan mengurangkan ralat dan meningkatkan kebolehpercayaan persampelan. Seterusnya adalah pelaksanaan kajian tinjauan yang melibatkan soal selidik, pemerhatian dan temu bual. Pemerhatian dan temu bual akan menjadi sokongan dapatan-dapatan daripada soal selidik. Hal ini adalah supaya dapatan hasil kajian lebih dipercayai dan tidak cenderung kepada mana-mana pihak atau perasaan.

RUJUKAN

- Azura Ishak, Zakaria Kasa, Mohd Hasan Selamat & Bahaman Abu Samah. (2009). Perbandingan pengajaran berasaskan multimedia dan tradisional ke atas pencapaian Matematik dan sikap Matematik di kalangan pelajar berisiko. *Jurnal Teknologi Maklumat & Multimedia* 5, 79-89. Atas talian <http://journalarticle.ukm.my/3510/1/1.pdf>
- Blaikie, N. (2010). *Designing Social Research*. Cambridge: Polity Press.
- Hatini Mustafa. (2009). *Kesediaan Guru Menggunakan Komputer dalam meningkatkan pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu di SK Semambu, Kuantan: Satu Tinjauan*. Open University Malaysia, Kuala Lumpur.
- Lai, C.S., Noormawati Kamarudin, Rashidah Lip & Noridah Hasnan (2017). *Tahap penggunaan pembelajaran maya dalam kalangan guru reka bentuk teknologi: Satu tinjauan di sekolah rendah luar bandar*. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, Johor.
- Maimun Aqsha Lubis, Wan Nurul Syuhada' Wan Hassan & Mohd Isa Hamzah. (2008). Tahap pengetahuan dan kesediaan guru-guru Pendidikan Islam sekolah menengah di Selangor terhadap penggunaan multimedia dalam pengajaran Pendidikan Islam. *ASEAN Comparative Education Research Journal on Islam and Civilization (ACER-J)*, 1-13. Atas talian: <http://spaj.ukm.my/acerj/index.php/acer-j/article/view/3/3>
- Mohd Sabrinordin Mohd Yusoff. (2011). *Sikap dan Tahap Penggunaan Komputer Dalam Pengajaran : Satu Kajian Terhadap Guru di Program Pendidikan Khas Integrasi Masalah Pembelajaran di Zon Sentul Kuala Lumpur*. Universiti Pendidikan Sultan Idris, Perak.

- Norazilawati Abdullah, Noraini Mohamed Noh, Nik Azmah Nik Yusuff & Rosnidar Mansor. (2013). Aplikasi persekitaran pengajaran maya (Frog VLE) dalam kalangan guru Sains. *Jurnal Pendidikan Sains dan Matematik Malaysia*, 63-76.
- Sarmaşık, G., Serbetcioglu, B. & Kut, A. (2009, September 23-25). Computer Aided Education and Training Tool for Hearing Impaired Children: AURIS . Paper presented at Conference ICL 2009, Villach. Atas talian: <https://pdfs.semanticscholar.org/720f/2b753ebafc847c177c21a2d6564f68d1bf44.pdf>
- Shau, K. H. (2008). Keberkesanan penggunaan ICT dalam pengajaran dan pembelajaran. *Jurnal Penyelidikan Pendidikan Jilid 1*, 150.
- Siti Hajar Halili & Suguneswary. (2006). Penerimaan guru terhadap penggunaan Teknologi Maklumat Dan Komunikasi berasaskan Model TAM dalam pengajaran mata pelajaran Bahasa Tamil: *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, 31-41. Atas talian <https://juku.um.edu.my/article/view/8197/5670>
- Ya'akub Haji Ibrahim. (2009). *Perspektif Guru-guru Prasekolah Di Daerah Miri terhadap penggunaan ICT dalam konteks pengajaran dan pembelajaran*. Open University Malaysia, Miri.
- Yahya Othman & Dayang Rini Pakar. (2011) Kesan aplikasi perisian cerita interaktif semasa mengajarkan kemahiran bacaan dan kefahaman dalam kalangan murid tahun 4 di Brunei Darussalam. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu ; Malay Language Education (MyLEJ)*, 1 (1). pp. 27-49. Atas talian <http://spaj.ukm.my/jpbm/index.php/jpbm/article/view/21/21>
- Zaidatol Akmaliah. (2005). Pengenalan. Dalam Zaidatol Akmaliah & Foo Say Fooi. *Memperkasa pendidikan pelajar berisiko*. Serdang: Universiti Putra Malaysia, 1-4

PENGGUNAAN KAEDAH PEMBELAJARAN KOPERATIF DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (PdP) OLEH SISWA GURU PENDIDIKAN KHAS MASALAH PENDENGARAN

NUR WAHIDAH BINTI YAZAID
Jabatan Pendidikan Khas

Pensyarah Pembimbing
PN. ANITA SAPURA BINTI SHAARI

ABSTRAK

Kaedah pembelajaran koperatif merupakan kaedah pengajaran melalui pembelajaran secara berkumpulan yang memberikan kelebihan kepada pelajar supaya berpeluang dalam memberikan idea, berbincang dan berinteraksi satu sama lain dan belajar melalui pengalaman mereka sendiri. Menurut Kementerian Pendidikan Malaysia, sewaktu sesi praktikum, prestasi siswa guru didapati kurang memuaskan dari segi pengurusan bilik darjah dan strategi PdP serta kurangnya usaha siswa guru untuk belajar dan mengamalkan kaedah pengajaran yang telah dipelajari di institusi pengajian mereka. Kajian deskriptif ini bertujuan untuk meninjau penggunaan kaedah pembelajaran koperatif dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP) dalam kalangan siswa guru pendidikan khas masalah pendengaran sewaktu sesi latihan praktikum. Seramai 30 orang siswa guru pengkhususan masalah pendengaran yang menjalani latihan praktikum di Sekolah Kebangsaan Pendidikan Khas telah mengambil bahagian. Kajian ini mendapati secara keseluruhannya tahap kefahaman siswa guru menggunakan kaedah pembelajaran koperatif sewaktu sesi PdP adalah tinggi iaitu dengan catatan min 4.1533. Walau bagaimanapun, masalah yang dihadapi oleh siswa guru dalam pelaksanaan kaedah pembelajaran koperatif berada pada tahap tinggi iaitu dengan catatan min 3.9084. Sebagai kesimpulan, penggunaan kaedah pembelajaran koperatif boleh dipertingkatkan dan diperluaskan penggunaannya sekiranya masalah yang boleh menjejaskan pengamalannya di atasi dan penglibatan murid yang menyumbang kepada perlaksanaannya akan dapat dipertingkatkan.

Kata Kunci: Penggunaan, kaedah pembelajaran koperatif, siswa guru

ABSTRACT

A method of cooperative learning is a method of teaching students in groups that enables them to give the idea, talk and interact with each other and also learning through their own experience. According to the Ministry of the Malaysian Education, during the practicum session, the trainee teacher's performance was less satisfying in the aspect of classroom management, teaching dan learning strategy and lack of trainee teacher's effort to practice what they have learnt in training institute. This descriptive experiment is intended to review the use cooperative learning method in teaching and learning of students among the special educational trainee teacher from hearing impaired course during their practicum phase. There are 30 of them who took part in this survey and have gone through practicum at special education school. This survey shows that the student awareness level in using cooperative learning method during the teaching and learning session is high with min 4.1533. However, problem encountered by the trainee teachers in applying cooperative learning method is high with min 3.9084. As a result, the use of cooperative learning method can be enhanced and elevated if the problem that affects the method can be overcome and student's involvement that contributes to the learning will be improved.

Keywords: Use, cooperative learning method, trainee teacher

Emel: nurwahidahyazaid@gmail.com

1.0 PENGENALAN

Kaedah pembelajaran koperatif ini merupakan salah satu kaedah yang disarankan untuk digunakan dalam pembelajaran abad ke 21 (PAK21). Hal ini kerana PAK21 amat mementingkan pembelajaran berpusatkan murid dan murid sendiri perlu aktif serta bertanggungjawab dalam mencari sesuatu ilmu dan guru hanya bertindak sebagai fasilitator dan sebagai perancang sesi pengajaran dan pembelajaran (PdP). Menurut Abdul Muqith Ahmad (2013), kaedah pembelajaran koperatif merupakan kaedah

pengajaran melalui pembelajaran secara berkumpulan yang memberikan kelebihan kepada pelajar supaya berpeluang dalam memberikan idea, berbincang dan berinteraksi satu sama lain dan belajar melalui pengalaman mereka sendiri. Ismul Huda (2016) dalam kajiannya menyatakan kebaikan kaedah pembelajaran koperatif mampu meningkatkan prestasi akademik, toleransi dan penerimaan terhadap kepelbagaian yang wujud, serta membangunkan kemahiran sosial murid.

Abdull Sukor, Mohd Izam, Nurahimah dan Mohd Isha (2016) menyatakan bahawa bagi merealisasikan hasrat ke arah pendidikan bertaraf dunia ini, para pendidik harus membuat anjakan paradigma terhadap pemikiran serta tanggapan yang melibatkan penyusunan dan perubahan strategi pengajaran dan pedagogi yang dipilih dalam bilik darjah. Justeru, para pendidik perlulah sentiasa mengenal pasti kelemahan pelajar dan menyediakan pelbagai kaedah PdP yang sesuai seperti kaedah pembelajaran koperatif. Melalui latihan praktikum yang telah diwajibkan mengikut agenda Pelan Transformasi Pendidikan Nasional, siswa guru dapat mempertingkatkan ilmu pengetahuan, mengamalkan kemahiran profesional, kemahiran pedagogi, kemahiran generik serta membentuk sikap dan ciri-ciri sahsiah sesuai dengan profesion guru. Penyediaan peluang pendidikan yang sama rata kepada semua murid telah membuka peluang kepada golongan murid pendidikan khas masalah pendengaran untuk mengalami dan menjalani PAK 21. Tuntasnya, kajian dilaksanakan bagi meninjau tahap siswa guru Pendidikan Khas Masalah Pendengaran menggunakan kaedah pembelajaran koperatif dalam PdP mereka semasa menjalani latihan praktikum.

2.0 PERNYATAAN MASALAH

Masalah yang timbul dalam kalangan siswa guru Pendidikan Khas Masalah Pendengaran dalam melaksanakan sesuatu kaedah pembelajaran sewaktu praktikum adalah dari segi pengetahuan dan kemahiran siswa guru itu untuk mengendalikan sesuatu kaedah pembelajaran sewaktu PdP. Syed Ismail (2013) menyatakan bahawa sewaktu sesi praktikum, prestasi siswa guru didapati kurang memuaskan dari segi pengurusan bilik darjah dan strategi PdP serta kurangnya usaha siswa guru untuk belajar dan mengamalkan kaedah pengajaran yang telah dipelajari di institusi pengajian mereka.

Abdul Razak & Ahmad Shukri (2002) dalam kajiannya menyatakan bahawa tahap kesediaan dan pengetahuan pedagogi siswa guru juga dikatakan kurang memuaskan sewaktu menjalani praktikum. Berdasarkan konteks kajian ini, semestinya masalah-masalah yang dihadapi oleh siswa guru sewaktu menjalani praktikum berlaku semasa siswa guru ingin melaksanakan kaedah pembelajaran koperatif. Antaranya, kekurangan pengetahuan dan kemahiran dalam kaedah pembelajaran koperatif akan menyebabkan siswa guru jarang menggunakan kaedah pembelajaran ini di dalam bilik darjah yang menyebabkan murid-murid masalah pendengaran tidak merasai PAK 21. Antara masalah yang dihadapi oleh siswa guru Pendidikan Khas Masalah Pendengaran adalah masalah disiplin murid seperti murid pendengaran yang tantrum, enggan memakai alat bantu dengar serta murid masalah pendengaran yang tidak mahu melibatkan diri dalam apa-apa aktiviti sehingga menyebabkan siswa guru tidak dapat melaksanakan PdP berlandaskan kaedah pembelajaran koperatif dengan berkesan. Justeru itu, kajian ini dijalankan bagi meninjau tahap siswa guru Pendidikan Khas Masalah Pendengaran menggunakan kaedah pembelajaran koperatif dalam PdP mereka semasa menjalani latihan praktikum.

3.0 OBJEKTIF DAN PERSOALAN KAJIAN

Kajian ini menetapkan dua objektif iaitu:

- Mengenal pasti tahap kefahaman siswa guru menggunakan kaedah pembelajaran koperatif sewaktu sesi pengajaran dan pembelajaran (PdP)
- Mengenal pasti masalah yang dihadapi oleh siswa guru dalam menggunakan kaedah pembelajaran koperatif kepada murid masalah pendengaran sewaktu sesi PdP

Kajian ini menetapkan dua persoalan seperti berikut :

- Apakah tahap kefahaman siswa guru menggunakan kaedah pembelajaran koperatif sewaktu sesi pengajaran dan pembelajaran (PdP)?
- Apakah masalah yang dihadapi oleh siswa guru dalam menggunakan kaedah pembelajaran koperatif kepada murid masalah pendengaran sewaktu sesi pengajaran dan pembelajaran (PdP)?

4.0 METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan reka bentuk tinjauan. Soal selidik berbentuk skala likert lima mata digunakan dalam kajian ini dan diedarkan kepada 30 orang responden secara atas talian. Pengkaji menggunakan perisian *Statistical Package For Science Social* (SPSS) untuk menganalisis dapatan yang dikumpul dari soal selidik. Soal selidik ini terdiri daripada tiga bahagian:

a. Bahagian A

Itemnya adalah: i) jantina, ii) ambilan, iii) bangsa, iv) nama sekolah semasa menjalani latihan praktikum dan v) mata pelajaran yang diajar semasa menjalani praktikum.

b. Bahagian B

10 item bertujuan untuk mengenal pasti tahap kefahaman siswa guru menggunakan kaedah pembelajaran koperatif sewaktu sesi PdP sewaktu praktikum.

c. Bahagian C

8 item bertujuan untuk mengenal pasti masalah yang dihadapi oleh siswa guru ketika melaksanakan kaedah pembelajaran koperatif.

Kebolehpercayaan dan kesahan soal selidik ini diuji melalui kajian rintis yang dijalankan kepada 30 orang siswa guru dari pengkhususan Pendidikan Khas. Kajian rintis ini adalah perlu supaya soal selidik yang disediakan mudah difahami oleh responden dan dapat mengukur apa yang hendak dikaji.

5.0 DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Dapatan kajian yang telah dikumpul melalui soal selidik yang telah diedarkan kepada 30 orang responden dianalisis dalam bentuk deskriptif iaitu dalam kekerapan dan peratus serta min menggunakan perisian SPSS.

Jadual 1

Taburan Min Keseluruhan

| Konstruk | Min | Tahap |
|-----------------------|--------|--------|
| Tahap kefahaman | 4.1533 | Tinggi |
| Masalah yang dihadapi | 3.9084 | Tinggi |

Berdasarkan jadual 1, dapatan keseluruhan konstruk B menunjukkan bahawa min keseluruhan bagi kefahaman siswa guru menggunakan kaedah pembelajaran koperatif sewaktu sesi PdP ialah tinggi iaitu dengan nilai min 4.1533. Konstruk B mempunyai min yang tertinggi pada item ketujuh iaitu 4.333. Ini menunjukkan bahawa majoriti responden bersetuju dan memahami bahawa strategi *Team Games Tournament* (TGT) membuatkan pelajar seronok sambil belajar. Kajian oleh Abdus, Shahidur dan Anwar (2015) menyatakan bahawa strategi TGT yang menyediakan persekitaran bersifat pertandingan dan permainan mampu mengubah tingkah laku pelajar terhadap sesuatu pembelajaran dan seorang guru perlu memahami terlebih dahulu peranannya dalam proses perjalanan strategi TGT kerana guru akan berperanan sebagai pencetus awal pembelajaran dalam strategi ini.

Namun, masalah yang dihadapi oleh siswa guru dalam pelaksanaan kaedah pembelajaran koperatif adalah pada tahap tinggi iaitu dengan nilai min 3.9084. Min yang tertinggi dalam konstruk C dikumpul oleh item yang ketujuh dengan min tinggi iaitu 4.1667. Ini menunjukkan bahawa majoriti daripada responden bersetuju bahawa murid tidak melibatkan diri secara aktif sewaktu pelaksanaan kaedah pembelajaran koperatif. Hal ini menyebabkan siswa guru tidak dapat melaksanakan kaedah pembelajaran koperatif di dalam bilik darjah disebabkan sikap sesetengah murid. Sarimah, Mohaimin dan Rohana (2012) menyatakan bahawa sikap murid seperti murid pasif dalam kumpulan kerana adanya ahli yang lebih berkemampuan menyempurnakan tugas dalam kumpulan menjadi kekangan utama dalam kalangan responden untuk mengaplikasikan kaedah pembelajaran koperatif. Terbukti bahawa dengan adanya masalah daripada sikap murid yang tidak melibatkan diri secara aktif sewaktu pelaksanaan kaedah pembelajaran koperatif, siswa guru tidak dapat menjalankan kaedah pembelajaran koperatif dengan berkesan walaupun siswa guru memahami kaedah tersebut sewaktu melaksanakannya.

6.0 KESIMPULAN, CADANGAN DAN IMPLIKASI

Secara keseluruhannya, dapatan kajian membuktikan bahawa tahap kefahaman siswa guru Pendidikan Khas Masalah Pendengaran terhadap penggunaan kaedah pembelajaran koperatif adalah tinggi dan membuktikan bahawa siswa guru sebenarnya telah pun bersedia menggunakan kaedah pembelajaran yang berorientasikan abad ke 21. Kefahaman siswa guru tentang kaedah pembelajaran koperatif diklasifikasikan kepada beberapa aspek iaitu aspek definisi, cara pelaksanaannya, jenis aktiviti, elemen yang diterapkan dan kesan penggunaan kaedah pembelajaran koperatif. Namun, wujud beberapa masalah yang menggugat pelaksanaan kaedah pembelajaran koperatif secara berkesan oleh siswa guru Pendidikan Khas Masalah Pendengaran dan boleh disimpulkan bahawa siswa guru kerap mengalami masalah daripada sikap murid itu sendiri.

Antara cadangan yang telah dikenal pasti bagi kajian lanjutan adalah menggunakan kajian ini dengan memilih responden dari kalangan guru Pendidikan Khas Masalah Pendengaran untuk melihat perbezaan dapatan kajian dari kalangan guru dan siswa guru. Melalui kajian ini, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) juga dapat melihat tahap kefahaman tentang penggunaan kaedah pembelajaran koperatif dalam kalangan guru Pendidikan Khas Masalah Pendengaran yang telah lama berkhidmat. Dapatan kajian daripada kalangan guru ini dapat menentukan kualiti pengajaran yang diterapkan oleh guru tersebut kepada murid-murid sepanjang berkhidmat sebagai guru. Cadangan lain ialah dengan meningkatkan jumlah responden kerana jumlah responden yang ramai akan menjadikan data sesebuah kajian itu kukuh. Seterusnya, pengkaji akan datang boleh menjalankan kajian berbentuk kualitatif terhadap guru-guru, pensyarah-pensyarah daripada institusi perguruan dan kepada pensyarah dari IPTA untuk mendapatkan data yang lebih spesifik dan melihat keberkesanan pelaksanaan kaedah pembelajaran koperatif dari responden yang lebih berpengalaman dalam bidang pendidikan. Dapatan kajian ini membolehkan pihak KPM merangka satu modul berkaitan panduan pelaksanaan kaedah pembelajaran koperatif sebagai rujukan kepada institusi yang menawarkan bidang pendidikan.

Melalui kajian ini, implikasi terhadap siswa guru ialah dapat memahami bahawa kefahaman dalam sesuatu kaedah pembelajaran mampu membantu murid dalam pembelajaran mereka. Justeru, siswa guru sewajarnya berusaha dalam mempelajari pelbagai jenis kaedah pembelajaran yang selaras dengan PAK 21 dan cara melaksanakannya dalam PdP. Kajian ini juga memberi implikasi kepada murid masalah pendengaran kerana kaedah pembelajaran koperatif mampu meningkatkan kemahiran sosial dan pencapaian mereka kerana Abdul Muqsih Ahmad (2013) menyatakan pembelajaran koperatif ini memberikan lebih kelebihan kepada pelajar kerana mereka berpeluang untuk memberikan idea, berinteraksi satu sama lain dan belajar melalui pengalaman mereka sendiri dan mampu meningkatkan pencapaian. Kajian ini juga memberi implikasi kepada KPM dan warga pendidik. Pihak KPM telah menyarankan penggunaan kaedah PAK 21 kepada semua pendidik, namun masih terdapat pendidik yang kurang memahami tentang pelaksanaan kaedah pembelajaran koperatif. Justeru, KPM perlu mengkaji faktor pendidik tidak menggunakan kaedah pembelajaran koperatif. Pensyarah dari institut pendidikan guru dan guru juga perlu berusaha dan membimbing dalam memberikan PdP yang berkesan secara praktikal kepada siswa guru supaya mereka lebih bersedia dalam menghadapi pengalaman bilik darjah yang sebenar dan menghadapi sikap-sikap murid. Melalui perkara seperti inilah, siswa guru mampu mempraktikkan kaedah pembelajaran koperatif dengan berkesan kerana dibimbing oleh guru pakar yang mempunyai pelbagai pengalaman.

RUJUKAN

- Abdul Muqsih Ahmad. (2013). Faktor yang mempengaruhi perbezaan pencapaian akademik pelajar lepasan diploma politeknik dan matrikulasi terhadap subjek kejuruteraan. *Kajian Universiti Tun Hussein Onn Malaysia*, 18-22.
- Abdul Razak Abdul Manaf, & Ahmad Shukri Abdul Hamid. (2002). Tinjauan terhadap permasalahan dan penilaian ke atas komponen latihan praktikum 1 program pengurusan kerja sosial. *Laporan Penyelidikan Sekolah Pembangunan Sosial, Universiti Utara Malaysia*, 599-608.
- Abdull Sukor Shaari, Mohd Izam Ghazali, Nurahimah Mohd Yusof, & Mohd Isha Awang. (2016). Amalan pedagogi berpusatkan pelajar dan masalah yang dihadapi guru-guru pelatih program pensiswazahan guru untuk mengamalkan pedagogi berpusatkan pelajar semasa praktikum. *International Seminar on Generating Knowledge Through Research, UUM-UMSIDA*, 599-608.

- Abdus Salam, Shahidur Rahman, & Anwar Hossain. (2015). Effects of using Teams Games Tournaments (TGT) Cooperative Technique for Learning Mathematics in Secondary Schools of Bangladesh. *Malaysian Online Journal of Educational Technology Volume 3, Issue 3*.
- Ismul Huda. (2016). Kesan kaedah koperatif bersama persekitaran pembelajaran atas talian asinkroni terhadap kemahiran penaakulan saintifik, prestasi pembelajaran, dan penglibatan pelajar. *Jurnal Pendidikan Universiti Sains Malaysia*, 1-24.
- Sarimah Ismail, Mohaimin Tabrani, & Rohana Hamzah. (2012). Kekangan aplikasi pengajaran koperatif di sekolah rendah. *Seminar Kebangsaan Majlis Dekan Pendidikan IPTA 2012*.
- Syed Ismail Syed Mustapa. (2013). Amalan dan pendekatan bimbingan pengajaran pensyarah dalam program mentoring praktikum serta impaknya terhadap kualiti guru. *Jurnal Penyelidikan Tempawan XXX*, 1-12

PERSEPSI SISWA GURU PENDIDIKAN KHAS MASALAH PENDENGARAN TERHADAP PENGGUNAAN PETA i-THINK DALAM PROSES PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (PdP)

NURFARAHIN BINTI MOHD FUZI
Jabatan Pendidikan Khas

Pensyarah Pembimbing
PN. ANITA SAPURA BINTI SHAARI

ABSTRAK

Program i-THINK telah diperkenalkan bermula pada 2012 bertujuan untuk mempertingkatkan dan membudayakan kemahiran berfikir dalam kalangan murid ke arah menghasilkan murid berinovatif (Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2012). Menurut Moores (2001), kanak-kanak pekak mempunyai kebolehan kognitif yang sama dengan kanak-kanak normal. Walaupun murid kekurangan deria pendengaran namun murid masalah pendengaran adalah *visual-learner* yang membolehkan mereka mengaplikasikan deria lain untuk menggalakkan kemahiran berfikir. Kajian ini bertujuan adalah untuk meninjau persepsi siswa guru Pendidikan Khas Masalah Pendengaran terhadap penggunaan peta i-THINK dalam proses pengajaran dan pembelajaran (PdP). Soal selidik sebagai instrumen kajian telah digunakan dalam kajian ini. Seramai 30 orang siswa guru Pendidikan Khas Masalah Pendengaran yang telah menjalani praktikum telah mengambil bahagian. Dapatan kajian menunjukkan bahawa min tahap kepercayaan siswa guru terhadap penggunaan peta i-THINK adalah tinggi (min = 4.174), iaitu mereka percaya dan yakin untuk menggunakan peta i-THINK. Namun begitu, tahap penggunaan peta i-THINK oleh siswa guru menunjukkan pada tahap penggunaan yang sederhana (min = 2.90). Spesifikasikan mengikut jenis peta menunjukkan penggunaan peta i-THINK pada aras tinggi hanya untuk peta buih, peta bulat dan peta pokok manakala bagi peta yang lain penggunaannya adalah pada peringkat sederhana dan rendah (skor min dari 1.90 hingga 2.70). Hasil kajian ini juga mendapati kepercayaan terhadap penggunaan peta i-Think akan mempengaruhi tahap penggunaannya. Sehubungan dengan itu, penggunaan peta i-THINK perlulah secara berterusan dan dibudayakan dalam pengajaran pensyarah di institut bagi mengukuhkan keyakinan dan meningkatkan kemahiran siswa guru supaya boleh mengaplikasikannya ke dalam PdP semasa menjalani praktikum di sekolah.

Kata Kunci: Persepsi, siswa guru Pendidikan Khas Masalah Pendengaran, peta i-THINK

ABSTRACT

The i-THINK program introduced in 2012 aimed at enhancing and cultivating thinking skills among students towards producing innovative pupils (Curriculum Development Division, 2012). According to Moores (2001), deaf children have the same cognitive abilities as normal children. Although deaf children lack hearing, they are visual learner that allow them to apply other senses to encourage thinking skills. This study aims to review the perception of Special Education trainee teachers of hearing impaired towards the using of i-THINK map in the learning and teaching process. The questionnaire is the research instrument that was used in this study. A total of 30 special education trainee teachers of hearing impaired who have undergone practicum participated in this survey. The findings show that the mean level of trainee teachers' confidence in the use of the i-THINK map is high (mean = 4.174), which is they are confident to use the i-THINK map in teaching and learning process. However, the level of application of the i-THINK map by them is in the level moderately (mean = 2.75). Specify by type of map showing the use of the i-THINK map at high level only for bubble maps, circle maps and tree maps while the uses of other maps is at moderately and lower level (mean from 1.90 to 2.70). The findings found that trainee teachers' beliefs and skills influence the application stage of i-THINK map. The use of the i-THINK map should be continuously and culturally instructed in the institute's lectures to strengthen the confidence and improve the students' skill so that they can apply it to their teaching and learning process while they undergo school-based practice.

Keywords: Perception, special education trainee teachers of hearing impaired, i-THINK maps

Emel: painfuzi@gmail.com

1.0 PENGENALAN

Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 mensasarkan semua kanak-kanak di Malaysia mempunyai enam aspirasi utama bagi memenuhi keperluan abad ke-21 menjelang tahun 2025 (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2012). Aspirasi utama tersebut ialah pengetahuan, kemahiran berfikir, kemahiran kepimpinan, kemahiran dwibahasa, etika dan kerohanian dan identiti nasional. Sehubungan itu, antara cabaran utama yang perlu ditangani pada masa ini dan akan datang ialah menyediakan peluang kepada pelajar mengembangkan kemahiran berfikir. Bagi merealisasikan tuntutan aspirasi tersebut, program i-THINK telah diperkenalkan bermula pada tahun 2012 bertujuan untuk mengukuhkan dan membudayakan kemahiran berfikir dalam kalangan murid. Program i-THINK adalah satu program yang bertujuan mempertingkatkan dan membudayakan kemahiran berfikir dalam kalangan murid ke arah menghasilkan murid yang kreatif dan inovatif (Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2012).

Di peringkat sekolah dan Institut Pendidikan Guru (IPG), penggunaan peta i-THINK bermula sejak tahun 2012 (Khazimah Skh Omar, Siti Romlah Yahya dan Haliza Hussein 2016). Pelaksanaan secara berterusan di IPG merupakan salah satu usaha memantapkan pedagogi siswa guru yang menggunakan peta i-THINK sebagai alat berfikir dalam bilik darjah semasa latihan amalan profesional (praktikum). Di samping itu, menurut Ardzulyna Anal (2013) kurikulum bagi murid masalah pendengaran adalah selaras dengan murid normal di mana mereka turut mempelajari kurikulum yang sama yang terkandung dalam Dokumen Standard Kurikulum Pentaksiran (DSKP) menyebabkan penggunaan peta i-THINK diperlukan di dalam proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) murid. Sehubungan dengan itu, kajian dilakukan bertujuan bagi meninjau persepsi siswa guru Pendidikan Khas Masalah Pendengaran yang telah menjalani praktikum terhadap penggunaan peta i-THINK dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

2.0 PERNYATAAN MASALAH

Menurut Hyerle dan Yeager (2007), peta pemikiran memudahkan pelajar memahami konsep, menganalisis masalah dan mencari penyelesaian. Kemahiran berfikir diterapkan kepada murid melalui soalan-soalan aras tinggi, aktiviti-aktiviti yang menggalakkan pemikiran dan penyelesaian masalah serta kaedah pengajaran yang boleh mendorong ke arah meningkatkan kemahiran berfikir. Lantaran itu, kemahiran siswa guru dalam menguasai dan menggunakan peta i-THINK adalah signifikan di dalam proses PdP dan sedikit sebanyak membantu murid masalah pendengaran memahami sesuatu maklumat yang berbentuk abstrak dengan mudah.

Seterusnya, salah satu rintangan yang dihadapi dalam proses PdP murid masalah pendengaran adalah siswa guru berhadapan dengan murid yang mempunyai pelbagai kebolehan dan ketidakupayaan. Kepakaran siswa guru amat diperlukan dalam menentukan strategi PdP yang berkesan. Hal ini bermakna, siswa guru boleh menentukan pendekatan, memilih kaedah dan menetapkan teknik-teknik tertentu yang sesuai dengan perkembangan dan kebolehan murid. Lembaga Peperiksaan Malaysia (2006), telah melaporkan bahawa ramai murid bermasalah pendengaran tidak berupaya memberi jawapan yang dikehendaki dalam soalan peperiksaan dan ini memberi kesan terhadap pencapaian akademik mereka. Masalah pencapaian akademik yang rendah ini mempunyai kaitan rapat dengan penguasaan kognitif dalam kalangan murid masalah pendengaran. Lantaran itu, melalui penggunaan peta i-THINK ini mampu meningkatkan daya kognitif kanak-kanak masalah pendengaran. Namun begitu, sehingga kini tiada kajian dijalankan untuk melihat apakah persepsi siswa guru Pendidikan Khas Masalah Pendengaran.

3.0 OBJEKTIF DAN PERSOALAN KAJIAN

Kajian ini menetapkan dua objektif iaitu :

- i. Mengenal pasti tahap kepercayaan siswa guru Pendidikan Khas Masalah Pendengaran terhadap penggunaan peta i-THINK dalam proses pengajaran dan pembelajaran (PdP).
- ii. Mengenal pasti tahap penggunaan peta i-THINK dalam proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) oleh siswa guru Pendidikan Khas Masalah Pendengaran.

Kajian ini menetapkan dua persoalan seperti berikut :

- i. Apakah tahap kepercayaan siswa guru Pendidikan Khas Masalah Pendengaran terhadap penggunaan peta i-THINK dalam proses pengajaran dan pembelajaran (PdP)?
- ii. Apakah tahap penggunaan peta i-THINK dalam proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) oleh siswa guru Pendidikan Khas Masalah Pendengaran ?

4.0 METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan reka bentuk tinjauan. Soal selidik berbentuk skala likert lima mata digunakan dalam kajian ini dan diedarkan kepada 30 orang responden secara atas talian. Soal selidik yang digunakan merupakan adaptasi daripada instrumen yang dikaji oleh Khazimah Skh Omar et.al (2016). Instrumen tersebut telah dibuat penambahbaikan dan diubahsuai merangkumi aspek bahasa bagi mengikut keperluan pengkaji. Soal selidik yang digunakan di dalam kajian ini terdiri daripada empat bahagian:

a. Bahagian A

Bahagian A (i) adalah mengenai latar belakang siswa guru
Bahagian A (ii) mengenai latar belakang pendedahan peta i-THINK

b. Bahagian B

12 item bertujuan untuk mengenal pasti tahap kepercayaan siswa guru terhadap penggunaan peta i-THINK di dalam proses PdP murid masalah pendengaran

c. Bahagian C

8 item bertujuan untuk mengenal pasti tahap penggunaan lapan jenis peta i-THINK dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

d. Bahagian D

Bahagian D merupakan soalan respon terbuka

Kebolehpercayaan dan kesahan soal selidik ini diuji melalui kajian rintis yang dijalankan kepada 20 orang siswa guru semester 6 pengkhususan Pendidikan Khas. Kajian rintis ini adalah perlu supaya soal selidik yang disediakan mudah difahami oleh responden dan dapat mengukur apa yang hendak dikaji. Pengkaji menggunakan perisian *Statistical Package For Science Social* (SPSS) versi 20 untuk menganalisis dapatan yang dikumpul dari soal selidik. Dapatan kajian dianalisis dalam bentuk deskriptif iaitu dalam kekerapan dan peratus serta skor min menggunakan perisian SPSS.

5.0 DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Persoalan 1 : Apakah tahap kepercayaan siswa guru Pendidikan Khas Masalah Pendengaran terhadap penggunaan peta i-THINK dalam PdP?

Skor min tahap kepercayaan siswa guru Pendidikan Khas Masalah Pendengaran terhadap penggunaan peta i-THINK adalah menggunakan skala seperti jadual 1.

Jadual 1

Jadual Interpretasi Skor Min Tahap Kepercayaan (Nunnally & Bernstein, 1994)

| Skor Min | Interpretasi Skor Min |
|-------------|-----------------------|
| 1.00 – 2.00 | Rendah |
| 2.01 – 3.00 | Sederhana Rendah |
| 3.01 – 4.00 | Sederhana Tinggi |
| 4.01 – 5.00 | Tinggi |

Jadual 2

Skor Min Keseluruhan Tahap Kepercayaan Penggunaan Peta i-THINK

| Skor Min | N | Skor Min | Tahap Kepercayaan |
|---------------|----|----------|-------------------|
| Siswa Guru | 30 | 4.174 | Tinggi |

Jadual 2 menunjukkan bahawa skor min keseluruhan tahap kepercayaan siswa guru terhadap penggunaan peta i-THINK adalah (min = 4.174). Berdasarkan jadual 1, dapatan menunjukkan tahap kepercayaan siswa guru berada pada tahap tinggi iaitu, mereka sangat percaya bahawa peta i-THINK boleh membantu PdP dan yakin menggunakannya. Dapatan ini penting kerana kajian ini menunjukkan penerimaan siswa guru yang positif terhadap i-THINK. Hal ini menunjukkan bahawa kem, bengkel atau kursus mengenai peta i-THINK yang telah diberikan kepada siswa guru di IPG Kampus Ilmu Khas berjaya memberikan pengetahuan dan meningkatkan kepercayaan tentang faedah i-THINK kepada mereka.

Persoalan 2 : Apakah tahap penggunaan peta i-THINK dalam proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) oleh siswa guru Pendidikan Khas Masalah Pendengaran ?

Skor min tahap penggunaan peta i-Think dalam proses PdP oleh siswa guru Pendidikan Khas Masalah Pendengaran adalah menggunakan skala seperti jadual 3.

Jadual 3

Jadual Interpretasi Skor Min Tahap penggunaan (Nunnally & Bernstein, 1994) dan Neuman (2006)

| Skor Min | Interpretasi Skor Min |
|-------------|-----------------------|
| 1.00 – 2.33 | Penggunaan Rendah |
| 2.34 – 3.67 | Penggunaan Sederhana |
| 3.68 – 5.00 | Penggunaan Tinggi |

Jadual 4

Skor Min Keseluruhan Tahap Penggunaan Peta i-THINK

| Skor Min | N | Skor Min | Tahap Penggunaan |
|---------------|----|----------|----------------------|
| Siswa Guru | 30 | 2.90 | Penggunaan Sederhana |

Hasil dapatan dan nilai min keseluruhan menunjukkan bahawa tahap penggunaan peta i-THINK adalah pada tahap sederhana iaitu min = 2.90. Spifikasikan mengikut jenis peta menunjukkan penggunaan peta i-THINK pada tahap penggunaan tinggi hanya untuk peta buih, peta bulat dan peta pokok manakala untuk peta i-THINK yang lain penggunaannya adalah pada peringkat tahap penggunaan yang sederhana dan rendah (skor min dari 1.90 hingga 2.70).

6.0 KESIMPULAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN

Kesimpulannya, kajian merumuskan bahawa siswa guru telah berada pada landasan perkembangan terkini dan selaras dengan hasrat PPPM di mana mereka bersedia untuk melahirkan modal insan yang mempunyai kemahiran berfikir. Kepercayaan siswa guru yang tinggi terhadap penggunaan peta i-THINK sebagai *tools* yang berkesan dalam menghubungkan idea dan konsep akan membantu pihak Kementerian Pendidikan Malaysia merealisasikan matlamat PPPM (2013-2025).

Namun begitu, secara keseluruhan tahap penggunaan peta i-THINK oleh siswa guru dalam kajian ini menunjukkan tahap penggunaan yang sederhana. Hasil dapatan menunjukkan bahawa responden paling kerap menggunakan peta buih, peta bulat dan peta pokok sahaja semasa melaksanakan PdP. Manakala penggunaan lima peta pemikiran yang lain adalah pada tahap sederhana rendah. Keputusan ini menunjukkan bahawa siswa guru lebih kerap atau lebih cenderung melaksanakan aktiviti

menganalisis ciri-ciri sesuatu objek, aktiviti yang berbentuk menjelaskan sifat sesuatu perkara dan hanya menggunakan kata sifat serta aktiviti yang berkaitan dengan pembahagian kepada kategori tertentu.

Melalui kajian ini, implikasi terhadap siswa guru dapat memahami peta pemikiran i-Think dengan lebih jelas dan bersedia menggunakannya dalam PdP semasa di sekolah nanti. Hal ini bersesuaian dengan transformasi bidang pendidikan masa kini. Di mana guru memainkan peranan utama menjana kemahiran berfikir dalam kalangan murid. Sewajarnya, siswa guru dapat membantu merealisasikan hasrat PPPM. Lantaran itu, pendedahan kepada penggunaan peta i-THINK semasa di IPG diharap dapat menghasilkan barisan guru-guru yang dinamik selaras dengan pendidikan abad ke 21. Selain itu, kajian ini memberi implikasi kepada murid masalah pendengaran melalui penggunaan peta pemikiran i-THINK ini mampu meningkatkan daya kognitif kanak-kanak masalah pendengaran. Oleh itu, melalui kajian ini, siswa guru memberi peluang murid-murid masalah pendengaran untuk mempelajari cara berfikir aras tinggi sama dengan murid normal dengan mengambil kira tahap kebolehan murid tersebut. Walaupun kekurangan deria pendengaran namun murid masalah pendengaran adalah *visual-learner*. Rasional penggunaan peta i-THINK dalam PdP murid masalah pendengaran merupakan satu pendekatan atau pemudahcara kepada murid dan merupakan salah satu inisiatif untuk meningkatkan kemahiran berfikir murid.

Melalui pelaksanaan kajian ini, pengkaji telah mengenal pasti beberapa cadangan antaranya ialah penggunaan peta i-THINK perlu dibudayakan dalam pengajaran pensyarah di IPG secara konsisten dan berterusan bagi mengukuhkan keyakinan dan kepercayaan siswa guru untuk menggunakannya di dalam proses PdP semasa berpraktikum. Seterusnya, perbanyakkan bengkel untuk menggunakan peta pemikiran mengikut pengkhususan dan kursus yang berkaitan dengan pelaksanaan peta i-THINK. Melalui bengkel dan kursus yang dijalankan mampu mendedahkan secara meluas dan terperinci kepada siswa guru dan juga boleh menggalakkan penggunaan peta i-THINIK dalam pengajaran siswa guru. Lantaran itu, siswa guru sewajarnya diberikan pendedahan semasa Program Persediaan Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PPISMP) lagi supaya mereka menjadi sangat mahir terhadap penggunaannya dan memahami proses pemikiran bagi setiap peta dengan betul. Tambahan lagi, kajian berkonsepkan kualitatif perlu dijalankan untuk melihat keberkesanan program ini bermula dari pra sekolah sehingga pelajar IPTA.

RUJUKAN

- Arzulyna Anal. (2013). Impak kepekakan terhadap perkembangan murid bermasalah pendengaran : implikasi kepada keperluan sistem sokongan. *Jurnal Universiti Kebangsaan Malaysia*, 1-24.
- Bahagian Pembangunan Kurikulum. (2012). *Membudayakan kemahiran berfikir*. Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Hyerle D. & Yeager C. (2007). *Thinking Maps : A Language for Learning* . US: Thingking Maps Inc.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (2012). *Draf Buku I-Think* . Putrajaya: Bahagian Pembangunan Kurikulum: Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Khazimah Skh Omar, Siti Romlah Yahya & Haliza Hussein . (2016). Tahap pengaplikasian peta pemikiran i-Think dalam pengajaran dan pembelajaran siswa pendidik. *Jurnal Penyelidikan Institut Pendidikan Guru Kampus Pendidikan Islam*, 1-29.
- Lembaga Peperiksaan Malaysia. (2006). *Laporan pencapaian peperiksaan SPM tahun 2005*.
- Moore D. (2001). *Educating The Deaf :Psychology, Principles and Practices (5th ed.)*. Boston: Houghton Mifflin.
- Neuman W.L. (2006). *Social Research Methods: Qualitative and Quantiative Approaches*. Toronto: Pearson.
- Nunnally J.C. & Bernstein I.H . (1994). *Psychometric Theory*. New York: McGraw Hill

KOMPETENSI GURU PENDIDIKAN KHAS TERHADAP PENGGUNAAN KOD TANGAN BAHASA MALAYSIA (KTBM)

PATRICIA TAN MUN EE
Jabatan Pendidikan Khas

Pensyarah Pembimbing
DR. RAMESH RAO A/L RAMANAIDU

ABSTRAK

Tahap kemahiran bahasa isyarat sangat membantu perkembangan bahasa. Kod tangan Bahasa Malaysia adalah bahasa standard bagi orang pekak (Abdullah Yusoff, 1993). Pengkajian mengenai tahap kecekapan guru pendidikan khas dalam menggunakan kod tangan Bahasa Malaysia berada pada tahap yang sederhana (Mohd Hanafi Mohd Yasin, Mohd Mokhtar Tahar, Safani Bari, & Faten Nazren Manaf, 2017). Kajian ini bertujuan untuk meninjau kompetensi guru pendidikan khas terhadap penggunaan kod tangan Bahasa Malaysia (KTBM) dalam pengajaran dan pembelajaran di Sekolah Kebangsaan Pendidikan Khas. Seramai 36 orang guru pendidikan khas telah dijalankan soal selidik terhadap tahap kompetensi penggunaan KTBM. Data bagi kajian ini telah dikumpulkan melalui soal selidik. Dapatan kajian ini menunjukkan terdapat 11 orang (30.6%) guru pendidikan khas yang bukan opsyen pendidikan khas masalah pendengaran dan tidak pernah belajar KTBM telah ditugaskan untuk mengajar murid bermasalah pendengaran. Implikasi daripada dapatan kajian adalah guru berkemungkinan besar akan menghadapi masalah komunikasi dengan murid bermasalah pendengaran. Dapatan kajian juga menunjukkan sebanyak 14 orang (38.9%) guru pendidikan khas tidak berupaya untuk mengenal pasti kesalahan KTBM yang dilakukan oleh murid. Oleh itu, kemahiran menggunakan KTBM amat penting untuk memastikan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran. Dicadangkan agar guru pendidikan khas diberi peluang untuk menghadiri kursus-kursus tentang KTBM bagi meningkatkan kompetensi mereka.

Kata Kunci: Kod tangan Bahasa Malaysia, kompetensi guru, komunikasi

ABSTRACT

Sign language skills will be helpful in language development, especially for children who are deaf. The sign language is used by deaf people in Malaysia or better known as KTBM (Abdullah Yusoff, 1993). Studies show that the level of competency of special education teachers in using the KTBM is at a moderate level (Mohd Hanafi Mohd Yasin, Mohd Mokhtar Tahar, Safani Bari, & Faten Nazren Manaf, 2017). The purpose of study is to determine the competency of special education teacher in using KTBM during teaching and learning at Sekolah Kebangsaan Pendidikan Khas. A total of 36 special education teachers participated in this study. Data for this study was collected through a questionnaire. The findings showed that there were 11 respondents (30.6%) were never trained in KTBM, but had been assigned to teach hearing-impaired students. The implications can be addressed in communication problems faced by teachers when interacting with their students. 14 respondents (38.9%) were unable to identify KTBM's mistakes committed by students. Therefore, the skill of using KTBM is very important in ensuring teaching and learning is effective. It is recommended that special education teachers be given the opportunity to attend courses in KTBM to enhance their competency.

Keywords: Sign language, competency of teacher, communication

Emel: patricia.tan0820@gmail.com

1.0 PENGENALAN

Menurut Abdullah Yusoff (1993), KTBM adalah bahasa standard bagi orang pekak. KTBM bukan sahaja adalah bahasa ibunda bagi orang pekak malah adalah bahasa yang perlu dikaji dan diterokai untuk meningkatkan kemahiran komunikasi mereka. Seterusnya, KTBM merupakan sejenis bahasa isyarat ciptaan orang normal kepada masyarakat masalah pendengaran yang diadaptasikan daripada Bahasa Isyarat Amerika (Madinah Mohd Yusof, 2004). Penggunaan KTBM merupakan medium utama

memudahkan komunikasi komuniti pekak dan memberi peluang kepada mereka untuk meluahkan rasa, pendapat, idea, perasaan dan sebagainya.

Abdullah Yusoff & Che Rabiaah Mohamed (2010) membariskan bahawa komunikasi adalah sebagai salah satu item dalam keperluan asas manusia seperti makan, minum dan keselamatan. Justeru, pendekatan KTBM dalam P&P akan memberikan manfaat dan impak yang besar kepada murid bermasalah pendengaran dan guru pendidikan khas di mana komunikasi antara dua hala akan dapat dicapai. Sebagai guru pendidikan khas, kompetensi penggunaan KTBM adalah begitu penting dalam penyampaian isi pembelajaran atau arahan kepada murid bermasalah pendengaran dengan lebih jelas. Dengan adanya kompetensi KTBM yang tinggi, maka guru akan dapat mengelakkan miskonsepsi dan juga penyampaian informasi serta isi pembelajaran yang salah kepada murid. Hal ini juga akan dapat mempertingkatkan tahap perkembangan murid dari segi bahasa, prestasi akademik dan juga kemahiran bersosial dengan orang lain sekiranya guru sendiri mempunyai kemahiran dalam kelancaran KTBM yang baik.

2.0 PERNYATAAN MASALAH

Untuk meninjau kompetensi guru pendidikan khas terhadap penggunaan KTBM dalam P&P, isu yang merangsang saya membuat tajuk kajian ini adalah murid bermasalah pendengaran mengalami masalah kelambatan perkembangan bahasa yang akan memberi impak negatif dalam proses pengajaran dan pembelajaran mereka. Anderson (2011) menyatakan bahawa kanak bermasalah pendengaran selalu dikatakan akan menghadapi perkembangan yang lambat dalam bidang linguistik, kognitif, sosial dan emosi (Low, 2016). Oleh itu, tahap kemahiran guru pendidikan khas dalam menggunakan KTBM adalah amat penting supaya dapat memberi impak dalam keberkesanan P&P. Menurut kajian Mohd Hanafi Mohd Yasin, Mohd Mokhtar Tahar, Safani Bari, & Faten Nazren Manaf (2017), pengkajian mengenai tahap kecekapan guru pendidikan khas dalam menggunakan KTBM berada pada tahap yang sederhana. Pernyataan ini telah ditunjukkan oleh pengkaji dalam penyelidikan di mana kebanyakan guru menyokong tahap kemahiran bahasa isyarat sangat membantu perkembangan bahasa.

Dengan adanya medium penggunaan KTBM, murid bermasalah pendengaran akan melibatkan diri secara aktif dalam proses P&P. Hal ini kerana komunikasi antara dua hala akan berlaku semasa guru menggunakan KTBM dan murid bermasalah pendengaran juga akan lebih memahami dan menguasai konteks pembelajaran mereka. Menurut Vygotsky (1934), prinsip konstruktivisme menyatakan bahawa pembelajaran berlaku melalui interaksi dengan orang lain (Noriati A. Rashid, Boon, & Sharifah Fakhriah Syed Ahmad, 2015). Maka, guru pendidikan khas seharusnya menggunakan KTBM dalam P&P supaya dapat memberi kesan kepada tahap pencapaian murid bermasalah pendengaran dalam bidang bahasa serta berpeluang untuk bersaing dengan rakan sebayanya.

Skop kajian adalah ditetapkan dalam bidang pendidikan khas masalah pendengaran. Kajian ini berfokus kepada guru-guru pendidikan khas di SKPK untuk mengkaji tentang kompetensi penggunaan KTBM dalam P&P. Batasan kajian ini adalah kajian ini telah dilaksanakan dalam Sekolah Kebangsaan Pendidikan Khas sahaja, bukan di sekolah aliran perdana ataupun sekolah yang mempunyai Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI).

3.0 OBJEKTIF DAN SOALAN KAJIAN

Kajian ini menetapkan dua objektif iaitu:

1. Meninjau kaedah penyampaian KTBM oleh guru pendidikan khas di SKPK.
2. Meninjau tahap kemahiran guru pendidikan khas menggunakan KTBM dalam P&P.

Kajian ini menetapkan dua persoalan seperti berikut:

1. Apakah kaedah penyampaian KTBM oleh guru pendidikan khas di SKPK?
2. Apakah tahap kemahiran guru pendidikan khas menggunakan KTBM dalam P&P?

4.0 METODOLOGI KAJIAN

Reka bentuk kajian ini adalah secara tinjauan terhadap kompetensi guru pendidikan khas terhadap penggunaan KTBM dalam P&P di SKPK. Populasi kajian ini terdiri daripada guru pendidikan khas di SKPK. Sampel kajian adalah secara rawak di mana pengkaji akan mengumpul data terhadap seramai 36 orang guru pendidikan khas.

Instrumen yang digunakan ialah soal selidik yang berskala likert 5 mata dan soalan berbentuk *open-ended questions* untuk mendapat pandangan daripada responden. Soalan selidik terbahagi tiga bahagian iaitu bahagian A, profil demografi yang merangkumi umur, jantina, tempoh perkhidmatan, opsyen masalah pendengaran dan nama kursus. Bahagian B adalah merangkumi empat jenis konstruk iaitu (A) pengetahuan sedia ada dalam KTBM, (B) medium pembelajaran KTBM, (C) tahap penguasaan kemahiran KTBM dan (D) kaedah penyampaian KTBM dalam P&P. Setiap konstruk ini diwakili lima item. Bahagian C terdiri daripada dua item jenis terbuka iaitu *open-ended questions*.

Panduan kasar dalam menaksir kebolehpercayaan instrumen kajian dari segi kebolehpercayaan berasaskan nilai pekali kebolehpercayaan (Lim, 2007). Nilai *Cronbach's alpha* bagi soal selidik yang dibina adalah 0.90 iaitu mempunyai tahap kebolehpercayaan yang baik dan boleh digunakan dalam kajian. Aplikasi *Statistical Package for Social Sciences* (SPSS) versi 22.0 digunakan untuk menganalisis kebolehpercayaan soal selidik. SPSS adalah sebuah program komputer yang digunakan untuk membuat analisis statistik (Yul Yunazwin Nazaruddin, 2014).

Prosedur pengumpulan data dilaksanakan dengan menggunakan soalan selidik melalui *google form* secara atas talian. Prosedur penganalisan data kajian ini menggunakan pengumpulan data kuantitatif melalui kaedah statistik deskriptif. Persembahan data deskriptif adalah dalam bentuk kekerapan, min dan peratus dengan menggunakan SPSS. Bagi pengumpulan data kualitatif adalah menggunakan kaedah analisis data. Pengkodan digunakan untuk menghubungkan antara data dan pentaksiran kepada data untuk merumuskan pendapat responden dengan lebih jelas. Pengkaji menganalisis data dengan menggunakan perisian komputer iaitu cara membina tema daripada data. Hal ini kerana proses membina tema merupakan langkah yang penting dalam penganalisan data secara kualitatif (Syed Ismail Syed Mustapa, Ismail Raduan, & Bushro Ali, 2018).

5.0 DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Dapatan kajian telah dikumpul melalui borang soal selidik dan analisis dapatan telah dipersembahkan dalam bentuk jadual.

Jadual 5.1
Min dan Tahap bagi Setiap Konstruk

| Bil. | Konstruk | Min | Tahap |
|------|-----------------------------------|------|--------|
| 1 | Pengetahuan sedia ada dalam KTBM | 4.05 | Tinggi |
| 2 | Medium pembelajaran KTBM | 4.03 | Tinggi |
| 3 | Tahap penguasaan kemahiran KTBM | 3.88 | Tinggi |
| 4 | Kaedah penyampaian KTBM dalam P&P | 3.99 | Tinggi |

Berdasarkan Jadual 5.1, kesemua konstruk berada pada min 3.88 hingga 4.05 dan kesemuanya berada pada tahap tinggi. Ini menunjukkan bahawa tahap kompetensi guru pendidikan khas dalam penggunaan KTBM yang ditinjau pada tahap tinggi bagi keempat-empat konstruk iaitu pengetahuan sedia ada dalam KTBM, medium pembelajaran KTBM, tahap penguasaan kemahiran KTBM dan kaedah penyampaian KTBM dalam P&P.

Jadual 5.2
Pembentukan Tema Analisis Data Kualitatif 1

| Bil. | Kepentingan kompetensi KTBM | Frekuensi |
|------|--------------------------------------|-----------|
| 1 | Kefahaman | 8 |
| 2 | Pengajaran dan pembelajaran | 7 |
| 3 | Komunikasi | 11 |
| 4 | Maklumat | 4 |
| 5 | Penulisan dalam Bahasa Malaysia (BM) | 6 |

Berdasarkan jadual 5.2, terdapat lima tema yang telah diusulkan iaitu kefahaman, pengajaran dan pembelajaran, komunikasi, maklumat dan penulisan dalam BM. Hasil analisis jelas menunjukkan bahawa KTBM adalah sebagai pengantara kepada guru pendidikan khas untuk berkomunikasi dengan murid bermasalah pendengaran supaya murid menerima maklumat yang tepat dan berupaya meningkatkan kefahaman murid dalam P&P serta penulisan dalam BM.

Jadual 5.4
Pembentukan Tema Analisis Data Kualitatif 2

| Bil. | Langkah mempertingkat kemahiran KTBM | Frekuensi |
|------|--------------------------------------|-----------|
| 1 | Kursus / program | 9 |
| 2 | Murid | 4 |
| 3 | Ulang kaji | 10 |
| 4 | Buku | 5 |
| 5 | Rakan sekerja | 6 |
| 6 | Pelbagai sumber | 2 |

Berdasarkan jadual 5.4, terdapat enam tema yang telah diusulkan iaitu kursus atau program, murid, ulang kaji, buku, rakan sekerja dan pelbagai sumber. Hasil analisis ini menunjukkan bahawa guru pendidikan khas haruslah sentiasa mengulang kaji penggunaan KTBM bersama rakan sekerja dan murid, membaca buku dari pelbagai sumber serta menyertai dalam kursus atau program berkaitan KTBM.

6.0 KESIMPULAN, CADANGAN DAN IMPLIKASI

Kesimpulannya, guru pendidikan khas perlu mempertingkatkan tahap kompetensi terhadap penggunaan KTBM dalam P&P untuk menyampaikan dan mencurahkan ilmu pengetahuan kepada murid. Maka, diharapkan kajian tinjauan ini dapat memberikan maklumat dan gambaran yang jelas mengenai kepentingan tahap kompetensi guru dalam penggunaan KTBM dalam P&P untuk memastikan tahap keberkesanan P&P dapat dicapai serta melahirkan murid yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani, intelek dan sosial.

Berdasarkan hasil dapatan kajian dan perbincangan, terdapat empat cadangan kepada guru pendidikan khas untuk meningkatkan tahap kompetensi guru dalam penggunaan KTBM. Antara cadangannya ialah guru perlu berkemampuan dalam mempelajari dan menguasai komunikasi seluruh supaya dapat menangani masalah miskonsepsi dengan murid bermasalah pendengaran. Seterusnya, guru yang tidak berpengalaman haruslah sentiasa membaca dan mengulang kaji perkataan KTBM serta memperbanyak interaksi dengan guru dan murid yang mahir KTBM. Tambahan lagi, guru seharusnya mempelajari bahasa komunikasi yang biasa digunakan oleh murid bermasalah pendengaran juga iaitu BIM. Akhirnya, kaedah penyampaian KTBM oleh guru dalam P&P haruslah berpelbagai jenis.

Kompetensi guru terhadap penggunaan KTBM akan memberi kesan dan implikasi kepada murid-murid di SKPK dengan meningkatkan kefahaman murid terhadap sesuatu isi pembelajaran dan juga arahan tugas yang diberi. Selain itu, tahap kompetensi guru terhadap penggunaan KTBM akan memberi implikasi kepada guru sendiri dengan meningkatkan profesional guru dalam bidang pendidikan khas di mana guru dapat berkomunikasi dengan lancar dengan murid serta ibu bapa yang peka. Akhirnya, tahap kompetensi guru terhadap KTBM dalam P&P akan memberi implikasi kepada negara kerana kompetensi guru akan mempengaruhi tahap perkembangan murid dari segi jasmani, emosi, rohani, intelek dan sosial yang selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan prestasi pencapaian

akademik murid akan ditingkatkan, maka taraf pendidikan negara Malaysia juga akan dipertingkatkan dalam kalangan murid berkeperluan khas.

RUJUKAN

- Abdullah Yusoff. (1993). Komunikasi seluruh Bahasa Malaysia kod tangan (BMKT): bahasa komunikasi pelajar pekak. *Jurnal Dewan Bahasa*.
- Abdullah Yusoff, & Che Rabiaah Mohamed. (2010). Orang pekak sebagai cacat atau pengguna minoriti bahasa: perspektif perubatan dan linguistik. *Jurnal Bahasa*, 136-161.
- Lim, C. H. (2007). *Penyelidikan pendidikan pendekatan kuantitatif dan kualitatif*. Shah Alam: McGraw Hill Education.
- Low, K. L. (2016). *Intervensi awal Bahasa Isyarat terhadap penguasaan kod tangan Bahasa Melayu (KTBM) dalam kalangan kanak-kanak bermasalah pendengaran*. Perak: Univerisiti Pendidikan Sultan Idris.
- Madinah Mohd Yusof. (2004). *Keberkesanan kod tangan Bahasa Melayu (KTBM) terhadap ujian penulisan Bahasa Melayu pelajar bermasalah pendengaran*. Bangi: Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Hanafi Mohd Yasin, Mohd Mokhtar Tahar, Safani Bari, & Faten Nazren Manaf. (2017, July). The sign language learning in deaf student and special education teacher in integration program of hearing problem. *Journal of ICSAR*, 1, 166-174.
- Noriati A. Rashid, Boon, P. Y., & Sharifah Fakhriah Syed Ahmad. (2015). *Murid dan alam belajar*. Shah Alam: Oxford Fajar Sdn.Bhd.
- Syed Ismail Syed Mustapa, Ismail Raduan, & Bushro Ali. (2018). *Asas penyelidikan dalam pendidikan*. Selangor: Sasbadi Sdn. Bhd.
- Yul Yunazwin Nazaruddin. (2014). *Modul pembelajaran SPSS (statistical package for the social sciences)*. Pusat Data dan Statistik Pendidikan Kementerian Pendidikan dan Kebudayaan Republik Indonesia.

FAKTOR-FAKTOR YANG MENDORONG TEKANAN KERJA DALAM KALANGAN GURU-GURU PENDIDIKAN KHAS MASALAH PENDENGARAN : SATU KAJIAN TINJAUAN

SHARMMILA A/P SERIRAMULU
Jabatan Pendidikan Khas

Pensyarah Pembimbing
DR. MADINAH BINTI MOHD YUSOF

ABSTRAK

Menurut Siti Nor Afzan Kasiman (2009), kajian yang telah dijalankan oleh Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan (NUTP) mendapati 70% daripada 9,000 guru di seluruh negara tertekan bukan sahaja kerana beban tugas tetapi juga terpaksa berdepan dengan kerenah pengetua, kerani, ibu bapa dan juga pelajar. Kajian ini dijalankan untuk meninjau tahap tekanan kerja, faktor-faktor tekanan kerja dan cadangan menangani tekanan kerja yang dialami oleh guru-guru pendidikan khas masalah pendengaran. Reka bentuk kajian ini adalah secara tinjauan menggunakan kaedah kuantitatif dan kualitatif. Seramai 33 orang guru pendidikan khas masalah pendengaran telah mengambil bahagian dalam kajian ini dengan menjawab satu soal selidik. Soal selidik ini terdiri daripada empat bahagian. Bahagian A terdiri daripada profil demografi, bahagian B terdiri daripada 10 item, bahagian C terdiri daripada 5 konstruk dan setiap konstruk terdiri daripada 5 item manakala bahagian D mengandungi dua soalan terbuka. Soal selidik berskala likert 5 mata iaitu sangat tidak setuju, tidak setuju, sederhana setuju, setuju dan sangat setuju digunakan dalam kajian ini. Dapatan kajian ini menunjukkan tahap tekanan kerja guru-guru pendidikan khas masalah pendengaran berada pada tahap sederhana dengan skor min 2.37. Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa faktor kekurangan sumber (3.34), faktor beban tugas (3.31), faktor kerenah murid (3.29), faktor penghargaan (2.87) dan faktor hubungan sesama rakan sekerja (2.48) merupakan faktor yang menyebabkan tekanan kerja pada tahap sederhana dalam kalangan guru-guru pendidikan khas masalah pendengaran. Setiap guru haruslah bijak mengurus masa untuk mengelakkan timbunan kerja dan masalah tekanan kerja secara berterusan. Seminar, bengkel atau kursus yang berkaitan dengan tekanan kerja dan cara-cara mengatasinya perlu dianjurkan oleh pihak kerajaan.

Kata Kunci: Tekanan kerja, tahap tekanan kerja, faktor tekanan kerja, guru-guru pendidikan khas masalah pendengaran

ABSTRACT

National Union of the Teaching Profession Malaysia (NUTP) found that 70% of 9,000 teachers from all over the country are under stress not only caused by the workload given to them, but also caused by behavior of headmaster, clerks, parents and students (Siti Nor Afzan Kasiman, 2009). This study is conducted to study the stress level, stress contributing factors and the steps to overcome the work tension that is faced by the deaf education teachers. Qualitative and quantitative survey method used as the study design. A number of 33 teachers took part in the study by answering a questionnaire form delivered to them through online. The questionnaire consists of four sections. Section A consists of respondents demographic information, section B consists of 10 items, section C comprises five subtopics that carries five items respectively and section D has two open ended questions. Likert five point scale used to construct the survey questions. The outcome of this study shows that the stress level among deaf education teachers is within the moderate range with the mean score of 2.37. Besides, the study also concluded that factors such as lack of teaching and learning resources (3.34), workload (3.31), students' behavior (3.29), acknowledgement (2.87) and relationship with working colleagues (2.48) contributes to the stress level at moderate range among the teachers mentioned above. All deaf education teachers should be more efficient in managing their time. Besides, courses must be organized by the government to curb this problem.

Keywords: Work stress, work stress level, work stress factors, deaf education teachers

Emel: sharmmila96@gmail.com

1.0 PENGENALAN

Guru adalah individu yang banyak mempengaruhi kehidupan seseorang kanak-kanak sejak daripada mereka mula untuk menjejakkan kaki ke alam persekolahan. Pendidikan Khas di Malaysia berkembang pesat sejak bermulanya kesedaran tentang keperluan pendidikan untuk murid-murid berkeperluan khas. Kesedaran tentang pendidikan ini bermula daripada awal tahun 1920 dan diselaraskan dengan 'Pendidikan Untuk Semua'. Menurut Rohaidah (2015), guru mula merasakan kewajipan untuk mendidik adalah membebankan dan tidak memberikan kepuasan dalam kerja yang dilaksanakan oleh mereka. Secara ringkasnya, stres dapat didefinisikan sebagai tindak balas tubuh badan terhadap permintaan atau beban yang diberikan kepadanya (Shelton & Pollingue, 2009). Menurut Steph Halder, Presiden *British Association of Teachers of the Deaf* (seperti petikan dalam Mandic, 2019), peningkatan tahap tekanan guru pendidikan khas masalah pendengaran adalah kerana mereka perlu bekerja tanpa mengenal erti penat lelah untuk memenuhi keperluan murid bermasalah pendengaran serta menyeimbangkan permintaan dan keperluan dalam tugas mereka di sekolah.

2.0 PERNYATAAN MASALAH

Pada masa kini, banyak kajian berkaitan tekanan kerja dalam kalangan guru aliran perdana telah dilaksanakan di Malaysia. Sebaliknya, kajian berkaitan tekanan kerja dalam kalangan guru pendidikan khas masalah pendengaran tidak dilaksanakan secara meluas. Berdasarkan masalah tersebut, kajian ini sangat penting untuk dilaksanakan kepada guru-guru pendidikan khas masalah pendengaran di Sekolah Kebangsaan Pendidikan Khas (SKPK) dan Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) sebagai langkah awal untuk mengenal pasti tahap tekanan dan faktor-faktor yang mendorong tekanan dalam bidang kerjaya mereka serta cadangan menangani tekanan kerja yang dihadapi juga dapat diketahui dengan lebih jelas. Skop kajian ini lebih tertumpu kepada 33 orang guru yang berkhidmat dalam bidang pendidikan khas masalah pendengaran di 10 buah negeri di Malaysia yang merangkumi PPKI dan SKPK. Batasan kajian ini ialah kajian akan dijalankan dalam tempoh masa tiga bulan kepada guru-guru pendidikan khas masalah pendengaran yang mengajar di sekolah rendah sahaja dan tidak melibatkan Program Pendidikan Inklusif (PPI).

3.0 OBJEKTIF DAN SOALAN KAJIAN

OBJEKTIF KAJIAN

Secara khususnya kajian ini mempunyai tiga objektif kajian yang utama iaitu seperti berikut:

1. Mengetahui tahap tekanan kerja dalam kalangan guru pendidikan khas masalah pendengaran.
2. Mengetahui faktor-faktor tekanan kerja dalam kalangan guru pendidikan khas masalah pendengaran.
3. Mengetahui cadangan untuk menangani tekanan kerja yang dialami oleh guru-guru pendidikan khas masalah pendengaran.

SOALAN KAJIAN

Secara khususnya matlamat bagi kajian ini adalah untuk menjawab persoalan-persoalan berikut:

1. Apakah tahap tekanan kerja dalam kalangan guru pendidikan khas masalah pendengaran?
2. Apakah faktor-faktor tekanan kerja dalam kalangan guru pendidikan khas masalah pendengaran?
3. Apakah cadangan untuk menangani tekanan kerja yang dialami oleh guru-guru pendidikan khas masalah pendengaran?

4.0 METODOLOGI KAJIAN

Reka bentuk kajian ini adalah secara kajian tinjauan menggunakan kaedah kuantitatif dan kualitatif. Sampel kajian ini terdiri daripada 33 orang guru yang mengajar di sekolah pendidikan khas masalah pendengaran. Persampelan bertujuan digunakan dalam kajian ini di mana semua populasi dalam SKPK dan PPKI masalah pendengaran sahaja diambil sebagai sampel kajian. Instrumen yang digunakan ialah soal selidik berskala likert lima mata iaitu sangat tidak setuju, tidak setuju, tidak pasti, setuju dan sangat setuju. Kesahan bagi soal selidik yang disediakan ini telah diperolehi daripada soal selidik yang diadaptasi dan disemak oleh penyelia untuk disahkan. Soal selidik ini diadaptasi daripada kajian oleh Fazura Mohd Noor (2011) yang telah mendapatkan kesahan daripada pakar psikologi. Aplikasi *Statistical Package for the Social Sciences* (SPSS) versi 20.0 digunakan untuk mengukur kebolehpercayaan soal selidik yang telah disediakan. Berdasarkan kajian rintisan yang telah dijalankan,

nilai *Alpha Cronbach* yang diperoleh bagi keseluruhan soal selidik ini adalah sebanyak 0.81. Prosedur pengumpulan data dilakukan dengan mengedarkan soal selidik kepada sampel kajian melalui *Universal Resource Locator* (URL) yang telah disediakan iaitu <https://goo.gl/forms/ajssYxwpSHuH5ul32>. Analisis statistik deskriptif digunakan untuk menganalisis data bagi menjawab persoalan kajian 1 dan 2 dengan menggunakan Jadual 1 sebagai rujukan. Penganalisan data secara kualitatif pula dibuat bagi menjawab persoalan kajian 2 dan 3 berdasarkan soalan terbuka yang diberikan. Penganalisan data kualitatif bagi kajian ini adalah mengikut proses yang telah dinyatakan iaitu transkripsi, reduksi dan koding/tema.

Jadual 1

Pembahagian Jumlah Purata Min bagi Menentukan Tahap Tekanan Kerja dan Faktor yang Menyebabkan Tekanan Kerja dalam Kalangan Guru Pendidikan Khas Masalah Pendengaran

| Jumlah Purata Min | Tahap tekanan kerja |
|-------------------|---------------------|
| 1.00 hingga 2.33 | Rendah |
| 2.34 hingga 3.66 | Sederhana |
| 3.67 hingga 5.00 | Tinggi |

(Sumber: Mohd Zuri Ghani, Aznan Che Ahmad dan Suzana Ibrahim, 2014)

5.0 DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Persoalan 1: Apakah tahap tekanan kerja dalam kalangan guru pendidikan khas masalah pendengaran?

Secara keseluruhannya, purata jumlah min bagi tahap tekanan kerja guru adalah 2.37 iaitu berada pada tahap yang sederhana. Dapatan ini turut disokong oleh kajian berkaitan yang dijalankan oleh Amalina Razali dan Azita Ali (2016) yang menunjukkan bahawa tahap stres dalam kalangan guru-guru sekolah pendidikan khas berada pada tahap sederhana dengan skor min 3.10.

Persoalan 2: Apakah faktor-faktor tekanan kerja dalam kalangan guru pendidikan khas masalah pendengaran?

Dapatan kajian menunjukkan bahawa kesemua faktor yang mendorong tekanan kerja dalam kalangan guru-guru pendidikan khas masalah pendengaran berada pada tahap sederhana. Penganalisan dapatan kajian untuk menjawab persoalan ini adalah menggunakan dua kaedah iaitu kaedah analisis secara deskriptif dan analisis secara kualitatif. Analisis dapatan secara kuantitatif bagi setiap faktor tekanan kerja telah dirumuskan seperti yang dinyatakan dalam Jadual 2.

Jadual 2

Dapatan Jumlah Skor Min bagi Setiap Faktor yang Mendorong Tekanan Kerja dalam Kalangan Guru-Guru Pendidikan Khas Masalah Pendengaran

| Bil | Perkara | Min |
|-----|--------------------------------------|------|
| 1 | Faktor Beban Tugas | 3.31 |
| 2 | Faktor Kerenah Murid | 3.29 |
| 3 | Faktor Kekurangan Sumber | 3.34 |
| 4 | Faktor Penghargaan | 2.87 |
| 5 | Faktor Hubungan Sesama Rakan Sekerja | 2.48 |

Faktor Beban Tugas

Secara keseluruhannya, analisis dapatan secara kuantitatif menunjukkan purata jumlah min bagi faktor beban tugas adalah 3.31 iaitu berada pada tahap yang sederhana. Berdasarkan analisis dapatan secara kualitatif, responden menyatakan bahawa mereka mengalami tekanan kerja disebabkan oleh beban tugas yang berlebihan dan berada di luar kemampuan mereka. Pendapat yang diberikan oleh responden ialah mereka mengalami tekanan apabila diberikan kerja yang banyak dalam suatu tempoh masa yang singkat, lebih banyak tugas luar, tugas yang tidak berkaitan dengan pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPC) dan sebagainya. Dapatan ini adalah selaras dengan dapatan kajian yang dijalankan oleh Raman, B. dan Norasmah Othman (2017) yang membuktikan bahawa faktor beban tugas merupakan salah satu penyumbang utama kepada tekanan kerja dalam kalangan guru daripada

empat buah sekolah di Kapit, Sarawak dan kajian ini turut menyatakan bahawa beban kerja yang terlalu banyak memberikan tekanan kerja kepada guru-guru pada tahap yang sederhana.

Faktor Kerenah Murid

Secara keseluruhannya, analisis dapatan secara kuantitatif menunjukkan purata jumlah min bagi faktor kerenah murid adalah 3.29 iaitu berada pada tahap yang sederhana. Berdasarkan analisis dapatan secara kualitatif pula responden menyatakan bahawa mereka mengalami tekanan kerja disebabkan oleh faktor kerenah murid iaitu sering tidak hadir ke sekolah. Ini menyebabkan murid menghadapi kesukaran untuk memahami PdPC yang disampaikan oleh guru dan seterusnya prestasi akademik murid-murid menjadi lemah. Prestasi murid yang lemah ini memberikan tekanan kepada guru pendidikan khas masalah pendengaran. Kajian yang dijalankan oleh Kavita, K. dan Norliza Che Hassan (2018) menyatakan bahawa kerenah murid adalah faktor utama yang menyebabkan tekanan kerja kepada guru. Ini menunjukkan bahawa keupayaan dan kebolehan murid yang berbeza mempengaruhi tahap tekanan guru.

Faktor Kekurangan Sumber

Dapatan keseluruhan berdasarkan analisis dapatan secara kuantitatif menunjukkan bahawa purata jumlah min bagi faktor kekurangan sumber adalah 3.34 iaitu berada pada tahap yang sederhana. Berdasarkan analisis dapatan secara kualitatif juga responden menyatakan bahawa guru-guru mempunyai masalah kekurangan bahan bantu mengajar (BBM) untuk menjalankan sesi PdPC di sekolah dan masih terdapat persekitaran bilik darjah yang kurang kondusif untuk menjalankan sesi PdPC dengan selesa. Dapatan ini turut disokong oleh kajian yang telah dijalankan oleh Colligan dan Higgins (2008) yang menyatakan bahawa kebanyakan sekolah mempunyai masalah kekurangan sumber dari segi kemudahan dan persekitaran yang kurang selesa untuk mengendalikan murid-murid pendidikan khas.

Faktor Penghargaan

Dapatan keseluruhan berdasarkan analisis dapatan secara kuantitatif menunjukkan bahawa purata min keseluruhan ialah 2.87 iaitu berada pada tahap sederhana. Berdasarkan analisis dapatan secara kualitatif juga responden menyatakan bahawa sikap pentadbir yang autokratik serta komitmen dan kerjasama yang kurang memuaskan daripada pihak pentadbir sekolah memberikan tekanan kerja kepada mereka. Kajian yang telah dijalankan oleh Mohamad Abdillah Royo dan Fun (2010) turut menyatakan bahawa kurangnya galakan daripada pihak pentadbir menyebabkan tahap stres guru meningkat.

Faktor Hubungan Sesama Rakan Sekerja

Dapatan keseluruhan berdasarkan analisis dapatan kuantitatif mencatatkan purata min keseluruhan sebanyak 2.48 iaitu berada pada tahap yang sederhana. Berdasarkan analisis dapatan secara kualitatif juga responden menyatakan bahawa penglibatan guru pendidikan khas yang lain dalam program masalah pendengaran adalah tidak memuaskan dan ini memberikan tekanan kerja apabila timbul masalah lain seperti tugas berkumpulan terpaksa dilaksanakan secara bersendirian. Dapatan ini disokong oleh Wolgast dan Fischer (2017) yang menyatakan bahawa tahap stres guru meningkat apabila terdapat kekurangan pelaksanaan tugas secara berkumpulan.

Faktor Lain Tekanan Kerja

Berdasarkan analisis dapatan secara kualitatif, terdapat beberapa faktor lain yang telah dikemukakan oleh guru-guru pendidikan khas masalah pendengaran. Faktor lain yang memberikan tekanan kerja kepada responden kajian ialah penglibatan/sikap ibu bapa yang kurang memberikan kerjasama, kurang memberikan perhatian terhadap anak mereka dan hanya bergantung kepada guru semata-mata. Selain itu, masalah sistem pendidikan seperti guru bukan opsyen masalah pendengaran ditempatkan di SKPK, terikat dengan silibus yang sama seperti murid aliran arus perdana dan sebagainya menyumbang kepada tekanan kerja dalam kalangan responden kajian. Guru juga mempunyai masalah sendiri seperti tidak mahir bahasa isyarat dan tidak mempunyai rehat secukupnya sehingga mengalami gangguan emosi yang menyebabkan mereka tertekan. Faktor lain ialah pandangan masyarakat berkaitan bilangan murid dan waktu bekerja dalam kalangan guru-guru pendidikan khas masalah pendengaran tanpa usul periksa memberikan tekanan kerja.

Persoalan 3: Apakah cadangan untuk menangani tekanan kerja yang dialami oleh guru-guru pendidikan khas masalah pendengaran?

Berdasarkan analisis dapatan secara kualitatif, antara cadangan yang telah diberikan ialah meluahkan perasaan kepada rakan sekerja, mengutamakan kerja hakiki, rancang jadual kerja mengikut keutamaan, berehat sebentar dan solat. Selain itu, guru-guru pendidikan khas masalah pendengaran juga memberikan cadangan seperti perkara berkaitan sekolah hanya dilaksanakan di sekolah dan sebaliknya, beriadah bersama keluarga, sentiasa berfikiran positif, menetapkan *mind set* untuk mengajar murid dengan gembira dan sebagainya. Dapatan menunjukkan bahawa kebanyakan guru mampu untuk berfikiran terbuka bagi menangani tekanan kerja yang dialami oleh mereka.

6.0 KESIMPULAN, CADANGAN DAN IMPLIKASI

Kesimpulannya, kajian merumuskan bahawa tahap tekanan kerja yang dialami oleh responden kajian berada pada tahap sederhana. Berdasarkan analisis perbezaan min, data menunjukkan bahawa kelima-lima faktor tekanan kerja guru merupakan penyumbang kepada tekanan kerja guru pendidikan khas masalah pendengaran pada tahap yang sederhana. Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa faktor kekurangan sumber adalah faktor yang paling banyak menyumbang kepada tekanan kerja dalam kalangan guru pendidikan khas masalah pendengaran dan diikuti oleh faktor beban tugas, faktor kerenah murid, faktor penghargaan dan faktor hubungan sesama rakan sekerja.

Cadangan bagi kajian lanjutan ialah pengkaji disarankan untuk membuat penambahan bilangan negeri dan responden yang terlibat untuk meningkatkan kesahan dan kebolehpercayaan kajian. Pengkaji juga disarankan untuk melibatkan semua guru pendidikan khas masalah pendengaran yang terdiri daripada mereka yang mengajar di sekolah rendah dan sekolah menengah sebagai responden kajian. Kajian lanjutan juga dicadangkan untuk mengkaji tekanan kerja yang dihadapi oleh guru-guru pendidikan khas masalah pendengaran sebelum dan selepas waktu rehat di sekolah. Pengkaji juga disarankan supaya menambah lagi faktor lain dalam soal selidik yang akan disediakan. Kajian akan datang juga digalakkan untuk melihat perbezaan ciri-ciri demografi terhadap tahap dan faktor tekanan kerja dalam kalangan guru pendidikan khas masalah pendengaran. Sepanjang tempoh sesi persekolahan, pengkaji digalakkan untuk mengenal pasti beberapa peringkat waktu (awal, pertengahan atau penghujung sesi persekolahan) di mana tugas guru akan memuncak.

Implikasi kepada amalan pendidikan daripada kajian ini mencadangkan guru pendidikan khas masalah pendengaran mengaplikasikan pembelajaran individu dan berpasukan sebagai penyelesaian kepada banyak masalah guru yang berpunca daripada tekanan kerja. Implikasi kepada Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) ialah Dr Maszlee Malik iaitu Menteri Pendidikan Malaysia berjanji bahawa KPM akan berusaha mengembalikan tugas mendidik serta mengajar dengan memansuhkan tugas-tugas perkeranian yang didapati mengganggu tugas utama guru sebelum ini (Sinar Harian, 2019). Seterusnya, implikasi kepada guru pendidikan khas masalah pendengaran ialah setiap guru haruslah bijak menguruskan masa, bersikap profesional dengan tidak mencampuradukkan masalah peribadi dengan tugas di sekolah serta melakukan aktiviti senaman. Implikasi kepada pihak pentadbir sekolah ialah melaksanakan polisi pintu terbuka, memberikan motivasi dan bantuan kepada guru dan menggalakkan kerja berpasukan bagi menimbulkan motivasi guru untuk bertugas tanpa tekanan yang berlebihan.

RUJUKAN

- Amalina Razali & Azita Ali. (2016). Faktor-faktor yang mempengaruhi tahap stres guru pendidikan khas. *Online Journal for TVET Practitioners*, 1(1), 48-54.
- Colligan, T. W., & Higgins, E. M. (2008). Workplace stress. *Journal of Workplace Behavioral Health*, 21(2), 89-97.
- Fazura Mohd Noor. (2011). *Faktor-faktor penentu stres dalam kalangan guru-guru: Kajian di Sekolah Rendah Mubaligh di Kuala Lumpur*. (Tesis master tidak diterbitkan). Open University Malaysia, Kuala Lumpur.
- Kavita, K., & Norliza Che Hassan. (2018). Work stress among teachers: A comparison between primary and secondary school teachers. *International Journal of Academic Research in Progressive Education and Development*, 7(4), 60-66.

- Mandic, N. (2019, Mac 18). *Specialist teachers for deaf children battling with stress, workload and long hours*. Retrieved from Open Access Government: <https://www.openaccessgovernment.org/specialist-teachers-deaf-children/61082/>
- Mohammad Abdillah Royo, & Fun, W. S. (2010). *Faktor-faktor yang mendorong tekanan kerja (stres) di kalangan guru-guru Sjk(C): Satu kajian di tiga buah sekolah di Wilayah Persekutuan*. Universiti Teknologi Malaysia, Johor.
- Mohd Zuri Ghani, Aznan Che Ahmad, & Suzana Ibrahim. (2014). Stress among special education teachers in Malaysia. *Social dan Behavioral Sciences*, 4-13
- Raman, B., & Norasmah Othman. (2017). *Workload factor encouraging job stress among PT3 teachers in school district Kapit, Sarawak*. Proceedings of 57th IASTEM International Conference (pp. 8-14). Kota Kinabalu: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Rohaidah. (2015). *Relationship burnout job satisfaction among living skills subject teachers in secondary schools at Batu Pahat District*. University of Tun Hussein Onn, Johor.
- Shelton, C. F., & Pollingue, A. B. (2009). *The Exceptional Teachers's Handbook*. California: Corwin A SAGE Company.
- Sinar Harian. (14 Januari, 2019). *Lima inisiatif kurangkan beban guru*. Retrieved from <https://www.sinarharian.com.my/article/7435/BERITA/Nasional/Lima-inisiatif-kurangkan-beban-guru>
- Siti Nor Afzan Kasiman. (22 Mac, 2009). *Ramai guru sakit jiwa*. Kosmo Online. Retrieved from <http://perkhidmatanpelajaran.blogspot.com/2009/03/ramai-guru-sakit>
- Wolgast, A., & Fischer, N. (2017). You Are Not Alone: Colleague Support and Goal-Oriented Cooperation as Resources to Reduce Teachers' Stress. *Social Psychology Of Education:An International Journal*, 20(1), 97-114.

PENGGUNAAN SISTEM TOKEN EKONOMI DALAM PEMBELAJARAN DAN PEMUDAHCARAAN (PdPc) OLEH GURU PENDIDIKAN KHAS MASALAH PENDENGARAN

VEENOSHINI A/P NITHIANANTHAN
Jabatan Pendidikan Khas

Pensyarah Pembimbing
PN. ANITA SAPURA BINTI SHAARI

ABSTRAK

Kaedah sistem token ekonomi merupakan kaedah yang paling popular digunakan di sekolah pendidikan khas dalam meningkatkan tingkah laku positif dan mengurangkan tingkah laku negatif murid dengan memberikan penegasan iaitu ganjaran. Kajian ini dilakukan untuk melihat tahap penggunaan sistem token ekonomi dalam pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc) oleh guru pendidikan khas masalah pendengaran. Kajian ini dijalankan menjurus kepada tiga objektif iaitu untuk mengenal pasti tahap pengetahuan dan tahap penggunaan sistem token ekonomi dalam PdPc oleh guru pendidikan khas masalah pendengaran serta mengenal pasti cabaran yang dihadapi oleh guru pendidikan khas masalah pendengaran dalam penggunaan sistem token ekonomi. Kajian ini berbentuk kaedah kuantitatif dengan menggunakan instrumen kajian soal selidik untuk mengumpul pandangan guru pendidikan khas masalah pendengaran mengenai pelaksanaan sistem token ekonomi. Nilai Alpha Cronbach digunakan bagi mendapatkan indeks kebolehpercayaan instrumen kajian. Sampel kajian ini terdiri daripada 30 orang guru pendidikan khas masalah pendengaran yang dipilih secara rawak daripada dua buah Sekolah Kebangsaan Pendidikan Khas (SKPK) masalah pendengaran di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Dapatan kajian menunjukkan bahawa majoriti responden menggunakan sistem token ekonomi dalam PdPc disebabkan oleh pengetahuan penggunaan yang tinggi walaupun menghadapi pelbagai cabaran dalam mengaplikasikannya. Cadangan kajian selanjutnya akan dilaksanakan dengan skop batasan kajian yang lebih luas dengan melibatkan semua guru pendidikan khas masalah pendengaran yang mengajar di SKPK masalah pendengaran daripada seluruh negara Malaysia untuk mendapatkan hasil dapatan kajian yang lebih sahih dan berkualiti.

Kata Kunci: Sistem token ekonomi, guru pendidikan khas masalah pendengaran, pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc)

ABSTRACT

Token economy system is the most popular method used in special education schools to enhance student's positive behaviours and reduces the negative behaviours by reinforcing the rewards. This study was conducted to examine the use of the token economy system among hearing impaired special education teachers in teaching and learning. This study is aimed at identifying the knowledge and the use of the token economy system among hearing impaired special education teachers in teaching and learning as well as identifying the challenges faced by hearing impaired special education teachers in the use of token economy system. The method used in this study is the quantitative method where questionnaires were given to gather views of hearing impaired special education teachers on the implementation of token economy system. Value of Alpha Cronbach is used to obtain the reliability of the questionnaires. The sampel of study consisted of 30 teachers randomly selected from two hearing impaired special education schools in Federal Territory of Kuala Lumpur. The findings show that majority of the respondents use the token economy system in teaching and learning due to the knowledge about usage of token economy despite they face various challenges in applying them. Further research proposals will be carried out with a broader scope of study by involving all hearing impaired special education teachers who are teaching in hearing impaired special education school from all over Malaysia to get more valid and qualified research findings.

Keywords: Token economy system, hearing impaired special education teachers, teaching and learning

Emel: veenoshini.nathan@gmail.com

1.0 PENGENALAN

Sistem token ekonomi merupakan salah satu kaedah yang sangat berkesan untuk memberikan peneguhan kepada murid terutamanya murid masalah pendengaran dalam membentuk tingkah laku yang diinginkan semasa sesi pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc) berlangsung (Hackenberg, 2009). Terdapat dua kategori peneguhan iaitu peneguhan positif dan peneguhan negatif. Peneguhan positif diberi dalam pelbagai bentuk seperti benda, sosial (pujian) atau token (pelekat dan syiling) supaya murid dapat mengulangi sesuatu tingkah laku yang diinginkan serta memberi tumpuan kepada sesi PdPc. Parendrawati dan Dwi Putri (2008) pula menjelaskan bahawa kaedah sistem token ekonomi ini dilaksanakan dengan menggantikan token-token yang dikumpul oleh murid dengan sesuatu yang bernilai dan disukai murid seperti wang, pensel, buku warna, memberikan makanan kegemaran dan memaparkan rancangan TV kegemaran murid. Pada masa yang sama, peneguhan negatif pula diberikan kepada murid dengan cara menarik balik token jika murid menunjukkan tingkah laku negatif. Oleh itu, penggunaan sistem token ekonomi menjadi satu medium dalam membentuk tingkah laku murid terutamanya murid masalah pendengaran yang turut mempunyai masalah tingkah laku dan juga membantu guru untuk menjalankan sesuatu PdPc yang berkesan.

2.0 PERNYATAAN MASALAH

Sistem token ekonomi telahpun diamalkan dalam sistem pendidikan Malaysia bermula abad ke 20. Walau bagaimanapun, menurut pemerhatian pengkaji semasa menjalani praktikum di sekolah mendapati bahawa masih ramai murid masalah pendengaran menunjukkan tingkah laku yang tidak diinginkan semasa proses PdPc berlangsung. Murid-murid masalah pendengaran ini suka tidur dalam kelas. Hal ini terjadi kerana ramai murid, tidak dinafikan juga murid masalah pendengaran sehingga lewat dengan melakukan aktiviti yang tidak berfaedah seperti bermain game, menonton kartun dan berbual kosong bersama dengan rakan. Selain itu, murid-murid masalah pendengaran juga mempunyai masalah dalam menyiapkan kerja rumah disebabkan oleh sikap malasnya sendiri. Fadzilah Ibrahim (2010) menyatakan bahawa sikap malas ini wujud kerana ibu bapa terlalu memanjakan anak dengan menyediakan segala kehendak mereka.

Menurut kajian Susanne Reed, Shirin D. Antia, Kathryn H. Kreimeyer (2009) murid-murid masalah pendengaran tidak mempunyai keyakinan diri yang tinggi kerana mereka kurang diberi motivasi dari segi benda atau verbal (pujian). Apabila keyakinan diri murid rendah, mereka gagal untuk membuat aktiviti-aktiviti tertentu seperti aktiviti bercerita yang diadakan oleh guru semasa PdPc. Di samping itu, murid-murid masalah pendengaran juga tidak memberikan kerjasama kepada guru bagi menjalankan aktiviti kumpulan semasa PdPc berlangsung. Hal ini demikian, murid-murid masalah pendengaran lebih gemar untuk membuat sesuatu kerja dengan sendiri dan juga tidak memberikan peluang kepada ahli kumpulan lain untuk mencuba (Azizi Yahaya & Rosnan, 2004). Tambahan pula, terdapat segelintir murid masalah pendengaran suka mengganggu rakan sekelasnya semasa sesi PdPc. Hal ini berlaku apabila murid hilang fokus dan berasa bosan terhadap pengajaran guru. Kesemua tingkah laku murid ini menjadi penghalang kepada guru untuk menjalankan PdPc yang lancar serta mencapai objektif yang telah ditetapkan. Perkara ini mendorong pengkaji untuk membuat tinjauan terhadap penggunaan sistem token ekonomi dalam pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc) oleh guru-guru masalah pendengaran.

3.0 OBJEKTIF DAN PERSOALAN KAJIAN

Kajian ini menetapkan tiga objektif iaitu:

1. Mengenal pasti tahap pengetahuan guru pendidikan khas masalah pendengaran terhadap penggunaan sistem token ekonomi dalam pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc).
2. Mengenal pasti tahap penggunaan sistem token ekonomi dalam pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc) oleh guru pendidikan khas masalah pendengaran.
3. Mengenal pasti cabaran yang dihadapi oleh guru pendidikan khas masalah pendengaran dalam penggunaan sistem token ekonomi.

Kajian ini menetapkan 3 soalan seperti berikut:

1. Apakah tahap pengetahuan guru pendidikan khas masalah pendengaran terhadap penggunaan sistem token ekonomi dalam pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc)?
2. Apakah tahap penggunaan sistem token ekonomi dalam pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc) oleh guru pendidikan khas masalah pendengaran?

3. Apakah cabaran yang dihadapi oleh guru pendidikan khas masalah pendengaran dalam penggunaan sistem token ekonomi?

4.0 METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan reka bentuk tinjauan kerana pengkaji ingin melihat tahap penggunaan sistem token ekonomi dalam PdPc oleh guru pendidikan khas masalah pendengaran. Sampel kajian ini terdiri daripada 30 orang guru pendidikan khas masalah pendengaran yang dipilih secara rawak daripada dua buah Sekolah Kebangsaan Pendidikan Khas (SKPK) masalah pendengaran di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Pengkaji telah mengedarkan instrumen soal selidik dalam bentuk 'Google Form' melalui laman sosial *Whatsapp* kepada responden untuk mengumpul data. Soal selidik ini terdiri daripada empat bahagian :

a) Bahagian A : Profil Responden

Berkaitan jantina, umur dan pengalaman mengajar guru pendidikan khas dalam bidang pendengaran.

b) Bahagian B : Pengetahuan Guru

Terdiri daripada 11 item yang berkaitan dengan pengetahuan guru pendidikan khas masalah pendengaran terhadap penggunaan sistem token ekonomi dalam pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc).

c) Bahagian C : Penggunaan Sistem Token Ekonomi


Terdiri daripada 12 item yang berkaitan dengan penggunaan sistem token ekonomi dalam pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc) oleh guru pendidikan khas masalah pendengaran.

d) Bahagian D : Cabaran Guru

Terdiri daripada 7 item yang berkaitan dengan cabaran yang dihadapi oleh guru pendidikan khas masalah pendengaran dalam penggunaan sistem token ekonomi.

Kesahan kandungan borang soal selidik telah disemak dan disahkan oleh empat orang pakar dalam bidang pendidikan khas masalah pendengaran yang terdiri daripada pensyarah Jabatan Pendidikan Khas IPG Kampus Ilmu Khas. Kebolehpercayaan soal selidik ini diuji melalui kajian rintis yang dijalankan kepada 15 orang guru pendidikan khas masalah pendengaran. Pemilihan sampel kajian bagi kajian rintis memenuhi ciri-ciri kajian sebenar. Data yang diperolehi melalui kajian rintis diproses bagi mencari nilai *Alpha Cronbach*. Pengkaji menggunakan perisian *Perfect Statistic Professionally Presented* (PSPP, 2017) untuk mencari nilai *Alpha Cronbach* bagi setiap aspek yang terdapat dalam instrumen kajian.

5.0 DAPATAN DAN PERBINCANGAN



Rajah 1. Taburan min bagi persoalan kajian 1, persoalan kajian 2 dan persoalan kajian 3

Persoalan Kajian 1 :

Apakah tahap pengetahuan guru pendidikan khas masalah pendengaran terhadap penggunaan sistem token ekonomi dalam pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc)?

Hasil dapatan kajian ini mendapati bahawa tahap pengetahuan guru pendidikan khas masalah pendengaran terhadap pelaksanaan sistem token ekonomi berada pada tahap tinggi dengan catatan

purata min sebanyak 4.17. Majoriti responden menyatakan bahawa pelaksanaan sistem token ekonomi boleh meningkatkan tingkah laku positif dan mengurangkan tingkah laku negatif murid. Hal ini selari dengan pendapat Theodore Panitz (2006) yang menjelaskan bahawa ganjaran yang diberikan secara berterusan dapat mengubah tingkah laku murid yang tidak diinginkan dan membentuk tingkah laku positif. Selain itu, ramai responden yakin bahawa pelaksanaan sistem token ekonomi dapat meningkatkan keyakinan dan prestasi murid. Perkara ini menunjukkan ramai guru pendidikan khas masalah pendengaran mempunyai pengetahuan yang mendalam terhadap penggunaan sistem token ekonomi.

Persoalan Kajian 2 :

Apakah tahap penggunaan sistem token ekonomi dalam pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc) oleh guru pendidikan khas masalah pendengaran?

Analisis keseluruhan menunjukkan bahawa tahap penggunaan sistem token ekonomi dalam pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc) oleh guru pendidikan khas masalah pendengaran berada pada tahap tinggi dengan catatan purata min sebanyak 4.01. Majoriti responden menyatakan bahawa mereka menggunakan sistem token ekonomi sekurang-kurangnya bagi satu mata pelajaran yang mereka ajar dan ini membantu menjayakan sesuatu PdPc. Kajian oleh Tisha Millersmith dan T.F Mc Lauhglin (2010) menyatakan bahawa pelaksanaan sistem token ekonomi dapat meningkatkan kawalan murid di dalam kelas di samping meningkatkan prestasi akademik murid masalah pendengaran. Hal ini kerana, apabila murid menunjukkan tingkah laku diinginkan semasa sesi PdPc berlangsung maka, murid dapat memberi perhatian kepada pengajaran guru. Selain itu, terdapat juga responden yang menyatakan mereka akan meneruskan pelaksanaan sistem token ekonomi sebagai motivasi walaupun murid menunjukkan tingkah laku yang diinginkan. Ini menjelaskan bahawa ramai guru pendidikan khas masalah pendengaran menggunakan kaedah ini untuk membentuk tingkah laku murid semasa proses PdPc.

Persoalan Kajian 3 :

Apakah cabaran yang dihadapi oleh guru pendidikan khas masalah pendengaran dalam penggunaan sistem token ekonomi?

Hasil dapatan kajian ini mendapati bahawa guru pendidikan khas masalah pendengaran menghadapi cabaran yang tinggi dalam penggunaan sistem token ekonomi. Perkara ini dapat dibuktikan melalui catatan min yang berada pada tahap tinggi iaitu sebanyak 4.19. Majoriti responden menyatakan bahawa murid cepat bosan dengan penggunaan token yang sama secara berulang kali dan mereka terlalu bergantung kepada ganjaran untuk melakukan sesuatu perkara. Menurut pendapat Amy Morin (2018) pengulangan pemberian token yang sama tidak merangsang minat murid untuk melibatkan diri secara aktif dalam PdPc tetapi para guru hanya mempunyai pilihan token yang sangat terhad sahaja seperti pekat, bintang, smiley dan setem. Perkara ini memberi suatu bebanan kepada guru. Selain itu, murid terlalu bergantung kepada ganjaran akibat daripada penjelasan guru yang tidak jelas tentang pelaksanaan sistem token ekonomi kepada murid.

6.0 KESIMPULAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN

Dapatan kajian keseluruhan menunjukkan bahawa majoriti responden memahami pelaksanaan sistem token ekonomi secara mendalam dan kesannya kepada anak murid. Dapatan kajian ini adalah selaras dengan pendapat Kon Chon Min (2012) yang menyatakan bahawa pemahaman seseorang guru terhadap pengaplikasian strategi pengajaran amat signifikan untuk melihat keberhasilan murid dalam PdPc. Senario ini dapat dilihat melalui persetujuan kebanyakan responden yang menyatakan bahawa mereka memahami langkah-langkah dan peraturan-peraturan pelaksanaan sistem token ekonomi secara mendalam. Seterusnya, analisis data juga menunjukkan bahawa sistem token ekonomi digunakan sekurang-kurangnya dalam satu mata pelajaran oleh guru pendidikan khas masalah pendengaran dan ini meningkatkan keberhasilan sesi PdPc. Pengkaji mendapati bahawa ramai responden menggunakan token mengikut kehendak dan kegemaran murid. Hal ini kerana, penggunaan token yang diminati murid dapat meningkatkan motivasi dan keyakinan diri serta menggalakkan perasaan ingin cuba murid. Hasil dapatan kajian juga mendapati bahawa majoriti responden menyatakan pelaksanaan sistem token ekonomi ini mencabar dan agak membebankan. Hal ini terjadi kerana guru terpaksa menggunakan masa yang berlebihan untuk menyediakan bahan-bahan seperti carta token, menu ganjaran, jenis-jenis token serta ganjaran-ganjaran yang disukai murid. Pengkaji juga mendapati bahawa murid masalah pendengaran terlalu bergantung kepada ganjaran untuk membuat sesuatu tugas apabila token diberi kerap kali. Cabaran-cabaran ini menjadi halangan kepada guru untuk menggunakan sistem token ekonomi semasa proses PdPc berlangsung. Namun

begitu, majoriti responden menggunakannya dalam PdPc disebabkan oleh pengetahuan penggunaan yang tinggi.

Penggunaan sistem token ekonomi memberi banyak implikasi kepada murid masalah pendengaran, guru pendidikan khas masalah pendengaran, Sekolah Kebangsaan Pendidikan Khas serta Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Kaedah ini dapat memotivasikan murid masalah pendengaran untuk terus menunjukkan tingkah laku atau perbuatan yang diingini. Selaras dengan kenyataan ini, Norliza Abd. Aziz dan Lilia Halim (2017) menyatakan bahawa motivasi dapat menggerakkan dan mengarahkan seseorang untuk mendapatkan sesuatu yang diingini. Selain itu, pemberian token yang menarik juga akan meningkatkan keyakinan dan minat untuk melibatkan diri dengan aktif semasa sesi PdPc berlangsung. Sehubungan itu, penggunaan kaedah ini juga dapat membantu guru pendidikan khas masalah pendengaran untuk menjalankan sesi PdPc dengan lancar tanpa sebarang gangguan. Tambahan pula, penggunaan kaedah ini dapat mengurangkan stres guru serta membantu dalam mengawal kelas dengan baik. Pelaksanaan sistem token ekonomi dapat meningkatkan prestasi SKPK serta dijadikan sebagai penanda aras dalam kalangan sekolah-sekolah lain. Pelaksanaan kaedah seperti sistem token ekonomi dapat membantu KPM untuk mencapai hasrat dalam meningkatkan kualiti pendidikan selaras dengan taraf antarabangsa.

Cadangan kajian lanjutan boleh dijalankan dengan menggunakan bilangan sampel yang lebih besar untuk mendapatkan hasil dapatan kajian yang lebih sahih dan berkualiti. Selain itu, skop dan batasan kajian perlu diluaskan dengan melibatkan semua SKPK masalah pendengaran daripada seluruh negara Malaysia demi mendapatkan hasil dapatan kajian yang lebih tepat dan relevan. Tambahan pula, kajian lanjutan boleh dilaksanakan dengan mempelbagaikan kaedah pengumpulan data seperti menggunakan teknik pemerhatian, senarai semak dan temu bual. Kajian serupa perlu diadakan dengan menggunakan pendekatan *mix method* iaitu menggunakan kaedah kuantitatif dan kualitatif untuk membuat pengumpulan data. Sehubungan itu, kajian lanjutan juga boleh dilakukan untuk mengetahui keberkesanan penggunaan sistem token ekonomi dalam PdPc.

RUJUKAN

- Azizi Yahaya & Rosnan. (2004). The Effects of Motivational Factors in Learning among Students in Secondary School in Negeri Sembilan. *International Journal of Psychological Studies*, 2(1), 56-91.
- Fadzilah Ibrahim. (2010). Mengatasi masalah murid tidak menghantar dan menyiapkan kerja rumah dalam kalangan murid tahun 5 usaha Sekolah Kebangsaan Bukit Mahkota melalui 'sticker'. *Tesis Sarjana Muda Fakulti Pendidikan*. Kuala Lumpur: Universiti Teknologi Malaysia.
- Hackenberg T. (2009). Token Reinforcement: A Review and Analysis. *Journal of the Experimental Analysis of Behaviour*, 4(2), 257-286.
- Kon, Chon Min. (2012). Teachers' Understanding and Practice towards Thematic Approach in Teaching Integrated Living Skills (ILS) in Malaysia. *International Journal of Humanities and Social Science*, 2(23), 12-29.
- Millersmith, T. & McLaughlin, T. F. (2010). The effects of a token economy system to improve the social and academic behavior with a rural primary aged child with disabilities. *International Journal of Special Education*, 22(3), 72-77.
- Morin, A. (October 26, 2018). *Create a token economy system to improve your child's Behaviors*. Dipetik Januari 18, 2019, dari <https://www.verywellfamily.com/create-a-token-economy-system-to-improve-child-behavior-1094888>.
- Norliza Abd. Aziz & Lilia Halim. (2017). Hubungan antara motivasi, gaya pembelajaran dengan pencapaian matematik tambahan pelajar tingkatan 4. *Jurnal Pendidikan*, 31(1), 123-141.
- Panitz, T. (2006). How CI motivates students and teachers: Benefits of cooperative learning in relation to student motivation. *Journal of Further and Higher Education*, 142 (2), 94-104.

- Parendrawati & Dwi Putri. (2008). *Pengaruh terapi token ekonomi pada klien deficit perawatan diri di Rumah Sakit Dr Marzuki Mahdi Bogor*. Universitas Indonesia: Fakultas Ilmu Keperawatan.
- Perfect Statistic Professionally Presented (PSPP). (2017). *The PSPP Guide: An Introduction to Statistical Analysis*. California: CreativeMinds Press Group San Diego, CA.
- Reed, S., Antia, S.D. & Kreimeyer, K.H. (2009). Academic Status and Progress of Deaf and Hardof Hearing Students in General Education Classrooms. *Journal of Deaf Studies and Deaf Education*, 14(3), 293-331.

G8.3 Pendidikan Khas-Masalah Penglihatan



TAHAP KESEDIAAN GURU PELATIH PENDIDIKAN KHAS DALAM PROGRAM PENDIDIKAN INKLUSIF (PPI)

ARISYAH BINTI AZHA
Jabatan Pendidikan Khas

Pensyarah Pembimbing
PN. SUZITA BINTI A. BAKI

ABSTRAK

Program Pendidikan Inklusif adalah salah satu bidang dalam pendidikan yang memberi cabaran yang tinggi kerana guru yang terlibat dalam Program Pendidikan Inklusif perlu melengkapkan diri dengan pengetahuan yang kukuh, kemahiran mengajar yang mantap serta sikap dan minat. Kajian yang telah dijalankan ini adalah bertujuan untuk meninjau tahap kesediaan guru pelatih Pendidikan Khas dalam Program Pendidikan Inklusif (PPI). Kajian ini melibatkan peserta kajian seramai 30 orang guru pelatih Pendidikan Khas di Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas yang terdiri daripada semester enam dan lapan yang sudah mempunyai pengalaman berpraktikum. Data dikumpulkan melalui soal selidik sebanyak 30 item yang dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu dari aspek pengetahuan, kemahiran mengajar serta sikap dan minat terhadap penglibatan dalam Program Pendidikan Inklusif. Data yang dipungut telah dianalisis dengan menggunakan perisian Perfect Statistic Professionally Presented (PSPP). Dapatan kajian menunjukkan bahawa secara keseluruhannya tahap kesediaan guru pelatih Pendidikan Khas dalam pengetahuan, kemahiran mengajar serta sikap dan minat adalah tinggi. Akhirnya, cadangan untuk mengatasi masalah juga telah dikemukakan dalam kajian ini.

Kata Kunci: Program Pendidikan Inklusif, guru pelatih Pendidikan Khas, pengetahuan, kemahiran mengajar, sikap dan minat

ABSTRACT

The Inclusive Education Programme (PPI) is one of the areas of education that challenges a lot because teachers involved in the Inclusive Education Programme need to equip themselves with strong knowledge, strong teaching skills, attitudes and interests. This study is aimed to looking at the level of readiness of Special Education trainee teachers in the Inclusive Education Programme. This study involved 30 Special Education trainee teachers in the Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas which consisted of six and eight semesters who had practicum experience. The data were collected through a questionnaire of 30 items divided into three parts, namely from the aspect of knowledge, teaching skills and attitudes and interests to the participation in the Inclusive Education Programme. The data collected were analyzed using the Professionally Presented Perfect Statistic (PSPP) software. The findings showed that the overall level of readiness of the Special Education trainee teachers in knowledge, teaching skills, attitudes and interests was high. Finally, suggestions for problem solving were also presented in this study.

Keywords: Inclusive Education Programme, Special Education trainee teachers, knowledge, teaching skills, attitudes and interests

Emel: arisyahazha@gmail.com

1.0 PENGENALAN

Program Pendidikan Inklusif (PPI) telah diperkenalkan apabila terdapatnya peruntukan Akta Pendidikan 1996 dan Peraturan-Peraturan Pendidikan (Pendidikan Khas) 2013 di mana MBK boleh mengikuti pembelajaran di aliran perdana akan diberikan peluang untuk belajar bersama pelajar lain. Konsep PPI ini adalah selaras dengan pernyataan dalam Peraturan-peraturan Pendidikan (Pendidikan Khas) 2013 yang mana "Program Pendidikan Inklusif bererti suatu program pendidikan bagi murid berkeperluan pendidikan khas yang dihadiri oleh murid berkeperluan pendidikan khas bersama-sama dengan murid lain dalam kelas yang sama di sekolah kerajaan atau sekolah bantuan kerajaan" (ms. 4). Bagi sekolah yang mempunyai Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI), guru Pendidikan Khas memainkan

peranan yang penting dalam membantu guru aliran perdana menjayakan PPI. Kerjasama antara guru Pendidikan Khas dan guru aliran perdana memberi impak yang positif dalam mutu PPI.

2.0 PERNYATAAN MASALAH

Ketua Unit Perancangan Mikro Bahagian Pendidikan Khas, Susilah Ahmad dalam keratan akhbar Harian Metro (2016), telah menyatakan bahawa sehingga tahun 2015, seramai 72,715 direkodkan sebagai MBK di seluruh negara dan 16,899 MBK mengikuti PPI di 4,869 sekolah. Selanjutnya, ia memberi satu peningkatan berbanding 2014 yang hanya 10,700 MBK mengikuti PPI di 2,798 sekolah. Pernyataan tersebut jelas menunjukkan jumlah MBK di PPI semakin ramai dan sekali gus memerlukan ramai guru Pendidikan Khas untuk melibatkan diri dalam PPI ini. Oleh itu, persediaan bagi seorang bakal guru Pendidikan Khas untuk mengendalikan PPI adalah penting kerana menurut Sheehy dalam kajian Abdul Rahim Hamdan (2013), di mana sikap guru-guru yang terlibat adalah salah satu cabaran dalam melaksanakan Program Pendidikan Inklusif akibat daripada tiadanya kemahiran mengendalikan murid berkeperluan khas di kelas-kelas inklusif.

3.0 OBJEKTIF KAJIAN DAN SOALAN KAJIAN

Objektif kajian ini adalah untuk:

1. Mengenal pasti tahap pengetahuan guru pelatih Pendidikan Khas dalam Program Pendidikan Inklusif.
2. Mengukur tahap kemampuan mengajar guru pelatih Pendidikan Khas dalam Program Pendidikan Inklusif.
3. Menganalisis sikap dan minat guru pelatih Pendidikan Khas terhadap Program Pendidikan Inklusif.

Kajian ini bertujuan mencari jawapan kepada beberapa persoalan di bawah:

1. Sejauh manakah tahap pengetahuan guru pelatih Pendidikan Khas dalam Program Pendidikan Inklusif?
2. Bagaimanakah tahap kemampuan guru pelatih Pendidikan Khas untuk melaksanakan Program Pendidikan Inklusif?
3. Bagaimanakah sikap dan minat guru pelatih Pendidikan Khas terhadap pelaksanaan Program Pendidikan Inklusif?

4.0 METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini merupakan satu kajian tinjauan yang dilakukan kepada guru pelatih Pendidikan Khas. Kaedah kajian ini akan dilakukan secara kuantitatif dan menggunakan soal selidik sebagai instrumen. Keputusan ujian-ujian statistik seterusnya akan memberi kesimpulan terhadap ciri-ciri populasi yang dikaji. Sampel bagi kajian ini adalah secara rawak berlapis kerana kajian ini dilakukan dengan peserta kajian dipilih secara rawak dalam kumpulan-kumpulan berlapis dan digunakan bagi ciri-ciri populasi yang tidak seragam (Zainuddin Abu Bakar dan Noorsafarina Aziz, 2011). Kajian ini telah memilih seramai 30 orang peserta kajian yang terdiri daripada guru pelatih Pendidikan Khas semester enam dan lapan, Institut Pendidikan Guru Ilmu Khas yang pernah menjalani praktikum.

Instrumen soal selidik yang telah dibina telah diberikan kepada pakar yang mempunyai kemahiran dalam bidang inklusif seperti pensyarah Pendidikan Khas untuk menyemak bagi memastikan isi kandungannya bersesuaian dan menepati matlamat kajian. Dalam menguji kebolehpercayaan dalam item soal selidik kajian, penyelidik telah menjalankan kajian rintis kepada 10 guru pelatih Pendidikan Khas dan seterusnya kaedah ketekalan Cronbach's Alpha akan digunakan dalam menentukan kebolehpercayaan item. Kajian berbentuk deskriptif ini dijalankan menggunakan soal selidik secara atas talian melalui platform Google Forms dan diberikan kepada kumpulan sasaran melalui aplikasi Whatsapp. Dalam menganalisis data kuantitatif, Perfect Statistics Professionally Presented (PSPP) telah digunakan bagi memudahkan analisis data berlaku.

5.0 DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Berdasarkan persoalan kajian, penyelidik menganalisis dapatan bagi 3 bahagian soalan kajian menggunakan perisian Perfect Statistic Professionally Presented (PSPP). Analisis deskriptif data yang diperoleh adalah dalam bentuk peratus dan min. Peserta kajian perlu menjawab mengikut skala likert

yang mewakili 'Sangat Tidak Setuju', 'Tidak Setuju', 'Kurang Pasti', 'Setuju' dan 'Sangat Setuju'. Soal selidik telah dibina dengan menggunakan 10 item di bahagian B untuk menjawab persoalan kajian yang pertama. Bagi 10 item di bahagian C pula adalah untuk menjawab persoalan kajian yang kedua dan dalam 10 item di bahagian D pula adalah untuk menjawab persoalan kajian yang ketiga.

Item-item latar belakang peserta kajian daripada bahagian A soal selidik telah merangkumi jantina, semester dan pengkhususan dalam dalam kalangan kumpulan sasaran iaitu guru-guru pelatih Pendidikan Khas. Keseluruhan peserta kajian adalah seramai 30 orang yang terdiri daripada 4 orang (13%) lelaki dan 26 orang (87%) perempuan guru pelatih Pendidikan Khas yang juga terdiri daripada 8 orang (27%) semester enam dan 22 orang (73%) semester lapan guru pelatih. Soal selidik juga telah dibahagikan kepada 16 orang (53%) guru pelatih Pendidikan Khas Masalah Pendengaran dan 14 orang (47%) guru pelatih Pendidikan Khas Masalah Penglihatan di IPG Kampus Ilmu Khas.

Melalui dapatan yang telah diperolehi melalui bahagian B iaitu berkaitan dengan tahap pengetahuan guru pelatih Pendidikan Khas dalam PPI, telah menunjukkan ia berada pada tahap yang tinggi (min= 4.27). Menurut Kamarudin Md Amin (2009), skor min di antara 3.67 - 5.00 menunjukkan pada tahap yang tinggi. Dapatan kajian ini telah menjawab persoalan kajian bahawa guru pelatih Pendidikan Khas di IPG Kampus Ilmu Khas mempunyai tahap pengetahuan yang tinggi dalam PPI dan seterusnya memberitahu bahawa kursus Pendidikan Inklusif di IPG membolehkan bakal guru bersedia mengajar murid berkeperluan pendidikan khas pada masa hadapan (Norfishah Mat Rabi dan Nor Hasnida Che Md Ghazali, 2018).

Pada bahagian C pula adalah merujuk kepada tahap kemampuan guru pelatih Pendidikan Khas untuk melaksanakan PPI. Dapat telah mendapati bahawa tahap kemampuan guru pelatih Pendidikan dalam PPI berada pada tahap tinggi (min= 4.11). Daripada itu, guru pelatih Pendidikan Khas mempunyai kemahiran yang tinggi di dalam PPI seperti kemahiran kolaborasi di antara guru aliran perdana yang mana mampu untuk mewujudkan hasil yang mampu memberi sumbangan kepada amalan pengajaran berkesan untuk tenaga pengajar yang terlibat dalam bidang MBK (Abdul Aziz Sulaiman dan Siti Rubiyani Omar, 2018). Begitu juga di dalam bahagian D yang mana sikap dan minat guru pelatih Pendidikan Khas terhadap pelaksanaan PPI juga adalah tinggi (min= 4.22). Daripada itu, penyelidik telah mendapati hasil kajian ini adalah berbeza daripada hasil dapatan kajian lalu di mana aspek sikapnya mendapati pada tahap sederhana (Noor Aini Ahmad dan Norhafizah Abu Hanifah, 2015).

Jadual 1

Taburan Min Responden Tahap Kesediaan Guru Pelatih Pendidikan Khas dalam PPI

| Aspek | N | Min | Tahap |
|--------------------|----|------|--------|
| Pengetahuan | 30 | 4.27 | Tinggi |
| Kemahiran mengajar | 30 | 4.11 | Tinggi |
| Sikap dan Minat | 30 | 4.22 | Tinggi |
| Purata Min | | 4.20 | Tinggi |

Ketiga-tiga persoalan kajian telah dijawab dengan menunjukkan tahap pengetahuan guru pelatih Pendidikan Khas dalam PPI adalah tinggi, tahap kemampuan guru pelatih Pendidikan Khas untuk melaksanakan PPI adalah tinggi serta sikap dan minat guru pelatih Pendidikan Khas terhadap pelaksanaan PPI juga tinggi. Secara keseluruhannya, tahap kesediaan guru pelatih Pendidikan Khas dalam PPI adalah tinggi (min= 4.20). Oleh itu, penyelidik telah mencapai objektif kajian dalam mengenal pasti tahap pengetahuan guru pelatih Pendidikan Khas dalam PPI, mengukur tahap kemampuan mengajar guru pelatih Pendidikan Khas dalam PPI serta menganalisis sikap dan minat guru pelatih Pendidikan Khas terhadap PPI dengan menjawab kesemua persoalan kajian.

6.0 KESIMPULAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN

Hasil kajian telah mendapati bahawa tahap kesediaan guru pelatih Pendidikan Khas dalam PPI adalah tinggi. Hal ini dapat disimpulkan melalui dapatan kajian pada setiap bahagian seperti dari aspek pengetahuan, kemahiran mengejar serta sikap dan minat telah menunjukkan kesemuanya berada pada tahap yang tinggi. Oleh itu, secara keseluruhannya, penyelidikan ini telah menunjukkan bahawa guru pelatih Pendidikan Khas produk daripada IPG Kampus Ilmu Khas ini telah disajikan dengan ilmu

pengetahuan yang mencukupi mengenai PPI sepanjang pengajian mereka dalam Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP) ini. Begitu juga dengan program latihan mengajar atau lebih dikenali sebagai praktikum telah melatih guru pelatih dengan baik sekali serta memberi impak yang sangat positif. Selain itu, guru pelatih Pendidikan Khas IPG Kampus Ilmu Khas telah menunjukkan potensi mereka untuk menjadi seorang guru yang cemerlang dan berkualiti pada masa akan datang.

Justeru, melalui kajian ini diharapkan pihak Kementerian dapat melihat betapa pentingnya keperluan latihan dan kursus mengenai Pendidikan Inklusif yang perlu diadakan kepada kepada setiap institusi yang menawarkan program pendidikan. Seterusnya, diharapkan juga daripada kajian ini mampu untuk membuka mata pihak IPGM untuk lebih meneliti sukatan mata pelajaran di IPG supaya guru pelatih Pendidikan Khas sudah diberi pendedahan tentang Pendidikan Inklusif daripada awal lagi. Kajian ini juga mampu untuk memberi kesedaran kepada masyarakat sekeliling dan juga ibu bapa bahawa PPI adalah satu sistem pendidikan yang memberi manfaat kepada kanak-kanak berkeperluan khas terutamanya dari aspek sosial.

Penyelidik juga telah mencadangkan beberapa kajian lanjutan yang boleh dilaksanakan pada masa akan datang seperti melibatkan kajian ini kepada guru pelatih pengkhususan lain untuk melihat tahap kesediaan guru pelatih aliran perdana dalam PPI. Seterusnya, kajian ini juga boleh memperluaskan lagi dengan meningkatkan lagi bilangan peserta kajian supaya dapatan kajian dapat dilihat dengan lebih jelas. Akhir sekali, penyelidik mencadangkan kajian ini boleh dilaksanakan menggunakan dua instrumen seperti soal selidik dan temu bual supaya data kajian dapat dilihat dengan lebih terperinci dan tepat.

RUJUKAN

- Abdul Rahim Hamdan, & Muhamad Khairul Anuar Hussin. (2013). Persepsi guru aliran perdana terhadap inklusif. *2nd International Seminar on Quality and Affordable Education (ISQAE 2013)*, 2.
- Harian Metro. (2016, April 15). Mutu pendidikan terus diperkuat. Retrieved from <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2016/04/130603/mutu-pendidikan-terus-diperkuat>
- Kamarudin Md Amin. (2009). *Kesediaan guru pelatih IPGM kampus Temenggong Ibrahim dalam menjalani latihan praktikum* (Master's thesis, Universiti Teknologi Malaysia, Johor).
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (1996). *Akta Pendidikan 1996 (Akta 550) = Education Act 1996 (Act 550)*. Kuala Lumpur: Percetakan Nasional.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2013). *Garis panduan program pendidikan inklusif murid berkeperluan khas*. Wilayah Persekutuan Putrajaya: Bahagian Pendidikan Khas.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2013). Program Pendidikan Inklusif - Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Retrieved from <https://www.moe.gov.my/index.php/my/pendidikan-khas/program-pendidikan-inklusif>
- Norfishah Mat Rabi, Nor Hasnida Che Md Ghazali, Grace Annammal Ghana Piragasam & Norziana Mat Rabi. (2018). *Kepentingan Kursus Pendidikan Inklusif Ke Arah Persediaan Guru Pra Perkhidmatan Mengajar Murid Berkeperluan Khas di Sekolah* (Master's thesis, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia).
- Zainudin Abu Bakar dan Huszaifah Mohd Husnan. (2010). *Kepentingan kemahiran pengajaran amali dalam pengajaran* (Master's thesis, Universiti Teknologi Malaysia).
- Norfishah Mat Rabi, Nor Hasnida Che Md Ghazali, Grace Annammal Ghana Piragasam & Norziana Mat Rabi. (2018). *Kepentingan Kursus Pendidikan Inklusif Ke Arah Persediaan Guru Pra Perkhidmatan Mengajar Murid Berkeperluan Khas di Sekolah* (Master's thesis, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia).
- Zainudin Abu Bakar dan Huszaifah Mohd Husnan. (2010). *Kepentingan kemahiran pengajaran amali dalam pengajaran* (Master's thesis, Universiti Teknologi Malaysia).

PERSEPSI GURU PENDIDIKAN KHAS TERHADAP TAHAP KETERLIBATAN AKADEMIK MURID MASALAH PENGLIHATAN DALAM PROGRAM PENDIDIKAN KHAS INTEGRASI (PPKI)

FATIN AMIRAH BINTI MOHAMAD SUHAIMI
Jabatan Pendidikan Khas

Pensyarah Pembimbing
PN. NORIMAH BINTI MAT SOM

ABSTRAK

Kajian tinjauan ini dijalankan untuk meninjau persepsi guru pendidikan khas terhadap tahap keterlibatan akademik dalam kalangan murid masalah penglihatan dalam Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI). Selain itu, kajian ini juga meninjau keterlibatan akademik murid masalah penglihatan dari aspek sosial, disiplin, kemahiran dan aktiviti Pengajaran dan Pemudahcaraan (PdPc). Sampel kajian terdiri daripada 42 orang guru pendidikan khas yang mengajar murid masalah penglihatan di sekolah rendah yang menawarkan Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) di sekitar Kuala Lumpur dan Selangor. Instrumen kajian merupakan satu set borang soal selidik yang mengandungi empat konstruk. Data dianalisis menggunakan statistik deskriptif yang melibatkan kekerapan, min dan peratus. Dapatan keseluruhan kajian menunjukkan persepsi guru pendidikan khas terhadap keterlibatan akademik murid masalah penglihatan adalah sederhana di mana hanya mencatat nilai min (min=2.74). Kajian ini mempunyai implikasi terhadap kepentingan dan peranan guru pendidikan khas dalam meningkatkan keterlibatan akademik murid masalah penglihatan di bilik darjah.

Kata Kunci: Keterlibatan akademik; murid masalah penglihatan; guru pendidikan khas.

ABSTRACT

This survey study was conducted to examine the perception of special education teachers on academic involvement among student with visual impairments. Other than that, this study also examines academic involvement among students with visual impairments from four aspect such as social, discipline, skill and teaching and facilitating activities (PdPc). The sample of the study was 42 special education teachers who taught student with visual impairment in primary schools that offered Visual and Integrated Special Education Program (PPKI) around Kuala Lumpur and Selangor. The research instrument is a set of questionnaires administered which is have four constructs. The data were analyzed using descriptive statistic involving frequency, mean and percentage. The findings show that overall, the perception of special education teachers towards the academic involvement of the pupils of visual impairment is modest which is the value recorded is (mean=2.74). This study has implications on the importance of special education teachers' role in improving the academic involvement of pupils in vision problems in the classroom.

Keywords: Academic involvement; student with visual impairments; special education

Emel: Mieyaamirah2573@gmail.com

1.0 PENGENALAN

Tompkins J. R. (2007) menyatakan bahawa kajian mengenai keterlibatan murid merupakan komponen penting dalam mencapai matlamat persekolahan. Keterlibatan murid di sekolah boleh menjadi petunjuk pencapaian seterusnya menyumbang kepada perkembangan sosial dan kognitif murid ini. Amla, Mazdalina dan Ramlah (2013) menegaskan bahawa sekolah merupakan tempat murid memperoleh pengalaman, pengetahuan dan membina personaliti melalui keterlibatan murid dalam kurikulum serta kokurikulum di sekolah di bawah pengawasan guru. Berdasarkan kajian Bardin & Lewis (2011) menyatakan keterlibatan murid masalah penglihatan turut dilihat dari kejayaan seorang guru mengajar dan membimbing murid tersebut. Mereka berpendapat bahawa sokongan dan dorongan daripada guru adalah penting agar murid dapat melibatkan diri mereka secara aktif. Sehubungan dengan itu, kajian tentang persepsi guru pendidikan khas terhadap keterlibatan akademik dalam kalangan murid masalah penglihatan perlu diteroka bagi melihat sejauh mana murid ini menunjukkan keterlibatan mereka dalam akademik.

2.0 PERNYATAAN MASALAH

Di Malaysia, program pendidikan khas telah bermula sejak awal tahun 1920-an lagi. Pertambahan bilangan sekolah-sekolah di seluruh negara yang menjalankan program ini sehingga kini telah berjaya membuka mata semua pihak. Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) yang disediakan ini adalah untuk mewujudkan satu hubungan sosial antara murid-murid khas dengan murid-murid tipikal. Program ini diwujudkan di sekolah harian biasa (rendah, menengah, dan sekolah teknik/vokasional) yang menggunakan pendekatan Pengajaran dan Pemudahcaraan (PdPc) secara pengasingan dan separa inklusif. Berdasarkan statistik yang dikeluarkan oleh JPK, sehingga Januari 2002 seramai 10 223 orang pelajar yang terlibat di dalam program pendidikan khas masalah penglihatan di seluruh negara (JPK, 2002).

Guru sebagai agen perubahan dalam pendidikan sentiasa melibatkan faktor-faktor manusia dan emosi. Justeru itu, keterlibatan akademik murid masalah penglihatan akan melibatkan reaksi individu sama ada dalam bentuk persepsi secara positif mahupun negatif atau adanya tanggapan-tanggapan lain yang berbeza-beza. Proses terjadinya persepsi tersebut dipengaruhi oleh keperluan, pengalaman, dan faktor-faktor psikologi seseorang. Menurut Zebehazy & Smith (2011), ramai guru-guru sekolah mempunyai persepsi yang berbeza-beza dan interpretasi yang pelbagai. Terdapat kajian di luar negara pada tahun 2011 yang mendapati guru mempunyai persepsi yang negatif terhadap keterlibatan akademik murid masalah penglihatan (Zebehazy & Smith, 2011). Kajian dalam negara oleh Manisah & Hassan (2014) pula mendapati guru berpandangan bahawa keterlibatan akademik murid masalah penglihatan adalah pada tahap yang sederhana. Manakala (Harley, Truan, & Sanford, 1997), pula menyatakan bahawa pencapaian akademik masalah penglihatan kebiasaannya adalah lebih rendah daripada murid tipikal. Walau bagaimanapun, tinjauan awal mendapati terdapat murid masalah penglihatan yang cemerlang dalam pencapaian akademik mereka.

Keterlibatan akademik murid juga sebagai petunjuk kepada perkembangan sosial murid masalah penglihatan. Kemahiran sosial dipelajari melalui pemerhatian visual. Namun begitu, bagi murid masalah penglihatan, adalah mustahil untuk mereka dapat memerhati tingkah laku orang lain, cara mereka berinteraksi dan mengetahui tingkah laku yang diterima oleh masyarakat. Ini menyebabkan mereka cenderung untuk mendiamkan diri dan menunggu orang lain untuk memulakan perbualan. Situasi ini menyukarkan guru untuk menjalankan sesi PdPc di dalam bilik darjah kerana komunikasi yang efektif tidak berlaku. Justeru itu, adalah kritikal kajian ini dijalankan untuk meninjau persepsi guru pendidikan khas terhadap keterlibatan akademik dalam kalangan murid masalah penglihatan dalam Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI).

3.0 OBJEKTIF KAJIAN DAN SOALAN KAJIAN

Kajian ini menggariskan empat objektif khusus iaitu:

1. Mengenal pasti persepsi guru pendidikan khas terhadap tahap keterlibatan akademik murid masalah penglihatan dalam PPKI Masalah Penglihatan bagi aspek sosial.
2. Mengenal pasti persepsi guru pendidikan khas terhadap tahap keterlibatan akademik murid masalah penglihatan dalam PPKI Masalah Penglihatan bagi aspek disiplin.
3. Mengenal pasti persepsi guru pendidikan khas terhadap tahap keterlibatan akademik murid masalah penglihatan dalam PPKI Masalah Penglihatan bagi aspek kemahiran.
4. Mengenal pasti persepsi guru pendidikan khas terhadap tahap keterlibatan akademik murid masalah penglihatan dalam PPKI Masalah Penglihatan bagi aspek aktiviti Pengajaran dan Pemudahcaraan PdPc.

Kajian ini dijalankan untuk menghuraikan beberapa persoalan iaitu:

1. Apakah persepsi guru pendidikan khas terhadap tahap keterlibatan akademik murid masalah penglihatan dalam PPKI Masalah Penglihatan bagi aspek sosial?
2. Apakah persepsi guru pendidikan khas terhadap tahap keterlibatan akademik murid masalah penglihatan dalam PPKI Masalah Penglihatan bagi aspek disiplin?
3. Apakah persepsi guru pendidikan khas terhadap tahap keterlibatan akademik murid masalah penglihatan bagi PPKI Masalah Penglihatan dalam aspek kemahiran?
4. Apakah persepsi guru pendidikan khas terhadap tahap keterlibatan akademik murid masalah penglihatan dalam PPKI Masalah Penglihatan bagi aspek aktiviti PdPc?

4.0 METODOLOGI KAJIAN

Pengkaji telah melaksanakan pendekatan kuantitatif dengan menggunakan kaedah tinjauan. Kajian tinjauan ini telah dijalankan menggunakan instrumen soal selidik sebagai kaedah dalam memperolehi data. Populasi yang terlibat dalam kajian ini terdiri daripada 42 orang guru pendidikan khas yang mengajar murid masalah penglihatan dalam PPKI di sekitar Kuala Lumpur dan Selangor. Pemilihan sampel adalah secara rawak mudah kerana bilangan sampel hanya tertumpu kepada guru pendidikan khas yang mengajar murid masalah penglihatan dalam PPKI di sekitar Kuala Lumpur dan Selangor. Soal selidik ini terdiri daripada 30 item yang diukur dengan menggunakan skala likert 4 mata, terdiri daripada 2 bahagian iaitu bahagian A yang mengandungi 2 item tentang profil demografi responden manakala bahagian B terdapat 30 item dan ianya terbahagi kepada 4 aspek iaitu sosial (8 item), disiplin (7 item), kemahiran (8 item) dan aktiviti PdPc (7 item). Soal selidik kajian ini dibina dengan merujuk kepada instrumen soal selidik yang diperolehi dari kajian Nur Khairul Nisha Roslan & Haris Abd. Wahab (2017) iaitu Keterlibatan Akademik Pelajar Kurang Upaya Penglihatan Yang Mengikuti Program Pendidikan Khas. Data diperolehi melalui kutipan borang soal selidik yang telah diagihkan. Jawapan soal selidik dianalisis menggunakan perisian komputer dengan aplikasi SPSS versi 24. Penganalisan data adalah berobjektif untuk analisis statistik deskriptif supaya dapat ditafsirkan dan menjelaskan persepsi guru pendidikan khas terhadap tahap keterlibatan akademik murid masalah penglihatan dalam PPKI masalah penglihatan melalui aspek sosial, disiplin, kemahiran dan aktiviti PdPc. Hasil kajian dibentangkan dalam bentuk kekerapan, min dan peratus.

5.0 DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Dapatan kajian dinyatakan berdasarkan persoalan kajian yang ditetapkan iaitu bagi meninjau persepsi guru pendidikan khas terhadap tahap keterlibatan akademik murid masalah penglihatan dalam PPKI masalah penglihatan. Pengkaji juga melihat dari empat aspek iaitu sosial, disiplin, kemahiran dan aktiviti PdPc dalam kalangan murid masalah penglihatan.

Jadual 1
Purata Min Keseluruhan bagi Setiap Aspek.

| Aspek | Min | Interpretasi |
|--|------|--------------|
| Sosial | 2.72 | Sederhana |
| Disiplin | 2.48 | Sederhana |
| Kemahiran | 2.80 | Sederhana |
| Aktiviti Pengajaran dan Pemudahcaraan (PdPc) | 2.94 | Sederhana |
| Purata min keseluruhan | 2.74 | Sederhana |

Jadual 1 menunjukkan perbandingan min bagi keempat-empat aspek tersebut iaitu sosial, disiplin, kemahiran dan aktiviti PdPc. Jadual di atas menunjukkan ramai responden bersetuju murid masalah penglihatan dapat menunjukkan penglibatan aktif yang lebih baik daripada ke semua aspek yang lain walaupun aspek ini masih berada pada tahap yang sederhana. Aspek bagi aktiviti PdPc ini mencatat nilai min paling menonjol di mana nilai min yang diperolehi adalah (min=2.94), manakala persepsi guru pendidikan khas terhadap aspek disiplin murid masalah penglihatan adalah kurang memberangsangkan. Hal ini didapati bahawa aspek tersebut mencatat nilai min paling rendah iaitu (min=2.48). Secara kesimpulannya, persepsi guru pendidikan khas terhadap keterlibatan akademik murid masalah penglihatan dalam PPKI adalah pada tahap sederhana. Hal ini didapati apabila nilai purata min bagi keseluruhan aspek tersebut hanya mencapai nilai (min = 2.74). Data ini mempunyai persamaan dengan dapatan kajian Bardin dan Lewis (2008) ke atas 79 orang guru tipikal dalam bilik darjah di kelas aliran perdana. Kajian Bardin (2006); Bardin dan Lewis (2011) pula menunjukkan bahawa tahap keterlibatan murid masalah penglihatan adalah sama dengan tahap keterlibatan murid berprestasi akademik rendah. Majoriti guru berpendapat murid masalah penglihatan menghadapi halangan dalam aspek akademik dan sosial disebabkan keadaan mereka yang mempunyai masalah penglihatan. Murid didapati bosan, tidak bermotivasi dan tidak melibatkan diri dengan persekitaran sekolah. Malah kurang berdaya disebabkan keyakinan diri yang rendah (Appleton et al. 2008; Reschly et al. 2008).

6.0 KESIMPULAN, CADANGAN DAN IMPLIKASI

Secara kesimpulannya, hasil kajian mendapati persepsi guru pendidikan khas terhadap keterlibatan akademik murid masalah penglihatan dalam PPKI yang melibatkan aspek sosial, disiplin, kemahiran dan aktiviti PdPc adalah pada tahap sederhana. Oleh itu, guru berperanan penting dalam menukar halangan ini dengan mewujudkan peluang untuk meningkatkan tahap keterlibatan murid masalah penglihatan melalui strategi-strategi yang dirancang dengan penerapan teori pembelajaran yang berkesan. Oleh sebab itu, sokongan guru adalah penting dalam mempengaruhi keterlibatan murid dalam akademik yang seterusnya menyumbang kepada kejayaan murid di sekolah.

Kajian ini seterusnya boleh dikembangkan pada masa akan datang dengan mengambil kira aspek umur dan jantina murid. Perbezaan kumpulan umur dan jantina boleh menambah nilai dapatan kajian keterlibatan akademik murid masalah penglihatan. Selain itu, kajian ini boleh melibatkan jumlah responden yang lebih besar seperti guru tipikal, guru resos, siswa guru IPG atau guru-guru pelatih dalam kalangan pelajar universiti awam dan swasta.

Kajian ini diharapkan dapat menjadi panduan dan rujukan kepada pihak-pihak yang terlibat seperti pihak KPM, pihak sekolah, guru dan ibubapa. Usaha ini dapat meningkatkan tahap keterlibatan akademik murid masalah penglihatan dalam PPKI masalah penglihatan.

RUJUKAN

- Appleton et al., Reschly et al. (2008). Student engagement with school: critical conceptual and methodological issues of the construct. *Psychology in the Schools* 45(5): 369-386.
- Amla, Mazdalina & Ramlah (2013). *Pengurusan Kokurikulum*. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHO).
- Bardin, J.A. (2006). *Academic Engagement of Students with Visual Impairments in General Education Language Arts Classroom*. Dissertation. Florida State University.
- Bardin, J.A. & Lewis, S. (2008). A survey of the academic engagement of students with visual impairments in general education classes. *Journal of Visual Impairment & Blindness* 102(8): 472-483.
- Bardin & Lewis, Smith et al., Wang & Holcombe. (2011). A survey of the academic engagement of students with visual impairments in general education classes. *Journal of Visual Impairment & Blindness* 102(8): 472-483.
- JPK. (2002). *Peraturan-peraturan Pendidikan (Pendidikan Khas) 2013*. *Warta Kerajaan Persekutuan: P.U. (A) 230*.
- Manisah & Hassan (2014). Perspektif Guru terhadap Keterlibatan Akademik dalam Kalangan Murid dengan Ketidakupayaan Penglihatan. *International Journal of Special Education*, 21.
- Nur Khairul Nisha Roslan & Haris Abd. Wahab (2017). Pencapaian Akademik Pelajar kurang Upaya Penglihatan Yang Mengikuti Program Pendidikan Khas. *The Malaysian Journal of Social Administration*, 9(1): 45-64 45.
- Tompkins J. R. (2007). *Fundamentals of Special Education: What Every Teacher Needs to Know*. New Jersey: Pearson.
- Zebehazy, K. T., & Smith, T. J. (2011). An Examination of Characteristics Related to the Social Skills of Youths with Visual Impairments. *Journal Of Visual Impairment & Blindness*, 105(2), 84-95.

KEMAHIRAN LITERASI KOD BRAILLE BAHASA MELAYU GRED 2 SINGKATAN TANDA KATA RINGKAS BAGI MURID BUTA MENGGUNAKAN KIT TT

IZZATI SYAHIRAH BINTI AMRULLAH
Jabatan Pendidikan Khas

Pensyarah Pembimbing
PN. SURIANI BINTI YUSOF

ABSTRAK

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk membantu murid buta Tahun 4 dalam penguasaan kemahiran literasi Kod Braille Bahasa Melayu Gred 2 dengan menggunakan kit TT berdasarkan pendekatan Pembelajaran Masteri. Kemahiran literasi Kod Braille Bahasa Melayu Gred 2 ini melibatkan dua kemahiran asas iaitu kemahiran mengenal dengan menyebut secara lisan dan kemahiran mengeja singkatan Tanda Kata Ringkas. Peserta kajian terdiri daripada seorang murid dari salah sebuah sekolah pendidikan khas masalah penglihatan di Pulau Pinang. Fokus kajian adalah untuk menilai keberkesanan tindakan yang diberikan iaitu kit TT dengan menggunakan pendekatan Pembelajaran Masteri terhadap kemahiran literasi Kod Braille Bahasa Melayu Gred 2 murid buta. Peserta kajian juga telah diberikan tindakan sebanyak dua kali dalam masa tiga bulan. Data dikumpul melalui ujian pra, ujian pos, ujian formatif, pemerhatian dan temu bual. Dapatan kajian menunjukkan kaedah penggunaan kit TT dapat meningkatkan penguasaan murid dalam kemahiran mengenal dan mengeja singkatan Tanda Kata Ringkas. Murid juga berasa lebih bermotivasi dan seronok untuk belajar Kod Braille Bahasa Melayu Gred 2 melalui kaedah pengajaran yang telah dilaksanakan.

Kata Kunci: Kemahiran literasi, Kod Braille Bahasa Melayu Gred 2 singkatan Tanda Kata Ringkas, pendekatan Pembelajaran Masteri

ABSTRACT

The aim of this study was to carry out an action research to investigate literacy skills of Bahasa Melayu Grade 2 Braille when using the TT Kit based on Mastery Learning approach. To that end, this approach was used for improving the Braille Code literacy skills of a special primary school for visually impaired in Penang of 4th grade student who had problems with the contraction. An action plan was prepared for 60 minutes a day twice in a week for a period of 3 months. In this research, pre-test, formative tests and post test together with observations and interviews were used as data collection tools to provide research credibility. The results indicated that the TT Kit tools increased student's recognising skills and spelling skills of the Braille Code contraction.

Keywords: Literacy skills, Malay Braille Grade 2 Tanda Kata Ringkas contraction, Master Learning approach

Emel: izzatiamrull@icloud.com

1.0 PENGENALAN

Keupayaan membaca dan menulis merupakan sesuatu perkara yang sukar dilakukan oleh murid berkeperluan khas masalah penglihatan buta kerana mereka hanya bergantung kepada medium Braille sahaja. Murid buta perlu menghafal singkatan Kod Braille Gred 2 ini bagi memudahkan mereka untuk membaca dan mengeja. Kod Braille Gred 2 ini dilakukan untuk menjimatkan ruang dalam sel Braille. Hal ini selari dengan dapatan kajian oleh I.K. Durre (1996) mengatakan Kod Braille Gred 2 ini telah membantu dalam menjimatkan 31% penggunaan kertas Braille daripada menggunakan Kod Braille Gred 1. Malah, melalui penggunaan Kod Braille Gred 2 juga, ia telah membantu dalam mengurangkan penggunaan teks sebanyak 20%. Oleh hal yang demikian, adalah perlu bagi pengkaji untuk melaksanakan tindakan ini kepada peserta kajian bagi memastikan peserta kajian dapat mengenal dan mengeja singkatan Tanda Kata Ringkas dengan mudah di dalam pembacaan dan penulisan.

2.0 FOKUS KAJIAN

Pengkaji telah mengenalpasti satu isu yang menyebabkan murid buta sukar untuk menguasai subjek Bahasa Malaysia adalah di mana murid ini hanya dapat menguasai kemahiran Kod Braille Gred 1 sahaja. Berdasarkan hasil dapatan melalui pengumpulan data awal yang telah dijalankan, pengkaji mendapati bahawa murid A tidak dapat menguasai Latihan 8 iaitu singkatan Tanda Kata Ringkas yang terdapat dalam Buku Panduan Kod Braille Bahasa Melayu (Edisi Pindaan). Permasalahan yang timbul sewaktu proses PdPc berlangsung ialah murid A tidak dapat mengenal dan menggunakan singkatan Tanda Kata Ringkas dalam pembacaan dan penulisan. Hal ini telah memberikan kesan seperti tidak dapat menyelesaikan lembaran kerja dan mengalami kesukaran untuk membaca kebanyakan bahan bacaan terjemahan Kod Braille Bahasa Melayu Gred 2 kerana tidak menghafal singkatan yang diwakili oleh Kod Braille Gred 2. Oleh hal yang demikian, pengkaji telah memilih untuk menjalankan kajian ke atas murid A bagi menguasai kemahiran asas dalam penggunaan Kod Braille Bahasa Melayu Gred 2 khususnya singkatan Tanda Kata Ringkas.

3.0 OBJEKTIF DAN SOALAN KAJIAN

Objektif Kajian

1. Murid buta dapat mengenal dan menyebut secara lisan singkatan Tanda Kata Ringkas menggunakan kit TT.
2. Murid buta dapat mengeja singkatan Tanda Kata Ringkas dengan menggunakan kit TT.

Soalan Kajian

1. Adakah murid buta dapat mengenal dan menyebut secara lisan singkatan Tanda Kata Ringkas menggunakan kit TT?
2. Adakah murid buta dapat mengeja singkatan Tanda Kata Ringkas dengan menggunakan kit TT?

4.0 PESERTA KAJIAN

Murid A ini telah didiagnosis dengan masalah both eyes, congenital glaucoma with cornea compensated. Mata kanan murid A mengalami perception of light di mana seseorang itu hanya boleh melihat cahaya tetapi tidak dapat melihat langsung persekitaran di sekeliling mereka seperti pergerakan tangan, raut wajah, objek dan sebagainya (Lor Keli, 2012). Manakala, bagi mata kiri murid A pula mengalami hand motion di mana murid hanya boleh melihat pergerakan tangan pada jarak satu kaki (Lor Keli, 2012). Selain itu, murid ini juga mengalami masalah lain seperti mempunyai masalah dalam pergerakan motor kasar seperti kesukaran untuk berjalan dan berlari serta masalah dalam menguruskan aktiviti harian.

5.0 TINDAKAN YANG DIJALANKAN

Langkah-langkah aktiviti tindakan

Langkah Pertama

Langkah penilaian dilaksanakan kepada murid A dengan menggunakan ujian pra sebelum proses PdPc untuk mengukur tahap pencapaian murid sebelum tindakan dijalankan.

Langkah Kedua

Pelaksanaan sesi PdPc. Pengkaji memberi penerangan kepada murid mengenai pengajaran yang terlibat iaitu kemahiran mengenal dan mengeja singkatan Tanda Kata Ringkas. Murid diberi penerangan mengenai pembelajaran yang dibahagikan kepada lima bahagian. Pengkaji hanya mengajar satu bahagian pada setiap sesi tindakan sahaja seperti Bahagian I. Murid ditunjukkan bahan bantu mengajar yang akan digunakan iaitu kit TT yang terdiri daripada nota dan track tiles. Kemahiran mengenal dilakukan secara lisan dengan menyebut berulang-ulang kali singkatan tersebut dengan berpandukan nota. Setelah itu, murid dibimbing untuk mengeja singkatan Tanda Kata Ringkas menggunakan tac tiles. Tac tiles ini digunakan dengan menimbulkan ke semua dot-dot terlebih dahulu dan murid perlu menolak lubang-lubang yang tidak digunakan. Sebagai contoh, bagi huruf 'a' yang mewakili perkataan 'atau', murid perlu menolak ke dalam dot 2, 3, 4, 5, dan 6. Kemudian, murid perlu mengambil tac tiles yang lain dan menimbulkan ke semua dot, dan menolak dot 1, 3, 4, dan 6 untuk membuat titik bertindih (:) dan mengambil tac tiles yang lain dan membuat dot bagi huruf 'a' 't' 'a' 'u'

untuk membentuk perkataan yang diwakili oleh huruf 'a' iaitu 'atau'. Akhir sekali, murid akan mencantumkan huruf-huruf tersebut dan merasainya.

Langkah Ketiga

Langkah penilaian di mana murid A telah diuji dengan ujian formatif pada bahagian yang diajar sahaja secara lisan menggunakan borang senarai semak. Ujian formatif dilakukan untuk mendapatkan maklum balas peningkatan pencapaian daripada lisan murid dalam kemahiran mengenal dengan meminta murid untuk menyebut singkatan tertentu serta kemahiran mengeja dengan meminta murid untuk mengeja singkatan bagi perkataan yang diwakili oleh huruf tersebut secara lisan.

Langkah Keempat

Langkah penilaian di mana ujian pos dilaksanakan ke atas murid. Ujian pos dijalankan secara bertulis dengan menggunakan soalan yang sama dengan ujian pra. Pengkaji akan menentukan sama ada murid sudah menguasai atau belum tentang pembelajaran Bahagian I singkatan Tanda Kata Ringkas ini. Pengkaji akan meneruskan pembelajaran dengan meneruskan pembelajaran pada bahagian seterusnya iaitu Bahagian II sekiranya murid sudah menguasai Bahagian I sepenuhnya. Sekiranya murid belum menguasai, pengkaji akan mengulangi pengajaran.


Kaedah mengumpul, menganalisis dan menyemak data

Pengkaji menggunakan triangulasi kaedah untuk mendapatkan lebih dari satu bentuk data supaya kajian ini lebih meyakinkan. Kaedah mengumpul data dilaksanakan dengan menggunakan ujian pra, formatif, pos, temu bual berstruktur dan pemerhatian turut serta. Penganalisan data bagi ujian pra, pos dan formatif dilakukan secara kuantitatif menggunakan formula peratusan markah dan gred pemarkahan. Bagi temu bual berstruktur pula, data dianalisis secara kualitatif di mana temu bual ditranskripsikan dan disusun dalam bentuk jadual. Pemerhatian turut serta juga dianalisis secara kualitatif dengan menggunakan borang senarai semak.

6.0 DAPATAN KAJIAN


Persoalan 1 dan 2: Adakah murid buta boleh mengenal dan menyebut serta mengeja singkatan Tanda Kata Ringkas dengan menggunakan kit TT?

Bagi ujian pra dan pos, dapatan kajian keputusan ujian pra dan pos kemahiran mengenal dan mengeja singkatan Tanda Kata Ringkas ditunjukkan dalam Graf 1.



Graf 1. Analisis keputusan ujian pra dan pos kemahiran mengenal dan mengeja

Graf 1 menunjukkan keputusan ujian pra dan pos bagi murid A dalam kemahiran mengenal dan mengeja singkatan Tanda Kata Ringkas telah mendapat markah sebanyak 4% dalam ujian pra dan mendapat markah sebanyak 100% dalam ujian pos. Pencapaian murid A meningkat sebanyak 96%. Ujian formatif 1 dan 2 kemahiran mengenal dan mengeja pula dijalankan oleh pengkaji ke atas murid A setelah selesai setiap sesi tindakan iaitu sebelum ujian pos dan dilakukan secara lisan serta ditunjukkan ke dalam Graf 2.



Graf 2. Analisis keputusan ujian formatif 1 dan 2 kemahiran mengenal dan mengeja

Graf 2 menunjukkan keputusan ujian formatif 1 dan 2 bagi murid A dalam kemahiran mengenal dan mengeja singkatan Tanda Kata Ringkas telah mendapat sebanyak 64% markah dalam ujian formatif 1 manakala dalam ujian formatif 2, murid A mendapat sebanyak 100% markah. Murid A menunjukkan peningkatan yang amat baik dalam ujian formatif ini iaitu sebanyak 36%.

Temu bual berstruktur

Pengkaji menjalankan temu bual bersama murid A setelah tamat sesi tindakan mengenai tindakan yang telah dijalankan. Bagi kemahiran mengenal, tema yang terlibat hanyalah aspek kognitif. Murid A menyatakan bahawa dia sudah boleh mengenal dan mudah mengingati 25 huruf singkatan Tanda Kata Ringkas kerana pengajaran telah dipecahkan kepada lima bahagian kecil berdasarkan pendekatan PM.

Bagi kemahiran mengeja pula, tiga aspek yang terlibat ialah aspek kognitif, afektif dan keberkesanan tindakan. Dalam aspek kognitif, murid menyatakan bahawa murid boleh lebih senang untuk mengeja singkatan Tanda Kata Ringkas ini kerana pecahan yang telah dilakukan. Bagi aspek afektif pula, murid A menyatakan perasaan seronok semasa pembelajaran singkatan Tanda Kata Ringkas. Dalam aspek keberkesanan tindakan, murid A menjelaskan bahawa pembelajaran singkatan Tanda Kata Ringkas ini menjadi lebih mudah untuk dihafal dan menjadi lebih efektif kerana pengkaji telah memecahkannya kepada lima bahagian kecil menyebabkan murid dapat menguasai topik pembelajaran.

Pemerhatian turut serta

Bagi persoalan 1 iaitu kemahiran mengenal, pemerhatian turut serta dilaksanakan oleh pengkaji menggunakan borang senarai semak dalam dua aspek iaitu kognitif dan afektif. Bagi aspek kognitif, murid A dapat mengenal dan menyatakan 25 singkatan yang terlibat dalam singkatan Tanda Kata Ringkas dengan menggunakan kit TT. Namun, pengkaji mendapati murid A dapat mengenal singkatan Tanda Kata Ringkas dengan lebih baik jika menggunakan kit TT berbanding tidak menggunakan. Dari aspek afektif pula, murid A menunjukkan minat untuk belajar singkatan Tanda Kata Ringkas dengan atau tanpa menggunakan kit TT. Tambahan lagi, murid juga lebih seronok dan berminat untuk belajar singkatan Tanda Kata Ringkas ini.

Bagi persoalan 2 iaitu kemahiran mengeja, aspek yang dilihat oleh pengkaji adalah afektif dan kognitif murid. Bagi aspek kognitif, prestasi murid A berada pada tahap memuaskan semasa tindakan 1 dilaksanakan kerana dilihat tidak bermotivasi untuk mengeja singkatan Tanda Kata Ringkas. Murid A menunjukkan perubahan yang positif dalam tindakan 2 di mana murid dapat mengeja perkataan yang diwakili oleh singkatan Tanda Kata Ringkas dengan baik. Dari aspek afektif pula, murid hanya menunjukkan sikap yang memuaskan untuk mengeja singkatan Tanda Kata Ringkas dengan menggunakan kit TT dalam tindakan 1 tetapi dalam tindakan 2, murid menunjukkan perubahan sikap yang positif kerana sudah menunjukkan minat untuk belajar singkatan Tanda Kata Ringkas dengan atau tanpa menggunakan kit TT. Oleh hal yang demikian, jelaslah bahawa melalui data-data yang telah dinyatakan membuktikan tentang keberkesanan penggunaan kit TT berdasarkan pendekatan PM dalam membantu pengajaran singkatan Tanda Kata Ringkas.

7.0 REFLEKSI

Hasil dapatan kajian telah menjelaskan bahawa terdapat peningkatan terhadap pencapaian murid A dalam kemahiran mengenal dan kemahiran mengeja singkatan Tanda Kata Ringkas dalam Kod Braille Bahasa Melayu Gred 2. Malahan, penggunaan bahan bantu mengajar yang telah digunakan oleh

pengkaji sememangnya dapat meningkatkan prestasi pencapaian murid dalam proses pembelajaran. Novak (2011) juga bersetuju bahawa pembelajaran yang diintegrasikan dengan aktiviti atau bahan boleh membantu dalam sesuatu sesi pembelajaran. Selain itu, pendekatan PM yang digunakan berjaya menunjukkan peningkatan prestasi murid dalam pembelajaran kerana peruntukkan masa yang lama diberikan ke atas murid. Menurut Kazu, Kazu & Ozdemir (2015), pendekatan PM merupakan pendekatan di mana murid boleh menguasai sesuatu yang diajar sekiranya mempunyai masa yang mencukupi untuk menguasai sesuatu topik pembelajaran sebelum meneruskan kepada topik yang seterusnya.

8.0 CADANGAN TINDAKAN SUSULAN

Guru subjek Bahasa Malaysia ini untuk membuat pengajaran kemahiran mengenal dan mengeja singkatan Tanda Kata Ringkas dalam bentuk permainan seperti teka teki, permainan bahasa dan kuiz yang boleh menarik minat murid dalam proses pengajaran. Selain itu, guru mestilah mengubah suai strategi pengajaran mengikut keberkesanan penggunaan BBM atau kaedah pengajaran guru seperti melaksanakan aktiviti nyanyian menggunakan rentak lagu ABC dan Barney and Friends. Hal ini menunjukkan kaedah ini memberi kesan kepada murid terutamanya prestasi dalam pembelajaran mereka kerana aktiviti nyanyian mampu membantu dalam mengingati pembelajaran (Hj. Salleh, 2007).

RUJUKAN

- Durre, I.K. (1996). *How much space does Grade 2 braille really save?* Florida Institute for Human and Machine Cognition 90. 247-251.
- Hj. Salleh, M.J. (2007). *Guru Efektif dan Peranan Guru dalam Mencapai Objektif Persekolahan Sekolah Rendah: Perspektif Guru Besar*. Institut Pendidikan. Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.
- Kazu, I. Y., Kazu, H., & Ozdemir, O. (2015). *The effects of mastery learning model on the success of the students who attended "usage of basic information technologies" course*. *Educational Technology & Society*, 8(4), 233-243.
- Lor Keli. (2012). *An introduction to analysis of variance (ANOVA) with special reference to data from clinical experiments in optometry*. *Ophthal Physiol. Opt* 20, 235– 241.

CABARAN GURU PENDIDIKAN KHAS DALAM MELAKSANAKAN PENTAKSIRAN BERASASKAN SEKOLAH BAGI MURID KETIDAKUPAYAAN PENGLIHATAN SATU KAJIAN KES

KHALIMATUN SADIAH BINTI MD SUNI
Jabatan Pendidikan Khas

Pensyarah Pembimbing
PN. SUZITA BINTI A. BAKI

ABSTRAK

Kementerian Pendidikan Malaysia melaksanakan usaha yang berterusan bagi meningkatkan kualiti pendidikan terus beranjak mengikut keperluan semasa. Namun, akses kepada disiplin Matematik bagi Murid Ketidakupayaan Penglihatan terus menjadi isu dan masalah yang perlu ditangani dengan segera. Oleh itu, kajian kes ini dilaksanakan bagi melihat cabaran guru Pendidikan Khas dalam melaksanakan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) bagi pengajaran Matematik di peringkat sekolah rendah di Malaysia. Pendekatan kajian secara kualitatif dijalankan menggunakan kaedah temu bual melibatkan seorang guru Matematik daripada sebuah sekolah rendah Pendidikan Khas bermasalah penglihatan. Dapatan kajian mendapati terdapat lima isu utama yang menjadi cabaran kepada guru Pendidikan Khas dalam pentaksiran. Pertama, cabaran dari segi masa yang dihadapi. Kedua, kompetensi guru itu. Ketiga, cabaran dari segi sistem pengurusan PBS. Keempat, pengetahuan pedagogi guru lebih kepada keperluan Murid Ketidakupayaan Penglihatan dan bukannya subjek Matematik. Seterusnya, modul pengajaran Matematik yang disediakan mempunyai aras kemahiran yang terlalu tinggi dan kurang mengambil kira Murid Ketidakupayaan Penglihatan. Cabaran ini menjadi kekangan dalam meningkatkan pencapaian Matematik Murid Ketidakupayaan Penglihatan. Justeru itu, usaha menangani cabaran ini perlu dilaksanakan terlebih dahulu agar pengajaran Matematik untuk Murid Ketidakupayaan Penglihatan lebih berkesan dan pencapaian murid dapat ditingkatkan.

Kata Kunci: Cabaran, pengajaran Matematik, PBS

ABSTRACT

The Ministry of Education is pursuing ongoing efforts to improve the quality of education to keep pace with the current needs. However, access to disciplinary mathematics for Visionary Pupils continues to be a problem and it needs to be addressed immediately. Therefore, this case study was conducted to look at the skills of Special Education teachers in School-Based Assessment (SBA) in teaching Mathematics for primary schools in Malaysia. Qualitative approach was conducted by using interview with a Mathematics teacher from a visual impaired Special Education primary school. The findings show that there are five main issues that the Special Education teacher faced in assessment. First, the challenge in terms of the time management. Second, the teacher's competence. Third, the challenge in managing the SBA system. Fourth, teacher's pedagogical knowledge is more about the needs of Disability Pupils in the Vision and not the subject Mathematics. Furthermore, the Mathematical teaching modules provided have high-level skills and less take into account the inability of Delegated Students. This challenge becomes a constraint in improving the achievement of Mathematical Vision Illness. Therefore, addressing these challenges needs to be done first so that the teaching of Mathematics for visual impaired pupils is more effective and the achievement of the students can be improved.

Keywords: Challenges, Mathematics teaching, SBA

1.0 PENGENALAN

Pelaksanaan Penilaian Berasaskan Sekolah (PBS) pada tahun 2011 kepada semua murid tahun satu di sekolah rendah seluruh Malaysia diyakini dapat melahirkan modal insan yang holistik serta seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek sejajar dengan aspirasi Falsafah Pendidikan Kebangsaan (Lembaga Peperiksaan Malaysia, 2013). Dalam pelaksanaan PBS, guru memainkan peranan penting dalam mengesan perkembangan dan kebolehan murid. Guru juga menentukan hasil pembelajaran yang hendak dinilai, merancang dan membina instrumen penilaian, melaksanakan penilaian, merekod hasil penilaian, menganalisis maklumat penilaian, melapor dan membuat tindakan susulan. Untuk mencapai hasrat ini, PBS lebih bersifat formatif iaitu mengutamakan kemajuan setiap murid dari satu

peringkat ke satu peringkat yang lain. Guru juga dapat membuat diagnostik bagi mengesan perkembangan murid dari masa ke semasa, dan memberi peluang guru membetulkan kesilapan dan memperbaiki kelemahan murid serta-merta supaya kelemahan tersebut tidak terhimpun. Dengan ini guru dapat memperkembangkan kekuatan dan potensi setiap murid.

2.0 PERNYATAAN MASALAH

Pentaksiran adalah satu daripada komponen penting dalam proses pengajaran dan pembelajaran (P&P). Tujuan pentaksiran adalah untuk mengukur dan menilai sejauh mana murid menguasai objektif P&P dalam bilik darjah. Berdasarkan segi tiga keberkesanan pembelajaran, Anderson (2002) menegaskan bahawa objektif pembelajaran, aktiviti P&P serta bahan sokongan dan pentaksiran adalah tiga perkara yang sangat berkait rapat. Elemen ini berlaku di bawah bimbingan dan kawalan guru sama ada di dalam kumpulan besar atau kecil dalam bilik darjah. Ia melibatkan dua pihak iaitu guru dan murid secara kolaboratif. Dalam pentaksiran, pengurusan evidens pentaksiran menjadi perkara yang perlu diketahui dan dihayati oleh guru yang menguruskan proses P&P. Ini kerana evidens pentaksiran adalah termasuk yang bersifat secara langsung atau tidak langsung (Suskie, 2009).

Walau bagaimanapun, di peringkat awal pelaksanaan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS), terdapat isu kefahaman dan salah faham guru terhadap pengurusan evidens pentaksiran dalam Pentaksiran Sekolah (PS). Menurut Noor Azizah Jawal (2013) dalam kajiannya terdapat salah faham guru terhadap pentaksiran sekolah, pelaksanaan berbeza dan tidak selaras yang memberi kesan negatif serta beban tugas kepada guru. Ini membawa kepada penambahbaikan pelaksanaan PBS di sekolah oleh Kementerian Pendidikan Malaysia. Penambahbaikan pengurusan dalam PBS dibuat berdasarkan kepada Surat Pekeliling Lembaga Peperiksaan Bil.1/2014 yang memberi fokus terhadap tugas pengajaran dan murid boleh menguasai pengetahuan, kemahiran dan nilai melalui proses pembelajaran yang lebih terancang, menarik dan bermakna.

Menurut Noorzeliiana binti Idris, Norazilawati binti Abdullah dan Saniah binti Sembak (2014), walaupun guru-guru telah mengikuti kursus tetapi mereka tetap merasa kurang yakin dalam mentaksir pelajar kerana kekurangan pengetahuan, kemahiran dan sumber material. Malah sikap campur tangan ibu bapa dalam mempersoalkan kredibiliti guru menilai anak-anak mereka mengurangkan lagi keyakinan guru. Guru juga kurang memahami cara pelaksanaan pentaksiran dan mengalami kesukaran untuk membina instrumen pentaksiran yang pelbagai bentuk. Bahkan sikap guru yang tidak bersungguh-sungguh dalam pelaksanaan PBS juga telah menjadikan sistem pentaksiran yang diperbaharui ini menjadi pincang. Kajian Tan Ai Mei (2010) menyatakan guru tidak bersungguh dan leka dalam melakukan pentaksiran. Kenyataan ini disokong oleh kajian Chan (2009) yang mendapati 25 peratus guru mengatakan tiada pemantauan daripada pihak pentadbir dan tiada kerjasama dengan guru senior serta pihak pentadbir juga tidak menghiraukan pelaksanaan PBS. Di samping itu, amalan birokrasi dalam pentaksiran telah memburukkan lagi keadaan. Tan Ai Mei (2010) dalam kajiannya menyatakan guru diminta secara am memberikan gred yang baik kepada pelajar. Manakala Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) mahupun Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) ada membuat pemantauan tetapi hanya secara bertulis iaitu memeriksa laporan-laporan yang telah difailkan. Pemantauan yang hanya berfokus kepada laporan bertulis telah mewujudkan isu mengenai akauntabiliti penilaian berkenaan.

Menurut Dayang Khairunnisa dan Masliah (2012) menyatakan bahawa segelintir guru menganggap PBS sebagai bebanan kerja kepada mereka. Menurut beliau guru-guru melihat perubahan sistem pendidikan sebagai menambahkan lagi bebanan kerja mereka yang sedia ada. Selain daripada itu, beliau juga menyatakan guru dikehendaki mentaksir dan mengajar dalam masa yang sama dan ini menambah bebanan guru di sekolah yang memangnya telah dibebani dengan pelbagai tugas-tugas pentadbiran dan juga kokurikulum. Jelasnya lagi, guru bukan sahaja mengajar tetapi juga melakukan kerja-kerja yang berkaitan dengan pentadbiran dan kokurikulum. Setiap sudut pelaksanaan PBS ini yang merangkumi sistem pemfailan, kearah penilaian, kursus KSSR dan sistem online membebaskan guru-guru. Keberatan dan ketidakmampuan guru-guru dalam melaksanakan PBS ini boleh membawa kepada tekanan kerja yang keterlaluan.

Justeru kajian ini signifikan bagi meninjau bagaimana guru Pendidikan Khas menghadapi cabaran pentaksiran sekolah dalam pengajaran Matematik di sekolah rendah. Di samping itu, kajian ini juga bertujuan untuk mengetahui tahap kompetensi guru, amalan yang dilakukan oleh guru serta cabaran yang dihadapi oleh Guru Pendidikan Khas dalam melaksanakan PBS. Skop dan batasan kajian ini adalah seperti kajian ini hanya terbatas kepada Guru Pendidikan Khas yang mengajar matapelajaran

Matematik bagi murid Tahap 1. Kajian ini dijalankan ke atas guru sekolah iaitu Sekolah Kebangsaan Pendidikan Khas Alma. Kajian ini hanya memberi fokus kepada tiga aspek sahaja iaitu tahap pengetahuan, tahap amalan dan permasalahan yang timbul dari kalangan guru Pendidikan Khas dalam pelaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah.

3.0 OBJEKTIF DAN SOALAN KAJIAN

Objektif kajian ini ialah:

1. Mengenal pasti tahap kompetensi guru Pendidikan Khas dalam melaksanakan Pentaksiran Berasaskan Sekolah.
2. Meninjau amalan guru Pendidikan Khas dalam melaksanakan Pentaksiran Berasaskan Sekolah bagi murid masalah penglihatan.
3. Menganalisis cabaran yang dihadapi oleh guru Pendidikan Khas sewaktu melaksanakan Pentaksiran Berasaskan Sekolah bagi murid masalah penglihatan

Antara persoalan kajian adalah seperti berikut:

1. Apakah tahap kompetensi guru Pendidikan Khas dalam melaksanakan Pentaksiran Berasaskan Sekolah?
2. Bagaimanakah amalan yang dijalankan oleh guru Pendidikan Khas dalam melaksanakan Pentaksiran Berasaskan Sekolah bagi murid masalah penglihatan?
3. Apakah cabaran yang dihadapi oleh guru Pendidikan Khas sewaktu melaksanakan Pentaksiran Berasaskan Sekolah dalam menilai PdPc murid masalah penglihatan?

4.0 METODOLOGI KAJIAN

Reka bentuk kajian kes secara kualitatif telah dipilih untuk menjalankan kajian ini. Sampel kajian terdiri daripada seorang guru pendidikan khas yang mengajar subjek Matematik khusus untuk Murid Bermasalah Penglihatan bagi murid Tahap 1. Kajian ini melibatkan sekolah rendah pendidikan khas di Malaysia. Pemilihan guru adalah berdasarkan guru yang mengajar matapelajaran Matematik di sekolah bagi murid Tahap 1. Pendekatan kajian secara kualitatif dijalankan menggunakan kaedah temu bual melibatkan seorang guru Matematik daripada sebuah sekolah rendah pendidikan khas bermasalah penglihatan. Data temu bual telah dianalisis secara manual.

5.0 DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Pengkaji menganalisis dokumen temubual tidak berstruktur kepada guru matapelajaran Matematik bagi melaporkan dapatan kajian.

Persepektif Guru Terhadap PBS

Perspektif guru terhadap pelaksanaan PBS dilihat dari segi tahap kompetensi, amalan yang dilakukan oleh guru serta cabaran yang dihadapi oleh guru Pendidikan Khas dalam melaksanakan PBS.

Cabaran

Hasil analisis data melalui persoalan kajian, pengkaji merumus bahawa guru-guru PBS menghadapi lima cabaran utama iaitu:

Persoalan Kajian 1: Apakah tahap kompetensi guru Pendidikan Khas dalam melaksanakan Pentaksiran Berasaskan Sekolah?

Kompetensi Guru

Guru-guru beranggapan mereka mempunyai kompetensi yang kurang dalam melaksanakan PBS. Keadaan ini berlaku disebabkan oleh beberapa perkara, antaranya; kursus PBS yang mereka hadiri tidak fokus kepada pentaksiran, dan guru-guru kurang pengetahuan dalam membina instrumen. Kursus PBS yang dihadiri tidak fokus ini disokong dengan kenyataan guru-guru PBS.

Pengetahuan pedagogi guru lebih kepada keperluan ketidakupayaan Murid Bermasalah Penglihatan dan bukannya subjek Matematik.

Guru menjelaskan sukar untuk menyampaikan topik Matematik kerana kurang penguasaan isi kandungan. Kebanyakan guru yang mengajar Matematik di sekolah-sekolah pendidikan khas tidak

mempunyai opsyen dalam subjek Matematik. Guru-guru ini terlatih khusus untuk pengajaran dan pembelajaran murid pendidikan khas secara umum sahaja.

Persoalan kajian 2: Bagaimanakah amalan yang dijalankan oleh guru Pendidikan Khas dalam melaksanakan Pentaksiran Berasaskan Sekolah bagi murid masalah penglihatan?

Modul pengajaran Matematik yang disediakan mempunyai aras kemahiran yang terlalu tinggi dan kurang mengambil kira ketidakupayaan Murid Bermasalah Penglihatan.

Sukatan mata pelajaran yang digunakan dalam pengajaran Matematik khusus untuk Murid Bermasalah Penglihatan adalah sama seperti yang digunakan oleh murid tipikal. Oleh itu, aras soalan yang disediakan tidak mengambil kira tahap kognitif dan ketidakupayaan Murid Bermasalah Penglihatan yang pelbagai.

Persoalan kajian 3: Apakah cabaran yang dihadapi oleh guru Pendidikan Khas sewaktu melaksanakan Pentaksiran Berasaskan Sekolah dalam menilai PdPc murid masalah penglihatan?

Masa

Guru-guru PBS terpaksa menggunakan masa yang banyak untuk merangka penilaian (penyediaan instrumen), ulang mengajar, pengisian data dan penyimpanan eviden yang banyak. Dalam menyediakan instrumen guru perlu merangka penilaian agar setiap band, evidens dan keupayaan murid mempunyai kesejajaran, jadi guru-guru perlu memperuntukkan masa yang mencukupi.

Sistem Pengurusan PBS

Semua guru PBS perlu menggunakan aplikasi dalam talian untuk memasukkan markah PBS murid ke dalam sistem. Guru-guru menghadapi cabaran besar dalam pengisian data ke dalam sistem kerana mereka tidak diajar cara-cara memasukkan markah, sistem bermasalah, dan mengambil masa yang panjang. Berikut adalah luahan daripada guru-guru PBS

6.0 KESIMPULAN, CADANGAN DAN IMPLIKASI

Di peringkat sekolah guru-guru mengakui bahawa PBS menjadikan mereka lebih bersifat rendah dan lebih mengambil tahu tentang penguasaan dan prestasi murid dalam pembelajaran. Guru-guru terpaksa berhadapan dengan banyak cabaran dan mereka berada dalam dilema melaksanakan PBS, kerana transformasi pentaksiran ini memerlukan kesediaan guru dari segi pengetahuan tentang pentaksiran dan penyediaan instrumen, kemudahan prasarana sekolah yang dapat menyokong kelancaran pelaksanaan PBS iaitu bilik darjah, makmal komputer, set komputer, capaian internet dan bilangan murid yang ramai melebihi 7 orang dalam satu bilik darjah. PBS juga memberi implikasi kepada pihak sekolah, murid dan ibubapa. Beberapa cadangan penambahbaikan diharap dapat mengurangkan masalah guru-guru dalam pelaksanaan PBS, seterusnya memartabatkan pentaksiran dalam sistem pendidikan di Malaysia dan memenuhi hasrat Kementerian Pelajaran Malaysia menghasilkan modal insan yang holistik. Berdasarkan maklumat dari analisis temubual, tiga cadangan utama diutarakan agar dapat perhatian daripada pihak berkaitan iaitu dari segi tingkatkan latihan guru, mempunyai kemahiran dalam sistem pengurusan PBS yang cekap serta pemantauan yang berkesan

RUJUKAN

Anderson, L.W. (2002). *Curricular Alignment: A Re-Examination. Theory into Practice*, Volume 41, Autumn 2002. College of Education, The Ohio State University

Chan Yuen Fook, Gurnam kaur Sidhu, Md Rizal Bin Md Yunus 2009. *School-based Assessment. Enhancing Knowledge and best Practices*. University Publication Centre UTM ShahAlam.

Kementerian Pendidikan Malaysia. (2001). *Falsafah Pendidikan Kebangsaan, Matlamat dan Misi*. Kuala Lumpur: Pusat Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia.

Kementerian Pelajaran Malaysia (2011). *Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR)*. Kuala Lumpur: Bahagian Pembangunan Kurikulum

- Lembaga Peperiksaan Malaysia (2013). Sistem Pengurusan Pentaksiran Berasaskan Sekolah: Manual Pengguna Bagi Guru Mata Pelajaran Sekolah Rendah. Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Mohd Isha Awang (2011). Pelaksanaan Pentaksiran Berasaskan Sekolah: Pengetahuan dan Amalan guru di Sekolah Menengah Agama Milik Kerajaan Negeri. Prosiding Seminar Majlis Dekan- Dekan Pendidikan. 16-18 Oktober, 2011. Universiti Utara Malaysia.
- Noor Azizah Binti Jawal. (2013). Pengurusan Pentaksiran Berasaskan Sekolah Di Sekolah Rendah Kawasan Durian Tunggal, Melaka. Laporan Projek Sarjana Pendidikan, Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia.
- Norazilawati Abdullah, Noraini Mohamed Noh, Rosnidar Mansor, Abdul Talib Mohamed Hashim dan Wong Kung Teck. (2015). Penilaian pelaksanaan pentaksiran berasaskan sekolah (pbs) dalam kalangan guru sains: Jurnal pendidikan Sains dan Matematik malaysia: 5 (2) 89-102.
- Panduan Pengurusan Pentaksiran Berasaskan sekolah (PBS). (2012). Lembaga Peperiksaan, Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Suskie, L. (2009). *Assessing student learning: A common sense guide* (2nd ed.). San Francisco: Jossey-Bass.
- Tan Ai Mei 2010 *Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) di Malaysia. Kesediaan Guru, Isu dan Panduan Pelaksanaan Gerak Budaya Enterprise*, Kuala Lumpur. Tesis Doktor Falsafah. Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi

TAHAP PENGETAHUAN GURU PELATIH PENDIDIKAN KHAS TERHADAP PENGURUSAN TINGKAH LAKU MURID

NUR ATHIRAH BINTI SHAMSUL HADI
Jabatan Pendidikan Khas

Pensyarah Pembimbing
DR. HAJARUL BAHTI BINTI ZAKARIA

ABSTRAK

Kajian tinjauan telah dijalankan bertujuan untuk mengkaji tahap pengetahuan guru pelatih Pendidikan Khas terhadap kemahiran pengurusan tingkah laku murid. Seramai 50 orang responden dipilih menerusi persampelan rawak mudah dalam kalangan guru pelatih Pendidikan Khas semester 5 ambilan Jun 2016 dan semester 7 ambilan Jun 2015 pengkhususan Masalah Penglihatan dan Pendengaran di Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas yang telah menjalani latihan praktikum di sekolah selama 3 bulan. Objektif bagi kajian ini ialah untuk mengenalpasti tahap pengetahuan guru pelatih terhadap peneguhan positif dan peneguhan negatif. Serta untuk mengenalpasti tahap pengetahuan guru pelatih terhadap kemahiran pengurusan tingkah laku murid. Instrumen yang digunakan merupakan borang soal selidik berbentuk google form yang mengandungi item-item berkaitan demografi peserta kajian dan tahap pengetahuan guru pelatih Pendidikan Khas terhadap pengurusan tingkah laku murid. Dapatan kajian menunjukkan tahap pengetahuan guru pelatih pendidikan khas terhadap pengurusan tingkah laku murid adalah tinggi. Tahap pengetahuan guru pelatih dibahagikan kepada tiga iaitu, pengurusan tingkah laku (min=4.32), peneguhan positif (min=4.33) dan peneguhan negatif (min=4.19). Bagi meningkatkan lagi tahap kemahiran guru Pendidikan Khas dalam mengurus tingkah laku murid apabila mengajar, maka penataran kursus dalam perkhidmatan, pembinaan modul dan mengadakan bengkel berkaitan pengurusan tingkah laku dalam kalangan guru Pendidikan Khas wajar diberi perhatian oleh pihak berwajib. Hal ini kerana guru perlu meningkatkan kemahiran dalam pengurusan tingkah laku supaya dapat mengawal penumpuan murid di dalam kelas seterusnya meningkatkan minat murid Pendidikan Khas untuk belajar.

Kata Kunci: Guru pelatih, pendidikan khas, pengurusan tingkah laku

ABSTRACT

This survey was conducted to examine the level of knowledge of the Special Education teachers trainee on student behavior management skills. A total of 50 respondents were selected through a simple random sampling among Special Education teacher trainee from semester 5 intake of June 2016 and the semester 7 intake of June 2015 specialise of Vision and Hearing Problems at Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas who had undergone a 3-month practical training at the school. The objective of this study is to identify the level of knowledge of teachers trainee on positive reinforcement and negative reinforcement. As well as to identify the level of knowledge of teachers trainee on student behavior management skills. The instrument used is a google form questionnaire that consists of items related to the demographic of the study participants and the level of knowledge of the Special Education teachers trainee on the management of student behavior. The findings show that the level of knowledge of special education teachers trainees towards student behavior management is high. The level of knowledge of the teachers trainee was divided into three, behavior management (mean=4.32), positive reinforcement (mean=4.33) and negative reinforcement (mean=4.19). To further enhance the skill level of Special Education teachers in managing student behavior when teaching, a coursework in service, module building and conducting behavior management workshop among Special Education teachers should be addressed by the authorities. This is because teachers need to improve their skills in behavior management so as to control the concentration of students in the classroom thus increasing the interest of Special Education students to learn.

Keywords: Special Education, teachers trainee, behaviour management

Emel: Athiera29@gmail.com

1.0 PENGENALAN

Tindakan disiplin yang berkesan ditentukan oleh keupayaan guru untuk mengurangkan berlakunya tingkah laku yang tidak wajar dan mengekalkan tingkah laku yang wajar (Choong Lean Keow, 2009). Menurut Suryani (2014), tingkah laku negatif harus dibendung untuk memastikan perkara yang tidak diinginkan dapat dikurangkan. Oleh itu, tingkah laku negatif yang ditunjukkan oleh murid akan menjadi semakin rumit jika tingkah laku yang tidak diinginkan tidak diatasi pada peringkat awal. Keberkesanan pengajaran guru disebabkan amalan pengajaran tertentu seperti prosedur pengajaran guru yang sistematik (Kemp dan Hall, 2002) dan guru perlu berkorban masa tambahan untuk membantu murid dalam saiz kumpulan yang kecil (Taylor et al, 2009). Hal ini kerana, menurut Shahida Hassim (2012) peneguhan memberi impak positif terhadap masalah tingkah laku yang wujud di kalangan murid. Pengurusan tingkah laku bukan sahaja dapat membantu mengurangkan tingkah laku negatif, tetapi juga dapat membentuk tingkah laku positif dalam kalangan murid berkeperluan khas. Menurut Nor Aini dan Nor Hafizah (2015), guru yang afektif dalam pengurusan tingkah laku adalah guru yang bertindak sebagai contoh di mana mereka selalu melengkap diri dengan kemahiran dan pengetahuan dalam modifikasi tingkah laku, bersikap positif, adil dan tenang untuk mengatasi masalah murid yang bertingkah laku negatif.

2.0 PERNYATAAN MASALAH

Kepentingan peraturan disiplin dan salah laku diperkenalkan dan dikuatkuasakan pelaksanaannya di sekolah-sekolah bagi mewujudkan iklim persekolahan yang sihat. Dalam mengurus bilik darjah dengan berkesan demi merangsang pembelajaran pelajar, guru perlu memberi perhatian kepada proses mengurus tingkah laku pelajar (Haliza & Joy Nesamalar, 2009).

Pendapat yang disuarakan dalam kalangan guru pelatih mendapati aspek pengurusan bilik darjah adalah sukar untuk dikuasai walaupun terdapat banyak panduan dari segi teori mahupun aplikasi teknik yang pelbagai (Mohd Hasani dan Mohamad Johdi, 2009). Walau bagaimanapun, Abdullah Sani (2005) menegaskan guru boleh membantu mengubah tingkah laku murid dengan membantu mereka menyusun semula persekitaran dan merancang persekitaran sosial yang baharu. Kajian yang telah dijalankan menunjukkan aktiviti murid bercakap semasa guru mengajar mencatat min 3.49 adalah jenis tingkah laku negatif yang terbanyak dilakukan oleh murid dalam bilik darjah (Manisah, Rozila dan Rosadah, 2014). Masalah yang kerap dihadapi oleh guru praktikum ialah kekurangan masa dalam menyediakan program pengubahsuaian tingkah laku dan bahan bantu mengajar dengan min skor sebanyak 3.37.

3.0 OBJEKTIF KAJIAN DAN SOALAN KAJIAN

Bagi mencapai tujuan kajian, pengkaji telah meletakkan dua objektif kajian. Objektif bagi kajian ini ialah:

1. Untuk mengenalpasti tahap pengetahuan guru pelatih terhadap peneguhan positif dan peneguhan negatif.
2. Untuk mengenalpasti tahap pengetahuan guru pelatih terhadap kemahiran pengurusan tingkah laku murid.

Berdasarkan masalah, tujuan dan objektif kajian, maka kajian ini dijalankan untuk menjawab soalan-soalan kajian berikut:

1. Apakah tahap pengetahuan guru pelatih Pendidikan Khas mengenai peneguhan positif?
2. Apakah tahap pengetahuan guru pelatih Pendidikan Khas mengenai peneguhan negatif?
3. Apakah tahap pengetahuan guru pelatih Pendidikan Khas dalam kemahiran pengurusan tingkah laku murid?

4.0 METODOLOGI KAJIAN

Dalam menjalankan kajian ini, pengkaji menggunakan reka bentuk kajian tinjauan yang dijalankan untuk mengetahui tahap pengetahuan guru Pendidikan Khas terhadap pengurusan tingkah laku murid. Menurut Creswell (2005) reka bentuk kajian tinjauan adalah prosedur dalam penyelidikan kuantitatif yang mana pengkaji menjalankan satu tinjauan terhadap sampel atau keseluruhan populasi. Populasi ialah satu kumpulan perkara yang mengandungi unsur, objek, individu atau ciri-ciri yang dipertimbangkan dalam satu kajian yang ingin diambil oleh penyelidik (Azhar Harun dan Nawi Abdullah,

2004). Dalam kajian ini, pengkaji mengambil sampel kajian seramai 50 orang guru pelatih Pendidikan Khas yang dipilih menerusi persampelan rawak mudah dalam kalangan guru pelatih pendidikan khas yang telah berpraktikum di Sekolah Pendidikan Khas atau Program Pendidikan Khas Integrasi peringkat sekolah rendah selama 3 bulan.

Instrumen yang digunakan dalam kajian ini terdiri daripada satu set soal selidik yang mengandungi item-item berkaitan demografi sampel kajian dan tahap kemahiran guru pelatih Pendidikan Khas terhadap pengurusan tingkah laku murid. Instrumen ini telah diadaptasi daripada instrumen kajian penyelidikan terdahulu (Noor Aini dan Nor Hafiah 2015). Borang soal selidik dalam kajian ini diadaptasi daripada instrumen kajian Noor Aini dan Nor Hafizah (2015). Instrumen soal selidik yang telah dibina ini telah disemak oleh penyelia untuk mendapatkan kesahan bagi instrumen kajian ini. Bagi kajian ini, pengkaji menggunakan nilai Cronbach Alpha bagi menentukan kebolehpercayaan soal selidik. Nilai Cronbach Alpha bagi soal selidik ini ialah melebihi 0.80. Proses pengumpulan data pengkaji akan menggunakan kaedah melalui internet. Instrumen ini dapat ditadbir melalui dua cara, iaitu dengan menggunakan e-mel serta melalui laman web. Pengkaji memberi alamat 'url' atau link soal selidik melalui aplikasi whatsapp mahupun telegram kepada guru pelatih yang telah menjalani praktikum. Bagi kaedah analisis data ia bermula apabila penyelidik mengedarkan instrumen soal selidik kepada responden kajian yang telah dipilih untuk mendapatkan data-data yang berkaitan dengan kajian yang dijalankan. Data-data yang diperolehi akan dikumpulkan dan dianalisis secara prosedur statistik deskriptif.

5.0 DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Analisis terhadap data yang dikumpul daripada soal selidik untuk tahap pengetahuan guru pelatih Pendidikan Khas terhadap pengurusan tingkah laku murid adalah seperti Jadual 3 berikut:

Jadual 3
Jumlah Min Keseluruhan bagi Persoalan Kajian.

| Aspek Kajian | Min | Tahap |
|-------------------------------|------|--------|
| Aspek Pengurusan Tingkah Laku | 4.32 | tinggi |
| Aspek Peneguhan Positif | 4.33 | tinggi |
| Aspek Peneguhan Negatif | 4.19 | tinggi |
| Jumlah min keseluruhan | 4.28 | |

Berdasarkan Jadual 3, persoalan kajian pertama iaitu Apakah tahap pengetahuan guru pelatih Pendidikan Khas berkaitan pengurusan tingkah laku. Dapatan kajian menunjukkan tahap pengetahuan yang tinggi iaitu min 4.32 dalam kalangan guru pelatih pendidikan khas apabila mengurus tingkah laku murid. Tahap pengetahuan yang tinggi berperanan membantu guru Pendidikan Khas menangani masalah tingkah laku murid sama ada di dalam atau di luar bilik darjah. Persoalan kajian yang kedua iaitu, apakah tahap pengetahuan guru pelatih Pendidikan Khas terhadap peneguhan positif. Jumlah min yang terdapat iaitu 4.33 menunjukkan tahap pengetahuan yang tinggi mengenai peneguhan positif dalam kalangan guru pelatih pendidikan khas. Pengetahuan ini berperanan membantu guru pendidikan khas menangani masalah tingkah laku murid sama ada di dalam atau di luar bilik darjah. Persoalan kajian yang ketiga iaitu apakah tahap pengetahuan guru pelatih Pendidikan Khas terhadap peneguhan negatif. Dapatan daripada aspek peneguhan negatif menunjukkan nilai yang tinggi iaitu min 4.19. Pengetahuan mengenai peneguhan negatif ini penting kerana dapat membantu guru mengurus tingkah laku murid kerana faktor ini berkait rapat dengan perancangan guru menyediakan intervensi pengurusan tingkah laku yang bersesuaian untuk murid.

Tuntasnya, hasil dari dapatan kajian ini mendapati tahap pengetahuan guru pelatih berkaitan peneguhan positif dan negatif adalah tinggi. Tingkah laku positif boleh diperolehi melalui peneguhan sosial, ganjaran dan token ekonomi serta peneguhan positif lain yang dapat meningkatkan perubahan tingkah laku sasaran. Manakala peneguhan negatif boleh dilakukan melalui aktiviti time out dan hukuman supaya dapat mengurangkan masalah pengurusan tingkah laku sasaran. Tahap pengetahuan guru Pendidikan Khas yang tinggi mencerminkan komitmen mereka dalam menjalankan tugas hakiki.

6.0 KESIMPULAN, CADANGAN DAN IMPLIKASI

Hasil daripada kajian yang telah dijalankan, menunjukkan guru pelatih Pendidikan Khas mempunyai tahap pengetahuan terhadap kemahiran pengurusan tingkah laku yang tinggi. Guru pelatih dapat mengurus tingkah laku murid dengan menggunakan kaedah peneguhan positif dan juga peneguhan negatif sewaktu mengurus tingkah laku murid di dalam kelas. Pengurusan tingkah laku yang berkesan dapat menzahirkan suasana kelas yang kondusif dan berjalan dengan lancar tanpa sebarang gangguan daripada murid. Implikasi kajian ini ialah terhadap guru Pendidikan Khas, ibu bapa dan juga murid-murid. Pengurusan tingkah laku merupakan satu aspek penting yang harus diketahui dan difahami oleh setiap guru terutama guru Pendidikan Khas yang baharu melapor diri dalam perkhidmatan. Sekiranya modul pengurusan tingkah laku disediakan maka mereka mampu menangani masalah tingkah laku murid secara lebih terancang. Selain itu, dapat memberi kepercayaan dan keyakinan kepada ibu bapa atau penjaga untuk menyerahkan tanggungjawab mendidik anak mereka kepada guru Pendidikan Khas. Murid Pendidikan Khas juga dapat belajar mengurus tingkah laku masing-masing dari semasa ke semasa walaupun mengambil masa yang lebih lama. Mereka belajar berdikari dan bersosialisasi supaya mampu mengurus kehidupan di masa akan datang dengan baik. Kajian seterusnya boleh dibuat dengan skop yang lebih besar yang mana melibatkan guru pelatih dari pelbagai pengkhususan yang juga dari daerah dan negeri. Dalam kajian seterusnya, penyelidik lain boleh memperbanyakkan maklumat dengan menggunakan maklumat dari guru-guru di sekolah pula. Kajian lanjutan juga perlu diperbanyakkan instrumen kajian yang lain seperti merujuk bahan-bahan ilmiah yang terbaru, mencari maklumat berkaitan daripada sumber yang boleh dipercayai seterusnya melakukan pemerhatian kepada murid dan guru. Melalui kaedah ini mungkin akan dapat mengumpulkan data yang lebih banyak dan terperinci mengenai pengurusan tingkah laku.

RUJUKAN

- Abdullah Sani Yahya. (2005). *Mengurus disiplin pelajar*. Pahang: PTS Profesional Publishing Sdn. Bhd.
- Ahmad Tarmizi Che Mat. (2011). *Kesediaan guru dan keberkesanan pelaksanaan program modifikasi tingkah laku pelajar berkeperluan khas di sekolah menengah*. Kuala Lumpur: Master's thesis Universiti Malaya.
- Aliza Alias, Norshidah Mohd Salleh, & Mohd Mokhtar Tahar. (2002). *Kemahiran guru-guru khas terhadap pengurusan tingkah laku pelajar berkeperluan khas*. Prosiding Seminar Kebangsaan. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Azhar, H. (2004). *Metodologi penyelidikan ekonomi dan sains sosial*. Singapore: Thomson Learning.
- Choong Lean Keow. (2019). *Pengurusan Bilik Darjah dan Tingkah Laku*.
- Creswell, J. W. (2005). *Educational research : Planning, conducting and evaluating quantitative and qualitative research*. Upper Saddle River, NJ: Pearson Merrill Prentice Hall.
- Haliza Hamzah, & Nesamalar, J. (2009). *Siri Pendidikan Guru : Pengurusan Bilik Darjah*. Kuala Lumpur: Oxford Fajar Snd. Bhd.
- Hasani, M., & Johdi, M. (2009). Pengajaran dan pembelajaran. *Pengurusan bilik darjah*, 161-188.
- Ho Sew Ching. (2005). *Program pengurusan tingkah laku untuk murid yang mempunyai kecelaruan kurang daya tumpuan dan hiperaktif (ADHD) di kelas Program Integrasi Pendidikan Khas Bermasalah Pembelajaran*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Kemp, L., & Hall, A. (2002). *Impact of effective teaching research on student achievement and teacher performance: Equity and access implications of quality education*. Jackson, MS: Jackson State University Press. ERIC Document Reproduction Service No. ED 348360.
- Manisah, M. A., Rosadah, A. M., & Rozila, A. (2014). Teacher trainee's strategies for managing the behavior of students with special needs. *International Education Studies*, 7(13).

Noor Aini, & Nor Hafizah. (2015). Tahap pengetahuan guru pendidikan khas apabila mengurus tingkah laku murid. Retrieved from [http://apjee.usm.my/APJEE_30_2015/APJEE%2030%20Art%205%20\(73-88\).pdf](http://apjee.usm.my/APJEE_30_2015/APJEE%2030%20Art%205%20(73-88).pdf)

Shahida Hassim. (2012). Penggunaan Teknik Peneguhan.

Suryani. (2014). Refleksi Selepas Amalan Profesional. *Pengurusan Tingkah Laku*.

Taylor, B. M., Clark, D., & Walpole, S. (2009). *Effective school, accomplished teachers*. ReadingTeacher.

TAHAP KESEDIAAN GURU PELATIH PENDIDIKAN KHAS DALAM MELAKSANAKAN PdPC

NUR SYARAFINA AWANIS BINTI ABDUL RAHMAN
Jabatan Pendidikan Khas

Pensyarah Pembimbing
DR. HAJARUL BAHTI BINTI ZAKARIA

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti tahap kesediaan melaksanakan PdPc dalam kalangan guru pelatih semester lapan Pendidikan Khas Masalah Pendengaran dan Masalah Penglihatan di Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas. Kajian ini adalah kajian tinjauan menggunakan tiga pembolehubah iaitu pengetahuan, kemahiran mengajar serta sikap dan minat guru pelatih dalam melaksanakan PdPc. Instrumen kajian yang digunakan adalah soal selidik, diedarkan kepada 40 orang responden yang terdiri daripada guru pelatih semester lapan pengkhususan Pendidikan Khas Masalah Pendengaran dan Pendidikan Khas Masalah Penglihatan. Data dianalisis menggunakan statistik deskriptif bagi mendapatkan nilai kekerapan, peratusan dan min tahap kesediaan guru pelatih. Dapatan kajian menunjukkan guru pelatih mempunyai tahap kesediaan yang sederhana dari aspek pengetahuan, min (3.39) serta kemahiran mengajar, min (3.42) dalam melaksanakan PdPc. Manakala aspek minat guru pelatih pula berada pada tahap yang tinggi, min (3.60). Sebagai kesimpulannya, tahap kesediaan guru pelatih dalam melaksanakan PdPc dari aspek pengetahuan dan kemahiran mengajar perlu ditambahbaik. Beberapa cadangan dikemukakan pada akhir penulisan ini untuk digunakan oleh penyelidik lain yang ingin meneruskan kajian ini dengan lebih mendalam.

Kata Kunci: Tahap kesediaan, guru pelatih, pengetahuan, kemahiran mengajar, sikap dan minat

ABSTRACT

This study aims to identify the level of readiness of implementing PdPc among eight semesters teacher trainees of Special Education of Hearing Problems and Vision Problems at the Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas. This study is a survey study using three variables namely knowledge, teaching skills, attitude and interest of trainee teachers in implementing PdPc. The research instrument used was questionnaire, distributed to 40 respondents consisting of eight semesters teacher's specialization Special Education of Hearing Problems and Special Education of Vision Problems. The data were analyzed using descriptive statistic to get the frequency, percentage and mean of willingness trainer. The findings show that trainees have a moderate level of readiness in terms of knowledge, (mean = 3.39) and teaching skills, (mean = 3.42) in implementing PdPc. While the attitude and interest of teacher trainees in the field is high, (mean = 3.60). In conclusion, the level of readiness of trainees in implementing PdPc in terms of knowledge and teaching skills should be improved. Some suggestions are presented at the end of this writing for use by other researchers who wish to pursue this study in greater depth.

Keywords: Readiness, trainee teachers, knowledge, teaching skills, attitude and interest

Emel: nursyarafinaawanis@gmail.com

1.0 PENGENALAN

Guru pelatih merupakan komponen yang paling berpengaruh terhadap terciptanya proses dan hasil pendidikan yang berkualiti (Yadatie, 2013). Setiap individu yang bergelar guru pelatih mestilah mempunyai kualiti seperti berilmu, berpengetahuan, berfikiran terbuka, berdisiplin dan berperikemanusiaan apabila menghadapi sesuatu cabaran (Sudhakar. K & Dayakara Reddy. V, 2017). Kesediaan merupakan suatu tahap yang mesti dicapai oleh seseorang guru pelatih untuk melaksanakan sesuatu pekerjaan atau tugas yang berkesan. Keadaan ini bergantung kepada kematangan dan pengalaman. Kesediaan juga merupakan satu kaedah atau situasi yang wujud untuk memungkinkannya peluang menjalankan sesuatu aktiviti atau gerak kerja dengan baik (Sapie Sabilan, Mohamad Fuad Ishak, & Mohd Kamal Din @ Nasirudin. 2014). Dengan ini, kejayaan dalam mencapai

matlamat Falsafah Pendidikan Kebangsaan dapat dicapai sekiranya golongan guru pelatih sedar dan bersedia untuk mengajar mata pelajaran yang akan diajar.

2.0 PERNYATAAN MASALAH

Bakal-bakal guru pada masa kini perlu melengkapkan diri mereka dengan ilmu pengetahuan dan kemahiran yang mencukupi bagi membolehkan proses pengajaran dan pembelajaran berjalan dengan lancar dan mereka juga perlu menunjukkan keinginan dan inisiatif sendiri serta motivasi untuk mengajar. Peranan guru amat penting dalam bilik darjah (Rohaida Mazlan, 2017). Bagi guru-guru pelatih, menguasai pengetahuan dan kemahiran dalam pengajaran adalah amat penting. Menurut beliau juga, hal ini kerana sekiranya pengetahuan dan kemahiran untuk mengajar kurang, proses pengajaran akan menjadi kurang lancar dan hambar. Menguasai sesuatu bidang yang hendak disampaikan kepada orang lain merupakan suatu perkara yang amat penting. Kebolehan dan keupayaan seseorang guru menguasai ilmu yang diajar akan menjadikannya seorang guru yang kreatif dan yakin untuk menyampaikan pengajarannya.

3.0 OBJEKTIF DAN SOALAN KAJIAN

Objektif kajian ini adalah untuk meninjau tahap kesediaan dalam kalangan guru pelatih semester lapan Pendidikan Khas Masalah Pendengaran dan Masalah Penglihatan di Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas. Kajian deskriptif ini bagi mengenalpasti tahap kesediaan guru pelatih dalam melaksanakan PdPc dari tiga aspek iaitu pengetahuan, kemahiran mengajar serta sikap dan minat.

Justeru itu persoalan kajian ini adalah seperti berikut :

1. Apakah tahap kesediaan pengetahuan untuk pengajaran bilik darjah guru pelatih?
2. Apakah tahap kesediaan kemahiran mengajar guru pelatih?
3. Apakah tahap kesediaan sikap dan minat guru pelatih dalam melaksanakan PdPc?
4. Apakah tahap kesediaan guru pelatih dalam melaksanakan PdPc?

4.0 METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan soal selidik sebagai instrumen utama memperoleh maklumat dan mengumpul data sesuai dengan kajian yang bersifat tinjauan. Sampel kajian terdiri daripada 40 siswa guru pengkhususan Pendidikan Khas Masalah Pendengaran dan Masalah Penglihatan. Kajian ini telah menggunakan satu set soal selidik diadaptasi daripada kajian lepas iaitu kajian Kamarudin Md Amin (2009) yang telah diubahsuai mengikut kehendak kajian. Jenis kesahan kandungan telah digunakan dengan meminta pendapat pakar dan penyelia bagi mendapatkan kesahan kepada setiap item dan satu kajian rintis dijalankan ke atas lima orang guru pelatih bagi menguji kebolehpercayaan soal selidik tersebut. Dapatan kajian dikumpul melalui soal selidik dianalisis menggunakan perisian *Statistical Package for Social Sciences* (SPSS) menggunakan statistik deskriptif bagi memperoleh min. Interpretasi skor min bagi kajian ini menggunakan sumber dari Kamarudin Md Amin (2009) sebagai panduan.

5.0 DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Jadual 1

Taburan Min Responden Tahap Kesediaan Guru Pelatih dalam Melaksanakan Pdpc dari Ketiga-Tiga Aspek

| Aspek / Statistik | N | Min | Tahap |
|--------------------|----|------|-----------|
| Pengetahuan | 40 | 3.39 | Sederhana |
| Kemahiran Mengajar | 40 | 3.42 | Sederhana |
| Sikap dan Minat | 40 | 3.60 | Tinggi |
| Purata Min | | 3.47 | Sederhana |

Jadual 1 menunjukkan purata min bagi ketiga-tiga aspek dalam kajian ini. Secara keseluruhannya tahap kesediaan guru pelatih Pendidikan Khas Masalah Pendengaran dan Masalah Penglihatan dalam

melaksanakan PdPc adalah sederhana (min = 3.47). Item yang memperoleh nilai min antara 2.34 hingga 3.66 berada pada tahap sederhana (Kamarudin Md Amin, 2009). Antara ketiga-tiga aspek ini, guru pelatih mempunyai tahap kesediaan yang paling tinggi dalam aspek sikap dan minat berbanding aspek-aspek yang lain (min = 3.60). Oleh sebab itu, sikap dan minat seorang terhadap kerjayanya adalah penting untuk mendapatkan hasil yang berkualiti (Chandrakant. B, 2014). Sikap yang positif dapat membantu guru membina suasana yang mesra dan kondusif dalam bilik darjah (Kariyev. A. et al. 2015).

Bagi menjalankan tugas yang sempurna, seorang guru itu perlu berpengetahuan dan mempunyai kemahiran (Ab. Hamid Ali, Abdullah Yusoff, Muhammad Ridzuan Idris dan Abd. Aziz Zaki Razali, 2017). Kemahiran mengajar atau *teaching skills* meliputi aktiviti perancangan, pengelolaan, penyampaian, bimbingan, dan penilaian dengan tujuan menyebarkan ilmu pengetahuan atau kemahiran kepada murid-murid dengan berkesan iaitu menggunakan pendekatan, strategi, kaedah dan teknik mengajar berlandaskan teori pengajaran dan pembelajaran (Sapie Sabilan et.al, 2014).

Akhir sekali aspek pengetahuan (min = 3.39). Siti Fatimah Ab Wahab (2008) menegaskan bahawa, sama ada seseorang guru itu menerima latihan perguruan atau tidak, dia mesti mempunyai pengetahuan yang mendalam tentang mata pelajaran yang hendak diajarnya. Kebijaksanaan dan pengetahuan merupakan keperluan bagi individu yang ingin mengajar orang lain, malah sebagai seorang guru hendaklah mempunyai pengetahuan dari pelbagai aspek (Khairul Anwar Abu Bakar, 2014). Seorang guru perlu sentiasa berusaha mempertingkatkan pengetahuannya sama ada dalam bidang yang diajarnya atau cara mengajar ilmu tersebut (Sapie Sabilan et al. 2014). Walau bagaimanapun, hasil dapatan kajian ini bukanlah satu halangan kepada guru pelatih untuk memajukan diri dalam profesion ini, kerana menurut Zanaton et al. (2014), proses pembelajaran adalah aktif dan dinamik serta berkembang sedikit demi sedikit sepanjang hayat seseorang individu. Seseorang individu akan membina atau konstruk ilmu pengetahuan dengan usaha sendiri dan bukan menguasainya daripada orang lain. Oleh sebab itu, penting bagi seorang guru mendalami ilmu pengetahuan yang terkini apatah lagi dalam kalangan guru pelatih pendidikan khas.

6.0 KESIMPULAN, CADANGAN DAN IMPLIKASI

Bakal guru yang diharapkan menjadi pembimbing generasi muda hendaklah mempunyai ciri-ciri unggul yang menjadi aspirasi masyarakat dan negara. Tanggungjawab yang dipertanggungjawabkan ke atas bahu seseorang yang bergelar guru amatlah berat kerana guru dikatakan sebagai seseorang yang akan melahirkan kemenjadian murid. Oleh itu, seseorang guru memerlukan pengetahuan yang secukupnya dalam menjalankan tanggungjawab

Kesediaan guru pelatih untuk mengajar memerlukan kemahiran mengajar yang sesuai dengan persekitaran bilik darjah yang meliputi objektif pengajaran yang sesuai dengan persekitaran bilik darjah yang telah ditetapkan, tahap kecerdasan murid, bahan yang perlu digunakan, penilaian pencapaian murid serta analisis secara responsif terhadap tingkah laku guru dalam mengendalikan PdPc di dalam kelas. Guru yang tidak mempunyai kemahiran mengajar akan memberi kesan kepada murid terutamanya bagi murid yang berbeza dari segi kecerdasannya. Hal ini dikatakan demikian kerana, murid yang mempunyai kecerdasan yang berbeza memerlukan pendekatan yang berbeza. Guru yang sentiasa memperbaharui dan mempelbagaikan kemahiran mengajar mereka merupakan guru yang berjiwa keguruan yang akan sentiasa berusaha bersungguh-sungguh untuk melengkapkan diri demi keperluan profesionnya.

Sehubungan dengan itu, pakaian yang kemas dapat mencerminkan personaliti seseorang. Begitu juga dengan seorang guru, pakaian kemas dan rapi dapat memberikan contoh yang baik buat murid. Jika guru mampu untuk berpakaian kemas dan rapi ke sekolah semestinya mereka tidak teragak-agak untuk mengikut jejak langkah guru mereka. Oleh sebab ini juga ada dalam kalangan murid-murid yang tidak mampu untuk menerima teguran guru kerana mereka dapat merasakan bahawa guru mereka juga tidak mampu untuk mematuhi peraturan.

Berdasarkan hasil kajian dan kesimpulan yang diperoleh, beberapa cadangan dinyatakan untuk meningkatkan lagi keputusan kajian. Oleh yang demikian, pengkaji mengemukakan beberapa cadangan untuk penyelidikan akan datang. Antaranya ialah

1. Kajian ini hanya melibatkan guru pelatih Pendidikan Khas IPG Kampus Ilmu Khas. Oleh yang demikian, kajian ini juga boleh dijalankan ke atas guru pelatih pengkhususan lain sama ada di IPG Kampus Ilmu Khas sendiri ataupun di beberapa buah kampus yang berlainan.
2. Kajian lanjutan boleh mendapatkan maklumat yang terperinci dengan menggabungkan pengumpulan data melalui temu bual dan pemerhatian. Hal ini kerana kajian tidak hanya mendapatkan analisis data daripada soal selidik sahaja.
3. Bilangan sampel perlu diperbanyakkan supaya mendapat keputusan yang lebih tepat di dalam sesuatu kajian. Namun begitu disebabkan oleh bilangan guru pelatih semester akhir terlalu terhad, kemungkinan kajian seterusnya memperbanyakkan sampel dengan menggabungkan guru pelatih semester akhir dan guru pelatih yang telah menjalani praktikum.

RUJUKAN

- Ab.Hamid Ali, Abdullah Yusoff, Muhammad Ridzuan Idris, & Abd. Aziz Zaki Razali. (2017). Kompetensi Guru Pelatih di Sebuah Institut Pendidikan Guru dalam Melaksanakan Latihan Mengajar. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, 1(2), 39-55.
- Chandrakant B. (2014). Teaching Attitude of the B.Ed. Teacher Trainees and Secondary School Teachers. *Scholarly Research Journal for Humanity Science & English Language*, 1(2), 197-200.
- Kariyev, A., Turganbayeva, B., Slambekova, T., Zheldybayeva, B., & Kabdualiyeva, A. (2015). Model of Formation of Teacher's Readiness to Learning on the Base of Interactive Methods as the Conditions of Creation of Students Abilities. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, 190, 353-357.
- Khairul Anwar. (2014). *Tahap Kesiediaan Guru Pelatih Institut Pendidikan Guru dalam Latihan Mengajar* (Master's thesis, Universiti Tun Hussein Onn , Malaysia). Retrieved from <http://eprints.uthm.edu.my/5349/>
- Kamarudin Md Amin. (2009). *Kesiediaan Guru Pelatih IPGM Kampus Tememenggong Ibrahim dalam Menjalani latihan Praktikum* (Unpublished master's thesis). Universiti Kebangsaan Malaysia, Selangor.
- Rohaida Mazlan. (2017). Tahap Pengetahuan, Pemahaman dan Kesiediaan Guru Pelatih Bahasa Melayu dalam Melaksanakan Kajian Pengajaran. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 7(2), 30-40.
- Sapie Sabilan, Mohamad Fuad Ishak, & Mohd Kamal Din@Nasirudin. (2014). Tahap Pelaksanaan Pendekatan, Strategi, Kaedah dan Teknik Pengajaran dan Pembelajaran dalam Latihan Mengajar Menurut Persepsi Guru-guru pelatih Fakulti Pendidikan KUIS : Satu Tinjauan Awal. *Jurnal Pendidikan*, 1(2), 88-97.
- Siti Fatimah Ab Wahab. (2008). *Tahap Kesiediaan Pengetahuan dan Kemahiran Pedagogi, Sikap dan Minat Mengajar Guru Pelatih Kimia Tahun Akhir 5SPK DAN 5SPC, Fakulti Pendidikan, UTM* (Master's thesis, Universiti Teknologi Malaysia, Kuala Lumpur). Retrieved from <http://merr.utm.my/id/eprint/9992>
- Sudhakar K., & Reddy D. (2017). A Study on Attitude of Teachers towards Teaching Profession. *The International Journal of Indian Psychology*, 4(3), 130-136. Retrieved from DIP 18.01.035/20170403
- Yadetie, W. A. (2013). The Assessment of Teacher Trainees Attitude towards Teaching Profession: (The Case of Teacher Trainees in Oromia Teachers College of Education). *Department of Teacher Education and Curriculum Studies, Jimma University*, 3(6), 375-384. doi:10.5923/j.edu.20130306.13
- Zanaton, H. I., Nor Aishah, M. N., Nordiyana, M., & Effandi, Z. (2014). Applying the Principle of "Lesson Study" in Teaching Science. *Asian Social Science*, 10(4), 108-113.

PERSPEKTIF GURU-GURU SENIOR TERHADAP KUALITI GURU NOVIS KELUARAN INSTITUT PENDIDIKAN GURU BERPANDUKAN STANDARD 3 DALAM STANDARD GURU MALAYSIA

NURHAFIZAH BINTI ZAMRI
Jabatan Pendidikan Khas

Pensyarah Pembimbing
PN. SUZITA BINTI A. BAKI

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk meninjau perspektif guru senior terhadap kualiti guru novis keluaran Institut Pendidikan Guru (IPG) berdasarkan terhadap Standard 3 dalam Standard Guru Malaysia (SGM). Dalam kajian ini, guru senior menilai prestasi guru novis dengan merujuk Standard 3 dalam SGM untuk menilai kepatuhan guru novis terhadap standard tersebut. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif dan kajian tinjauan sebagai reka bentuknya. Data diperolehi daripada soal selidik dan analisis data dilakukan dengan menggunakan sistem Statistical Package for Social Science (SPSS). Soal selidik ini ditadbirkan kepada guru-guru senior di dua buah sekolah yang dipilih secara rawak mudah. Sampel kajian terdiri daripada 30 orang guru senior Data dianalisis secara deskriptif menggunakan peratusan dan min. Dapatan menunjukkan guru-guru novis mempunyai kefahaman yang baik terhadap Standard 3 dalam SGM. Min yang ditunjukkan oleh keempat-empat aspek dalam Standard 3 menunjukkan interpretasi yang tinggi. Bagi aspek 1 iaitu kemahiran menyediakan perancangan pengajaran dan pembelajaran berdasarkan sukatan pelajaran dan takwim, semua item menunjukkan min yang tinggi. Bagi aspek kedua iaitu kemahiran melaksanakan pengajaran dengan pelbagai pendekatan dan teknik turut menunjukkan min yang tinggi. Sementara itu, bagi aspek ketiga iaitu kemahiran memantau, mentaksir dan menilai keberkesanan pdp turut mempamerkan min yang tinggi. Akhir sekali, bagi aspek terakhir iaitu kemahiran mengurus bilik darjah, guru novis didapati mempamerkan prestasi yang baik. Pengkaji mencadangkan agar SGM didokumenkan dalam bentuk hardcopy agar menarik minat guru-guru untuk membacanya dan pengkaji turut mencadangkan agar pihak sekolah mengadakan program Mentoring antara guru senior dan guru novis di sekolah.

Kata Kunci: Standard Guru Malaysia, Institut Pendidikan Guru, guru senior, guru novis

ABSTRACT

This research been carried out to identify the perspective of senior teacher on the quality of novice teacher from Teacher Training Institute based on the standard in the Malaysia Teacher Standard (SGM). In this research, senior teacher evaluates novice teacher by referring to Third Standard in SGM to gauge novice teacher proficiency on that particular standard. Quantitative data collection method been used to carry out this survey research. The collected data from the questionnaire and the data analysis been progress and process by using the Statistical Package for Social Science (SPSS). This survey been conceded out to the senior teacher at 2 chosen schools. The schools been choosing randomly. The sample are 30 senior teachers and data been analyse descriptively by percentage and min. the outcome shows that novice teachers meet the level of understanding of Third standard in the SGM. The min showed from the four aspects in Third standard reach a high interpretation. For the first aspect, the ability to prepare the teaching and learning lesson plan based on the curriculum standard. All the items showed a high min. for the second aspect which is skill to organize a teaching and learning session with various methods and technic also showed a high min. Besides, for the third aspect which is ability to observe, estimate and evaluate the effectiveness of TnL also shows a high min. Last but not least, for the final aspect of classroom management, novice teacher shows a good performance. Researcher suggested that SGM been documented in a hardcopy form to encourage teacher to read. Researcher also suggested that school administrator to held a mentoring program between the senior teacher and novice teacher at school.

Keywords: Malaysia Teacher Standard, Teacher Training Institute, senior teacher, novice teacher

Emel: hafizahzamri9@gmail.com

1.0 PENGENALAN

Akauntabiliti guru novis dalam aspek pengajaran merupakan kualiti yang perlu dinilai bagi menjamin kualiti pendidikan. Oleh itu, pandangan guru-guru senior mengenai kualiti guru novis keluaran Institut Pendidikan Guru (IPG) perlu diberi perhatian bagi memastikan guru novis dapat diberikan teguran yang betul mengenai tatacara menjadi guru. Standard guru Malaysia merupakan rujukan bagi melatih guru novis untuk mematuhi gerak kerja guru dengan betul dan menjadi penanda aras bagi guru senior untuk menilai pencapaian guru novis.

Standard Guru Malaysia (SGM) merupakan dokumen yang dihasilkan oleh Bahagian Pendidikan Guru (BPG). Terdapat empat aspek yang ditekankan dalam standard 3 bagi memastikan kefungisian guru dalam kemahiran pengajaran dan pembelajaran. Aspek yang pertama ialah kemahiran menyediakan perancangan pengajaran dan pembelajaran. Sementara itu, aspek kedua merupakan kemahiran melaksanakan pengajaran dan pembelajaran. Seterusnya, aspek ketiga ialah kemahiran memantau, mentaksir dan menilai keberkesanan pengajaran dan pembelajaran. Akhir sekali, aspek yang keempat ialah kemahiran mengurus bilik darjah.

2.0 PERNYATAAN MASALAH

Dalam aspek merancang pengajaran, guru novis dikatakan tidak mempunyai persediaan yang mencukupi sebelum memulakan sesi pengajaran (Nurul Akmar, 2014). Ini adalah kerana guru novis tidak mengambil kira beberapa elemen penting dalam pengajaran seperti kecerdasan murid dan keperluan murid. Menurut Dayang Aidah (2011), menyatakan bahawa sebilangan besar guru novis mengalami masalah dalam beberapa aspek penting berkaitan proses Pembelajaran dan Pemudahcaraan (PdPc) seperti kaedah pengajaran, aktiviti pelajar, teknik interaksi, penerapan nilai, bahan perancangan pengajaran, bahan bantu mengajar dan penilaian. Menurut pendapat masyarakat, guru yang lebih lama mengajar lebih dipercayai untuk mengajar kerana pengalaman mereka yang banyak dalam mengajar. Menurut Goodwin (1999), guru yang berpengalaman mengajar dapat menyumbang kepada pengajaran yang berkesan.

3.0 OBJEKTIF DAN SOALAN KAJIAN

Terdapat empat objektif yang difokuskan dalam kajian ini :

1. Menilai keupayaan guru novis dalam menyediakan perancangan pengajaran berdasarkan sukatan pelajaran dan takwim.
2. Mengukur potensi guru novis dalam melaksanakan pengajaran dengan pelbagai pendekatan, kaedah dan teknik yang bersesuaian.
3. Memerhati kemahiran guru novis dalam memantau, mentaksir dan menilai keberkesanan pengajaran yang telah dilakukan.
4. Meninjau akauntabiliti guru novis dalam menguruskan bilik darjah.

Terdapat empat persoalan yang diketengahkan dalam kajian ini :

1. Adakah guru novis berkeupayaan untuk merancang pengajaran berdasarkan sukatan pelajaran dan takwim?
2. Sejauh manakah potensi guru novis dalam melaksanakan pengajaran dengan menggunakan pelbagai pendekatan, kaedah dan teknik?
3. Adakah guru novis berkemampuan untuk memantau, mentaksir dan menilai keberkesanan pengajaran yang telah dilakukan?
4. Adakah guru novis berkeupayaan untuk menguruskan bilik darjah dengan berkesan?

4.0 METADOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian secara tinjauan. Instrumen soal digunakan dalam soal selidik. Soalan selidik ini terdiri daripada empat. Aspek-aspek ialah :

1. Kemahiran Menyediakan Perancangan Pengajaran dan Pembelajaran Berdasarkan Sukatan Pelajaran dan Takwim
2. Kemahiran Melaksanakan PdP dengan Pelbagai Pendekatan, Kaedah dan Teknik
3. Kemahiran Memantau, Mentaksir dan Menilai Keberkesanan PdP
4. Kemahiran Mengurus Bilik Darjah

Prosedur pengumpulan data dilaksanakan secara atas talian menggunakan platform google form. Perisian Statistical Package for Social Science (SPSS) telah digunakan bagi menganalisis dapatan kajian yang telah dikumpulkan melalui soal selidik kepada 30 orang responden.

5.0 DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Dapatan kajian telah dikumpul melalui borang soal selidik yang telah diberi kepada 30 orang responden melalui atas talian dan telah dianalisis dengan menggunakan Perisian Statistical Package for Social Science (SPSS) dengan menggunakan statistik diskriptif iaitu min.

Jadual 1

Min bagi Aspek 1 dalam Standard 3 iaitu Kemahiran Menyediakan Perancangan Pengajaran dan Pembelajaran Berdasarkan Sukatan Pelajaran dan Takwim

| ITEM | MIN |
|---|------|
| RPT disediakan berdasarkan Sukatan Pelajaran dan Huraian Sukatan Pelajaran terkini | 3.90 |
| RPT disediakan dengan lengkap untuk sepanjang tahun/semester | 3.83 |
| Objektif pengajaran yang disediakan mengambil kira tahap kebolehan dan keupayaan murid. | 3.80 |
| Penggunaan kepelbagaian bahan bantu mengajar | 3.70 |
| Aktiviti kokurikulum yang dirancang dapat melibatkan murid secara optimum | 3.93 |

Dapatan kajian mendapati bahawa guru novis berkeupayaan untuk merancang pengajaran berdasarkan sukatan pelajaran dan takwim kerana semua min berada pada interpretasi tinggi (Jamil Ahmad, 2002). Min yang paling rendah iaitu 3.70 dalam aspek 1 ialah guru novis dapat mempelbagaikan penggunaan bahan bantu mengajar. Menurut Marzuki (2005) proses pengajaran dianggap berkesan apabila guru telah menyediakan bahan bantu mengajar sebelum masuk ke dalam kelas, mendalami isi kandungan yang hendak diajar dan mempelbagaikan kaedah pengajaran. Dalam konteks kajian ini, guru novis seharusnya menyediakan bahan bantu mengajar yang sesuai mengikut subjek, bilangan murid dan keperluan murid. Sementara itu, guru novis didapati dapat merancang aktiviti kokurikulum yang dapat melibatkan murid secara optimum kerana min yang ditunjukkan berada pada tahap yang paling tinggi iaitu 3.93. Menurut Hamid R.A (2012), kokurikulum sukan dapat membantu untuk memupuk kemahiran kerja berpasukan yang tinggi dengan melihat sejauh mana ahli pasukan berkerjasama antara satu sama lain. Berdasarkan dapatan kajian, guru novis didapati dapat menguasai aspek 1 dengan baik walaupun dipengaruhi dengan pengalaman yang kurang mantap. Berdasarkan kajian yang dilakukan oleh Syed Kamaruzaman Syed Ali et al. pada 2017 menunjukkan bahawa pengalaman mengajar tidak mempengaruhi perancangan mengajar dalam kalangan guru-guru. Hal ini bermaksud bahawa guru novis yang mengajar di sekolah dapat menghasilkan pengajaran yang berkesan di dalam bilik darjah walaupun tidak mempunyai pengalaman yang banyak seperti guru senior.

Jadual 2

Min bagi Aspek 2 dalam Standard 3 iaitu Kemahiran Melaksanakan PdP dengan Pelbagai Pendekatan, Kaedah dan Teknik

| ITEM | MIN |
|--|------|
| Dapat menghubungkan ilmu dan kemahiran dengan kehidupan | 3.90 |
| Dapat melaksanakan aktiviti mengikut perbezaan murid | 3.97 |
| Dapat melaksanakan aktiviti pemulihan | 3.70 |
| Dapat melaksanakan aktiviti pengayaan | 3.87 |
| Dapat menggunakan sumber yang sesuai dan mencukupi dengan bilangan murid | 3.87 |

Item guru novis dapat melakukan aktiviti pemulihan berada pada min rendah iaitu 3.70. Aktiviti pemulihan adalah penting bagi mengenalpasti kelemahan murid dalam kemahiran-kemahiran tertentu terutama aspek 4M iaitu membaca, menulis, mengira dan menaakul. Keupayaan guru melaksanakan

pengajaran kemahiran membaca dengan betul, penggunaan bahan yang sesuai, kerap membaca motivasi dan kreatif dapat menjadikan aktiviti pemulihan lebih menarik dan mudah difahami oleh murid (Abdul Rashid, 2011). Dalam konteks ini, guru novis perlu meningkatkan keupayaan mereka dalam melakukan aktiviti pemulihan bagi memastikan kelemahan murid dapat dikenalpasti dan penambahbaikan dalam aspek pengajaran dapat dilakukan. Min yang paling tinggi ditunjukkan oleh item guru novis dapat melaksanakan aktiviti mengikut perbezaan murid iaitu min 3.97. Menurut Khairul Yusri (2009), perbezaan murid ialah ketidaksamaan aspek perkembangan secara fizikal, sosial, emosi dan mental dalam kalangan individu. mengambil kira aspek perbezaan murid juga merupakan antara aspek yang digariskan dalam perancangan pengajaran. Kajian yang dilakukan oleh Chee Kim Mang pada (2017) membuktikan bahawa guru keluaran institut perguruan dapat mengajar mata pelajaran pengkhususan dengan baik dan menunjukkan prestasi yang cemerlang dalam pelaksanaan pengajaran. Tambahan pula, guru keluaran institut perguruan didapati dapat berkomunikasi dengan aktif dan berkesan di dalam bilik darjah. Ini menunjukkan bahawa guru novis dapat mewujudkan suasana bilik darjah yang berkesan dan pembelajaran berlaku dengan lancar.

Jadual 3

Min bagi Aspek 3 dalam Standard 3 iaitu Kemahiran Memantau, Mentaksir dan Menilai Keberkesanan PdP

| ITEM | MIN |
|--|------|
| Dapat memberi ulasan terhadap pencapaian murid | 3.83 |
| Merekod pencapaian dalam buku persediaan mengajar | 3.90 |
| Dapat melaksanakan penambahbaikan terhadap pengajaran | 3.97 |
| Dapat merekod pencapaian murid dalam buku rekod prestasi murid | 3.90 |
| Dapat memberi ulasan prestasi murid kepada ibu bapa | 3.90 |

Guru novis dapat dapat memberi ulasan terhadap pencapaian murid mempamerkan min yang rendah iaitu 3.83. Menurut Sabilan (2014), guru yang dapat menilai potensi pengajarannya dapat membaiki kelemahan pelajar dan menjadikannya sebagai asas untuk membina kekuatan pengajaran. oleh itu, guru novis perlu meningkatkan prestasi dalam kemahiran membuat ulasan terhadap pencapaian murid. Item guru novis dapat melaksanakan penambahbaikan terhadap pengajaran mencatatkan min tertinggi iaitu 3.97. Menurut Yahaya (2010) kemahiran-kemahiran seperti kemahiran set induksi, kemahiran pengukuhan, kemahiran pelbagai variasi rangsangan, kemahiran menggunakan ilustrasi dan kemahiran penyooalan yang sepatutnya perlu dimiliki oleh seseorang guru untuk menghasilkan pengajaran yang berkesan dan berkualiti. Penambahbaikan boleh dilakukan selepas penulisan refleksi dilakukan sejurus selepas pengajaran dilakukan. Refleksi yang telah ditulis dapat membantu guru untuk mengenalpasti aspek yang lemah dan tidak berkesan dalam pengajaran. Kajian yang dilakukan oleh Jamil Abd Baser et al. (2017) mendapati bahawa persepsi guru RBT terhadap tahap standard amalan nilai profesionalisme keguruan adalah pada interpretasi tinggi. Pada masa yang sama, kefahaman guru terhadap Standard 3 dalam Standard Guru Malaysia (SGM) iaitu kemahiran pengajaran dan pembelajaran menunjukkan interpretasi tinggi. Keupayaan menilai keberkesanan pengajaran merupakan item yang digariskan dalam Standard 3, maka ini membuktikan bahawa guru novis yang dilatih dapat menguasai kemahiran tersebut dengan cemerlang dan menepati kriteria pengajaran berkesan.

Jadual 4

Min bagi Aspek 4 dalam Standard 3 iaitu Kemahiran Mengurus Bilik Darjah

| ITEM | MIN |
|---|------|
| Dapat menyediakan suasana bilik darjah yang ceria, bersih dan selamat | 4.90 |
| Dapat menyediakan sumber pembelajaran yang mudah diakses | 4.00 |
| Dapat mewujudkan kerjasama antara murid dengan guru | 4.00 |
| Dapat mewujudkan kerjasama antara murid dengan murid | 4.00 |
| Dapat menetapkan peraturan bilik darjah berdasarkan peraturan sekolah | 3.97 |

Item guru novis dapat menetapkan peraturan bilik darjah berdasarkan peraturan sekolah berada pada min yang paling rendah iaitu 3.97. Dalam aspek pengurusan bilik darjah, guru novis seharusnya boleh

menetapkan peraturan bilik darjah bagi memastikan kawalan kelas terjamin. Guru perlu menyediakan peraturan dan amalan bilik darjah bagi mengawal dan mencorak tingkah laku yang positif serta mencegah tingkah laku yang tidak diinginkan dalam bilik darjah (Syed Ismail dan Ahmad Subki, 2010). Menurut Abdullah Sani (2016), kecekapan pengurusan bilik darjah seseorang guru mempamerkan keberkesanan aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Item guru novis dapat menyediakan suasana pembelajaran yang ceria, bersih dan selamat iaitu 4.90. Menurut Mok Soon Sang (2011), pengurusan bilik darjah adalah satu proses pembentukan suatu alam pembelajaran serta usaha untuk mengekalkan iklim yang kondusif untuk pelaksanaan proses pengajaran dan pembelajaran agar objektif yang ditetapkan tercapai. Dalam kajian oleh Hasfarina binti Abas pada 2017, beliau mendapati bahawa para guru novis sekolah menengah daerah Segamat mempunyai tahap pengurusan bilik darjah dan amalan pengurusan bilik darjah yang baik. Hal ini dikatakan demikian guru-guru dapat menangani masalah yang timbul seperti masalah interaksi antara guru dan murid; peraturan dan prosedur yang ditetapkan oleh pihak pengurusan dan pentadbiran; persepsi ibu bapa terhadap tindakan guru; pengaruh rakan sebaya dan faktor persekitaran dengan baik melalui pengurusan bilik darjah yang bersesuaian.

6.0 KESIMPULAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN

Bagi setiap aspek dalam Standard 3 iaitu kemahiran menyediakan perancangan pengajaran dan pembelajaran berdasarkan sukatan pelajaran dan takwim; kemahiran melaksanakan PdP dengan pelbagai pendekatan, kaedah dan teknik; kemahiran memantau, mentaksir dan menilai keberkesanan PdP; dan kemahiran mengurus bilik darjah, guru senior mendapati bahawa setiap item yang digariskan dalam aspek 3 dapat dipatuhi dengan baik oleh guru novis kerana setiap min yang diperoleh berada pada interpretasi tinggi

Kajian ini membolehkan guru senior menjadi pemantau, penilai dan mentor kepada guru novis. Dalam aspek pemantau dan penilai, guru senior menjadi pemerhati di dalam kelas dan di luar kelas bagi melihat kepatuhan guru novis terhadap Standard 3 dalam SGM. Sementara itu, dalam aspek menjadi mentor, guru senior boleh menjadi mentor kepada guru novis dengan memberi tunjuk ajar bagi membantu mereka bagi menjalankan pengajaran dengan lebih berkesan. Dalam memberi khidmat menolong, mentor yang berpengetahuan dan berpengalaman bertindak sebagai pembimbing, rakan dan guru kepada mentee yang memerlukan bantuan untuk menambahbaik lagi dirinya sama ada dalam konteks pembentukan kerjaya, pendidikan, kerohanian, kesihatan mental dan aspek-aspek pembangunan diri (Azman dan Rizwan 2012).

Kajian ini juga memberi kelebihan kepada guru novis bagi menjadi guru yang lebih efisien di sekolah. Guru novis dapat mengetahui pendapat daripada guru senior mengenai prestasi mereka semasa merancang, melaksana, menilai dan mengurus sesi pengajaran. Perbincangan dan komunikasi dua hala yang berlaku antara guru senior dan guru novis dapat mewujudkan hubungan yang erat antara rakan sekerja dan seterusnya melahirkan guru novis yang beretika. Amir Sharifuddin (2011) menyatakan bahawa bagi menyampaikan sesuatu maklumat, kemahiran komunikasi merupakan satu aspek penting yang perlu diberi penekanan.

Dalam usaha untuk memartabatkan SGM dalam kalangan guru novis, buku panduan SGM perlu diedarkan kepada guru-guru supaya menjadi bahan bacaan berbentuk mautud dan hard copy. Bahan bacaan bercetak menggalakkan guru-guru untuk fokus dalam pembacaan dan peka terhadap setiap isi penting yang terdapat dalam setiap edaran tersebut. Bahan bacaan bercetak juga membolehkan guru untuk menanda isi penting bagi setiap huraian dan meningkatkan kefahaman guru dalam memahami setiap peraturan.

Selain itu, pihak pentadbir perlu mewujudkan program Mentoring di sekolah. Dalam program Mentoring ini, guru senior menjadi mentor kepada guru novis. Guru novis dapat mempelajari etika perguruan dan pelbagai peraturan seperti SGM, Akta Penjawat Awam dan sebagainya daripada guru senior. Program ini juga dapat menjadikan guru senior bersikap sebagai 'pelindung' kepada guru novis dan mengelakkan guru novis daripada 'dibuli' oleh guru senior.

RUJUKAN

- Abdul Rashid.(2011). Kaedah Pembelajaran. Puchong: Penerbitan Multimedia Sdn. Bhd.
- Abdullah Sani. (2016). Kurikulum dan Pembelajaran. Penerbit UKM, Selangor, Malaysia
- Chee Kim Mang. (2017). Kualiti Guru Permulaan Keluaran Sebuah Institut Perguruan: Satu Tinjauan Dari Perspektif Pentadbir. Jurnal Pendidik dan Pendidikan (Volume 23, 2008, Pages 49 to 67).
- Dayang Aidah Hj. Jalin. (2011). Tahap Kesediaan Penggunaan Pendekatan Masteri. Tesis Sarjana Sastera. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Hamid R.A .(2012). Sinergi Dalam Pengurusan Sekolah. Kuala Lumpur: PTS Profesional Publishing Sdn. Bhd.
- Hasani Dali & Mohd Johdi .(2009). Komunikasi Berkesan. Kuala Lumpur:Penerbit Fajar Bakti.
- Jamil Abd Baser, Nurul Syahada Mohd Suhaimi , Hasyamuddin Othman, Azman Hasan, Mohd Bekri Rahim & Mohd Faizal Amin Nur Yunus .(2017). Standard Guru Malaysia Dalam Program Persediaan Guru Reka Bentuk Dan Teknologi . Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional, UTHM.
- Kellough. (2007). The Practice of Social Research. Belmont: Wadsworth.
- Khairul Yusri .(2009). Pedagogi, Strategi dan Teknik Mengajar dengan Berkesan. Pahang: PTS Publication & Distributors Sdn.Bhd.
- Marzuki .(2005). Kemahiran Belajar dan Hubungannya dengan Pencapaian Akademik: Kajian di Daerah Kerian, Perak. Jurnal Pendidik dan Pendidikan, 23: 29-47.
- Mok Soon Sang .(2011). Pengurusan Bilik Darjah dan Tingkah Laku (3rd ed.) Selangor: Penerbitan Multimedia Sdn. Bhd
- Nurul Akmar (2014). Psikologi Pembangunan Manusia. Universiti Putra Malaysia: McGraw-Hill (Malaysia) Sdn. Bhd.
- Sabilan. (2014). Pengurusan Bilik Darjah dan Tingkah Laku untuk Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan. Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.

TINJAUAN PERSEPSI GURU PELATIH PENDIDIKAN KHAS TERHADAP PENYEDIAAN BAHAN BANTU MENGAJAR UNTUK MURID PENDIDIKAN KHAS MASALAH PENGLIHATAN

NURUL ALIYA BINTI MOHAMAD
Jabatan Pendidikan Khas

Pensyarah Pembimbing
PN. SUZITA BINTI A. BAKI

ABSTRAK

Kajian tinjauan ini dijalankan adalah untuk meninjau persepsi guru pelatih Pendidikan Khas terhadap penyediaan bahan bantu mengajar untuk murid Pendidikan Khas masalah penglihatan. Kajian ini melibatkan 30 orang responden iaitu terdiri daripada semester 6 dan 8 di Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas. Kajian ini dijalankan menggunakan soal selidik sebagai instrumen kajian dan data analisis secara deskriptif. Borang soal selidik ditadbirkan dalam bentuk digital iaitu menggunakan 'Google Form' dengan menggunakan *link* yang dihantar kepada responden melalui aplikasi 'Whatsapp'. Data analisis diproses menggunakan perisian 'Perfect Statistic Professionally Presented' (PSPP) dan hasil dapatan kajian ditunjukkan dalam bentuk min, kekerapan dan peratusan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa persepsi guru pelatih terhadap penyediaan BBM untuk murid Pendidikan Khas dari ketiga aspek berada pada tahap tinggi iaitu aspek kesediaan 3.95, aspek kekerapan 4.11 dan aspek kekangan 4.15. Secara keseluruhannya, guru pelatih sedar bahawa penyediaan BBM dalam PdPc adalah penting untuk menarik minat dan meningkatkan prestasi murid serta mencapai objektif pengajaran terhadap sesuatu mata pelajaran.

Kata Kunci: Persepsi, bahan bantu mengajar, murid khas.

ABSTRACT

This survey method is conducted to review perceptions of special education student teachers regarding provision of teaching aids for special education students visually impaired. This study involved 30 respondents consisting of semester 6 and 8 at the Institute Teachers of Special Education Campus. This study was carried out using questionnaires as a descriptive study instrument and data analysis. Questionnaire forms are administered in digital form using the Google Form by using the link sent to the respondent via WhatsApp app. Data analysis is processed using software Perfect Statistic Professionally Presented (PSPP) and the findings are shown in the form of mean, frequency and percentage. The findings show that teachers' perception of preparation BBM for special education students from the three aspects are high level of readiness aspect 3.95, frequency aspect 4.11 and constraint aspect. Overall, the teachers should be aware that the preparation of BBM in PdPc is important to attract and improve student performance as well as achieve the teaching objectives of a subject.

Keywords: Perception, teaching aids, special needs students

Emel: 7aliyamohamad@gmail.com

1.0 PENGENALAN

Dalam sesebuah institusi pendidikan, proses pengajaran dan pemudahcaraan (PdPc) dapat dilihat sebagai tonggak utama untuk mencorakkan modal insan yang cemerlang dan seimbang dari segi (JERIS). Pengurusan PdPc yang dinamis dan sistematik mampu mengembangkan pengetahuan baru, pencetusan idea kreatif dan inovatif dan pembangunan potensi manusia yang lebih mampan serta penyebaran maklumat yang baik. (Jantan 2016). Menurut Hamdan & Yasin (2010) menyatakan bahawa guru sewajarnya menjalankan tanggungjawab mereka sebagai pendidik dengan mendidik murid dengan sebaik-baiknya supaya murid dapat menguasai pembelajaran yang disampaikan oleh guru.

Oleh yang sedemikian, Bahan Bantu Mengajar (BBM) merupakan salah satu cara dan alat yang perlu digunakan semasa PdPc dijalankan dan sangat penting dalam proses PdPc kerana ianya mampu untuk menarik kembali tumpuan dan minat murid serta meningkatkan prestasi murid semasa PdPc berjalan.

Guru-guru memainkan peranan penting dalam proses PdPc bagi melaksanakan pengajaran abad ke 21 seperti yang disarankan oleh pihak Kementerian menyahut hasrat Negara untuk menjadi Negara maju menjelang tahun 2020. Pelbagai maklumat yang berguna diperolehi serta dapat meningkatkan pengetahuan semasa penyediaan BBM terhadap sesuatu topik yang akan dipelajari di dalam kelas. Oleh itu, guru yang dapat menghasilkan pelbagai BBM yang sesuai dan menarik serta menjana idea yang bernas untuk menentukan aktiviti yang sesuai dan menarik dan lebih kreatif di dalam PdPc (Noordin & Zainal Abiden, 2010).

2.0 PERNYATAAN MASALAH

BBM memberikan banyak manfaat kepada murid dan juga guru. Walau bagaimanapun, masih ada lagi dalam kalangan guru yang kurang berminat menggunakan BBM dalam PdPc. Guru kurang percaya dengan amalan menggunakan BBM boleh menarik minat murid serta meningkatkan prestasi murid dalam proses PdPc. Menurut kamus Dewan (2015), sikap bermaksud lakuan, kelakuan, perangai atau tingkah laku. Sehubungan dengan itu, guru yang cekap menguruskan aktiviti PdPc akan melahirkan murid yang berkecakapan, berilmu, berakhlak mulia bertanggungjawab dan setiap perlakuan guru akan menjadi kesan kepada pencapaian murid (Stapa *et. al.* 2012).

Menurut kajian Mohamad Said & Yunus (2008) menyatakan pihak Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah memperkenalkan pelbagai cara untuk meningkatkan keharmonian dalam pendidikan iaitu untuk membantu guru mengembangkan kreativiti murid, akan tetapi kajian-kajian yang telah dijalankan menunjukkan bahawa para guru gagal meningkatkan kreativiti murid dalam bilik darjah. Hal ini kerana, kekurangan guru menggunakan BBM dalam PdPc menyebabkan aktiviti murid dalam bilik darjah akan menjadi lebih terhad. Guru hanya menggunakan kaedah yang lama iaitu "*chalk and talk*" atau kaedah konvensional semasa proses PdPc dijalankan. Oleh yang sedemikian, murid mudah hilang tumpuan dan membuat kerja sendiri ketika proses PdPc di jalankan serta akan mengakibatkan penurunan prestasi murid dalam peperiksaan Mohamed Arip (2014).

Manakala menurut Mat Som (2005) terdapat pelbagai cabaran yang terpaksa dihadapi oleh pihak sekolah dalam melaksanakan BBM dalam PdPc, antaranya tahap kesedaran guru itu sendiri dalam menggunakan BBM dalam PdPc perlu ditekankan kepada faktor-faktor latar belakang guru yang berbeza, keupayaan guru dari segi pengetahuan, sikap, motivasi dan kemahiran serta lokasi sekolah akan menentukan keberkesanan sesuatu kurikulum. Pengkaji ingin mengkaji persepsi guru pelatih Pendidikan Khas terhadap penyediaan bahan bantu mengajar untuk murid Pendidikan Khas masalah penglihatan. Kajian tinjauan ini dijalankan di Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas.

3.0 OBJEKTIF DAN SOALAN KAJIAN

Secara umum kajian ini bertujuan untuk meninjau persepsi guru pelatih Pendidikan Khas terhadap penyediaan bahan bantu mengajar untuk murid Pendidikan Khas Masalah Penglihatan. Sehubungan itu, objektif kajian bertujuan untuk:

1. Mengkaji kesediaan guru pelatih dalam penyediaan BBM.
2. Meninjau kekerapan guru pelatih menyediakan BBM.
3. Mengenal pasti kekangan yang dihadapi oleh guru pelatih dalam penyediaan BBM.

Kajian ini mempunyai tiga persoalan yang telah dibentuk, antaranya adalah seperti berikut:

1. Sejauhmanakah kesediaan guru pelatih dalam penyediaan BBM?
2. Berapa kerapkah guru pelatih menyediakan BBM?
3. Apakah kekangan yang dihadapi oleh guru pelatih dalam penyediaan BBM?

4.0 METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan reka bentuk tinjauan melalui soal selidik dan dianalisis secara deskriptif. Kaedah soal selidik digunakan sebagai alat kajian kerana ianya adalah suatu kaedah yang biasa dan sesuai digunakan untuk mengumpul maklumat secara langsung. Sampel kajian melibatkan guru pelatih Semester 6 Ambilan Jun 2016 dan Semester 8 Ambilan Jun 2015 di Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas (IPGKIK) yang mengikuti bidang pendidikan khas dalam pengkhususan masalah penglihatan seramai 30 orang. Instrumen yang digunakan dalam kajian menggunakan set borang soal selidik. Responden kajian terdiri daripada 30 orang siswa guru pendidikan khas yang telah menjalankan

praktikum di sekolah. Pengumpulan data dilakukan yang digunakan oleh pengkaji adalah dengan menggunakan program *Perfect Statistic Professionally Presented* (PSPP). Terdapat tiga bahagian pada soal selidik ini, bahagian A merujuk kepada ialah kesediaan guru dalam penyediaan BBM dalam PdPc, bahagian B berkenaan kekerapan penggunaan BBM dalam PdPc dan bahagian C kekangan dalam penyediaan BBM. Prosedur pengumpulan data dilaksanakan atas talian menggunakan platform *google form* dan data analisis diproses menggunakan perisian '*Perfect Statistic Professionally Presented*' (PSPP).

5.0 DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Dapatan kajian telah dikumpul melalui borang soal selidik yang telah diberi kepada 30 orang responden melalui atas talian dan telah dianalisis dengan menggunakan perisian '*Perfect Statistic Professionally Presented*' (PSPP). Dapatan yang telah dianalisis disebarkan melalui jadual mengikut tiga konstruk yang berbeza. Penilaian skor min tahap pencapaian yang dipilih oleh penyelidik berdasarkan panduan yang telah dibuat oleh Khalid Johari (2003) adalah seperti berikut:

| SKOR MIN | TAHAP |
|------------------|-----------|
| 1.00 hingga 2.33 | Rendah |
| 2.34 hingga 3.67 | Sederhana |
| 3.68 hingga 5.00 | Tinggi |

Jadual 3.3:

Min dan Tahap Responden tentang Kesediaan Siswa Guru dalam Penyediaan BBM dalam PdPc.

| Bil | Tahap kesediaan | Min keseluruhan |
|-----|--|-----------------|
| 1 | Bahagian A) Kesediaan guru pelatih dalam penyediaan BBM dalam PdPc | 3.95 |
| 2 | Bahagian B) Kekerapan dalam penggunaan BBM dalam PpPc | 4.11 |
| 3 | Bahagian C) Kekurangan dan kekangan masa untuk menyediakan BBM setiap kali PdPc dijalankan | 4.15 |

Keputusan kajian menunjukkan persepsi guru pelatih Pendidikan Khas dalam ketiga tiga aspek iaitu bahagian A, B dan C adalah berada dalam tahap yang tinggi. Bagi bahagian A menunjukkan min keseluruhan iaitu 3.95 menunjukkan guru pelatih kerap dan lebih bersedia menyediakan BBM dalam PdPc. Menurut Noor Azlan dan Nurdalina (2010), bahan bantu mengajar memainkan peranan penting kearah memahami konsep dalam proses pengajaran selain daripada bertujuan untuk menarik minat murid dalam mata pelajaran yang berlangsung.

Selain itu, min keseluruhan bagi aspek bahagian B pula ialah 4.11 menunjukkan guru pelatih sering menggunakan BBM dalam PdPc. Menurut Noor Azlan dan Nurdalina (2010), bahan bantu mengajar memainkan peranan penting kearah memahami konsep dalam proses pengajaran selain daripada bertujuan untuk menarik minat murid dalam mata pelajaran yang berlangsung.

Seterusnya, aspek bahagian C juga berada pada tahap tinggi iaitu min keseluruhan 4.15 menunjukkan guru pelatih kurang mempunyai masalah dalam penyediaan BBM. Menurut kamus dewan (2015), sikap bermaksud lakukan, kelakuan, perangai atau tingkah laku. Sehubungan dengan itu, guru yang cekap menguruskan aktiviti PdPc dengan menraik minat dan tumpuan murid dengan bantuan BBM dalam PdPc akan melahirkan murid yang berketrampilan, berilmu, berakhlak mulia bertanggungjawab dan setiap perlakuan guru akan menjadi kesan kepada pencapaian murid (Stapa 2012). Secara keseluruhannya, kajian ini telah menjawab setiap persoalan kajian.

6.0 KESIMPULAN, CADANGAN DAN IMPLIKASI

Daripada kajian yang dijalankan, secara kesimpulan dapatan kajian menunjukkan guru pelatih Pendidikan Khas Masalah Penglihatan mempunyai pengetahuan dan kemahiran menggunakan BBM yang baik. Berdasarkan dapatan dan perbincangan kajian, beberapa cadangan penambahbaikan boleh diutarakan seperti meningkatkan bilangan responden supaya dapatan kajian menjadi lebih telus. Seterusnya, pengkaji yang akan datang juga boleh mengkaji tajuk yang sama dan melibatkan

pengkhususan yang lain seperti masalah pembelajaran atau pendengaran. Hasil dapatan kajian ini dapat memberi implikasi kepada guru pelatih dan juga murid. Bagi guru pelatih, guru pelatih akan dapat meningkatkan pengetahuan dan kesedaran yang lebih baik berkenaan dengan mengaplikasikan penggunaan BBM dalam PdPc. Seterusnya akan membantu mereka untuk menghidupkan suasana pembelajaran yang harmoni. Bagi kesan terhadap murid pula, BBM dapat mencetuskan minat murid dalam proses PdPc. Peralatan yang digunakan juga menjadi penggalak dalam penyampaian dalam pelajaran. Jika bahan bantu mengajar digunakan dengan teratur semasa memberi penerangan, pengajaran yang disampaikan akan mencetuskan minat pelajar (Noor Azlan, Nurdalina, 2010).

RUJUKAN

- Hamdan, A.R. & Mohd Yasin H. (2010). *Penggunaan Alat Bantu Mengajar (ABM) Di Kalangan Guru-Guru Teknikal Di Sekolah Menengah Teknik Daerah Johor Bahru, Johor*. Fakulti Pendidikan. Universiti Teknologi Malaysia.
- Kean. (2016, August 11). Retrieved from [/www.researchgate.net/publication/307575109_Mengenai_penyelidikan_dan_kajian_kes_Satu_tinjauan_literatur](http://www.researchgate.net/publication/307575109_Mengenai_penyelidikan_dan_kajian_kes_Satu_tinjauan_literatur)
- Mat Som, H. (2005). *Guru dan Pelaksanaan Inovasi dan Kurikulum; Sorotan dan Perbincangan*, 27.
- Miskon, A. S., Mustapa, S. I., & Institut Pendidikan Guru. Kampus Ilmu Khas Kuala Lumpur. (2011). *Murid dan alam belajar* (1st ed.).
- Mohamad Arip, Mohd Sa'ad, Jaapar, F., Mohd Ali, N., Athdzar, K., & Wan Abd. Rashid, W. N. (2014). *Faktor, Kesan dan Strategi Menangani Permasalahan Kurang Tumpuan Pelajar Sekolah Menengah Di Dalam Kelas* (2nd ed).
- Wahab, N. W. (2004). *Persepsi guru-guru sains terhadap penggunaan bahan bantu mengajar berkomputer dalam pengajaran dan pembelajaran sains di sebelas buah sekolah menengah di Zon Keramat, Kuala Lumpur*.
- Khalid Johari, (2003). *Pengajaran statistik asas untuk penyelidikan: satu refleksi*.
- Noordin, H.S & Zainal Abiden, N.F (2010). *Tahap Penggunaan Bahan Bantu Mengajar Dalam Kalangan Bakal Guru Fizik Semasa Latihan Mengajar*. Fakulti Pendidikan. Universiti Teknologi Malaysia.
- Stapa, Z., Ismail, A.M. & Yusuf, N. (2012). *Faktor Persekitaran sosial dan Hubungannya Dengan Pembentukan Jati Diri*. Fakulti Pengajian Islam. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Jantan, N. (2016). *Penerapan Budaya Kreatif Dan Inovatif Di Kalangan Pelajar Politeknik Merlimau Melalui PERKAYA INOVASI*. Jabatan Kejuruteraan Elektrik. Politeknik Merlimau.
- Noor Azlan dan Nuradalina (2010). *Pengurusan bilik darjah dan penggunaan Bahan Bantu Mengajar*. PTS Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Jantan, R. & Razali, M. (2002). *Psikologi penidikan-Pendekatan Kontemporari*. Kuala Lumpur: Mc Graw Hill.

**MENINGKATKAN KEFAHAMAN MENUKAR NOMBOR PECAHAN KEPADA NOMBOR
PERPULUHAN DALAM KALANGAN MURID BERMASALAH PENGLIHATAN TERHAD
MENGUNAKAN *COUPLE MATH FOR DECIMAL***

NURUL ALYA BINTI KHAIRUL FAUZI
Jabatan Pendidikan Khas

Pensyarah Pembimbing
DR. ZAWAWI BIN ZAHARI

ABSTRAK

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk membantu murid rabun Tahun 5 meningkatkan penguasaan kemahiran menukar nombor pecahan kepada nombor perpuluhan dengan menggunakan bahan Couple Math for Decimal (CMFD). Reka bentuk kajian adalah berdasarkan model Kurt Lewin (1946). Kemahiran menukar nombor pecahan kepada nombor perpuluhan ini melibatkan tiga kemahiran iaitu kemahiran menukar nombor pecahan kepada nombor perpuluhan bagi pecahan persepuluh, perseratus dan perseribu. Peserta kajian terdiri daripada seorang murid masalah penglihatan. Pengumpulan data awal menunjukkan bahawa peserta kajian amat lemah dalam topik perpuluhan. Data awal dikumpul melalui ujian pra, pemerhatian tidak berstruktur dan temu bual tidak berstruktur. Pengkaji telah menjalankan dua kali sesi pengajaran dan pembelajaran kepada peserta kajian. Dapatan data dianalisis melalui perbandingan ujian pra dan pasca, pemerhatian berstruktur dan temu bual berstruktur. Dapatan kajian menunjukkan bahan CMFD ini dapat meningkatkan penguasaan murid dalam menguasai kemahiran menukar nombor pecahan kepada nombor perpuluhan. Cadangan tindakan susulan, pengkaji mencadangkan penghasilan bahan CMFD dalam versi elektronik. Aplikasi elektronik dirasakan lebih praktikal kerana penggunaannya boleh diluaskan kepada nombor digit yang lebih besar.

Kata Kunci: Couple Math for Decimal, memukar nombor pecahan kepada nombor perpuluhan, topik perpuluhan, murid rabun

ABSTRACT

This research was held to help student with low vision of Year 5 to improve the ability in converting the fractional numbers into decimal numbers using Couple Math for Decimal (CMFD) product. This research is based on Kurt Lewin (1946) model. The skill of converting fractional numbers into these decimal numbers involves three skills which are the skill of converting fractional numbers to decimal numbers for fractions of tens, hundreds and thousands. Participant is a student from a special education. Preliminary data shows that the students are weak in the topic of decimal. The preliminary data was collected through the pre-test, unstructured observation and unstructured interviews. The student was given two session of teaching and learning. Data analysis was analyzed by comparison between pre and post test, structured observation and structured interviews. The findings show that CMFD materials can improve the pupil's ability to master the skills of converting fractional numbers into decimal numbers. For the next research, I suggest that the production of CMFD in the electronic version. This application is more practical as they can be extended to larger digit numbers.

Keywords: Couple Math for Decimal, converting the fractional numbers to decimal numbers, decimal point, low vision student

Emel: nurullalyaa@gmail.com

1.0 PENGENALAN

Nombor perpuluhan merupakan salah satu topik yang digolongkan dalam bidang nombor dalam sukatan pelajaran Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR). Perpuluhan masih dimasukkan dalam bidang nombor supaya ada kesinambungan apa yang telah dipelajari dari nombor bulat. Mengikut sukatan KSSR, murid di sekolah rendah diperkenalkan kepada nombor perpuluhan dengan pecahan persepuluh, perseratus dan perseribu. Pemahaman konsep nombor perpuluhan seperti menukarkan nombor pecahan kepada nombor perpuluhan sangat penting bagi murid untuk meneruskan

pembelajaran Matematik yang berikutnya seperti perkaitan nombor perpuluhan dengan topik pecahan dan topik wang.

Konteks

Pengkaji merupakan seseorang guru pelatih yang menerima latihan di bawah kursus Program Izajah Sarjana Muda Perguruan yang ditawarkan oleh Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM). Pada praktikum fasa pertama yang lalu, pengkaji telah diamanahkan untuk mengajar mata pelajaran Matematik Tahun 4 Cemerlang. Pengkaji mendapati kebanyakan murid menghadapi masalah dalam topik perpuluhan, terutamanya dalam topik penukaran pecahan ke nombor perpuluhan. Kebanyakan kesilapan yang dilakukan oleh mereka adalah semasa membuat latihan berkenaan adalah disebabkan oleh kecuaiannya iaitu kesilapan dalam meletakkan titik perpuluhan serta salah kedudukan sifar dalam jawapan mereka.

Refleksi Pengajaran Dan Pembelajaran

Semasa sesi praktikum fasa kedua, pengkaji telah berpeluang untuk mengajar mata pelajaran Matematik di sebuah Sekolah Kebangsaan di Kuantan, Pahang. Bagi topik perpuluhan, pengkaji mengajar teknik untuk menukar nombor pecahan kepada nombor perpuluhan yang melibatkan pecahan persepuluh, perseratus dan perseribu. Pengkaji telah menjalankan ujian pra sebelum pengkaji mula mengajar. Ketika menjawab soalan, pengkaji mendapati seorang murid dalam kelas Tahun Lima menghadapi masalah dalam penguasaan kemahiran Matematik iaitu dalam kemahiran menukar nombor pecahan kepada nombor perpuluhan. Murid tersebut masih belum menguasai kemahiran ini walaupun sudah berada di Tahun Lima.

Ahmad Subki Miskon & Syed Ismail Syed Mustapa (2013) menjelaskan teori Jean Piaget sebagai suatu bentuk pembelajaran yang berlaku berasaskan pengalaman yang dilalui. Terdapat dua proses pembelajaran yang ditekankan iaitu proses asimilasi yang merupakan satu proses menerima masuk maklumat baru ke dalam struktur kognitif. Proses yang kedua ialah akomodasi iaitu suatu proses di mana skema sedia ada diubah suai berdasarkan kepada maklumat atau pengalaman baru.

Pengumpulan Data Awal

Bagi pengumpulan data awal, tiga kaedah telah dipilih iaitu ujian pra, pemerhatian tidak berstruktur dan temu bual tidak berstruktur. Bagi ujian pra, skor akan diambil di dalam bentuk peratusan. Kaedah kedua yang dipilih ialah pemerhatian. Pengkaji telah mencatatkan segala tingkah laku dan aktiviti murid-murid dalam kajian ini sepanjang semua sesi yang dijalankan. Pengkaji juga telah membuat satu temu bual tidak berstruktur bersama-sama guru Matematik yang mengajar peserta kajian.

2.0 FOKUS KAJIAN

Merujuk kepada Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran KSSR (2017), topik pecahan dan perpuluhan telah mula didedahkan kepada murid sekolah rendah ketika di dalam Tahun Dua. Guru Matematik harus memberi penekanan terhadap topik ini bagi memastikan kemahiran dalam topik perpuluhan dapat dikuasai. Hal ini mendorong pengkaji untuk menjalankan kajian yang melibatkan topik perpuluhan iaitu menukar nombor pecahan kepada nombor perpuluhan, dalam kalangan murid masalah penglihatan (rabun).

Kajian ini lebih tertumpu kepada terhadap cara ataupun kaedah yang digunakan oleh peserta kajian dalam penyelesaian masalah yang melibatkan pecahan persepuluh, perseratus dan perseribu. Tumpuan kajian adalah bagi mengenalpasti tahap kefahaman murid berkaitan dengan nombor perpuluhan ini. Kajian ini juga dapat mengenalpasti sama ada murid memahami konsep perpuluhan ataupun hanya mengetahui cara penyelesaian yang sering diberi latihan oleh guru.

3.0 OBJEKTIF DAN SOALAN KAJIAN

Objektif Kajian

Membantu murid-murid bermasalah penglihatan kategori rabun dalam memahami dan menjawab soalan-soalan yang berkaitan dengan topik perpuluhan dengan penggunaan Couple Math For Decimal. Membantu murid meningkatkan daya usaha dalam menyelesaikan masalah berkaitan kemahiran menukar nombor pecahan kepada nombor perpuluhan.

Menambah baik pengajaran dan pembelajaran (PdP) pengkaji di dalam bilik darjah untuk mata pelajaran Matematik dalam topik perpuluhan.

Soalan Kajian

Bagaimanakah penggunaan Couple Math For Decimal dapat membantu murid rabun dalam memahami dan menyelesaikan masalah berkaitan kemahiran menukar nombor pecahan kepada nombor perpuluhan bagi topik perpuluhan?

Adakah kaedah ini mampu meningkatkan minat pelajar terhadap mata pelajaran Matematik sekaligus mengubah persepsi murid bahawa Matematik adalah sukar untuk dikuasai?

Bagaimanakah PdP di dalam bilik darjah bagi mata pelajaran Matematik dalam topik perpuluhan ditambah baik dengan penggunaan Couple Math For Decimal?

4.0 PESERTA KAJIAN

Peserta kajian telah dipilih dalam kalangan murid rabun Tahun Lima di sebuah sekolah di Pahang. Peserta kajian memiliki tahap penguasaan pelajaran yang sederhana dan lemah. Murid ini juga mempunyai motivasi serta keyakinan diri yang rendah dan kurang menunjukkan minat untuk belajar. Dia merupakan atlet sekolah yang lebih cenderung untuk melakukan aktiviti fizikal di padang.

5.0 TINDAKAN YANG DIJALANKAN

Bagi menjalankan kajian ini, pengkaji telah memilih untuk menggunakan model kajian yang dikemukakan oleh Kurt Lewin pada tahun 1948 sebagai panduan untuk melaksanakan tindakan. Pengkaji telah membuat tindakan bermula dengan perancangan, tindakan, pemerhatian dan akhir sekali mereflek tindakan yang telah dijalankan.

Langkah 1 : Ujian Pra

Sebelum sesi intervensi bermula, Ujian Pra telah diberikan kepada peserta kajian (PK). PK dikehendaki menjawab 15 soalan subjektif yang berkaitan dengan topik perpuluhan. Cara pengiraan perlu ditulis di dalam kertas soalan. Masa untuk menjawab kertas Ujian Pra ialah 30-60 minit. Markah ujian ini akan direkodkan.

Langkah 2 : Sesi Intervensi Pertama

Masa untuk menjalankan sesi intervensi pertama ialah 60 minit. Pengkaji meminta peserta kajian (PK) menjawab satu soalan berkaitan kemahiran menukar nombor pecahan kepada nombor perpuluhan. Setelah itu, pengkaji memperkenalkan bahan *Couple Math For Decimal* (CMFD) kepada PK. Pengkaji membuat demonstrasi kaedah penyelesaian menggunakan CMFD dengan beberapa soalan. Kemudian, pengkaji memberi latihan kepada PK. Latihan yang diberi perlu dijawab dengan menggunakan bahan CMFD.

Langkah 3 : Sesi Intervensi Kedua

Dalam sesi ini, aras kesukaran soalan dipertingkatkan di mana pengkaji menunjukkan soalan-soalan yang mempunyai aras mudah kepada sukar. Kemudian, pengkaji menerangkan cara penyelesaiannya dengan menggunakan CMFD. Setelah itu, pengkaji meminta murid menyelesaikan latihan dengan sendirinya.

Langkah 4 : Sesi Ulangkaji

Dalam sesi yang terakhir ini, pengkaji menggunakan 30 minit untuk mengulangkaji topik perpuluhan iaitu kemahiran menukarkan nombor pecahan kepada nombor perpuluhan bagi pecahan Persepuluh Perseratus dan Perseribu dengan menggunakan bahan CMFD.

Langkah 5 : Ujian Pasca

Setelah semua sesi selesai, ujian pasca diberikan kepada peserta kajian (PK). PK perlu menyelesaikan soalan-soalan ini dalam masa 30 minit. Soalan ujian pasca adalah sama dengan ujian pra.

Kaedah Mengumpul Data

Data dalam kajian ini telah dikumpulkan menggunakan tiga kaedah iaitu ujian (pra dan pasca), pemerhatian (senarai semak) dan temubual (soalan temu bual berstruktur). Ketiga-tiga kaedah ini digunakan bagi mengaplikasikan kaedah triangulasi data bagi mendapatkan kesahan serta kebolehpercayaan bagi data yang telah dikumpulkan. Ujian pra telah digunakan bagi memperoleh data awal dan ujian pasca dijalankan bagi memperoleh data akhir kajian. Senarai semak pemerhatian memfokuskan minat, tingkah laku dan penglibatan peserta kajian. Temu bual berstruktur dijalankan selepas selesai ketiga-tiga sesi tindakan dijalankan.

Kaedah Menganalisis Data

Analisis data yang dikumpul membantu pengkaji melihat isu yang timbul dan kekuatan yang ada pada tindakan yang diambil secara kritis.

Ujian Pra dan Pasca

Terdapat tiga jenis set soalan dijalankan bagi menguji kemahiran menukar nombor pecahan kepada nombor perpuluhan. Setiap set soalan diuji dari aras mudah kepada sukar. Pengkaji mempamerkan jumlah skor dan peratusan peserta kajian bagi setiap set soalan dalam soalan ujian pra dan pasca dalam bentuk graf bagi membezakan pencapaian peserta kajian dalam kemahiran menukar nombor pecahan kepada nombor perpuluhan sebelum dan selepas intervensi dijalankan.

Pemerhatian Berstruktur

Pemerhatian dinilai dari tiga aspek iaitu aspek minat, tingkah laku dan penglibatan. Pemerhatian ini dilaksanakan semasa pengkaji melaksanakan pengajaran dan pembelajaran (PdP) menggunakan borang senarai semak yang ditanda dengan tiga tahap pencapaian iaitu lemah, memuaskan dan baik. Pengkaji menandakan (/) pada ruang yang disediakan jika aspek itu dicapai oleh peserta kajian. Pengkaji membuat perbandingan pemerhatian yang dijalankan dalam tindakan 1 dan tindakan 2 dalam bentuk jadual bagi melihat peningkatan pencapaian murid dan tahap minat murid dalam PdP.

Temu Bual Berstruktur

Pengkaji menganalisis data temu bual berstruktur secara kualitatif. Pengkaji telah menyediakan beberapa soalan yang berkaitan untuk ditanyakan kepada peserta kajian. Tema yang bersesuaian telah dipilih semasa temu bual berstruktur dijalankan. Perkara ini dapat mengelakkan sebarang rekod temu bual berulang kali bagi tema yang sama. Temu bual ini ditranskripsikan dan disusun dalam bentuk jadual. Setelah itu, temu bual ini ditandakan dengan penentuan kod berdasarkan tema yang ditetapkan. Pengkaji kemudiannya menerangkan mengenai tema temu bual dengan lebih jelas.


Kaedah Menyemak Data

Kartini Abdul Mutalib, Ahamad Shabudin Yahaya, Rosli Sahat & Badrul Hisham Alang Osman (2012) menjelaskan triangulasi sebagai suatu proses di mana pengkaji menggunakan pelbagai kaedah pengumpulan data bagi meningkatkan tahap kesahahan data. Pengkaji menggunakan ujian pra dan pasca, temu bual berstruktur dan pemerhatian berstruktur. Dengan adanya data daripada pengujian ini, pengkaji dapat menentukan perbandingan prestasi murid sebelum dan selepas tindakan diberikan. Selain itu, temu bual berstruktur. Pengkaji mendapatkan pendapat murid dari aspek penyampaian guru, pemahaman murid dan penguasaan murid. Pemerhatian dari aspek minat, tingkah laku dan penglibatan dapat diperhatikan dan dicatat dalam borang senarai semak. Hasil dapatan kajian lebih kukuh dengan adanya ketiga-tiga kaedah pengumpulan data ini.

6.0 DAPATAN KAJIAN

Dapatan kajian untuk ujian pra dan ujian pasca, pemerhatian dan temu bual diterangkan seperti yang berikut.

Dapatan kajian yang menjawab persoalan yang pertama ini adalah ujian pra pasca.



Rajah 1. Graf perbandingan ujian pra dan ujian pasca kemahiran menukar nombor pecahan kepada nombor perpuluhan

Ujian Pra dan Ujian Pasca

Prestasi peserta dalam ujian pra adalah belum mencapai tahap minimum, namun peserta kajian berjaya mendapat tahap cemerlang dalam ujian pascanya. Peningkatan markah bagi semua bahagian dalam ujian pasca membuktikan bahawa intervensi ini berjaya meningkatkan pencapaian peserta kajian dalam menjawab soalan topik perpuluhan ini.

Dapatan kajian yang menjawab persoalan kedua adalah temu bual berstruktur.

Temu bual Berstruktur

Pengkaji melaksanakan temu bual dengan peserta kajian. Tiga tema yang terlibat dalam temu bual ini ialah aspek penyampaian guru, pemahaman murid dan penguasaan murid. Berdasarkan temu bual bersama peserta kajian, peserta kajian menyatakan bahawa guru telah menerangkan cara-cara penggunaan bahan *Couple Math For Decimal* (CMFD) tersebut dengan jelas. Bagi tema kedua, peserta kajian faham dengan pengajaran guru menggunakan BBM tersebut.

Setiap sesi diberikan latihan pengukuhan agar peserta kajian lebih cekap menguasai kemahiran menukar nombor pecahan kepada nombor perpuluhan. Bagi tema penguasaan murid, peserta kajian menyatakan bahawa dia dapat menguasai kemahiran menukar nombor pecahan kepada nombor perpuluhan selepas menggunakan *Couple Math For Decimal* (CMFD). Peserta kajian turut mengakui bahawa dia dapat memahami dan menyelesaikan soalan dengan menggunakan BBM yang diajar. Hal ini secara tidak langsung menunjukkan keberkesanan tindakan.

Dapatan kajian yang menjawab persoalan ketiga adalah pemerhatian berstruktur.

Pemerhatian Berstruktur

Instrumen yang digunakan ialah borang senarai semak. Peserta kajian menunjukkan perubahan yang positif dalam tindakan kedua kerana apabila dia menggunakan bahan CMFD ini, murid dapat menjawab soalan-soalan yang diberikan oleh guru dengan lebih cekap dan baik sekali. Dari aspek tingkah laku bagi kedua-dua tindakan, peserta kajian memberi respon baik terhadap pengkaji semasa sesi PdP dijalankan. Tindakan kedua menunjukkan peningkatan dari segi tingkah laku sehingga mencapai tahap baik berbanding tindakan 1.

Bagi aspek penglibatan pula, peserta kajian masih lemah dalam menjawab soalan berkaitan kemahiran menukar nombor pecahan kepada nombor perpuluhan dengan sukarela dengan menggunakan bahan CMFD pada tindakan pertama. Selepas tindakan kedua, peserta kajian sudah lebih yakin untuk menjawab soalan yang diberikan sehingga boleh mencapai tahap baik.

7.0 REFLEKSI

Penggunaan bahan *Couple Math For Decimal* (CMFD) sebagai bahan bantu mengajar amat membantu dalam kajian ini. Hal ini selari dengan pendapat Novak (2011) yang bersetuju bahawa apabila pembelajaran diintegrasikan dengan aktiviti atau bahan, ia dapat membantu pembelajaran tersebut. Kesannya akan meningkatkan impak positif dalam hasil pembelajaran. Dalam kajian ini, peserta kajian berjaya menunjukkan peningkatan prestasi murid dalam pembelajaran kerana pengkaji memperuntukkan masa yang mencukupi bagi setiap tindakan ke atas murid. Pengkaji juga telah membahagikan pengajaran kepada tiga bahagian. Pengkaji mula mengajar dengan topik pecahan persepuluh terlebih dahulu. Selepas peserta kajian mahir, pengkaji mula mendedahkan dengan pecahan perseratus dan seterusnya pecahan perseribu. Peserta kajian juga terlihat sangat seronok serta melibatkan diri sepenuhnya semasa PdP dijalankan.

8.0 CADANGAN TINDAKAN SUSULAN

Cadangan bagi kajian yang seterusnya ialah pengkaji mengharapkan intervensi ini dapat diaplikasikan dalam versi elektronik. Aplikasi elektronik dirasakan lebih praktikal kerana penggunaannya boleh diluaskan kepada nombor digit yang lebih besar. Aplikasi tersebut boleh dilengkapi dengan mod pembelajaran yang boleh diubah suai mengikut keperluan dalam objektif pembelajaran.

Pengajaran ini juga boleh dilaksanakan dalam bentuk permainan. Guru boleh mewujudkan permainan antara peserta kajian dengan rakannya bagi melihat siapa yang boleh menjawab soalan yang diberikan dengan betul dan cepat dengan menggunakan bahan *Couple Math For Decimal* (CMFD). Secara

kesimpulannya, kajian ini berjaya membuktikan bahawa bahan CMFD ini dapat membantu dalam meningkatkan penguasaan kemahiran menukar nombor pecahan kepada nombor perpuluhan.

RUJUKAN

Ahmad Subki Miskon, Syed Ismail Syed Mustapa;. (2013). *Murid dan Alam Belajar*. Kuala Lumpur: Freemind Horizons Sdn. Bhd.

Kartini Abdul Mutalib, Ahamad Shabudin Yahaya, Rosli Sahat & Badrul Hisham Alang Osman. (2012). *Menguasai Penyelidikan Tindakan: Untuk PISMP dan DPLI*. Perpustakaan Negara Malaysia, Institut Pendidikan Guru Kampus Ipoh.

Kementerian Pendidikan Malaysia. (2012). *Kurikulum standard sekolah rendah: dokumen standard kurikulum dan pentaksiran Matematik Tahun Lima*. Putrajaya: Bahagian Pembangunan Kurikulum.

Lewin, K. (1946). Action Research and Minority Problems. *Journal of Social Issues Volume 2*.

Novak. (2011). A theory of education: Meaningful learning underlies the constructive integration of thinking, feeling, and acting leading to empowerment for commitment and responsibility. *Florida Institute for Human and Machine Cognition*, 1(2), 1-14.

MENINGKATKAN KEMAHIRAN MEMBACA PERKATAAN SUKU KATA KV+KV MURID TAHUN SATU MENGGUNAKAN KAD IMBASAN SUKU KATA BERWARNA

NURUL IMANIYAH BINTI KHAIRULLAH
Jabatan Pendidikan Khas

Pensyarah Pembimbing
PN. SURIANI BINTI YUSOF

ABSTRAK

Penyelidikan tindakan ini dijalankan untuk meningkatkan kemahiran membaca perkataan suku kata KV + KV Bahasa Malaysia bagi seorang murid bermasalah penglihatan terhad Tahun Satu dengan menggunakan Kad Imbasan Suku Kata Berwarna. Hasil tinjauan awal di dalam kelas mendapati bahawa murid ini tidak dapat menguasai kemahiran membaca perkataan gabungan suku kata KV+KV dengan baik. Oleh itu, kajian ini memberi fokus kepada peningkatan tahap pembacaan suku kata KV+KV murid tersebut dengan menggunakan Kad Imbasan Suku Kata Berwarna. Data telah dikumpul menggunakan ujian pra dan ujian pasca. Dalam pada itu, analisis dokumen lembaran kerja dan temu bual bersama guru Bahasa Malaysia dan peserta kajian juga dijadikan sebagai data dapatan. Hasil dapatan kajian ini telah menunjukkan bahawa tahap kemahiran membaca suku kata KV+KV Bahasa Malaysia bagi murid ini telah meningkat dengan baik sekali dengan penggunaan Kad Imbasan Suku Kata Berwarna. Dalam kajian seterusnya, pengkaji bercadang untuk melakukan penambahbaikan dalam menjalankan aktiviti dengan memainkan lagu-lagu yang berkaitan untuk memeriahkan suasana, menggunakan lebih banyak bahan maujud dan ditadbir dalam subjek lain selain Bahasa Malaysia

Kata Kunci: Penyelidikan tindakan, kemahiran membaca, Kad Imbasan Suku Kata Berwarna.

ABSTRACT

This action research was conducted to improve the skills of reading word of KV+KV in Bahasa Malaysia for a partially blind Year One pupil by using Coloured Syllable Flash Cards. From the early observation in the class, it was found that this pupil does not acquire the reading skills on words of KV+KV. Therefore, this research helps the pupil to improve the reading ability using the Coloured Syllable Flash Cards. Data was collected using pretest and post test. Meanwhile, document analysis of the worksheets and the interviews with the Bahasa Malaysia teacher and the research participant were also used as data retrieval. The result of the research showed that the skills of reading words of KV+KV in Bahasa Malaysia of the pupil have improved. In the next study, the researcher intends to perform improvements in conducting activities by playing the related songs to enliven the situation, using more materials and administering in other subjects other than Bahasa Malaysia.

Keywords: Action research, skills of reading, Coloured Syllable Flash Cards.

Emel: imaniyah55@gmail.com

1.0 PENGENALAN

Kajian ini dijalankan untuk meningkatkan kemahiran membaca perkataan suku kata kv+kv murid Tahun Satu. Tindakan yang sesuai perlu diambil segera bagi mengatasi sebarang masalah pembelajaran yang mungkin timbul dari semasa ke semasa. Marohani Yusuf (2015), merumuskan bahawa membaca sebagai perlakuan yang kompleks dan tidak dapat diperhatikan. Cuma dua kemahiran utama yang diperakui wujud dalam membaca iaitu kemahiran mengecam perkataan dan kemahiran memahami maklumat yang dibaca. Daripada definisi kemahiran dan membaca, secara umumnya kemahiran membaca adalah merujuk kepada keupayaan murid membaca dengan sebutan, intonasi, jeda dan kelancaran yang betul.

Kamaruddin (1998) pula mendefinisikan membaca sebagai keupayaan seseorang untuk mengecam bentuk visual (lambang-lambang grafik yang mewakili bahasa atau perkataan), menghubungkan bentuk itu dengan bunyi atau makna yang diketahui seterusnya memahami dan mentafsir maksudnya berdasarkan pengalaman lalu. Dalam pemerhatian pengkaji, peserta kajian sudah menguasai

kemahiran mengenal huruf vokal dan huruf konsonan dan boleh membunyikan suku kata tunggal kv dengan betul. Namun, apabila digabungkan dua suku kata kv+kv untuk membentuk perkataan, peserta kajian mengalami kesukaran membatangkannya dengan tepat. Peserta kajian sering lupa bunyi suku kata pertama semasa mahu membatang dua suku kata tersebut. Pengkaji pernah menggunakan kaedah latih tubi dengan meminta peserta kajian mengeja dan membatangkan suku kata pertama secara berulang-ulang diikuti dengan suku kata kedua. Namun, apabila diminta untuk membatang dua suku kata tersebut, peserta kajian masih gagal membatangkannya dengan betul. Kegagalan peserta kajian membatangkan suku kata mudah kv + kv ini akan mengakibatkannya sukar menguasai kemahiran membaca yang lebih sukar.

Semasa menjalankan proses pembelajaran dan pemudahcaraan, pengkaji telah memberikan satu kad imbasan perkataan kepada setiap orang murid dan meminta setiap murid untuk membacanya seterusnya menerangkan perkara yang difahaminya berdasarkan kad tersebut. Semasa aktiviti ini dijalankan, pengkaji mendapati hanya seorang murid sahaja yang dapat menerangkan dengan baik, manakala seorang murid lagi mengalami kesukaran untuk menerangkan perkataan yang diterimanya. Murid ini didapati mengalami masalah dalam kemahiran membaca setelah saya meminta murid untuk membaca perkataan yang terdapat pada kad imbasan perkataan yang diberikan. Oleh kerana itu, murid ini tidak dapat menerangkan perkataan yang terdapat pada kad tersebut. Hal ini sangat membimbangkan pengkaji kerana kemahiran membaca sangat penting bagi seseorang individu kerana tanpa kemahiran membaca, seseorang individu itu sangat sukar untuk memperolehi maklumat dan pengetahuan. Sekiranya seseorang itu rajin membaca buku, akhbar, majalah dan bahan cetakan yang lain, dia akan memperolehi ilmu pengetahuan serta mendapat maklumat yang penting.

3.0 OBJEKTIF DAN SOALAN KAJIAN

Objektif Kajian

Berikut adalah objektif kajian tindakan ini iaitu:

1. Kad imbasan suku kata berwarna dapat meningkatkan kemahiran membatangkan suku kata terbuka kv+kv.
2. Murid dapat mengeja perkataan suku kata kv+kv dengan menggunakan kad imbasan suku kata berwarna.
3. Penggunaan kad imbasan suku kata berwarna dapat menarik minat murid bermasalah penglihatan kategori penglihatan terhad untuk membatangkan suku kata terbuka kv+kv dengan betul.

Persoalan Kajian

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk menjawab persoalan kajian berikut.

1. Adakah kad imbasan suku kata berwarna dapat meningkatkan kemahiran membatangkan suku kata terbuka kv+kv?
2. Adakah murid dapat mengeja perkataan suku kata kv+kv dengan menggunakan kad imbasan suku kata berwarna?
3. Adakah penggunaan kad imbasan suku kata berwarna dapat menarik minat murid bermasalah penglihatan kategori penglihatan terhad untuk membatangkan suku kata terbuka kv+kv dengan betul?

2.0 FOKUS KAJIAN

Fokus kajian ini ialah meningkatkan kemahiran membaca perkataan suku kata kv+kv murid Tahun Satu. Pengkaji menggunakan kad imbasan suku kata berwarna sebagai bahan bantu mengajar sewaktu menjalankan intervensi. Sewaktu menjalankan tinjauan awal, pengkaji mendapati peserta kajian ini telah menguasai kemahiran mengenal abjad kecil dan abjad besar serta boleh membunyikan suku kata tunggal kv tetapi masih lemah dalam kemahiran membatangkan terus dua suku kata kv+kv untuk membentuk perkataan mudah. Apabila perkataan yang terdiri daripada pola kv+kv diberikan, peserta kajian dapat mengeja dengan betul. Tetapi apabila hendak membatangkannya menjadi perkataan, peserta kajian lupa bunyi suku kata yang pertama menyebabkan peserta kajian tidak dapat membatangkan perkataan itu dengan tepat.

Peserta kajian ini juga tidak menunjukkan minat ataupun dapat mengekal minat mereka dalam sesi pengajaran dan pemudahcaraan kerana penyelidik mendapati peserta kajian tidak memberi fokus apabila penyelidik sedang mengajar. Keadaan ini kalau dibiarkan akan membuatkan masalah ini semakin rumit yang akan membawa kepada kesukaran untuk menguasai kemahiran membatangkan

suku kata yang lebih sukar dan akan memberi impak negatif terhadap penguasaan kemahiran membaca yang lebih kompleks.

4.0 PESERTA KAJIAN

Pengkaji telah melibatkan seorang murid bermasalah penglihatan Tahun Satu Khas daripada Program Pendidikan Khas Integrasi (Masalah Penglihatan), Sekolah Kebangsaan Indera Mahkota, Kuantan, Pahang sebagai peserta kajian. Peserta kajian ini berumur 7 tahun. Peserta kajian ini merupakan murid lelaki dan berbangsa Melayu. Peserta kajian ini disahkan mengalami masalah penglihatan terhad dan menggunakan alat bantu lihat iaitu cermin mata. Peserta kajian datang dari keluarga yang mempunyai tahap akademik yang baik dan memberikan sepenuh kepercayaan kepada guru untuk memastikan kemenangan anak mereka dalam pelajaran.

5.0 TINDAKAN YANG DIJALANKAN

Langkah 1

1. Pengkaji telah memberi penerangan kepada peserta kajian mengenai pengajaran yang terlibat dalam pembelajaran kemahiran membatangkan suku kata kv+kv ini

Langkah 2

1. Peserta kajian ditunjukkan bahan bantu mengajar yang terlibat iaitu kad imbasan suku kata berwarna
2. Setiap kad imbasan ini mempunyai suku kata yang berbeza dan membolehkan peserta kajian menggabungkan kad imbasan ini untuk menjadikan sebuah perkataan yang lengkap

Langkah 3

1. Peserta kajian diberi penerangan mengenai intervensi membatangkan suku kata yang dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu intervensi satu, dua dan tiga
2. Pembelajaran dibuat dengan pembahagian kecil bagi memudahkan peserta kajian belajar membatangkan suku kata kv+kv

Langkah 4

1. Peserta kajian dibimbing secara lisan kemahiran membatangkan suku kata iaitu dengan menyebut suku kata yang terdapat pada kad imbasan suku kata berwarna yang diterima oleh peserta kajian
2. Pengkaji menggunakan teknik hafalan dan pengulangan bagi membolehkan peserta kajian mengingat pembelajaran ini
3. Pengkaji turut menggunakan teknik permainan bagi memudahkan lagi peserta kajian untuk mengingat pembelajaran ini

Langkah 5

1. Peserta kajian diuji dengan lembaran kerja yang telah disediakan bagi intervensi satu ini secara lisan dan bertulis
2. Peserta kajian diberikan lima soalan dan peserta kajian perlu membacakan suku kata yang terdapat dalam soalan

Langkah 6

1. Pengkaji boleh meneruskan dengan intervensi dua bagi meningkatkan lagi kemahiran membatangkan suku kata kv+kv
2. Proses ini berulang sehingga penilaian intervensi ketiga berakhir

6.0 DAPATAN KAJIAN

I. Ujian


Ujian pra dijalankan dengan cara pengkaji mengedarkan lembaran kerja yang terdiri daripada dua bahagian iaitu bahagian A dan bahagian B. Dalam bahagian A memerlukan murid membaca suku kata tanpa mengeja soalan. Manakala bahagian B pula memerlukan murid melihat gambar dan memilih suku kata yang membentuk perkataan bagi merujuk kepada gambar tersebut. Keputusan Ujian Pra yang dijalankan ditunjukkan dalam jadual di bawah. Ujian Pasca dijalankan setelah selesai menjalankan intervensi. Soalan Ujian Pasca ini adalah soalan yang sama dengan Ujian Pra kerana

ujian ini ditadbir untuk melihat perbezaan skor murid berbanding Ujian Pra dan sekali gus menilai keberkesanan intervensi yang telah dijalankan seperti yang ditunjukkan dalam jadual di bawah.

*Jadual 1
Perbezaan Peratusan Ujian Pra dan Ujian Pasca*

| SUBJEK KAJIAN | UJIAN PRA (%) | UJIAN PASCA (%) | PERBEZAAN (%) |
|----------------|---------------|-----------------|---------------|
| Peserta Kajian | 13% | 70% | +57 |

Berikut adalah graf bar peratus perbezaan pencapaian murid antara Ujian Pra dan Ujian Pasca yang telah dijalankan. Murid ini memperoleh peningkatan sebanyak 57%. Rajah 2 menunjukkan perbezaan keputusan Ujian Pra dan Ujian Pasca bagi murid bermasalah penglihatan kategori penglihatan terhad setelah menjalani empat sesi intervensi untuk meningkatkan kemahiran membatangkan suku kata kv+kv. Ini membuktikan bahawa penggunaan kad imbasan suku kata berwarna dapat meningkatkan penguasaan kemahiran membatangkan suku kata kv+kv di kalangan murid bermasalah penglihatan kategori penglihatan terhad Tahun Satu Khas. Pelaksanaan empat sesi intervensi berjaya meningkatkan kefahaman murid.



Rajah 1. Perbezaan keputusan ujian pra dan ujian pasca

Berdasarkan dapatan ujian pasca secara keseluruhannya yang ditunjukkan dalam jadual 6, murid berhasil meningkat kepada gred B iaitu tahap pencapaian baik berbanding ujian pra gred E iaitu tahap gagal.

*Jadual 2
Pencapaian Murid Mengikut Gred Pencapaian*

| GRED | PENCAPAIAN | JUMLAH PERATUSAN (%) |
|------|------------|----------------------|
| A | Cemerlang | 80-100 |
| B | Baik | 60-79 |
| C | Sederhana | 50-59 |
| D | Lulus | 40-49 |
| E | Gagal | 0-39 |

II. Lembaran Kerja


Selain daripada penggunaan kaedah ujian, pengkaji juga menggunakan kaedah analisis dokumen iaitu lembaran kerja pengukuhan. Pengkaji memberikan tiga lembaran kerja pengukuhan iaitu setelah selesai sesi tindakan intervensi yang pertama, kedua dan ketiga. Aktiviti lembaran kerja diberi kepada peserta kajian untuk menilai keberkesanan penambahbaikan intervensi.

Bagi menganalisis data lembaran kerja ini, pengkaji menggunakan gred untuk menilai tahap penguasaan peserta kajian. Berikut menunjukkan perbezaan peratusan markah lembaran kerja dan peningkatan gred pencapaian.

Jadual 3
Perbezaan Peratusan Lembaran Kerja

| | JUMLAH JAWAPAN YANG BETUL | GRED PENCAPAIAN | PERATUSAN (%) |
|-----------|---------------------------|-----------------|---------------|
| LATIHAN 1 | 4/10 | D | 40% |
| LATIHAN 2 | 5/10 | C | 50% |
| LATIHAN 3 | 7/10 | B | 70% |

Jadual 7 di atas menunjukkan pencapaian yang meningkat selepas setiap kali sesi intervensi dijalankan dengan markah daripada 40% kepada 50% dan 70% masing-masing. Perbezaan pencapaian murid dalam peratusan mengikut latihan ditunjukkan dalam bentuk graf bar seperti rajah 3 di bawah.



Rajah 2. Perbezaan peratusan lembaran kerja

7.0 REFLEKSI

Berdasarkan persoalan kajian yang pertama iaitu adakah kad imbasan suku kata berwarna dapat meningkatkan kemahiran membatangkan suku kata terbuka kv+kv? Pengkaji telah melaksanakan 2 aktiviti menggunakan kad imbasan suku kata berwarna. Aktiviti tersebut berbentuk latih tubi bacaan kad suku kata kv+kv. Melalui intervensi yang dijalankan ini, tahap penguasaan kemahiran membaca suku kata kv+kv di kalangan murid menunjukkan peningkatan. Perubahan ini dapat dilihat berdasarkan peningkatan peratusan Ujian Pra dan Ujian Pos pada bab 6. Peningkatan peratusan bagi murid ini ialah sebanyak 57%.

Bagi menjawab persoalan kedua pula iaitu adakah murid dapat mengeja perkataan suku kata kv+kv dengan menggunakan kad imbasan suku kata berwarna? Hasil pemerhatian menunjukkan bahawa penggunaan kad imbasan suku kata berwarna amat berkesan digunakan di kalangan murid bermasalah penglihatan kategori penglihatan terhad dalam menguasai kemahiran membatangkan suku kata kv+kv kerana penggunaan kad imbasan suku kata berwarna dapat menarik minat murid untuk melibatkan diri secara aktif, mendengar arahan dan mengurangkan tingkah laku negatif di kalangan murid di samping meningkatkan kemahiran membaca suku kata kv+kv. Penggunaan kad tersebut terbukti dapat meningkatkan kemahiran murid menguasai pelajaran melalui keputusan latihan yang meningkat daripada 40% kepada 50% dan 70% masing-masing.

Adakah penggunaan kad imbasan suku kata berwarna dapat menarik minat murid bermasalah penglihatan kategori penglihatan terhad untuk membatangkan suku kata kv+kv dengan betul? Hasil pemerhatian menunjukkan bahawa penggunaan kad imbasan suku kata berwarna dapat menarik minat murid bermasalah penglihatan kategori penglihatan terhad untuk membatangkan suku kata kv+kv dengan betul kerana murid dapat memberi tumpuan terhadap intervensi yang dijalankan. Murid juga memberi respon yang baik terhadap intervensi yang dijalankan. Hal ini jelas menunjukkan bahawa kad imbasan suku kata berwarna dapat menarik minat murid bermasalah penglihatan kategori penglihatan terhad untuk membatangkan suku kata kv+kv dengan betul.

Ini sejajar dengan kajian yang terdahulu yang dijalankan oleh Siti Hajar (1996), menyatakan bahawa permainan bahasa sebenarnya merupakan cara mempelajari bahasa melalui permainan. Menurutnya lagi, kaedah ini sesuai digunakan pada semua peringkat pembelajaran bahasa iaitu di sekolah rendah hingga ke peringkat sekolah menengah. Menurut kaedah ini juga sesuai untuk semua tahap pencapaian murid sama ada cemerlang ataupun lemah.

Kesimpulannya, penggunaan kad imbasan suku kata berwarna ini memberi impak yang positif dalam membantu murid bermasalah penglihatan kategori penglihatan terhad Tahun Satu Khas meningkatkan penguasaan kemahiran membaca suku kata kv+kv dan apa yang lebih penting penggunaan kad ini menjadikan sesi pengajaran dan pemudahcaraan menjadi bermakna kepada murid. Dalam masa yang sama murid seronok serta bermotivasi untuk belajar ilmu pengetahuan yang baru.

8.0 CADANGAN TINDAKAN SUSULAN

Bagi kajian seterusnya, semasa aktiviti permainan dijalankan, pengkaji seterusnya boleh memainkan lagu-lagu yang berkaitan untuk memeriahkan suasana. Melalui cara ini, murid akan lebih ceria dan lebih bersemangat semasa mengikuti aktiviti permainan yang disediakan. Bahan bantu mengajar yang digunakan juga boleh menggunakan lebih banyak bahan maujud bagi kajian seterusnya di mana bahan maujud ini dapat memberi impak yang lebih kepada murid-murid termasuk murid bermasalah penglihatan kategori penglihatan terhad. Pengkaji juga berpendapat kajian ini boleh ditadbir dalam subjek yang lain selain Bahasa Malaysia.

RUJUKAN

Siti Hajar (1996). *Permainan bahasa untuk sekolah rendah dan menengah*. Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.

Marohaini Yusoff (2015). *Strategi Pengajaran Bacaan dan Kefahaman: Memantapkan Pembelajaran di Sekolah Menengah*. Selangor: PTS Publications & Distributors.

Kamaruddin (1998). *Siri Pendidikan Guru: Bahasa Melayu Kontekstual*. Shah Alam: Oxford Fajar Sdn. Bhd

PERSEPSI GURU TERHADAP PERKHIDMATAN MAKANAN DI KANTIN SEKOLAH PENDIDIKAN KHAS

PAVITRA A/P CHANDRAN
Jabatan Pendidikan Khas

Pensyarah Pembimbing
DR HAJARUL BAHTI BINTI ZAKARIA

ABSTRAK

Kajian ini merupakan satu tinjauan untuk mengenalpasti persepsi guru terhadap perkhidmatan makanan di kantin Sekolah Pendidikan Khas. Kajian ini menggunakan kaedah kajian kuantitatif iaitu instrumen berbentuk soal selidik. Kajian rintis telah dijalankan kepada 12 orang guru dan dapatan menunjukkan nilai alpha cronbach yang diperoleh adalah 0.94. Set soal selidik ini boleh digunakan dalam kajian sebenar kerana menunjukkan kebolehpercayaan yang tinggi. Seramai 30 orang guru Pendidikan Khas dipilih sebagai responden kajian. Kajian dijalankan dengan mengedarkan soal selidik melalui 'Google Form'. Data telah dianalisis secara statistik deskriptif dengan menggunakan program *Perfect Statistic Professionally Presented (PSPP, 2017)* yang menjurus kepada kekerapan, peratusan dan nilai min. Dapatan kajian menunjukkan bahawa persepsi responden dari aspek kebersihan makanan, kepelbagaian menu makanan, harga makanan dan kemudahan di kantin adalah tinggi. Walaubagaimana pun, menurut persepsi guru, pengendali kantin kurang menjual makanan yang berkhasiat. Kesimpulan daripada analisis data mendapati bahawa majoriti guru berpuas hati terhadap tahap perkhidmatan makanan di kantin sekolah. Justeru itu, kajian ini dilaksanakan bagi membantu dan memberi cadangan untuk meningkatkan perkhidmatan makanan di Sekolah Pendidikan Khas.

Kata Kunci: Persepsi guru, perkhidmatan makanan, kantin sekolah

ABSTRACT

This survey research was conducted to identify the perception of teachers towards food service in Special Education School canteen. This study used quantitative research methods such as instrument. A test of reliability was conducted on the instrument use in this study. It registered an index 0.94 on the Cronbach's Alpha, which was considered high and therefore appropriate to be used in this study. 30 teachers of Special Education School had been selected to participate in the research. A set of questionnaires was distributed to all respondents. Data gathered were analyzed using Perfect Statistic Professionally Presented (PSPP, 2017) to obtain the value of frequency, percentage and mean. The result showed perceptions of respondents in the aspect of food cleanliness, variety of food, food prices and facility in school canteen is high. However, based on the teachers' perception, the canteen employee sells less nutritious food. The conclusions from the data analysis found that the majority teachers were satisfied with the level of food service at the school canteen. Finally, this research suggests to help the quality of food service in the canteen of Special Education School.

Keywords: Perception of teacher, food service, school canteen

Emel: pavitra27@hotmail.com

1.0 PENGENALAN

Makanan adalah sangat penting kepada manusia tetapi juga merupakan agen-agen penyakit seperti virus, parasit dan bakteria. Penyakit bawaan makanan ini bukan sahaja menjadi masalah bagi negara-negara membangun malah juga negara-negara maju (Abdul Wahid, Mukhari, Mazilah dan Ibrahim, 2011). Isu tentang keselamatan makanan hanya mendapat perhatian apabila berlakunya keracunan makanan kepada seseorang individu. Kantin merupakan satu tempat yang penting pada mana-mana organisasi iaitu dengan menjual minuman dan makanan (Dewan Bahasa dan Pustaka, 2007). Pembekalan perkhidmatan makanan kepada guru dan murid merupakan satu kewajipan dalam setiap sekolah (Kementerian Pendidikan Malaysia dan Kementerian Kesihatan Malaysia, 2010). Pemakanan yang baik adalah penting untuk murid Pendidikan Khas bagi perkembangan dan fungsi organ serta

untuk pembiakan dan pertumbuhan yang normal dan ketahanan terhadap infleski dan keupayaan pemulihan kerosakan dan kecederaan yang berlaku pada tubuh badan.

2.0 PERNYATAAN MASALAH

Berdasarkan maklumat di atas, pengkaji ingin melaksanakan satu kajian untuk mengenalpasti persepsi guru terhadap perkhidmatan makanan di kantin Sekolah Pendidikan Khas. Penyelidik hendak mengkaji tahap kebersihan, kepelbagaian menu, harga makanan dan kemudahan di kantin Sekolah Pendidikan Khas. Menurut Siti Aminah Paiman (2010), keracunan makanan boleh berlaku disebabkan oleh pengambilan makanan yang tercemar. Makanan yang tercemar tidak sepatutnya dihidangkan untuk santapan ahli keluarga ataupun untuk jualan. Pencemaran makanan boleh berlaku tidak kira tempat atau masa. Banyak berita mengenai keracunan makanan sering dimuatkan dalam akhbar-akhbar tempatan. Contohnya, Berita Harian, 7 Jun 2018 iaitu dua beradik keracunan makanan keluar hospital manakala Harian Metro, 22 Mei 2013 iaitu 72 pelajar mengalami keracunan.

Menurut Kementerian Kesihatan Malaysia didapati menerima 60 laporan keracunan makanan di sekolah seluruh negara membabitkan 2325 kes bagi tempoh Januari hingga 16 April 2017. Berdasarkan laporan hasil siasatan yang diterima dari Pejabat Kesihatan Daerah, faktor utama yang dikenalpasti ialah bahan mentah tercemar, pencemaran silang semasa pengendalian makanan, makanan disediakan terlalu awal dan dimakan lewat iaitu melebihi empat jam dari masa yang disediakan.

3.0 OBJEKTIF DAN SOALAN KAJIAN

Objektif kajian ini secara khususnya adalah:

1. Menenalpasti persepsi guru terhadap perkhidmatan makanan di kantin Sekolah Pendidikan Khas.

Persoalan yang cuba dijawab dalam kajian ini adalah seperti berikut;

1. Apakah persepsi guru terhadap perkhidmatan makanan di kantin Sekolah Pendidikan Khas?
2. Apakah persepsi guru terhadap tahap kebersihan di kantin Sekolah Pendidikan Khas?
3. Apakah persepsi guru terhadap kepelbagaian menu di kantin Sekolah Pendidikan Khas?
4. Apakah persepsi guru terhadap harga makanan di kantin Sekolah Pendidikan Khas?
5. Apakah persepsi guru terhadap kemudahan yang disediakan di kantin Sekolah Pendidikan Khas?

4.0 METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini merupakan kajian berbentuk deskriptif yang bertujuan untuk melihat persepsi guru terhadap perkhidmatan makanan di kantin Sekolah Pendidikan Khas. Reka bentuk kajian yang digunakan bagi kajian ini ialah reka bentuk tinjauan. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif. Populasi sampel kajian ini adalah semua guru SKPK Pendidikan Khas. Sampel kajian ini dipilih secara rawak seramai 30 orang daripada beberapa buah sekolah. Instrumen yang digunakan dalam kajian ini adalah berbentuk soal selidik diedarkan kepada responden untuk mendapatkan maklumbalas, yang mana ianya merangkumi beberapa item. Kesahan kandungan borang soal selidik telah disemak oleh penyelia pengkaji sebagai seorang pakar dalam bidang kajian untuk menelitikan instrumen. Dalam kajian ini, untuk mendapatkan kebolehpercayaan instrumen, kaedah konsistensi dalaman (*Internal consistency approach*) diguna untuk mengukur setiap item mengikut prosedur *Alpha Cronbach*. Bagi menentukan Alpha Cronbach, pengkaji telah menggunakan aplikasi *Perfect Statistic Professionally Presented (PSPP, 2017)*. Oleh itu, nilai keseluruhan *Alpha Cronbach* bagi kajian ini ialah 0.94. Data dikumpulkan dan dianalisis secara deskriptif. Pengkaji mengumpul data dengan menggunakan Instrumen Kajian Soal Selidik. Soal selidik ini disediakan menggunakan platform '*google forms*' dan dilaksanakan atas talian kepada seramai 30 orang guru Sekolah Pendidikan Khas. Dapatan kajian diperolehi dengan menggunakan kaedah soal selidik. Analisis data tersebut dibuat secara deskriptif seperti min, peratus dan kekerapan. Data analisis dipindah dalam bentuk jadual bagi memudahkan kefahaman pembaca.

5.0 DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Persoalan Kajian 1: Apakah persepsi guru terhadap perkhidmatan makanan di kantin Sekolah Pendidikan Khas?

Jadual 1
Min bagi Setiap Persoalan Kajian

| Bahagian | Persoalan Kajian | Min Keseluruhan |
|----------|--|-----------------|
| A | Apakah persepsi guru terhadap perkhidmatan makanan di kantin Sekolah Pendidikan Khas? | 4.31 |
| B | Apakah persepsi guru terhadap tahap kebersihan di kantin Sekolah Pendidikan Khas? | 4.44 |
| C | Apakah persepsi guru terhadap kepelbagaian menu makanan di kantin Sekolah Pendidikan Khas? | 4.06 |
| D | Apakah persepsi guru terhadap harga makanan di kantin Sekolah Pendidikan Khas? | 4.37 |
| E | Apakah persepsi guru terhadap kemudahan yang disediakan di kantin Sekolah Pendidikan Khas? | 4.40 |

Jadual 1 menunjukkan tahap min bagi setiap persoalan kajian. Hasil kajian mendapati min bagi setiap persoalan kajian berada pada tahap yang tinggi. Ini menunjukkan bahawa kebanyakan guru bersetuju dengan item-item yang terdapat pada persoalan kajian. Hasil dapatan kajian menunjukkan perkhidmatan makanan di kantin Sekolah Pendidikan Khas berada pada tahap yang tinggi iaitu 4.31. Ini menunjukkan majoriti responden menyatakan bahawa perkhidmatan makanan di Sekolah Pendidikan Khas adalah sangat baik.

Persoalan Kajian 2: Apakah persepsi guru terhadap tahap kebersihan di kantin Sekolah Pendidikan Khas?

Jadual 2
Min bagi Setiap Item Tahap Kebersihan di Kantin

| BIL | PERNYATAAN | MIN & TAHAP |
|------------------------|--|----------------|
| B1 | Saya mendapati perkakas dan bekas yang meletakkan hidangan makanan sentiasa dicuci dari masa ke semasa | 4.37 Tinggi |
| B2 | Saya mendapati bahawa makanan yang dihidang sentiasa ditutup dengan rapi. | 4.53 Tinggi |
| B3 | Saya mendapati bahawa penyedia makanan sentiasa mengamalkan kebersihan seperti menggunakan sarung tangan, penutup kepala dan sebagainya. | 4.33 Tinggi |
| B4 | Saya mendapati bahawa sinki, lantai, jalan, longkang / parit di kawasan kantin sentiasa berada pada tahap kebersihan yang tinggi. | 4.50 Tinggi |
| B5 | Saya mendapati bahawa tempat penyimpanan peralatan seperti pinggan, mangkuk, bekas sentiasa bersih. | 4.40 Tinggi |
| B6 | Saya mendapati bahawa sampah dan sisa makanan sentiasa dikutip sejurus selepas murid selesai menjamu selera bagi menjamin kebersihan meja makanan. | 4.50 Tinggi |
| JUMLAH MIN KESELURUHAN | | 4.44 |

Min keseluruhan persepsi guru bagi aspek kebersihan di kantin sekolah berada pada tahap tinggi iaitu 4.44. Dapatan kajian bagi persoalan kajian kedua berkenaan dengan aspek kebersihan kantin Sekolah Pendidikan Khas menunjukkan pihak kantin menitikberatkan aspek kebersihan kerana dapatan yang diperolehi daripada persepsi guru berada pada tahap tinggi. Semua guru bersetuju bahawa pihak kantin sedang mengamalkan kebersihan dari segi diri, makanan dan persekitaran supaya dapat mengelakkan daripada keracunan makanan. Dapatan kajian ini agak berbeza dengan kajian Mohd Rizal dan Nurulaini (2010), iaitu persepsi responden dari aspek kebersihan berada pada tahap yang sederhana.

Persoalan Kajian 3 : Apakah persepsi guru terhadap kepelbagaian menu makanan di kantin Sekolah Pendidikan Khas?

Jadual 3

Min bagi Setiap Item Aspek Kepelbagaian Menu

| BIL | ASPEK KEPELBAGAIAN MENU | MIN & TAHAP |
|-----------------------|--|-------------------|
| C1 | Saya mendapati makanan yang dihidang di kantin terdiri daripada pelbagai menu mengikut keupayaan murid. | 4.47 Tinggi |
| C2 | Saya mendapati menu makanan di kantin berubah-ubah setiap hari. | 4.40 Tinggi |
| C3 | Saya mendapati makanan yang disediakan dimasak dengan pelbagai cara (mengukus, menggoreng, merebus, menumis, memanggang dan sebagainya). | 4.23 Tinggi |
| C4 | Saya mendapati bahawa terdapat pelbagai jenis makanan mengikut bangsa dan agama disediakan di kantin. | 4.47 Tinggi |
| C5 | Saya mendapati kantin juga menjual makanan yang berkhasiat. | 2.73 Sederhana |
| JUMAH KESELURUHAN MIN | | 4.06 |

Min keseluruhan bagi aspek kepelbagaian menu makanan juga berada pada tahap tinggi iaitu 4.06. Dalam aspek kepelbagaian menu hasil dapatan menunjukkan kebanyakan guru Sekolah Pendidikan Khas menyatakan bahawa sekolah mereka mempunyai kepelbagaian menu makanan. Dapatan ini disokong dalam kajian Nurul Aini dan Mohd Rizal (2008), iaitu mendapati responden bersetuju bahawa kepelbagaian menu yang ditawarkan oleh pihak kafetaria dapat memenuhi kehendak dan kepuasan mereka sekaligus membuatkan mereka berasa ingin kembali untuk membeli makanan di kafetaria tersebut.

Persoalan Kajian 4 : Apakah persepsi guru terhadap harga makanan di kantin Sekolah Pendidikan Khas?

Jadual 4

Min bagi Setiap Item Harga Makanan di Kantin.

| BIL | ASPEK HARGA MAKANAN | MIN & TAHAP |
|------------|---|----------------|
| D1 | Saya mendapati bahawa makanan dan minuman dijual adalah berpatutan. | 4.43 Tinggi |
| D2 | Saya mendapati bahawa harga makanan dan minuman yang dipamerkan sama dengan harga yang dikenakan. | 4.37 Tinggi |
| D3 | Saya mendapati bahawa masakan panas yang disediakan adalah murah jika dibandingkan di luar kawasan. | 4.47 Tinggi |
| D4 | Saya mendapati bahawa harga makanan sampingan (kerepek, kuih muih, roti dan sebagainya) adalah perpatutan). | 4.37 Tinggi |
| D5 | Saya mendapati harga makanan sesuai dengan kuantiti makanan. | 4.20 Tinggi |
| JUMLAH MIN | | 4.37 |

Min keseluruhan bagi aspek harga makanan berada pada tahap tinggi iaitu 4.37. Jadual 4 menunjukkan kekerapan, peratus responden dan skor min bagi aspek harga makanan. Dalam aspek harga makanan pengkaji mendapati min berada pada tahap tinggi. Kebanyakan guru menyatakan bahawa mereka berpuas hati dengan harga yang ditawarkan oleh pihak kantin. Dapatan ini selaras dengan dapatan kajian Rizal dan Nur Izyani (2010) yang menyatakan harga makanan yang dijual di kantin adalah berpatutan di mana pihak kantin menepati syarat yang telah ditetapkan oleh pihak pentadbiran.

Persoalan Kajian 5: Apakah persepsi guru terhadap kemudahan yang disediakan di kantin Sekolah Pendidikan Khas?

Jadual 5
Min bagi Setiap Item Aspek Kemudahan

| BIL | ASPEK KEMUDAHAN | MIN & TAHAP |
|------------|---|----------------|
| E1 | Saya mendapati sinki dan sabun pencuci tangan di kantin adalah mencukupi. | 4.33 Tinggi |
| E2 | Saya mendapati tong sampah diletakkan di sekitar kantin. | 4.47 Tinggi |
| E3 | Saya mendapati bahawa kerusi dan meja guru dengan murid adalah mencukupi. | 4.33 Tinggi |
| E4 | Saya mendapati bahawa dinding dan siling, sistem pengudaraan dan pencahayaan dalam keadaan baik | 4.40 Tinggi |
| E5 | Saya mendapati bahawa kaunter jualan makanan luas dan senang dibeli. | 4.47 Tinggi |
| JUMLAH MIN | | 4.40 |

Min keseluruhan bagi aspek harga makanan berada pada tahap tinggi iaitu 4.40. Persoalan kajian kelima menunjukkan nilai min yang tinggi dimana ia melibatkan aspek kemudahan di kantin iaitu berada pada tahap yang tinggi. Kebanyakan guru menyatakan bahawa kemudahan di kantin boleh digunakan oleh semua murid dan guru tanpa sebarang masalah. Dapatan kajian ini bertentangan dengan kajian Rizal dan Nur Izyani (2010), iaitu peralatan dan kelengkapan sesuai digunakan tetapi menurut persepsi guru peralatan dan kelengkapan tidak mencukupi pada waktu sibuk. Menurut Kazarian dalam Mohd Rizal dan Salwa Munira (2010), tempat makan yang selesa dengan kemudahan dan kelengkapan yang mencukupi dapat mewujudkan budaya pemakanan yang baik.

6.0 KESIMPULAN, CADANGAN DAN IMPLIKASI

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti persepsi guru terhadap perkhidmatan makanan di kantin Sekolah Pendidikan Khas. Berdasarkan kajian yang dijalankan, pengkaji mendapati bahawa perkhidmatan makanan di kantin Sekolah Pendidikan Khas berada pada tahap yang tinggi. Hal ini kerana, majoriti responden yang terlibat bersetuju bahawa perkhidmatan makanan di Sekolah Pendidikan Khas sangat tinggi.

Cadangan bagi kajian lanjutan ialah pengkaji disarankan untuk membuat penambahan bilangan responden daripada kategori sekolah pendidikan khas dan sekolah Program Pendidikan Khas Integrasi. Cadangan seterusnya ialah melakukan kajian tentang amalan etika perniagaan ke atas pembekal kerana tidak banyak kajian yang berkaitan pembekal terhadap pelanggan atau pengeluar produk. Pengkaji juga disarankan untuk melibatkan beberapa buah Sekolah Pendidikan Khas di Semenanjung Malaysia dan Sabah Sarawak serta Program Pendidikan Khas Integrasi yang mempunyai semua kategori murid. Kajian yang dijalankan adalah berbentuk kuantitatif maka disyorkan untuk kajian lanjutan dengan pendekatan *mix method*. Di samping itu, pengumpulan data daripada soal selidik kadang – kala adalah tidak sah kerana terdapat beberapa responden yang tidak menjawab soalan tersebut secara telus. Oleh hal yang demikian, penyelidik boleh memilih untuk kaedah kualitatif seperti pemerhatian, temu bual dan sebagainya untuk membolehkan data yang dikumpul adalah lebih tepat dan mendalam.

Implikasi kepada murid daripada kajian ini ialah dengan mencadangkan murid untuk membawa bekal dari rumah sebagai salah satu langkah untuk mencegah keracunan makanan. Ibu bapa juga perlulah membawa anak-anak membuat pemeriksaan kesihatan secara berkala bagi menjaga kesihatan. Hal ini demikian kerana kebanyakan murid berkeperluan khas akan mengalami masalah kesihatan. Ibu bapa patut mengajar dan melatih anak-anak mereka mengutamakan kebersihan diri pada setiap masa bagi memastikan mereka terhindar daripada sebarang penyakit.

Implikasi kepada guru dan pihak sekolah ialah pihak pentadbiran perlu mengawasi kebersihan kantin dengan menubuhkan satu jawatankuasa yang boleh memantau tahap kebersihan kantin tersebut. Guru yang bertugas pada setiap hari harus memeriksa kantin sekolah dengan teliti, bukannya hanya mengisi buku catatan dengan menulis kata 'baik', 'memuaskan' dan 'sangat baik'. Pihak sekolah juga harus berani membuat teguran jika pengendali makanan di kantin tidak memakai apron, sarung tangan dan berkasut (Mohd Anuar Abdul Rahman, 2008). Implikasi kepada Kementerian Kesihatan Malaysia ialah menyeru pihak media massa agar mengurangkan iklan-iklan makanan ringan dan makanan segera pada kaca televisyen. Pihak kementerian juga boleh mengalakkan murid menjaga kebersihan diri melalui kempen atau ceramah tentang kepentingan kesihatan diri (Norsa'adah Bachok, 2013).

RUJUKAN

- Abdul Wahid, Mukhari and Mazilah, Ibrahim. (2011). *Persepsi pengendali-pengendali makanan terhadap amalan kebersihan dan keselamatan di Taman Seri Pulai, Johor*. Journal of Technical, Vocational & Engineering Education, 2. pp. 1-17. ISSN 2231-7376.) Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia.
- Adibah Abdul Latif, & Puvaneswari. (2010). *Persepsi Guru Terhadap Perkhidmatan Makanan Di Kantin Sekolah Di Sekolah Kebangsaan Kempas, Johor Bahru*. Universiti Teknologi Malaysia.
- Berita Harian. (2018, Jun 7). "Dua beradik keracunan makanan".
- Berita Minggu. (2007, September 9). "Tangani Isu Makanan Tidak Selamat dan Meragukan". Dewan Bahasa dan Pustaka. (2007). *Kamus Dewan*. Kuala Lumpur: DBP.
- Harian Metro. (2013). *72 Pelajar Keracunan Makanan*. Dilayari dari <https://www.hmetro.com.my/node/175207#>
- Kementerian Kesihatan Malaysia, & Kementerian Pendidikan Malaysia. (2010). *Kebersihan Makanan*. Kuala Lumpur: Bahagian Promosi Pendidikan Kesihatan.
- Mohd Anuar Abdul Rahman. (2008). *Pengetahuan dan pengalaman sanitasi makanan di kalangan pengendali kantin sekolah di bandar Tanah Merah, Kelantan*.
- Mohd Rizal & Nurulaini. (2012). *Persepsi Pelajar Universiti Teknologi Malaysia Terhadap Perkhidmatan Makanan di Kafeteria Kampus UTM, Skudai*.
- My Metro. (2017, Oktober 23). *Kantin Sihat*. Dilayari dari <https://www.hmetro.com.my/nuansa/2017/10/275865/kantin-sihat>
- Norsa' Adah Bachok. (2013). *Gaya hidup sihat mengatasi obesiti*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nurul Aini Binti Mohd Arif dan Mohd Rizal Mohd Said (2008). *Persepsi pelajar Universiti Teknologi Malaysia Terhadap Perkhidmatan Makanan di kafeteria kampus UTM Skudai, Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia*. Thesis Ijazah Sarjana Muda Teknologi Serta Pendidikan (Kemahiran Hidup)
- Rizal & Nur Izyani. (2010). *Persepsi Guru Terhadap Perkhidmatan Makanan di Kantin Sekolah Menengah Teknik, Daerah Johor Bahru*. Universiti Teknologi Malaysia.
- Siti Aminah Paiman & Universiti Malaysia Sabah. (2010). *Pemilihan dan penerimaan terhadap makanan di kafeteria kolej kediaman pelajar Universiti Malaysia Sabah*. Kota Kinabalu, Sabah: Universiti Malaysia Sabah.

TAHAP KEMAHIRAN SOSIAL MURID MASALAH PENGLIHATAN MENGIKUT PERSEPSI GURU PELATIH

SAIDATI NUR AINSYA BINTI MOHAMED GHAZALI
Jabatan Pendidikan Khas

Pensyarah Pembimbing
PN NORIMAH BINTI MAT SOM

ABSTRAK

Ketiadaan maklumat visual menyebabkan kanak-kanak yang mengalami masalah penglihatan mempelajari tingkah laku sosial menerusi deria yang lain. Maklumat audio, bau, rasa dan sentuhan yang diterima adalah sangat terbatas berbanding maklumat visual yang diterima oleh kanak-kanak tipikal. Kajian ini bertujuan untuk meninjau tahap kemahiran sosial murid masalah penglihatan dari persepsi guru pelatih. Kajian ini adalah kajian tinjauan menggunakan tiga pembolehubah iaitu kemahiran dengan rakan sebaya, kemahiran dengan orang ramai dan kemahiran dengan ahli keluarga. Instrumen kajian yang digunakan adalah soal selidik, diedarkan kepada 30 orang responden yang terdiri daripada guru pelatih pengkhususan Pendidikan Khas Masalah Penglihatan. Data dianalisis menggunakan statistik deskriptif bagi mendapatkan nilai kekerapan, peratusan dan min tahap kemahiran sosial murid masalah penglihatan. Dapatan kajian menunjukkan murid masalah penglihatan mempunyai tahap kemahiran sosial yang tinggi terhadap ketiga-tiga pembolehubah iaitu dengan rakan sebaya, min (4.27) dengan orang ramai, min (4.18) serta dengan ahli keluarga, min (4.53). Hasil kajian memberi implikasi terhadap keperluan latihan dan intervensi untuk meningkatkan kemahiran sosial murid masalah penglihatan.

Kata Kunci : Kanak-kanak masalah penglihatan, kemahiran sosial, guru pelatih

ABSTRACT

The absence of visual information causes children with visual impairments to learn social behavior through other senses. Audio, smell, taste and touch information received by these children are very limited compared to visual information received by typical children. The aim of this study is to explore the level of social skills among students with visual impairment of trainee teachers perception. This study is a survey study using three variables namely social skills between peers, people and family. The research instrument used was questionnaire, distributed to 30 respondents consisting of teacher's specialization Special Education of Vision Problems. The data were analyzed using descriptive statistic to get the frequency, percentage and mean of social skills among children with visual impairments. The findings show that children with visual impairments have a high level of all the valuables include social skills between peers, mean (4.27), people, mean (4.18) and family, mean (4.53). The findings have implications for training and intervention requirements to improve students with visual impairments' social skills.

Keywords: Children with visual impairments, social skills, trainee teachers

Emel: saidatiainsya96@gmail.com

1.0 PENGENALAN

Menurut Loveland (2010), kemahiran sosial adalah pernyataan tingkah laku tentang kognitif sosial yang memainkan peranan dalam menentukan kualiti kehidupan setiap individu. Selain itu, kemahiran sosial juga dapat mengupayakan seseorang kanak-kanak untuk membina perhubungan yang positif dalam persekitaran yang pelbagai sama ada di rumah mahupun di sekolah (Kaili & Bullock, 2010). Sensori penglihatan memainkan peranan yang besar dalam perkembangan awal tingkah laku dan kognitif sosial iaitu satu kemahiran untuk melihat tingkah laku sosial dan memahami fikiran serta perasaan orang lain (Zebehazy & Smith, 2011).

Menurut Bishop (2007) menyatakan kemahiran sosial mempengaruhi penerimaan antara satu sama lain dalam kalangan kanak-kanak. Namun begitu, kanak-kanak bermasalah penglihatan tidak

mempunyai kemahiran ini sebagaimana kanak-kanak tipikal. Beliau juga menegaskan bahawa kejayaan mereka dalam pelbagai bidang juga bergantung kepada penerimaan sosial orang sekeliling. Maka, aspek kemahiran sosial ini merupakan aspek yang amat penting yang perlu diterapkan semasa peringkat awal pendidikan kanak-kanak ini.

2.0 PERNYATAAN MASALAH

Kemahiran sosial dipelajari melalui pemerhatian visual. Kemahiran sosial bagi kanak-kanak tipikal berkembang secara beransur-ansur tanpa melalui proses yang formal kerana kanak-kanak ini mampu untuk memerhati perlakuan orang lain, meniru perlakuan tersebut, dan menilai maklum balas yang diterima (Norani & Arun, 2009). Namun begitu, bagi murid masalah penglihatan, adalah mustahil untuk mereka dapat memerhati tingkah laku orang lain, cara mereka berinteraksi dan mengetahui tingkah laku yang diterima oleh masyarakat. Ini menyebabkan mereka cenderung untuk mendiamkan diri dan menunggu orang lain untuk memulakan perbualan. Situasi ini menyukarkan guru untuk menjalankan sesi PdP di dalam bilik darjah kerana komunikasi yang berkesan tidak berlaku. Mereka didapati lebih pasif berbanding kanak-kanak yang lain kerana perasaan takut terhadap kemampuan mengawal diri di dalam persekitaran. Mereka juga lebih suka memencil diri dan bersendirian (Visagie, 2017). Kanak-kanak yang mengalami masalah penglihatan tidak berupaya untuk melihat dan mempelajari tingkah laku dan kemahiran sosial dalam persekitaran mereka berbanding murid tipikal akibat kecacatan yang dialami. Menurut Divya (2010), kekurangan input visual yang sangat kritikal dalam kalangan kanak-kanak berkeperluan khas penglihatan, merupakan halangan dalam perkembangan membentuk hubungan dan interaksi serta membatasi pergerakan mereka. Tanpa penguasaan kemahiran sosial yang baik, murid masalah penglihatan akan tersisih dan terpinggir daripada rakan sebaya yang tipikal dan masyarakat walaupun mereka mempunyai kejayaan yang cemerlang dalam bidang akademik. (Celeste, 2017).

3.0 OBJEKTIF DAN SOALAN KAJIAN

Obejektif kajian ini ialah:

1. Mengenal pasti tahap kemahiran sosial murid masalah penglihatan dengan rakan sebaya.
2. Mengenal pasti tahap kemahiran sosial murid masalah penglihatan dengan orang ramai.
3. Mengenal pasti tahap kemahiran sosial murid masalah penglihatan dengan ahli keluarga.

Manakala persoalan kajian adalah:

1. Apakah tahap kemahiran sosial murid bermasalah penglihatan dengan rakan sebaya?
2. Apakah tahap kemahiran sosial murid bermasalah penglihatan dengan orang ramai?
3. Apakah tahap kemahiran sosial murid bermasalah penglihatan dengan ahli keluarga?

4.0 METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini merupakan kajian tinjauan yang menggunakan pendekatan kuantitatif dan borang soal selidik untuk mengumpulkan maklumat dan data. Fokus kajian tertumpu kepada 30 orang guru pelatih IPG Ilmu Khas yang mengambil pengkhususan masalah penglihatan. Instrumen kajian yang digunakan ialah soal selidik yang dibina dengan merujuk kepada instrumen yang dibentuk oleh Sacks & Wolfe (2009). Pengkaji menyediakan soal selidik melalui platform 'Google Form'. Soal selidik ini mengandungi empat bahagian iaitu bahagian A: Maklumat demografi, bahagian B: Kemahiran sosial dengan rakan sebaya, bahagian C: Kemahiran sosial dengan orang ramai dan bahagian D: Kemahiran sosial dengan ahli keluarga. Respons soal selidik dianalisis menggunakan statistik deskriptif bagi mendapatkan kekerapan, peratus dan min bagi menjelaskan setiap pemboleh ubah yang dikaji. Data-data dianalisis menggunakan program perisian *Perfect Statistic Professionally Presented (PSPP)*. Bagi menentukan tahap kemahiran sosial murid masalah penglihatan, nilai min dikategorikan mengikut skor min ke dalam lima sela yang berbeza berdasarkan sumber dari Kamarudin Md Amin (2009) seperti yang dipaparkan dalam Jadual 1.

Jadual 1

Intepretasi Skor Min bagi Tahap Kemahiran Sosial Murid Masalah Penglihatan

| Skor min | Interpretasi skor min |
|-----------|-----------------------|
| 1.00-2.33 | Rendah |
| 2.34-3.66 | Sederhana |
| 3.67-5.00 | Tinggi |

5.0 DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Dapatan kajian dinyatakan berdasarkan persoalan kajian yang ditetapkan iaitu bagi melihat tahap kemahiran sosial murid masalah penglihatan dari aspek hubungan dengan rakan sebaya, orang ramai dan ahli keluarga mengikut persepsi guru pelatih.

Jadual 2

Min dan Tahap Setiap Konstruk

| Bahagian | Konstruk | Min | Tahap |
|------------|---------------------------------------|------|--------|
| B | Kemahiran sosial dengan rakan sebaya | 4.27 | Tinggi |
| C | Kemahiran sosial dengan orang ramai | 4.18 | Tinggi |
| D | Kemahiran sosial dengan ahli keluarga | 4.53 | Tinggi |
| Purata min | | 4.32 | Tinggi |

Jadual 2 menunjukkan purata min bagi ketiga-tiga aspek dalam kajian ini. Di sini, pengkaji dapat menyimpulkan bahawa, secara keseluruhannya tahap kemahiran sosial murid masalah penglihatan adalah tinggi (min=4.32). Hal ini dikatakan demikian kerana item yang memperoleh nilai min antara 3.67 hingga 5.00 berada pada tahap yang tinggi (rujuk jadual 1). Bagi aspek kemahiran sosial dengan rakan sebaya menunjukkan nilai min yang tinggi (min =4.27). Ini menunjukkan guru pelatih bersetuju bahawa murid masalah penglihatan tidak mempunyai masalah dalam kemahiran hubungan dengan rakan sebaya. Mereka bersetuju murid ini mampu berinteraksi secara berkesan dengan rakan sebaya. Ini disebabkan pendedahan yang mereka peroleh di sekolah melalui program-program yang dilaksanakan di sekolah. Melalui program tersebut, murid berpeluang untuk berinteraksi dengan murid lain melalui aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan. Dapatan ini bertepatan dengan kajian yang telah dijalankan oleh Muhammad Salleh (2015) yang membuat pemerhatian terhadap interaksi sosial murid masalah penglihatan. Kesimpulan yang dibuat daripada hasil kajian adalah kekurangan dan kelemahan yang terdapat pada murid tersebut tidak semestinya mempengaruhi perhubungan sosial murid masalah penglihatan dengan rakan sebaya mereka. Oleh itu, mereka mampu untuk berinteraksi sama seperti individu lain dengan syarat mereka diberikan latihan kemahiran dan pengalaman yang bersesuaian dan mencukupi.

Seterusnya, dari aspek kemahiran sosial dengan orang ramai turut menunjukkan nilai min yang tinggi (min= 4.18). Dapatan ini menunjukkan bahawa murid masalah penglihatan mempunyai minat untuk berinteraksi dengan orang ramai. Ini membuktikan bahawa murid masalah penglihatan mempunyai naluri untuk bermasyarakat dan berinteraksi dengan orang ramai. Walau bagaimanapun, ciri-ciri yang terdapat pada orang ramai berkenaan boleh mempengaruhi tahap kemahiran dan naluri mereka untuk berinteraksi. Ini dibuktikan oleh kajian yang dijalankan oleh Parker (2017) yang mendapati murid-murid khas menyukai orang-orang dewasa yang penyabar, nada suara yang lembut, selalu membantu serta memberi semangat dan menghargai diri mereka. Sebaliknya, mereka tidak menyukai orang-orang dewasa yang sentiasa menyalahkan mereka.

Selain itu, tahap kemahiran sosial murid masalah penglihatan dari aspek hubungan dengan ahli keluarga turut memperoleh min yang tinggi (min= 4.53). Ini menunjukkan bahawa guru pelatih

mengakui bahawa murid masalah penglihatan boleh berinteraksi dengan berkesan dan mesra dengan ahli keluarga mereka. Hal ini demikian kerana keluarga memainkan peranan penting dalam memupuk perkembangan sosial yang positif terhadap murid masalah penglihatan. Dapatan di atas adalah bertepatan dengan hasil kajian oleh Kail (2015) yang telah merumuskan bahawa ibu bapalah sebenarnya yang memainkan peranan utama dalam menentukan tahap pencapaian sosial anak-anak mereka. Hendry dan Coleman (2007) menegaskan bahawa keseluruhan ahli-ahli dalam keluarga sebenarnya yang memainkan peranan penting ke arah mempertingkatkan tahap perkembangan kemahiran sosial seseorang kanak-kanak berkeperluan khas.

Berdasarkan jadual 2, kesemua konstruk berada pada min yang tinggi. Hal ini demikian menunjukkan bahawa masalah penglihatan yang dialami bukanlah sesuatu yang menjadi penghalang besar kepada murid khas tersebut untuk menjalankan hubungan sosial dengan orang lain. Tambahan lagi, peningkatan tahap kemahiran sosial turut dipengaruhi oleh peningkatan usia. Semakin meningkat usia seseorang individu, tahap penguasaan kemahiran sosial juga akan bertambah baik. Hasil kajian ini selari dengan teori perkembangan kanak-kanak yang menjelaskan bahawa pertambahan umur menyebabkan berlaku perubahan kepada tingkah laku, pemikiran, emosi dan hubungan sosial seseorang (McDevitt & Ormrod 2012).

6.0 KESIMPULAN, CADANGAN DAN IMPLIKASI

Berdasarkan kajian yang dijalankan, pengkaji mendapati bahawa tahap kemahiran sosial murid masalah penglihatan mengikut persepsi guru pelatih berada pada tahap yang tinggi. Dalam ketiga-tiga persoalan kajian berkenaan, tahap kemahiran sosial murid masalah penglihatan dengan rakan sebaya, orang ramai dan ahli keluarga menunjukkan bahawa guru pelatih mempunyai persepsi yang tinggi dan bersetuju bahawa murid ini mampu membina hubungan sosial yang baik dengan orang lain. Penguasaan kemahiran sosial yang tinggi dapat memberikan keyakinan diri kepada mereka untuk berinteraksi dengan masyarakat dan mampu hidup berdikari dalam komuniti orang-orang tipikal.

Pengkaji mencadangkan agar kajian seumpama ini dijalankan pada masa akan datang dapat membuat perbandingan terhadap tahap kemahiran sosial dan hubungannya dengan pencapaian murid. Selain itu, dicadangkan agar dapat menambah bilangan responden yang lebih ramai merangkumi guru-guru yang mengajar murid berkeperluan khas masalah penglihatan serta ibu bapa yang mempunyai anak berkeperluan khas masalah penglihatan.

Implikasi kajian ini dapat membantu guru menyediakan kurikulum tambahan atau program intervensi yang boleh dilaksanakan untuk membantu murid masalah penglihatan menguasai kemahiran pengurusan diri dan kemahiran sosial yang perlu. Kajian literatur menunjukkan pelaksanaan program intervensi berjaya mengatasi masalah tingkah laku murid masalah penglihatan bagi kemahiran interaksi sosial dan aspek kemahiran sosial yang lain (Celeste, 2017). Guru yang mengajar dan terlibat secara langsung dengan murid penglihatan perlu diberi latihan supaya mereka mempunyai pengetahuan dan kemahiran yang perlu untuk melaksanakan intervensi yang sesuai mengikut keperluan murid berkeperluan khas penglihatan di sekolah.

Implikasi kajian bagi murid pula dapat memberikan mereka latihan dan intervensi yang intensif supaya pelbagai aspek dalam kemahiran sosial dapat dikuasai bersesuaian dengan keperluan dan peningkatan umur. Program intervensi perlu dirancang mengikut keperluan murid dan dilaksanakan secara berterusan untuk tempoh atau jangka masa yang panjang kerana keberkesanan program intervensi yang dijalankan memerlukan masa dalam pelaksanaannya (Celeste, 2017).

RUJUKAN

- Bishop, V. E. (2007). *Teaching Visually Impaired Children*. Illinois: Charles C Thomas Publishers Ltd.
- Celeste, M. (2017). Play behaviors and social interactions of a child who is blind: In theory and practice. *Journal of Visual Impairment & Blindness*, 100(2): 75-90.
- Celeste, M. (2017). Social skills intervention for a child who is blind. *Journal of Visual Impairment & Blindness*, 101(9): 521-533.

- Divya, J. S. (2010). Generalization and Maintenance of Social Skills Of Children With Visual Impairment: Self-Evaluation and The Role of Feedback. *Journal of Visual Impairments & Blindness*, 98(8)): 470-483.
- Hendry, L. H. & Coleman, J. C. (2007). Adolescents perception of significant individuals in their lives. *Journal of Adolescence*, 15(3), 255-270.
- Kail, R. V. (2015). *Children and their development*. Edisi Ke-7. Upper Saddle river, NJ: Prentice-hall.
- Kaili, C., & Bullock, L. M. (2010). Social Skills Intervention For Students With Emotional/ Behavioral Disorders Aged Six Through 12 Years: A combination of a literature-based curriculum and telecommunications. *Emotional and Behavioral Difficulties*.
- Loveland. (2010). Judgements of social appropriates by children and adolescent with autisme. *Journal of autisme and Developmetal Disorder*.
- Kamarudin Md Amin. (2009). *Kaedah Penyelidikan: Panduan Mudah Kerja Luar*. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti.
- McDevitt, T. M. & Ormrod, J. E. (2012). *Child development and education, student value*. Edisi Ke-5. New Jersey: Pearson Education.
- Muhammad Salleh. (2015). Penguasaan Kemahiran Sosial dalam Kalangan Kanak - kanak Bermasalah Penglihatan. *The 4th International Conference on Learner Diversity*, 749-759.
- Norani & Arun Daud. (2009). Latihan Orientasi Dan Mobiliti Untuk Kanak-Kanak Bermasalah Penglihatan. Dlm. Zalizan Mohd Jelas. *Pendidikan Kanak-kanak Berkeperluan Khas: Konsep dan Amalan*, 246-265.
- Packer, M. J. (2017). *Child Development: Understanding a cultural*. Edisi Ke-1. London: Sage Publications Ltd.
- Sacks, S.Z. & Wolffe, K.E. (2009). *Teaching social skills to students with visually impairment: From theory to practice*. New York: American Foundation for the Blind Press.
- Visagie, L. (2017). Insights into the feelings, thoughts, and behaviors of children with visual impairments: A focus group study prior to adapting a cognitive behavior therapy: Based anxiety intervention. *Journal of Visual Impairment & Blindness*, 111(3): 231-246.
- Zebehazy, K. T., & Smith, T. J. (2011). An Examination of Characteristics Related to the Social Skills of Youths with Visual Impairments. *Journal of Visual Impairment & Blindness*, 105(2), 84-95.

MENINGKATKAN KEMAHIRAN MENYELESAIKAN OPERASI TOLAK DALAM LINGKUNGAN 10 MURID BERMASALAH PENGLIHATAN DENGAN MENGGUNAKAN KAEDAH *CATCH AND REMOVE (CAR)*

SITI NOOR NADIAWANI BINTI MOHD ZULKIFLI
Jabatan Pendidikan Khas

Pensyarah Pembimbing
DR. ZAWAWI BIN ZAHARI

ABSTRAK

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk meningkatkan kemahiran menyelesaikan operasi tolak dalam lingkungan 10 murid bermasalah penglihatan dengan menggunakan kaedah *Catch And Remove (CAR)*. Produk dan kaedah CAR merupakan alat intervensi yang dibina oleh pengkaji sendiri. Pengumpulan data awal menunjukkan bahawa peserta kajian amat lemah dalam asas operasi tolak matematik. Pengkaji menggunakan ujian pencapaian, ujian pra dan pasca, temu bual dan pemerhatian sebagai kaedah pengumpulan data. Data dianalisis secara statistik deskriptif dalam bentuk jumlah kekerapan, peratus dan skor. Hasil dapatan telah menunjukkan bahawa berlakunya peningkatan peratusan markah iaitu dari 10% pada ujian pra kepada 90% pada ujian pasca. Manakala dalam dapatan pemerhatian dan temu bual pula, didapati bahawa penggunaan CAR ini telah memberi kesan positif dan menimbulkan keyakinan serta keseronokan pada peserta kajian. Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa penggunaan CAR telah menunjukkan keberkesanan dalam membantu murid bermasalah penglihatan dalam meningkatkan kemahiran asas operasi tolak dalam lingkungan 10. Justeru itu, pengkaji mencadangkan untuk menggunakan bahan terpakai bagi menjimatkan kos dan boleh menghasilkannya dalam kuantiti yang banyak. Selain itu, pengkaji juga mencadangkan supaya mempelbagaikan bentuk BBM yang digunakan untuk kaedah CAR untuk mengelakkan murid supaya tidak bosan dan meletakkan elemen elektronik yang boleh mengeluarkan suara agar peserta kajian mudah untuk memahami tentang penggunaannya.

Kata Kunci: Kaedah *Catch and Remove (CAR)*, operasi tolak, bahan bantu mengajar.

ABSTRACT

This research was held to increase skills of minus operations within 10 blind - sighted students using the method *Catch and Remove (CAR)*. CAR method is an intervention tools that built by researchers itself. The initial data collection shows that the participants was very weak in the mathematical minus operations. The researcher used the achievement test, pre and posttest, interview and also observation as a data collection method. The data were analyzed statistically descriptively in the form of frequencies, percentages and scores. The findings show that there is an increase in the percentage of 10% in pretest to 90% in the post test. While the observation and interview findings, it is found that CAR method had positive impact and increase the level confidence and excitement of the participants. Thus, it can be concluded that the CAR method has shown the effectiveness in assisting the blind-sighted students in enhancing the basic minus operations in range of 10. Because of that, the researcher suggest so that diversify BBM form used for CAR methods to avoid students from being bored and included the electronic elements that have audio so the participants easily understand the use of CAR.

Keywords: *Catch and Remove (CAR)* method, minus operation, teaching aids.

Emel: nadiawani22@gmail.com

1.0 PENGENALAN

Penggunaan bahan bantu mengajar (BBM) adalah sangat penting dalam membantu peserta kajian menguasai kemahiran menolak kerana konsep yang dipelajari dapat dikaitkan dengan pengalaman murid melalui deria-derianya. Kaedah *Catch And Remove (CAR)* yang pengkaji perkenalkan melibatkan deria penglihatan dan sentuhan yang merupakan laluan pembelajaran utama murid masalah penglihatan iaitu visual dan taktil.

Untuk pengumpulan data awal, pengkaji telah menjalankan satu ujian diagnostik terhadap seorang murid. Skor yang diperolehi oleh peserta kajian adalah 3/3 pada bahagian A dan 5/10 pada bahagian B. Jumlah skor keseluruhan adalah 10/22 iaitu sebanyak 45%. Hal ini membuktikan bahawa peserta kajian masih berada dalam kategori lemah iaitu belum menguasai operasi tolak matematik dengan baik. Selain itu, pengkaji telah membuat pemerhatian bagi memastikan masalah yang dihadapi oleh peserta kajian dalam masalah untuk menyelesaikan operasi tolak dalam lingkungan 10. Berdasarkan analisis daripada pemerhatian yang dijalankan, saya mendapati bahawa peserta kajian tidak dapat menguasai kemahiran tolak dalam lingkungan 10 tanpa mengumpul semula dengan baik. Saya juga telah menjalankan temu bual bersama dengan guru mata pelajaran Matematik untuk mendapatkan maklumat lanjut mengenai peserta kajian.

Konteks

Pengkaji merupakan seorang guru pelatih Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP)ambilan Jun 2015 di IPG Kampus Ilmu Khas, Kuala Lumpur. Pada praktikum fasa kedua, pengkaji telah diamanahkan untuk mengajar mata pelajaran Matematik Tahun 2 Khas. Di dalam kelas tersebut terdapat seorang murid menghadapi masalah dalam operasi tolak. Murid berkenaan tidak dapat menyelesaikan operasi tolak nombor bulat lingkungan 10 kerana dia hanya membuat pengiraan dengan menggunakan kaedah pengiraan jari sahaja.

Refleksi

Sewaktu menjalani praktikum fasa kedua di program integrasi di salah sebuah Sekolah Kebangsaan, pengkaji telah ditugaskan untuk mengajar mata pelajaran Matematik kepada murid masalah penglihatan Tahun 2. Masalah utama yang menjadi fokus kajian dalam penyelidikan tindakan ini adalah seorang murid bermasalah penglihatan Tahun 2 tidak dapat menyelesaikan soalan berkaitan dengan operasi tolak. Hal ini kerana, peserta kajian ini mempunyai masalah dalam memahami konsep operasi tolak dan tidak mempunyai gambaran yang jelas tentang apa yang mereka pelajari. Semasa sesi PdP, pengkaji mendapati bahawa peserta kajian hanya menggunakan jari untuk membuat pengiraan dalam operasi tolak tetapi murid tidak faham mengapa jumlah yang dikira tersebut adalah berkurangan. Masalah ini turut menyumbang kepada kekeliruan semasa dia menyelesaikan soalan menolak dalam lingkungan 10. Hal ini membuktikan bahawa bahan manual seperti pengiraan jari adalah kurang sesuai untuk digunakan untuk mengajar murid tersebut.

2.0 FOKUS KAJIAN

Berdasarkan refleksi daripada sesi PdP yang lalu, isu ini timbul apabila pengkaji menjalankan aktiviti menyelesaikan operasi tolak dengan mengira di dalam bilik darjah. Masalah ini dapat dikesan pada peserta kajian yang mengalami masalah untuk menyelesaikan operasi tolak dengan kemahiran mengira. Ini adalah disebabkan oleh peserta kajian kurang memahami konsep tolak dalam ayat matematik. Sebagai satu langkah untuk penambahbaikan, pengkaji telah melaksanakan satu cara untuk mengurangkan masalah yang dihadapi oleh guru dan murid iaitu dengan memperkenalkan kaedah *Catch And Remove (CAR)* dalam kajian ini. Oleh itu, pengkaji telah memilih fokus kajian berdasarkan kriteria berikut iaitu kebolehpentadbiran, kepentingan kajian, kawalan, kolaboratif, kerevelan kepada sekolah dan kebolegunaan.

3.0 OBJEKTIF DAN SOALAN KAJIAN

Objektif kajian :

1. Menilai kebolehan murid bermasalah penglihatan menunjukkan cara sambil menyebut operasi tolak dalam lingkungan 10 dengan menggunakan CAR.
2. Mengukur keupayaan murid bermasalah penglihatan menyelesaikan operasi tolak dalam bentuk ayat matematik dalam lingkungan 10 dengan menggunakan CAR.
3. Mengenalpasti keberkesanan CAR bagi meningkatkan kemahiran asas menolak dalam lingkungan 10 dalam kalangan murid bermasalah penglihatan.

Soalan kajian :

1. Apakah murid bermasalah penglihatan dapat menunjukkan cara sambil menyebut operasi tolak dalam lingkungan 10 dengan menggunakan CAR?
2. Apakah murid bermasalah penglihatan dapat menyelesaikan operasi tolak dalam bentuk ayat matematik dalam lingkungan 10 dengan menggunakan CAR?

3. Apakah penggunaan CAR berkesan bagi meningkatkan kemahiran asas menolak dalam lingkungan 10 dalam kalangan murid masalah penglihatan?

4.0 PESERTA KAJIAN

Peserta kajian ini melibatkan seorang murid di salah sebuah Sekolah Kebangsaan. Peserta kajian yang dipilih adalah seorang murid lelaki Tahun 2. Peserta kajian tersebut merupakan murid bermasalah penglihatan terhad (rabun). Berdasarkan pada rekod prestasi, didapati peserta kajian mempunyai pencapaian akademik yang rendah terutamanya bagi mata pelajaran Matematik. Selain itu, peserta kajian ini juga masih lemah dalam kemahiran membaca.

5.0 TINDAKAN YANG DIJALANKAN

Pengkaji telah mengaplikasikan kaedah CAR ini dalam mata pelajaran Matematik. Pelaksanaan intervensi ini telah mengambil masa sebanyak 3 sesi. Model kajian yang digunakan adalah Model Kurt Lewin (1946) yang terdiri daripada empat fasa iaitu refleksi, merancang, bertindak dan memerhati.

Dalam sesi yang pertama, pengkaji telah memperkenalkan kaedah CAR ini kepada peserta kajian. Pengkaji telah menceritakan dan menunjukkan cara menggunakan kaedah ini. Kemudian, pengkaji akan menunjukkan demonstrasi kepada peserta kajian tentang cara untuk menggunakan CAR dengan berpandukan contoh soalan yang telah disediakan. Pengkaji juga akan memberi peluang kepada peserta kajian untuk menggunakan kaedah CAR disamping mendapat bimbingan daripada pengkaji. Langkah seterusnya, apabila peserta kajian sudah memahami tentang cara penggunaan kaedah CAR dalam operasi tolak, pengkaji akan menyediakan 10 soalan ayat matematik untuk dijawab oleh peserta kajian dengan menggunakan kaedah tersebut.

Untuk kaedah pengumpulan data pula, pengkaji telah menggunakan tiga kaedah iaitu ujian, pemerhatian dan temu bual. Ujian ini terdiri daripada 4 bahagian iaitu ujian pencapaian i, ujian pencapaian ii, ujian pra dan ujian pasca. Terdapat 10 soalan yang terkandung dalam setiap bahagian yang menjadikan keseluruhan bilangan soalan untuk satu set adalah sebanyak 40 soalan. Bagi kaedah analisis data pula, pengkaji menggunakan 3 kaedah iaitu ujian, pemerhatian berstruktur dan temu bual berstruktur. Bagi ujian, pengkaji telah mengutip skor bagi kedua-dua set ujian dan menukarkannya dalam bentuk peratus serta meletakkan gred bagi tahap pencapaian. Seterusnya, segala data tersebut dipersembahkan dalam bentuk grafik iaitu jadual dan carta bar untuk melihat pencapaian peserta kajian. Pemerhatian berstruktur pula dilaksanakan dengan menganalisis instrumen senarai semak dan membuat perbandingan antara pemerhatian yang dijalankan sebelum dan selepas intervensi dijalankan. Kaedah temu bual pula dijalankan dengan cara menganalisis data hasil temu bual antara saya dengan peserta kajian. Lanya adalah dirakam dan diterjemahkan ke dalam bentuk ayat.

Seterusnya, pengkaji menyemak data dengan menggunakan proses triangulasi kaedah pengumpulan data. Antara kaedah yang digunakan dalam triangulasi kaedah termasuklah kaedah ujian, kaedah temu bual dan kaedah pemerhatian membolehkan pengkaji memperoleh maklumat dan gambaran yang menyeluruh. Ketiga-tiga kaedah ini saling melengkapi. Penggunaan tiga kaedah yang berbeza ini telah membantu pengkaji menjelaskan satu idea daripada perspektif yang berbeza.

6.0 DAPATAN KAJIAN


Persoalan Kajian 1: Apakah murid bermasalah penglihatan dapat menunjukkan cara sambil menyebut operasi tolak dalam lingkungan 10 dengan menggunakan CAR?

Hasil pemerhatian mendapati bahawa peserta kajian telah menunjukkan emosi seronok semasa mengikuti aktiviti yang dijalankan. Peserta kajian juga menunjukkan tingkah laku positif iaitu menunjukkan sikap minat terhadap penggunaan *Catch And Remove* (CAR) dan peserta kajian juga kelihatan seronok mengikut semasa mengikuti aktiviti yang dijalankan. Selain itu, pengkaji juga mendapati bahawa peserta kajian yakin semasa menjawab soalan operasi tolak dalam lingkungan 10 dengan penuh yakin dan semangat.

Dapatan temu bual juga menyokong dan selaras dengan dapatan pemerhatian. Peserta kajian telah menyatakan bahawa dia boleh menunjukkan tentang cara untuk menggunakan kaedah CAR dengan baik dan berkesan. Selain itu, dapatan ujian juga turut menyokong data pemerhatian dan temu bual.


Setelah intervensi dijalankan, didapati bahawa peserta kajian telah dapat menjawab soalan ayat matematik dengan baik. Secara keseluruhannya, pengkaji dapat merumuskan bahawa peserta kajian dapat menunjukkan cara sambil menyebut ayat matematik yang melibatkan operasi tolak dalam lingkungan 10 dengan berkesan selepas menggunakan CAR.

Persoalan kajian 2 : Apakah murid bermasalah penglihatan dapat menyelesaikan operasi tolak dalam bentuk ayat matematik dalam lingkungan 10 dengan menggunakan CAR.?



Rajah 1. Perbandingan peratus ujian pencapaian

Berdasarkan hasil keputusan ujian pencapaian yang pertama telah menunjukkan bahawa peserta kajian hanya memperoleh markah 50% iaitu dengan bilangan jawapan yang betul sebanyak 5 daripada 10 soalan. Manakala, ujian pencapaian yang dijalankan pada kali kedua menunjukkan peserta kajian dapat menjawab 9 daripada 10 soalan dengan betul dan memperoleh markah sebanyak 90%. Berdasarkan hasil dapatan ujian pencapaian yang diperolehi, pengkaji telah membandingkan hasil dapatan tersebut dan pengkaji berjaya melakukan peningkatan markah terhadap peserta kajian.



Rajah 2. Perbandingan peratusan ujian pra dan ujian pasca

Selain itu, pengkaji juga melaksanakan ujian pra dan pasca dalam kajian ini. Berdasarkan perbandingan data dalam ujian pra dan pasca, dapat dibuktikan bahawa kebolehan murid dalam kemahiran operasi tolak mencatat peningkatan setelah menggunakan kaedah CAR dengan memperoleh markah sebanyak 90% bagi ujian pasca. Sebelum menggunakan kaedah ini, murid telah menunjukkan prestasi yang kurang memuaskan pada ujian pra dengan memperoleh markah sebanyak 10% sahaja.

Daripada dapatan kajian yang diperolehi melalui ujian pra dan ujian pasca yang telah dijalankan oleh pengkaji ke atas peserta kajian, dapat dilihat bahawa terdapat perubahan yang ketara dalam pemerolehan skor dalam kedua-dua kajian. Dalam ujian pra, peserta kajian hanya memperoleh skor sebanyak 10% sahaja berbanding dengan skor yang diperolehi dalam ujian pasca iaitu sebanyak 90%. Perbezaan skor yang ditunjukkan bagi kedua-dua ujian adalah sebanyak 80%. Hal ini adalah berikutan dengan intervensi yang telah diberikan oleh pengkaji kepada peserta kajian iaitu dengan menggunakan kaedah CAR dalam PdP Matematik dan ia adalah sangat berkesan kepada peserta kajian. Bukan itu sahaja, kaedah intervensi yang dijalankan ini juga secara tidak langsung dapat memberikan kefahaman

kepada peserta kajian tentang konsep asas bagi operasi tolak berbanding dengan kaedah yang pernah digunakan sebelum ini.

Persoalan kajian 3: Apakah penggunaan CAR berkesan bagi meningkatkan kemahiran asas menolak dalam lingkungan 10 dalam kalangan murid masalah penglihatan?

Pengkaji telah menjalankan temu bual dengan peserta kajian selepas menjalankan intervensi. Soalan yang dibina dalam temu bual ini adalah berdasarkan kepada tiga tema iaitu tema kefahaman, tema kaedah dan tema minta murid. Setelah melakukan analisis, pengkaji menterjemahkan temu bual yang dijalankan dari bentuk transkriptif kepada bentuk deskriptif.

Tema pertama dalam temu bual ini adalah kefahaman. Antara soalan yang digunakan oleh pengkaji kepada peserta kajian dalam temu bual ini adalah tentang tahap kefahamannya dalam konsep asas tolak setelah intervensi dijalankan oleh pengkaji. Hasil daripada temu bual ini, peserta kajian menyatakan bahawa dia lebih mudah memahami konsep asas tolak yang diajarkan oleh pengkaji dengan menggunakan kaedah *Catch And Remove* (CAR). Selain itu, peserta kajian lebih faham dengan jelas tentang konsep asas tolak semasa pengkaji memberikan contoh soalan operasi tolak dan menyelesaikannya dengan menggunakan kaedah CAR.

Seterusnya, tema kedua yang digunakan dalam soalan yang dibina semasa sesi temu bual adalah mengenai kaedah yang digunakan. Antara soalan yang disoal oleh pengkaji adalah tentang kaedah yang digunakan sama ada kaedah tersebut disukai dan apakah kaedah ini dapat membantu peserta kajian dalam kefahaman konsep asas tolak. Respon daripada peserta kajian terhadap kaedah yang digunakan adalah baik. Peserta kajian menyatakan bahawa dia amat menyukai kaedah penggunaan CAR ini dan ia juga tidak memberi kebosanan kepada peserta kajian semasa menggunakannya. Peserta kajian juga boleh menunjukkan contoh menyelesaikan soalan berkaitan dengan konsep asas operasi tolak yang disoal oleh pengkaji dengan menggunakan CAR.

Manakala, tema ketiga pula adalah berkenaan dengan minat. Peserta kajian menyatakan bahawa PdP menjadi lebih menarik terutamanya apabila menggunakan kaedah CAR. Sebelum ini, Pdp yang dijalankan adalah dalam bentuk penerangan daripada guru semata-mata. Persoalan kajian ini juga telah terjawab melalui keputusan ujian pencapaian, ujian pra, ujian pasca dan pemerhatian. Keberkesanan penggunaan CAR telah menunjukkan peningkatan dalam kemahiran asas operasi tolak dalam lingkungan 10 ke atas peserta kajian.

7.0 REFLEKSI

Dari segi kekuatan, pengkaji telah berjaya membantu murid dalam meningkatkan operasi tolak Matematik dalam lingkungan 10 dengan menggunakan kaedah *Catch And Remove* (CAR). Hal ini dibuktikan dengan melihat peningkatan hasil tugas murid yang amat positif dalam penguasaan operasi tolak. Teknik ini mampu merangsang murid untuk mendapatkan konsep yang kukuh terhadap cara untuk menyelesaikan operasi tolak dengan jelas dan betul.

Pada peringkat permulaan, pengkaji meneliti faktor yang menyebabkan kelemahan murid dalam kemahiran operasi tolak. Antaranya termasuklah kemahiran didikan yang diberikan adalah kurang mantap serta keyakinan diri yang kurang. Pengkaji juga menggunakan kaedah yang menarik hati murid. Oleh sebab itu, murid dapat menerima kaedah pembelajaran yang berpusatkan murid dan pengkaji membimbing murid secara individu mengikut tahap pencapaiannya.

Kelemahan yang terdapat pada bahan bantu mengajar (BBM) dalam kaedah *Catch And Remove* (CAR) ialah dari segi kos. Kos yang digunakan untuk menghasilkan setiap produk CAR adalah mahal kerana bahan yang digunakan perlu dibeli. Hal ini akan menyebabkan kos yang tinggi untuk pengkaji menghasilkan CAR dalam kuantiti yang banyak. Selain itu, bahan yang dipilih oleh pengkaji untuk menghasilkan BBM adalah tidak begitu sesuai. Pengkaji mendapati bahawa BBM yang digunakan adalah cepat rosak. Aspek ketahanan yang kurang kukuh iaitu batang ais krim yang digunakan sebagai penanda bagi membezakan antara ruang 1 dan 2 adalah mudah tercabut apabila selalu disentuh dan digunakan. Jika batang ais krim yang dilekatkan itu tercabut, maka ia akan menyebabkan berlakunya sedikit kekeliruan kepada murid masalah penglihatan untuk menentukan setiap ruang bagi nombor yang digunakan.

8.0 CADANGAN TINDAKAN SUSULAN

Hasil dapatan bagi kajian ini, pengkaji telah membuat kesimpulan bahawa dengan menggunakan bahan bantu mengajar seperti *Catch And Remove (CAR)* dalam menguasai kemahiran operasi tolak Matematik dalam lingkungan 10 boleh diterapkan dengan baik dalam kalangan murid-murid bermasalah penglihatan.

Cadangan tindakan susulan yang pertama bagi mengatasi masalah yang dihadapi iaitu dari segi penjimatan kos. Untuk menjimatkan kos, produk ini boleh dihasilkan dengan menggunakan bahan terbuang. Contohnya menggunakan penutup botol bagi menggantikan bunga hiasan. Manakala, bagi aspek ketahanan untuk menampal batang ais krim pula adalah sesuai dengan menggunakan gam atau menggunakan *double tape* untuk melekatkannya. Selain itu, pengkaji juga boleh mempelbagaikan bentuk BBM yang digunakan untuk kaedah CAR agar murid tidak mudah berasa bosan kerana ia mempunyai pelbagai bentuk serta warna yang menarik. Murid juga akan berasa teruja apabila mereka diuji dengan sesuatu benda yang baru. Pengkaji juga mencadangkan dalam kajian yang seterusnya, bahan bantu mengajar CAR yang digunakan untuk melaksanakan intervensi ini ditambahbaik dengan meletakkan elemen elektronik yang boleh mengeluarkan suara.

RUJUKAN

- Anita Md Noor. (2008). *Bahan Maujud: Meningkatkan Pemahaman Konsep Asas Darab*. Koleksi Kajian Tindakan 2009, TUNTAS 5, Jab. Pelajaran Negeri Kedah.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2013). *Kurikulum Standard Sekolah Rendah Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Matematik Tahun Dua*. Putrajaya: Bahagian Pembangunan Kurikulum.
- Lee Shok Mee. (2006). *Pedagogi 4 (A): Pengujian dan Penilaian dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.
- Lewin, k. (1946). *Action research and minority problems, in G.W. Lewin (Ed.) resolving Social Conflicts*. New York: Harper & Row (1948).
- Mohamad Sahandri Gani Hamzah. (2002): *Development And Validation Of Teacher Curriculum Paradigm Instrument*. Universiti Pendidikan Sultan Idris.

TAHAP PENGETAHUAN GURU MASALAH PENGLIHATAN TERHADAP PENGGUNAAN SISTEM TOKEN DALAM MENANGANI MASALAH TINGKAH LAKU DISRUPTIF.

SITI NURSYUHADAH BINTI SHAPEI
Jabatan Pendidikan Khas

Pensyarah Pembimbing
DR. ZAWAWI BIN ZAHARI

ABSTRAK

Kajian ini merupakan satu tinjauan terhadap tahap pengetahuan guru masalah penglihatan terhadap penggunaan sistem token dalam menangani masalah tingkah laku disruptif. Tujuan kajian ini ialah untuk mengetahui tahap pengetahuan guru pendidikan khas masalah penglihatan terhadap penggunaan sistem token berdasarkan masalah tingkah laku disruptif. Ini merangkumi tiga pemboleh ubah iaitu tahap pengetahuan guru terhadap tingkah laku disruptif, sistem token dan cara pelaksanaan sistem token. Responden kajian melibatkan 35 orang guru pendidikan khas masalah penglihatan. Instrumen kajian adalah borang soal selidik. Kaedah statistik deskriptif diaplikasikan untuk menganalisis data daripada instrumen kajian bagi mendapatkan kekerapan, min dan peratusan. Hasil dapatan kajian menunjukkan min bagi ketiga-tiga pemboleh ubah adalah tinggi iaitu tingkah laku disruptif (min = 4.47), sistem token (min = 4.30) dan cara pelaksanaan sistem token (min= 4.41).

Kata Kunci: Pengetahuan, tingkah laku disruptif, sistem token

ABSTRACT

This is a survey research focuses on the knowledge level of the visual impaired special education teachers towards the usage of token system to overcome students' disruptive behaviours. The purpose of this research is to know about the knowledge level of visual impaired special education teachers towards the use of token system in handling students' disruptive behaviour. The questions consist of three manipulated variables which is the level of knowledge of visual impaired special education teachers regarding disruptive behaviours, token system, and implimentation of token system. This research involves a total of 35 visual impaired special education teachers as the respondents. The research instrument that is being used in this research is a questionnaire. Statistic description has been applied to analyse the data extracted from the research instrument to gain the frequency, min score, and percentage. The research finding shows that all three of the manipulated variables were high, for disruptive behaviour (min=4.47), token system (min=4.30) and implementation of token system (min= 4.41).

Keywords: Knowledge disruptive behaviour, token system

Emel: nursyuhadahshapei@gmail.com

1.0 PENGENALAN

Tingkah laku merupakan satu tindakan yang dilakukan oleh murid pada sesuatu masa atau berterusan. Lazimnya, tingkah laku ini dapat dilihat, diperhatikan, dinilai dan diukur sama ada dilakukan secara terus atau seketika. Menurut Noor Aini Ahmad dan Norhafizah Abu Hanifah (2015), tingkah laku merujuk kepada respon perbuatan, persembahan dan prestasi seseorang yang dapat dilihat serta diukur setelah menerima rangsangan.

2.0 PENYATAAN MASALAH

Kesedaran yang ada dalam diri seorang guru itu akan membuatkan guru itu merancang strategi bagi mengurangkan masalah tingkah laku disruptif. Sistem token ini bukan kaedah yang baru tetapi ia sudah lama digunakan. Matson & Boisjoli (2009) juga mengatakan "Salah satu kaedah yang paling penting untuk mengubahsuai tingkah laku yang digunakan sejak 40 tahun yang lalu ialah ekonomi token". Guru akan memberi token dengan menggunakan pelbagai jenis token seperti star dan bintang atau benda yang boleh meningkatkan deria sentuh murid masalah penglihatan. Menurut Vivian (2012) juga

menyatakan bahawa token boleh berada dalam bentuk wang palsu, butang, cip poker, pelekat dan lain-lain. Hal ini kerana murid masalah penglihatan hanya mempunyai kekurangan dari segi deria penglihatan sahaja tetapi deria-deria lain masih boleh digunakan. Oleh itu, sebagai seorang guru pendidikan khas masalah penglihatan mereka perlulah cakna dengan token yang diberikan kepada murid berdasarkan ketidakupayaan penglihatan murid.

3.0 OBJEKTIF DAN SOALAN KAJIAN

Objektif kajian

1. Mengenal pasti tahap pengetahuan guru pendidikan khas masalah penglihatan terhadap masalah tingkah laku disruptif murid masalah penglihatan.
2. Mengenal pasti tahap pengetahuan guru pendidikan khas masalah penglihatan dalam menggunakan sistem token bagi mengatasi masalah tingkah laku disruptif.
3. Mengenal pasti tahap pengetahuan guru mengenai cara pelaksanaan sistem token untuk mengurangkan masalah tingkah laku disruptif murid masalah penglihatan.

Soalan kajian

1. Apakah pengetahuan guru pendidikan khas masalah penglihatan terhadap masalah tingkah laku disruptif murid masalah penglihatan?
2. Apakah pengetahuan guru masalah penglihatan dalam menggunakan sistem token bagi mengatasi masalah tingkah laku disruptif?
3. Apakah cara yang digunakan oleh guru pendidikan khas masalah penglihatan terhadap penggunaan sistem token berdasarkan masalah tingkah laku disruptif murid masalah penglihatan?

4.0 METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif dan menggunakan instrumen borang soal selidik untuk mengumpul data. Analisis data berbentuk disriptif bagi mendapatkan kekerapan, min dan peratusan.

Sampel kajian

Persempelan yang digunakan adalah rawak mudah. Fokus kajian tertumpu kepada 35 orang guru pendidikan khas masalah penglihatan daripada dua buah Sekolah Kebangsaan Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) dan sebuah Sekolah Kebangsaan Pendidikan Khas (SKPK) Masalah Penglihatan. Pemilihan saiz sampel ini berpandukan daripada Jadual Penentuan Saiz Sampel daripada Krejcie dan Morgan (1970).

Instrumen kajian

Kajian ini menggunakan borang soal selidik sebagai instrumen. Borang soal selidik ini dibahagikan kepada 2 bahagian iaitu bahagian A demografi mengenai latar belakang responden dan bahagian B merupakan pemboleh ubah iaitu tahap pengetahuan guru terhadap tingkah laku disruptif, sistem token dan cara pelaksanaan sistem token terhadap murid masalah penglihatan. Bagi bahagian B, mempunyai 6 item bagi setiap pemboleh ubah yang mana keseluruhan item adalah 18 item. Soal selidik ini diubahsuai berdasarkan objektif kajian dan telah disemak oleh penyelia kajian.

Analisis data

Data-data yang telah dikumpul akan dianalisis menggunakan program perisian PSPP untuk mendapatkan pengiraan yang lebih tepat. Data yang diperolehi dianalisis dalam bentuk deskriptif bagi mendapatkan kekerapan, min dan peratusan. Bagi melihat min bagi setiap item atau keseluruhan pemboleh ubah, pengkaji berpandukan daripada kajian lepas berdasarkan jadual skor min.

4.0 DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Analisis data dibahagikan kepada tiga pemboleh ubah tahap pengetahuan guru terhadap tingkah laku disruptif, tahap pengetahuan terhadap sistem token dan cara pelaksanaan sistem token. Item-item bagi setiap soalan menggunakan kaedah skala likert iaitu "sangat tidak setuju" (STS), "tidak setuju" (TS), "kurang pasti" (KP), "setuju" (S) dan "sangat setuju" (SS) (Syed Ismail et.al, 2018).

Jadual 4.3

Maklum Balas Responden Mengenai Tahap Pengetahuan Guru terhadap Tingkah Laku Disruptif

| BIL. | ASPEK B: Tingkah laku disruptif. | KEKERAPAN, <i>f</i> (Peratus %) | | | | | MIN DAN TAHAP |
|------|---|---------------------------------|----|-------------|---------------|---------------|------------------|
| | | STS | TS | KP | S | SS | |
| B4 | Saya tahu bahawa tingkah laku disruptif yang ditunjukkan akan memberikan impak yang negatif terhadap pengajaran dan pembelajaran. | | | 2 (5.71) | 11 (31.43) | 22 (62.86) | 4.57 TINGGI |
| B6 | Saya tahu bahawa tingkah laku disruptif ini perlu diatasi dengan cara yang betul. | | | | 16 (45.71) | 19 (54.29) | 4.54 TINGGI |

Jadual 4.3 di atas menunjukkan maklum balas responden mengenai tahap pengetahuan guru terhadap tingkah laku disruptif. Item B4 menunjukkan nilai min yang tertinggi iaitu 4.57. Majoriti responden memilih sangat setuju dan setuju bagi item ini. Menurut Tuan Hazirah (2013) juga bersetuju bahawa tingkah laku bermasalah (tingkah laku disruptif) ini akan memberikan kesan yang buruk dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP). Hal ini kerana jika masalah ini tidak diatasi maka akan memberikan impak yang negatif terhadap akademik mereka.

Min skor kedua tertinggi ialah item B6. Kesemua responden mengakui bahawa tingkah laku disruptif ini perlu diatasi dengan cara yang betul. Guru memainkan peranan penting bagi memastikan masalah tingkah laku disruptif ini dapat dikurangkan. Tanggungjawab seorang guru itu adalah dengan memberikan didikan dan mencari kaedah yang bersesuaian bagi mengatasi masalah ini. Ini selari dengan kajian lepas Tuan Hazirah (2013) yang mana telah menjalankan kajian bagi mengatasi masalah tingkah laku disruptif terhadap murid masalah penglihatan tahun 4. Kaedah yang digunakan adalah peneguhan positif. Hasil dapatan menunjukkan bahawa kaedah peneguhan positif ini sememangnya dapat mengurangkan masalah tingkah laku disruptif ini.

Jadual 4.4

Maklum Balas Responden Mengenai Tahap Pengetahuan Guru terhadap Sistem Token

| BIL. | ASPEK C: Sistem Token | KEKERAPAN, <i>f</i> (Peratus %) | | | | | MIN DAN TAHAP |
|------|--|---------------------------------|-------------|--------------|---------------|---------------|------------------|
| | | STS | TS | KP | S | SS | |
| C5 | Saya tahu token yang digunakan tidak akan memberikan kesan negatif terhadap murid. | | 2 (5.71) | 4 (11.43) | 17 (48.57) | 12 (34.29) | 4.11 TINGGI |
| C6 | Saya tahu bahawa token yang tidak peka terhadap masalah penglihatan kurang memberikan kesan positif terhadap perkembangan murid. | | | | 19 (54.29) | 16 (45.71) | 4.46 TINGGI |

Jadual 4.4 di atas menunjukkan maklum balas responden mengenai tahap pengetahuan guru terhadap sistem token. Item C5 menunjukkan skor min yang paling tinggi iaitu 4.60. Item ini menunjukkan bahawa semua guru pendidikan khas masalah penglihatan bersependapat bahawa token ini dapat menarik minat murid. Token-token yang digunakan oleh guru sememangnya bermatlamat untuk menarik minat murid agar tingkah laku disruptif dapat dikurangkan dan seterusnya tingkah laku sasaran dapat ditunjukkan. Menurut Viviana (2012) menegaskan bahawa dalam persekitaran pendidikan, token ekonomi adalah satu sistem untuk memberikan peneguhan positif kepada kanak-kanak dengan

memberikan mereka ganjaran apabila menyiapkan atau berkelakuan dengan cara yang diinginkan. Kajian Viviana (2012) ini telah memberikan token ekonomi berbentuk bintang dan hasil dapatan menunjukkan bahawa tingkah laku disruptif ini dapat dikurangkan.

Min skor kedua tertinggi ialah item C6 yang menunjukkan min iaitu 4.46. Majoriti responden bersetuju dan sangat bersetuju dengan item ini. Ini kerana apabila guru memberikan token ekonomi tanpa melihat keperluan dan kepekaan yang ada pada murid tersebut tidak akan memberikan sebarang kesan yang positif terhadap murid. Malah ia akan menyebabkan murid tidak berminat dengan token yang diberikan. Hal ini dapat dilihat berdasarkan kajian lampau iaitu kajian Viviana (2012) yang menyatakan kelemahan yang ada terhadap token yang digunakan terlalu kecil dan bentuknya tidak pelbagai menyebabkan subjek kajian mengeluh. Dengan ini, sebagai seorang guru pendidikan khas masalah penglihatan perlulah menitik beratkan berkaitan dengan token yang diberikan agar tidak akan menimbulkan sebarang masalah. Hal ini demikian, menunjukkan semua responden mempunyai tahap pengetahuan yang baik terhadap kepekaan murid masalah penglihatan.

Jadual 4.5
Maklum Balas Responden Mengenai Tahap Pengetahuan Guru terhadap Cara Melaksanakan Sistem Token

| BIL. | ASPEK D: CARA MELAKSANAKAN SISTEM TOKEN | KEKERAPAN (f) (Peratus %) | | | | | MIN DAN TAHAP |
|------|--|---------------------------|----|-------------|---------------|---------------|------------------|
| | | STS | TS | KP | S | SS | |
| | Saya tahu bahawa token akan ditarik jika murid melakukan masalah tingkah laku dan diberikan dendaan. | | | 1 (2.86) | 13 (37.14) | 21 (60.00) | 4.43 TINGGI |

Jadual 4.5 di atas menunjukkan maklum balas responden mengenai tahap pengetahuan guru terhadap cara pelaksanaan sistem token. Item D5 menunjukkan skor min paling tinggi iaitu 4.57. Majoriti responden bersependapat dan bersetuju dengan item ini. Ini sejajar dengan Teori Pelaziman Operan B.F. Skinner (1904 – 1990) dalam buku Noriati et.al (2017) yang mana telah melaksanakan kajian kepada tikus yang mana jika tikus itu menekan tuil suis tikus akan mendapat ganjaran iaitu makanan tetapi jika tuil tidak ditekan maka hukuman akan diberikan yang mana tikus tidak akan memperoleh makanan.

Jadual 4.6
Keseluruhan Min bagi Setiap Pemboleh Ubah.

| Pemboleh ubah | Min | Tahap |
|-------------------------------|------|--------|
| Tingkah laku disruptif | 4.47 | Tinggi |
| Sistem Token | 4.30 | Tinggi |
| Cara Pelaksanaan Sistem Token | 4.41 | Tinggi |

Jadual 4.6 menunjukkan keseluruhan min bagi setiap pemboleh ubah. Ini menunjukkan bahawa ketiga-tiga pemboleh ubah menunjukkan tahap min yang tinggi. Skor min ini berpandukan daripada Jamil Ahmad (2002). Pemboleh ubah pertama iaitu tahap pengetahuan guru terhadap tingkah laku disruptif yang menunjukkan skor min tertinggi iaitu 4.47. Hal ini bermaksud bahawa guru pendidikan masalah penglihatan semangannya mempunyai tahap pengetahuan yang tinggi terhadap tingkah laku disruptif.

6.0 KESIMPULAN, CADANGAN DAN IMPLIKASI

Kesimpulannya, bagi keseluruhan item bagi ketiga-tiga pemboleh ubah iaitu 4.40. Ini menunjukkan bahawa keseluruhan item menunjukkan skor min pada aras yang tinggi. Merujuk kepada hasil dapatan tersebut boleh dirumuskan bahawa tahap pengetahuan guru pendidikan khas masalah penglihatan bagi ketiga-tiga pemboleh ubah itu adalah tinggi. Guru pendidikan khas masalah penglihatan ini sangat cakna dengan tahap perkembangan murid dan tingkah laku yang ditunjukkan seterusnya mengambil langkah yang bijak apabila menggunakan kaedah yang sesuai seperti sistem token untuk mengatasi masalah tersebut.

Implikasi kajian ini dapat membantu guru-guru pendidikan khas masalah penglihatan meningkatkan tahap pengetahuan terhadap tingkah laku disruptif, sistem token dan cara pelaksanaan sistem token yang berkesan terhadap murid. Dengan ini, sistem token dapat diaplikasikan dan dijadikan sebagai salah satu kaedah yang bersesuaian oleh guru untuk mengatasi masalah tingkah laku disruptif ini. Hal ini kerana penggunaan token dan cara perlaksanaannya berdasarkan ketidakupayaan murid amat penting supaya tingkah laku disruptif dapat diubah kepada tingkah laku positif. Apabila tingkah laku ini dapat diatasi maka dapat mewujudkan suasana pengajaran dan pembelajaran (PdP) yang harmonis.

Pengkaji mencadangkan agar skop kajian perlu lebih meluas lagi iaitu perlu dibuat di semua Sekolah Kebangsaan Pendidikan Khas (SKPK) dan Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) yang mana boleh melibatkan semua guru pendidikan khas. Dengan ini, pengkaji dapat mengenal pasti sejauh manakah tahap pengetahuan bagi guru pendidikan masalah penglihatan, masalah pembelajaran dan masalah pendengaran terhadap masalah tingkah laku disruptif, sistem token dan cara pelaksanaan sistem token yang digunakan.

RUJUKAN

- Jamil Ahmad, 2002. *Pemupukan Budaya Penyelidikan di Kalangan Guru di Sekolah: Satu penilaian*. Tesis Doktor Falsafah. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Krejcie, R.V. dan Morgan, D.W. (1970). Determining sample size for researchhhactivities. *Educational and Psychological Measurement*. 30, 608.
- Noor Aini Ahmad & Norhafizah Abu Hanifah, 2015. Tahap Pengetahuan Guru Pendidikan Khas Apabila Mengurus Tingkah Laku Murid Bermasalah *Pembelajaran*. *Asia Pacific Journal of Education*, 30, 73-88.
- Noriati A. Rashid, B. P. (2017). *Murid dan Pembelajarn*. In B. P. Noriati A. Rashid, *Murid dan Pembelajarn* (pp. 95-99). Selangir: Oxford Fajar Sdn. Bhd.
- Tuan Hazirah (2013), *Mengurangkan masalah distrupitif seorang murid tahun 4 bermasalah penglihatan menggunakan kaedah token ekonomi*. (Projek Penyelidikan Pelajar IPG Kampus Ilmu Khas, Cheras yang tidak diterbitkan) kuala Lumpur.
- Viviana Stephen dan Lee Chee Pheng (2012), *Mengurangkan masalah distrupitif murid tahun 4 menggunakan kaedah token ekonomi*. (Projek Penyelidikan Pelajar IPG Kampus Ilmu Khas, Cheras yang tidak diterbitkan) Kuala Lumpur, Malaysia.

PENGUNAAN KOTAK SIFIR CILIK DALAM MENGGUASAI SIFIR 6 HINGGA 9 BAGI MURID MASALAH PENGLIHATAN

SUHAILI BINTI ELIASSAK
Jabatan Pendidikan Khas

Pensyarah Pembimbing
PN. SURIANI BINTI YUSOF

ABSTRAK

Penyelidikan tindakan ini dijalankan untuk menilai tahap penguasaan sifir 6 hingga sifir 9 dengan menggunakan Kotak Sifir Cilik bagi murid masalah penglihatan Tahun Tiga di salah sebuah Sekolah Pendidikan Khas dan mengenalpasti masalah yang dihadapi oleh peserta kajian semasa menggunakan Kotak Sifir Cilik. Penggunaan Kotak Sifir Cilik ini bukan dalam bentuk elemen taktil kerana kemahiran ini boleh diaplikasikan di dalam peperiksaan. Data untuk kajian ini dikumpul berdasarkan ujian Diagnostik, ujian Pra dan Pasca, analisis dokumen iaitu lembaran kerja, pemerhatian, serta temubual. Data yang dikumpul dianalisis secara deskriptif dalam bentuk jumlah skor, dan peratusan. Hasil kajian mendapati tahap penguasaan sifir 6 hingga 9 peserta kajian telah meningkat daripada 64% dalam ujian pra kepada 100% dalam ujian pasca apabila kaedah Kotak Sifir Cilik diguna. Terdapat beberapa masalah telah dikenal pasti semasa menggunakan Kotak Sifir Cilik dan tindakan susulan telah dicadangkan.

Kata Kunci: Penguasaan sifir, murid penglihatan terhad, Kotak Sifir Cilik

ABSTRACT

This action research was aimed to assess the mastery of the multiplication tables 6 to 9 using the *Kotak Sifir Cilik* for a partially impaired Year Three pupil of a special education and to identify the problems encountered while using the *Kotak Sifir Cilik*. The usage of the *Kotak Sifir Cilik* is not in the form of tactile, so it is applicable in the examination. The data for this study was collected based on Diagnostic tests, Pre-test, Post test, document analysis, observations, and interviews. Checking of data was done using document analysis in descriptive method of total score, and percentage. The result of the study showed that the mastery of the multiplication tables 6 to 9 was improved from 64% in Pre-test to 100% in post-test when using the *Kotak Sifir Cilik*. The problems encountered while using the *Kotak Sifir Cilik* have been identified and following actions have been suggested.

Keywords: Mastery of multiplication tables, low vision pupil, *Kotak Sifir Cilik*.

Emel: suhailieliassak@gmail.com

1.0 PENGENALAN

Dalam Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR), antara perkara yang menjadi fokus adalah membolehkan murid menguasai keempat-empat kemahiran tersebut. Rosmidha Mustha (2017) menyatakan bahawa mata pelajaran Matematik adalah subjek yang sukar dan lebih susah untuk dikuasai berbanding dengan subjek-subjek yang lain. Kajian oleh Norazlin Rusdin (2015) berpendapat bahawa perwakilan konsep darab dengan cara susunan adalah lebih baik berbanding dengan perwakilan lain. Di kebanyakan sekolah sama ada sekolah aliran perdana mahupun SKPK, operasi darab merupakan satu operasi asas yang sukar dikuasai murid. Pada dasarnya, punca masalah ini adalah kerana murid bermasalah dalam menghafal sifir. Pengkaji menjalani praktikum di salah sebuah Sekolah Pendidikan Khas masalah penglihatan. Dalam kajian ini, pengkaji memberi fokus kepada kemahiran mendarab bagi murid masalah penglihatan. Pengkaji mendapati dalam sesi PdPc tersebut, pencapaian seorang murid masalah penglihatan adalah sangat lemah. Semasa menjalani praktikum fasa kedua selama tiga bulan, pengkaji mendapati terdapat seorang murid dalam kelas tahun 3 menghadapi masalah dalam penguasaan sifir. Pemerhatian pengkaji juga mendapati murid tahu menyelesaikan operasi darab tetapi oleh kerana tidak menguasai sifir, murid tidak dapat menjawab dengan tepat. Selain itu, melalui ujian sifir yang dijalankan, terdapat seorang murid yang tidak dapat menguasai sifir dengan baik. Kaedah hafal dan tanya yang dipraktikkan sewaktu proses PdPc gagal untuk menarik minat murid menghafal sifir. Pengenalan kepada kaedah baru perlu agar guru dapat

menggerakkan motivasi murid dalam proses PdPc. Hal ini dinyatakan oleh Tengku Sarina (2016) bahawa tujuan penggunaan pelbagai kaedah dalam proses PdPc ialah menggerakkan motivasi dalaman murid supaya berminat dengan pengajaran guru.

2.0 FOKUS KAJIAN

Fokus kajian ini adalah menjurus kepada masalah penguasaan sifir. Melalui pemerhatian pengkaji, peserta kajian tahu menyelesaikan operasi darab tetapi tidak dapat menjawab dengan tepat kerana masih tidak menguasai sifir. Selepas menjalankan ujian diagnostik, pengkaji mendapati terdapat seorang murid yang lemah dalam penguasaan sifir. Daripada 15 soalan yang diberi, hanya 5 soalan sahaja yang mendapat jawapan yang betul. Setelah pengkaji melihat kepada kertas jawapan murid tersebut, pengkaji mendapati beliau tidak dapat menghasilkan jawapan yang betul kerana tidak menguasai sifir. Soalan yang dijawab dengan betul adalah soalan yang melibatkan sifir 5 dan ke bawah. Manakala, apabila soalan melibatkan sifir 6 hingga 9, maka peserta kajian tidak dapat menjawab dengan tepat. Menurut Norazlin Rusdin (2017), corak adalah berguna dalam mempelajari pendaraban. Oleh itu, kajian ini memfokuskan kepada satu kaedah iaitu kaedah kotak sifir dalam membantu murid untuk menguasai sifir iaitu sifir 6 sehingga sifir 9. Oleh itu, pengkaji berpendapat bahawa fokus kajian ini adalah relevan dengan keperluan murid. Fokus kajian ini juga telah dipilih dengan mengikut 6 jenis kriteria iaitu kebolehtadbiran, kepentingan, kebolegunaan, kawalan, kolaborasi, dan kerelevanan sekolah.

3.0 OBJEKTIF DAN SOALAN KAJIAN

Objektif Kajian

1. Menilai tahap penguasaan murid dalam sifir 6 sehingga sifir 9 menggunakan Kotak Sifir Cilik.
2. Mengenalpasti masalah yang wujud dalam pengaplikasian kaedah Kotak Sifir Cilik dalam menyelesaikan soalan darab sifir 6 hingga 9.

Soalan Kajian

1. Apakah tahap penguasaan murid dalam sifir 6 sehingga sifir 9 menggunakan Kotak Sifir Cilik?
2. Apakah masalah yang wujud dalam pengaplikasian kaedah Kotak Sifir Cilik dalam menyelesaikan soalan darab sifir 6 hingga 9?

4.0 PESERTA KAJIAN

Peserta kajian ini melibatkan seorang murid di salah sebuah Sekolah Kebangsaan Pendidikan Khas Masalah Penglihatan di sekitar Kuala Lumpur. Murid tersebut berada pada tahap satu iaitu tahun 3. Berdasarkan rekod prestasi peserta kajian didapati peserta kajian mempunyai pencapaian akademik yang rendah dalam subjek Matematik pada bahagian yang melibatkan operasi darab sifir 6 hingga 9. Tinjauan awal mendapati bahawa peserta kajian mampu mendapat keputusan cemerlang sekiranya dapat menguasai sifir tersebut. Peserta kajian dapat menjawab dengan mudah soalan yang melibatkan sifir 6 hingga 9 sekiranya menggunakan kaedah kotak sifir. Oleh itu, pengkaji menggunakan kaedah tersebut bagi membantu peserta kajian meningkatkan dan menguasai kemahiran mendarab bagi sifir 6 hingga 9.

5.0 PELAKSANAAN TINDAKAN

Kajian ini berbentuk kajian tindakan dan pengkaji menggunakan model Kurt Lewin sebagai panduan melaksanakan kajian. Model Kurt Lewin melibatkan empat langkah utama iaitu merancang, melaksanakan, memerhati, dan membuat refleksi ke atas segala tindakan yang dijalankan. Sebelum sesi intervensi dijalankan, pengkaji telah menjalankan Ujian Diagnostik ke atas peserta kajian bagi mengesan kelemahan. Langkah seterusnya adalah memberi intervensi menggunakan strategi yang ditentukan. Dalam langkah ini, kaedah kotak sifir telah dipilih oleh pengkaji bagi mengatasi masalah yang telah dikenal pasti. Langkah seterusnya adalah membuat penilaian terhadap strategi yang telah dipilih dan dijalankan ke atas peserta kajian. Tujuan penilaian tersebut adalah bagi menentukan keberkesanan strategi atau rawatan yang telah diberikan terhadap peserta. Penilaian bagi kajian ini dibuat dengan menganalisis data mengikut alat kajian yang telah ditetapkan. Selepas membuat penilaian, langkah seterusnya dalam model Kurt Lewin adalah membuat refleksi terhadap rawatan yang telah diberikan terhadap peserta kajian.

6.0 DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Persoalan kajian 1:

Apakah tahap penguasaan sifir 6 hingga sifir 9 bagi murid masalah penglihatan Tahun 3 dengan menggunakan Kotak Sifir Cilik?

Jadual 1

Analisis Skor Ujian Diagnostik, Ujian Pra, dan Ujian Pasca

Analisis data ujian diagnostic

| Maklumat | Bilangan SOALAN | JAWAPAN Betul | JAWAPAN Salah | Jumlah | Skor | Pencapaian |
|----------------|-----------------|---------------|---------------|--------|------|------------|
| Peserta Kajian | 15 | 5 | 10 | 5/15 | 33% | Sederhana |


Analisis data ujian pra

| Maklumat | Bilangan soalan | jawapan Betul | jawapan Salah | Jumlah | Skor | Pencapaian |
|----------------|-----------------|---------------|---------------|--------|------|------------|
| Peserta Kajian | 15 | 10 | 5 | 10/15 | 67% | Baik |

Analisis data ujian pasca

| Maklumat | Bilangan soalan | jawapan Betul | jawapan Salah | Jumlah | Skor | Pencapaian |
|----------------|-----------------|---------------|---------------|--------|------|------------|
| Peserta Kajian | 15 | 15 | 0 | 15/15 | 100% | Cemerlang |

Berdasarkan jadual 1, analisis data ujian diagnostik menunjukkan bahawa peserta kajian hanya dapat menjawab 5 soalan sahaja dengan betul daripada 15 soalan yang diberi. Di sini dapat dilihat bahawa 10 soalan yang dijawab olehnya adalah salah. Hal ini demikian kerana pengkaji tidak menjalankan intervensi pada peringkat ujian diagnostik kerana untuk melihat tahap penguasaan peserta kajian terhadap penguasaan sifir pada peringkat awal. Analisis ini juga disokong dengan dapatan temubual dengan peserta kajian di mana peserta tidak menguasai sifir 6 hingga 9 kerana kurang menghafal sifir. Apabila intervensi dijalankan, analisis ujian pra menunjukkan bahawa berlakunya peningkatan dalam pencapaian iaitu daripada 5 soalan yang betul pada ujian diagnostik kepada 10 soalan yang betul pada ujian pra. Ini bermakna intervensi yang dijalankan dapat meningkatkan penguasaan peserta kajian dalam menguasai sifir 6 hingga 9. Pengkaji juga menjalankan ujian pasca kepada peserta kajian supaya data yang diperolehi adalah tepat dan boleh dipercayai. Di dapati peserta kajian dapat menguasai sepenuhnya kemahiran yang diberikan dalam intervensi pada kali ini. Hal ini demikian kerana selepas ujian pra dijalankan ke atas peserta kajian, pengkaji telah memberikan lembaran kerja kepada peserta kajian untuk dipraktikkan dengan menggunakan kaedah intervensi yang diberi supaya peserta kajian lebih mahir dan menguasai penggunaan intervensi tersebut. Lembaran kerja tersebut diberi pada sesi PdPc pengkaji terhadap kelas peserta kajian selama 10 minit sebelum berakhirnya PdPc.



Rajah 1. Graf perbezaan skor ujian diagnostik, ujian pra, dan ujian pasca

Rajah 1 menunjukkan secara jelas perbezaan skor pencapaian peserta kajian dalam ujian yang telah dijalankan. Apa yang dapat dilihat, peningkatan pencapaian peserta kajian pada peringkat ujian diagnostik kepada peringkat ujian pra adalah sebanyak 34%. Manakala, peningkatan pencapaian dari ujian pra kepada ujian pasca juga adalah sebanyak 33%. Dapatan yang diperolehi ini adalah sangat bermakna kerana ia dapat menunjukkan bahawa intervensi yang dijalankan adalah berkesan dan dapat meningkatkan penguasaan peserta kajian dalam menguasai sifir 6 hingga 9 sebanyak 100%. Selain itu, pengkaji juga telah menjalankan pemerhatian berstruktur pada peserta kajian semasa melaksanakan sesi intervensi. Hasil pemerhatian direkod dengan menggunakan borang senarai semak untuk menilai setiap aspek bagi melihat keberkesanan intervensi.

Jadual 2
Dapatan Hasil Pemerhatian

| Bil. | Perkara | Peserta Kajian | |
|------|---|----------------|-------|
| | | Ya | Tidak |
| | Penglibatan | | |
| 1 | Murid menumpukan perhatian semasa sesi PdPc | / | |
| 2 | Murid dapat melakukan aktiviti yang dirancang oleh guru | / | |
| | Pencapaian | | |
| 3 | Murid dapat menjawab soalan Matematik yang diberikan | / | |
| 4 | Murid dapat menggunakan Kotak Sifir Cilik dengan berkesan | / | |
| | Tingkah laku dan emosi | | |
| 5 | Murid berminat dengan penggunaan Kotak Sifir Cilik | / | |
| 6 | Murid menunjukkan keyakinan semasa menjawab soalan yang diberikan | / | |

Jadual 2 menunjukkan dapatan analisis pemerhatian yang dicatat menggunakan instrumen senarai semak. Pemerhatian ini dijalankan pada peserta kajian semasa intervensi dijalankan. Pengkaji mendapati peserta kajian sentiasa memberi tumpuan semasa sesi PdPc dijalankan. Berdasarkan senarai semak itu juga, didapati peserta kajian dapat mengikuti aktiviti yang dirancang daripada pengkaji. Hasil kajian juga mendapati peserta kajian telah mempamerkan emosi yang seronok semasa mengikuti aktiviti yang dijalankan daripada pengkaji. Pengkaji juga mendapati peserta kajian yakin semasa menjawab soalan operasi darab dengan menggunakan Kotak Sifir Cilik. Dapatan daripada temubual dengan peserta kajian juga menyokong dan selaras dengan dapatan pemerhatian.

Persoalan kajian 2:

Apakah masalah yang wujud dalam pengaplikasian kaedah kotak magik dalam menyelesaikan soalan darab sifir 6 hingga 9?

Hasil analisis data juga mendapati terdapat lima masalah yang wujud berikutan pengaplikasian kaedah Kotak Sifir Cilik dalam pendaraban melibatkan sifir 6 hingga 9. Antara masalah yang wujud ialah peserta keliru tentang arah menghitung petak kecil dalam mencari jawapan menggunakan kaedah ini. Di samping itu, peserta juga keliru di mana hendak mula menulis nombor di dalam membina kotak sifir tersebut. Ini dapat dilihat apabila peserta kajian tersilap menulis nombor di dalam kotak. Peserta juga menulis nombor dalam Kotak Sifir Cilik yang sepatutnya ditulis kecil tetapi ditulis besar. Hal ini menyebabkan bilangan nombor yang ditulis tidak mengikut bilangan kotak yang ada. Oleh itu, jawapan yang diperolehi pada akhirnya akan menjadi salah dan tidak tepat. Peserta juga cuai dalam proses penambahan dua nombor dan cuai dalam menulis nombor dengan betul. Apa yang dapat dilihat dalam masalah ini adalah murid tidak menulis penambahan nombor mengikut susunan yang betul dan ini menyebabkan jawapan yang diperolehi adalah salah. Peserta melakukan kesilapan dalam proses mengumpul semula nombor secara menaik atau nilai yang lebih besar dan seterusnya menyebabkan jawapan akhir menjadi salah. Di sini kita dapat lihat di mana peserta keliru dengan proses mengumpul semula nombor kepada susunan yang betul.

7.0 REFLEKSI

Dapatan kajian ini mengesahkan bahawa pengaplikasian kaedah Kotak Sifir Cilik telah mendatangkan kesan yang positif terhadap pencapaian murid dalam sifir 6 hingga sifir 9. Walau bagaimanapun, melalui analisis yang telah dibuat, dirumuskan bahawa terdapat beberapa masalah dalam pengaplikasian kaedah Kotak Sifir Cilik dalam menyelesaikan soalan darab. Namun begitu, masalah tersebut dapat diatasi sekiranya latihan kerap dilakukan dan pendedahan tentang penggunaan Kotak Sifir Cilik diperkenalkan pada peringkat awal lagi. Secara keseluruhannya, mereka bersetuju bahawa kaedah ini sangat membantu dalam meningkatkan kemahiran mereka dalam mendarab. Kaedah ini sesuai untuk dilaksanakan kerana berjaya menarik minat mereka dalam pembelajaran Matematik. Hal ini demikian kerana apabila murid-murid sudah menguasai sifir, maka mereka dapat menjawab soalan darab dan bahagi dengan senang dan betul. Penguasaan sifir adalah satu aspek dan satu proses yang penting dalam kemahiran mengira. Proses ini adalah yang berterusan dan mempunyai langkah-langkah yang sistematik. Sekiranya proses yang digunakan oleh para guru adalah betul, maka hasil yang didapati juga baik dan bermutu. Tidak dinafikan bahawa bimbingan dan bantuan guru dalam kelas membantu murid-murid menguasai sifir.

8.0 CADANGAN TINDAKAN SUSULAN

Terdapat beberapa cadangan untuk menambahbaik kajian yang seterusnya. Antaranya ialah mengubah kumpulan sasaran bermula dari Tahun 2 serta menumpukan kepada kemahiran yang lebih tinggi iaitu mendarab nombor tiga digit dengan tiga digit dan sebagainya apabila mereka telah menguasai kaedah ini. Cadangan kajian lain adalah meningkatkan bilangan sampel lebih banyak iaitu sekurang-kurangnya satu kelas pendidikan khas kerana ia dapat mengukuhkan lagi dapatan kajian. Jessica Ak Budah (2012) menyatakan penggunaan bahan konkrit dapat memberi kesan kepada peserta kajian. Namun begitu, Kotak Sifir Cilik ini juga sesuai dilaksanakan dalam bentuk konkrit tetapi pada peringkat pengenalan sahaja supaya dapat menarik minat murid. Hal ini demikian kerana matlamat sampingan dalam penggunaan Kotak Sifir Cilik ini adalah supaya murid dapat menjawab soalan pendaraban dalam ujian ataupun peperiksaan kelak. Justeru, pengkaji menyokong sekiranya bentuk konkrit diguna bagi memberi pengalaman kepada murid buta supaya mereka mengetahui cara dan kaedah untuk menggunakan Kotak Sifir Cilik tetapi pengaplikasian menggunakan elemen interaktif seperti power point adalah lebih sesuai kerana ia boleh bersuara.

RUJUKAN

- Jessica Ak Budah. (2012). Penggunaan 'pembilang itikku' dalam meningkatkan kemahiran mengira operasi tolak prasekolah. *Seminar Penyelidikan Tindakan IPGKBL Tahun 2012*, 16-29.
- Lewin, K. (1946). *Action research and minority problems*, in G.W. Lewin (Ed.) *Resolving Social Conflicts*. New York: Harper & Row (1948).
- Norazlin Rusdin. (2015). *Penguasaan Konsep Dan Fakta Asas Darab*. Perak: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Norazlin Rusdin. (2017). *Keberkesanan Tiga Teknik Pendaraban*. Perak: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Rosmidha Mustha. (2017). *Faktor Penyumbang Terhadap Pencapaian Matematik Murid Luar Bandar*. Minda Pendidik. Universiti Malaysia Sabah, 48.
- Tengku Sarina. (2016). *Kaedah Mengajar dan Kemahiran Interpesonal Guru*. PTS Profesional Publishing Sdn. Bhd. Kuala Lumpur.

**TAHAP PENGUASAAN GURU PENDIDIKAN KHAS MASALAH PENGLIHATAN TERHADAP
TEKNIK BERMAIN DALAM MELAKSANAKAN PEMBELAJARAN DAN
PEMUDAHCARAAN (PdPc)**

ZAYANA SOFIA BINTI ZAKARIA
Jabatan Pendidikan Khas

Pensyarah Pembimbing
PN. NORIMAH BINTI MAT SOM

ABSTRAK

Kajian ini dijalankan bagi mengenal pasti tahap penguasaan guru pendidikan khas masalah penglihatan dalam melaksanakan pengajaran teknik bermain terhadap murid masalah penglihatan. Penguasaan guru pendidikan khas masalah penglihatan merangkumi aspek pengetahuan, kemahiran dan sikap. Model yang digunakan bagi kajian ini adalah Model Perubahan Pendidikan Fullan. Instrumen kajian yang digunakan adalah berbentuk soal selidik yang telah diedarkan kepada 40 orang responden yang terdiri daripada guru pendidikan khas masalah penglihatan di sekitar Kuala Lumpur dan Selangor. Kajian deskriptif telah digunakan untuk mengenal pasti tiga pembolehubah iaitu pengetahuan, kemahiran mengajar serta sikap guru pendidikan khas masalah penglihatan dalam melaksanakan pdpc dengan menggunakan teknik bermain. Data dianalisis menggunakan perisian *Statistical Package For The Social Science Version 23* bagi mendapatkan nilai kekerapan, peratusan dan min. Berdasarkan kajian rintis, nilai pekali *Alpha Cronbach* yang dijalankan ke atas 10 orang responden adalah 0.9178. Secara keseluruhannya, dapatan kajian ini menunjukkan tahap penguasaan guru pendidikan khas masalah penglihatan dalam melaksanakan pdpc dengan menggunakan teknik bermain berada pada tahap sederhana (MIN=3.47). Kelemahan salah satu daripada aspek tersebut perlu diatasi agar penguasaan guru pendidikan khas masalah penglihatan terhadap pelaksanaan teknik bermain berada pada tahap tinggi yang seterusnya menggalakkan inovasi dan kejayaan dalam perubahan pendidikan. Justeru itu, terdapat beberapa cadangan dikemukakan. Cadangan kajian lanjutan juga turut dibincangkan di akhir penulisan ini untuk digunakan oleh pengkaji lain yang ingin meneruskan kajian ini dengan lebih mendalam.

Kata Kunci: Tahap penguasaan, guru pendidikan khas masalah penglihatan, teknik bermain

ABSTRACT

This study was conducted to determine the level of understanding of special education teachers for the vision impaired in carrying out the playing-teaching-techniques against students with vision problems. Special education teachers should master a few aspects of teaching, such as knowledge, skills and attitudes. The model used for this study was the Education Reform Fullan model. The instrument used was a questionnaire which was distributed to 40 respondents from special education teachers for the blinds around Kuala Lumpur and Selangor. Descriptive study was used to identify three variables, namely knowledge, skills and attitudes of special education teachers vision problems in implementing the PdPC using the technique of playing. Data were analyzed using Statistical Package for The Social Science Version 23 to get the frequency, percentage and mean. Based on the pilot study, the Cronbach alpha coefficients were carried out on 10 respondents is 0.9178. Overall, the findings of this study showed that the special education teachers vision problems in implementing the PdPc using the technique of playing at a moderate level (MIN = 3.47). Special education teachers need to address and master those aspects in ensuring the effectiveness of this technique, hence encourages innovation in education system. Hence, there are a number of proposals submitted. Suggestions for further research are discussed at the end of this paper to be used by other researchers who wish to pursue this study in greater depth.

Keywords: Level control, special education teachers vision problems, playing techniques

Emel: zayanasofia1810@gmail.com

1.0 PENGENALAN

Fitrah semulajadi bagi seorang kanak–kanak untuk mempelajari sesuatu melalui bermain. Pengajaran teknik bermain merupakan aktiviti yang tidak seharusnya dipisahkan dengan murid masalah penglihatan. Menurut Cooney (2009), teknik ini memberi peluang kepada mereka untuk membuat penerokaan, penemuan, pengalaman baharu serta penerapan nilai-nilai murni. Persediaan yang rapi oleh guru sebelum mengajar perlu dititik beratkan bagi menjamin kualiti penyampaian pengajaran terbaik. Peluang yang adil dan saksama perlu diberikan kepada semua murid masalah penglihatan berasaskan komponen PdPc pendidikan khas masalah penglihatan yang merangkumi komponen seperti pengurusan kehidupan, akademik berfungsi, keagamaan dan nilai murni serta sosial, riadah, dan kreativiti. Oleh itu, Guru Pendidikan Khas Masalah Penglihatan perlu mempunyai tahap penguasaan yang tinggi terutamanya dari aspek pengetahuan dan kemahiran agar teknik bermain dalam pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc) yang dilakukan adalah bersesuaian dengan kebolehan dan latar belakang murid masalah penglihatan.

2.0 PERNYATAAN MASALAH

Penguasaan guru dari segi aspek pengetahuan dan kemahiran adalah penentu pembentukan generasi masa hadapan negara. Menurut Snow dan Burns (2013), berpandangan guru harus mempunyai pengetahuan tentang pedagogi pengajaran yang bersesuaian dengan anak muridnya. Hal ini kerana setiap murid masalah penglihatan mempunyai masalah pembelajaran yang berbeza. Oleh itu, antara aspek yang menjadi tumpuan kepada guru-guru masalah penglihatan adalah kurangnya pendedahan maklumat terkini berkaitan teknik bermain dalam PdPc. Tambahan pula, kajian terdahulu berkaitan pelaksanaan teknik ini banyak tertumpu kepada kesan terhadap murid berbanding aspek penguasaan guru (Ray, 2010). Kurangnya pendedahan berkaitan teknik ini akan menyebabkan proses penambahbaikan program tidak dapat dilakukan termasuklah peluang dan akses terhadap pendidikan berkualiti. Menurut Shanti (2008), guru pendidikan khas masalah penglihatan tidak menerima pendedahan berkaitan pengetahuan dan kemahiran yang seharusnya dikuasai. Elemen seperti matlamat, konsep, prosedur dan kemenjadian hasil perlu dikuasai oleh guru supaya proses PdPc dapat dilaksanakan dengan baik. Namun begitu, teknik ini tidak dapat dilaksanakan sepenuhnya berikutan kekangan yang dihadapi oleh guru pendidikan khas masalah penglihatan seperti kesukaran mengawal tingkah laku murid masalah penglihatan di dalam kelas, peruntukan masa yang tidak mencukupi, kekurangan bahan bantu mengajar (BBM), keupayaan kreativiti guru yang terbatas dan ketiadaan manual yang dapat membimbing guru untuk menjalankan teknik ini dalam PdPc secara tersusun dan sistematik. Justeru itu, satu kajian perlu dijalankan bagi mengetahui sejauh manakah tahap penguasaan guru pendidikan khas masalah penglihatan dari aspek pengetahuan, kemahiran dan sikap terhadap teknik bermain dalam PdPc.

3.0 OBJEKTIF DAN SOALAN KAJIAN

Secara khususnya, kajian ini dijalankan adalah untuk:

1. Mengenalpasti tahap pengetahuan guru pendidikan khas masalah penglihatan dalam melaksanakan PdPc dengan menggunakan teknik bermain.
2. Mengenalpasti tahap kemahiran guru pendidikan khas masalah penglihatan dalam melaksanakan PdPc dengan menggunakan teknik bermain.
3. Mengenalpasti tahap sikap guru pendidikan khas masalah penglihatan dalam melaksanakan PdPc dengan menggunakan teknik bermain.

Kajian ini dijalankan untuk menghuraikan beberapa persoalan iaitu:

1. Apakah tahap pengetahuan guru pendidikan khas masalah penglihatan dalam melaksanakan PdPc dengan menggunakan teknik bermain?
2. Apakah tahap kemahiran guru pendidikan khas masalah penglihatan dalam melaksanakan PdPc dengan menggunakan teknik bermain?
3. Bagaimanakah tahap sikap guru pendidikan khas masalah penglihatan dalam melaksanakan PdPc dengan menggunakan teknik bermain?

4.0 METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif yang berbentuk kajian tinjauan. Kajian tinjauan ini telah dijalankan menggunakan instrumen soal selidik sebagai kaedah dalam memperolehi data. Pemilihan sampel adalah secara rawak mudah kerana bilangan sampel hanya tertumpu kepada guru Pendidikan Khas Masalah Penglihatan. Sampel yang terlibat dalam kajian ini ialah 40 orang guru pendidikan khas masalah penglihatan yang dipilih sebagai responden di empat buah sekolah rendah sekitar Kuala Lumpur dan Selangor yang mempunyai Sekolah Kebangsaan Pendidikan Khas Masalah Penglihatan (SKPK) dan Program Pendidikan Khas Integrasi Masalah Penglihatan (PPKI). Instrumen kajian yang digunakan adalah set borang soal selidik serta terdiri daripada 31 item yang diukur dengan menggunakan skala likert 4 mata. Borang soal selidik ini dibahagikan kepada empat bahagian iaitu bahagian A, B, C dan D dimana bahagian A (Demografi responden), bahagian B (Tahap pengetahuan responden terhadap teknik bermain), bahagian C (Tahap kemahiran responden terhadap teknik bermain) dan bahagian D (Sikap responden terhadap teknik bermain). Item-item yang digunakan di dalam soal selidik ini telah diadaptasikan daripada kajian Byrne (2008).

Bagi menentukan kesahan, instrumen ini telah disemak oleh pensyarah penyelia. Melalui kesahan yang dilakukan, sebarang kesalahan penstrukturan ayat, ketepatan bahasa, ejaan dan kejelasan maksud item-item yang tidak difahami akan ditambah baik. Secara keseluruhan indeks kebolehpercayaan yang diperolehi adalah 0.9178 melalui kajian rintis yang dijalankan ke atas 10 orang guru pendidikan khas masalah penglihatan yang bukan sekitar Kuala Lumpur dan Selangor. Data diperolehi melalui kutipan borang soal selidik yang telah diagihkan. Jawapan soal selidik dianalisis menggunakan aplikasi *Statistical Package for Social Sciences (SPSS) Version 23*. Penganalisan data adalah berobjektif untuk memperolehi analisis statistik deskriptif supaya dapat ditafsirkan dan menjelaskan tahap penguasaan guru pendidikan khas masalah penglihatan terhadap teknik bermain dalam melaksanakan PdPc melalui aspek pengetahuan, kemahiran dan sikap. Hasil dapatan kajian dibentangkan dalam bentuk kekerapan, peratusan dan min. Interpretasi skor min bagi kajian ini menggunakan sumber dari Madihah (2013) sebagai panduan.

5.0 DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Pengkaji mengkategorikan hasil dapatan kajian ini kepada dua bahagian. Bahagian pertama merupakan analisis berkaitan profil peserta kajian manakala bahagian kedua merupakan analisis mengenai soal selidik yang bertujuan menjawab persoalan kajian seterusnya memenuhi kehendak objektif kajian. Item-item profil peserta kajian daripada bahagian pertama merangkumi aspek jantina dan pengalaman mengajar sahaja. Berdasarkan aspek jantina, bilangan responden perempuan lebih ramai berbanding bilangan responden lelaki iaitu responden perempuan seramai 30 orang (75%) dan responden lelaki seramai 10 orang (25%). Manakala aspek pengalaman mengajar pula, pengalaman mengajar yang kurang dari 10 tahun mempunyai jumlah responden yang lebih ramai iaitu seramai 26 orang (65%) berbanding responden yang mengajar lebih dari 10 tahun ke atas iaitu seramai 14 orang (35%). Berdasarkan hasil dapatan kajian bahagian kedua, dapat dilihat dari tiga aspek penguasaan guru iaitu pengetahuan, kemahiran dan sikap. Jadual 1 dibawah menunjukkan taburan keseluruhan min bagi tahap penguasaan guru pendidikan khas masalah penglihatan dalam melaksanakan pdpc dengan menggunakan teknik bermain.

Jadual 1

Taburan Keseluruhan Min bagi Tahap Penguasaan Guru Pendidikan Khas Masalah Penglihatan dalam Melaksanakan Pdpc dengan Menggunakan Teknik Bermain.

| Aspek | Bil. Responden | Min | Tahap |
|-----------------|----------------|------|-----------|
| Pengetahuan | 40 | 3.42 | Sederhana |
| Kemahiran | 40 | 3.39 | Sederhana |
| Sikap | 40 | 3.60 | Sederhana |
| Keseluruhan Min | | 3.47 | Sederhana |

Secara keseluruhannya, pengkaji dapat merumuskan ketiga-tiga aspek bagi tahap penguasaan guru pendidikan khas masalah penglihatan dalam melaksanakan pdpc dengan menggunakan teknik bermain adalah sederhana (min = 3.47). Hal ini kerana, item yang memperoleh nilai min antara 2.34 hingga 3.669 berada pada tahap sederhana (Madihah, 2013). Walaubagaimanapun, antara ketiga-tiga

aspek ini, guru pendidikan khas masalah penglihatan mempunyai tahap penguasaan yang paling tinggi dalam aspek sikap berbanding aspek-aspek yang lain (min = 3.60). Justeru itu, seorang guru yang cemerlang harus mempunyai keyakinan diri sewaktu mengajar yang dimulai dengan sikap positif (Shanti, 2008). Oleh itu, sikap guru terhadap pengajaran wajar diberikan perhatian bagi mengubah persepsi dan paradigma sikap guru secara keseluruhannya. Seterusnya diikuti dengan aspek pengetahuan (min = 3.42). Justeru itu, pengkaji dapat merumuskan bahawa guru pendidikan khas masalah penglihatan memerlukan latihan yang khusus. Terutamanya konsep asas berkenaan teknik bermain terlebih dahulu. Hal ini kerana, konsep asas akan membina sesuatu pemikiran yang akan membantu seseorang guru untuk menguasai sesuatu pengetahuan. Menurut Kamil Omar (2015), guru pendidikan khas masalah penglihatan perlu mengambil inisiatif untuk mengetahui tentang teknik bermain secara mendalam agar dapat membentuk kefahaman yang jelas berdasarkan aspek pengertian, matlamat, konsep, elemen, prosedur dan hasil pembelajaran.

Akhir sekali aspek kemahiran adalah kurang memberangsangkan. Hal ini didapati bahawa aspek tersebut mencatat nilai min paling rendah iaitu (min = 3.39). Kemahiran guru dilihat sebagai aset dalam membentuk keperibadian unggul murid masalah penglihatan melalui perubahan inovasi pendidikan secara berterusan (Ray, 2008). Kemahiran tidak hanya tertumpu kepada kebolehan dalam pengurusan pedagogi di dalam kelas sahaja tetapi merangkumi kemampuan dalam memberi maklumat, mengaplikasikan pengetahuan sedia ada ke dalam dunia realiti, penerapan kemahiran insaniah dan pelbagai kemahiran lain yang dapat membantu keberhasilan pengajaran. Menurut Bunting (2012), menyatakan kemahiran perancangan pengajaran memerlukan guru untuk mengetahui latar belakang muridnya selaras dengan matlamat yang ingin dicapai. Justeru itu, guru-guru perlu melengkapkan diri dengan kemahiran teknik bermain yang baik agar pelaksanaannya berkesan seperti yang dirancang. Walau bagaimanapun, hasil dapatan kajian ini bukanlah satu halangan kepada guru pendidikan khas masalah penglihatan untuk menggunakan teknik bermain dalam PdPc. Hal ini kerana, ia adalah selari dengan perubahan anjakan pendidikan abad ke 21 yang mengkehendaki guru untuk lebih bersedia dalam pelbagai aspek penguasaan diri terutamanya pengetahuan, kemahiran dan sikap positif. Kupasan dari kajian ini menyatakan penguasaan guru adalah sebagai sebahagian daripada perubahan inovasi dalam pendidikan.

6.0 KESIMPULAN. CADANGAN DAN IMPLIKASI

Pada keseluruhannya, hasil dapatan kajian ini didapati bahawa penguasaan guru pendidikan khas masalah penglihatan terhadap teknik bermain dalam PdPc adalah di tahap sederhana di sekitar Kuala Lumpur dan Selangor. Kebolehan dan kebijaksanaan para guru pendidikan khas masalah penglihatan dalam menjalankan amanah yang diberikan perlu dihargai. Kejayaan mereka bukanlah hasil usaha sendiri tetapi keprihatinan dan kerjasama pelbagai pihak yang menawarkan perkhidmatan tertentu menyokong pelaksanaan teknik bermain secara keseluruhannya. Kolaborasi ini menggambarkan pelaksanaannya mempunyai masa depan yang cerah memandangkan semua pihak faham dan tahu tentang kelebihan dan keperluan pengajaran teknik bermain kepada murid masalah penglihatan. Berdasarkan kajian ini, terdapat beberapa cadangan yang dikemukakan pengkaji untuk dipertimbangkan oleh pengkaji seterusnya. Kajian lanjutan boleh dilakukan di masa hadapan dengan melibatkan saiz populasi sampel dan lokasi kajian yang lebih besar. Penggunaan responden dan lokasi kajian yang besar mampu memberi hasil dapatan kajian yang lebih jitu dan menyeluruh berbanding sampel dan lokasi kajian yang bersaiz kecil. Penambahbaikan kajian juga boleh dilakukan dengan menggunakan gabungan pelbagai kaedah bagi mendapatkan maklumat melalui pemerhatian, temu bual dan soal selidik berbanding hanya menggunakan satu kaedah kajian sahaja. Kajian yang lebih mendalam terhadap murid masalah penglihatan dengan menggunakan pendekatan pengajaran teknik bermain boleh dilakukan melalui kajian eksperimental, modul-modul sedia ada mahupun penciptaan modul baru bagi menguji keberkesanannya terhadap murid tertentu. Bentuk kajian eksperimen adalah yang paling sesuai memandangkan ia mampu membuat perbandingan diantara dua atau lebih kumpulan yang berbeza (Chuckman, 2009). Kajian ini diharapkan mampu untuk membuka mata pihak IPGM untuk lebih meneliti sukatan mata pelajaran di IPG supaya guru pelatih Pendidikan Khas Masalah Penglihatan sudah diberi pendedahan tentang teknik bermain daripada awal lagi dengan lebih mendalam. Kajian ini juga mampu untuk memberi kesedaran kepada masyarakat sekeliling dan juga ibu bapa bahawa teknik bermain adalah satu teknik yang memberi manfaat kepada kanak-kanak berkeperluan khas terutamanya dari aspek perkembangan diri.

RUJUKAN

- Bunting. (2009). *Job Satisfaction*. New York: Harper Press.
- Byrne. (2008). Model of Formation of Teacher's Readiness to Learning on the Base of Interactive Methods as the Conditions of Creation of Students Abilities. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, 190, 353-357.
- Chuckman. (2008). Peranan Kepimpinan Guru bagi Teknik Bermain dalam Bilik Darjah. *Masalah Pendidikan*, 117-129.
- Cooney. (2009). *Research methods for teachings: a skill-building approach*. Hoboken, NJ: John Wiley & Sons.
- Hanum. (2008). *Language development in young children. Early childhood learning knowledge centre*. <http://www.cclcca.ca/pdfs/ECLKC/bulletin/ECLKCBulletinLanguage>.
- Kamil Omar. (2018). *Pengurusan bilik darjah dan tingkah laku*. Shah Alam, Selangor: Penerbitan Multimedia.
- Ray. (2014). *The new meaning of educational change*. Edisi ke-4. New York: Teachers College Press.
- Snow & Burns. (2013). Early learning standard: *Result from a national survey to document trends in state-level policies and practice*. <http://ecrp.uiuc.edu/v9n1/little.html>

G8.4 Pendidikan Muzik



MENINGKATKAN PENGUASAAN NILAI NOT KROCET, KUAVER, MINIM DAN SEMIBRIF DALAM METER EMPATAN MENGGUNAKAN PERMAINAN “STRIKE THE NOTES”

ABDUL HAFIZ BIN MUSTAFA
Jabatan Pendidikan Muzik

Pensyarah Pembimbing
PN. EDNA SHAMANI WELLINGTON

ABSTRAK

Kajian tindakan ini bertujuan untuk meningkatkan penguasaan nilai not krocet, kuaver, minim, dan semibrif di kalangan murid tahun 4 dengan menggunakan permainan *Strike the Notes*. Kumpulan sasaran terdiri daripada murid berumur 10 tahun seramai 8 orang di sebuah sekolah di kawasan Hulu Langat. Pengumpulan data awal telah dijalankan dengan menggunakan kaedah pemerhatian, soal selidik dan ujian diagnostik. Dapatan pengumpulan data awal kajian menunjukkan murid-murid bermasalah dalam penguasaan nilai not. Fokus kajian ini adalah untuk menilai sama ada kaedah permainan *Strike the Notes* dapat meningkatkan penguasaan nilai not dan meningkatkan kemahiran mencipta corak irama dalam meter empatan. Data kajian dikumpul melalui pelaksanaan ujian pra dan pasca, pemerhatian dan temubual. Data kajian yang di analisis dalam bentuk peratusan membuktikan bahawa penggunaan kaedah permainan *Strike The Notes* dapat meningkatkan penguasaan nilai not dan kemahiran mencipta corak irama dalam kalangan murid. Permainan *Strike The Notes* disusuli dengan beberapa intervensi bagi melengkapkan proses mengenalpasti peningkatan pemahaman murid terhadap nilai not. Namun terdapat 37.5% murid yang masih menghadapi masalah dalam menguasai nilai not manakala 62.5% murid yang lain menunjukkan peningkatan yang sangat positif setelah mengikuti intervensi yang telah dijalankan. Cadangan tindakan susulan bagi kajian ini adalah untuk mengaplikasikan permainan *Strike The Notes* dalam pengajaran dan pembelajaran harian Pendidikan Muzik di dalam bilik darjah sebagai bahan bantu mengajar.

Kata Kunci: Permainan, nilai not, corak irama

ABSTRACT

This action research was aimed to increase the understanding of music notation such as crotchet, quaver, minim and semibreve notes amongst Year 4 students by using a games method known as 'Strike The Notes'. The target group consists of 8 students aged 10 years old from a school in the Hulu Langat area. Preliminary data collection was conducted through observation, questionnaire and diagnostic tests. Data collected revealed that students faced problem understanding the different note values and creating a rhythmic pattern. The main focus of this action research was to see how "Strike The Notes" game can help improve the understanding of different note values and enhance the ability of students creating a rhythmic pattern in simple quadruple time. Data for this action research was collected through pre and post test, observations, and interviews. The data is analysed using percentage and narrative analysis. From the results obtained, data clearly states that "Strike The Notes" game method helps students improve the understanding of different note values and the ability to create a rhythmic pattern in simple quadruple time. "Strike The Notes" game is played in stages following a structured process. However, there were 37.5% students who still had problems in mastering note values while 62.5% other students showed very positive outcomes after following the game. The follow-up recommendations for this study include applying the game in different components of Music Education in the classroom.

Keywords: Game, notation value, rhythmic pattern

Emel: abdhafizmustafa@gmail.com

1.0 PENGENALAN

Saya adalah guru pelatih dalam bidang Pendidikan Muzik sesi Ambilan Jun 2015 di Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas, Kuala Lumpur. Pada sesi praktikum yang telah dijalankan sebelum ini, saya telah ditempatkan di sebuah sekolah di kawasan Hulu Langat. Semasa menjalankan praktikum selama

tiga bulan bersamaan 12 minggu, saya telah diberi peluang oleh pihak sekolah untuk mengajar murid dari tahun satu hingga tahun lima dan telah mengajar beberapa matapelajaran iaitu Pendidikan Muzik, Pendidikan Seni Visual dan Pendidikan Kesenian bagi murid tahun satu. Setiap kelas mempunyai bilangan murid seramai 24 hingga 38 orang murid. Majoriti murid adalah berbangsa Melayu diikuti murid berbangsa India dan Cina.

Semasa berlangsung proses penagajaran dan pembelajaran, murid menghadapi masalah dalam memahami dan mengingat asas notasi muzik. Sebagai contoh, apabila saya bertanyakan soalan tentang nama-nama not beserta dengan nilai not tersebut kepada murid semasa sesi pengajaran dan pembelajaran, murid memberikan maklum balas yang kurang memuaskan apabila murid menyatakan “tidak tahu” dan “tidak ingat” nama-nama serta nilai not muzik tersebut. Pada pendapat saya, murid tahun 4 seharusnya sudah mengenali nilai not kerana asas notasi muzik ini telah dipelajari pada awal persekolahan. Atas faktor ini, saya telah berhasrat untuk menjalankan kajian tindakan dengan menggunakan kaedah permainan bagi membantu meningkatkan kefahaman murid untuk memahami nilai not.

Oleh itu, saya menghasilkan kajian ini setelah melihat dan mendapati bahawa murid mempunyai kelemahan dalam memahami nilai not muzik semasa proses pengajaran dan pembelajaran di jalankan. Kajian ini dijalankan dengan menggunakan kaedah permainan yang dinamakan sebagai permainan “*Strike The Notes*”. Pengumpulan data awal kajian dikumpul dengan menggunakan soal selidik, pemerhatian temubual dan pelaksanaan ujian diagnostik yang berbentuk soalan kuiz.

2.0 FOKUS KAJIAN

Fokus kajian ini adalah cara bagaimana membolehkan murid-murid untuk menguasai nilai not krocet, minim dan semibrif dengan menggunakan kaedah permainan hasil inovasi iaitu “*Strike The Notes*”. Permainan ini merupakan adaptasi daripada permainan *Carrom* namun telah diubah dari segi undang-undang permainan, pemarkahan dan teknik permainan.

Bagi aspek kebolehtadbiran, saya dapat melaksanakan Pengajaran dan pembelajaran menggunakan permainan *Strike The Notes* secara berkesan serta dapat menarik minat peserta kajian untuk melibatkan diri secara aktif. Setiap aktiviti yang dijalankan dapat dikawal oleh saya sendiri dan segala kos perbelanjaan juga adalah dalam tanggungan saya selaku pengkaji. Manakala dari aspek Kawalan, saya telah menyediakan dua set alat permainan *Strike The Notes* bagi memudahkan saya mengawal penglibatan peserta kajian semasa pemerhatian sedang dijalankan. Dua set permainan tersebut boleh dimainkan secara serentak, di mana satu set permainan *Strike The Notes* akan dimainkan oleh empat orang peserta kajian lelaki manakala satu lagi set permainan akan dimainkan oleh empat orang peserta kajian perempuan. Dari aspek kolaborasi pula, Saya juga telah menjalinkan kolaborasi dengan pihak sekolah semasa menjalankan kajian ini. Terlebih dahulu saya meminta kebenaran daripada Guru Besar sekolah bagi menjalankan beberapa aktiviti yang melibatkan pengumpulan data kajian. Pada masa yang sama, saya juga berkolaborasi dengan guru-guru di sekolah berkenaan terutama guru pendidikan muzik bagi mengetahui tahap dan kesediaan kognitif murid sebelum dan semasa menjalankan aktiviti.

3.0 OBJEKTIF DAN SOALAN KAJIAN

Objektif Kajian

1. Meningkatkan penguasaan nilai-nilai not Krocet, Kuaver, minim dan Semibrif dalam meter empatan dikalangan murid tahun 4 melalui permainan “*Strike The Notes*”.
2. Meningkatkan kemahiran mencipta corak irama sebanyak dua bar dalam meter empatan dengan mudah melalui permainan *Strike The Notes*.

Soalan Kajian

1. Dapatkah Permainan *Strike The Notes* meningkatkan penguasaan murid terhadap nilai not Krocet, Kuaver, Minim dan Semibrif dalam meter lazim empatan?
2. Dapatkah permainan *Strike The Notes* meningkatkan kemahiran murid dalam aktiviti mencipta corak irama?

4.0 PESERTA KAJIAN

Peserta kajian seramai 8 daripada 26 orang murid dari kelas Tahun 4 Bijak. Murid-murid Tahun 4 Bijak yang terlibat dalam kajian ini terdiri daripada empat orang lelaki dan empat orang murid perempuan. Kesemua peserta kajian ini terdiri daripada murid yang berbangsa melayu dan dua seorang yang berbangsa India. Menurut guru Pendidikan Muzik yang mengajar mereka, kelapan-lapan peserta kajian merupakan murid yang mempunyai minat yang tinggi dalam pendidikan muzik namun mempunyai pencapaian yang rendah dalam Pendidikan Muzik sama ada dari segi pengalaman muzikal dan juga teori asas muzik.

5.0 TINDAKAN YANG DIJALANKAN

Saya telah menggunakan kaedah permainan iaitu permainan *Strike The Notes* dan beberapa aktiviti lanjutan bagi meningkatkan pemahaman murid dalam menguasai asas notasi muzik. Pelaksanaan intervensi ini dijalankan selama 2 minggu. Pelaksanaan kajian tindakan ini menggunakan model Kurt Lewin (1946) yang mempunyai empat langkah iaitu merancang, bertindak, memerhati dan mereflek. Kitaran ini akan berterusan ke kitaran berikutnya yang memerlukan pengkaji untuk merancang semula, bertindak, memerhati dan mereflek bagi menghasilkan kitaran yang baharu.

Terdapat 4 aktiviti yang dijalankan dalam pelaksanaan. Aktiviti yang pertama ialah permainan *Strike The Notes*. Aktiviti kedua ialah mengira jumlah notasi yang diperolehi, aktiviti ketiga ialah mencipta corak irama dan aktiviti yang keempat ialah memainkan corak irama yang telah dihasilkan.

Bagi pengumpulan data, saya menggunakan tiga cara pengumpulan data untuk melihat keberkesanan permainan *Strike The Notes* dalam membantu meningkatkan penguasaan murid terhadap nilai not Kuaver, Krocet, Minim dan Semibrif iaitu pemerhatian tidak berstruktur, temu bual tidak berstruktur dan pelaksanaan Ujian Pra dan Pasca.


Pemerhatian tidak berstruktur dijalankan terhadap peserta kajian sepanjang aktiviti 1, aktiviti 2 dan aktiviti 4 dijalankan. Manakala temu bual tidak berstruktur dijalankan semasa pelaksanaan aktiviti 3 di mana peserta mencipta corak irama mudah dengan menggunakan bilangan skor buah yang diperolehi secara kreatif. Seterusnya ialah ujian pra dan pasca. Ujian pra dilaksanakan sebelum peserta kajian menjalankan aktiviti permainan *Strike The Notes* dan ujian pasca dilaksanakan setelah aktiviti-aktiviti dijalankan.

6.0 DAPATAN KAJIAN

Bahagian ini menjelaskan mengenai dapatan kajian yang dijalankan untuk menjawab persoalan kajian berdasarkan data yang diperolehi.

1. Dapatkah Permainan *Strike The Notes* meningkatkan penguasaan murid terhadap nilai not Krocet, Kuaver, Minim dan Semibrif dalam meter lazim empatan?
2. Dapatkah permainan *Strike The Notes* meningkatkan kemahiran murid dalam aktiviti mencipta corak irama?

Kedua-dua persoalan kajian yang diutarakan tersebut telah saya jadikan sebagai garis panduan sepanjang menjalankan kajian tindakan ini.



Rajah 1. Perbandingan ujian pra dan pasca

Berdasarkan perbandingan ujian pra dan pasca pada rajah tersebut, dapat dibuktikan bahawa peserta kajian menunjukkan peningkatan yang positif setelah menjalankan permainan *Strike The Notes*. Sebelum menggunakan kaedah ini, peserta kajian menunjukkan prestasi yang kurang memuaskan. Untuk menjawab persoalan kajian yang pertama, dapat dibuktikan dalam melaksanakan ujian pra dan juga ujian pasca. Berlaku peningkatan pada keputusan ujian pasca setelah murid melaksanakan permainan *Strike The Notes*. Sebelum aktiviti permainan *Strike The Notes* dilaksanakan, murid mempunyai tahap kefahaman yang sangat rendah terhadap nilai notasi muzik.

Bagi persoalan kajian kedua, aktiviti yang dijalankan dalam Permainan *Strike The Notes* sangat membantu murid meningkatkan kemahiran dan idea dalam menghasilkan corak irama mudah dalam meter empatan. Dapat dilihat apabila murid melaksanakan aktiviti yang ketiga dan keempat iaitu aktiviti mencipta corak irama mudah dan seterusnya memainkan hasil ciptaan corak irama yang dihasilkan. Aktiviti ketiga ini dijalankan sebanyak 2 kali bagi membantu murid meningkatkan kefahaman dalam nilai notasi. Menurut, Vygotsky (1967), beliau berpendapat bahawa bermain dapat membantu perkembangan bahasa dan juga pemikiran murid. Struktur otak akan membantu pembelajara yang baru melalui penggunaan symbol dan alat bantu mengajar yang menyeronokkan.

Kesimpulannya, permainan *Strike The Notes* terbukti dapat membantu murid untuk meningkatkan serta memperkukuhkan lagi kreativiti dan pemahaman nilai notasi muzik. Pada pendapat saya, apa sahaja permainan yang digunakan dalam menjalankan pengajaran dan pembelajaran pasti akan mendatangkan kesan yang positif terhadap perkembangan pengetahuan murid. Peserta kajian juga mendapat faedah daripada permainan ini kerana dapat meningkatkan serba sedikit kefahaman terhadap nilai notasi, mencipta corak irama mudah serta yang paling penting dapat memainkan corak irama dalam meter empatan sebanyak 2 bar yang telah dihasilkan.

7.0 REFLEKSI

Antara kekuatan yang dapat saya nyatakan sepanjang melaksanakan kajian ini ialah dari segi pelaksanaan langkah-langkah kajian yang agak teliti bagi mendapat hasil kutipan kajian yang sahih dan boleh dipercayai. Selain itu, saya juga menggunakan beberapa kaedah bagi memperoleh kutipatan data sepanjang melaksanakan kajian ini seperti melaksanakan Ujian Pra dan juga Ujian Pasca terhadap peserta kajian. Peserta kajian juga dapat melaksanakan aktiviti kajian dan menunjukkan komitmen dengan baik sepanjang pelaksanaan kajian daripada awal sehingga selesai.

Terdapat juga beberapa kelemahan yang dihadapi sepanjang menjalankan kajian iaitu berkaitan dengan pengurusan masa yang efektif yang kurang menjejaskan proses pelaksanaan kajian. Semasa menjalankan praktikum selama tiga bulan di sekolah, saya menghadapi kekangan masa kerana sibuk dengan komitmen dan tugas lain yang disediakan oleh pihak sekolah dan juga diri saya sendiri. Pelaksanaan kajian ini adalah satu titik permulaan untuk saya terus bergiat dan mengkaji amalan-amalan professional yang boleh membantu meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran yang terdapat dalam sistem pendidikan masa kini. Saya juga berharap agar amalan mengkaji ini akan terus di amalkan juga oleh guru-guru di sekolah agar penambahbaikan amalan pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah dapat di perkasakan dari semasa ke semasa mengikut perkembangan pendidikan masa kini.

Kesimpulannya, permainan *Strike The Notes* terbukti dapat membantu murid untuk meningkatkan serta memperkukuhkan lagi pemahaman terhadap notasi muzik dan kreativiti murid dalam menghasilkan corak irama mudah berdasarkan dapatan ujian pasca. Saya bercadang agar aktiviti pengajaran dan pembelajaran di sekolah dapat memperkasakan dan memaksimumkan penggunaan permainan sebagai alat bantu mengajar khususnya bagi matapelajaran Pendidikan Muzik di sekolah. Guru, terutama guru Pendidikan Muzik haruslah memaksimumkan penggunaan kaedah permainan dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

8.0 CADANGAN TINDAKAN SUSULAN

Cadangan tindakan susulan adalah untuk menambah baik dari segi perancangan dan pelaksanaan kajian supaya lebih jelas dan mudah dikendalikan semasa melaksanakan kajian serta pengurusan masa yang lebih efektif dan sistematik.

RUJUKAN

- Ad Norazli & Jamil Ahmad. (2014). Peranan Game-Based Learning Dalam Pembelajaran Bagi Meningkatkan Prestasi Murid Linus. *International Seminar On Global Education II: Education Tranformation Toward A Develop Nation*.
- Hanipah Hussin. (2000). Daya berfikir dan struktur pemikiran refleksi kritikal. Bagaimana amalannya dalam pengajaran dan pembelajaran. *Jurnal Teknologi*, 31, 31- 41.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2013). *Ringkasan eksekutif pelan pembangunan pendidikan Malaysia 2013-2025 (pendidikan prasekolah hingga lepas menengah)*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Kementerian Sukatan Pelajaran Malaysia. (2002). Hurai Sukatan Pelajaran Pendidikan Muzik, Kuala Lumpur; Pusat Perkembangan Kurikulum Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Lebar, O. (2011). *Kajian Tindakan Dalam Pendidikan - Teori dan Amalan*. Perak, University Sultan Idris.
- Lewin, K. (1946). *Practical Research: Planning and Design*. (6th ed.) New Jersey: Prentice Hall.
- Rahil Mahyuddin, Habibah Elias & Kamariah Abu Bakar. (2009). *Amalan Pengajaran Berkesan*. Shah Alam: Karisma Publication Sdn. Bhd.
- Syed Ismail Syed Mustapa, I.R. (2018). *Asas penyelidikan dalam pendidikan*. Kuala Lumpur: Sasbadi
- Vygotsky, L. S. (1967). Play and Its Role in the Mental Development of the Child. *Journal of Russian and European pschyology*. 5 (3), 6-18

FAKTOR-FAKTOR YANG MEMPENGARUHI KOMPETENSI NYANYIAN MURID

ASHLEY CHANG WUI LING
Jabatan Pendidikan Muzik

Pensyarah Pembimbing
DR. LEE LEH HONG

ABSTRAK

Masalah intonasi nyanyian dalam kalangan murid-murid di sekolah adalah satu isu yang dihadapi oleh ramai guru (Norioka,1994). Kajian ini bertujuan untuk mengkaji hubungan antara faktor pengalaman sedia ada dan faktor jantina dengan kompetensi nyanyian dalam kalangan murid sekolah rendah. Kajian ini dijalankan dengan menggunakan reka bentuk kuantitatif iaitu kaedah tinjauan. Sebanyak 30 orang responden yang terdiri daripada murid Tahun Lima di sebuah sekolah rendah di daerah Ampang, Selangor telah dijadikan sampel kajian. Instrumen kajian yang digunakan ialah senarai semak dan ujian kompetensi nyanyian. Data kajian yang dikumpul telah dianalisis dengan menggunakan perisian Statistical Packages for Social Science 22.0 (SPSS) melalui analisis deskriptif, korelasi Pearson dan Ujian U Mann Whitney. Dapatan kajian mendapati bahawa tahap ketepatan pic responden berada pada tahap sederhana (min keseluruhan = 2.79). Kompetensi nyanyian responden adalah lebih baik dalam mod unison berbanding solo (purata peratus skor solo = 53.60%, purata peratus skor unison = 68.40%). Terdapat hubungan yang signifikan antara faktor jantina dengan tahap kompetensi nyanyian responden ($r = .449$; $p < .05$). Daripada analisis U Mann Whitney pula didapati bahawa responden perempuan menunjukkan prestasi yang lebih tinggi berbanding responden lelaki dalam nyanyian solo [$U (n_1 = 11, n_2 = 19) = 51, p < .05$]. Penglibatan responden dalam persembahan menyanyi mempunyai hubungan signifikan dengan kompetensi nyanyian ($r = .431, p < .05$). Guru-guru digalakkan untuk menggunakan strategi nyanyian unison dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran untuk membantu dalam meningkatkan kompetensi nyanyian dan keyakinan murid dalam nyanyian.

Kata kunci: Faktor pengalaman sedia ada, faktor jantina, kompetensi nyanyian

ABSTRACT

Singing intonation problems among students in school is an issue faced by many teachers (Norioka, 1994). This research aims to study the relationship between experience and gender with singing competency among primary school students. This study uses survey research method. A total of 30 respondents comprising of Year Five students from a primary school in Ampang, Selangor were used as research samples. Research instruments used are checklist and a series of singing competency tests. Data collected were analysed with Statistical Packages for Social Science 22.0 (SPSS) using descriptive analysis, Pearson Correlation and Mann-Whitney U-Test. Findings show that the pitch accuracy among respondents were at a moderate level (overall mean = 2.79). Respondents' singing competency were better in unison mode compared to solo mode (average percentage score in solo mode = 53.60%, average percentage score in unison mode = 68.40%). There is a significant relationship between gender and the level of singing competency among respondents ($r = .449$; $p < .05$). A U Mann-Whitney analysis shows that female respondents performed better than male respondents in solo singing [$U (n_1 = 11, n_2 = 19) = 51, p < .05$]. Involvement of respondents in singing performances also has a significant relationship with singing competency ($r = .431, p < .05$). Teachers are encouraged to use unison singing strategy in teaching and learning activities to help improve singing competency and confidence of students in singing.

Keywords: Experience, gender, singing competency

Emel: ashleyjzz.c@gmail.com

1.0 PENGENALAN

Nyanyian boleh memperkembangkan kosa kata dan daya ingatan kanak-kanak (Tacka & Houlahan, 2015). Oleh itu, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) (2011) menggalakkan penggunaan aktiviti nyanyian sebagai satu kaedah didik hibur dalam Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR).

Walau bagaimanapun, nyanyian yang tidak tepat merupakan masalah paling berterusan dalam pendidikan muzik sekolah rendah (Klemish, 1974 seperti yang dinyatakan dalam Rutkowski & Miller, 2002). Maka, kajian ini telah mengkaji faktor-faktor yang boleh mempengaruhi kompetensi nyanyian dalam kalangan murid-murid sekolah rendah.

2.0 PERNYATAAN MASALAH

Melalui praktikum fasa satu, saya mendapati terdapat sesetengah murid yang tidak dapat menyanyi dengan intonasi yang baik manakala terdapat sebilangan yang dapat menyanyi dengan intonasi dan ton suara yang baik. Herbert (2014) menyatakan perbezaan antara keupayaan muzikal dan nyanyian wujud dalam kalangan kanak-kanak; sesetengah kanak-kanak lebih berupaya daripada kanak-kanak yang lain. Hal ini menjadi kekangan kepada guru muzik untuk menjalankan aktiviti nyanyian dengan baik.

Dua faktor yakni faktor pengalaman sedia ada dan faktor jantina boleh mempengaruhi kompetensi nyanyian murid. Faktor-faktor ini dikaji kerana kurang terdapat kajian yang berfokus kepada kedua-dua faktor tersebut dalam konteks masyarakat Malaysia yang mungkin boleh mempegaruhi kompetensi nyanyian murid.

Oleh itu, kajian ini diharapkan dalam merapatkan jurang dalam penyelidikan dan memberikan pemahaman serta pengetahuan kepada guru-guru muzik tentang punca berlakunya masalah intonasi nyanyian untuk merancang strategi penyelesaian bagi mengatasi masalah tersebut.

3.0 OBJEKTIF DAN SOALAN KAJIAN

Objektif kajian ini adalah untuk;

1. Mengetahui faktor pengalaman sedia ada dan ketepatan pic murid
2. Mengetahui tahap kompetensi nyanyian murid.
3. Mengetahui hubungan antara jantina dengan kompetensi nyanyian murid
4. Menentukan hubungan antara faktor pengalaman sedia ada dengan tahap kompetensi nyanyian murid.

Soalan kajian ini adalah;

1. Adakah pengalaman sedia ada murid Tahun Lima?
2. Adakah tahap ketepatan pic murid Tahun Lima?
3. Adakah tahap kompetensi nyanyian murid secara solo dan unison?
4. Adakah terdapat hubungan antara jantina dengan tahap kompetensi nyanyian murid?
5. Adakah terdapat hubungan antara faktor pengalaman sedia ada dan tahap kompetensi nyanyian murid?

4.0 METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini telah menggunakan reka bentuk kajian jenis kuantitatif iaitu kaedah tinjauan. Sebanyak 30 orang responden kajian telah dipilih secara persampelan bertujuan yang mana terdiri daripada murid-murid Tahun Lima di sebuah sekolah rendah di daerah Ampang, Selangor.

Instrumen kajian yang digunakan ialah senarai semak untuk mendapatkan maklumat berkenaan pengalaman sedia ada responden dalam nyanyian. Satu lagi instrumen yang digunakan ialah ujian kompetensi nyanyian untuk mengukur tahap kompetensi nyanyian responden kajian.

Jadual 1
Tugasan dalam Instrumen Ujian Kompetensi Nyanyian

| Bil | Tugasan | Perincian Tugasan | Kategori Tugasan |
|-----|---------------|---|--|
| i | Satu pic | Menyanyikan satu pic | Tugasan memadankan pic (<i>Pitch-matching tasks</i>) |
| ii | Jeda | Menyanyikan dua pic yang berjeda | |
| iii | Corak | Menyanyikan empat pic yang bercorak | |
| iv | Nyanyian lagu | Menyanyikan lagu "Malaysia" tanpa iringan | Bahan lagu |

Ujian kompetensi nyanyian dibahagikan kepada dua kategori tugasan. Kategori tugasan pertama ialah tugasan memadankan pic yang terdiri dari tiga tugasan iaitu tugasan satu pic, jeda dan corak. Manakala kategori tugasan kedua ialah bahan lagu iaitu nyanyian lagu. Tugasan memadankan pic adalah untuk menilai tahap ketepatan pic dalam nyanyian manakala bahan lagu adalah untuk menilai kompetensi nyanyian dari segi ketepatan pic, irama, sebutan, ekspresi dan penghasilan ton suara.

Untuk mendapatkan kesahan instrumen, pengkaji telah merujuk pakar penyelidik untuk menyemak dan mengesahkan instrumen senarai semak dan juga pakar dalam bidang nyanyian untuk menyemak dan mengesahkan rubrik kompetensi nyanyian yang dibina untuk menilai kompetensi nyanyian responden. Untuk menguji kebolehpercayaan instrumen, pengkaji telah menjalankan satu kajian rintis terhadap tugasan memadankan pic dalam ujian nyanyian di mana responden kajian menyanyikan item-item latihan yang disediakan untuk memastikan responden memahami pelaksanaan ujian dengan lebih menyeluruh.

Semasa mengumpulkan maklumat berkenaan pengalaman sedia ada responden, pengkaji telah membimbing responden untuk menjawab item-item senarai semak secara bergilir-bergilir supaya responden menjawab mengikut kehendak setiap item dengan tepat. Untuk tugasan memadankan pic, ujian tersebut dilaksanakan dalam mod solo sahaja di mana responden telah menyanyi semula rakaman audio yang diperdengarkan bagi setiap item. Bagi tugasan nyanyian lagu, responden menyanyikan sebagian daripada lagu "Malaysia". Ujian ini dilaksanakan dalam mod solo dan unison. Dalam mod unison, responden menyanyikan lagu "Malaysia" bersama-sama secara bertiga-tiga.

Kajian ini dianalisis dengan dua cara iaitu analisis statistik deskriptif dan analisis statistik inferensi. Untuk analisis statistik deskriptif, kiraan peratusan dan min digunakan manakala untuk analisis statistik inferensi, pengkaji telah menggunakan *Pearson Correlation Coefficient* untuk mengkaji hubungan antara dua pemboleh ubah dan juga Ujian U Mann-Whitney untuk membuat perbandingan antara dua sampel. Jadual 2 menunjukkan ringkasan penganalisan data kajian.

Jadual 2
Ringkasan Penganalisan Data Kajian

| Bil | Soalan Kajian | Instrumen | Kaedah Analisis |
|-----|--|--|-------------------------------------|
| i | Apakah pengalaman sedia ada murid Tahun Lima? | Senarai semak | Deskriptif: - Peratusan |
| ii | Apakah tahap ketepatan pic murid Tahun Lima? | Ujian kompetensi nyanyian (tugasan memadankan pic) | Deskriptif: - Min |
| iii | Apakah tahap kompetensi nyanyian murid secara solo dan unison? | Ujian kompetensi nyanyian (tugasan nyanyian lagu) | Deskriptif: - Peratusan - min |

| | | | |
|----|--|---------------|--|
| iv | Adakah terdapat hubungan antara jantina dan tahap kompetensi nyanyian murid? | Senarai semak | Inferensi: - Ujian Korelasi Pearson - Ujian U Mann-Whitney |
| v | Adakah terdapat hubungan antara faktor pengalaman sedia ada dan tahap kompetensi nyanyian murid? | Senarai Semak | Inferensi: - Ujian Korelasi Pearson |

5.0 DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Bahagian ini akan membincangkan dapatan-dapatan kajian berdasarkan soalan-soalan kajian.

Apakah pengalaman sedia ada murid Tahun Lima?

Majoriti daripada responden (96.7%) tidak menghadiri kelas muzik peribadi manakala hanya 3.3% responden yang pernah menghadiri kelas muzik peribadi. 80.0% daripada responden memiliki ahli keluarga yang boleh bermain alat muzik dan (atau) menyanyi manakala hanya 20.0% responden yang tidak memiliki ahli keluarga yang boleh bermain alat muzik dan (atau) menyanyi.

Sebanyak 36.7% responden yang jarang atau tidak pernah melibatkan diri dalam persembahan menyanyi manakala 63.3% yang melibatkan diri pada masa tertentu sahaja sekiranya diberi peluang. Selain itu, 30.0% daripada responden kerap menyanyi bersama-sama ahli keluarga manakala 26.7% sahaja yang melaksanakan aktiviti tersebut pada masa tertentu sahaja. Majoriti daripada responden (43.3%) yang jarang atau tidak pernah menyanyi bersama-sama ahli keluarga.

Apakah tahap ketepatan pic murid Tahun Lima?

Jadual 3

Taburan Skor Min Tugas Memadankan Pic (Pitch-Matching Task)

| Tugas | N | Min |
|-----------------|----|------|
| Satu Pic | 30 | 2.87 |
| Jeda | 30 | 2.92 |
| Corak | 30 | 2.58 |
| Min Keseluruhan | 30 | 2.79 |

Berdasarkan skor min dalam Jadual 3, tugas corak merupakan tugas yang paling sukar bagi responden berbanding tugas satu pic dan jeda. Dapatan ini selaras dengan dapatan Nichols (2016) yang mendapati bahawa tugas corak merupakan tugas nyanyian paling sukar secara keseluruhannya. Min keseluruhan (min = 2.79) bagi ketiga-tiga tugas menunjukkan bahawa tahap ketepatan pic responden berada pada tahap sederhana.

Apakah tahap kompetensi nyanyian murid secara solo dan unison?

Berdasarkan purata peratus skor, tahap kompetensi nyanyian responden lebih tinggi apabila mereka menyanyi dalam mod unison (purata peratus skor = 68.40%) berbanding mod solo (53.60%). Pagryzinski (2017) merumuskan bahawa murid sekolah rendah berasa lebih yakin apabila menyanyi bersama-sama dengan individu-individu yang boleh memberi sokongan kepada mereka. Sokongan dan keyakinan boleh menjadi faktor responden menunjukkan prestasi lebih baik dalam nyanyian mod unison.

Adakah terdapat hubungan antara jantina dan tahap kompetensi nyanyian murid?

Berdasarkan analisis korelasi Pearson, terdapat hubungan yang signifikan dan positif antara jantina dengan tahap kompetensi nyanyian ($r = .449$, $p < .05$). Analisis Ujian-U Mann Whitney juga menunjukkan terdapat perbezaan prestasi signifikan antara responden perempuan dan lelaki dalam nyanyian solo [$U (n_1 = 11, n_2 = 19) = 51$, $p < .05$] di mana responden perempuan (min pangkatan = 18.32) menunjukkan prestasi lebih baik daripada responden lelaki (min pangkatan = 10.64). Cooper dan Humphreys (2016) juga mengatakan bahawa prestasi nyanyian perempuan lebih baik daripada lelaki.

Adakah terdapat hubungan antara faktor pengalaman sedia ada dan tahap kompetensi nyanyian murid?

Analisis korelasi menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan dan positif antara penglibatan responden dalam persembahan menyanyi dengan tahap kompetensi nyanyian solo ($r = .431$, $p < .05$) yang mana mereka yang pernah terlibat dalam persembahan menyanyi menunjukkan prestasi lebih baik daripada mereka yang tidak. Riegle dan Gerrity (2011) menyatakan bahawa mereka yang mempunyai pengalaman persembahan mempunyai ketepatan pic yang lebih baik daripada mereka yang kurang atau tidak ada pengalaman.

6.0 KESIMPULAN, CADANGAN DAN IMPLIKASI

Dapatan kajian menunjukkan ketepatan pic responden berada pada tahap sederhana (min keseluruhan = 2.79). Perbezaan antara skor min bagi tugas corak, jeda dan satu pic mungkin disebabkan oleh ingatan tonal (*tonal memory*) iaitu kanak-kanak haruslah mengingat apa yang didengari (Szabo, 2001). Dalam ujian ini, item-item disampaikan dalam empat pic termasuklah jeda dan satu pic yang mungkin boleh mempengaruhi ingatan tonal responden dan ketepatan pic mereka.

Selain itu, kompetensi nyanyian responden dalam mod unison (skor = 68.40%) adalah lebih baik daripada mod solo (skor = 53.60%). Pengkaji mendapati responden kelihatan lebih yakin dan selesa apabila menyanyi bersama rakan mereka. Hedden (2012) mengatakan nyanyian secara unison menyediakan sokongan untuk penyanyi menstabilkan pic.

Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara jantina dengan tahap kompetensi nyanyian yang mana responden perempuan adalah lebih baik daripada responden lelaki. Salah satu sebab berlakunya perkara ini menurut Legg (2013) ialah pengaruh sosial yang mana menurut beliau konotasi feminine terhadap nyanyian menyebabkan murid lelaki kurang melibatkan diri dalam aktiviti nyanyian.

Seterusnya, dapatan juga menunjukkan bahawa semakin banyak penglibatan dalam persembahan menyanyi maka semakin tinggi tahap kompetensi nyanyian. Mang (2007) mendapati bahawa mereka yang berpengalaman dalam persembahan koir menunjukkan prestasi baik dalam tugas nyanyian lagu. Perkara ini menunjukkan pengalaman muzikal boleh mempengaruhi kompetensi nyanyian seseorang.

Cadangan kajian masa depan yang boleh dilaksanakan adalah untuk mengkaji faktor-faktor lain yang menyebabkan perbezaan kompetensi antara murid perempuan dan lelaki dan cara bagaimana untuk melibatkan lebih ramai murid lelaki dalam aktiviti nyanyian supaya jurang penglibatan dalam aktiviti nyanyian antara perempuan dan lelaki boleh dirapatkan. Selain itu, kajian tentang strategi pedagogi, susunan pengajaran dan pendekatan untuk meningkatkan kemahiran pengajaran nyanyian perlulah dilaksanakan oleh sebagai satu inisiatif untuk mengatasi masalah nyanyian murid di sekolah.

Kajian ini akan memberikan implikasi kepada pihak guru, sekolah dan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Pertama sekali, kajian ini hendaklah memberikan kesedaran kepada guru Pendidikan Muzik untuk percaya bahawa setiap murid boleh meningkatkan kemahiran nyanyian dengan latihan dan strategi pengajaran yang betul dan sesuai. Dengan ini, guru haruslah memperbaiki amalan pengajaran untuk membantu meningkatkan kemahiran tersebut dalam setiap murid, Misalnya, memperbanyakkan aktiviti nyanyian unison untuk meningkatkan keyakinan murid dan penggunaan aktiviti *scaffolding*.

Pihak sekolah juga haruslah mewujudkan peluang kepada murid-murid untuk melibatkan diri dalam persembahan menyanyi seperti pertubuhan kumpulan koir sekolah kerana dapat meningkatkan keyakinan murid dalam nyanyian. Sekolah juga perlu mewujudkan suasana yang positif untuk melibatkan diri dalam persembahan menyanyi.

KPM juga perlu memastikan mata pelajaran Muzik sebagai mata pelajaran wajib diajar dari pra sekolah supaya kemahiran nyanyian murid dapat dibentuk sejak dari kecil. Selain itu, memperkasakan aktiviti nyanyian dalam pengajaran dan pembelajaran dapat memastikan penglibatan murid secara berterusan dalam aktiviti nyanyian. KPM juga haruslah menggubal kurikulum yang boleh meningkatkan kompetensi muzikal murid-murid yang mana kurikulum tersebut mampu mengambil kira masalah yang dihadapi oleh murid dalam muzik. Misalnya, standard kandungan yang berfokus kepada intonasi dalam nyanyian untuk mengatasi masalah ketepatan pic murid-murid.

RUJUKAN

- Cooper, S. C., & Humphreys, J. T. (2016). Relationships between pitch-matching and grade level, sex, ethnicity, and classroom teachers' use of music in grades K-3. *Facta Universitatis, Series: Visual Arts and Music*, 2(2), 53-62. doi:10.22190/fuvam1602053c
- Hedden, D. (2012). An overview of existing research about children's singing and the implications for teaching children to sing. *Update: Applications of Research in Music Education*, 30(2), 52-62. doi:10.1177/8755123312438516
- Herbert, R. (2014). *Singing competency and language abilities in children* (Master's thesis, Huron University College, London, Canada). Retrieved from http://ir.lib.uwo.ca/psych_uht
- Houlahan, M., & Tacka, P. (2015). Children as performers: Singing, movement and playing instruments in the elementary music classroom. In *Kodály today: A cognitive approach to elementary music education* (pp. 71-114). New York, NY: Oxford University Press, USA.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (2011). *Kurikulum standard sekolah rendah*. Kuala Lumpur, Malaysia: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Legg, R. (2013). Reviewing the situation: a narrative exploration of singing and gender in secondary schools. *Music Education Research*, 15(2), 168-179. doi:10.1080/14613808.2012.737774
- Mang, E. (2007). Effects of musical experience on singing achievement. *Bulletin of the Council for Research in Music Education*, (174), 75-92.
- Nichols, B. E. (2016). Task-based variability in children's singing accuracy. *Journal of Research in Music Education*, 64(3), 309-321.
- Pagryzinski, J. (2017). *Everyone can: Elementary children's perceptions of singing* (Unpublished master's thesis). University of Michigan, Ann Arbor, MI.
- Riegle, A. M., & Gerrity, K. W. (2011). The pitch-matching ability of high school choral students. *Update: Applications of Research in Music Education*, 30(1), 10-15.
- Rutkowski, J., & Miller, M. S. (2002). A longitudinal study of elementary children's acquisition of their singing voices. *Update: Applications of Research in Music Education*, 22(1), 5-14. doi:10.1177/87551233030220010102
- Szabo, M. (2001). Children's inaccurate singing: Selected contributing factors. *General Music Today*, 14(3), 4-9.

PERSONALITI DAN PILIHAN GENRE MUZIK SISWA GURU DI INSTITUT PENDIDIKAN GURU KAMPUS ILMU KHAS

EDBERG OSWALD JUSTINUS
Jabatan Pendidikan Muzik

Pensyarah Pembimbing
DR. LEE LEH HONG

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti hubungan antara personaliti dengan pilihan genre muzik siswa guru di Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas. Kajian ini dilakukan ke atas siswa guru semester 8 yang terdiri daripada 4 pengkhususan iaitu Pendidikan Khas, Pendidikan Muzik, Pendidikan Jasmani dan Kesihatan dan Pengkhususan Bahasa Inggeris. Seramai 90 orang siswa guru telah menjawab instrumen soal selidik yang diadaptasi dari *Big Five Inventory* (John & Srivastava, 1999) dan ditadbir secara atas talian. Data kajian yang telah diperolehi dianalisis dengan menggunakan perisian Statistical Packages for Social Science (SPSS). Melalui analisis korelasi Cramer V, majoriti siswa guru yang mempunyai personaliti *extraversion*, *agreeableness* dan *openness* menggemari genre muzik pop. Seterusnya, responden yang mempunyai personaliti *conscientiousness* menggemari muzik reggae manakala mereka yang mempunyai personaliti *neuroticism* pula lebih menggemari muzik *electronic/dance*. Kajian ini boleh menjadi panduan tentang psikologi tingkah laku manusia berdasarkan jenis muzik yang digemari dan tret personaliti mereka.

Kata Kunci: Personaliti, tingkah laku, genre muzik

ABSTRACT

This study aims to identify the relationship between personality and music preference among teacher trainees in the Institute of Teacher Education *Ilmu Khas* Campus. This study was conducted on the 8th semester students consisting of 4 majors namely Special Education, Music Education, Physical Education and Health and English Language Specialization. A total of 90 students responded to the questionnaire administered online adapted from Big Five Inventory (John & Srivastava, 1999). The data obtained were analyzed using the Statistical Packages for Social Science 22.0 (SPSS) software. Using Cramer V correlation analysis, the majority of teacher trainees with extraversion personality, agreeableness and openness prefer the pop music genre. In addition, respondents who have a conscientiousness personality prefer reggae music while those with neuroticism personality prefer the electronic or dance music. This study can be a guide to the psychology of human behaviour based on the type of music they enjoy and their personality traits.

Keywords: Personality, behaviour, music genre

Emel: eoedberg@gmail.com

1.0 PENGENALAN

Muzik telah wujud dalam pelbagai bentuk sejak permulaan sejarah dan terbukti dalam hampir semua budaya di seluruh dunia (Brown, 2008). Menurut Rentfrow dan Gosling (2003) pula, muzik bukan sahaja aktiviti dalam rutin harian malah sesetengah individu menganggap bahawa muzik adalah sangat penting dalam kehidupan, bukan sekadar hobi tetapi sebagai cerminan personaliti mereka.

Menurut Hassan (2006), setiap individu dilahirkan dengan ciri-ciri perwatakan yang berbeza dan tersendiri yang disebut sebagai personaliti. personaliti merujuk kepada perlakuan individu yang berbeza dengan individu yang lain (Selvam, 2000). Treacy (2013) menyatakan bahawa bidang psikologi pada hari ini telah menetapkan model 5 faktor personaliti yang merangkumi kesemua personaliti yang ada pada seseorang individu dan dikenali sebagai Teori Personaliti *Big Five* yang dipelopori oleh Costa & McCrae pada tahun (1987).

2.0 PERNYATAAN MASALAH

Terdapat banyak kajian dijalankan berkenaan dengan hubungan diantara personaliti dan muzik yang digemari oleh seseorang individu. Dalam kajian-kajian tersebut, beberapa pengkaji seperti Sigg (2009) dan Rentfrow et al. (2014), menyimpulkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan diantara kedua-dua perkara tersebut. Namun begitu, beberapa pengkaji yang lain seperti Tully (2012), Knowles (2013) dan Treacy (2013) mempunyai pandangan serta dapatan kajian yang bertentangan. Oleh itu, kajian ini wajar dijalankan untuk melihat keselarasan kajian ini dengan kajian-kajian lepas yang telah dilakukan.

3.0 TUJUAN, OBJEKTIF PERSOALAN DAN HIPOTESIS KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti sama ada terdapat hubungan diantara personaliti responden dengan genre muzik yang mereka digemari. Justeru itu, pengkaji telah menggariskan beberapa objektif yang perlu dicapai iaitu:

1. Menenalpasti jenis personaliti dalam kalangan siswa guru semester 8 di IPGKIK
2. Menenalpasti pilihan genre muzik dalam kalangan siswa guru semester 8 di IPGKIK
3. Menganalisis hubungan antara pilihan genre muzik dan personaliti siswa guru

Berdasarkan objektif yang dinyatakan, persoalan yang perlu diperjelaskan adalah seperti berikut;

1. Apakah jenis personaliti siswa guru semester 8 di IPGKIK?
2. Apakah genre muzik yang digemari oleh siswa guru?
3. Adakah terdapat hubungan antara personaliti dan genre muzik yang digemari oleh siswa guru?

Sebelum menjalankan kajian ini, pengkaji telah merangka sebuah hipotesis alternatif iaitu;

1. Terdapat hubungan diantara personaliti dengan pilihan genre muzik siswa guru.

4.0 METODOLOGI KAJIAN

Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan pendekatan kuantitatif iaitu kajian tinjauan. Selain itu, pengkaji juga menggunakan rekabentuk korelasi yang bertujuan untuk menganalisis perhubungan dan perkaitan diantara personaliti dan pilihan genre muzik siswa guru.

Saiz sampel pula ditetapkan berdasarkan jadual penentuan saiz sampel oleh Krejcie & Morgan (1970). Dalam hal ini, populasi siswa guru semester 8 adalah seramai 124 orang. Berdasarkan jadual tersebut, sekiranya populasi adalah 120 orang maka saiz sampel adalah 92 orang.

Instrumen yang digunakan dalam kajian ini adalah soal selidik yang mengandungi sebuah soal selidik yang diadaptasi daripada *Big Five Inventory* (John & Srivastava, 1999). Soal selidik ini terbahagi kepada 3 bahagian iaitu Bahagian A (maklumat demografi), Bahagian B (soal selidik Big Five) dan Bahagian C (pilihan muzik). Dalam Bahagian C, siswa guru perlu menonton sebuah video muzik dan seterusnya memilih satu daripada 5 jenis muzik yang berbeza iaitu rock, reggae, elektronik, klasik dan pop.

Kesahan bagi instrumen ini dibuktikan melalui kajian lepas oleh Zakaria & Yusof (2017) yang mengukur kesahan item menggunakan korelasi Pearson. Dimensi personaliti Big Five telah dibuktikan mempunyai ketekalan dan kebolehpercayaan yang tinggi oleh Rammstedt & John (2007) serta John, Naumann dan Soto (2008) iaitu *extraversion* (.86), *neuroticism* (.87), *agreeableness* (.79), *openness* (.83) dan *conscientiousness* (.82).

Untuk mengumpul data, pengkaji menggunakan *link* bagi soal selidik yang dibina menggunakan perisian *Google Form* lalu mentadbir soal selidik tersebut kepada siswa guru melalui aplikasi *Whatsapp*. Seterusnya, data yang diperolehi melalui prosedur ini dipindahkan ke dalam perisian *Excel* untuk disusun sebelum dipindahkan ke dalam perisian SPSS (*Statistical Package for the Social Sciences*) bagi tujuan proses penganalisan data tersebut menggunakan Ujian Korelasi Cramer V.

5.0 DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Berdasarkan analisis serta ujian korelasi yang telah dilakukan, persoalan kajian dijawab melalui dapatan yang ditunjukkan dalam jadual 1, 2, 3 dan 4.

Jadual 1
Taburan Jenis Personaliti Siswa Guru

| Personaliti | Kekerapan | Peratus |
|--------------------------|-----------|---------|
| <i>Extraversion</i> | 9 | 10.0% |
| <i>Agreeableness</i> | 55 | 61.1% |
| <i>Conscientiousness</i> | 4 | 4.4% |
| <i>Neuroticism</i> | 11 | 12.2% |
| <i>Openness</i> | 11 | 12.2% |
| Jumlah | 90 | 100.0% |

Berdasarkan Jadual 1, majoriti responden mempunyai personaliti *Agreeableness* iaitu seramai 55 orang. Personaliti *Neuroticism* dan *Openness* pula mempunyai responden yang sama iaitu 11 orang. Terdapat 9 orang responden mempunyai personaliti *Extraversion* manakala 4 orang responden mempunyai personaliti *Conscientiousness*.

Jadual 2
Taburan Pilihan Genre Muzik dalam Kalangan Siswa Guru

| Genre muzik | Kekerapan | Peratus |
|-------------|-----------|---------|
| Rock | 8 | 8.9% |
| Reggae | 17 | 18.9% |
| Elektronik | 25 | 27.8% |
| Klasik | 6 | 6.7% |
| Pop | 34 | 37.8% |
| Jumlah | 90 | 100.0% |

Jadual 2 menunjukkan taburan pilihan genre muzik responden. Berdasarkan jadual diatas, seramai 34 orang responden menggemari muzik pop, 25 orang menggemari muzik elektronik, 17 orang menggemari muzik reggae, 8 orang menggemari muzik rock dan 6 orang menggemari muzik klasik.

Jadual 3
Analisis Khi Kuasa Dua

| | Value | df | Asymp. Sig. (2-sided) |
|-------------------------------------|---------------------|----|-----------------------|
| <i>Pearson Chi-Square</i> | 15.247 ^a | 16 | .507 |
| <i>Likelihood Ratio</i> | 15.792 | 16 | .468 |
| <i>Linear-by-Linear Association</i> | .658 | 1 | .417 |
| N of Valid Cases | 90 | | |

a. 22 cells (88.0%) have expected count less than 5. The minimum expected count is .27.

Jadual 4
Pekali Korelasi Cramer V

| | Value | Approx. Sig. |
|-------------------------------|-------|--------------|
| <i>Nominal by Nominal Phi</i> | .412 | .507 |
| <i>Cramer's V</i> | .206 | .507 |
| N of Valid Cases | 90 | |

Keputusan dalam jadual 3 dan 4 menunjukkan bahawa tidak terdapat hubungan yang signifikan antara personaliti dan pilihan genre muzik [$V = .206$, $p > .05$; $\chi^2(16, N=90) = 15.25$, $p > .05$]. Dalam hal ini, pengkaji menolak hipotesis alternatif. Pengkaji mendapati bahawa tidak terdapat hubungan antara personaliti siswa guru dan pilihan genre muzik mereka. Perhubungan yang lemah ($V = .206$) mungkin wujud secara kebetulan (*by chance*), dan ia mungkin disebabkan oleh ralat pengukuran atau ralat persampelan. Walaupun pengkaji mendapati bahawa tidak terdapat hubungan diantara personaliti dan pilihan genre muzik siswa guru, pengkaji telah menjalankan analisis *Crosstab* yang bertujuan untuk mengenalpasti kecenderungan pilihan genre muzik berdasarkan personaliti yang tertentu dan merumuskan dapatan tersebut dalam bentuk jadual.

Jadual 5

Korelasi Antara Personaliti Dan Pilihan Genre Muzik Menggunakan Analisis Crosstab

| | | Genre | | | | | Jumlah |
|--------------------------|-----------------------|-------|--------|------------|--------|------|--------|
| | | Rock | Reggae | Elektronik | Klasik | Pop | |
| <i>Extraversion</i> | Count | 1 | 2 | 1 | 1 | 4 | 9 |
| | Expected Count | .8 | 1.7 | 2.5 | .6 | 3.4 | 9.0 |
| | Standardized Residual | .2 | .2 | -.9 | .5 | .3 | |
| <i>Agreeableness</i> | Count | 3 | 11 | 14 | 5 | 22 | 55 |
| | Expected Count | 4.9 | 10.4 | 15.3 | 3.7 | 20.8 | 55.0 |
| | Standardized Residual | -.9 | .2 | -.3 | .7 | .3 | |
| <i>Conscientiousness</i> | Count | 0 | 2 | 1 | 0 | 1 | 4 |
| | Expected Count | .4 | .8 | 1.1 | .3 | 1.5 | 4.0 |
| | Standardized Residual | -.6 | 1.4 | -.1 | -.5 | -.4 | |
| <i>Neuroticism</i> | Count | 3 | 1 | 5 | 0 | 2 | 11 |
| | Expected Count | 1.0 | 2.1 | 3.1 | .7 | 4.2 | 11.0 |
| | Standardized Residual | 2.0 | -.7 | 1.1 | -.9 | -1.1 | |
| <i>Openness</i> | Count | 1 | 1 | 4 | 0 | 5 | 11 |
| | Expected Count | 1.0 | 2.1 | 3.1 | .7 | 4.2 | 11.0 |
| | Standardized Residual | .0 | -.7 | .5 | -.9 | .4 | |
| Total | Count | 8 | 17 | 25 | 6 | 34 | 90 |
| | Expected Count | 8.0 | 17.0 | 25.0 | 6.0 | 34.0 | 90.0 |

Berdasarkan Jadual 5, pengkaji mendapati bahawa siswa guru yang mempunyai personaliti *extraversion* mempunyai kecenderungan untuk menggemari muzik pop, begitu juga bagi siswa guru yang mempunyai personaliti *agreeableness*. Dalam hal ini, pengkaji berpendapat bahawa pemilihan genre ini dipengaruhi oleh tingkat umur siswa guru dan menyokong pernyataan oleh Shuker (2005) yang menyatakan bahawa muzik pop merupakan muzik yang paling digemari dalam kalangan para remaja. Seterusnya, terdapat siswa guru yang mempunyai personaliti *conscientiousness* cenderung untuk menggemari muzik reggae. Bagi siswa guru yang mempunyai personaliti *neuroticism* pula, mereka mempunyai kecenderungan untuk menggemari muzik elektronik manakala siswa guru yang mempunyai personaliti *openness* turut mempunyai kecenderungan untuk menggemari muzik pop.

6.0 KESIMPULAN, CADANGAN DAN IMPLIKASI

Secara ringkasnya, dapatan kajian yang telah dibincangkan dalam bab 4, pengkaji menyimpulkan bahawa tidak terdapat hubungan diantara jenis personaliti dan pilihan genre muzik dalam kalangan siswa guru semester 8 di IPGKIK. Walau bagaimanapun berdasarkan dapatan kajian ini, pengkaji dapat mengenalpasti jenis-jenis personaliti dan genre muzik yang digemari oleh siswa guru. Selain itu, pengkaji juga mendapati bahawa personaliti yang dominan dalam kajian ini adalah personaliti *agreeableness* yang mana mempunyai seramai 55 orang diikuti dengan *neuroticism* dan *openness* masing-masing mempunyai seramai 11 orang, *extraversion* seramai 9 orang dan yang terakhir *conscientiousness* seramai 4 orang sahaja.

Kajian ini merupakan satu kajian tinjauan yang menggunakan metodologi yang ringkas dan saiz sampel kajian yang agak kecil dan tidak mampu mewakili sesebuah populasi yang besar. Oleh itu, pengkaji berpendapat bahawa terdapat beberapa penambahbaikan yang boleh dilakukan untuk kajian masa depan. Yang pertama, pengkaji boleh meluaskan skop kajian dan melibatkan responden yang bersifat heterogeneous. Seterusnya, pengkaji boleh menggunakan muzik yang selaras dengan budaya

tempatan untuk dijadikan pilihan serta menambah bilangan genre muzik agar responden mempunyai pilihan yang bervariasi.

Berdasarkan hasil dapatan kajian ini, terdapat beberapa pihak yang menerima implikasi daripada kajian ini iaitu siswa guru khususnya siswa guru yang mengambil opsyen Pendidikan Muzik, pihak IPG serta KPM, murid di sekolah serta pengkaji masa depan. Secara ringkasnya, kajian ini menjadi panduan serta petunjuk kepada pihak-pihak yang dinyatakan diatas dari segi ciri-ciri personaliti, elemen yang terdapat dalam setiap genre muzik yang terlibat dalam kajian ini serta hubungan diantara personaliti dengan muzik.

RUJUKAN

- Ang, E. (2017). *hubungan antara kecerdasan emosi dan personaliti "big five" dalam kalangan guru sekolah rendah daerah kota tinggi* (Master's thesis, Universiti Teknologi Malaysia, Kuala Lumpur, Malaysia). Diambil dari <http://eprints.utm.my/id/eprint/78561/1/EnochAngMFM2017.pdf>
- Chua Yan Piaw. (2006). *Kaedah Penyelidikan buku 1*. McGraw Hill (Malaysia) Sdn. Bhd.
- Rauf, K. (2017). *The relation of music preference and personality type* (Master's thesis, University for Science Arts and Technology, Karachi, Pakistan). Diambil dari <http://journals.iobmresearch.com/index.php/PBR/article/viewFile/1642/289>
- Rentfrow, P. J, Gosling, S. D. (2003). *The do re mi's of everyday life: the structure and personality correlates of music preferences* (Doctoral dissertation, University of Texas, Austin). Diambil dari <https://pdfs.semanticscholar.org/1364/53addebb04b046e06a524c19fa4e891ea7ae.pdf>
- Selvam, D. (2000). *Pengaruh personaliti terhadap prestasi kerja di kalangan guru-guru sekolah menengah* (Master's thesis, Universiti Utara Malaysia, Sintok Kedah, Malaysia). Diambil dari <http://etd.uum.edu.my/144/>
- Sigg, N. (2009). *An investigation into the relationship between music preference, personality and psychological wellbeing* (Master's thesis, School of Health and Environmental Sciences, Auckland, New Zealand). Diambil dari <http://aut.researchgateway.ac.nz/handle/10292/955>
- Treacy, A. (2013). *Music preference and their effect on personality, coping style and perceived scholastic competence in students* (Master's thesis, DBS School of Arts, Dublin, Ireland). Diambil dari <https://esource.dbs.ie/handle/10788/1575>
- Tully, D. (2012). *Examining the relationship between music preference and personality type* (Doctoral dissertation, DBS School of Arts, Dublin, Ireland). Diambil dari <https://pdfs.semanticscholar.org/db83/915a043fd41f3771693b0bac8b9e2f104775.pdf>
- Vella, E. J., & Mills, G. (2016). Personality, uses of music, and music preference: The influence of openness to experience and extraversion. *Psychology of Music*, 45(3), 338-354. doi:10.1177/0305735616658957

KESEDIAAN GURU BUKAN OPSYEN DALAM PELAKSANAAN PEMBELAJARAN DAN PEMUDAHCARAAN (PdPc) PENDIDIKAN MUZIK DI SEKOLAH RENDAH.

HILMANUDDIN BIN ABDULLAH
Jabatan Pendidikan Muzik

Pensyarah Pembimbing
PN. EDNA WELLINGTON

ABSTRAK

Kajian kes ini bertujuan untuk mendapatkan maklumat kesediaan guru bukan opsyen yang mengajar mata pelajaran Pendidikan Muzik di sebuah sekolah di daerah Cheras. Objektif kajian ini adalah untuk melihat sejauhmana kesediaan guru-guru bukan opsyen melaksanakan pengajaran muzik berdasarkan aspek kemahiran penggunaan ICT dan bahan bantu mengajar yang telah digunakan semasa proses pengajaran dan pembelajaran pendidikan muzik di dalam bilik darjah. Sampel kajian terdiri dari tiga orang guru bukan opsyen di sebuah sekolah rendah. Instrumen yang digunakan untuk mendapatkan data adalah pemerhatian tidak berstruktur, temubual, analisis dokumen iaitu buku rekod pengajaran sampel kajian. Data yang diperolehi di susun mengikut tema-tema mengikut aspek kesediaan yang diuji iaitu kemahiran penggunaan ICT dan bahan bantu mengajar yang telah digunakan. Hasil kajian menunjukkan majoriti guru-guru bukan opsyen bersedia melaksanakan mata pelajaran Pendidikan Muzik walaupun mereka tidak mempunyai pengkhususan yang kukuh dalam mata pelajaran tersebut. Walaubagaimanapun, aspek kemahiran menunjukkan penilaian kesediaan yang sederhana sehingga memberi kesan kepada pencapaian pelajar. Beberapa cadangan seperti mengadakan bengkel kemahiran ICT dan menyediakan bahan bantu mengajar di bilik muzik untuk memungkinkan kajian lanjutan dilakukan bagi meningkatkan lagi keberkesanan dan kesediaan pengajaran guru-guru bukan opsyen.

Kata Kunci: Kesediaan, guru bukan opsyen, Pembelajaran dan Pemudahcaraan (PdPc),

ABSTRACT

This case study aims to obtain information about non-option teachers' readiness in teaching Music Education in a school in Cheras district. The purpose of this study is to observe the non-option teachers' readiness to carry out Music lessons based on the aspects of ICT skills and teaching aids used during the teaching and learning process in Music Education subject in the classroom. The participants of the study are three non-option teachers in a primary school. The instruments used to obtain the data are unstructured observation, interview and document analysis which is the participants' teaching record book. The data collected are arranged according to the themes of the readiness which are ICT skills and teaching aids used. The findings show that majority of the non-option teachers are prepared to carry out Music lessons although they are not well-specialized in the subject. However, the aspect of skills shows a moderate readiness which affects students' achievement. Some suggestions, for example organizing ICT skills workshop and providing teaching aids in music classroom to enable further research to be done to improve the effectiveness and readiness of non-option teachers in teaching the subject.

Keywords: Readiness, non-option teachers, Learning and Facilitation (PdPc)

Emel: hilmanuddinabdullah@gmail.com

1.0 PENGENALAN

Menurut Kurikulum Standard Sekolah Rendah Buku Panduan Khas Muzik Tahun Empat (2011), perincian program kurikulum muzik mengandungi aspek atau butiran yang terperinci bagi membantu guru memahami dengan jelas akan kehendak sukatan pelajaran. Pusat Perkembangan Kurikulum (2000) Pendidikan Muzik di sekolah rendah memberikan penekanan kepada pemerolehan ilmu pengetahuan tentang muzik dan membina kemahiran muzikal secara amali melalui aktiviti muzik vokal dan instrumental. Melalui program ini juga, murid-murid akan mendapat pendedahan tentang seni muzik secara lebih sistematik. Oleh itu, proses pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc) hendaklah

berfokus pada bentuk amali dan menggunakan kemahiran ICT selaras dengan Pendidikan Abad 21 supaya aktiviti yang dijalankan menjadi lebih menarik dan berkesan. Namun begitu, disekolah amnya, ramai guru-guru yang mengalami masalah dalam menggunakan kemahiran ICT dan bahan bantu mengajar yang tepat dalam matapelajaran Pendidikan Muzik terutamanya guru-guru bukan opsyen pendidikan muzik yang mengajar matapelajaran muzik di sekolah.

2.0 PENYATAAN MASALAH

Tinjauan awal menunjukkan bahawa pengajaran Pendidikan Muzik tidak berlaku seperti yang diharapkan. Guru-guru tidak dapat melaksanakan pengajaran muzik kerana timbulnya masalah tertentu seperti masalah dari segi alatan yang tidak mencukupi, ketiadaan bilik muzik, mata pelajaran Pendidikan Muzik tidak diajarkan kepada murid-murid Tahun 6 yang berada dalam kelas peperiksaan, dan beberapa masalah lain lagi. Malah, guru-guru bukan opsyen ini sering mempunyai masalah dari segi kemahiran menggunakan ICT dan bahan bantu mengajar yang berkesan dalam pengajaran Pendidikan Muzik.

Kajian Osman Muamat (2016) menyatakan guru terutamanya yang mengajar di sekolah menengah hendaklah mempunyai latar belakang pendidikan dan latihan dalam mata pelajaran yang mereka ajar di sekolah.

Selain itu, Kamarul (2011) juga menyatakan bahawa penggunaan bahan bantu mengajar dalam pengajaran dan pembelajaran adalah sangat kurang dan terdapat guru yang tidak menggunakan langsung bahan bantu mengajar dalam pengajaran dan pembelajaran mereka.

3.0 OBJEKTIF DAN SOALAN KAJIAN

Tujuan utama kajian kes ini dijalankan adalah untuk melihat bagaimana kesediaan guru bukan opsyen dalam pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran pendidikan muzik di sekolah rendah dari aspek kemahiran menggunakan ICT dan bahan bantu mengajar yang telah digunakan semasa proses PdPc pendidikan muzik dalam bilik darjah. Berikut merupakan objektif dan persoalan kajian.

OBJEKTIF KAJIAN

1. Mengenalpasti tahap kemahiran guru-guru bukan opsyen dalam menggunakan ICT semasa sesi Pembelajaran dan Pemudahcaraan (PdPc) Pendidikan Muzik.
2. Mengenalpasti bahan bantu mengajar (BBM) yang digunakan oleh guru-guru bukan opsyen dalam PdPc Pendidikan Muzik.


SOALAN KAJIAN

1. Bagaimanakah guru-guru bukan opsyen menggunakan kemahiran ICT ketika sesi Pembelajaran dan Pemudahcaraan (PdPc) Pendidikan Muzik?
2. Apakah bahan bantu mengajar yang digunakan oleh guru-guru bukan opsyen dalam PdPc Pendidikan Muzik?


4.0 METADOLOGI

Kajian ini merupakan kajian kualitatif yang menggunakan kaedah pengumpulan data melalui instrumen temubual, pemerhatian tidak berstruktur dan analisis dokumen iaitu buku rekod mengajar daripada tiga orang responden iaitu guru-guru bukan opsyen yang terlibat di sebuah sekolah sekitar daerah Cheras. Pemilihan sampel dilakukan dengan menggunakan kaedah persampelan bertujuan iaitu pengkaji mengambil tiga orang guru bukan opsyen Pendidikan Muzik yang mempunyai ciri-ciri yang diperlukan iaitu guru bukan opsyen yang mengajar PdPc Pendidikan Muzik di sekolah rendah.


Selain itu, bagi mendapatkan kesahan dan kebolehpercayaan data yang dikumpul melalui kajian ini, teknik triangulasi telah digunakan secara serentak dalam sesuatu kajian yang dibuat dalam bentuk *equivalent form* iaitu kriteria dan konstruk item yang sama dalam pelbagai jenis instrumen. Seterusnya, pengkaji telah menjalankan beberapa prosedur dalam proses pengumpulan data. Berikut merupakan rajah prosedur bagi kaedah temubual, pemerhatian dan analisis dokumen :



Rajah 1. Langkah-langkah pelaksanaan kaedah temubual



Rajah 2. Langkah-langkah pelaksanaan kaedah pemerhatian



Rajah 3.

Langkah-langkah pelaksanaan kaedah analisis dokumen

Selanjutnya, pengkaji telah melalui proses penganalisan data yang tepat untuk menyusun data-data yang telah dikumpul secara sistematik. Proses yang pertama iaitu penyelidik menyediakan dan menyusun data untuk dianalisis. Seterusnya, penyelidik juga telah menghuraikan dan membina tema daripada data. Selepas itu, melaporkan dapatan daripada kajian. Kemudian, mentafsirkan dapatan kajian. Yang terakhir, mengesahkan ketepatan dan kebolehpercayaan. Data-data yang telah dikutip telah dianalisis untuk tujuan pelaporan data bagi kajian yang telah dijalankan.

Melalui dapatan daripada kajian yang telah dilaksanakan terhadap ketiga-tiga responden ini, penyelidik menggunakan data tersebut untuk mengenalpasti tema melalui kod-kod yang diberikan. Berikut merupakan tema dan kod yang telah dibina melalui data yang dikutip daripada tiga responden dalam kajian ini.

Jadual 1

Perkaitan antara Soalan Kajian dengan Tema dan Kod

| Soalan kajian | Tema dan Kod |
|--|--|
| 1. Bagaimanakah guru-guru bukan opsyen menggunakan kemahiran ICT ketika sesi Pembelajaran dan Pemudahcaraan (PdPc) Pendidikan Muzik? | Kemahiran ICT (KICT), Soalan Temubual (ST) |
| 2. Apakah bahan bantu mengajar yang digunakan oleh guru-guru bukan opsyen dalam PdPc Pendidikan Muzik? | Bahan bantu mengajar (BBM), Soalan Temubual (ST) |

Jadual menunjukkan perkaitan antara tema dan kod yang digunakan dalam data kajian ini.

Dalam kajian kes yang dikaji, pengkaji menyusun data yang dikumpul melalui tema-tema berdasarkan aspek-aspek kesediaan guru bukan opsyen aspek kemahiran menggunakan ICT dan bahan bantu mengajar yang telah digunakan semasa proses PdPc pendidikan muzik dalam bilik darjah.

5.0 DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Untuk menjawab persoalan kajian pertama iaitu bagaimanakah guru-guru bukan opsyen menggunakan kemahiran ICT semasa sesi Pembelajaran dan Pemudahcaraan (PdPc) Pendidikan Muzik?, data telah dikutip melalui kaedah temubual, pemerhatian dan analisis dokumen menunjukkan bahawa ketiga-tiga responden menunjukkan tahap kesediaan yang sederhana dalam kemahiran menggunakan ICT semasa proses PdPc Pendidikan Muzik.

Jadual 2
Cara Penggunaan FrogVLE

| Cikgu 1 | Cikgu 2 | Cikgu 3 |
|---|--|---|
| <u>FrogVLE</u> | <u>FrogVLE</u> | <u>FrogVLE</u> |
| <ul style="list-style-type: none"> • Kuiz atas talian • Permainan Muzikal • Padankan simbol dan nama not | <ul style="list-style-type: none"> • Kuiz atas talian • Puzzle • Lengkapkan jadual notasi | <ul style="list-style-type: none"> • Kuiz atas talian • Latihan atas talian |

Jadual 2 menunjukkan kemahiran ICT 1 (KICT1) iaitu FrogVLE yang digunakan oleh guru bukan opsyen dalam PdPc Pendidikan Muzik di sekolah.

Dapat disimpulkan bahawa, ketiga-tiga responden menggunakan kemahiran ICT dalam PdPc Pendidikan Muzik walaupun tahap kepenggunaannya tidak begitu menyeluruh dan holistik. Walaupun mereka merupakan guru bukan opsyen, namun perisian FrogVLE merupakan satu medium yang mudah untuk mereka menggunakan ICT sebagai wadah perubahan dalam system pendidikan kerana bahan-bahan dan permainan dalam FrogVLE telah disediakan dan dicipta oleh guru-guru penitia ejaan muzik di sekolah tersebut. Hanya cara penggunaannya membezakan kesediaan ketiga-tiga guru bukan opsyen ini dalam pelaksanaan PdPc Pendidikan Muzik di sekolah. Melalui data pemerhatian, analisis dokumen dan temubual yang telah dianalisis, jelas membuktikan bahawa kesediaan guru bukan opsyen bagi ketiga-tiga responden masih di tahap yang kurang memuaskan.

Jadual 3
Cara Penggunaan Microsoft Powerpoint

| Cikgu 1 | Cikgu 2 | Cikgu 3 |
|--|---|---|
| <u>Microsoft Powerpoint</u> | <u>Microsoft Powerpoint</u> | <u>Microsoft Powerpoint</u> |
| <ul style="list-style-type: none"> • Tayang skor lagu • Pergerakan kreatif • Gambar | <ul style="list-style-type: none"> • Tayangan skor lagu • Maklumat berkaitan PdPc | <ul style="list-style-type: none"> • Pasang Lagu |

Jadual 3 menunjukkan kemahiran ICT 2 (KICT2) iaitu Microsoft Powerpoint yang digunakan oleh guru bukan opsyen dalam PdPc Pendidikan Muzik di sekolah.

Dari dapatan soalan kajian pertama, terdapat pelbagai lagi cara-cara menggunakan kemahiran ICT dalam pelaksanaan PdPc Pendidikan Muzik di sekolah yang boleh digunakan oleh semua guru. Hal ini demikian kerana, negara kita telah mencapai transformasi pendidikan alaf baharu yang menekankan pendidikan abad 21, salah satunya menekankan terhadap penggunaan ICT secara holistik. Pada pendapat saya, ketiga-tiga responden ini belum lagi mencapai tahap guru abad 21 kerana masih lagi

pada tahap lama kerana mereka hanya menggunakan kemahiran ICT apabila diarahkan dan bukan daripada inisiatif sendiri untuk mencapai wawasan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025.

Bagi soalan kajian yang kedua pula iaitu apakah bahan bantu mengajar yang digunakan oleh guru-guru bukan opsyen dalam PdPc Pendidikan Muzik? , berdasarkan dapatan kajian mendapati bahawa pengkaji melaporkan dapatan bagi setiap responden melalui soalan kajian yang kedua. Dapatan kajian bagi soalan 2 memberi tumpuan kepada jenis penggunaan Bahan Bantu Mengajar (BBM) oleh guru bukan opsyen dalam PdPc Pendidikan Muzik di sekolah. Dapatan kajian adalah berdasarkan pengajaran guru dalam tempoh satu bulan. BBM yang dapat dikenalpasti melalui temubual, analisis dokumen dan pemerhatian ketiga-tiga responden ialah radio (BBM1) , bahan bercetak (BBM2) dan peralatan muzik (BBM3)

Dengan data yang telah diperolehi, pengkaji juga mendapati bahawa berlaku perubahan yang positif pada prestasi murid. Ini juga ditunjukkan dalam analisis dokumen iaitu buku rekod mengajar guru pada senarai nama murid dan pemerhatian yang telah dilakukan kerana, setiap responden menilai prestasi murid pada setiap akhir topik pembelajaran.

Oleh itu, dengan perkaitan daripada ketiga-tiga instrumen yang telah dinyatakan iaitu temubual, pemerhatian dan analisis dokumen yang dilaksanakan pada ketiga-tiga responden, pengkaji mendapati bahawa berlaku triangulasi data yang jelas kerana setiap soalan temubual yang dijawab akan disokong dengan buku rekod mengajar sebagai analisis dokumen dan daripada senarai semak pemerhatian secara tidak berstruktur. Hal ini dapat meningkatkan kesahan dan kebolehpercayaan data secara tidak langsung supaya data yang diperolehi tidak dapat disangkal.

6.0 KESIMPULAN CADANGAN DAN IMPLIKASI

Kesediaan guru bukan opsyen dalam pelaksanaan PdPc Pendidikan Muzik mempunyai hubungan dengan prestasi murid, namun bagi guru-guru tersebut tetap perlu melaksanakan pengajaran tersebut atas sebab-sebab tertentu, tidak perlu merasakan kurang berkeyakinan dalam melaksanakan pengajaran dalam kelas. Kajian lanjut dicadangkan dalam melihat persepsi murid pula terhadap kesediaan guru bukan opsyen dalam pelaksanaan PdPc Pendidikan Muzik dalam mempengaruhi pencapaian akademik murid. Hal ini berkemungkinan faktor kesediaan guru yang menyumbang sedikit sebanyak kepada faktor pencapaian murid. Lanjutan daripada kajian ini, kajian yang sama turut boleh digunakan terhadap murid-murid pelbagai aliran dan tahap dalam mengenalpasti punca kelemahan murid dalam memperoleh pencapaian cemerlang dalam bidang akademik mahupun pencapaian lain.

Kajian ini memberi implikasi kepada guru terutamanya guru bukan opsyen di mana ia boleh dijadikan sebagai alternatif lain dalam pengajaran dan pemudahcaraan (PdPc) dalam kelas.

RUJUKAN

- Chua Yan Piaw. (2011). *Kaedah dan Statistik Penyelidikan: Kaedah Penyelidikan*. Kuala Lumpur: McGraw-Hill Education.
- Kamarul, A. J. (2011). Amalan Penggunaan Bahan Bantu Mengajar dalam Kalangan Guru Cemerlang Pendidikan Islam Sekolah Menengah di Malaysia. *Journal of Islamis and Arabic Education*.
- Osman Muamat. 2016. Persepsi Pelajar Terhadap Amalan Pengajaran Guru Opsyen Dan Bukan Opsyen Sejarah Serta Hubungannya Dengan Sikap Pelajar. Tesis Sarjana. Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Syed, I. S., Ismail, R., & Bushro, A. (2018). *Asas Penyelidikan dalam Pendidikan*. Selangor: Sasbadi Sdn.Bhd.
- Zahara Aziz, Nik Azleena Nik Ismail. 2007. Kajian Tinjauan Kesediaan Guru-Guru Sejarah Menerapkan Kemahiran Pimikiran Sejarah Kepada Pelajar. *Jurnal Pendidikan* 32:119-1

PENGUNAAN LAGU AYUN DALAM PERKEMBANGAN SOSIAL MASYARAKAT BIDAYUH DI PERKAMPUNGAN DAERAH BAU SARAWAK

MARYLYN ANNE ANAK MICHAEL JEALI
Jabatan Pendidikan Muzik

Pensyarah Pembimbing
PN. EDNA SHAMANI WELLINGTON

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengetahui apakah ciri-ciri yang terdapat dalam lagu Ayun dan nilai murni dalam lagu Ayun yang mempengaruhi perkembangan sosial masyarakat Bidayuh. Lagu Ayun merupakan sebuah lagu dodoi yang tergolong dalam lagu rakyat dan merupakan satu genre tradisi lisan masyarakat Bidayuh yang menjadi amalan pewaris tradisi. Lagu Ayun adalah bahan hiburan awal yang diperolehi oleh masyarakat Bidayuh pada suatu ketika dahulu. Lagu Ayun mengandungi beberapa aspek utama iaitu aspek sosial dan budaya yang melibatkan mesej-mesej tentang nilai dan norma kehidupan. Oleh itu, lagu Ayun adalah lagu hiburan bagi masyarakat Bidayuh khususnya kepada anak yang masih kecil untuk menidurkan mereka, malah mempunyai fungsi sosial dan kognitif yang amat penting. Data kajian dianalisis melalui kaedah penyelidikan etnografi kajian kes. Hasil daripada kajian ini didapati bahawa penggunaan lagu Ayun pada suatu ketika dahulu begitu popular tetapi semakin kurang mendapat perhatian khususnya ibu bapa pada era modenisasi ini. Berdasarkan beberapa temu bual yang dilaksanakan bersama peserta kajian, Lagu Ayun mengandungi nilai-nilai murni, contohnya kerajinan, tidak putus asa dan berusaha bersungguh-sungguh di dalam kehidupan. Kajian ini turut mengutarakan ciri-ciri yang terdapat dalam lagu Ayun. Kepentingan kajian ini adalah untuk memberikan pendedahan kepada masyarakat Bidayuh moden sebagai teras pembentukan identiti diri dan memberikan pengetahuan am kepada kaum atau etnik yang lain di Malaysia.

Kata Kunci: Lagu Ayun, perkembangan sosial, masyarakat Bidayuh

ABSTRACT

The purpose of this study is to find out how Ayun is used in the social development of the Bidayuh community in terms of the virtues and the elements in Ayun. Ayun is also known as cradle song which is classified as folk song and it is a genre of oral tradition of the Bidayuh community which became a practice to the inheritor of the tradition. Ayun is one of the early entertainments obtained by the Bidayuh community in the olden days. Ayun contains some of social and cultural aspects including the lessons about morality and norms of life. Therefore, Ayun is an entertainment song for the Bidayuh community, especially for the infants to lull them to sleep, and even contains very important messages for social and cognitive. The data was analyzed using ethnographic case study methods. The result of this study shows that the use of Ayun was once so popular but nowadays less attention is paid to it especially amongst parents in this modern era. Based on few interviews conducted with the participants, Ayun Songs contain moral values, such as diligence, never giving up and working hard in life. This study also describes the characteristics found in Ayun. The importance of this study is to expose about Ayun to the modern Bidayuh community as the core of self-identity and to provide general knowledge to other races or ethnic groups in Malaysia.

Keywords: Ayun, social development, Bidayuh community

Emel: atot14@gmail.com

1.0 PENGENALAN

Lagu rakyat adalah salah satu bentuk puisi yang sangat digemari oleh masyarakat tradisional untuk menghiburkan hati. Lagu rakyat ialah 'puisi pendek yang tidak bercorak naratif yang dinyanyikan secara berlagu. Puisi seperti ini bercorak universal yang lahir dalam berbagai kebudayaan' (Ismail Hamid, 1986: 81). Menurut Aripin Said (2004) pula, lagu rakyat juga dikenali sebagai nyanyian rakyat. Nyanyian rakyat merupakan lagu-lagu yang dinyanyikan oleh masyarakat tradisional pada masa lalu yang rata-ratanya bukan sekadar untuk menghibur tetapi untuk mendidik masyarakat.

Masyarakat Bidayuh mempunyai lagu bagi setiap aktiviti yang mereka lakukan termasuklah lagu Ayun yang popular dalam kalangan golongan ibu mahupun wanita Bidayuh pada suatu ketika dahulu. Para ibu menidurkan anak mereka sambil bernyanyi dengan suara yang merdu atau mendayu-dayu dengan lirik lagu Ayun yang sangat puitis dan kebiasaannya lagu-lagu tersebut mengandungi ajaran moral dan nasihat.

Perkembangan sosial dalam kalangan masyarakat Bidayuh merupakan satu proses perkembangan yang membolehkan mereka berinteraksi dengan individu-individu lain mengikut cara yang boleh diterima oleh norma budaya mereka. Melalui aktiviti nyanyian lagu Ayun, golongan ibu bapa mahupun penjaga kanak-kanak dalam sesebuah keluarga masyarakat Bidayuh sekaligus boleh melakukan dua perkara dalam waktu yang sama: menidurkan anak, dan seterusnya mendidik anak dengan nilai-nilai murni dan nasihat yang terdapat dalam lagu tersebut.

2.0 PENYATAAN MASALAH

Kepesatan pembangunan teknologi telah merubah cara hidup dan sosio budaya masyarakat pada hari ini bahkan aktiviti nyanyian lagu Ayun dalam kalangan masyarakat Bidayuh kini jarang sekali diamalkan apatah lagi diketahui kewujudannya oleh generasi sekarang. Menurut Hashim Bedu (2008) pengaruh barat ini dapat dilihat yang mana semakin menular dalam kalangan masyarakat kita hari ini terutamanya golongan muda mudi yang mudah terpengaruh dengan aliran muzik dan budaya barat seperti Black Metal, Skinhead dan Punk. Selain itu, warga emas yang mempunyai ilmu pengetahuan tentang fungsi dan peranan lagu Ayun sukar didapati kerana ramai yang telah meninggal dunia. Ada juga di antara mereka yang masih hidup, akan tetapi tidak mampu lagi untuk menyanyi disebabkan faktor-faktor kesihatan serta sudah dimamah usia senja. Justeru, fokus kajian ini adalah untuk mengetahui apakah ciri-ciri yang terdapat dalam lagu Ayun dan bagaimanakah nilai murni yang terdapat dalam lagu Ayun mempengaruhi perkembangan sosial masyarakat Bidayuh.

3.0 OBJEKTIF DAN SOALAN KAJIAN

Objektif kajian ini adalah seperti berikut:

1. Untuk mengetahui ciri-ciri lagu Ayun masyarakat Bidayuh.
2. Untuk mengenal pasti nilai murni yang terdapat dalam lagu Ayun yang mempengaruhi perkembangan sosial masyarakat Bidayuh.

Persoalan kajian ini adalah seperti berikut:

1. Apakah ciri-ciri lagu Ayun masyarakat Bidayuh?
2. Bagaimanakah nilai murni yang terdapat dalam lagu Ayun mempengaruhi perkembangan sosial masyarakat Bidayuh?

4.0 METODOLOGI

Reka Bentuk Kajian

Kajian ini merupakan kajian etnografi yang bersifat etnografi kajian kes kerana kajian ini memberi fokus kepada sesuatu peristiwa atau aktiviti tertentu yang terdapat dalam sesuatu budaya masyarakat. Kajian ini juga merupakan sejenis kajian lapangan yang berbentuk pemerhatian yang sering digunakan dalam kajian sosiologi dan antropologi dan dirujuk sebagai penyelidikan saintifik semula jadi. Menurut (Creswell, 1994) etnografi merupakan bentuk kajian yang praktikal untuk mengkaji sesuatu kumpulan seperti pendidikan, kepercayaan, tingkahlaku dan bahasa. Aktiviti yang dikaji dalam kajian ini adalah aktiviti nyanyian lagu Ayun dalam kehidupan masyarakat Bidayuh di Kampung A, Bau Sarawak.

Peserta Kajian

Kajian ini melibatkan tiga orang orang peserta kajian di mana mereka secara sukarela menyertainya melalui kaedah persampelan bertujuan dan bola salji. Peserta kajian yang dipilih merupakan individu-individu yang berpengalaman dalam mengamalkan lagu-lagu Ayun dalam kehidupan mereka yang berumur dalam lingkungan umur 55 tahun hingga 80 tahun. Kesemua peserta kajian berbangsa Bidayuh dan beragama Kristian yang dipilih di Kampung A di Bau, Sarawak.

Instrumen Kajian

Instrumen kajian ini adalah temu bual dan pemerhatian. Kaedah temu bual yang dijalankan terhadap tiga orang peserta kajian untuk mendapatkan maklumat tentang ciri-ciri yang terdapat pada lagu Ayun dan bagaimana nilai murni dalam lagu Ayun mempengaruhi perkembangan sosial masyarakat Bidayuh. Pemerhatian dilakukan semasa mempelajari lagu-lagu Ayun bagi mendapatkan lirik-lirik lagu Ayun.

Kaedah Pengumpulan Data

Temu bual dengan peserta kajian adalah berdasarkan kepada soalan-soalan yang berkaitan dengan kehidupan seharian peserta kajian dan termasuklah soalan bagi kajian mengenai ciri-ciri lagu Ayun serta bagaimana nilai murni dalam lagu Ayun mempengaruhi perkembangan sosial masyarakat Bidayuh. Soalan temu bual ini disediakan terlebih dahulu, dan kemudian diubah suai sebelum diajukan kepada peserta kajian mengikut tahap pendidikan dan tahap pemahaman mereka disebabkan ada di antara mereka yang kurang fasih untuk berkomunikasi dalam bahasa Melayu dan temu bual dilakukan dalam bahasa Bidayuh. Soalan-soalan yang dikemukakan kepada mereka dapat membantu pengkaji untuk menjawab soalan kajian.

Kaedah Penganalisan Data

Pengkaji meneliti dan memahami semula segala data yang didapati melalui temu bual yang dianalisis dengan menentukan kod dan tema bagi setiap dapatan. Kemudian, hanya data-data yang relevan sahaja dipilih dan diproses sebagai dapatan dan perbincangan kajian. Pengkategorian data dibuat merangkumi tema yang dibentuk iaitu ciri-ciri dalam lagu Ayun dan nilai murni dalam lagu Ayun yang mempengaruhi perkembangan sosial masyarakat Bidayuh.

5.0 DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Dapatan kajian dibincangkan berdasarkan soalan-soalan kajian.

Apakah ciri-ciri lagu Ayun masyarakat Bidayuh?

Lagu-lagu Ayun sebenarnya telah lama wujud dan diamalkan dalam kehidupan masyarakat Bidayuh. Melalui temu bual, ketiga-tiga peserta kajian untuk kajian ini menyatakan bahawa lagu-lagu Ayun dalam kalangan masyarakat Bidayuh sebenarnya telah wujud sejak zaman dahulu kala dan tiada sesiapa pun yang mengetahui siapakah pencipta lagu-lagu Ayun. Perbincangan ini juga turut sama dengan dapatan kajian oleh Wann Abdul Kadir Wann Yusoff (1988) yang menyatakan bahawa pengenalan kepada asal usul lagu berentak Asli yang diklasifikasikan sebagai ragu rakyat tidak dapat dipastikan. Ciri-ciri lagu Ayun seterusnya ialah diwarisi secara turun temurun melalui tradisi lisan kerana zaman dahulu masyarakat Bidayuh kebanyakannya tergolong dalam kalangan masyarakat "illiterate", iaitu masyarakat yang buta huruf yang tidak tahu membaca dan menulis.

Lagu-lagu Ayun juga kebiasaannya dinyanyikan oleh golongan wanita, iaitu ibu atau nenek ketika menidurkan anak atau cucu mereka. Namun begitu, lagu Ayun boleh juga dinyanyikan oleh golongan lelaki kerana lagu-lagu Ayun tiada pantang-larang dan boleh dinyanyikan bila-bila masa oleh sesiapa sahaja. (Rubenstein, 1990) juga membahagikan lagu-lagu tradisional rakyat suku kaum di Sarawak dalam kategori sekular dan sakral atau keagamaan. Lagu-lagu sekular adalah merupakan lagu-lagu yang lebih dekat dengan kegiatan seharian, misalnya lagu Ayun bagi masyarakat Bidayuh.

Lagu Ayun adalah mempunyai lirik menggunakan bahasa Bidayuh atau loghat bahasa Bidayuh di Kampung A, Bau Sarawak. Di samping itu, ciri lagu Ayun yang seterusnya ialah irama dan melodi dalam nyanyian adalah berunsur santai dan mudah dinyanyikan oleh seluruh golongan lapisan masyarakat Bidayuh. Hasil pemerhatian pengkaji, lagu Ayun juga cenderung mempunyai lirik atau perkataan yang berulang-ulang dalam seni kata lagu.

Ciri seterusnya lagu Ayun diterima dalam kehidupan untuk memaparkan suara hati masyarakat. Hal ini bermakna, lagu Ayun membawa makna dan mesej yang baik melalui lagu selain daripada bertujuan untuk menghibur dan mendidik masyarakat. Sebagai contohnya, lagu Ayun secara umumnya membawa mesej dan memberi pengajaran kepada masyarakat Bidayuh supaya sentiasa bekerjasama dan berusaha bersungguh-sungguh dalam melakukan apa sahaja perkara selain menggunakan lagu tersebut untuk mendodoikan anak kecil dengan lagu tersebut sebagai medium hiburan dan didikan nilai yang baik.

Bagaimanakah nilai murni yang terdapat dalam lagu Ayun mempengaruhi perkembangan masyarakat Bidayuh?

1. Nilai murni dalam lagu Ayun Bidonab

Lagu Ayun Bidonab mengisahkan tentang kehidupan masyarakat Bidayuh khususnya golongan lelaki dan wanita yang bekerja di kebun mereka sebagai petani untuk mencari rezeki dan menyara keluarga. Dalam erti kata lain, lagu Ayun Bidonab lebih menjurus kepada penceritaan aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan kerja-kerja menanam padi huma.

Terdapat beberapa proses yang dilakukan semasa menanam padi dan dalam setiap proses tersebut diterapkan dengan **amalan “pingirih”**, iaitu budaya saling bantu membantu dalam kalangan masyarakat Bidayuh termasuklah pembinaan rumah dan kerja pertanian khususnya dalam penanaman padi huma. Dalam bahasa Bidayuh, "Toban Pingirih/Membawa Pingirih" bermaksud menganjurkan “pingirih”, manakala "Odi Mingirih/Pergi Mingirih" pula bermaksud membantu dalam mingirih. Bagi maksud “Odi Rapas Pingirih” pula membalas “pingirih”. Dalam erti kata lain, budaya “pingirih” membawa maksud sesuatu aktiviti yang individu lain lakukan kepada kita dan kita membalas balik juga individu yang telah membantu kita tadi. Seperti contoh dalam proses menuai padi, ada rakan-rakan ataupun saudara-mara yang membantu kita untuk menuai padi dan kita akan membalas balik dengan membuat aktiviti tersebut di kebun padi humanya.

Lagu Ayun Bidonab digunakan dalam menyampaikan pesanan dan memberikan pengajaran serta teladan kepada kehidupan seharian khususnya kepada masyarakat Bidayuh dalam melakukan hubungan interpersonal bahawa amalan bergotong-royong, semangat saling membantu dan mengamalkan nilai bekerjasama adalah amat penting agar perkara yang dilakukan menjadi lebih mudah.

2. Nilai murni dalam lagu Ayun Tiek A’ed

Lagu Ayun Tiek A’ed mengandungi banyak unsur-unsur nasihat khususnya untuk golongan wanita iaitu mencontohi kerajinan watak Sino/Mak Lalak dalam lagu Ayun Tiek A’ed yang sentiasa mengamalkan sikap rajin dan berusaha dalam kehidupan untuk menyediakan diri dengan pelbagai ilmu pengetahuan.

Peranan seorang wanita Bidayuh kepada keluarga mereka pada zaman dahulu amatlah penting. Hal ini kerana kerja-kerja di kebun dan kerja-kerja di rumah kebiasaannya dikerjakan oleh kaum wanita sementara golongan lelaki Bidayuh pada zaman dahulu pula membuat kerja-kerja berbentuk fizikal seperti memburu binatang, mencari hasil-hasil hutan dan sebagainya.

Jika disesuaikan dengan perubahan masa kini, lagu ini sebenarnya mengajar masyarakat Bidayuh untuk mengamalkan nilai rajin dalam jiwa masyarakat. Sememangnya sudah menjadi lumrah kehidupan, orang yang rajin berusaha akan lebih berjaya manakala yang malas atau berat tulang pula akan ketinggalan.

Dalam realiti kehidupan kita, setiap ibu bapa semestinya mahu anak-anak mereka membesar dan menjadi anak yang berakhlak mulia dan mengamalkan kerajinan dalam kehidupan. Justeru, dengan menyanyikan lagu Ayun Tiek A’ed ini sebagai suatu amalan untuk menghiburkan di samping memberi nasihat kepada anak-anak mereka dan juga sebagai lagu-lagu nasihat peringatan kepada diri-sendiri agar mencontohi sifat-sifat rajin dan tidak mudah putus asa yang ada pada watak Sino Lalak.

Sifat rajin kebiasaannya dikaitkan dengan budaya membaca buku. Jika golongan muda dalam kalangan masyarakat Bidayuh rajin membaca tidak kira apa sahaja jenis sumber bacaan sama ada buku, sumber atas talian, berita-berita dan isu semasa serta menjadikan amalan ini sebagai budaya hidup, sudah tentu ini akan memantapkan fikiran mereka. Akhirnya, kematangan itu dapat kita gunakan dalam menempuh gelombang kehidupan yang mencabar demi memperoleh kejayaan hidup.

6.0 KESIMPULAN, CADANGAN DAN IMPLIKASI

Secara ringkasnya, adalah diharapkan kajian ini menjadi rujukan mengenai muzik tradisional dan lagu-lagu rakyat khususnya masyarakat Bidayuh di daerah Bau, rujukan kepada etnik-etnik lain di Sabah dan Sarawak serta dapat menyumbangkan sedikit sebanyak informasi mengenai masyarakat Bidayuh

di Bau, Sarawak secara amnya. Selain itu, adalah diharapkan agar penyelidikan ini akan dapat meningkatkan pelbagai aktiviti yang dijalankan oleh pihak-pihak yang berkenaan dalam kajian ini. Hakikatnya, setiap individu di negara Malaysia memainkan peranan yang besar untuk mengekalkan dan memelihara warisan tradisi dan budaya masyarakat Bidayuh dan juga menambah pengetahuan seluruh masyarakat Malaysia agar mencintai warisan negara dan menjadikannya sebagai akar umbi dan jati diri.

Berdasarkan kepada dapatan kajian ini, terdapat beberapa cadangan yang dikemukakan oleh pengkaji. Antaranya termasuklah:

- i. Mengkaji dan mendalami lebih banyak lagu Ayun dalam kalangan masyarakat Bidayuh bukan sahaja terhad kepada masyarakat Bidayuh di Bau, tetapi dengan merujuk kepada pelbagai orang sumber yang terdiri daripada masyarakat Bidayuh di kawasan lain iaitu di Serian, kawasan Padawan, Lundu dan sebagainya.
- ii. Mengkaji muzik tradisional atau lagu-lagu etnik lain yang terdapat di Sarawak, misalnya etnik atau kaum Penan, Kelabit, Kenyah, Iban dan lain-lain lagi. Perkara ini akan dapat meningkatkan lagi pengetahuan pengkaji terhadap keunikan etnik-etnik lain sekaligus membantu menyebarkan ilmu pengetahuan kepada masyarakat setempat.

Berikut adalah pihak yang menerima implikasi daripada kajian ini:

i. Kelab dan Persatuan di Peringkat Kampung

Aktiviti-aktiviti yang menjurus kearah pekekalan budaya dan warisan harus diadakan, khususnya bagi lagu-lagu Ayun masyarakat Bidayuh. Langkah dan usaha yang lebih efektif perlulah dilaksanakan oleh pihak yang bertanggungjawab untuk meningkatkan dan memartabatkan warisan dan penggunaan lagu Ayun dalam kalangan masyarakat Bidayuh di daerah Bau, Sarawak. Selain itu, pihak yang terlibat haruslah mengadakan kelas-kelas khas untuk mempelajari cara nyanyian bagi lagu-lagu Ayun dan lagu-lagu tradisional yang lain.

ii. Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia

Salah satu lagi pihak yang menerima implikasi melalui kajian ini adalah Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia. Pihak ini bertanggungjawab untuk memelihara dan memperkembangkan lagu-lagu Ayun dengan menjalinkan kerjasama dengan pihak Kementerian Pembangunan Sosial dan Urbanisasi serta pihak Radio Televisyen Malaysia (RTM) serta organisasi swasta mahupun organisasi kerajaan yang lain agar dapat mempromosikan warisan budaya yang mempunyai nilai estetika dan keunikan yang tersendiri.

iii. Kementerian Pendidikan Malaysia

Seterusnya pula adalah implikasi kepada Kementerian Pendidikan Malaysia agar menyerapkan pembelajaran muzik tradisional Sabah dan Sarawak dalam sukatan pelajaran Pendidikan Muzik. Perkara ini sesuai dengan kehendak matlamat pendidikan di negara kita untuk membentuk keperibadian generasi muda agar celik budaya dan mempunyai nilai-nilai moral yang tinggi dalam diri, mempunyai cita-cita dan pandangan yang lebih luas serta berwawasan tinggi.

RUJUKAN

Creswell, J. W. (1994). *Research design: Qualitative & quantitative approaches*. New York: Sage Publications

Hamid, I. (1986). *Sastera rakyat: Suatu warisan*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti Sdn Bhd.

Hashim bin Haji Bedu, K. b. (2008). *Keruntuhan akhlak dan gejala sosial dalam keluarga: Isu dan cabaran*. Seminar Kaunseling Keluarga, 51-61.

Said, A. (2004). *Nyanyian rakyat khazanah bangsa yang hilang*. Kuala Lumpur: Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan Malaysia.

Yusoff, W. A. (1988). *Budaya popular dalam masyarakat melayu bandaran*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP)

PELAKSANAAN LATIHAN KUGIRAN OLEH GURU PENDIDIKAN MUZIK DAN PENGARUHNYA TERHADAP MURID DI SEKOLAH DAERAH CHERAS

MOHAMAD TAUFIQ SYHAMI BIN AZMI
Jabatan Pendidikan Muzik

Pensyarah Pembimbing
DR. FAUZILA BT ABDUL LATIF

ABSTRAK

Kajian ini dijalankan bertujuan memperlihatkan kepentingan aktiviti kokurikulum khususnya dalam bidang muzik. Objektif kajian ini ialah bagi mengenal pasti kaedah latihan kumpulan kugiran yang digunakan oleh guru muzik, dan menentukan pengaruh penglibatan aktiviti kugiran ini terhadap pencapaian diri murid. Persempelan bertujuan digunakan iaitu dengan memilih seorang peserta kajian yang terdiri daripada guru Pendidikan Muzik yang berpengalaman luas, yang mana selaku jurulatih kumpulan kugiran di salah sebuah sekolah di daerah Cheras, Kuala Lumpur. Data dikumpul menggunakan instrumen temu bual separa berstruktur, pemerhatian dan membuat analisis dokumen. Kemudian, data yang diperolehi dianalisis, dikod dan dikategorikan mengikut persoalan kajian. Dapatan kajian telah menunjukkan kaedah latihan kugiran yang dilaksanakan oleh guru dapat dikategorikan kepada tiga tema utama iaitu *warm-up*, latihan khusus dan bacaan semerta. Kedua, pengkaji mendapati bahawa penglibatan murid dalam kumpulan kugiran sewaktu aktiviti kokurikulum muzik telah membawa pengaruh yang positif yang mana boleh dilihat menerusi pencapaian mereka dari aspek akademik, sahsiah dan sifat kepimpinan. Dapatan kajian ini dapat memberi implikasi yang bermakna kepada golongan guru Pendidikan Muzik di seluruh Malaysia, murid-murid serta kepada pihak berwajib dalam membuat penambahbaikan dalam bidang Pendidikan Muzik.

Kata Kunci: Kugiran, kaedah latihan, kokurikulum, Pendidikan Muzik

ABSTRACT

The purpose of this study is to show the importance of co-curriculum activities especially in music field. The objectives of this study are to identify the training method of music band used by music teacher, and also to specify the effect of students' involvement in this activity towards their self-achievement. Purposive sampling is used by selecting a participant consists of an experienced Music Education teacher, who is a coach of the music band in a school in Cheras District, Kuala Lumpur. Data is collected by semi-structured interviews, observations and document analysis. Then, the results are analyzed, encoded and categorized according to the questions study. The results showed that the training methods used by the teacher towards the music band can be categorized into three main themes which are warming up, skills drilling and sight-reading. Secondly, the researcher found that the involvement of the students in music co-curriculum activities showed positive effects that can be seen through their academic achievement, personality and to leadership qualities. The results of this study has some implications to the Music Education teachers all over Malaysia, students and also to the authorities in enhancing the field of Music Education.

Keywords: Band, training method, co-curriculum, Music Education

Emel: taufiqsyhami@gmail.com

1.0 PENGENALAN

Pendidikan Muzik yang baik perlulah dilaksanakan dengan memberi fokus bukan sahaja terhadap pengetahuan muzik semata-mata tanpa menekankan kepentingan pengalaman muzikal. Latihan yang komprehensif terhadap pengetahuan dan pengalaman muzikal menurut Gardner (1983) dalam Teori Kecerdasan Pelbagai menyatakan kepentingan memahami muzik kerana ia merupakan kunci kepada bagaimana seseorang individu berfikir. Menurut beliau juga, muzik merupakan bahagian penyatuan perkembangan intelek, budaya, emosi, dan rohani manusia.

Justeru, dalam subjek Pendidikan Muzik terdapat pelbagai cabangnya meliputi kurikulum dan kokurikulum. Seperti kita sedia maklum, dalam kurikulum Pendidikan Muzik murid didedahkan dengan asas teori muzik, kemahiran asas dalam muzik dan pelbagai lagi kemahiran permainan alat muzik. Manakala, kokurikulum pula melibatkan aktiviti luar daripada kurikulum biasa Pendidikan Muzik di dalam bilik darjah. Murid akan didedahkan dengan pengetahuan dan kemahiran yang lain seperti nyanyian koir, permainan kompang, nasyid, dan tidak terkecuali kugiran.

2.0 PENYATAAN MASALAH

Perubahan dasar-dasar pendidikan di Malaysia semestinya memberi impak yang positif terhadap perkembangan murid terutamanya di sekolah rendah. Hal ini boleh kita lihat terdapat banyak penglibatan murid-murid sekolah rendah dan menengah dalam pertandingan yang melibatkan kokurikulum dalam bidang Pendidikan Muzik seperti Wind Orchestra, String Orchestra, Okestra Cina, Cak Lempong, Gamelan, Muzik Tradisional Malaysia, Konsert Perkusi dan Kugiran yang dianjurkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia dan juga badan-badan bukan kerajaan (Festival Kesenian Muzik Sekolah-Sekolah Malaysia, 2018).

Sungguhpun begitu, dalam dapatan kajian oleh Mohd Fazli et. al (2013) menunjukkan bahawa ada segelintir pelajar kurang berminat melibatkan diri atau kurang menunjukkan komitmen terhadap aktiviti kokurikulum yang dijalankan oleh sekolah. Hal ini terjadi kerana kokurikulum dalam Pendidikan Muzik dilihat sebagai satu beban dan tidak semua pihak merasakan kepentingan melibatkan murid dalam kokurikulum sebagai satu kejayaan. Oleh itu, guru-guru khususnya guru muzik memainkan peranan yang besar dalam membentuk dan memastikan setiap murid diberi peluang untuk melibatkan diri dengan sebarang kegiatan yang melibatkan bidang muzik di sekolah.

Pengkaji tertarik untuk menjalankan kajian ini kerana ingin mengetahui kaedah latihan kugiran yang digunakan oleh guru muzik dalam memastikan murid mampu meningkatkan kemahiran dalam mempersembahkan muzik kugiran dan juga hasil daripada penglibatan murid dalam aktiviti kokurikulum muzik terhadap pencapaian diri mereka.

3.0 OBJEKTIF KAJIAN

Antara objektif yang hendak dicapai dalam kajian ini adalah untuk:

1. Mengetahui kaedah latihan kugiran yang digunakan oleh guru muzik terhadap murid.
2. Menentukan pengaruh penglibatan dalam aktiviti kokurikulum muzik terhadap pencapaian diri murid.

4.0 SOALAN KAJIAN

Selepas penetapan objektif, persoalan kajian telah dikemukakan. Persoalan kajian ini ialah:

1. Apakah kaedah latihan kugiran yang digunakan oleh guru muzik terhadap murid?
2. Bagaimanakah penglibatan murid dalam aktiviti kokurikulum muzik mempengaruhi pencapaian diri murid?

5.0 METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian kes yang mana pengkaji menjalankan kajian secara eksplorasi dan deskriptif dengan menggunakan kaedah kualitatif. Ia merupakan sebuah kaedah yang digunakan untuk menerokai dan memahami berkaitan mengapa manusia cenderung ke arah sesuatu sikap dalam menghadapi sesuatu perkara. Creswell (2009) menyatakan kajian kualitatif lebih menfokuskan pengalaman secara terus peserta kajian yang terlibat dengan sesuatu situasi itu dan seterusnya pengkaji boleh mendapatkan konsep pada akhir kajian.

Peserta Kajian

Peserta kajian yang dipilih adalah melibatkan seorang guru muzik yang berpengalaman dalam latihan kugiran di sebuah sekolah rendah di sekitar daerah Cheras, Kuala Lumpur. Pemilihan peserta kajian ini adalah berdasarkan teknik pensampelan bertujuan yang mana pengkaji menetapkan kriteria-kriteria tertentu dalam memilih peserta bagi membantu mendapatkan data yang berkaitan dengan objektif dan persoalan kajian.

Instrumen Kajian

Instrumen yang digunakan dalam kajian ini ialah temu bual separa berstruktur, pemerhatian dan analisis dokumen. Bagi instrumen temu bual, pengkaji membina set item soalan yang menjurus kepada kedua-dua objektif kajian. Instrumen pemerhatian pula melibatkan set borang senarai semak yang mengandungi beberapa item berkaitan kaedah latihan kugiran yang digunakan oleh guru bagi melihat perjalanan pelaksanaan latihan kugiran dalam situasi sebenar. Sebelum itu, item daripada kedua-dua instrumen tersebut diberikan kepada pakar iaitu pensyarah penyelia bagi mendapatkan pengesahan soalan. Seterusnya, bagi instrumen analisis dokumen, pengkaji membuat pemeriksaan dan penganalisan terhadap jadual latihan dan rancangan kaedah latihan yang disusun oleh peserta kajian iaitu guru muzik.

Analisis Data

Pengkaji menganalisis data setelah temu bual dilakukan. Proses bermula dengan membuat transkripsi secara verbatim berdasarkan temu bual yang dirakam. Data yang dipilih dikodkan dan dikategorikan mengikut tema-tema yang bersesuaian dengan objektif kajian. Setelah itu, pemerhatian terhadap pelaksanaan latihan kugiran oleh guru dilakukan dengan berpandukan borang senarai semak pemerhatian. Pengkaji turut membuat analisis dokumen dengan membuat pemeriksaan dan pencerakinan terhadap jadual latihan dan jadual rancangan kaedah latihan kugiran yang diperolehi daripada peserta kajian untuk dikaitkan dengan dapatan daripada instrumen temu bual dan pemerhatian. Proses ini dilakukan secara berterusan sehingga tamat proses pengumpulan data.

6.0 DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Dapatan kajian yang telah dianalisis adalah berpandukan dua persoalan kajian yang ditetapkan dalam kajian ini.

Soalan kajian 1: Apakah kaedah Latihan kugiran yang digunakan oleh guru muzik terhadap murid?

Jadual 1 memaparkan rumusan kaedah-kaedah latihan kugiran yang digunakan oleh guru muzik terhadap murid.

Jadual 1

Rumusan Kaedah Latihan Kugiran

| Peserta kajian/ Kaedah | P1 |
|------------------------------------|---|
| <i>Warm-up</i> | <ul style="list-style-type: none">• Sekurang-kurangnya satu kali setiap sesi• Pada awal sesi latihan• 10 minit setiap sesi |
| Latihan khusus (<i>drilling</i>) | <ul style="list-style-type: none">• Fokus kemahiran spesifik murid• Penekanan kepada bahagian yang sukar• Latihan pengulangan |
| Bacaan semerta | <ul style="list-style-type: none">• Permainan corak irama lapan bar• Pemberian skor lagu mudah |

Dapatan kajian menunjukkan bahawa kaedah yang digunakan oleh guru dalam latihan kugiran terhadap murid yang menyertai kumpulan kugiran dapat dilihat daripada tiga tema utama iaitu *warm-up* melibatkan sekurang-kurangnya sekali dalam setiap sesi, dilakukan pada awal sesi latihan dengan selama 10 minit pada setiap sesi. Pengkaji mendapati bahawa *warm-up* perlu dilaksanakan kerana ia penting untuk melatih pernafasan dan membantu penyanyi mencapai rejng suara sama ada rendah atau tinggi bagi penyanyi vokal, dan juga memberi peluang kepada pemain alat muzik untuk mengingat kembali dan membiasakan diri dengan permainan kord, melodi, rentak lagu dan sebagainya. Selain itu, tema kedua menunjukkan kaedah yang digunakan ialah latihan khusus iaitu *drilling*. Peserta memberi fokus kepada kemahiran spesifik setiap ahli kumpulan kugiran, memberi penekanan pada bahagian yang sukar serta menjalankan latihan tersebut secara berulang-ulang. Hal ini bertepatan dengan dapatan kajian Zuhail Dinc (2010) iaitu beliau menyenaraikan *drill and practice* sebagai strategi pengajaran yang digunakan oleh guru sekolah rendah dalam memastikan keberkesanan pengajaran muzik.

Sementara itu, latihan secara berulang-ulang dapat dikaitkan dengan Teori Pembelajaran Thorndike (1911) melalui hukum latihan yang digariskan dalam teori tersebut iaitu beliau menjelaskan bahawa murid perlu diberi latihan dan pengulangan untuk menghasilkan pembelajaran yang berkesan. Oleh itu, guru hendaklah menekankan latihan yang kerap terhadap murid dalam menjalankan sesuatu latihan muzikal untuk tujuan pengukuhan. Kedua-dua dapatan tema tersebut adalah selari dengan pendapat Sally (2014) yang mana beliau menyentuh persediaan pedagogi iaitu dengan membuat latihan pemanasan suara dan latihan pernafasan, menentukan bahagian yang susah dalam skor muzik, strategi mengajar menyanyi bahagian yang susah terlebih dahulu, membuat latihan mengikut lapisan suara dan kaedah mengajar keseluruhan skor muzik.

Akhir sekali ialah tema bacaan semerta yang mana peserta kajian mengetengahkan latihan permainan corak irama mudah sepanjang lapan bar dan latihan menerusi skor lagu mengikut tahap murid. Jacqueline (2015) dalam dapatan kajiannya terhadap kesan arahan bacaan semerta terhadap pencapaian prestasi menunjukkan bahawa prestasi kumpulan peserta rawatan menurun, manakala pencapaian prestasi kumpulan terkawal adalah meningkat: rawatan ($M = -3.65$, $SD = 8.37$, $n = 16$), terkawal ($M = 10.10$, $SD = 15.40$, $n = 14$). Oleh itu, kaedah ini amat sesuai dilaksanakan oleh guru muzik dalam meningkatkan kemahiran muzikal kumpulan kugiran dalam melatih tindakan kinestetik melalui jari atau tangan pada alat muzik dan melalui badan dalam nyanyian.

Soalan kajian 2: Bagaimanakah penglibatan murid dalam aktiviti kokurikulum muzik mempengaruhi pencapaian diri murid?

Pengkaji menjalankan temu bual dan pemerhatian dalam mengumpul data bagi menjawab persoalan kajian yang kedua. Dapatan kajian menunjukkan bahawa peserta kajian telah menyatakan jawapan berbentuk pengaruh yang positif menerusi aspek akademik, sahsiah dan sifat kepimpinan. Menerusi temu bual yang dijalankan, peserta menyatakan bahawa murid yang terlibat dengan latihan kugiran dilihat dapat menerima serta memberi tindak balas yang pantas dan tepat terhadap sesuatu topik yang dipelajari khususnya subjek Pendidikan Muzik. Hal ini selaras dengan dapatan kajian Darling et. al (2005) yang mana beliau menjelaskan kesan daripada murid melibatkan diri dengan kegiatan kokurikulum menunjukkan keputusan yang baik iaitu mereka memiliki nilai yang lebih tinggi, sikap serta pencapaian dalam akademik yang memuaskan.

Dapatan daripada peserta kajian juga menunjukkan bahawa murid menerima pengaruh terhadap pembentukan sahsiah diri ataupun nilai. Menurut beliau, murid yang menyertai kumpulan kugiran dilihat semakin berdisiplin berbanding pada awalnya kerana mereka bersama-sama membantu antara satu sama lain seperti menyusun alat-alat muzik sebelum dan selepas latihan dijalankan. Wan Mohd. Zahid (1988) menerusi Mohamad Khairi & Asmawati (2010) menyatakan sewaktu merancang penggubalan kurikulum peringkat menengah, dalam usaha menyediakan anak bangsa yang mempunyai ketahanan diri yang teguh, beliau menjelaskan Kementerian Pendidikan mengambil strategi untuk menerapkan nilai-nilai murni merentasi kurikulum, iaitu disisipkan melalui semua mata pelajaran dan diperkukuhkan pula melalui aktiviti kokurikulum serta pembentukan budaya sekolah yang positif. Di sini amat jelas bahawa pembentukan sahsiah murid dapat dipupuk melalui aktiviti di luar bilik darjah atau kokurikulum.

Pengaruh ketiga pula adalah pembentukan terhadap sifat kepimpinan. Pengkaji mendapati salah seorang murid daripada kumpulan kugiran tersebut memegang jawatan sebagai ketua kelas dan ketua pasukan kompiang sekolah. Di sini dapat dilihat bahawa murid mampu berdikari dan mempunyai inisiatif yang menunjukkan keperibadian sebagai seorang pemimpin. Tema ini selari dengan dapatan Nor Suhara (2010) yang disokong oleh Masitah (1995) dan Rohanida (2002) yang mana beliau menyatakan bahawa aktiviti kokurikulum dapat memberi latihan awal dari segi kepimpinan, sahsiah dan kemasyarakatan di kalangan murid. Oleh itu, pihak ibu bapa, guru dan sekolah haruslah memberikan peluang kepada murid dengan menggalakkan mereka terlibat dengan aktiviti muzikal sama ada di dalam mahupun luar sekolah.

7.0 KESIMPULAN, CADANGAN DAN IMPLIKASI

Setiap murid perlulah diberi peluang untuk terlibat dengan aktiviti muzikal kerana menurut Gottfried Shlaug dalam kajian Chai (2003) mengatakan bahawa muzik boleh mempengaruhi perkembangan otak manusia secara spesifik. Kesannya, ia dapat menyeimbangkan fungsi otak kiri dan kanan, secara tidak langsung boleh mengembangkan pemikiran dan juga kemahiran dalam sesuatu bidang yang diceburi.

Kajian lanjutan yang dicadangkan ialah dengan meningkatkan lagi bilangan peserta kajian iaitu guru muzik untuk mendapatkan data yang lebih luas dan mendalam. Selain itu, pengkaji akan datang perlu memperluas skop kawasan kajian ke peringkat daerah ataupun negeri bagi mendapatkan kesahan dan kebolehpercayaan untuk mengenal pasti kaedah yang digunakan oleh guru muzik dalam melatih murid kumpulan muzik kugiran yang berkualiti di samping menentukan kesan yang dialami oleh murid dari pelbagai aspek yang lebih luas.

Dapatan kajian ini diharapkan dapat memberi sumbangan ilmu yang bermakna kepada guru Pendidikan Muzik supaya mempraktikkan kaedah-kaedah daripada dapatan kajian ini untuk diguna pakai dalam melatih murid kumpulan kugiran. Kemudian, implikasi kepada Kementerian Pendidikan Malaysia dan kepada semua murid sekolah rendah dan menengah di seluruh negara.

RUJUKAN

- Chai, S. M., Roseline, L., Chong, P. L. & Tan, M. T. (2003). *Satu Tinjauan: Kepentingan Muzik Sebagai Mata Pelajaran Wajib Dalam Kurikulum Pendidikan Guru*.
- Creswell, J.W. *Research Design: Qualitative, Quantitative and Mixed Methods Approaches*, 3rd Edition. (California: SAGE Publication, 2009), 4.
- Darling, N., Caldwell, L.L. & Smith, R. 2005. Participation in school based extracurricular activities and adolescent adjustment. *Journal of Leisure Research* 37 (1): 51-76.
- Festival Kesenian Muzik Sekolah-Sekolah Malaysia. (2018).
- Jacqueline, C. S. (2015). *The Effect of Sight-Reading Instruction on Performance Achievement of Wind Players in a High School Band*.
- Mohamad, K. O. & Asmawati, S. (2010). Peranan Sekolah dan Guru dalam Pembangunan Nilai Pelajar Menerusi Penerapan Nilai Murni. *MALIM-SEA Journal of General Studies II*.
- Mohd. F, H., Suhaida, A. K., & Soaib, A. (2013). Hubungan Perekitaran Sekolah dengan Penglibatan Pelajar dalam Aktiviti Kokurikulum di Sekolah Menengah. *Jurnal Pendidikan Malaysia* 38(2) (2013): 1-9.
- Nor, S. F. (2010). *Kepentingan Kokurikulum dalam Pendidikan di Sekolah Menengah*.
- Sally, J. (2014). *Perancangan Pengajaran Muzik*. Retrieved from slideshare: <https://www.slideshare.net/ilutts/hbms4303-perancangan-pengajaran-muzik>
- Zuhal, D. A. (2010). Exploring Effective Music Teaching Strategies of Primary School Teachers. *Procedia Social and Behavioral Sciences*.

PENGARUH PERKEMBANGAN KEMAHIRAN MUZIKAL DAN SAMBUTAN MASYARAKAT TERHADAP KUMPULAN PENGHIBUR JALANAN DI SEKITAR DAERAH PONTIAN

NUR RAFIDAH IBTISAM BINTI IBRAHIM
Jabatan Pendidikan Muzik

Pensyarah Pembimbing
DR. FAUZILA BT ABDUL LATIF

ABSTRAK

Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk mewujudkan kesedaran masyarakat dalam memahami dan menghargai seni muzik bagi menepis tanggapan segelintir masyarakat yang memandang rendah terhadap persembahan pemuzik jalanan. Oleh itu, objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti perkembangan kemahiran muzikal yang mempengaruhi kumpulan penghibur jalanan serta menentukan sambutan masyarakat terhadap persembahan jalanan yang dihasilkan. Peserta kajian terdiri daripada tiga ahli kumpulan penghibur jalanan yang tidak mempunyai latar belakang dalam bidang muzik secara formal yang berlokasi di sekitar Daerah Pontian. Reka bentuk yang digunakan ialah kajian kes melalui pendekatan kualitatif. Data dikumpul menggunakan instrumen temu bual separa berstruktur dan pemerhatian. Dapatan kajian yang diperolehi dianalisis dengan mengkategorikan dan mewujudkan tema yang signifikan berasaskan persoalan kajian. Dapatan kajian bagi menjawab persoalan pertama dapat dibahagikan kepada empat tema utama iaitu pengaruh keluarga, perasaan dalaman sama ada biologi atau bakat, media massa dan persekitaran. Bagi persoalan kedua pula, pengkaji mendapati sambutan masyarakat terhadap persembahan jalanan yang ditunjukkan adalah berbentuk positif dan ada juga berbentuk negatif. Dapatan kajian ini dapat memberi implikasi yang bermakna kepada masyarakat, Guru Pendidikan Muzik serta para penghibur jalanan di seluruh negara.

Kata Kunci: Muzikal, penghibur jalanan, sambutan

ABSTRACT

This study is conducted to raise the awareness among society of understanding and appreciating the music of art in order to ward off the responses from society who had underestimated the street music performances. Therefore, the objectives of this study are to identify the musical skills development that effects the street entertainers group and also to determine the acceptance from society towards the street music performances performed. The participants consist of three street entertainers who have no background in music's field around Pontian District. The design used is a case study. Data is collected by using a semi-structured interview and observations. The findings obtained are analyzed, categorized and the significant themes are created according to the questions study. The findings for the first question can be divided into four main themes which are family influence, inner feeling either biological or talent, mass media and environment. For the second question, the researcher found that the acceptance from the society are positive and some are negative. Lastly, this study has some implications to the society, Music Education teachers and also to the street entertainers all over the country.

Keywords: Musical, street entertainers, acceptance

Emel: rafidah.ibtisam@gmail.com

1.0 PENGENALAN

Menurut Mohd Aizat dalam Majalah Bulanan Kolej Antarabangsa Yayasan Melaka ICYM Edisi 2 (2014), persembahan jalanan atau *busking* dari segi istilah bererti amalan pertunjukan di tempat awam untuk meraih ganjaran. Kegilaan segelintir individu untuk menyerlahkan bakat mereka di jalanan kini kian berleluasa, tidak hanya tertumpu di kota metropolitan, bahkan mula menjadi ikutan di bandar-bandar kecil di seluruh negara. Acap kali dapat kita lihat persembahan jalanan ini kebiasaannya melibatkan sekumpulan pemuzik dan penyanyi yang mana mereka menyanyikan lagu-lagu terkini mahupun lagu lama dengan gaya dan lagak tersendiri.

Sehubungan itu, muzik merupakan satu elemen terpenting yang terkandung dalam penyampaian sesebuah persembahan jalanan. Choksy (1988) menerusi Chai Sheau Ming et. al (2003) telah menyenaraikan beberapa sebab utama kepentingan muzik dalam kurikulum pendidikan. Pertama, muzik berfungsi sebagai hiburan, rekreasi dan pemberi pengalaman yang berbeza. Seseorang yang menerima pendidikan muzik bermutu akan menikmati muzik dengan lebih meluas dan menyeluruh berbanding dengan orang yang tidak diberikan peluang ini. Selanjutnya, muzik itu dianggap kerjaya. Seseorang yang didedahkan dengan muzik formal boleh menceburi pelbagai bidang muzik seperti pengajaran, penciptaan dan persembahan.

2.0 PENYATAAN MASALAH

Masyarakat mempunyai persepsi atau tanggapan tersendiri yang berbeza terhadap persembahan jalanan yang mereka andaikan. Oleh sebab *busker* sering dikaitkan dengan penggunaan dadah, gejala sosial dan eksploitasi kanak-kanak, mereka diberi persepsi yang negatif (Berita Harian Online 2013; Harian Metro 2014) dalam Mohd Fahmi Yahya et. al (2016). Ada juga yang menganggap mereka seperti peminta sedekah yang hanya tahu menadah tangan mengharap simpati. Tambahan lagi, terdapat pandangan-pandangan positif dan negatif telah dikeluarkan tentang penggunaan muzik. Ada yang mengatakan bahawa ibu bapa beranggapan anak mereka belajar perkara yang tidak elok jika mempelajari muzik (Hanizah Abdul Bahar, 2010).

Penyataan sebegini menimbulkan permasalahan terhadap seseorang individu yang tidak mendapat galakan serta peluang untuk mengembangkan bakat dan kemahirannya dalam bidang muzik. Lebih-lebih lagi individu yang tidak berlatar belakangkan pengetahuan dan kemahiran dalam bidang muzik. Sekaligus masalah ini dilihat menjadi penghalang dalam usaha mengembangkan dan meningkatkan kualiti Pendidikan Muzik di negara kita.

Pengkaji tertarik untuk menjalankan kajian ini kerana melihatkan tertubuhnya Kelab Penghibur Jalanan Malaysia (MYBC) pada Disember 2012 yang didaftarkan untuk bergabung dan menaik taraf golongan penghibur jalanan di Malaysia atas kesedaran terhadap potensi industri ini kepada ekonomi negara. Justeru, pengkaji mendapati perlu adanya kajian serta pendokumentasian terhadap penghibur jalanan yang tidak mempunyai latar belakang dalam bidang muzik kerana didapati kualiti persembahan yang ditunjukkan oleh mereka kebanyakannya setanding dengan kumpulan-kumpulan pemuzik profesional bagi mengkaji dan meneroka perkara yang mempengaruhi perkembangan kemahiran muzikal dan membuatkan mereka mampu mencapai tahap tersebut.

3.0 OBJEKTIF KAJIAN

Antara objektif yang hendak dicapai dalam kajian ini adalah untuk:

1. Mengenal pasti perkembangan kemahiran muzikal yang mempengaruhi kumpulan penghibur jalanan.
2. Menentukan sambutan masyarakat terhadap persembahan jalanan yang dihasilkan oleh kumpulan penghibur jalanan.

4.0 SOALAN KAJIAN

Selepas penetapan objektif, persoalan kajian telah dikemukakan. Persoalan kajian ini adalah:

1. Apakah perkara yang mempengaruhi perkembangan kemahiran muzikal kumpulan penghibur jalanan?
2. Bagaimanakah sambutan masyarakat terhadap persembahan jalanan yang dihasilkan oleh kumpulan penghibur jalanan?

5.0 METODOLOGI KAJIAN

Reka bentuk kajian ini ialah kajian kes yang dilaksanakan menerusi kaedah kualitatif dan bersifat eksplorasi. Kajian kualitatif bertujuan memahami keadaan sebenar fenomena dan konteks kajian tanpa memanipulasi apa-apa situasi sebenar (Patton, 2002). Oleh itu, pendekatan ini adalah sesuai digunakan dalam kajian yang bermatlamat menerangkan keadaan atau perhubungan dan pendapat tentang proses yang berlaku. Kajian ini juga adalah bagi mencari pengertian iaitu terhadap

perkembangan kemahiran muzikal yang dialami oleh sekumpulan *busker* yang tidak mempunyai latar belakang dalam bidang muzik.

Peserta Kajian

Peserta kajian yang dipilih adalah melibatkan tiga orang yang mana mereka merupakan ahli kumpulan penghibur jalanan yang terlibat secara aktif dengan kegiatan *busking* di sekitar Daerah Pontian. Pemilihan peserta kajian adalah berdasarkan teknik pensampelan bertujuan kerana pengkaji menetapkan kriteria-kriteria tertentu untuk memilih peserta dalam membantu mencapai objektif kajian dengan lebih tepat.

Instrumen Kajian

Instrumen yang digunakan ialah temu bual separa berstruktur dan pemerhatian. Bagi instrumen temu bual, pengkaji membina set item soalan berlandaskan elemen di dalam kerangka konseptual kajian. Instrumen pemerhatian pula melibatkan set borang senarai semak yang mengandungi beberapa item untuk melihat perjalanan persembahan yang ditunjukkan oleh peserta kajian sewaktu pengkaji berada di lapangan. Item daripada kedua-dua instrumen tersebut terlebih dahulu telah diajukan kepada pakar bagi mendapatkan pengesahan.

Analisis Data

Pengkaji menganalisis data setelah temu bual pertama dilakukan. Proses bermula dengan membuat transkripsi secara verbatim berdasarkan temu bual yang dirakam. Data yang dipilih dikodkan dan kemudian dikategorikan mengikut dimensi data yang berkenaan berlandaskan kerangka konseptual kajian. Kemudian, pemerhatian terhadap persembahan jalanan dilakukan dengan berpandukan borang senarai semak pemerhatian. Proses ini dilakukan secara berterusan sehingga tamat proses pengumpulan data.

6.0 DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Dapatan kajian yang telah dianalisis adalah berpandukan dua persoalan kajian yang ditetapkan dalam kajian ini.

Soalan kajian 1: Apakah perkara yang mempengaruhi perkembangan kemahiran muzikal kumpulan penghibur jalanan?

Jadual 1 memaparkan perkara-perkara yang mempengaruhi perkembangan kemahiran muzikal kumpulan penghibur jalanan

Jadual 1

Rumusan Pengaruh Perkembangan Kemahiran Muzikal Kumpulan Penghibur Jalanan

| Peserta Kajian/ Pengaruh | P1 | P2 | P3 |
|-----------------------------|--|--|---|
| Keluarga | <ul style="list-style-type: none"> Bapa | <ul style="list-style-type: none"> Bapa saudara Abang Ibu | <ul style="list-style-type: none"> Bapa saudara |
| Dalaman | <ul style="list-style-type: none"> Minat Konsep diri | <ul style="list-style-type: none"> Minat Konsep diri Pengalaman | <ul style="list-style-type: none"> Minat Pengalaman |
| Media Massa | <ul style="list-style-type: none"> <i>Youtube</i> | <ul style="list-style-type: none"> Televisyen Buku | <ul style="list-style-type: none"> <i>Youtube</i> |
| Persekitaran | <ul style="list-style-type: none"> Rakan sebaya Guru | <ul style="list-style-type: none"> <i>Busker</i> tempatan | <ul style="list-style-type: none"> <i>Busker</i> tempatan |

Dapatan kajian menunjukkan bahawa peserta mengalami perkembangan kemahiran muzikal disebabkan oleh pengaruh bapa, bapa saudara, abang, ibu, rasa minat, konsep diri dan pengamalan. Kemudiannya pengaruh *youtube*, televisyen, buku, *busker* tempatan, rakan sebaya dan guru. Bagi dapatan mengenai pengaruh keluarga, pengkaji mendapati keluarga jelas berperanan sebagai penyumbang terhadap perkembangan individu dalam bidang yang diceburi kerana tahap kedapatan peluang untuk mendalami sesuatu kemahiran dalam bidang tersebut adalah lebih tinggi dengan adanya

bantuan seperti aspek modal, sokongan moral dan sebagainya. Dapatan ini disokong dan dibuktikan melalui kajian Wai (2011) yang ada menyatakan bahawa penglibatan ibu bapa memainkan peranan penting dalam memberi sokongan dan galakan kepada anak mereka menceburi sesuatu bidang yang diminati sekaligus mendorong dalam mengembangkan kemahirannya mengikut sesuatu bidang tersebut.

Seterusnya, pengaruh dalaman telah menunjukkan fungsinya dalam mengembangkan kemahiran muzikal peserta kajian melalui aspek minat, konsep diri dan pengalaman. Menurut Wan Mohd Fazli (2014), melalui minat seseorang akan lebih bersungguh-sungguh dalam apa jua bidang yang mereka ceburi. Minat juga merupakan satu elemen penting dalam mencapai kejayaan. Bagi pengaruh media massa, pengkaji mendapati tiada kajian lalu ada menyatakan bahawa media massa sebagai pengaruh terhadap perkembangan diri seseorang. Dengan ini, pengkaji mengeluarkan satu penemuan baharu yang mempengaruhi perkembangan kemahiran muzikal. Dengan adanya kemudahan teknologi pada masa kini mampu memberi pengaruh tersendiri kepada seseorang untuk meminati sesuatu. Melalui saluran tersebut mereka berpeluang membuat eksplorasi dengan lebih mendalam tentang perkara yang ingin diketahui. Dapatan tema keempat pula iaitu pengaruh persekitaran adalah selari dengan Teori Pembelajaran Sosial (1977) yang mana pemikiran, perasaan dan tingkah laku manusia pada asasnya tidak terlepas daripada pengaruh persekitaran, terutama oleh harapan dan desakan daripada orang yang rapat dengan diri mereka.

Soalan kajian 2: Bagaimanakah sambutan masyarakat terhadap persembahan jalanan yang dihasilkan oleh kumpulan penghibur jalanan?

Pengkaji menjalankan temu bual dan pemerhatian dalam mengumpul data bagi menjawab persoalan kajian yang kedua. Jadual 2 menunjukkan dapatan mengenai sambutan masyarakat setempat terhadap persembahan jalanan yang ditunjukkan oleh kumpulan penghibur jalanan.

Jadual 2
Rumusan Dapatan Pemerhatian tentang Sambutan Masyarakat terhadap Persembahan Jalanan

| Bil. | Item | Minggu | | |
|------|--|--------|---|---|
| | | 1 | 2 | 3 |
| 1. | Pengunjung memberi sumbangan wang. | / | | / |
| 2. | Pengunjung bersorak dan menepuk tangan menyaksikan persembahan. | | | / |
| 3. | Pengunjung tidak menghiraukan kumpulan <i>busker</i> yang membuat persembahan. | / | / | / |

Berdasarkan dapatan kajian melalui instrumen pemerhatian, dilihat terdapat pelbagai peringkat umur masyarakat setempat yang berada di kawasan persembahan jalanan dijalankan bagi menentukan sambutan mereka terhadap kumpulan penghibur jalanan tersebut. Mereka termasuklah golongan remaja, kanak-kanak dan warga separuh abad. Melalui pemerhatian tersebut, pengkaji menyimpulkan bahawa sambutan masyarakat terhadap persembahan jalanan yang dihasilkan oleh penghibur jalanan adalah berbentuk negatif dan kurang menggalakkan. Seperti dapat dilihat bagi item ketiga iaitu pengunjung tidak menghiraukan kumpulan *busker* membuat persembahan adalah kekerapan paling tinggi iaitu tiga kali. Ini menunjukkan terdapat pihak masyarakat yang tidak mengendahkan persembahan jalanan yang ditunjukkan. Dapatan ini selari dengan kajian oleh Mohd Azly Zakaria et. al (2016) yang telah menghuraikan adanya segelintir yang menunjukkan reaksi negatif seperti tidak mempedulikan langsung kewujudan mereka di tempat mereka menjalankan aktiviti *busking*. Hal ini disebabkan mereka menganggap *busker* sebagai pengemis yang mencacatkan suasana sesebuah kawasan serta mengganggu lalu lintas awam.

Namun begitu, dapatan kajian turut memaparkan bahawa masyarakat menunjukkan sambutan yang positif. Sambutan positif ini dilihat melalui item pertama iaitu ada pengunjung yang memberi sumbangan berbentuk wang. Item paling rendah adalah item kedua iaitu pengkaji mendapati pengunjung yang bersorak dan menepuk tangan apabila menyaksikan persembahan *busking* sebanyak satu kali. Dapatan ini dapat disokong dengan kajian yang juga dijalankan oleh Mohd Azly Zakaria et. al (2016). Beliau menjelaskan sambutan positif dapat dilihat dari kalangan masyarakat. Misalnya, ada masyarakat yang hadir menghulurkan sumbangan wang dan juga sokongan moral seperti menyanyi dan menari

bersama mereka yang membuat persembahan serta menepuk tangan beramai-ramai walaupun bilangannya sedikit. Ada juga yang menunjukkan penghargaan dengan merakam persembahan yang ditunjukkan.

7.0 KESIMPULAN, CADANGAN DAN IMPLIKASI

Individu yang terlibat dengan kegiatan *busking* di dunia ini mempunyai pendapat mereka tersendiri terhadap perkara yang mempengaruhi perkembangan kemahiran mereka. Pengaruh-pengaruh tersebut memainkan peranan yang amat penting kerana telah membantu menimbulkan rasa minat serta menjadi medium pendedahan yang melibatkan pengetahuan dan kemahiran dalam bidang muzik terhadap para penghibur jalanan.

Kajian lanjutan yang dicadangkan ialah dengan meningkatkan lagi bilangan peserta kajian kepada lima hingga tujuh orang agar data yang dikumpul lebih tepat, jitu dan mendalam. Selain itu, dari segi kawasan kajian boleh diluaskan lagi dengan melibatkan beberapa buah daerah di dalam sesebuah negeri dengan tujuan mengenal pasti bermacam-macam lagi isu yang timbul ataupun bentuk sambutan yang diterima oleh para penghibur jalanan. Dapatan kajian ini diharapkan dapat memberi sumbangan ilmu yang bermakna kepada masyarakat agar menghargai seni muzik tanah air yang disalurkan melalui persembahan di jalanan oleh *busker*, guru Pendidikan Muzik dan kepada kumpulan penghibur jalanan di seluruh negara.

RUJUKAN

- Chai, S. M., Roseline, Chong, P.L. & Tan, M. T. (2003). *Satu Tinjauan: Kepentingan Muzik Sebagai Mata Pelajaran Wajib Dalam Kurikulum Pendidikan Guru*.
- Choksy, L. (1988). *Teaching Music Effectively In The Elementary School*. New Jersey: Prentice Hall. p. 3-4
- Hanizah, A. B. (2010). *Penggunaan dan Integrasi Muzik Dalam Pengajaran dan Pembelajaran di Prasekolah Seri Mawar, Institut Pendidikan Guru Kampus Ipoh*.
- Mohd, A. (2014). *Budak Busker - Selami Jiwa Anak Seni*. Diperoleh daripada International College of Yayasan Melaka: <http://www.icym.edu.my/v13/about-us/our-news/bulletin/299-budak-busker-selami-jiwa-anak-seni.html>
- Mohd, A. Z., Fayahet, F. H., Che Cob, S. A., & Mohamad, N. F. (2016). *Budaya Popular: Satu Kajian Busking dalam Konteks Penerimaan Masyarakat Malaysia*. Retrieved from Scribd: <https://www.scribd.com/doc/313706583/Budaya-Popular-Busking>
- Mohd, F. Y., Durin, A., & Nordin, N. A. (2016). Seni Persembahan Jalanan: Persepsi Masyarakat Kucing Sarawak. *Jurnal Seni dan Pendidikan Seni*.
- Patton, M. Q., *Qualitative Evaluation and Research Methods*. Ed ke-3. (Thousand Oaks, CA: Sage Publication Inc (2002), 39.
- Wai, C. H. (2011). Parental Support and Student Learning of Musical Instruments in Hong Kong. *ISSN: -2065*.

PERSEPSI SISWA GURU IPG KAMPUS ILMU KHAS TERHADAP PENGGUNAAN AKTIVITI MUZIK DALAM PEMBELAJARAN DAN PEMUDAHCARAAN (PdPc) SEMASA PRAKTIKUM

NUR-RASYIQAH IYLIA AHMAD ZAIDEE
Jabatan Pendidikan Muzik

Pensyarah Pembimbing
DR. LEE LEH HONG

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk meninjau persepsi siswa guru IPG Kampus Ilmu Khas terhadap penggunaan aktiviti muzik dalam Pembelajaran dan Pemudahcaraan (PdPc) semasa praktikum. Seramai 89 orang responden daripada PISMP Ambilan Jun 2015 (Semester 2 Tahun 4) dari Jabatan Pengkhususan Bahasa Inggeris, Jabatan Pendidikan Jasmani dan Kesihatan, dan Jabatan Pendidikan Khas telah menjawab soal selidik ini secara atas talian dan data kajian yang diperolehi telah dianalisis dengan menggunakan perisian Statistical Packages for Social Science (SPSS) melalui analisis diskriptif. Hasil dapatan daripada kajian ini telah menunjukkan bahawa 84.04% siswa guru berpendapat bahawa menggunakan aktiviti muzik dalam PdPc membawa kesan positif ketika di dalam kelas, namun hanya 43.03% siswa guru sahaja yang kerap menggunakan aktiviti muzik dalam PdPc semasa praktikum. Hasil dapatan daripada kajian ini dapat membantu pihak Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM) untuk menerapkan cara penggunaan aktiviti muzik ke dalam RMK siswa guru agar mereka mendapat pendedahan tentang cara menggunakan aktiviti muzik dalam PdPc. Perubahan dalam RMK pelajar ini pastinya akan diterima dengan baik oleh siswa guru kerana hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa siswa guru mempunyai pandangan positif terhadap penggunaan muzik dalam PdPc.

Kata Kunci: Aktiviti muzik, Pembelajaran dan Pemudahcaraan, praktikum

ABSTRACT

The purpose of this study is to examine the perception of trainee teachers in IPG Kampus Ilmu Khas on the use of music activities in learning and facilitation during practicum. A total of 89 respondents from PISMP intake June 2015 from English Department, Physical Education Department, and Special Education Department has answered this online questionnaire and the data obtained were analysed using the Statistical Software Packages for Social Science (SPSS) through descriptive analysis. Findings from this study have shown that 84.04% from trainee teachers consider that using music activities in PdPc bring positive effects in their class, but only 43.03% from them often use music activities in learning and facilitation during practicum. Findings from this study can help the Teacher Education Institute to apply the right way to use music activities in classes for trainee teacher and this will be accepted well by trainee teachers because they have positive view using music activities during learning and facilitation.

Keywords: Music activities, Learning and facilitation, practicum

Emel: shesyiqah@gmail.com

1.0 PENGENALAN

Dalam mewujudkan perkembangan murid secara menyeluruh, pembelajaran Abad ke-21 (PAK-21) telah dilaksanakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan ini merupakan salah satu transformasi dalam dunia pendidikan iaitu dengan menerapkan penggunaan kaedah yang lebih dinamik dan kreatif seperti penggunaan aktiviti muzik. Namun begitu, menurut Azimah (2017) walaupun muzik merupakan mata pelajaran wajib terutamanya di sekolah rendah, tetapi mata pelajaran ini tidak dinilai tinggi seperti mata pelajaran akademik yang lain dan ini menunjukkan bahawa persepsi yang rendah terhadap penggunaan aktiviti muzik.

2.0 PERNYATAAN MASALAH

Menurut Azimah (2017), pihak sekolah bukan sahaja kurang memberi tumpuan kepada mata pelajaran muzik, malahan juga tidak menyediakan peruntukkan yang secukupnya untuk sumber muzik seperti bengkel untuk memberi pendedahan bagi meningkatkan kemahiran guru dalam bidang muzik dan kekurangan sumber untuk membekalkan instrumen muzik di sekolah. Ini jelas menunjukkan bahawa penggunaan muzik untuk mata pelajaran muzik sendiri tidak dapat galakkan daripada guru sekolah rendah, inikan pula penggunaan muzik bagi mata pelajaran yang tidak berkaitan dengan mata pelajaran muzik.

3.0 OBJEKTIF

1. Mengenalpasti persepsi siswa guru IPG Kampus Ilmu Khas terhadap penggunaan aktiviti muzik ketika PdPc
2. Mengenalpasti kekerapan penerapan aktiviti muzik yang dilakukan oleh siswa guru ketika PdPc
3. Mengenalpasti kekangan dan masalah yang dihadapi oleh siswa guru ketika menggunakan aktiviti muzik dalam PdPc.

4.0 SOALAN KAJIAN

1. Apakah persepsi siswa guru terhadap penggunaan aktiviti muzik ketika PdPc?
2. Apakah kekerapan penggunaan aktiviti muzik oleh siswa guru ketika PdPc?
3. Apakah kekangan dan masalah yang dihadapi siswa guru apabila menggunakan aktiviti muzik dalam PdPc?


5.0 METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini merupakan kajian kuantitatif secara tinjauan dengan tujuan untuk mengenal pasti persepsi siswa guru IPG Kampus Ilmu Khas terhadap penggunaan elemen muzik ketika PdPc, kekerapan penggunaan elemen muzik oleh siswa guru ketika PdPc, serta kekangan yang menghalang siswa guru daripada menerapkan elemen muzik ketika PdPc. Kaedah tinjauan ini dipilih kerana merupakan salah satu cara yang berkesan dan praktikal untuk mendapatkan maklumat (Fowler, 1998), dan sesuai untuk mengukur pendapat, sikap dan tingkah laku yang dapat menggambarkan suasana sebenar perkara yang dikaji (Cohen & Manion, 2017). Pendapat ini bertepatan dengan pendapat Kerlinger (1986), menyatakan bahawa data yang didapati melalui kaedah tinjauan lazimnya tepat, dalam lingkungan "sampling error", jika faktor kebolehpercayaannya ialah .80 dan ke atas.

6.0 DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Terdapat tiga soalan kajian yang perlu dijawab berpandukan dapatan kajian yang telah dianalisis.


Apakah persepsi tahap keselesaan siswa guru terhadap penggunaan aktiviti muzik ketika PdPc?



Rajah 1. Persepsi tahap keselesaan siswa guru terhadap penggunaan aktiviti muzik ketika PdPc

Rajah 1 diatas menunjukkan tahap keselesaan siswa guru ketika berada di dalam kelas iaitu siswa guru berasa selesa menyanyikan lagu bersama murid ketika berada di dalam kelas berada pada min yang tinggi iaitu 3.81, bagi keselesaan siswa guru ketika mengajar nyanyian ketika berada di dalam kelas berada pada tahap yang sederhana iaitu 3.47. Bagi tahap keselesaan siswa guru memainkan instrumen muzik ketika berada di dalam kelas, nilai min menunjukkan jumlah yang sederhana iaitu 2.79, dan yang terakhir ialah siswa guru berasa selesa untuk bergerak atau menarik mengikut muzik ketika berada di dalam kelas berada pada nilai min yang tinggi iaitu 3.67. Tahap keselesaan guru yang mengajar muzik dalam kajian ini boleh disebabkan oleh fakta bahawa hampir separuh (40.4%) responden mempunyai latar belakang muzik. Walau bagaimanapun, bagi pernyataan tahap keselesaan ketika memainkan instrumen di dalam kelas mempunyai nilai min yang paling rendah kerana responden tidak merasa selesa memainkan instrumen ketika berada di dalam kelas mereka. Berdasarkan pernyataan ini, keputusan ini disokong oleh soal selidik maklumat siswa guru dimana 33.7% daripada responden tidak boleh memainkan sebarang alat muzik. Dapatan kajian ini menyokong kajian oleh Delia-Pietra (2010), yang mendedahkan bahawa guru melaporkan tahap keselesaan yang tinggi dan mempunyai keinginan untuk mengajar menggunakan aktiviti muzik di dalam kelas. Para penyelidik kajian lepas juga telah menyatakan bahawa guru yang mempunyai lebih banyak pengalaman muzik lebih selesa untuk menerapkan aktiviti muzik di dalam kelas mereka berbanding guru yang kurang mempunyai pengalaman muzik.

Apakah kekerapan penerapan aktiviti muzik yang dilakukan oleh siswa guru ketika PdPc?




Rajah 2. Kekerapan penggunaan aktiviti muzik oleh siswa guru ketika PdPc

Merujuk Rajah 2, dapatan kajian ini menunjukkan terdapat lima daripada tujuh item bagi kekerapan penggunaan aktiviti muzik oleh siswa guru ketika PdPc berada pada tahap min sederhana (2.34 hingga 3.66). Antara item tersebut ialah, memberi murid mendengar lagu ($M = 3.60$, $SP = 1.15$), diikuti meminta murid bermain perkusi badan mengikut lagu ($M = 3.58$, $SP = 1.20$), meminta murid menari mengikut muzik ($M = 3.46$, $SP = 1.18$), meminta murid menyanyi lagu di dalam kelas ($M = 3.39$, $SP = 1.154$). Dua daripada item soal selidik berada pada tahap yang rendah ialah meminta murid membuat perbincangan sesuatu topik menggunakan lirik lagu ($M = 2.66$, $SP = 1.322$) dan meminta murid mencipta lirik lagu ($M = 2.31$, $SP = 1.268$). Hasil dapatan bagi soalan kajian ini, 43.03% siswa guru kerap atau sangat kerap menerapkan aktiviti muzik di dalam kelas mereka, manakala 18.14% siswa guru tidak pernah

menerapkan aktiviti muzik ketika PdPc di dalam kelas. Keputusan ini menyokong kajian terdahulu yang menemui guru jarang menggunakan aktiviti muzik dalam kelas mereka (Walker, 2007).

Apakah kekangan dan masalah yang dihadapi siswa guru apabila menggunakan aktiviti muzik dalam PdPc?



Rajah 3. Kekangan dan masalah yang dihadapi siswa guru untuk menerapkan aktiviti muzik ketika PdPc

Rajah 3 menunjukkan bahawa kesuntukan masa (42.7%) merupakan isu paling utama yang membataskan penggunaan muzik mereka, diikuti dengan kurang yakin tentang kemahiran muzik mereka (39.3%), kekurangan sumber dan bahan yang sesuai (39.3%), kurang pendedahan tentang cara menerapkan aktiviti muzik ketika PdPc (39.3%), tidak tahu dimana untuk mencari bahan yang sesuai (24.7%), kekurangan wang untuk bahan atau sumber (22.5%), dan kawalan kurikulum yang ketat (12.4%). Berikut merupakan faktor-faktor yang mungkin menghalang penggunaan aktiviti muzik oleh guru-guru sekolah rendah dalam kelas mereka. Guru sekolah rendah juga melaporkan kekurangan masa (Abril & Gault, 2016), latihan yang tidak mencukupi dan kekurangan bahan yang sesuai (Ševik, 2017), tidak mencukupi wang (Abril & Gault, 2016) kekurangan kawalan ke atas kurikulum (Abril & Gault, 2016), dan keyakinan yang rendah dalam kemahiran muzik (Holden & Button, 2011) merupakan sebab-sebab yang menghalang mereka daripada menggunakan aktiviti muzik dalam kelas mereka.

7.0 KESIMPULAN, CADANGAN DAN IMPLIKASI

Setelah kajian dilaksanakan, keputusan mendapati bahawa 84.04% siswa guru IPG Kampus Ilmu Khas Semester 2 Tahun 4 berada pada keselesaan yang tinggi untuk membuat aktiviti aktiviti muzik di hadapan murid mereka seperti menyanyi di hadapan murid, mengajar nyanyian bersama murid, dan bergerak dan menari bersama murid ketika di dalam kelas. Namun begitu, siswa guru menunjukkan keselesaan yang kurang tinggi untuk memainkan instrumen di hadapan murid dan faktor ini mungkin dipengaruhi oleh kerana 33.7% siswa guru tidak boleh memainkan sebarang instrumen muzik. Meskipun siswa guru berpendapat bahawa secara umumnya penggunaan aktiviti muzik dapat mendatangkan kesan positif kepada murid, namun sebanyak 18.01% siswa guru tidak pernah menerapkan aktiviti muzik ketika PdPc mereka. Hasil dapatan bagi kajian ini menepati kajian terdahulu yang menemui bahawa guru jarang menerapkan aktiviti muzik dalam kelas mereka (Propst, 2003) dan hanya sedikit guru yang menerapkan aktiviti muzik ketika mengajar dan ini memerlukan lebih banyak penyelidikan (Edwards, 2002). Ini jelas menunjukkan keselesaan dan persepsi guru terhadap

penggunaan aktiviti muzik ketika PdPc tidak dapat mempengaruhi kekerapa penggunaan aktiviti muzik ketika di dalam kelas.

Cadangan yang dikemukakan hasil daripada kajian ini ialah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) boleh menerapkan aktiviti muzik ke dalam elemen merentas kurikulum (EMK) agar penggunaan aktiviti muzik ini menjadi pilihan guru untuk diterapkan ketika PdPc. Pihak Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM) juga boleh menerapkan cara penggunaan aktiviti muzik ini dengan lebih banyak ke dalam Ringkasan Maklumat Kursus (RMK) agar siswa guru diberi pendedahan tentang cara penggunaan aktiviti muzik yang sesuai ketika PdPc. Pendedahan awal kepada siswa guru ini sangat penting agar mereka dapat mengetahui aktiviti yang sesuai digunakan ketika di dalam kelas serta diberi pendedahan penggunaan masa yang efektif ketika menggunakan aktiviti muzik di dalam kelas. Pihak IPGM juga boleh menambah infrastruktur bagi mewujudkan kelas yang kondusif, seperti peralatan ICT seperti komputer riba, LCD, internet dan lain-lain agar pelaksanaan proses pengajaran dan pembelajaran yang menggunakan aktiviti muzik dapat dilaksanakan dengan berkesan dan hasil pembelajaran yang ditetapkan dapat dicapai

Implikasi daripada kajian ini adalah kepada pihak IPGM supaya mereka mendapat pendedahan yang menunjukkan bahawa siswa guru mempunyai pandangan yang positif terhadap penggunaan aktiviti muzik ketika di dalam kelas namun siswa guru tidak tahu cara penerapan yang sesuai untuk digunakan ketika PdPc kerana kesuntukan masa yang menjadi halangan utama. Seterusnya, implikasi daripada kajian ini juga dapat dilihat kepada murid kerana mereka akan dapat menyertai aktiviti di dalam kelas secara menyeluruh kerana penggunaan muzik ini sangat memberi kesan yang positif seperti yang dinyatakan oleh Harriet et al. (2013) iaitu muzik memberi kesan yang positif terhadap perhatian murid dalam bilik darjah. Akhir sekali, kajian ini membantu warga pendidik untuk mengaplikasi penggunaan aktiviti muzik yang sesuai dan berkesan, agar ia dapat diaplikasi dalam PdPc di kelas. Isu ini amat bertepatan dengan gagasan baharu yang memfokuskan Pembelajaran Berasaskan Individu (Personalized Learning) iaitu pendidik dikehendaki menggunakan pendekatan dan menyesuaikan pedagogi pengajaran, kurikulum dan sokongan pembelajaran bagi memenuhi keperluan setiap murid secara individu.

RUJUKAN

- Abril, C. R., & Gault, B. M. (2016). *Teaching general music: Approaches, issues, and viewpoints*. New York: Oxford University Press.
- Azimah Dollah | Universiti Utara Malaysia. (n.d.). diperoleh Mac 11, 2019, daripada <http://uum.academia.edu/AzimahDollah>
- Cohen, L., Manion, L., & Morrison, K. (2017). Evaluation and research. *Research Methods in Education*, 79-86. doi:10.4324/9781315456539-5
- Delia-Pietra, C. J., & Campbell, P. S. (2010). An Ethnography of Improvisation Training in a Music Methods Course. *Journal of Research in Music Education*, 43(2), 112-126. doi:10.2307/3345673
- Edwards-Groves, C.J. (2002). Building an inclusive classroom through explicit pedagogy: A focus on the language of teaching. In M. Anstey & G. Bull (Eds.), *Literacy Lexicon*. Sydney: Prentice Hall, Australia Pty Ltd.
- Fowler, G., Morris, V., & Ozga, J. (1998). *Decision-making in British education*. London: Heinemann.
- Holden, R. (2011). *Richard Strauss: A musical life*. New Haven: Yale University Press.
- Kementerian Pelajaran Malaysia (2010). Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan. Bahagian Pembangunan Kurikulum.
- Kementerian Pendidikan Malaysia (2009). Kurikulum Standard Sekolah Kebangsaan. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. Kementerian Pendidikan Malaysia (2016).

Kerlinger, F. N., Floud, R., Meyer, P., & Babbie, E. R. (1973). Methodology. *Communication Booknotes*, 4(10), 9-10. doi:10.1080/10948007309489397

SIKAP TERHADAP PENDIDIKAN MUZIK DALAM KALANGAN GURU ... (n.d.). diperoleh from http://ipgkik.com/v2/wp-content/uploads/2015/05/artikel13_2013.pdf

SONGS AND LANGUAGE TEACHING AND LEARNING: SELECTED REFERENCES. (n.d.). diperoleh Mac 12, 2019, from https://www.tirfonline.org/wp-content/uploads/2017/08/Learning_SelectedReferences_6August2017.docx

Walker, R. (2007). *Music education: Cultural values, social change and innovation*. Springfield, IL: Charles C. Thomas.

KEBERKESANAN PENGAPLIKASIAN SISTEM NOTASI KEPATIHAN DALAM PERMAINAN REKODER MURID SEKOLAH RENDAH

NURSHAFIQAH BINTI HAMIDON
Jabatan Pendidikan Muzik

Pensyarah Pembimbing
DR. LIM ZEK CHEW

ABSTRAK

Penyelidikan ini dijalankan untuk mengkaji keberkesanan pengaplikasian sistem Notasi Kepatihan (SNK) dalam permainan rekoder 30 orang murid tahun empat. Reka bentuk yang digunakan dalam kajian ini ialah kuasi-eksperimental ujian pra-pasca satu kumpulan di mana rawatan selama 30 minit telah dilaksanakan selama tiga minggu. Objektif kajian ini untuk melihat keberkesanan pengaplikasian SNK dalam kemahiran penjarian, membaca notasi dan memainkan melodi menggunakan rekoder. Data yang dikumpul akan dianalisis menggunakan statistik deskriptif dan statistik inferens. Ujian-t pengukuran berulangan (*paired samples t-test*) turut digunakan untuk membuat perbezaan yang signifikan antara ujian pra-pasca. Data yang dikumpul ini telah dianalisis menggunakan perisian *Statistical Package for the Social Sciences* (SPSS). Terdapat peningkatan dalam dapatan kajian di mana 20% kepada 83.3% responden telah berjaya menunjukkan penjarian rekoder dalam ujian pasca dengan tepat. Terdapat perbezaan signifikan antara ujian pra dan ujian pasca melalui ujian membaca notasi $t(29) = -12.160$, $df(29)$, $p < 0.05$ dan terdapat juga signifikan dalam ujian meniup lagu antara ujian pra dan pasca $t(29) = -12.872$, $df(29)$, $p < 0.05$. Akhir sekali, kajian ini memberi impak kepada murid serta guru dalam pdpc permainan rekoder di sekolah.

Kata Kunci: Rekoder, notasi, Notasi Kepatihan

ABSTRACT

This research was conducted to examine the effectiveness of the application of the Kepatihan Notation System (KNS) in recorder playing for 30 pupils of year four pupils in the primary school. A pre-test post-test one group design is used in this study where the respondents were given a 30 minutes treatment for three weeks. The objectives of the study is to look at the effectiveness of KNS in the ability to show the correct fingering, play simple melody and play a complete song with the recorder. Data collected were analysed using descriptive statistics and inferential statistics.. The paired sample t-test is used to compare the significant difference between pre and post test result. The data collected were analysed using the *Statistical Package for the Social Sciences* (SPSS) software. The result of the study shows that there is an increase from 20% to 83.3% in the ability to show the correct fingering. The result also shows that there is a significant difference between pre-test and post-test in the reading of notation test, $t(29) = -12.160$, $df(29)$, $p < 0.05$. There is also significant difference in the ability to play the recorder in the pre-test and post-test results $t(29) = -12.872$, $df(29)$, $p < 0.05$.

Keywords: Recorder, notation, Kepatihan Notation

Emel: shafiqah_hamidon@gmail.com

1.0 PENGENALAN

Di Malaysia, kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) Pendidikan Muzik merangkumi aspek pengalaman muzikal, penghasilan muzik, apresiasi muzik serta membaca dan menulis notasi muzik (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2011). Berdasarkan standard pembelajaran 1.4.2 dalam Dokumen Standard Kurikulum Sekolah Rendah (DSKP) Pendidikan Muzik tahun empat, iaitu memainkan rekoder berdasarkan skor, murid-murid tahun empat perlu mempunyai kemahiran literasi muzik.

Houlahan, M., & Tacka, P. (2015) mengatakan bahawa kemahiran literasi muzik ditekankan dalam Kaedah Kodaly. Kanak-kanak boleh diberi latihan literasi muzik melalui aktiviti muzik seperti permainan alat muzik dan membaca notasi. Guru perlu membuat inovasi berdasarkan kreativiti semasa melaksanakan pengajaran kemahiran literasi muzik dalam kalangan murid sekolah. Penggunaan notasi

lidi atau simbol juga merupakan salah satu komponen yang penting dalam kaedah Kodaly. Pelbagai cara yang boleh digunakan untuk meningkatkan kemahiran literasi muzik, contohnya menggunakan Notasi Kepatihan dalam pengajaran muzik.

Menurut Matusky dan Beng (2017), Notasi Kepatihan ini merupakan salah satu notasi berbentuk sistem penomboran untuk memainkan melodi dalam skor muzik yang digunakan hanya dalam permainan alat muzik gamelan di Malaysia. Notasi ini mudah untuk dibaca kerana untuk membaca skor muzik sistem Notasi Kepatihan ini adalah bermula dari kiri ke kanan dan menggunakan istilah penomboran (Hood, 2016). Notasi Kepatihan tidak digunakan dalam permainan rekoder. Oleh itu, kajian ini akan mengetengahkan sistem Notasi Kepatihan bagi melihat kesan pengaplikasiannya dalam permainan rekoder dari segi penjarian, membaca notasi dan permainan lagu.

2.0 PERNYATAAN MASALAH

Dalam kajian ini, isu yang dikaji berdasarkan topik pengaplikasian sistem Notasi Kepatihan dalam permainan rekoder adalah isu penjarian, pembacaan notasi dan permainan lagu. Ketiga-tiga isu ini boleh mempengaruhi sesi pengajaran dan pemudahcaraan (PdPc) permainan rekoder di sekolah.

Menurut Siti Zaidah (2013), murid terlupa penjarian rekoder yang betul, tidak mengingati kedudukan not seterusnya tidak dapat memberi tumpuan atau perhatian sepanjang proses pengajaran dan pembelajaran. Pernyataan ini memberi justifikasi bahawa isu penjarian ini memang berlaku dalam kalangan murid di sekolah.

Kamariah Abu Mansur (2015) pula mengatakan murid-murid masih tidak mahir dalam pembacaan notasi walaupun mereka dikehendaki mempelajari skor lagu yang baru. Hal ini berpunca daripada kecekakkan ilmu teori muzik dan kurang penekanan latihan amali penjarian di sekolah.

Berdasarkan Nor Hafiza (2013), kebanyakan murid tahun empat mengalami kesukaran untuk menguasai kemahiran permainan lagu rekoder dengan baik walaupun mempunyai minat. Oleh itu, satu kajian berkenaan pengaplikasian Notasi Kepatihan dalam permainan rekoder dibuat bagi menangani isu kesukaran memainkan lagu menggunakan rekoder.

3.0 OBJEKTIF KAJIAN

Dengan itu, objektif kajian ini adalah untuk:

1. Mengenalpasti keberkesanan pengaplikasian Notasi Kepatihan terhadap kemahiran penjarian dalam permainan rekoder.
2. Mengenalpasti keberkesanan pengaplikasian Notasi Kepatihan terhadap kemahiran membaca notasi dalam permainan rekoder.
3. Mengenalpasti keberkesanan pengaplikasian Notasi Kepatihan dalam permainan lagu dengan rekoder.

4.0 SOALAN KAJIAN

Berdasarkan objektif kajian, terdapat tiga persoalan kajian yang perlu diselesaikan.

1. Adakah pengaplikasian Notasi Kepatihan boleh meningkatkan kemahiran penjarian permainan rekoder dalam kalangan murid tahun empat?
2. Adakah pengaplikasian Notasi Kepatihan boleh meningkatkan kemahiran membaca notasi permainan rekoder dalam kalangan murid tahun empat?
3. Adakah murid dapat meningkatkan kemahiran permainan lagu dengan rekoder menggunakan Notasi Kepatihan dalam kalangan murid tahun empat?

5.0 HIPOTESIS KAJIAN

Bagi menjawab soalan kajian, terdapat tiga hipotesis yang dinyatakan dalam penyelidikan ini.


Ho₁: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan terhadap pembacaan notasi menggunakan Notasi Kepatihan dalam kalangan murid tahun empat.

Ha₁: Terdapat perbezaan yang signifikan terhadap pembacaan notasi menggunakan Notasi Kepatihan dalam kalangan murid tahun empat

- Ho₂: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan terhadap permainan lagu dengan rekoder menggunakan Notasi Kepatihan dalam kalangan murid tahun empat.
- Ha₂: Terdapat perbezaan yang signifikan terhadap permainan lagu menggunakan Notasi Kepatihan dalam kalangan murid tahun empat

6.0 METODOLOGI KAJIAN

Reka bentuk kajian ini adalah kajian kuasi-eksperimental. Jenis kajian kuasi-eksperimental yang digunakan dalam kajian ini ialah ujian pra-pasca satu kumpulan. Rajah dibawah merupakan reka bentuk kajian ini yang telah diadaptasi berdasarkan model reka bentuk Fraenkel, Wallen dan Hyun (2012).



Rajah 1. Model reka bentuk kajian

Selain itu, terdapat faktor-faktor yang mungkin menjejaskan kesahan dalaman dan luaran eksperimen ini. Faktor yang boleh menjejaskan kesahan dalaman eksperimen ini ialah kematangan. Tempoh masa yang panjang antara pentadbiran ujian pra dan ujian pasca iaitu tiga minggu selepas ujian pra dilaksanakan menjadikan responden bersikap lebih matang dalam kemahiran permainan rekoder berdasarkan Notasi Kepatihan yang boleh menjejaskan kesahihan dapatan kajian yang diperolehi. Oleh itu, bagi mengelakkan ancaman kesahan dalaman kematangan ini, pengkaji telah memastikan responden tidak mempelajari subjek muzik di luar sekolah atau di luar eksperimen sepanjang tempoh kajian dilaksanakan.

Seterusnya, faktor yang boleh menjejaskan kesahan luaran ialah kesan *Hawthorne*. Kesan ini boleh berlaku jika orang yang dikaji berjaya meningkatkan pencapaian mereka disebabkan perhatian yang mereka terima dan bukanlah kerana mereka diuji. Oleh itu, dalam kajian ini, pengkaji yang melaksanakan eksperimen ini perlu memberi tumpuan khusus kepada responden supaya kesan luaran ini tidak terjejas.


Reka bentuk ini mempunyai satu kumpulan responden yang terdiri daripada 30 orang murid tahun empat dipilih secara tidak rawak. Seterusnya, instrumen kajian yang digunakan ialah ujian amali rekoder yang mempunyai tiga bahagian iaitu Ujian Penjarian Rekoder, Ujian Membaca Notasi Kepatihan dan Ujian Memainkan Lagu.

Bagi prosedur pengumpulan data, ujian pra dan pasca ini dikendalikan oleh pengkaji dan responden secara individu di bilik muzik serta dipanggil berdasarkan susunan senarai nama mengikut giliran. Selepas ujian pra diberikan kepada responden, pengkaji akan memberi rawatan selama 30 minit dalam tempoh tiga minggu berdasarkan tiga rancangan pengajaran harian. Kemudian, ujian pasca yang mempunyai kandungan yang sama dengan ujian pra telah dilaksanakan.

7.0 DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Terdapat tiga soalan kajian yang perlu dijawab berpandukan dapatan kajian yang telah dianalisis.

Adakah penggunaan Notasi Kepatihan boleh meningkatkan kemahiran penjarian permainan rekoder dalam kalangan murid tahun empat?



Rajah 2. Graf ujian penjarian

Rajah 2 merupakan keputusan graf ujian penjarian yang telah diperoleh melalui ujian pra dan pasca. Berdasarkan graf ini, terdapat peningkatan yang positif dalam penjarian permainan rekoder menggunakan Notasi Kepatihan antara pencapaian ujian pra dan ujian pasca dalam kalangan murid tahun empat.

Dapatan ini menepati kajian Khir Anuar Jaafar (2009), yang menekankan tentang penggunaan rekoder dalam aktiviti pembelajaran muzik di bilik darjah yang bertujuan memberikan pengalaman muzikal secara *hands-on* seterusnya mengukuhkan kefahaman bahasa muzik melalui pengalaman mereka.

Berdasarkan kajian ini, melalui pengalaman muzikal secara *hands-on* dan bukanlah secara teori semata-mata, responden dapat meningkatkan kefahaman mereka berkenaan penjarian permainan rekoder dengan lebih efisien kerana hasil dapatan menunjukkan bahawa terdapat peningkatan yang positif dalam kategori amat baik iaitu 20% dalam ujian pra meningkat pada ujian pasca iaitu 80%.

Adakah penggunaan Notasi Kepatihan boleh meningkatkan kemahiran membaca notasi semasa memainkan rekoder dalam kalangan murid tahun empat?

Bagi menjawab soalan kedua, pengkaji telah menggunakan perisian *Statistical Package for the Social Sciences* (SPSS) versi 22.0 untuk mendapatkan keputusan ujian-t bagi ujian pra dan pasca kemahiran membaca notasi dengan menggunakan Notasi Kepatihan.

Jadual 1

Dapatan Kajian bagi Ujian Membaca Notasi

| Responden | Min | Max | M | SD | df | t | p |
|-------------|-----|-----|-------|------|----|--------|-------|
| Ujian pra | 0 | 17 | 4.03 | 5.52 | 29 | -12.16 | 0.000 |
| Ujian pasca | 9 | 26 | 18.50 | 4.86 | | | |

Dapatan menunjukkan min ujian pasca $M=18.50$ ($SP=4.86$) adalah lebih tinggi daripada ujian pra $M=4.03$ ($SP=5.52$). Ini menunjukkan terdapat peningkatan dalam kemahiran membaca notasi oleh murid tahun 4 dalam ujian pasca dibandingkan dengan ujian pra. Hasil daripada ujian-t menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan antara ujian pra dan ujian pasca $t(29) = -12.160$, $df(29)$, $p < 0.05$ seperti Jadual 1. Dengan itu, penyelidik menolak hipotesis nul dan menerima hipotesis alternatif iaitu terdapat perbezaan yang signifikan terhadap pembacaan notasi menggunakan Notasi Kepatihan dalam kalangan murid tahun empat.

Dapatan ini menepati kajian Zakiah Mohamad Ashari, Azlina Mohd. Kosnin, dan Yeo (2013) yang menyatakan bahawa, pemahaman kanak-kanak dalam topik pengalaman pra nombor memberikan impak yang positif dan peningkatan yang signifikan. Oleh itu, melalui pembacaan notasi secara

bernombor, kemahiran dalam membaca notasi sambil memainkan rekoder dapat memberi kesan yang positif pada responden kajian.

Adakah murid dapat meningkatkan kemahiran bermain rekoder menggunakan Notasi Kepatihan dalam kalangan murid tahun empat?

Bagi menjawab soalan ketiga, pengkaji telah menggunakan perisian yang sama iaitu SPSS untuk mendapatkan min, sisihan piawai dan keputusan ujian-t bagi ujian pra dan pasca kemahiran membaca notasi dengan menggunakan Notasi Kepatihan.

Jadual 2
Dapatan Kajian bagi Ujian Memainkan lagu

| Responden | Min | Max | M | SD | df | t | p |
|-------------|-----|-----|-------|------|----|--------|-------|
| Ujian pra | 0 | 17 | 3.20 | 5.52 | 29 | -12.87 | 0.000 |
| Ujian pasca | 10 | 26 | 18.60 | 4.09 | | | |

Dapatan menunjukkan min ujian pasca $M=18.60$ ($SP=4.09$) adalah lebih tinggi daripada ujian pra $M=3.20$ ($SP=5.52$). Ini menunjukkan terdapat peningkatan dalam kemahiran memainkan lagu oleh murid tahun 4 dalam ujian pasca dibandingkan dengan ujian pra. Hasil daripada ujian-t menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan antara ujian pra dan ujian pasca $t(29) = -12.87$, $df(29)$, $p<0.05$ seperti Jadual 2. Dengan itu, penyelidik menolak hipotesis nul dan menerima hipotesis alternatif iaitu terdapat perbezaan yang signifikan terhadap permainan lagu rekoder menggunakan Notasi Kepatihan dalam kalangan murid tahun empat.

Dapatan ini menepati Skemp (1989) dalam Zakiah Mohamad Ashari et.al (2013) yang menyatakan bahawa penguasaan konsep awal matematik kanak-kanak berkembang melalui pengalaman *hands-on* dan aktiviti-aktiviti yang bermakna. Oleh itu, melalui penguasaan konsep awal matematik, murid dapat meningkatkan kemahiran *hands-on* iaitu bermain melodi lagu menggunakan rekoder berdasarkan sistem Notasi Kepatihan.

8.0 KESIMPULAN, CADANGAN DAN IMPLIKASI

Dalam kajian ini, pengkaji menggantikan sistem notasi barat kepada sistem Notasi Kepatihan dalam permainan rekoder untuk mengkaji keberkesanannya dalam permainan rekoder melalui rawatan yang diberikan. Antara penambahbaikan yang dapat dicadangkan adalah penambahan notasi yang lain seperti not C, D, E F dan G' kepada Notasi Kepatihan seperti nombor 4, 5, 6, 7, 8 dapat diteruskan dalam kajian yang akan datang. Cadangan kajian ini turut dipelbagaikan dari segi nilai not iaitu penambahan not-not yang lain seperti semibrif, minim bertitik dan kuaver.

Kajian ini memberi implikasi kepada guru di mana ia boleh dijadikan sebagai alternatif lain dalam pengajaran dan pemudahcaraan (PdPc) dalam kelas. Selain itu, kajian ini juga memberi peluang kepada murid untuk menimba pengalaman baru dalam permainan rekoder seterusnya boleh dijadikan langkah atau kaedah alternatif dalam peringkat awal pembelajaran rekoder di sekolah seluruh Malaysia.

RUJUKAN

- Fraenkel, J. R., Wallen, N. E., & Hyun, H. H. (2012). *How to design and evaluate research in education*. Americas, New York, Ny: Mcgraw-Hill.
- Nor Hafiza Abdul Kader. (2013). *Penggunaan kaedah masteri bagi meningkatkan kemahiran penjarian permainan rekoder murid tahun empat*. Tesis tidak diterbitkan, Universiti Terbuka Malaysia (OUM), Kuala Lumpur, Malaysia.
- Hood, M. M. (2016). *Notating heritage musics: preservation and practice in Thailand, Indonesia and Malaysia*. Tesis tidak diterbitkan, Universiti Putra Malaysia, Selangor, Malaysia.

- Houlahan, M., & Tacka, P. (2015). *Kodály in the Second Grade Classroom: Developing the Creative Brain in the 21st Century*. New York, NY: Oxford University Press.
- Kamariah Abu Mansur. (2015). *Meningkatkan kemahiran permainan rekorder soprano pelajar tahun 4 melalui kaedah pembelajaran masteri*. Tesis tidak diterbitkan, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Perak, Malaysia.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2019). *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2013-2025)*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia
- Khair Anuar Jaafar. (2009). *Kaedah pengajaran ensembel rekoder sekolah rendah daerah Setapak, Kuala Lumpur: satu kajian kes*. Tesis tidak diterbitkan, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Perak, Malaysia.
- Patricia Matusky, & Beng, T. S. (2017). *The Music of Malaysia: The Classical, Folk and Syncretic Traditions*. Oxfordshire, England: Taylor & Francis
- Siti Zaidah. (2013). *Early music for children*. Tesis tidak diterbitkan, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia.
- Skemp, R. R. (1989). *Mathematics in the primary school*. London: Routledge.
- Zakiah Mohamad Ashari, Azlina Mohd. Kosnin, & Yeo Kee Jiar. (2013). *Keberkesanan modul belajar melalui bermain terhadap kefahaman pengalaman bernombor kanak-kanak prasekolah*. Tesis tidak diterbitkan, Universiti Teknologi Malaysia, Johor, Malaysia.

KEBERKESANAN ELEMEN IMITASI DAN LITERASI MUZIK DALAM ENSEMBEL PERKUSI MURID TAHUN TIGA

NURUL AQILAH BINTI MOHD ARIFFIN
Jabatan Pendidikan Muzik

Pensyarah Pembimbing
PN. LYE GUET POH

ABSTRAK

Penyelidikan kuasi-eksperimental ini dijalankan untuk mengenalpasti keberkesanan elemen imitasi dan literasi muzik dalam ensemble perkusi murid-murid tahun tiga di sekolah rendah. Responden kajian terdiri daripada 30 orang murid. Satu kumpulan rawatan digunakan dimana rawatan selama 1 jam telah dilaksanakan selama lima minggu. Objektif kajian ini ialah untuk melihat keberkesanan penggunaan elemen imitasi dan literasi muzik dalam teknik perkusi, membaca corak irama dan memainkan repertoir menggunakan alat perkusi. Rawatan kajian ini merangkumi imitasi cara memegang, postur dan tepukan, literasi corak irama dan memainkan repertoir menggunakan elemen imitasi dan literasi muzik. Ujian-t untuk pengukuran berulang (*paired samples t-test*) digunakan untuk membanding beza keupayaan responden dalam ujian pra-pasca. Hasil data kajian yang telah dianalisis, menunjukkan terdapat perbezaan signifikan antara ujian pra dan pasca melalui ujian teknik perkusi $t=-7.969$, $df(29)$, $p<0.05$. Seterusnya, terdapat perbezaan signifikan antara ujian pra dan ujian pasca melalui ujian corak irama $t=-44.963$, $df(29)$, $p<0.05$ dan terdapat juga perbezaan signifikan dalam ujian permainan repertoir antara ujian pra dan pasca $t=-40.912$, $df(29)$, $p<0.05$. Akhir sekali, kajian ini memberi impak dan penting kepada murid serta guru dalam pdpc permainan perkusi di sekolah.

Kata Kunci: Alat Perkusi, imitasi, literasi muzik

ABSTRACT

This quasi-experimental research was conducted to identify the effectiveness of imitation elements and music literacy in the percussion ensemble of year-three pupils in primary schools. Respondents of the study consisted of 30 students. One group test is used where 1 hour treatment was conducted during five weeks. The purpose of this study is to examine the effectiveness of the use of imitation elements and music literacy in percussion techniques, reading rhythmic patterns and playing repertoire using percussion. The treatment of this study includes imitation of the way of holding, posture and clapping, rhythmic literacy and play repertoire. Paired samples t-test is used to compare the difference in respondents' ability in pre-post test. The results of the research data have shown that there are significant differences between pre and post test through percussion techniques test $t=-7.969$, $df(29)$, $p<0.05$. Furthermore, there were significant differences between pre test and post test through rhythm pattern test $t=-44.963$, $df(29)$, $p<0.05$ and there was also significant differences in repertoire test between pre and post $t=-40.912$, $df(29)$, $p<0.05$. Finally, this study has an impact and is important for students and teachers during class.

Keywords: Percussion, imitation, music literacy

Emel: nurulaqilahariffin@gmail.com

1.0 PENGENALAN

Pendidikan Muzik adalah satu pelajaran elektif yang wajib di setiap sekolah. Selaras dengan objektif Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2013-2025) iaitu, memahami prestasi dan cabaran semasa sistem pendidikan Malaysia dengan memberi tumpuan terhadap akses kepada pendidikan, meningkatkan standard (kualiti), merapatkan jurang pencapaian (ekuiti), mengukuhkan perpaduan dalam kalangan murid, serta mengoptimumkan kecekapan sistem, Kementerian Pendidikan Malaysia telah membangunkan sebuah kurikulum yang baru iaitu Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) dalam subjek Pendidikan Muzik.

Menurut Hasan & Maimunah (2013) bermain adalah satu bentuk aktiviti yang memberikan kepuasan kepada kanak-kanak yang bersifat tidak serius dan fleksibel. Aktiviti bermain ini melibatkan daya imaginasi yang tinggi dan boleh berubah sesuai dengan dunia orang dewasa. Keseronokan amat penting dalam aktiviti bermain bagi kanak-kanak. Salah satu aktiviti bermain yang boleh dilakukan oleh kanak-kanak adalah dengan bermain alat muzik. Bermain menggunakan alat muzik adalah salah satu cara bermain yang menyeronokkan dan kemudiannya boleh meningkatkan kecerdasan kognitif dan psikomotor yang wujud pada kanak-kanak. Sekiranya kanak-kanak boleh bermain alat muzik, kanak-kanak dapat menjadi lebih kreatif menyerlahkan bakat yang mereka ada.

Menurut Md Jais Ismail (2017), mutakhir ini banyak orang yang beranggapan bahawa permainan alat perkusi hanya untuk hiburan dan tidak dianggap penting seperti mata pelajaran yang lain. Guru muzik dan aktiviti-aktivitinya seakan-akan diperlukan hanya pada majlis-majlis tertentu di peringkat sekolah, negeri ataupun negara. Kejayaan mata pelajaran ini hanya diukur dengan kejayaan dalam pertandingan-pertandingan nyanyian atau muzik, persembahan-persembahan pada hari perayaan serta keaktifan guru dan murid dalam kerja kokurikulum muzik di sekolah. Ensembel perkusi sebenarnya berupaya membangunkan sahsiah, kognitif, emosi dan psikomotor seseorang.

2.0 PERNYATAAN MASALAH

Dalam kajian ini, terdapat masalah yang ingin dikaji. Masalah tersebut ialah teknik, pembacaan corak irama dan permainan repertoir menggunakan alat perkusi. Isu-isu ini mempengaruhi sesi pengajaran dan pemudahcaraan (PdPc) dan latihan ensembel perkusi di sekolah. Menurut Campbell & Scott (2016), guru seharusnya mempunyai gaya mengajar dan objektif yang spesifik untuk pelajar mereka. Antara isu yang dikemukakan dalam kajian ini ialah teknik dalam permainan alat perkusi. Isu yang kedua ialah murid tidak tahu membaca corak irama walaupun telah diberikan skor lagu dan isu yang terakhir ialah permainan repertoir untuk ensembel perkusi.

3.0 OBJEKTIF KAJIAN

1. Mengenalpasti keberkesanan elemen imitasi terhadap teknik permainan alat perkusi.
2. Mengenalpasti keberkesanan elemen literasi muzik terhadap kemahiran membaca corak irama semasa memainkan alat perkusi
3. Mengenalpasti keberkesanan elemen imitasi dan literasi muzik dalam permainan repertoir dengan menggunakan alat perkusi.

4.0 SOALAN KAJIAN

1. Adakah penggunaan elemen imitasi boleh meningkatkan teknik bermain alat perkusi dalam kalangan murid tahun tiga ?
2. Adakah penggunaan elemen literasi muzik boleh meningkatkan kemahiran membaca corak irama semasa memainkan alat perkusi dalam kalangan murid tahun tiga ?
3. Adakah penggunaan elemen imitasi dan literasi muzik boleh meningkatkan permainan repertoir semasa memainkan alat perkusi dalam kalangan murid tahun tiga ?

5.0 HIPOTESIS KAJIAN

Ho₁ Tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam teknik permainan alat perkusi dalam kalangan murid tahun tiga menggunakan elemen imitasi

Ha₁ Terdapat perbezaan yang signifikan dalam teknik permainan alat perkusi dalam kalangan murid tahun tiga menggunakan elemen imitasi

Ho₂ Tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam kemahiran membaca corak irama dalam kalangan murid tahun tiga menggunakan elemen literasi muzik

Ha₂ Terdapat perbezaan yang signifikan dalam kemahiran membaca corak irama dalam kalangan murid tahun tiga menggunakan elemen literasi muzik

Ho₃ Tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam permainan repertoir dalam kalangan murid tahun tiga menggunakan elemen imitasi dan literasi muzik

Ha₃ Terdapat perbezaan yang signifikan dalam permainan repertoir dalam kalangan murid tahun tiga menggunakan elemen imitasi dan literasi muzik

6.0 METODOLOGI KAJIAN

Menurut Mohd. Majid (1990), reka bentuk kuasi eksperimen tulen biasanya adalah untuk menguji hipotesis tentang perbandingan keberkesanan di antara dua atau lebih kaedah pengajaran. Pembolehubah bersandar dalam kajian ini ialah pencapaian ujian teknik, corak irama dan repertoir yang diperolehi melalui ujian pra dan ujian pasca, manakala pembolehubah tidak bersandar ialah penggunaan elemen imitasi dan literasi muzik di dalam ensembel perkusi.

Reka bentuk kajian yang dijalankan ini adalah berasaskan reka bentuk kuasi eksperimen yang melibatkan satu kumpulan kelas tahun 3 yang telah sedia ada di sebuah sekolah di Kuala Lumpur. Kumpulan tersebut diajar dengan rawatan yang menggunakan elemen imitasi dan literasi. Kumpulan eksperimen ini terdiri daripada 30 orang pelajar. Mereka telah diberi ujian pra sebelum kajian dijalankan, manakala ujian pasca diberikan selepas kajian dijalankan.

Murid-murid yang terlibat telah diberi pendedahan elemen imitasi dan literasi muzik dalam ensembel perkusi. Pengkaji telah hadir ke sekolah tersebut dan mengajar murid-murid tersebut 1 jam setiap minggu. Murid-murid telah dinasihatkan supaya tidak belajar dengan mereka yang mahir dalam bidang muzik terutamanya alat perkusi atau tidak menghadiri kelas-kelas intensif muzik sepanjang tempoh kajian. Ujian telah dijalankan secara satu persatu ke atas murid dalam sebuah bilik khas. Rawatan pula dijalankan secara berkumpulan. Ujian tersebut mempunyai tiga bahagian iaitu ujian teknik perkusi, ujian corak irama dan ujian repertoir.

Prosedur pengumpulan data dimulakan dengan ujian pra teknik, corak irama dan repertoir. Seterusnya, terdapat rawatan teknik, corak irama dan repertoir dan diteruskan dengan ujian pasca teknik, corak irama dan repertoir. Data yang diperolehi dianalisis menggunakan perisian *Statistical Package for the Social Sciences* (SPSS). Untuk menguji hipotesis pertama, kedua dan ketiga, ujian-T telah digunakan. Jenis ujian-t yang digunakan ialah ujian-t untuk satu sampel (*one sample t-test*) dimana ujian ini digunakan untuk membandingkan skor min sampel dengan skor min populasi. Kesemua data adalah berbentuk skala sela dan telah diuji pada aras signifikan $p < 0.05$.

7.0 DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Adakah penggunaan elemen imitasi boleh meningkatkan teknik bermain alat perkusi dalam kalangan murid tahun tiga?

Jadual 1

Ujian-t Bagi Teknik Permainan Alat Perkusi Menggunakan Elemen Imitasi

| | Min | Sisihan Piawai | t | df | Signifikan |
|-----------------------|--------|----------------|--------|----|------------|
| Ujian Pra-Ujian Pasca | -1.467 | 1.008 | -7.969 | 29 | .000 |

Dari jadual mendapati bahawa $t = -7.969$, $df(29)$, $p < 0.05$. Terdapat perbezaan yang signifikan dalam teknik permainan alat perkusi dalam kalangan murid tahun tiga menggunakan elemen imitasi. Oleh itu, hipotesis nul ditolak manakala hipotesis alternatif diterima. Choksy (1981) yang menjelaskan, pengajaran mengenai konsep irama boleh dilakukan melalui aktiviti imitasi (peniruan) contohnya murid meniru tepukan irama yang dilakukan oleh guru. Kaedah imitasi ini amat berguna dan sesuai diajarkan bagi murid-murid yang masih baru dalam bidang muzik.

Adakah penggunaan elemen literasi muzik boleh meningkatkan kemahiran membaca corak irama semasa memainkan alat perkusi dalam kalangan murid tahun tiga?

Jadual 2

Ujian-t bagi Kemahiran Membaca Corak Irama Menggunakan Elemen Literasi

| | Min | Sisihan Piawai | t | df | Signifikan |
|-----------------------|---------|----------------|---------|----|------------|
| Ujian Pra-Ujian Pasca | -16.267 | 1.982 | -44.963 | 29 | .000 |

Dari jadual mendapati bahawa $t=-44.963$, $df(29)$, $p<0.05$. Terdapat perbezaan yang signifikan dalam kemahiran membaca corak irama dalam kalangan murid tahun tiga menggunakan elemen literasi muzik. Oleh itu, hipotesis nul ditolak manakala hipotesis alternatif diterima. Kajian Wicks (2008) telah mendapati bahawa murid-murid telah menunjukkan pencapaian positif dalam pembelajaran tajuk irama yang dijalankan mengikut jadual. Dapatan kajian menunjukkan bahawa melalui latihan muzik yang konsisten yang diselangi dengan pembelajaran siri-siri latihan irama dapat membantu murid meningkatkan pengetahuan yang lebih tinggi terhadap konsep irama dan meter.

Adakah penggunaan elemen imitasi dan literasi muzik boleh meningkatkan permainan repertoir semasa memainkan alat perkusi dalam kalangan murid tahun tiga?

Jadual 3

Ujian-t bagi Memainkan Repertoir Menggunakan Elemen Imitasi Dan Literasi

| | Min | Sisihan Piawai | t | df | Signifikan |
|-----------------------|---------|----------------|---------|----|------------|
| Ujian Pra-Ujian Pasca | -16.333 | 2.187 | -40.912 | 29 | .000 |

Dari jadual mendapati bahawa $t=-40.912$, $df(29)$, $p<0.05$. Menurut Brewster, Ellis dan Girard (2002) menyatakan lagu membantu dalam membina kepekaan, memori dan koordinasi. Oleh itu, hipotesis nul ditolak manakala hipotesis alternatif diterima iaitu terdapat perbezaan yang signifikan dalam permainan repertoir dalam kalangan murid tahun tiga menggunakan elemen imitasi dan literasi muzik.

8.0 KESIMPULAN, CADANGAN DAN IMPLIKASI

Secara amnya, kajian ini dijalankan dengan tujuan untuk melihat keberkesanan elemen imitasi dan literasi muzik dalam ensemble perkusi bagi murid tahun 3 di sebuah sekolah di Kuala Lumpur. Cadangan yang boleh dilaksanakan dalam kajian ini ialah seperti penggunaan elemen imitasi dan literasi muzik dengan bantuan teknologi maklumat diintegrasikan dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Contoh penggunaan teknologi maklumat dalam pengajaran dan pembelajaran muzik ialah penggunaan perisian muzik. Perisian muzik yang dimaksudkan adalah seperti Finale, Siblius dan sebagainya.

Kajian ini memberi implikasi kepada guru dapat menjadi lebih peka dan sentiasa menggunakan kaedah, pendekatan serta teknik pengajaran yang betul dan menarik. Tambahan pula, murid juga dapat memahami kemahiran bermain alat perkusi secara menyeluruh terutamanya bagi teknik permainan alat perkusi, corak irama dan repertoir untuk mewujudkan suasana pembelajaran yang kondusif dan menyeronokkan.

RUJUKAN

- Brewster, J, Ellis & D, Girard. (2002). *The Primary English Teacher's Guide*. Harmondsworth: Penguin.
- Campbell, P. S. & Scott-Kassner (2009). *Music in Childhood: From Preschool Through The Elementary Grades*. Boston: Cengage Learning.
- Chosky, L. (1981). *The Kodaly context : Creating an environment for Musical Learning*. New Jersey: Prentice Hall.

- Chosky, L. (1998). *The Kodaly Method : Comprehensive Music Education* (3rd edition). London: UK Pearson.
- Hasan & Maimunah (2013). *Pendidikan Anak Usia Kini*. Yogyakarta: Diva Press.
- Houlahan, M & Tacka, P. (2008). *Kodaly today : A cognitive approach in elementary music education*. New York: Oxford University Press.
- Md Jais Ismail (2017). Keberkesan Pendekatan Muzik Dalcroze dalam Meningkatkan Kemahiran Koordinasi Muzik Murid-Murid Tahun 4 di Kawasan Bandar. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*.
- Mohd Majid Konting (1990). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Pelan Pembangunan Malaysia (2013-2015). *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia*. Retrieved from <http://www.moe.gov.my>
- Wicks, D. (2008). *Kodaly Music Education. Rhythm Syllables*.

PENGGUNAAN KONSEP MUZIK DALAM PEMBELAJARAN DAN PEMUDAHCARAAN OLEH GURU BAHASA MELAYU DI SEKOLAH KEBANGSAAN BATU SEMBILAN, JALAN CHERAS, SELANGOR

SHAFINI ADHIRA BINTI MOHD ZAINI
Jabatan Pendidikan Muzik

Pensyarah Pembimbing
DR. FAUZILA BT ABDUL LATIF

ABTRAK

Kajian ini merupakan satu kajian kes yang bertujuan untuk melihat penggunaan konsep muzik oleh guru Bahasa Melayu di Sekolah Kebangsaan sekitar Cheras Selangor. Objektif kajian ini adalah untuk mengetahui cara yang dilakukan oleh guru Bahasa Melayu dalam mengintegrasikan konsep muzik dalam Pembelajaran dan Pemudahcaraan (PdPc) serta, untuk mengenalpasti masa dan waktu yang digunakan oleh guru Bahasa Melayu dalam mengintegrasikan konsep-konsep muzik tersebut. Kajian ini menggunakan reka bentuk Kajian Kes dengan kaedah kualitatif. Data dikumpulkan dengan menggunakan instrument temu bual dan pemerhatian. Kaedah persempelan bertujuan digunakan dengan melibatkan tiga orang peserta kajian. Peserta kajian merupakan seorang guru Bahasa Melayu dan dua orang murid Tahun 5 yang berada di dalam kelas yang berbeza. Dapatan kajian telah menunjukkan terdapat pelbagai penggunaan konsep muzik dalam PdPc Bahasa Melayu iaitu pada bahagian Set Induksi, pada bahagian perkembangan, secara spontan dan juga semasa penutup. Hasil dapatan kajian ini dapat membantu penambahbaikan terhadap gaya pengajaran dan pembelajaran guru-guru di sekolah agar dapat mengamalkan gaya pengajaran yang lebih dinamik.

Kata Kunci: Pengajaran dan Pemudahcaraan, konsep muzik, integrasi

ABSTRACT

The purpose of this study is to find out the use of music concept by the Bahasa Melayu teacher at Sekolah Kebangsaan Batu Sembilan, Cheras, Selangor. The purpose of this study was to find out on how the teacher will integrate the concept of music in Learning and Facilitation (PdPc) and to identify when and what time used by the teacher in integrating the concepts of music. This study uses qualitative methods and the data will be collected by using some interview and observation instruments. The approach was used to involve three participants. The participants were the teacher and two Year 5 pupils who were in different classes. The findings have shown that there are various uses of the concept of music in PdPc which is in the Set Induction section, on the development part, spontaneously as well as during the closing. The results of this study can help to improve the teaching and learning styles of teachers in schools in order to adopt a more dynamic teaching style.

Keywords: Learning and Facilitation, music concept, integration

Emel: adhiraaamk@gmail.com

1.0 PENGENALAN

Kaedah pengajaran yang kreatif dan menyeronokkan bukan sahaja dapat menambat hati para pelajar untuk belajar, malah dapat membantu mereka mengukuhkan kefahaman dan ingatan dalam mata pelajaran tersebut. Pengkaji berpendapat bahawa Bahasa Melayu merupakan matapelajaran teras di sekolah rendah dan memerlukan kemahiran yang tinggi untuk mengajarnya. Oleh itu, untuk memastikan penguasaan murid terhadap topik-topik dalam matapelajaran ini haruslah dititikberatkan. Maka teknik atau cara guru mengendalikan kelas agar sentiasa fokus perlulah di teliti sama ada berpandukan bahan bantu mengajar ataupun dengan mengaplikasikan beberapa ciri dari pendidikan muzik dalam sesi PdPc. Pengkaji mendapati bahawa seorang guru di sekolah tersebut yang tidak mempunyai latar belakang dalam pendidikan muzik tetapi sering menggunakan beberapa konsep muzik sebagai semasa sesi PdPc terutamanya jika melibatkan alatan Caklempung sesuai untuk dijadikan kajian bagi memenuhi objektif kajian.

2.0 PERNYATAAN MASALAH

Bahasa Melayu ialah bahasa rasmi, bahasa pengantar utama, bahasa perpaduan dan mata pelajaran teras. Mata pelajaran bahasa Melayu (BM) bertujuan untuk melengkapkan murid dengan keterampilan berbahasa dan berkomunikasi selaras dengan peranannya sebagai bahasa ilmu. Mata pelajaran Bahasa Melayu (BM) merupakan mata pelajaran teras yang wajib diambil oleh semua pelajar di sekolah menengah di negara ini.

3.0 OBJEKTIF KAJIAN

Antara objektif yang ditetapkan oleh pengkaji dalam kajian ini adalah untuk:

1. Menentukan cara yang dilakukan oleh guru Bahasa Melayu dalam mengintegrasikan konsep muzik dalam sesi PdPc.
2. Mengenalpasti masa dan waktu yang digunakan oleh guru Bahasa Melayu bagi mengintegrasikan konsep-konsep muzik.

4.0 SOALAN KAJIAN

Antara objektif yang ditetapkan oleh pengkaji dalam kajian ini adalah untuk:

1. Bagaimanakah cara yang dilakukan oleh guru Bahasa Melayu dalam mengintegrasikan konsep muzik dalam sesi PdPc?
2. Bilakah masa dan waktu yang digunakan oleh guru Bahasa Melayu bagi mengintegrasikan konsep-konsep muzik?

5.0 METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif yang berbentuk kajian kes. Pengkaji menggunakan pendekatan kualitatif dalam kajian ini untuk meneroka cara-cara yang digunakan oleh guru bukan opsyen muzik dalam sesi Pembelajaran dan Pemudahcaraan Bahasa Melayu di Sekolah Rendah berdasarkan beberapa sebab. Pertama, kesesuaian untuk menerokai bidang yang kurang diselidiki sebelum ini dan dapat memberi kefahaman terperinci tentang fenomena yang dikaji (Creswell, 2002) melalui kajian Wan 2011. Kedua, kajian kualitatif membantu penyelidik memahami lebih mendalam tentang cara, kaedah atau teknik yang digunakan oleh guru bukan opsyen muzik dalam sesi Pembelajaran dan Pemudahcaraan Bahasa Melayu di Sekolah Rendah. Ini selaras dengan pandangan Denzin dan Lincoln (1994) yang menyatakan bahawa kaedah lain kurang berjaya mencungkil masalah yang rumit dan kompleks secara mendalam.

Sampel kajian

Peserta kajian yang terlibat dalam kajian ini ialah seorang guru Bahasa Melayu yang menggunakan konsep-konsep muzik dalam PdPc di Sekolah Rendah Kebangsaan Batu Sembilan. Justeru, demi mematuhi etika kerahsiaan dalam penyelidikan serta menjaga kebajikan peserta kajian, pengkaji menamakan peserta-peserta tersebut sebagai GBM. GBM merupakan

Instrumen kajian

Terdapat dua jenis instrumen digunakan oleh pengkaji untuk mengumpul data iaitu melalui temu bual dan pemerhatian. Pengkaji memilih instrumen temu bual secara separa struktur manakala instrumen kedua yang digunakan untuk mengumpul data ialah dengan membuat pemerhatian.

Analisis data

Bagi menganalisis persoalan kajian, pengkaji menggunakan kaedah analisis kandungan untuk menganalisis hasil dapatan daripada temu bual yang dijalankan. Analisis dapatan kajian dilakukan terhadap dua persoalan kajian yang masing-masing mengandungi kriteria tertentu yang telah ditentukan oleh pengkaji. Item-item dianalisis mengikut struktur temu bual yang dilakukan.

6.0 DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Analisis Demografi

Berikut adalah aspek-aspek yang diuraikan dalam maklumat profil peserta kajian:

- i. Umur
- ii. Jantina
- iii. Kelayakan akademik tertinggi (Guru sahaja)
- iv. Kemahiran alat muzik (Guru sahaja)
- v. Pengalaman dalam aktiviti muzik (Guru sahaja)
- vi. Tempoh mengaplikasikan konsep muzik (Guru sahaja)

Jadual 1
Analisis Demografi

| Peserta kajian/ Aspek | GBM | P1 | P2 |
|-------------------------------------|--|-----------|-----------|
| Umur | 29 tahun | 11 tahun | 11 tahun |
| Jantina | Perempuan | Perempuan | Perempuan |
| Kelayakan Akademik Tertinggi | Ijazah perguruan di Institut Pendidikan Guru (IPG) | - | - |
| Kemahiran Alat Muzik | Muzik Tradisional Caklempong | - | - |
| Tempoh mengaplikasikan konsep muzik | 3 tahun | - | - |

Bagaimanakah guru Bahasa Melayu mengintegrasikan konsep muzik didalam sesi PdP?

Persoalan kajian yang pertama ini merangkumi beberapa soalan temu bual yang dibina secara separa struktur. Maklumat yang dikumpulkan adalah untuk mengetahui dan meneliti cara-cara yang digunakan oleh guru Bahasa Melayu dalam mengintegrasikan konsep muzik didalam sesi PdP. Jadual 2 memaparkan cara-cara yang digunakan oleh guru Bahasa Melayu dalam mengintegrasikan konsep muzik didalam sesi PdP di Sekolah Kebangsaan Batu Sembilan, Cheras daripada temu bual yang dijalankan.

Jadual 2
Rumusan Cara-Cara yang Digunakan oleh Guru Bahasa Melayu dalam Mengintegrasikan Konsep Muzik di dalam Sesi Pdp.

| GBM | P1 | P2 |
|---|--|--|
| Penggunaan Bahan Bantu Mengajar (BBM) | Penggunaan Bahan Bantu Mengajar (BBM) | Penggunaan Bahan Bantu Mengajar (BBM) |
| <ul style="list-style-type: none"> • Audio lagu • Bonang • Gendang • Alat perkusi | <ul style="list-style-type: none"> • Audio lagu • Alat muzik | <ul style="list-style-type: none"> • Audio lagu • Alat muzik |
| Teknik/Strategi | Teknik/Strategi | Teknik/Strategi |
| <ul style="list-style-type: none"> • Sebagai aktiviti berkumpulan. • Aktiviti berpusatkan murid. | <ul style="list-style-type: none"> • Sebagai aktiviti berkumpulan. • Aktiviti berpusatkan murid. | <ul style="list-style-type: none"> • Sebagai aktiviti berkumpulan. • Aktiviti berpusatkan murid. |

| Spontan | Spontan | Spontan |
|--|---|---|
| <ul style="list-style-type: none"> • Menarik perhatian murid pada permulaan PdPc. • Untuk menarik perhatian murid sebagai kawalan kelas. • Sebagai penutup aktiviti. • Aktiviti regangan atau selingan sebelum masa kedua. | <ul style="list-style-type: none"> • Untuk menarik perhatian murid. • Aktiviti regangan atau selingan sebelum masa kedua. | <ul style="list-style-type: none"> • Untuk menarik perhatian murid. • Aktiviti regangan atau selingan sebelum masa kedua. |

Bilakah konsep muzik digunakan oleh guru Bahasa Melayu dalam sesi PdPc?

Dalam mengumpul data bagi menjawab persoalan kedua, pengkaji turut melakukan pemerhatian terhadap peserta kajian GBM sahaja iaitu sebanyak 2 kali bagi melihat sesi PdPc dalam kelas pertama (P1) dan kelas kedua (P2) bagi menjawab soalan kedua iaitu ketika bila konsep muzik digunakan dalam sesi PdPc. Pengkaji menggunakan terma perkataan 'bila' bagi merujuk masa atau waktu mengikut pembahagian Rancangan Pengajaran Harian (RPH) sama ada pada set induksi, perkembangan ataupun penutup yang digunakan oleh peserta kajian. Pemerhatian ini dilakukan oleh pengkaji di dalam bilik Caklempeng dengan tema Kemerdekaan. Hasil daripada pemerhatian tersebut, pengkaji mendapati GBM kerap menggunakan konsep muzik ini boleh dirujuk melalui Jadual 3 yang memaparkan rumusan tentang dapatan kajian melalui instrument pemerhatian.

Jadual 3

Rumusan Dapatan Pemerhatian bagi Menentukan Ketika Bila Konsep Muzik Digunakan dalam Sesi PdPc

| Bil. | Item | Minggu/Kelas | | | |
|------|--|------------------------|------------------------|------------------------|------------------------|
| | | Minggu 1 (Kelas P1) | Minggu 2 (Kelas P2) | Minggu 3 (Kelas P1) | Minggu 4 (Kelas P2) |
| 1. | Pada waktu Set Induksi (Permulaan) | / | / | | |
| 2. | Pada waktu Perkembangan (Langkah 2, 3 dan 4) | | | / | / |
| 3. | Pada waktu Penutup | | / | | |
| 4. | Secara Spontan atau tiba-tiba | / | / | / | / |

Berdasarkan dapatan kajian melalui instrumen pemerhatian melalui kedua-dua kelas tersebut yang melibatkan GBM, P1 dan P2, secara keseluruhannya pengkaji menyimpulkan bahawa GBM kerap menggunakan konsep muzik pada waktu Spontan kerana sepanjang pemerhatian selama 4. Manakala pengkaji mendapati GGM jarang menggunakan konsep muzik pada waktu Penutup. Hal ini kerana, GBM hanya melakukan sekali sahaja pada waktu Penutup semasa pemerhatian minggu kedua di dalam kelas P2. Seterusnya bagi waktu Set Induksi dan Perkembangan pula, pengkaji mendapati GBM menggunakan konsep muzik pada waktu Set Induksi bagi Minggu pertama dan kedua sahaja manakala bagi Perkembangan pula GBM hanya menggunakan konsep muzik pada minggu ketiga dan keempat. Dapatan kajian dari hasil pemerhatian ini adalah selari dengan dapatan kajian pada soalan kajian pertama.

Secara kesimpulannya, analisis data yang diperoleh menunjukkan ketiga-tiga peserta kajian menyatakan tiga tema bagi merungkai persoalan kajian yang pertama iaitu mengetahui dan meneliti cara-cara yang digunakan oleh guru Bahasa Melayu dalam mengintegrasikan konsep muzik didalam sesi PdPc merangkumi penggunaan Bahan Bantu Mengajar seperti memainkan alat muzik dan audio lagu, Teknik dan Strategi serta Spontan. Bagi persoalan kedua pula iaitu ketika bila konsep muzik digunakan dalam sesi PdPc peserta kajian menunjukkan bahawa GBM memang menggunakan konsep muzik pada waktu Set Induksi, Perkembangan, Penutup dan secara Spontan selari dengan dapatan kajian pada soalan kajian pertama.

7.0 KESIMPULAN, CADANGAN DAN IMPLIKASI

Terdapat dua persoalan kajian dan menjurus kepada pencapaian objektif kajian iaitu menentukan cara yang dilakukan oleh guru Bahasa Melayu dalam mengintegrasikan konsep muzik dalam sesi PdPc serta mengenalpasti masa dan waktu yang digunakan oleh guru Bahasa Melayu bagi mengintegrasikan konsep-konsep muzik.

Beberapa cadangan dikemukakan kepada pengkaji akan datang, agar kajian yang berkaitan dengan penggunaan konsep muzik dapat kemukakan dengan lebih baik. Pengkaji seterusnya juga disarankan untuk melakukan kajian tinjauan bagi melihat sejauh mana kefahaman guru-guru bukan opsyen muzik terhadap konsep muzik. Menjalankan kajian terhadap penggunaan konsep muzik dalam mata pelajaran teras ataupun mata pelajaran yang melibatkan kemahiran seperti Pendidikan Jasmani dan Kesihatan di peringkat rendah iaitu sekolah kebangsaan.

Secara kesimpulannya, hasil dapatan kajian ini ingin membantu sebahagian besar guru bahasa Melayu yang masih mengamalkan gaya pengajaran lama iaitu kaedah 'chalk and talk'. Justeru, pengkaji berharap dengan terhasilnya kajian ini, guru-guru khususnya guru bahasa Melayu perlu dan sentiasa prihatin dengan arus pendidikan semasa negara agar tidak terus-menerus mengajar pelajarannya secara konvensional atau dengan kata lain kaedah pengajaran yang sudah ketinggalan zaman.

RUJUKAN

- Denzin, N. K., & Lincoln, Y. S. (1994). Editors' Introduction. *Qualitative Inquiry*, 1(1), 3-6. doi:10.1177/107780049500100101
- Wan Nur Izzati Wan Ab. Hamid. (2011). *Tahap Keyakinan Dan Sikap Guru Terhadap Pengajaran Kemahiran Hidup Di Sekolah Menengah Zon Skudai Dan Nusajaya, Johor*.

MENINGKATKAN KEMAHIRAN MENEPUK CORAK IRAMA DENGAN MENGGUNAKAN ENSEMBEL KOMPANG DALAM KALANGAN MURID TAHUN 5

SYUKRI BIN SUPANGAN
Jabatan Pendidikan Muzik

Pensyarah Pembimbing
PN. LYE GUET POH

ABSTRAK

Kajian ini adalah bertujuan untuk meningkatkan kemahiran menepuk corak irama dalam meter empatan dengan menggunakan ensembel kompang dalam kalangan murid Tahun 5 Mutiara. Kajian ini berfokus kepada kemahiran menepuk corak irama dalam meter empatan. Peserta kajian terdiri daripada 10 orang murid iaitu 7 orang murid lelaki dan 3 orang murid perempuan. Analisis data awal menunjukkan murid lemah dalam mengenalpasti jenis dan nilai not serta menepuk corak irama. Oleh yang demikian satu kaedah menggunakan ensembel kompang telah digunakan bagi membantu murid meningkatkan kemahiran menepuk corak irama dalam meter empatan. Kaedah ini diadaptasi daripada Pendekatan Carl Orff dimana menekankan penggunaan perkusi kedalam pengajaran. Dalam kaedah ini terdapat dua kitaran dimana tiap satunya terdapat 4 sesi yang dilaksanakan dalam tempoh 30 minit setiap sesi. Kaedah pengumpulan data yang digunakan ialah ujian pra dan pasca, ujian pencapaian, pemerhatian dan temubual berstruktur. Dapatan ujian pra dan pasca, ujian pencapaian serta pemerhatian menunjukkan peningkatan yang besar dalam kemahiran murid menepuk corak irama. Bagi dapatan data untuk temubual pula, majoriti murid lebih seronok belajar dengan kaedah ini. Untuk kajian seterusnya, saya mencadangkan untuk menerapkan penggunaan kaedah ensambel kompang ini bersama dengan bantuan teknologi maklumat diintegrasikan dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran serta menggunakan pelbagai corak irama tradisional bagi meningkatkan keseronokkan dalam pembelajaran.

Kata Kunci: Corak irama, meter empatan, perkusi, kompang, tradisional

ABSTRACT

This study is to improve the skill of clapping the rhythmic pattern in the quadruple meter using a Kompang ensemble amongst Year 5 Mutiara pupils. This study focuses on the ability to tap the rhythm pattern in the quadruple meter accurately. The participants of this study consist of 10 students. Namely 7 male students and 3 female students. A preliminary showed that students were weak in identifying the types and value of notes as well as tapping the rhythm pattern. Hence, ensemble of Kompang has been used to enhance pupils' skills of tapping the rhythm pattern in the quadruple meter. This method is adapted from the Carl Orff Approach which emphasizes on the use of percussion in teaching. For this method, four sessions of activities were conducted in the cycles, in which each session took 30 minutes. Data collection methods used are pre and post tests, achievement tests, observations and structured interviews. Pre and post test results, achievement tests and observation showed great improvement in pupil skills to tap the rhythm pattern accurately. Data from the interviews conducted revealed that majority of the students were excited to learn using the kompang. For further research, kompang ensemble method can be use together with information technology and integrate into the teaching and learning activities. Additionally the use of a variety of traditional rhythmic patterns will make learning fun.

Keywords: Rhythmic pattern, quadruple meter, percussion, kompang, traditional

Emel: syukrisupangan96@gmail.com

1.0 PENGENALAN


Pendidikan Muzik seharusnya wajib diajar sejak dari peringkat awal persekolahan. Malah kurikulum sekolah di Malaysia sangat komited dalam membangunkan murid secara menyeluruh iaitu merangkumi dimensi intelek, rohani, emosi dan jasmani seperti yang terkandung dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) yang digubal pada 1988 dan disemak semula pada 1996. Kini, Pelan Pembangunan

Pendidikan Malaysia (PPPM 2013-2025) telah melakarkan lima visi sistem pendidikan dan enam aspirasi murid yang dapat memenuhi keperluan negara pada masa depan. Aspirasi murid yang pertama ialah pengetahuan, di mana murid digalakkan mengembangkan pengetahuan dan kemahiran dalam bidang lain seperti seni, muzik dan sukan. Ia juga turut menekankan kemahiran berfikir dalam aspirasi kedua di mana murid telah diberikan peluang untuk melibatkan diri dalam pelbagai aktiviti rangsangan minda. (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2011).

Menurut Cassano (2012), Orff percaya bahawa untuk mempelajari sesebuah lagu, seseorang perlu merasakan sesuatu elemen yang asas iaitu irama. Jelas sekali bahawa irama merupakan sesuatu asas yang penting didalam memainkan muzik. Oleh itu, kemahiran corak irama perlulah dititiberatkan. Amat jelas bahawa kemahiran memainkan corak irama merupakan salah satu pengalaman muzikal yang penting dalam aktiviti Pendidikan Muzik. Hal ini kerana jika murid tiada asas dalam memainkan corak irama, murid tidak dapat memainkan alat muzik yang lain seperti perkusi.

2.0 FOKUS KAJIAN

Berdasarkan kepada tinjauan awal pengkaji melalui proses pengajaran dan pembelajaran yang telah dijalankan terhadap murid-murid tahun 5M, mendapati bahawa terdapat beberapa orang murid yang tidak boleh memainkan alat perkusi mengikut corak irama lagu semasa guru mata pelajaran pendidikan muzik mengajar permainan alat perkusi di dalam kelas. Daripada dua puluh lima orang murid kelas 5M, sepuluh orang murid tidak dapat memainkan alat perkusi mengikut corak irama lagu. Ini telah dapat dilihat melalui pemerhatian secara rawak oleh pengkaji terhadap 25 orang murid tahun 5M.



Rajah 1. Carta pai perbandingan peserta kajian mengikut jantina

Mereka dipilih kerana mereka merupakan murid-murid yang paling lemah dan rendah skornya semasa pemerhatian dijalankan semasa kutipan data awal. 4 orang daripada mereka mendapat skor 1 iaitu pencapaian yang paling lemah dalam menepuk corak irama sebanyak dua bar dalam meter empatan manakala 6 orang lagi hanya mencapai skor 2 iaitu tahap sederhana. Kesemua peserta kajian yang dipilih ini aktif dan mempunyai minat yang tinggi terhadap mata pelajaran Pendidikan Muzik walaupun tidak mempunyai latar belakang dalam muzik dan tidak mengambil kelas muzik di luar sekolah.

Selain itu juga, peserta kajian ini dipilih kerana prestasi subjek kajian ini pula adalah pada tahap sederhana dan lemah mengikut keputusan Peperiksaan Pertengahan Tahun. Data in diperolehi daripada temubual yang dijalankan terhadap Guru Mata Pelajaran.

3.0 OBJEKTIF DAN SOALAN KAJIAN

Objektif Kajian

1. Meningkatkan kemahiran murid tahun 5 Mutiara dalam memainkan corak irama not minim, semibrif, krocet dan kuaver dalam meter empatan dengan menggunakan kaedah ensemble kompang
2. Meningkatkan kemahiran murid Tahun 5 Mutiara dalam mengenal dan menepuk corak irama dengan kaedah mentranskrip notasi yang terdapat pada corak irama “bertih” dan “hadrah”.

Soalan Kajian

1. Sejauh manakah ensembel kompang dapat meningkatkan kemahiran murid Tahun 5 Mutiarah dalam memainkan corak irama not minim, semibrif, krocet dan kuaver dalam meter empatan dengan betul?
2. Adakah ensembel kompang dapat meningkatkan kemahiran murid Tahun 5 Mutiara dalam mengenal dan menepuk corak irama dengan kaedah mentranskrip notasi yang terdapat pada corak irama "bertih" dan "hadrah"?

4.0 PESERTA KAJIAN

Kumpulan sasaran dalam kajian yang dijalankan ini merupakan murid-murid tahun 5 Mutiara di salah sebuah sekolah di Sentul, Kuala Lumpur. Kelas ini merupakan kelas yang ke 3 daripada 5 kelas bagi keseluruhan kelas tahun 5, jadi tahap prestasi akademik mereka adalah berada pada tahap sederhana sahaja. Daripada 35 orang murid, seramai 10 orang murid dijadikan sebagai peserta kajian ini. Pengkaji juga mendapati bahawa tiada murid dalam kelas ini yang mengambil kelas muzik di luar waktu sekolah. Peserta kajian yang dipilih ini telah disaring berdasarkan daripada borang soal selidik maklumat murid dan hasil pemerhatian yang dijalankan semasa proses pengumpulan data awal. Seramai 7 orang murid lelaki dan 3 orang murid perempuan yang dipilih sebagai peserta kajian setelah saringan akhir dijalankan.

5.0 TINDAKAN YANG DIJALANKAN

Model penyelidikan tindakan yang dibangunkan oleh Stephen Kemmis (1893) dijadikan sebagai panduan dalam menjalankan kajian ini. Model ini menyarankan empat langkah kajian tindakan iaitu perancangan, tindakan, pemerhatian dan refleksi. Pengkaji telah membuat dua kitaran bagi setiap sesi pengajaran dan pembelajaran. Kitaran kedua dijalankan untuk membuat penambahbaikan selepas membuat refleksi hasil keputusan dan kesan selepas kitaran 1.

Pengkaji telah menjalankan Kitaran 1 dimana pengkaji membahagikan masa kajian kepada empat sesi. Empat sesi tersebut dijalankan secara empat minggu berturut-turut. Keempat-empat sesi tersebut dijalankan pada waktu relief dan waktu pengajaran kelas berkenaan. Selepas mengadakan keempat-empat sesi tersebut, pengkaji akan mentadbir ujian pencapaian untuk melihat kefahaman murid tersebut Perancangan kajian tindakan diringkaskan dalam jadual di bawah:

Jadual 1

Perancangan Kitaran 1

| FASA | TINDAKAN |
|------------------|--|
| Sebelum Aktiviti | Ujian Pra |
| Semasa Aktiviti | Kitaran Kajian 1 <ul style="list-style-type: none">• Perlaksanaan 4 sesi• Menjalankan pemerhatian |
| Selepas Aktiviti | Ujian pencapaian Membanding ujian pra dan ujian pencapaian |

Pada sesi pertama, murid perlu menepuk corak irama not semibrif, minim, krocet dan kuaver dalam meter empatan. Dalam sesi ini guru membimbing murid bar demi bar sehingga murid dapat menepuk keseluruhan corak irama dengan betul.

Pada sesi kedua pula, murid perlu memalu kompang dengan corak irama "bertih" tanpa menggunakan notasi Hal ini bagi mengkaji bagaimana murid tersebut dapat memainkan corak irama "bertih" tanpa menggunakan notasi. Sesi ini penting bagi menyediakan murid untuk sesi seterusnya

Sesi ketiga pula murid perlu mengeluarkan notasi yang terdapat didalam corak irama "bertih" dan menuliskannya pada papan putih. Dengan bimbingan guru, murid perlu mengeluarkan ostinato irama yang terdapat pada corak irama tersebut. Sesi ini bertujuan memberi kefahaman kepada murid bagaimana corak irama tersebut dibentuk dalam notasi.

Setelah murid dapat memahami notasi yang dimainkan didalam corak irama tersebut, bagi sesi empat pula murid perlu memainkan beberapa corak irama dalam meter empatan mengikut notasi. Sesi ini adalah untuk mengukuhkan kefahaman murid tentang nilai not bagi setiap notasi yang dimainkan.

Akhir sekali, pengkaji membuat ujian pencapaian untuk melihat keberkesanan aktiviti pada kitaran 1 ini.



Rajah 4. Rentak Bertih

Merujuk kitaran 1, pengkaji telah merancang aktiviti yang ditambah baik bagi mengukuhkan keberkesanan penggunaan ensembel kompang kepada peserta kajian. Pengkaji perlu memikirkan cara untuk mengukuhkan lagi kemahiran murid dalam memainkan corak irama meter empatan. Pengkaji membuat penambahbaikan dengan mengubah corak irama “bertih” kepada “hadrah”. Perancangan kajian tindakan diringkaskan dalam jadual di bawah:

Jadual 2

Perancangan Kitaran 2

| FASA | TINDAKAN |
|------------------|--|
| Aktiviti Kedua | Kitaran Kajian 2 <ul style="list-style-type: none"> • Perlaksanaan 4 sesi (corak irama hadrah) • Menjalankan pemerhatian |
| Selepas Aktiviti | Ujian pencapaian Membanding ujian pra dan ujian pasca |

Pada sesi pertama, murid perlu menepuk corak irama not semibrif, minim, krocet dan kuaver dalam meter empatan. Dalam sesi ini guru membimbing murid bar demi bar sehingga murid dapat menepuk keseluruhan corak irama dengan betul.

Pada sesi kedua pula, murid perlu memalu kompang dengan corak irama “hadrah” tanpa menggunakan notasi Hal ini bagi mengkaji bagaimana murid tersebut dapat memainkan corak irama “bertih” tanpa menggunakan notasi. Sesi ini penting bagi menyediakan murid untuk sesi seterusnya

Sesi ketiga pula murid perlu mengeluarkan notasi yan terdapat didalam corak irama “hadrah” dan menulisnya pada papan putih. Dengan bimbingan guru, murid perlu mengeluarkan ostinato irama yang terdapat pada corak irama tersebut. Sesi ini bertujuan memberi kefahaman kepada murid bagaimana corak irama tersebut dibentuk dalam notasi.

Setelah murid dapat memahami notasi yang dimainkan didalam corak irama tersebut, bagi sesi empat pula murid perlu memainkan beberapa corak irama dalam meter empatan mengikut notasi. Sesi ini adalah untuk mengukuhkan kefahaman murid tentang nilai not bagi setiap notasi yang dimainkan. Akhir sekali, pengkaji membuat ujian pencapaian untuk melihat keberkesanan aktiviti pada kitaran 2 ini.



Rajah 3. Rentak Hadrah

6.0 DAPATAN KAJIAN

Ujian pra dan pasca, pemerhatian, ujian pencapaian dan temu bual telah digunakan untuk menjawab persoalan kajian satu. Melihat pada graf perbezaan diantara Ujian Pra dan Pasca, terdapat peningkatan untuk kesemua 10 orang peserta kajian. Semasa ujian pra dijalankan, sebanyak 7 orang peserta kajian yang merangkumi 70% daripada kesemua peserta kajian mendapat skor 1 iaitu skor bagi tahap penguasaan yang lemah. Sementara 30% peserta kajian lagi mendapat skor 2 iaitu tahap penguasaan yang sederhana. Selain itu juga, dalam ujian pasca iaitu selepas menjalani aktiviti dimana terdapat dua kitaran, berlaku peningkatan ke atas peserta kajian dalam menepuk corak irama sebanyak empat bar dalam meter empatan ini. Sebanyak 5 orang peserta kajian yang mewakili 50% peserta kajian keseluruhan mendapat skor 3 iaitu tahap penguasaan yang baik dan 50% lagi mendapat skor 4 iaitu tahap penguasaan yang cemerlang. Bagi data pemerhatian kitaran 1 dan pemerhatian kitaran 2, peningkatan dapat diperolehi setelah menjalani kedua-dua kitaran. Sebanyak 100% orang murid dapat memalu kompang dengan corak irama "bertih" dan "hadrah" tanpa menggunakan notasi. Selain itu juga selepas menjalani dua kitaran tersebut, terdapat peningkatan yang sangat ketara jika dilihat pada perbezaan ujian pra dan pasca pada rajah 7. Kedua-dua kitaran ini menekankan pengetahuan sedia ada yang terdapat pada murid sebelum mereka mentranskrip notasi notasi yang terdapat pada rentak yang dimainkan. Berdasarkan dapatan temubual berstruktur, sebanyak 10 orang murid yang bersamaan 100% minat untuk mempelajari corak irama melalui kaedah ensembel kompang ini. Minat mempengaruhi peningkatan murid dalam memainkan corak irama. Daripada dapatan ini, dapat dinyatakan bahawa seramai 8 orang murid (80%) meminati mata pelajaran Pendidikan Muzik dan selebihnya (20%) tidak berminat. 50% berminat dalam alat perkusi dan 50% lagi tidak berminat.

7.0 REFLEKSI

Selepas tamat pelaksanaan kajian tindakan ini, pengkaji telah merenung kembali proses aktiviti untuk menyelidiki yang dijalankan ini. Kajian ini telah dimulakan dengan membuat pengumpulan data awal dengan melaksanakan ujian diagnostik terhadap semua murid tahun 5 Mutiara untuk mengenal pasti masalah dan isu yang dihadapi mereka. Pengkaji seterusnya membuat perancangan untuk melaksanakan aktiviti dan menjalankan aktiviti tersebut. Hasil dapatan daripada aktiviti yang telah dijalankan, pengkaji mula membuat refleksi untuk melihat dan menilai aktiviti yang telah dijalankan dan mengenalpasti kekuatan dan kelemahan serta membuat penambahbaikan sebagai melaksanakan tindakan seterusnya.

Sepanjang tempoh pelaksanaan penyelidikan tindakan ini, pengkaji dapat memahami kepentingan penyelidikan tindakan kepada seorang pendidik untuk mengumpul maklumat berkenaan pengajaran dan pembelajaran harian bagi memperbaiki atau menguji keberkesanan sesuatu kaedah pengajaran yang digunakan kepada murid.

Kelemahan semasa menjalankan kajian ini adalah berkaitan dengan masa. Masa selama 30 minit untuk setiap satu sesi tidak mencukupi untuk menjalankan aktiviti kerana murid terlalu leka dan seronok di sepanjang aktiviti berlangsung. Kebanyakan murid dapat merasakan satu kelainan daripada proses pengajaran dan pembelajaran biasa dan dapat melibatkan diri secara aktif. Oleh itu, masa satu jam sangat sesuai dalam sesi aktiviti ini. Hasilnya juga akan lebih berkesan dan kemahiran dapat dikuasai dengan lebih baik.

8.0 CADANGAN TINDAKAN SUSULAN

Beberapa cadangan yang sesuai untuk kajian seterusnya ialah seperti penambahan kumpulan sasaran atau subjek kajian. Dalam kajian yang dijalankan, pengkaji hanya menggunakan seramai 10 orang subjek kajian.

Cadangan lain yang boleh dilaksanakan dalam kajian ini ialah seperti penggunaan kaedah ensemble kompiang ini dengan bantuan teknologi maklumat diintegrasikan dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Penggunaan teknologi maklumat dalam sesi pengajaran dan pembelajaran sesungguhnya mampu untuk mendatangkan impak positif kepada murid-murid di sekolah. Ini disebabkan penggunaan kemudahan ini dilihat dapat menyediakan peluang yang lebih luas kepada murid-murid dalam aktiviti pembelajaran. Contohnya penggunaan teknologi maklumat dalam pengajaran dan pembelajaran muzik ialah penggunaan perisian muzik. Perisian muzik yang dimaksudkan adalah seperti Encore, Sonar dan Finale. Perisian-perisian muzik ini menyenangkan tugas guru di samping memberi manfaat kepada murid, dan yang paling penting ia dapat digunakan bagi menggantikan kaedah tradisional yang selalu menggunakan medium *chalk and talk* dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran.

RUJUKAN

- Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, Kementerian Pendidikan *Malaysia*. (2008). *Buku manual kajian tindakan (Edisi ke-3)*. Kuala Lumpur: Percetakan Nasional Malaysia Bhd.
- Chua, H. C. (2006). *Penyelidikan Tindakan: Panduan Penulisan Laporan*. Kuala Lumpur: PTS Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Cassano. (2012). *Music for Children: Teacher's Manual*. Penguin Book USA. Chow Fook
- Meng, & Jaizah Mahamud. (2011). *Kajian Tindakan: Konsep dan Amalan Dalam Pengajaran*. Puchong, Kuala Lumpur: Penerbitan Multimedia Sdn. Bhd.
- Ghazali Darusalam. (2012). *Kesahan dan kebolehpercayaan dalam kajian kualitatif dan kuantitatif*. Dimuat turun daripada <http://www.ipislam.edu.my/uploaded/file/ghazali.pdf>.
- Hernly, P. (2012). *World Percussion Approaches in Collegiate Percussion Programs: A Mixed-Methods Study*. Florida: University of South Florida.
- Kemmis, S. & Mc Taggart, R. (1998). *The action research planner: Action research and the critical analysis of pedagogy*. Melbourne: Deakin University
- Miller, S. (2010). *Music: What Happened?* London: 125 Records.
- Nasuruddin, M. G. (1989). *Muzik Melayu tradisi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Pustaka.
- Nik Mustapha bin Nik Mohd. Salleh. (2009). *Alat muzik tradisional dalam masyarakat Melayu di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Siti Mazni Shafie. (2007). *Penggunaan Kompiang Dalam Majlis Adat Istiadat Masyarakat Melayu Negeri Perak* (1st ed.). Perak: Telaga Biru Sdn. Bhd.
- Strasser. R. S. (2006). *Music for their minds*. ProQuest Educational Journals, (ms.62-67). Dimuat turun daripada <http://rsm.sagepub.com>.

PENGGUNAAN DAN PELAKSANAAN BAHAN BANTU MENGAJAR DALAM KALANGAN GURU PENDIDIKAN MUZIK TAHAP 2 DI SEKOLAH RENDAH ZON SENTUL

WILLIBRORD SIPIN @ WILLIAM
Jabatan Pendidikan Muzik

Pensyarah Pembimbing
CIK NIK HARTINI BT NIK LATIF

ABSTRAK

Penggunaan Bahan Bantu Mengajar (BBM) dalam proses pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPC) adalah amat penting bagi guru memastikan penyampaian maklumat berkaitan dengan mata pelajaran yang diajar adalah lebih jelas dan sistematik seta dapat diikuti oleh pelajar dengan lebih baik. Dalam usaha untuk memastikan tahap pelaksanaan yang tinggi dan meningkatkan kecekapan penggunaan bahan bantu mengajar dalam Pendidikan Muzik, satu kajian telah dijalankan dengan tujuan untuk meneroka jenis bahan bantu mengajar yang digunakan oleh guru yang mengajar matapelajaran Pendidikan Muzik Tahap 2 di Sekolah Kebangsaan Zon Sentul. Kajian ini juga bertujuan untuk mengetahui pelaksanaan bahan bantu mengajar dalam kalangan guru tersebut. Peserta kajian yang terlibat adalah seramai 3 orang guru yang mengajar mata pelajaran Pendidikan Muzik di Sekolah Kebangsaan Zon Sentul. Peserta kajian ini terdiri daripada satu orang guru wanita dan dua orang guru lelaki. Reka bentuk kajian ini adalah berbentuk kes. Data kajian ini dikumpul dengan menggunakan instrumen pemerhatian, temubual dan analisis dokumen. Dapatan kajian mendapati bahawa ketiga-tiga peserta kajian ini telah menggunakan bahan bantu mengajar dalam PdPc mereka. Namun, terdapat perbezaan dari segi pelaksanaan bahan bantu mengajar antara peserta kajian ini.

Kata Kunci: Bahan Bantu Mengajar, pelaksanaan, PdPC

ABSTRACT

The use of teaching aids (BBM) in the process of learning and facilitating is important for teachers to ensure that the delivery of information related to the subjects taught is clearer and more systematic can be followed by students better. In order to ensure a high level of implementation and improve the teaching efficiency of teaching aids in Music Education, a study was conducted with the aim of exploring the types of teaching aids used by teachers teaching the subjects of Music Education for primary 4, primary 5 and primary 6 at Sekolah Kebangsaan Zon Sentul. This study also aims to find out the implementation of teaching aids among the teachers. Participants involved in the study were 3 teachers who taught the subject of Music Education at Sekolah Kebangsaan Zon Sentul. The participants of this study consisted of one female teacher and two male teachers. The design of this study is case-research. The data were collected using observation, interview and document analysis instruments. The findings are also shown in Table 1 in Chapter 4. The findings are analyzed through themes or keywords obtained from interview data transcription. The findings show that all three participants of this study have used teaching aids in their classes. However, there was a difference in terms of the implementation of teaching aids between the participants of this study.

Keywords: Teaching aids, implementation, Music Education Curriculum

Emel: brord96@gmail.com

1.0 PENGENALAN

Keterampilan abad ke-21 menjadi topik yang sangat hangat dibahas pada masa kini. Proses pengajaran dan pembelajaran bukan lagi hanya tertumpu kepada penggunaan teks, kaedah pengajaran guru melalui penggunaan kapur tulis dan papan hitam sahaja, malahan lebih daripada itu. Miomira (2015) menyatakan bahawa penggunaan alat, model dan bentuk kerja baharu dapat memastikan proses pendidikan yang lebih kreatif dan berkualiti tinggi. Dalam pembelajaran abad ke-21, proses pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPC) dapat dilihat sebagai pendorong yang amat penting serta dilihat melalui keupayaan guru dalam menghasilkan pengajaran yang mampu menarik minat murid untuk belajar.

Pengajaran yang mampu menarik minat murid untuk belajar ini dikaitkan dengan pengadaptasian penggunaan pelbagai jenis bahan bantu mengajar dalam bilik darjah. Bahan bantu mengajar bertindak sebagai pemudahcara bagi guru untuk melaksanakan proses pengajarannya. Dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) Tahap 2, terdapat beberapa kurikulum yang telah dibina dengan memberi tumpuan kepada empat Modul Kurikulum Pendidikan Muzik iaitu Pengalaman Muzikal, Penghasilan Muzik, Apresiasi Muzik dan Membaca dan Menulis Notasi Muzik. Kurikulum Pendidikan Muzik ini memberi tumpuan kepada perkembangan kognitif dan kemahiran murid dalam bidang muzik. Penggunaan bahan bantu mengajar yang sesuai dan kreatif dapat meningkatkan lagi pengetahuan serta kefahaman murid.

2.0 PERNYATAAN MASALAH

Penggunaan bahan bantu mengajar sering diperkatakan sejak kebelakangan ini dalam pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPC) seseorang guru. Dalam meningkatkan Pendidikan Muzik di negara ini, guru perlulah merancang pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPC) yang dinamik dan sistematik agar mampu mengembangkan pengetahuan baru dan pencetusan idea kreatif dalam kalangan murid. Mohamad Said dan Yunus (2008) mengatakan bahawa terdapat guru yang masih gagal meningkatkan kreativiti murid dalam bilik darjah walaupun pelbagai pembaharuan telah diperkenalkan oleh pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dalam membantu guru mengembangkan kreativiti murid. Terdapat guru yang masih mengamalkan kaedah pengajaran tradisional yang hanya berpusatkan guru. Menurut Kamarul (2011), penggunaan bahan bantu mengajar dalam pengajaran dan pembelajaran adalah sangat kurang dan terdapat guru yang tidak menggunakan langsung bahan bantu mengajar dalam pengajaran mereka. Penggunaan bahan bantu mengajar adalah sangat penting kerana ia mampu membantu guru dalam menyampaikan pengajarannya agar topik pelajaran yang diajar dapat difahami oleh murid-murid. Lili (2006) mengatakan bahawa topik pelajaran tertentu dapat difahami dan diperkukuhkan dengan adanya bahan bantu mengajar dalam pengajaran seseorang guru.

3.0 OBJEKTIF KAJIAN

Objektif utama kajian ini dijalankan adalah untuk:

1. Menenal pasti bahan bantu mengajar yang digunakan oleh guru dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Muzik Tahap 2.
2. Mengetahui penggunaan bahan bantu mengajar yang digunakan oleh guru dalam pelaksanaan pengajaran Pendidikan Muzik Tahap 2.

4.0 SOALAN KAJIAN

Kajian ini dijalankan untuk menjawab dua persoalan kajian untuk kajian kes ini. Berikut merupakan soalan bagi kajian kes ini :

1. Apakah jenis bahan bantu mengajar yang digunakan oleh guru Tahap 2 dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Muzik di sekolah?
2. Bagaimanakah guru muzik ini melaksanakan bahan bantu mengajar dalam pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Muzik di kalangan murid Tahap 2?

5.0 METODOLOGI KAJIAN

Reka Bentuk Kajian

Fokus metodologi kajian ini membincangkan berkenaan dengan pendekatan dan jenis kajian, persampelan kajian dan kebolehpercayaan kajian. Kajian ini menggunakan pendekatan interpretatif iaitu pendekatan kualitatif sebagai kaedah utama kajian. Reka bentuk bagi kajian yang dilaksanakan ini adalah kajian kes. Pendekatan kualitatif dipilih kerana penyelidik menggunakan kaedah pengumpulan data melalui instrumen pemerhatian, temubual dan analisis dokumen sebagai rujukan utama yang diperoleh daripada tiga peserta kajian yang terlibat dalam kajian ini. Kaedah ini juga dipilih adalah untuk menjawab persoalan yang berkaitan dengan pelaksanaan bahan bantu mengajar di kalangan guru terhadap PdPC Pendidikan Muzik Tahap 2.

Persampelan

Persampelan merupakan strategi penyelidikan yang mana penyelidik mendapatkan maklumat mengenai sebahagian individu yang dipilih oleh penyelidik sebagai peserta bagi kajian yang dilaksanakan. Kajian ini dilaksanakan di sekolah kebangsaan Zon Sentul dan guru dipilih sebagai peserta kajian dalam melaksanakan kajian ini. Sampel yang telah dipilih merupakan persampelan bertujuan yang mana sampel mempunyai kriteria tertentu yang dikehendaki oleh penyelidik. Peserta kajian yang dipilih adalah terdiri daripada guru-guru yang mengajar mata pelajaran Pendidikan Muzik di sekolah rendah. Seramai 3 peserta kajian telah dipilih untuk menjadi sampel kepada kajian ini.

Instrumen Kajian

Instrumen kajian yang digunakan oleh penyelidik dalam kajian ini adalah temubual, pemerhatian dan analisis dokumen. Temubual merupakan satu instrumen yang mana penyelidik akan menemubual peserta kajian berdasarkan soalan temu bual yang telah dibuat oleh penyelidik untuk menjawab semua persoalan kajian ini. Pemerhatian merupakan satu instrumen yang digunakan oleh guru untuk membuat pemerhatian pelaksanaan bahan bantu mengajar oleh guru atau peserta kajian yang dipilih dalam pengajaran mereka. Penyelidik juga menggunakan instrumen analisis dokumen seperti rancangan pengajaran harian (RPH) untuk mendapatkan data-data yang diperlukan dalam kajian ini.

6.0 DAPATAN KAJIAN

Fokus utama yang menjadi perbincangan artikel ini merujuk kepada objektif kajian yang mendasari kajian iaitu mengenal pasti bahan bantu mengajar serta pelaksanaannya dalam kalangan guru yang mengajar Pendidikan Muzik Tahap 2. Hasil dapatan kajian yang diperolehi menjelaskan berkenaan dengan pelaksanaan bahan bantu mengajar dalam pengajaran guru bagi keempat-empat Modul Kurikulum Pendidikan Muzik Tahap 2.

Jadual 1

Bahan Bantu Mengajar yang Digunakan dalam Pengajaran Pendidikan Muzik bagi Keempat-Empat Modul Kurikulum Pendidikan Muzik. (Puan Aina)

| | Bahan Bantu Mengajar | | | | | | | | |
|--------------|----------------------|---------------|-------------------|---------------|--------------------|----------------------|---------------------|---------------------|---------------|
| | Radio (B1) | Keyboard (B2) | Alat Perkusi (B3) | Rekorder (B4) | Komputer Riba (B5) | Peranti Paparan (B6) | Bahan Tayangan (B7) | Bahan Bercetak (B8) | Bahan 3D (B9) |
| Modul 1 (M1) | √ | x | √ | √ | x | x | x | √ | x |
| Modul 2 (M2) | x | x | x | x | x | x | x | √ | √ |
| Modul 3 (M3) | √ | x | x | x | x | x | x | x | x |
| Modul 4 (M4) | x | x | x | x | x | x | x | √ | x |

Jadual 1 di atas menunjukkan bahan bantu mengajar yang digunakan oleh Puan Aina terhadap empat Modul Kurikulum Pendidikan Muzik Tahap 2. Berdasarkan pemerhatian, temubual serta analisis dokumen yang telah dibuat, Puan Aina telah menggunakan bahan bantu mengajar seperti B1, B3, B4 dan B8 dalam pengajaran bagi Modul 1: Pengalaman Muzikal. Bagi Modul 2 pula, Puan Aina telah menggunakan bahan bantu mengajar seperti B8 iaitu bahan bercetak dalam pengajarannya. Bagi Modul 3, Puan Aina hanya menggunakan B1 iaitu radio dalam pengajaran mengenai topik Apresiasi Muzik. Bagi Modul 4, Puan Aina hanya menggunakan B8 iaitu bahan bercetak untuk pengajaran mengenai teori muzik.

Jadual 2

Bahan Bantu Mengajar yang Digunakan dalam Pengajaran Pendidikan Muzik bagi Keempat-Empat Modul Kurikulum Pendidikan Muzik. (Encik Ali)

| | Bahan Bantu Mengajar | | | | | | | | |
|--------------|----------------------|---------------|-------------------|---------------|--------------------|----------------------|---------------------|---------------------|---------------|
| | Radio (B1) | Keyboard (B2) | Alat Perkusi (B3) | Rekorder (B4) | Komputer Riba (B5) | Peranti Paparan (B6) | Bahan Tayangan (B7) | Bahan Bercetak (B8) | Bahan 3D (B9) |
| Modul 1 (M1) | √ | √ | √ | √ | x | x | x | √ | x |
| Modul 2 (M2) | x | √ | x | x | x | x | x | √ | √ |
| Modul 3 (M3) | √ | √ | x | x | √ | √ | √ | x | x |
| Modul 4 (M4) | x | x | x | x | x | x | x | √ | √ |

Jadual 2 di atas menunjukkan bahan bantu mengajar yang digunakan oleh Encik Ali terhadap empat Modul Kurikulum Pendidikan Muzik Tahap 2. Berdasarkan pemerhatian, temubual serta analisis dokumen yang telah dibuat, Encik Ali telah menggunakan bahan bantu mengajar seperti B1, B2, B3, B4 dan B8 dalam pengajaran bagi Modul 1: Pengalaman Muzikal. Bagi Modul 2 pula, Encik Ali telah menggunakan bahan bantu mengajar seperti B2, B8 dan B9 dalam pengajarannya. Bagi Modul 3, Encik Ali telah menggunakan B1, B2, B5, B6, dan B7 iaitu radio, keyboard, komputer riba, peranti paparan dan bahan tayangan dalam pengajarannya mengenai topik Apresiasi Muzik. Bagi Modul 4, Encik Ali telah menggunakan B8 dan B9 iaitu bahan bercetak dan bahan 3D seperti kad imbasan notasi muzik untuk menyampaikan pengajarannya mengenai teori muzik.

Jadual 3

Bahan Bantu Mengajar yang Digunakan dalam Pengajaran Pendidikan Muzik bagi Keempat-Empat Modul Kurikulum Pendidikan Muzik. (Encik Abu)

| | Bahan Bantu Mengajar | | | | | | | | |
|--------------|----------------------|---------------|-------------------|---------------|--------------------|----------------------|---------------------|---------------------|---------------|
| | Radio (B1) | Keyboard (B2) | Alat Perkusi (B3) | Rekorder (B4) | Komputer Riba (B5) | Peranti Paparan (B6) | Bahan Tayangan (B7) | Bahan Bercetak (B8) | Bahan 3D (B9) |
| Modul 1 (M1) | √ | x | √ | √ | √ | √ | √ | √ | x |
| Modul 2 (M2) | x | √ | x | x | √ | √ | x | √ | √ |
| Modul 3 (M3) | √ | x | x | x | √ | √ | √ | x | x |
| Modul 4 (M4) | x | x | x | x | √ | √ | x | √ | x |

Jadual 3 di atas menunjukkan bahan bantu mengajar yang digunakan oleh Encik Abu terhadap empat Modul Kurikulum Pendidikan Muzik Tahap 2. Berdasarkan pemerhatian, temubual serta analisis dokumen yang telah dibuat, Encik Abu telah menggunakan bahan bantu mengajar seperti B1, B3, B4, B5, B6, B7 dan B8 dalam pengajaran bagi Modul 1: Pengalaman Muzikal. Bagi Modul 2 pula, Encik

Abu telah menggunakan bahan bantu mengajar seperti B2, B5, B6, B8 dan B9 dalam pengajaran mengenai topik corak irama. Bagi Modul 3, Encik Abu telah menggunakan B1, B5, B6 dan B7 iaitu radio, komputer riba, peranti paparan dan bahan tayangan untuk menjalankan aktiviti muzikal pergerakan. Bagi Modul 4, Encik Abu telah menggunakan B5, B6 dan B8 untuk menyampaikan pengajarannya mengenai teori muzik.

7.0 PERBINCANGAN

Berdasarkan analisis yang telah dibuat, guru-guru ataupun peserta kajian menggunakan pelbagai jenis bahan bantu mengajar dalam pengajaran Pendidikan Muzik mereka. Penyelidik mendapati bahawa bahan bantu mengajar yang digunakan oleh ketiga-tiga peserta kajian ini mempunyai persamaan. Puan Aina, Encik Ali dan Encik Abu cenderung menggunakan bahan bantu mengajar seperti radio, alat perkusi, rekorder dan bahan bercetak dalam pengajaran Modul 1. Bagi Modul 2 pula, ketiga-tiga peserta kajian ini menggunakan bahan bercetak dalam pengajaran topik corak irama. Bagi Modul 3, ketiga-tiga peserta kajian ini menggunakan radio dalam pengajaran mereka. Bagi Modul 4, bahan bercetak merupakan bahan bantu mengajar yang digunakan oleh ketiga-tiga peserta kajian yang dipilih. Faizah (2017) menyatakan sikap merupakan satu faktor halangan yang dihadapi oleh guru dalam pemilihan bahan bantu mengajar. Namun, penyelidik mendapati bahawa peserta kajian ini mempunyai sikap yang komited dengan tugas mereka sebagai seorang guru muzik. Selain itu, dapatan kajian menunjukkan bahawa ketiga-tiga peserta kajian yang dipilih mempunyai persamaan pelaksanaan bahan bantu mengajar dalam pengajaran mereka. Antara persamaan adalah dari segi penggunaan radio, dimana ketiga-tiga peserta kajian ini menggunakan bahan bantu mengajar tersebut dalam pengajaran aktiviti nyanyian dan aktiviti mengenai topik apresiasi muzik.

8.0 KESIMPULAN

Melalui kajian ini, penyelidik telah membincangkan objektif, metodologi, dapatan, perbincangan kajian kes mengenai pelaksanaan bahan bantu mengajar dalam kalangan guru Pendidikan Muzik Tahap 2. Hasil dapatan kajian ini dapat dibuktikan melalui jadual yang ditunjukkan dalam perbincangan mengenai dapatan kajian. Pelbagai jenis bahan bantu mengajar telah dikenalpasti oleh penyelidik yang digunakan dalam kalangan guru yang mengajar Pendidikan Muzik Tahap 2. Pelaksanaan bahan bantu mengajar dalam kalangan guru yang dipilih ini juga mempunyai persamaan serta perbezaan dari segi pelaksanaannya terhadap empat Modul Kurikulum Pendidikan Muzik Tahap 2.

9.0 CADANGAN

Beberapa cadangan patut diambilkira untuk menjayakan pelaksanaan bahan bantu mengajar dalam kalangan guru Pendidikan Muzik Tahap 2. Penyelidik mencadangkan agar pihak sekolah mengadakan kursus, bengkel dan latihan dalam meningkatkan kemahiran penggunaan pelbagai jenis bahan bantu mengajar yang sesuai bagi guru-guru yang mengajar mata pelajaran Pendidikan Muzik. Selain itu, penyelidik juga berharap agar bilik muzik di sekolah dilengkapi dengan bahan bantu mengajar yang sesuai untuk digunakan oleh guru dalam pengajaran Pendidikan Muzik. Penyelidik juga mengharapkan agar guru memupuk sikap ingin mencuba khususnya penggunaan pelbagai jenis bahan bantu mengajar. Penyelidik juga berharap agar guru meningkatkan aktiviti pembelajaran dan pemudahcaraan yang lebih berpusatkan murid dengan menggunakan pelbagai jenis bahan bantu mengajar.

10.0 IMPLIKASI

Melalui kajian ini, ia dapat memberi sumbangan keilmuan kepada murid, guru dan juga sekolah. Pelaksanaan bahan bantu mengajar dalam pengajaran seseorang guru ini dapat membantu guru mewujudkan suasana pembelajaran yang aktif dalam kalangan murid. Murid-murid akan terlibat secara langsung dalam pelbagai aktiviti yang dijalankan oleh guru. Melalui kajian ini juga, ia akan membantu guru untuk mengetahui bahan bantu mengajar yang sesuai untuk dipilih dalam mencapai objektif pembelajaran terhadap pengajaran guru. Selain itu, pelaksanaan kajian ini akan membantu pihak sekolah untuk lebih menyediakan bahan bantu mengajar kepada guru-guru agar mereka dapat melaksanakan pembelajaran pemudahcaraan (PdPC) dengan baik.

RUJUKAN

- Azlan Ahmad Zanzali, & Nurdalina Daud. (2010). Penggunaan bahan bantu mengajar di kalangan guru pelatih UTM yang mengajar matapelajaran matematik.
- Faizah Ja'apar. (2017). Bahan Bantu Mengajar (BBM) dalam Pengajaran dan Pembelajaran (P&P) di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Daerah Pontian.
- Fuad, M. S., Marina, M., Afrah, S. J., & Mohd, Z. K. (2013). *Murid dan Alam Belajar*. Selangor: Penerbitan Multimedia Sdn.Bhd.
- Kamarul Azmi Jasmi. (2011). Amalan Penggunaan Bahan Bantu Mengajar dalam Kalangan Guru Cemerlang Pendidikan Islam Sekolah Menengah di Malaysia. *Journal of Islamis and Arabic Education*.
- Lili Sunaini Ramli (2006). Perkaitan Antara Bahan Bantu Mengajar dan Gaya Pembelajaran dengan Pencapaian Kertas Bahasa Melayu dalam kalangan murid bukan Melayu.
- Miomira, M. D. (2015). The Use Of Teaching Aids and Their Importance For Students' Music Education. *International Journal of Cognitive Research in Science, Engineering dan Education*, 3(2).
- Mohamad Said, & Yunus, N. (2008). Halangan-halangan kepada usaha memupuk kreativiti di kalangan murid. *Prosiding Pemikiran Kritis dan Kem*

G8.5 Pendidikan Muzik



MENINGKATKAN KEMAHIRAN MENCIPTA CORAK IRAMA DALAM KALANGAN MURID TAHUN 5 DENGAN MENGGUNAKAN PAPAN STICK, STAY AND PLAY

ANAS FARID BIN ADIZAR
Jabatan Pendidikan Muzik

Pensyarah Pembimbing
DR. LIM ZEK CHEW

ABSTRAK

Penyelidikan tindakan ini dilaksanakan bagi meningkatkan kemahiran mencipta corak irama murid tahun 5 dengan menggunakan Papan *Stick, Stay and Play* (SSP Board). Peserta kajian adalah seramai 30 orang murid Tahun 5 iaitu 15 orang murid lelaki dan 15 orang murid perempuan. Pengumpulan data awal adalah menerusi pemerhatian dan temubual. Data awal menunjukkan bahawa murid lemah dalam pengenalan jenis not, corak irama dan mencipta corak irama. Oleh itu, SSP Board telah dicipta yang merangkumi penggunaan aktiviti berkenaan jenis not, menepuk corak irama, mencipta corak irama dan menepuk corak irama yang dicipta. Selain itu, penggunaan sebutan irama Kodaly dan penggunaan kaedah imitasi Carl Orff telah dicipta khas untuk menjadi satu anjakan baharu bagi meningkatkan kemahiran mencipta corak irama dalam meter empatan dengan tepat. Kajian ini telah dijalankan dalam satu kitaran iaitu sebanyak empat aktiviti di mana setiap aktiviti mengambil durasi masa selama 30 minit. Antara kaedah pengumpulan data yang dipilih ialah penilaian, pemerhatian dan dokumen analisis. Dapatan ujian pra dan pasca serta ujian amali menunjukkan kemahiran pengenalan jenis not, ciptaan corak irama dan menepuk corak irama yang dicipta telah meningkat selepas tindakan dilaksanakan. Pengkaji mendapati murid pernah mempelajari konsep meter empatan. Namun, murid berasa bosan kerana perlu menepuk sahaja corak irama yang dicipta tanpa mengiringi lagu. Pengkaji mencadangkan penggunaan alat muzik perkusi dalam pendekatan Orff digunakan bagi memainkan corak irama yang dicipta serta mengiringi lagu yang bersesuaian.

Kata Kunci: Jenis not, ciptaan, SSP Board

ABSTRACT

This action research was undertaken to enhance the skill in creating rhythmic pattern among Year 5 pupils using the *Stick, Stay and Play Board*. The participants consists of 15 boys and 15 girls. The preliminary data was collected through observation and interviews. The data showed that the pupils were weak in the introduction of musical notes, rhythm pattern and creating the rhythm pattern. Therefore, *Stick, Stay and Play Board* (SSP Board) includes the use of rhythmic patterns, clapping the rhythm pattern, create a rhythm pattern and clapping the created rhythm pattern. In addition, the usage of Kodaly's rhythmic chanting and the use of Carl Orff's imitation method has been applied to become a new shift in the development of rhythmic skills in simple quadruple meter correctly. The research was carried out in a cycle of four activities and each of the activity took 30 minutes. The data collection method used for this research were assessment, observation and analysis of documents. Pre and post-test results and practical tests showed identification skills of musical notes, creation of rhythmic patterns and clapping the rhythmic patterns created have improved after action was taken. The findings showed that pupils have learned the concept of simple quadruple meter. However, the pupils were bored because they were just required to clap the rhythmic patterns created without the song. For further research, researcher suggests the use of percussion instruments as mentioned in Orff's method to play the rhythmic patterns created along with suitable songs.

Keywords: Notes, create, SSP Board

Emel: fafa.1866@gmail.com

1.0 PENGENALAN

Dalam era globalisasi ini, sebagai bakal guru seharusnya kita menyediakan sesi Pengajaran dan Pembelajaran yang dapat menggalakkan perkembangan kognitif murid di samping dapat memperluaskan lagi kemahiran muzikal menerusi Pendidikan Muzik di sekolah rendah. Hal ini bertujuan bagi merealisasikan 6 aspirasi murid yang dinyatakan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2013-2025). Menurut Booth (2009), Pendidikan Muzik merupakan satu matapelajaran yang penuh dengan peluang penerokaan kreativiti yang dapat meningkatkan tahap kognitif seseorang murid. Kajian tindakan yang dilaksanakan ini adalah berkisar tentang keupayaan murid-murid Tahun 5 memainkan dan mencipta corak irama menggunakan not krocet, minim, dan semibrif. Menurut Dalby dan Bruce (2005), kepentingan konsep irama tidak dapat disangkal lagi kerana irama merupakan pusat kepada pengalaman dan pemahaman muzikal bagi semua jenis muzik. Hal ini juga selaras dengan matlamat Kurikulum Pendidikan Muzik di peringkat sekolah rendah iaitu melahirkan insan kreatif yang berpengetahuan serta dapat menghayati dan menikmati muzik secara intelektual menerusi aktiviti muzikal termasuklah aktiviti mencipta corak irama.

2.0 FOKUS KAJIAN

Bagi pengumpulan data awal, kaedah temubual dan pemerhatian telah dijalankan bagi membolehkan saya mengesan beberapa isu berkaitan kemahiran mencipta corak irama murid. Antara masalah yang timbul ialah murid menyebut sebutan irama dengan nilai yang tidak lengkap berserta tepukan yang salah bagi notasi minim, semibrif dan kuaver. Hal ini menunjukkan bahawa murid-murid masih tidak memahami konsep nilai not dan sebutan cheve yang memudahkan pemahaman murid terhadap setiap not muzik wujud bagi not semibrif minim dan kuaver. Murid lebih cenderung menepuk notasi kuaver sama dengan not krocet tanpa mengikut konsep detik yang betul. Oleh hal demikian, saya telah mencipta sebuah bahan bantu mengajar iaitu Papan *Stick, Stay and Play* (SSP Board). SSP Board ini telah menggabungkan dua kaedah iaitu sebutan berirama Kaedah Kodaly dan Imitasi dalam Pendekatan Orff. Perkara ini dipercayai dapat membantu proses pengajaran dan pembelajaran yang melibatkan kemahiran mencipta corak irama murid. Houlahan dan Tacka (2008) menyatakan bahawa penggunaan kaedah sebutan irama *Kodaly* telah digunakan secara efektif di kebanyakan sekolah rendah di seluruh dunia. Hal ini kerana kaedah ini menggunakan sebutan untuk mewakili notasi dan murid-murid lebih mudah untuk mengenalpasti notasi-notasi di dalam corak irama dengan menggunakan sebutan perkataan. Manakala penepukan corak irama diajar secara imitasi kerana kanak-kanak mempunyai keupayaan mengimitasi corak irama dan mudah mempelajari sesuatu kemahiran melalui proses imitasi. Menurut Paolino (2012), penepukan corak irama diajar secara imitasi kerana kanak-kanak mempunyai keupayaan mengimitasi corak irama dan mudah mempelajari sesuatu kemahiran melalui proses imitasi. Maka dengan kajian ini, saya berharap agar dapat membantu meningkatkan kemahiran mencipta corak irama murid dalam meter empatan supaya mereka lebih menghargai nilai dan elemen dalam Pendidikan Muzik.

3.0 OBJEKTIF DAN SOALAN KAJIAN

Objektif Kajian

- i. Meningkatkan kemahiran menyebut nama dan nilai not kuaver, krocet, minim dan semibrif dengan menggunakan papan *Stick, Stay and Play* dalam kalangan murid-murid tahun lima.
- ii. Meningkatkan kemahiran menepuk corak irama dalam meter lazim empatan yang merangkumi nilai not kuaver, krocet, minim dan semibrif dengan menggunakan papan *Stick, Stay and Play* dalam kalangan murid-murid tahun lima.
- iii. Meningkatkan kemahiran mencipta corak irama dalam meter lazim empatan yang merangkumi nilai not kuaver, krocet, minim dan semibrif dengan menggunakan papan *Stick, Stay and Play* dalam kalangan murid-murid tahun lima.
- iv. Meningkatkan kemahiran menepuk corak irama yang dicipta dalam meter lazim empatan yang merangkumi nilai not kuaver, krocet, minim dan semibrif dengan menggunakan papan *Stick, Stay and Play* dalam kalangan murid-murid tahun lima.

Soalan Kajian

- i. Dapatkah papan *Stick, Stay and Play* meningkatkan kemahiran menyebut nama dan nilai not kuaver, krocet, minim dan semibrif dalam kalangan murid-murid tahun lima?
- ii. Dapatkah papan *Stick, Stay and Play* meningkatkan kemahiran menepuk corak irama dalam meter lazim empatan yang merangkumi nilai not kuaver, krocet, minim dan semibrif dalam kalangan murid-murid tahun lima?
- iii. Dapatkah papan *Stick, Stay and Play* meningkatkan kemahiran mencipta corak irama dalam meter lazim empatan yang merangkumi nilai not kuaver, krocet, minim dan semibrif dalam kalangan murid-murid tahun lima?
- iv. Dapatkah papan *Stick, Stay and Play* meningkatkan kemahiran menepuk corak irama yang dicipta dalam meter lazim empatan yang merangkumi nilai not kuaver, krocet, minim dan semibrif dalam kalangan murid-murid tahun lima?

4.0 PESERTA KAJIAN

Sebagai siswa pendidik Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas, saya telah terlibat secara langsung dalam kajian ini. Di samping itu, seramai 30 orang murid Tahun 5 Iktiraf terdiri daripada 15 orang murid lelaki dan 15 orang murid perempuan dan kesemua murid-murid yang terlibat sebagai peserta kajian ini terdiri daripada murid-murid berbangsa Melayu. Dari aspek latar belakang, secara dasarnya murid-murid di kelas ini kebanyakannya datang dari keluarga yang bertaraf sederhana. Kesemua murid tidak mempunyai latar belakang muzik. Namun begitu semua murid menunjukkan minat yang cukup tinggi untuk mempelajari mata pelajaran Pendidikan Muzik.

5.0 TINDAKAN YANG DIJALANKAN

Model Kurt Lewin telah digunakan bagi menjalankan kajian tindakan ini. Empat aktiviti telah dijalankan sebanyak satu kitaran sahaja di mana setiap aktiviti mengambil durasi masa selama 30 minit. Medium yang telah saya gunakan ialah berfokus kepada penggunaan SSP Board. Sebagai permulaan, aktiviti pertama telah dijalankan dengan pengenalan jenis not semibrif, minim, krocet dan kuaver dengan menggunakan SSP Board. Bagi langkah kedua pula ialah mengenai pendedahan konsep irama. Aktiviti ketiga pula merupakan pengenalan dan pengajaran kemahiran ciptaan corak irama dalam meter empatan manakala aktiviti keempat menguji kemahiran murid menepuk corak irama yang dicipta oleh mereka sendiri. Kesemua aktiviti ini melibatkan SSP Board sebagai bahan bantu mengajar.

Setelah tindakan dijalankan, saya telah menggunakan 3 jenis kaedah pengumpulan data iaitu penilaian, pemerhatian dan dokumen analisis. Menurut Creswell (2009), terdapat dua kaedah penganalisan data iaitu kaedah deskriptif dan kaedah naratif. Dapatan data kajian ini dianalisis dan dipersembahkan dalam bentuk analisis statistik deskriptif. Menerusi analisis ini, satu jenis data hasil daripada pengumpulan data iaitu kuantitatif telah disemak dan dikaitkan menerusi proses triangulasi data bagi membantu membuat kesimpulan mengenai penggunaan SSP Board dalam meningkatkan kemahiran mencipta corak irama bagi murid tahun 5.

6.0 DAPATAN KAJIAN

Setiap soalan kajian telah dijawab menerusi dapatan kajian. Persoalan kajian yang pertama telah dijawab menerusi keputusan penilaian dan analisis dokumen. Bagi keputusan penilaian, ujian pra dan pasca menunjukkan peratusan bahagian A bagi ujian pra ialah tiada seorang murid (0%) mendapat markah cemerlang manakala hanya seorang (3.33%) sahaja murid mendapat markah sederhana dan 29 orang murid (96.67%) pula mendapat markah lemah. Bagi ujian pasca pula menunjukkan peningkatan yang mendadak apabila 100% atau kesemua murid mendapat markah cemerlang dalam bahagian A ujian pasca. Bagi analisis dokumen pula, hasil lembaran kerja pada aktiviti pertama menunjukkan sebanyak 18 orang murid (60%) menguasai pengenalan jenis not sahaja manakala tujuh orang murid (23.33%) menguasai sebahagian soalan yang diberikan dan lima orang (16.67%) tidak menguasai.

Persoalan kajian kedua pula dijawab dengan data ujian amali dan pemerhatian. Keputusan ujian amali menunjukkan bahawa terdapat 5 orang murid (16.67%) mendapat markah peratusan sederhana, 25 orang murid (83.33%) berada dalam peratusan cemerlang. Manakala melalui pemerhatian pula, lima orang murid (16.67%) tidak berjaya menepuk corak irama dengan lancar manakala peratusan murid

yang betul dalam menepuk corak irama pula ialah seramai 25 orang (83.33%). Maka, hal ini telah menjadi sokongan pencapaian objektif kajian yang pertama dan kedua.

Persoalan kajian ketiga pula, dijawab dengan menggunakan instrumen ujian pra dan pasca serta analisis dokumen. Ujian pra dan pasca bahagian B menunjukkan peningkatan seramai 30 orang murid (100%) iaitu kesemua murid berjaya mencipta corak irama dalam meter empatan dengan tepat dan betul berbanding pada ujian pra dilaksanakan. Tambahan lagi, melalui lembaran kerja yang diedarkan pada murid ketika aktiviti ketiga dijalankan, seramai 30 orang murid (100%) juga berjaya mencipta corak irama meter empatan dengan tepat berdasarkan lembaran kerja yang diberikan.

Seterusnya bagi persoalan kajian keempat pula telah dijawab melalui penggunaan ujian amali dan pemerhatian. Melalui ujian amali, 5 orang murid (16.67%) mendapat markah peratusan sederhana, 25 orang murid (83.33%) berada dalam peratusan cemerlang. Bagi pemerhatian pula, berdasarkan senarai semak Ya-Tidak yang digunakan selepas intervensi empat, seramai 30 orang murid (100%) berjaya menepuk corak irama yang dicipta dengan betul. Oleh itu, penggunaan SSP Board ini mampu mendidik murid dalam mencipta corak irama dengan baik dan cemerlang.

7.0 REFLEKSI

Melihat pada pelaksanaan kajian yang telah saya jalankan, kekuatan pertama dalam kajian ini adalah SSP Board itu sendiri. Murid ternyata seronok dan dapat menguasai kemahiran mencipta corak irama dengan baik. Seterusnya, saya percaya bahawa murid lebih mengingati not melalui aktiviti *hands-on*. Melalui aktiviti 2 dan 3 yang dijalankan secara *hands-on*, kemahiran mengenai konsep irama dan ciptaan corak irama telah meningkat dengan menggunakan SSP Board. Menurut kajian Whitfield (2008), aktiviti *hands-on* dapat meningkatkan pembelajaran murid. Kemahiran pengenalan jenis not dan ciptaan juga dipertingkatkan melalui pembelajaran visual. Merujuk kepada data pemerhatian, murid-murid lebih seronok melakukan aktiviti menggunakan SSP Board kerana ia menggunakan jenis not dengan pelbagai warna yang menarik perhatian murid. Kemahiran ciptaan murid berkembang melalui aktiviti berkumpulan. Murid-murid telah mencipta corak irama bersama kumpulan dan melekatkan jawapan pada SSP Board dihadapan kelas. Belajar bersama-sama rakan sekaligus memberikan impak yang positif terhadap pencapaian pelajar. Hal ini kerana mereka akan bekerjasama dalam kumpulan serta saling tolong menolong bagi mereka yang lemah dalam kemahiran ciptaan corak irama.

Dapatan lembaran kerja yang telah diedarkan kepada murid melalui aktiviti 1 menunjukkan bahawa terdapat murid yang masih lemah dalam kemahiran pengenalan jenis not. Refleksi diri yang mendalam terhadap pelaksanaan kajian ini menunjukkan beberapa aspek yang mengganggu pelaksanaan tindakan dan pembelajaran murid. Antaranya, saya tidak dapat menumpukan sepenuh perhatian kepada setiap peserta kajian kerana bilangan murid yang terlalu besar. Hal ini membuktikan bahawa teknik pengurusan murid saya kurang mantap dan kurang memberikan kesan yang baik terhadap pembelajaran murid. Selain itu, pengurusan masa dalam aktiviti 3 juga telah menjadi satu masalah yang saya hadapi ketika menjalankan intervensi. Oleh kerana murid yang dikawal ialah seramai 30 orang murid, tidak cukuplah masa bagi intervensi ini dijalankan kerana peruntukan masa bagi pendidikan Muzik ialah selama 30 minit. Pengurusan masa yang kurang mantap juga mempengaruhi sesi pembelajaran murid. Kesimpulannya, penyelidikan tindakan yang telah dilaksanakan secara lancar ini dapat meningkatkan kemahiran mencipta corak irama murid dengan berjaya.

8.0 CADANGAN TINDAKAN SUSULAN

Tidak dapat disangkal lagi bahawa penyelidikan tindakan ini telah memberi impak yang positif terhadap kemahiran corak irama murid. Namun terdapat beberapa tindakan susulan yang boleh dilaksanakan bagi menambah baik pelbagai aspek perlaksanaannya. Perkara pertama yang perlu ditambah baik semula ialah teknik perbincangan secara berkumpulan. Teknik ini perlu diaplikasikan kepada murid kerana dipercayai dapat meningkatkan hasil pembelajaran murid lebih-lebih lagi dalam kemahiran ciptaan corak irama. Hasil perbincangan boleh dipersembahkan mengikut kumpulan serta boleh dipersembahkan dengan mengiringi lagu kanak-kanak. Teknik ini juga mampu mencungkil kreativiti murid selaras dengan hasrat aspirasi murid dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM). Berdasarkan PPPM (2013), setiap murid harus menguasai kemahiran berfikir secara kreatif dan inovatif.

Cadangan seterusnya ialah penambahbaikan dalam intervensi. Seperti sedia maklum, aktiviti 3 dijalankan dengan aktiviti mengenai ciptaan murid sepanjang satu bar. Oleh itu, aktiviti yang dijalankan ini telah memakan masa yang panjang bagi 30 orang murid. Jadi, penambahbaikan yang saya perlu adaptasi pada aktiviti 3 ini ialah guru boleh menambah bilangan bar pada SSP board memandangkan SSP board yang sedia ada hanyalah sepanjang 4 bar sahaja. Penambahbaikan ini mampu untuk menjimatkan masa serta memberikan peluang yang sama rata kepada murid-murid. Selain itu, murid juga boleh diberikan masa 5 minit mencipta corak irama terlebih dahulu sebelum melekatkan jawapan pada SSP board. Cadangan penambahbaikan yang terakhir ialah memasukkan penggunaan alat perkusi dalam ciptaan corak irama ini. Penggunaan alat perkusi ini mampu memberikan lebih cabaran dan keseronokan kepada murid dalam memainkan corak irama yang dicipta. Hal ini kerana melalui tepukan corak irama sahaja murid akan merasakan aktiviti yang dijalankan ini sangat mudah. Oleh itu, cadangan penggunaan alat perkusi hendaklah diaplikasikan sebagai salah satu aktiviti dalam intervensi yang disediakan.

RUJUKAN

- Bahagian Pembangunan Kurikulum. (2014). *Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Booth, E. (2009). *The music teaching artist's bible: Becoming a virtuoso educator*. Oxford: Oxford University Press.
- Creswell, J. W. (2009) *Research design: Qualitative, quantitative, and mixed methods approaches* (3rd ed.). California: Sage.
- Dalby & Bruce. (2005). Towards an effective pedagogy for teaching rhythm: Gordon And Beyond. *Music Educator Journal* 92(1), 54-60.
- Houlahan, M., Tacka, P. (2008). *Kodaly today: A cognitive approach to elementary music education*. New York, NY: Oxford University Press.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2013). *Pelan pembangunan pendidikan Malaysia 2013-2025*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Paolino, A. (2012). *The potential of the Orff-Schulwerk approach as an effective pedagogical tool for the teaching of Italian to upper primary pupils in Western Australia*. *Musicworks: Journal of the Australian Council of Orff Schulwerk*, 17(1), 15-26.
- Whitfield, A. J. (2008). *Teaching evolution concepts using a hands-on approach*. United States: ProQuest LLC.

PELAKSANAAN PEMANASAN SUARA OLEH PEMIMPIN KOIR DI SEKOLAH RENDAH JENIS KEBANGSAAN CINA DI DAERAH CHERAS

ANG CHONG YIN
Jabatan Pendidikan Muzik

Pensyarah Pembimbing
CIK NIK HARTINI BINTI NIK LATIF

ABSTRAK

Kajian ini mendokumentasikan pelaksanaan pemanasan suara bagi aktiviti koir dalam kalangan pemimpin koir di sekolah rendah, daerah Cheras, Kuala Lumpur. Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk mengenal pasti jenis-jenis latihan pemanasan suara yang dijalankan oleh pemimpin koir dan cara pelaksanaannya dalam aktiviti koir. Reka bentuk kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dengan instrumen temu bual, pemerhatian dan analisis dokumen bagi mendapatkan data. Dapatan kajian menunjukkan bahawa tiga elemen yang paling utama dalam latihan pemanasan suara ialah latihan pemanasan fizikal, latihan pernafasan dan latihan vokal. Guru perlu menjalankan latihan pemanasan suara mengikut urutan yang sistematik untuk mewujudkan nyanyian yang berkualiti. Pelbagai cara boleh dimanfaatkan oleh pemimpin koir dalam pelaksanaan latihan pemanasan suara. Ini bergantung kepada pengalaman pemimpin koir, keperluan murid serta aspek-aspek vokal yang dititikberatkan oleh pemimpin koir. Kaedah pengajaran iaitu demonstrasi, pergerakan serta penerangan analogi dan imaginatif telah memudahkan pemahaman murid dalam penghasilan bunyi yang baik. Kajian ini adalah penting kepada para guru untuk menjalankan latihan pemanasan suara dengan berkesan di samping mewujudkan kesedaran murid tentang kepentingan latihan pemanasan suara dalam meningkatkan kualiti ton nyanyian.

Kata Kunci: Latihan pemanasan suara, pemimpin koir, kualiti ton

ABSTRACT

This study documents the implementation of vocal warm-ups for choir activities among choir leaders in primary schools, Cheras district, Kuala Lumpur. The purpose of this study is to identify the types of vocal warm-ups carried out by the choir leaders and their methods of carrying out vocal warm-ups in choir activities. The design of this study is qualitative in nature. The study uses interviews, observations and document analysis for data collection. The findings show that the three important elements in vocal warm-ups are physical warm-ups, breathing exercises and vocal exercises. Teachers need to carry out vocal warm-ups in a systematic order to create quality singing. Various ways can be utilized by choir leaders in the implementation of vocal warm-ups. This depends on the experiences of choir leaders, the needs of the students as well as the vocal aspects emphasized by choir leaders. Teaching methods such as demonstrations, movements, analogy and imaginative descriptions have facilitated the understanding of students in sound production. This study is important for teachers to carry out vocal warm-ups effectively while creating awareness among students about the importance of vocal warm-ups to improve the tone quality in singing.

Keywords: Vocal warm-ups, choir leader, tone quality

Emel: angeline.angcy@gmail.com

1.0 PENGENALAN

Pada abad ke-20, koir kanak-kanak telah mula mendapat pengiktirafan sebagai salah satu kategori dalam muzik koral di negara-negara Barat. Perkembangan ini telah membawa satu keperluan bagi para ahli muzikal untuk memperluaskan ilmu pengetahuan mengenai teknik-teknik pengajaran koir kanak-kanak (Asztalos, 2016). Di Malaysia, koir kanak-kanak merupakan salah sejenis aktiviti kokurikulum di sekolah rendah. Latihan pemanasan suara adalah unsur yang penting untuk menghasilkan nyanyian yang berkualiti dalam sesebuah koir. Menurut Smith & Sataloff (2006), matlamat latihan pemanasan suara adalah untuk menyatupadukan nyanyian individu bagi mencapai penyatuan vokal dalam aktiviti koir.

Setiap kanak-kanak mempunyai kebolehan dalam nyanyian. Namun, guru menghadapi cabaran apabila kualiti ton nyanyian murid kurang baik seperti terlalu kuat dan tegang (McKinney, 1994). Oleh itu, seseorang pemimpin koir seharusnya memupuk amalan nyanyian yang sihat dalam kalangan murid melalui pelbagai jenis latihan pemanasan suara. Beberapa aspek yang dimiliki oleh pemimpin koir iaitu latar belakang, kepercayaan, pengalaman, amalan dan stail pengajaran menyumbang kepada kejayaan sesebuah pemanasan suara (Asztalos, 2016). Maka, kajian ini bertujuan untuk meneroka pelaksanaan pemanasan suara oleh pemimpin koir dalam aktiviti koir di sekolah rendah.

2.0 PERNYATAAN MASALAH

Ahli-ahli koir perlu mempunyai ton suara yang baik dan berkualiti untuk mewujudkan harmoni dalam nyanyian koir. Kualiti ton yang baik ialah suara yang dihasilkan secara bebas, mempunyai ketepatan pic dan resonan yang menyeluruh (Gackle, 2011).

Menurut McKinney (1994), cabaran yang dihadapi oleh guru ialah kualiti ton nyanyian yang dihasilkan oleh murid kurang baik seperti suara yang terlalu kuat dan tegang. Selain itu, kebanyakan kanak-kanak menggunakan suara percakapan untuk menyanyi dan mempunyai sensitiviti yang rendah terhadap pic (Szabo, 2001). Menurut Rutkowski & Miller (2003) pula, salah satu masalah yang ketara dalam bidang pendidikan muzik ialah penyanyi yang tidak dapat menyanyi dengan pic yang tepat. Penyanyi jenis ini tidak dapat memadamkan pic dan tidak peka dengan suara sendiri kerana kurang daya konsentrasi.

Pengkaji mendapati bahawa kekurangan kajian kes berkaitan pelaksanaan aktiviti pemanasan suara dalam aktiviti koir di sekolah rendah di Malaysia. Kebanyakan kajian yang dilaksanakan adalah di luar negara.

Tujuan kajian ini adalah untuk memberi panduan kepada murid tentang kepentingan latihan pemanasan suara dilaksanakan. Pihak guru boleh membuat penambahbaikan terhadap sesi pengajaran dengan mengadaptasi latihan-latihan pemanasan suara yang lebih berkesan kepada murid. Bagi pihak sekolah pula, kajian ini membantu pihak sekolah untuk memberi perhatian yang lebih kepada aktiviti koir supaya murid mempunyai pendedahan yang mendalam dalam kemahiran nyanyian.

3.0 OBJEKTIF DAN SOALAN KAJIAN

Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti jenis-jenis latihan pemanasan suara yang dijalankan oleh pemimpin koir dalam aktiviti koir. Selain itu, kajian ini juga ingin meneroka cara pelaksanaan latihan pemanasan suara oleh pemimpin koir dalam aktiviti koir. Soalan kajian adalah seperti berikut :

1. Apakah jenis-jenis latihan pemanasan suara yang dijalankan oleh pemimpin koir dalam aktiviti koir?
2. Bagaimanakah pemimpin koir menjalankan latihan pemanasan suara dalam aktiviti koir?

4.0 METODOLOGI KAJIAN

Penyelidikan ini dijalankan menggunakan reka bentuk kajian kes. Menurut Merriam (2002), kajian kes ialah satu bentuk kajian dalam sistem tertutup bagi mengenal pasti makna dan pemahaman sesuatu keadaan atau subjek. Dalam konteks kajian ini, pengkaji ingin mengenal pasti dan memahami jenis-jenis latihan pemanasan suara yang dijalankan oleh pemimpin koir serta cara pelaksanaannya dalam aktiviti koir.

Pensampelan yang digunakan dalam kajian kes ini ialah pensampelan bertujuan. Dalam pensampelan ini, sekumpulan subjek yang mempunyai ciri-ciri tertentu dipilih sebagai peserta kajian berdasarkan pengetahuan dan tujuan khusus. Oleh itu, peserta kajian merupakan dua orang pemimpin koir yang mengetuai aktiviti koir di sekolah rendah serta mempunyai kepakaran dalam bidang vokal. Tujuan adalah untuk memahami jenis-jenis latihan pemanasan suara yang dijalankan oleh pemimpin koir dan cara pelaksanaannya dalam aktiviti koir.

Instrumen dalam kajian ini adalah melalui temu bual. Bentuk temu bual yang digunakan ialah temu bual separa-berstruktur kerana menggabungkan ciri-ciri fleksibiliti dan bersifat terbuka. Dengan itu, pengkaji menemu bual dua peserta kajian yang merupakan pemimpin koir untuk mendapatkan data berkenaan pelaksanaan pemanasan suara bagi aktiviti koir di sekolah rendah.

Bagi mendapatkan data sokongan, kaedah pemerhatian turut dilakukan. Seorang pemimpin koir bagi setiap kumpulan koir dinilai melalui kaedah pemerhatian sewaktu sesi latihan pemanasan suara dijalankan. Maka, jumlah keseluruhan peserta kajian ialah seramai dua orang dari dua buah kumpulan koir. Kaedah pemerhatian digunakan dengan berpandukan senarai semak pemerhatian. Selain itu, nota lapangan digunakan untuk mencatat maklumat yang penting sewaktu pemerhatian dijalankan. Pengkaji juga meneliti laporan kokurikulum yang dicatat oleh guru penasihat sebagai analisis dokumen.

Kesahan dan kebolehpercayaan instrumen amat penting bagi mempertahankan kejituan instrumen daripada terdedah kepada kecacatan. Pengkaji telah merujuk pakar bidang pendidikan muzik untuk mengesahkan instrumen yang digunakan. Selain itu, pengkaji memastikan data yang dikutip melalui temu bual, pemerhatian dan analisis dokumen mempunyai triangulasi supaya data mencapai kebolehpercayaan yang tinggi.

Pendekatan Inkuiri digunakan dalam mengumpul data bagi kajian ini. Pendekatan ini memerlukan pengkaji kelapangan secara aktif bagi memastikan data yang diperolehi mencapai ke peringkat tepu.

Selain itu, data temu bual yang dikumpul telah melalui melalui proses transkripsi. Nota lapangan, senarai semak, video dan dokumen diberi kod pengenalan yang memudahkannya diakses semula. Semua data diberi tarikh perolehan dan petunjuk tentang konteks untuk memudahkan rujukan sepanjang proses analisis.

Pengkaji menganalisis data secara manual. Data-data yang diperolehi daripada transkripsi temu bual, senarai semak, pemerhatian, nota lapangan dan laporan kokurikulum diuruskan dengan sistematik serta dianalisis mengikut model interaktif komponen analisis data. Antaranya ialah mengumpulkan data, menguncupkan data, mengolah data dan membuat kesimpulan.

5.0 DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Data bagi kedua-dua soalan kajian dikutip melalui instrumen temu bual, pemerhatian dan analisis dokumen. Berikut merupakan dapatan kajian berdasarkan soalan :

Apakah jenis-jenis latihan pemanasan suara yang dijalankan oleh pemimpin koir dalam aktiviti koir?

Kedua-dua pemimpin koir telah menjalankan latihan pemanasan fizikal, latihan pernafasan dan latihan vokal. Latihan-latihan ini disokong oleh Asztalos (2016), di mana beliau mengatakan bahawa aktiviti pemanasan suara merangkumi tiga aspek iaitu latihan pemanasan fizikal, latihan pernafasan dan latihan vokal. Latihan pemanasan suara yang terancang adalah penting untuk meningkatkan kualiti ton dalam nyanyian.

Kedua-dua pemimpin koir berpendapat bahawa latihan pemanasan fizikal bertujuan untuk meregangkan otot badan murid supaya mereka mempunyai kesediaan untuk menyanyi. Menurut Gackle (2011), aktiviti regangan otot dalam latihan pemanasan fizikal adalah penting supaya murid mempunyai kesediaan menyanyi. Dalam latihan vokal, kedua-dua pemimpin koir telah menjalankan nyanyian skala dan nyanyian solfa. Menurut Fonza (2014), nyanyian skala adalah penting untuk meluaskan renj suara murid manakala nyanyian solfa pula penting untuk mempertingkatkan ketepatan pic dalam nyanyian.

Walau bagaimanapun, terdapat latihan yang berbeza antara kedua-dua pemimpin koir ini. Dalam latihan vokal, peserta kajian A telah menjalankan *humming* dan imitasi bunyi siren. *Humming* merupakan latihan untuk mempertingkatkan teknik resonan manakala imitasi bunyi siren boleh meluaskan renj suara kanak-kanak (Fonza, 2014). Bagi peserta kajian B pula, beliau menjalankan latihan getaran bibir, nyanyian *arpeggio* dan latihan huruf vowel dan konsonan. Menurut Fonza (2014), latihan getaran bibir mempertingkatkan teknik pernafasan manakala nyanyian *arpeggio* meluaskan renj suara kanak-kanak. Latihan huruf vowel dan konsonan pula boleh mempertingkatkan teknik artikulasi dalam nyanyian.

Bagaimanakah pemimpin koir menjalankan latihan pemanasan suara dalam aktiviti koir?

Dalam latihan pemanasan fizikal, kedua-dua pemimpin koir telah menjalankan regangan otot untuk mengaktifkan otot-otot badan. Cara mereka berbeza kerana peserta kajian A melakukan demonstrasi sendiri manakala peserta kajian B meminta ketua murid untuk mengetuai sesi regangan otot. Kedua-dua peserta kajian mementingkan postur badan dalam nyanyian. Dapatan ini disokong oleh dapatan Asztalos (2016) iaitu guru perlu mengajar murid untuk meregangkan otot di bahagian leher, bahu, lutut, kaki dan tangan bagi latihan pemanasan fizikal. Guru juga harus mengajar murid tentang postur badan yang betul dari segi posisi, kaki, dada, bahu, kepala dan tangan.

Dalam latihan pernafasan, peserta kajian A selalu menggunakan nyanyian 'la' dalam 16 kiraan manakala peserta kajian B mementingkan latihan getaran bibir (*lip-buzzing*). Menurut Fonza (2014), guru boleh memberi latihan menarik dan menghembus nafas secara perlahan serta latihan getaran bibir untuk menguasai teknik pernafasan.

Dalam latihan vokal, nyanyian solfa yang dijalankan oleh peserta kajian A mempunyai pergerakan isyarat tangan Curwen manakala peserta kajian B membimbing murid untuk menyanyi solfa dalam latihan skor. Menurut Fonza (2014), latihan solfa digunakan untuk mempertingkatkan ketepatan pic. Selain itu, kedua-dua peserta kajian suka menjalankan latihan nyanyian skala 5 not dan diaplikasikan dalam latihan vokal yang lain dari semasa ke semasa kerana mudah dinyanyikan oleh murid. Nyanyian skala 5 not secara menaik dan menurun bertujuan untuk meregangkan lipatan vokal (Gish, 2010).

Peserta kajian A menjalankan latihan *humming* dan imitasi bunyi siren supaya dapat mempertingkatkan teknik resonan dan meluaskan renj suara murid. Menurut Fonza (2014), latihan *humming* bertujuan untuk menguasai teknik resonan manakala imitasi bunyi siren boleh memperkembangkan renj suara ahli koir. Peserta kajian B menggunakan huruf 'ha' dalam nyanyian *arpeggio*. Menurut Asztalos (2016), menghembus nafas menggunakan 'ha' membantu kanak-kanak memberi perhatian kepada pernafasan yang mendalam. Selain itu, latihan huruf vokal dan konsonan dijalankan dengan membunyikan 'ta-ti-to-tu' secara stakato. Data ini disokong oleh Asztalos (2016) kerana bunyi konsonan iaitu 't' membantu murid meningkatkan teknik artikulasi.

Dari aspek kaedah pengajaran, kedua-dua peserta kajian menggunakan kaedah demonstrasi dalam pengajaran latihan pemanasan suara. Menurut Fonza (2014), kaedah demonstrasi digunakan oleh para guru untuk menghasilkan ton yang baik dalam nyanyian. Kedua-dua peserta kajian juga banyak menggunakan pergerakan dan penerangan analogi dan imaginatif dalam latihan pernafasan kerana konsep pernafasan susah difahami oleh murid. Menurut Fonza (2014), para guru menggunakan teknik pergerakan untuk memudahkan pemahaman murid dalam penghasilan bunyi yang baik.

6.0 KESIMPULAN, CADANGAN DAN IMPLIKASI

Latihan pemanasan suara adalah penting sebagai persediaan menyanyi. Tiga elemen yang paling utama dalam latihan pemanasan suara ialah latihan pemanasan fizikal, latihan pernafasan dan latihan vokal. Guru perlu menjalankan latihan pemanasan suara mengikut urutan yang sistematik untuk mewujudkan nyanyian yang berkualiti dan berkesan dalam penguasaan teknik-teknik vokal.

Pelbagai cara boleh dimanfaatkan oleh pemimpin koir dalam pelaksanaan latihan pemanasan suara. Ini bergantung kepada pengalaman pemimpin koir, keperluan murid serta aspek-aspek vokal yang dititikberatkan oleh pemimpin koir. Walaupun setiap pemimpin koir mempunyai stail pengajaran yang berbeza, tujuannya adalah sama iaitu untuk mencapai teknik vokal.

Kaedah demonstrasi, pergerakan, penerangan analogi dan penerangan imaginatif adalah berkesan dalam mengukuhkan kefahaman murid terhadap teknik vokal yang dipelajari. Ketiga-tiga kaedah ini boleh mewujudkan suasana pembelajaran nyanyian yang aktif, seronok dan efektif.

Kedua-dua pemimpin koir telah melaksanakan latihan pemanasan suara dengan efektif dan berkesan. Oleh itu, pengkaji mencadangkan supaya para guru mencontohi cara pelaksanaan latihan pemanasan suara yang dijalankan oleh kedua-dua pemimpin koir untuk meningkatkan kualiti ton nyanyian murid. Sebagai kajian lanjutan, pengkaji mencadangkan supaya menambahkan jumlah bilangan peserta kajian agar hasil kajian lebih tepat. Kajian ini hanya menumpukan kepada latihan pemanasan suara

dalam aktiviti koir. Pengkaji mencadangkan kajian tentang faktor-faktor yang menyumbang ke arah keberkesanan pengurusan koir.

Kajian ini memberi implikasi terhadap pihak murid, guru dan sekolah. Bagi pihak murid, mereka dapat meningkatkan kemahiran nyanyian untuk menjadi insan yang berilmu pengetahuan. Bagi pihak guru, mereka boleh mengadaptasi latihan-latihan pemanasan suara yang baru dan lebih berkesan kepada murid. Bagi pihak sekolah, tahap pencapaian kokurikulum akan meningkat hasil daripada kualiti pengajaran guru yang baik dan efektif. Oleh itu, kajian ini adalah penting kerana membawa manfaat kepada semua.

RUJUKAN

- Asztalos, A. (2016). *Importance of vocal warm-ups in children's choir rehearsals in Hungarian Music Primary Schools*. Budapest.
- Fonza, F. R. (2014). *Tone building strategies used for beginning high school choirs*. Florida: Florida State University.
- Gackle, M. L. (2011). *Finding Ophelia's voice, opening Ophelia's heart*. Dayton, OH :Heritage Music Press.
- Gish, A. K. (2010). *Vocal warm-up practices and perceptions in vocalists : A pilot survey*. Louisiana: B.M., Louisiana State University.
- Rutkowski, J., & Miller, M. S. (2003). *A longitudinal study of elementary children's acquisition of their singing voices*. *UPDATE, Fall-Winter*, 5-14.
- McKinney, J. C. (1994). *The diagnosis and correction of vocal faults. A manual for teachers of singing and for choir directors*. Nashville, TN : Genevox.
- Merriam, S. B. (Ed.). (2002). *Qualitative research in practice: Examples for discussion and analysis*. San Francisco, CA: Jossey-Bass.
- Pravina Manoharan. (2007). *HBMS2103*. Seri Kembangan: Meteor Doc. Sdn. Bhd.
- Smith, B. & Sataloff, R. T (2006). *Choral pedagogy*. San Diego, CA : Plural Publishing.
- Szabo, M. (2001). *Children's inaccurate singing : Selected contributing factors*. *General music today*, Spring 2001; 14, 3; Education Database.

PENGGUNAAN BLOK RITMA UNTUK MENINGKATKAN KEMAHIRAN MENCIPTA CORAK IRAMA DALAM KALANGAN MURID TAHUN EMPAT

CARYN TIONG WEN JIA
Jabatan Pendidikan Muzik

Pensyarah Pembimbing
CIK NIK HARTINI BINTI NIK LATIF

ABSTRAK

Penyelidikan tindakan ini dilaksanakan untuk meningkatkan kemahiran mencipta corak irama menggunakan Blok Ritma dalam kalangan murid tahun empat. Fokus kajian ini adalah untuk meningkatkan kemahiran pengenalan not, sebutan irama dan menepuk corak irama serta mencipta corak irama murid. Peserta kajian ini terdiri daripada 28 orang murid tahun 4. Antaranya, terdapat 12 orang murid lelaki dan 16 orang murid perempuan. Analisis data awal menunjukkan bahawa murid menghadapi masalah dalam menyatakan nama dan nilai not, sebutan dan tepukan corak irama dan penciptaan corak irama. Oleh itu, pengkaji telah menghasilkan Blok Ritma untuk mengatasi masalah tersebut. Kaedah ini telah menggunakan idea Kodaly berasaskan Teori kecerdasan pelbagai dan Teori Perkembangan Kognitif Jean Piaget. Terdapat empat aktiviti telah dijalankan. Setiap aktiviti mengambil masa 30 minit. Pengumpulan data yang diguna dalam kajian ini termasuklah penilaian, borang maklumat demografik dan temu bual. Dapatan ujian pra dan pasca serta ujian amali menunjukkan kemahiran pengenalan not, sebutan irama dan menepuk corak irama serta mencipta corak irama murid telah meningkat selepas tindakan dilaksanakan. Pengkaji mendapati murid mudah belajar konsep corak irama dengan penggunaan Blok Ritma yang wujud. Permainan yang dijalankan sama ada secara individu atau berkumpulan dapat mempercepatkan pembelajaran murid. Murid terdorong untuk belajar atas keinginan mencapai kemenangan. Pengkaji mencadangkan sistem nama not America- English yang tidak berunsur penomboran harus digunakan untuk mengelakkan kekeliruan dalam kalangan murid. Aktiviti improvisasi juga dicadangkan dalam pengajaran corak irama supaya murid dapat menguasai kemahiran mencipta corak irama secara ansur maju.

Kata Kunci: Mencipta, corak irama, Blok Ritma

ABSTRACT


This action research attempts to improve pupils' skills on creating a rhythmic pattern using Block Rhythmics. This research focused on improving pupils' skills in recognising notes, Clapping rhythm, clapping of the rhythmic pattern and to create a rhythmic pattern. This research was conducted on 28 Year 4 pupils which includes 12 boys and 16 girls. The preliminary data shows that pupils have problem in stating the name and value of the notes, clapping, saying rhythmic pattern and creating patterns, hence Block Rhythmic was used. This method used the ideas of Kodaly based on Multiple Intelligences theory and Jean Piaget's Cognitive Development theory. Four activities were carried out in this research. Each activity was conducted for 30 minutes. Evaluation, demographic information form and interviews were used to collect data throughout the research. The findings of pre and post test evaluation and practical test showed that pupils' playing and creating rhythmic patterns skill have improved. Based on the research, pupils could learn rhythmic concepts easier through the use of Block Rhythmic which is a concrete material. Games activity either individually or in groups enhanced pupils' learning, Pupils are encouraged to learn because they have the desire to win. Researcher suggests the America-English note name system which does not consist of numbering element to be applied to prevent confusion among pupils. Improvising activities is also suggested in the teaching of rhythmic patterns so that pupils can master the skills in creating rhythmic patterns gradually.

Keywords: Create, rhythmic patterns, Block Rhythmics

Emel: wenjia96@gmail.com


1.0 PENGENALAN

Bagi melahirkan pelajar yang mampu bersaing pada peringkat global, aspek kurikulum telah menerapkan unsur kemahiran berfikir aras tinggi menerusi penulisan secara eksplisit dalam dokumen standard kurikulum yang menekankan keupayaan pelajar mengaplikasi, menganalisis, menilai dan mencipta (Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2014). Tahap tertinggi dalam dimensi proses kognitif ialah mencipta (Anderson & Krathwohl, 2001) iaitu pelajar dapat menghasilkan sesuatu hasil daripada pembelajaran yang dilalui. Maka, bidang kajian ini bertumpukan kepada usaha peningkatan kemahiran mengenal jenis not, menepuk dan menyebut serta mencipta corak irama mudah dengan menggunakan Blok Ritma. Bagi pengumpulan data awal, tiga jenis instrumen telah digunakan iaitu ujian diagnostik, borang maklumat demografik dan temu bual.



Rajah 1. Penggredan ujian diagnostic.

Berdasarkan Rajah 1, kebanyakan murid berada dalam tahap lemah bagi Ujian diagnostik yang merangkumi Ujian menamakan jenis not, menyatakan nilai not, menepuk corak irama, mencipta corak irama serta menepuk corak irama yang ditepuk.



Rajah 2. Latar belakang muzik dan minat murid.

Analisis borang maklumat demografik berdasarkan Rajah 2 menunjukkan bahawa hanya empat murid (14.29%) yang mengambil kelas tambahan muzik pada luar waktu persekolahan. Terdapat dua murid (7.14%) yang terlibat dalam pasukan koir dan tiada murid yang terlibat dalam pancaragam sekolah. Seterusnya, seramai 18 murid (64.28%) yang tidak pernah mengambil bahagian yang berkaitan dengan muzik. Hal ini menunjukkan kebanyakan murid tidak mempunyai tahap penguasaan yang tinggi dalam muzik.

Saya telah menemu bual guru Pendidikan Muzik tahun empat dan lima peserta kajian tahun empat secara rawak. Hasil daripada temu bual menunjukkan tahap pencapaian muzikal murid adalah lemah. Ringkasnya, pengumpulan data awal daripada ujian diagnostik, borang maklumat demografik dan temu bual membuktikan bahawa murid menghadapi masalah dalam pengenalan jenis dan nilai not, sebutan serta penciptaan corak irama.

2.0 FOKUS KAJIAN

Kajian ini berfokus kepada cara untuk meningkatkan kemahiran mencipta corak irama dalam kalangan murid Tahun empat dengan menggunakan Blok Ritma. Melalui pemerhatian yang dijalankan semasa proses Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Muzik, saya mendapati bahawa murid tidak dapat menepuk corak irama berdasarkan skor. Murid tidak dapat menguasai kemahiran menepuk corak irama dengan pembacaan notasi apatah lagi mencipta corak irama baru. Maka, fokus kajian saya adalah untuk meningkatkan kemahiran murid untuk mengenal jenis not, menepuk dan menyebut irama serta mencipta corak irama dalam meter lazim empatan sepanjang dua bar melalui penggunaan Blok Ritma.

3.0 OBJEKTIF DAN SOALAN KAJIAN

Objektif Kajian

1. Meningkatkan kemahiran murid dalam menyatakan nama dan nilai not kuaver, krocet, minim dan semibrif dengan menggunakan Blok Ritma.
2. Meningkatkan kemahiran murid dalam menyebut dan menepuk corak irama yang merangkumi nilai not kuaver, krocet, minim dan semibrif dalam meter lazim empatan dengan penggunaan Blok Ritma.
3. Meningkatkan kemahiran murid dalam mencipta corak irama mudah dalam meter lazim empatan daripada not kuaver, krocet, minim dan semibrif dengan menggunakan Blok Ritma.

Soalan Kajian

1. Dapatkah penggunaan Blok Ritma meningkatkan kemahiran murid dalam menyatakan nama dan nilai not kuaver, krocet, minim dan semibrif?
2. Adakah penggunaan Blok Ritma dapat meningkatkan kemahiran murid dalam menyebut dan menepuk corak irama yang merangkumi nilai not kuaver, krocet, minim dan semibrif dalam meter lazim empatan?
3. Dapatkah penggunaan Blok Ritma meningkatkan kemahiran murid dalam mencipta corak irama mudah dalam meter lazim empatan daripada not kuaver, krocet, minim dan semibrif?

4.0 PESERTA KAJIAN

Saya merupakan salah seorang peserta kajian yang mana saya menjadi penunjuk cara dan memberi bimbingan kepada murid dalam setiap aktiviti yang dijalankan. Peserta kajian dipilih berdasarkan dapatan pengumpulan data awal. Saya telah mengenal pasti seramai 28 orang murid sebagai peserta kajian iaitu semua murid dalam kelas tersebut. Hal ini demikian, keputusan ujian diagnostik menunjukkan bahawa mereka berada pada tahap yang lemah. Borang maklumat demografik pula menunjukkan bahawa hanya empat murid mengambil kelas tambahan muzik di luar waktu persekolahan kerana kebanyakan murid berasal daripada keluarga status sosial ekonomi sederhana.

5.0 TINDAKAN

Model Kurt Lewin telah dipilih sebagai model penyelidikan tindakan ini. Empat aktiviti telah dilaksanakan di mana setiap satunya mengambil masa 30 minit. Blok Ritma yang wujud telah diguna untuk menyampaikan konsep corak irama. Setiap Blok Ritma dikaitkan dengan jenis not dan sebutan irama yang berbeza. Aktiviti kesedaran visual dapat menentukan sejauh mana murid memahami konsep baru (Houlahan & Tacka, 2015).

Aktiviti pertama melibatkan aktiviti menepuk dan menyebut corak irama. Aktiviti kedua pula melibatkan aktiviti pengenalan jenis not iaitu nama dan nilai not. Aktiviti ketiga melibatkan mencipta corak irama secara berkumpulan. Aktiviti terakhir pula adalah mencipta corak irama secara individu. Penilaian formatif dijalankan pada bahagian akhir keempat-empat aktiviti ini untuk mengetahui tahap penguasaan murid. Ahli falsafah China, Confusius menegaskan. "Saya dengar dan saya lupa, saya lihat dan saya ingat, saya buat dan saya faham" (Chong, 2016). Sememangnya, pengalaman *hands-on* ini membantu murid untuk mengukuhkan penciptaan corak irama murid.

Permainan Meneka Lagu, yang mana skor lagu dibina menggunakan Blok Ritma (rujuk Rajah 3) turut dilaksanakan dalam keempat-empat kali aktiviti. Permainan ini berjaya merangsang pembelajaran dan motivasi murid. Atas keinginan untuk meneka nama lagu tersebut, murid bermula untuk berlatih menepuk dan menyebut sendiri dan mencari corak irama ini dalam ingatan mereka secara bersungguh-

sebenarnya. Permainan dapat memberi keseronokan kepada murid sehingga murid tidak menyedari bahawa mereka sedang mempelajari sesuatu (Rogers & West, 2016).



Rajah 3. Skor "Marry had a little Lamb".

Setelah tindakan dijalankan, saya telah menggunakan Ujian Pra dan Pasca, Ujian Amali, Penilaian formatif, pemerhatian dan temu bual untuk mengumpul data. Dapatan data dianalisis dan dipersembahkan dalam bentuk analisis statistik diskriptif serta disemak menerusi proses triangulasi data untuk mencapai kesahan yang tinggi. Triangulasi kaedah digunakan untuk menyemak data. Dengan adanya sekurang-kurangnya dua sumber pengumpulan data, maka kredibiliti data dapat dijamin. Maka, kesimpulan yang dihasilkan selepas proses triangulasi ini dapat membuktikan penggunaan Blok Ritma dalam peningkatan kemahiran mencipta corak irama murid.

6.0 DAPATAN KAJIAN

Persoalan kajian 1: Dapatkah penggunaan Blok Ritma meningkatkan kemahiran murid dalam menyatakan nama dan nilai not kuaver, krocet, minim dan semibrif?

Ya. Bagi menjawab persoalan kajian di atas, instrumen ujian pra dan pasca serta Penilaian formatif digunakan untuk pengumpulan data. Setelah menjalankan tindakan, sebanyak 21 murid (75%) murid yang mendapat gred cemerlang dan 7 murid (25%) yang mendapat gred sederhana dalam ujian pra dan pasca. Hasil penilaian formatif kedua menunjukkan bahawa murid yang telah menguasai dengan cemerlang adalah 25 murid (89.29%).

Persoalan kajian 2: Adakah penggunaan Blok Ritma dapat meningkatkan kemahiran murid dalam menyebut dan menepuk corak irama yang merangkumi nilai not kuaver, krocet, minim dan semibrif dalam meter lazim empatan?

Ya, instrumen ujian amali dan pemerhatian menunjukkan kemahiran menyebut dan menepuk corak irama murid telah meningkat. Analisis data ujian amali menunjukkan terdapat 17 (60.71%) murid yang mendapat gred cemerlang. Hasil pemerhatian turut menunjukkan peningkatan murid dalam sebutan dan tepukan corak irama. Berbanding dengan data pemerhatian permainan meneka lagu dalam aktiviti 1, peratus bilangan murid yang dapat menguasai tepukan dan sebutan irama telah meningkat sebanyak 10.71% dalam aktiviti 2. Tahap penguasaan murid terus meningkat sebanyak 14.28% dalam aktiviti 3 iaitu 85.71% sehingga semua murid (100%) dapat menepuk dan menyebut corak irama dengan betul dalam aktiviti 4.

Persoalan kajian 3: Dapatkah penggunaan Blok Ritma meningkatkan kemahiran murid dalam mencipta corak irama mudah dalam meter lazim empatan daripada not kuaver, krocet, minim dan semibrif?

Ya. Persoalan ini telah dijawab dengan instrumen pra dan pasca dan penilaian formatif. Selepas tindakan dilaksanakan, hasil ujian pasca Bahagian B murid terus meningkat sebanyak 64.29% sehingga 19 murid dapat mencipta kedua-dua corak irama dengan betul. Keputusan Penilaian Formatif Ketiga menunjukkan 24 orang murid (85.71%) yang telah menguasai konsep penciptaan.

7.0 REFLEKSI

Saya telah membuat refleksi sepanjang aktiviti dijalankan. Setelah penyelidikan tindakan ini, murid lebih yakin untuk melakukan aktiviti muzikal yang berkaitan dengan not muzik. Kajian ini dapat dijadikan panduan kepada semua pihak kerana penggunaan Blok Ritma telah memberi impak positif yang mendalam atas peningkatan kemahiran mengenali jenis not, sebutan irama dan juga mencipta corak irama. Permainan Meneka Lagu turut menjadi salah satu kesukaan murid dalam aktiviti yang dijalankan. Namun, aktiviti permainan memakan masa yang lebih panjang, saya menghadapi masalah kesuntukan masa semasa menjalankan tindakan. Hal ini menunjukkan bahawa pengurusan masa saya adalah kurang mantap. Maka, saya hendaklah merancang langkah-langkah saya dengan rapi supaya semua aktiviti dapat dijalankan dalam masa yang dirancang dan seterusnya agar objektif saya tercapai.

8.0 CADANGAN TINDAKAN SUSULAN

Cadangan yang pertama ialah sistem nama not *America-English* harus digantikan dengan sistem nama not *British-English* yang pernah digunakan dalam muzik klasikal zaman pertengahan (Philofer & Day, 2015). Hal ini demikian, nama not mempunyai unsur penomboran yang menimbulkan kekeliruan kepada murid semasa mempelajari nilai not. Murid cenderung untuk mencampuradukkan nama dan nilai not.

Seterusnya, saya juga mencadangkan untuk melibatkan aktiviti improvisasi dalam pembelajaran corak irama. Menurut Long (2013), improvisasi atau ciptaan adalah mengembangkan kemahiran kepada tahap yang mana kanak-kanak boleh menghasilkan corak irama secara spontan. Melalui aktiviti improvisasi, murid digalakkan untuk membina corak irama yang baru. Setelah murid menguasai improvisasi, maka murid lebih senang untuk mencipta.

Akhir sekali, penambahbaikan dalam penghasilan Blok Ritma dicadangkan. Blok Ritma yang digunakan dalam kajian ini adalah kecil. Ada kala murid menghadapi masalah untuk melihat Blok Ritma dengan jelas. Blok Ritma yang lebih besar haruslah disediakan untuk memastikan kelancaran aktiviti. Selain itu, warna yang sama untuk jenis not yang sama hendaklah diaplikasikan dalam Blok Ritma. Sebagai contoh, warna kuning untuk not Semibrif.

Kesimpulannya, penggunaan Blok Ritma amat berkesan dalam meningkatkan kemahiran mencipta corak irama. Walaubagaimanapun, terdapat beberapa cadangan tindakan susulan yang boleh dilaksanakan bagi menambah baik pelbagai aspek dalam pelaksanaan tindakan ini.

RUJUKAN

- Anderson, L. W., & Krathwohl, D. R. (2001). *A taxonomy for learning, teaching and assessing: A revision of Bloom's taxonomy of educational objectives*. New York: Longman.
- Bahagian Pembangunan Kurikulum. (2014). *Elemen KBAT dalam kurikulum*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Chong, C. P. (2016). *Mengkaji persepsi Confusius terhadap kehidupan*. Universiti Rahman.
- Houlahan, M., & Tacka, P. (2015). *Kodaly today: A cognitive approach to elementary music education*. Oxford University Press.
- Long, A. (2013). *Involve me: Using the Orff approach within the elementary classroom*. Illinois: Eastern Illinois University.
- Philofer, M., & Day, H. (2015). *Music theories for dummies*. United States: John Wiley & Sons.
- Rogers, N., & West, T. (2016). *Classroom games: Games to reinforce content learning*. California: Teaching and Learning Company.

FAKTOR-FAKTOR YANG MEMPENGARUHI MINAT SISWA GURU DALAM BIDANG PENGKHUSUSAN PENDIDIKAN MUZIK DI INSTITUT PENDIDIKAN GURU

CHUAH YU TI
Jabatan Pendidikan Muzik

Pensyarah Pembimbing
DR. LEE LEH HONG

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji faktor-faktor yang mempengaruhi minat siswa guru terhadap bidang pengkhususan Pendidikan Muzik di IPG. Responden kajian ini terdiri daripada 75 orang siswa guru tahun akhir daripada bidang pengkhususan Pendidikan Muzik di empat buah Institut Pendidikan Guru (IPG). Instrumen soal selidik dibangunkan berdasarkan tiga faktor yang mempengaruhi minat siswa guru dan ditadbirkan secara atas talian. Analisis deskriptif digunakan untuk menguji tahap minat dan faktor-faktor. Analisis korelasi Pearson pula dilakukan untuk melihat hubungan antara pekali. Hasil kajian mendapati tahap minat siswa guru adalah tinggi (min=4.20) manakala faktor yang paling tinggi adalah faktor mata pelajaran Pendidikan Muzik (min=4.49), diikuti dengan faktor persekitaran (min=4.28), dan faktor keluarga (min=4.08) merupakan faktor yang paling rendah. Dapatan kajian juga mendapati terdapat hubungan yang signifikan di antara minat dengan faktor-faktor yang mempengaruhi minat siswa guru terhadap bidang pengkhususan Pendidikan Muzik. Minat dengan faktor mata pelajaran ($r=.575, p<0.01$) mempunyai hubungan positif yang sederhana kuat, minat dengan faktor keluarga mempunyai hubungan positif yang lemah ($r=.466, p<0.01$), manakala minat dengan faktor persekitaran ($r=.272, p<0.05$) mempunyai hubungan positif yang lemah. Hasil daripada kajian ini dapat memberi kesan kepada proses pengajaran dan pembelajaran serta kualiti guru dan kualiti pendidikan secara tidak langsung. Dapatan kajian ini dapat memberi maklumat yang lebih lanjut kepada pihak IPGM, pensyarah dan pentadbiran jabatan serta ibu bapa dan penjaga mengenai faktor-faktor yang mempengaruhi minat siswa guru yang sebagai bakal guru dalam bidang pengkhususan Pendidikan Muzik di Malaysia.

Kata Kunci: Minat, faktor, Pendidikan Muzik

ABSTRACT

This study aims to examine the factors that influence the interest of students majoring Music Education in Institute of Teacher Education. The respondents of this study consisted of 75 final year teacher trainees majoring in Music Education in four Institutes of Teacher Education (IPG). The questionnaire was developed based on three factors that influence the interest of students and are administered online. Descriptive analysis was used to test interest levels and factors. Pearson correlation analysis was also performed to investigate the relationship between the factors. This study found that the level of interest of students is high (mean=4.20), while the highest factors is the subject of music education (mean=4.49), followed by environmental factors (mean=4.28), and family (mean=4.08) is the lowest factors. The findings also found that there was a significant relationship between the interest and the factors affecting the interest of students towards majoring in Music Education. Interest with subject factors ($r=.575, p<0.01$) had moderate positive relationships, interest with family factors have weak positive relationships ($r=.466, p<0.01$), while interest with environmental factors ($r=.272, p<0.05$) have a weak positive relationship. The results of this study can affect teaching and learning as well as the quality of teachers and the quality of education indirectly. The findings of this study provide further information to Institutes of Teacher Education Malaysia (IPGM), lecturers and administrators as well as parents and guardians on factors affecting the interest of students as potential teachers in the field of Music Education in Malaysia.

Keywords: Interests, factors, Music Education

Emel: utchuah@gmail.com

1.0 PENGENALAN

Di Malaysia, Pendidikan Muzik diperkenalkan di sekolah pada tahun lapan puluhan melalui Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR). Dalam tahun 2011 Pendidikan Muzik mengalami perubahan kurikulum apabila diperkenalkan Kurikulum Standard Sekolah Rendah.

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) menerima individu lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) yang berkelayakan, berpotensi, berminat dan beriltizam untuk mengikuti Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP). Program ini dikhususkan untuk melatih bakal guru di Institut Pendidikan Guru (IPG) yang ditetapkan oleh KPM dalam pelbagai bidang pengkhususan bagi keperluan di sekolah rendah.

Pada tahun 2018, program PISMP ditawarkan untuk bidang pengkhususan Pendidikan Muzik bagi program Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) adalah seramai 120 orang (*Sin Chew Daily*, 24 Mac 2018). Jumlah ini adalah yang kedua tertinggi antara bidang pengkhususan lain yang ditawarkan. Hal ini untuk mengatasi masalah kekurangan guru terutamanya guru Pendidikan Muzik di SJKC di seluruh Malaysia.

Keadaan ini mungkin disebabkan terdapat beberapa faktor yang mempengaruhi minat mereka terhadap Pendidikan Muzik. Adalah menjadi tanggungjawab para pendidik untuk mengenal pasti faktor-faktor yang mempengaruhi minat siswa guru dalam bidang pengkhususan Pendidikan Muzik.

2.0 PERNYATAAN MASALAH

Menurut Noor Erma Abu dan Leong (2014), pengaruh minat yang tinggi terhadap mata pelajaran tertentu mempengaruhi tahap pencapaian seseorang. Hal ini bermakna faktor minat dalam bidang pengkhususan Pendidikan Muzik mampu memberi kesan yang positif kepada proses pengajaran dan pembelajaran serta kualiti guru dan pendidikan.

Di Malaysia, sekolah rendah mengalami masalah kekurangan pendidik profesional dalam bidang pengkhususan Pendidikan Muzik. Datuk Seri Dr S. Subramaniam berkata, Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) kini mengalami masalah kekurangan guru subjek bukan teras seperti Muzik dan Seni (*Sinar Harian*, 17 Julai 2017). Beliau berpendapat bahawa punca berlaku masalah ini adalah kebanyakan bakal guru memilih subjek teras berbanding subjek elektif.

Terdapat banyak faktor yang boleh mempengaruhi seseorang untuk memilih bidang pengajian yang mereka minat. Dalam kajian yang telah dijalankan oleh Herawatie Tajul Arifin (2010), mendapati minat mempengaruhi pemilihan bidang pengajian Pengurusan Makanan manakala kajian pula Nooraini Othman dan Siti Soleha Mismam (2010) pula mendapati bahawa minat mempengaruhi pemilihan bidang pengajian keusahawanan. Oleh yang demikian kajian faktor yang mempengaruhi minat siswa guru dalam bidang pengkhususan Pendidikan Muzik adalah penting dan perlu dikaji.

Dalam konteks IPG, kurang kajian berkenaan faktor-faktor yang mempengaruhi minat bakal guru dalam bidang muzik. Kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti faktor utama yang mempengaruhi minat siswa guru tahun akhir dalam bidang pengkhususan Pendidikan Muzik. Antara faktor yang boleh diketengahkan iaitu melalui mata pelajaran, persekitaran dan keluarga di mana faktor-faktor ini sangat berkait rapat dalam kehidupan sebagai seorang siswa guru.

Hasil kajian ini dapat dimanfaatkan dan memberi maklumat yang lebih lanjut kepada pihak-pihak tertentu seperti pihak IPGM, pensyarah dan pentadbiran jabatan serta ibu bapa dan penjaga.

3.0 OBJEKTIF, SOALAN KAJIAN DAN HIPOTESIS KAJIAN

Objektif kajian adalah seperti berikut:

1. Menenal pasti tahap minat siswa guru dalam bidang pengkhususan Pendidikan Muzik.
2. Menenal pasti faktor-faktor yang mempengaruhi minat siswa guru dalam bidang pengkhususan Pendidikan Muzik.
3. Menenal pasti hubungan antara faktor-faktor yang mempengaruhi minat siswa guru dalam bidang pengkhususan Pendidikan Muzik.

Kajian ini dijalankan untuk menjawab persoalan-persoalan berikut:

1. Apakah tahap minat siswa guru dalam bidang pengkhususan Pendidikan Muzik?
2. Adakah faktor-faktor mata pelajaran Pendidikan Muzik, persekitaran dan keluarga mempengaruhi minat siswa guru dalam bidang pengkhususan Pendidikan Muzik?
3. Adakah terdapat hubungan antara faktor mata pelajaran Pendidikan Muzik, persekitaran dan keluarga terhadap minat siswa guru bidang pengkhususan Pendidikan Muzik?

Hipotesis juga dibina bagi mengetahui sama ada wujud perbezaan antara faktor-faktor yang mempengaruhi minat siswa guru dalam bidang pengkhususan Pendidikan Muzik, seperti yang dinyatakan dalam persoalan kajian, seperti berikut:

Ho1 : Tidak terdapat hubungan signifikan antara faktor mata pelajaran dengan minat siswa guru dalam bidang pengkhususan Pendidikan Muzik.

Ha1 : Terdapat hubungan signifikan antara faktor mata pelajaran dengan minat siswa guru dalam bidang pengkhususan Pendidikan Muzik.

Ho2 : Tidak terdapat hubungan signifikan antara faktor persekitaran dengan minat siswa guru dalam bidang pengkhususan Pendidikan Muzik.

Ha2 : Terdapat hubungan signifikan antara faktor persekitaran dengan minat siswa guru dalam bidang pengkhususan Pendidikan Muzik.

Ho3 : Tidak terdapat hubungan signifikan antara faktor keluarga dengan minat siswa guru dalam bidang pengkhususan Pendidikan Muzik.

Ha3 : Terdapat hubungan signifikan antara faktor keluarga dengan minat siswa guru dalam bidang pengkhususan Pendidikan Muzik.

4.0 METOLOGI KAJIAN

Reka bentuk kajian yang dijalankan ini menggunakan pendekatan reka bentuk kuantitatif melalui kaedah tinjauan.

Dalam kajian ini, penyelidik hanya memilih siswa guru tahun akhir dalam bidang pengkhususan Pendidikan Muzik sahaja sebagai subjek kajian. Siswa guru yang terlibat dalam kajian dipilih secara bertujuan. Populasi kajian terdiri daripada 90 orang siswa guru, iaitu 25 orang siswa guru di IPG Kampus Ilmu Khas (IPGKIK), 23 orang siswa guru di IPG Kampus Pulau Pinang (IPGKPP), 21 orang siswa guru di IPG Kampus Raja Melewar (IPGKRM) dan 21 orang siswa guru di IPG Kampus Tuanku Bainun (IPGKTB).

Berdasarkan jadual penentuan saiz sampel oleh Krejcie dan Morgan (1970), minimum saiz sampel kajian yang diperlukan adalah 72 orang dengan bilangan populasi seramai 90 orang. Dengan ini, penyelidik telah mengumpulkan 75 orang responden. Keputusan kajian tersebut hanya mewakili kumpulan kajian yang dipilih sahaja.

Dalam kajian ini, instrumen kajian yang digunakan adalah soal selidik. Soal selidik ini digunakan untuk menjawab persoalan kajian tentang faktor-faktor mata pelajaran Pendidikan Muzik, persekitaran dan keluarga yang sebagai pemboleh ubah tidak bersandar mempengaruhi minat siswa guru yang sebagai pemboleh ubah bersandar dalam bidang pengkhususan Pendidikan Muzik dalam kajian ini. Pembinaan item soal selidik mengenai minat siswa guru terhadap bidang Muzik dibina dengan rujukan pada *Conceptualization and Measurement of Interest* (Schifelle, Krapp & Winteler, 1988).

Item-item soal selidik telah disemak oleh seorang Panel Penyemak Instrumen Kajian sebelum diedarkan kepada responden. Ini bagi memastikan kesahan instrumen yang dibina. Penyelidik juga telah menjalankan Ujian Cronbach's Alpha menentukan ketekalan dan kebolehpercayaan instrumen soal selidik.

Data yang diperolehi dari kajian, dianalisis dengan menggunakan perisian *SPSS* versi 22.0 bagi menjawab persoalan kajian. Dalam kajian ini, analisis deskriptif seperti peratus dan kekerapan telah digunakan di dalam demografi responden. Seterusnya, analisis statistik seperti min dan korelasi untuk mengukur serakan data dalam bahagian B hingga E untuk menerangkan faktor-faktor yang mempengaruhi minat siswa guru tahun akhir dalam bidang pengkhususan Pendidikan Muzik.

5.0 DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Terdapat tiga soalan kajian telah dijawabkan dengan dapatan kajian ini.

Apakah tahap minat siswa guru dalam bidang pengkhususan Pendidikan Muzik?

Jadual 1

Analisis Item Tahap Minat Siswa Guru dalam Bidang Pengkhususan Pendidikan Muzik

| Pernyataan item | Min | Tahap |
|--|------|--------|
| 1. Aktiviti kegemaran saya adalah berkenaan dengan isu-isu dan masalah dalam bidang Muzik. | 4.17 | Tinggi |
| 2. Saya gemar membuat aktiviti Muzikal pada masa lapang. | 4.40 | Tinggi |
| 3. Saya akan menghabiskan masa dengan aktiviti Muzikal tanpa tekanan dari luar. | 4.25 | Tinggi |
| 4. Saya sangat yakin dengan pengetahuan saya dalam bidang Muzik. | 3.96 | Tinggi |
| 5. Saya mempunyai jati diri yang tinggi terhadap bidang Muzik. | 4.17 | Tinggi |
| 6. Saya tidak pernah mempunyai keraguan untuk menceburi bidang Muzik. | 4.20 | Tinggi |
| 7. Saya berasa yakin kerana saya telah memilih bidang kerjaya yang paling sesuai dengan kecenderungan peribadi saya. | 4.15 | Tinggi |
| 8. Jurusan Muzik adalah sangat bersesuaian dengan diri saya. | 4.32 | Tinggi |
| Min Keseluruhan | 4.20 | Tinggi |

Merujuk kepada Jadual 1, analisis dapatan kajian menunjukkan nilai skor min bagi kesemua item bagi tahap minat siswa guru adalah pada tahap tinggi dengan nilai skor min antara 3.96 hingga 4.40. Secara keseluruhannya, dapatan kajian menunjukkan bahawa minat siswa guru dalam bidang pengkhususan Pendidikan Muzik adalah pada tahap yang tinggi (min=4.20). Dapatan kajian ini menepati dapatan kajian Herawatie Tajul Arifin (2010) yang mendapati tahap minat pelajar adalah tinggi terhadap Pengurusan Makanan (min=4.23) serta dapatan kajian Johari Hassan dan Norsuriani Ab Aziz (2011) yang mendapati bahawa tahap minat terhadap matematik berada di tahap tinggi. Secara ringkasnya, responden kajian ini menceburi bidang pengkhususan Pendidikan Muzik disebabkan minat.

Adakah faktor-faktor mata pelajaran Pendidikan Muzik, persekitaran dan keluarga mempengaruhi minat siswa guru dalam bidang pengkhususan Pendidikan Muzik?

Jadual 2

Analisis Deskriptif Faktor Mempengaruhi Minat Siswa Guru dalam Bidang Pengkhususan Pendidikan Muzik

| Faktor | Min | Tahap |
|-----------------|------|--------|
| Mata Pelajaran | 4.49 | Tinggi |
| Persekitaran | 4.28 | Tinggi |
| Keluarga | 4.08 | Tinggi |
| Min keseluruhan | 4.28 | Tinggi |

Berdasarkan Jadual 2, dapatan kajian menunjukkan faktor-faktor yang mempengaruhi minat siswa guru dalam bidang pengkhususan Pendidikan Muzik adalah pada tahap tinggi (min keseluruhan=4.28). Dapatan kajian telah menunjukkan faktor mata pelajaran (min=4.49) merupakan faktor utama, diikuti faktor persekitaran (min=4.28) serta faktor keluarga (min=4.08). Dapatan kajian ini menepati dapatan kajian Rosni Zamuddin Shah Sidek dan Norfazila Abu Bakar (2010) yang mendapati faktor mata pelajaran dan faktor pensyarah (min=3.70) paling banyak mempengaruhi minat siswa guru tahun akhir terhadap bidang keusahawanan. Justeru, dapatan kajian ini menepati dapatan kajian Nooraini Othman dan Siti Soleha Misman (2010) yang mendapati faktor persekitaran adalah faktor yang paling banyak mempengaruhi minat pelajar dalam bidang keusahawanan, diikuti dengan faktor mata pelajaran dan faktor galakan keluarga. Jelaslah, ketiga-tiga faktor mempengaruhi minat siswa guru dalam bidang pengkhususan Pendidikan Muzik pada tahap tinggi.

Adakah terdapat hubungan antara faktor mata pelajaran Pendidikan Muzik, persekitaran dan keluarga terhadap minat siswa guru bidang pengkhususan Pendidikan Muzik?

Jadual 3

Pekali Kolerasi di antara Minat, Faktor Mata Pelajaran, Faktor Persekitaran dan Faktor Keluarga (N=75)

| | | Minat | Faktor Mata Pelajaran | Faktor Persekitaran | Faktor Keluarga |
|-----------------------|-------------------------|-------|-----------------------|---------------------|-----------------|
| Minat | Kolerasi <i>Pearson</i> | 1 | .575** | .272* | .466** |
| Faktor Mata Pelajaran | Kolerasi <i>Pearson</i> | | | .628** | .649** |
| Faktor Persekitaran | Kolerasi <i>Pearson</i> | | | | .569** |

** . Kolerasi adalah signifikan pada tahap 0.01 (2-tailed).

* . Kolerasi adalah signifikan pada tahap 0.05 (2-tailed).

Dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat hubungan signifikan antara faktor mata pelajaran Pendidikan Muzik dan minat ($r=.575$, $p<0.01$), faktor persekitaran dan minat ($r=.272$, $p<0.05$) serta faktor keluarga dan minat ($r=.466$, $p<0.01$) siswa guru dalam bidang pengkhususan Pendidikan Muzik. Dengan ini, penyelidik menolak hipotesis nol iaitu tidak terdapat hubungan signifikan antara ketiga-tiga faktor dengan minat siswa guru dalam bidang pengkhususan Pendidikan Muzik. Dapatan kajian ini juga menepati dapatan kajian Herawatie Tajul Arifin (2010) yang mendapati terdapat hubungan yang signifikan di antara minat dan penguasaan pelajar dalam teori dan amali mata pelajaran Pengurusan Makanan. Selain itu, dapatan kajian ini menepati dapatan kajian Puji Wahyuni (2017) yang mendapati motivasi belajar, kaedah pembelajaran, media pembelajaran dan lingkungan sekolah berpengaruh signifikan terhadap minat belajar dalam mata pelajaran ekonomi. Kesimpulannya, terdapat hubungan signifikan di antara ketiga-tiga faktor dengan minat dalam bidang pengkhususan Pendidikan Muzik.

6.0 KESIMPULAN, CADANGAN DAN IMPLIKASI

Kesimpulannya, faktor-faktor mata pelajaran Pendidikan Muzik, persekitaran dan keluarga memang mempengaruhi minat siswa guru dalam bidang pengkhususan Pendidikan Muzik. Hal ini jelas dilihat daripada pengujian soalan serta hipotesis kajian.

Lanjutan itu, penyelidik mencadangkan agar dijalankan kajian berbentuk kes supaya dapat mengetahui faktor utama yang sebenar dalam mempengaruhi minat siswa guru dalam bidang pengkhususan Pendidikan Muzik. Seterusnya, penyelidik akan datang disarankan agar bilangan sampel lebih besar dan populasi agak menyeluruh. Justeru, skop kajian boleh diperluaskan supaya melibatkan faktor lain untuk mendapatkan gambaran yang lebih menyeluruh terhadap faktor yang mempengaruhi minat siswa guru dalam bidang pengkhususan Pendidikan Muzik di IPG.

Dapatan kajian ini diharap boleh memberi gambaran kepada pihak IPGM mengenai faktor-faktor yang mempengaruhi minat siswa guru yang sebagai bakal guru dalam bidang pengkhususan Pendidikan Muzik di Malaysia. Selain itu, dapatan kajian ini juga berharap dapat memberi maklum balas kepada pensyarah dan pentadbir jabatan Muzik di IPG untuk merancang dan membentuk strategi pengajaran dan pembelajaran yang lebih berkesan serta efisien. Manakala bagi ibu bapa dan penjaga juga, dapatan kajian ini dapat dijadikan rujukan dan panduan dalam mendidik serta memupuk minat anak-anak terhadap bidang Muzik.

RUJUKAN

- Azita Ali, & Nor Aini Harun. (2017). *Hubungan faktor-faktor penguasaan kefahaman konsep matematik dengan minat bagi pelajar sarjana muda pendidikan teknik dan vokasional*. Tesis tidak diterbitkan, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, Johor, Malaysia.
- Herawatie Tajul Arifin. (2010). *Minat dan penguasaan pelajar dalam mata pelajaran pengurusan makanan Di SMT (ERT) Azizah, Johor Bahru*. Tesis tidak diterbitkan, Universiti Teknologi Malaysia, Johor, Malaysia.

- Johari Hassan, & Norsuriani Ab Aziz. (2011). *Faktor-faktor yang mempengaruhi minat terhadap matematik di kalangan pelajar sekolah menengah*. Tesis tidak diterbitkan, Universiti Teknologi Malaysia, Malaysia.
- Krejcie, R. V., & Morgan, D. W. (1970). Determining sample size for research activities. *Educational and Psychological Measurement*, 30, 607-610.
- Noor Erma Abu, & Leong, K. E. (2014). Hubungan antara sikap, minat, pengajaran guru dan pengaruh rakan sebaya terhadap pencapaian matematik tambahan tingkatan 4. *JuKu: Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, 2(1), 1-10.
- Nooraini Othman, & Siti Soleha Misman. (2010). *Persepsi terhadap faktor-faktor yang mempengaruhi minat pelajar 4SPH dalam bidang keusahawanan*. Tesis tidak diterbitkan, Universiti Teknologi Malaysia, Malaysia.
- Puji Wahyuni. (2017). *Faktor-faktor yang mempengaruhi minat belajar siswa pada mata pelajaran ekonomi kelas X SMA negeri 1 kecamatan pancung soal kabupaten pesisir selatan*. Tesis tidak diterbitkan, Sekolah Tinggi Keguruan dan Ilmu Pendidikan Sumatera Barat Padang, Indonesia.
- Rosni Zamuddin Shah Sidek, & Norfazila Abu Bakar. (2010). *Faktor-faktor yang mempengaruhi minat pelajar tahun akhir terhadap bidang keusahawanan Di UTM*. Tesis tidak diterbitkan, Universiti Teknologi Malaysia, Johor, Malaysia.
- Schifefe, U., Krapp, A., & Winteler, A. (1988). *Conceptualization and measurement of interest*. Paper presented at the annual meeting of the American Educational Research Association (AERA), New Orleans, USA.
- Sin Chew Daily*. (2018, March 24). Permohonan Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP) untuk SJKC.
- Sinar Harian*. (2017, July 17). SJKT kekurangan guru subjek bukan teras.

MENINGKATKAN KEMAHIRAN MEMAINKAN NOT G, A, B, C', D DENGAN REKODER MENGGUNAKAN G-GLOVE DALAM KALANGAN MURID TAHUN LIMA

ENNOS JULIAN
Jabatan Pendidikan Muzik

Pensyarah Pembimbing
DR. LIM ZEK CHEW

ABSTRAK

Penyelidikan tindakan ini bertujuan untuk meningkatkan kemahiran memainkan not G, A, B, C', D dengan rekoder menggunakan G-Glove dalam kalangan murid tahun lima. Kajian ini telah dijalankan ke atas 30 orang murid sebagai peserta kajian di sebuah sekolah rendah yang terletak di Kuala Lumpur. Pengumpulan data awal telah dijalankan dengan menggunakan instrumen ujian diagnostik dan juga instrumen pemerhatian. Hasil daripada pengumpulan data awal menunjukkan bahawa ramai murid yang tidak menguasai kemahiran permainan rekoder. Oleh yang demikian, G-Glove telah diperkenalkan untuk membantu murid dalam mempertingkatkan kemahiran mereka dalam memainkan not G, A, B, C', D. Aktiviti dilaksanakan sebanyak empat kali dan setiap aktiviti mengambil masa 30 minit. Pengumpulan data telah dijalankan melalui instrumen ujian pra dan pasca, instrumen pemerhatian dan juga instrumen maklum balas murid. Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat peningkatan dalam tahap pencapaian murid. Hal ini membuktikan bahawa penggunaan G-Glove telah meningkatkan kemahiran murid-murid dalam memainkan not G, A, B, C', D dengan rekoder melalui gabungan G-Glove dan visual warna. Bagi menambahbaik G-Glove ini, improvisasi dan penerokaan diaplikasikan ke dalam pengajaran dan pembelajaran tentang rekoder pada masa akan datang.

Kata Kunci: Rekoder, G-Glove, visual warna

ABSTRACT

This action research aims to improve the skills of playing note G, A, B, C', D on recorder using G-Glove among Year Five students. This study was conducted on 30 pupils as participants at a primary school located in Kuala Lumpur. The initial data collection was carried out using diagnostic test and observation. The results from the initial data collection indicated that many students could not master the skills of playing the recorder. Therefore, G-Glove was introduced to help pupils improve their skills in playing note G, A, B, C', D on recorders. Four activities were conducted and each activity took 30 minutes. Data collection was carried out through pre-test and post-test, observation and student feedback. The findings show that there is an increase in student achievement level. This proves that the use of G-Glove has improved the skills of students in playing note G, A, B, C', D on recorders through a combination of G-Glove and visual color. To improve this G-Glove, an improvisation and exploration will be applied through teaching and learning of recorders in the future.

Keywords: Recorder, G-Glove, visual color

Emel: ennosjulian@gmail.com

1.0 PENGENALAN

Penyelidikan tindakan ini dijalankan di sebuah sekolah rendah di Kuala Lumpur untuk meningkatkan kemahiran memainkan not G, A, B, C', D dengan rekoder menggunakan *G-Glove* dalam kalangan murid Tahun 5.

Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) merupakan sukatan pelajaran yang diperbaharui untuk menggantikan kurikulum yang lama dan ianya bertujuan untuk melahirkan insan yang inovatif dan kreatif serta dapat menghayati muzik secara intelektual menerusi aktiviti muzikal. Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) juga memberi peluang kepada murid untuk meluahkan idea kreatif di samping meningkatkan apresiasi terhadap muzik (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2011).

Saya melaksanakan penyelidikan tindakan ini bagi menambahbaik pengajaran saya. Berdasarkan pengalaman praktikum yang lalu, saya mendapati bahawa murid Tahun Lima menghadapi satu masalah di mana mereka tidak dapat menguasai kemahiran memainkan not G, A, B, C', D dalam rekoder. Dengan ini, saya telah merangka satu penyelidikan tindakan bagi mengatasi masalah ini yang berasaskan kepada Dokumen Standard Kurikulum dan Kurikulum Pendidikan Muzik Tahun 5, iaitu memperoleh pengalaman muzikal menerusi aktiviti permainan alat muzik (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2011).

Saya telah menggunakan dua kaedah dalam pengumpulan data awal iaitu ujian diagnostik dan juga pemerhatian bagi membuktikan masalah murid dalam permainan rekoder. Dapatan menunjukkan bahawa murid-murid tahun lima tidak dapat memainkan not G, A, B, C', D pada rekoder dengan betul.

2.0 FOKUS KAJIAN

Fokus kajian saya adalah untuk meningkatkan kemahiran permainan rekoder iaitu not G, A, B, C', D dalam kalangan murid tahun lima.

Melalui dapatan daripada pengumpulan data awal yang telah dijalankan, murid tidak dapat memainkan rekoder berdasarkan skor lagu mudah yang diberikan. Hal ini kerana kebanyakan murid tidak mempunyai kemahiran asas dalam memainkan rekoder. Ini juga termasuklah dengan kemahiran murid dalam penjarian dalam memainkan rekoder. Instrumen ujian diagnostik dan pemerhatian digunakan bagi membuktikan masalah murid dalam permainan rekoder. Selain itu, masalah murid yang paling ketara adalah mereka tidak dapat membaca not muzik pada baluk dan juga not-not yang perlu dimainkan dalam alat muzik rekoder. Walaupun telah diberi latihan secara berulang kali, murid masih tidak dapat untuk mengaplikasi serta menguasai untuk membaca not-not tersebut. Dengan adanya masalah ini, murid tidak dapat meniup pic dengan betul yang sehinggakan mereka tidak dapat memainkan rekoder dengan lancar.

3.0 OBJEKTIF DAN SOALAN KAJIAN

Objektif Kajian

Objektif yang ingin dicapai ialah:

- i. Meningkatkan kemahiran penjarian not G, A, B, C', D terhadap permainan rekoder dengan menggunakan *G-Glove* dalam kalangan murid tahun lima
- ii. Meningkatkan kemahiran meniup not G, A, B, C', D terhadap permainan rekoder dengan menggunakan *G-Glove* dalam kalangan murid tahun lima.
- iii. Meningkatkan kemahiran membaca keratan lagu menggunakan *G-Glove* dalam kalangan murid tahun lima.
- iv. Meningkatkan kemahiran memainkan keratan lagu dalam permainan rekoder menggunakan *G-Glove* dalam kalangan murid tahun lima.

Soalan Kajian

- i. Adakah penggunaan *G-Glove* meningkatkan kemahiran penjarian not G, A, B, C', D terhadap permainan rekoder dalam kalangan murid tahun lima dengan betul?
- ii. Adakah penggunaan *G-Glove* meningkatkan kemahiran meniup not G, A, B, C', D terhadap permainan rekoder dalam kalangan murid tahun lima?
- iii. Adakah penggunaan *G-Glove* meningkatkan kemahiran membaca keratan lagu dalam kalangan murid tahun lima dengan betul?
- iv. Adakah penggunaan *G-Glove* meningkatkan kemahiran memainkan keratan lagu dalam permainan rekoder dalam kalangan murid tahun lima dengan betul?

4.0 PESERTA KAJIAN

Saya merupakan seorang siswa pendidik semester 2 Tahun 4 di Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas yang terlibat secara langsung dalam kajian ini. Kajian ini melibatkan seramai 30 orang murid Tahun Lima daripada sekolah di Kuala Lumpur yang terdiri daripada 18 orang murid lelaki dan 12 orang murid perempuan daripada pelbagai latar belakang.

5.0 TINDAKAN YANG DIJALANKAN

Saya telah menggunakan Model Kurt Lewin sebagai panduan pelaksanaan kajian tindakan. Menurut Snyder (2009), Kurt Lewin menjelaskan bahawa kajian tindakan merupakan lingkaran yang melibatkan proses merancang, bertindak, memerhati dan juga membuat refleksi. Bagi aktiviti pertama, murid diperkenalkan dengan skor lagu yang mempunyai titik merah dan biru yang terletak di atas setiap not. Bagi aktiviti kedua pula, murid diminta untuk menyusun kad imbasan yang mempunyai not-not pada baluk dan kad imbasan yang mempunyai nama not serta titik merah dan biru dengan betul. Seterusnya, bagi aktiviti ketiga, Murid diminta untuk mencipta skor lagu mudah menggunakan kad imbasan yang disediakan dan mempersembahkannya dengan menyebut dan membuat penjarian dengan *G-Glove* yang disarungkan pada tangan mereka tanpa menggunakan rekoder. Manakala untuk aktiviti terakhir, murid diminta untuk memainkan skor lagu mudah sepanjang empat bar yang telah dihasilkan dengan menggunakan *G-Glove*.

6.0 DAPATAN KAJIAN

Persoalan kajian yang pertama, iaitu 'adakah penggunaan G-Glove meningkatkan kemahiran penjarian not G, A, B, C', D terhadap permainan rekoder dalam kalangan murid tahun lima dengan betul?' telah dijawab melalui keputusan yang diperoleh daripada instrumen pra dan pasca serta instrumen pemerhatian yang digunakan dalam kajian ini. Analisis data ujian pra dan pasca yang memfokuskan kemahiran penjarian rekoder menunjukkan bahawa terdapat peningkatan yang berlaku sebanyak 13% kepada 83.3% orang murid. Melalui instrumen pemerhatian yang dijalankan pada setiap aktiviti tindakan, terdapat peningkatan yang berlaku pada setiap aktiviti di mana bilang murid yang lemah semakin berkurangan iaitu daripada 15 orang murid dalam ujian pra kepada 6 orang murid dalam ujian pasca. Dapatan kajian ini membuktikan bahawa penggunaan *G-Glove* dalam aktiviti dapat meningkatkan kemahiran penjarian not G, A, B, C', D dalam permainan rekoder.

Bagi menjawab soalan yang kedua, iaitu 'adakah penggunaan G-Glove meningkatkan kemahiran meniup not G, A, B, C', D terhadap permainan rekoder dalam kalangan murid tahun lima?', saya menggunakan instrumen pra dan pasca, instrumen pemerhatian dan juga instrumen maklum balas murid. Melalui instrumen pra dan pasca terutamanya amali, sebanyak 60% murid yang berada di tahap lemah pada ujian pra dan seterusnya mengalami peningkatan positif iaitu 66.7% murid yang mencapai tahap cemerlang dalam ujian pasca. Seterusnya bagi instrumen pemerhatian, analisis data menunjukkan peningkatan yang ketara di mana hanya tiga orang murid yang mencapai tahap baik pada aktiviti pertama dan akhir sekali seramai lima belas orang murid yang mencapai tahap baik pada aktiviti keempat. Analisis data instrumen maklum balas murid pula menunjukkan bahawa dua puluh tujuh orang murid (90%) memberi respons yang positif di mana mereka berpendapat bahawa penggunaan *G-Glove* mampu meningkatkan kemahiran meniup not G, A, B, C', D terhadap rekoder manakala sebanyak tiga orang murid (10%) telah memberi respons yang neutral. Selain itu, analisis data instrumen maklum balas murid juga menunjukkan bahawa lapan belas orang murid (60%) memberi respons positif yang mana penggunaan *G-Glove* membantu apabila memainkan melodi mudah, manakala sembilan orang murid (30%) telah memberikan respons yang neutral terhadap soalan tersebut.

Bagi menjawab soalan ketiga ini, iaitu 'adakah penggunaan G-Glove meningkatkan kemahiran membaca keratan lagu dalam kalangan murid tahun lima dengan betul?', saya menggunakan instrumen pra dan pasca, instrumen pemerhatian dan juga instrumen maklum balas murid. Analisis data ujian pra dan pasca yang memfokuskan kemahiran penjarian rekoder menunjukkan peningkatan yang ketara di mana pada ujian pasca hanya 13.7% murid yang masih berada di tahap pencapaian kurang mahir dalam penulisan. Seterusnya analisis pemerhatian pula menunjukkan bahawa terdapat peningkatan dalam kemahiran membaca iaitu hanya tiga orang murid sahaja yang mencapai tahap pencapaian baik pada aktiviti pertama manakala seramai lima belas orang murid yang mencapai tahap pencapaian baik pada aktiviti keempat. Analisis instrumen maklum balas murid pula menunjukkan bahawa sebanyak 60% murid yang memberi respons positif yang mengatakan bahawa penggunaan *G-Glove* membantu dalam meningkatkan kemahiran membaca keratan lagu yang disediakan manakala 30% murid memberi respons neutral terhadap soalan tersebut.

Bagi menjawab persoalan yang keempat, iaitu 'adakah penggunaan G-Glove meningkatkan kemahiran memainkan keratan lagu dalam permainan rekoder dalam kalangan murid tahun lima dengan betul?', saya menggunakan instrumen pra dan pasca dan juga instrumen pemerhatian. Berdasarkan analisis

data bagi ujian pra dan pasca, didapati terdapat perbezaan yang ketara di mana sebanyak 87% murid yang kurang mahir dalam ujian pra penulisan manakala berubah kepada 16.7% murid yang kurang mahir sewaktu diuji dalam ujian pasca. Bagi instrumen pemerhatian pula, ia menunjukkan bahawa sebanyak lima belas orang murid yang mencapai tahap pencapaian baik manakala sembilan orang murid yang mencapai tahap pencapaian sederhana.

Kesimpulannya, dapatan data daripada ketiga-tiga instrumen yang dijalankan pada setiap aktiviti menunjukkan bahawa objektif dapat dicapai dan soalan kajian dapat dijawab.

7.0 REFLEKSI

Saya telah membuat refleksi sepanjang aktiviti dijalankan, saya mendapati bahawa terdapat peningkatan yang berlaku terhadap pengajaran yang telah saya lakukan di mana penggunaan kad imbasan secara berterusan memudahkan murid untuk mengenali serta mempelajari sesuatu yang baharu. Di samping itu, ciri-ciri G-Glove membantu dalam penjarian rekoder yang menggunakan warna dan juga nombor bagi memudahkan murid untuk membaca not pada baluk dan not yang perlu dimainkan pada rekoder. Menurut Gardner (2006), warna membolehkan murid untuk berfikir secara kreatif. Dawyer (1991) juga mengatakan bahawa penggunaan warna dalam pembelajaran akan memberikan banyak manfaat kepada murid. Oleh itu, penggunaan warna dalam pembelajaran akan memudahkan proses mengingat serta meningkatkan kefahaman murid.

Saya juga mendapati bahawa *G-Glove* mempunyai kelemahan dalam kajian ini iaitu proses di mana murid perlu berfikir untuk membaca notasi yang mempunyai titik merah dan titik biru. Murid akan berasa keliru dengan adanya warna yang digunakan serta penggunaan nombor yang ada pada notasi tersebut. Oleh itu, cadangan penambahbaikan untuk mengatasi masalah adalah dengan memperbaiki notasi yang lebih mudah. Maka, murid akan lebih mudah untuk membaca dan memainkan notasi tersebut menggunakan *G-Glove*.

Kesimpulannya, saya berharap penyelidikan tindakan ini dapat memberi manfaat kepada para siswa dan guru-guru Pendidikan Muzik khususnya di sekolah rendah agar dapat mengajar kemahiran bermain rekoder dengan lebih mudah.

8.0 CADANGAN TINDAKAN SUSULAN

Dengan melaksanakan penyelidikan tindakan ini, murid dapat menguasai kemahiran memainkan not G, A, B, C', D dalam rekoder. Walau bagaimanapun, tindakan ini masih lagi boleh diperbaiki lagi. Cadangan yang boleh dilakukan bagi penambahbaikan adalah di mana adanya penggunaan improvisasi dalam pembelajaran rekoder. Menurut Long (2013), improvisasi atau ciptaan merujuk kepada perkembangan kemahiran di mana kanak-kanak boleh menghasilkan keratan lagu secara spontan. Dengan adanya penggunaan improvisasi dalam aktiviti, murid akan cenderung untuk melakukan eksplorasi serta menerokai not-not yang lain dalam mencipta keratan lagu yang mereka ingini. Lebih-lebih lagi, murid akan lebih terbuka dan kreatif dalam memperkembangkan kemahiran mereka dalam permainan rekoder yang bukan sahaja tertumpu kepada beberapa not seperti not G, A, B, C', D.

RUJUKAN

Dawyer, M. F. (1991). Effect of color-coding on visually oriented test with students of different cognitive styles. *The Journal Of Psychology*, 125 (6) 667-80.

Gardner, H. (2006). *Frames of mind: The theory of multiple of intelligences*. New York: Basic Books.

Kementerian Pendidikan Malaysia. (2011). *Dokumen standard kurikulum dan pentaksiran pendidikan muzik tahun lima*. Putrajaya: Bahagian Pembangunan Kurikulum.

Long, A. (2013). *Involve me: Using the Orff approach within the elementary classroom*. Illinois: Eastern Illinois University.

Snyder, M. (2009). In the Footsteps of Kurt Lewin: Practical Theorizing, Action Research, and the Psychology of Social Action. *Journal Of Social Issues*, 65 (1), 225-245. Doi:10.1111/j.1540-4560.2008.01597.X

PENGINTEGRASIAN MUZIK DALAM MATA PELAJARAN BAHASA INGGERIS DALAM KALANGAN SISWA GURU DI INSTITUT PENDIDIKAN GURU

EUNICE ALFRED MUKRI
Jabatan Pendidikan Muzik

Pensyarah Pembimbing
DR. LIM ZEK CHEW

ABSTRAK

Kajian tinjauan ini dijalankan adalah untuk meninjau pengintegrasian muzik dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris dalam kalangan siswa guru di Institut Pendidikan Guru. Responden kajian ini terdiri daripada 23 orang siswa guru iaitu dua orang lelaki dan dua puluh satu orang perempuan di sebuah Institut Pendidikan Guru di Kuala Lumpur. Reka bentuk bagi kajian ini adalah reka bentuk kuantitatif yang menggunakan kaedah tinjauan. Pengumpulan data dijalankan dengan menggunakan dua instrumen kajian iaitu soal selidik dan analisis dokumen. Borang soal selidik ditadbirkan dalam bentuk digital iaitu menggunakan 'Google Form' dengan menggunakan *link* yang dihantar kepada responden melalui aplikasi 'Whatsapp'. Analisis dokumen dijalankan dengan menganalisis Rancangan Pengajaran Harian (RPH) yang dihasilkan oleh responden semasa menjalani praktikum selama tiga bulan disekolah. Data bagi kajian ini dianalisis menggunakan perisian *Statistical Packages for Social Science 25.0* (SPSS). Hasil dapatan kajian adalah siswa guru kerap mengintegrasikan muzik dalam Set Induksi (peratusan = 27.0%) serta Langkah 3 (peratusan = 32.0%). Siswa guru bersetuju bahawa pengintegrasian muzik dapat menjadikan PdPc lebih efektif kerana dapat menarik minat murid, seronok, mudah faham atau ingat serta penglibatan aktif. Siswa guru serta guru di sekolah digalakkan untuk menggunakan muzik dalam PdPc tidak mengira subjek kerana ia dapat meningkatkan keberkesanan PdPc.

Kata Kunci: Pdpc, praktikum, muzik

ABSTRACT

This study is to survey the integration of music in English subject among trainee teachers in a Teacher's Training Institute. The respondents consisted of 23 teacher trainees, two male and twenty one female from a Teacher Training Institute in Kuala Lumpur. The design of this study is quantitative design using the survey method. Data were collected using two survey instruments, namely questionnaires and document analysis. Questionnaires were administered in digital form by using the 'Google Form' through the link that was sent to the respondent in the application of 'Whatsapp'. Analysis was conducted by analyzing the Lesson Plan (LP) produced by the respondent during the three-month practicum at school. Data for this study were analyzed using Statistical Package for Social Sciences 25.0 (SPSS). The findings of this study is that the teacher trainees often integrate music in the Set Induction (percentage = 27.0%) and Step 3 (percentage = 32.0%). Teacher trainees agreed that integrating music will enhance the effectiveness of teaching and facilitating process. Teacher trainees and teachers that teaches in the school are encouraged to integrate the music in teaching and learning regardless of the subject that they are teaching as it can increase the effectiveness of the teaching and learning process.

Keywords: Teaching and learning, integration, music

Emel: eunalfmukri@gmail.com

1.0 PENGENALAN

Pengintegrasian merupakan sebuah penggabungjalinan mata pelajaran dalam sesebuah PdPc. Pengintegrasian juga merupakan salah satu kaedah pembelajaran bagi abad ke-21 ini. Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) (2011) menggesa dan menyarankan agar guru-guru di sekolah mengaplikasikan teknik didik hiburan dalam PdPc di sekolah.

Menurut Gardner (1983), setiap manusia mempunyai sembilan jenis kecerdasan yang terdiri daripada *linguistic*, *logical*, *bodily*, *visual*, *muzik*, *interpersonal*, *intrapersonal* serta *naturalist*. Gardner (1983) berpendapat bahawa muzik memainkan peranan yang penting dalam perkembangan intelek kanak-kanak. Menurut Menttetal, Jordan, dan Harper (1997), integrasi muzik dalam pembelajaran dapat membantu merangsang minda kanak-kanak. Oleh yang demikian, kajian ini dijalankan bagi memantau dan meninjau pengintegrasian tersebut dan apakah persepsi guru terhadapnya.

Oleh yang demikian, siswa guru yang akan menjejakkan kaki dalam dunia pendidikan pada masa akan datang perlu didedahkan dan diberi kesedaran terhadap kepentingan pengintegrasian muzik dalam PdPc. Kajian terhadap pengintegrasian muzik kurang dijalankan dalam kalangan siswa guru di Institut Pendidikan Guru. Maka, pengkaji beranggapan adalah rasional kajian sebegini dijalankan supaya ia dapat membawa kesan yang positif bukan sahaja terhadap pengajaran guru, tetapi yang paling penting adalah untuk keberkesanan murid dalam bilik darjah.

2.0 PERNYATAAN MASALAH

Murid pada zaman globalisasi terdedah dengan teknologi serta tidak lagi dapat disamakan dengan murid pada zaman dahulu yang dapat belajar dalam PdP yang menggunakan kaedah '*chalk and talk*'. Murid-murid sudah tidak berminat dengan cara pengajaran yang lama dan cepat berasa bosan dalam sesebuah PdP. Maka, guru sepatutnya mencari cara alternatif dalam pengajaran mereka seperti memasukkan elemen didik hibur dalam sesebuah PdP yang dilaksanakan. Mohamad Johdi (2007) menyatakan bahawa guru seharusnya kreatif dalam memilih kaedah pengajaran yang bersesuaian dengan isi pelajaran dan kemahiran dimana dapat menarik minat murid untuk belajar. Walaupun terdapat banyak kajian dalam dan luar negara yang telah membuktikan muzik dapat membantu meningkatkan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran, ia masih tidak diendahkan oleh sesetengah golongan masyarakat serta sekolah di Malaysia. Menurut Samsi (2006), terdapat pandangan-pandangan yang positif dan negatif tentang penggunaan muzik. Hal ini kerana, setiap manusia mempunyai pendapat serta pemikiran yang berbeza-beza. Namun, Hanizah (2010) mempunyai pendapat yang bercanggah di mana beliau berpendapat bahawa menggunakan muzik dalam pengajaran dan pembelajaran di dalam mata pelajaran lain adalah amat penting kerana pengalaman muzikal dapat menambah ransangan minda sebagai satu stimulen untuk membantu kanak-kanak mengingat fakta dalam pembelajaran mereka.

3.0 OBJEKTIF DAN SOALAN KAJIAN

Beberapa objektif yang telah ditetapkan untuk dicapai dalam kajian ini adalah seperti berikut;

1. Mengenal pasti pengintegrasian muzik dalam PdPc bagi siswa guru pengkhususan TESL di sekolah.
2. Mengenal pasti kesan pengintegrasian muzik dalam subjek Bahasa Inggeris terhadap PdPc di sekolah.
3. Sejauhmana pengintegrasian muzik dapat menjadikan sesebuah PdPc lebih efektif.

Persoalan bagi kajian yang dijalankan ini adalah:

1. Adakah siswa guru pengkhususan TESL mengintegrasikan muzik dalam PdPc di sekolah?
2. Apakah kesan pengintegrasian muzik dalam subjek Bahasa Inggeris terhadap PdPc di sekolah?
3. Adakah pengintegrasian muzik dapat menjadikan PdPc lebih efektif?

4.0 METODOLOGI KAJIAN

Reka bentuk bagi kajian ini adalah tinjauan. Pengkaji telah memilih pendekatan ini kerana ianya bersesuaian dengan kajian yang telah dijalankan iaitu kajian tinjauan serta jenis data yang pengkaji peroleh adalah berbentuk kuantitatif. Kajian yang telah dijalankan ini telah melibatkan 23 orang siswa guru pengkhususan TESL, PISMP Ambilan Jun 2015 di sebuah institut pendidikan guru di Kuala Lumpur. Siswa guru ini terdiri daripada 3 orang lelaki dan 20 orang perempuan. Kaedah pemilihan sampel kajian ini merupakan persampelan bertujuan di mana pengkaji memilih sampel kajian atas faktor sampel menjalani praktikum fasa kedua serta sampel mempunyai pengalaman mengajar yang sedia ada kerana pernah menjalani praktikum fasa pertama pada Semester 5.

Dua instrumen kajian telah digunakan iaitu analisis dokumen dan borang soal selidik. Analisis dokumen telah dilaksanakan terhadap Rancangan Pengajaran Harian (RPH) yang telah disiapkan oleh sampel kajian selama menjalani praktikum fasa dua. Bagi instrumen kedua, pengkaji telah menggunakan borang soal selidik berbentuk digital iaitu 'Google Form' untuk memperoleh data kajian. Penganalisan data dijalankan dengan menggunakan *Excel*.

Pengkaji telah memilih borang soal selidik sebagai instrumen untuk mengutip data kajian. Pengkaji membuat rujukan pakar iaitu pensyarah di IPG Kampus Ilmu Khas yang merupakan penyelia bagi kajian ini. Kesahan yang dilakukan adalah seperti kesahan kandungan di mana pengkaji melihat kesesuaian item dalam soal selidik yang dibina serta kesahan muka dimana item yang terdapat dalam soal selidik perlu berkait dengan pembolehubah kajian.

Kebolehpercayaan bagi soal selidik juga dijalankan dengan menggunakan kaedah Kuder-Richardson Formula 20 bagi menentukan kebolehpercayaan soal selidik agar soal selidik yang dihasilkan untuk kajian ini akan mempunyai kestabilan dalaman. Kebolehpercayaan kajian ini berada dalam tahap yang boleh diterima iaitu .69.

Bagi prosedur pengumpulan data, kaedah analisis dokumen dijalankan dengan mengumpul dokumen iaitu Rancangan Pengajaran Harian (RPH) daripada sampel. Seterusnya, RPH dianalisis untuk mendapatkan data yang dingini serta terus direkodkan. Bagi kaedah borang soal selidik digital pula, borang tersebut telah sediakan dalam sebuah platform iaitu 'Google Form'. Soalan-soalan tersebut kemudiannya ditadbirkan kepada sampel, lalu data yang diperolehi dapat terus direkodkan. Seterusnya, data yang diperolehi di pindahkan ke dalam perisian SPSS bagi memudahkan proses penganalisan.

5.0 DAPATAN DAN PERBINCANGAN

PERSOALAN KAJIAN 1

Bagi menjawab persoalan kajian pertama, dapatan kajian yang diperolehi melalui analisis dokumen iaitu RPH sampel dan mendapati bahawa seramai 12 orang (57.0%) siswa guru sahaja yang mengintegrasikan muzik dalam PdPc. Berdasarkan analisis dapatan kajian, siswa guru TESL kerap mengintegrasikan muzik dalam langkah 3 iaitu sebanyak 24 kali (32.0%) sepanjang menjalani praktikum selama 3 bulan. Langkah yang kerap digunakan seterusnya adalah set induksi iaitu sebanyak 20 kali (27.0%). Seterusnya, ia diikuti dengan penutup iaitu sebanyak 17 kali (23.0%). Langkah 1 juga telah diintegrasikan dengan muzik sebanyak 10 kali (13.0%) dan bagi langkah 2 pula sebanyak empat kali (5.0%). Menerusi dapatan ini, kita dapat lihat bahawa siswa guru sememangnya mengintegrasikan muzik dalam setiap langkah dalam RPH mereka.

PERSOALAN KAJIAN 2

Untuk menjawab soalan kajian 2 iaitu: "Apakah kesan pengintegrasian muzik dalam subjek Bahasa Inggeris terhadap PdPc di sekolah?", dapatan kajian adalah seperti yang dapat dilihat dalam Jadual 2 dan Jadual 3.

Jadual 2

Kekerapan dan Peratusan Persepsi Siswa Guru terhadap Pengintegrasian Muzik dalam PdPc Bahasa Inggeris (N=23)

| Bil | Item | Kekerapan dan Peratus | |
|-----|---|-----------------------|--------------|
| | | YA | TIDAK |
| 1 | Murid saya berasa seronok | 23 (100.0%) | - |
| 2 | Murid saya dapat mengingat dan mengimbas kembali pembelajaran yang diajar | 21 (91.3%) | 2 (8.7%) |
| 3 | Murid saya menunjukkan penglibatan aktif semasa PdPc dijalankan | 23 (100.0%) | - |
| 4 | Murid saya dapat menyanyi dengan sebutan, intonasi dan ritma yang betul | 14 (60.9%) | 9 (39.1%) |

Berdasarkan analisis dapatan soal selidik yang dimuatkan dalam Jadual 2 yang merupakan konstruk pertama bagi soal selidik kajian ini, kesemua 23 orang (100.0%) responden bersetuju bahawa murid mereka berasa seronok serta menunjukkan penglibatan aktif apabila mereka mengintegrasikan muzik dalam PdPc. Item kedua pula, seramai 21 orang (91.3%) siswa guru bersetuju bahawa murid mereka dapat mengingat dan mengimbas kembali pembelajaran diajar apabila muzik diintegrasikan. Item yang terakhir bagi konstruk ini menunjukkan 14 orang (60.9%) siswa guru bersetuju bahawa murid dapat menyanyi dengan sebutan, intonasi dan ritma yang betul. Dapatan ini serupa dengan dapatan kajian yang telah dijalankan oleh Ahmad (2014) dimana beliau berpendapat bahawa sememangnya fitrah kanak-kanak yang tertarik dan mudah terangsang terhadap hiburan khususnya muzik.

Jadual 3

Kekerapan dan Peratusan Persepsi Siswa Guru terhadap Pengintegrasian Muzik dalam PdPc Bahasa Inggeris (N=23)

| Bil | Item | Kekerapan dan Peratus | |
|-----|--|-----------------------|-------------|
| | | YA | TIDAK |
| 1 | Membuat saya berasa seronok ketika mengajar | 23 (100.0%) | - |
| 2 | Objektif PdPc dapat dicapai | 21 (91.3%) | 2 (8.7%) |
| 3 | Dapat melihat ciri-ciri yang ingin dinilai terhadap murid dalam PdPc | 20 (87.0%) | 3 (13%) |
| 4 | Isi pembelajaran dapat disampaikan dengan cara yang menyeronokkan | 23 (100.0%) | - |
| 5 | Dapat menjadikan PdPc saya menarik dan tidak membosankan | 23 (100.0%) | - |

Analisis dapatan soal selidik yang dimuatkan dalam Jadual 3 menunjukkan tiga item yang mencapai peratusan 100% iaitu item 1, item 2 dan item 3. Kesemua 23 orang (100%) siswa guru bersetuju bahawa mereka berasa seronok ketika mengajar, isi pembelajaran mereka dapat disampaikan dengan cara yang menyeronokkan serta PdPc mereka menarik dan tidak membosankan apabila muzik diintegrasikan. Menurut Shilling (2002), aktiviti muzik yang diintegrasikan dalam sesuatu sesi pembelajaran dan pengajaran akan memberikan peluang untuk murid belajar secara aktif dan menyeronokkan. Bagi item 2 pula, 21 orang (91.3%) siswa guru bersetuju bahawa objektif PdPc dapat dicapai apabila muzik diintegrasikan. Seramai 20 orang (87.0%) siswa guru bersetuju dengan item 3 iaitu responden dapat melihat ciri-ciri yang ingin dinilai terhadap murid dalam PdPc. Dapatan kajian ini serupa dengan dapatan kajian yang dijalankan oleh An, Tilman, Boren dan Wang (2014) dimana muzik boleh dijadikan sebuah medium penyampaian dan pengajaran yang dapat memudahkan serta meningkatkan keberkesanan sesebuah PdPc di dalam bilik darjah.

PERSOALAN KAJIAN 3

Bagi menjawab soalan kajian 3, pengkaji telah menjalankan analisis kandungan terhadap item dalam bahagian C. Berdasarkan analisis yang dijalankan, 8 orang (34.8%) siswa guru menyatakan bahawa pengintegrasian muzik dalam PdPc dapat menarik minat atau perhatian murid. Terdapat 7 orang (30.4%) siswa guru menyatakan bahawa PdPc mereka menjadi lebih seronok apabila diintegrasikan dengan muzik. Sebanyak empat orang (17.4%) siswa guru berpendapat bahawa murid mereka lebih mudah faham atau ingat tentang isi pembelajaran yang diajar oleh siswa guru serta murid juga menunjukkan penglibatan aktif semasa PdPc berlangsung. Dapatan kajian ini serupa dengan dapatan kajian yang dijalankan oleh Hanizah (2010) dimana beliau mendapati bahawa menyatakan bahawa menggunakan muzik dalam pengajaran dan pembelajaran di dalam mata pelajaran lain adalah amat penting kerana pengalaman muzikal dapat menambah ransangan minda sebagai satu stimulen untuk membantu kanak-kanak mengingat fakta dalam pembelajaran mereka.

6.0 KESIMPULAN, CADANGAN DAN IMPLIKASI

Melihat kepada keseluruhan kajian yang telah dijalankan, siswa guru pengkhususan TESL berpendapat bahawa pengintegrasian muzik dapat membawa pengaruh positif dalam sesebuah PdPc. Hal ini kerana mereka dapat melihat respon positif yang telah ditunjukkan oleh murid mereka semasa PdPc dijalankan.

Implikasi kajian yang telah dijalankan ini adalah siswa guru dapat memperoleh pengetahuan berkenaan dengan pengaruh pengintegrasian muzik dalam PdPc mata pelajaran Bahasa Inggeris. Selain itu, kajian ini juga memberi implikasi kepada guru disekolah dimana guru dapat memanfaatkan hasil kajian dengan mengaplikasikan pengintegrasian ini dalam PdPc yang dijalankan dalam bilik darjah. Pihak IPGM pula boleh menjadikan kajian ini sebagai bukti keberkesanan sesebuah PdPc yang diintegrasikan dengan muzik. Implikasi kepada pengkaji masa depan pula adalah kajian ini dapat dijadikan panduan untuk kajian yang akan dijalankan pada hari kelak.

Pengkaji mencadangkan kepada pengkaji masa depan agar dapat menjalankan kajian dengan lebih terperinci seperti menjalankan kajian kes dan dalam skala yang lebih besar. Pengkaji juga mencadangkan bahawa kajian ini dijalankan terhadap mata pelajaran yang lain juga seperti Pendidikan Jasmani, Bahasa Melayu dan sebagainya.

RUJUKAN

- An, S. A., Tillman, D., Boren, R., & J. Wang. (2014). Fostering elementary students' mathematics disposition through music-mathematics integrated lessons. *International Journal for Mathematics Teaching and Learning*, 15(3), 1-18.
- Hallam, S. (2016). The impact of actively making music on the intellectual, social and personal development of children and young people: A summary. *voices: A world forum for music therapy*, 16(2). doi:10.15845/voices.v16i2.884
- Hanizah Binti Abdul Bahar. (2010). *Penggunaan dan integrasi muzik dalam pengajaran dan pembelajaran di prasekolah seri mawar*, Institut Pendidikan Guru, Kampus Ipoh: Satu Kajian Kes. Perak: Fakulti Seni Dan Muzik, Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Mettetal, G., Jordan, C., & Harper, S. (1997). Attitudes toward a multiple intelligence curriculum. *Journal of Educational Research*, 91(2), 115.
- Mohamad Johdi Hj. Salleh. (2007). *Guru efektif dan peranan guru dalam mencapai objektif persekolahan sekolah rendah: Perspektif guru besar*. Institut Pendidikan Internasional Islamic University Malaysia. *Jurnal Pendidikan*, 87-113.
- Pantun, R. (2017). *Penggunaan teknik nyanyian dalam meningkatkan kefahaman murid tahun dua dalam topik pembundaran*. *Proceedings of the ICECRS*, 1(1). doi:10.21070/picecrs.v1i1.541
- Shilling, W. A. (2002). Mathematics, music, and movement: Exploring concepts and connections. *Early Childhood Education Journal*, 29, 179-184.
- Southgate, D. E., & Roscigno, V. J. (2009). The impact of music on childhood and adolescent achievement. *Social Science Quarterly*, 90(1), 4-21. doi:10.1111/j.1540-6237.2009.00598.x
- Syed Mustapa, S. I., Raduan, I., & Ali, B. (2018). *Asas penyelidikan dalam pendidikan (1st ed.)*. Selangor Darul Ehsan: Sasbadi Sdn. Bhd.

PELAKSANAAN PENGAJARAN CORAK IRAMA OLEH GURU TERHADAP MURID TAHUN 3 DI SEBUAH SEKOLAH DI KUALA LUMPUR

LAU WEIHAN
Jabatan Pendidikan Muzik

Pensyarah Pembimbing
PN. EDNA SHAMANI WELLINGTON

ABSTRAK

Kajian ini dijalankan di sebuah sekolah aliran Cina di Kuala Lumpur. Kajian ini bertujuan untuk mengetahui kaedah yang digunakan oleh guru muzik terhadap pengajaran corak irama dan cara guru melaksanakan kaedah-kaedah ini terhadap murid Tahun 3 dalam Pendidikan Muzik. Reka bentuk kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dengan instrumen pemerhatian, temu bual dan analisis dokumen bagi mendapatkan data. Peserta bagi kajian ini ialah dua orang guru muzik yang mengajar di sekolah tersebut. Kaedah pemerhatian digunakan sewaktu sesi pengajaran dan pembelajaran dalam kelas Pendidikan Muzik Tahun 3 manakala kaedah temu bual digunakan terhadap peserta kajian iaitu dua orang guru muzik. Analisis dokumen dalam bentuk jurnal reflektif telah digunakan untuk mendapatkan data sampingan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa kaedah utama yang digunakan oleh kedua-dua peserta kajian untuk mengukuhkan kefahaman murid terhadap pengajaran corak irama adalah Sebutan Berirama Cheve. Kaedah bantuan seperti *inner hearing* dan *word chanting* juga didapati dalam sesi pengajaran dan pembelajaran seharian. Peserta kajian telah melaksanakan aktiviti seperti membaca notasi, membuat sebutan irama dan juga menepuk corak irama. Kaedah pengajaran seperti aktiviti berkumpulan, penggunaan alat perkusi, nyanyian dan permainan rekoder telah memudahkan pemahaman murid dalam penguasaan kemahiran corak irama secara mendalam. Kesimpulannya, kaedah yang digunakan oleh guru di sekolah dapat membantu dan meningkatkan pembelajaran corak irama dalam diri murid. Kajian ini adalah penting kepada para guru untuk menjalankan pengajaran corak irama dengan berkesan di samping mewujudkan kesedaran kepada guru tentang kepentingan pedagogi pengajaran kemahiran corak irama dalam pengajaran muzik seharian.

Kata Kunci: Pengajaran, corak irama, guru muzik

ABSTRACT

This study documents the implementation of rhythm patterns in $\frac{4}{4}$ meter among school music teachers in a Chinese school in Kuala Lumpur. The purpose of this study is to identify the types of method carried out by school teachers and their way of carrying out these methods in Music Education. The design of this study is qualitative in nature. Participants of this study are two music teachers in the school. The collected data was analysed through codes and then into themes. Two Standard 3 music classes were observed and both research participants were interviewed. Document analysis in the form of reflective journal was used to obtain side-line data. The findings show that the main method used by music teachers on the teaching of rhythmic patterns is the Cheve Method. Moreover, methods such as inner hearing and word chanting are also found in the teaching and learning sessions. Participants have carried out musical activities such as reading notations, speech rhythmic syllables and clapping musical rhythms. Teaching methods such as group activities, playing the percussions, singing and playing recorder have facilitated the understanding of rhythmic patterns. In conclusion, the methods used by teachers in the school could help to improve the teaching of rhythm and note values amongst pupils. This study is important for teachers to carry out rhythmic teaching effectively while creating awareness among teachers about the importance of pedagogical rhythm skills in music.

Keywords: Teaching, rhythmic pattern, music teacher

Emel: lau-wei-han@hotmail.com

1.0 PENGENALAN

Chu dan Huang (2004) pernah mengatakan bahawa kemahiran membaca notasi adalah satu daripada aspek yang penting dalam bidang muzik. Ini terbukti bahawa corak irama adalah aspek asas yang perlu dikuasai sebelum menerusi aktiviti muzikal seterusnya. Walaupun demikian, pendekatan atau kaedah yang sesuai kurang dipraktikkan dalam pembelajaran di Malaysia. Ini telah menimbulkan masalah dalam penguasaan kemahiran corak irama dalam kalangan murid. Kajian kes ini telah dijalankan di sebuah sekolah aliran Cina di Kuala Lumpur untuk mengetahui kaedah yang digunakan oleh guru muzik dan cara mereka melaksanakan pengajaran di sekolah tersebut semasa mengendalikan pengajaran muzikal.

2.0 PERNYATAAN MASALAH

Pengajaran yang berkesan akan menentukan sesuatu program pendidikan (Safiah Harun, 2016). Topik yang dijalankan oleh pengkaji ialah kaedah yang digunakan dan cara pelaksanaan pengajaran kemahiran corak irama oleh guru muzik terhadap murid Tahun 3 di sebuah sekolah aliran Cina di Kuala Lumpur. Menurut Nursaleha Abdul Majid (2016), isu yang ditimbulkan dalam kalangan murid di Malaysia ialah murid tidak dapat memainkan corak irama yang betul kerana mereka tidak dapat membezakan nilai not. Menurut Chen (1994), masalah corak irama dibahagikan kepada tiga aspek, iaitu detik yang konsisten, masalah mengenal pasti nilai not dan ketidakfahaman tentang konsep irama. Masalah corak irama ini telah dikaji dan soalan kajian yang dibentukkan berjaya dijawab pada akhir pelaksanaan kajian ini.

Terdapat beberapa kajian lalu daripada negara luar yang telah menjustifikasikan kewujudan masalah kemahiran corak irama ini. Mah (2014) telah menyatakan bahawa murid yang mengalami masalah corak irama mengganggu minat mempelajari sesebuah lagu baharu dalam sesi pengajaran. Ini adalah kerana murid tidak menguasai membaca notasi dan menepuk corak irama yang betul. Murid berputus asa dan seterusnya tidak ingin meneruskan pembelajaran muzik tersebut selepas kegagalan menepuk corak irama dengan tepat.

Walaupun demikian, kajian-kajian yang telah diperolehi adalah kajian yang dijalankan di luar negara. Di Malaysia, didapati bahawa kekurangan kesedaran dari segi penggunaan kaedah yang sesuai (Nursaleha Abdul Majid, 2016). Kajian ini adalah penting kerana dapat membantu dalam memperkayakan data dan resos tentang kemahiran corak irama dalam elemen muzikal. Dengan menjalankan kajian ini, pengkaji dapat mengenal pasti masalah pengendalian kemahiran corak irama di sekolah.

Bagi skop kajian, kajian ini dijalankan dalam sesi pengajaran dan pembelajaran kelas Dunia Muzik bagi murid Tahun 3 dan peserta kajian adalah dua orang guru muzik yang mengajar Tahun 3. Batasan kajian ialah ketidaksamaan latar belakang responden dan kaedah pengajaran responden yang berbeza. Kajian ini juga dilaksanakan dalam tempoh yang singkat sahaja iaitu 3 bulan.

3.0 OBJEKTIF DAN SOALAN KAJIAN

Objektif bagi kajian ini adalah untuk mengenal pasti pelaksanaan pengajaran corak irama meter lazim empatan dalam kalangan murid Tahun 3. Pengkaji telah menyenaraikan dua soalan kajian, iaitu :

- i. Apakah kaedah yang digunakan oleh guru semasa menjalankan pengajaran dan pembelajaran corak irama dalam meter lazim empatan di sekolah?
- ii. Bagaimanakah kaedah ini dilaksanakan oleh guru semasa menjalankan pengajaran dan pembelajaran corak irama dalam meter lazim empatan di sekolah?

4.0 METODOLOGI KAJIAN

Reka bentuk kajian ini adalah bersifat kualitatif, iaitu kajian kes. Persampelan bagi kajian ini adalah dua orang guru muzik yang mengajar mata pelajaran Dunia Muzik bagi Tahun 3. Instrumen yang digunakan dalam kajian ini adalah pemerhatian, temu bual bersama responden dan analisis dokumen dalam bentuk jurnal reflektif.

Kebolehpercayaan merujuk kepada ketekalan sesuatu pengukuran (Boon, Lee dan Aeria, 2017). Cara mengenal pasti kesahan dan kepercayaan instrumen yang digunakan oleh pengkaji ialah dengan merujuk kepada pakar bidang. Pengkaji telah mendapatkan tunjuk ajar daripada pakar untuk mengenal pasti bahawa instrumen yang dihasilkan adalah sesuai untuk digunakan dalam kajian ini. Pandangan dan ulasan daripada pakar telah dicatatkan dan pengubahsuaian soalan atau kriteria telah dilaksanakan untuk memantapkan kualiti instrumen dan menjamin kesahan dokumen kajian yang digunakan dalam kajian ini. Bagi kepercayaan kajian pula, pengkaji telah mendapatkan pemeriksaan peserta kajian bagi transkripsi yang telah dibuat setelah menjalani temu bual.

Pengumpulan data kajian ini telah dijalankan melalui pemerhatian, temu bual dan analisis dokumen. Pendekatan Inkuiri digunakan dalam mengumpul data bagi kajian ini. Pendekatan ini memerlukan pengkaji kelapangan secara aktif bagi memastikan data yang diperolehi mencapai ke peringkat tepu. Pengkaji telah mendapatkan data daripada analisis dokumen sebagai data triangulasi. Bagi penganalisan data, pengkaji telah menggunakan tema dan kod untuk menjustifikasikan data yang diperolehi dalam kajian ini. Setiap data yang dikumpulkan berdasarkan pemerhatian dan transkripsi telah diberikan kod dan tema. Pengkaji menganalisis data-data yang diperolehi dengan manual. Data-data yang dikutip dianalisis mengikut model interaktif komponen analisis data iaitu mengumpulkan data, menguncupkan data, mengolah data dan membuat kesimpulan.

5.0 DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Bagi menjawab soalan kajian 1 dan 2, data telah diperolehi dengan menggunakan kaedah pemerhatian dan temu bual.

Apakah kaedah yang digunakan oleh guru semasa menjalankan pengajaran dan pembelajaran corak irama dalam meter lazim empatan di sekolah?

Jadual 1
Analisis Dapatan daripada Pemerhatian dan Temu Bual

| Jenis Kaedah | Responden A | Responden B |
|--------------------|----------------------|----------------------|
| Kaedah utama | Sebutan <i>Cheve</i> | Sebutan <i>Cheve</i> |
| Kaedah bantuan | <i>Inner Hearing</i> | <i>Word Chanting</i> |
| Kemahiran lain | Pergerakan Badan | Latihan Penglidahan |
| Gabungan kemahiran | Rekoder | Nyanyian |

Seperti dinyatakan dalam jadual 1, pengkaji telah mendapatkan data mengenai kaedah yang digunakan oleh kedua-dua peserta kajian dalam pengajaran mereka. Kaedah utama yang digunakan ialah Sebutan *Cheve* di mana murid mengaitkan nilai not dengan sebutan berirama. Kaedah bantuan yang digunakan oleh peserta kajian ialah *Inner Hearing* dan *Word Chanting*. Peserta Kajian A telah menggunakan *inner hearing* untuk membantu murid menjiwai detik lagu manakala Peserta Kajian B menggunakan *word chanting* untuk membantu murid menyebut lirik lagu secara berirama.

Pengkaji mendapati dapatan data yang digariskan adalah berpadanan dengan literatur yang diperolehi di mana Lin (2015) mengatakan bahawa 89% responden dapat menguasai corak irama selepas mempelajari sebutan berirama. Kajian kes ini juga dapat disokong dengan Mah (2014) bahawa 20 daripada 23 orang responden dapat menepuk corak irama sambil menyebut sebutan *Cheve* dengan tepat selepas menjalankan sebutan berirama *Cheve*. Kajian ini berjaya dijalankan dan telah mencapai objektif yang ditetapkan.

Bagaimanakah kaedah dilaksanakan oleh guru semasa menjalankan pengajaran dan pembelajaran corak irama dalam meter lazim empatan di sekolah?

Dalam pengajaran kedua-dua peserta kajian, kedua-dua peserta kajian telah menjalankan sebutan berirama *Cheve* untuk membantu murid menguasai corak irama. penggunaan kaedah ini disokong oleh Lin (2015) yang mengatakan sebutan *Cheve* dapat membantu murid mempelajari corak irama dengan cara menyeronokkan dan membolehkan murid menjiwai irama dengan lebih berkesan. Kaedah bantuan yang digunakan oleh peserta kajian A ialah *inner hearing* manakala peserta kajian B menggunakan

word chanting. Dapatan kajian ini telah menepati kajian Dalby (2005) di mana pemahaman secara bertutur dapat ditingkatkan dengan penggunaan sebutan berirama.

Terdapat juga gabungan kemahiran dalam kelas pengajaran peserta kajian seperti permainan rekoder dan nyanyian. Aktiviti-aktiviti ini yang dijalankan adalah untuk membantu murid menggunakan ilmu corak irama yang diperolehi pada awal pembelajaran kepada sebuah Menurut Whitfield (2008), aktiviti hands-on dapat meningkatkan pembelajaran murid. Aktiviti konstruktivisme ini dapat membantu murid untuk lebih memahami corak irama dalam lagu yang dipaparkan oleh guru dan membantu mereka untuk membina kemahiran lain menggunakan ilmu pengetahuan sedia ada.

6.0 KESIMPULAN, CADANGAN DAN IMPLIKASI

Kemahiran corak irama merupakan asas yang sangat penting untuk membantu murid menerokai secara mendalam dalam bidang muzik. Menurut Cole (2008), pemahaman terhadap konsep asas harus diperkukuhkan sebelum pembelajaran ilmu dan pengetahuan yang selanjutnya. Masalah corak irama ini perlu diselesaikan pada awal pembelajaran murid untuk mengukuhkan pengetahuan tentang bidang muzik.

Kajian ini telah memberikan penerangan tentang pelaksanaan pengajaran kemahiran corak irama bagi murid Tahap 1 oleh guru muzik di sekolah. Bagi soalan kajian 1, kaedah utama yang digunakan oleh guru muzik ialah Sebutan Cheve dan kaedah bantuan yang digunakan ialah *inner hearing* dan *word chanting*. Pengkaji juga mendapati guru menggunakan kaedah lain seperti pergerakan badan dan latihan penglidahan untuk mengukuhkan kemahiran corak irama murid-murid. Untuk meningkatkan kepelbagaian pengajaran corak irama, guru di sekolah telah memasukkan unsur nyanyian dan permainan rekoder selepas murid menguasai sesebuah corak irama.

Bagi soalan kajian 2 pula, pengkaji telah menganalisis cara guru menjalankan pengajaran mengikut kaedah-kaedah yang disenaraikan dalam soalan kajian 1. Peserta kajian A telah membimbing murid untuk membuat bacaan notasi menggunakan *inner hearing* dengan mengetukkan detik pada papan. Murid dikehendaki untuk membuat sebutan berirama Cheve secara individu tanpa bersuara. Selepas beberapa kali latihan, guru membimbing murid untuk membuat sebutan berirama Cheve secara lisan dan membetulkan kesalahan murid. Selepas murid menguasai kemahiran ini, murid dikehendaki untuk menepukkan corak irama tersebut dan seterusnya menjalankan aktiviti seperti pergerakan badan dan bermain alat perkusi.

Bagi Peserta Kajian B, guru telah mengulangkaji sebutan berirama Cheve pada permulaan kelas dan murid dibimbing untuk menyebut nama notasi, nilai not dan juga sebutan Cheve. Selepas itu, guru memberikan masa yang pendek untuk murid belajar membaca notasi pada lagu baharu yang dipaparkan. Guru menjalankan aktiviti ini secara berkumpulan untuk memastikan semua murid dapat mengikuti perkembangan pembelajaran. Guru juga membimbing murid untuk membuat *word chanting* menggunakan lirik lagu untuk membantu murid menguasai corak irama tersebut secara lisan dengan lebih mendalam. Selepas itu, guru telah membimbing murid untuk menepukkan corak irama tersebut dan seterusnya menjalankan aktiviti seperti menyanyikan lagu tersebut dan meniup rekoder.

Oleh yang demikian, pengkaji mencadangkan untuk memperluaskan penggunaan sebutan berirama Cheve dalam kalangan guru kerana kajian ini telah membuktikan bahawa kaedah ini berguna dan dapat dijalankan dalam pengajaran murid Tahap 1. Guru muzik di sekolah guru harus mengadakan program seperti kelas intensif muzik kepada murid yang lemah untuk meningkatkan daya pembelajaran muzikal mereka. Bukan itu sahaja, selepas murid menguasai kemahiran ini dengan baik, pengajaran corak irama yang lebih mencabar seperti memanjangkan skor lagu, pengumpulan notasi yang lebih sukar boleh dijalankan.

Kajian ini dapat memberi implikasi kepada tiga pihak, iaitu guru muzik, pihak sekolah dan Kementerian Pendidikan Malaysia. Bagi guru muzik, mereka boleh merujuk kepada dapatan kajian ini semasa mengendalikan pengajaran corak irama. Guru-guru yang kurang mahir juga boleh mempelajari kaedah-kaedah yang disebutkan supaya menguasai kemahiran corak irama dengan cepat dan berkesan serta mengajar muzik dengan lebih yakin.

Bidang muzik di sekolah dapat dipertingkatkan dengan kerjasama pihak sekolah. Pihak sekolah boleh mengadakan program dan bengkel yang bersifat muzikal supaya mendedahkan murid dengan muzik untuk mengembangkan prestasi mereka dengan lebih berkesan. Pihak sekolah perlu menitikberatkan

perkara ini supaya murid dapat menerokai bidang muzik dan seterusnya melahirkan murid-murid yang holistik.

Setelah menjalani kajian kes ini, pengkaji mendapati bahawa pengagihan waktu pembelajaran Pendidikan Muzik adalah tidak mencukupi dan ini telah mengganggu perkembangan muzikal murid. Sesi pembelajaran selama 30 minit seminggu tidak mencukupi untuk guru menjalankan pengajaran secara berterusan. Masalah kekurangan guru beropsyen muzik juga berlaku di sekolah. Kementerian Pendidikan Malaysia seharusnya memberikan fokus terhadap masalah ini bagi menangani masalah yang dihadapi di sekolah.

Sebagai kesimpulan, kajian kes ini telah dilaksanakan dengan lancar dan soalan-soalan kajian yang dibentuk telah dijawab dengan jayanya. Semoga data-data dan kesimpulan yang dibuat melalui kajian kes ini dapat membantu dalam perkembangan bidang Pendidikan Muzik di sekolah dan dijadikan sebagai panduan untuk meningkatkan tahap Pendidikan Muzik dalam kalangan murid.

RUJUKAN

- Boon, P., Lee, L., & Aeria, L. (2017). *Pentaksiran dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur: Oxford Fajar.
- Chen, Y. (1994). *Peti harta karun muzik : Peta harta karun untuk ibu bapa*. Taiwan: Christian Comic Light Holistic Publishing.
- Chu, C.N., & Huang, Y. (2004). *The design of spoken music web browser for teaching learning-disabled children: A Cheve System approach to music notation*. Taiwan.
- Cole, R. W. (2008). *Educating everybody's children: Diverse teaching strategies for diverse learners, revised and expanded 2nd edition*. Virginia: Association for Supervision and Curriculum Development.
- Lin, H.H. (2015). *To Apply Kodaly's Method in youth's music training : A study on effectiveness of rhythmic training*. Taiwan.
- Mah, J. (2014). *"Kodaly Method" in increasing singing skills of primary grade pupils and their interest in learning singing*. Taiwan.
- Nursaleha Abdul Majid. (2016). *Meningkatkan kemahiran membaca dan menepuk corak irama dalam meter lazim empatan sepanjang empat bar menggunakan Kaedah Sharp Transport Rhythm dalam kalangan murid Tahun 4 Afzan*. Kuala Lumpur: IPG Kampus Ilmu Khas.
- Safiah Harun. (2016). Pelajar Bahasa Melayu dalam Kelas Inklusif: Satu Kajian Kes. *Jurnal Penyelidikan Dedikasi Jilid 10*, 160-176.
- Whitfield, A. (2008). *Teaching evolution concepts using a hands-on approach*. United States: ProQuest LLC.

PENGARUH NILAI MUZIKAL DALAM KALANGAN MURID ORANG ASLI DI SEKITAR HULU LANGAT

MOHAMED NOOR FARHAN BIN NOOR AZAM
Jabatan Pendidikan Muzik

Pensyarah Pembimbing
DR. FAUZILA BINTI ABDUL LATIF

ABSTRAK

Kajian ini merupakan satu kajian kes mengenai Orang Asli di daerah Hulu Langat. Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti pengaruh nilai muzikal dalam kalangan murid Orang Asli di daerah tersebut dan menentukan pengaruh nilai muzikal dalam penguasaan mata pelajaran lain. Peserta kajian melibatkan 4 orang murid Orang Asli dari sekolah di kawasan Hulu Langat. Instrumen kajian yang telah digunakan adalah temu bual dan juga pemerhatian. Instrumen temu bual mempunyai 12 soalan separa berstruktur manakala instrumen pemerhatian adalah dengan menggunakan nota lapangan. Hasil dapatan kajian, pengkaji telah mengenal pasti empat tema bagi objektif pertama iaitu persekitaran sekolah, adat resam, kejiranan dan juga keluarga. Manakala bagi objektif kedua, pengkaji mengenal pasti dua mata pelajaran yang mengaplikasikan muzik dalam pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah. Kajian ini adalah penting bagi guru untuk meningkatkan kualiti pengajaran sekolah mereka. Bagi meningkatkan kefahaman golongan murid orang asli ini, kajian ini mencadangkan guru untuk mengubah persekitaran pembelajaran iaitu bukan hanya melakukan aktiviti dalam bilik darjah serta mencadangkan kajian seterusnya untuk dilakukan dalam skop yang lebih besar dan tidak tertumpu hanya pada satu daerah sahaja

Kata Kunci: Pengaruh, nilai muzikal, Orang Asli

ABSTRACT

This is a case study on aborigines in Hulu Langat district. The objective of this study is to identify the influence of musical values among aboriginal students in the district and determine the influence of musicality values in the mastery of other subjects. The participants involved 4 aboriginal students from the Hulu Langat school. The instruments used in this study are interviews and observations. The interview instrument has 12 semi-structured questions while the observation instrument is using field notes. Based on the findings, researcher have identified four themes for the first objective which is school environment, customs, neighborhoods and families. While for the second objective, the researcher identifies two subjects that apply music in teaching and learning in the classroom which is Maths and English Lesson. This study is important for teachers to improve the quality of teaching in their schools. This study also recommends teachers to change the learning environment and not just by doing activities in the classroom. This study proposes further research to be carried out in a larger scope and is not focused on only one district.

Keywords: Influence, musical value, aborigines

Emel: thanatosblanc@gmail.com

1.0 PENGENALAN

Secara amnya, murid orang asli ini mempunyai kekurangan dari segi akademik, mereka mempunyai kecerdasan dalam bidang-bidang lain seperti kemahiran, pertanian dan juga muzik. Oleh sebab itu, bagi menarik minat mereka dan membantu mereka meningkatkan penguasaan pendidikan asas, para pendidik harus meninggalkan teknik pengajaran konvensional dan menumpukan perhatian terhadap kekuatan mereka dalam bidang yang mereka minati. Hal ini disokong oleh kenyataan "Masih ada anak-anak Orang Asli di daerah ini tidak menyambung pelajaran ke sekolah menengah walaupun pelbagai usaha dilakukan Jabatan Kemajuan Orang Asli (Jakoa)" (Utusan, 2016). Dalam kajian yang telah di jalankan ini, pengkaji lebih menumpukan perhatian terhadap aspek muzik murid Orang Asli yang boleh digunakan oleh warga pendidik untuk meningkatkan penguasaan mereka dalam pelbagai subjek yang lain. Pengkaji juga ingin mengetahui dari manakah mereka mendapatkan nilai muzik. Nilai dari konteks

kajian bermaksud kemahiran, kebolehan atau ilmu tentang muzik yang ada dalam diri peserta seperti nyanyian, permainan alat, pergerakan atau pengetahuan dalam muzik. Sebelum itu, satu kajian tentang faktor yang mempengaruhi muzikaliti mereka perlu dijalankan. Hal ini adalah penting bagi memastikan kaedah dalam pengajaran yang digunakan oleh guru berpusatkan murid dan dapat menarik minat murid dan dianggap relevan oleh murid Orang Asli.

2.0 PERNYATAAN MASALAH

Dalam kajian yang dilaksanakan oleh Nur Bahiyah Abdul Wahab et al. (2015) terhadap 31 orang murid Orang Asli di Johor, didapati prestasi akademik murid Orang Asli pada tahap yang tidak memberangsangkan walaupun pelbagai kemudahan dan peruntukan yang besar telah disediakan. Murid-murid Orang Asli juga didapati tidak berminat dan tidak bermotivasi untuk ke sekolah serta melanjutkan pelajaran ke peringkat seterusnya. Melalui kajian ini, pengkaji juga mendapati bahawa terdapat sebilang pelajar yang mengikuti aktiviti muzik di sekolah terbabit, contohnya, beberapa orang pelajar dari tahap dua telah mengikuti Karnival Kebudayaan peringkat daerah Hulu Langat yang mana mereka mempersembahkan tarian dan muzik Sewang iaitu muzik tradisional bagi kaum Orang Asli di Malaysia. Perkara ini menarik minat pengkaji untuk membuat kajian kerana meskipun mereka mempunyai kekurangan dari segi akademik namun mereka mempunyai minat dan keupayaan dalam bidang muzik. Hal ini disokong oleh kajian oleh Ainol Hamidah (2018) yang menyatakan murid Orang Asli mempunyai persepsi yang baik dan positif terhadap kurikulum yang dipelajari jika kurikulum di sekolah tersebut adalah relevan kepada kehidupan sehari-hari mereka.

3.0 OBJEKTIF DAN PERSOALAN KAJIAN

Objektif Kajian

1. Mengetahui pasti pengaruh nilai muzikal dalam kalangan murid Orang Asli di daerah Hulu Langat.
2. Menentukan pengaruh nilai muzikal dalam penguasaan mata pelajaran lain bagi murid Orang Asli di daerah Hulu Langat.

Persoalan Kajian

1. Apakah pengaruh nilai muzikal dalam kalangan murid Orang Asli di daerah Hulu Langat?
2. Bagaimanakah nilai muzikal murid Orang Asli dapat mempengaruhi penguasaan mata pelajaran lain?

4.0 METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini dijalankan dengan menggunakan reka bentuk kajian kes. Pendekatan ini dipilih kerana wujud keperluan untuk meneroka pengaruh nilai muzikal dalam kalangan murid orang asli bagi peserta kajian ini berbanding prestasi akademik mereka. Pengkaji akan menggunakan kaedah temu bual dan juga pemerhatian bagi menyokong dapatan temu bual kajian yang dilakukan.

Kajian ini menggunakan persampelan bertujuan, pengkaji telah memilih empat orang murid Orang Asli dari sebuah sekolah di Hulu Langat. Pengkaji hanya menfokuskan kepada murid Orang Asli tahun 5 dan mempunyai kemahiran muzik yang baik namun tidak mempunyai pendidikan muzik secara formal di luar bilik darjah.

Bagi meningkatkan kesahan dan kebolehpercayaan dapatan, pengkaji telah membuat pengesahan item soalan dan juga tema yang dibina daripada pakar dalam bidang muzik dan selaku pensyarah pembimbing iaitu Dr. Fauzila binti Abdul Latif. Proses ini dijalankan sebelum dan selepas ke lapangan. Bagi meningkatkan kebolehpercayaan kajian, dapatan kajian telah dianalisis dengan melalui prosidur triangulasi sumber iaitu dapatan data temu bual telah disemak antara peserta untuk melihat perhubungan yang signifikan. Menurut Syed Ismail et al. (2018) kebolehpercayaan dalam temu bual dapat dilakukan dengan menemu bual individu yang benar-benar memiliki pengetahuan dan maklumat terhadap bidang kajian penyelidikan.

5.0 DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Dapatan Kajian I

Setelah membuat temu bual dengan murid yang terpilih, pengkaji telah berjaya mengeluarkan empat tema bagi menjawab soalan kajian pertama.

Persekitaran Sekolah

Persekitaran di sekolah mereka memainkan peranan dalam mempengaruhi mereka, menurut peserta 1, dia menyanyikan lagu di tapak perhimpunan sekolah. Hal ini bermaksud memang terdapat unsur muzik dalam pendidikan di sekolah.

“Pagi-pagi hantar beg ke kelas, cikgu suruh kumpul di tapak perhimpunan dan nyanyi lagu sekolah.” (TM/P1/B43)

Selain itu, mata pelajaran Muzik di sekolah adalah salah satu instrumen utama bagi pelajar ini mengasah dan mengembangkan nilai muzikaliti mereka dimana guru akan melakukan pelbagai aktiviti muzikal bersama murid. Aktiviti kokurikulum yang disertai juga banyak membantu mencungkil bakat terpendam mereka. Contohnya ketika menyertai perkhemahan dan unit beruniform, pihak sekolah akan menyediakan jadual aktiviti yang memasukkan elemen muzik.

“Waktu camping tahun lepas pun ada cikgu suruh nyanyi kat atas pentas ramai-ramai.” (TM/P4/B50)

Adat Resam

Masyarakat Orang Asli adalah sebuah masyarakat yang kaya dengan adat resam. Sehingga ke hari ini, kesemua peserta yang terlibat masih lagi mengamalkan adat resam mereka yang mana mereka masih membuat persembahan tarian dan muzik orang asli di hari-hari perayaan istimewa.

“Kita orang memang ada buat persembahan dekat rumah masa hari-hari istimewa tapi bukan sayalah yang menari, abang-abang.” (TM/P2/B68)

Menurut Peserta 3 Anak kepada Tok Batin yang menetap di Perkampungan Orang Asli Sungai Lui banyak melibatkan diri dalam upacara dan adat istiadat. Dia juga melakukan aktiviti kesukarelawanan di kampungnya dengan mengajarkan anak-anak muda menari dan memainkan alat muzik. Tok Batin tersebut malahan pernah mengajarkan tentang cara-cara untuk membuat alat muzik menggunakan sumber hutan seperti buluh, rotan dan juga kayu dan masih menyanyikan lagu-lagu rakyat Orang Asli turun-temurun.

Kejiranan

Jiran merupakan orang yang terdekat dengan seseorang individu selain keluarga, Oleh yang demikian, tidak hairanlah tema ini dapat diterokai oleh pengkaji. Menurut cerita Peserta 2 mereka banyak meluangkan masa pada waktu cuti di rumah rakan. Hal ini kerana di kawasan perkampungan mereka hanya ada beberapa buah rumah sahaja yang mempunyai set televisyen.

“Waktu petang masa main saya selalu pergi rumah Tok Batin sebab rumah dia ada Astro boleh tengok macam-macam, nanti dah nak malam baru balik ibu cari.” (TM/P3/B60)

Dengan adanya jiran yang mempunyai kemudahan televisyen dapat sedikit sebanyak membantu murid Orang Asli mendapatkan pengalaman muzik mereka seterusnya menyemai nilai muzik dalam diri mereka.

Keluarga

Keluarga dapat ditakrifkan iaitu satu kumpulan manusia yang dihubungkan melalui pertalian darah, perkahwinan atau pengambilan anak angkat. Dalam tema keluarga, pengkaji dapat membahagikan kepada dua faktor yang boleh dibincangkan iaitu yang pertama adalah faktor ibu bapa dan yang kedua pula adalah adik-beradik. Peserta pertama memberikan jawapan bahawa bapanya tidak melibatkan diri dalam apa-apa aktiviti muzik di kawasan perkampungannya kerana sibuk bekerja. Ianya dikuatkan lagi dengan kesimpulan bahawa ibu bapa tidak memberikan impak terhadap muzik dengan sokongan peserta 2. Dengan jawapan yang diberikan oleh peserta, dapat dirumuskan bahawa ibu bapa mereka kurang memberikan pendedahan kepada peserta terhadap apa-apa aktiviti muzik.

“Ayah saya tak ada pun cerita tentang muzik atau apa-apa yang berkaitan dirumah, dia hanya pergi kerja balik kerja. Tak ada masa pun cerita pasal muzik”. (TM/P1/B7)

Namun begitu apabila dilihat pada pengaruh dari adik-beradik, khususnya dari pengaruh abang atau kakak mereka banyak memberikan impak yang positif kepada perkembangan nilai muzik mereka.

Menurut Peserta 4, kakaknya yang bekerja di pekan Dusun Nanding selalu memberi pinjam telefon bimbitnya kepada Peserta 4. Peserta 4 akan menggunakan telefon bimbit tersebut untuk melayari YouTube serta mendengar lagu-lagu terkini.

Dapatan Kajian II

Matematik

Pemerhatian yang dilakukan oleh pengkaji mendapati bahawa mata pelajaran matematik terbukti memang banyak menggunakan konsep muzik dalam sesi pembelajaran. Sebagai contohnya, ketika melakukan operasi pendaraban murid Orang Asli ini akan menggunakan lagu yang diajarkan oleh guru mereka bagi meningkatkan daya ingatan mereka terhadap sesuatu kaliaan. Dengan ini memang dapat dibuktikan secara praktikal bahawa muzik memang dapat meningkatkan daya ingatan murid secara amnya. Peserta juga lebih menunjukkan minat dan dapat menjawab soalan yang diberikan oleh guru dengan baik.

Bahasa Inggeris

Mata pelajaran Bahasa Inggeris menggunakan kaedah lagu bagi mengasah ketajaman pendengaran peserta, hal ini dilakukan dengan cara guru terbabit memasang lagu *Graduation Friends Forever* oleh Kumpulan penyanyi popular *Vitamin C*. Disini kita dapat melihat murid-murid menyanyikan lagu tersebut dengan baik sambil melihat lirik yang dipaparkan di layar skrin. Murid Orang Asli ini juga dilihat sangat bersemangat ketika menyanyikan lagu tersebut dan boleh mengulangi lagu tersebut tanpa guru memperdengarkan lagu itu semula.

6.0 KESIMPULAN, CADANGAN DAN IMPLIKASI

Penyediaan pembelajaran yang sesuai bagi murid-murid Orang Asli memerlukan perhatian yang khusus dari semua pihak yang bertanggungjawab berdasarkan keperluan mereka. Kelemahan mereka seperti kurang kemahiran dalam teknologi, komunikasi, serta kurang minat dalam akademik tidak boleh dijadikan alasan untuk guru tidak mengajar dengan baik. Sebagai guru kita hendaklah mencari alternatif yang bijak dan sesuai dengan Pelbagai cara boleh digunakan bagi mendapatkan perhatian dan menarik minat mereka untuk belajar.

Tindakan pertama adalah dengan mengubah kaedah pembelajaran di sekolah yang mempunyai murid Orang Asli dengan cara guru-guru melaksanakan pengajaran dan pembelajaran bukan hanya di dalam bilik darjah bahkan di luar bilik darjah. Hal ini kerana persekitaran di luar bilik darjah adalah lebih dekat dengan diri mereka. Dengan itu murid Orang Asli dapat menghubungkan kait apa yang dipelajari dengan suasana kehidupan sebenar mereka.

Implikasi yang diperoleh oleh pengkaji dan pihak yang terlibat adalah kajian ini dapat mengubah persepsi dan membuka minda orang awam tentang perihal sebenar yang terjadi dalam dunia pendidikan khususnya bagi murid Orang Asli. Bagi diri pengkaji, pengkaji dapat menambahkan ilmu pengetahuan. Bagi guru pula, mereka dapat memahami perihal yang sebenar dan cuba untuk mengadaptasi pengajaran mereka bersesuaian dengan situasi mereka di sekolah khususnya apabila berdepan dengan murid orang asli yang memerlukan tumpuan yang lebih melalui pendekatan pengajaran yang sesuai dengan keupayaan mereka.

RUJUKAN

Ainol, H. (2018). *Persepsi murid orang asli terhadap kurikulum dan relevansi dalam kehidupan*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

Syed, I. (2018). *Asas penyelidikan dalam pendidikan*. Kuala Lumpur: Sasbadi.

Bahiyah, W., Mohamed, M., Husain, Z., & Haron, N. (2014). *The development of science knowledge indicators among indigenous pupils*. Kuala Lumpur: ScienceDirect.

Sari, M. (2016). *Orang Asli masih tercicir dalam pendidikan*. Diperoleh dari www.utusan.com.my: <http://www.utusan.com.my/pendidikan/sekolah/orang-asli-masih-tercicir-dalam-pendidikan-1.307435>

**MENINGKATKAN KEMAHIRAN ASAS PENJARIAN REKODER
DALAM KALANGAN MURID TAHUN TIGA MENGGUNAKAN *TRAFFIC NOTES***

NIK NUR LIYANA BINTI NIK MOHD FAUZI
Jabatan Pendidikan Muzik

Pensyarah Pembimbing
CIK NIK HARTINI BINTI NIK LATIF

ABSTRAK

Kajian ini dilaksanakan untuk melihat keberkesanan kaedah warna Traffic Notes atau not-not isyarat boleh meningkatkan kemahiran penjarian not-not asas permainan rekoder iaitu B, A dan G dengan betul dalam kalangan murid tahun tiga. Kajian yang dijalankan berbentuk kajian tindakan. Responden yang dipilih adalah seramai lima belas orang murid tahun tiga di sebuah sekolah rendah yang terletak di kawasan dalam daerah Cheras, Kuala Lumpur. Tinjauan awal kajian dijalankan mendapati bahawa murid-murid tersebut mempunyai masalah untuk mengingat not-not asas tersebut. Setelah ujian diagnostik dijalankan, pengkaji mendapati empat orang murid dalam kategori baik, tiga orang murid dalam kategori sederhana manakala lapan orang murid dalam kategori lemah. Bagi mengatasi masalah ini, pengkaji menjalankan tiga aktiviti iaitu "Kenali Warnaku", "Bunyi Traffic Notes" dan "Mainkan Lagu" dengan menggunakan kaedah warna Traffic Notes atau not-not isyarat bagi menggantikan huruf dalam penjarian rekoder. Pengumpulan data diperoleh melalui penilaian, pemerhatian, temu bual dan analisis dokumen. Dapatan kajian menunjukkan bahawa kaedah warna Traffic Notes atau not-not isyarat membantu murid membuat penjarian not-not asas permainan rekoder dan murid dapat mengingat not-not asas tersebut. Dengan itu, murid berjaya membuat penjarian not-not asas permainan rekoder iaitu B, A dan G dengan betul. Berdasarkan hasil kajian ini, pengkaji berminat untuk mengaplikasikan kaedah ini dalam proses pembelajaran dan pemudahcaraan pada masa akan datang.

Kata Kunci: Rekoder, penjarian rekoder, not berwarna

ABSTRACT

This study is conducted to see the effectiveness of colouring method of the Traffic Notes or sign note in enhancing the basic skills of recorder fingering which is B, A and G among year three students. This is an action research study. Respondents selected were a total of fifteen students from year three in a primary school located in the district of Cheras, Kuala Lumpur. The preliminary survey carried out shows that the students have a problem remembering the basic notes. The diagnostic test reveals that four students are in the good category, three students are in the average category while eight students are in the weak category. In order to overcome this problem, researcher have carried out three activities which are "Get to Know my Colour wheel", "the Sound of Traffic Notes" and "Play a Song" by using colouring method of the Traffic Notes or sign note to replace the letters in the recorder fingering. The data collection is obtained through observation, interviews and document analysis. The data illustrates that the colouring method of the Traffic Notes helps students make the basic notes recorder fingering and they can remember those basic notes. Thus, students managed to apply basic notes of recorder fingering namely B, A and G correctly. Based on the results of this study, researcher is interested to apply this method in the process of learning and facilitating in future.

Keywords: Recorder, recorder fingering, traffic notes

Emel: ninayna96@gmail.com

1.0 PENGENALAN

Pendidikan Muzik di Malaysia melalui Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) digubal mengikut perkembangan murid secara menyeluruh termasuk memberi tumpuan terhadap pengetahuan, kemahiran dan penerapan nilai murni dengan melihat kepada perkembangan diri dari sudut penghayatan estetik dalam seni muzik (Abu Hassan Ali, 2001). Sebagai usaha merealisasikan matlamat ini, permainan alat muzik telah diajar di sekolah dan salah satu daripadanya ialah rekoder. Rekoder diperkenalkan kepada murid bermula tahun tiga dalam mata pelajaran Dunia Muzik. Lowell

(2007), berpendapat semua murid berhak untuk mempelajari muzik. Kepakaran guru diperlukan dalam memberi tunjuk ajar kepada murid. Masalah yang timbul dalam kalangan murid semasa bermain rekoder dapat diatasi dengan adanya kepakaran guru berpengalaman. Kaedah dan teknik yang berkesan penting dalam memastikan murid mendapat pengalaman muzik yang menyeronokkan dan bermakna.

2.0 FOKUS KAJIAN

Pengumpulan data awal dengan pelaksanaan ujian diagnostik berbentuk bertulis dan amali, temu bual serta analisis dokumen telah membolehkan saya mengesan beberapa isu berkaitan penjarian rekoder. Isu yang timbul ialah murid mengalami masalah untuk membuat penjarian asas rekoder dengan tepat. Apabila saya meminta murid untuk memainkan rekoder berdasarkan skor, mereka tidak dapat membaca skor seterusnya tidak dapat membuat penjarian rekoder dengan betul. Saya turut menulis nama not pada skor muzik. Hasilnya, murid dapat membaca nama not yang ditulis namun penjarian yang dilakukan pada rekoder tidak begitu baik kerana murid tidak pasti dengan kedudukan penjarian pada rekoder. Hal ini jelas menyatakan pendekatan tersebut gagal membantu murid meningkatkan kemahiran asas penjarian rekoder dan pembacaan not pada baluk. Saya berharap kajian ini dapat membantu murid meningkatkan kemahiran asas penjarian rekoder mereka.

3.0 OBJEKTIF DAN SOALAN KAJIAN

Objektif Kajian

- i. Meningkatkan kemahiran bacaan semerta skor lagu not-not asas rekoder pada baluk sambil bermain rekoder melalui *Traffic Notes*.
- ii. Meningkatkan kemahiran penjarian not-not asas B, A dan G permainan rekoder melalui *Traffic Notes*.
- iii. Meningkatkan kemahiran tiupan not-not asas B, A dan G permainan rekoder melalui *Traffic Notes*.

Soalan Kajian

- i. Adakah kemahiran bacaan semerta skor lagu not-not asas rekoder pada baluk dalam kalangan murid tahun tiga dapat ditingkatkan melalui *Traffic Notes*?
- ii. Adakah kemahiran penjarian not-not asas ketika bermain rekoder dalam kalangan murid tahun tiga dapat ditingkatkan melalui *Traffic Notes*?
- iii. Adakah kemahiran tiupan not-not asas permainan rekoder dalam kalangan murid tahun tiga dapat ditingkatkan melalui *Traffic Notes*?

4.0 PESERTA KAJIAN

Sebagai siswa pendidik program PISMP Semester 2 Tahun 4 pengkhususan Pendidikan Muzik di Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas, saya telah terlibat secara langsung dalam kajian ini. Di samping itu, seramai 15 orang murid Tahun 3 Gemilang yang terdiri daripada enam lelaki dan sembilan perempuan di mana kesemua lima belas orang mereka berbangsa Melayu telah terlibat dalam kajian tindakan ini. Prestasi akademik murid berada pada tahap sederhana namun lemah dalam subjek Dunia Muzik. Tahap sosial ekonomi keluarga murid pula berada dalam lingkungan sederhana namun agak lemak dalam subjek Dunia Muzik. Terdapat dua orang daripada mereka mengambil kelas muzik di luar waktu persekolahan. Mereka menghadiri kelas piano namun tidak pernah mengambil peperiksaan. Selain itu, salah seorang daripada murid tersebut mengalami kemurungan dan seringkali bertindak di luar kawalan sehingga mengganggu PdPc yang dijalankan.


5.0 TINDAKAN YANG DIJALANKAN

Model Kurt Lewin telah digunakan bagi menjalankan penyelidikan tindakan ini. Medium yang telah saya gunakan bagi penyelidikan tindakan ini bertumpukan kepada penggunaan *Traffic Notes* yang melibatkan penggunaan notasi berwarna dalam skor muzik. Warna-warna yang digunakan adalah berasaskan warna yang terdapat pada lampu isyarat iaitu merah, kuning dan hijau. *Traffic Notes* merupakan gabungan dua elemen utama iaitu pengamatan warna dan penjarian rekoder. Keupayaan koordinasi pengamatan dan penjarian yang baik akan menyebabkan penggunaan *Traffic Notes* menjadi mantap dan berkesan. *Traffic Notes* telah dicipta oleh saya sendiri bagi membantu proses PdPc melibatkan kemahiran bermain rekoder khususnya penjarian yang tepat. Setelah tindakan dijalankan,

saya menggunakan kaedah pemerhatian, temu bual dan analisis dokumen untuk mendapatkan data. Dapatan data dianalisis dan dipersembahkan dalam bentuk analisis statistik deskriptif serta disemak dan dikaitkan menerusi proses triangulasi data bagi membuat kesimpulan tentang penggunaan *Traffic Notes* dalam peningkatan kemahiran asas penjarian rekoder.


6.0 DAPATAN KAJIAN

Setiap soalan telah dijawab menerusi dapatan kajian ini. Persoalan kajian yang pertama dapat dijawab menerusi data yang diperolehi daripada penilaian amali dan pemerhatian. Murid yang mendapat gred cemerlang dan sederhana telah meningkat sebanyak 53.33% iaitu daripada tujuh orang murid kepada 15 orang murid. Permainan rekoder berdasarkan *Traffic Notes* merupakan gabungan dua elemen utama iaitu pengamatan warna dan penjarian rekoder. Keupayaan koordinasi pengamatan dan penjarian yang baik akan menyebabkan penggunaan *Traffic Notes* menjadi mantap dan berkesan. Menurut Alcantara (2011), warna dapat meningkatkan tahap pengamatan dan fokus terhadap sesuatu perkara. Maka pernyataan ini telah menyokong pencapaian objektif kajian yang pertama. Rajah 1 di bawah menunjukkan peningkatan bilangan murid dengan kemahiran bacaan semerta skor lagu not-not asas rekoder pada baluk sebelum dan selepas *Traffic Notes*.



Rajah 1. Peningkatan kemahiran bacaan skor lagu not-not asas rekoder pada baluk.

Persoalan kajian kedua juga dapat dijawab menerusi data yang diperolehi daripada penilaian amali dan pemerhatian. Keputusan kemahiran penjarian not-not asas ketika bermain rekoder telah menunjukkan peningkatan yang drastik iaitu daripada 20.00% kepada 80.00% dengan peratus peningkatan sebanyak 60.00%. Bilangan murid yang meningkat adalah daripada tiga orang kepada dua belas orang murid. Oleh yang demikian, telah terbukti bahawa penggunaan *Traffic Notes* dapat meningkatkan kemahiran penjarian not-not asas ketika bermain rekoder dalam kalangan murid tahun tiga. Rajah 2 menunjukkan keputusan peningkatan kemahiran penjarian not-not asas ketika bermain rekoder sebelum dan selepas *Traffic Notes* diperkenalkan.



Rajah 2. Keputusan peningkatan kemahiran penjarian not-not asas ketika bermain rekoder.

Persoalan kajian ketiga dapat dijawab menerusi data yang diperolehi daripada pemerhatian. Kemahiran tiupan not-not asas permainan rekoder murid adalah sangat lemah pada mulanya. Namun, setelah *Traffic Notes* diperkenalkan, kemahiran penjarian murid telah meningkat sekaligus telah meningkatkan kemahiran tiupan dalam kalangan murid. Maka, jelaslah penggunaan *Traffic Notes* dapat meningkatkan kemahiran tiupan not-not asas permainan rekoder dalam kalangan murid tahun tiga.

7.0 REFLEKSI

Saya membuat refleksi sepanjang aktiviti dijalankan. Kekuatan pertama dalam kajian ini adalah *Traffic Notes*. Pelaksanaan aktiviti yang dirancang adalah mudah untuk dilaksanakan kerana murid memainkan rekoder not-not asas menggunakan pendekatan teknik warna dengan cara menggantikan not-not asas rekoder iaitu B, A dan G dengan sistem berwarna yang dikenali sebagai *Traffic Notes* berbentuk skor muzik. Setelah mereflek tentang aktiviti yang telah dirancang bagi penyelidikan tindakan ini, ia telah dijalankan secara ansur maju. Saya percaya aktiviti yang dirancang secara teliti dan ansur maju ini merupakan salah satu kekuatan kajian ini. Hal ini jelas dapat dilihat menerusi perancangan aktiviti yang bermula dengan pengenalan warna *Traffic Notes* sehingga memainkan skor muzik tanpa *Traffic Notes*.

Namun begitu, kekurangan bagi kajian ini ialah masa. Hal ini kerana, saya telah dihujani dengan pelbagai rutin seperti membuat rancangan pengajaran harian, menyediakan bahan bantu mengajar, sesi seliaan berkala dan projek yang diberikan oleh pihak pentadbir sekolah. Tambahan pula, *Traffic Notes* ini adalah sesuatu yang baharu kepada murid. Murid memerlukan masa untuk memahami pendekatan yang digunakan kemudian barulah murid dapat mengaplikasikan *Traffic Notes* ke dalam permainan rekoder mereka. Jika masa yang diperuntukkan lebih lama, pelaksanaan kajian atau peratusan peningkatan kemahiran murid juga dapat ditingkatkan.

8.0 CADANGAN TINDAKAN SUSULAN

Penyelidikan tindakan ini telah memberi kesan yang positif terhadap peningkatan kemahiran penjarian not-not asas rekoder dan bacaan not-not asas pada baluk. Namun begitu, terdapat banyak lagi cadangan tindakan susulan yang boleh dilaksanakan bagi menambah baik pelbagai aspek dalam pelaksanaannya. Cadangan tindakan susulan yang boleh dilakukan ialah melangsungkan kajian susulan untuk kitaran seterusnya. Banyak perkara yang boleh dilakukan untuk menambah tahap kesukaran kitaran kedua. Kajian ini telah melibatkan permainan *Traffic Notes* rekoder dalam tempo yang sederhana dari awal sehingga akhir kajian. Maka, sebagai cadangan tindakan susulan, guru boleh melaksanakan penggunaan *Traffic Notes* dengan tempo yang lebih cepat atau lambat bagi memberi pendedahan kepada murid tentang kepelbagaian tempo dalam Dunia Muzik.

Menurut Dignath, Buettner dan Langfeldt (2008), pembelajaran aturan sendiri (self-regulated learning) merupakan pembelajaran yang memberi kuasa kepada murid untuk menilai diri sendiri proses pembelajaran dan perlakuan mereka. Maka, guru bolehlah menggalakkan murid merakam video permainan rekoder mereka di rumah dan meminta mereka menilai sendiri rakaman video mereka serta menghantar ulasan mereka kepada guru. Menerusi perkara ini, murid dapat menilai sendiri ketetapan penjarian asas permainan rekoder mereka agar lebih bermotivasi untuk memperbetulkannya.

RUJUKAN

Abu Hassan Ali. (2001). *Pendidikan muzik KBSR: Tahap 2*. Cheras: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.

Alcantara, P. (2011). *Colour, coordination & sound*. New York: Oxford University Press.

Dignath, C., Buettner, G., & Langfeldt, H. (2008). How can primary school students learn self-regulated learning strategies most effectively? *Educational Research Review*, 3(2), 101-129. doi:10.1016/j.edurev.2008.02.03

Khair Mohamad Yusof. (2016). *Pelaksanaan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (Semakan 2017) secara berperingkat mulai tahun 2017*. Retrieved January 13, 2019, from

[https://www.moe.gov.my/images/pekeliling/2016/2_SPI%20KSSR%20Semakan%2017Nov2016%20\(1\).pdf](https://www.moe.gov.my/images/pekeliling/2016/2_SPI%20KSSR%20Semakan%2017Nov2016%20(1).pdf)

Khalid Jamlan. (2016, December 31). KSSM, KSSR baharu mula dilaksana 2017. *Utusan Harian* [Kuala Lumpur].

Lowell, M. (2007). *Music education*. Retrieved March 8, 2019, from <http://www.musiceducation.com/research-2014.htm>

PENGGUNAAN KAEDAH MNEMONIK BERLAGU DALAM MENINGKATKAN PENGUASAAN MENGENAL NOT DALAM KLEF TREBEL MURID TAHUN 3

NURLIANA BINTI ARIFFIN
Jabatan Pendidikan Muzik

Pensyarah Pembimbing
PN. LYE GUET POH

ABSTRAK

Penyelidikan tindakan ini dijalankan untuk menilai sejauh manakah keberkesanan Kaedah Mnemonik Berlagu dalam menyelesaikan masalah murid lemah mengenal, mengecam dan menamakan not dalam Klef Treble. Peserta kajian dalam kajian ini terdiri daripada lima orang murid dari kelas 3Z yang memperolehi markah terendah bagi mata pelajaran muzik dalam ujian yang lalu. Data dikumpul melalui ujian pra dan ujian pasca. Data dianalisis secara statistik deskriptif. Hasil analisis data mendapati bahawa semua peserta kajian menunjukkan peningkatan markah yang ketara dalam ujian pasca berbanding ujian pra. Keputusan kajian menunjukkan bahawa kaedah Mnemonik Berlagu sangat berkesan dalam membantu murid lemah dalam mengenal, mengecam dan menamakan not dalam Klef Trebel. Guru-guru disarankan untuk menggunakan kaedah ini dalam pengajaran dan pembelajaran mengenal not dalam Klef Trebel.

Kata Kunci: Klef trebel, Mnemonik, not

ABSTRACT

This action research was conducted to assess the effectiveness of Musical Mnemonic Methods in resolving the problem of pupils to name the notes in Treble Clef. Participants in this study consisted of five Year 3 pupils who obtained the lowest marks for music subject in the previous test. Data is collected through pre-test and post-test. Data was analysed using descriptive statistic. Results of the data analysis found that all study participants showed significant improvement in post test compared to pre-test. The results of the study show that the Musical Mnemonic Method is very effective in helping students to name the notes in Treble Clef. Teachers are encouraged to use this method in teaching and learning of reading notes in Treble Clef among Year 3 pupils.

Keywords: Treble clef, Mnemonic, notes

Emel: nurliana.ariffin@gmail.com

1.0 PENGENALAN

Subjek Dunia Muzik merupakan mata pelajaran yang boleh melahirkan dan mengembangkan potensi individu secara menyeluruh. Subjek Dunia Muzik bertujuan melahirkan murid yang mempunyai pengetahuan dan kefahaman yang asas tentang muzik, mempunyai kemahiran minimum dalam penghasilan muzik, berpotensi dalam aspek kreativiti dan inovasi, dapat menghargai dan menikmati estetika muzik serta dapat mengamalkan nilai. Oleh kerana muzik merupakan medium bagi meluahkan perasaan, fikiran dan imaginasi, mata pelajaran ini sangat berperanan dalam usaha membina kreativiti murid. Hal ini selaras dengan matlamat Kurikulum Dunia Muzik sekolah rendah yang ingin melahirkan insan kreatif iaitu berpengetahuan serta dapat menghayati dan menikmati muzik secara intelektual menerusi aktiviti muzik.


Kemahiran murid mengenal dan mengecam not pada Klef Trebel merupakan satu komponen penting dalam Subjek Dunia Muzik sama ada dalam aktiviti nyanyian atau permainan alat (Zailina,2008). Dalam aspek ini murid mengetahui dan memahami konsep bagi unsur-unsur asas dalam muzik dan selanjutnya berkebolehan membaca, menulis dan menganalisis muzik. Untuk mencapai tujuan itu murid mendengar, mengajuk, merasa, memberi respon, membuat lakuan, menyanyi, memahami alat muzik, membaca dan menulis. Hal ini selaras dengan objektif pelajaran Dunia Muzik agar murid dapat mengetahui dan memahami konvensi penulisan muzik serta dapat membaca dan menulis not muzik dengan betul.

Kurikulum sekolah di Malaysia bertujuan memperkembangkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu dari aspek intelek, rohani, emosi dan jasmani selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Oleh itu, guru memainkan peranan utama untuk merealisasikan matlamat dan misi Kementerian Pendidikan Malaysia ke arah melaksanakan aktiviti dengan jayanya. Kemahiran dalam mengenal not pada Klef Treble merupakan aktiviti teras dalam konteks Dunia Muzik KSSR dan dilaksanakan dari peringkat awal persekolahan lagi namun lebih terperinci apabila murid berada di tahap dua iaitu dari tahun empat. Namun begitu, proses mengenal not melibatkan pengetahuan dan juga kemahiran dimana akan membimbing ke arah menghayati dan menikmati muzik secara intelektual.

Kajian ini juga amat penting bagi mengenal pasti sejauh mana permasalahan mengenal not pada Klef Treble dalam kalangan murid sekolah rendah. Seterusnya, hasil dari kajian ini dapat dimanfaatkan khususnya oleh guru muzik bagi mempertingkatkan keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Dunia Muzik dari semasa ke semasa terutama dalam mengenal not pada Klef Treble dengan menggunakan kaedah yang menarik dan mudah diingati. Guru mata pelajaran muzik juga dapat membentuk strategi pengajaran dan pembelajaran yang lebih fleksibel kepada semua murid yang mempunyai aras kebolehan yang berbeza antara satu sama lain.

2.0 FOKUS KAJIAN

Setelah melakukan pemantauan, didapati bahawa murid-murid ini mempunyai pengetahuan yang lemah tentang not dalam Klef Treble. Dapatan awal dari aspek temubual bersama guru muzik di sekolah tersebut menyatakan guru hanya menggunakan kaedah *Chalk and Talk*. Menurut guru muzik itu juga, beliau kebiasaannya hanya menyalin huruf pic lagu pada papan putih dan biasanya murid meniup rekoder mengikut huruf.



Rajah 1. Graf bar menunjukkan hasil dapatan sesi temu bual berkenaan demografi dan minat murid.

Rajah 1 menunjukkan analisis terhadap soalan borang tinjauan yang dijalankan dengan murid. Saya dapati bahawa, hampir kesemua murid tidak mempunyai latar belakang yang kukuh dalam bidang muzik iaitu daripada 2 orang murid, hanya seorang murid perempuan mempunyai sedikit latar belakang muzik iaitu pernah mengambil kelas piano. Walau bagaimanapun, hampir semua murid-murid menunjukkan minat yang tinggi dalam mata pelajaran muzik iaitu sebanyak 22 daripada 25 orang murid. Tetapi apabila disentuh mengenai penguasaan notasi, kurang daripada separuh bilangan murid iaitu 10 orang murid minat dalam mempelajari kemahiran mengenal not dalam klef treble ini. Hal ini kerana

mereka tidak mahir dalam kemahiran ini dan menyebabkan mereka kurang minat dalam mempelajari kemahiran ini.

Berdasarkan pemerhatian berstruktur juga didapati bahawa kesemua peserta kajian tidak dapat mengenal not dalam Klef trebel dengan baik.

3.0 OBJEKTIF DAN SOALAN KAJIAN

Objektif Kajian

- i. Meningkatkan penguasaan mengenal not pada ruang dalam klef trebel dengan menggunakan kaedah mnemonik berlagu.
- ii. Meningkatkan penguasaan mengenal not pada garisan dalam klef trebel dengan menggunakan kaedah mnemonik berlagu.

Soalan Kajian

- i. Adakah penggunaan kaedah mnemonik berlagu dapat meningkatkan penguasaan mengenal not pada ruang dalam klef treble murid tahun 3?
- ii. Adakah penggunaan kaedah mnemonik berlagu dapat meningkatkan penguasaan mengenal not pada garisan dalam klef treble murid tahun 3?

4.0 PESERTA KAJIAN

Kajian ini disasarkan kepada 5 orang murid kelas 3Z. Murid terdiri daripada 4 lelaki 1 perempuan. Murid terdiri dari kumpulan yang sederhana dan lemah di dalam kelas berdasarkan daripada keputusan ujian akhir tahun mereka dalam subjek muzik. Peserta kajian terdiri daripada 2 orang murid berbangsa India dan 3 orang murid berbangsa Melayu. Terdapat juga murid yang menyandang jawatan sebagai pengawas sekolah iaitu seramai 1 orang.

5.0 TINDAKAN YANG DIJALANKAN

Model Kurt Lewin telah digunakan bagi menjalankan penyelidikan tindakan ini. Empat aktiviti telah dijalankan di mana setiap satunya mengambil masa 30 minit. Model ini mengemukakan empat langkah kajian tindakan iaitu merancang, bertindak, memerhati dan mereflek. Namun begitu, kajian ini hanya merangkumi satu kitaran sahaja. Kaedah mnemonik yang digunakan bukan hanya berdasarkan akronim semata-mata. Saya menggunakan unsur pic supaya lebih mudah dan jelas. Iringan kibod disediakan ketika memperkenalkan mnemonik berlagu. Kaedah Mnemonik Berlagu ini melibatkan sebutan suku kata perkataan yang berpici di mana setiap suku kata tersebut mempunyai huruf depan yang mewakili not pada ruang dan not pada garisan dalam Klef Trebel. Terdapat tiga aktiviti dalam kajian ini. Aktiviti pertama memfokuskan kepada pengenalan not pada ruang sahaja iaitu not F, A, C' dan E dengan menggunakan mnemonik Fara Ali Cari Emi. Mnemonik ini dinyanyikan secara pic menaik bersama dengan iringan kibod yang dimainkan oleh guru. Seterusnya, Mnemonik ini juga dinyanyikan secara pic menurun menggunakan mnemonik Emi Cari Ali Fara. Nyanyian mnemonik ini diulang sehingga murid hafal. Aktiviti kedua pula memfokuskan kepada mengenal not pada garisan dalam Klef Trebel. Mnemonik yang dinyanyikan secara pic menaik ialah Emi Ganggu Bedah Dan Fara yang mewakili not E,G,B,D' dan F'. Mnemonik ini juga dinyanyikan secara menurun iaitu Fara Dan Bedah Ganggu Emi. Aktiviti ketiga ialah latih tubi secara intensif kedua-dua mnemonik tersebut sambil melaksanakan sesi soal jawab mengenai not pada ruang dan not pada garisan dalam Klef Trebel. Aktiviti ini dilaksanakan bagi memastikan murid tidak terkeliru antara not pada ruang dan not pada garisan. Ujian pra pasca, pemerhatian, dan temu bual dijalankan untuk mengumpul data yang diperlukan dalam kajian ini. Temubual berstruktur telah dilaksanakan terhadap murid selepas aktiviti ketiga. Perkara yang ditanya adalah mengenai perasaan terhadap aktiviti yang dijalankan, perubahan tahap pembacaan notasi serta tahap pembacaan notasi dalam Klef Trebel. Setiap aktiviti juga diiringi dengan pemerhatian berstruktur seperti dalam Jadual 1.

Jadual 1
Aspek-aspek Pemerhatian Pelaksanaan Tindakan

| Aktiviti | Aspek Pemerhatian |
|----------|--|
| Pertama | 1. Boleh mengenal dan mengecam not pada ruang dalam klef trebel dengan betul. |
| Kedua | 2. Boleh mengenal dan mengecam not pada garisan dalam klef trebel dengan betul. |
| Ketiga | 3. Boleh mengenal dan membezakan not pada ruang dan not pada garisan dalam klef trebel dengan betul. |

6.0 DAPATAN KAJIAN

Ujian pra dan pasca, pemerhatian, dan temu bual telah digunakan untuk menjawab persoalan kajian satu. Bagi ujian pra pasca, didapati peningkatan markah bagi murid A ialah sebanyak 6 markah (30%), murid B sebanyak 10 markah (50%). Murid C iaitu sebanyak 9 markah (45%) manakala murid D sebanyak 9 markah (45%). Bagi data pemerhatian, didapati bahawa sebanyak 100% iaitu kesemua lima-lima murid dapat menghafal kesemua not dalam Klef Trebel pada aktiviti ketiga. Dari aspek temu bual, didapati bahawa kesemua peserta kajian iaitu sebanyak 100% telah bersetuju bahawa mereka berasa lebih mudah mengenal not menggunakan Kaedah Mnemonik Berlagu dan boleh membezakan not pada ruang dan not pada garisan. Ujian pra dan pasca, pemerhatian, dan temu bual telah digunakan untuk menjawab persoalan kajian kedua. Menurut Ujian Pasca Amali, keputusan telah menunjukkan sebanyak 100% telah dapat menguasai sepenuhnya not pada garisan dalam klef trebel. Dari aspek pemerhatian pula, sebanyak 100% murid dapat mengenal not E dan G. Not B dan F' pula mempunyai sebanyak 40% manakala Not D' pula hanya mencapai sebanyak 60%. Dari aspek temu bual, sebanyak 100% peserta kajian telah mengesahkan bahawa mereka lebih mudah untuk mengenal dan mengecam not pada garisan dalam klef trebel.

7.0 REFLEKSI

Kajian ini telah membuktikan bahawa Kaedah Mnemonik Berlagu dapat meningkatkan penguasaan not dalam Klef Trebel. Setiap data dari instrument kajian menunjukkan peningkatan dalam penguasaan not. Penyelidik telah mengiktiraf bahawa kaedah mnemonik adalah cara yang berkesan untuk mengingati maklumat (Rawles,2009). Murid lebih aktif dan penglibatan mereka terhadap aktiviti yang dijalankan lebih baik dan menunjukkan kesungguhan. Selain daripada itu, dalam pemerhatian murid didapati bahawa Kaedah Mnemonik Berlagu ini berjaya mewujudkan keseronokan dan kegembiraan murid. Keseronokan dan kegembiraan dalam proses pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah amat penting dimana akan wujud motivasi dalam diri murid. Kelihatan semua murid tidak melepaskan peluang untuk melibatkan diri dan menyanyikan bersama-sama dalam kumpulan. Kaedah Mnemonik Berlagu bukan sahaja dapat membentuk kemahiran belajar malahan meningkatkan kemahiran sosial para murid dan memberi ruang kepada murid belajar antara satu sama lain dalam situasi yang seronok. Ini menjadikan murid lebih benar-benar faham dan penguasaan terhadap mengecam dan mengenal not dalam Klef Trebel menjadi lebih baik dan cemerlang. Namun begitu, kelemahan kaedah ini ialah menimbulkan suasana kelas yang bising akibat keseronokan murid. Dalam hal ini, guru perlu bijak mengawal kelas.

8.0 CADANGAN TINDAKAN SUSULAN

Terdapat beberapa cadangan yang perlu diberikan perhatian untuk kajian seterusnya. Cadangan pertama, Panitia Pendidikan Muzik di sekolah perlu bekerjasama para guru menyediakan satu modul pengajaran khusus dalam subjek Dunia Muzik menggunakan Kaedah Mnemonik Berlagu di mana kaedah ini memerlukan perancangan yang melibatkan tenaga, masa dan idea. Perancangan perlu mengambil kira dari segi isi pelajaran dan kesesuaian kepada murid. Cadangan kedua ialah waktu pengajaran dan pembelajaran perlu ditambah kerana satu masa seminggu tidak mencukupi. Melalui pemerhatian guru dalam sesi pengajaran dan pembelajaran, murid memerlukan masa yang panjang dalam mengenal not pada baluk dalam Klef Trebel.

RUJUKAN

Deutsch, D. (1999). *The psychology of music*. Gulf Professional Publishing.

Jura Margulis. (2017). *Musical performance memory ArCoSys mnemonic method* (Unpublished doctoral dissertation).

Ph.D., R. L. (2007). *Every good boy deserves fudge: The book of mnemonic devices*. London, England: Penguin.

Zailina. (2008) Meningkatkan kemahiran membaca notasi pada klef trebel dalam kalangan murid-murid tahun 5 Orkid menggunakan kaedah pengajaran dan pembelajaran berbantuan komputer (PPBK). *Prosiding Seminar Penyelidikan Tindakan Pelajar PISMP Ambilan Januari 2009 Institut Pendidikan Guru kampus Ilmu Khas Kuala Lumpur: Jld. 2. Penyelidikan Tindakan memperkasa pengajaran dan pembelajaran* (hlm. 161-165). Kuala Lumpur, Malaysia: Institut Pendidikan Guru kampus Ilmu Khas.

MENINGKATKAN KEMAHIRAN KAWALAN PERNAFASAN MURID TAHUN 5 DALAM PERMAINAN REKODER DENGAN MENGGUNAKAN KAEDAH LATIHAN ALAT STRAWTER

RACKHAL AMERSON JILUM RINI
Jabatan Pendidikan Muzik

Pensyarah Pembimbing
PN. LYE GUET POH

ABSTRAK

Penyelidikan ini dilaksanakan untuk meningkatkan kemahiran murid Tahun 5 dalam kemahiran kawalan pernafasan dengan menggunakan alat *Strawter*. Peserta kajian yang terlibat adalah daripada murid Tahun 5 seramai 6 orang murid lelaki dan 4 orang murid perempuan. Analisis data awal kajian telah menunjukkan murid lemah dalam kawalan pernafasan. Hal ini dapat dibuktikan apabila murid gagal memainkan jenis not dengan pic yang betul bagi kebanyakan not-not minim bertitik dan *staccato*. Oleh itu, saya mendapati bahawa murid-murid ini mempunyai masalah dalam kawalan pernafasan. Untuk mengatasi masalah ini, latihan menggunakan alat *Strawter* telah dicipta untuk meningkatkan kemahiran murid dalam kawalan pernafasan semasa memainkan rekoder. Latihan ini adalah merupakan latihan yang memberi pendedahan kepada murid untuk melakukan pernafasan yang betul semasa memainkan rekoder. Latihan *Strawter* ini melibatkan penggunaan bahan maujud seperti cawan, straw, dan air. Kajian ini dilaksanakan dalam satu kitaran iaitu sebanyak 3 aktiviti. Aktiviti-aktiviti ini dilakukan selama 30 minit. Kaedah pengumpulan data yang digunakan ialah ujian pra dan pasca, pemerhatian, dan temu bual. Dapatan ujian pra dan pasca menunjukkan peningkatan yang drastik dalam kemahiran murid memainkan rekoder berpandukan skor yang menekankan kemahiran kawalan pernafasan. Dapatan data pemerhatian pula menunjukkan murid mempunyai peningkatan dalam permainan rekoder untuk aktiviti 1, 2, dan 3. Analisis data daripada temu bual pula menunjukkan majoriti murid memberikan respon yang positif untuk soalan-soalan yang diajukan kepada mereka. Untuk kajian seterusnya, saya mencadangkan untuk menerapkan unsur permainan dalam aktiviti, menambah tanda *slur* dan *tie* pada skor, dan menambah tanda frasa pada skor.

Kata Kunci: Kawalan pernafasan, pic, jenis not

ABSTRACT

This research was conducted to improve Year 5 pupils' skills in controlling their breathing using Strawter tools. Participants of the study chosen selected for this research are Year 5 pupils which consists of six boys and four girls. A preliminary data analysis conducted has shown that pupils are weak in controlling their breathing. The students were found to have problems in controlling their breathing. They fail to play the notes with correct pitch especially for most dotted-minim and staccato notes. Therefore, to overcome this problem, Strawter tools are created for training pupils to enhance their skills to control their breathing while playing the recorder. This exercise provided pupils exposure to the proper breathing method while playing the recorder. This Strawter training involves the use of materials such as cups, straws, and water only. The study was conducted in a cycle of 3 activities. The duration of each activity is 30 minutes. The methodology used includes pre and post test, observations and interviews. Pre and post test results showed a drastic improvement in pupil skills in playing a score-based recorder that emphasizes breathing control skills. Findings from observations indicate that pupils have shown an increase in their recorder playing in all the activities conducted. Data analysis from interviews shows that the majority of pupils respond positively to the questions they have asked. For further research, I propose to apply game elements in the activities, add on slur marks, tie to scores and add phrase marks to scores.

Keywords: Breathe control, pitch, types of notes

Emel: rackhalrini@gmail.com

1.0 PENGENALAN

Dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) Pendidikan Muzik, murid-murid Tahun 3 telah didedahkan dengan permainan rekoder. DSKP juga menyatakan bahawa murid dikehendaki menguasai kemahiran rekoder dalam beberapa aspek iaitu; postur, penjarian, pernafasan, *embouchure*, penglidahan, dan penghasilan ton, bermain sambil membaca notasi, serta bermain mengiringi nyanyian alat muzik instrumental.

Dari segi kemampuannya sebagai alat muzik berpic, rekoder boleh menghasilkan bunyi-bunyi yang tinggi dan rendah yang sesuai diadunkan dengan bunyi alat-alat muzik yang lain. Alat ini mudah dipelajari secara individu atau berkumpulan serta boleh dimainkan di luar atau di dalam bilik darjah (Mahzan Manan, 1985). Memandangkan alat muzik rekoder ini adalah merupakan alat muzik “berpic” yang sesuai dipelajari oleh murid-murid sekolah, teknik dan kaedah memainkan alat rekoder merupakan sesuatu yang perlu dikuasai oleh seseorang murid itu apabila memainkan rekoder. Sebagai contoh, teknik kawalan pernafasan adalah merupakan antara teknik asas dalam permainan rekoder.

Sistem pernafasan adalah sistem biologi semua organisma yang membabitkan pertukaran gas (Ikawati, 2011). Peniupan rekoder yang baik adalah daripada teknik penglidahan baik. Namun begitu, penglidahan yang baik juga haruslah daripada teknik pernafasan yang baik. Pernafasan yang baik adalah daripada pelbagai teknik pernafasan yang boleh kita dapatkan daripada pengajaran guru di sekolah. Dalam kajian ini, saya menggunakan teknik latihan *Strawter* untuk meningkatkan kemahiran kawalan pernafasan dalam permainan rekoder murid-murid sekolah rendah. Menurut Griffiths (2018), teknik latihan meniup straw dalam air adalah merupakan teknik yang dapat membantu dalam meningkatkan kemahiran pernafasan *circular breathing*.

Menurut Brutner (2002), *circular breathing* adalah merupakan teknik pernafasan yang biasa digunakan dalam permainan alat muzik bertiup. Teknik ini adalah merupakan teknik pernafasan yang sangat membantu dalam memberikan meniup nafas yang panjang semasa memainkan alat muzik bertiup. Menurut Kynaston (1991) pula, latihan untuk melatih teknik pernafasan *circular breathing* adalah merupakan latihan yang pada asasnya melatih pernafasan yang betul untuk pemain alat erofon dalam jangka masa pendek dan akan membantu kawalan pernafasan. Pernafasan yang betul adalah merupakan pernafasan yang memerlukan seseorang individu untuk menarik nafas melalui hidung dan melepaskannya melalui mulut (Farquhar, 2009).

2.0 FOKUS KAJIAN

Setelah melakukan pemantauan, murid-murid ini mempunyai pengetahuan tentang postur dan teknik penglidahan yang betul semasa bermain rekoder. Walaupun murid-murid ini mempunyai pengetahuan tentang postur dan penglidahan yang betul, mereka tidak mahir mengawal pernafasan mereka semasa bermain rekoder. Kawalan pernafasan adalah merupakan satu elemen yang penting semasa murid belajar meniup rekoder. Oleh itu, kajian saya ini adalah bertujuan untuk membantu murid dalam kemahiran kawalan pernafasan mereka dengan menggunakan teknik latihan menggunakan alat *Strawter*.

Jadual 1
Peratusan Bilangan Murid (Pengumpulan Data Awal)

| Soalan | Bilangan murid | |
|--------|----------------|-------------|
| | Boleh | Tidak Boleh |
| Skor 1 | 15 (75%) | 5 (25%) |
| Skor 2 | 20 (100%) | 0 (0%) |
| Skor 3 | 10 (50%) | 10 (50%) |

Jadual 1 merupakan keputusan pengumpulan data awal untuk skor 1, 2, dan 3. Analisis data jadual 1 menunjukkan skor 1 terdapat 15 orang (75%) murid dapat memainkan skor 1 manakala 5 orang (25%) tidak dapat memainkan skor 1 dengan tepat. Bagi skor 2 pula, semua (100%) murid dapat memainkan skor tersebut dengan tepat. Untuk skor 3 pula, sebanyak 10 (50%) orang murid dapat memainkan skor tersebut dengan tepat manakala 10 (50%) orang lagi murid tidak dapat memainkan skor tersebut dengan tepat.

Melalui data awal temu bual yang dijalankan bersama dengan guru Pendidikan Muzik pula, guru tersebut memberi respon bahawa murid Tahun 5 yang terlibat memang meminati subjek Pendidikan Muzik tetapi mereka akan cepat hilang tumpuan jika aktiviti di dalam kelas dilakukan terlalu rumit untuk dijalankan. Guru tersebut juga mengatakan bahawa mereka menyukai pengajaran yang biasa namun mudah dilakukan. Guru tersebut menjelaskan bahawa mereka sukakan cabaran, asalkan latihan yang digunakan untuk mengatasi cabaran tersebut adalah mudah dilakukan. Selain itu, guru tersebut juga menjelaskan bahawa murid-murid sukar untuk memahami cara pernafasan yang betul semasa memainkan rekoder. Murid-murid ini telah diajar teknik menarik nafas melalui hidung dan melepaskannya melalui mulut. Namun, murid-murid tidak mengaplikasikan teknik tersebut apabila memainkan rekoder. Berkaitan dengan disiplin murid pula, guru tersebut menjelaskan bahawa murid-murid tersebut mempunyai rekod disiplin yang baik.

Di samping itu, guru tersebut menjelaskan bahawa hampir 50% murid di dalam kelas tersebut merupakan murid yang aktif sukan bola sepak, olahraga, dan bola jaring. Di samping itu juga, terdapat berberapa orang murid di dalam kelas ini mengambil kelas muzik di luar sekolah. Kebanyakan mereka yang mengambil kelas piano dan gitar dan ini memberikan kelebihan kepada mereka dari segi pembacaan skor muzik.

3.0 OBJEKTIF DAN SOALAN KAJIAN

Objektif Kajian

1. Meningkatkan penghasilan not E, F, G, A, B, C', D' dalam permainan rekoder murid tahun 5 dengan menggunakan teknik latihan menggunakan alat Strawter.
2. Meningkatkan kemahiran kawalan pernafasan semasa bermain rekoder dengan menggunakan not minim bertitik, staccato, dan semibrif melalui latihan menggunakan alat Strawter.

Soalan Kajian

1. Adakah penghasilan not E, F, G, A, B, C', D' dalam permainan rekoder murid tahun 5 dapat dipertingkatkan dengan menggunakan latihan alat Strawter?
2. Adakah kemahiran kawalan pernafasan dalam permainan rekoder murid tahun 5 dengan menggunakan not minim bertitik, staccato, dan semibrif dapat ditingkatkan dengan menggunakan latihan alat Strawter?

4.0 PESERTA KAJIAN

Kajian ini juga dijalankan ke atas murid-murid Tahun 5 di sebuah sekolah di sekitar Ampang. Daripada 20 orang murid, saya mendapati bahawa bilangan peserta kajian saya adalah seramai sepuluh orang iaitu empat murid lelaki dan enam murid perempuan. Terdapat juga murid yang menyandang jawatan sebagai pengawas sekolah iaitu seramai 4 orang. Peserta kajian merupakan murid yang berada di kelas yang sederhana dalam kumpulan murid Tahun 5.

5.0 TINDAKAN YANG DIJALANKAN

Model kajian tindakan Kurt Lewin (1946) dijadikan sebagai panduan untuk menjalankan kajian dari awal sehinggalah aktiviti penyelidikan. Menurut Rosinah Edinin (2011), model ini dilaksanakan secara berulang-ulang sehingga masalah yang dihadapi dapat diselesaikan sepenuhnya. Untuk kajian ini, saya menggunakan satu kitaran sahaja. Model ini mengemukakan empat langkah kajian tindakan iaitu merancang, bertindak, memerhati dan mereflek. Dalam aktiviti pertama, murid menjalankan aktiviti memainkan skor yang mengandungi not minim bertitik selepas mereka menjalankan aktiviti alat *Strawter*. Kemudian, murid akan memainkan skor yang ditambah not *staccato* pada aktiviti kedua setelah mereka menjalankan aktiviti alat *Strawter*. Untuk aktiviti ketiga, not semibrif ditambah dalam skor juga setelah mereka menjalankan aktiviti *Strawter*. Ujian pra pasca, pemerhatian, dan temu bual dijalankan untuk mengumpul data yang diperlukan dalam kajian ini. Analisis data dijalankan setelah murid melakukan aktiviti tindakan. Kekuatan yang dapat dilihat ialah alat *Strawter* ini dapat membantu murid dalam kemahiran kawalan pernafasan semasa memainkan rekoder.

6.0 DAPATAN KAJIAN

Ujian pra dan pasca, pemerhatian, dan temu bual telah digunakan untuk menjawab persoalan kajian satu. Untuk ujian pra dan pasca, semua murid menunjukkan peningkatan dalam ketepatan pic yang dimainkan setelah melakukan aktiviti *Strawter*. Bagi data pemerhatian, semua murid menunjukkan peningkatan terutama dalam pemerhatian ketiga. Dalam data pemerhatian ketiga, 2 (20%) orang murid mencapai tahap amat cemerlang, 4 (40%) murid mencapai tahap cemerlang, 2 (20%) murid mencapai tahap kepujian, dan 2 (20%) murid mencapai tahap lulus. Untuk data temu bual pula, hampir keseluruhan respon untuk soalan 1 pada soalan temu bual yang diberikan adalah positif dan tiada murid yang menyatakan respon bahawa tiada peningkatan dalam permainan pic semasa memainkan rekoder. Selain itu, ujian pra dan pasca, pemerhatian, dan temu bual telah menjawab soalan kajian dua. Daripada data ujian pasca, semua murid mempunyai peningkatan dalam permainan not minim bertitik, *staccato*, dan semibrif dengan menggunakan latihan alat *Strawter*. Data pemerhatian juga menunjukkan peningkatan murid dalam permainan not minim bertitik, *staccato*, dan semibrif. Hal ini dapat dilihat dalam pemerhatian ketiga. Murid menunjukkan peningkatan dalam permainan not minim bertitik, *staccato*, dan semibrif. Untuk dapatan daripada data temu bual pula, majoriti murid memberikan jawapan positif apabila ditanya mengenai keselesaan mereka memainkan not minim bertitik, *staccato*, dan semibrif.

7.0 REFLEKSI

Setelah melaksanakan kajian ini, jelaslah bahawa kaedah latihan menggunakan alat *Strawter* telah berjaya meningkatkan kemahiran murid Tahun 5 dalam kemahiran kawalan pernafasan semasa memainkan rekoder. Hal ini telah pun dibuktikan di dalam analisis data dan dapatan kajian yang memperlihatkan pencapaian positif murid dalam setiap aktiviti. Sesungguhnya, kaedah latihan menggunakan alat *Strawter* ini adalah sangat bersesuaian dalam mengatasi masalah murid. Penggunaan bahan maut sememangnya sangat berkesan dalam murid mempelajari muzik seperti permainan rekoder. Hal ini dibuktikan melalui pernyataan Piaget (1969) seperti yang dinyatakan oleh Orlich et. al. (2009) iaitu kanak-kanak belajar melalui bahan maut ataupun bahan konkrit terutamanya dalam peringkat operasi konkrit yang dalam lingkungan umur tujuh hingga 12 tahun. Sehubungan dengan itu, kekuatan kajian ini dapat diukur melalui pemilihan kaedah dan aktiviti yang dapat memberikan pemahaman tentang kawalan pernafasan secara ansur maju kepada murid. Aktiviti yang dijalankan secara ansur maju ini telah dilaksanakan dalam fasa tindakan. Saya mendapati bahawa kaedah latihan secara ansur maju sangatlah berkesan untuk memberi kefahaman dan kemahiran kepada murid. Aktiviti alat *Strawter* juga membantu murid untuk menjalankan aktiviti secara ansur maju kerana penggunaan alat ini mudah dan efektif dalam membantu kawalan pernafasan dalam permainan rekoder.

8.0 CADANGAN TINDAKAN SUSULAN

Cadangan tindakan susulan yang pertama adalah menerapkan aktiviti permainan dalam langkah-langkah aktiviti saya. Berdasarkan Rowsell (2008), Kodaly mengatakan bahawa setiap kanak-kanak suka bermain. Seterusnya, saya akan menambah not lain yang digunakan selain daripada not minim bertitik, *staccato*, dan semibrif pada skor yang dimainkan dalam aktiviti tindakan. Not yang boleh saya tambah adalah not yang mengandungi tanda *slur* dan *tie*. Cadangan yang terakhir adalah menilai kawalan pernafasan murid melalui permainan frasa pada skor. Dalam kajian ini, saya tidak menekankan permainan frasa kepada murid sebaliknya hanya menguji ketepatan pic, permainan not yang mengandungi *accents* (*staccato*), dan permainan not panjang (minim bertitik dan semibrif) sahaja. Menurut Baines (1991), kawalan pernafasan yang baik boleh diuji dengan tahap ketepatan frasa yang dinyanyikan (oleh penyanyi) atau dimainkan pada alat erofon.

RUJUKAN

- Baines, A. (1991). *Woodwind instruments and their history*. North Chelmsford, MA: Courier Corporation.
- Brutner, M. (2002). *The metasaxophone: concept, implementations, and mapping strategies for a new computer music instrument*. Riverside, CA: Organised Sound.
- Farquhar, I. (2009). *The recorder magazine*. Los Angeles, CA: Red Code.

- Griffiths, T. (2018, March 20). *How to circular breathe*. Retrieved from <https://www.gapyear.com/articles/travel-tips/learn-to-circular-breathe>
- Ikawati Zariah. (2011). *Bagaimana jantung anda diselamatkan*. Jakarta: Powerful Publish.
- Johami Abdullah. (1997). *Asas metodologi/pendekatan untuk pendidikan muzik*. Shah Alam, Selangor: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kynaston, T. (1999). *Circular breathing: For the wind performer*. Boston: Alfred Music.
- Lew Moi Moi, & Munira Mohsin. (2015). *Penyelidikan tindakan : Panduan penulisan laporan*. Kuala Lumpur, Selangor: Pelangi Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Mahzan Manan. (1985). *Rekoder : Teknik dan latihan*. Petaling Jaya, Selangor: Fajar Bakti.
- Morris, G. (1991). *Flute technique*. Oxford, England: Oxford University Press on Demand.
- Nani Menon. (2005). *Permainan, lagu, dan puisi kanak-kanak*. Kuala Lumpur: PTS Professional.
- Noriati A. Rashid, Boon Pong Ying, & Sharifah Fakhriah Syed Ahmad. (2009). *Murid dan alam belajar*. Kuala Lumpur: Oxford Fajar.
- Orlich, D., Harder, R., Callahan, R., Trevisan, M., & Brown, A. (2009). *Teaching strategies: A guide to effective instruction (9th ed.)*. Boston, MA: Cengage Learning.
- Rosinah Edinin. (2012). *Penyelidikan tindakan : Kaedah dan penulisan*. Kuala Lumpur: Freemind Horizons Sdn. Bhd.
- Rowell, C. (2008). *The Kodaly experience*. Dimuat turun daripada the British Kodaly academy:http://www.britishkodalyacadem.org/kodaly_approach_archive_kodaly-experience_cyrilla-rowell.htm

KEBERKESANAN KAEDAH NYANYIAN TERHADAP PENGUASAAN PUISI KLASIK BAHASA CINA MURID TAHUN 3

TIEW SYNMAN
Jabatan Pendidikan Muzik

Pensyarah Pembimbing
DR. LEE LEH HONG

ABSTRAK

Penguasaan puisi klasik sejak di bangku sekolah berperanan penting dalam pembentukan individu yang seimbang terutamanya dari segi intelek dan rohani. Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti keberkesanan kaedah nyanyian terhadap penguasaan puisi klasik Bahasa Cina murid Tahun 3 dari segi kemahiran menghafal dan kelancaran mendeklamasi puisi klasik. Kajian ini berbentuk kuantitatif (kuasi eksperimental ujian pra-pasca satu kumpulan) yang melibatkan satu kumpulan responden yang terdiri daripada 32 orang murid Tahun 3. Kumpulan responden tersebut menjalani ujian pra pada awal kajian dan ujian pasca selepas kaedah nyanyian sebagai rawatan diberikan dalam pengajaran puisi klasik. Data kajian yang diperolehi dianalisis dengan menggunakan perisian *Statistical Packages for Social Science 22.0* (SPSS) melalui analisis ujian-t untuk pengukuran berulang (*paired samples t-test*). Analisis deskriptif seperti kekerapan dan peratus juga digunakan untuk data ujian tambahan dua buah puisi klasik yang lain selepas rawatan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan dalam kemahiran menghafal puisi klasik Bahasa Cina dalam kalangan murid yang menggunakan kaedah nyanyian ($t = -9.97$, $df = 31$, $p < .05$) dan terdapat perbezaan yang signifikan dalam kelancaran mendeklamasi puisi klasik Bahasa Cina dalam kalangan murid yang menggunakan kaedah nyanyian ($t = -11.28$, $df = 31$, $p < .05$). Hasil analisis deskriptif untuk data ujian tambahan juga menunjukkan bahawa kaedah nyanyian memberi impak positif terhadap penguasaan puisi klasik sama ada puisi klasik yang terdiri daripada lima mahupun tujuh perkataan dalam sebaris. Kesimpulannya, kaedah nyanyian merupakan kaedah yang berkesan untuk meningkatkan daya ingatan murid terhadap puisi klasik serta membantu murid dalam kelancaran mendeklamasi puisi klasik.

Kata Kunci: Kaedah nyanyian, kemahiran menghafal dan kelancaran mendeklamasi, puisi klasik

ABSTRACT

The mastery of Chinese classical poem is important for the development of a balanced individual especially in terms of intellectual and spiritual. The purpose of this study is to identify the effectiveness of singing method on the mastery of Chinese classical poem in terms of memorization skills and fluency in reciting classical poem for Year 3 pupils. This is a one group pretest-posttest quasi experimental design study involving one group of participants which consists of 32 Year 3 pupils. This group of pupils undergone pretest at the beginning and posttest after singing method as a treatment was given in the classical poetry class. The data collected was analysed using Statistical Package for Social Science 22.0 (SPSS) using paired samples t-test. Descriptive analysis such as frequency and percentage was used for the additional test data of two extra classical poems after treatment. The findings showed that there is a significant difference in Chinese classical poem memorization skills among pupils using singing method ($t = -9.97$, $df = 31$, $p < .05$) and there is a significant difference in the fluency of reciting Chinese classical poem among pupils using singing method ($t = -11.28$, $df = 31$, $p < .05$). Descriptive analysis results for additional test data also indicated that singing method has a positive impact on the mastery of classical poem which consists of five or seven words in a row. In conclusion, singing is an effective way to improve pupil's memory of classical poem and help in the fluency of reciting classical poem.

Keywords: Singing method, memorization skills and fluency in reciting, classical poem

Emel: liliantiew@hotmail.com

1.0 PENGENALAN

Puisi merupakan genre sastera yang abstrak, indah dari segi bahasa dan mempunyai makna yang bernilai (Liew, 2010). Berdasarkan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) Bahasa Cina, murid-murid wajib menghafal sepuluh buah puisi klasik Bahasa Cina setiap tahun dan mendeklamasikannya dengan lancar (Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2012). Namun, menurut Zhang (2016), kebanyakan murid kurang berminat terhadap puisi klasik kerana kebanyakan guru mengajar murid untuk menghafal sahaja. Hal ini menyebabkan murid tidak dapat mengingat dan mendeklamasi puisi klasik dengan lancar.

Seseorang guru yang kreatif dapat memotivasikan murid-murid dalam proses pembelajaran (Aritonang, 2008). Justeru, guru haruslah menggunakan kaedah pengajaran yang sesuai agar murid dapat menguasai, menghafal serta mendeklamasi puisi klasik dengan lancar. Berdasarkan prinsip Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR), pendekatan bersepadu menggalakkan penyerapan pelbagai bidang ilmu dalam mata pelajaran dan merentasi mata pelajaran (Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2016). Rini Lestari (2012) pernah menyatakan bahawa nyanyian merupakan kaedah kreatif kerana ia adalah sebahagian daripada kehidupan kanak-kanak. Kombinasi nyanyian dengan puisi dapat meningkatkan kesan mendalam dalam memori serta membantu murid untuk meningkatkan kelancaran lisan (Zhang & Chen, 2014). Oleh itu, kajian ini mengkaji tentang keberkesanan kaedah nyanyian terhadap penguasaan puisi klasik Bahasa Cina murid Tahun 3.

2.0 PERNYATAAN MASALAH

Ingatan seumpama otot pada tubuh kita. Sekiranya kita menggunakan teknik yang sesuai dengan gaya pembelajaran kita, maka daya ingatan akan bertambah baik. Berdasarkan pengalaman pengkaji mengajar murid Tahun 3 tentang puisi klasik Bahasa Cina semasa praktikum, kebanyakan murid menghadapi kesukaran untuk menghafal dan mendeklamasi puisi klasik dengan lancar melalui kaedah hafalan yang konvensional.

Kajian-kajian lepas telah menyatakan bahawa murid-murid menghadapi masalah untuk menghafal fakta-fakta yang abstrak dan sukar diingati seperti Sains dan Kemahiran Hidup serta mengalami masalah untuk bertutur dengan lancar (Nur Farhanah Mohd Amin, 2011; Muhammad Syafiq Norazami, 2013; Molina & Briesmaster, 2017). Terdapat pelbagai kajian yang mengkaji tentang cara untuk meningkatkan daya ingatan murid dan kelancaran pertuturan. Namun, kajian tentang keberkesanan kaedah nyanyian terhadap penguasaan puisi klasik Bahasa Cina adalah terhad dalam konteks Malaysia. Justeru, kajian ini mengkaji tentang keberkesanan kaedah nyanyian terhadap penguasaan puisi klasik Bahasa Cina. Kajian ini dapat menyumbang kepada literatur berkenaan dengan kaedah nyanyian dan pengajaran bahasa serta memberi sumbangan kepada guru dari segi penggunaan kaedah kreatif dalam pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc), iaitu kaedah nyanyian.

Untuk menghasilkan dapatan kajian yang baik, kajian ini hanya berfokus kepada keberkesanan kaedah nyanyian terhadap penguasaan puisi klasik Bahasa Cina terutamanya dari aspek kemahiran menghafal dan kelancaran mendeklamasi puisi klasik. Dalam kajian ini, pengkaji mencipta melodi untuk puisi klasik yang sesuai dengan rejim suara murid Tahun 3 iaitu dalam lingkungan not B3 hingga D5 yang merupakan tesitura suara golongan tersebut supaya lebih mudah untuk dinyanyikan (Pravina Manoharan, 2007). Irama pula dicipta berdasarkan jeda mendeklamasi puisi klasik dan bersifat berulang-ulang sepanjang lagu. Kajian ini hanya melibatkan 32 orang murid Tahun 3 dari sebuah SJKC di Kuala Lumpur. Oleh itu, keputusan kajian ini tidak boleh digeneralisasikan kepada murid SJKC di seluruh Malaysia kerana sampel dipilih secara bukan rawak. Batasan kajian ini termasuklah kemungkinan murid tidak biasa dengan melodi puisi klasik yang dicipta kerana tidak pernah didengari dalam kehidupan seharian dan seterusnya memberi kesan kepada kajian.

3.0 OBJEKTIF DAN SOALAN KAJIAN

Objektif kajian ini adalah untuk:

1. Mengenalpasti keberkesanan kaedah nyanyian terhadap penguasaan puisi klasik Bahasa Cina murid Tahun 3.

Beberapa soalan kajian telah dikemukakan bagi menentukan objektif yang hendak dicapai:

1. Adakah kaedah nyanyian dapat membantu murid Tahun 3 untuk menguasai kemahiran menghafal puisi klasik Bahasa Cina?
2. Adakah kaedah nyanyian dapat membantu murid Tahun 3 untuk menguasai kelancaran mendeklamasi puisi klasik Bahasa Cina?

Ho₁: Tiada perbezaan yang signifikan dalam kemahiran menghafal puisi klasik Bahasa Cina dalam kalangan murid yang menggunakan kaedah nyanyian.

Ha₁: Terdapat perbezaan yang signifikan dalam kemahiran menghafal puisi klasik Bahasa Cina dalam kalangan murid yang menggunakan kaedah nyanyian.

Ho₂: Tiada perbezaan yang signifikan dalam kelancaran mendeklamasi puisi klasik Bahasa Cina dalam kalangan murid yang menggunakan kaedah nyanyian.

Ha₂: Terdapat perbezaan yang signifikan dalam kelancaran mendeklamasi puisi klasik Bahasa Cina dalam kalangan murid yang menggunakan kaedah nyanyian.

4.0 METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini merupakan kajian kuasi eksperimental ujian pra pasca satu kumpulan berbentuk kuantitatif yang dijalankan ke atas sekumpulan responden yang terdiri daripada 32 orang murid Tahun 3. Sampel tidak dipilih secara rawak kerana ditentukan oleh pihak pentadbir sekolah. Instrumen kajian ialah borang senarai semak bersama dengan rubrik pentaksiran. Terdapat empat kriteria dalam borang tersebut, antaranya termasuklah ketepatan menghafal puisi klasik dalam urutan yang betul, kelancaran mendeklamasi puisi klasik, sebutan dan keyakinan. Skala lima mata juga digunakan dalam borang senarai semak. Skor diberikan bagi setiap kriteria berdasarkan rubrik pentaksiran.

Bagi menjamin kesahan dan kebolehpercayaan instrumen, borang senarai semak bersama dengan rubrik pentaksiran telah disahkan terlebih dahulu oleh penyelia sebelum digunakan di lapangan. Seterusnya, pengkaji merujuk seorang pensyarah Bahasa Cina di Institusi Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas bagi memastikan kriteria-kriteria penguasaan puisi klasik Bahasa Cina serta ulasan bagi setiap kriteria adalah sesuai dan relevan.

Sebelum menjalankan kajian, pengkaji mendapatkan kebenaran daripada pihak sekolah. 32 orang responden telah dipilih secara tidak rawak kerana ditentukan oleh pihak pentadbir sekolah. Kemudian, pengkaji memberi ujian pra puisi klasik *Cun Ju* (村居) kepada responden selepas pengajaran puisi klasik yang menggunakan kaedah konvensional. Setelah responden menerima rawatan (kaedah nyanyian) semasa pembelajaran puisi klasik, maka ujian pasca dilaksanakan. Bagi mengukuhkan dan menyokong dapatan kajian pra pasca untuk puisi klasik *Cun Ju* (村居), kaedah nyanyian juga digunakan dalam pengajaran dua buah puisi klasik lagi iaitu *Jiang Shang Yu Zhe* (江上渔者) serta *Si Shi Tian Yuan Za Xing* (四时田园杂兴) dan ujian yang sama dilaksanakan. Data mentah daripada borang senarai semak telah dijumlahkan mengikut empat kriteria untuk memudahkan penganalisan data seterusnya.

Data kajian yang diperolehi dianalisis dengan menggunakan perisian *Statistical Packages for Social Science 22.0* (SPSS) melalui analisis ujian-t untuk pengukuran berulangan (*paired samples t-test*). Analisis deskriptif seperti kekerapan dan peratus juga dijalankan dengan menggunakan hamparan elektronik untuk data ujian tambahan dua buah puisi klasik selepas rawatan.

5.0 DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Data yang diperolehi dari keputusan kajian dianalisis dengan ujian-t untuk pengukuran berulangan bagi menguji dua hipotesis kajian ini. Kaedah analisis statistik deskriptif iaitu kekerapan dan peratus juga digunakan bagi ujian tambahan dua buah puisi klasik.

Adakah kaedah nyanyian dapat membantu murid Tahun 3 untuk menguasai kemahiran menghafal puisi klasik Bahasa Cina?

Dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan dalam kemahiran menghafal puisi klasik Bahasa Cina dalam kalangan murid yang menggunakan kaedah nyanyian ($t = -9.97$, $df = 31$, $p < .05$). Maka, hipotesis nul ditolak. Dapatan kajian ini menepati dapatan kajian Good (2011) yang menunjukkan bahawa penggunaan kaedah nyanyian dalam PdPc dapat meningkatkan daya ingatan

murid terhadap sesuatu topik. Penggunaan otak kanan dan kiri secara harmoni membolehkan murid untuk meningkatkan daya ingatan dengan baik (Kamarudin Husin, 2010).

Adakah kaedah nyanyian dapat membantu murid Tahun 3 untuk menguasai kelancaran mendeklamasi puisi klasik Bahasa Cina?

Dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan dalam kelancaran mendeklamasi puisi klasik Bahasa Cina dalam kalangan murid yang menggunakan kaedah nyanyian ($t = -11.28$, $df = 31$, $p < .05$). Maka, hipotesis nul juga ditolak. Dapatan kajian ini menepati dapatan kajian Romero, Bernal dan Olivares (2012) yang menunjukkan bahawa penggunaan kaedah nyanyian dapat membantu murid dalam penguasaan kemahiran lisan dan kelancaran pertuturan. Kombinasi muzik dengan puisi dapat membantu murid untuk mengelakkan pertuturan bahasa yang berputus-putus, sebaliknya mencapai kelancaran pertuturan yang baik (Zhang & Chen, 2014).

Ujian tambahan puisi klasik *Jiang Shang Yu Zhe* (江上渔者) dan *Si Shi Tian Yuan Za Xing* (四时田园杂兴) telah diberi kepada responden yang sama. Selepas rawatan diberikan, kemahiran menghafal dan kelancaran mendeklamasi puisi klasik diuji dengan borang senarai semak yang sama.

Jadual 1

Keputusan Ujian Kemahiran Menghafal Puisi Klasik *Jiang Shang Yu Zhe* (江上渔者) dan *Si Shi Tian Yuan Za Xing* (四时田园杂兴)

| Skor | <i>Jiang Shang Yu Zhe</i> (江上渔者) | | <i>Si Shi Tian Yuan Za Xing</i> (四时田园杂兴) | |
|------------------|-------------------------------------|-------------|---|-------------|
| | | Peratus (%) | | Peratus (%) |
| Amat baik | 5 | 62.50 | 59.38 | |
| Baik | 4 | 18.75 | 21.88 | |
| Sederhana | 3 | 12.50 | 15.62 | |
| Memuaskan | 2 | 6.25 | 3.12 | |
| Kurang Memuaskan | 1 | 0 | 0 | |

Jadual 1 menunjukkan keputusan ujian kemahiran menghafal puisi klasik *Jiang Shang Yu Zhe* (江上渔者) dan *Si Shi Tian Yuan Za Xing* (四时田园杂兴) selepas kaedah nyanyian diimplementasikan dalam pengajaran puisi klasik. Lebih daripada separuh jumlah responden telah berjaya menghafal seluruh puisi klasik dengan amat tepat mengikut urutan yang betul dan mendapat skor 5 dalam ujian bagi kedua-dua buah puisi klasik, antaranya ialah 62.50% bagi puisi klasik *Jiang Shang Yu Zhe* (江上渔者) dan 59.38% bagi puisi klasik *Si Shi Tian Yuan Za Xing* (四时田园杂兴). Ini menunjukkan bahawa penggunaan kaedah nyanyian berjaya membantu murid untuk mengingati sesuatu fakta dengan lebih mudah (Miller, 2017).

Jadual 2

Keputusan Ujian Kelancaran Mendeklamasi Puisi Klasik *Jiang Shang Yu Zhe* (江上渔者) dan *Si Shi Tian Yuan Za Xing* (四时田园杂兴)

| Skor | <i>Jiang Shang Yu Zhe</i> (江上渔者) | | <i>Si Shi Tian Yuan Za Xing</i> (四时田园杂兴) | |
|------------------|-------------------------------------|-------------|---|-------------|
| | | Peratus (%) | | Peratus (%) |
| Amat baik | 5 | 50.00 | 46.88 | |
| Baik | 4 | 28.13 | 34.38 | |
| Sederhana | 3 | 15.62 | 15.62 | |
| Memuaskan | 2 | 6.25 | 3.12 | |
| Kurang Memuaskan | 1 | 0 | 0 | |

Berdasarkan Jadual 2, keputusan ujian kelancaran mendeklamasi kedua-dua buah puisi klasik adalah positif. Lebih kurang separuh daripada jumlah responden berjaya mendeklamasi puisi klasik dengan amat lancar tanpa gagap, terputus-putus dan pengulangan perkataan dan mendapat skor 5 dalam ujian ini, iaitu 50.00% bagi puisi klasik *Jiang Shang Yu Zhe* (江上渔者) dan 46.88% bagi puisi klasik *Si Shi Tian Yuan Za Xing* (四时田园杂兴). Dapatan ini menepati dapatan kajian Ludke, Ferreira dan Overy

(2014) yang menunjukkan bahawa kelancaran murid dalam pertuturan dapat ditingkatkan melalui pengintegrasian kaedah nyanyian dalam PdPc.

6.0 KESIMPULAN, CADANGAN DAN IMPLIKASI

Sebagai kesimpulannya, kaedah nyanyian adalah berkesan terhadap penguasaan puisi klasik Bahasa Cina murid Tahun 3 dari segi kemahiran menghafal dan kelancaran mendeklamasi puisi klasik. Berdasarkan dapatan kajian bagi soalan kajian 1, ia menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan dalam kemahiran menghafal puisi klasik Bahasa Cina dalam kalangan murid yang menggunakan kaedah nyanyian ($t = -9.97$, $df = 31$, $p < .05$). Dapatan ini menepati dapatan Nur Farhanah Mohd Amin (2011) yang menunjukkan bahawa penggunaan kaedah nyanyian berjaya memudahkan murid untuk mengingati sesuatu fakta.

Seterusnya, dapatan kajian bagi soalan kajian 2 juga menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan dalam kelancaran mendeklamasi puisi klasik Bahasa Cina dalam kalangan murid yang menggunakan kaedah nyanyian ($t = -11.28$, $df = 31$, $p < .05$). Dapatan ini menepati dapatan kajian Romero, Bernal dan Olivares (2012) yang menunjukkan bahawa penggunaan kaedah nyanyian dapat meningkatkan kemahiran lisan dan membantu murid untuk bertutur dengan lancar. Tambahan pula, dapatan kedua-dua buah puisi klasik tambahan telah membuktikan sekali lagi bahawa kaedah nyanyian memberi impak positif dalam membantu murid untuk menguasai puisi klasik Bahasa Cina. Pendek kata, kombinasi muzik iaitu nyanyian dengan puisi klasik berjaya meninggalkan kesan yang mendalam dalam memori murid serta meningkatkan kelancaran dalam pertuturan sejajar dengan kenyataan Zhang dan Chen (2014).

Sebagai cadangan kajian lanjutan, pengkaji mencadangkan supaya reka bentuk kuasi eksperimental yang merangkumi kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan digunakan agar dapatan kajian yang diperolehi tepat tanpa dijejaskan oleh sebarang ancaman. Selain itu, oleh sebab bukan semua orang mempunyai kemahiran dalam mencipta lagu, maka pengkaji mencadangkan penyelidik agar menggunakan lagu kanak-kanak sedia ada, tetapi mengubah liriknya kepada isi pelajaran untuk dinyanyikan. Sementara itu, pengkaji juga mencadangkan agar kaedah nyanyian dan pergerakan fizikal (nyanyian kinestetik) digunakan dalam PdPc kerana pergerakan dapat mempengaruhi otak supaya menjadi lebih aktif (Yeo, 2016).

Akhir kata, kajian ini telah membawa implikasi kepada pihak Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM), guru dan murid. Bagi pihak IPGM, disarankan agar kursus Seni dalam Pendidikan didedahkan kepada siswa guru secara teoritikal dan praktikal agar siswa guru mengetahui cara untuk mengintegrasikan kaedah nyanyian dalam PdPc. Selain itu, guru bukan sahaja boleh mengaplikasikan kaedah nyanyian dalam pengajaran puisi klasik, malah juga boleh menggunakannya dalam PdPc untuk membantu murid dalam pembelajaran bahasa seperti penguasaan kosa kata serta kelancaran membaca, bertutur ataupun menulis. Bagi murid pula, mereka lebih berminat dan mudah menguasai puisi klasik dari segi kemahiran menghafal dan kelancaran mendeklamasi puisi klasik melalui kaedah nyanyian. Murid boleh menggunakan kaedah nyanyian dalam topik-topik yang sukar diingati semasa pembelajaran sendiri. Melalui cara belajar sambil menyanyi, murid dapat belajar dalam keadaan yang menyenangkan serta dapat menguasai sesuatu topik dengan lebih mudah.

RUJUKAN

- Aritonang, K.T. (2008). Minat dan motivasi dalam meningkatkan hasil belajar siswa. *Jurnal Pendidikan Penabur*, 10(6), 11-21.
- Bahagian Pembangunan Kurikulum. (2012). *Dokumen standard kurikulum dan pentaksiran Bahasa Cina*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Bahagian Pembangunan Kurikulum. (2016). *Buku penerangan kurikulum standard sekolah rendah*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Good, A. (2011). *The efficacy of singing in foreign-language learning*. Ontario: Ryerson University.
- Kamarudin Husin. (2010). *Psikologi pembelajaran*. Cheras: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.

- Liew, F. Y. (2010). *Kajian metafora dalam puisi tradisional Bahasa Cina*. Kuala Lumpur: Fakulti Bahasa Dan Linguistik Universiti Malaya.
- Ludke, K. M., Ferreira, F., & Overy, K. (2014). Singing can facilitate foreign language learning. *Memory and Cognition*, 42(1), 41-52.
- Miller, A. (2017). *The effects of music on short-term and long-term memory*. University of Iowa.
- Molina, M., & Briesmaster, M. (2017). The use of the 3/2/1 technique to foster pupils' speaking fluency. *Inquiry in education*, 9(2).
- Muhammad Syafiq Norazami. (2013). *Keberkesanan penggunaan teknik nyanyian dalam meningkatkan ingatan dan kefahaman murid dalam tajuk mengenal nama komponen, simbol, dan fungsi dalam elektrik dan elektronik Tahun 5*. Negeri Sembilan: Institut Pendidikan Guru Kampus Pendidikan Teknik.
- Nur Farhanah Mohd Amin. (2011). *Keberkesanan kaedah nyanyian dalam meningkatkan ingatan murid Tahun 5 bagi tajuk 'Kitaran Air'*. Kuala Terengganu: Institut Pendidikan Guru Kampus Dato' Razali Ismail.
- Pravina Manoharan. (2007). *HBMS2103 Pengajaran muzik*. Seri Kembangan: Meteor Doc. Sdn. Bhd.
- Rini Lestari. (2012). Nyanyian sebagai metode pendidikan karakter pada anak. *Prosiding Seminar Nasional Psikologi Islami*, (pp. 131-136). Surakarta.
- Romero, M. D., Bernal, L. T., & Olivares, M. C. (2012, April). Using songs to encourage sixth graders to develop English speaking skills. 14(1), 11-28.
- Yeo, X. Y. (2016). *Integrasi muzik dan pergerakan dalam pengajaran dan pembelajaran Matematik (Operasi Nombor) terhadap murid-murid Tahun Satu*. Tanjung Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Zhang, H., & Chen, Z. Y. (2014). *Chinese through song*. United States of America: University of New York Press.
- Zhang, J. X. (2016, December 21). *Cara-cara yang berkesan untuk menghafal dan mendeklamasi puisi klasik Bahasa Cina sekolah rendah*. Retrieved from <https://www.lunwendata.com/thesis/2016/90306.html>

G8.6
Pendidikan Jasmani



FAKTOR YANG MENGHALANG PENGLIBATAN SISWA GURU WANITA SEMESTER LIMA INSTITUT PENDIDIKAN GURU KAMPUS ILMU KHAS DALAM AKTIVITI SUKAN

AFIFI AZALY BIN MUSTAPA
Jabatan Sains Sukan

Pensyarah Pembimbing
EN. JALALUDDIN BIN ABD. LATIF

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk meninjau faktor-faktor yang menghalang penglibatan siswa guru wanita semester lima Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas (IPGKIK), Kuala Lumpur dalam aktiviti sukan di masa senggang. Antara faktor-faktor yang ditinjau menjadi sebagai penghalang ialah faktor struktur, faktor intrapersonal dan interpersonal dalam kalangan siswa guru wanita. Kajian berbentuk tinjauan deskriptif ini menggunakan set soal selidik skala likert lima mata. Kajian ini telah melibatkan seramai 59 responden yang terdiri daripada siswa guru wanita kumpulan PISMP semester lima di IPGKIK. Dapatan kajian menunjukkan ketiga-tiga faktor iaitu faktor struktur, interpersonal dan intrapersonal menyumbang secara sederhana kepada faktor-faktor yang menghalang penglibatan pelajar dalam aktiviti sukan di masa senggang. Antara ketiga-tiga faktor tersebut, didapati faktor struktur dan faktor intrapersonal merupakan faktor penyumbang tertinggi berbanding faktor penghalang interpersonal. Hasil dapatan kajian juga mendapati bahawa terdapat perbezaan yang signifikan antara faktor struktur dengan status perkahwinan dan faktor intrapersonal.

Kata Kunci: Faktor penghalang, siswa wanita, aktiviti sukan

ABSTRACT

This study aims to survey the factors that prevent the involvement of semester 5 female student teachers in Specialist Teacher Training Institute (IPGKIK) towards leisure activities. This study intends to look factors that prevent their involvement in leisure activities in terms of structural factors, intrapersonal factors and interpersonal factors. The survey was conducted using a set of questionnaire to collect data. A total of 59 respondents consisted of semester 5 female student teachers from IPGKIK. Analysis showed that structural, interpersonal and intrapersonal factors contributing moderately towards their participation in leisure activities. Among these three factors, structural and intrapersonal factors were the highest contributing factors while the interpersonal factors was. The findings show that there is a significant difference in the mean score of structural factor and the intrapersonal factor towards the marital status.

Keywords: Female student teachers, leisure activities

Emel: afifizaly96@gmail.com

1.0 PENGENALAN

Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang menjadi tonggak kekuatan sistem pendidikan negara bermatlamat untuk melahirkan generasi yang seimbang dari segi Jasmani, Emosi, Rohani, Intelek dan Sosial (JERIS). Semua pihak institusi pendidikan bertanggungjawab untuk merealisasikan hasrat tersebut dengan menitikberatkan bidang akademik mahupun bidang sukan dalam kalangan generasi muda. Aktiviti sukan bukan sahaja wadah untuk mengasah bakat, pembinaan sahsiah dan meningkatkan kesihatan fizikal malah sukan dapat membentuk masyarakat yang bersatu padu, aman dan sejahtera. Menurut Teng (2001), kegiatan sukan merupakan daya penggerak yang boleh merangsang proses pembelajaran dalam kalangan pelajar institut pengajian tinggi. Menurut Mohd Sofian, Aminuddin dan Borhan (2002) sukan merupakan suatu pelengkap kepada kehendak dan keperluan kurikulum yang menyediakan pelbagai peluang kepada siswa guru untuk menambah, mengukur dan mengamalkan kemahiran, pengetahuan dan nilai-nilai yang telah disiswa guru semasa pembelajaran di bilik darjah juga dalam kehidupan seharian.

2.0 PERNYATAAN MASALAH

Majoriti siswa guru wanita Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas (IPGKIK) didapati tidak melibatkan diri secara aktif dalam aktiviti sukan pada waktu senggang. Menurut Teo dan rakan-rakan (2014) kehadiran semasa kejohanan sukantara juga adalah tidak mencapai 100 peratus sedangkan sukantara tahunan merupakan acara yang wajib untuk semua dan acara tersebut telah dijalankan pada luar jadual waktu kuliah. Kajian-kajian lampau hanya tertumpu kepada siswa guru lelaki dan perempuan. Oleh itu, pengkaji akan mengupas lebih lanjut faktor utama yang menghalang penglibatan siswa guru wanita IPGKIK semester 5 dalam aktiviti sukan pada waktu senggang.

3.0 OBJEKTIF DAN SOALAN KAJIAN

3.1 OBJEKTIF KAJIAN

- i. Mengenal pasti faktor-faktor yang menghalang penglibatan siswa guru wanita IPGKIK semester 5 dalam kegiatan sukan di waktu senggang.
- ii. Mengenal pasti perbezaan faktor penghalang struktur penglibatan siswa guru wanita semester 5 IPGKIK dalam sukan diantara siswa guru yang menginap di asrama dan di luar asrama.
- iii. Mengenal pasti perbezaan faktor penghalang interpersonal penglibatan siswa guru wanita semester 5 IPGKIK dalam sukan diantara siswa guru yang menginap di asrama dan di luar asrama.
- iv. Mengenal pasti perbezaan faktor penghalang intrapersonal penglibatan siswa guru wanita semester 5 IPGKIK dalam sukan diantara siswa guru yang menginap di asrama dan di luar asrama.

3.2 SOALAN KAJIAN

- i. Apakah faktor-faktor yang menghalang penglibatan siswa guru wanita IPGKIK semester 5 dalam kegiatan sukan di waktu senggang?
- ii. Adakah terdapat perbezaan faktor penghalang struktur penglibatan siswa guru wanita semester 5 IPGKIK dalam sukan diantara siswa guru yang menginap di asrama dan di luar asrama?
- iii. Adakah terdapat perbezaan faktor penghalang interpersonal penglibatan siswa guru wanita semester 5 IPGKIK dalam sukan diantara siswa guru yang menginap di asrama dan di luar asrama?
- iv. Adakah terdapat perbezaan faktor penghalang intrapersonal penglibatan siswa guru wanita semester 5 IPGKIK dalam sukan diantara siswa guru yang menginap di asrama dan di luar asrama?

4.0 METODOLOGI, PERSAMPELAN, INSTRUMEN KAJIAN, ANALISIS DATA

4.1 METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif yang berbentuk deskriptif dan inferensi secara tinjauan yang menggunakan borang soal selidik untuk mengumpulkan maklumat dan data.

4.2 PERSAMPELAN

Sampel kajian terdiri daripada 59 orang siswa guru wanita semester 5 Program Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (PISMP) ambilan Jun 2015 IPGKIK.

4.3 INSTRUMEN KAJIAN

Borang soal selidik yang digunakan telah diadaptasi daripada borang soal selidik yang dibentuk oleh Raymore, Godbey, Crawford dan Von Eye (1993). Borang soal selidik tersebut terdiri daripada 2 bahagian iaitu bahagian A (Maklumat demografi) dan bahagian B (Faktor penghalang dalam sukan).

4.4 ANALISIS DATA

Data-data yang diperolehi dianalisis menggunakan statistik deskriptif dan statistik inferensi. Statistik diskriptif merangkumi kekerapan, peratusan, min dan sisihan piawai bagi menjelaskan demografi responden dan semua dapatan bagi setiap pemboleh ubah yang dikaji. Manakala, statistik inferensi menggunakan analisis ujian t bagi melihat perbezaan.

5.0 DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Analisis min dan Sisihan Piawai Faktor Penghalang Penglibatan Siswa Guru Wanita Semester 5 IPGKIK dalam Kegiatan Sukan di waktu Senggang.

| Faktor penghalang | Min | Sisihan piawai |
|-------------------|------|----------------|
| Struktur | 2.54 | 0.91 |
| Interpersonal | 2.42 | 0.82 |
| Intrapersonal | 2.54 | 0.82 |
| Nilai keseluruhan | 2.51 | 0.70 |

Dapatan menunjukkan bahawa ketiga-tiga faktor berada pada tahap sederhana dengan menunjukkan nilai min sebanyak 2.51. Melalui dapatan tersebut, faktor penghalang faktor penghalang struktur dan Intrapersonal menunjukkan nilai min paling tinggi iaitu sebanyak 2.54. Seterusnya, faktor penghalang interpersonal menunjukkan nilai min sebanyak 2.42. Dapatan ini selari dengan dapatan kajian yang telah dilakukan oleh Wan Azlan Wan Ismail (2015) menunjukkan bahawa faktor utama yang menjadi penghalang penglibatan pelajar sekolah menengah dalam aktiviti Pendidikan Jasmani di sekolah adalah struktur.

Analisis Perbandingan Skor min Faktor Penghalang Antara Siswa Guru yang Menetap di Asrama dan Siswa Guru yang menetap di luar

| Faktor penghalang | Tempat tinggal | Bil | Min | SD | t | df | p |
|-------------------|----------------|-----|-------|-------|-------|----|-------|
| struktur | Asrama | 35 | 2.535 | 0.897 | -.005 | 57 | 0.369 |
| | Luar | 24 | 2.536 | 0.708 | | | |
| Intrapersonal | Asrama | 35 | 2.535 | 0.897 | -.005 | 57 | 0.369 |
| | Luar | 24 | 2.536 | 0.708 | | | |
| Interpersonal | Asrama | 35 | 2.400 | 0.906 | -.217 | 57 | 0.142 |
| | Luar | 24 | 2.448 | 0.707 | | | |

Analisis ujian t tidak bersandar digunakan bagi membandingkan skor min faktor penghalang yang mempengaruhi penglibatan siswa guru wanita semester 5 dalam kegiatan sukan antara siswa guru yang menetap di asrama dan siswa guru yang menetap di luar. Ujian menunjukkan nilai $t(57) = -1.168$, $p = 0.467$ adalah tidak signifikan. Keputusan menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan skor min faktor penghalang struktur terhadap penglibatan siswa guru wanita dalam sukan yang signifikan antara siswa guru yang menetap di asrama ($M=2.429$, $SD=0.952$) dan siswa guru yang menetap di luar ($M=2.708$, $SD=0.826$). Keputusan menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan skor min faktor penghalang Intrapersonal terhadap penglibatan siswa guru wanita dalam sukan yang signifikan dengan nilai $t(57) = -.005$, $p = 0.369$ antara siswa guru yang menetap di asrama ($M=2.535$, $SD=0.897$), dan siswa guru yang menetap di luar ($M=2.536$, $SD=0.708$). Ujian faktor penghalang interpersonal menunjukkan nilai $t(57) = -.217$, $p = 0.142$ adalah tidak signifikan. Dapatan ini adalah selaras dengan dapatan kajian Mohd Jaflus (2002) yang menyatakan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara faktor penghalang pelajar dengan penginapan.

6.0 KESIMPULAN, CADANGAN DAN IMPLIKASI

Hasil kajian mendapati bahawa terdapat 3 faktor yang menghalang siswa guru wanita semester 5 IPGKIK untuk melakukan aktiviti sukan di waktu senggang. Faktor utama tersebut ialah struktur. Dapatan juga menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara faktor penghalang dengan penginapan.

Kajian ini dapat membantu guru, pihak institusi, Unit Kokurikulum IPG dan agensi yang berkaitan dalam merancang program sukan di IPG. Kajian ini juga dapat meningkatkan lagi penyertaan siswa guru wanita dan kualiti program sukan di institusi agar lebih teratur dan efisien. Dapatan kajian ini diharap dapat membantu menggalakkan penglibatan siswa guru wanita dalam kegiatan sukan seterusnya masyarakat akan lebih perihatin terhadap kepentingan sukan demi masa depan murid.

Pengkaji mencadangkan kepada pengkaji akan datang yang berminat agar membuat analisis secara kualitatif. Sehubungan itu, kajian-kajian masa hadapan seharusnya melibatkan pelajar-pelajar daripada pelbagai latar belakang dan kategori pengajian tinggi. Selain itu, kajian yang berbentuk jangka panjang adalah relevan supaya dapat menentukan kestabilan peramal-peramal aktiviti fizikal dan sukan dengan merentasi masa.

RUJUKAN

- Crawford, D. & Godbey, G. (1987). Reconceptualizing barriers to family recreation. *Leisure Sciences*, 9 (3), 119-127
- Mohd Jaflus Bahari. (2008). Faktor-faktor yang menghalang penglibatan pelajar dalam kegiatan kokurikulum sukan di kalangan pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Daerah Seremban. Tesis yang tidak diterbitkan. Maktab Perguruan Islam.
- Mohd Sofian Omar Fauzee, Aminuddin Yusof, Borhan Yusof. (2002). Kokurikulum, peranan dan implikasi. Kuala Lumpur: Sanon Printing.
- Teng Boon Tong. (2001). Pendidikan Jasmani dan Pendidikan Kesihatan. Selangor Darul Ehsan: Penerbit Logman.
- Teo, Kian Joo, Abdul Mutalip Abd Ghani, Mohd Sohami, Salmawati, Hasnah & Mohd Dahlan (2014). Faktor-faktor yang menghalang penglibatan pelajar Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas dalam kegiatan sukan di waktu senggan. *Jurnal Pendidikan*, 31, 120-132.
- Wan Azlan, W., & Tajul Arifin, M. (2015). Hubungan Faktor Penghalang Terhadap Penglibatan Pelajar Dalam Pendidikan Jasmani Di Sekolah Menengah, 22-29.

MENINJAU TAHAP PENGUASAAN GURU DALAM MENGGUNAKAN BAHAN MEDIA PENGAJARAN MUDAH ALIH DALAM PENGAJARAN PENDIDIKAN KESIHATAN

AINA KASMUNI BINTI MOHD JAHUDI
Jabatan Sains Sukan

Pensyarah Pembimbing
PN. JAMALIYAH BINTI AHMAD

ABSTRAK

Kajian ini dijalankan untuk meninjau Tahap Penguasaan Guru dalam Menggunakan Bahan Media Pengajaran Mudah Alih dalam Pengajaran Pendidikan Kesihatan. Kajian ini menumpukan kepada tahap kesediaan guru yang mengajar mata pelajaran Pendidikan Kesihatan dari aspek pengetahuan, sikap, motivasi dan kesedaran minat terhadap pelaksanaan strategi pembelajaran yang melibatkan ICT dalam sesi pembelajaran dan pengajaran mata pelajaran Pendidikan Kesihatan. Seramai 68 orang responden yang terdiri daripada guru yang mengajar di sekolah rendah sekitar daerah Selangor telah menjawab borang soal selidik. Kesimpulan, dari aspek pengetahuan terhadap pengajaran mudah alih, guru belum menguasai sepenuhnya mengenai pengajaran Pendidikan Kesihatan menggunakan mudah alih ini. Oleh yang demikian sokongan daripada pihak bertanggungjawab perlu bagi memastikan kelancaran penggunaan kemudahan jalur lebar yang senang diakses serta kos pembiayaan yang berpatutan.

Kata Kunci: Tahap penguasaan guru, bahan media Pengajaran Mudah Alih, pengajaran Pendidikan Kesihatan.

ABSTRACT

This study was conducted to examine the Teacher's Level of Mastery in Using Mobile Teaching Materials in the Health Education Teaching. This study focuses on the level of readiness of teachers teaching the Health Education subjects in terms of knowledge, attitudes, motivation and awareness of interest in the implementation of learning strategies that involve ICT in the learning session and teaching of Health Education subjects. A total of 68 respondents comprising teachers in primary schools around the district of Selangor have answered questionnaires. Conclusion, from the aspect of knowledge to mobile teaching, the teacher has not fully mastered the teaching of Health Education using this mobile. Hence, the support from the responsible party is necessary to ensure the smooth access of broadband access and affordable financing costs.

Keywords: Teachers' mastery level, Mobile Teaching materials, Health Education teaching

Emel: kasmuni15@gmail.com

1.0_PENGENALAN

Penggunaan pembelajaran mudah alih dalam dunia pendidikan bukanlah suatu perkara yang baru, malah Model pengaplikasi strategi pembelajaran mudah alih ini telah bermula sejak 10 tahun yang lalu (Sharples, 2009). Hal ini sejajar dengan pengaplikasian strategi PMA dan senada dengan sahtutan cabaran keenam Wawasan 2020 iaitu mewujudkan masyarakat yang saintifik dan progresif, mempunyai daya perubahan tinggi dan menjadi pengguna teknologi serta penyumbang kepada tamadun saintifik dan teknologi masa depan (Zurina, 1994).

Sokongan daripada pihak kerajaan serta peningkatan pemilikan alatan mudah alih dalam kalangan rakyat Malaysia menunjukkan bermulanya era bagi permulaan PMA dalam pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc) khususnya dalam mata pelajaran Pendidikan Kesihatan yang melibatkan aspek fizikal, aspek mental, aspek emosi, aspek sosial dan aspek rohani. Malah unsur multimedia yang diserap ke dalam PMA juga menjadi daya tarikan untuk murid mengikuti PdPc Pendidikan Kesihatan yang memerlukan pengetahuan yang lebih luas tanpa menggunakan ruangan fizikal sebagai syarat untuk berlakunya proses PdPc. Dengan adanya peranti mudah alih yang dihubungkan tanpa wayar telah menjadikan bahan media mata pelajaran Pendidikan Kesihatan yang berunsurkan inovatif, kreatif dan sistematik.

2.0 PERNYATAAN MASALAH

Perkembangan dunia digital pada hari ini membolehkan guru menggunakan teknologi mudah alih sebagai bahan media pengajaran yang dikenali sebagai pembelajaran mudah alih. Persoalan yang timbul adalah berkaitan tahap kesediaan guru untuk mengaplikasi strategi PMA dalam pengajaran Pendidikan Kesihatan.

3.0 OBJEKTIF DAN SOALAN KAJIAN

3.1 OBJEKTIF KAJIAN

- i. Menenal pasti tahap kesediaan guru Pendidikan Kesihatan dari segi pengetahuan penggunaan kemudahan teknologi ICT untuk penggunaan alatan mudah alih dalam pengajaran mata pelajaran Pendidikan Kesihatan.
- ii. Menenal pasti tahap kesediaan guru Pendidikan Kesihatan dari segi kesedaran minat terhadap pelaksanaan strategi pembelajaran mudah alih dalam pengajaran Pendidikan Kesihatan.
- iii. Menenal pasti tahap kesediaan guru Pendidikan Kesihatan dari segi sikap dan motivasi terhadap pelaksanaan strategi pembelajaran melibatkan ICT dalam pembelajaran dan pengajaran Pendidikan Kesihatan.

3.2 SOALAN KAJIAN

- i. Apakah tahap kesediaan guru Pendidikan Kesihatan dari segi pengetahuan penggunaan kemudahan teknologi ICT untuk penggunaan alatan mudah alih dalam pengajaran Pendidikan Kesihatan?
- ii. Apakah tahap kesediaan guru Pendidikan Kesihatan dari segi kesedaran minat terhadap pelaksanaan strategi pembelajaran mudah alih dalam pengajaran Pendidikan Kesihatan?
- iii. Apakah tahap kesediaan guru Pendidikan Kesihatan dari segi sikap dan motivasi terhadap pelaksanaan strategi pembelajaran melibatkan ICT dalam pembelajaran dan pengajaran Pendidikan Kesihatan?

4.0 METADOLOGI, SAMPEL, INSTRUMEN, ANALISIS DATA

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif yang berbentuk deskriptif dan inferensi secara tinjauan yang menggunakan borang soal selidik untuk mengumpulkan maklumat dan data.

4.1 SAMPEL KAJIAN

Sampel kajian tertumpu kepada 68 orang guru yang mengajar mata pelajaran Pendidikan Kesihatan sekolah rendah di sekitar daerah Selangor.

4.2 INSTRUMEN KAJIAN

Kajian ini menggunakan kaedah soal selidik sebagai alat untuk mengumpulkan data atau maklumat. Dalam kajian ini penyelidik telah menggunakan soal selidik yang terbahagi kepada 5 bahagian iaitu, Bahagian A; demografi, Bahagian B; Kesediaan aspek teknologi, Bahagian C; Kesedaran sikap dan motivasi menggunakan teknologi dalam pengajaran dan pembelajaran, Bahagian D; Kesedaran minat terhadap pembelajaran mudah alih. Item soal selidik ini diadaptasikan. Teaching via Mobile Phone: a Case Study on Malaysian Teachers' Technology acceptance and Readiness oleh I.Ismail (2013).

4.3 ANALISIS DATA

Kaedah analisis statistik deskriptif dan inferensi telah dijalankan dengan menggunakan data-data yang diperolehi. Analisis data ini kemudiannya menggunakan peratus dan min. Skor min diintegrasikan berdasarkan Pallant (2007).

5.0 DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Jadual 1

Tahap Kesediaan Guru Pendidikan Jasmani dari Segi Pengetahuan Penggunaan Kemudahan Teknologi ICT dalam Penggunaan Alatan Mudah Alih untuk Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Kesihatan

| Kemahiran | Min | Tahap |
|---|------|------------------|
| Melanggan rangkaian internet | 4.20 | tinggi |
| Menggunakan kemudahan wifi | 4.01 | tinggi |
| Menerima dan menghantar email menerusi telefon | 4.02 | tinggi |
| Kongsi rangkaian internet antara telefon dan komputermenggunakan blutotth | 3.63 | Sederhana tinggi |
| Baca berita dan rencana melalui telefon | 4.14 | tinggi |
| Membaca maklumat dalam telefon dengan 3G | 4.25 | tinggi |

Hasil dapatan kajian bagi jadual 5 adalah menjawab kepada persoalan kajian yang pertama iaitu tahap kesediaan guru Pendidikan Kesihatan dari segi pengetahuan penggunaan kemudahan teknologi ICT untuk penggunaan alatan mudah alih dalam pengajaran Pendidikan Kesihatan. Dapatan ini menunjukkan kesemua kemahiran mempunyai min pada tahap yang berbeza-beza sederhana tinggi dan tinggi. Hal ini kerana, min yang didapati berada pada 2.34-3.67 pada tahap sederhana tinggi dan 3.68-5.00 pada tahap tinggi seperti yang dinyatakan oleh Pallant (2007). Kajian Sharifah Nor & Kamarul Azman (2011) yang mendapati penggunaan ICT dalam kalangan guru juga sederhana. Selain itu, dapatan ini menunjukkan bahawa guru-guru bergerak seiring dengan perkembangan semasa seperti mana dapatan kajian Siti Ezaleila dan Azizah (2011) dan kajian Shairil Izwan dan Hasnah (2013) yang melihat penerimaan teknologi mudah alih dalam rutin harian. Berdasarkan dapatan ini dapat disimpulkan bahawa kesedaran guru dalam penggunaan teknologi ICT dalam amalan seharian adalah tidak berada pada tahap yang rendah. Keadaan ini menunjukkan bahawa guru-guru telah bersedia untuk menggunakan PMA sebagai bahan media pengajaran mereka.

Jadual 2

Kesediaan Guru Pendidikan Kesihatan dari Segi Kesedaran Minat terhadap Pelaksanaan Strategi Pembelajaran Mudah Alih dalam Pengajaran Pendidikan Kesihatan.

| Kemahiran | Min | Tahap |
|--|------|--------|
| Menyokong penggunaan ICT dalam PdPc | 4.26 | tinggi |
| Yakin akan penggunaan ICT | 4.19 | tinggi |
| Seronok mengajar menggunakan ICT | 4.02 | tinggi |
| Suka menggunakan ICT berbanding bahan bantu mengajar yang lain | 4.10 | tinggi |
| Lebih bermotivasi untuk mengajar dengan menggunakan ICT | 4.11 | tinggi |

Dapatan bagi jadual 2 adalah untuk menjawab persoalan kajian yang kedua iaitu meninjau tahap kesediaan guru Pendidikan Kesihatan dari segi kesedaran minat terhadap pelaksanaan strategi pembelajaran mudah alih dalam pengajaran Pendidikan Kesihatan dan dapatan mendapati kesemua min berada pada tahap yang tinggi. Dapatan ini juga selari dengan kajian Ummu Salma dan Fariza (2014) telah membuat kajian tentang tahap pengetahuan guru sekolah rendah dalam penggunaan VLE Frog untuk PdPc. Dapatan kajian menunjukkan terdapat peningkatan pengetahuan guru dan kefahaman guru terhadap penggunaan aplikasi VLE Frog melalui kajian tindakan yang dijalankan berdasarkan pemerhatian dan soal selidik dilakukan oleh penyelidik.

Jadual 3

Kesediaan Guru Pendidikan Kesihatan dari Segi Sikap dan Motivasi terhadap Pelaksanaan Strategi Pembelajaran Mudah Alih dalam Pengajaran Pendidikan Kesihatan

| Kemahiran | Min | Tahap |
|---|------|-----------------|
| Tidak mahu terlibat dengan PMA | 1.20 | rendah |
| Sanggup bayar lebih untuk PMA | 3.57 | sedehana tinggi |
| Tidak bersedia guna PMA jika tidak beri pendedahan yang betul | 3.48 | sedehana tinggi |
| Meneroka maklumat mengenai PMA | 4.82 | tinggi |
| PMA sangat berguna kepada PdPc | 4.16 | tinggi |

Dapatan kajian dari jadual 7 adalah untuk menjawab persoalan kajian ketiga iaitu kesediaan guru Pendidikan Kesihatan dari segi sikap dan motivasi terhadap pelaksanaan strategi pembelajaran mudah alih dalam pengajaran Pendidikan Kesihatan berada pada tahap yang berbeza-beza iaitu rendah, sederhana tinggi dan tinggi. Kajian Uzonboylu dan Ozdamli (2011) menyatakan kejayaan mengintegrasikan PMA dalam pendidikan menuntut persepsi guru terhadap teknologi. Berdasarkan kajian ini menunjukkan persepsi guru melepasi tahap pertengahan terhadap PMA. Keadaan ini juga selari dengan dapatan Mahat (2012) menyatakan PMA menjadi paradigma baharu dalam pendidikan dan mula mendapat tempat terutama dalam pendidikan tinggi di Malaysia dan dapatan menunjukkan responden yang terdiri dari guru pelatih mempunyai inovasi personal dan kesediaan yang tinggi terhadap PMA.

6.0 KESIMPULAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN

Penggunaan peranti mudah alih ini menarik minat pelajar untuk mempelajari Pendidikan Kesihatan seiring dengan perkembangan teknologi semasa. Dengan penggunaan peranti mudah alih dalam pengajaran Pendidikan Kesihatan secara tidak langsung akan mengurangkan jurang digital dalam kalangan pelajar. Hal ini disokong oleh ciri-ciri yang ada pada PMA merupakan keselarian mengikut Kon Pengalaman Pembelajaran Dale dalam pemilihan bahan pengajaran media.

Selain itu juga, kesediaan guru menggunakan PMA dalam pengajaran Pendidikan Kesihatan juga akan menarik minat pelajar untuk mempelajari subjek Pendidikan Kesihatan. Hal ini kerana, penggunaan strategi PMA ini bergerak seiring dengan perkembangan semasa yang akan membawa kepada minat pelajar yang sememangnya telah ada kemahiran literasi penggunaan peranti mudah alih dan mengetahui fungsi yang ada pada peranti mudah alih dengan gabungan unsur multimedia, audio dan video menjadikan ia sesuai untuk pembelajaran bahasa dan ini menarik perhatian mereka. Fungsi alatan mudah alih itu sendiri yang membolehkan pelajar mengulangi dan mengingat tentang isi kandungan pelajaran selari dengan sifat pembelajaran bahasa yang memerlukan pengulangan untuk mencapai sesuatu kemahiran atau objektif. Di samping itu, dengan adanya PMA ini boleh mengatasi masalah buta huruf dan kanak-kanak yang sering sakit atau berada di hospital juga boleh mengikuti pembelajaran ini seperti kanak-kanak yang lain. PMA boleh dijadikan bahan pengajaran kepada kanak-kanak yang belajar di Sekolah Dalam Hospital.

Dicadangkan supaya kajian yang dilakukan pada masa akan datang dilaksanakan secara kualitatif dan beberapa item boleh dilakukan secara temu bual atau respon terbuka untuk mendapatkan maklumat yang terperinci tentang tahap kesediaan guru Pendidikan Kesihatan menggunakan strategi PMA dalam pengajaran dan faktor-faktor yang mempengaruhinya. Selain itu, kajian ini juga dicadangkan dilaksanakan ke atas guru-guru Pendidikan Kesihatan di sekolah-sekolah di sekitar daerah luar bandar dan juga guru-guru pelatih Pendidikan Kesihatan yang sedang berada dalam pra perkhidmatan di IPG, IPTA dan IPTS bagi mendapatkan data tentang tahap kesediaan guru Pendidikan Kesihatan. Di samping itu, kajian seperti korelasi juga boleh dilaksanakan bagi mengukur hubungan diantara tahap kesediaan guru Pendidikan Kesihatan dengan pencapaian pelajar dalam mata pelajaran Pendidikan Kesihatan. Kajian korelasi ini dapat menilai kekuatan hubungan yang wujud di antara kedua-dua pemboleh ubah ini.

Pengkaji mencadangkan kajian pada masa akan datang akan mengukur lebih banyak pemboleh ubah seperti jantina dan demografi menggunakan statistik inferens ANOVA ataupun ujian t. Di samping itu, penambahbaikan juga boleh dilakukan untuk kajian pada masa akan datang dengan menggunakan kaedah analisis MANOVA. Penggunaan kaedah ini membolehkan data dianalisis terhadap kesan ketiga-tiga pemboleh ubah yang dicadangkan iaitu jantina guru Pendidikan Kesihatan, pengalaman mengajar dan lokasi sekolah yang diajar terhadap kesediaan dalam kalangan guru Pendidikan Kesihatan dapat dilihat secara terperinci. Hal ini kerana, kaedah analisis tersebut akan memberi maklumat tambahan tentang interaksi antara pemboleh ubah yang boleh mempengaruhi tahap kesediaan guru Pendidikan Kesihatan terhadap penggunaan strategi PMA dalam pengajaran Pendidikan Kesihatan.

RUJUKAN

- Ismail, I, Bokhare, S. F., Azizan, S. N., & Azman, N. (2013). Teaching via Mobile Phone: A Case Study on Malaysian Teachers' Technology Acceptance and Readiness. *Journal of Educators Online*, 10, 1-38.
- Mahat, J., Ayub, A. F. M., & Luan, S. (2012). An Assessment of Students' Mobile Self Efficacy, Readiness and Personal Innovativeness towards Mobile Learning in Higher Education in Malaysia. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, 64, 284-290.
- Pallant, J. (2007). *SPSS Survival Manual: A Step by Step Guide to data Analysis Using SPSS for Windows*, Open University Press.
- Shairil Izwan Taasim & Hasnah Ali, (2013) Penerimaan pengguna terhadap kaedah pembayaran elektronik. *Jurnal Ekonomi Malaysia*, 47(1), 3-12.
- Sharifah Nor Puteh & Kamarul Azman Abd Salam, (2011) Tahap Kesediaan Penggunaan ICT dalam Pengajaran dan Kesannya Terhadap Hasil Kerja dan Tingkah Laku Murid Pra Sekolah. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 36(1), 25-34.
- Sharples, M., Arnedillo-Sanchez, I, Milrad, M., & Vavoula, G (2009). Mobile learning: Small Devices, Big Issues. In *Technology-Enhanced Learning: Principles and Products* (pp. 233-249).
- Siti Ezaleila Mustafa dan Azizah Hamzah. (2011) Media Baharu Yang Baharu: Trend Penggunaan Jaringan Sosial Dalam Kalangan Pengguna di Malaysia. *Jurnal Pengajian Media Malaysia*. 13(2), 93-110.
- Ummu Salma Mohiddin & Fariza Khalid. (2014). *Tahap Pengetahuan Guru Sekolah Rendah Dalam Penggunaan VLE Frog Untuk Pengajaran dan Pembelajaran*. www.acamedia.com.
- Uzunboylu, H., & Ozdamli, F. (2011). Teacher Perception For M-Learning: Scale Development and Teachers' Perceptions. *Journal of Computer Assisted Learning*, 27, 544-556.
- Zurina Hassan. (1994). *Huraian 9 Cabaran Wawasan 2020*. Kuala Lumpur, Penerbit Warna.

**KEBOLEHPERCAYAAN DAN KESAHAN KONSTRUK INSTRUMEN MENGGELECEK DAN
INSTRUMEN HANTARAN DEKAT LERET SUKAN BOLA SEPAK
DALAM KALANGAN MURID 10 HINGGA 12 TAHUN**

ALIFF LUKMAN BIN TAWAM
Jabatan Sains Sukan

Pensyarah Pembimbing
Dr. Mohd Khamdani bin Sairi

ABSTRAK

Kajian ini merupakan satu tinjauan mengenai kebolehpercayaan dan kesahan konstruk instrumen menggelecek dan hantaran dekat leret sukan bola sepak dalam kalangan murid 10 hingga 12 tahun yang menggunakan teori "Items Response Theory" (IRT). Pendekatan kuantitatif telah diaplikasikan dalam menentukan kebolehpercayaan dan kesahan konstruk instrumen menggelecek dan hantaran dekat leret sukan bola sepak dalam kalangan murid 10 hingga 12 tahun. Kajian ini dijalankan dengan menggunakan instrumen Bahagian Sukan, Seni dan Kokurikulum Kementerian Pelajaran Malaysia (2008). Pengumpulan data telah dilaksanakan dengan menggunakan statistik deskriptif dan inferensi untuk mendapatkan peratusan, min, ujian t dan korelasi. Dapatan kajian menunjukkan terdapat kesahan konstruk instrumen menggelecek dan hantaran dekat leret sukan bola sepak dalam kalangan murid 10 hingga 12 tahun, manakala ujian korelasi mendapati kesemua faktor mempunyai hubungan korelasi yang signifikan terhadap kebolehpercayaan instrumen hantaran dekat leret dan instrumen menggelecek.

Kata Kunci: Kebolehpercayaan, kesahan konstruk, instrumen menggelecek

ABSTRACT

This study is a survey on the Reliability and construct validity instruments in dribbling and short pass in football game among 10-12 years old pupils. Items Response Theory" (IRT) was used in conducting the study. Quantitative methods applied in determining the reliability and construct of the instruments in short pass and dribbling in football games among 10 to 12 years old pupils. This study carried out using the instruments from Sports, Arts and Co-curriculum Division of the Ministry of Education (2008). Descriptive and inference statistical method was used to analyze the data to get the percentage, mean, t test and correlation. The findings showed that there are validation of construct instruments on short pass and dribbling in football games among 10 to 12 years old pupils. The correlation test showed that all factors had a significant correlation to the reliability of the short pass and dribbling instrument.

Keywords: Reliability, construct validity, instruments in dribbling and short pass

Emel: aliflukman96@gmail.com

1.0 PENGENALAN

Pengukuran dan penilaian menggunakan ujian yang tekal dan mengikut piawaian yang betul perlu dilakukan bagi memperolehi bakat yang betul-betul berpotensi dalam sukan bola sepak. Justeru itu, penyelidik melakukan kajian berkaitan kebolehpercayaan dan kesahan konstruk untuk menilai sejauh mana instrumen menggelecek dan instrumen hantaran dekat leret sukan bola sepak sah dan mengukur apa yang sepatutnya diukur dalam populasi berkaitan iaitu pemain-pemain dalam kalangan murid 10 hingga 12 tahun. Kebolehpercayaan merujuk kepada ketekalan skor yang diperolehi menggunakan instrumen tertentu. Menurut Hanna dan Dettmer (2004), ketekalan bermaksud apabila item yang sama diuji beberapa kali kepada subjek yang sama pada selang masa yang berlainan tetapi tetap memberi skor keputusan atau jawapan yang sama atau hampir sama. Manakala, kesahan konstruk merujuk kepada sesuatu ujian yang mengukur apa yang sepatutnya diukur. Menurut Sidek Mohd Noah (1999), kesahan konstruk ialah suatu alat ukuran yang merujuk sejauh mana alat itu menghasilkan gerak balas yang mewakili gagasan yang diukur.

2.0 PERNYATAAN MASALAH

Pada masa kini terdapat pelbagai jenis ujian kemahiran yang sering digunakan oleh jurulatih sama ada di peringkat sekolah, daerah ataupun negeri bagi memilih pemain bola sepak dengan menggunakan ujian yang tidak selaras atau mengikut piawaian yang betul. Menurut Hafiz Ismail dan Ahmad Hashim (2014), sistem pemilihan pemain bola sepak bagi mewakili negeri masih lagi menggunakan sistem yang lama iaitu dengan memilih berdasarkan prestasi semasa perlawanan di peringkat daerah, kemungkinan pemain yang baik tidak terpilih mungkin berlaku. Hal ini menyebabkan banyak pemain yang sepatutnya terpilih tetapi tidak terpilih dalam proses pemilihan. Seterusnya, secara tidak langsung boleh mematikan potensi dan bakat mereka yang berkecukupan. Selain itu, kajian ini juga dilakukan adalah untuk menentukan kebolehpercayaan dan kesahan konstruk instrumen ujian menggelecek dan hantaran dekat leret sukan bola sepak yang dikhususkan kepada pemain berumur 10 hingga 12 tahun. Menurut Ahmad Hashim (2015), sesuatu ujian itu hanya sah digunakan ke atas pelajar yang sama umur, jantina dan pengalaman.

3.0 OBJEKTIF DAN SOALAN KAJIAN

3.1 OBJEKTIF KAJIAN

- i. Menentukan kebolehpercayaan instrumen ujian menggelecek sukan bola sepak dalam kalangan murid 10 hingga 12 tahun.
- ii. Menentukan kebolehpercayaan instrumen ujian hantaran dekat leret sukan bola sepak dalam kalangan murid 10 hingga 12 tahun.
- iii. Menentukan kesahan konstruk instrumen ujian menggelecek sukan bola sepak dalam kalangan murid 10 hingga 12 tahun.
- iv. Menentukan kesahan konstruk instrumen ujian hantaran dekat leret sukan bola sepak dalam kalangan murid 10 hingga 12 tahun.

3.2 SOALAN KAJIAN

- i. Adakah terdapat kebolehpercayaan instrumen ujian menggelecek sukan bola sepak dalam kalangan murid 10 hingga 12 tahun?
- ii. Adakah terdapat kebolehpercayaan instrumen ujian hantaran dekat leret sukan bola sepak dalam kalangan murid 10 hingga 12 tahun?
- iii. Adakah terdapat kesahan konstruk instrumen penilaian ujian menggelecek sukan bola sepak dalam kalangan murid 10 hingga 12 tahun?
- iv. Adakah terdapat kesahan konstruk instrumen penilaian ujian hantaran dekat leret dalam sukan bola sepak kalangan murid 10 hingga 12 tahun

4.0 METODOLOGI, SAMPEL, INSTRUMEN KAJIAN

4.1 METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif yang berbentuk deskriptif dan inferensi secara tinjauan yang menggunakan instrumen menggelecek dan instrumen hantaran dekat leret untuk mengumpulkan maklumat dan data.

4.2 SAMPEL KAJIAN

Penyelidik menggunakan sampel kajian seramai 60 orang (Cohen, 1988) iaitu kumpulan pelajar ($n = 30$) yang pertama adalah terdiri daripada pemain elit manakala kumpulan pelajar ($n = 30$) kedua adalah terdiri daripada pemain bukan elit yang berumur 10 hingga 12 tahun dari Akademik Tunas Negara. Pemain elit dan bukan elit dipilih dan diasingkan berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada Ketua Jurulatih Akademik Tunas Negara.

4.3 INSTRUMEN KAJIAN

Penyelidik menggunakan instrumen menggelecek dan instrumen hantaran dekat leret sukan bola (Bahagian Sukan, Seni dan Kokurikulum Kementerian Pelajaran Malaysia, 2008). Nilai pekali kebolehpercayaan bagi instrumen hantaran dekat leret ialah $r = 0.91$ hingga $r = 0.97$ (Ahmad, et al., 2011), manakala untuk instrumen menggelecek nilai pekali kebolehpercayaan ialah $r = 0.90$ hingga $r = 0.96$ (Ahmad, et al., 2011)

5.0 DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Jadual 1

Nilai Pekali Kebolehpercayaan Instrumen Hantaran Dekat Leret Sukan Bola Sepak Berumur 10 hingga 12 Tahun.

| | | UJI1 hantaran | UJI2 hantaran |
|---------------|---------------------|---------------|---------------|
| UJI1 hantaran | Pearson Correlation | 1 | .833** |
| | Sig. (2-tailed) | | .000 |
| | N | 40 | 40 |
| UJI2 hantaran | Pearson Correlation | .833** | 1 |
| | Sig. (2-tailed) | .000 | |
| | N | 40 | 40 |

** . Correlation is significant at the 0.01 level (2-tailed).

Dapatan kajian menunjukkan bahawa instrumen hantaran dekat leret sukan bola sepak mempunyai nilai pekali kebolehpercayaan yang tinggi iaitu $r = 0.83$ terhadap sampel yang diuji iaitu sampel murid yang berumur 10 hingga 12 tahun. Penemuan kajian ini memperlihatkan keselarian dengan kajian-kajian terdahulu yang berkaitan iaitu Hafiz Ismail dan Ahmad Hashim (2014), menunjukkan instrumen hantaran dekat leret mempunyai nilai pekali korelasi yang tinggi dan sesuai digunakan dalam populasi yang di kaji.

Jadual 2

Nilai Pekali Kebolehpercayaan Instrumen Menggelecek Sukan Bola Sepak Berumur 10 hingga 12 Tahun.

| | | UJI1 menggelecek | UJI2 menggelecek |
|------------------|---------------------|------------------|------------------|
| UJI1 menggelecek | Pearson Correlation | 1 | .850** |
| | Sig. (2-tailed) | | .000 |
| | N | 40 | 40 |
| UJI2 menggelecek | Pearson Correlation | .850** | 1 |
| | Sig. (2-tailed) | .000 | |
| | N | 40 | 40 |

** . Correlation is significant at the 0.01 level (2-tailed).

Dapatan kajian menunjukkan nilai kebolehpercayaan instrumen ujian menggelecek bagi sampel pemain elit dan bukan elit dalam sukan bola sepak berumur 10 hingga 12 tahun. Dapatan kajian menunjukkan bahawa instrumen menggelecek sukan bola sepak mempunyai nilai pekali kebolehpercayaan yang tinggi iaitu $r = .85$. Instrumen yang mempunyai nilai pekali kebolehpercayaan yang tinggi menunjukkan instrumen itu sesuai digunakan mengukur kemahiran menggelecek dalam populasi yang dikaji. Menurut Safrit dan Wood (1995), mencadangkan nilai pekali korelasi kebolehpercayaan antara $\pm .80$ hingga 1.00 adalah tinggi, $\pm .60$ hingga $.79$ adalah sederhana tinggi, $\pm .40$ hingga $.59$ adalah sederhana, $\pm .20$ hingga $.39$ adalah rendah dan $\pm .00$ hingga $.19$ menunjukkan tidak ada perkaitan.

Jadual 3

Keputusan Analisis Ujian-t sampel Tidak Bersandar bagi Ujian Hantaran Dekat Leret Sukan Bola Sepak antara Pemain Elit dengan Pemain Bukan Elit dalam Kalangan Murid 10 hingga 12 Tahun.

| | | Ujian Lavene's persamaan min bagi ujian T | | | | |
|----------------------|--------------------------------|---|------|--------|--------|------|
| | | F | Sig | T | DF | p |
| Ujian hantaran leret | Persamaan varian andaian | .039 | .844 | -3.529 | 58 | .001 |
| | Persamaan varian bukan andaian | | | -3.529 | 52.169 | .001 |

** . Correlation is significant at the 0.01 level (2-tailed).

Hasil analisis menggunakan kaedah Ujian-t Sampel Tidak Bersandar menunjukkan bahawa nilai t (58) = -3.529, p = .001 adalah signifikan. Keputusan analisis menunjukkan terdapat perbezaan skor ujian hantaran dekat leret sukan bola sepak diantara pemain bola sepak elit (M = 4.068, SD = 1.015) dengan pemain bola sepak bukan elit (M = 2.933, SD = 1.437) yang berumur 10 hingga 12 tahun. Keputusan analisis Ujian-t yang diperolehi ditunjukkan dalam Jadual 3. Analisis statistik ujian-t menunjukkan bahawa terdapat kesahan konstruk instrumen hantaran dekat leret sukan bola sepak di antara pemain elit dengan pemain bukan elit dari akademik Tunas Negara. Dapatan menunjukkan terdapat perbezaan signifikan terhadap dua kumpulan pemain tersebut. Hal ini selari dengan kajian terdahulu iaitu Hafiz Ismail dan Ahmad Hashim (2014), Rampinni, et al., (2007), Sporis, et al., (2010) dan Impellizzeri, et al., (2018), menunjukkan terdapat kesahan yang empirikal terhadap ujian yang diuji antara pemain bola sepak elit dan bukan elit.

Jadual 4

Keputusan Analisis ujian-t Sampel Tidak Bersandar bagi Ujian Menggelecek Sukan Bola Sepak antara Pemain Elit dengan Pemain bukan Elit dalam Kalangan Murid 10 hingga 12 Tahun.

| | | Ujian Lavene's persamaan min bagi ujian T | | | | |
|----------------------|--------------------------------|---|------|--------|--------|------|
| | | F | Sig | T | DF | p |
| Ujian hantaran leret | Persamaan varian andaian | 2.024 | .160 | -4.231 | 58 | .000 |
| | Persamaan varian bukan andaian | | | -4.231 | 53.417 | .000 |

** . Correlation is significant at the 0.01 level (2-tailed).

Hasil analisis menunjukkan bahawa nilai t (58) = -4.231, p = .000 adalah signifikan. Keputusan analisis menunjukkan terdapat perbezaan skor ujian menggelecek, di antara pemain bola sepak elit (M = 4.367, SD = 0.718) dengan pemain bola sepak bukan elit (M = 3.433, SD = 0.971) yang berumur 10 hingga 12 tahun. Keputusan analisis Ujian-t yang diperolehi ditunjukkan dalam Jadual 4. Dapatan menunjukkan terdapat perbezaan signifikan terhadap dua kumpulan pemain tersebut. Menurut Cronbach dan Meehl (1955), sesuatu kesahan dapat ditunjukkan apabila dua kumpulan yang melakukan ujian dan dapat mendiskriminasi antara kumpulan. Oleh itu, instrumen yang sah haruslah mengukur apa yang sepatutnya diukur mengukur mengikut tahap dan keupayaan pemain tersebut.

6.0 KESIMPULAN, CADANGAN DAN IMPLIKASI

Kesimpulan hasil dapatan kajian menunjukkan terdapat kesahan konstruk instrumen menggelecek dan instrumen hantaran dekat leret sukan bola sepak di antara pemain elit dengan pemain bukan elit dari akademik Tunas Negara. Dapatan menunjukkan terdapat perbezaan signifikan terhadap dua kumpulan pemain tersebut. Kumpulan pemain elit mempunyai min yang lebih tinggi berbanding kumpulan pemain bukan elit berdasarkan instrumen menggelecek yang diuji.

Penyelidik mencadangkan kepada pengkaji akan datang agar melibatkan lebih banyak kemahiran yang diukur untuk pemain bola sepak berumur 10 hingga 12 tahun ini. Pekara ini penting dalam mewujudkan

instrumen yang sah dalam pelbagai kemahiran sukan bola sepak. Kajian pada masa hadapan juga boleh memperluaskan lagi skop dan batasan kajian. Pengkaji juga boleh menggunakan populasi luar bandar untuk mengesahkan instrumen yang digunakan.

Implikasi daripada kajian yang dibuat akan memudahkan terutamanya kepada jurulatih-jurulatih untuk menggunakan instrumen yang sah dan tekal dalam mentadbir ujian sesi pemilihan pemain. Data-data yang diperolehi adalah sah dan bermakna.

RUJUKAN

- Ahmad Hashim (2015). *Pengujian Pengukuran dan Penilaian Pendidikan Jasmani*. Bangi: Dubook.
- Cohen, J. (1988). *Statistical Power Analysis for the Behavioral Sciences*. Second Edition. Hillsdale, NJ: Lawrence Erlbaum Associates, Publishers
- Cronbach, L.J., & Meehl, P. E. (1955). Construct Validity in psychological tests. *Psychological Bulletin*, 52, 281-302
- Hafiz Ismail, & Ahmad Hashim, D. A. (2014). *Kesahan Ujian Spesifik Sukan Bola Sepak Dalam Kalangan Pemain Lelaki Berumur 14 Dan 15 Tahun*. 1-10.
- Hanna, G. S., & Dettmer, P. A. (2004). *Assessment for Effective Teaching: Using Context-Adaptive Planning*. Boston, MA: Pearson A&B.
- Impellizzeri, F. M., E. Rampinini, E., Castagna, C., Bishop, D., & Ferrari, D. (2008). Validity of Repeated-Sprint Test for Football. *International Journal of Sports Medicine*, 899-905.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. Putrajaya: Kementerian Pelajaran Malaysia. (2018). *Bahagian sukan, seni dan kokurikulum Kementerian Pelajaran Malaysia*.
- Rampinini, E., Bishop, D., Marcora, S. M., Bravo, D. F., Sassi, R., & Impellizzer, F. M. (2007). Validity of Simple Field Tests as Indicators of Match-Related Physical Performance in Top-Level Professional Soccer Players. *International Journal of Sports Medicine*, 228-235.
- Safrit, M.J. & Wood, T.M. (1995), *An Overview of Measurement*. Champaign, IL: Human Kinetics.
- Sidek Mohd. Noah. (1999). *Kajian Kesahan, Kebolehpercayaan alat ukuran Inventori Personaliti Sidek (IPS)*. (Edisi 1999). Laporan Penyelidikan yang telah Diterbitkan. Serdang: Fakulti Pengajian Pendidikan, UPM.
- Sporis, G., Jukic, I., Milanovic, L., & Vucetic, V. (2010). Reliability and Factorial Validity of Agility Tests for Soccer Players. *Journal of Strength and Conditioning Research*, 679-689.

TINJAUAN PENDIDIKAN LUAR TERHADAP PERUBAHAN SIKAP SISWA GURU PISMP MAJOR PENDIDIKAN JASMANI KURSUS PJMS 3113

FARAH NABILA BINTI MHD' ASRI
Jabatan Sains Sukan

Pensyarah Pembimbing
EN. JALALUDDIN BIN ABD. LATIF

ABSTRAK

Pendidikan Luar merupakan satu kursus yang wajib diambil oleh siswa guru major Pendidikan Jasmani di seluruh Institut Pendidikan Guru. Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk membuat tinjauan Pendidikan Luar Terhadap Perubahan Sikap Siswa Guru PISMP Major Pendidikan Jasmani kursus PJMS 3113. Kajian ini menumpukan kepada perubahan sikap siswa guru major Pendidikan Jasmani dari segi kepimpinan dan komunikasi. Seramai 40 orang responden yang terlibat terdiri daripada siswa guru di Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas telah menjawab borang soal selidik. Analisis statistik deskriptif yang dijalankan menunjukkan perubahan sikap siswa guru dari segi kepimpinan dan komunikasi berada pada tahap yang tinggi. Kesimpulannya, kursus Pendidikan Luar ini wajar diteruskan dalam kalangan siswa guru bagi melahirkan guru yang berkepimpinan dan petah berkomunikasi bagi mengadaptasi diri dan menghadapi realiti serta cabaran di sekolah.

Kata Kunci: Pendidikan Luar, kepimpinan, komunikasi, siswa guru

ABSTRACT

Outdoor Education is a compulsory course for Teacher Trainee majoring in Physical Education in every Teacher Training Institute. Therefore, this action research is conducted for the purpose to observe and study the change in behaviour among graduate trainee teacher of PISMP majoring in Physical Education, specifically course of PJMS 3113. This research is focusing on the aspect of leadership and communication. The 40 respondents involved were consists of graduate teacher in Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas where they have answered questionnaires given. Analysis of descriptive statistic shows that the change of behavior among graduate teacher for the aspect of leadership and communication is at the highest state. As a conclusion, Outdoor Education course should be continued for graduate teacher in order to mold teachers who are great in leadership and good in communication so that they could adapt themselves to the challenges in reality of profession in school.

Keywords: Outdoor Education, leadership, communication, trainee teachers

Emel: bella1234fn@gmail.com

1.0 PENGENALAN

Kursus Pendidikan Luar merupakan satu medium pendidikan yang memberi kesan signifikan dalam melahirkan individu yang bertanggungjawab dan berketrampilan tinggi dalam menjadikan individu serba boleh (Neill, 2004). Pada waktu yang sama, kursus ini bertujuan untuk memantapkan pembinaan jati diri, kepimpinan, kerja berpasukan, sosialisasi dan profesionalisme insan guru melalui aktiviti luar bilik darjah selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

Menurut Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2013-2025), kementerian berhasrat untuk menghasilkan guru-guru yang berkepimpinan, berkemahiran, petah berkomunikasi serta berpengetahuan. Oleh yang demikian, rangka kursus Pendidikan Luar yang ditetapkan adalah realistik yang membolehkan siswa guru berasa selesa sepanjang program dan menambah baik pengetahuan, sikap dan kemahiran (Goldstein & Ford, 2002). Oleh itu, Pendidikan Luar diperlukan untuk membentuk siswa guru.

2.0 PERNYATAAN MASALAH

Bunting (2006) menyatakan keberkesanan dalam memupuk peserta kearah yang lebih baik dan cemerlang sentiasa menjadi buah mulut masyarakat. Persepsi negatif yang sering dibicarakan oleh masyarakat terhadap Pendidikan Luar adalah merupakan aktiviti yang menyeronokkan tanpa memberi faedah kepada peserta dan boleh mendatangkan risiko yang tinggi kepada peserta (Mahamad Amran Kamsi, 2008). Walaupun begitu, dapatan kajian-kajian terdahulu seperti Tannenbaum & Yulk, (1992) menyatakan Pendidikan Luar mampu mempengaruhi peserta dalam menggunakan segala pengetahuan, sikap, kemahiran dan pengalaman semasa mereka menghadapi cabaran akan datang dimana keberkesanan sesuatu kursus adalah bergantung kepada kandungan modul aktiviti, kaedah pembelajaran dan fasilitator yang setara dengan matlamat dan objektif yang diinginkan selepas kursus Pendidikan Luar (Priest & Gass, 1997). Akhir sekali, pengkaji ingin menjalankan kajian bagi menjawab persoalan adakah terdapat perubahan sikap siswa guru major Pendidikan jasmani selepas mengikuti kursus Pendidikan Luar di IPGKIK kerana tiada lagi kajian yang berkaitan dijalankan di IPGKIK.

3.0 OBJEKTIF DAN SOALAN KAJIAN

3.1 OBJEKTIF KAJIAN

- i. Mengenal pasti sikap kepimpinan siswa guru Pendidikan Jasmani IPGKIK selepas menjalani program Pendidikan luar.
- ii. Mengenal pasti sikap dalam komunikasi siswa guru Pendidikan Jasmani IPGKIK selepas menjalani program Pendidikan Luar.
- iii. Mengenal pasti tahap perbezaan sikap kepimpinan dan sikap dalam komunikasi siswa guru Pendidikan Jasmani IPGKIK selepas menjalani program Pendidikan Luar mengikut demografiambilan dan jantina.

3.2 SOALAN KAJIAN

- i. Adakah terdapat kesan perubahan kepada sikap kepimpinan siswa guru Pendidikan Jasmani IPGKIK selepas program Pendidikan Luar?
- ii. Adakah terdapat kesan sikap dalam komunikasi siswa guru Pendidikan Jasmani IPGKIK selepas program Pendidikan Luar?
- iii. Adakah terdapat perbezaan kesan sikap kepimpinan dan sikap dalam komunikasi siswa guru Pendidikan Jasmani selepas program Pendidikan Luar mengikut demografiambilan dan jantina?

4.0 METODOLOGI, SAMPEL, INSTRUMEN, ANALISIS DATA

4.1 METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif yang berbentuk deskriptif dan inferensi secara tinjauan yang menggunakan borang soal selidik untuk mengumpulkan maklumat dan data.

4.2 SAMPEL KAJIAN

Pemilihan saiz sampel adalah berpandukan jadual penentuan saiz sampel oleh Krejcie dan Morgan (1970). Sampel terdiri daripada 40 orang siswa guru major Pendidikan Jasmani yang telah mengikuti kursus Pendidikan Luar PJMS 3113 di IPGKIK.

4.3 INSTRUMEN KAJIAN

Instrumen kajian adalah set borang soal selidik yang mempunyai 2 bahagian iaitu demografi dan perubahan sikap kepimpinan dan komunikasi yang diambil daripada (Shamsulariffin Samsudin, 2015) dan telah diubahsuai.

4.4 ANALISIS DATA

Data-data yang diperoleh dianalisis menggunakan statistik deskriptif dan inferensi. Data-data yang diperoleh dianalisis menggunakan program perisian SPSS versi 23.0 menggunakan analisis kekerapan, peratusan, min, sisihan piawai dan ujian-t. Analisis Sub-program yang digunakan adalah ujian-t pada aras signifikan $p < 0.05$. Skor min diukur berdasarkan interpretasi skor min oleh Pallant (2007) iaitu: Tahap rendah = Min (1.00-2.33) dan Tahap tinggi = Min (3.68-5.00)

5.0 DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Jadual 1

Mengenal Pasti Sikap Kepimpinan Siswa Guru Pendidikan Jasmani selepas Mengikuti Kursus Pendidikan Luar

| Item | Kekerapan | | | | | Min | SD | Tahap |
|---|-----------|----|---|----|----|-------------|-------------|---------------|
| | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 | | | |
| Saya rasa membina kepercayaan dengan ahli-ahli pasukan saya merupakan asas kepimpinan | 0 | 0 | 0 | 12 | 28 | 4.70 | 0.46 | Tinggi |
| Saya fikir saya menggalakkan penglibatan yang aktif dalam pasukan saya | 0 | 0 | 0 | 13 | 27 | 4.68 | 0.47 | Tinggi |
| Saya percaya saya sensitif tentang keperluan setiap ahli kumpulan | 0 | 0 | 0 | 13 | 27 | 4.68 | 0.47 | Tinggi |
| Saya fikir saya mendengar pendapat ahli kumpulan saya dengan perhatian | 0 | 0 | 0 | 14 | 26 | 4.65 | 0.48 | Tinggi |
| Saya rasa saya memuji kerja baik ahli kumpulan saya | 0 | 0 | 0 | 13 | 27 | 4.68 | 0.47 | Tinggi |
| Saya tidak fikir saya boleh mempengaruhi orang | 25 | 15 | 0 | 0 | 0 | 1.38 | 0.49 | Rendah |
| Saya merasakan bahawa orang tidak faham apa yang saya katakana | 24 | 16 | 0 | 0 | 0 | 1.40 | 0.49 | Rendah |
| Saya fikir idea saya diterima apabila orang lain mengutarakannya dan menyuarakan semula | 0 | 0 | 0 | 8 | 32 | 4.80 | 0.40 | Tinggi |
| Saya percaya saya akan menjerit jika pasukan saya tidak mendengar | 26 | 14 | 0 | 0 | 0 | 1.35 | 0.48 | Rendah |
| Saya fikir saya bersedia untuk mencuba idea baru kerana saya tahu bahawa kumpulan saya akan membantu saya | 0 | 0 | 0 | 5 | 35 | 4.89 | 0.33 | Tinggi |
| Saya fikir saya bersabar apabila ahli kumpulan tidak dapat belajar secepat seperti yang saya harapkan | 0 | 0 | 0 | 5 | 35 | 4.89 | 0.33 | Tinggi |
| KESELURUHAN | | | | | | 3.82 | 0.21 | Tinggi |

Jadual 1 menunjukkan min bagi sikap kepimpinan berada pada tahap tinggi (Min = 3.68-5.00). Perkara ini mendapat sokongan dari kajian Dr Azita Hj. Amrin (2007) yang menyatakan bahawa kursus Pendidikan Luar dapat mempengaruhi sikap kepimpinan seseorang. Ini kerana, salah satu matlamat kursus dalam Pendidikan Luar adalah untuk melatih peserta untuk bersikap kepimpinan. Selain itu, dapatan kajian ini juga seiring dengan Shamsulariffin Samsudin (2015) mengatakan bahawa terdapat perubahan positif terhadap peserta Pendidikan Luar sebelum menyertai program dan selepas program melalui tiga tunjang iaitu kemahiran, sikap dan pengetahuan.

Jadual 2

Mengenal Pasti Sikap Komunikasi Siswa Guru Pendidikan Jasmani selepas Mengikuti Kursus Pendidikan Luar

| Item | Kekerapan | | | | | Min | Sp | Tahap |
|--|-----------|---|---|----|----|------|------|--------|
| | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 | | | |
| Saya percaya, saya yakin untuk menyuarakan pendapat dan berkongsi idea | 0 | 0 | 0 | 23 | 17 | 4.43 | 0.50 | Tinggi |
| Saya rasa saya tidak risau jika idea-idea saya ditolak | 0 | 0 | 0 | 23 | 17 | 4.43 | 0.50 | Tinggi |

| | | | | | | | | |
|---|----|----|---|----|----|-------------|-------------|---------------|
| Saya percaya saya mempunyai keberanian dan keyakinan untuk berkomunikasi dengan kumpulan saya | 0 | 0 | 0 | 21 | 19 | 4.48 | 0.51 | Tinggi |
| Saya fikir kumpulan saya cenderung untuk mengingati idea baru yang terakhir disuarakan | 0 | 0 | 0 | 23 | 17 | 4.43 | 0.50 | Tinggi |
| Saya percaya saya akan mendiamkan diri apabila terlalu ramai orang bercakap | 0 | 0 | 0 | 25 | 15 | 4.38 | 0.49 | Tinggi |
| Saya rasa orang tidak akan mendengar apabila saya bercakap | 21 | 19 | 0 | 0 | 0 | 1.48 | 0.51 | Rendah |
| Saya fikir saya tidak mempunyai idea untuk disumbangkan semasa perbincangan | 21 | 19 | 0 | 0 | 0 | 1.48 | 0.51 | Rendah |
| Saya suka bertanya orang lain untuk menyampaikan idea-idea saya | 21 | 19 | 0 | 0 | 0 | 1.48 | 0.51 | Rendah |
| Saya akan bercakap kepada seseorang terlebih dahulu, jika dipersetujui kami menyuarakan idea-idea kami | 20 | 20 | 0 | 0 | 0 | 1.50 | 0.51 | Rendah |
| Saya fikir mendengar dengan berkesan adalah penting | 0 | 0 | 0 | 4 | 36 | 4.90 | 0.30 | Tinggi |
| Saya rasa saya akan rasa jengkel jika saya bercakap dan orang lain tidak mendengar | 19 | 21 | 0 | 0 | 0 | 1.58 | 0.64 | Rendah |
| Saya fikir saya cenderung untuk terus mendiamkan diri apabila idea-idea saya tidak diterima dengan baik | 19 | 21 | 0 | 0 | 0 | 1.53 | 0.51 | Rendah |
| Saya rasa sesiapa sahaja yang lebih lantang bersuara akan mendapat lebih perhatian | 0 | 0 | 0 | 4 | 36 | 4.90 | 0.30 | Tinggi |
| KESELURUHAN | | | | | | 3.82 | 0.28 | Tinggi |

Jadual 1 menunjukkan min bagi sikap komunikasi berada pada tahap tinggi (Min = 3.68-5.00). Dapatan ini disokong oleh kajian Noor Azam, Daud dan Khadijah (2013) dimana terdapat hubungan yang signifikan di antara kemahiran guru dengan sikap pelajar. Menurut PPPM (2013-2025), kemahiran guru profesional ini adalah termasuk dengan kemahiran komunikasi yang perlu dikuasai oleh guru untuk meningkatkan prestasi dan perubahan sikap murid di negara kita. Selain itu, kajian Nurul Salmi Mohd Dazali dan Mohd Isha Awang (2014) menunjukkan kemahiran komunikasi mempunyai hubungan yang signifikan dengan pencapaian akademik pelajar. Justeru itu, Pendidikan Luar diperlukan bagi melahirkan siswa guru yang mempunyai sikap komunikasi yang baik dimana disokong oleh Mohd Shukri bin Maarof (2009) yang mendapati bahawa program Pendidikan Luar yang dianjurkan adalah pada tahap yang positif dan memberi impak kepada siswa guru serta keseluruhan program.

Jadual 3

Perbandingan Skor Min Sikap Kepimpinan dan Sikap dalam Komunikasi Siswa Guru Pendidikan Jasmani IPGKIK selepas Menjalani Program Pendidikan Luar mengikut Ambilan dan Jantina.

| Pembolehubah | Jantina | Min | SD | T | df | p |
|------------------|-----------|------|------|-------|----|------|
| Sikap Kepimpinan | Lelaki | 3.81 | 0.21 | -0.42 | 38 | 0.61 |
| | Perempuan | 3.84 | 0.21 | | | |
| Sikap Komunikasi | Lelaki | 3.13 | 0.33 | -0.35 | 38 | 0.02 |
| | Perempuan | 3.17 | 0.22 | | | |

*Aras signifikan $p < 0.05$

Ujian menunjukkan nilai t bagi sikap kepimpinan (38) = -0.42, $p = 0.61$ adalah tidak signifikan. Tiada perbezaan skor min antara jantina lelaki ($M = 3.81$, $SD = 0.21$), dan jantina perempuan ($M = 3.84$, $SD = 0.21$) manakala ujian menunjukkan nilai t bagi sikap komunikasi (38) = -0.35, $p = 0.02$ adalah signifikan. Skor min bagi jantina lelaki ($M = 3.13$, $SD = 0.33$), dan jantina perempuan ($M = 3.17$, $SD =$

0.22). kajian Dr Azita Hj. Amrin (2017) tentang kepimpinan menyatakan bahawa jantina tidak memberi perbezaan atau pengaruh terhadap pembelajaran dari segi sikap, kemahiran atau pengetahuan kerana rangka kursus, fasilitator yang mengajar adalah sama berlawanan dengan sikap komunikasi kerana boleh tepengaruh dengan faktor tertentu (Kamaruzzaman Abdul Manan, 2017).

| Pembolehubah | Ambilan | Min | SD | T | df | p |
|------------------|------------------|------|------|------|----|------|
| Sikap Kepimpinan | Ambilan Jun 2015 | 3.86 | 0.18 | 1.12 | 38 | 0.11 |
| | Ambilan Jun 2014 | 3.79 | 0.23 | | | |
| Sikap Komunikasi | Ambilan Jun 2015 | 3.15 | 0.31 | 0.00 | 38 | 0.23 |
| | Ambilan Jun 2014 | 3.15 | 0.25 | | | |

*Aras signifikan $p < 0.05$

Ujian menunjukkan nilai t bagi sikap kepimpinan (38) = 1.12, $p = 0.11$ adalah tidak signifikan. Tiada perbezaan skor min antara ambilan Jun 2015 ($M = 3.86$, $SD = 0.18$) dan Jun 2014 ($M = 3.79$, $SD = 0.23$) manakala ujian menunjukkan nilai t bagi sikap komunikasi (38) = 0.00, $p = 0.23$ adalah tidak signifikan. Skor min bagi ambilan Jun 2015 ($M = 3.15$, $SD = 0.31$), dan Jun 2014 ($M = 3.15$, $SD = 0.25$). Dapatan ini tidak disokong oleh Kamaruzzaman Abdul Manan (2017) dimana dapatan kajian beliau mengatakan sikap komunikasi dipengaruhi beberapa faktor antaranya faktor komunikasi persekitaran. Maka, jantina dan ambilan yang berlainan mampu mempengaruhi perbezaan sikap komunikasi kerana persekitaran bagi setiap siswa guru adalah berbeza.

6.0 KESIMPULAN, CADANGAN DAN IMPLIKASI

Pendidikan Luar merupakan salah satu medium pendidikan yang membantu untuk meningkat kemahiran, pengetahuan dan sikap yang lebih baik. Pengkaji mencadangkan kepada pengkaji akan datang agar membuat analisis secara kuantitatif dan kualitatif. Dapatan tersebut akan dapat menyokong analisis kuantitatif dan membantu individu lain memahami dengan lebih jelas tentang isu yang diutarakan. Sehubungan itu, kajian-kajian masa hadapan seharusnya melibatkan semua siswa guru major Pendidikan Jasmani di IPG seluruh Malaysia atau siswa guru selain daripada major Pendidikan Jasmani supaya perbandingan dapat dijalankan dengan lebih terperinci lebih-lebih lagi melibatkan perbandingan antara pelaksanaan Pendidikan Luar bagi setiap IPG atau perbandingan antara guru major dan bukan major. Kajian ini diharap dapat mengurangkan isu negatif terhadap Pendidikan Luar serta dapat memberi gambaran dan panduan kepada pihak pengurusan Institut Pendidikan Guru Malaysia khususnya pihak pengurusan untuk melihat sejauhmana keberkesanan Pendidikan Luar terhadap siswa guru untuk menghadapi realiti dan cabaran di sekolah.

RUJUKAN

- Bunting, C. J. (2006). Interdisciplinary teaching through outdoor education. Illinois: *Human Kinetics*.
- Dr Azita Hj. Amrin (2007). *Penilaian Pelajar Terhadap Kompetensi Pemimpin Program Pendidikan Luar Di Institut Pendidikan Guru Malaysia*. Universiti Putra Malaysia.
- Goldstein, I. L. & Ford, J. K. (2002). Training in organization. Belmont, CA: Wadsworth. 4thed.
- Kamaruzzaman Abdul Manan (2017). *Kepentingan komunikasi dalam latihan*, 129 – 150 International Islamic University Malaysia (IIUM).
- Krejcie, R.V. & Morgan, D.W. (1970). Determining Sample Size for Research. *Educational and Psychological Measurement*, 9-15.
- Mahamad Amran Kamsi, (2008). *Perkembangan Pusat Kokurikulum Kementerian Pendidikan Malaysia*.
- Mohd Shukri bin Maarof (2009). *Persepsi Guru-Guru Terhadap Program Pendidikan Luar Anjuran Pusat Kokurikulum Negeri Jabatan Pelajaran Selangor*. Universiti Putra Malaysia.
- Neill, J. T. (2004). What is outdoor education definition? Dipetik pada 13 Jun 2013 daripada <http://www.wilderdom.com/definition>.

Noor Azam, Daud dan Khadijah (2013). Kepimpinan Guru Mempengaruhi Sikap Pelajar Sekolah Menengah Daerah Segamat.

Nurul Salmi Mohd Dazali, and Mohd Isha Awang, (2014) *Tahap kemahiran komunikasi dalam kalangan pelajar Sarjana Muda Pendidikan IPTA di Utara Semenanjung Malaysia*. Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu; Malay Language Education (MyLEJ), 4 (2). pp. 44-56.

Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2013-2025). Falsafah pendidikan Kebangsaan.

Priest, S. & Gass, M. A. (1997). *Effective leadership in adventure programming*. Illinois: Human Kinetics.

Shamsulariffin Samsudin (2015). *Penilaian Tahap Reaksi Pelajar Terhadap Pendidikan Luar Dan Hubungannya Dengan Kemahiran, Sikap Dan Pengetahuan*. Universiti Putra Malaysia.

Tannenbaum, S. & Yulk, G. (1992). Training and development in work organizations, *Annual Review of Psychology* 53: 399-441.

FAKTOR KEKANGAN PERSEKITARAN SEKOLAH TERHADAP PELAKSANAAN PENDIDIKAN JASMANI

MOHAMAD ALIFF MIRZA BIN ESA
Jabatan Sains Sukan

Pensyarah Pembimbing
EN. RAVICHANTHIRAN A/L ARUJUNAN

ABSTRAK

Persekitaran sekolah merupakan satu platform terbaik dalam mengorak langkah untuk mewujudkan Pembelajaran dan Pemudahcaraan yang kondusif. Sehubungan dengan itu, inisiatif bagi mewujudkan persekitaran yang kondusif penting dalam membentuk generasi berpendidikan. Oleh yang demikian, penyelidikan ini dijalankan dengan tujuan untuk meninjau faktor kekangan persekitaran sekolah terhadap pelaksanaan Pendidikan Jasmani, khususnya faktor kekangan persekitaran sekolah yang paling dominan dalam pelaksanaan Pendidikan Jasmani. Penyelidikan ini telah dilaksanakan melalui kaedah kuantitatif dengan menggunakan borang soal selidik sebagai instrumen. Seramai 43 responden telah terlibat sebagai sampel penyelidikan yang terdiri daripada kalangan guru-guru yang mengajar mata pelajaran Pendidikan Jasmani. Hasil dapatan penyelidikan ini dianalisis dengan menggunakan program SPSS versi 23.0 untuk statistik deskriptif dan inferensi bagi mendapatkan taburan data kekerapan dan min. Dapatan penyelidikan menunjukkan bahawa faktor kekangan persekitaran sekolah daripada aspek fizikal sekolah berada pada min yang tinggi manakala min terendah ialah faktor kekangan persekitaran sekolah daripada aspek peruntukan. Penemuan juga menunjukkan faktor kekangan persekitaran sekolah daripada aspek keadaan peralatan turut menunjukkan julat yang tinggi. Sebagai kesimpulan, pihak terbabit seperti pihak kementerian, pihak pentadbir dan pihak ibu bapa mesti memainkan peranan mereka dengan menyediakan sokongan positif dan sentiasa bekerjasama dalam menyediakan persekitaran sekolah yang kondusif.

Kata Kunci: Faktor kekangan, persekitaran sekolah, Pendidikan Jasmani

ABSTRACT

This study discusses the overview on school environmental constraints towards the implementation of Physical Education. The objective of this study is to examine the relationship of the most dominant factor in the school environmental constraints towards the implementation of Physical Education in Pudu Zone. This study is carried out through quantitative method using questionnaire as an instrument. A total of 43 respondents were involved as research samples consisting of Physical Education teachers. The data collected were analyzed using SPSS version 23.0 to produce descriptive and inferential statistics. The findings show that the school environmental constraint factor from the physical aspect of the school is high while the lowest mean is from the allocation aspect. The findings also show the constraints of the school environment in terms of equipment conditions in the high range. In conclusion, such parties as ministries, administrators and parents must play their part by providing positive support and always cooperating in providing a conducive school environment. Collaboration from various parties must be established to ensure the smooth implementation of Physical Education teaching in schools.

Keywords: Constraint, school environmental, Physical Education.

Emel: aliffm96@gmail.com

1.0 PENGENALAN

Pendidikan Jasmani merupakan satu subjek penting dalam kurikulum pendidikan formal dalam sistem pendidikan di Malaysia (Safani & Hamdan, 2005). Oleh hal yang demikian, kekangan yang dihadapi dalam pelaksanaan pengajaran Pendidikan Jasmani adalah perkara lumrah yang terjadi apabila sesuatu mata pelajaran itu tidak diletakkan sebagai mata pelajaran teras (Ali, 2008).

Persekitaran sekolah boleh ditakrifkan sebagai set ciri dalaman yang membezakan satu sekolah dengan sekolah lain, dan mempengaruhi tingkah laku ahli-ahlinya, iaitu kakitangan dan pelajar (Hoy & Miskel 1987). Fraser (1986) menyatakan bahawa faktor persekitaran sekolah adalah lebih luas dan tidak terhad kepada bilik darjah. Jarzabkowski (2002) menyatakan bahawa persekitaran sekolah bermakna semua keadaan, sumber dan aktiviti saling bersepadu secara langsung atau tidak langsung yang memberi kesan kepada fungsi sekolah.

2.0 PERNYATAAN MASALAH

Masalah atau faktor dalam pelaksanaan Pendidikan Jasmani adalah pengajaran guru menjadi kurang berkualiti disebabkan faktor kekangan persekitaran sekolah (Ali, 2008). Kajian berikut telah membahagikan faktor kekangan persekitaran sekolah kepada tiga aspek iaitu fizikal sekolah, keadaan peralatan dan peruntukan. Namun, tiada kajian yang membahagikan faktor kekangan persekitaran sekolah dari aspek fizikal sekolah, keadaan peralatan dan peruntukan di Zon Pudu. Justeru dalam kajian ini, pengkaji telah menyelidik berkenaan ketiga-tiga aspek faktor kekangan tersebut di sekolah-sekolah Zon Pudu.

3.0 OBJEKTIF DAN SOALAN KAJIAN

3.1 OBJEKTIF KAJIAN

- i. Mengenalpasti faktor utama persekitaran sekolah yang mempengaruhi pelaksanaan pdpc Pendidikan Jasmani.
- ii. Mengenalpasti faktor utama aspek fizikal sekolah yang mempengaruhi pelaksanaan pdpc Pendidikan Jasmani.
- iii. Mengenalpasti faktor utama aspek keadaan alatan yang mempengaruhi pelaksanaan pdpc Pendidikan Jasmani.
- iv. Mengenalpasti faktor utama peruntukan yang mempengaruhi pelaksanaan pdpc Pendidikan Jasmani.
- v. Mengenalpasti tahap perbezaan faktor utama persekitaran sekolah antara guru opsyen dan bukan opsyen Pendidikan Jasmani.

3.2 SOALAN KAJIAN

- i. Apakah faktor utama persekitaran sekolah yang mempengaruhi pelaksanaan pdpc Pendidikan Jasmani?
- ii. Apakah faktor utama aspek fizikal sekolah yang mempengaruhi pelaksanaan pdpc Pendidikan Jasmani?
- iii. Apakah faktor utama aspek keadaan alatan yang mempengaruhi pelaksanaan pdpc Pendidikan Jasmani?
- iv. Apakah faktor utama aspek peruntukan yang mempengaruhi pelaksanaan pdpc Pendidikan Jasmani?
- v. Adakah terdapat perbezaan faktor utama persekitaran sekolah antara guru opsyen dan bukan opsyen Pendidikan Jasmani?

4.0 METODOLOGI, PERSAMPELAN, INSTRUMEN, ANALISIS DATA

4.1 METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif yang berbentuk deskriptif dan inferensi secara tinjauan yang menggunakan borang soal selidik untuk mengumpulkan maklumat dan data.

4.2 SAMPEL KAJIAN

Pemilihan sampel adalah secara pemilihan penuh kerana populasi kajian soal selidik terdiri daripada guru-guru yang mengajar mata pelajaran Pendidikan Jasmani di kawasan Zon Pudu yang dianggarkan kurang 43 orang (Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, 2017). Justeru, pengkaji mengambil keputusan untuk memilih 43 responden dalam kajian ini.

4.3 INSTRUMEN KAJIAN

Instrumen kajian ialah soal selidik yang diadaptasi daripada jurnal "Faktor Kekangan Ibu Bapa dan Persekitaran Sekolah Dalam Pelaksanaan Pendidikan Jasmani di Sekolah Rendah" oleh Syed Kamaruzaman Syed Ali et.al (2014). Soal selidik yang digunakan mempunyai dua bahagian iaitu

bahagian Faktor Kekangan Ibu Bapa dan Faktor Kekangan Persekitaran. Pengkaji hanya menggunakan sebahagian soal selidik pada bahagian dua iaitu faktor kekangan persekitaran sekolah.

4.4 ANALISIS DATA

Data yang diperoleh dianalisis menggunakan statistik deskriptif dan inferensi yang menggunakan program perisian SPSS versi 23.0 dan merangkumi min, sisihan piawai dan ujian-t. Analisis Sub-program yang digunakan adalah ujian-t pada aras signifikan $p < 0.05$. Skala pengukuran skor min diukur berdasarkan interpretasi skor min iaitu: Tahap rendah = Min (0.00-1.66), Tahap sederhana = Min (1.67-3.33) dan Tahap tinggi = Min (3.34-5.00).

5.0 DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Dapatan Persoalan 1: Apakah faktor utama kekangan persekitaran sekolah?

Jadual 1

Dapatan Min Faktor Utama Kekangan Persekitaran Sekolah

| KONSTRUK | MIN KESELURUHAN |
|-------------------------|-----------------|
| Aspek Fizikal Sekolah | 3.68 |
| Aspek Keadaan Peralatan | 3.67 |
| Aspek Peruntukan | 3.42 |

Berdasarkan jadual 8, min tertinggi antara konstruk faktor utama kekangan persekitaran sekolah ialah aspek fizikal sekolah (min=3.68). Aspek peruntukan berada pada min terendah (min=3.42). Aspek berada diantara julat tertinggi dan terendah ialah aspek keadaan peralatan (min=3.67). Hasil kajian menunjukkan aspek fizikal sekolah adalah faktor kekangan yang paling berpengaruh terhadap pelaksanaan Pendidikan Jasmani. Dapatan ini selari dengan hasil dapatan kajian Zuber (1999) yang menyatakan jika saiz kelas itu besar, maka masalah kekurangan peralatan dan kemudahan mungkin timbul bagi menampung saiz fizikal sesuatu kelas.

Dapatan Persoalan 2: Apakah faktor utama kekangan persekitaran sekolah dari aspek fizikal sekolah?

Jadual 2

Dapatan Faktor Kekangan Persekitaran Sekolah dari Aspek Fizikal

| ITEM | MIN | SISIHAN PIWAIAN | TAHAP |
|--|------|-----------------|--------|
| Kawasan padang yang sempit. | 3.42 | 1.58 | Tinggi |
| Keadaan padang tidak selamat. | 3.65 | 1.17 | Tinggi |
| Kesesakan murid yang terlalu ramai di padang. | 3.91 | 1.13 | Tinggi |
| Kekurangan fasiliti sukan Pendidikan Jasmani di sekolah. | 3.53 | 1.10 | Tinggi |
| Fasiliti sukan tidak diselenggara oleh pihak tertentu. | 3.88 | 1.05 | Tinggi |
| KESELURUHAN | 3.68 | 1.21 | Tinggi |

Berdasarkan analisis data pada jadual 2 yang telah dijalankan, min keseluruhan 5 item bagi konstruk yang berkaitan faktor kekangan persekitaran sekolah dari aspek fizikal sekolah berada pada julat yang tinggi (min=3.68). Faktor utama kekangan persekitaran sekolah dari aspek fizikal yang menunjukkan julat min tertinggi ialah item *kesesakan murid yang terlalu ramai di padang* (min=3.91). Item yang menunjukkan min terendah pada bahagian faktor kekangan persekitaran sekolah dari aspek fizikal ialah item *kawasan padang yang sempit* (min=3.42). Aspek fizikal sekolah menjadi faktor utama kekangan persekitaran sekolah terhadap pelaksanaan Pendidikan Jasmani. Ini dibuktikan dengan item 3 yang menyatakan kesesakan murid yang terlalu ramai di padang. Menurut Kamaruzaman et al, (2014) kesesakan murid yang terlalu ramai di padang menyukarkan pengajaran dan pembelajaran berlaku.

Dapatan Persoalan 3: Apakah faktor utama kekangan persekitaran sekolah dari aspek keadaan alatan?

Jadual 3

Dapatan Faktor Kekangan Persekitaran Sekolah dari Aspek Keadaan Peralatan

| ITEM | MIN | SISIHAN PIAWAIAN | TAHAP |
|---|------|------------------|--------|
| Kekurangan peralatan Pendidikan Jasmani | 3.56 | 1.10 | Tinggi |
| Peralatan Pendidikan Jasmani yang rosak tidak diganti | 3.74 | 1.05 | Tinggi |
| Susun atur peralatan yang tidak kemas | 3.53 | 1.20 | Tinggi |
| Inventori pinjaman/pemulangan peralatan tiada | 3.49 | 1.39 | Tinggi |
| Peralatan Yang Disimpan Terlalu Lama | 4.02 | 1.06 | Tinggi |
| KESELURUHAN | 3.67 | 1.16 | Tinggi |

Berdasarkan analisis data pada jadual 3 yang telah dijalankan, min keseluruhan 5 item bagi konstruk yang berkaitan faktor kekangan persekitaran sekolah dari aspek keadaan peralatan berada pada julat yang tinggi (min=3.67). Faktor utama kekangan persekitaran sekolah dari aspek fizikal yang menunjukkan julat min tertinggi ialah item *peralatan yang disimpan terlalu lama* (min=4.02). Item yang menunjukkan min terendah pada bahagian faktor kekangan persekitaran sekolah dari aspek keadaan peralatan ialah item *inventori pinjaman/pemulangan peralatan tiada* (min=3.49). Dapatan kajian ini selari dengan kajian yang dijalankan oleh Kamaruzaman et al., (2014), yang menyatakan, bagi aktiviti yang melibatkan penggunaan alatan Pendidikan Jasmani, guru harus memastikan peralatan Pendidikan Jasmani yang digunakan adalah sentiasa selamat.

Dapatan Persoalan 4: Apakah faktor utama kekangan persekitaran sekolah dari aspek peruntukan?

Jadual 4

Dapatan Faktor Persekitaran Sekolah dari Aspek Peruntukan

| ITEM | Min | Sisihan Piawaian | Tahap |
|---|------|------------------|-----------|
| Peruntukan Pendidikan Jasmani di sekolah salah dibelanjakan | 3.16 | 1.34 | Sederhana |
| Kekurangan peruntukan Pendidikan Jasmani mengikut bilangan murid. | 3.86 | 1.23 | Tinggi |
| Tiada permohonan peruntukan Pendidikan Jasmani. | 3.35 | 1.34 | Tinggi |
| Peruntukan Pendidikan Jasmani tidak diluluskan | 3.26 | 1.40 | Sederhana |
| Butiran perbelanjaan peruntukan tidak di audit dengan baik | 3.49 | 1.40 | Tinggi |
| KESELURUHAN | 3.42 | 1.34 | Tinggi |

Berdasarkan analisis data yang telah dijalankan, min keseluruhan 5 item bagi konstruk yang berkaitan faktor kekangan persekitaran sekolah dari aspek peruntukan berada pada julat yang tinggi (min=3.42). Item *kekurangan peruntukan Pendidikan Jasmani mengikut bilangan murid* (min=3.86) berada pada julat min tertinggi. Item yang menunjukkan min terendah ialah item *peruntukan Pendidikan Jasmani di sekolah salah dibelanjakan* (min=3.16) menunjukkan item berada pada tahap sederhana. Dapatan ini selari dengan kajian terdahulu yang dijalankan oleh Kamaruzaman et al, (2014) yang menyatakan masalah peruntukan panitia biasanya tidak boleh dihabiskan dalam tahun yang sama kerana ia perlu disimpan sedikit untuk pembelian awal tahun hadapan. Ini sebabkan peruntukan akan sampai lewat mengikut kelulusan jabatan.

Dapatan Persoalan 5: Adakah terdapat perbezaan faktor utama kekangan persekitaran sekolah antara guru opsyen dan bukan opsyen Pendidikan Jasmani.

Jadual 6
Dapatan Min bagi Ujian-t

| | | Ujian Persamaan | Lavene's varian | Persamaan min bagi Ujian-t | | |
|--------------|---------------------------------|--------------------|--------------------|-------------------------------|-------|------------------------|
| | | F | Sig | t | Df | Sig. (2- tailed) |
| Persekitaran | Persamaan varian andaian | 0.070 | 0.79 | -160 | 41 | 0.874 |
| | Persamaan varian b/varian | | | -157 | 27.22 | 0.877 |

Berdasarkan ujian-t, dapatan menunjukkan tiada perbezaan antara faktor utama kekangan persekitaran sekolah antara guru opsyen dan bukan opsyen Pendidikan Jasmani ($p=0.87$). Skor min faktor utama kekangan persekitaran sekolah bagi guru opsyen ($\text{min}=3.58$), manakala skor min faktor utama kekangan persekitaran sekolah bagi guru bukan opsyen ($\text{min}=3.62$). Dapatan ini selari dengan dapatan kajian yang dijalankan Kamaruzaman et al. (2014), kekangan faktor persekitaran lebih mempengaruhi pelaksanaan Pendidikan Jasmani berbanding faktor ibu bapa kerana faktor persekitaran lebih terlibat secara langsung semasa pelaksanaan Pendidikan Jasmani yang mana faktor ini dirasakan oleh kedua guru opsyen mahupun bukan opsyen Pendidikan Jasmani.

6.0 KESIMPULAN, CADANGAN DAN IMPLIKASI

Kekangan persekitaran sekolah terbahagi kepada aspek fizikal sekolah, aspek keadaan peralatan dan aspek peruntukan. Dapatan menunjukkan aspek fizikal sekolah mendapat skor min tertinggi antara ketiga-tiga aspek berikut. Dari aspek fizikal sekolah, kesesakan murid yang terlalu ramai di padang menjadi faktor dengan nilai skor min tertinggi. Hal ini berpunca dari pentadbiran sekolah yang sering menggabungkan pelbagai kelas pada waktu yang sama iaitu di antara waktu sebelum rehat dan menyebabkan murid yang turun ke padang bagi sesi PdPc Pendidikan Jasmani terlalu ramai. Dari aspek keadaan peralatan, peralatan Pendidikan Jasmani yang rosak tidak diganti sering mengganggu PdPc Pendidikan Jasmani. Peralatan memainkan peranan yang penting dalam PdPc Pendidikan Jasmani kerana ia membantu sesebuah sesi itu berjalan lancar. Selain itu, kekangan peruntukan sudah menjadi lumrah dalam Pendidikan Jasmani terutama apabila pentadbiran sekolah yang lebih mementingkan perkembangan akademik dan tidak seimbang dengan perkembangan kokurikulum. Disamping itu, kekangan-kekangan ini turut dirasakan oleh guru Pendidikan Jasmani sama ada guru opsyen atau bukan opsyen kerana kajian menunjukkan tiada hubungan yang signifikan dalam menentukan tahap perbezaan faktor utama kekangan persekitaran sekolah antara guru opsyen dan bukan opsyen.

Pengkaji mencadangkan kepada pengkaji akan datang agar membuat analisis secara kualitatif. Dapatan daripada analisis ini akan dapat menyokong analisis kuantitatif dan membantu individu lain memahami dengan lebih jelas tentang isu yang diutarakan oleh pengkaji. Sehubungan itu, kajian-kajian masa hadapan seharusnya melibatkan guru-guru daripada pelbagai latar belakang dan kategori peringkat guru supaya perbandingan dapat dijalankan bagi mengenal pasti faktor kekangan persekitaran sekolah dalam pelaksanaan Pendidikan Jasmani.

Akhir sekali, kajian diharapkan membantu pihak kementerian mengenalpasti keperluan fizikal sekolah mengikut kepada kepadatan penduduk di suatu kawasan. Kajian ini boleh dijadikan panduan oleh pihak sekolah untuk menyusun langkah-langkah sewajarnya bagi mengatasi kelemahan yang didapati secara spesifik. Kajian yang dijalankan juga boleh membantu guru meningkatkan kualiti dalam melaksanakan pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc) dari masa ke masa.

RUJUKAN

- Ali Maksum. (2008). *Kualitas Guru Pendidikan Jasmani Di Sekolah: Antara harapan dan kenyataan*. Fakultas Ilmu Keolahragaan: Universitas Negeri Surabaya.
- Fraser, B. J. (1986). *Classroom Environment*. Croom Helm, London.
- Hoy, W.K. & Miskel, C.G. (1987). *Educational Administration: Theory, Research and Practice*. (3rd ed.). Random House, New York.
- Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (2017, Oktober 31). *Statistik sektor pengurusan sekolah*. <http://jpwpl.moe.gov.my/index.php/statistik-emis>. Dicapai pada 30 Januari 2018.
- Jarzabkowski L.M. (2002). *Journal Of Educational Enquiry* 3(2): 1-20. *The Social Dimensions Of Teacher Collegiality*.
- Safani Bari & Hamdan Mohd Ali. (2005). *Aktiviti pendidikan jasmani suaian pelajar berkeperluan khas (atas talian)* <http://www.Mpbl.edu.my/inter/penyelidikan/> kertas seminar2005.
- Syed Kamaruzaman Syed Ali, Muhamad Akbar Zahidi, Rahmad Sukor Ab. Samad,Wee, A.S.S.L. (2014). *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik. Faktor kekangan ibu bapa dan persekitaran sekolah dalam pelaksanaan pengajaran pendidikan jasmani di sekolah rendah*. Fakulti Pendidikan. Universiti Malaya
- Zuber Hj. Hassan. (1999). *Penilaian pelaksanaan kurikulum Pendidikan Jasmani sekolah rendah*. Tesis sarjana tidak diterbitkan: Universiti Malaya.

PERSEPSI GURU PELATIH PENDIDIKAN JASMANI TERHADAP AMALAN KESELAMATAN SEMASA PEMBELAJARAN DAN PEMUDAHCARAAN (PdPc)

MOHAMAD IKRAM AMIN BIN ADANAN
Jabatan Sains Sukan

Pensyarah Pembimbing
DR. MOHD KHAMDANI BIN SAIRI

ABSTRAK

Kajian ini merupakan satu tinjauan mengenai persepsi guru pelatih Pendidikan Jasmani terhadap amalan keselamatan semasa pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc). Kajian ini dijalankan untuk mengetahui persepsi guru pelatih terhadap aspek pengetahuan umum, pengawasan yang rapi, bimbingan dan tunjuk ajar serta persekitaran yang selamat. Selain itu, kajian ini juga meninjau perbezaan persepsi guru pelatih lelaki dan perempuan terhadap keselamatan semasa PdPc. Kaedah kuantitatif telah diaplikasikan untuk meninjau persepsi terhadap keempat-empat aspek tersebut. Kajian ini menggunakan instrumen yang diubahsuai dari kajian Ang Kean Koo (1998) kepada 56 orang guru pelatih Pendidikan Jasmani di Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas (IPGKIK). Pengumpulan data telah dilaksanakan dengan menggunakan Instrumen soal selidik. Kaedah statistik deskriptif diaplikasikan untuk menganalisis data dengan menggunakan perisian *Statistical Package for Science* (SPSS) versi 23.0 untuk mendapatkan peratusan, min dan ujian t. Dapatan kajian menunjukkan bahawa guru pelatih semester lima dan semester tujuh amat menitikberatkan keselamatan berdasarkan empat aspek yang dinyatakan. Kajian ini juga mendapati bahawa tidak terdapat perbezaan amalan keselamatan antara guru pelatih lelaki dan guru pelatih perempuan. Kajian ini diharapkan dapat menjadi rujukan kepada pengkaji-pengkaji akan datang untuk mengembangkan lagi kajian ini dengan mempelbagaikan responden dan kaedah kajian.

Kata Kunci: Amalan keselamatan semasa, PdPc, guru pelatih

ABSTRACT

This study is about the perception of Physical Education teacher trainers regarding the safety measures during the process of learning and facilitating. This study is conducted to see the perception of training teachers towards the aspects of general knowledge, enclosed supervision, guidance as well as safe teaching atmosphere. Besides, this study is also being conducted to see the differences of perception from male and female teacher trainers towards safety measures during learning and facilitation process. Quantitative method is being applied to observe four of the aspects which have been mentioned. This study uses the instrument which has been modified from the study of Ang Kean Koo (1998) to 56 teacher trainers of Physical Education in Institut Perguruan Kampus Ilmu Khas (IPGKIK). The data collection has been carried out using the instrument of questionnaire. The method of descriptive statistic has been applied to analyze data using Statistical Package of Science (SPSS) version 23.0 software. This software is being used to determine the percentage, mean and the T-test. The finding has shown that teacher trainers from Semester 5 and 7 are very much concerned about the safety measures based on the four aspects which are being discussed. This study also shows there is not much significant differences of safety measures that are being practiced between male and female teacher trainers. This study is hoped to be a reference to future researchers in order to expand and explore this research with different type of respondents and methods of study.

Keywords: Safety, learning and facilitating, trainee teachers

Emel: ikraminmia@gmail.com

1.0 PENGENALAN

Menurut Asrori (2009) pengertian persepsi adalah proses individu dalam menginterpretasikan, mengorganisasikan dan memberi makna terhadap rangsangan dari lingkungan di mana individu itu berada yang merupakan hasil dari proses belajar dan pengalaman. Dalam konteks kajian ini pula

persepsi membawa maksud sejauh manakah tahap penguasaan, pengamatan dan pelaksanaan aspek keselamatan para guru Pendidikan Jasmani semasa pelaksanaan PdPc.

Oleh itu, pihak kerajaan telah mengeluarkan surat pekeliling ikhtisas sebagai panduan kepada pihak yang terlibat. Menurut Aziz Ahmad (2009), surat pekeliling ikhtisas merupakan satu Warta Kerajaan yang dikeluarkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) yang diedarkan dari semasa ke semasa. Surat ini merupakan satu arahan dan garis panduan dalam melaksanakan suatu tugas dan perkhidmatan dan merupakan punca kuasa yang perlu dipatuhi oleh penjawat awam.

Seperti yang ditunjukkan oleh Dougherty et al.(2004) menyatakan bahawa kebanyakan kes-kes di makhamah yang melibatkan guru Pendidikan Jasmani dan jurulatih adalah disebabkan oleh kegagalan mereka dalam memenuhi tugas profesional mereka dalam tiga bidang yang utama iaitu tanggungjawab dalam membekalkan pemerhatian (supervision) yang efektif, tanggungjawab dalam membekalkan aktiviti yang sesuai, dan membekalkan keadaan persekitaran yang selamat.

2.0 PERNYATAAN MASALAH

Kajian lampau yang dilakukan oleh Ang Kean Koo (1998) hanyalah tertumpu kepada jurulatih dan guru sukan di Daerah Hulu Langat. Oleh itu pengkaji mengambil inisiatif untuk melakukan kajian ini terhadap responden di sekolah-sekolah berdekatan sahaja. Selain itu, terdapat juga kajian yang dilakukan oleh Steve Mcwilson (2003) yang melakukan kajian kes di sebuah akademi renang di Bristol untuk mengkaji punca kemalangan aktiviti air di sana. Oleh itu, pengkaji mengambil inisiatif untuk megenal pasti amalan keselamatan dalam PdPc dalam kalangan guru pelatih Pendidikan Jasmani di IPG.

3.0 OBJEKTIF DAN SOALAN KAJIAN

3.1 OBJEKTIF KAJIAN

- i. Mengenal pasti persepsi guru pelatih terhadap keselamatan PdPc dari aspek pengetahuan umum.
- ii. Mengenal pasti persepsi guru pelatih terhadap keselamatan PdPc dari aspek pengawasan yang rapi.
- iii. Mengenal pasti persepsi guru pelatih terhadap keselamatan PdPc dari aspek bimbingan dan tunjuk ajar.
- iv. Mengenal pasti persepsi guru pelatih terhadap keselamatan PdPc dari aspek persekitaran yang selamat.
- v. Mengenal pasti perbezaan persepsi amalan keselamatan guru pelatih lelaki dan perempuan.

3.2 SOALAN KAJIAN

- i. Apakah persepsi guru pelatih terhadap keselamatan PdPc dari aspek pengetahuan umum?
- ii. Apakah persepsi guru pelatih terhadap keselamatan PdPc dari aspek pengawasan yang rapi?
- iii. Apakah persepsi guru pelatih terhadap keselamatan PdPc dari aspek bimbingan dan tunjuk ajar?
- iv. Apakah persepsi guru pelatih terhadap keselamatan PdPc dari aspek persekitaran yang selamat?
- v. Apakah perbezaan persepsi amalan keselamatan guru pelatih lelaki dan perempuan?

4.0 METODOLOGI, SAMPEL, INSTRUMEN, ANALISIS DATA

4.1 METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif yang berbentuk deskriptif dan inferensi secara tinjauan yang menggunakan borang soal selidik untuk mengumpulkan maklumat dan data.

4.2 SAMPEL KAJIAN

Untuk mengawal keertian penyelidikan ini, guru pelatih semester 5 dan semester 7 pengkhususan Pendidikan Jasmani dari IPG Ilmu Khas telah dipilih. Seramai 56 orang sampel telah dipilih dari 62 saiz populasi kesemuanya. . Pemilihan saiz sampel adalah berpandukan jadual penentuan saiz sampel oleh Krejcie dan Morgan (1970).

4.3 INSTRUMEN KAJIAN

Instrumen kajian adalah merupakan satu set soal selidik yang terdiri daripada dua bahagian yang utama iaitu bahagian A ini mengandungi 8 item yang terdiri daripada ciri-ciri peribadi responden serta bahagian B terdiri daripada 25 item kenyataan yang berkaitan 4 aspek yang bakal menjawab persoalan kajian.

4.4 ANALISIS DATA

Data-data yang diperoleh dianalisis menggunakan statistik deskriptif dan inferensi. Statistik ini merangkumi analisis kekerapan, peratusan, min, sisihan piawai dan ujian-t bagi menjelaskan semua dapatan bagi setiap pemboleh ubah yang dikaji. Data-data yang diperoleh dianalisis menggunakan program perisian SPSS versi 23.0. Analisis Sub-program yang digunakan adalah ujian-t pada aras signifikan $p < 0.05$. Skala pengukuran skor min diukur berdasarkan interpretasi skor min: Tahap rendah = Min (1.00-2.33), Tahap sederhana = Min (2.34-3.67) dan Tahap tinggi = Min (3.68-5.00).

5.0 DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Jadual 1

Analisa 4 Aspek Keselamatan dalam PdPc

| Aspek | Min | Sisihan piawai | Tahap |
|---------------------------|------|----------------|--------|
| Pengetahuan umum | 4.80 | 0.24 | Tinggi |
| Pengawasan rapi | 4.77 | 0.26 | Tinggi |
| Bimbingan dan tunjuk ajar | 4.74 | 0.32 | Tinggi |
| Persekitaran yang selamat | 4.89 | 0.18 | Tinggi |
| Jumlah | 4.80 | 0.25 | Tinggi |

Jadual 1 menunjukkan taburan min dan sisihan piawai bagi persepsi guru pelatih terhadap keselamatan berdasarkan aspek pengetahuan umum, pengawasan yang rapi, bimbingan dan tunjuk ajar serta persekitaran yang selamat. Persepsi responden terhadap semua item diwakili oleh min-min setiap aspek. Jika skor min tinggi, bermakna guru pelatih amat menitikberatkan keselamatan dalam PdPc di sekolah. Dapatan kajian menunjukkan aspek persekitaran yang selamat berada pada tahap min yang paling tinggi iaitu 4.89 dan sisihan piawainya adalah 0.18. Ini diikuti aspek pengetahuan umum dengan min 4.80 dan sisihan piawai adalah 0.24. Manakala pada kedudukan ketiga pula ialah aspek pengawasan yang rapi dengan min 4.77 dan sisihan piawai 0.26. Aspek bimbingan dan tunjuk ajar berada pada kedudukan yang terakhir iaitu pada min 4.74 dengan sisihan piawai 0.32. Secara keseluruhannya, purata min bagi kesemua aspek adalah 4.80 dimana berada pada tahap yang tinggi. Hasil ini menunjukkan bahawa semua guru pelatih amat menitikberatkan aspek keselamatan seperti yang dinyatakan semasa pelaksanaan PdPc Pendidikan Jasmani.

Jadual 2

Perbandingan Persepsi Guru Pelatih Lelaki dan Perempuan

| Aspek | Jantina | Bil | Min | SD | t | df | p |
|---------------------------|-----------|-----|------|-------|------|----|------|
| Pengetahuan umum | Lelaki | 33 | 4.81 | 0.23 | 0.27 | 54 | 0.79 |
| | Perempuan | 23 | 4.79 | 0.27 | | | |
| Pengawasan yang rapi | Lelaki | 33 | 4.81 | 0.27 | 1.36 | 54 | 0.18 |
| | Perempuan | 23 | 4.71 | 0.26 | | | |
| Bimbingan dan tunjuk ajar | Lelaki | 33 | 4.77 | 0.29 | 1.04 | 54 | 0.30 |
| | Perempuan | 23 | 4.68 | 0.37 | | | |
| Persekitaran yang selamat | Lelaki | 33 | 4.89 | 0.19 | 0.02 | 54 | 0.99 |
| | Perempuan | 23 | 4.89 | 10.17 | | | |

*Aras signifikan $p < 0.05$

Bagi menjawab persoalan kelima, analisis ujian t tidak bersandar digunakan bagi membandingkan skor min keempat aspek di antara guru pelatih lelaki dan perempuan. Bagi aspek pengetahuan umum, ujian menunjukkan nilai $t(54) = 0.27$, $p = 0.79$ adalah tidak signifikan. Dapatan menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan min yang ketara antara guru pelatih lelaki ($M = 4.81$) dan perempuan ($M = 4.79$). Seterusnya, bagi aspek pengawasan yang rapi ujian menunjukkan nilai $t(54) = 1.36$, $p = 0.18$ adalah tidak signifikan. Dapatan menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan min yang ketara antara guru pelatih lelaki ($M = 4.81$) dan perempuan ($M = 4.71$). Bagi aspek bimbingan dan tunjuk ajar, ujian menunjukkan nilai $t(54) = 0.27$, $p = 0.18$ adalah tidak signifikan. Dapatan menunjukkan bahawa

tidak terdapat perbezaan min yang ketara antara guru pelatih lelaki ($M = 4.77$) dan perempuan ($M = 4.68$). Akhir sekali bagi aspek persekitaran yang selamat, ujian menunjukkan nilai $t(54) = -0.02$, $p = 0.99$ adalah tidak signifikan. Dapatan menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan min yang ketara antara guru pelatih lelaki ($M = 4.89$) dan perempuan ($M = 4.89$). Keputusan ini disokong oleh kajian yang dilakukan oleh Khuzairi (2007) bertajuk efikasi sendiri guru Pendidikan Jasmani. Hal ini demikian kerana keputusan ujian t yang dijalankan kepada kedua-dua kumpulan adalah tidak mempunyai hubungan yang signifikan.

6.0 KESIMPULAN, CADANGAN DAN IMPLIKASI

Kesimpulannya, dapatan menunjukkan bahawa purata nilai min bagi semua aspek keselamatan semasa PdPc adalah 4.8 iaitu pada tahap yang tinggi. Selain itu, dapatan kajian juga menunjukkan bahawa tiada hubungan yang signifikan di antara persepsi guru pelatih lelaki dan perempuan dalam amalan keselamatan mereka semasa pelaksanaan PdPc.

Terdapat beberapa cadangan yang diutarakan oleh pengkaji hasil dari kajian yang dilakukan. Kajian ini diharap dapat ditambah baik dengan mempelbagaikan responden. Antara contoh responden lain ialah guru pelatih dari Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) seperti Universiti Pertanian Malaysia (UPM) dan Universiti Teknologi Mara (UiTM). Oleh itu, pengkaji dapat membanding beza tahap amalan keselamatan yang diamalkan oleh kedua-dua kumpulan responden. Selain itu, diharap pengkaji pada masa akan datang dapat mempelbagai metodologi kajian kepada kajian kalitatif. Kajian kualitatif yang lengkap dengan rakaman gambar dan video bersifat lebih terperinci berbanding kajian soal selidik yang bersifat umum. Pengkaji juga boleh menjalankan ujian t dengan mempelbagai pemboleh ubah yang lain seperti jumlah kursus yang dihadiri dan gred pencapaian praktikum.

Kajian ini penting kepada pihak-pihak tertentu di Institut Pendidikan Guru seperti pengarah, pensyarah dan guru pelatih sendiri. Kajian ini boleh dijadikan gambaran keseluruhan persepsi semasa guru pelatih yang dihasilkan. Seterusnya, hasil dapatan kajian ini juga boleh dijadikan kayu ukur bagi guru pelatih semester 4 yang bakal menjalani praktikum kelak. Kesemua item yang dibina adalah berdasarkan aspek keselamatan yang perlu dititikberatkan. Jadi, mereka boleh menjadikan kajian ini sebagai panduan dalam merangka aspek keselamatan dalam PdPc.

RUJUKAN

- Ang Kean Koo. (1998). Persepsi jurulatih dan guru sukan terhadap aspek keselamatan dalam program sukan. Master. Universiti Putra Malaysia.
- Asrori Mohammad. (2009). *Psikologi Pembelajaran*. Bandung: CV Wacana Prima.
- Aziz Ahmad. (2009). *Panduan Guru Novis*. Ipoh: Cahaya Pendidik Sdn Bhd.
- Dougherty, Auzter, Goldberger, & Heinzmann. (2004). *Sport, Physical Activity and The Law*. Champaign: Human Kinetics Publishers.
- Khuzairi. (2007). Efikasi sendiri guru pendidikan Jasmani. Universiti Teknologi Mara.
- Krejcie, R.V. & Morgan, D.W. (1970). Determining Sample Size for Research. *Educational and Psychological Measurement*, 9-15.
- Steve McWilson. (2003). A case study: Duper Aquatic Center Incident. Bristol.

TAHAP PENGUASAAN DAN PELAKSANAAN GURU PENDIDIKAN JASMANI DALAM MENGURUS UJIAN SEGAK

MOHD AKRAM BIN AZMAN
Jabatan Sains Sukan

Pensyarah Pembimbing
Dr. Mohd Khamdani bin Sairi

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengetahui tahap penguasaan dan pelaksanaan guru Pendidikan Jasmani dalam menguruskan ujian SEGAK. Kajian berbentuk tinjauan ini menggunakan set soal selidik skala likert empat mata sebagai instrumen kajian untuk mengumpulkan data. Data kajian yang dikumpul telah dianalisis menggunakan statistik deskriptif yang terdiri daripada min, sisihan piawaian dan ujian-t. Kajian ini telah melibatkan seramai 48 responden yang terdiri daripada guru Pendidikan Jasmani di sekitar Kuala Lumpur. Dapatan kajian menunjukkan tahap penguasaan dan pelaksanaan guru Pendidikan Jasmani dalam ujian SEGAK pada tahap sederhana. Hasil dapatan kajian ini juga mendapati bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap pelaksanaan guru Pendidikan Jasmani dalam ujian SEGAK.

Kata Kunci: Tahap penguasaan dan pelaksanaan, guru Pendidikan Jasmani, SEGAK

ABSTRACT

The purpose of this study is to figure out the comprehensiveness and implementation of Physical Education teachers in conducting SEGAK test. This descriptive survey used a four-point likert scale questionnaire as a research instrument for data collection. The collected data were analyzed using descriptive statistic consisting of mean, standard deviation and t-test. This study involved 48 respondents comprising Physical Education teachers around Kuala Lumpur. The findings shows the mastery level and implementation of Physical Education teachers in the SEGAK test is at moderate level. The results of this study also found that there is no significant difference between the mastery level and implementation of Physical Education teachers in SEGAK test.

Keywords: Comprehensiveness and implementation, Physical Education teachers, SEGAK

Emel: akramazman09@gmail.com

1.0 PENGENALAN

Satu penilaian standard yang dikenali sebagai Program Penilaian Standard Kecergasan Fizikal Kebangsaan Untuk Murid Sekolah Malaysia (SEGAK) telah dirangka untuk dilaksanakan mulai sesi persekolahan 2008. Komponen kecergasan yang diuji dalam ujian SEGAK melibatkan lima komponen iaitu kardiovaskular, daya tahan otot, kekuatan, kelenturan dan komposisi tubuh badan (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2008). Selaras dengan itu, satu aktiviti kecergasan yang terancang perlu dilaksanakan dengan sempurna mengikut prosedur yang ditetapkan bagi setiap item ujian dan dinilai mengikut norma yang juga ditetapkan agar satu penilaian yang standard dan sistematik dapat diukur. Mengikut Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 4, (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2008) ujian SEGAK wajib diadakan dua kali setahun dan diharapkan dapat memotivasikan murid dalam mengamalkan gaya hidup yang sihat.

Oleh itu, dalam usaha untuk menjalankan ujian SEGAK ini supaya berjalan dengan baik dan jayanya, peranan semua pihak yang dipertanggungjawabkan terutamanya Ketua Panitia dan guru-guru Pendidikan Jasmani adalah amat diperlukan (Zainal Abidin Zainuddin & Shafezan Hamidi Abd Hamid , 2010).

2.0 PERNYATAAN MASALAH

Kajian-kajian lampau menunjukkan terdapat banyak isu tentang ujian SEGAK antaranya isu pelaksanaan lebih sukar berbanding kefahaman guru dan prosedur pentadbiran juga dilihat tidak terurus. Oleh itu pengkaji menjalankan satu kajian untuk mengenal pasti tahap penguasaan dan pelaksanaan guru Pendidikan Jasmani dalam menguruskan ujian SEGAK di sekolah sekitar Kuala Lumpur.

3.0 OBJEKTIF DAN SOALAN KAJIAN

3.1 OBJEKTIF KAJIAN

- i. Mengetahui tahap penguasaan guru Pendidikan Jasmani dalam mengurus ujian SEGAK.
- ii. Mengetahui tahap pelaksanaan guru Pendidikan Jasmani dalam mengurus ujian SEGAK.
- iii. Mengetahui tahap perbezaan penguasaan guru major dan minor Pendidikan Jasmani dalam mengurus ujian SEGAK di sekolah.
- iv. Mengetahui tahap perbezaan pelaksanaan guru major dan minor Pendidikan Jasmani dalam mengurus ujian SEGAK di sekolah.

3.2 SOALAN KAJIAN

- i. Sejauhmanakah tahap penguasaan guru Pendidikan Jasmani dalam mengurus ujian SEGAK?
- ii. Sejauhmanakah tahap pelaksanaan guru Pendidikan Jasmani dalam mengurus ujian SEGAK?
- iii. Adakah terdapat perbezaan tahap penguasaan guru major dan guru minor Pendidikan Jasmani dalam mengurus ujian SEGAK?
- iv. Adakah terdapat perbezaan tahap pelaksanaan guru major dan guru minor Pendidikan Jasmani dalam mengurus ujian SEGAK?

4.0 METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif yang berbentuk deskriptif dan inferensi secara tinjauan yang menggunakan borang soal selidik untuk mengumpulkan maklumat dan data. Fokus kajian tertumpu kepada 48 orang guru Pendidikan Jasmani yang mengajar di sekitar Kuala Lumpur. Pemilihan saiz sampel adalah berpandukan jadual penentuan saiz sampel oleh Krejcie dan Morgan (1970).

Instrumen kajian yang digunakan adalah set borang soal selidik yang mempunyai 3 bahagian utama. Item soalan berkaitan tahap penguasaan dan pelaksanaan guru Pendidikan Jasmani. Soal selidik ini diambil daripada (Zulkifli Hassan & Norazilawati Abdullah, 2016) dan telah diubahsuai. Data-data yang diperoleh dianalisis menggunakan statistik deskriptif dan inferensi. Statistik ini merangkumi analisis kekerapan, min, sisihan piawai dan ujian-t.

5.0 DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Mengenal pasti tahap penguasaan guru Pendidikan Jasmani dalam menguruskan ujian SEGAK.

Jadual 1

Tahap Penguasaan Guru Pendidikan Jasmani

| Item | Min | SP | Tahap |
|--|--------|---------|-----------|
| Sekolah saya menerima Modul SEGAK yang dibekalkan oleh KPM. | 3.3542 | 0.81187 | Sederhana |
| Saya dapat memahami kandungan Modul SEGAK. | 3.2708 | 0.79197 | Sederhana |
| Saya dapat mengaplikasi kandungan Modul SEGAK. | 3.2917 | 0.68287 | Sederhana |
| Saya dapat mempraktikkan kandungan Modul SEGAK. | 3.2708 | 0.70679 | Sederhana |
| Saya tidak perlu mengambil jangka masa yang lama untuk memahami kandungan Modul SEGAK. | 3.3333 | 0.69446 | Sederhana |

| | | | |
|--|---------------|---------------|------------------|
| Saya tidak menghadapi kesukaran menjalankan ujian-ujian dalam modul tersebut. | 3.2292 | 0.72169 | Sederhana |
| Ujian-ujian kecergasan dalam Modul SEGAK sesuai untuk murid-murid sekolah rendah. | 3.2292 | 0.72169 | Sederhana |
| SEGAK menguji semua komponen kecergasan fizikal murid-murid. | 3.3333 | 0.78098 | Sederhana |
| SEGAK perlu dimurnikan agar lebih efektif menguji tahap kecergasan murid-murid sekolah rendah. | 3.2708 | 0.70679 | Sederhana |
| Bateri ujian yang diterangkan jelas dan mengikut prosedur yang betul. | 3.4583 | 0.68287 | Sederhana |
| Saya sering kali menghubungi pihak PPK untuk mendapatkan maklumat tentang SEGAK. | 2.3542 | 0.86269 | Rendah |
| SEGAK sesuai digunakan untuk mengenalpasti bakat murid-murid dalam bidang sukan. | 3.6458 | 0.48332 | Tinggi |
| Secara keseluruhan pandangan saya tentang SEGAK. | 3.7292 | 0.44909 | Tinggi |
| KESELURUHAN | 3.2900 | 0.6442 | Sederhana |

Berdasarkan jadual 1, min keseluruhan bagi bahagian yang berkaitan penguasaan guru Pendidikan Jasmani ialah 3.29 iaitu pada tahap sederhana. Dua item yang mempunyai min tertinggi adalah Item 12 SEGAK sesuai untuk mengenalpasti bakat murid-murid (min=3.65) dan Item 13 jangka masa memahami kandungan buku SEGAK (min=3.73). Satu item lain yang mempunyai nilai min rendah adalah item 10 bateri ujian diterangkan jelas (min=2.35). Item-item lain yang tidak dinyatakan berada di tahap yang sederhana. Dapatan ini selari dengan dapatan Zainal Abidin & Shafezan Hamidi (2010), yang mendapati isu kefahaman bukan isu utama dalam Ujian SEGAK.

Mengenal pasti tahap pelaksanaan guru Pendidikan Jasmani dalam menguruskan ujian SEGAK.

Jadual 2

Tahap Pelaksanaan Guru Pendidikan Jasmani

| Item | Min | SP | Tahap |
|--|--------|---------|-----------|
| Pelaksanaan SEGAK sesuai dilakukan pada minggu ke 8 sesi persekolahan. | 3.5000 | 0.61885 | Tinggi |
| Pelaksanaan SEGAK sesuai dilakukan pada minggu 1 – 2 sesi persekolahan. | 2.9167 | 0.94155 | Sederhana |
| Saya melaksanakan SEGAK sebanyak 2 kali pada setiap semester. | 3.6250 | 0.53096 | Tinggi |
| Saya melaksanakan SEGAK sebanyak sekali setiap semester. | 3.4167 | 0.57735 | Sederhana |
| Saya melaksanakan SEGAK pada waktu PJ. | 3.5000 | 0.61885 | Tinggi |
| Saya melaksanakan SEGAK pada waktu gerko. | 2.8958 | 0.75059 | Sederhana |
| Sewaktu SEGAK saya memilih 2 bateri ujian untuk dilakukan pada waktu PJ. | 2.9792 | 0.83767 | Sederhana |
| Peralatan sekolah saya mencukupi untuk melaksanakan SEGAK. | 2.9167 | 0.94155 | Sederhana |
| Sekolah saya mempunyai kawasan yang sesuai dan selamat untuk melaksanakan SEGAK. | 3.5000 | 0.61885 | Tinggi |
| Murid saya memberi respon yang baik dalam melaksanakan SEGAK. | 3.3958 | 0.60983 | Sederhana |

| | | | |
|---|---------------|---------------|------------------|
| Murid saya memberi kerjasama yang baik dalam melaksanakan SEGAK. | 3.3542 | 0.72902 | Sederhana |
| Saya memberi penerangan SEGAK seminggu sebelum ujian dilaksanakan | 3.6042 | 0.57388 | Tinggi |
| KESELURUHAN | 3.2534 | 0.7071 | Sederhana |

Berdasarkan analisis data yang telah dijalankan, min keseluruhan bagi bahagian yang berkaitan pelaksanaan guru Pendidikan Jasmani ialah 3.25 pada tahap sederhana. Bagi item 5 iaitu laksana SEGAK pada waktu PJ (min=3.50) telah menunjukkan tahap yang tinggi berbanding item 6 iaitu laksana SEGAK pada waktu GERKO (min=2.90) yang berada pada tahap yang sederhana. Dapatan ini selari dengan dapatan kajian Abang Ismail, Julhi Norani, dan Puspaleela Habibie Norlela (2008), di mana hasil kajiannya mendapati ramai responden memilih waktu PJ adalah masa yang sesuai untuk dijalankan UKP berbanding masa gerko dan waktu selepas waktu persekolahan.

Meninjau tahap perbezaan penguasaan guru major Pendidikan Jasmani dan minor Pendidikan Jasmani dalam menguruskan ujian SEGAK di sekolah.

Jadual 3

Perbezaan Tahap Penguasaan Guru Major Pendidikan Jasmani dan Minor Pendidikan Jasmani

| | | Ujian persamaan | Lavene's varian | Persamaan min bagi Ujian-t | | |
|------------|----------------------------|-----------------|-----------------|----------------------------|--------|-----------|
| | | F | Sig. | T | Df | Sig (2-t) |
| Penguasaan | Persamaan varian andaian | 1.171 | .285 | 0.473 | 46 | .639 |
| | Persamaan varian B/Andaian | | | 0.443 | 19.180 | .662 |

Hasil analisis menunjukkan bahawa nilai $t(46) = 0.473$, $p = 0.639$ adalah tidak signifikan. Keputusan ujian menunjukkan bahawa terdapat perbezaan skor penguasaan ujian SEGAK, di antara guru major Pendidikan Jasmani ($M = 3.312$, $SD = 0.509$) dengan guru minor Pendidikan Jasmani ($M = 3.231$, $SD = 0.584$). Kajian ini selari dengan Shari (2000), yang mana tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara tahap kemahiran mengajar guru major P. Jasmani dan guru minor.

Meninjau tahap perbezaan pelaksanaan guru major Pendidikan Jasmani dan minor Pendidikan Jasmani dalam menguruskan ujian SEGAK di sekolah.

Jadual 4

Perbezaan Tahap Pelaksanaan Guru Major Pendidikan Jasmani dan Minor Pendidikan Jasmani

| | | Ujian persamaan | Lavene's varian | Persamaan min bagi Ujian-t | | |
|-------------|----------------------------|-----------------|-----------------|----------------------------|--------|-----------|
| | | F | Sig. | T | Df | Sig (2-t) |
| Pelaksanaan | Persamaan varian andaian | 1.196 | .280 | .483 | 46 | .631 |
| | Persamaan varian B/Andaian | | | .443 | 18.524 | .663 |

Jadual 4 menunjukkan nilai $t(46) = 0.483$, $p = 0.631$ adalah tidak signifikan. Keputusan ujian menunjukkan terdapat perbezaan skor pelaksanaan ujian SEGAK, di antara guru major Pendidikan Jasmani ($M = 3.274$, $SD = 0.453$) dengan guru minor Pendidikan Jasmani ($M = 3.199$, $SD = 0.545$).

Namun, hasil dapatan ini berbeza dengan dapatan kajian Kim Geok, Aminuddin, Soh Kim Lam, Zainol Rashidi dan Siti Zarifah (2016) yang mendapati bahawa guru bukan opsyen PJ kurang mahir dari segi pengendalian aktiviti kokurikulum secara keseluruhan.

6.0 KESIMPULAN, CADANGAN DAN IMPLIKASI

Hasil dapatan bagi tahap penguasaan menunjukkan ujian SEGAK sesuai untuk mengenal pasti bakat murid dalam bidang sukan. Hasil dapatan juga menunjukkan guru-guru yang melaksanakan ujian SEGAK, memahami modul SEGAK. Bagi hasil dapatan tahap pelaksanaan pula menunjukkan guru melaksanakan ujian SEGAK dua kali semester dan guru sering melakukan pada waktu Pendidikan Jasmani. Secara keseluruhannya, tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap penguasaan dan pelaksanaan guru major dan minor Pendidikan Jasmani. Ini menunjukkan bahawa seorang guru sentiasa bersedia menggalas tanggungjawab yang diberikan oleh pihak sekolah.

Pengkaji mencadangkan kepada pengkaji akan datang agar membuat analisis secara kualitatif. Dapatan tersebut dapat menyokong analisis kuantitatif dan membantu individu lain memahami dengan lebih jelas tentang isu yang diutarakan. Sehubungan itu, kajian-kajian masa hadapan seharusnya melibatkan guru-guru daripada pelbagai latar belakang dan negeri supaya perbandingan dapat dijalankan dengan lebih terperinci.

Kajian ini diharap mampu bertindak sebagai mekanisma untuk meningkatkan tahap penguasaan dan pelaksanaan guru dalam menguruskan ujian SEGAK. Diharapkan semoga hasil kajian ini dapat menerangkan tentang isu utama Ujian SEGAK serta membantu pelbagai pihak terutamanya mereka yang terlibat secara langsung dalam bidang ini terutamanya Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM), sekolah dan guru.

RUJUKAN

- Abang Ismail, Abang Julhi, Noraini, Puspalela Habibie Norlela. (2008). Ujian kecergasan fizikal: Sejauhmanakah pelaksanaannya di sekolah menengah. *Jurnal Penyelidikan, Institut Perguruan Batu Lintang, Kuching, Sarawak, Jilid 8, ISSN 1675-6374, 1-13.*
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (2008). *Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 4/2008: Standard Kecergasan Fizikal Kebangsaan Untuk Murid Sekolah Malaysia (SEGAK)*: Putrajaya. Kerajaan Malaysia.
- Kim Geok, Aminuddin Yusof, Soh Kim Lam, Zainol Rashidi Md. Noor & Siti Zarifah Alauddin. (2016). *Kajian Sukan*. Universiti Malaya.
- Krejcie, R.V. & Morgan, D.W. (1970). Determining Sample Size for Research. *Educational and Psychological Measurement, 9-15.*
- Shari, N. (2000). *Kemahiran pengajaran guru dalam mata pelajaran Pendidikan Jasmani*. Universiti Teknologi Malaysia: Projek Sarjana Muda.
- Zainal Abidin Zainuddin & Shafezan Hamidi Abd Hamid. (2010). Persepsi Guru-Guru Pendidikan Jasmani Terhadap Perlaksanaan Ujian Standard Kecergasan Fizikal Kebangsaan Untuk Murid Sekolah Malaysia (SEGAK) Di Sekitar Bandar Johor Bahru Dan Bandar Skudai. *Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia, 1-7.*
- Zulkifli Hassan & Norazilawati Abdullah. (2016). Penilaian guru sekolah rendah di daerah Kinta Utara. *JPBU Edisi Khas, 18-25.*

**EFIKASI KENDIRI GURU PENDIDIKAN JASMANI TERHADAP PELAKSANAAN
PENGAJARAN DAN PEMUDAHCARAAN MATA PELAJARAN PENDIDIKAN JASMANI
DI SEKOLAH RENDAH SEKITAR ZON PUDU**

MOHD NOOR AZHAR BIN MARZUKHI
Jabatan Sains Sukan

Pensyarah Pembimbing
PN. JAMALIYAH BINTI AHMAD

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk meninjau efikasi sendiri guru Pendidikan Jasmani terhadap pelaksanaan pengajaran dan pemudahcaraan mata pelajaran Pendidikan Jasmani di sekolah rendah sekitar zon Pudu. Kajian ini meninjau efikasi sendiri guru Pendidikan Jasmani dari segi strategi instruksional, penglibatan pelajar dan pengurusan kelas. Kajian berbentuk tinjauan ini menggunakan set soal selidik Teacher's Sense of Efficacy Scale (TSES). Data kajian yang dikumpul dan diproses dengan menggunakan statistik deskriptif seperti frekuensi, peratusan dan min telah digunakan untuk menjelaskan profil responden dan menjawab persoalan kajian. Sementara ujian - t digunakan untuk melihat perbezaan efikasi sendiri dari segi jantina, guru pakar dan novis, pengalaman mengajar dan opsyen atau pengkhususan. Seramai 52 responden yang terdiri daripada guru yang mengajar Pendidikan Jasmani di sekolah rendah sekitar zon Pudu. Tahap efikasi guru Pendidikan Jasmani adalah tinggi. Hasil kajian menunjukkan berdasarkan tiga pemboleh ubah iaitu strategi instruksional (min 3.80), penglibatan murid (min 3.79) dan pengurusan bilik darjah (min 3.78). Tahap efikasi sendiri guru berdasarkan lelaki dan wanita menunjukkan tiada perbezaan signifikan iaitu pada nilai $t = -1.58$, $p > 0.05$. Hasil dapatan juga menunjukkan terdapat perbezaan tahap efikasi sendiri antara guru pakar dan guru novis semasa pengajaran Pendidikan Jasmani dijalankan. Begitu juga terdapat perbezaan tahap efikasi antara guru opsyen dan guru bukan opsyen. Namun efikasi sendiri tidak dipengaruhi oleh jantina.

Kata Kunci: Efikasi sendiri, pengajaran dan pemudahcaraan, guru Pendidikan Jasmani

ABSTRACT

This research was aimed to survey self-efficacy of Physical Education teachers in terms of carrying out Physical Education lesson in primary schools around Pudu area. The Physical Education teacher's self-efficacy was surveyed through the aspect of instructional strategy, pupil's participation and classroom management. The research instrument used to collect data was a set of questionnaire by Tschannen – Moran and Hoy which is Teacher's Sense of Efficacy Scale (TSES). The research data was analysed through the use of SPSS version 23. The descriptive statistic such as the frequency, percentage and mean are used to describe the respondent's profile and to answer the research questions. The t-test was used to survey the difference on the self-efficacy in terms of gender, specialised teachers and novice teachers, teaching experience and teaching options or specialisation. This research involves 52 respondent which comprises of teachers teaching Physical Education in primary schools in Pudu area. The findings from the research shows that self-efficacy for Physical Education teachers were high while the mean score for instructional strategy was high which is 3.80, followed by pupil's participation with the mean score of 3.79 and pupil's participation with the mean score of 3.78. The level of self-efficacy for male and female teachers have shown no significant differences ($t = -1.58$, $p > 0.05$). In conclusion, there are no differences in self-efficacy level between specialised teachers and novice teachers but got difference between majoring in Physical Education teachers and teachers who are not majoring in Physical Education. However, self-efficacy is not affected by genders.

Keywords: Self efficacy, teaching and facilitation, Physical Education teacher

Emel: mnazhar5@gmail.com

1.0 PENGENALAN

Kecemerlangan murid sering kali dikaitkan dengan kaedah pengajaran oleh guru dan juga pembelajaran seseorang murid. Secara umumnya pengajaran adalah proses penyampaian kemahiran, ilmu pengetahuan, sikap dan nilai. Manakala pembelajaran boleh didefinisikan sebagai proses pemerolehan maklumat dan pengetahuan, penguasaan kemahiran dan tabiat serta pembentukan sikap dan kepercayaan. Proses pengajaran dan pemudahcaraan yang berkesan memerlukan para guru memahami peranan, murid dan persekitarannya. Ini disebabkan para guru dan murid kerap kali membawa pengalaman mereka dalam pengajaran dan pemudahcaraan. Oleh itu, guru perlu benar – benar mengetahui pelbagai model, kaedah dan strategi pengajaran dan pemudahcaraan dan berusaha menggunakan mengikut keadaan dan kesesuaian. Guru berperanan sebagai pemudah cara dalam proses pembelajaran dan pengajaran yang berkesan untuk memperkembangkan potensi murid secara menyeluruh dan meningkatkan pencapaian murid pada tahap optimum secara berterusan. Guru perlu yakin dalam menjalankan proses pengajaran dan pemudahcaraan. Keyakinan yang ada pada guru dapat mewujudkan proses PdPc yang kondusif dan berkesan. Guru yang yakin merujuk kepada tahap efikasi sendiri.

Efikasi sendiri merupakan konstruk yang dipelopori oleh Bandura menerusi teori kognitif sosial. Efikasi sendiri adalah kepercayaan dan keyakinan individu terhadap keupayaannya untuk menyelaras dan melaksanakan serangkaian tindakan yang diperlukan untuk mencapai tujuan yang dikehendaki (Bandura, 1993). Menurut Tschannen-Moran, Hoy dan Hoy (1998), efikasi guru merujuk kepada kepercayaan guru akan keupayaan diri untuk menyusun atur dan melakukan satu siri tindakan yang diperlukan untuk menyempurnakan satu tugas pengajaran dalam konteks yang spesifik. Perkara ini selari dengan peranan guru dalam membentuk PdPc yang kondusif dan berkesan kepada murid – muridnya. Mata pelajaran Pendidikan Jasmani memerlukan kaedah yang sesuai dan tepat bagi mewujudkan satu suasana pengajaran dan pemudahcaraan (PdPc) yang kondusif dan berkesan kepada guru dan murid. Melalui kaedah pengajaran yang menarik yang diterapkan oleh guru, hal ini mampu menarik minat murid untuk mempelajari dan mengikuti pengajaran yang disampaikan oleh guru. Pelajar yang diajar oleh guru yang mempunyai efikasi yang lebih baik dan kuat dapat memberikan penilaian yang positif terhadap guru tersebut (Woolfolk, Rosoff & Hoy, 1993). Dalam membentuk satu PdPc yang berkesan dan menarik, hal ini menuntut kesungguhan serta komitmen yang tinggi guru dalam menjayakan PdPc tersebut agar mampu mencapai matlamat yang telah ditetapkan sebelum memulakan pengajaran.

2.0 PERNYATAAN MASALAH

Dewasa ini, terdapat sesetengah sekolah yang Guru yang mengajar Pendidikan Jasmani adalah bukan dari guru opsyen atau pengkhususan mata pelajaran pendidikan jasmani itu sendiri (Syed Kamarzuan Syed Ali, 2014). Hal ini menyebabkan guru yang diarahkan untuk mengajarkan mata pelajaran tersebut tidak mempunyai asas yang kukuh untuk mengajar mata pelajaran tersebut. Hal ini menyumbang kepada proses pengajaran yang kurang berkesan atau efektif kepada murid. Merujuk kepada Surat Perkeliling Iktisas Bil. 4/1986, kejayaan murid dalam pembelajaran, motivasi serta minat mereka terhadap suatu mata pelajaran mempunyai hubungan yang rapat dengan kemampuan serta kebolehan guru dalam membentuk proses pengajaran yang berkesan terhadap murid. Hal ini jelas menunjukkan bahawa keyakinan seorang guru semasa dan untuk mengajar suatu mata pelajaran menjadi faktor utama kepada kejayaan seseorang murid.

Jika guru yang mengajar suatu mata pelajaran dengan tiada persediaan dan kurang berkeyakinan kerana bukan dari bidang mereka hal ini memberikan satu tanggapan yang negatif kepada semua pihak tidak kira pihak pentadbir, ibu bapa bahkan murid itu sendiri. Guru yang diberi tanggungjawab yang kurang berkeyakinan maka sudah tentu pengajarannya akan menjadi kurang berkesan dan ini akan menjemukan muridnya (Mohd Zaki Che Hassan, 2014).

3.0 OBJEKTIF DAN SOALAN KAJIAN

3.1 OBJEKTIF KAJIAN

- i. Tahap efikasi guru Pendidikan Jasmani di sekolah rendah dalam zon Pudu.
- ii. Perbezaan yang signifikan tahap efikasi guru Pendidikan Jasmani antara guru lelaki dan wanita.
- iii. Perbezaan yang signifikan tahap efikasi guru Pendidikan Jasmani berdasarkan faktor pengkhususan dan bukan pengkhususan.

- iv. Perbezaan yang signifikan tahap efikasi guru Pendidikan Jasmani berdasarkan faktor pengalaman mengajar guru.

3.2 SOALAN KAJIAN

- i. Apakah tahap efikasi guru Pendidikan Jasmani di sekolah rendah dalam zon Pudu?
- ii. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan tahap efikasi guru Pendidikan Jasmani antara guru lelaki dan wanita?
- iii. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan tahap efikasi guru Pendidikan Jasmani berdasarkan faktor pengkhususan dan bukan pengkhususan?
- iv. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan tahap efikasi guru Pendidikan Jasmani berdasarkan faktor pengalaman mengajar guru?

4.0 METODOLOGI, SAMPEL, INSTRUMEN, ANALISIS DATA

4.1 METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif yang berbentuk deskriptif dan inferensi secara tinjauan yang menggunakan borang soal selidik untuk mengumpulkan maklumat dan data.

4.2 SAMPEL KAJIAN

Fokus kajian bertumpu kepada 52 orang guru Pendidikan Jasmani sekolah rendah sekitar Zon Pudu. Pemilihan saiz sampel adalah berpandukan jadual penentuan saiz sampel oleh Krejcie dan Morgan (1970). Sampel terdiri daripada guru lelaki dan perempuan. Sampel juga dikelaskan kepada guru novis, pakar, opsyen dan bukan opsyen Pendidikan Jasmani.

4.3 INSTRUMEN KAJIAN

Instrumen kajian yang digunakan adalah set borang soal selidik yang mempunyai bahagian A dan B. Item soalan berkaitan efikasi sendiri berdasarkan *Teacher's Sense of Efficacy Scale* (Tschannen – Moran dan Hoy, 2001). Soal selidik ini telah diterjemahkan ke Bahasa Melayu di bawah bimbingan pensyarah Jabatan Pengajian Melayu, IPG Kampus Ilmu Khas. Soal selidik ini terdiri daripada tiga konstruk iaitu penglibatan pelajar, strategi instruksional dan pengurusan kelas.

4.4 ANALISIS DATA

Data-data yang diperoleh dianalisis menggunakan statistik deskriptif dan inferensi. Statistik ini merangkumi analisis kekerapan, peratusan, min, sisihan piawai dan ujian-t bagi menjelaskan semua dapatan bagi setiap pemboleh ubah yang dikaji. Data ini diperoleh menggunakan perisian SPSS versi 23. Analisis deskriptif digunakan bagi mengenalpasti demografi responden dari segi jantina, pengalaman mengajar dan opsyen atau pengkhususan. Manakala, statistik inferensi bagi mengenal pasti sama ada terdapat perbezaan signifikan antara dua pembolehubah.

5.0 DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Analisis Tahap Efikasi Kendiri Guru Pendidikan Jasmani terhadap Pengajaran dan Pemudahcaraan PJ.

Jadual 1

Tahap Efikasi Kendiri Guru Pendidikan Jasmani

| Efikasi Kendiri | Min | Sisihan Piawai | Tahap |
|------------------------|------|----------------|--------|
| Penglibatan Pelajar | 3.79 | .53 | Tinggi |
| Strategi Instruksional | 3.80 | .49 | Tinggi |
| Pengurusan Kelas | 3.78 | .52 | Tinggi |

Berdasarkan Jadual 1, Skor min bagi pembolehubah strategi instruksional adalah paling tinggi iaitu (3.80) berbanding pembolehubah penglibatan pelajar (3.79) dan pembolehubah pengurusan kelas (3.78). Ketiga – tiga pemboleh ubah ini menunjukkan tahap yang tinggi.

Analisis perbezaan signifikan tahap efikasi sendiri guru Pendidikan Jasmani berdasarkan jantina, pengalaman guru dan pengkhususan atau opsyen.

Jadual 2

Ujian T Skor Min Efikasi Kendiri antara Jantina Guru Pendidikan Jasmani

| Pemboleh ubah | t | p |
|------------------------|-------|-----|
| Penglibatan Pelajar | -0.45 | .66 |
| Strategi instruksional | -1.53 | .13 |
| Pengurusan Kelas | -2.35 | .02 |
| Keseluruhan | -1.58 | .12 |

Berdasarkan Jadual 2, nilai t (-0.45) pada darjah $p > 0.05$ menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara guru lelaki dan wanita dalam mengendalikan penglibatan pelajar dalam kelas. Begitu juga pemboleh ubah strategi instruksional nilai t (-1.53) pada darjah $p > 0.05$ menunjukkan tiada perbezaan signifikan. Namun pada pemboleh ubah pengurusan kelas nilai t (-2.35) pada darjah $p < 0.05$ menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan antara guru lelaki dan perempuan. Secara keseluruhannya, nilai t (-1.58) pada darjah $p > 0.05$ menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara guru lelaki dan perempuan dari segi tahap efikasi sendiri.

Jadual 3

Ujian t Berdasarkan Skor min Efikasi Kendiri antara Pengalaman Guru Pendidikan Jasmani

| Pemboleh ubah | t | p |
|------------------------|------|-----|
| Penglibatan Pelajar | 1.04 | .30 |
| Strategi instruksional | 0.84 | .40 |
| Pengurusan Kelas | 1.26 | .21 |
| Keseluruhan | 1.18 | .25 |

Berdasarkan Jadual 3, nilai t (1.04) pada darjah $p > 0.05$ menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara guru novis dan pakar dalam mengendalikan penglibatan pelajar di dalam kelas. Begitu juga pemboleh ubah strategi instruksional nilai t (0.84) dan pengurusan kelas nilai t (1.26) pada darjah $p > 0.05$ menunjukkan tiada perbezaan signifikan. Secara keseluruhannya, nilai t (1.18) pada darjah $p > 0.05$ menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara guru novis dan pakar dari segi tahap efikasi sendiri.

Jadual 4

Ujian t Berdasarkan Skor min Efikasi Kendiri antara Pengkhususan Guru Pendidikan Jasmani

| Pemboleh ubah | t | p |
|------------------------|-------|-----|
| Penglibatan Pelajar | -2.41 | .01 |
| Strategi instruksional | -1.57 | .12 |
| Pengurusan Kelas | -3.64 | .01 |
| Keseluruhan | -2.73 | .02 |

Berdasarkan Jadual 4, nilai t (-2.41) pada darjah $p < 0.05$ menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan antara guru opsyen dan bukan opsyen dalam mengendalikan penglibatan pelajar dalam kelas. Begitu juga pemboleh ubah strategi instruksional nilai t (-1.57) pada darjah $p > 0.05$ menunjukkan tiada perbezaan signifikan. Namun pada pemboleh ubah pengurusan kelas nilai t (-3.64) pada darjah $p < 0.05$ menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan antara guru opsyen dan bukan opsyen. Secara keseluruhannya, nilai t (-2.73) pada darjah $p < 0.05$ menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan antara guru opsyen dan bukan opsyen dari segi tahap efikasi sendiri.

6.0 KESIMPULAN, CADANGAN DAN IMPLIKASI

Hasil kajian mendapati efikasi sendiri guru Pendidikan Jasmani adalah tinggi berdasarkan skor min yang diperolehi daripada ketiga – tiga pemboleh ubah iaitu penglibatan pelajar, strategi instruksional dan pengurusan kelas adalah iaitu melebihi 3.66. Skor min tertinggi berdasarkan tiga pemboleh ubah

tersebut ialah strategi instruksional iaitu (3.80) berbanding penglibatan pelajar (3.79) dan pengurusan kelas (3.78). Dapatan ini seiring dengan dapatan kajian Ali, Hassan dan Jani (2014) yang mendapat skor min pada tahap yang tinggi pada ketiga – tiga pembolehubah.

Melalui dapatan kajian ini menunjukkan tiada perbezaan signifikan tahap efikasi sendiri antara guru lelaki dan perempuan. Faktor jantina tidak mempengaruhi keupayaan seseorang dalam melaksanakan proses pengajaran dan pemudahcaraan Pendidikan Jasmani. Dapatan ini juga bertepatan dengan kajian oleh McCormick, Taguma dan Lopez (2002) yang menyatakan faktor perbezaan jantina kurang berkesan dalam mempengaruhi kemampuan seseorang guru mengajar di dalam kelas. Manakala berdasarkan pengalaman mengajar kajian mendapati bahawa tiada perbezaan signifikan antara guru novis dan pakar. Hal ini disokong oleh kajian Stojanović dan Zdravković (2012) yang mendapati tidak ada perbezaan yang signifikan terhadap tahap efikasi sendiri guru Pendidikan jasmani berdasarkan jantina, tahap pengajaran mereka dan pengalaman mengajar sedia ada mereka.

Berdasarkan kajian yang telah dilakukan menunjukkan terdapat perbezaan signifikan tahap efikasi guru Pendidikan Jasmani di antara guru opsyen dan bukan opsyen. Dapatan ini seiring dan bertepatan dengan kajian oleh Stojanović dan Zdravković (2012) yang menyatakan bahawa guru Pendidikan Jasmani telah mengenal pasti taraf kecekapan terhadap pelaksanaan aktiviti tertentu dalam diri masing-masing yang mempunyai perkaitan rapat dengan proses pengajaran mereka.

Penyelidik mencadangkan agar kajian yang menyentuh aspek bidang psikologi seperti motivasi sendiri, tahap stress dan tahap kesediaan guru ditambah sebagai konstruk dalam instrument soal selidik agar kajian yang dilaksanakan lebih mendalam dan terperinci. Pada masa yang sama, penyelidik juga mencadangkan agar bilangan responden ditambah ke angka yang lebih ramai agar keputusan atau dapatan yang diterima lebih jitu dan mempunyai kesahan yang lebih tinggi. Akhir sekali, kajian lanjutan boleh dilakukan bukan sahaja di peringkat zon, malah boleh dilaksanakan di peringkat daerah atau negeri yang melibatkan lebih ramai guru yang mempunyai latar belakang yang berbeza dari segi iklim sekolah dan kategori sekolah.

Hasil kajian ini diharapkan dapat dimanfaatkan oleh semua pihak yang terlibat berkaitan sektor Pendidikan khususnya pihak yang terlibat dengan Pendidikan Jasmani. Penyelidik turut mengharapkan agar kajian ini dapat membantu pihak berkaitan khususnya Kementerian Pendidikan Malaysia dalam mengambil tindakan yang sewajarnya. Hasil kajian ini dapat menjelaskan tahap efikasi guru Pendidikan Jasmani dalam menjalankan proses pengajaran dan pemudahcaraan (PdPc). Guru yang mengajar mata pelajaran Pendidikan Jasmani akan lebih yakin dalam menjalankan PdPc kerana kajian ini jelas menunjukkan pengalaman yang semakin bertambah akan menentukan tahap efikasi sendiri mereka.

RUJUKAN

- Ali, S. K. S., Hassan, M. Z. C., & Jani, J. (2017). *Efikasi sendiri guru pendidikan jasmani terhadap pelaksanaan pengajaran mata pelajaran pendidikan jasmani*. Juku: Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik, 2(3), 43-51.
- Bandura, A. (1993). *Perceived self – efficacy in cognitive development and functioning*. *Educational Psychologist*, 28(2), 117 – 148 dalam Khalid Ghazi Hj. Ali (2005). *Pengaruh efikasi sendiri lokus kawalan terhadap komitmen mengajar di kalangan Guru – Guru Kanan Teknikal & Vokasional*. Tesis PhD yang tidak diterbitkan, Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.
- Bandura, A. (1997). *Self Efficacy : The exercise of control*. New York: W.H.
- Bity Salwana Alias, Ahmad Basri Yussof, Ramlee Mustapha & Mohammed Sani Ibrahim. (2008). *Kompetensi pengetua sekolah menengah Malaysia dalam bidang pengurusan kurikulum. Kertas kerja Seminar Nasional Pengurusan dan Kepimpinan Pendidikan ke-15 IAB*, Genting Highland.
- Hand, K. E. (2014). *Building Confident Teachers: Preservice Physical Education Teachers' Efficacy Beliefs*. *Journal of Case Studies in Education*, 6.

- Hoy, W. K., & Woolfolk, A.E. (1993). *Socialization Of Student Teachers*. *American Educational Research Journal*. Vol. 27:p279-300.
- Krejcie, R., & Morgan, D. (1970). *Determining Sample Size for Research Activities*. *Educational and Psychological Measurement*. 30: 607-610.
- McCormick, M.J., Taguma, J., dan Lopez, F.A. (2002). *Extending self- leadership*. *Education Journal*, 1(2), 1-15.
- Pajares, F. (1996). *Assessing Self-Efficacy Beliefs and Academic Outcomes: The Case for Specificity and Correspondence*.
- Stojanović, S., & Zdravković, D. (2012). *The self-assessment of personal competences of physical education teachers*. *Facta universitatis-series: Physical Education and Sport*, 10(2), 141-149.
- Tschannen-Moran, M., & Hoy, A.W. (2001). *Teacher efficacy : capturing an elusive construct*. *Teaching and teacher education*, 17, 783 -805. Diperoleh Mac 25, 2018 daripada <http://proquest.umi.com.newdc.oum.edu.my>.

**KESEPADUAN PASUKAN DALAM PASUKAN HOKI
SEKOLAH SUKAN MALAYSIA BUKIT JALIL (SSBJ), KUALA LUMPUR**

MUHAMAD HANAFI BIN SALIM
Jabatan Sains Sukan

Pensyarah Pembimbing
EN. ZULKARNAIN BIN ALI

ABSTRAK

Kajian ini dijalankan untuk mengkaji faktor yang paling utama menyumbang ke arah kesepaduan dalam pasukan Hoki Sekolah Sukan Bukit Jalil. Seramai 34 orang responden yang berjaya menjawab soal selidik yang diberi. Kesemua responden dalam lingkungan umur 13 tahun hingga ke 19 tahun. Penyelidik menggunakan SPSS 23.0 sebagai kaedah menganalisis. Penyelidik juga memilih untuk menggunakan analisis deskriptif demografik, taburan normal data dan korelasi hubungan antara kesepaduan dalam pasukan dan integrasi dalam tugas; tarikan individu kepada kumpulan tugas; integrasi kumpulan sosial; dan tarikan individu kepada kumpulan sosial. Secara keseluruhan, tarikan individu kepada kumpulan sosial adalah faktor yang tertinggi menyumbang kepada kesepaduan dalam pasukan.

Kata Kunci: Kesepaduan dalam pasukan, integrasi dalam tugas, integrasi kumpulan sosial, tarikan individu kepada kumpulan sosial.

ABSTRACT

This study was conducted to examine the most important factors contributing towards the cohesion of Bukit Jalil Sport Schools hockey team. A total of 34 respondents successfully answered the questionnaire given. All respondents in the age range of 13 years to 19 years old. Researchers use SPSS 23.0 as a method of analysis. Researchers also chose to use demographic descriptive analysis, normal distribution of data and correlation of relationships between team cohesion and integration in assignments; individual attraction to task group; social group integration; and individual attractions to social groups. Overall, individual attraction to social groups is the highest factor contributing to team cohesion.

Keywords: Team cohesion, Individual attraction to the group, group integrations, sosial, task

Emel: mhsalim96@gmail.com

1.0 PENGENALAN

Kesepaduan merupakan salah satu faktor terpenting dan di definisikan sebagai satu proses dinamik yang menyebabkan satu keadaan di mana satu kumpulan bersama-sama dan bersatu padu dalam mencapai objektif atau kepuasan ahli-ahli kumpulan (Carron, Brawley, & Widmeyer, 1998) manakala Turman (2003) mendefinisikan kesepaduan pasukan sebagai perasaan kekitaan dalam diri individu yang wujud terhadap kumpulan. Selain itu juga, kesepaduan juga didefinisikan sebagai satu tekanan yang diberikan bagi memastikan satu kumpulan bersatu padu menempuh halangan (Andrews, Kacmar, Blakely, & Bucklew, 2008).

Beberapa ciri positif kesepaduan pasukan ialah bertambahnya keyakinan diri pemain, kepercayaan dan kesetiaan pemain dalam pasukan (Widmeyer et al., 1985; Westre & Weiss, 1991). Oleh itu, dapatlah dikatakan bahawa kepuasan dan kejayaan dapat dicapai jika adanya kesepaduan (Carron, Colman et al., 2002). Sebenarnya, jangkamasa perhubungan ini mempunyai ciri-ciri proses kitaran, contohnya, pemain dalam pasukan yang mempunyai bakat semulajadi dan berkemahiran tinggi akan memenangi banyak pertandingan. Keadaan positif ini akan meningkatkan kesepaduan dengan mudah atau dengan kata lainnya pasukan akan memperolehi banyak kejayaan kerana kesepaduan yang kuat antara mereka

2.0 PERNYATAAN MASALAH

Pengkaji ingin mengetahui faktor utama yang menyumbang ke arah kesepaduan pasukan dalam pasukan hoki. Selain itu didapati faktor umur dan pengalaman seseorang pemain itu seharusnya mempunyai perhubungan yang rapat dengan kesepaduan pasukan dan ini merupakan satu lagi masalah kerana dilihat masih kurangnya perhubungan ini berlaku. Kajian kesepaduan pasukan masih kurang kajian dalam konteks sukan berpasukan hoki, lebih-lebih lagi di peringkat sekolah sukan di Malaysia. Melalui kajian ini diharapkan agar kesepaduan ini dapat digunakan untuk memperbaiki prestasi demi mencapai matlamat dan objektif serta meningkatkan pencapaian pasukan di Malaysia.

3.0 OBJEKTIF DAN SOALAN KAJIAN

3.1 OBJEKTIF KAJIAN

- i. Mengkaji hubungan antara kesepaduan dalam pasukan melalui Tarikan Individu kepada Kumpulan Sosial (TIK-S).
- ii. Mengkaji hubungan antara kesepaduan dalam pasukan melalui Tarikan Individu kepada Kumpulan Tugas (TIK-T).
- iii. Mengkaji hubungan antara kesepaduan dalam pasukan melalui Integrasi Kumpulan Sosial (IK-S)
- iv. Mengkaji hubungan antara kesepaduan dalam pasukan melalui Integrasi Kumpulan Tugas (IK-T)
- v. Mengkaji faktor manakah yang paling tinggi menyumbang ke arah kesepaduan pasukan dalam kalangan Pasukan Hoki Sekolah Sukan Bukit Jalil.

3.2 SOALAN KAJIAN

- i. Apakah hubungan antara kesepaduan dalam pasukan dan Tarikan Individu kepada kumpulan Sosial (TIK-S)?
- ii. Apakah hubungan antara kesepaduan dalam pasukan dan Tarikan Individu kepada Kumpulan Tugas (TIK-T)?
- iii. Apakah hubungan antara kesepaduan dalam pasukan dan Integrasi Kumpulan Sosial (IK-S)?
- iv. Apakah hubungan antara kesepaduan dalam pasukan dan Integrasi Kumpulan Tugas (IK-T)?
- v. Faktor yang manakah yang paling tinggi menyumbang ke arah kesepaduan pasukan dalam kalangan Pasukan Hoki Sekolah Sukan Bukit Jalil?

4.0 METODOLOGI, SAMPEL, INSTRUMEN, ANALISIS DATA

4.1 METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif yang berbentuk kajian tinjauan.

4.2 SAMPEL KAJIAN

Persampelan dalam kajian ini ialah pasukan hoki Sekolah Sukan Bukit Jalil. Terdapat pelbagai latar belakang negeri dalam pasukan. Semua pemain dalam satu pasukan Liga Tenaga Nasional Berhad (TNB) telah didaftarkan menurut syarat-syarat Persatuan Hoki Malaysia. Keseluruhannya persampelan kajian adalah terdiri daripada 34 orang pemain hoki lelaki Sekolah Sukan Bukit Jalil. Semua soal selidik ini telah diedarkan kepada responden oleh pengkaji sendiri setelah mendapat kebenaran jurulatih, pengurus pasukan dan pihak sekolah. Responden kemudiannya menjawab soal selidik yang diberikan oleh pengkaji.

4.3 INSTRUMEN KAJIAN

Group Environment Questionnaire (GEQ) yang telah dibangunkan oleh Carron et al. (1985) mengandungi 18 item untuk mengukur kesepaduan dalam pasukan responden kajian. Soal selidik ini telah diterjemahkan daripada Bahasa Inggeris kepada Bahasa Melayu bagi kesesuaian kebolehan bahasa responden. GEQ direka secara menyeluruh iaitu merangkumi semua aspek tugas dan aspek sosial dalam sebuah pasukan. Responden kajian diminta menjawab 18 item atau soalan berdasarkan skala Likert 9 mata iaitu 'sangat bersetuju' (9) dan 'sangat tidak bersetuju' (1). GEQ dijawab dengan menggunakan kertas dan pensel iaitu dengan membulatkan satu respons (skala 1 hingga 9) bagi setiap pernyataan yang dikemukakan. Setiap item yang dijawab ditandai dengan menggunakan skala Likert 1 hingga 9 yang disusun dari yang rendah hingga ke tinggi. Skala Likert sembilan mata digunakan oleh responden untuk memberi petunjuk kesepaduan yang terjalin antara ahli dalam pasukan. Skor yang tinggi menunjukkan kesepaduan dalam pasukan sama ada aspek tugas ataupun sosial. Bagi item negatif, skor yang diberi diterbalikkan iaitu skor 9 diberi untuk respons "sangat tidak bersetuju" manakala skor 1 diberi untuk respons "sangat bersetuju". Rumusan bilangan item negatif bagi setiap

dimensi kesepaduan boleh dirujuk di Jadual 4. GEQ mengukur empat dimensi kesepaduan dalam pasukan iaitu:

- i. Tarikan Individu kepada Kumpulan- Tugas (TIK-T)
- ii. Tarikan Individu kepada Kumpulan- Sosial (TIK-S)
- iii. Integrasi Kumpulan- Tugas (IK-T)
- iv. Intergasi Kumpulan- Sosial (IK-S)

4.4 ANALISIS DATA

Deskriptif statistik (frekuensi, dan sisihan piawai) digunakan bagi menjawab persoalan kajian manakala statistik inferensi iaitu korelasi Pearson, korelasi dan regresi berganda digunakan untuk menjawab persoalan kajian 1 hingga 5. Penganalisan data bagi kesemua soalan kajian adalah mengikuti tata cara statistik seperti statistic dekriptif, peratus, frekuensi dan sisihan piawai.

5.0 DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Analisis factor yang menyumbang antara kesepaduan pasukan dalam 4 demensi kesepaduan pasukan

Jadual 1

Analisis Korelasi antara Kesepaduan dalam Pasukan dan Tarikan Individu kepada Kumpulan Sosial (IK-S)

| Hubungan | N | R | Sig. | Interpretasi |
|---|----|-------|------|--------------|
| Tarikan Individu kepada Kumpulan Sosial (TIK-S) | 34 | 0.671 | 0.00 | Kuat |

** . Correlation is significant at the 0.01 level (1-tailed)

Merujuk jadual di atas, kesepaduan dalam pasukan dan Tarikan Individu kepada Kumpulan Sosial (IK-S) mempunyai hubungan yang kuat. Hubungan korelasi menunjukkan keputusan 0.671 seperti yang tertera di jadual.

Jadual 2

Analisis Korelasi antara Kesepaduan dalam Pasukan dan Tarikan Individu kepada Kumpulan Tugas (TIK-T)

| Hubungan | N | R | Sig. | Interpretasi |
|--|----|-------|------|--------------|
| Tarikan individu kepada kumpulan tugas (TIK-T) | 34 | 0.232 | 0.94 | Lemah |

Merujuk jadual di atas, kesepaduan dalam pasukan dan tarikan individu kepada kumpulan tugas mempunyai hubungan yang lemah. Ini kerana hubungan korelasi menunjukkan keputusan -0.232 seperti yang tertera di jadual.

Jadual 3

Analisis Korelasi antara Kesepaduan dalam Pasukan dan Integrasi Kumpulan Sosial (IK-S)

| Hubungan | N | R | Sig. | Interpretasi |
|----------------------------------|----|--------|-------|--------------|
| Integrasi Kumpulan Sosial (IK-S) | 34 | -0.160 | 0.183 | Diabaikan |

** . Correlation is significant at the 0.01 level (1-tailed).

Merujuk jadual di atas, kesepaduan dalam pasukan dan Integrasi Kumpulan Sosial (IK-S) mempunyai hubungan yang diabaikan. Ini kerana hubungan korelasi ini menunjukkan keputusan -0.160 seperti yang tertera di jadual.

Jadual 4

Analisis Korelasi antara Kesepaduan dalam Pasukan dan Integrasi Kumpulan Tugas (IK-T)

| Hubungan | N | R | Sig. | Interpretasi |
|---------------------------------|----|-------|-------|--------------|
| Integrasi Kumpulan Tugas (IK-T) | 34 | 0.116 | 0.256 | Diabaikan |

** . Correlation is significant at the 0.01 level (1-tailed).

Merujuk jadual di atas, kesepaduan dalam pasukan dan Integrasi Kumpulan Tugas (IK-T) mempunyai hubungan yang diabaikan. Hubungan korelasi ini menunjukkan keputusan 0.116 seperti yang tertera di jadual.

Jadual 5

Analisis Pekali Regresi

| Kesepaduan dalam pasukan | R Square | F Value | Sig. | T Value |
|--------------------------|----------|---------|------|---------|
| TIK-S | | | .000 | 6.615 |
| TIK-T | .630 | 12.344 | .125 | -1.579 |
| IK-T | | | .217 | 1.261 |
| IK-S | | | .017 | -2.544 |

Berdasarkan keputusan di atas, kesemua pemboleh ubah membincangkan 63 peratus daripada variansi (R Square) kepada kesepaduan dalam pasukan. Ini menunjukkan hubungan yang significant serta nilai F bersamaan 12.344.

6.0 KESIMPULAN, CADANGAN DAN IMPLIKASI

Kesepaduan dalam pasukan memainkan peranan penting untuk membolehkan pasukan tersebut mencapai kemenangan dalam pertandingan. Kesepaduan dalam pasukan dapat dipertingkatkan dengan membiasakan pemain dengan peranan rakannya yang lain. Teknik ini dapat mendorong pemain menghargai dan memahami kesukaran yang dihadapi oleh rakan sepasukan yang lain serta melahirkan sifat empati dalam diri masing-masing. Melalui perbincangan serta cadangan yang dikemukakan, pengkaji berharap agar pemain, jurulatih dan pengurus pasukan dapat mengetahui tentang pentingnya kesepaduan pasukan dalam kalangan pemain sukan berpasukan.

Hasil daripada kajian ini dapatlah dibuat beberapa cadangan untuk kajian di masa hadapan bagi meningkatkan lagi kefahaman tentang gaya kepemimpinan jurulatih dalam membentuk kesepaduan pasukan. Sukan berpasukan sama ada diperingkat sekolah, daerah mahupun negeri hendaklah mengentahui bagaimana untuk mengukur kesepaduan dan latihan/aktiviti yang dapat meningkatkan kesepaduan pasukan. Gaya sokongan sosial merupakan petunjuk dalam membentuk kesepaduan pasukan. Oleh yang demikian menjadi kewajipan kepada setiap jurulatih yang memimpin sesebuah pasukan mempunyai pengetahuan agar dapat memberi tunjuk ajar yang bersesuaian kerana pemain pada peringkat sekolah menengah ini amat dahagakan pengetahuan untuk mempertajam kemahiran yang sedia ada. Mereka sanggup belajar dan kuat semangat juang demi mencapai apa yang dingini. Oleh yang demikian sebelum seorang jurulatih itu memimpin sesebuah pasukan mereka sudah sepatutnya melengkapkan diri mereka dengan pelbagai pengetahuan demi mendapat kepercayaan pemain dan mencapai misi mereka dalam pasukan tersebut.

Pengkaji mencadangkan kepada pengkaji akan datang agar membuat analisis secara kualitatif. Dapatan tersebut akan dapat menyokong analisis kuantitatif dan membantu individu lain memahami dengan lebih jelas tentang isu yang diutarakan. Sehubungan itu, kajian-kajian masa hadapan seharusnya melibatkan pelajar-pelajar daripada pelbagai latar belakang dan kategori pengajian tinggi supaya perbandingan dapat dijalankan dengan lebih terperinci lebih-lebih lagi melibatkan perbandingan antara pelajar tempatan dan pelajar antarabangsa di Malaysia.

Hasil dari kajian ini, pasukan hoki Sekolah Sukan Bukit Jalil (SSBJ) dapat mengetahui faktor yang menyumbang kepada kesepaduan pasukan. Terdapat empat pecahan yang diukur. Kesepaduan dapat dicapai melalui salah satu pecahan yang diukur seperti tarikan individu kepada kumpulan sosial (TIK-S), tarikan individu kepada kumpulan tugas (TIK-T), integrasi kumpulan sosial (IK-S) dan integrasi kumpulan tugas (IK-T). Namun, jika pasukan dapat mengetahui pecahan yang kurang dapat membaiki untuk tambahbaik agar kesepaduan dapat dibina lebih kukuh dan utuh. Jika kesemua ukuran kesepaduan pasukan dalam keadaan yang terbaik dapat bersama-sama sebagai satu pasukan bergerak untuk mencapai matlamat serta dapat bersosial dengan sihat.

RUJUKAN

- Andrews, M. C., Kacmar, K. M., Blakely, G. L., & Bucklew, N. S. (2008). Group cohesion as an enhancement to the justice affective commitment relationship. *Group & Organization Management*, 33, 736-755.
- Carron, A. V., Colman, M. M, Wheeler, J., & Stevens, D. (2002). Cohesion and Performance in sport: A meta analysis. *Journal of Sport and Exercise Psychology*, 24, 168-188
- Carron, A.V., Brawley, L.R. & Widmeyer, W.N. (1998). Measurement of cohesion in sport and exercise. Dalam Duda J. L. *Advances in Sport and Exercise*
- Cohen, L. & Manion, L. (1989). *Research methods in education*. (3rd ed.). New York: Routledge.
- Tuckman, B. W. (1978). *Conducting educational research*. New York: Harcourt Brace Jovanovich
- Turman, P. D. (2003). Coaches and cohesion: The impact of coaching techniques on team cohesion in the small group sport setting. *Journal of Sport Behavior*, 26, 86-103.
- Widmeyer, W. N., Carron, A. V., & Brawley, L. R. (1993). Group cohesion in sport and exercise. *Handbook of research on sport psychology*. New York: MacMillan, 672-692.
- Widmeyer, W., Brawley, L., & Carron, A. (1985). *The measurement of cohesion in sport teams: The group environment questionnaire*. Ontario: Sports Dynamics.

MENINJAU AMALAN PEDAGOGI ABAD KE-21 DALAM PEMBELAJARAN DAN PEMUDAHCARAAN (PdPc) DALAM KALANGAN SISWA GURU PENDIDIKAN JASMANI

NUR HAWA BINTI MOKHTAR
Jabatan Sains Sukan

Pensyarah Pembimbing
PN. JAMALIYAH BINTI AHMAD

ABSTRAK

Dalam kajian ini pengkaji ingin mengenal pasti kefahaman, pengamalan dan penguasaan siswa guru Pendidikan Jasmani terhadap kemahiran pedagogi abad ke-21 iaitu kemahiran pemikiran kritikal, kemahiran komunikasi, refleksi, kemahiran kolaborasi, pentaksiran, penyelesaian masalah, teknologi, kreativiti dan kemahiran inovasi. Responden kajian ini adalah seramai 44 siswa guru Pendidikan Jasmani yang terdiri daripada siswa guru Ambilan Jun 2015 dan Ambilan Jun 2016. Reka bentuk kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif. Analisis deskriptif dan inferens telah digunakan untuk penganalisan data. Kajian ini menggunakan instrumen borang soal selidik yang memfokuskan kepada lapan kemahiran iaitu kemahiran pemikiran kreatif, kemahiran komunikasi, kemahiran kolaborasi, pentaksiran, penyelesaian masalah, teknologi, kreativiti dan kemahiran inovasi. Dapatan kajian ini min kefahaman paling tinggi ialah kemahiran komunikasi dengan (4.25) dan min paling rendah ialah kemahiran teknologi (3.82). Bagi aspek pengamalan pula mencatatkan min paling tinggi ialah kemahiran komunikasi (4.48) dan min paling rendah ialah kemahiran teknologi (3.50). Dapatan bagi penguasaan pula menunjukkan min paling tinggi ialah kemahiran komunikasi (4.43) dan min paling rendah iaitu kemahiran teknologi (3.56). Ini menunjukkan bahawasanya kefahaman, pengamalan dan penguasaan kemahiran komunikasi siswa guru Pendidikan Jasmani berada pada tahap yang tinggi.

Kata Kunci: Kefahaman, pengamalan, penguasaan, amalan pedagogi abad ke-21

ABSTRACT

The purpose of this study is to examine the understanding, practice and mastery of the Physical Education teacher students' skills on 21st century pedagogical skills that involve critical thinking skills, communication skills, reflection, collaboration skills, assessment, problem solving, technology, creativity and innovation skills. The respondents of this study were 44 Physical Education student teachers from the June 2015 and the June 2016 intake. It is a quantitative research and using a questionnaire instrument that focuses on eight aspects namely creative thinking skills, communication skills, collaboration skills, assessment, problem solving, technology, creativity and innovation skills. Analysis discrete and inferens have been used in this study. The findings of this study show that the highest understanding aspect is Communication Skills which is mean (4.25) and the lowest is technological skill with mean (3.82). In terms of practice, communication skills recorded the highest mean of (4.48) and the lowest mean is (3.50). The findings on the mastery aspect show that the highest mean is communication skills with (4.43) and the lowest mean of (3.56) is for technology. This shows that the aspect of understanding, practice and motivation of the Physical Education student teachers' communication skills are at high level.

Keywords: Understanding, practice, mastery, 21st century pedagogical skills

Emel: hawanur96@gmail.com

1.0 PENGENALAN

Sistem pendidikan di Malaysia telah berkembang mengikut keperluan semasa masyarakat dan persekitaran. Bagi menangani perubahan dan cabaran baru di peringkat global, maka negara Malaysia telah memperkenalkan dasar-dasar baru dalam pendidikan. Oleh itu, mantan Menteri Pendidikan Malaysia, Tan Sri Mahyuddin Yassin, telah mengumumkan pelaksanaan Transformasi Kurikulum yang bertujuan meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran yang berbentuk kreatif dan inovatif serta menarik minat pelajar. Ini selari dengan abad ke-21 yang sedang mengalami perkembangan pesat lagi mencabar dalam bidang ekonomi, politik dan sosial di seluruh dunia. Maka, pada tahun 2008

Kementerian Pendidikan Malaysia melalui *Partnership for 21st Century Skills* telah merangka *P21 Framework Definitions 2008* sebagai kerangka kerja bagi pendidikan abad ke-21. *Framework* ini bertujuan untuk membantu guru atau siswa guru mengintegrasikan kemahiran-kemahiran yang perlu diperolehi oleh para pendidik (Badrul & Nasruddin, 2016).

2.0 PERNYATAAN MASALAH

Siswa guru perlu mempelbagaikan kaedah pengajaran dengan berbincang, merancang, menilai, mereka cipta dan membuat keputusan berlatarkan *Model Partnership for 21st Century Skills 2015* (Badrul & Nasruddin, 2016). Oleh hal yang demikian, kajian perlu dijalankan bagi meninjau kefahaman, pengamalan dan penguasaan dikalangan siswa guru Major Pendidikan Jasmani IPG Kampus Ilmu Khas yang sudah menjalani parktikum. Tambahan pula tiada lagi kajian yang dijalankan untuk meninjau amalan pedagogi abad ke-21 yang melibatkan kefahaman, pengamalan dan penguasaan dalam kalangan siswa guru Pendidikan Jasmani di IPG Kampus Ilmu Khas.

3.0 OBJEKTIF DAN SOALAN KAJIAN

3.1 OBJEKTIF KAJIAN

- i. Meninjau kefahaman siswa guru Pendidikan Jasmani IPG Kampus Ilmu Khas terhadap kemahiran pedagogi abad ke-21.
- ii. Meninjau pengamalan kemahiran pedagogi abad ke-21 dalam kalangan siswa guru Pendidikan Jasmani IPG Kampus Ilmu Khas.
- iii. Meninjau penguasaan siswa guru Pendidikan Jasmani IPG Kampus Ilmu Khas dalam merancang PdPc yang berteraskan kemahiran pedagogi abad ke-21.
- iv. Mengenalpasti perbezaan amalan pedagogi abad ke-21 siswa guru Pendidikan Jasmani IPG Kampus Ilmu Khas mengikut jantina.
- v. Mengenalpasti perbezaan amalan pedagogi abad ke-21 siswa guru Pendidikan Jasmani IPG Kampus Ilmu Khas mengikut kumpulan Ambilan Jun 2015 dan Ambilan Jun 2016.

3.2 SOALAN KAJIAN

- i. Adakah siswa guru Pendidikan Jasmani IPG Kampus Ilmu Khas mempunyai kefahaman terhadap kemahiran pedagogi abad ke-21?
- ii. Adakah siswa guru Pendidikan Jasmani IPG Kampus Ilmu Khas mengamalkan pedagogi abad ke-21?
- iii. Adakah siswa guru Pendidikan Jasmani IPG Kampus Ilmu Khas menguasai kemahiran pedagogi abad ke-21 dalam merancang PdPc?
- iv. Adakah terdapat perbezaan amalan pedagogi abad ke-21 siswa guru Pendidikan Jasmani IPG Kampus Ilmu Khas mengikut jantina?
- v. Adakah terdapat perbezaan amalan pedagogi abad ke-21 siswa guru Pendidikan Jasmani IPG Kampus Ilmu Khas mengikut kumpulan Ambilan Jun 2015 dan Ambilan Jun 2016?

4.0 METODOLOGI, SAMPEL, INSTRUMEN, ANALISIS DATA

4.1 METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif yang berbentuk tinjauan dan menggunakan borang soal selidik untuk mengumpulkan maklumat dan data. Data dianalisis menggunakan deskriptif dan inferens.

4.2 SAMPEL KAJIAN

Fokus kajian tertumpu kepada 44 orang siswa guru Pendidikan Jasmani di Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas yang telah menjalani praktikum.

4.3 INSTRUMEN KAJIAN

Kajian ini telah menggunakan instrument soal selidik yang telah diadaptasikan daripada kajian oleh Badrul dan Nasruddin (2016). Instrument soal selidik dalam kajian ini terbahagi kepada dua bahagian. Bahagian pertama (A) berkaitan demografi sampel. Bahagian kedua (B) pula berkaitan soal selidik kajian yang dibahagikan kepada lapan aspek kemahiran iaitu kemahiran pemikiran kritikal, kemahiran komunikasi, refleksi, kemahiran kolaborasi, pentaksiran, penyelesaian masalah, kemahiran teknologi, kreativiti dan kemahiran inovasi.

4.4 ANALISIS DATA

Kaedah analisis statistik deskriptif dan inferensi telah dijalankan menggunakan data-data yang diperolehi. Analisis kemudiannya menggunakan peratus, min dan ujian t. Skor min diinterprestasikan berdasarkan Pallant (2001). Manakala, ujian t interprestasikan berdasarkan aras signifikan $p < 0.005$.

5.0 DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Jadual 1 menunjukkan Kefahaman Siswa Guru Pendidikan Jasmani Terhadap Kemahiran Pedagogi Abad Ke-21

| Kemahiran | Min | Std. Deviation (SD) | Tahap |
|----------------------------------|------|---------------------|--------|
| Kemahiran Pemikiran Kritis | 3.89 | 0.65 | Tinggi |
| Kemahiran Komunikasi | 4.25 | 0.58 | Tinggi |
| Kemahiran Refleksi | 4.18 | 0.62 | Tinggi |
| Kemahiran Kolaborasi | 4.02 | 0.59 | Tinggi |
| Kemahiran Pentaksiran | 4.09 | 0.64 | Tinggi |
| Penyelesaian Masalah | 4.07 | 0.59 | Tinggi |
| Kemahiran Teknologi | 3.82 | 0.81 | Tinggi |
| Kreativiti Dan Kemahiran Inovasi | 3.89 | 0.75 | Tinggi |

Dapatan ini menunjukkan kesemua kemahiran mempunyai min pada tahap tinggi. Hal ini kerana, min yang didapati berada pada tahap 3.68 hingga 5.00 yang merujuk pada tahap tinggi seperti yang dinyatakan oleh Pallant (2001) dalam jadual penentuan min. Perkara ini selari dengan dapatan kajian Komunikasi Interpersonal Dalam Kalangan Pelajar Institut Pendidikan Guru Semasa Praktikum (Tay, 2013) yang mendapati kefahaman dan penguasaan siswa guru IPG yang menjalani pratikum terhadap aspek kemahiran lisan dan bukan lisan berada pada tahap tinggi.

Jadual 2 menunjukkan Pengamalan Siswa Guru Pendidikan Jasmani Terhadap Kemahiran Pedagogi Abad Ke-21.

| Kemahiran | Mean | Std. Deviation (SD) | Tahap |
|----------------------------------|------|---------------------|------------------|
| Kemahiran Pemikiran Kritis | 3.88 | 0.50 | Tinggi |
| Kemahiran Komunikasi | 4.48 | 0.40 | Tinggi |
| Kemahiran Refleksi | 4.10 | 0.44 | Tinggi |
| Kemahiran Kolaborasi | 4.10 | 0.59 | Tinggi |
| Kemahiran Pentaksiran | 4.05 | 0.46 | Tinggi |
| Penyelesaian Masalah | 4.14 | 0.43 | Tinggi |
| Kemahiran Teknologi | 3.50 | 0.76 | Sederhana tinggi |
| Kreativiti Dan Kemahiran Inovasi | 4.30 | 2.10 | Tinggi |

Dapatan mendapati min pengamalan siswa guru Pendidikan Jasmani terhadap tujuh kemahiran pedagogi abad ke-21 berada pada tahap tinggi dan satu kemahiran iaitu kemahiran teknologi berada pada tahap sederhana tinggi. Menurut Eleanor, Munirah, Chia, & Ganathan (2014) menekankan penggunaan pelbagai jenis kaedah komunikasi supaya arahan yang disampaikan kepada pelajar dapat diberikan dengan tepat.

Jadual 3 menunjukkan Penguasaan Siswa Guru Pendidikan Jasmani Terhadap Kemahiran Pedagogi Abad Ke-21.

| Kemahiran | Min | Std. Deviation (SD) | Tahap |
|----------------------------------|------|---------------------|------------------|
| Kemahiran Pemikiran Kritis | 3.88 | 0.48 | Tinggi |
| Kemahiran Komunikasi | 4.43 | 0.40 | Tinggi |
| Kemahiran Refleksi | 4.12 | 0.42 | Tinggi |
| Kemahiran Kolaborasi | 4.08 | 0.56 | Tinggi |
| Kemahiran Pentaksiran | 4.05 | 0.46 | Tinggi |
| Penyelesaian Masalah | 4.12 | 0.43 | Tinggi |
| Kemahiran Teknologi | 3.56 | 0.72 | Sederhana tinggi |
| Kreativiti Dan Kemahiran Inovasi | 4.20 | 1.64 | Tinggi |

Hasil kajian mendapati min penguasaan siswa guru Pendidikan Jasmani terhadap tujuh kemahiran pedagogi abad ke-21 berada pada tahap tinggi dan satu kemahiran iaitu kemahiran teknologi berada pada tahap sederhana tinggi. Tay (2013) juga telah mengakui tahap penguasaan kemahiran komunikasi siswa guru berada pada tahap yang tinggi. Malah dalam kajian Rahani, Hazri & Zohir, 2017 juga menyatakan kearifan guru akan membolehkan pedagogi abad ke-21 dapat dilangsungkan dengan baik.

Jadual 4 menunjukkan perbezaan amalan pedagogi abad ke-21 siswa guru Pendidikan Jasmani IPG Kampus Ilmu Khas mengikut jantina.

| | Jantina Sig (p) |
|----------------------------|--------------------|
| Amalan pedagogi abad ke-21 | 0.002 |

Namun bagi amalan pedagogi abad ke-21 dengan jantina lelaki dan perempuan mempunyai perbezaan signifikan dengan nilai p (0.002) iaitu dibawah nilai p (0.005).

Jadual 5 menunjukkan Perbezaan Amalan Pedagogi Abad ke-21 Siswa Guru Pendidikan Jasmani IPG Kampus Ilmu Khas mengikut Ambilan.

| | Ambilan Sig (p) |
|----------------------------|--------------------|
| Amalan pedagogi abad ke-21 | 0.902 |

Dapatan menunjukkan amalan pedagogi abad ke-21 dengan Ambilan Jun 2015 dan Jun 2016 tidak mempunyai perbezaan yang signifikan dengan nilai p (0.902) iaitu dibawah nilai p (0.005).

6.0 KESIMPULAN, CADANGAN DAN IMPLIKASI

Hasil dari dapatan dan perbincangan penyelidik boleh merumuskan bahawasanya tahap kefahaman siswa guru Pendidikan Jasmani berada pada tahap yang tinggi bagi lapan kemahiran yang digariskan dalam Model *P21 Framework Definitions 2008*. Bagi tahap pengamalan dan penguasaan tujuh kemahiran berada pada tahap tinggi dan hanya satu berada pada tahap sederhana tinggi iaitu kemahiran teknologi. Selain itu, amalan pedagogi abad ke-21 dengan Ambilan Jun 2015 dan Jun 2016 tidak mempunyai perbezaan yang ketara. Bagi perbezaan jantina antara lelaki dan perempuan dengan amalan pedagogi abad ke-21 mempunyai perbezaan yang ketara.

Kajian ini boleh diluaskan dengan menambah bilangan subjek dengan meluaskan kepada siswa guru opsyen lain. Selain itu, Kajian ini juga boleh ditambahbaik dengan menggunakan rekabentuk kajian campuran dengan menggunakan kaedah kualitatif dan kuantitatif. Kajian ini juga boleh diluaskan dengan

mengkaji tentang sikap guru terhadap pelaksanaan PdPc abad ke-21 berlandaskan model yang digariskan.

Kajian ini diharapkan dapat membantu siswa guru untuk menambahbaik amalan pedagogi abad ke-21 mereka. Selain itu, diharapkan kajian ini dapat digunakan oleh pihak pentakbir IPGM untuk merangka silibus, latihan dan krusus berkaitan bagi meningkatkan amalan pedagogi abad ke-21. Diharapkan juga pensyarah boleh menilai keberhasilan pedagogi yang dijalankan dan dapat mempelbagaikan cara mengajar supaya dapat memberikan kefahaman kepada siswa guru.

RUJUKAN

Badrul, & Nasruddin. (2016). Amalan Pengajaran dan Pembelajaran abad ke-21 dalam Kalangan Pensyarah IPG Kampus Ipoh. *Jurnal Pendidikan 1-25*.

Eleanor Ann Tan Lye Neo, Munirah Mohsin, Chia Chiow Ming, & Gananathan M. Nadarajah. (2014). *Kurikulum dan Pedagogi Pendidikan Jasmani*. Selangor: Oxford Fajar Sdn. Bhd.

Pallant, J. (2001). *SPSS Survival Manual: A Step by Step Guide to Data Analysis Using SPSS for Windows. Ver 10*. Illinois: Allen and Unwin.

Rahani Arbaa, Hazri Jamil, & Mohammad Zohir Ahmad. (2017). Model Bersepadu Penerapan Kemahiran Abad ke-21 dalam Pengajaran dan Pembelajaran. *Jurnal Pendidikan Malaysia, 1-11*.

Tay Meng Guat. (2013). *Komunikasi Interpersinol Dalam Kalangan Pelajar Institut Pendidikan Guru Semasa Pratikum*. Sarawak: IPG Kampus Batu Lintang.

KEBOLEHPERCAYAAN DAN KESAHAN CONVERGENT INSTRUMEN PENGUKURAN KETANGKASAN DALAM KALANGAN MURID LELAKI TAHUN 4

NUR IZZATI AKMAL BINTI NAZRILAZDIN
Jabatan Sains Sukan

Pensyarah Pembimbing
DR. MOHD KHAMDANI BIN SAIRI

ABSTRAK

Tujuan menjalankan kajian ini adalah untuk menentukan nilai kebolehpercayaan dan kesahan *Convergent* instrumen pengukuran *T-test* dan *Illinois Agility Test* bagi murid lelaki Tahun 4 di Sekolah Kebangsaan Bandar Tun Hussein Onn. Penyelidik telah memilih pendekatan kuantitatif dan reka bentuk kajian yang berbentuk tinjauan untuk menentukan kebolehpercayaan dan kesahan *Convergent* instrumen pengukuran ketangkasan dalam kalangan murid lelaki Tahun 4. Penyelidik memilih reka bentuk kuantitatif kerana bersesuaian dengan objektif kajian yang berkonsepkan pengukuran. Dapatan kajian menunjukkan *T-test* dan *Illinois Agility Test* mempunyai nilai kebolehpercayaan yang tinggi. Bagi kesahan *Convergent*, nilai SEM bagi *T-test* lebih rendah berbanding nilai SEM bagi *Illinois Agility Test*. Ini menunjukkan bahawa instrumen *T-test* lebih tepat untuk digunakan berbanding *Illinois Agility Test* bagi mengukur tahap ketangkasan pada sampel yang dikaji. Hal ini kerana lebih rendah nilai SEM sesuatu instrumen ujian, lebih tepat instrumen tersebut dalam mengukur apa yang perlu di ukur.

Kata Kunci: Pengukuran, ketangkasan, kebolehpercayaan, Kesahan *Convergent*

ABSTRACT

The purpose of this study is to determine the reliability and convergent validity of T-test and Illinois agility test of the Year 4 male pupils in Sekolah Kebangsaan Bandar Tun Hussein Onn. Researcher have chosen quantitative approaches to identify the reliability and convergent validity of agility instruments among Year 4 pupils. Researcher choose quantitative designs in accordance with the objectives of the study as well as this study based on measurement. The findings show that T-test and Illinois Agility Test have a high reliability. For convergent validity, the SEM value for T-test is lower than the SEM value for the Illinois agility test. This shows that T-test is more accurate than Illinois Agility Tests in the sample studied. The lower the SEM value, the more accurate the instrument in measuring the right component.

Keywords: Measurement, agility, validity, Convergent Validity

Emel: nurizzati.din@gmail.com

1.0 PENGENALAN

Corbin dan Lindsay (1994) telah mendefinisikan kecergasan fizikal sebagai kecergasan keseluruhan organisma yang berfungsi dengan efisien dan berkesan. Kecergasan fizikal mengandungi 11 komponen yang dapat memberi sumbangan kepada kualiti hidup secara penuh serta dikaitkan dengan kebolehan seseorang bekerja dengan berkesan, menikmati riadah, menjadi sihat, menentang penyakit hipokinetik dan menghadapi keadaan kecemasan (Corbin et. al, 2002).

Kecergasan berlandaskan kesihatan terbahagi kepada lima komponen iaitu daya tahan kardiovaskular, daya tahan otot, kelenturan, kekuatan otot dan indek jisim tubuh. Manakala, kecergasan berlandaskan lakuan motor pula merangkumi enam komponen seperti ketangkasan,imbangan, koordinasi, kuasa, kepantasan dan masa reaksi (Wee, 2002). Ketangkasan ditakrifkan sebagai keupayaan untuk mengekalkan kedudukan badan terkawal dan mengubah arah dengan pantas tanpa kehilangan keseimbangan, kawalan badan, atau kelajuan (Miller, 2006). Ujian ketangkasan Illinois, menurut Getchell (1979) adalah antara ujian yang popular dalam menguji ketangkasan berlari. *T-test* merupakan ujian ketangkasan yang memerlukan subjek berlari ke hadapan, ke sisi dan ke belakang.

Ahmad Hashim (2004) telah menyatakan pengukuran ditakrifkan sebagai membina, mentadbir dan memberi nilai kepada ujian. Manakala penilaian merupakan suatu proses untuk mengumpul, menganalisis dan mentafsir data yang dikutip. Pengukuran terbahagi kepada dua iaitu kaedah makmal dan kaedah lapangan

Kesahan *Convergent* ialah instrumen-instrumen yang berlainan mengukur konstruk yang sama, konstruk itu mempunyai kesahan *Convergent* (Carlson dan Herdman, 2012). Kesahan *Convergent* dinilai melalui formula yang ditetapkan iaitu *Standard Error of Measurement* (SEM).

2.0 PENYATAAN MASALAH

Menurut Pauole.et.al (2000), jurulatih dan atlet sentiasa mencari untuk kaedah yang paling efektif untuk mengenalpasti dan membangunkan ciri-ciri fizikal yang boleh menyumbang kepada pencapaian sukan. Seterusnya, kaedah biasa untuk mencari bakat atlet adalah melalui ujian kebolehan fizikal (Chu dan Vermeil, 1983).

Walaupun kesahan ujian ketangkasan sukar dibuktikan kerana tiada "*Gold Standard*", para penyelidik dan pihak terlibat seperti jurulatih perlu menggunakan item ujian yang tinggi nilai pekali kebolehpercayaan kerana item-item ujian ini juga mempunyai nilai kesahan yang tinggi (Hopskin, 2000).

Walau bagaimanapun, kesahan dan kebolehpercayaan *Illinois Agility Test*, *Edgren Side Step Test* (ESST) dan *T-test* tidak dinyatakan dengan jelas (Pauole.et.al, 2000). *T-test* dan *Illinois Agility Test* hanya dijalankan untuk individu yang berumur 18 tahun ke atas. Setakat ini, kebolehpercayaan ujian untuk had umur 10 tahun belum dijumpai. Oleh itu, tujuan kajian ini adalah untuk menentukan kebolehpercayaan dan kesahan *Convergent T-test* dan *Illinois Agility Test*.

3.0 OBJEKTIF DAN SOALAN KAJIAN

3.1 OBJEKTIF KAJIAN

- i. Menentukan kebolehpercayaan instrumen pengukuran ketangkasan *T-test* dalam kalangan murid lelaki Tahun 4.
- ii. Menentukan kebolehpercayaan instrumen pengukuran ketangkasan *Illinois Agility Test* dalam kalangan murid lelaki Tahun 4.
- iii. Menentukan kesahan *Convergent* instrumen pengukuran ketangkasan *T-test* dan *Illinois Agility Test* dalam kalangan murid lelaki Tahun 4.

3.2 SOALAN KAJIAN

- i. Adakah terdapat kebolehpercayaan instrumen pengukuran ketangkasan *T-test* dalam kalangan murid lelaki Tahun 4?
- ii. Adakah terdapat kebolehpercayaan instrumen pengukuran ketangkasan *Illinois Agility Test* dalam kalangan murid lelaki Tahun 4?
- iii. Adakah terdapat kesahan *Convergent* instrumen pengukuran ketangkasan *T-test* dan *Illinois Agility Test* dalam kalangan murid lelaki Tahun 4?

4.0 METODOLOGI, PERSAMPELAN, INSTRUMEN

4.1 METODOLOGI KAJIAN

Penyelidik telah memilih pendekatan kuantitatif dan reka bentuk kajian yang berbentuk tinjauan untuk menentukan kebolehpercayaan dan kesahan *Convergent* instrumen pengukuran ketangkasan dalam kalangan murid lelaki Tahun 4.

4.2 PERSAMPELAN

Persampelan diambil secara rawak mudah. Seramai 50 orang sampel lelaki telah dipilih untuk menjadi sampel kajian di Sekolah Kebangsaan Bandar Tun Hussein Onn.

4.3 INSTRUMEN

Terdapat dua instrumen yang akan digunakan dalam kajian ini. Instrumen yang akan digunakan ialah prosedur *T-test* dan *Illinois Agility Test*.

5.0 DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Jadual 1

Statistik Deskriptif, Min dan Sisihan Piawai

| Instrumen | N | Minimum | Maximum | Min | Sisihan piawai |
|-----------------------|----|---------|---------|---------|----------------|
| Illinois Agility Test | 50 | 18.30 | 29.65 | 21.8926 | 2.54906 |
| Ujian T N=50 | 50 | 10.20 | 12.98 | 11.3076 | .63302 |

Jadual 1 menunjukkan data deskriptif yang merangkumi nilai min dan sisihan piawai bagi *T-test* dan *Illinois Agility Test*. Min bagi *T-test* ialah 11.3076 manakala nilai sisihan piawai ialah .63302. Dalam pada itu, min bagi *Illinois Agility Test* ialah 21.893 dan sisihan piawainya ialah 2.549. Sisihan piawai digunakan dalam pengiraan SEM. N mewakili jumlah sampel yang mengambil bahagian dalam ujian ialah n=50.

Jadual 2

Nilai Pekali Kebolehpercayaan Instrumen Pengukuran T-test

| | | UJI1 IKT | UJI2 IKT |
|----------|---------------------|----------|----------|
| UJI1 IKT | Pearson Correlation | 1 | .87** |
| | Sig. (2-tailed) | | .000 |
| | N | 50 | 50 |
| UJI2 IKT | Pearson Correlation | .87** | 1 |
| | Sig. (2-tailed) | .000 | |
| | N | 50 | 50 |

**korelasi adalah signifikan pada tahap 0.01 (2-tailed)

Jadual 2 menunjukkan instrumen *T test* mempunyai nilai kebolehpercayaan yang tinggi iaitu $r = .87$. Dapatan ini disokong oleh Baumgartner dan Jackson (1999) yang menyatakan bahawa sesuatu ujian yang dapat mencapai tahap pekali korelasi kebolehpercayaan .85 hingga .93 wajar diterima dalam pengukuran. Dapatan ini juga disokong oleh kajian daripada Michelle et.al (2013) yang menyokong bahawa nilai pekali kebolehpercayaan *T test* berada pada tahap yang tinggi.

Jadual 3

Nilai Pekali Kebolehpercayaan Instrumen Pengukuran Illinois Agility Test

| | | UJI1 IKI | UJI2 IKI |
|----------|---------------------|----------|----------|
| UJI1 IKI | Pearson Correlation | 1 | .80** |
| | Sig.(2-tailed) | | .000 |
| | N | | 40 |
| UJI2 IKI | Pearson Correlation | .80** | 1 |
| | Sig.(2-tailed) | .000 | |
| | N | 50 | 50 |

**korelasi adalah signifikan pada tahap 0.01 (2-tailed)

Jadual 3 menunjukkan nilai kebolehpercayaan instrumen *Illinois Agility Test* bagi sampel lelaki. Dapatan menunjukkan bahawa instrumen *Illinois Agility Test* mempunyai nilai kebolehpercayaan yang tinggi iaitu $r = .80$.

Terdapat nilai kebolehpercayaan yang tinggi bagi kedua-dua *T-test* dan *Illinois Agility Test* iaitu nilai bagi *T-test* ialah $r=.87$ dan bagi *Illinois Agility Test* ialah $r=.80$. Dapatan ini disokong oleh kajian daripada

Michelle dan rakan-rakan pada tahun 2013 menunjukkan hasil dapatan menunjukkan nilai pekali kebolehppercayaan bagi *T-test* lebih tinggi berbanding *Illinois Agility Test*. Bagi *Illinois Agility Test* pula, dapatan kajian oleh Michelle ini menunjukkan nilai pekali kebolehppercayaan berada pada tahap sederhana tinggi yang bertentangan dengan hasil dapatan kajian penyelidik yang menunjukkan hasil dapatan nilai pekali kebolehppercayaan berada pada tahap yang tinggi.

Jadual 4

Nilai SEM di antara Penyelidik dan Pembantu Penguji untuk Instrumen Pengukuran *T-test* dan *Illinois Agility Test*

| | R | | SEM | |
|------------|----------|-------|----------|-------------|
| | Illinois | Ttest | Illinois | Ttest |
| Penyelidik | .80 | .87 | .308 | .0106977 |
| Pembantu 1 | .89 | .86 | .02879 | .011368 |
| Pembantu 2 | .78 | .78 | .097284 | .0277332 |
| Pembantu 3 | .91 | .74 | .01863 | .0399516 |
| Purata | | | 0.113178 | 0.022437625 |

**korelasi adalah signifikan pada tahap 0.01 (2-tailed)

Kesahan *Convergent* yang ditentukan melalui nilai SEM ditunjukkan dalam Jadual 4. Berdasarkan penemuan, *T-test* menunjukkan nilai SEM yang paling kecil berbanding *Illinois Agility Test* untuk sampel yang telah dipilih. Nilai purata SEM bagi *T-test* ialah 0.02 berbanding nilai purata bagi *Illinois Agility Test* iaitu 0.11. Oleh itu, *T-test* merupakan instrumen yang paling tepat dalam mengukur ketangkasan berbanding *Illinois Agility Test* dalam kalangan murid lelaki Tahun 4 di Sekolah Kebangsaan Bandar Tun Hussein Onn. Dapatan ini menunjukkan perbezaan yang signifikan nilai SEM terhadap dua ujian yang dijalankan di mana skor kebolehppercayaan kedua-dua ujian berada di dalam tahap yang tinggi tetapi skor *T-test* lebih tinggi berbanding *Illinois Agility Test*. Kajian daripada Michelle dan rakan-rakan pada tahun 2013 juga menyokong hasil dapatan penyelidik yang telah menyatakan *T-test* lebih sesuai dan tepat berbanding *Illinois Agility Test* dalam kalangan murid lelaki Tahun 4.

6.0 KESIMPULAN, IMPLIKASI, CADANGAN

Dapat dirumuskan melalui dapatan ini, *T-test* dan *Illinois Agility Test* mempunyai nilai pekali kebolehppercayaan yang tinggi dalam kalangan murid lelaki Tahun 4 di SK Bandar Tun Huseein Onn. Dalam menilai komponen ketangkasan individu berumur 10 tahun di Sekolah Kebangsaan Bandar Tun Hussein Onn disarankan untuk menggunakan instrumen *T-test* berbanding *Illinois Agility Test*. Hal ini bagi memastikan keputusan ujian lebih tepat dalam mengukur ketangkasan.

Terdapat beberapa implikasi dan cadangan untuk pihak-pihak yang berkaitan. Melalui kajian ini, jurulatih dapat menggunakan bateri *T test* untuk mengukur tahap ketangkasan atlet. Selain itu, hasil dapatan kajian dapat membantu pihak KPM dalam pemilihan atlet atau bakat menjadi lebih telus. Di samping itu, dapat membantu guru Pendidikan Jasmani dalam membantu murid dalam pembangunan asas kemahiran dan pergerakan.

Antara cadangan dan penambahbaikan yang boleh dibuat oleh penyelidik yang ingin mengkaji konteks yang sama ialah, memperbanyakkan bilangan sampel kajian. Selain itu, disarankan juga untuk menyelidik dan membandingkan lebih daripada dua item ujian. Di samping itu, perbandingan nilai pekali kebolehppercayaan antara sampel lelaki dan perempuan merupakan cadangan dan penambahbaikan yang boleh dilaksanakan oleh penyelidik lain selain dapat meninjau pengaruh jantina terhadap nilai pekali kebolehppercayaan ujian.

RUJUKAN

Ahmad Hashim. (2004). Pengukuran Kecergasan Motor. Tanjong Malim:Quantum Books.

Baumgartner, T. A, Jackson, A. S., Mahar, M. T., & Rowe, D. A. (2006) *Measurement for evaluation in physical education & exercise science (8th ed.)* New York: McGraw Hill.

- Carlson, K. D., & Herdman, A. O. (2012). Understanding the impact of convergent validity on research results. *Organizational Research Methods*,15(1),1732
- Chu Donald C. Ph.D.; Vermeil, Al (1983) The Rationale for Field Testing. *National Strength and Conditioning Association Journal*: April 1983 - Volume 5 – Issue2 – ppg35-36
- Corbin & Lindsay (1994). *Adult fitness programs: Planning, Designing, managing and improving fitness programs*. USA: Scott, Foresman and company
- Corbin, C.B., Lindsay, R., Welk, G. J., & Corbin, W. R. (2002) *Concept of fitness and wellness. a comprehensive life style approaches (4th ed.)* New York: McGrawHill
- Getchell. (1979). *Physical Fitness a Way of Life* 2nd Edition. New York: John Wiley and Sons,Inc.
- Hopkins WG. Measures of reliability in sports medicine and science. *Sports Med.* 2000; 30:1–15.
- Kainoa Pauole, K. M. (2000). Reliability and Validity of the T-Test as a Measure of Agility, Leg Power, and Leg Speed in College-Aged Men and Women. *The Journal of Strenght and Conditioning Research*, 1-3.
- Michele A. Raya, R. S. (2013). Comparison of Three Agility Tests with Male Servicemembers: Edgren Side Step Test, T-Test, and Illinois Agility Test. *Journal of Rehabilitation Research & Development (JRRD)*, 951-960.
- Miller MG, H. J. (2006). The Effects of a 6-week plyometric training program on agility. *J Sport Sci Med*, 3-5.
- Wee Eng Hoe. (2002). *Pendidikan Jasmani dan pendidikan kesehatan*. Shah Alam: Karisma Publications

TAHAP STRES SISWA GURU OPSYEN PENDIDIKAN JASMANI IPG KAMPUS ILMU KHAS SEMASA MENJALANI PRAKTIKUM DI SEKOLAH PADA TAHUN 2018

NURUL NADHIRAH BINTI AHMAD AYOB
Jabatan Sains Sukan

Pensyarah Pembimbing
EN. RAVICHANTHIRAN A/L ARUJUNAN

ABSTRAK

Kajian tinjauan ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap stres siswa guru opsyen Pendidikan Jasmani Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas, semasa mereka menjalani praktikum di sekolah pada tahun 2018. Pendekatan kajian ini ialah kuantitatif dengan melibatkan sampel kajian seramai 52 orang siswa guru opsyen Pendidikan Jasmani yang berada di semester 5 dan semester 7. Dapatan kajian menunjukkan tahap stres siswa guru berada pada tahap sederhana semasa mereka menjalani praktikum di sekolah. Selain itu, dapatan kajian ini mendapati terdapat tujuh aspek yang menyumbang kepada stres siswa guru iaitu pengurusan peribadi, persediaan perancangan pengajaran, pelaksanaan pengajaran, sikap dan sahsiah, pengurusan sekolah, bimbingan pensyarah penyelia dan bimbingan guru pembimbing. Dapatan keseluruhan kajian menunjukkan aspek sikap dan sahsiah merupakan faktor dominan yang menyumbang kepada stres siswa guru opsyen Pendidikan Jasmani IPG Kampus Ilmu Khas semasa menjalani praktikum di sekolah. Dapatan kajian ini juga menunjukkan tidak terdapat perbezaan tahap stres yang signifikan antara siswa guru semester 5 dan siswa guru semester 7.

Kata Kunci: Stres, praktikum, siswa guru

ABSTRACT

The aim of this survey is to identify the level of stress among student teachers of Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas during their practicum session at school in year 2018. The approach of this study is quantitative method involving a sample of 52 Physical Education optionist student teachers from semester 5 and 7. The results show that the stress level of the student teachers is moderate during their practicum at school. Besides that, the results show that there are seven aspects that contribute to the stress of the student teachers, which is personal management, preparation of teaching, teaching, attitude and personality, school management, supervisors and cooperating teachers. The overall result indicated that attitude and personality are the dominant factors that contribute to the stress of physical education student teachers during their practicum. The results also show that there is no significant difference in stress levels between the 5th and 7th semester student teachers.

Keywords: Stress, practicum, student teachers

Emel: nurulnadhira71@gmail.com

1.0 PENGENALAN

Menurut Syed Ismail dan Lye Guet Poh (2016), guru mempunyai keupayaan dan cara yang tersendiri dalam menghadapi cabaran dan masalah tersebut dengan berkesan, dan ada pula yang gagal mengatasinya sehingga menimbulkan ketegangan dan stres dalam diri mereka. Secara umumnya, stres merupakan sesuatu peristiwa yang memberikan bebanan kepada manusia, tidak dapat dijangka serta mampu memberikan kesan yang buruk terhadap seseorang individu tersebut (Sapora Sipon, Khatijah & Othman 2013).

Program latihan mengajar atau praktikum merupakan komponen yang wajib dijalani oleh siswa guru yang mengikuti pengajian di Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM). Program praktikum ini merupakan peluang awal kepada siswa guru untuk mengamalkan teori-teori, kaedah-kaedah dan pendekatan yang diperolehi semasa di Institut Pendidikan Guru (IPG). Menurut Lemaire (2009), tahap stres dalam kalangan guru adalah sangat tinggi dan ini menunjukkan bahawa profession keguruan di sekolah merupakan satu kerjaya yang penuh dengan tekanan. Thurayya Othman (2007) menyatakan

seseorang pekerja yang sentiasa berhadapan dengan manusia sebagai pelanggannya tidak dapat lari daripada masalah stres dan tekanan.

2.0 PERNYATAAN MASALAH

Kualiti guru merupakan matlamat dan fokus utama program pendidikan guru di Malaysia (Unit Perancangan Ekonomi, 2010). Kajian lalu menunjukkan belum terdapat kajian berkaitan stres fokusnya kepada siswa guru daripada opsyen Pendidikan Jasmani semasa menjalani praktikum di sekolah. Oleh itu, pengkaji menjalankan kajian ini bagi mengenal pasti tahap stres siswa guru IPGKIK semasa menjalani sesi praktikum di sekolah.

3.0 OBJEKTIF DAN SOALAN KAJIAN

3.1 OBJEKTIF KAJIAN

- i. Mengetahui tahap stres siswa guru opsyen Pendidikan Jasmani IPGKIK semasa menjalani praktikum di sekolah pada tahun 2018.
- ii. Mengetahui faktor-faktor yang menjadi penyebab kepada stres siswa guru opsyen Pendidikan Jasmani semasa menjalani praktikum di sekolah pada tahun 2018.
- iii. Mengetahui perbezaan tahap stres antara siswa guru semester 5 dan semester 7 opsyen Pendidikan Jasmani semasa menjalani praktikum di sekolah pada tahun 2018.

3.2 SOALAN KAJIAN

- i. Adakah tahap stres siswa guru opsyen Pendidikan Jasmani IPGKIK semasa menjalani praktikum di sekolah pada tahun 2018?
- ii. Adakah faktor-faktor yang menjadi penyebab kepada stres siswa guru opsyen Pendidikan Jasmani semasa menjalani praktikum di sekolah pada tahun 2018?
- iii. Adakah terdapat perbezaan tahap stres antara siswa guru semester 5 dan semester 7 opsyen Pendidikan Jasmani semasa menjalani praktikum di sekolah pada tahun 2018?

4.0 METODOLOGI, SAMPEL, INSTRUMEN, ANALISIS DATA

4.1 METODOLOGI KAJIAN

Pendekatan kajian adalah kuantitatif secara deskriptif dan inferensi.

4.2 SAMPEL KAJIAN

Sampel kajian ialah 52 orang siswa guru IPG Kampus Ilmu Khas, yang terdiri daripada 26 orang siswa guru semester 5 dan 26 orang siswa guru semester 7.

4.3 INSTRUMEN KAJIAN

Kajian ini menggunakan instrumen soal selidik "Tahap Stres Siswa Pendidik IPG Kampus Ilmu Khas Semasa Praktikum di Sekolah" oleh Syed Ismail dan Lye Guet Poh (2016). Item soal selidik ini dibahagikan kepada dua bahagian iaitu bahagian A (demografi) dan bahagian B (Faktor-faktor stres).

4.4 ANALISIS DATA

Data-data kajian yang diperoleh dianalisis menggunakan bantuan program perisian SPSS versi 23.0. Analisis data-data ini menggunakan statistik deskriptif dan inferensi yang melibatkan analisis min, sisihan piawai, frekuensi, peratusan dan ujian-t. Interpretasi nilai skor min bagi dapatan kajian diukur berdasarkan kepada interpretasi skor min yang disediakan oleh Pallant (2007) iaitu: Tahap rendah = Min (1.00-2.33), Tahap sederhana = Min (2.34-3.67) dan Tahap tinggi = Min (3.68-5.00).

5.0 DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Tahap stres siswa guru opsyen Pendidikan Jasmani semasa menjalani praktikum di sekolah.

Jadual 1
Analisis Tahap Stres Siswa Guru

| Semester | Tahap stres | |
|-------------|-------------|------|
| | Min | Sp |
| Semester 5 | 2.65 | 0.81 |
| Semester 7 | 2.49 | 0.67 |
| Keseluruhan | 2.57 | 0.74 |

Jadual 1 menunjukkan tahap stres siswa guru semasa mereka menjalani praktikum di sekolah berada pada tahap sederhana dengan catatan min 2.57. Stres siswa guru semester 5 lebih tinggi berbanding semester 7. Namun begitu, tahap stres bagi kedua-dua semester masih dalam kategori yang sama iaitu sederhana antara 2.34 hingga 3.67.

Dapatan kajian ini selari dengan kajian Syed Ismail dan Lye Guet Poh (2016) yang menunjukkan bahawa tahap stres siswa pendidik IPGKIK Ambilan Januari 2012 berada pada tahap sederhana. Kajian ini juga disokong oleh kajian Hasnah Awang (2016) terhadap pelajar Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP) di sekitar zon utara yang menunjukkan tahap stres sampel berada pada tahap sederhana.

Faktor-faktor yang menjadi penyebab kepada stres siswa guru opsyen Pendidikan Jasmani semasa mereka menjalani praktikum di sekolah.

Jadual 2
Analisis Faktor Penyebab Stres

| Aspek | Semester | | | | Keseluruhan | |
|-----------------------------------|------------|------|------------|------|-------------|------|
| | Semester 5 | | Semester 7 | | | |
| | min | sp | min | sp | min | sp |
| Pengurusan Peribadi | 2.36 | 0.64 | 2.52 | 0.65 | 2.44 | 0.65 |
| Persediaan Perancangan Pengajaran | 2.74 | 0.86 | 2.60 | 0.68 | 2.67 | 0.77 |
| Pelaksanaan Pengajaran | 2.67 | 0.85 | 2.71 | 0.77 | 2.69 | 0.81 |
| Sikap dan Sahsiah | 2.88 | 1.42 | 2.54 | 0.84 | 2.71 | 1.17 |
| Pengurusan Sekolah | 2.72 | 0.79 | 2.46 | 0.90 | 2.59 | 0.85 |
| Bimbingan Pensyarah Penyelia | 2.58 | 1.02 | 2.30 | 0.86 | 2.44 | 0.95 |
| Bimbingan Guru Pembimbing | 2.58 | 1.02 | 2.30 | 0.86 | 2.44 | 0.95 |
| Keseluruhan | 2.65 | 0.81 | 2.49 | 0.67 | 2.57 | 0.74 |

Dapatan kajian menunjukkan bahawa aspek sikap dan sahsiah merupakan faktor penyebab stres tertinggi kepada siswa guru opsyen Pendidikan Jasmani IPGKIK semasa mereka menjalani praktikum dengan catatan min 2.71 berada pada tahap stres sederhana.

Faktor penyebab stres siswa guru opsyen Pendidikan Jasmani semasa menjalani praktikum terdiri daripada tujuh aspek iaitu pengurusan peribadi, persediaan perancangan pengajaran, pelaksanaan pengajaran, sikap dan sahsiah, pengurusan sekolah, bimbingan pensyarah penyelia dan bimbingan guru pembimbing. Dapatan kajian menunjukkan aspek sikap dan sahsiah merupakan faktor dominan yang menyumbang kepada. Dapatan kajian selari dengan dapatan Khairul Anwar Abu Bakar (2014) yang mendapati aspek sikap dan sahsiah menjadi masalah utama yang dihadapi oleh siswa guru semasa berada di sekolah.

Analisis perbezaan tahap stres antara siswa guru semester 5 dan semester 7 opsyen Pendidikan Jasmani semasa praktikum di sekolah.

Jadual 3

Analisis Perbezaan Tahap Stres mengikut Semester

| Pemboleh ubah | Semester | Bil | Min | SD | t | df | p |
|---------------|------------|-----|------|------|-------|----|------|
| | Semester 5 | 26 | 2.65 | 0.81 | 0.755 | 50 | 0.45 |
| | Semester 7 | 26 | 2.49 | 0.67 | | | |

Analisis ujian t menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan terhadap tahap stres siswa guru semester 5 dan siswa guru semester 7. Ini menunjukkan bahawa faktor-faktor penyebab stres memberi kecenderungan yang sama terhadap stres siswa guru semasa menjalani praktikum di sekolah. Dapatan ini selari dengan kajian Azizi Yahaya, Jamaludin dan Mazeni (2010) yang menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara faktor stres dengan pengalaman mengajar.

6.0 KESIMPULAN, CADANGAN DAN IMPLIKASI

Tahap stres terdiri daripada rendah, sederhana dan tinggi. Hasil kajian menunjukkan bahawa tahap stres siswa guru opsyen Pendidikan Jasmani semasa menjalani praktikum berada pada tahap sederhana, dan tahap stres siswa guru semester 5 adalah lebih tinggi berbanding siswa guru semester 7. Seterusnya, faktor penyebab terdiri daripada tujuh aspek iaitu pengurusan peribadi, persediaan perancangan pengajaran, pelaksanaan pengajaran, sikap dan sahsiah, pengurusan sekolah, bimbingan pensyarah penyelia dan bimbingan guru pembimbing. Dapatan kajian menunjukkan aspek sikap dan sahsiah merupakan faktor dominan yang menyumbang kepada stres siswa guru semasa praktikum. Selain itu, dapatan kajian menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap stres siswa guru semester 5 dan semester 7.

Cadangan bagi kajian akan datang, pengkaji perlu melihat kesan-kesan stres dan langkah-langkah untuk mengatasi masalah stres. Pengkaji turut mencadangkan kajian masa hadapan dibuat dengan skala yang lebih besar.

Implikasi kajian kepada pihak IPGKIK untuk merancang dan melaksanakan Program Motivasi kepada siswa guru sebagai usaha mengatasi masalah stres dalam kalangan siswa guru. Selain itu, pihak pentadbiran dapat merangka tindakan yang perlu dilaksanakan untuk memperbaiki dan mempertingkatkan kualiti kerja siswa guru di sekolah dengan menyediakan latihan-latihan khusus seperti pengurusan masa, latihan asertif, pengurusan stres dan kursus-kursus motivasi.

RUJUKAN

- Azizi Yahaya, Jamaludin Ramli & Mazeni Ismail. (2010). Stress dalam kalangan guru sekolah menengah di empat buah negeri di Malaysia. *Asia Pacific Journal Of Educators and Education*, 25, 103-136.
- Hasnah Awang. (2016). Stres dalam kalangan pelajar PISMP semasa praktikum. *Jurnal Penyelidikan Dedikasi*, 11, 146-160.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2010). *Garis panduan praktikum latihan perguruan praperkhidmatan*. Kuala Lumpur: Bahagian Pendidikan Guru.
- Khairul Anuar Abu Bakar. (2014). *Tahap kesediaan guru pelatih institut pendidikan guru dalam latihan mengajar*. Universiti Teknologi Malaysia.
- Krejcie, R. V., & Morgan, D. W. (1970). Determining Sample Size For Research activities. *Education and Psychological Measurement*, 30, 607-610.

- Lemaire. (2009). Addressing Teacher Workload. *Education*, pp. 6.
- Pallant. (2007). *SPSS Survival Manual. A Step by Step Guide to Data Analysis Using SPSS*. Allen & Unwin.
- Sapora Sipon, Khatijah Othman & OthmanAbdul Rahman. (2013). *Stress: punca, teori dan pengurusan efektif*. Bandar Baru nilai: Percetakan Cahaya Murni.
- Syed Ismail Syed Mustapa & Lye Guet Poh. (2016). Tahap stres siswa pendidik IPG kampus ilmu khas semasa praktikum di sekolah. *Jurnal Penyelidikan Tempawan Jilid XXXIII*, 137-152.
- Thurayya Othman. (2007). *Hubungan burnout dengan kepuasan kerja dikalangan staf Jabatan Agama Johor*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Unit Perancangan Ekonomi. (2010). *Rancangan Malaysia Kesembilan (2006-2010)*. Kuala Lumpur: Unit Perancangan.

PERBANDINGAN KESEPADUAN DALAM SUKAN BOLA JARING MALAYSIA

RAJA NURNINA QAMARINA BINTI RAJA AZLAN SHAH

Jabatan Sains Sukan

Pensyarah Pembimbing
EN. ZULKARNAIN BIN ALI

ABSTRAK

Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk menentukan perbezaan kesepaduan antara pasukan elit dan junior bagi sukan bola jaring Malaysia. Objektif kajian yang pertama ialah mengenal pasti jenis kesepaduan yang wujud bagi kategori elit dan junior bola jaring Malaysia menurut persepsi pemain. Manakala objektif yang kedua adalah untuk mengenal pasti sama ada terdapat perbezaan yang signifikan diantara pasukan elit dan junior terhadap tarikan individu kepada sosial kumpulan. Objektif kajian ketiga ialah mengenal pasti sama ada terdapat perbezaan yang signifikan diantara pasukan elit dan junior terhadap tarikan individu kepada integrasi kumpulan – tugas. Carron (1985) juga telah membangunkan soal selidik *Group Environment Questionnaire* (GEQ) untuk menilai keberkesanan interaksi individu, kumpulan, keadaan sosial dan tanggungjawab yang akan digunakan dalam kajian ini terhadap pemain bola jaring. Hasil kajian menunjukkan kedua-dua kumpulan ini lebih cenderung kepada jenis kesepaduan yang berasaskan tarikan Individu kepada kumpulan sosial dan integrasi kumpulan-tugasan. Kesepaduan individu berasaskan tarikan individu kepada kumpulan sosial merujuk kepada pergaulan diantara ahli pasukan. Hasil ujian T telah menunjukkan tidak wujud perbezaan yang signifikan antara kedua-dua pasukan bola jaring ini. Begitu juga dengan kesepaduan yang berasaskan Integrasi Kumpulan-Tugasan yang mana menunjukkan tidak wujud perbezaan antara pasukan elit dan junior bagi pasukan bola jaring Negara. Kesimpulannya, kedua-dua pasukan bola jaring Negara memupuk kesepaduan berdasarkan tarikan Individu kepada Kumpulan Sosial dan Integrasi Kumpulan-Tugasan.

Kata Kunci: Pasukan elit bola jaring, pasukan junior bola jaring, kesepaduan

ABSTRACT

Past research has shown group with high cohesion will acquire success. Therefore, the purpose of this study was to determine the difference between cohesion of team elite and team junior for netball sports in Malaysia. The first objective of the study is to determine the kind of cohesion that exists in terms of the individual and the group. While the second objective is to determine the difference between the kind of cohesion between the two teams. The objective of the third study was to identify whether there were significant differences between the elite and junior teams on the attractiveness of the individual to the group - task integration. The results showed all these groups are more likely develop cohesion based on Group Integration-Social and Group Integration-Task. The integrity of individuals based on Group Integration-Social referring to the relationships amongst the team members and later T-Test results have shown that there are no significant differences between all these netball teams. Similar to the Group Integration-Task which indicates that there are no significant differences between the elite team and junior team for National Netball Team. In conclusion, the two national netball team fosters cohesion based on Group Integration-Social and Group Integration-Task.

Keywords: Netball elit team, netball junior team, cohesion

Emel: qnina14@gmail.com

1.0 PENGENALAN

Dalam sukan bola jaring khususnya, di mana memerlukan komitmen seramai 12 orang pemain untuk bermain sebagai satu pasukan dan memerlukan kerjasama antara ahli pasukan secara tidak langsung memupuk kesepaduan pasukan. Kesepaduan pasukan sering kali ditekankan oleh pengurus dan jurulatih dan dilihat sebagai satu elemen penting dalam penghasilan satu pasukan yang berjaya dari segi hubungan sosial mahupun prestasi pasukan. Katherine (2009), menjelaskan sukan berpasukan yang unik dan berentak laju menuntut pemain melakukan pergerakan pantas dan banyak perubahan

arah berlaku secara tidak langsung memerlukan persefahaman yang tinggi antara ahli pasukan. Dianggarkan lebih tujuh juta perempuan dari 70 buah negara di seluruh dunia terlibat dalam permainan ini (Netball SA, 2010). Menurut Woodlands (2009) keindahan permainan bola jaring secara mendalam ialah tujuh pemain berinteraksi dan berfungsi sebagai satu pasukan di atas gelanggang. Setiap posisi bermain adalah spesifik namun pasukan yang berlainan mempunyai spesifikasi tanggungjawab yang sedikit berbeza untuk setiap posisi.

Menurut Subramanyam (2013), atlet yang sering menghabiskan masa bersama-sama dan mereka berkongsi minat yang sama dikenali sebagai kesepaduan sosial manakala kesepaduan tugas dapat diklasifikasikan di mana pemain bersatu untuk mencapai satu tugas yang tertentu. Seterusnya, Richard (2007) pula menjelaskan bahawa kesepaduan tugas adalah sejauh mana ahli-ahli pasukan yang bekerjasama untuk mencapai matlamat tertentu dan yang boleh dikenalpasti. Manakala kesepaduan sosial adalah merujuk kepada sejauh mana ahli-ahli pasukan antara satu sama lain menikmati kepuasan peribadi untuk menjadi rakan dalam satu pasukan. Dalam konteks sukan pula, pemain akan terikat dengan kesepaduan sosial kerana masing-masing terikat dengan program atau kontrak yang sama (kesepaduan sosial) untuk mewakili pasukan tersebut.

2.0 PERNYATAAN MASALAH

Di Malaysia, telah ramai penyelidik yang melakukan pelbagai kajian kesepaduan untuk sukan teras seperti sukan hoki Bullard (2014), sukan bola keranjang Raffi (2015) dan sukan bola sepak Mohd Zainuri (2011). Namun begitu, bagi sukan bola jaring yang merupakan sukan pilihan di Malaysia kurang mendapat perhatian. Seterusnya, di Malaysia terdapat 2 kategori pasukan iaitu pasukan elit, dan junior. Dan sering kali dikatakan bahawa pasukan elit ialah pasukan yang terbaik kerana telah menjuarai kejohanan tertinggi Asia dan di andaikan bahawa mempunyai tahap kesepaduan yang paling baik. Hal ini kerana pasukan elit telah menjalani latihan dalam jangka masa yang lama dan mempunyai pengalaman seterusnya diandaikan sebagai salah satu faktor kejayaan pasukan tersebut. Namun begitu, faktor kejayaan sesebuah pasukan tidak hanya bergantung kepada pengalaman dan jangka masa latihan. Hal ini disokong oleh kajian Raffi (2015). Justeru itu, pengkaji ingin mengenal pasti perbezaan tahap kesepaduan pasukan antara elit dan junior dalam sukan bola jaring Malaysia.

3.0 OBJEKTIF DAN SOALAN KAJIAN

3.1 OBJEKTIF KAJIAN

- i. Menentukan jenis kesepaduan yang wujud bagi kategori elit dan pasukan junior bola jaring Malaysia menurut persepsi pemain.
- ii. Mengenal pasti sama ada terdapat perbezaan yang signifikan di antara pasukan elit dan junior terhadap tarikan individu kepada sosial kumpulan.
- iii. Mengenal pasti sama ada terdapat perbezaan yang signifikan diantara pasukan elit dan junior terhadap integrasi kumpulan – tugas.

3.2 SOALAN KAJIAN

- i. Apakah jenis kesepaduan yang wujud bagi kategori elit dan junior bola jaring Malaysia menurut persepsi pemain?
- ii. Adakah terdapat perbezaan dari segi tahap kesepaduan yang signifikan di antara pasukan elit, dan junior terhadap tarikan individu kepada sosial kumpulan?
- iii. Adakah terdapat perbezaan dari segi tahap kesepaduan yang signifikan di antara pasukan elit, dan junior terhadap integrasi kumpulan – tugas?

4.0 METODOLOGI, PERSAMPELAN, INSTRUMEN, ANALISIS DATA

4.1 METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif yang berbentuk deskriptif dan inferensi secara tinjauan yang menggunakan borang soal selidik untuk mengumpulkan maklumat dan data.

4.2 PERSAMPELAN KAJIAN

Bagi kajian ini melibatkan keseluruhan pemain yang Mewakili Malaysia pada tahun 2018 sebanyak 31 orang dalam pasukan elit serta pemain junior bola jaring Sekolah Sukan Bukit Jalil sebanyak 39 orang.

Pengkaji membuat pemilihan saiz sampel adalah berpandukan jadual penentuan saiz sampel oleh Krejcie dan Morgan (1970).

4.3 INSTRUMEN KAJIAN

Instrumen kajian yang digunakan adalah set borang soal selidik yang mempunyai empat bahagian utama. Dalam kajian ini penyelidik menggunakan soal selidik Group Environment Questionnaire (GEQ) yang dibangunkan oleh Carron (1985). Soal selidik ini bersesuaian dengan sampel yang digunakan kerana pernah digunakan oleh penyelidik Mohd Zainuri (2011) untuk penyelidikan yang melibatkan atlet pelajar sukan bola sepak. Soal selidik ini dibahagikan kepada empat bahagian iaitu tarikan individu kepada sosial kumpulan, tarikan individu kepada tugas, integrasi kumpulan tugas dan integrasi kumpulan sosial.

4.4 ANALISIS DATA

Data-data yang diperoleh dianalisis menggunakan statistik deskriptif dan inferensi. Statistik ini merangkumi analisis kekerapan, peratusan, min, sisihan piawai dan ujian-t bagi menjelaskan semua dapatan bagi setiap pemboleh ubah yang dikaji. Data-data yang diperoleh dianalisis menggunakan program perisian SPSS versi 23.0.

5.0 DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Analisa jenis kesepaduan yang wujud bagi kategori elit dan pasukan junior bola jaring Malaysia menurut persepsi pemain.

Jadual 4.7

Perbandingan Skor Min bagi Jenis Kesepaduan yang Wujud bagi Kategori Elit dan Pasukan Junior menurut Persepsi Individu

| KATEGORI | | TIT | TIS | IKT | IKS |
|----------|-----|------|------|------|------|
| ELIT | Min | 1.85 | 4.18 | 6.46 | 4.01 |
| | N | 31 | 31 | 31 | 31 |
| JUNIOR | Min | 2.30 | 4.29 | 6.53 | 3.83 |
| | N | 39 | 39 | 39 | 39 |
| Total | Min | 2.10 | 4.24 | 6.50 | 3.91 |
| | N | 70 | 70 | 70 | 70 |

Jadual 4.7 mendapati skor min bagi kategori Junior dan kategori Elit berada pada tahap tertinggi dalam Integrasi Kumpulan Tugas. Skor min bagi kategori Junior adalah 6.53. Manakala skor min bagi kategori Elit dalam Integrasi Kumpulan Tugas adalah 6.46. Seterusnya, skor min bagi kategori Elit dalam Tarikan Individu Tugas berada pada tahap rendah di mana 1.85 sahaja manakala kategori Junior dalam Tarikan Individu Tugas berada pada tahap sederhana rendah di mana mempunyai min 2.30. Skor min bagi jenis kesepaduan Tarikan Individu Sosial dalam kategori Junior dan kategori Elit berada pada tahap tinggi di mana masing-masing mempunyai min 4.29 dan 4.18. Akhir sekali, bagi jenis kesepaduan Integrasi Kumpulan Sosial dalam kedua-dua kategori berada pada tahap sederhana tinggi di mana min bagi kategori Elit adalah sebanyak 4.01 dan skor min bagi kategori Junior pula sebanyak 3.83.

Analisa perbezaan di antara pasukan elit dan junior terhadap tarikan individu kepada sosial kumpulan.

Jadual 4.7 menunjukkan skor min dan sisihan piawai bagi respon atlet terhadap setiap jenis kesepaduan di dalam kategori Elit dan kategori Junior. Ujian t tidak bersandar dijalankan bagi mengenal pasti perbezaan di antara pasukan elit dan junior terhadap tarikan individu kepada sosial kumpulan. (Lihat Jadual 4.8).

Jadual 4.8

Perbezaan di antara Pasukan Elit dan Junior terhadap Tarikan Individu kepada Sosial Kumpulan

| Jenis | Kategori | N | Min | SD | Sig. | t | df | P |
|-------------------------|----------|----|------|-----|------|-------|----|------|
| Tarikan Individu Sosial | ELIT | 31 | 4.18 | .32 | .076 | -1.82 | 68 | .073 |
| | JUNIOR | 39 | 4.29 | .20 | | | | |

Berdasarkan Jadual 4.8, Min bagi jenis kesepaduan Tarikan Individu kepada Sosial mempunyai perbezaan pada skor dapatan. Namun begitu perbezaan tersebut adalah tidak signifikan dengan nilai $P < .05$. Tarikan Individu Sosial menunjukkan bacaan nilai $t (68) = -1.82$, $p = .073$.

Analisa perbezaan di antara pasukan elit dan junior terhadap integrasi kumpulan – tugas.

Bagi mengenal pasti perbezaan di antara pasukan elit dan junior terhadap Integrasi Kumpulan Tugas pula, ujian t telah dijalankan. (Lihat Jadual 4.9).

Jadual 4.9

Perbezaan di antara Pasukan Elit dan Junior terhadap Integrasi Kumpulan – Tugas.

| Jenis | Kategori | N | Min | SD. | Sig | tt | ddf | P |
|-------|----------|----|------|-----|------|------|-----|-----|
| IKT | ELIT | 31 | 6.46 | .36 | 0.84 | .819 | 68 | .42 |
| | JUNIOR | 39 | 6.53 | .29 | | | | |

Berdasarkan Jadual 4.9, Min bagi jenis kesepaduan Integrasi Kumpulan - Tugas mempunyai perbezaan pada skor dapatan. Namun begitu perbezaan tersebut adalah tidak signifikan dengan nilai $P < .05$. dengan bacaan nilai $t (68) = -.819$, $p = .42$.

6.0 KESIMPULAN, CADANGAN DAN IMPLIKASI

Tujuan kajian ini dijalankan ialah bagi menentukan jenis kesepaduan yang wujud dikalangan pasukan bola jaring Negara. Sehubungan dengan itu tiga pembolehubah utama telah dikenalpasti iaitu [1] kategori pasukan pemain, [2] pengalaman dan [3] jenis kesepaduan. Ketiga-tiga pembolehubah ini telah digunakan dalam menentukan kewujudan hubungan antara kesepaduan pasukan bola jaring Malaysia. Bagi mencapai tujuan kajian ini tiga objektif telah dikenalpasti. Bagi mencapai objektif kajian borang soal selidik telah diedarkan kepada pasukan pemain bola jaring Negara, 70 orang responden telah mengambil bahagian.

Objektif pertama kajian ini ialah untuk mengenalpasti pasti jenis kesepaduan pasukan dalam kalangan pemain menurut persepsi pemain. Keputusan perbezaan nilai purata telah menunjukkan bahawasanya kedua-dua pasukan bola jaring Negara mempunyai kesepaduan individu yang berasaskan kepada sosial kumpulan, manakala kesepaduan kumpulan pula berasaskan kepada Integrasi Kumpulan-Tugas. Bagi objektif yang kedua iaitu sama ada terdapat perbezaan yang signifikan antara kategori individu dan kumpulan dalam kesepaduan pasukan. Ujian T membuktikan tidak ada perbezaan yang signifikan antara kumpulan bagi kedua-dua jenis kesepaduan.

Pengkaji mencadangkan beberapa tajuk kajian yang boleh dilakukan oleh pengkaji akan datang iaitu menentukan tahap kesepaduan dalam pasukan untuk meningkatkan prestasi pasukan bola jaring negara dan juga pengkaji boleh mengkaji mengenai peranan Jurulatih dalam meningkatkan tahap kesepaduan antara ahli pasukan.

Kajian ini diharapkan dapat meningkatkan kesepaduan dalam kalangan atlet di negara ini. Hasil kajian ini juga diharap dapat memberi gambaran dan panduan kepada pihak pengurusan pasukan sesuatu sukan untuk melihat sejauhmana kesepaduan para atlet dalam pasukan. Kajian ini juga dapat memberi kesedaran kepada atlet bahawa kesepaduan dalam pasukan dapat membantu sesuatu pasukan itu berjaya dalam jangka masa yang panjang.

RUJUKAN

- Bullard. (2014). Group Cohesion between hockey team. *The Online Journal of Sport Psychology*, 4(3), 57–69.
- Carron, A. V. (1985). Cohesiveness in Sport Groups : Interpretation and Considerations. *Journal of Sport Psychology*, 4, 123–138.
- Katherine. (2009). Understanding Cohesion. *Social Science*, (March 2001), 467-483.
- Krejcie, R.V. & Morgan, D.W. (1970). Determining Sample Size for Research. *Educational and Psychological Measurement*, 9-15.
- Mohd Zainuri. (2011). *Hubungan Antara Gaya Kepemimpinan Jurulatih dengan Kesepaduan Pemain Bola Sepak Majlis Sukan Sukan Negeri*. Selangor.
- Raffi. (2015). *Jenis Kesepaduan Antara Pasukan Bola Keranjang*. Selangor: Telaga Biru. Sdn. Bhd.
- Richard, Hoseini Keshtan, M., Dadban Shahamat, M., & Shafiee Kordshooli, S. (2007). The Relationship between Collective Efficacy, Group Cohesion and Team Performance in Professional. *Brazilian Journal of Biomotricity*, 3(1), 31–39
- Subramayam. (2013). Coaches and Cohesion : The Impact of Coaching Techniques on Team Cohesion in the Small Group of Setting. *Journal of Sport Behavior*, 1, 86–104.
- Woodlands. (2010). The Cohesion Between atheletes. *International Journal Of Raltions*, 23(7), 425-437.

**PENGARUH MOTIVASI TERHADAP SISWA GURU PISMP AMBILAN JUN 2015 SEMASA
PROGRAM BINA INSAN GURU DI IPG KAMPUS ILMU KHAS**

WAN ABDUL HAMID BIN WAN HARUL
Jabatan Sains Sukan

Pensyarah Pembimbing
PN. JAMALIYAH BINTI AHMAD

ABSTRAK

Program Bina Insan Guru (BIG) melibatkan semua siswa guru Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan Dengan Kepujian. Program ini melibatkan tiga fasa dan dengan aktiviti yang dirancang, siswa guru mampu mengaplikasikan pengetahuan dan pengalaman ke arah pembangunan diri. Motivasi merujuk kepada tujuan untuk menggerakkan sesuatu keinginan dalam aktiviti Program Bina Insan Guru. Sehubungan itu, kajian ini dijalankan untuk meninjau dan mengenal pasti hubungan motivasi intrinsik dan ekstrinsik terhadap penglibatan kumpulan siswa guru Ambilan Jun 2015 di Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas (IPGKIK) dalam program Bina Insan Guru. Faktor-faktor dalaman berkaitan motivasi intrinsik yang ditinjau dalam kajian ini ialah minat, kemahiran dan personaliti. Manakala faktor luaran iaitu motivasi ekstrinsik ialah ganjaran dan dorongan. Seramai 62 siswa guru Ambilan Jun 2015 IPGKIK telah terlibat sebagai responden dalam kajian ini. Item soal selidik berkaitan motivasi mempunyai kebolehpercayaan dengan nilai Alpha Cronbach 0.8. Data telah dianalisis menggunakan statistik deskriptif untuk mendapatkan peratusan, kekerapan dan min. Hasil dapatan kajian ini menunjukkan tahap faktor motivasi intrinsik lebih berpengaruh berbanding dengan faktor motivasi ekstrinsik pada perbezaan min 10.17. Secara keseluruhannya, responden mempunyai pandangan yang positif untuk menambahkan ilmu pengetahuan tentang aktiviti kegiatan luar dan rekreasi daripada segi kemahiran.

Kata Kunci: Motivasi intrinsik, motivasi ekstrinsik, siswa guru, Bina Insan Guru.

ABSTRACT

The Bina Insan Guru Programme (BIG) involves all students of the Bachelor's Degree Programme with Honors. The programme involves three phases and through planned activities, the trainee teachers are able to apply knowledge and experience towards self-development. In this regard, this study was conducted to examine and identify the intrinsic and extrinsic motivation relationships towards the involvement of the trainee teachers of June 2015 intake at the Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas (IPGKIK) in the Bina Insan Guru programme. Internal factors related to intrinsic motivation observed in this study are interest, skills and personality. While external factors, namely extrinsic motivation are rewards and encouragement. A total of 62 trainee teachers of June 2015 intake involved as respondents in this study. The questionnaire related to motivation has reliability with Alpha Cronbach 0.8. The data were analyzed using descriptive statistic to obtain percentage, frequency and mean. The findings of this study indicate that the intrinsic motivation factor is more influential than the extrinsic motivation factor at the mean difference of 10.17. Intrinsic motivation, extrinsic motivation, trainee teachers, Bina Insan Guru.

Keywords: Intrinsic motivation, extrinsic motivation, Bina Insan Guru Programme.

Emel: wanhamid23@gmail.com

1.0 PENGENALAN

Dalam era globalisasi yang semakin membangun dengan pesat, demi menyahut dasar kerajaan untuk memastikan semua murid melibatkan diri dalam aktiviti kokurikulum kearah pementapan jati diri dan pembangunan modal insan yang cemerlang, pelbagai program telah diperkenalkan oleh kerajaan. Seterusnya, kegiatan luar merupakan salah satu daripada pelbagai kaedah pengajaran dan pembelajaran yang amat menarik dan berkesan. Menurut Siti Salwa (2009), alam semulajadi dan persekitaran merupakan makmal hidup yang di dalamnya terdapat pelbagai maklumat yang boleh

memperkayakan lagi aspek kognitif, psikomotor dan efektif terutamanya apabila maklumat ini boleh digabungkan dengan pengetahuan dan amalan.

Program Bina Insan Guru (BIG) adalah salah satu kursus Mata Pelajaran Umum (MPU) yang ditawarkan kepada siswa guru mod sepenuh masa dalam Program Ijazah Sarjana Muda (PISMP) di semua kampus Institut Pendidikan Guru Malaysia (Kementerian Pelajaran Tinggi Malaysia 2006). Sehubungan dengan itu, kursus ini bertujuan untuk memantapkan pembinaan jati diri, kepimpinan, kerja berpasukan, sosialisasi dan profesionalisme insan guru melalui aktiviti luar bilik darjah yang bersifat autentik bagi menerapkan kemahiran insaniah dalam kalangan siswa guru. Menurut Siti Salwa (2009), aktiviti kegiatan luar dapat menyemai perasaan muhibah dan integrasi nasional dalam kalangan generasi muda. Beliau juga mengatakan kegiatan luar dapat menanam, memupuk dan memberi latihan awal dari aspek kepimpinan, sahsiah dan kemasyarakatan.

2.0 PERNYATAAN MASALAH

Kajian ini tertumpu kepada siswa guru ppismp Ambilan Jun 2015 di IPGKIK yang telah mengikuti Program Bina Insan Guru (BIG). Tujuan kajian ini adalah untuk meninjau pengaruh motivasi intrinsik dan motivasi ekstrinsik dalam kalangan siswa guru berkenaan semasa melibatkan diri dalam aktiviti kegiatan luar.

Menurut Faridah Karim dan Mohamad Nor (1985), yang menyatakan sekolah-sekolah menghadapi masalah kekurangan guru-guru berkecukupan dan berminat dalam mengendalikan aktiviti kokurikulum atau aktiviti luar bilik darjah. Tambahan akhbar News Straits Times, (1985) melaporkan terdapat ramai guru wanita di sekolah-sekolah yang tidak berminat dengan aktiviti luar bilik darjah tetapi terpaksa juga mengendalikan aktiviti tersebut. Tanpa minat sudah tentu tiada usaha akan dilakukan untuk menjalankan sesuatu kegiatan dan kurang memberi komitmen yang sepenuhnya. (Siti Salwa Mohamad 2009).

Oleh yang demikian, kajian ini dijalankan bagi mengenal pasti faktor-faktor motivasi intrinsik dan motivasi ekstrinsik yang mempengaruhi siswa guru Ambilan Jun 2015 semasa aktiviti kegiatan luar khususnya dalam program Bina Insan Guru (BIG). Di samping itu juga, belum ada kajian yang dijalankan berkaitan dengan mengenal pasti pengaruh motivasi terhadap siswa guru PISMP ambilan Jun 2015 semasa dalam program Bina Insan Guru.

3.0 OBJEKTIF DAN SOALAN KAJIAN

3.1 OBJEKTIF KAJIAN

- i. Mengetahui pasti faktor motivasi intrinsik yang mempengaruhi siswa guru PISMP Ambilan Jun 2015 semasa mengikuti program BIG di IPGKIK.
- ii. Mengetahui pasti faktor motivasi ekstrinsik yang mempengaruhi siswa guru PISMP Ambilan Jun 2015 semasa mengikuti program BIG di IPGKIK.
- iii. Mengetahui pasti jenis motivasi yang lebih dominan terhadap penglibatan siswa guru Ambilan Jun 2015 dalam program BIG di IPGKIK.

3.2 PERSOALAN KAJIAN

- i. Apakah faktor motivasi intrinsik yang mempengaruhi siswa guru PISMP Ambilan Jun 2015 semasa mengikuti program BIG di IPGKIK?
- ii. Apakah faktor motivasi ekstrinsik yang mempengaruhi siswa guru PISMP Ambilan Jun 2015 semasa mengikuti program BIG di IPGKIK?
- iii. Apakah jenis motivasi yang lebih dominan dalam mempengaruhi penglibatan siswa guru Ambilan Jun 2015 di IPGKIK dalam program BIG?

4.0 METODOLOGI, PERSAMPELAN, INSTRUMEN, ANALISIS DATA

4.1 METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif yang berbentuk deskriptif dan inferensi secara tinjauan yang menggunakan borang soal selidik untuk mengumpulkan maklumat dan data.

4.2 PERSAMPELAN

Dalam kajian ini, populasi kajian ialah siswa guru IPGKIK, manakala sampel kajian pula ialah siswa guru PISMP Ambilan Jun 2015. Sampel terdiri daripada 63 orang siswa guru lelaki dan wanita daripada pengkhususan Pendidikan Jasmani, Pendidikan Khas, Pendidikan Muzik dan Tesl. Persampelan yang digunakan ialah persampelan bertujuan dimana kesemua sampel kajian pernah mengikuti program Bina Insan Guru dan penentuan saiz sampel adalah berpandukan jadual penentuan saiz sampel oleh Krejcie dan Morgan (1970).

4.3 INSTRUMEN KAJIAN

Instrumen kajian yang digunakan adalah set borang soal selidik yang mempunyai 3 bahagian utama. Item soalan berkaitan motivasi dibentuk berdasarkan *Participation Motivation Questionnaire* (Gill et al., 1983) yang telah diubah suai oleh Khairuddin (1998). Soal selidik ini telah diterjemahkan dari Bahasa Inggeris kepada Bahasa Malaysia dan diubahsuai bagi penyesuaian dengan situasi dan budaya tempatan untuk kajian faktor motivasi. Soal selidik ini dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu demografi, motivasi intrinik dan motivasi ekstrinsik.

4.4 ANALISIS DATA

Data-data yang diperoleh dianalisis menggunakan statistik deskriptif dan inferensi. Statistik ini merangkumi analisis kekerapan, peratusan, min, sisihan piawai dan ujian-t bagi menjelaskan semua dapatan bagi setiap pemboleh ubah yang dikaji. Analisis Sub-program yang digunakan adalah ujian-t pada aras signifikan $p < 0.05$. Skala pengukuran skor min diukur berdasarkan interpretasi skor min oleh Pallant (2007) iaitu: Tahap rendah = Min (1.00-2.33), Tahap sederhana = Min (2.34-3.67) dan Tahap tinggi = Min (3.68-5.00).

5.0 DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Analisis faktor motivasi intrinsik yang mempengaruhi siswa guru semasa dalam Program BIG.

Jadual 1

Min Faktor Motivasi Intrinsik

| Motivasi | Faktor | Min | Tahap |
|------------|-------------------|------|--------|
| Instrinsik | Minat | 4.13 | Tinggi |
| | Kemahiran | 4.26 | Tinggi |
| | Personaliti | 3.86 | Tinggi |
| | Nilai keseluruhan | 4.08 | Tinggi |

Jadual 1 menunjukkan motivasi intrinsik berada pada tahap tinggi (Min = 3.68-5.00). Antara ketiga-tiga faktor motivasi intrinsik tersebut, faktor kemahiran merupakan faktor motivasi intrinsik tertinggi iaitu min = 5.50 diikuti dengan faktor minat iaitu min = 4.13 dan seterusnya faktor personaliti dengan min = 3.86. Hasil kajian menunjukkan bahawa faktor motivasi intrinsik yang paling mempengaruhi siswa guru ambilan Jun 2015 dalam Program BIG di IPGKIK ialah faktor kemahiran. Dapatan bagi kajian yang dijalankan ini disokong oleh Barron (2001). Hasil kajiannya menyatakan tujuan pencapaian (motivasi intrinsik) menggambarkan kehendak seseorang individu dalam mencapai apa yang dikehendaki.

Analisis faktor motivasi ekstrinsik yang mempengaruhi siswa guru semasa dalam Program BIG.

Jadual 2

Min Faktor Motivasi Ektrinsik

| Motivasi | Faktor | Min | Tahap |
|------------|-------------------|------|-----------|
| Ekstrinsik | Ganjaran | 3.79 | Tinggi |
| | Dorongan | 3.65 | Sederhana |
| | Nilai Keseluruhan | 3.72 | Tinggi |

Bagi faktor motivasi ekstrinsik pula, dapatan kajian menunjukkan kedua-dua faktor motivasi ekstrinsik iaitu faktor ganjaran dan faktor dorongan menyumbang pada tahap tinggi (3.68 – 5.00) dan sederhana (Min = 2.34-3.67). Antara kedua-dua faktor motivasi ekstrinsik tersebut, faktor ganjaran merupakan faktor motivasi ekstrinsik tertinggi iaitu min = 3.79 diikuti dengan faktor dorongan iaitu min = 3.65. Hasil kajian menunjukkan bahawa faktor motivasi ekstrinsik yang paling mempengaruhi siswa guruambilan Jun 2015 dalam Program BIG di IPGKIK ialah faktor ganjaran. Teori ini telah dipersetujui oleh Lepper dan rakan-rakannya dalam kajiannya yang bertajuk "Turning Play Into work" pada pertengahan tahun 1975. Menurut mereka, motivasi ekstrinsik boleh menjejaskan motivasi intrinsik. Ganjaran-ganjaran yang diperolehi oleh seseorang individu tidak boleh dijadikan sebagai perkara pokok di dalam penyertaan aktiviti pendidikan luar.

Analisis jenis motivasi yang lebih dominan dalam mempengaruhi penglibatan siswa guru Ambilan Jun 2015 di IPGKIK dalam program BIG.

Jadual 3

Min Faktor Motivasi Instrinsik dan Motivasi Ekstrinsik

| Motivasi | Faktor | Min | Tahap |
|------------|-------------------|------|-----------|
| Intrinsik | Minat | 4.13 | Tinggi |
| | Kemahiran | 4.26 | Tinggi |
| | Personaliti | 3.86 | Tinggi |
| Ekstrinsik | Nilai keseluruhan | 4.08 | Tinggi |
| | Ganjaran | 3.79 | Tinggi |
| | Dorongan | 3.65 | Sederhana |
| | Nilai keseluruhan | 3.36 | Tinggi |

Berdasarkan kepada Jadual 3, dapatan kajian menunjukkan ketiga-tiga faktor motivasi instrinsik iaitu faktor minat, faktor kemahiran dan faktor personaliti menyumbang pada tahap tinggi (Min = 3.68-5.00). Antara ketiga-tiga faktor motivasi instrinsik tersebut, faktor kemahiran merupakan faktor motivasi instrinsik tertinggi iaitu min = 4.26 diikuti dengan faktor minat iaitu min = 4.13 dan seterusnya faktor personaliti dengan min = 3.86. Dapatan kajian menunjukkan faktor motivasi intrinsik lebih pengaruh siswa guru PISMP Ambilan Jun 2015 semasa program BIG.

Dapatan kajian ini disokong oleh Harackiewicz dan Elliot (1993). Mereka berpendapat bahawa sebarang tujuan adalah bergantung kepada pencapaian orientasi di mana individu yang mempunyai motivasi yang tinggi menghasilkan kesan penguasaan jangka panjang berbanding individu yang kurang bermotivasi.

6.0 KESIMPULAN, CADANGAN DAN IMPLIKASI

Terdapat dua faktor motivasi iaitu motivasi intrinsik dan motivasi ekstrinsik yang mempengaruhi siswa guru semasa dalam Program BIG di IPGKIK. Dapatan kajian menunjukkan bahawa motivasi intrinsik merupakan faktor motivasi yang paling mempengaruhi siswa guru semasa dalam Program BIG di IPGKIK. Faktor motivasi intrinsik terdiri daripada faktor minat, kemahiran dan personaliti. Selain itu, dapatan kajian menunjukkan bahawa siswa guru memberi tindak balas yang negatif bagi faktor motivasi ekstrinsik semasa dalam Program BIG. Terdapat dua faktor yang dikaji dalam motivasi ekstrinsik iaitu faktor dorongan dan faktor ganjaran. Sehubungan dengan itu, sekiranya faktor-faktor motivasi ekstrinsik menguasai diri, motivasi tersebut akan mengganggu individu tersebut.

Cadangan untuk pihak institusi ialah, memberikan pendedahan dalam program aktiviti luar seperti BIG, dan pendidikan luar. Dengan program yang banyak seperti ini akan meningkatkan motivasi dan minat siswa guru untuk menyertai program-program aktiviti luar. Selain itu, pihak institusi boleh menyediakan aktiviti dan program untuk meningkatkan aspek psikologi siswa guru bagi memastikan tahap motivasi siswa guru berada pada tahap yang tinggi.

Kajian ini diharapkan dapat merapatkan lagi hubungan antara kaum dalam kalangan siswa guru Ambilan Jun 2015 yang menyertai program BIG. Dapatan kajian ini dilihat dapat mengeratkan hubungan antara kaum dalam siswa guru dengan menggunakan faktor motivasi ekstrinsik iaitu faktor dorongan daripada rakan-rakan untuk melibatkan diri dalam aktiviti BIG.

RUJUKAN

- Barron (2001). "Achievement Goal and Optimal Motivation: Testing Multiple Goal Models". New York
- Faridah Karim, Penggubalan Kurikulum untuk Kokurikulum: Satu Panduan. Seminar Kebangsaan mengenai Kokurikulum di Universiti Utara Malaysia. 1985.
- Gill, D.L, Gross, J.B & Huddleston, S (1983). Participation motivation in Youth Sports.*International Journal of sport psychology*, 14, 4-14
- Harackiewicz, J. M., & Elliot, A. J. (1993). Achievement goals and intrinsic motivation.*Journal of Personality and Social Psychology*, 65(5), 904-915
- Krejcie, R.V. & Morgan, D.W. (1970). Determining Sample Size for Research Activities.*Educational and Psychological Measurement*. 30(3):607-610.
- Lepper, M. R., & Greene, D. (1975). Turning play into work: Effects of adult surveillance and extrinsic rewards on children's intrinsic motivation. *Journal of Personality and Social Psychology*, 31(3), 479-486.
- New Straits Times, Isnin, June 8, 1985.
- Siti Salwa, M. (2009). Faktor di Antara Motivasi Intrinsik dan Ektrinsik ke Atas Penglibatan Para Pelajar Terhadap Aktiviti Pendidikan Luar.

G8.7 Pendidikan Jasmani



TAHAP PENGETAHUAN DAN AMALAN PEMAKANAN ATLET INSTITUT PENDIDIKAN GURU KAMPUS ILMU KHAS.

AIMAN HAKIMIN BIN MOHD SALEH
Jabatan Sains Sukan

Pensyarah Pembimbing
EN. RAVICHANTIRAN A/L ARUJUNAN

ABSTRAK

Tujuan kajian ini dijalankan untuk mengetahui tahap pengetahuan dan amalan pemakanan atlet IPG Kampus Ilmu Khas. Selain itu, kajian ini juga mengkaji adakah terdapat hubungan antara tahap pengetahuan dengan tahap amalan pemakanan atlet IPG Kampus Ilmu Khas. Kaedah kuantitatif telah digunakan dalam kajian ini. Kajian ini menggunakan satu set soal selidik untuk mendapatkan data kajian. Soal selidik yang digunakan telah mendapat kepercayaan dan kesahan yang dianalisis menggunakan 'Alpha Croncbanch' dan didapati nilai Alphanya adalah 0.807. Kaedah statistik deskriptif diaplikasi untuk menganalisis data untuk mendapatkan peratusan, min, dan kolerasi. Dapatan kajian menunjukkan atlet IPG Kampus Ilmu Khas mempunyai tahap pengetahuan pemakanan seimbang (asas) yang tinggi (min=4.35), tahap pengetahuan pemakanan sukan yang tinggi (min=4.06) dan tahap amalan pemakanan yang baik (min=3.92). Dapatan kajian ini juga mendapati terdapat hubungan antara tahap pengetahuan pemakanan dan tahap amalan pemakanan namun berada di paras sederhana.

Kata Kunci : Tahap pengetahuan pemakanan, tahap amalan pemakanan, atlet IPG Kampus Ilmu Khas.

ABSTRACT

The purpose of this study was to find out the level of nutritional knowledge and eating habits practice among athletes in Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas, Kuala Lumpur. In addition, this study also examines whether there is a relationship between the level of nutritional knowledge and the eating habits practice of the athletes in Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas. Quantitative methods had been applied in this study. This study used a set of questionnaire to obtain the reliable data. The questionnaire has gained the trust and validity analyzed using 'Alpha Croncbanch' and the value of Alpha is 0.807. Descriptive statistical method was applied to analyze the to get the percentage, mean, and correlation. This study show that athlete IPG Kampus Ilmu Khas has a high level of nutritional knowledge (min = 4.35), high level of sports nutrition knowledge (min = 4.06) and good eating habits practice (min = 3.92). This study also found that there was a correlation between the level of nutritional knowledge and the level of eating habits practice but at the moderate level.

Keywords: Level of nutritional knowledge, level of eating habits practice, IPG Kampus Ilmu Khas Athletes

Emel: aiman.hakimin19@gmail.com

1.0 PENGENALAN

Pemakanan yang betul dan seimbang amat penting dalam kehidupan harian. Amalan pemakanan yang sihat dan seimbang akan menghindarkan diri daripada pelbagai penyakit. Piramid makanan merupakan satu cara terbaik untuk pengambilan diet seseorang bagi memenuhi tenaga dan nutrient yang diperlukan (Samuel Mettler et al., 2010). Penting juga bagi setiap individu mempunyai ilmu tentang pemakanan yang sihat. Pengetahuan pemakanan adalah salah satu faktor yang diperlukan bagi mengubah tabiat pemakanan seseorang individu (Razalee, 2013). Lebih-lebih lagi individu yang bergelar atlet. Ini kerana, aspek amalan pemakanan mempengaruhi prestasi atlet tersebut. Menurut Sami Ullah Khan et al. (2017) pemakanan yang seimbang diambil sebelum, semasa dan selepas pertandingan.

2.0 PERNYATAAN MASALAH

Menurut Zalma Razak (2002), selain daripada faktor latihan dan kebakaan, kecemerlangan prestasi dan persembahan seseorang atlet juga ditentukan dengan status amalan pemakanannya. Menurut Razalee, Poh dan Mohd Ismail Noor (2013), pengetahuan pemakanan adalah salah satu faktor yang diperlukan bagi mengubah tabiat makanan, walau bagaimanapun pengaruh pengetahuan pemakanan terhadap tabiat makan menunjukkan hasil yang tidak konsisten. Terdapat pelbagai kajian yang telah dilaksanakan, antara ialah kajian Pengetahuan Dan Amalan Pemakanan Atlet Masum Universiti Kebangsaan Malaysia Dan Hubungannya Dengan Pencapaian Atlet oleh Ahmad Syazwan Bin Shuid, 2018. Selain itu, kajian The Nutrition Knowledge, Attitudes and Body Composition of Adolescent Swimmers. Safiya Beckford (2011). Namun tiada lagi kajian seperti ini yang dilaksanakan di IPG Kampus Ilmu Khas melibatkan sampel atlet. Kajian ini dihasilkan bagi mengetahui tahap amalan pemakanan atlet IPGKIK serta tahap pengetahuan pemakanan mereka.

3.0 OBJEKTIF DAN SOALAN KAJIAN

3.1 OBJEKTIF KAJIAN

1. Mengenalpasti tahap pengetahuan pemakanan seimbang atlet IPG Kampus Ilmu Khas.
2. Mengenalpasti tahap pengetahuan pemakanan sukan atlet IPG Kampus Ilmu Khas.
3. Mengenalpasti tahap amalan pemakanan atlet IPG Kampus Ilmu Khas.
4. Menentukan hubungan di antara tahap pengetahuan dengan tahap amalan pemakanan atlet IPG Kampus Ilmu Khas?

3.2 SOALAN KAJIAN

1. Apakah tahap pengetahuan pemakanan seimbang atlet IPG Kampus Ilmu Khas?
2. Apakah tahap pengetahuan pemakanan sukan oleh atlet IPG Kampus Ilmu Khas?
3. Apakah tahap amalan pemakanan atlet IPG Kampus Ilmu Khas?
4. Adakah terdapat hubungan antara tahap pengetahuan dengan tahap amalan pemakanan atlet IPG Kampus Ilmu Khas?

4.0 METODOLOGI KAJIAN

Pendekatan kuantitatif deskriptif dan inferensi telah digunakan melalui kaedah tinjauan menggunakan instrumen soal selidik bagi mengumpul maklumat dan data.

4.1 SAMPEL KAJIAN

Sampel kajian terdiri daripada 50 atlet IPG Kampus Ilmu Khas lelaki dan perempuan.

4.2 INSTRUMEN KAJIAN

Kajian ini menggunakan instrumen soal selidik Pengetahuan Dan Amalan Pemakanan Atlet Masum Universiti Kebangsaan Malaysia Dan Hubungannya Dengan Pencapaian Atlet oleh Ahmad Syazwan Bin Shuid, 2018.

4.3 KAJIAN RINTIS

Pengkaji juga menjalankan kajian rintis terhadap 10 orang atlet IPG Kampus Bahasa Melayu. Berdasarkan analisis yang dibuat, alpha yang diperolehi dari kajian rintis ini ialah 0.807. Menurut Mohd Najib Abdul Ghaffar, sekiranya nilai Alpha Cronbach melebihi 0.8, bermakna tahap kesahan atau kebolehpercayaan item yang diuji adalah tinggi. Ini menunjukkan soalan yang telah digunakan oleh pengkaji mempunyai tahap kebolehpercayaan dan kesahan yang tinggi.

4.4 ANALISIS DATA

Kaedah analisis statistik deskriptif dan inferensi telah dijalankan menggunakan data-data yang diperolehi. Analisis kemudiannya dijalankan menggunakan peratusan, kekerapan, min, dan korelasi Pearson. Bacaan korelasi Pearson pula menggunakan skala skor oleh Skala Guiford (1956).

5.0 DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Jadual 1

Skor Min Tahap Pengetahuan Pemakanan Seimbang (Asas) Atlet IPG Kampus Ilmu Khas

| Pemboleh ubah | N | Min | Sisihan piawaian | Tahap penilaian |
|---------------|----|------|------------------|-----------------------|
| Pengetahuan | 50 | 4.35 | .35124 | Sangat berpengetahuan |

Jadual 2

Skor Min Tahap Pengetahuan Pemakanan Sukan Oleh Atlet IPG Kampus Ilmu Khas

| Pemboleh ubah | N | Min | Sisihan Piawai | Tahap penilaian |
|---------------------------|----|------|----------------|-----------------------|
| Pengetahuan makanan sukan | 50 | 4.06 | .57362 | Sangat berpengetahuan |

Jadual 1 iaitu skor min tahap pengetahuan pemakanan seimbang atlet IPG Kampus Ilmu Khas ialah 4.35. Skor min ini berada pada tahap yang tinggi dan memperoleh penilaian sebagai sangat berpengetahuan. Manakala, jadual 2 menunjukkan skor min tahap pengetahuan pemakanan sukan oleh atlet IPG Kampus Ilmu Khas ialah 4.06. Skor min ini juga berada pada tahap yang tinggi dan memperoleh penilaian sebagai sangat berpengetahuan. Ini menunjukkan tahap pengetahuan pemakanan atlet IPGKIK ialah sangat berpengetahuan. Dapatan ini disokong oleh kajian yang dijalankan oleh A. Syazwan Shuid (2018) yang juga mendapat dapatan yang sama. Namun, bertentang dengan hasil kajian oleh Safiya Beckford (2011) bahawa atlet renang di *Trinidad and Tobago* mempunyai kurang pengetahuan tentang pemakanan.

Jadual 3

Skor Min Tahap Amalan Pemakanan Atlet IPG Kampus Ilmu Khas

| Pemboleh ubah | N | Min | Sisihan Piawai | Tahap penilaian |
|------------------|----|------|----------------|-----------------|
| Amalan pemakanan | 50 | 3.92 | .82973 | Mengamalkan |

Jadual 3 menunjukkan skor min tahap amalan pemakanan atlet IPG Kampus Ilmu Khas iaitu 3.92. Skor min ini berada pada tahap yang tinggi dan memperoleh penilaian sebagai mengamalkan. Kajian ini menunjukkan bahawa tahap amalan pemakanan atlet IPG Kampus Ilmu Khas berada pada tahap mengamalkan sahaja. Ini juga menunjukkan atlet IPGKIK masih mengamalkan pemakanan yang seimbang dan sihat. Dapatan ini disokong oleh kajian yang dijalankan oleh A. Syazwan Shuid (2018) yang juga mendapat dapatan yang sama. Perkara ini selaras dengan kajian yang dilakukan oleh Sami Ullah Khan et al. (2017), yang mengatakan bahawa pengambilan karbohidrat, protein, lemak, vitamin, mineral dan air dalam jumlah yang betul juga penting dalam peningkatan prestasi sukan.

Jadual 4.13

Pekali Kolerasi antara Tahap Pengetahuan Pemakanan dengan Amalan Pemakanan Atlet IPG Kampus Ilmu Khas

| Hubungan antara pembolehubah | Kolerasi Pearson (r) | Signifikan (p) |
|--|----------------------|----------------|
| Hubungan pengetahuan dan amalan pemakanan atlet IPGKIK | 0.40 | 0.00 |

Korelasi antara tahap pengetahuan pemakanan dengan amalan pemakanan atlet adalah signifikan berdasarkan dapatan kajian yang memperolehi nilai $p = 0.00$ yang menunjukkan $p < 0.05$ dengan nilai korelasi sebanyak $r = 0.40$ yang menunjukkan nilai sederhana. Nilai ini menunjukkan bahawa tahap pengetahuan pemakanan atlet mempunyai hubungan yang positif dengan tahap amalan pemakanan atlet walaupun pada tahap sederhana. Dapatan ini disokong oleh kajian yang dijalankan oleh A. Syazwan Shuid (2018) bahawa terdapat hubungan kolerasi yang positif antara pemakanan dan amalan pemakanan atlet. Selain itu, dapatan kajian ini disokong oleh kajian Hornstrom et al. (2011) yang menyatakan pengetahuan pemakanan atlet mempunyai hubungan kolerasi yang positif dengan amalan pemakanan.

7.0 KESIMPULAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN

Hasil kajian ini mendapati bahawa tahap pengetahuan pemakanan atlet IPG Kampus Ilmu Khas ialah tinggi dan memperoleh penilaian sangat berpengetahuan. Manakala, tahap amalan pemakanan atlet IPG Kampus Ilmu Khas juga tinggi dan memperoleh penilaian mengamalkan. Ini menunjukkan atlet IPGKIK masih mengamalkan pemakanan yang sihat dan seimbang. Korelasi antara tahap pengetahuan pemakanan dengan amalan pemakanan atlet adalah signifikan menunjukkan terdapat hubungan di antara tahap pengetahuan dan amalan pemakanan atlet IPG Kampus Ilmu Khas.

Kajian ini diharap memberi implikasi terhadap jabatan yang terlibat dengan sukan IPGKIK seperti Jabatan Sains Sukan, Jabatan Pendidikan Jasmani dan Jabatan GERKO. Pihak-pihak ini diharap boleh merancang untuk mengadakan program-program berkaitan pemakanan kepada atlet supaya atlet sedar akan kepentingan penjagaan pemakanan bagi menjamin prestasi yang cemerlang. Kajian ini juga memberi implikasi terhadap jurulatih. Jurulatih dapat mengetahui tentang tahap pengetahuan pemakanan atlet seterusnya dapat menekankan aspek yang kurang dalam diri atlet. Implikasi terhadap atlet pula supaya mengetahui betapa pentingnya pengetahuan tentang pemakanan asas dan sukan serta pengamalan pemakanan yang sihat dalam kehidupan seharian mereka. Mereka juga dapat mengetahui secara umum mengenai tahap pengetahuan mereka supaya dapat melakukan penambahbaikan.

Pengkaji mencadangkan agar kajian menambah bilangan sampel kajian. Sampel boleh melibatkan kesemua atlet IPGKIK. Sampel juga boleh dibesarkan dengan mengambil sampel daripada IPG di seluruh Malaysia khususnya. Selain itu, mempelbagaikan kaedah kajian. Kajian berikutnya boleh menggabungkan kaedah kualitatif dan kuantitatif dengan membuat temu bual dan soal selidik. Maka, dapatan kajian menjadi tepat dan subjek bebas memberikan jawapan.

RUJUKAN

- A. Syazwan Shuid (2018). Pengetahuan Dan Amalan Pemakanan Atlet Masum Universiti Kebangsaan Malaysia Dan Hubungannya Dengan Pencapaian Atlet. *Universiti Kebangsaan Malaysia*
- Guilford, J.P. (1956). *Fundamental Statistics in Psychology and Education*. (p. 145). New York: McGraw Hill.
- Hornstrom, G. R., Friesen, C. A., Ellery, J. E., & Pike, K. (2011). Nutrition Knowledge, Practices, Attitudes, and Information Sources of Mid-American Conference College Softball Players. *Food and Nutrition Sciences*, 2, 109-117.

Razalee Sedek, Poh Bee Koon & Ismail Noor. (2013). Pengetahuan Pemakanan dan Pengambilan Suplemen dalam Kalangan Anggota Tentera Laut Diraja Malaysia

Sami Ullah Khan, Alamgir Khan, Salahuddin Khan, Muhammad Khushdil Khan and Sajid Ullah Khan. (2017). Perception of Athletes about Diet and Its Role in Maintenance of Sports Performance. *University Of Peshawar*.

Mettler,S, and Meyer,N,L, PhD,RD, CSSD. (2010). *Food Pyramids in Sport Nutrition*.

Safiya Beckford (2011). The Nutrition Knowledge, Attitudes and Body Composition of Adolescent Swimmers. *The University of The West Indies*.

Zalma Abdul Razak. 2002. Pemakanan dan sukan. Retrieved from <http://www.myhealth.gov.my/pemakanan-a-sukan/> [11 Januari 2019]

**PENGARUH DI ANTARA PENGGUNAAN BAHAN BANTU MENGAJAR DENGAN MINAT MURID
TAHUN LIMA TERHADAP PENDIDIKAN KESIHATAN DI SEKOLAH KEBANGSAAN SERI
SEKAMAT KAJANG SELANGOR.**

DAYANA BINTI RAZALI
Jabatan Sains Sukan

Pensyarah Pembimbing
PN. JAMALIYAH BINTI AHMAD

ABSTRAK

Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk melihat hubungan di antara penggunaan Bahan Bantu Mengajar (BBM) dengan minat murid terhadap subjek Pendidikan Kesihatan. Kajian ini telah dilaksanakan di Sek.Keb. Seri Sekamat Kajang, Selangor. Sampel kajian terdiri daripada 70 orang murid tahun 5.. Instrumen soal selidik yang digunapakai dalam kajian ini diubahsuai daripada instrumen yang digunakan oleh Norma Hassan (2004) mengikut kesesuaian kajian dan responden. Kaedah deskriptif telah diguna bagi mendapatkan min, peratus dan sisihan piawai. Korelasi Pearson digunakan dan data yang diperolehi adalah signifikan yang menunjukkan wujudnya hubungan yang positif di antara penggunaan BBM dengan minat murid. Oleh itu, BBM merupakan salah satu cara untuk memotivasikan minat murid terhadap Pendidikan Kesihatan. Dalam pemilihan bahan pula, faktor ciri dan jenis BBM perlu diambil kira dan diberi perhatian oleh pihak guru.

Kata Kunci: Bahan bantu mengajar, minat, Pendidikan Kesihatan

ABSTRACT

The purpose of this research done is to study the connection between the usage of teaching instrument and the interest of the students towards Health education subject. This research has been done at Sk Seri Sekamat Kajang Selangor. The sample of this research included 70 of Year 5 students. The questionnaire instrument used in this study was modified from the instruments used by Norma Hassan (2004) according to the suitability of the study and the respondents. Descriptive method was used to get min, standard deviation, and percentage. To obtain a correlation, Pearson's correlation was used and the data obtained was significant which showed a positive correlation between the use of Teaching Aids with student's interest. Therefore teaching instrument is one of the way to motivate and will interest the student towards Health education. The right teaching instrument must take into consideration by the concerned teaching.

Keywords: Teaching aids, interest, Health Education

Emel: dayanastarshine95@gmail.com

1.0 PENGENALAN

Menurut Dokumen Standard Kurikulum Dan Pentaksiran Pendidikan Kesihatan Kementerian Pendidikan Malaysia, Pendidikan Kesihatan ialah disiplin ilmu yang membolehkan murid mendapat pengalaman pembelajaran secara berterusan untuk membuat keputusan, meningkatkan literasi kesihatan dan mengamalkan gaya hidup sihat. Murid dididik supaya sentiasa bersedia menyesuaikan diri dalam aspek fizikal, mental, emosi, sosial dan rohani. Pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Kesihatan yang terancang dapat meningkatkan potensi individu ke tahap kesihatan optimum.

Seterusnya, fungsi utama BBM pula adalah bagi memudahkan murid-murid memahami isi pengajaran. BBM yang berkesan haruslah dapat membantu proses pengajaran dan pembelajaran. Guru-guru yang mempunyai daya kreativiti, harus bijak memilih bahan yang sesuai dan kaedah pengajaran yang terbaik agar ianya berkesan (Rashidi Azizan et.al, 1996,).

Sejajar dengan itu, guru hendaklah mempelbagaikan kaedah dan cara penyampaian agar boleh menarik minat murid-murid terhadap matapelajaran yang diajar di dalam kelas khususnya Pendidikan Kesihatan yang kurang diminati. Salah satu cara untuk menarik minat murid-murid adalah dengan

penggunaan Bahan Bantu Mengajar (BBM) dalam usaha menjalankan proses P&P yang berkualiti. Kenyataan ini disokong oleh Witmuishwara & Ahmad (2015), yang menyatakan bahawa antara faktor yang menyumbang ke arah sekolah berkualiti adalah proses P&P yang berkualiti. Manakala proses P&P pula bergantung pada faktor kualiti pengajaran guru yang boleh dicapai dengan penggunaan bahan bantu mengajar (BBM).

2.0 PERNYATAAN MASALAH

Di antara sebab mengapa tanggapan negatif terhadap Pendidikan Kesihatan terjadi, mungkin adalah disebabkan faktor murid kurang minat (Gordan Thomas, 2002). Para guru sentiasa berusaha mencari rangsangan yang dapat menimbulkan perasaan atau kepuasan yang menyenangkan dalam diri murid-murid (Mohd Majid Konting, 2000). Bagi tujuan ini, penggunaan pelbagai teknik pengajaran dan pembelajaran, serta latihan yang berperingkat-peringkat, bermakna dan sesuai dengan kebolehan, pengalaman dan minat murid-murid perlu diambil kira. Hal ini supaya minat murid dapat dikekalkan selama yang diperlukan baginya untuk menguasai idea atau isi pelajaran tertentu (Rashidi Azizan et.al, 1996). Kemudian, kajian-kajian lampau kebanyakannya hanya memfokuskan kajian berkaitan subjek peperiksaan seperti Matematik, Sains dan Bahasa Melayu sahaja untuk dikaji walhal subjek minor juga memainkan peranan penting kepada murid-murid. Oleh itu, pengkaji mengambil peluang yang diberikan untuk mengkaji subjek minor Pendidikan Kesihatan dengan menjalankan satu kajian tentang hubungan di antara penggunaan bahan bantu mengajar dengan minat murid tahun lima terhadap pendidikan kesihatan di sekolah.

3.0 OBJEKTIF DAN SOALAN KAJIAN

3.1 OBJEKTIF

1. Menenalpasti hubungan penggunaan bahan bantu mengajar dengan minat murid tahun 5 terhadap Pendidikan Kesihatan.
2. Menenalpasti ciri-ciri Bahan Bantu Mengajar yang dapat mempengaruhi minat murid terhadap mata pelajaran Pendidikan Kesihatan.
3. Menenalpasti jenis-jenis Bahan Bantu Mengajar yang dapat mempengaruhi minat murid terhadap mata pelajaran Pendidikan Kesihatan.

3.2 PERSOALAN KAJIAN

1. Adakah penggunaan bahan bantu mengajar dapat mempengaruhi minat murid tahun 5 terhadap Pendidikan Kesihatan.
2. Apakah ciri-ciri Bahan Bantu Mengajar yang dapat mempengaruhi minat murid terhadap mata pelajaran Pendidikan Kesihatan.
3. Apakah jenis-jenis Bahan Bantu Mengajar yang dapat mempengaruhi minat murid terhadap mata pelajaran Pendidikan Kesihatan.

4.0 METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif yang berbentuk deskriptif dan inferensi secara tinjauan yang menggunakan borang soal selidik untuk mengumpulkan maklumat dan data.

4.1 SAMPEL KAJIAN

Sampel yang dipilih dalam kajian ini adalah berdasarkan jadual penentuan saiz sampel Krejcie & Morgan (1970). Sampel dalam kajian ini melibatkan 70 orang responden daripada 85 orang murid tahun 5 di Sekolah Kebangsaan Seri Sekamat, Kajang.. Sampel ini telah di ambil secara rawak mudah.

4.2 INSTRUMEN KAJIAN

Instrumen kajian yang digunakan adalah set borang soal selidik yang mempunyai 3 bahagian utama iaitu bahagian A, B dan C. Instrumen soal selidik yang digunapakai dalam kajian ini diubahsuai daripada instrumen yang digunakan oleh Norma Hassan (2004) mengikut kesesuaian kajian dan responden yang telah mendapat kesahan daripada 7 orang pakar dengan nilai Alpha Cronbach 0.94.

4.3 ANALISIS DATA

Data-data yang diperoleh dianalisis menggunakan statistik deskriptif dan inferensi. Statistik ini merangkumi analisis kekerapan, peratusan, min, sisihan piawai dan ujian korelasi bagi menjelaskan semua dapatan bagi setiap pemboleh ubah yang dikaji.

5.0 DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Analisis Korelasi Hubungan Antara Bahan Bantu Mengajar Dengan Minat Murid Tahun 5 Terhadap Pendidikan Kesihatan .

Jadual 1

Korelasi antara Minat Murid dengan Penggunaan Bahan Bantu Mengajar.

| Pemboleh Ubah | Bahan Bantu Mengajar |
|---------------|---|
| Minat | Nilai Korelasi Pearson, $r = 0.420$ Nilai Signifikan $= 0.001$ |

Korelasi signifikan pada aras <0.01 (2-tailed)

Jadual 1 di atas menunjukkan keputusan Ujian Korelasi Pearson untuk menentukan hubungan antara minat murid-murid dalam pembelajaran Pendidikan Kesihatan dengan penggunaan BBM. Hasil ujian menunjukkan bahawa hubungan positif antara minat dan BBM. Oleh sebab nilai 0.420 merupakan satu hubungan yang positif, hal ini menunjukkan wujudnya hubungan yang signifikan di antara kedua pemboleh ubah tersebut dengan nilai signifikannya ialah lebih kecil dari aras signifikan yang ditetapkan iaitu 0.01.

Analisis Skor Min dan Sisihan piawai Ciri-ciri Bahan Bantu Mengajar Yang Sesuai

Jadual 2

Ciri-ciri Bahan Bantu Mengajar

| Ciri-ciri Bahan Bantu Mengajar | Min | Sisihan Piawai | Setuju | Tidak Setuju |
|---|------|----------------|--------|--------------|
| Bahan Bantu Mengajar yang digunakan oleh guru sesuai dengan isi pelajaran yang disampaikan. | 3.44 | 0.67 | 92.9% | 7.1% |
| Bahan Bantu Mengajar yang digunakan oleh guru dapat dilihat dengan jelas. | 3.57 | 0.58 | 95.7% | 4.3% |
| Bahan Bantu Mengajar yang digunakan oleh guru menarik perhatian saya. | 3.56 | 0.63 | 92.9% | 7.1% |
| Bahan Bantu Mengajar yang digunakan oleh guru kemas dan mudah digunakan. | 3.56 | 0.85 | 91.4% | 8.6% |

Melihat kepada jadual 2, min yang diperolehi daripada setiap item adalah tinggi. Bagi item ciri kesesuaian iaitu BBM yang digunakan oleh guru sesuai dengan isi pelajaran yang disampaikan, min yang diperolehi adalah 3.44. Item kejelasan iaitu BBM yang digunakan oleh guru dapat dilihat dengan jelas memperoleh (min= 3.57). Bagi item menarik minat iaitu BBM yang digunakan oleh guru menarik perhatian saya pula memperoleh (min=3.56). Manakala bagi item kekemasan mendapat (min=3.48), yang menunjukkan responden turut bersetuju BBM yang digunakan kemas dari segi binaan dan mudah digunakan.

Analisis Jenis-jenis Bahan Bantu Mengajar yang menjadi pilihan murid

Jadual 3

Jenis-jenis Bahan Bantu Mengajar

| Jenis-jenis bahan mengajar | Min | Sisihan piawai |
|----------------------------|------|----------------|
| Bahan bercetak | 3.14 | 0.80 |
| Bahan bukan bercetak | 2.92 | 0.88 |
| Bahan 3 Dimensi | 3.68 | 0.73 |
| Bahan tayang | 3.76 | 0.50 |
| Bahan audio | 3.55 | 0.77 |
| Bahan video/ TV/ komputer | 3.89 | 0.36 |

Berdasarkan jadual 3, secara total yang boleh dilihat adalah kesemua min yang diperolehi bagi jenis-jenis BBM adalah tinggi. Hasil kajian mendapati bahawa responden telah memilih bahan video/ TV/ komputer sebagai BBM yang paling mereka minati dengan (min=3.89). Kemudian, BBM yang menjadi pilihan kedua responden pula adalah bahan tayang (min=3.76). Pilihan yang seterusnya adalah bahan 3 dimensi, bahan audio dan bahan bercetak dengan min masing-masing ialah (min=3.68), (min=3.55), dan (min=3.14). Akhir sekali, dapatan mendapati bahawa bahan bukan bercetak adalah bahan yang paling kurang diminati dan min yang ditunjukkan hanya (min=2.92) sahaja.

6.0 KESIMPULAN, CADANGAN DAN IMPLIKASI

Secara keseluruhannya murid-murid berpendapat BBM yang digunakan oleh guru berupaya menarik minat mereka. Hal ini diperkukuhkan dengan hasil ujian korelasi yang mendapati bahawa hubungan minat murid tahun 5 dengan penggunaan BBM terhadap Pendidikan Kesihatan adalah signifikan. Selanjutnya, pengkaji mencadangkan kepada pengkaji akan datang agar melibatkan lebih ramai responden iaitu mengambil responden dari beberapa sekolah yang berbeza dan memilih murid bukan sahaja daripada kalangan murid-murid tahap satu malah juga murid tahap dua untuk dibanding beza. Seterusnya, kajian akan datang boleh dibuat dalam bentuk kualitatif atau menggunakan kedua-dua bentuk kajian agar dapat menyokong analisis kuantitatif dan membantu individu lain memahami dengan lebih jelas tentang isu yang diutarakan. Implikasi dari kajian ini, guru-guru akan berusaha meningkatkan kemahiran diri dalam menghasilkan dan mengendalikan BBM supaya dapat memenuhi ciri-ciri yang sepatutnya. Selanjutnya, BBM yang hendak digunakan akan dipilih bersesuaian dengan aktiviti pengajaran dan pembelajaran. BBM harus bertepatan dengan topik dan isi kandungan yang hendak disampaikan. Kemudian, pihak sekolah lebih peka dengan kewujudan bahan bantu mengajar berbentuk perisian yang terdapat di pasaran dan menyediakan peruntukan sewajarnya bagi mendapatkannya.

RUJUKAN:

- Kementerian Pendidikan Malaysia (2016). *DSKP Pendidikan Kesihatan Tahun 5* (2019,3Mac). Retrieved from <https://www.moe.gov.my/index.php/menumedia/media-cetak/penerbitan/dskp-kssr/1267-dskp-kssr-pendidikan-kesihatan-tahun-6/file>.
- Gordon, Thomas. (2002). *Guru yang efektif*. Jakarta: Penerbit Rineka Cipta.
- Rashidi Azizan & Abd. Razak Habib. (2002). *Pengajaran Dalam Bilik Darjah: Kaedah dan strategi*. Kajang: Masa Enterprise.
- Mohd Majid Konting. 2000. *Kaedah penyelidikan pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Norma Hassan (2004). *Hubungan Di Antara Penggunaan Bahan Bantu Mengajar Dengan Minat Pelajar Di Sekolah Kebangsaan Kem, Pengkalan Chepa, Kelantan*. Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Witmuishwara, M. & Ahmad, A. (2015). *Pengaruh Etnik Terhadap Kualiti Pengajaran Guru Di Bilik Darjah : Satu Kajian Perbandingan Antara Sekolah Rendah Kebangsaan dan Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Tamil*. Fakulti Pendidikan. Universiti Kebangsaan Malaysia.

TAHAP KEBIMBANGAN SEBELUM PERTANDINGAN DALAM KALANGAN ATLET RAGBI DI INSTITUT PENDIDIKAN GURU KAMPUS ILMU KHAS

HASLIENA BINTI HUSSIN
Jabatan Sains Sukan

Pensyarah Pembimbing
PN. JAMALIYAH BINTI AHMAD

ABSTRAK

Tujuan kajian ini ialah untuk mengenalpasti tahap kebimbangan yang meliputi tahap kebimbangan kognitif, tahap kebimbangan somatik dan keyakinan diri sebelum pertandingan. Di samping itu juga, kajian ini turut meninjau hubungan antara tahap kebimbangan kognitif, tahap kebimbangan somatik dan keyakinan diri dalam kalangan atlet ragbi. Responden kajian ini terdiri daripada 52 orang atlet ragbi yang menyertai Kejohanan Ragbi Piala Pengarah 2018. Pengumpulan data dengan menggunakan instrumen soal selidik "*Competitive State Anxiety Inventory-2 (CSAI-2)*". Kaedah statistik deskriptif diaplikasikan untuk menganalisis data bagi mendapatkan min, peratusan dan korelasi. Hasil dapatan kajian menunjukkan min keyakinan diri adalah lebih tinggi berbanding kebimbangan kognitif dan kebimbangan somatik. Manakala ujian korelasi menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan bagi kebimbangan kognitif, kebimbangan somatik dan keyakinan diri dalam kalangan responden atlet ragbi lelaki. Berbanding responden atlet ragbi perempuan yang menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan bagi kebimbangan kognitif tetapi tiada hubungan yang signifikan antara kebimbangan somatik dan keyakinan diri.

Kata Kunci: Kebimbangan, sebelum pertandingan, atlet ragbi

ABSTRACT

The purpose of this study is to identify the extent of anxiety that covers the level of cognitive anxiety, somatic anxiety level and self-confidence before the competition. In addition, this study also examines the relationship between cognitive level of anxiety, somatic anxiety and self-confidence among respondents of rugby athletes. The respondents of this study consisted of 52 rugby athletes who participated in the Cup of Rugby Tournament 2018. Data collection using the *Competitive State Anxiety Inventory-2 (CSAI-2)* questionnaire. Descriptive statistical methods were applied to analysis data to obtain mean, percentage and correlation. The results showed that mean on self-confidence was higher than mean cognitive anxiety and mean somatic anxiety. While the correlation test shows significant relationship to cognitive anxiety, somatic anxiety and self-confidence among men of rugby athlete respondents. Compared to female rugby athletes showed that there was significant relationship to cognitive anxiety but there was no significant relationship between somatic anxiety and self-esteem.

Keywords: Anxiety, before competition, rugby athletes

Emel: lienaqif@gmail.com

1.0 PENGENALAN

Masalah kebimbangan merupakan salah satu fenomena psikologi yang mempengaruhi pencapaian dalam sukan. Kebimbangan merupakan tindak balas fisiologi yang membawa kepada keadaan tidak selesa (Cox, 2002). Menurut Jones (1990) menyatakan kebimbangan dirujuk sebagai situasi yang negatif akibat situasi yang tertekan contohnya pertandingan.

2.0 PERNYATAAN MASALAH

Para jurulatih ragbi sering mengaitkan permainan ragbi sebagai sukan yang memerlukan kekuatan dan ketahanan mental. Namun, masih terdapat jurulatih yang sering fokus kepada kekuatan fizikal sahaja. Selain itu, perasaan gemuruh memberi kesan kepada atlet sehingga gagal bermain dengan baik seperti yang telah dirancang oleh jurulatih. Pencapaian atlet ragbi yang tidak menentu mendorong pengkaji untuk meninjau tahap kebimbangan atlet. Masalah kebimbangan sebelum pertandingan ini telah dikaji

oleh ramai pengkaji dalam pelbagai jenis sukan di dalam pertandingan yang berbeza. Namun, tiada kajian berkaitan tahap kebimbangan sebelum pertandingan dalam kalangan atlet ragbi di dalam Pertandingan Ragbi Piala Pengarah di IPG Kampus Ilmu Khas.

3.0 OBJEKTIF DAN SOALAN KAJIAN

3.1 OBJEKTIF KAJIAN

1. Mengenalpasti tahap kebimbangan kognitif sebelum pertandingan dalam kalangan atlet ragbi yang menyertai Pertandingan Ragbi Piala Pengarah yang berlangsung di IPG Kampus Ilmu Khas.
2. Mengenalpasti tahap kebimbangan somatik sebelum pertandingan dalam kalangan atlet ragbi yang menyertai Pertandingan Ragbi Piala Pengarah yang berlangsung di IPG Kampus Ilmu Khas.
3. Mengenalpasti tahap keyakinan diri sebelum pertandingan dalam kalangan atlet ragbi yang menyertai Pertandingan Ragbi Piala Pengarah yang berlangsung di IPG Kampus Ilmu Khas.
4. Mengenalpasti hubungan antara tahap kebimbangan kognitif, tahap kebimbangan somatik dan keyakinan diri dalam kalangan atlet yang menyertai Pertandingan Ragbi Piala Pengarah yang berlangsung di IPG Kampus Ilmu Khas.

3.2 SOALAN KAJIAN

1. Apakah tahap kebimbangan kognitif sebelum pertandingan dalam kalangan atlet ragbi yang menyertai Pertandingan Ragbi Piala Pengarah yang berlangsung di IPG Kampus Ilmu Khas?
2. Apakah tahap kebimbangan somatik sebelum pertandingan dalam kalangan atlet ragbi yang menyertai Pertandingan Ragbi Piala Pengarah yang berlangsung di IPG Kampus Ilmu Khas?
3. Apakah tahap keyakinan diri sebelum pertandingan dalam kalangan atlet ragbi yang menyertai Pertandingan Ragbi Piala Pengarah yang berlangsung di IPG Kampus Ilmu Khas?
4. Apakah hubungan antara tahap kebimbangan kognitif, tahap kebimbangan somatik dan keyakinan diri dalam kalangan atlet yang menyertai Pertandingan Ragbi Piala Pengarah yang berlangsung di IPG Kampus Ilmu Khas?

4.0 METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif yang berbentuk deskriptif secara tinjauan yang menggunakan borang soal selidik untuk mengumpulkan data.

4.1 SAMPEL KAJIAN

Sampel kajian terdiri daripada 52 orang atlet ragbi lelaki dan perempuan yang melibatkan diri di dalam Pertandingan Ragbi Piala Pengarah di Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas.

4.2 INSTRUMEN KAJIAN

Instrumen yang digunakan dalam kajian ini adalah set soal selidik *Competitive State Inventory-2 (CSAI-2)* dibentuk oleh Martens et.al. (1990) yang mengandungi dua bahagian iaitu Bahagian A dan Bahagian B. Soal-selidik CSAI-2 terbahagi kepada tiga konstruk iaitu kebimbangan kognitif, kebimbangan somatik dan keyakinan diri yang mengandungi 27 item.

4.3 ANALISIS DATA

Data-data yang diperoleh dianalisis dengan menggunakan kaedah statistik deskriptif untuk mendapatkan min, peratusan dan korelasi. Data-data dianalisis menggunakan program perisian SPSS versi 23.0.

5.0 DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Analisis tahap kebimbangan kognitif sebelum pertandingan dalam kalangan atlet ragbi.

Jadual 1

Tahap kebimbangan kognitif dalam kalangan atlet

| Skor | Frekuensi | Peratus (%) | Tahap |
|-----------|-----------|-------------|-----------|
| 9-17.5 | 23 | 44.23 | Rendah |
| 17.6-26.5 | 28 | 53.85 | Sederhana |
| 26.6-36 | 1 | 1.9 | Tinggi |

Jadual 1 menunjukkan tahap kebimbangan kognitif dalam kalangan atlet ragbi. Secara keseluruhannya, majoriti responden adalah pada tahap kebimbangan kognitif yang sederhana iaitu seramai 28 orang (53.85%). Atlet yang mempunyai tahap kebimbangan kognitif yang rendah mempamerkan prestasi yang tinggi (Vincent et al., 2013)

Analisis tahap kebimbangan somatik sebelum pertandingan dalam kalangan atlet ragbi.

Jadual 2

Tahap Kebimbangan Somatik dalam Kalangan Atlet

| Skor | Frekuensi | Peratus (%) | Tahap |
|-----------|-----------|-------------|-----------|
| 9-17.5 | 28 | 53.85 | Rendah |
| 17.6-26.5 | 24 | 46.15 | Sederhana |
| 26.6-36 | 0 | 0 | Tinggi |

Jadual 2 menunjukkan tahap kebimbangan somatik dalam kalangan atlet ragbi. Secara keseluruhannya, majoriti responden adalah pada tahap kebimbangan somatik yang rendah dan sederhana iaitu seramai 28 orang (53.85%). Atlet yang mempunyai tahap kebimbangan somatik yang rendah mempamerkan prestasi yang tinggi (Vincent et al., 2013)

Analisis tahap keyakinan diri sebelum pertandingan dalam kalangan atlet ragbi.

Jadual 3

Tahap Kebimbangan Keyakinan Diri dalam Kalangan Atlet

| Skor | Frekuensi | Peratus (%) | Tahap |
|-----------|-----------|-------------|-----------|
| 9-17.5 | 0 | 0 | Rendah |
| 17.6-26.5 | 28 | 53.85 | Sederhana |
| 26.6-36 | 24 | 46.15 | Tinggi |

Jadual 3 menunjukkan keyakinan diri dalam kalangan atlet ragbi. Secara keseluruhannya, majoriti responden adalah pada tahap keyakinan diri yang sederhana dan tinggi iaitu seramai 28 orang (53.85%). Ezanee (2016) menyatakan semakin rendah kebimbangan somatik, maka semakin tinggi tahap keyakinan diri.

Analisis min bagi tahap kebimbangan kognitif, kebimbangan somatik dan keyakinan diri.

Jadual 4

Min dan Sisihan Piawai bagi Kebimbangan Kognitif, Kebimbangan Somatik dan Keyakinan Diri

| | N | Minimum | Maksimum | Min (M) | Sisihan Piawai (SP) |
|----------------|----|---------|----------|---------|---------------------|
| Kognitif | 52 | 1.22 | 3.22 | 2.10 | 0.52 |
| Somatik | 52 | 1.33 | 2.89 | 1.93 | 0.45 |
| Keyakinan diri | 52 | 2.11 | 3.67 | 2.91 | 0.38 |

Jadual 4 menunjukkan min dan sisihan piawai bagi kebimbangan kognitif, kebimbangan somatik dan keyakinan diri. Secara keseluruhan min, keyakinan diri adalah lebih tinggi berbanding kebimbangan kognitif dan kebimbangan somatik iaitu (M=2.91; SP=0.38).

Analisis hubungan antara kebimbangan kognitif, kebimbangan somatik dan keyakinan diri dalam kalangan atlet.

Jadual 5

Korelasi Pearson Terhadap Kebimbangan Kognitif, Kebimbangan Somatik dan Keyakinan Diri dalam Kalangan Atlet

| Atlet | | Kognitif | Somatik | Keyakinan diri |
|-----------|--------------------|----------|---------|----------------|
| Lelaki | Kognitif (r) | 1 | .809** | -.594** |
| | Sig. | | .000 | .001 |
| | Somatik (r) | .809** | 1 | -.580** |
| | Sig. | .000 | | .001 |
| | Keyakinan diri (r) | -.594** | -.580** | 1 |
| Perempuan | Sig. | .001 | .001 | |
| | Kognitif (r) | 1 | .704** | -.635** |
| | Sig. | | .000 | .001 |
| | Somatik (r) | .704** | 1 | -.381 |
| | Sig. | .000 | | .080 |
| | Keyakinan diri (r) | -.635** | -.381 | 1 |
| | Sig. | .001 | .080 | |

Signifikan pada paras 0.01

Jadual 5 menunjukkan korelasi kebimbangan kognitif, kebimbangan somatik dan keyakinan diri dalam kalangan atlet ragbi dengan menggunakan prosedur *Bivariate Correlation*. Terdapat hubungan yang signifikan bagi kebimbangan kognitif, kebimbangan somatik dan keyakinan diri dalam kalangan atlet ragbi lelaki. Kenyataan ini disokong oleh Jones dan Hanton (2001) yang menyatakan bahawa kebimbangan kognitif dan kebimbangan somatik adalah signifikan dalam menghasilkan pencapaian. Manakala, bagi atlet perempuan terdapat hubungan yang signifikan bagi kebimbangan kognitif dan tiada hubungan yang signifikan antara kebimbangan somatik dan keyakinan diri (Su-Chun, 2013).

6.0 KESIMPULAN, CADANGAN DAN IMPLIKASI

Kesimpulannya, kebimbangan kognitif, kebimbangan somatik dan keyakinan diri adalah merupakan elemen yang membantu seseorang atlet mencapai prestasi yang baik semasa pertandingan. Kajian oleh Vincent (2013), menyatakan atlet yang berprestasi tinggi menunjukkan tahap kebimbangan yang rendah dan keyakinan diri yang tinggi. Dapatan kajian juga menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan bagi kebimbangan kognitif, kebimbangan somatik dan keyakinan diri dalam kalangan atlet ragbi lelaki.

Pengkaji mencadangkan agar kajian seumpama ini dijalankan pada masa hadapan dapat menggunakan bilangan responden yang lebih ramai di peringkat yang lebih tinggi serta dibuat dengan lebih meluas melibatkan jenis-jenis sukan yang lain. Bukan itu sahaja, dicadangkan agar melakukan reka bentuk kajian yang lain seperti kajian kes untuk mengenalpasti faktor-faktor yang mempengaruhi kebimbangan.

Implikasi kajian ini dapat membantu jurulatih dan atlet menstruktur latihan dan menangani masalah psikologi yang sering mengganggu atlet sebelum bertanding. Kajian ini meningkatkan pengetahuan serta memberi idea yang dijadikan panduan bagi tujuan pembangunan dan perkembangan isu psikologi. Atlet ragbi dapat melakukan persediaan awal dan mengetahui cara untuk mengawal kebimbangan serta memotivasikan diri apabila gusar. Kajian ini juga membantu pihak pengurusan bagi melakukan persediaan awal untuk menghadapi kebimbangan sebelum pertandingan dalam kalangan atlet ragbi.

Akhir kata, harapan penyelidik kepada atlet, jurulatih, guru dan pensyarah yang terlibat secara langsung khususnya dalam pendidikan jasmani dapat menggabungkan kemahiran latihan dan kemahiran psikologi dalam usaha meningkatkan prestasi atlet ragbi.

RUJUKAN

- Cox, R.H (2002). *Sport psychology: Concepts and applications* (5 th ed.). New York: McGraw Hill.
- Ezanee (2016). *Hubungan antara lokus kawalan dan kebimbangan seketika dalam kalangan atlet ragbi*. Perak: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Jones, G.J. & Hardy, L. (1990). *Stress and performance in sport*. Sydney: John Willy & Sons Australasia Pvt. Ltd.

- Jones, G. & Hanton, S. (2001). Anxiety, confidence and emotion: Competitive State Anxiety Inventory-2. *Journal of Sport Science*. 19(6). 101-103
- Martens, R., Vealey, R.S., & Burton, D. (1990). *Competitive Anxiety in Sport*. Champaign, IL: Human Kinetics.
- Su-Chun, W., Ming-Hua, H., & Chen-Chih, H. (2013). A study of pre-competition anxiety of Taiwan division B male table tennis players. *The 13th ITTF Sports Science Congress* May 11-12, Paris, France.
- Vincent, A. P., Yahaya Mahamood & Ampofo-Boateng, K. (2013). Competitive state anxiety and performance among Malaysian athletes from the view of multidimensional anxiety theory. *Malaysian Journal of Sport Science and Recreation*, 9, 22-32.

HUBUNGAN ANTARA TAHAP KECERGASAN FIZIKAL BERLANDASKAN KESIHATAN DAN PENCAPAIAN AKADEMIK MURID DI SEKOLAH KEBANGSAAN SEKSYEN 7, BANGI

MOHAMAD HAZIM BIN HAMID
Jabatan Sains Sukan

Pensyarah Pembimbing
DR. MOHD KHAMDANI BIN SAIRI

ABSTRAK

Kajian ini adalah bertujuan untuk melihat hubungan antara tahap kecergasan fizikal berlandaskan kesihatan dan prestasi akademik. Banyak kajian telah dijalankan berkaitan isu ini, namun tidak ada kajian yang menggunakan instrumen Standard Kecergasan Fizikal Kebangsaan Untuk Murid Sekolah Malaysia (SEGAK). SEGAK digunakan untuk melihat tahap kecergasan murid dan markah peratus Ujian Akhir Tahun sebagai instrumen untuk melihat pencapaian akademik. Seramai 40 orang responden berumur 10 tahun dari Sekolah Kebangsaan Seksyen 7, Bangi dipilih terdiri daripada jantina yang berbeza. Hasil kajian mendapati bahawa tiada hubungan yang signifikan di antara tahap kecergasan fizikal dan pencapaian akademik di mana nilai $p = 0.191$ dan $p > 0.05$ dengan nilai kolerasi sebanyak $r = 0.211$. Secara keseluruhannya, kajian ini diharap dapat membantu pihak Kementerian Pendidikan Malaysia, pihak sekolah, guru dan ibu bapa dalam menilai tahap kecergasan fizikal dan pencapaian akademik kanak-kanak.

Kata Kunci : Kecergasan fizikal, pencapaian akademik, kanak-kanak 10 tahun, SEGAK, ujian akhir tahun.

ABSTRACT

The purpose of this study is to see the relationship between physical fitness based on health and academic performance. There are many studies that have been carried out on this issue yet there are no studies that used the National Physical Fitness Standard for Malaysian Schools (SEGAK). SEGAK is used to examine the fitness level of the students and the Year-End Percentage Marks as an instrument to evaluate the academic performance. A total of 40 respondents, 10 years-old children from Sekolah Kebangsaan Seksyen 7, Bangi were chosen consists of different sexes. Result showed that there is no significant relationship between the physical fitness level and the academic achievement where $p = 0.191$ and $p > 0.05$ with the correlation value of $r = 0.211$. This study is expected to assist the Malaysian Education Ministry, the school administration, teachers and parents in assessing the physical fitness level and academic achievement of children.

Keywords: Physical fitness, academic performance, 10 year-old children, SEGAK, Year-End exam.

Emel: hazym.34@gmail.com

1.0 PENGENALAN

Menurut Pusat Kebangsaan Statistik Kesihatan Amerika (NCHS), kanak-kanak yang lebih berat badan di Amerika Syarikat telah meningkat lebih 50% dari tahun sebelumnya dan bilangan kanak-kanak yang berlebihan berat badan berbahaya hampir dua kali ganda. Persatuan Jantung Amerika (AHA, 2013) menyimpulkan bahawa peningkatan obesiti kanak-kanak telah mengakibatkan beberapa kanak-kanak yang di diagnosis menderita diabetes jenis II, isomnia, masalah hati, masalah ortopedik, dan asma. Di samping itu, kanak-kanak yang obes lebih cenderung untuk berasa rendah diri, imej badan negatif dan kemurungan (AHA, 2013). Menurut Clarke (1979), kecergasan adalah keupayaan individu untuk melaksanakan tugas harian dengan cekap dan tanpa rasa kepenatan yang berlebihan serta mempunyai tenaga yang mencukupi untuk melakukan aktiviti riadah serta dapat digunakan dalam keadaan kecemasan.

Tahap kecergasan fizikal masyarakat di Malaysia dilihat semakin membimbangkan dimana tujuh peratus kanak-kanak berusia bawah lima tahun dikenal pasti mempunyai berat badan berlebihan manakala lapan peratus lagi mengalami kekurangan zat makanan akut. Perkara itu terkandung dalam

Laporan Serantau mengenai jaminan zat makanan di ASEAN oleh Tabung Kanak-kanak Pertubuhan Bangsa Bersatu (UNICEF), Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) dan ASEAN. Laporan itu juga menyatakan hampir seorang daripada setiap lima kanak-kanak di Malaysia terbantut atau terlalu rendah bagi usia mereka dan trend itu semakin meningkat di beberapa negara anggota ASEAN seperti Indonesia, Filipina dan Thailand (Berita Astro Awani, 26 Mei 2016). Murid yang mempunyai risiko kesihatan yang serius mampu memberi kesan kepada kecergasan fizikal dan emosi mereka.

2.0 PENYATAAN MASALAH

Masalah berkaitan dengan kesihatan dan kecergasan murid yang berpunca daripada gaya hidup yang tidak aktif. Keadaan ini akan menjejaskan usaha ke arah mencapai matlamat Falsafah Pendidikan untuk masyarakat yang seimbang dari segi jasmani, mental emosi dan rohani. Selain itu, tahap obesiti dalam kalangan remaja dan kanak-kanak sudah meningkat 10 kali ganda dalam empat dekad yang lalu. Kira-kira 124 juta kanak-kanak perempuan dan lelaki di seluruh dunia dianggap terlalu gemuk. Analisis oleh Lancet adalah yang terbesar mengkaji trend obesiti di lebih 200 negara. Di Britain, seorang daripada setiap 10 orang muda berumur lima sehingga 19 tahun mempunyai masalah itu. Kanak-kanak gemuk mungkin akan menjadi gemuk apabila mereka dewasa kelak, sekali gus meletakkan mereka berdepan risiko masalah kesihatan (Utusan Online, 27 Oktober 2017). Oleh itu, kajian terhadap tahap kecergasan fizikal berasaskan kesihatan perlu dilakukan untuk menilai sejauh mana tahap kesihatan murid mengikut umur semasa serta pencapaian akademik yang dilihat mempunyai kesan secara tidak langsung dalam kalangan murid di sekolah rendah. Tambahan lagi, kebanyakan kajian berkaitan tahap kecergasan banyak di lakukan dalam golongan sekolah menengah dan remaja. Oleh itu, kajian ini dihasilkan menfokuskan tahap kecergasan fizikal berlandaskan kesihatan dan pencapaian akademik murid yang berumur 10 tahun di SKS7, Bangi. Selain itu, tidak ada pengkaji lain yang menggunakan instrument SEGAK untuk tujuan sekolah rendah. Disamping itu, tajuk kajian ini dipilih untuk melihat dari segi konteks Malaysia, khususnya di SKS7 yang tidak pernah dikaji oleh mana-mana pihak.

3.0 OBJEKTIF DAN SOALAN KAJIAN

3.1 OBJEKTIF KAJIAN

1. Untuk menentukan tahap kecergasan fizikal berlandaskan kesihatan murid berumur 10 tahun di SKS7.
2. Untuk menentukan perbezaan di antara tahap kecergasan murid lelaki dan perempuan yang berumur 10 tahun di SKS7.
3. Untuk menentukan hubungan di antara tahap kecergasan fizikal berlandaskan kesihatan dan pencapaian akademik di antara murid yang berumur 10 tahun di SKS7

3.2 SOALAN KAJIAN

1. Apakah tahap kecergasan murid berumur 10 tahun di SKS7?
2. Adakah terdapat perbezaan antara tahap kecergasan murid lelaki dan perempuan yang berumur 10 tahun di SKS7?
3. Adakah terdapat hubungan yang signifikan di antara tahap kecergasan fizikal berlandaskan kesihatan dan pencapaian akademik dalam ujian akhir tahun (UAT) murid berumur 10 tahun SKS7?

4.0 METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif yang berbentuk deskriptif dan inferensi dengan ujian lapangan yang menggunakan borang ujian untuk mengumpulkan maklumat dan data.

4.1 SAMPEL KAJIAN

Kajian ini adalah dijalankan kepada murid berumur 10 tahun di SKS7. Seramai 40 sampel yang terdiri daripada 20 orang kanak-kanak perempuan dan 20 orang kanak-kanak lelaki diambil untuk menjalankan kajian ini. Pemilihan saiz sampel adalah berpandukan jadual penentuan saiz sampel oleh Krejcie dan Morgan (1970). Sampel diambil dari satu kelas tahun 4 di SKS7 yang berbagai latar belakang.

4.2 INSTRUMEN KAJIAN

Instrument kajian yang akan digunakan dalam kajian ini adalah SEGAK yang terdiri daripada lima bateri ujian kecergasan fizikal bagi mengukur tahap kecergasan fizikal murid berasaskan kesihatan.

Komponen kecergasan dalam SEGAK terkandung dalam kurikulum Pendidikan Jasmani sekolah rendah dan sekolah menengah. Manakala bagi mendapatkan pencapaian akademik murid, markah gred peratus peperiksaan Ujian Akhir Tahun digunakan.

4.3 ANALISIS DATA

Data dianalisis dengan menggunakan *SPSS For Windows* versi 23.0. Program ini dipilih kerana dapat memudahkan proses penganalisan data, mampu memanipulasi data bagi bilangan responden yang banyak dan data yang dianalisis akan menjadi lebih tepat. Norma ujian SEGAK diguna pakai untuk mengukur setiap keputusan ujian.

Analisis deskriptif digunakan untuk memerihalkan maklumat tentang profil responden seperti jantina dan keputusan yang mereka peroleh. Penganalisan data dijalankan dengan menggunakan taburan peratusan. Selain daripada itu, ujian-t digunakan untuk melihat perbezaan antara tahap kecergasan fizikal berlandaskan kesihatan di antara lelaki dan perempuan. Kemudiannya kolerasi digunakan daripada data gred markah SEGAK murid dengan markah peratus UAT.

Jadual 1
Min Keputusan Keseluruhan Ujian SEGAK

| Tahap kecergasan | Min |
|--------------------------|------|
| Kecergasan sangat tinggi | 1.00 |
| Kecergasan tinggi | 2.00 |
| Cergas | 3.00 |
| Kurang cergas | 4.00 |
| Tidak cergas | 5.00 |

5.0 DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Analisis deskriptif jantina

Jadual 2
Jantina Murid

| Jantina | Jumlah |
|-----------|---------|
| Lelaki | 20(50%) |
| Perempuan | 20(50%) |

Jadual 2 menunjukkan responden seramai 40 orang responden. Seramai 20 orang responden daripada murid berumur 10 tahun dari SKS7 adalah lelaki iaitu sebanyak 50% dan seramai 20 responden adalah murid perempuan iaitu sebanyak 50%.

Analisis deskriptif tahap kecergasan

Jadual 3
Gred Markah Ujian SEGAK

| Gred markah Ujian SEGAK | Keseluruhan N(%) | Lelaki N(%) | Perempuan N(%) |
|--------------------------|---------------------|----------------|-------------------|
| Kecergasan Sangat Tinggi | 4(10) | 2(10) | 2(10) |
| Kecergasan Tinggi | 34(85.0) | 16(80) | 18(90) |
| Cergas | 2(5) | 2(10) | 0 |

Jadual 3 menunjukkan gred markah keseluruhan Ujian SEGAK dikalangan murid berusia 10 tahun di SKS7. Seramai 4 orang murid dalam skor kecergasan sangat tinggi, 34 orang murid dalam skor kecergasan tinggi, dan 2 orang murid dalam skor cergas. Rata-rata kanak-kanak berumur 10 tahun di SKS7 adalah berada di tahap kecergasan tinggi. Ini menjawab persoalan pertama kajian.

Analisis deskriptif Tahap pencapaian akademik

Jadual 4

Peratus Pencapaian Ujian Akhir Tahun

| Peratus Pencapaian Subjek Ujian Akhir Tahun | Keseluruhan N(%) | Lelaki N(%) | Perempuan N(%) |
|---|------------------|-------------|----------------|
| 80-100 | 2(5.0) | 0 | 2(10) |
| 65-79 | 16(40.0) | 5(25) | 11(55) |
| 50-64 | 21(52.5) | 14(70) | 7(35) |
| 40-49 | 1(2.5) | 1(5) | 0 |

Jadual 4 menunjukkan peratus pencapaian subjek ujian akhir dikalangan murid berusia 10 tahun di SKS7. Seramai 2 orang murid berada dalam peratus 80-100, seramai 16 orang murid dalam peratus 65-79, 21 orang murid berada dalam peratus 50-64 dan seorang murid berada dalam peratus 40-49.

Perbezaan tahap kecergasan fizikal antara lelaki dan perempuan

Jadual 4

Jadual Ujian T untuk Markah Ujian SEGAK Mengikut Jantina

| Pemboleh ubah | Jantina | Bil | Min | SD | t | Df | p |
|-------------------------|-----------|-----|--------|--------|------|----|-------|
| Gred Markah Ujian SEGAK | Lelaki | 20 | 2.0000 | .45883 | .809 | 38 | 0.853 |
| | Perempuan | 20 | 1.9000 | .30779 | | | |

Jadual 4 menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap kecergasan fizikal murid berdasarkan jantina dengan nilai $t = 0.809$ dan $\text{sig} = 0.853$ ($p > 0.05$). Dari segi min menunjukkan bahawa murid lelaki (min = 2.0000) mempunyai tahap kecergasan fizikal yang tinggi berbanding murid perempuan (min = 1.9000). Oleh itu persoalan kajian telah terjawab dimana tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara tahap kecergasan fizikal murid berumur 10 tahun di SKS7 berdasarkan jantina.

Hubungan antara tahap kecergasan dan tahap pencapaian akademik jadual

Jadual 5

Jadual Kolerasi antara Tahap Kecergasan Fizikal dan Pencapaian Akademik

| Kolerasi | | Gred markah Ujian SEGAK | Peratus Pencapaian Subjek ujian akhir tahun |
|--------------------------------------|---------------------|-------------------------|---|
| Gred markah Ujian SEGAK | Pearson Correlation | 1 | .211 |
| | Sig. (2-tailed) | | .191 |
| | N | 40 | 40 |
| Peratus Pencapaian Ujian Akhir Tahun | Pearson Correlation | .211 | 1 |
| | Sig. (2-tailed) | .191 | |
| | N | 40 | 40 |

Jadual 5 menunjukkan kolerasi antara gred markah ujian SEGAK dan markah UAT yang diperoleh menunjukkan bahawa tiada hubungan signifikan yang mana nilai $p = 0.191$ yang mana $p > 0.05$ dengan nilai kolerasi sebanyak $r = 0.211$ yang bermaksud hubungan lemah. Nilai ini menunjukkan bahawa tahap kecergasan fizikal berasaskan kesihatan dan pencapaian akademik tidak mempunyai hubungan.

6.0 KESIMPULAN, CADANGAN DAN IMPLIKASI

Hasil daripada ujian yang telah dijalankan terhadap 40 orang murid berumur 10 tahun, dapat ditafsirkan bahawa tahap kecergasan fizikal keseluruhan murid berada di tahap yang sangat cergas. Keputusan menunjukkan seramai 34 orang murid (85%) daripada murid berada di tahap ini. Hal ini menunjukkan murid berumur 10 tahun di SKS7 rata ratanya mempunyai kecergasan fizikal yang baik. Ini menjawab persoalan pertama kajian pengkaji iaitu untuk melihat tahap kecergasan murid berumur 10 tahun di SKS7. Didapati juga bahawa tiada perbezaan yang signifikan di antara tahap kecergasan fizikal murid lelaki dan perempuan yang berumur 10 tahun di SKS7 seperti yang diperoleh. Hal ini kerana menurut

(Barraza, 2013) perbezaan ketara antara kanak-kanak lelaki dan perempuan dapat diperhati selepas remaja iaitu sekitar umur 14 tahun dimana perkembangan kekuatan otot kanak-kanak lelaki mereka lebih cepat. Hasil kajian juga menunjukkan bahawa tiada hubungan signifikan di antara tahap kecergasan fizikal berlandaskan kesihatan murid berumur 10 tahun SKS7 dan pencapaian akademik dalam ujian akhir tahun.

Pengkaji mencadangkan kepada pengkaji akan datang agar mengkaji tahap umur murid yang berbeza seperti murid berusia 8 tahun dengan 12 tahun. Penggunaan sampel yang lebih besar juga disarankan. Selain itu, demografi dan latar belakang sampel juga boleh diperluas daripada hanya jantina kepada status ekonomi keluarga, minat dan penglibatan dalam aktiviti sukan di sekolah. Kaedah kajian juga boleh dipertingkat kepada kuasi eksperimen untuk memberikan hasil kajian yang lebih tepat serta kesahan yang lebih mendalam mengenai tahap kecergasan fizikal dan pencapaian akademik.

Hasil kajian diharap dapat menyediakan data baru kepada pihak KPM untuk dijadikan panduan. Data digunakan akan menjadi salah satu rujukan kepada pihak KPM untuk menggubal dasar dan kurikulum sekolah rendah terutamanya subjek Pendidikan Jasmani. Selain itu, data ujian SEGAK juga boleh digunakan untuk melihat sejauh mana perkembangan kecergasan murid secara menyeluruh. Data yang diperolehi dapat digunakan oleh guru Pendidikan Jasmani untuk mencipta aktiviti PdPc sesuai mengikut tahap kecergasan dan tahap umur murid. Guru juga dapat merancang pembinaan program latihan yang sesuai kepada murid mengikut tahap kecergasan dan jantina. Ibu bapa juga dapat mengikut tahap pencapaian anak mereka dan melihat sejauh mana perkembangan pencapaian akademik selari dengan perkembangan pertumbuhan badan mereka.

RUJUKAN

- Astro Awani. (2016,26 Mei). *Bilangan Kanak-Kanak Obes Meningkat di Asean*: retrieved from <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/bilangan-kanak-kanak-obes-meningkat-di-asean-unicef-106388>
- Barraza, J. (2013). La fuerza en niños y adolescentes. *Educación Física y Deportes*. Revista Digital, 179.
- Clarke, (1979). *Measurement in Physical Education*. Edisi Kelima. Philadelphia: W.B. Saunders Company.
- Kementerian Pelajaran Malaysia (2008). *Standard Kecergasan Fizikal Kebangsaan Untuk Murid Sekolah Malaysia (SEGAK)*. Pekeliling Ikhtisas Bil. 4.
- Krejcie, R.V. & Morgan, D.W. (1970). Determining Sample Size for Research. *Educational and Psychological Measurement*, 9-15.
- Stone NJ, et al (2013). ACC/AHA Guideline on the Treatment of Blood Cholesterol to Reduce Atherosclerotic Cardiovascular Risk in Adults
- Utusan Online. (2017,27 Oktober). *Kanak-kanak Remaja Obes Meningkat 10 Kali Ganda*: retrieved from <http://www.utusan.com.my/berita/luar-negara/kanak-kanak-remaja-obes-meningkat-10-kali-ganda-1.536711>
- World Health Organization, (2010). *World Health Statistics 2010*. Geneva: World Health Organization.

TAHAP KEPUASAN SISWA GURU PENDIDIKAN JASMANI INSTITUT PENDIDIKAN GURU KAMPUS ILMU KHAS TERHADAP AKTIVITI PROGRAM PENDIDIKAN LUAR

MOHAMMAD AFIZFIRDAUS BIN KAMARAZAMAN
Jabatan Sains Sukan

Pensyarah Pembimbing
EN. RAVICHANTIRAN A/L ARUJUNAN

ABSTRAK

Kajian ini merupakan satu tinjauan mengenai tahap kepuasan siswa guru terhadap aktiviti Program Pendidikan Luar di Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas (IPGKIK). Tujuan kajian ini adalah untuk mengenalpasti tahap kepuasan siswa guru Pendidikan Jasmani IPGKIK terhadap aktiviti Program Pendidikan Luar dari segi kognitif, psikomotor dan afektif berdasarkan Teori Konseptual Pendidikan Guru. Selain itu, kajian ini mengenalpasti perbezaan tahap kepuasan siswa guru Pendidikan Jasmani lelaki dan perempuan terhadap aspek berdasarkan aktiviti Program Pendidikan Luar. Kajian ini dijalankan dengan menggunakan instrumen soal selidik Crum 1990 terhadap 44 orang siswa guru Pendidikan Jasmani daripada PISMPambilan Jun 2014 dan 2015 IPGKIK. Pengumpulan data telah dilaksanakan dengan menggunakan instrumen soal selidik. Dianalisis untuk mendapatkan peratusan, min dan ujian-t. Dapatan kajian menunjukkan tahap kepuasan siswa guru Pendidikan Jasmani terhadap aktiviti Program Pendidikan Luar dari aspek kognitif, psikomotor dan afektif berada pada tahap tinggi dan memuaskan. Kajian ini juga mendapati bahawa tidak terdapat perbezaan terhadap tahap kepuasan siswa guru lelaki dan wanita berdasarkan aktiviti pendidikan luar. Penemuan bagi kajian ini memperlihatkan tentang keberkesanan aktiviti yang dirancang dan dilaksanakan di dalam pendidikan luar dapat memenuhi tahap kepuasan kognitif, psikomotor dan afektif siswa guru Pendidikan Jasmani yang mengikuti aktiviti pendidikan luar di IPG Kampus Ilmu Khas.

Kata Kunci: Kepuasan, aktiviti pendidikan luar, kognitif, psikomotor dan afektif.

ABSTRACT

This study is a survey on the level of teacher trainees' satisfaction towards the activities of the Outdoor Education Program at the Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas (IPGKIK). The purpose of this study was to identify the satisfaction level of Physical Education teacher trainees of IPGKIK on the activities of the Outdoor Education Program in terms of cognitive, psychomotor and affective based on Teacher's Conceptual Theory. In addition, this study identified the differences in the level of satisfaction of male and female Physical Education teacher trainees towards aspects based on the activities of the Outdoor Education Program. This study was conducted using the Crum 1990 questionnaire on 44 Physical Education teacher trainees from PISMP June 2014 and 2015 intake. The data collection was done using questionnaires. Analyse to get percentage, min and t-test. The findings showed that the level of satisfaction of Physical Education teacher trainees to the Outdoor Education Program in terms of cognitive, psychomotor and affective aspects was high and satisfactory. This study also found that there was no difference in the level of satisfaction of male and female teacher trainees based on Outdoor Education activity. The findings of this study show that the effectiveness of planned and implemented activities in Outdoor Education Program can meet the level of cognitive satisfaction, psychomotor and affective aspects of the Physical Education teacher trainees who attend Outdoor Education activity at Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas.

Keywords: Satisfaction, outdoor education activities, cognitive, psychomotor and affective.

Emel: afizfirdaus9630@gmail.com

1.0 PENGENALAN

Pembelajaran akan lebih berkesan menerusi pengalaman langsung (Neill, 2004). Pendidikan Luar telah memberi kesan yang signifikan dalam melahirkan individu yang bertanggungjawab dan berketerampilan tinggi dalam menjadikan individu serba boleh (Neill, 2004). Jelas bahawa pendidikan luar dapat diterjemahkan sebagai pelengkap atau sebahagian dari proses pembelajaran yang dituntut

oleh Falsafah Pendidikan Negara yang menginginkan pembelajaran berterusan mewujudkan insan yang harmonis dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek dan sosial (JERIS).

Brookes (2004), berpendapat bahawa Pendidikan Luar adalah satu medium yang membekalkan pembelajaran melalui pengalaman bagi meningkatkan pengetahuan, sikap, kemahiran dan membuatkan manusia lebih menghargai. Menyedari hakikat inilah maka kursus Pendidikan Luar diwajibkan kepada siswa guru major Pendidikan Jasmani Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas (IPGKIK) yang dilaksanakan di Pulau Pangkor, Perak iaitu pada tahun 2016 dan 2018.

Para siswa guru melalui dua peringkat Program Pendidikan Luar iaitu peringkat dalaman dan peringkat luaran. Pada peringkat dalaman mereka akan didedahkan dengan asas mengenai kemahiran-kemahiran memasang khemah, membuat gadget, pengurusan aktiviti dalam kumpulan, pengurusan kem, orienteering dan sebagainya yang semuanya dijalankan dalam IPG Kampus Ilmu Khas. Manakala pada peringkat luaran pula mereka mempraktikkan kemahiran-kemahiran yang telah dipelajari pada peringkat dalaman pada persekitaran sebenar di Pulau Pangkor, Perak. Oleh itu, bagi memastikan bahawa proses pembelajaran dalam kursus Pendidikan Luar meliputi aspek-aspek kognitif, psikomotor dan afektif, wajarlah kajian mengenai tahap kepuasan peserta kursus terhadap aktiviti dalam pendidikan luar harus dijalankan (Priest, 2004).

2.0 PERNYATAAN MASALAH

Kebanyakan siswa guru masih tidak mencapai tahap kepuasan terhadap pelaksanaan aktiviti pendidikan luar kerana mereka merasakan aktiviti yang dijalankan semata-mata berfokuskan kepada pembelajaran psikomotor. Oleh itu, kandungan kursus Pendidikan Luar tidak hanya memfokuskan aspek psikomotor semata-mata, tetapi aspek kognitif dan afektif dilakukan tanpa sedar oleh para siswa guru.

3.0 OBJEKTIF DAN SOALAN KAJIAN

3.1 OBJEKTIF KAJIAN

1. Mengetahui tahap kepuasan siswa guru Pendidikan Jasmani dari aspek kognitif dalam aktiviti Program Pendidikan Luar.
2. Mengetahui tahap kepuasan siswa guru Pendidikan Jasmani dari aspek psikomotor dalam aktiviti Program Pendidikan Luar.
3. Mengetahui tahap kepuasan siswa guru Pendidikan Jasmani dari aspek afektif dalam aktiviti Program Pendidikan Luar.
4. Mengetahui perbezaan tahap kepuasan siswa guru Pendidikan Jasmani lelaki dan perempuan terhadap aspek berdasarkan aktiviti Program Pendidikan Luar.

3.2 SOALAN KAJIAN

1. Adakah para siswa guruambilan Jun 2014/2015 mencapai tahap kepuasan dari aspek kognitif berdasarkan aktiviti pendidikan luar yang dirancang dan dilaksanakan?
2. Adakah siswa guruambilan Jun 2014/2015 mencapai tahap kepuasan dari aspek psikomotor berdasarkan aktiviti pendidikan luar yang dirancang dan dilaksanakan?
3. Adakah siswa guruambilan Jun 2014/2015 mencapai tahap kepuasan dari aspek afektif berdasarkan aktiviti pendidikan luar yang dirancang dan dilaksanakan?
4. Adakah berlakunya perbezaan tahap kepuasan siswa guru lelaki dan perempuan berdasarkan aktiviti pendidikan luar yang dirancang dan dilaksanakan?

4.0 METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif yang berbentuk deskriptif dan inferensi secara tinjauan yang menggunakan borang soal selidik untuk mengumpulkan maklumat dan data.

4.1 SAMPEL KAJIAN

Pemilihan sampel soal selidik kajian ini adalah secara pensampelan rawak mudah. Populasi kajian soal selidik terdiri daripada siswa guru Pendidikan Jasmani dariambilan Jun 2014 dan 2015 seramai 49 orang. Menurut jadual penentuan sampel Krejcie dan Morgan (1970), kadar populasi 50 adalah bersamaan 44 sampel.

4.2 INSTRUMEN KAJIAN

Instrumen kajian yang digunakan adalah set borang soal selidik yang mempunyai 3 bahagian utama. Item soalan berkaitan tahap kepuasan aktiviti Pendidikan Luar dibentuk oleh Crum (1990) yang telah diubah suai oleh Lau Yin Yin (2001). Soal selidik ini telah diterjemahkan dari Bahasa Inggeris kepada Bahasa Malaysia dan diubahsuai bagi penyesuaian dengan situasi dan budaya tempatan untuk kajian tahap kepuasan aktiviti Pendidikan Luar. Soal selidik ini dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu demografi, tahap kepuasan kognitif, psikomotor dan afektif.

4.3 ANALISIS DATA

Data-data yang diperoleh dianalisis menggunakan statistik deskriptif dan inferensi. Statistik ini merangkumi analisis kekerapan, peratusan, min, sisihan piawai dan ujian-t bagi menjelaskan semua dapatan bagi setiap pemboleh ubah yang dikaji. Data-data yang diperoleh dianalisis menggunakan program perisian SPSS versi 23.0. Analisis Sub-program yang digunakan adalah ujian-t pada aras signifikan $p < 0.05$. Skala pengukuran skor min diukur berdasarkan interpretasi skor min oleh Lendal (1997) iaitu: Tahap rendah = Min (1.00-2.39), Tahap sederhana = Min (2.40-3.79) dan Tahap tinggi = Min (3.80-5.00).

5.0 DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Analisis tahap kepuasan siswa guru terhadap aktiviti Program Pendidikan Luar.

Jadual 1

Dapatan Min Tahap Kepuasan terhadap Aktiviti Pendidikan Luar

| Aspek | Min | Tahap |
|------------|------|--------|
| Kognitif | 4.70 | Tinggi |
| Psikomotor | 4.70 | Tinggi |
| Afektif | 4.72 | Tinggi |

Jadual 1 menunjukkan hasil tinjauan terhadap tahap kepuasan siswa guru Pendidikan Jasmani ambilan Jun 2014 dan 2015 terhadap aktiviti pendidikan luar berdasarkan kepada min. Dapatan kajian menunjukkan bahawa nilai min tertinggi adalah tahap kepuasan afektif dengan nilai min sebanyak 4.72. Manakala nilai min bagi tahap kepuasan kognitif dan psikomotor adalah sama dengan nilai min 4.70 pada tahap tinggi.

Hasil kajian menunjukkan tahap kepuasan dari aspek afektif adalah lebih berkesan berdasarkan aktiviti pendidikan luar yang dijalankan. Hal ini kerana aktiviti pendidikan luar telah memberi kesan terhadap personaliti seseorang iaitu selari dengan dapatan Mohd Yasim Bin Mohamad (2016) mendapati perkhemahan pendidikan luar dapat memupuk semangat *acocentric*, iaitu berperanan mengubah sikap dan tingkahlaku peserta terhadap alam sekitar. Dalam masa yang sama, aktiviti perkhemahan rekreasi luar dapat memupuk semangat kerja berpasukan yang lebih baik.

Tahap kepuasan dari aspek kognitif, aktiviti pendidikan luar telah memberi kesan terhadap daya pemikiran seseorang iaitu dengan cara untuk belajar kemahiran penyelesaian masalah seperti penggunaan sumber alam sekitar untuk ikhtiar hidup, bukanlah sekadar membaca buku, sebaliknya perlu belajar dalam keadaan 'hands on'. Dapatan ini disokong oleh Beard dan Wilson (2002) yang menyatakan Pendidikan Luar merupakan satu sistem pendidikan yang menggunakan pendekatan *experiential learning* bagi menggalakkan pelajar belajar dengan keadaan sekeliling dan membentuk satu idea yang baharu.

Tahap kepuasan dari aspek psikomotor menunjukkan aktiviti pendidikan luar telah menguji daya tahan fizikal para siswa guru. Dapatan ini telah disokong oleh Amy Anak Dusin (2007) menyatakan kebanyakan aktiviti yang dilakukan dalam program pendidikan luar berfokuskan kepada aktiviti fizikal yang menguji kekuatan dan daya tahan fizikal guru pelatih. Manakala aktiviti pendidikan luar juga telah melibatkan penggunaan keseluruhan fizikal dan mampu meningkatkan kecergasan dan kesihatan para siswa guru. Sejajar dengan dapatan Widayati et. al (2017) melaporkan aktiviti fizikal mendatangkan faedah kecergasan menyeluruh berdasarkan jasmani, emosi, rohani dan intelek.

Jadual 2

Perbandingan Skor Min Tahap Kepuasan Siswa Guru Pendidikan Jasmani Lelaki dan Perempuan terhadap Aktiviti Pendidikan Luar

| | Jantina | N | MIN | Sisihan Piawai | t | df | P |
|------------|-----------|----|--------|----------------|------|-------|-----|
| Kognitif | Lelaki | 25 | 4.7385 | .35737 | .71 | 42 | .48 |
| | Perempuan | 19 | 4.6559 | .41374 | | | |
| Psikomotor | Lelaki | 25 | 4.7785 | .29736 | 1.7 | 31.13 | .10 |
| | Perempuan | 19 | 4.5870 | .41678 | | | |
| Afektif | Lelaki | 25 | 4.7908 | .39319 | 1.30 | 42 | .20 |
| | Perempuan | 19 | 4.6316 | .41152 | | | |

*Aras signifikan $p < 0.05$

Bagi menjawab persoalan kajian keempat, analisis ujian-t tidak bersandar digunakan bagi membandingkan skor min tahap kepuasan siswa guru Pendidikan Jasmani terhadap aktiviti Pendidikan Luar antara siswa guru lelaki dan siswa guru perempuan dari aspek tahap kepuasan kognitif, psikomotor dan afektif. Ujian menunjukkan nilai ujian t tahap kepuasan kognitif adalah $t(42) = 0.71$, $p = 0.48$, manakala tahap kepuasan psikomotor menunjukkan nilai t tahap kepuasan psikomotor adalah $t(31.13) = 1.7$, $p = 0.10$ dan bagi nilai t tahap kepuasan afektif adalah $t(42) = 1.30$, $p = 0.20$. Keputusan menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara skor min tahap kepuasan siswa guru terhadap aktiviti pendidikan luar yang berdasarkan kognitif, psikomotor dan afektif.

Hasil dapatan menunjukkan bahawa aktiviti yang dilakukan mengikut kesamarataan bagi semua siswa guru tidak mengikut jantina. Hal ini bercanggah dengan dapatan Mohd Adli Mohd Sidi et. al (2018) menyatakan pengunjung lelaki lebih meminati aktiviti berkanu berbanding perempuan. Di samping itu, Norhanita Binti Ramli (2017) menyatakan motivasi pelajar lelaki memberi lebih kepentingan dalam hubungan pasukan, persahabatan dan status pencapaian berbanding pelajar perempuan.

6.0 KESIMPULAN, CADANGAN DAN IMPLIKASI

Aktiviti pendidikan luar telah memberi kesan terhadap kepuasan siswa guru dari segi kognitif, psikomotor dan afektif. Perkara ini telah memberi kesan terhadap daya pemikiran seseorang apabila belajar secara 'hand on'. Selain itu, aktiviti pendidikan luar telah menguji daya tahan fizikal para siswa guru dan mampu meningkatkan keyakinan para siswa guru dalam melakukan aktiviti yang mencabar minda dan fizikal seseorang. Di samping itu, aktiviti pendidikan luar telah memberi kesan terhadap personaliti seseorang dengan mewujudkan nilai-nilai murni dalam diri dan berketerampilan tinggi. Oleh itu, aktiviti ini memberi kesan yang sama terhadap para siswa guru kerana aktiviti pendidikan luar yang dijalankan adalah sama rata dan tidak mengikut perbezaan antara siswa guru lelaki dan siswa guru perempuan.

Pengkaji mencadangkan kepada pengkaji akan datang supaya melaksanakan analisis kualitatif bagi mengukuhkan hasil dapatan yang diperolehi melalui kuantitatif. Pengkaji juga mencadangkan analisis kajian dilaksanakan keatas pensyarah bagi meningkatkan kualiti pengurusan dalam melaksanakan aktiviti pendidikan luar pada masa akan datang.

Kajian ini diharap sebagai panduan kepada pihak IPGKIK untuk melakukan penambahbaikan bagi meningkatkan kualiti pelaksanaan pendidikan luar. Kajian ini juga telah menjadi bahan bukti terhadap keberkesanan aktiviti pendidikan luar yang dianjurkan oleh Jabatan Sains Sukan. Di samping itu, diharapkan kajian ini sebagai panduan bagi siswa guru yang akan melaksanakan aktiviti pendidikan luar pada masa akan datang.

RUJUKAN

- Amy Anak Dusun. (2007). *Program Pendidikan Luar dan Implikasinya terhadap Konsep Kendiri Guru Pelatih*. Seminar Penyelidikan Pendidikan Institut Perguruan Batu Lintang.
- Beard, C. & Wilson, J. P. (2002). *The power of experiential learning: A handbook for trainers and educators*: London: Kogan Page Limited.
- Brookes, A. (2004). *Thoughts on the conference theme*. Proceedings of the 7th National Outdoor Conference, Monash University, Frankston, Australia.
- Landell, K. (1997). *Management By Menu*. London : Wiley And Soms Inc.
- Mohd Adli Mohd Sidi, Mohd Salleh Aman, Wirdati Mohd Radzi dan Muhammad Syakir Sulaiman (2018). Persepsi Penggiat Rekreasi Terhadap Aktiviti Rekreasi Luar Yang Menjadi Keutamaan Di Gunung Ledang, Taman Negara Johor. *Malaysian Online Journal of Education*, 1-9.
- Norhanita Binti Ramli (2017). *Corak Orientasi Matlamat dan Motif Penglibatan Aktiviti Rekreasi Dalam Kalangan Pelajar Universiti Pendidikan Sultan Idris*. pustaka upsi. edu.my, 1-80.
- Priest, S. (2004). *Outdoor leadership competencies. Adventure Programming*. (pp 237-239). State Collage, PA: Venture Publishing.
- Widayati Harun, Anuar Din & Salleh Abd. Rashid (2017). Sikap dan Amalan Aktiviti Fizikal Pelajar. *Jurnal Pemikir Pendidikan*, 8: 91-119.
- Mohd Yasim Bin Mohammad. (2016). *Effects Of Outdoor Education On Group Cohesion Among Second Year Undergraduate Teacher Trainees From Selected Teacher Education Institutes In Malaysia*. School of Graduate Studies, Universiti Putra Malaysia.
- Lau Yin Yin. (2001). The Effectiveness Of An Outdoor Training. *Faculty of Educational Studies Universiti Putra Malaysia* , 1-25.

HUBUNGAN KEKUATAN MENTAL DENGAN PRESTASI AKADEMIK DALAM KALANGAN ATLET RAGBI DI INSTITUT PENDIDIKAN GURU KAMPUS ILMU KHAS

MOHD HANAFI BIN SAMION
Jabatan Sains Sukan

Pensyarah Pembimbing
DR. MOHD KHAMDANI BIN SAIRI

ABSTRAK

Kajian ini adalah untuk mengenalpasti hubungan kekuatan mental dengan prestasi akademik dalam kalangan atlet ragbi di Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas. Pendekatan kuantitatif telah di aplikasikan dalam kajian ini. Kajian ini dijalankan dengan menggunakan instrumen soal selidik *Mental Toughness Questionnaire 48 (MTQ48)* untuk mengukur 4 konstruk kajian kekuatan mental iaitu keyakinan diri, komitmen, cabaran dan kawalan diri terhadap 36 orang atlet ragbi IPGKIK. Kaedah statistik deskriptif diaplikasikan untuk menganalisis data dengan menggunakan perisian SPSS 23.0 untuk mendapatkan peratusan, min, dan korelasi. Dapatan kajian menunjukkan tahap prestasi akademik atlet ragbi IPGKIK berada pada tahap sederhana tinggi. Kemudian, tahap kekuatan mental atlet ragbi IPGKIK berada pada tahap yang tinggi. Manakala ujian korelasi mendapati kekuatan mental tidak mempunyai hubungan korelasi yang signifikan terhadap prestasi akademik atlet ragbi IPGKIK. Penemuan bagi kajian ini menunjukkan bahawa kekuatan mental tidak mempengaruhi pencapaian akademik atlet ragbi IPGKIK.

Kata Kunci: Atlet ragbi IPGKIK, kekuatan mental, prestasi akademik.

ABSTRACT

This study was a survey of mental strength and academic performance among rugby athletes at the Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas. Quantitative approach had been applied in identifying mental strength relationship with academic performance among rugby athletes at the IPGKIK. This study was conducted using Mental Toughness Questionnaire 48 (MTQ48) questionnaire to measure 4 constructs of mental strength namely confidence, commitment, challenge and self-control of 36 rugby athletes IPGKIK. Descriptive statistical method was applied to analyze the data using SPSS 23.0 to get the percentage, mean, and correlation. The findings of the study showed that the academic performance level of IPGKIK rugby athlete was at high level. Then, the level of mental strength of the rugby athlete IPGKIK was at high level. While the correlation test found that the mental strength had no significant correlation to the academic performance of the rugby athlete IPGKIK. The findings of this study suggested that mental strength does not affect the academic achievement of rugby athletes IPGKIK.

Keywords: IPGKIK rugby athlete, mental strength, academic performance.

Emel: hanafi.samion.hs@gmail.com

1.0 PENGENALAN

Psikologi sukan membantu atlet untuk kekal bermotivasi bagi mencapai matlamat yang lebih besar. Menurut Rohaty dan Tajul (2011), persediaan mental sebelum dan semasa pertandingan adalah sangat penting bagi seseorang atlet.

Institusi Pendidikan Guru (IPG) telah mewajibkan para pelajar untuk melibatkan diri dalam aktiviti kokurikulum. Hasil penemuan dalam kajian mengenai penglibatan sukan berpasukan dan keputusan peperiksaan semasa (CGPA) yang lebih tinggi dapat dibandingkan dengan beberapa kajian yang menunjukkan bahawa penyertaan dalam sukan menunjukkan pencapaian akademik yang lebih baik di kalangan pelajar (Claudia et al 2010). Natijahnya, keperluan akademik dalam penyertaan sukan boleh memberi kesan positif kepada hasil akademik.

2.0 PERNYATAAN MASALAH

Walaupun terdapat nilai-nilai positif dalam kegiatan sukan, namun kebimbangan terhadap gangguan prestasi akademik masih tetap wujud dalam kalangan atlet-pelajar (Mohd Samri dan Mohad Anizu 2006). Hal ini kerana, kecemerlangan akademik menjadi kayu pengukur bagi kejayaan seseorang individu. Banyak kajian perhubungan telah dilakukan oleh pengkaji di luar negara (Golby & Sheard 2004). Namun begitu, tiada kajian yang khusus mengenai perhubungan antara kekuatan mental dan pencapaian akademik di Malaysia. Namun, kajian terkini mengenai kesan penyertaan sukan terhadap pembelajaran dan pembangunan pelajar tidak menfokuskan mengenai pencapaian atlet itu sendiri (Gayles 2009).

3.0 OBJEKTIF DAN SOALAN KAJIAN

3.1 OBJEKTIF KAJIAN

1. Mengetahui tahap prestasi akademik atlet ragbi di IPG Kampus Ilmu Khas.
2. Mengetahui tahap kekuatan mental dalam kalangan atlet ragbi di IPG Kampus Ilmu Khas.
3. Mengetahui hubungan kekuatan mental dengan prestasi akademik atlet ragbi IPG Kampus Ilmu Khas.

3.2 SOALAN KAJIAN

1. Adakah tahap prestasi akademik atlet ragbi IPG Kampus Ilmu Khas?
2. Adakah tahap kekuatan mental atlet ragbi IPG Kampus Ilmu Khas?
3. Adakah terdapat hubungan di antara kekuatan mental dengan prestasi akademik atlet ragbi IPG Kampus Ilmu Khas?

4.0 METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif yang berbentuk deskriptif dan inferensi secara tinjauan yang menggunakan borang soal selidik untuk mengumpulkan maklumat dan data.

4.1 SAMPEL KAJIAN

Seramai 36 orang atlet ragbi IPGKIK telah dipilih untuk dijadikan responden dalam kajian ini. Jumlah sampel yang dipilih adalah mengikut jadual persampelan oleh Krejcie dan Morgan (1970).

4.2 INSTRUMEN KAJIAN

Borang soal selidik kekuatan mental merupakan instrumen utama bagi kajian ini. Soal selidik kekuatan mental, *Mental Toughness Questionnaire* (MTQ48) oleh Clough et. al (2002), yang terdiri daripada 48 soalan telah diubah suai dan dirintis serta disahkan kebolehpercayaannya kepada 20 soalan yang merangkumi lima item bagi setiap kriteria iaitu keyakinan, komitmen, cabaran dan kawalan diri. Setiap konstruk merangkumi lima soalan yang berkaitan kekuatan mental.

4.3 ANALISIS DATA

Data-data yang diperoleh dianalisis menggunakan statistik deskriptif dan inferensi. Statistik ini merangkumi analisis kekerapan, peratusan, min, sisihan piawai dan ujian kolerasi bagi menjelaskan semua dapatan bagi setiap pemboleh ubah yang dikaji. Data-data yang diperoleh dianalisis menggunakan program perisian SPSS versi 23.0. Skala pengukuran skor min diukur berdasarkan interpretasi skor min oleh Nunnally & Bernstein (1994) iaitu: tahap rendah = min (1.00-2.00), Tahap sederhana rendah = min (2.01-3.00), tahap sederhana tinggi = Min (3.01-4.00) dan tahap tinggi = min (4.01-5.00). Kemudiannya, ujian korelasi Pearson telah digunakan menggunakan cadangan Joseph et al., (1997) iaitu bawah 0.10 (lemah); 0.10-0.30 (sederhana) dan 0.30 ke atas (kuat).

5.0 DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Analisis deskriptif tahap prestasi akademik

Jadual 1

Min Tahap Prestasi Akademik

| CGPA terkumpul | N | Min | Sisihan | Interprestasi Piawai |
|----------------|----|------|---------|----------------------|
| | 36 | 3.44 | .50395 | Tinggi |

Berdasarkan jadual 1, secara keseluruhannya, tahap prestasi akademik atlet ragbi IPGKIK berada pada tahap sederhana tinggi iaitu ($M = 3.44$, $SD = 0.50$). Dapatan ini disokong oleh Aminudin Ab Rahman (2004) yang menyatakan bahawa pelajar yang aktif dalam sukan mempunyai akademik yang baik.

Analisis deskriptif tahap kekuatan mental

Jadual 2

Skor Min Tahap Kekuatan Mental Atlet Ragbi IPGKIK

| Kekuatan Mental | N | Min | Sisihan Interprestasi Piawai | |
|-----------------|----|--------|------------------------------|--------|
| Kawalan diri | 36 | 4.1556 | .48311 | Tinggi |
| Komitmen | 36 | 4.2500 | .49771 | Tinggi |
| Cabaran | 36 | 4.2833 | .43916 | Tinggi |
| Keyakinan | 36 | 4.1222 | .50659 | Tinggi |

Jadual 2 menunjukkan bahawa faktor kekuatan mental bagi konstruk cabaran dengan nilai min ($M = 4.2833$, $SD = .43916$) adalah yang tertinggi. Seterusnya, konstruk komitmen ($M=4.2500$, $SD = .49771$) dan urutan ketiga adalah konstruk kawalan diri ($M = 4.1556$, $SD = .48311$). Konstruk keyakinan menunjukkan konstruk yang paling rendah ($M = 4.1222$, $SD = .50659$). Nilai tertinggi profil kekuatan mental atlet ragbi IPGKIK adalah pada konstruk cabaran. Kajian ini turut disokong oleh Davenport (2006) yang menyatakan ciri-ciri atlet yang mempunyai kekuatan mental adalah tinggi optimisme, keberkesanan diri, kepercayaan diri, keyakinan diri, keinginan, komitmen, fokus dan berani menyahut cabaran.

Jadual 3

Skor Min Keseluruhan Tahap Kekuatan Mental Atlet Ragbi IPGKIK

| Kekuatan Mental | N | Min | Sisihan Interprestasi Piawai | |
|-----------------|----|--------|------------------------------|--------|
| | 36 | 4.2028 | .42878 | Tinggi |

Berdasarkan jadual 3, secara keseluruhannya, tahap kekuatan mental atlet ragbi IPGKIK berada pada tahap yang tinggi iaitu ($M = 4.2028$, $SD = .42028$). Dapatan ini disokong Weinberg dan Gould (2010) menyatakan bahawa penglibatan dalam sukan dapat melahirkan kemahiran mental tinggi mampu dan mengaplikasikan apa yang dipelajari dengan mudah.

Analisa deskriptif hubungan antara kekuatan mental dengan prestasi akademik dalam kalangan atlet IPGKIK.

Jadual 4

Pekali Korelasi antara Konstruk Kekuatan Mental dengan Pencapaian Akademik Atlet Ragbi IPGKIK

| Hubungan | Prestasi akademik | |
|----------------|-------------------|------|
| | R | Sig. |
| Keyakinan diri | .177 | 0.30 |
| Komitmen | .023 | 0.90 |
| Cabaran | .060 | 0.73 |
| Kawalan diri | .206 | 0.23 |

Berdasarkan jadual 4, analisis Korelasi Pearson menunjukkan tiada hubungan yang signifikan antara keempat-empat konstruk kekuatan mental dengan pencapaian akademik atlet ragbi IPGKIK. Berdasarkan jadual, hubungan korelasi yang tidak signifikan di antara keyakinan diri terhadap pencapaian akademik adalah $r = .177$ dan $\text{sig} = 0.30$, ($p>0.05$). Seterusnya, komitmen iaitu $r = .023$ dan $\text{sig} = 0.90$, ($p>0.05$). Konstruk cabaran dengan nilai $r = .060$ dan $\text{sig} = 0.73$, ($p>0.05$). Akhir sekali, konstruk kawalan diri iaitu nilai $r = .206$ dan $\text{sig} = 0.23$, ($p>0.05$).

Jadual 5

Pekali Korelasi antara Kekuatan Mental dengan Pencapaian Akademik Atlet Ragbi IPGKIK

| Hubungan | Prestasi akademik | |
|-----------------|-------------------|------|
| | R | Sig. |
| Kekuatan mental | 133 | 0.44 |

Analisis korelasi Pearson dalam jadual 5 menunjukkan tiada hubungan yang signifikan antara kekuatan mental dengan pencapaian akademik atlet ragbi IPGKIK. Berdasarkan jadual, hubungan korelasi yang tidak signifikan di antara kekuatan mental terhadap pencapaian akademik adalah $r = .133$ dan $\text{sig} = 0.44$, ($p > 0.05$).

Hasil analisis membuktikan tiada hubungan yang signifikan antara kekuatan mental dengan prestasi akademik dalam kalangan atlet ragbi IPGKIK. Dapatan ini bertentangan dengan kajian oleh Dalilah Dahlan dan Tajul Arifin (2017) mengenai hubungan kekuatan mental dan prestasi akademik atlet bola sepak Universiti Kebangsaan Malaysia yang menunjukkan bahawa atlet yang mempunyai kekuatan mental yang tinggi akan mempengaruhi prestasi akademik yang cemerlang.

6.0 KESIMPULAN, CADANGAN DAN IMPLIKASI

Hasil kajian menunjukkan bahawa tahap prestasi akademik atlet ragbi IPGKIK berada pada tahap yang sederhana tinggi. Tahap kekuatan mental atlet ragbi IPGKIK berada pada tahap yang tinggi di mana aspek cabaran mencatatkan min peratus yang tertinggi dalam profil analisis. Hasil analisis korelasi Pearson mendapati tiada hubungan yang signifikan antara keempat-empat konstruk kekuatan mental dengan pencapaian akademik atlet ragbi IPGKIK. Dapatan kajian ini berbeza dengan kajian lepas mungkin disebabkan oleh sampel kajian yang berbeza, tahap penglibatan dan jenis sukan.

Pengkaji mencadangkan kepada pengkaji akan datang agar meluaskan variasi kajian ke atas populasi yang lebih besar lagi iaitu keseluruhan IPG. Kajian juga perlu diperluaskan bukan sahaja dalam bidang akademik malah dalam pencapaian sukan untuk meningkatkan penglibatan siswa guru dalam kegiatan sukan.

Kajian ini diharap dapat memberi maklumat dan garis panduan kepada pusat sukan di IPGM dan jurulatih untuk merancang program yang dapat menilai dan menguji kekuatan mental dan kelemahan atlet. Kajian ini juga boleh dijadikan sebagai garis panduan kepada semua siswa guru untuk menitikberatkan penglibatan dalam sukan.

RUJUKAN

- Aminudin Abdul Rahman. (2004). Penglibatan Pelajar Secara Aktif dalam Aktiviti Kokurikulum dan Kesannya ke Atas Pencapaian Akademik. Tesis Sarjana Pendidikan. Universiti Teknologi Malaysia, Skudai.
- Claudia K. Fox., Barr-Anderson, Daheia, Neumark-Sztainer, Dianne, Wall & Melanie.(2010). *Physical Activity and Sports Team Participation: Associations With Academic Outcomes in Middle School and High School Students*. Journal of School Health.
- Clough, P. J., Earle, K., & Sewell, D. (2002). *Mental toughness: the concept and its measurement*. In I. Cockerill. *Solutions in Sport Psychology* (pp. 3243). London: Thomson.
- Davenport, T. J. (2006). *Perceptions of the Contribution of Psychology to Success in Elite Kickboxing*. *J. Sport Science Med.* 99-107.
- Gayless, L. R., Mills, (2009). *Educational Research: Competencies for Analysis and Applications*. New Jersey: Prentice Hall.

- Golby, & M. Sheard. (2004). Mental toughness and hardiness at different levels of rugby league
Personality and individual differences
- Joseph, F. H., Earl, B., & Frued, H. (1997). *Explaining social issues*. London: Pine Forge Press.
- Krejcie Robert.V & Morgan Daryle. (1970). *Determining Sample Size For Research Activities*. University
Of Minnesota.
- Mohd Anizu & Mohd Samri. (2006). *Mental Toughness Profile as One of Psychological Predictors of
Injuries among Malaysian Professional Football Players*. *Journal of Applied Sport Psychology*.
128-138.
- Nunnally, J., & Bernstein, J. (1994). *Psychometric theory* (Edisi ke-3 ed.). New York: McGraw Hill.
- Rohaty & Tajul (2011), *Jurnal Pemikiran Mental Dan Kepimpinan Atlet*, 72-77
- Tajul Arifin Bin Muhamad & Nur Dalilah Binti Dahlan. (2017). Kekuatan Mental Dan Prestasi Akademik
Atlet Bola Sepak Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). - *Seminar Antarabangsa Pendidikan
Global IV*. 287-297.

TAHAP KEKUATAN MENTAL PEMAIN BOLA SEPAK INSTITUT PENDIDIKAN GURU KAMPUS ILMU KHAS (IPGKIK), KUALA LUMPUR

MUHAMAD AMIRUL MUKMIN BIN MD NOR
Jabatan Sains Sukan

Pensyarah Pembimbing
PN. JAMALIYAH BINTI AHMAD

ABSTRAK

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengenal pasti sejauhmana tahap kekuatan mental mempengaruhi prestasi pemain bola sepak IPGKIK. Selain itu, kajian ini juga untuk meninjau sama ada tempoh pengalaman bermain mempengaruhi tahap kekuatan mental pemain bola sepak IPGKIK. Mental Toughness Questionnaire 48 (MTQ48) diguna pakai untuk mengukur 4 aspek kajian kekuatan mental yang dibangunkan oleh Clough et al. (2002) iaitu keyakinan diri, komitmen, cabaran dan kawalan diri. Responden kajian ini adalah seramai 30 siswa guru daripada pelbagai pengkhususan di IPGKIK. Hasil kajian mendapati min tahap kekuatan mental pemain pasukan bola sepak IPGKIK berada pada tahap yang tinggi. Manakala aspek kawalan diri merupakan aspek yang paling mempengaruhi kekuatan mental pemain bola sepak IPGKIK, diikuti dengan aspek komitmen, aspek cabaran dan seterusnya aspek keyakinan. Namun begitu, hasil analisis ujian ANOVA sehala tidak terdapat perbezaan yang signifikan terhadap tahap kekuatan mental dengan tempoh pengalaman bermain dalam kalangan pemain bola sepak IPGKIK. Secara keseluruhannya, kajian ini diharap dapat membantu pihak pentadbiran IPGKIK, jurulatih, pensyarah dan pemain bola sepak IPGKIK untuk memahami kepentingan aspek psikologi terutama kekuatan mental bagi mencapai kejayaan yang lebih tinggi.

Kata Kunci : Kekuatan mental, pemain bola sepak IPGKIK, tempoh pengalaman bermain.

ABSTRACT

This study is aimed to find out whether the level of mental strength affects IPGKIKs' football players. This study also examined whether the duration of playing experience affects the mental resistance of IPGKIK's football players. Mental Toughness 48 (MTQ48) is used to measure 4 mental constructive studies developed by Clough et al. (2002) namely self-confidence, commitment, challenge and self-control. The respondents of this study were 30 trainee teachers from different courses in IPGKIK. The results showed that the mean level of mental strength of the IPGKIK football team was at a high level. The construct of self-control is the most influential aspect for IPGKIKs' football players' mental strength, followed by commitment aspect and challenge aspect and the confidence aspect. However, ANOVA's analysis results do not have any significant difference in the level of mental strength with the duration of playing experience among IPGKIK's football players. Overall, this study is expected to assist the IPGKIK's administration, trainers, lecturers and IPGKIK's football players to understand the importance of psychological aspects, especially mental strength to achieve greater success.

Keywords: Mental strength, IPGKIK's football players, duration of playing experience

Emel: mmukmin156@gmail.com

1.0 PENGENALAN

Permainan bola sepak merupakan sukan yang paling dikenali dan diminati oleh masyarakat di seluruh dunia. Permainan ini pada awalnya dimainkan oleh dua orang pemain dengan menggunakan bola kecil dan mereka bermain di dalam kawasan permainan yang berbentuk segi empat tepat dan mempunyai garisan (Muray 1998). Kini permainan bola sepak melibatkan 2 pasukan dalam satu perlawanan dan setiap pasukan terdiri daripada 11 orang pemain. Dalam aktiviti fizikal seperti permainan bola sepak tidak terkecuali daripada pengaruh psikologi sukan. Psikologi Sukan boleh ditakrifkan sebagai satu bidang kajian saintifik yang melihat kesan serta pengaruh sesuatu aktiviti terhadap perlakuan fizikal, afektif serta kognitif ke atas mereka yang terbabit secara langsung mahu pun tidak langsung dengan aktiviti tersebut (Aziz, 2006). Kekuatan mental merupakan salah satu aspek kognitif yang amat penting

dalam mengekalkan prestasi pemain bola sepak. Persamaan dalam pernyataan oleh Crust (2008) dan Coutler et al. (2010) menyatakan bahawa kekuatan mental merupakan faktor penting dalam psikologi sukan yang dapat mengawal tekanan secara berkesan.

Penglibatan siswa guru dalam sukan bola sepak di Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas (IPGKIK) sering dikaitkan dengan psikologi sukan terutamanya dari segi kekuatan mental. Antara punca mereka mendapat keputusan yang tidak begitu memberangsangkan adalah diakibatkan oleh kekuatan mental yang lemah. Umumnya, implikasi daripada kegagalan pemain bola sepak dalam mana-mana pertandingan sering dikaitkan dengan tempoh pengalaman yang lepas. Kenyataan ini bertepatan dengan kajian yang dijalankan oleh Asiah dan Rosli (2009) yang menyatakan bahawa ketahanan mental atlet juga dipengaruhi oleh kematangan diri dalam sukan yang diceburi mereka iaitu dari sudut pengalaman. Natijahnya, keperluan psikologi dalam sukan boleh memberi kesan positif kepada kejayaan pasukan bola sepak IPGKIK.

2.0 PERNYATAAN MASALAH

Kuan dan Roy (2007) menyatakan bahawa antara faktor kejayaan dalam sesuatu pertandingan ialah kekuatan mental. Oleh hal yang demikian, kajian ini dijalankan adalah untuk meninjau tahap kekuatan mental pemain bola sepak IPGKIK. Di samping itu juga, belum ada kajian yang dijalankan berkaitan tahap kekuatan mental pemain bola sepak IPGKIK.

3.0 OBJEKTIF DAN SOALAN KAJIAN

3.1 OBJEKTIF KAJIAN

1. Meninjau tahap kekuatan mental dalam mempengaruhi prestasi pemain bola sepak IPGKIK.
2. Meninjau aspek kekuatan mental yang paling mempengaruhi pemain bola sepak IPGKIK.
3. Membuat perbandingan tahap kekuatan mental dengan tempoh pengalaman bermain dalam kalangan pemain bola sepak IPGKIK.

3.2 SOALAN KAJIAN

1. Adakah tahap kekuatan mental mempengaruhi pemain bola sepak IPGKIK?
2. Apakah konstruk kekuatan mental yang paling mempengaruhi pemain bola sepak IPGKIK?
3. Adakah terdapat perbandingan tahap kekuatan mental dengan tempoh pengalaman bermain dalam kalangan pemain bola sepak IPGKIK.

4.0 METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini merupakan kajian tinjauan yang menggunakan pendekatan kuantitatif. Borang soal selidik Mental Toughness Questionnaire (MTQ48) daripada Clough et al. (2002) digunakan bagi mengumpulkan maklumat dan data. Data deskriptif dan infrensi akan dianalisis bagi mendapatkan keputusan kajian ini.

4.1 SAMPEL KAJIAN

Fokus Pemilihan sampel dalam kajian ini menggunakan kaedah persampelan tujuan atau *purposive sampling / judgment sampling* yang merujuk kepada prosedur persampelan iaitu sekumpulan subjek yang mempunyai ciri-ciri tertentu sahaja dipilih sebagai sampel kajian berdasarkan pengetahuan dan tujuan khusus kajian penyelidikan. Sampel terdiri daripada 30 orang siswa guru yang sedang mengikuti pelbagai bidang pengkhususan di IPGKIK iaitu Pendidikan Jasmani, Pendidikan Seni Visual, Pendidikan Khas, Pendidikan muzik dan Bahasa Inggeris. Kajian ini tertumpu pada tinjauan tentang tahap kekuatan mental pemain bola sepak IPGKIK, maka hanya pemain bola sepak sahaja yang dipilih sebagai sampel kajian. Oleh itu, hasil kajian tidak dapat digeneralisasi kepada seluruh populasi di IPGKIK.

4.2 INSTRUMEN KAJIAN

Instrumen kajian ini menggunakan borang soal selidik yang terbahagi kepada dua bahagian iaitu bahagian (A) soalan maklumat diri subjek dan bahagian (B) mengandungi 20 soalan berkaitan kekuatan mental. Soal selidik ini diubahsuai daripada *Mental Toughness Questionnaire* (MTQ48) daripada Clough et al. (2002) merangkumi empat aspek iaitu keyakinan diri, komitmen, cabaran dan kawalan diri. Setiap konstruk merangkumi lima soalan yang berkaitan kekuatan mental.

4.3 ANALISIS DATA

Data yang diperoleh telah dianalisis menggunakan statistik deskriptif dan statistik inferensi. Statistik ini merangkumi analisis kekerapan, peratusan, min dan ujian Anova sehalu bagi menjawab semua persolan kajian. Data-data yang dikumpul dianalisis menggunakan perisian Statistical Package for the Social Science (SPSS) versi 23.0. Skala pengukuran skor min diukur berdasarkan interpretasi skor min oleh Nunnaly dan Bernstein (1994) iaitu: tahap rendah = min (1.00-2.00), tahap sederhana rendah = min (2.01-3.00), tahap sederhana tinggi = (3.01-4.00) dan tahap tinggi = min (4.01-5.00).

5.0 DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Analisis tahap kekuatan mental pemain bola sepak IPGKIK.

Jadual 1

Min Tahap Kekuatan Mental IPGKIK

| | Min | Tahap |
|-----------------------|------|--------|
| Tahap kekuatan mental | 4.61 | Tinggi |

Berdasarkan kepada jadual 1, dapatan kajian menunjukkan min tahap kekuatan mental pemain bola sepak IPGKIK berada pada tahap yang tinggi (min = 4.61). Oleh yang demikian, tahap kekuatan mental pemain bola sepak IPGKIK dilihat mampu membantu pemain untuk memperolehi pencapaian yang cemerlang dalam kejohanan atau pertandingan yang mereka sertai. Penyataan ini disokong oleh kajian yang dijalankan oleh Weinberg dan Gould (2014) menyatakan bahawa atlet yang mempunyai kemahiran mental tinggi mampu mengaplikasikan apa yang dipelajari dengan mudah. Kenyataan ini bertepatan dengan kajian yang dijalankan oleh Creasy et. al (2009), yang menyatakan kebanyakan atlet elit dan jurulatih bersetuju bahawa kekuatan mental memainkan peranan penting dalam meningkatkan tahap pencapaian atlet dalam sukan. Manakala, Bukti kekuatan mental memainkan peranan penting dalam sesuatu pasukan turut diakui oleh Datuk Ong Kim Swee iaitu Jurulatih skuad Kebangsaan bawah 22 tahun yang menyatakan kekuatan mental yang dimiliki skuad bawah 22 (B-22) tahun negara adalah kunci kepada kebangkitan pasukan negara apabila berjaya bangkit sebanyak dua kali untuk mengikat Indonesia 2-2 di Stadium Olimpik, Phnom Penh. Pernyataan jurulatih kebangsaan ini dipetik dari Akhbar Berita Harian yang bertarikh 20 februari 2019.

Analisis aspek kekuatan mental yang paling mempengaruhi pemain bola sepak.

Jadual 2

Min Aspek Kekuatan Mental yang Paling Mempengaruhi Pemain Bola Sepak

| Kekuatan mental | Min | Tahap |
|-----------------|------|--------|
| Komitmen | 4.63 | Tinggi |
| Kawalan diri | 4.64 | Tinggi |
| Cabaran | 4.63 | Tinggi |
| Keyakinan | 4.53 | Tinggi |
| | 4.61 | |

Berdasarkan kepada Jadual 2, dapatan kajian menunjukkan keempat-empat aspek kekuatan mental iaitu aspek komitmen, aspek kawalan diri, aspek cabaran dan aspek keyakinan menyumbang pada tahap tinggi (Min=4.53-4.64). Antara keempat-empat aspek kekuatan mental tersebut, aspek kawalan diri merupakan aspek yang paling mempengaruhi kekuatan mental pemain bola sepak IPGKIK iaitu (min=4.64), diikuti dengan aspek komitmen dan aspek cabaran iaitu (min=4.63) dan seterusnya aspek keyakinan dengan (min=4.5). Ini menunjukkan atlet yang mempunyai kawalan diri yang tinggi mampu mempengaruhi prestasi permainan mereka. Dalam erti kata yang lain kawalan diri ini membolehkan pemain mengawal serta membuat pilihan terhadap sebarang tindakan yang dilakukan tanpa hanya mengikut naluri secara membabi buta. Oleh yang demikian pemain akan mempunyai pendirian sendiri tanpa terlalu bergantung kepada keputusan orang lain atau cuba meniru tindakan rakan-rakan sepasukan. Pernyataan ini turut disokong oleh Middleton et al. (2005) yang menyatakan ciri-ciri atlet yang mempunyai kekuatan mental yang tinggi adalah keberkesanan kawalan diri yang tinggi.

Analisis ujian ANOVA sehalu bagi tahap kekuatan mental dengan tempoh pengalaman bermain dalam kalangan pemain bola sepak IPGKIK.

Jadual 3

Ujian ANOVA Sehalu bagi Tahap Kekuatan Mental dengan Tempoh Pengalaman Bermain dalam Kalangan Pemain Bola Sepak IPGKIK

| Pemboleh ubah | Sum of quare | Mean square | F | Siq. |
|------------------|-----------------|-------------|-------|-------|
| Ketahanan mental | Antara kumpulan | 0.116 | 0.665 | 0.523 |
| | Dalam kumpulan | 0.175 | | |

Hasil dapatan dari jadual 3 menunjukkan nilai Mean square = 0.116 (antara kumpulan) dan 0.175 (dalam kumpulan). Manakala nilai $p = 0.523$ ($p > 0.05$) adalah tidak signifikan. Tidak terdapat perbezaan yang signifikan terhadap tahap kekuatan mental dengan tempoh pengalaman bermain dalam kalangan pemain bola sepak IPGKIK. Ia menunjukkan bahawa tempoh pengalaman bermain tidak mempengaruhi tahap kekuatan mental pemain bola sepak IPGKIK. Dapatan kajian selari dengan pernyataan yang dikemukakan oleh Gordon dan Gucciardi (2011) yang menyokong mengenai pembangunan kekuatan mental dan pengalaman tidak mempunyai perbezaan walaupun dari jenis sukan yang sama. Mereka berpendapat bahawa apa yang membezakan adalah sifat individu itu sendiri dan bagaimana individu itu mentafsirkannya. Selain itu, hasil kajian yang dijalankan ke atas sukan Wushu oleh Kuan dan Roy (2007) mendapati tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara responden kajian berdasarkan jantina, umur dan pengalaman atlet yang melibatkan faktor kekuatan mental dan pengaruhnya ke atas prestasi atlet.

6.0 KESIMPULAN, CADANGAN DAN IMPLIKASI

Kesimpulannya, kekuatan mental sedikit sebanyak mampu mempengaruhi prestasi pemain bola sepak IPGKIK. Mengikut jadual interpretasi skor min daripada Nunnally dan Bernstein (1994), tahap kekuatan mental pemain bola sepak IPGKIK berada pada tahap yang tinggi. Aspek kawalan diri dilihat sebagai aspek yang paling mempengaruhi pemain bola sepak IPGKIK berbanding aspek komitmen, cabaran dan keyakinan. Dalam pada itu, tidak terdapat perbezaan yang signifikan terhadap tahap kekuatan mental dengan tempoh pengalaman bermain dalam kalangan pemain bola sepak IPGKIK. Oleh yang demikian, pihak tertentu yang terdiri daripada Unit Kokurikulum IPGKIK dan pihak pentadbir IPGKIK perlu memberi penekanan kepada pembangunan kekuatan mental dalam kalangan atlet bagi mengekalkan prestasi yang cemerlang.

Penyelidik mencadangkan agar kajian dijalankan dengan lebih luas dan terbuka iaitu dijalankan ke atas populasi yang lebih besar atau tidak dihadkan pada sukan bola sepak sahaja. Seterusnya, dicadangkan pada masa akan datang, kajian dilakukan melalui dua pendekatan iaitu kuantitatif dan kualitatif (kaedah campuran). Selain daripada soal selidik, sampel kajian boleh menyalurkan maklumat melalui kaedah temu bual atau pun menjawab soalan berbentuk struktur

Kajian ini diharap memberi maklumat dan rujukan kepada beberapa pihak di IPGKIK antaranya pihak pentadbiran, pensyarah atau jurulatih dan siswa guru untuk membantu persediaan pasukan yang lebih mantap. Akhir sekali, kajian ini diharap dapat memberi maklumat kepada Unit Kokurikulum IPGKIK untuk merancang program yang dapat menilai dan menguji kekuatan mental dan kelemahan pemain seterusnya merangka program latihan yang bersesuaian mengikut keperluan pasukan. Oleh itu, perlulah sekiranya aspek kekuatan mental diberi penekanan dan perhatian oleh semua pihak di IPGKIK agar semua atlet yang mewakili IPGKIK terutamanya pasukan bola sepak IPGKIK mampu memahami kepentingannya seterusnya mengaplikasikan dalam kehidupan seharian mereka.

RUJUKAN

- Abd Aziz Shaharudin. (2006). *Mengaplikasikan Teori Psikologi Dalam Sukan*, Yeohprinco Sdn. Bhd, Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd
- Asiah Mohd Pilus. & Rosli Saadan. (2009). Coaching leadership styles and athlete satisfactions among hockey team. *Journal of Human Capital Development*. Vol. 2(No1). pp. 77-88. ISSN 1985-7012.
- Berita Harian. (2019, February 20). *Kekuatan Faktor Kebangkitan*. Retrieved from <https://www.bharian.com.my/sukan/bola/2019/02/533090/kekuatan-mental-faktor-kebangkitan-kim-swee>.
- Clough, P., Earle, K., & Sewell, D. (2002). *Mental toughness: The concept and its measurement. Solutions in Sport Psychology*, 32-43.
- Clough, P. J., Earle, K., & Sewell, D. (2002). *Mental toughness: The concept and its measurement. Cockerill (Ed.), Solutions in Sport Psychology* (pp. 32-43). London: Thomson.
- Coulter, T. J., Mallett, C. J., & Gucciardi, D. F. (2010). Understanding mental toughness in Australian soccer: Perceptions of players, parents, and coaches. *Journal of Sports Sciences*, 28(7), 699-716.
- Cote, J. 2001. Coach and peer influence on children's development through sport. Dalam: Silva, J.M. and Stevens, D.E., Editors, 2001. *Psychological foundations of sport*, Allyn & Bacon, Boston, MA, pp. 520–540.
- Creasy, J. W., Rearick, M. Buriak, J. & Wright, L. 2009. Are You Coaching Mental Skills? *Why Not?*. *Virginia Journal*, 30(2), 13-14.
- Crust, L. (2008). *A review and conceptual re-examination of mental toughness: Implications for future researchers. Personality and Individual Differences*, 45(7), 576-583.
- Gordon, S. & Gucciardi, D. F. (2011). *An introduction to mental toughness in sport*. In Daniel F. Gucciardi dan Sandy Gordon (ed.), *Mental toughness in sport: developments in theory and research*. New York: Routledge.
- Kuan, G. & Roy, J. (2007). Goal profiles, mental toughness and its influence on performance outcomes among Wushu athletes. *Journal of Sports Sci Med*. 28-33.
- Middleton, S. C., Marsh, H. W., Martin, A. J., Richards, G. E., dan Clark Perry, E. (2005), *Discovering Mental Toughness: A Qualitative Study of Mental Toughness in Elite Athletes*, Self Research Centre, University of Western Sydney, Australia.
- Murray, W. J. (1998). *The world's game: A history of soccer*. Urbana: University of Illinois Press.
- Nunnally, J. C. & Bernstein, I. R. 1994. *Psychometric theory*. Ed. ke-3. New York: McGraw-Hill, Inc.
- Weinberg, R. S., & Gould, D. (2014). *Foundations of Sport and Exercise Psychology*, 6E. Human Kinetics.

**FAKTOR-FAKTOR YANG MENGHALANG PENGLIBATAN KEGIATAN KOKURIKULUM SUKAN
DALAM KALANGAN SISWA GURU SEMESTER 4 AMBILAN JUN 2016 DI INSTITUT
PENDIDIKAN GURU KAMPUS ILMU KHAS, CHERAS KUALA LUMPUR**

MUHAMAD NAIM BIN MOHD SAHAL
Jabatan Sains Sukan

Pensyarah Pembimbing
PN. JAMALIYAH BINTI AHMAD

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk meninjau faktor penghalang dari segi faktor struktur, faktor intrapersonal dan interpersonal yang menghalang penglibatan kegiatan kokurikulum sukan dalam kalangan siswa guru semester 4 Ambilan Jun 2016. Kajian berbentuk tinjauan ini menggunakan set soal selidik bagi mengumpulkan data dan diproses dengan menggunakan statistik deskriptif yang terdiri daripada frekuensi, peratusan dan min bagi menjelaskan profil responden dan menjawab persoalan kajian. Statistik inferensi iaitu ujian t pula digunakan bagi melihat perbezaan faktor penghalang antara siswa guru opsyen Pendidikan Jasmani dan siswa guru bukan opsyen pendidikan jasmani. Kajian ini melibatkan siswa guru semester 4 Ambilan Jun 2016 yang terdiri daripada 108 orang siswa guru IPGKIK. Secara umumnya didapati ketiga-tiga faktor penghalang menyumbang min sederhana terhadap penglibatan siswa guru dalam kegiatan kokurikulum. Antara ketiga-tiga faktor tersebut, didapati faktor penghalang struktur menunjukkan nilai min yang tertinggi. Diikuti dengan penghalang Intrapersonal seterusnya faktor penghalang Interpersonal. Hasil dapatan kajian menunjukkan terdapat perbezaan signifikan faktor penghalang interpersonal antara siswa guru opsyen Pendidikan Jasmani dan siswa guru bukan opsyen Pendidikan Jasmani.

Kata Kunci : Faktor struktur, faktor interpersonal, faktor intrapersonal, siswa guru, penglibatan kegiatan kokurikulum sukan

ABSTRACT

The study aim to examine the barrier factors in terms of structural factors, intrapersonal and interpersonal factors that prevent the involvement of sports co-curricular activities amongst semester 4 students June 2016. This survey was conducted using a set of questionnaires to collect data and being processed using descriptive statistics consist of frequency, percentage and mean to explain the respondent profile and to answer the research questions. Inference statistic included t test used to see the difference in preventing factors between Physical Education's students and non Physical Education's students. This study involved 108 student teachers in IPGKIK. Generally, the three preventing factors such as structural, interpersonal and intrapersonal factors which contributed to the average mean of student teachers' involvement in co-curricular activities. Among the three factors, the structural factors showed the highest mean value. Followed by the Intrapersonal factors and the interpersonal factors. The findings showed that there were significant differences preventing factors between preventing factors options.

Keywords: Structural factors, interpersonal factors, intrapersonal factors, student teachers, involvement of sports co-curricular activities.

Emel: naimsahal@gmail.com

1.0 PENGENALAN

Menurut Mohd Sofian, Aminuddin & Borhan (2002) kokurikulum adalah usaha melahirkan pelajar-pelajar yang seimbang dalam aspek rohani, jasmani dan intelek, kokurikulum dapat menyumbang untuk melahirkan pelajar yang seimbang dari semua segi tersebut dan memberi pengalaman kepada pelajar-pelajar yang akan membantu mereka dalam mencapai kehidupan yang sempurna. Kajian ini telah dijalankan ke atas 108 siswa guru semester 4 ambilan Jun 2016 yang berkaitan dengan penglibatan mereka dalam kokurikulum khususnya aktiviti sukan di Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas, Kuala Lumpur (IPGKIK). Kajian ini dilakukan keatas siswa guru semester 4 ambilan Jun 2016 ini adalah

kerana kokurikulum ini merupakan subjek yang wajib diambil dan penglibatan pelajar dalam kursus kokurikulum adalah wajib di IPG. Kelulusan dalam komponen ini adalah prasyarat untuk mendapatkan Ijazah Sarjana Muda Perguruan.

2.0 PERNYATAAN MASALAH

Terdapat siswa guru semester 4 yang tidak hadir semasa kursus ini dijalankan walaupun ianya diwajibkan. Selain itu, prasarana di IPGKIK juga tidak kondusif menyebabkan terdapat masalah semasa kursus kokurikulum ini dijalankan. Seterusnya adalah masalah alatan yang tidak mencukupi untuk menampung 156 siswa guru semester 4 semasa kursus kokurikulum sukan dijalankan. Terdapat beberapa faktor yang menghalang penglibatan siswa guru semester 4 Ambilan Jun 2016 untuk menyertainya. Menurut Crawford dan Godbey (1987) terdapat tiga faktor yang mempengaruhi penglibatan iaitu faktor struktur, faktor interpersonal dan faktor intrapersonal.

3.0 OBJEKTIF DAN SOALAN KAJIAN

3.1 OBJEKTIF KAJIAN

1. Mengenal pasti faktor penghalang penglibatan siswa guru semester 4 ambilan Jun 2016 dalam aktiviti kokurikulum khususnya sukan
2. Mengenalpasti perbezaan faktor penghalang penglibatan siswa guru semester 4 dalam aktiviti kokurikulum antara siswa guru opsyen Pendidikan Jasmani dan siswa guru bukan opsyen Pendidikan Jasmani.
3. Mengenalpasti perbezaan faktor penghalang struktur yang menghalang penglibatan siswa guru semester 4 dalam aktiviti kokurikulum antara siswa guru opsyen Pendidikan Jasmani dan siswa guru bukan opsyen Pendidikan Jasmani.
4. Mengenalpasti perbezaan faktor penghalang interpersonal yang menghalang penglibatan siswa guru semester 4 dalam aktiviti kokurikulum antara siswa guru opsyen Pendidikan Jasmani dan siswa guru bukan opsyen Pendidikan Jasmani.
5. Mengenalpasti perbezaan faktor penghalang intrapersonal yang menghalang penglibatan siswa guru semester 4 dalam aktiviti kokurikulum antara siswa guru opsyen Pendidikan Jasmani dan siswa guru bukan opsyen Pendidikan Jasmani.

3.2 PERSOALAN KAJIAN

1. Adakah faktor penghalang penglibatan siswa guru semester 4 ambilan Jun 2016 dalam aktiviti kokurikulum khususnya sukan?
2. Adakah terdapat perbezaan faktor penghalang penglibatan siswa guru semester 4 dalam aktiviti kokurikulum antara siswa guru opsyen Pendidikan Jasmani dan siswa guru bukan opsyen Pendidikan Jasmani?
3. Adakah terdapat perbezaan faktor penghalang struktur yang menghalang penglibatan siswa guru semester 4 dalam aktiviti kokurikulum antara siswa guru opsyen Pendidikan Jasmani dan siswa guru bukan opsyen Pendidikan Jasmani?
4. Adakah terdapat perbezaan faktor penghalang interpersonal yang menghalang penglibatan siswa guru semester 4 dalam aktiviti kokurikulum antara siswa guru opsyen Pendidikan Jasmani dan siswa guru bukan opsyen Pendidikan Jasmani?
5. Adakah terdapat perbezaan faktor penghalang intrapersonal yang menghalang penglibatan siswa guru semester 4 dalam aktiviti kokurikulum antara siswa guru opsyen Pendidikan Jasmani dan siswa guru bukan opsyen Pendidikan Jasmani?

4.0 METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini adalah kajian kuantitatif berbentuk deskriptif dan inferensi secara tinjauan yang menggunakan borang soal selidik bagi mengenalpasti faktor penghalang penglibatan siswa guru semester 4 Ambilan Jun 2016 dalam aktiviti kokurikulum khususnya sukan.

4.1 SAMPEL KAJIAN

Sampel terdiri daripada 108 orang siswa guru IPGKIK dari pelbagai kaum dan agama. Sampel dipilih secara rawak mengikut opsyen iaitu opsyen Bahasa Inggeris, Pendidikan Jasmani, Pendidikan Khas dan Pendidikan Muzik. Pemilihan sampel adalah berdasarkan jadual penentuan saiz sampel oleh Krejcie dan Morgan (1970).

4.2 INSTRUMEN KAJIAN

Instrumen kajian yang digunakan adalah borang soal selidik yang telah dibentuk oleh Raymore, Godbey, Crawford & Von Eye (1993) dan telah dialih bahasa dan diubahsuai oleh Aminuddin Yusof (2002) untuk melihat faktor-faktor yang menghalang penglibatan siswa guru semester 4 Ambilan Jun 2016 dalam kegiatan kokurikulum sukan. Borang soal selidik ini terdiri daripada 4 bahagian iaitu bahagian A,B,C dan D

4.3 ANALISIS DATA

Semua data yang diperolehi telah dianalisis menggunakan statistik deskriptif dan inferensi. Statistik ini merangkumi analisis kekerapan, peratusan, min sisihan piawai dan ujian t bagi menjelaskan semua dapatan bagi setiap pemboleh ubah yang dikaji. Semua data yang diperolehi hasil penyelidikan ini diproses dan dianalisis secara terperinci dengan menggunakan perisian 'Statistic Package For Social Science' (SPSS For Windows Version 23.0). Analisis sub-program yang digunakan adalah ujian t pada aras signifikan $p > 0.05$, skala pengukuran skor min diukur berdasarkan interpretasi skor min oleh Pallant (2007) iaitu : tahap rendah = min (1.00-2.33), tahap sederhana = min (2.34-3.67) dan tahap tinggi = min (3.68-5.00).

5.0 DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Analisa faktor penghalang penglibatan siswa guru semester 4 Ambilan Jun 2016 dalam aktiviti kokurikulum.

Jadual 1

Dapatan Min dan Sisihan Piawai Faktor Penghalang Penglibatan Siswa Guru Semester 4 Terhadap Kokurikulum Sukan

| Faktor penghalang | Min | Sisihan piawai |
|-------------------|-------|----------------|
| Struktur | 3.169 | 0.998 |
| Intrapersonal | 2.913 | 1.002 |
| Interpersonal | 2.859 | 0.994 |
| Nilai keseluruhan | 2.980 | 0.917 |

Jadual 1, menunjukkan hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa nilai min faktor penghalang berada pada tahap sederhana (Min = 2.34-3.67) dengan menunjukkan nilai min sebanyak 2.98 (SD = 0.917). Melalui dapatan tersebut, faktor penghalang struktur menunjukkan nilai min yang tertinggi iaitu sebanyak 3.169 (SD=0.998). Seterusnya faktor penghalang intrapersonal dengan nilai min 2.913 (SD=1.002). Manakala faktor penghalang interpersonal pula menunjukkan nilai min sebanyak 2.859 (SD=0.994).

Analisa perbezaan faktor penghalang penglibatan siswa guru semester 4 dalam aktiviti kokurikulum antara siswa guru opsyen Pendidikan Jasmani dan siswa guru bukan opsyen Pendidikan Jasmani.

Jadual 2

Perbandingan Skor Min Faktor Penghalang antara Siswa Guru Opsyen Pendidikan Jasmani dan Siswa Guru Bukan Opsyen Pendidikan Jasmani.

| Faktor penghalang | Opsyen PJ | Bil | Min | t | df | p |
|-------------------|-----------|-----|------|--------|-----|------|
| Struktur | PJ | 33 | 3.07 | -0.764 | 106 | 0.45 |
| | Bukan PJ | 75 | 3.22 | | | |
| Interpersonal | PJ | 33 | 2.48 | -3.421 | 106 | 0.01 |
| | Bukan PJ | 75 | 3.14 | | | |
| Intrapersonal | PJ | 33 | 2.66 | -1.527 | 106 | 0.13 |
| | Bukan PJ | 75 | 2.96 | | | |

Bagi menjawab persoalan ini, analisis ujian t tidak bersandar digunakan bagi membandingkan skor min faktor penghalang struktur, interpersonal dan intrapersonal antara siswa guru opsyen Pendidikan

Jasmani dan siswa guru bukan opsyen Pendidikan Jasmani. Bagi membandingkan skor min faktor penghalang struktur antara siswa guru opsyen Pendidikan Jasmani dan siswa guru bukan opsyen Pendidikan Jasmani. Ujian menunjukkan nilai $t(106) = -0.764$, $p = 0.447$ adalah tidak signifikan. Keputusan menunjukkan bahawa terdapat perbezaan skor min faktor penghalang struktur antara siswa guru opsyen Pendidikan Jasmani ($M = 3.07$, $SD = 1.11$), dan siswa guru bukan opsyen Pendidikan Jasmani. ($M = 3.22$, $SD = 0.94$). Bagi membandingkan skor min faktor penghalang interpersonal antara siswa guru opsyen Pendidikan Jasmani dan siswa guru bukan opsyen Pendidikan Jasmani. Ujian menunjukkan nilai $t(106) = -3.421$, $p = 0.01$ adalah signifikan. Keputusan menunjukkan bahawa terdapat perbezaan skor min faktor penghalang interpersonal antara siswa guru opsyen Pendidikan Jasmani ($M = 2.48$, $SD = 1.02$), dan siswa guru bukan opsyen Pendidikan Jasmani. ($M = 3.14$, $SD = 0.98$). Bagi membandingkan skor min faktor penghalang Intrapersonal antara siswa guru opsyen Pendidikan Jasmani dan siswa guru bukan opsyen Pendidikan Jasmani. Ujian menunjukkan nilai $t(106) = -1.527$, $p = 0.130$ adalah tidak signifikan. Keputusan menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan skor min faktor penghalang Intrapersonal antara siswa guru opsyen Pendidikan Jasmani ($M = 2.66$, $SD = 1.09$), dan siswa guru bukan opsyen Pendidikan Jasmani ($M = 2.96$, $SD = 0.93$).

Hasil dapatan menunjukkan bahawa terdapat perbezaan signifikan faktor interpersonal antara siswa guru opsyen Pendidikan Jasmani dan bukan Pendidikan Jasmani. Hal ini bertetapan dengan kajian Ariffin (2004) menyatakan individu memerlukan kawan. Dalam konteks ini penglibatan pelajar dalam aktiviti sukan memenuhi keperluan ini. Penglibatan pelajar dalam aktiviti sukan banyak dipengaruhi rakan.

6.0 KESIMPULAN, CADANGAN DAN IMPLIKASI

Hasil dapatan kajian menunjukkan ketiga-tiga faktor penghalang berada pada tahap sederhana. Faktor struktur merupakan faktor penghalang tertinggi. Bagi perbezaan faktor penghalang penglibatan siswa guru semester 4 dalam aktiviti kokurikulum antara siswa guru opsyen Pendidikan Jasmani dan siswa guru bukan opsyen Pendidikan Jasmani pula, hasil dapatan menunjukkan bahawa terdapat perbezaan signifikan faktor interpersonal antara siswa guru opsyen Pendidikan Jasmani dan bukan Pendidikan Jasmani.

Pengkaji mencadangkan kepada pengkaji akan datang agar membuat analisis secara gabungan iaitu kuantitatif dan kualitatif. Seterusnya, kajian lanjut yang lebih bermakna nanti harus melibatkan sampel yang lebih ramai serta melibatkan pelbagai semester supaya generalisasi yang lebih bermakna dapat dilakukan. Tambahan lagi, pengkaji mencadangkan agar kajian ini dapat menerbitkan lebih banyak kajian dalam bidang kegiatan kokurikulum di IPG bagi mendidik dan mendedahkan masyarakat tentang kepentingan aktiviti kokurikulum dalam usaha membina generasi Malaysia yang cemerlang.

Kajian ini diharap mampu bertindak sebagai mekanisma untuk membantu pihak Institut Pendidikan Guru Malaysia khususnya Unit Kokurikulum dalam usaha untuk merancang program kokurikulum dengan lebih efisien. Hasil kajian ini juga diharap dapat membantu pihak IPGKIK dalam meningkatkan kualiti prasarana yang masih berada pada tahap yang kurang memuaskan. Selain itu, hasil kajian ini juga diharap dapat membantu para pensyarah untuk merancang dan melaksanakan kegiatan kokurikulum yang lebih kreatif dan proaktif.

RUJUKAN

Crawford, D. & Godbey, G. 1987. Conceptualizing barriers to family recreation. *Leisure Sciences* 9, 119-127.

Jamalullail Abdul Wahab, & Azhar A. Kadir. (2008). *Faktor-faktor Keberkesanan Pelaksanaan Pengurusan Kokurikulum Daripada Persepsi Guru Penolong Kanan Kokurikulum Sekolah-sekolah Menengah Daerah Hulu Langat, Selangor*. Pengurusan Dan Kepimpinan Pendidikan, 18(1), 21-36

Krejcie, R.V. & Morgan, D.W. (1970). Determining Sample Size for Research. *Educational and Psychological Measurement*, 9-15.

Kementerian Pendidikan Malaysia. (1991). Surat pekeliling iktisas 1988-1990. Kuala Lumpur: Bahagian Sekolah, Kementerian Pendidikan Malaysia.

Kementerian Pendidikan Malaysia. (2013). *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025: Pendidikan prasekolah hingga lepas menengah*.

Mat Aris Abdul Hadi (1994) *Tanggapan pelajar dan guru terhadap kegiatan sukan di Sekolah Menengah Vokasional* (Lembah Kelang). Tesis yang tidak diterbitkan :Universiti Teknologi Malaysia.

Mohd Ariffin.(2004). *Mengenalpasti masalah-masalah dalam pelaksanaan aktiviti kokurikulum di tiga buah sekolah di Daerah Gombak* Tesis yang tidak diterbitkan :Universiti Kebangsaan Malaysia.

Mohd Sofian Omar Fauzee, Aminuddin Yusof, Borhan Yusof. (2002). *Kokurikulum, peranan dan implikasi*. Kuala Lumpur: Sanon Printing.

Teo, Kian Joo, Abdul Mutalip Abd Ghani, Mohd Sohami, Salmawati, Hasnah & Mohd Dahlan (2014). *Faktor-faktor yang menghalang penglibatan pelajar Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas dalam kegiatan sukan di waktu senggan*. *Jurnal Pendidikan*, 31, 120-132

GAYA KEPIMPINAN KEJURULATIHAN DI SEKOLAH SUKAN BUKIT JALIL

MUHAMMAD NAZIRUL MUBIN BIN HAMIZA
Jabatan Sains Sukan

Pensyarah Pembimbing
EN. ZULKARNAIN BIN ALI

ABSTRAK

Kajian ini dijalankan untuk mengkaji gaya kepimpinan jurulatih atlet individu dan berpasukan. Reka bentuk kajian adalah tinjauan melalui pendekatan kuantitatif. Kajian ini menggunakan sampel seramai atlet individu 15 orang dan berpasukan 17 orang. Dapatan dianalisis menggunakan analisis deskriptif. Terdapat 5 jenis gaya kepemimpinan iaitu maklum balas positif, arahan dan latihan, sokongan sosial, demokratik dan autokratik. Hasil kajian mendapati atlet individu lebih menggemari gaya kepimpinan arahan latihan manakala atlet berpasukan lebih menggemari gaya kepimpinan maklum balas positif. Keputusan kajian membuktikan bahawa jurulatih harus memimpin pasukannya dengan menggunakan gaya kepimpinan yang bersesuaian mengikut kepuasan atlet.

Kata Kunci: Kepimpinan, autokratik, maklum balas positif

ABSTRACT

This research was conducted to study which leadership style is considered by individual and team athletes in Bukit Jalil Sports School. The research was done using quantitative research that was using survey form. This research consist of 15 pupils individual athletes and 17 pupils team athletes. The findings were analyzed using descriptive analysis. There are 5 types of leadership style known as positive feedback, instruction and training, democratic and autocratic. Based on the survey that had been done, it shows that individual athletes prefer the instruction and training approach while the team athletes prefer the positive feedback approach. This also shows that each coach needs to use the leadership style that the athletes prefer.

Keywords: Leadership, autocratic, positive feedback

Emel: mubinhamiza96@gmail.com

1.0 PENGENALAN

Kepimpinan jurulatih selalu disebut sebagai salah satu faktor yang penting dalam sukan. Kepimpinan jurulatih dalam melatih dan mewujudkan persepsi yang baik memberi kesan yang sangat besar terhadap pencapaian atlet. Trail (2014) mendefinisikan kepimpinan jurulatih merupakan kunci utama kejayaan sesuatu pasukan mahupun individu dalam pertandingan. Oleh itu, jurulatih perlu mengenalpasti gaya kepimpinan yang bersesuaian untuk pasukan mahupun individu mereka demi mencapai objektif dan misi organisasi. Model konseptual dalam bentuk Skala Kepimpinan Untuk Sukan Chelladurai dan Saleh (1980) dengan mengukur lima dimensi gaya kepimpinan iaitu gaya autokratik, gaya demokratik, arahan dan latihan, maklumbalas positif, dan sokongan sosial.

2.0 PERNYATAAN MASALAH

Kajian ini dihasilkan bertujuan adalah untuk melihat sejauh mana gaya kepimpinan jurulatih menyumbang kepada kejayaan pasukan dan individu. Hal ini berikutan sesetengah jurulatih membawa pasukan mereka dengan gaya yang mereka rasakan yang terbaik (Reimer & Chelladurai, 2002). Tambahan lagi, kebanyakan kajian kurang menggunakan jurulatih tempatan dan pasukan tempatan Malaysia. Oleh yang demikian kajian ini dihasilkan bertujuan untuk mengenal pasti gaya kepimpinan kejurulatihan atlet berpasukan dan individu di Sekolah Sukan Bukit Jalil yang menceburi sukan olahraga dan bola sepak.

3.0 OBJEKTIF DAN SOALAN KAJIAN

3.1 OBJEKTIF KAJIAN

1. Mengenal pasti jenis gaya kepimpinan jurulatih yang diamalkan menurut persepsi atlet.
2. Mengenal pasti jenis gaya kepimpinan jurulatih yang diamalkan berdasarkan sukan berpasukan dan individu.

3.2 SOALAN KAJIAN

1. Apakah jenis gaya kepimpinan yang diamalkan oleh jurulatih menurut persepsi atlet?
2. Apakah jenis gaya kepimpinan yang diamalkan oleh jurulatih berdasarkan berpasukan dan individu?

4.0 METODOLOGI KAJIAN

Pendekatan kuantitatif deskriptif telah digunakan melalui kaedah tinjauan menggunakan instrumen soal selidik bagi mengumpul maklumat dan data.

4.1 SAMPEL KAJIAN

Sampel kajian terdiri daripada 15 orang atlet olahraga dan 17 orang atlet bola sepak.

4.2 INSTRUMEN KAJIAN

Kajian ini telah menggunakan instrumen soal selidik dibentuk berdasarkan Model Kepimpinan Konseptual oleh Chelladurai's (1978, 1990). Soal selidik ini mempunyai dua bahagian yang merangkumi demografi dan soal selidik Skala Kepimpinan untuk Sukan (SKS) yang dibangunkan oleh Chelladurai dan Saleh (1980).

4.3 ANALISIS DATA

Kaedah analisis statistik deskriptif telah dijalankan menggunakan data-data yang diperolehi. Analisis kemudiannya dijalankan menggunakan min. Skor min diinterpretasi berdasarkan Nunnally dan Bernstein (1994).

5.0 DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Jadual 1 menunjukkan min bagi persepsi atlet terhadap gaya kepimpinan jurulatih

| Gaya Kepimpinan | Bilangan | Min |
|----------------------|----------|--------|
| Autokratik | 32 | 2.4250 |
| Demokratik | 32 | 4.0868 |
| Arahan Latihan | 32 | 4.8389 |
| Sokongan Sosial | 32 | 4.4531 |
| Maklum Balas Positif | 32 | 4.8625 |

Nilai min tertinggi dicapai oleh maklum balas positif dengan bacaan min 4.86. Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa maklum balas positif merupakan gaya yang digemari oleh atlet Sekolah Sukan Bukit Jalil. Dapatan ini disokong oleh kajian yang dijalankan oleh Shahrudin (2004) yang juga mendapat dapatan yang sama.

Jadual 2 menunjukkan gaya kepimpinan jurulatih berdasarkan sukan berpasukan dan individu

| Sukan | Gaya Kepimpinan | Bilangan | Min |
|------------|----------------------|----------|--------|
| Berpasukan | Autokratik | 17 | 2.5647 |
| | Demokratik | 17 | 3.9412 |
| | Arahan LAatihan | 17 | 4.7964 |
| | Sokongan Sosial | 17 | 4.3676 |
| | Maklum Balas Positif | 17 | 4.8471 |
| Individu | Autokratik | 15 | 2.2667 |
| | Demokratik | 15 | 4.2519 |
| | Arahan LAatihan | 15 | 4.8872 |
| | Sokongan Sosial | 15 | 4.5500 |
| | Maklum Balas Positif | 15 | 4.8800 |

Berdasarkan Jadual 2, sukan berpasukan dan individu mengenai kepimpinan jurulatih mendapati bahawa sukan berpasukan mendominasi gaya maklum balas positif dengan bacaan min 4.84 manakala sukan individu pula mendominasi gaya arahan dan latihan dengan bacaan min 4.88. Dapatan ini ditolak oleh kajian yang dijalankan oleh Nelfianty Mohd Rasyid & Shahrudin Abd Aziz (2012) yang mengatakan atlet yang menceburi sukan individu dan berpasukan tidak menunjukkan sebarang perbezaan yang signifikan terhadap gaya kepimpinan jurulatih yang mereka gemari.

6.0 KESIMPULAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN

Hasil kajian mendapati maklum balas positif merupakan gaya kepimpinan jurulatih yang digemari oleh atlet olahraga dan bola sepak di Sekolah Sukan Bukit Jalil. Hal ini kerana, atlet lebih meminati jurulatih yang memberitahu atlet apabila melakukan sesuatu kerja dengan baik. Selain itu, terdapat perbezaan bagi sukan individu dan sukan berpasukan dimana atlet olahraga lebih menggemari gaya arahan latihan manakala bagi atlet bola sepak lebih menggemari gaya maklum balas positif. Sukan individu memerlukan jurulatih yang sering memberikan latihan yang sistematik dan arahan yang spesifik manakala sukan berpasukan atlet lebih menggemari jurulatih memastikan setiap atlet mendapat pengiktirafan untuk persembahan yang baik.

Pengkaji mencadangkan agar kajian menggunakan dua jenis soal selidik SKS iaitu soal selidik (GEQ) dan soal selidik (ASQ) untuk melihat pencapaian serta kepuasan atlet bagi melihat gaya kepimpinan manakah yang seharusnya diaplikasi oleh para jurulatih. Secara tidak langsung penyelidikan tersebut akan menjadi lebih komprehensif bagi tujuan rujukan di masa akan datang. Kaedah campuran kualitatif dan kuantitatif di antara soal selidik dan temu bual juga akan menghasilkan dapatan kajian pada dimensi yang baru dan lebih jelas. Oleh yang demikian bagi kajian yang akan datang penyelidik seterusnya cuba menggunakan sampel yang lebih besar. Sampel yang lebih besar dapat memperlihatkan gaya kepimpinan, hubungan atlet dan jurulatih dengan lebih mendalam serta memahami kesan-kesan yang terhasil daripadanya.

Kajian ini diharap mampu memberi pendedahkan kepada Kementerian Belia dan Sukan tentang pentingnya menyediakan jurulatih yang mampu menarik minat atlet untuk meningkatkan prestasi dengan gaya yang digunakan. Kajian ini juga diharap dapat memberi panduan kepada jurulatih untuk meningkatkan prestasi atlet sekaligus dapat menjamin penglibatan berterusan atlet terhadap sukan yang diceburi. merancang sesi latihan dengan lebih berkesan dan menarik. Selepas itu, kajian ini membantu guru melatih atlet di sekolah dengan gaya yang dapat membantu meningkatkan prestasi serta menarik minat atlet untuk bersukan. Selain itu, dapatan daripada hasil kajian ini diharap mampu membantu atlet bagi mengenal pasti motif dan matlamat berdasarkan gaya kepimpinan jurulatih.

RUJUKAN

- Chelladurai, P., & Saleh, S. D. (1980). Dimensions of leader behavior in sports: Development of a leadership scale. *Journal of Sport Psychology*, 2, 34-45.
- Chelladurai, P., & Riemer. (2002). Measurement of leadership in sport. Dalam J. L. Duda (Ed.), *Advances in sport and exercise psychology measurement* (pp. 227-253). Morgantown, WV: Fitness Information Technology
- Chelladurai, P., & Saleh, P. (1978). Preferred leadership in sports. *Canadian Journal of Applied Sport Sciences*, 3, 85-92
- Nelfianty Mohd Rasyid, Shaharudin Abd Aziz (2012). Motif penglibatan, orientasi matlamat dan gaya kepimpinan jurulatih dari perspektif atlet Sekolah Sukan Malaysia. Tesis PhD yang tidak diterbitkan. Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Nunnally, J., & Bernstein, J. (1994). *Psychometric theory* (Edisi ke-3 ed.). New York: McGraw Hill.
- Shaharudin Abd Aziz, 2004. Perkaitan antara matlamat dan stail kepimpinan dengan pencapaian atlet Sukma Negeri Perak Di Kejohanan Sukma 2004. EWacana Penyelidikan UPSI13
- Trall, G. T. (2014). Leadership, cohesion, and outcomes in scholastic sports. *International of Sport management*, 5(2), 111-132.

TAHAP EFIKASI KENDIRI GURU PENDIDIKAN JASMANI SEKOLAH RENDAH DI DAERAH HULU LANGAT, SELANGOR

MUHAMMAD SYAHMI BIN AYUB
Jabatan Sains Sukan

Pensyarah Pembimbing
EN. JALALUDDIN BIN ABD. LATIF

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk meninjau efikasi sendiri guru Pendidikan Jasmani terhadap pelaksanaan pengajaran mata pelajaran Pendidikan Jasmani di sekolah rendah sekitar daerah Hulu Langat, Selangor. Kajian berbentuk tinjauan ini menggunakan set soal selidik bagi mengumpulkan data. Statistik deskriptif seperti frekuensi, peratusan dan min telah digunakan untuk menjelaskan demografi responden dan menjawab persoalan kajian. Sementara ujian t digunakan untuk melihat perbezaan efikasi sendiri dari segi jantina iaitu lelaki dan perempuan, guru pakar dan guru novis, pengalaman mengajar dan guru opsyen dengan bukan opsyen pendidikan jasmani. Seramai 55 responden yang terdiri daripada populasi 60 orang guru yang mengajar Pendidikan Jasmani di sekolah rendah sekitar daerah Hulu Langat telah menjawab soal selidik yang telah diagihkan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap efikasi sendiri guru yang mengajar Pendidikan Jasmani adalah tinggi bagi ketiga-tiga konstruk iaitu penglibatan pelajar, strategi instruksional dan pengurusan kelas. Tahap efikasi sendiri guru berdasarkan lelaki dan perempuan menunjukkan tiada perbezaan signifikan, Tahap efikasi sendiri guru berdasarkan guru novis dan guru pakar menunjukkan perbezaan signifikan dan Tahap efikasi sendiri guru berdasarkan opsyen dan bukan opsyen Pendidikan jasmani menunjukkan tiada perbezaan signifikan.

Kata Kunci: Pendidikan Jasmani, efikasi sendiri, jantina, pengalaman mengajar, pengkhususan, penglibatan pelajar, strategi instruksional, pengurusan kelas.

ABSTRACT

This research aims to survey the self-efficacy of Physical Education teachers in terms of carrying out Physical Education lesson in primary schools around Hulu Langat area. The Physical Education teacher's self-efficacy was surveyed on the aspects of instructional strategy, pupil's participation and classroom management. The descriptive statistic such as the frequency, percentage and mean were used to describe the 55 respondent's profile and to answer the research questions. The t-test was used to survey the difference in the self-efficacy of teachers between male and female teachers, expert and novice teachers, and the optionist and non-optionist Physical Education teachers. This research involves 55 respondents out of the population of 60 teachers who are teaching Physical Education in primary schools in Hulu Langat area. The findings from the research show that self-efficacy for Physical Education teachers was high for the 3 constructs which are the classroom management, instructional strategy and pupil's participation. The level of self-efficacy for male and female teachers has shown no significant differences, while the level of self-efficacy for expert teachers and novice teachers has shown significant differences. On the other hand, the level of self-efficacy for optionist and non-optionist Physical Education teachers has shown no significant differences.

Keywords: Physical education, self-efficacy, gender, experience of teaching, specialization, pupil's participation, instructional strategy, classroom management.

Emel: syahmiayub@gmail.com

1.0 PENGENALAN

Laporan awal Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2012) melaporkan Malaysia berhadapan dengan cabaran untuk menyediakan sistem pendidikan berkualiti. Efikasi sendiri guru adalah antara aspek penting diri guru yang sering dikaitkan dengan sumbangan mereka dalam meningkatkan keberkesanan sekolah. Menurut Bandura (1994), efikasi

kendiri merupakan kepercayaan individu terhadap kemampuan mempengaruhi orang lain bagi meningkatkan tahap pencapaian yang disasarkan.

2.0 PERNYATAAN MASALAH

Laporan Jemaah Nazir (2007) membangkitkan laporan bahawa guru bukan opsyen PJ tidak menekankan kawalan disiplin terhadap murid semasa sesi pembelajaran mata pelajaran Pendidikan Jasmani (PJ). Jemaah Nazir juga melaporkan bahawa ketidakupayaan guru PJ untuk melibatkan murid dalam mengikuti pembelajaran. Berdasarkan kajian-kajian terdahulu membuktikan masih terdapat persoalan-persoalan yang masih terdapat kekeliruan antara setiap satu kajian. Tschnannen Moran dan Woolfolk Hoy (2007) mendapati faktor jantina dan latihan guru tidak mempunyai perkaitan dengan efikasi sendiri guru. Namun dalam kajian Hoy dan Woolfolk (1993) mendapati pengalaman mengajar tidak memberi pengaruh secara statistik terhadap efikasi guru. Oleh itu, Kajian terhadap tahap efikasi sendiri guru PJ penting bagi membolehkan perancangan yang lebih teliti bagi Kawasan daerah Hulu Langat, Selangor.

3.0 OBJEKTIF DAN SOALAN KAJIAN

3.1 OBJEKTIF KAJIAN

1. Mengenal pasti tahap efikasi sendiri guru Pendidikan Jasmani.
2. Mengenal pasti perbezaan signifikan tahap efikasi sendiri guru Pendidikan Jasmani lelaki dengan perempuan.
3. Mengenal pasti perbezaan tahap efikasi sendiri antara guru Pendidikan Jasmani di antara guru novis dengan guru pakar.
4. Mengenal pasti perbezaan tahap efikasi sendiri guru Pendidikan Jasmani berdasarkan opsyen dengan bukan opsyen.

3.2 PERSOALAN KAJIAN

1. Adakah tahap efikasi sendiri guru Pendidikan jasmani berdasarkan jantina, pengalaman guru dan pengkhususan?
2. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan tahap efikasi sendiri antara guru Pendidikan Jasmani lelaki dan perempuan?
3. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan tahap efikasi sendiri antara guru Pendidikan Jasmani di antara guru novis dan guru pakar?
4. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan tahap efikasi sendiri guru Pendidikan Jasmani berdasarkan opsyen dengan bukan opsyen?

4.0 METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif yang berbentuk deskriptif dan inferensi secara tinjauan yang menggunakan borang soal selidik untuk mengumpulkan maklumat dan data.

4.1 SAMPEL KAJIAN

Fokus kajian tertumpu kepada 55 orang guru yang mengajar subjek Pendidikan Jasmani (PJ). Pemilihan saiz sampel adalah berpandukan jadual penentuan saiz sampel oleh Krejcie dan Morgan (1970). Sampel terdiri daripada pelbagai kaum iaitu Melayu, Cina, India dan lain-lain.

4.2 INSTRUMEN KAJIAN

Instrumen kajian yang digunakan adalah set borang soal selidik yang mempunyai 3 bahagian utama. Item soalan berkaitan motivasi dibentuk berdasarkan *Teacher Sense of Efficacy Scale (TSES)* yang dibangunkan oleh Tschnannen-Moran dan Hoy (2001) yang telah diubah suai oleh Abdul Rahim (2016). Soal selidik ini telah diterjemahkan dari Bahasa Inggeris kepada Bahasa Malaysia dan diubahsuai bagi penyesuaian dengan situasi dan budaya tempatan. Soal selidik ini dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu demografi, faktor persekitaran dan soalan efikasi sendiri guru.


4.3 ANALISIS DATA

Semua data yang diperoleh telah dianalisis menggunakan statistik deskriptif dan inferensi. statistik ini merangkumi analisis kekerapan, peratusan, min, sisihan piawai dan ujian-t bagi menjelaskan semua dapatan bagi setiap pemboleh ubah yang dikaji. Data-data yang diperoleh dianalisis menggunakan

program perisian SPSS versi 23.0. Analisis Sub-program yang digunakan adalah ujian-t pada aras signifikan $p < 0.05$.

5.0 DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Analisis Tahap Efikasi sendiri Berdasarkan Jantina, pengalaman mengajar dan pengkhususan



Rajah 1. Skor min tahap efikasi sendiri guru mengikut jantina, pengalaman mengajar dan pengkhususan.

Bagi tahap efikasi sendiri guru PJ berdasarkan jantina adalah skor min secara keseluruhan bagi penilaian tahap efikasi sendiri guru adalah sama bagi guru lelaki dan guru perempuan. Hal ini bertepatan dengan dapatan kajian lalu, menurut Ali, Hassan dan Jani (2014) yang menyatakan efikasi sendiri adalah tidak dipengaruhi oleh jantina dan juga pengalaman mengajar.

Seterusnya, tahap efikasi sendiri berdasarkan pengalaman guru mengajar PJ pula, skor min guru pakar adalah lebih tinggi berbanding guru novis. Hal ini telah bertentangan dengan kajian lalu iaitu Ali, Hassan dan Jani (2014) yang menyatakan bahawa efikasi sendiri tidak dipengaruhi oleh pengalaman guru.

Kemudian tahap efikasi sendiri guru berdasarkan pengkhususan subjek PJ pula skor min bagi guru bukan opsyen PJ adalah lebih tinggi daripada guru opsyen PJ. Hal ini telah bertentangan dengan kajian lalu iaitu menurut Hand (2014), pelajar yang merupakan guru PJ menunjukkan purata efikasi mengajar tertinggi berbanding bukan guru PJ. Selain itu, menurut Stojanović dan Zdravković (2012) guru merasakan mereka lebih mempunyai efikasi sendiri yang cekap berbanding bukan guru PJ.

Analisis yang kedua perbezaan tahap efikasi sendiri antara guru PJ lelaki dan perempuan.

Jadual 1

Statistik Deskriptif Efikasi Kendiri Guru Pendidikan Jasmani Bagi Jantina

| Pemboleh ubah | Jantina | Bil | Min | SD | t | df | p |
|-----------------|-----------|-----|------|------|-------|----|------|
| Efikasi Kendiri | Lelaki | 28 | 4.36 | 0.62 | 0.034 | 53 | .973 |
| | Perempuan | 27 | 4.35 | 0.47 | | | |

Berdasarkan jadual 1, analisis ujian t sampel tidak bersandar digunakan bagi membandingkan skor min efikasi sendiri di antara guru PJ lelaki dan guru perempuan. Ujian menunjukkan nilai $t(53) = 0.034$, $p = .973$ adalah tidak signifikan. Keputusan ujian menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan skor efikasi sendiri di antara guru PJ lelaki ($M = 4.36$, $SD = 0.62$), dengan guru PJ perempuan ($M = 4.35$, $SD = 0.47$). Tahap efikasi sendiri guru PJ di antara guru lelaki dan perempuan tidak terdapat hubungan yang signifikan. Hal ini telah bertepatan dengan kajian lalu iaitu menurut Eroglu dan Unlu (2015) tiada hubungan yang signifikan berdasarkan jantina terhadap efikasi sendiri guru PJ. Oleh itu pengkaji mendapati tiada hubungan yang signifikan terhadap guru PJ lelaki dan perempuan.

Analisis ketiga kajian iaitu perbezaan tahap efikasi sendiri antara guru Pendidikan Jasmani guru novis dan guru berpengalaman.

Jadual 2

Statistik Deskriptif Efikasi Kendiri Guru Pendidikan Jasmani bagi Pengalaman Guru

| Pemboleh | Pengalaman | Bil | Min | SD | t | df | p |
|----------|------------|-----|-----|----|---|----|---|
|----------|------------|-----|-----|----|---|----|---|

| | | | | | | | |
|-----------------|--------------------------------|----|------|------|--------|----|------|
| Efikasi Kendiri | 1 hingga 3 tahun (Novis) | 19 | 4.08 | 0.44 | -2.949 | 53 | .005 |
| | 3 tahun keatas (Berpengalaman) | 36 | 4.50 | 0.54 | | | |

Berdasarkan jadual 2, analisis ujian t sampel tidak bersandar digunakan bagi membandingkan skor min efikasi sendiri di antara guru PJ novis dan berpengalaman. Ujian menunjukkan nilai $t(53) = -2.949$, $p = 0.005$ adalah berbeza secara signifikan. Keputusan ujian menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang PJ yang berpengalaman ($M = 4.50$, $SD = 0.54$). Tahap efikasi sendiri guru PJ di antara guru novis dan guru pakar terdapat hubungan yang signifikan. Hal ini bertepatan dengan dapatan kajian lalu iaitu menurut Ali, Hassan dan Jani (2014) terdapat perbezaan efikasi sendiri antara guru pakar dan guru-guru baru apabila pembelajaran Pendidikan Jasmani dijalankan.

Analisis persoalan ketiga kajian iaitu perbezaan tahap efikasi sendiri antara guru Pendidikan Jasmani opsyen dan bukan opsyen.

Jadual 3

Statistik Deskriptif Efikasi Kendiri Guru Pendidikan Jasmani bagi Pengkhususan

| Pemboleh ubah | Jantina | Bil | Min | SD | t | df | p |
|-----------------|--------------|-----|------|------|-------|-------|------|
| Efikasi Kendiri | Opsyen | 14 | 4.26 | 0.26 | -1.09 | 50.66 | .281 |
| | Bukan Opsyen | 41 | 4.39 | 0.61 | | | |

Berdasarkan jadual 3, analisis ujian t sampel tidak bersandar digunakan bagi membandingkan skor min efikasi sendiri di antara guru PJ opsyen dan bukan opsyen. Ujian menunjukkan nilai $t(50.66) = -1.09$, $p = .281$ adalah tidak signifikan. Keputusan ujian menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan skor efikasi sendiri di antara guru opsyen PJ ($M = 4.26$, $SD = 0.26$), dengan guru bukan opsyen PJ ($M = 4.39$, $SD = 0.61$). Tahap efikasi sendiri guru PJ di antara guru opsyen PJ dan bukan opsyen PJ menjelaskan tidak terdapat perbezaan yang signifikan. Hal ini bertentangan dengan dapatan kajian lalu iaitu menurut Stojanović dan Zdravković (2012) para guru PJ telah mengenalpasti taraf kecekapan dalam aktiviti tertentu yang mempunyai perkaitan yang rapat dengan proses pengajaran itu sendiri. Belajar di fakulti dan pengalaman dalam mengajar telah dikenalpasti sebagai petunjuk yang penting dalam bidang di mana kebanyakan guru PJ merasakan mereka lebih mempunyai efikasi sendiri yang cekap.

6.0 KESIMPULAN, CADANGAN DAN IMPLIKASI

Kajian ini mengkaji tiga pemboleh ubah yang terdapat dalam instrumen efikasi sendiri guru PJ iaitu berdasarkan jantina, pengalaman dan pengkhususan matapelajaran PJ. Terdapat tiga konstruk yang terdapat didalam penilaian efikasi sendiri guru iaitu penglibatan pelajar, strategi instruksional dan pengurusan kelas. Hasil kajian mendapati konstruk pengurusan kelas merupakan yang tertinggi dalam penilaian efikasi sendiri secara keseluruhan. Hal ini menjelaskan bahawa guru-guru PJ di sekitar Hulu Langat sememangnya tidak bermasalah dari segi pengurusan kelas. Guru lelaki dan perempuan tiada perbezaan dalam tahap efikasi sendiri guru mereka. Guru-guru mampu melaksanakan tugas dengan baik tanpa sebarang gangguan yang ketara. Guru pakar sememangnya lebih berpengalaman dalam menguruskan sesi pengajaran PJ yang merangkumi 3 konstruk berkenaan iaitu penglibatan pelajar, strategi instruksional dan pengurusan kelas. Oleh itu guru novis perlu mendapatkan segala nasihat dan bantuan daripada guru pakar supaya tahap efikasi dapat dipertingkatkan. Guru bukan opsyen PJ mempunyai tahap efikasi sendiri yang tinggi. Guru pakar mempunyai kelebihan pengalaman tahun bekerja dalam menentukan kesesuaian strategi dan teknik pengajaran yang berkesan untuk murid-muridnya berbanding dengan guru novis.

Pengkaji mencadangkan kepada pengkaji akan datang agar membuat analisis secara kualitatif. Dapatan tersebut akan dapat menyokong analisis kuantitatif dan membantu individu lain memahami dengan lebih jelas tentang isu yang diutarakan. Sehubungan itu, kajian-kajian masa hadapan seharusnya melibatkan guru-guru daripada pelbagai demografi seperti faktor bandar dan luar bandar, latar belakang guru dan faktor persekitaran guru adalah antara pemboleh ubah yang relevan dan penting untuk dikaji.

Kajian ini diharap mampu bertindak sebagai mekanisma untuk meningkatkan tahap efikasi sendiri guru Pendidikan jasmani di sekolah. Maklumat kajian ini juga dapat memberi gambaran kepada pihak KPM untuk membuat penambahbaikan dalam merancang semula kursus perguruan kepada bakal guru Pendidikan Jasmani kelak. Hal ini membolehkan segala perancangan dalam memberikan input-input yang berguna kepada bakal-bakal guru dapat dilaksanakan apabila di sekolah.

RUJUKAN

- Abdul Rahim. (2016). *Konstruk Instrumen Penilaian Efikasi Kendiri Guru Pendidikan Jasmani*. Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Ali, S.K.S., Hassan, M.Z.C., & Jani, J. (2014). Efikasi sendiri guru pendidikan jasmani terhadap pelaksanaan pengajaran mata pelajaran pendidikan jasmani. *Jurnal Kurikulum dan Pengajaran Asia Pasifik*, 30-35.
- Bandura, A. (1994). *Self-efficacy*. John Wiley & Sons, The Mc Graw-Hill companies.
- Eroglu, C., & Unlu, H. (2015). Self-efficacy: Its effects on physical education teacher candidates' attitudes toward the teaching profession. *Educational Sciences: Theory & Practice*.
- Hand, K.E. (2014). Building confident teachers: Preservice physical education teachers' efficacy beliefs. *Journal of Case Studies in Education Volume*.
- Hoy, W.K., & Woolfolk, A.E. (1993). Teacher's sense of efficacy and the organizational health of schools. *Elementary School Journal*, 140-143.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (2012). *Pelan pembangunan pendidikan Malaysia 2013-2025*. Putrajaya.
- Krejcie, R. V. & Morgan, D. W (1970). Determining sample size for research activities. *Educational Psychological Measurement*.
- Laporan Jemaah Nazir Sekolah. (2007). *Laporan Pemeriksaan Penuh, Sekolah Menengah Kebangsaan Dato' Syed Nahar Batu 3, Jalan Sanglang, Kedah*. Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Stojanović, S., & Zdravković, D. (2012). The self-assessment of personal competences of physical education teachers. *Physical Education and Sport*, 10(2), 141-149.
- Tschannen-Moran, M., & Hoy, A.W. (2007). The differential antecedents of self-efficacy beliefs of novice and experienced teachers. *Teaching and teacher Education*.

**TAHAP KESEDIAAN SISWA GURU PENDIDIKAN JASMANI (PJ) TERHADAP PENERAPAN
KEMAHIRAN BERFIKIR ARAS TINGGI (KBAT) SEMASA SESI PEMBELAJARAN DAN
PEMUDAHCARAAN (PDPC)**

NUR HIDAYAHTUN SOLEHAH BINTI YAHAYA
Jabatan Sains Sukan

Pensyarah Pembimbing
PN. JAMALIYAH BINTI AHMAD

ABSTRAK

Kajian ini telah dijalankan untuk mengenalpasti tahap kesediaan siswa guru PJ di Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas (IPGKIK) dalam penerapan KBAT dalam PdPc daripada aspek pengetahuan, kemahiran dan sikap. Responden terdiri daripada 43 orang siswa guru PJ yang telah menjalani praktikum bagi dua fasa selama 6 bulan di beberapa buah sekolah rendah sekitar Kuala Lumpur. Kajian ini berbentuk tinjauan deskriptif dengan menggunakan instrumen borang soal selidik. Data telah dianalisis menggunakan statistik deskriptif untuk menganalisis kekerapan, peratus, min dan sisihan piawai. Dapatan kajian menunjukkan kesediaan siswa guru bagi menerapkan KBAT semasa sesi PdPc dalam aspek pengetahuan, kemahiran dan sikap berada pada tahap sederhana. Manakala dapatan daripada Ujian-t sampel tidak bersandar pula menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan terhadap kesediaan siswa guru berdasarkan jantina. Kajian ini diharapkan dapat membantu pihak sekolah, KPM, pihak IPGKIK, dan siswa guru untuk menyediakan pelbagai rancangan bagi menambah pengetahuan dan kemahiran siswa guru PJ.

Kata Kunci: Tahap kesediaan siswa guru PJ, Kemahiran Berfikir Aras Tinggi, Pembelajaran dan Pemudahcaran

ABSTRACT

This study aims to identify the readiness of Physical Education student teachers of Specialist Teacher Training Institute in implementing HOTS in Learning and Facilitation in the aspects of knowledge, skills and attitudes. The respondents are 43 Physical Education student teachers who have undergone practicum for Phase 1 or Phase 2 for 6 months in several primary schools around Kuala Lumpur. This study is a descriptive survey using questionnaire. The data was analyzed using descriptive statistics to define frequency, percentage, mean and standard deviation. The findings show that the overall aspects of knowledge, skills and attitudes of student teachers towards the readiness of applying the HOTS are at moderate level. Meanwhile, the findings from the T-test independent sample indicate that there is no significant difference to the readiness of student teachers based on gender. This study is expected to help the schools, the Ministry of Education, IPGKIK and student teachers to provide a variety of plans to increase the knowledge and skills of student teachers.

Keywords: Level of readiness of student teachers, High Order Thinking Skills, Learning and Facilitation

Emel: sol.soeh@gmail.com

1.0 PENGENALAN

Sistem pendidikan yang mengalami perubahan mengikut era pembangunan negara menuntut generasi pelajar memperkayakan diri dengan pelbagai kemahiran antaranya kemahiran berfikir untuk bersaing dalam era global tanpa sempadan yang sengit dan mencabar (Ummu Salma Mohiddin dan Fariza Khalid, 2014).

Seiring dengan kepentingan KBAT dalam konteks pendidikan negara, subjek PJ tidak terlepas daripada memainkan peranan yang penting dalam melaksanakan kemahiran berfikir dalam proses PdPc bagi subjek ini. Siswa guru PJ yang bakal menjadi guru seharusnya senantiasa menyemaikan kemahiran berfikir bukan sahaja berpusat kepada aktiviti yang dijalankan, malah juga melibatkan daya pemikiran yang tercetus melalui daripada aktiviti yang dijalankan (Dauer dan Pangrazi, 1989).

2.0 PERNYATAAN MASALAH

Rosnani & Suhailah (2003) menyatakan faktor yang mengekang guru untuk menerapkan KBAT dalam proses pengajaran dan pembelajaran ialah ketidaksediaan mereka untuk melaksanakan agenda ini dari aspek pengetahuan, kemahiran dan sikap. Rajendran Nagappan (2001) turut mendapati guru-guru kurang bersedia untuk mengajar KBAT daripada aspek ilmu pengetahuan, kemahiran pedagogi dan sikap.

Banyak kajian berkaitan tahap kesediaan guru dalam menerapkan kemahiran berfikir telah dijalankan terutamanya dalam kalangan guru namun masih tiada kajian berkenaan siswa guru major PJ dijalankan. Justeru, pengkaji melihat tentang keperluan dilaksanakan kajian berkenaan KBAT dalam kalangan siswa guru major PJ kerana ianya bersesuaian dengan kehendak dan situasi dunia pendidikan masa kini.

Dalam kajian ini, pengkaji meninjau kepada aspek-aspek pengetahuan, kemahiran, dan sikap dalam kalangan siswa guru IPGKIK yang menjalani Program Ijazah Sarjana Muda Opsyen PJ Ambilan Jun 2014 dan 2015. Oleh itu, dapatan kajian ini hanya menggambarkan sekumpulan sampel sahaja dan tidak boleh digeneralisasikan kepada opsyen lain atau IPG yang lain.

3.0 OBJEKTIF DAN SOALAN KAJIAN

3.1 OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini meletakkan objektif khusus seperti berikut:

1. Mengenal pasti tahap kesediaan siswa guru opsyen PJ terhadap penerapan KBAT semasa sesi PdPc dalam aspek pengetahuan.
2. Mengenal pasti tahap kesediaan siswa guru opsyen PJ terhadap penerapan KBAT semasa sesi PdPc dalam aspek kemahiran.
3. Mengenal pasti tahap kesediaan siswa guru opsyen PJ terhadap penerapan KBAT semasa sesi PdPc dalam aspek sikap.
4. Mengenal pasti perbezaan tahap kesediaan siswa guru opsyen PJ lelaki dan perempuan terhadap penerapan KBAT semasa sesi PdPc.

3.2 PERSOALAN KAJIAN

Kajian ini dijalankan untuk menghuraikan beberapa persoalan iaitu:

1. Apakah tahap kesediaan siswa guru opsyen PJ terhadap penerapan KBAT semasa sesi PdPc dalam aspek pengetahuan?
2. Apakah tahap kesediaan siswa guru opsyen PJ terhadap penerapan KBAT semasa sesi PdPc dalam aspek kemahiran?
3. Apakah tahap kesediaan siswa guru opsyen PJ terhadap penerapan KBAT semasa sesi PdPc dalam aspek sikap?
4. Adakah terdapat perbezaan tahap kesediaan siswa guru opsyen PJ lelaki dan perempuan terhadap penerapan KBAT semasa sesi PdPc?

4.0 METADOLOGI KAJIAN

4.1 REKABENTUK

Pengkaji telah melaksanakan kajian kuantitatif yang menggunakan kaedah tinjauan. Kajian tinjauan ini telah dijalankan menggunakan instrumen soal selidik kerana Gillham (2000) menyatakan instrumen soal selidik merupakan instrumen yang boleh menjimatkan kos dan masa yang diperuntukkan untuk memperolehi data.

4.2 PERSAMPELAN

Populasi kajian ini terdiri daripada 48 orang siswa guru PJ IPGKIK Ambilan Jun 2014 dan 2015 yang telah menjalani dua fasa praktikum selama 6 bulan di sekolah-sekolah sekitar Kuala Lumpur. Pemilihan sampel adalah secara rawak mudah kerana bilangan sampel hanya tertumpu kepada siswa guru opsyen PJ yang mengikuti Program Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Jasmani (SK) di IPGKIK. Sampel yang terlibat dalam kajian ini ialah 43 orang siswa guru PJ iaitu 27 orang siswa guru lelaki dan 16 orang siswa guru perempuan.

4.3 INSTRUMEN KAJIAN

Soal selidik terdiri daripada 30 item yang diukur dengan menggunakan skala likert 5 mata, terdiri daripada 4 bahagian iaitu Bahagian A, B, C dan D. Item-item yang digunakan di dalam soal selidik ini telah diadaptasikan kajian Wan Ismail et. al (2016). Bahagian A mengandungi 5 item tentang profil demografi responden, manakala Bahagian B pula mengandungi 10 item bagi setiap aspek iaitu, pengetahuan, kemahiran dan sikap siswa guru terhadap penerapan KBAT semasa sesi PdPc.

4.4 KESAHAN DAN KEMAMPUAN

Bagi menentukan kesahan, instrumen ini telah disemak oleh pensyarah penyelia. Melalui kesahan yang dilakukan, sebarang kesalahan penstrukturan ayat, ketepatan bahasa, ejaan dan kejelasan maksud item-item yang tidak difahami akan ditambah baik. Secara keseluruhan indeks kebolehppercayaan yang diperolehi adalah .85 melalui kajian rintis yang dijalankan terhadap 5 siswa guru PJ Ambilan Jun 2014 dan 2015.

4.5 PENGUMPULAN DATA DAN PENGANALISISAN DATA

Data diperolehi melalui kutipan borang soal selidik yang telah diagihkan. Jawapan soal selidik dianalisis menggunakan komputer dengan aplikasi SPSS Windows Versi 22.0. Penganalisisan data adalah berobjektif untuk memperoleh analisis statistik deskriptif dan inferensi supaya dapat ditafsirkan dan menjelaskan kesediaan siswa guru PJ dalam menerapkan KBAT dalam PdPc melalui aspek pengetahuan, kemahiran dan sikap. Hasil kajian dibentangkan dalam bentuk kekerapan, peratusan, min, sisihan piawai dan ujian T bagi mencari perbezaan.

5.0 DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Jadual 1

Tahap Kesediaan Siswa Guru PJ dalam Penerapan KBAT

| Konstruk | Min | Sp | Tahap |
|-------------------|------|------|-----------|
| Aspek Pengetahuan | 3.73 | 0.11 | Tinggi |
| Aspek Kemahiran | 3.61 | 0.20 | Sederhana |
| Aspek Sikap | 3.54 | 0.22 | Sederhana |
| Purata | 3.62 | 0.13 | Sederhana |

Jadual 2

Tahap Kesediaan Pengetahuan Siswa Guru Pj terhadap Penerapan Kbat

| Tahap | Bil (N) | Peratus |
|-----------|---------|---------|
| Tinggi | 33 | 76.7% |
| Sederhana | 10 | 23.3% |
| Rendah | 0 | 0.0% |
| Jumlah | 43 | 100.0% |

Kesediaan siswa guru PJ terhadap penerapan KBAT semasa sesi PdPc dalam aspek pengetahuan berada pada tahap tinggi apabila hasil dapatan menunjukkan skor min yang sebanyak min 3.73 (SP=0.11). Seramai 33 (76.7%) orang siswa guru berada pada tahap kesediaan yang tinggi manakala selebihnya iaitu seramai 10 (23.3%) berada pada tahap sederhana. Dapatan kajian ini disokong oleh kajian Nurul Huda (2013) yang mendapati guru mempunyai tahap kesediaan yang baik dari aspek pengetahuan terhadap pelaksanaan KBAT.

Jadual 3

Tahap Kesediaan Kemahiran Siswa Guru PJ terhadap Penerapan KBAT

| Tahap | Bil (N) | Peratus |
|-----------|---------|---------|
| Tinggi | 18 | 41.9% |
| Sederhana | 25 | 58.1% |
| Rendah | 0 | 0.0% |
| Jumlah | 43 | 100.0% |

Kesediaan siswa guru PJ terhadap penerapan KBAT semasa sesi PdPc bagi aspek kemahiran pula berada pada tahap sederhana dengan min skor sebanyak min 3.73 (SP=0.11). Seramai 25 (58.1%) orang siswa guru berada pada tahap kesediaan yang rendah manakala selebihnya iaitu seramai 18 (41.9%) berada pada tahap sederhana. Dapatan kajian selari dengan hasil dapatan kajian oleh Rahazreen Lateh (2014) berkaitan yang mendapati bahawa kemahiran dan perspektif guru terhadap KBAT masih dalam tahap sederhana.

Jadual 4

Tahap Kesediaan Sikap Siswa Guru PJ terhadap Penerapan KBAT

| Tahap | Bil (N) | Peratus |
|-----------|---------|---------|
| Tinggi | 13 | 30.2% |
| Sederhana | 30 | 69.8% |
| Rendah | 0 | 0.0% |
| Jumlah | 43 | 100.0% |

Bagi aspek sikap, dapatan kajian menunjukkan tahap kesediaan siswa guru PJ berada pada tahap sederhana dengan skor min iaitu min 3.54 (SP=0.22). Seramai 30 (69.7%) orang siswa guru dan selebihnya iaitu 13 (30.2%) siswa guru berada pada tahap kesediaan yang sederhana bagi aspek ini. Dapatan kajian ini disokong oleh dapat kajian Nooraini Abd Rahim & Abdul Halim Abdullah (2017) yang mendapati tahap kesediaan guru-guru dalam aspek sikap masih berada dalam tahap sederhana.

Jadual 5

Analisis Ujian T Tidak Bersandar

| Pemboleh Ubah | Jantina | Bil | Min | Sd | T | Df | P |
|---------------|-----------|-----|------|------|-------|----|------|
| Pengetahuan | Lelaki | 27 | 3.74 | 0.14 | -0.06 | 41 | 0.95 |
| | Perempuan | 16 | 3.75 | 0.11 | | | |
| Kemahiran | Lelaki | 27 | 3.63 | 0.19 | -0.24 | 41 | 0.81 |
| | Perempuan | 16 | 3.64 | 0.23 | | | |
| Sikap | Lelaki | 27 | 3.53 | 0.23 | -1.52 | 41 | 0.14 |
| | Perempuan | 16 | 3.65 | 0.35 | | | |

Ujian menunjukkan nilai $t = -0.06$, $p = .95$ bagi aspek pengetahuan adalah tidak signifikan. Manakala bagi aspek kemahiran ujian menunjukkan nilai $t = -0.24$, $p = .81$ adalah tidak signifikan. Seterusnya, ujian menunjukkan nilai $t = -1.52$, $p = .14$ juga adalah tidak signifikan. Keputusan menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan skor min dalam penerapan kemahiran berfikir aras tinggi yang signifikan terhadap jantina siswa guru. Dapatan kajian ini selari dengan kajian Mohd Fahmi Mohd Yusof (2016) yang mendapati bahawa tiada perbezaan yang signifikan berdasarkan jantina dalam amalan pengajaran tersebut.

6.0 KESIMPULAN, CADANGAN DAN IMPLIKASI

Secara kesimpulannya, hasil kajian menunjukkan bahawa tahap kesediaan siswa guru Pendidikan Jasmani dalam menerapkan KBAT dalam sesi PdPc adalah sederhana. Manakala tiada perbezaan yang signifikan terhadap penerapan KBAT semasa sesi PdPc berdasarkan jantina siswa guru.

Berdasarkan kajian ini, pengkaji melihat beberapa perkara boleh dilihat dalam kajian akan datang. Kajian ini boleh dibuat menggunakan pendekatan kualitatif. Kajian ini juga boleh dilakukan menggunakan kaedah pengumpulan data yang lain seperti pemerhatian untuk mendapatkan maklumat yang lebih tepat dan mengukuhkan lagi dapatan kajian. Selain itu, kajian ini boleh melibatkan jumlah responden yang lebih besar dan dilaksanakan ke atas siswa guru PJ di IPG lain atau guru-guru pelatih di universiti awam dan swasta.

Kajian ini diharapkan dapat menjadi panduan dan rujukan kepada pihak-pihak yang terlibat seperti pihak KPM, IPGKIK, pihak sekolah dan siswa guru dalam memberikan gambaran awal mengenai tahap kesediaan pengetahuan, kemahiran dan sikap siswa guru yang bakal menjadi pendidik kelak.

RUJUKAN

- Gillham, B. (2000). *Case Study Research Methods*. London: Continuum. Chicago.
- Mohd Fahmi Mohd Yusuf (2016). *Kesediaan Guru Sekolah Menengah Mengamalkan Pengajaran Abad ke-21*. Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional: Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- Nooraini Abdul Rahim & Abdul Halim Abdullah (2017). *Kesediaan Guru Matematik Sekolah Menengah Dalam Melaksanakan Proses Pembelajaran dan Pengajaran Abad ke-21*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Nurul Huda Mohd Sukri. (2013). *Tahap Kesediaan Guru Terhadap Pelaksanaan Pembelajaran Berasaskan Kompetensi di Kolej Vokasional*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Rahazreen Lateh (2014). *Pelaksanaan kemahiran KBAT dalam pengajaran Bahasa Melayu sekolah rendah*. Fakulti Pendidikan. Universiti Putra Malaysia.
- Rajendran Nagappan (2001). Pengajaran kemahiran berfikir aras tinggi: *Kesediaan guru mengendalikan proses pengajaran pembelajaran*. Kertas dibentangkan dalam Seminar/Pameran Projek KBKK: Poster Warisan Pendidikan-Wawasan anjuran
- Pusat Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia, pada 1-2 Ogos 2001.
- Rosnani Hashim & Suhailah Hussien (2003). *The teaching of thinking in Malaysia*. 1st Edition. Kuala Lumpur: Research Centre, International Islamic University Malaysia.
- Ummu Salma Mohiddin & Fariza Khalid (2014). "*Tahap Pengetahuan Guru Sekolah Rendah dalam Penggunaan VLE-Frog untuk Pengajaran & Pembelajaran*". The 4th International Conference on Learner Diversity (ICELD 2014), 17-18 September 2014, (2014) 780-788.
- Dauer, V. P. & Pangrazi, R. P. (1989). *Dynamic Physical Education for Elementary School Children*. MacMillan.
- Wan Ahmad Wan Ismail, Wan Ismail Muhammad, Mohd Lubis dan Mohd Hamzah (2016). *Kajian Kesediaan Guru Pendidikan Islam Sekolah Rendah di Selangor terhadap Penerapan KBAT dalam Pengajaran dan Pembelajaran*. Fakulti Pendidikan, UKM.

KOMITMEN SUKAN DALAM KALANGAN PEMAIN RAGBI DI INSTITUT PENDIDIKAN GURU

NUR SUHAILA BINTI ZAINUDIN
Jabatan Sains Sukan

Pensyarah Pembimbing
EN. ZULKARNAIN BIN ALI

ABSTRAK

Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk mengetahui peramal utama bagi komitmen sukan pemain terhadap sukan ragbi menggunakan Model Komitmen Sukan Scanlan 1993. Kaedah kuantitatif telah diaplikasikan dalam menentukan faktor utama komitmen sukan. Kajian ini dijalankan dengan menggunakan instrumen soal selidik Komitmen Sukan Scanlan 1993 terhadap 80 orang pemain ragbi daripada 10 kampus Institut Pendidikan Guru. Kaedah statistik deskriptif dan inferensi diaplikasikan untuk menganalisis data untuk mendapatkan peratusan, min, ujian t dan korelasi. Dapatan kajian menunjukkan faktor peluang penglibatan merupakan faktor utama yang mempengaruhi komitmen sukan bagi pemain ragbi IPG. Kajian juga mendapati bahawa tidak terdapat perbezaan terhadap komitmen sukan di antara pemain ragbi lelaki dan perempuan. Manakala ujian korelasi mendapati kesemua faktor mempunyai hubungan korelasi yang signifikan terhadap komitmen sukan. Penemuan bagi kajian ini menunjukkan bahawa faktor utama yang dikaitkan dengan komitmen sukan pemain universiti adalah berbeza berbanding kajian terdahulu terhadap pemain remaja.

Kata Kunci: Komitmen sukan, pemain ragbi, Institut Pendidikan Guru

ABSTRACT

The purpose of this study was to find out the key predictors for rugby players' sports commitment using the Scanlan Sports Commitment Model. Quantitative methods had been applied in determining the main factor in sports commitment. This study was conducted using the Scanlan Sports Commitment questionnaire on 80 rugby players from 10 campuses of the Teacher Training Institute (IPG). Descriptive and inference statistical method was applied to analyze the to get the percentage, mean, t-test and correlation. The findings of the study showed that the opportunities of involvement was the main factor that influences the sports commitment of IPG rugby players. The study also found that there was no differences in sports commitment between male players and female players. On the other hand, the correlation test revealed that all factors had a significant correlation relationship to sports commitment. The findings of this study suggested that the main factor associated with the commitment of players are different from previous studies involving teenage players.

Keywords: Sports commitment, rugby players, Teacher Training Institute

Emel: ilaezain24@gmail.com

1.0 PENGENALAN

Penglibatan pemain dalam sukan yang diceburi semestinya berakar dari motivasi sama ada motivasi intrinsik mahupun ekstrinsik. Motivasi sangat berkait rapat dalam menentukan komitmen sukan pemain terhadap sukan yang diceburi. Scanlan et al., (2009) mendefinisikan komitmen sukan sebagai keinginan dan kesungguhan bagi meneruskan penyertaan dalam sukan. Terdapat beberapa faktor yang mendorong kepada penglibatan awal pemain di dalam sukan sebagaimana komitmen berterusan seseorang individu tersebut terhadap sukan yang diceburinya. Model Komitmen Sukan pada awalnya telah disahkan ke atas pemain remaja (Scanlan et al., 1993) namun hanya sedikit sahaja kajian yang telah dijalankan untuk mengenal pasti komitmen sukan dalam kalangan pelajar kolej atau universiti serta pemain yang lebih dewasa.

2.0 PERNYATAAN MASALAH

Kajian ini dihasilkan bertujuan mengenal pasti faktor terhadap kehadiran pemain semasa sesi latihan yang kurang memuaskan. Hal ini berikutan sesetengah pemain ragbi mempunyai komitmen lain yang

mengganggu komitmen terhadap kehadiran semasa latihan (Hall, 2003). Tambahan lagi, kebanyakan kajian komitmen sukan telah mengkaji pemain belia. Oleh yang demikian kajian ini dihasilkan bertujuan mengkaji komitmen sukan dalam kalangan siswa guru Institut Pendidikan Guru (IPG) yang menceburi sukan ragbi.

3.0 OBJEKTIF DAN SOALAN KAJIAN

3.1 OBJEKTIF KAJIAN

1. Mengenal pasti faktor utama yang mempengaruhi komitmen sukan pemain ragbi IPG berdasarkan Model Komitmen Sukan Scanlan 1993.
2. Mengenal pasti faktor yang mempengaruhi komitmen sukan bagi pemain ragbi lelaki dengan pemain ragbi perempuan.
3. Mengenal pasti hubungan di antara faktor-faktor yang terdapat dalam Model Komitmen Sukan Scanlan 1993 ke atas pemain ragbi IPG.

3.2 SOALAN KAJIAN

1. Apakah faktor utama yang mempengaruhi komitmen sukan pemain ragbi IPG berdasarkan Model Komitmen Sukan Scanlan 1993?
2. Apakah faktor yang mempengaruhi komitmen sukan bagi pemain ragbi lelaki dengan pemain ragbi perempuan?
3. Adakah terdapat hubungan di antara faktor-faktor yang terdapat dalam Model Komitmen Sukan Scanlan 1993 ke atas pemain ragbi IPG?

4.0 METODOLOGI KAJIAN

Pendekatan kuantitatif deskriptif dan inferensi telah digunakan melalui kaedah tinjauan menggunakan instrumen soal selidik bagi mengumpul maklumat dan data.

4.1 SAMPEL KAJIAN

Sampel kajian terdiri daripada 37 orang pemain ragbi lelaki dan 43 orang pemain ragbi perempuan.

4.2 INSTRUMEN KAJIAN

Kajian ini telah menggunakan instrumen soal selidik Komitmen Sukan Scanlan 1993. Soal selidik ini mempunyai dua bahagian yang merangkumi demografi dan soal selidik Skala Komitmen Latihan (Scanlan et al., 1993) yang telah diubahsuai oleh Wilson et al., (2004).

4.3 ANALISIS DATA

Kaedah analisis statistik deskriptif dan inferensi telah dijalankan menggunakan data-data yang diperolehi. Analisis kemudiannya dijalankan menggunakan peratusan, min, ujian t dan korelasi Pearson. Skor min diinterpretasi berdasarkan Nunnally dan Bernstein (1994) manakala ujian t diinterpretasi berdasarkan aras signifikan $p < 0.05$. Bacaan korelasi Pearson pula menggunakan skala skor oleh Joseph et al., (1997).

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Jadual 1 menunjukkan perbandingan skor min bagi faktor komitmen sukan bagi pemain ragbi IPG

| | N | Min |
|------------------------|-----------|-----------|
| | Statistik | Statistik |
| Peluang Penglibatan | 80 | 4.78 |
| Sokongan Sosial | 80 | 4.45 |
| Pelaburan Peribadi | 80 | 4.25 |
| Keseronokan Sukan | 80 | 4.19 |
| Alternatif Penglibatan | 80 | 2.84 |
| Kekangan Sosial | 80 | 2.66 |
| Purata Min Keseluruhan | | 3.86 |

Nilai min tertinggi dicapai oleh faktor peluang penglibatan dengan bacaan min 4.78. Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa faktor peluang penglibatan merupakan faktor utama yang mempengaruhi komitmen sukan bagi pemain ragbi IPG. Dapatan ini disokong oleh kajian yang dijalankan oleh Scanlan et al., (2003) yang juga mendapat dapatan yang sama. Namun, kajian Scanlan & rakan-rakan (1993) adalah bercanggah sama sekali berikutan faktor utama bagi kajian mereka adalah keseronokan sukan. Hal ini berikutan fokus dan komitmen individu adalah berbeza.

Jadual 12 menunjukkan perbandingan skor min faktor-faktor antara siswa guru lelaki dan siswa guru perempuan

| Faktor | Jantina | N | Min | SD | t | df | P |
|------------------------|-----------|----|------|------|-------|----|-----|
| Keseronokan Sukan | Lelaki | 37 | 4.32 | .55 | 2.08 | 78 | .04 |
| | Perempuan | 43 | 4.07 | .51 | | | |
| Kekangan Sosial | Lelaki | 37 | 2.90 | 2.59 | 1.06 | 78 | .29 |
| | Perempuan | 43 | 2.45 | .95 | | | |
| Alternatif Penglibatan | Lelaki | 37 | 2.64 | 1.34 | -1.08 | 78 | .28 |
| | Perempuan | 43 | 3.00 | 1.59 | | | |
| Pelaburan Peribadi | Lelaki | 37 | 4.47 | .72 | 2.09 | 78 | .04 |
| | Perempuan | 43 | 4.06 | .98 | | | |
| Sokongan Sosial | Lelaki | 37 | 4.44 | .94 | -.12 | 78 | .91 |
| | Perempuan | 43 | 4.46 | .83 | | | |
| Peluang Penglibatan | Lelaki | 37 | 4.81 | .40 | .46 | 78 | .65 |
| | Perempuan | 43 | 4.76 | .56 | | | |

Berdasarkan Jadual 2, kesemua min bagi setiap faktor mempunyai perbezaan pada skor dapatan. Namun begitu, perbezaan tersebut adalah tidak signifikan dengan nilai $p > .05$ dan tidak begitu bermakna. Dapatan ini disokong oleh Scanlan et al., (1993), Carpenter et al., (1993), Wilson et al., (2004) dan Boyst, (2009) yang menyatakan kebanyakan faktor tidak mempunyai perbezaan bagi lelaki dan perempuan.

Walau bagaimanapun terdapat hubungan yang signifikan bagi faktor keseronokan sukan dan pelaburan peribadi di mana pemain lelaki mempunyai tahap pelaburan peribadi yang lebih tinggi berbanding pemain perempuan manakala bagi tahap faktor keseronokan sukan juga menunjukkan lelaki mempunyai nilai min yang lebih tinggi dari perempuan. Hal ini menolak kajian sebelumnya yang menyatakan tidak terdapat perbezaan bagi jantina dalam setiap kumpulan umur (Scanlan et al., 1993; Carpenter et al., 1993; Scanlan et al., 2003, Wilson et al., 2004., Boyst, 2009).

Jadual 3 menunjukkan bacaan Korelasi Pearson bagi Skala Komitmen Latihan Ubah Suai

| | Komitmen Sukan | Keseronokan Sukan | Kekangan Sosial | Alternatif Penglibatan | Pelaburan Peribadi | Sokongan Sosial | Peluang Penglibatan |
|------------------------|----------------|-------------------|-----------------|------------------------|--------------------|-----------------|---------------------|
| Komitmen Sukan | 1 | .245* | .709** | .532** | .428** | .433** | .237* |
| Keseronokan Sukan | | 1 | -.024 | -.256* | .187 | .339** | .374** |
| Kekangan Sosial | | | 1 | .192 | .126 | .006 | -.111 |
| Alternatif Penglibatan | | | | 1 | .038 | -.012 | -.113 |
| Pelaburan Peribadi | | | | | 1 | .068 | -.006 |
| Sokongan Sosial | | | | | | 1 | .488** |
| Peluang Penglibatan | | | | | | | 1 |

*. Korelasi adalah signifikan pada aras 0.05

** . Korelasi adalah signifikan pada aras 0.01

Jadual menunjukkan kesemua faktor mempunyai hubungan korelasi yang signifikan terhadap Komitmen Sukan. Hal ini menggambarkan bahawa peningkatan dalam setiap faktor mempunyai hubungan yang kuat dengan peningkatan komitmen sukan bagi sampel yang digunakan. Dapatan ini disokong kuat oleh Scanlan et al., 1993; Carpenter dan Coleman, 2011; Boyst, 2009.

6.0 KESIMPULAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN

Hasil kajian mendapati peluang penglibatan merupakan faktor utama yang menyumbang kepada komitmen sukan bagi pemain ragbi IPG. Selain itu, tidak terdapat perbezaan bagi jantina. Dapatan ini menunjukkan bahawa keempat-empat faktor tersebut tidak memberi kecenderungan yang berbeza terhadap komitmen sukan bagi pemain ragbi lelaki dan perempuan. Walau bagaimanapun faktor keseronokan sukan dan peluang penglibatan menghasilkan perbezaan yang signifikan. Dapatan kajian juga mendapati kesemua faktor mempunyai hubungan yang signifikan terhadap komitmen sukan. Hal ini menunjukkan bahawa keenam-enam faktor menyumbang kepada komitmen sukan pemain ragbi terhadap sukan yang diceburi.

Pengkaji mencadangkan agar kajian menggunakan kaedah temu bual seperti yang telah dijalankan oleh Scanlan et al., (2003) menerusi *Scanlan Collaborative Interview Method (SCIM)* terhadap pemain ragbi. Kaedah ini dapat membantu pengkaji memahami dengan lebih terperinci tentang faktor yang mempengaruhi komitmen seseorang pemain. Kaedah campuran kualitatif dan kuantitatif di antara soal selidik dan temu bual juga akan menghasilkan dapatan kajian pada dimensi yang baru dan lebih jelas. Oleh itu, hal ini akan membantu pihak-pihak yang berkepentingan untuk meningkatkan kemahiran dan membantu mengekalkan pemain di dalam sukan yang diceburi.

Kajian ini diharap mampu memberi pendedahkan kepada IPG dan IPGM tentang pentingnya penyediaan fasiliti serta kelengkapan yang akan digunakan bagi pemain menjalani latihan. Kajian ini juga diharap dapat memberi panduan kepada jurulatih untuk merancang sesi latihan dengan lebih berkesan dan menarik. Selain itu, dapatan daripada hasil kajian ini diharap mampu membantu pemain bagi mengenal pasti motif dan matlamat berdasarkan komitmen terhadap sukan.

RUJUKAN

- Boyst, J. P. (2009). An examination of sport commitment in collegiate athletes. *The University of North Carolina at Greenboro*.
- Carpenter, P. J., & Coleman, R. (2011). A longitudinal study of elite youth cricketers' commitment. *International Journal of Sport Psychology*, 195-210.
- Carpenter, P. J., Scanlan, T. K., Simons, J. P., & Lobel, M. (1993). A test of the Sport Commitment Model using structural equation modeling. *Journal of Sport & Exercise Psychology*, 119-133.
- Hall, T. K. (2003). Determinants of elite athletes' commitment to sport; examination of the sport commitment model in the professional sport domain. *The journal of higher education*.
- Joseph, F. H., Earl, B., & Fried, H. (1997). *Explaining social issues*. London: Pine Forge Press.
- Nunnally, J., & Bernstein, J. (1994). *Psychometric theory* (Edisi ke-3 ed.). New York: McGraw Hill.
- Scanlan, T. K., Carpenter, P. J., Schmidt, G. W., Simons, J. P., & Keeler, B. (1993). An introduction to the Sport Commitment Model. *Journal of Sport & Exercise Psychology*.
- Scanlan, T. K., Russell, D. G., Magyar, T. M., & Scanlan, L. A. (2009). Project on elite athlete commitment (PEAK): III. An examination of the external validity across gender, and the expansion and clarification of the sport commitment model. *Journal of sport and exercise Psychology*.
- Scanlan, T. K., Russell, D. G., Wilson, N. C., & Scanlan, L. A. (2003). Project on Elite Athlete Commitment (PEAK): I. Introduction and methodology. *Journal of sport and exercise psychology*, 360-376.
- Wilson, P. M., Rodgers, W. M., Carpenter, P. J., Hall, C., Hardy, J., & Fraser, S. N. (2004). The relationship between commitment and exercise behavior. *Psychology of Sport and Exercise*, 405-421.

FAKTOR MOTIVASI TERHADAP PENGLIBATAN SUKAN DALAM KALANGAN SISWA GURU DI INSTITUT PENDIDIKAN GURU KAMPUS ILMU KHAS, KUALA LUMPUR

PUTERI AISYAH BINTI NOORDIN
Jabatan Sains Sukan

Pensyarah Pembimbing
DR. MOHD KHAMDANI BIN SAIRI

ABSTRAK

Kajian ini dijalankan untuk meninjau dan mengenal pasti faktor motivasi yang mempengaruhi minat siswa guru Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas dalam sukan. Seramai 227 orang responden yang terdiri daripada siswa guru IPGKIK telah melengkapkan *Participation Motivation Questionnaire* yang telah diubahsuai. Dapatan menunjukkan faktor motivasi intrinsik adalah lebih berpengaruh berbanding faktor motivasi ekstrinsik. Manakala dapatan ujian t menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan skor min motivasi antara siswa guru lelaki dan siswa guru perempuan. Kesimpulan, faktor motivasi intrinsik merupakan faktor utama terhadap penglibatan siswa guru IPGKIK dalam sukan.

Kata Kunci : Motivasi intrinsik, motivasi ekstrinsik, siswa guru, penglibatan dalam sukan.

ABSTRACT

This study was conducted to survey and identify motivational factors affecting the interest of student teachers in Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas towards sports. A total of 227 respondents consisting of student teachers from IPGKIK had completed the Participation Motivation Questionnaire which has been modified to suit the local situation and culture. Descriptive statistical analysis showed that intrinsic motivation factor was more influential than extrinsic motivation factor. Whereas the findings of t test showed that there was a significant difference in the mean score of motivation between male students and female students. In conclusion, the intrinsic motivation factor is more influential than the extrinsic motivation factor towards the involvement of student teachers in sports.

Keywords: Intrinsic motivation, extrinsic motivation, student teachers, involvement in sports

Emel: puteriaisyahdin@gmail.com

1.0 PENGENALAN

Pelbagai inisiatif telah dilakukan dalam usaha membentuk serta melahirkan generasi yang holistik dan seimbang dari segi Jasmani, Emosi, Rohani, Intelek dan Sosial (JERIS). Aktiviti sukan dapat memberi kebaikan terhadap kesihatan kanak-kanak dan remaja seperti menguatkan otot badan, meningkatkan sistem daya tahan kardiovaskular dan mengimbangkan berat badan yang ideal serta menyumbang kepada kesihatan mental dan tahap kualiti kehidupan seseorang (Rhodes et al., 2008). Pihak kerajaan telah membelanjakan peruntukan yang besar untuk menggalakkan aktiviti sukan dan aktiviti fizikal, namun penglibatan murid dalam aktiviti sukan di Malaysia masih pada tahap rendah (Yusof & Shah, 2007). Oleh itu, Saedah dan rakan-rakan (1996) menyatakan bahawa siswa guru merupakan sumber inspirasi kepada murid dalam usaha menggalakkan mereka melibatkan diri dalam aktiviti sukan. Justeru, motivasi merupakan dorongan yang terdapat dalam diri siswa guru untuk berusaha mengadakan perubahan tingkah laku yang lebih baik dalam memenuhi kehendak atau keperluannya (Hamzah & Joy, 2009).

2.0 PERNYATAAN MASALAH

Kajian-kajian lampau kebanyakannya hanya tertumpu kepada faktor di antara motivasi intrinsik dan ekstrinsik ke atas penglibatan pelajar-pelajar di Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) serta pelajar-pelajar sekolah. Sehubungan itu, pengkaji menjalankan satu kajian untuk meninjau apakah faktor motivasi yang mempengaruhi minat siswa guru terhadap penglibatan sukan di IPGKIK.

3.0 OBJEKTIF DAN SOALAN KAJIAN

3.1 OBJEKTIF KAJIAN

1. Mengenal pasti faktor motivasi yang mempengaruhi minat siswa guru terhadap penglibatan sukan di IPGKIK.
2. Mengenal pasti perbezaan faktor motivasi penglibatan dalam sukan antara siswa guru lelaki dan perempuan di IPGKIK.
3. Mengenal pasti perbezaan faktor motivasi intrinsik yang mempengaruhi minat siswa guru terhadap penglibatan sukan antara siswa guru lelaki dan perempuan di IPGKIK.
4. Mengenal pasti perbezaan faktor motivasi ekstrinsik yang mempengaruhi minat siswa guru terhadap penglibatan sukan antara siswa guru lelaki dan perempuan di IPGKIK.

3.2 SOALAN KAJIAN

1. Adakah faktor motivasi yang mempengaruhi minat siswa guru terhadap penglibatan sukan di IPGKIK?
2. Adakah terdapat perbezaan motivasi penglibatan dalam sukan antara siswa guru lelaki dan perempuan di IPGKIK?
3. Adakah terdapat perbezaan motivasi intrinsik yang mempengaruhi minat siswa guru terhadap penglibatan dalam sukan antara siswa guru lelaki dan perempuan di IPGKIK?
4. Adakah terdapat perbezaan motivasi ekstrinsik yang mempengaruhi minat siswa guru terhadap penglibatan dalam sukan antara siswa guru lelaki dan perempuan di IPGKIK?

4.0 METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif yang berbentuk kajian tinjauan.

4.1 SAMPEL KAJIAN

Fokus kajian tertumpu kepada 227 orang siswa guru di Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas.

4.2 INSTRUMEN KAJIAN

Instrumen kajian yang digunakan adalah set borang soal selidik yang dibentuk berdasarkan *Participation Motivation Questionnaire* (Gill et al., 1983) yang telah diubah suai oleh Khairuddin (1998). Soal selidik ini dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu demografi, motivasi intrinsik dan motivasi ekstrinsik.

4.3 ANALISIS DATA

Data yang diperoleh dianalisis menggunakan statistik deskriptif dan inferensi. Statistik ini merangkumi analisis kekerapan, peratusan, min, sisihan piawai dan ujian-t. Skala pengukuran skor min diukur berdasarkan interpretasi skor min oleh Pallant (2007) iaitu: Tahap rendah = Min (1.00-2.33), Tahap sederhana = Min (2.34-3.67) dan Tahap tinggi = Min (3.68-5.00).

5.0 DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Analisis faktor motivasi yang mempengaruhi minat siswa guru terhadap penglibatan dalam sukan

Jadual 1

Min Faktor Motivasi Intrinsik dan Motivasi Ekstrinsik

| Motivasi | Faktor | Min | Tahap |
|------------|-------------------|------|-----------|
| Intrinsik | Minat | 3.91 | Tinggi |
| | Kemahiran | 3.95 | Tinggi |
| | Personaliti | 3.82 | Tinggi |
| | Nilai keseluruhan | 3.89 | Tinggi |
| Ekstrinsik | Ganjaran | 3.28 | Sederhana |
| | Dorongan | 3.47 | Sederhana |
| | Nilai keseluruhan | 3.36 | Sederhana |

Jadual 1 menunjukkan motivasi intrinsik berada pada tahap tinggi (Min = 3.68-5.00). Antara ketiga-tiga faktor motivasi intrinsik tersebut, faktor kemahiran merupakan faktor motivasi intrinsik tertinggi iaitu min = 3.95 diikuti dengan faktor minat (min = 3.91) dan seterusnya faktor personaliti (min = 3.82). Bagi faktor motivasi ekstrinsik pula, dapatan menunjukkan min berada pada tahap sederhana (Min = 2.34-3.67). Antara kedua-dua faktor motivasi ekstrinsik tersebut, faktor dorongan merupakan faktor motivasi ekstrinsik tertinggi iaitu min = 3.47 diikuti dengan faktor ganjaran (min = 3.28).

Hasil kajian menunjukkan bahawa motivasi intrinsik adalah faktor yang paling berpengaruh terhadap penglibatan siswa guru dalam sukan di IPGKIK. Dapatan kajian ini selari dengan hasil dapatan kajian Mohad Anizu dan Siti Salwa (2010) yang menyatakan bahawa pelajar lebih terangsang untuk menyertai aktiviti pendidikan luar dengan minat yang lahir dari diri mereka sendiri tanpa perlu sebarang paksaan, untuk mendapat pujian mahupun memperolehi ganjaran yang lumayan.

Analisis perbezaan motivasi penglibatan dalam sukan antara siswa guru lelaki dan siswa guru perempuan

Jadual 2
Perbandingan Skor Min Motivasi antara Siswa Guru Lelaki dan Perempuan

| Pembolehubah | Jantina | Bil | Min | SD | t | df | p |
|--------------|-----------|-----|------|------|------|-------|------|
| Motivasi | Lelaki | 107 | 3.85 | 0.84 | 3.55 | 224.9 | 0.00 |
| | Perempuan | 120 | 3.42 | 0.96 | | | |

*Aras signifikan $p < 0.05$

Ujian menunjukkan nilai $t (224.9) = 3.55$, $p = 0.00$ adalah signifikan. Keputusan ujian menunjukkan bahawa terdapat perbezaan skor min motivasi yang mempengaruhi minat terhadap penglibatan dalam sukan yang signifikan antara siswa guru lelaki ($M = 3.85$, $SD = 0.84$), dan siswa guru perempuan ($M = 3.42$, $SD = 0.96$).

Hasil dapatan menunjukkan bahawa faktor motivasi memberi kecenderungan yang berbeza terhadap penglibatan siswa guru lelaki dan perempuan dalam sukan. Hasil dapatan kajian ini menyokong kajian lepas yang telah dijalankan oleh Norlia dan rakan-rakan (2006) yang mendapati terdapat perbezaan yang signifikan faktor motivasi mengikut jantina. Perbezaan faktor motivasi ini mungkin disebabkan oleh beberapa perkara misalnya faktor intrapersonal seperti cepat penat, malu, kemahiran sukan yang lebih rendah, pakaian dan keselesaan bersukan merupakan faktor penghalang yang lebih menyumbang bagi pelajar perempuan berbanding pelajar lelaki (Teo et al., 2014).

Analisis perbezaan motivasi intrinsik dan ekstrinsik yang mempengaruhi minat siswa guru terhadap penglibatan dalam sukan antara siswa guru lelaki dan siswa guru perempuan

Jadual 3
Perbandingan Skor Min Motivasi Intrinsik dan Ekstrinsik antara Siswa Guru Lelaki dan Perempuan

| Pembolehubah | Jantina | Bil | Min | SD | t | df | p |
|--------------|-----------|-----|------|------|------|-----|------|
| Intrinsik | Lelaki | 107 | 4.17 | 0.98 | 3.98 | 224 | 0.00 |
| | Perempuan | 120 | 3.63 | 1.09 | | | |
| Ekstrinsik | Lelaki | 107 | 3.52 | 0.82 | 2.65 | 225 | 0.01 |
| | Perempuan | 120 | 3.22 | 0.90 | | | |

*Aras signifikan $p < 0.05$

Ujian menunjukkan nilai $t (224) = 3.98$, $p = 0.00$ adalah signifikan. Keputusan ujian menunjukkan bahawa terdapat perbezaan skor min motivasi intrinsik yang mempengaruhi minat terhadap penglibatan siswa guru dalam sukan yang signifikan antara siswa guru lelaki ($M = 4.17$, $SD = 0.98$), dan siswa guru perempuan ($M = 3.22$, $SD = 0.90$). Keputusan ujian juga menunjukkan bahawa terdapat perbezaan skor min motivasi ekstrinsik yang mempengaruhi minat terhadap penglibatan siswa guru dalam sukan yang signifikan antara siswa guru lelaki ($M = 3.52$, $SD = 0.82$), dan siswa guru perempuan ($M = 3.22$, $SD = 0.90$). Ujian menunjukkan nilai $t (225) = 2.65$, $p = 0.01$ adalah signifikan.

Hasil kajian mendapati siswa guru lelaki mempunyai motivasi intrinsik dan ekstrinsik yang lebih tinggi berbanding siswa guru perempuan. Namun begitu, dapatan ini tidak selari dengan kajian Pelletier dan rakan-rakan (2003) yang mendapati bahawa wanita mempunyai tahap motivasi intrinsik yang lebih tinggi berbanding lelaki.

6.0 KESIMPULAN, CADANGAN DAN IMPLIKASI

Terdapat dua faktor motivasi iaitu motivasi intrinsik dan motivasi ekstrinsik yang mempengaruhi penglibatan siswa guru dalam sukan di IPGKIK. Hasil kajian menunjukkan bahawa motivasi intrinsik adalah faktor yang paling berpengaruh terhadap penglibatan siswa guru dalam sukan di IPGKIK. Faktor motivasi intrinsik terdiri daripada faktor minat, kemahiran dan personaliti.

Pengkaji mencadangkan kepada pengkaji akan datang agar membuat analisis secara kualitatif. Dapatan tersebut dapat menyokong analisis kuantitatif dan membantu individu lain memahami dengan lebih jelas tentang isu yang diutarakan. Sehubungan itu, kajian-kajian masa hadapan seharusnya melibatkan pelajar-pelajar daripada pelbagai latar belakang dan kategori pengajian tinggi supaya perbandingan dapat dijalankan dengan lebih terperinci.

Kajian ini diharap mampu bertindak sebagai mekanisma untuk meningkatkan penglibatan siswa guru dalam kegiatan sukan. Hasil kajian ini juga dapat memberi gambaran dan panduan kepada pihak pengurusan Institut Pendidikan Guru Malaysia khususnya pihak pengurusan untuk melihat sejauhmana penglibatan dan pendedahan bakal-bakal guru terhadap sukan.

RUJUKAN

- Dan, S.P., Mohd Nasir, M.T., & Zalilah, M.S. (2011). Determination of factors associated with physical activity levels among adolescents attending school in Kuantan, Malaysian. *Journal of Nutrition*, 17(2). 175-187.
- Gill, D.L, Gross, J.B & Huddleston, S. (1983). Participation motivation in Youth Sports. *International Journal of sport psychology*, 14, 4-14
- Krejcie, R.V. & Morgan, D.W. (1970). Determining Sample Size for Research. *Educational and Psychological Measurement*, 9-15.
- Mohad Anizu Mohd. Nor. & Siti Salwa. (2010). Faktor di Antara Motivasi Intrinsik dan Ekstrinsik Ke Atas Penglibatan Para Pelajar Terhadap Aktiviti Pendidikan Luar- *Satu Kajian Kes*, 1-7.
- Norlia Abd Aziz, T. Subahan, Lilia Halim, & Kamisah Osman. (2006). Hubungan Antara Motivasi, Gaya Pembelajaran Dengan Pencapaian Matematik Tambahan Pelajar Tingkatan 4. *Jurnal Pendidikan*, 31, 123-141.
- Rhodes, R. E., Matheson, D. H., Blanchard, C. M., & Rachel E. Blacklock M. A. (2008). Evaluating Time Frame Expectancies in Physical Activity Social Cognition. *Journal of Behavioral Medicine*, 34(3), 85-94.
- Saedah, S., Zainun, I., & Mohani, T. M. (1996). *Motivasi dalam pendidikan*. Kuala Lumpur: Utusan Publications.
- Teo Kian Joo, Abdul Mutalip Abd Ghani, Mohd Sohami, Salmawati, Hasnah & Mohd Dahlan. (2014). Faktor-faktor yang menghalang penglibatan pelajar Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas dalam kegiatan sukan di waktu senggang. *Jurnal Pendidikan*, 31, 120-132.
- Yusof, A. & Shah, P. (2007). Sport participation constraints of Malaysian university students. *The International Journal of the Humanities*, 5(3), 189-195.

KECEDERAAN *ANTERIOR CRUCIATE LIGAMENT* (ACL) DALAM KALANGAN SISWA GURU INSTITUT PENDIDIKAN GURU KAMPUS ILMU KHAS

SITI ARINI BINTI MOHD YUNUS
Jabatan Sains Sukan

Pensyarah Pembimbing
DR. MOHD KHAMDANI BIN SAIRI

ABSTRAK

Kajian kualitatif secara kajian kes ini bertujuan untuk mengenal pasti kecederaan ACL yang dialami oleh siswa guru IPGKIK yang mengikuti aktiviti fizikal. Tiga orang siswa guru IPGKIK telah dipilih dalam kajian ini. Kajian kualitatif ini menggunakan kaedah perbandingan secara berterusan untuk menganalisis data. Data diperolehi dengan menggunakan kaedah temu bual mendalam, pemerhatian langsung dan analisis dokumen. Pemilihan peserta kajian berdasarkan persampelan bertujuan bagi mendapatkan pemahaman mendalam dan terperinci tentang fenomena yang dikaji. Proses penganalisan dan pengumpulan data dijalankan secara serentak dan berterusan sehingga data mencapai tahap ketepuan. Kajian mendapati bahawa kecederaan lutut seperti ACL sering dialami oleh siswa guru IPGKIK yang aktif bersukan. Kajian juga mendapati teknik lakuan yang tidak betul semasa bermain, latihan yang kerap, tekanan daripada jurulatih, kaedah memanaskan badan yang kurang tepat adalah antara punca berlakunya kecederaan ACL. Akhirnya dapatan kajian ini telah merungkai langkah-langkah pemulihan yang perlu diambil agar kecederaan yang sama tidak berulang lagi malah memberi panduan kepada atlet supaya dapat menceburkan diri lagi dalam bidang sukan tanpa mengenal erti kesal.

Kata Kunci: Kecederaan sukan, *Anterior Cruciate Ligament*, aktif bersukan, teknik lakuan.

ABSTRACT

The purpose of this qualitative research is to identify the knee injuries among IPGKIK's students. Three participants in IPGKIK were chosen in this research. This qualitative research used continuous comparative method for data analysis. The data was collected by using detail interviews, observation and document analysis. The participants for this research were based on purposeful sampling to get detail and deep understanding of this phenomenon. The analysis process and the data collection were done at the same time and continuously until enough data was collected. The study found out that knee injuries such as ACL often occurred by IPGKIK's students who is active in sports. This was due to their mobility techniques during landing and sudden stop that always changed, regular exercise without having enough warm up and respondents experienced pressure from the coach and the captain in every training or competition were cause of ACL Injury. Finally, this study found out that the recovery steps should be taken so that the same injury does not reoccur hence it gives guide to the athletes in order to involve in the sports field again without regrets.

Keywords: Sports injuries, anterior cruciate ligament, active in sports, mobility technique

Emel: Arini.asper@gmail.com

1.0 PENGENALAN

Menurut Latif (2017), empat komponen utama pada ligamen ialah *lateral collateral ligament (LCL)*, *medial collateral ligament (MCL)*, *anterior cruciate ligament (ACL)* dan *posterior cruciate ligament (PCL)*. Ligamen ini menghubungkan antara tulang dengan lutut yang melibatkan tulang paha dengan tulang betis. Menurut Syafiq (2013), kecederaan ACL mencatatkan kecederaan paling tinggi berbanding ligamen yang lain. Kecederaan ACL selalu berlaku ketika bersukan dan menyebabkan lutut menjadi tidak stabil (Latif, 2017).

Menurut Boden (2000), di antara kebanyakan kecederaan lutut yang berlaku, kecederaan ACL adalah yang sering kali mengganggu ligamen di lutut. Berdasarkan pelbagai struktur yang ada pada lutut, hal ini jelas menunjukkan bahawa intensiti siswa guru IPGKIK untuk mengalami kecederaan di lutut adalah

tinggi sekiranya tidak menekankan keselamatan dan persediaan sebelum, semasa dan selepas mengikuti sesuatu aktiviti fizikal. Menurut Latif (2017), sendi lutut mudah cedera berbanding sendi lain dalam badan kerana sendi lutut mempunyai struktur kompleks dan kedudukannya terletak di tengah-tengah pinggang dengan tapak kaki. Dalam kajian ini penyelidik akan mengkaji simptom-simptom kecederaan lutut, punca-punca berlaku kecederaan lutut serta cara mencegah daripada berlakunya kecederaan lutut.

2.0 PERNYATAAN MASALAH

Di dalam setiap jenis sukan yang diceburi tidak dinafikan bahawa semuanya mempunyai risiko kecederaan yang tersendiri. Kecederaan lutut merupakan kecederaan yang sering dialami oleh individu-individu yang aktif dalam sukan dan permainan. Terdapat beberapa kajian yang telah dijalankan mengenai kecederaan lutut. Antaranya ialah, kajian terhadap Prestasi Pemain Bola Sepak Johor Setelah Menjalani Pembedahan Lutut oleh Veronica Rajes Shanmukam (2004) di Universiti Teknologi Malaysia, kajian tentang Punca dan Cara Mencegah daripada terkoyak ligamen (ACL) oleh Shephard (2013) di Univerisiti Western Kentucky, United States, kajian tentang PENGENALAN kepada Kecederaan ACL di kalangan Wanita oleh Christine Gates (2017) di Universiti Ball State, United States dan kajian tentang Kecederaan Lutut (ACL) dalam kalangan Pemain Bola Sepak Wanita oleh Vanessa Pena (2016) di University Of Arizona, United States.

Berdasarkan beberapa kajian yang telah dinyatakan, penyelidik mendapati bahawa masih tiada kajian tentang kecederaan lutut terhadap siswa guru. Sehubungan itu, penyelidik telah mengkaji kecederaan lutut yang dialami oleh siswa guru IPGKIK yang mengikuti aktiviti fizikal. Hal ini kerana kecederaan lutut sering dialami oleh siswa guru IPGKIK apabila mengikuti aktiviti fizikal sama ada bagi memenuhi keperluan kursus atau untuk tujuan berekreasi. Di samping itu, siswa guru bakal menjadi guru di sekolah apabila telah tamat pengajian di IPG. Maka, input yang diperolehi ini secara langsung mampu memberi nilai tambah kepada guru untuk menyampaikannya kepada murid sekaligus mampu menghindari atau meminimumkan kecederaan lutut dalam kalangan murid di sekolah kelak.

3.0 OBJEKTIF DAN SOALAN KAJIAN

3.1 OBJEKTIF KAJIAN

1. Mengenalpasti simptom-simptom kecederaan ACL yang dialami oleh siswa guru IPGKIK yang menyertai aktiviti fizikal
2. Meneroka punca-punca berlakunya kecederaan di lutut dalam kalangan siswa guru
3. Mengenalpasti langkah-langkah pemulihan setelah mengalami kecederaan lutut dalam kalangan siswa guru IPGKIK.

3.2 SOALAN KAJIAN

1. Apakah simptom-simptom kecederaan ACL yang sering dialami oleh siswa guru IPGKIK?
2. Apakah punca berlakunya kecederaan lutut semasa menjalani aktiviti fizikal?
3. Apakah langkah-langkah mengatasi kecederaan di lutut dalam kalangan siswa guru IPGKIK yang menyertai aktiviti fizikal?

4.0 METODOLOGI KAJIAN

Pendekatan yang digunakan ialah pendekatan kualitatif yang berbentuk kajian lapangan dan berupaya menerangkan proses yang dilalui peserta kajian dalam latar sebenar dan semula jadi (Bryman 2001; Creswell 1992; Denzin dan Lincoln 1994). Reka bentuk kajian ini berdasarkan kajian kes. Menurut Burn (1995), Merriam (1998) dan Yin (1994) dalam Mohd. Khamdani (2010), penggunaan reka bentuk penyelidikan kajian kes menggunakan data kualitatif amat sesuai apabila sesuatu kajian melibatkan pemerhatian seseorang individu atau unit, satu kumpulan manusia, keluarga, satu kelas, sekolah atau masyarakat, peristiwa atau budaya.

4.1 SUBJEK KAJIAN

Pengkaji telah memilih peserta kajian yang terdiri daripada tiga orang siswa guru IPGKIK yang telah mengalami kecederaan pada lutut dan telah menjalani pembedahan (*ACL Reconstruction*) akibat dari penglibatannya dalam aktiviti fizikal. Subjek kajian yang dipilih berumur di antara 20 hingga 23 tahun. Pemilihan sampel berdasarkan teknik persampelan secara bertujuan (*purposeful sampling*).

4.2 INSTRUMEN KAJIAN

Protokol temu bual mendalam dibina sendiri oleh pengkaji berdasarkan kategori dan elemen dalam kerangka konseptual kajian. Berpandukan asas yang telah diutarakan, pengkaji membina kod-kod berdasarkan kerangka konseptual kajian dan teori-teori kecederaan (Lofland, 1995; Bogdan dan Biklen, 1998).

4.3 ANALISIS DATA

Pengkaji menganalisis data setelah temu bual pertama dilakukan. Proses bermula dengan membuat transkripsi secara *verbatim* atau kata demi kata rakaman pita temu bual. Data yang telah dipilih dikodkan dan kemudian dikategorikan mengikut dimensi data berkenaan berdasarkan kerangka konsep kajian. Proses ini dilakukan secara berterusan sehingga tamat proses pengumpulan.

5.0 DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Jadual 1

Memaparkan Simptom-Simptom Kecederaan Lutut yang Dialami oleh Siswa Guru IPGKIK yang Menyertai Aktiviti Fizikal

Jadual 1

Rumusan Kategori Kecederaan Lutut

| PK1 | PK2 | PK3 |
|--|---|--|
| <u>ACL</u> <ul style="list-style-type: none"> • Bengkak • Tidak selesa untuk berjalan • Lutut tidak boleh dilipat • Lebam • Sakit | <u>ACL</u> <ul style="list-style-type: none"> • Bengkak makin membesar • Kemerahan • Teramat sakit • Sakit ditengah-tengah lutut • Sakit bahagian tendon berhampiran kepala lutu | <u>ACL</u> <ul style="list-style-type: none"> • Bengkak • Letupan pada lutut • Sakit bahagian tempurung kepala • Sakit pada bahagian depan lutut |

Dapatan kajian mendapati bahawa lutut responden membengkak, kemerahan, lebam dan terasa sakit ditengah-tengah lutut serta dibahagian tendon yang berhampiran dengan kepala lutut (*pattela*). Responden mengalami kesukaran dan tidak selesa untuk berjalan serta menaiki tangga kerana lutut terasa longgar dan tidak stabil sewaktu dipermukaan yang rata mahupun tidak rata. Dapatan ini menunjukkan persamaan dengan pandangan yang dikemukakan Mayo Clinic (2019) dan *American Academy of Orthopaedic Surgeons* (2019) yang menjelaskan simptom yang dihadapi oleh seseorang yang mengalami kecederaan ACL ialah tidak mampu untuk meneruskan aktiviti harian, tidak selesa untuk berjalan, bengkak, *loss range of motion*, terasa tidak stabil atau *'giving way'* dan terasa sangat sakit untuk menampung berat badan.

Jadual 2 memaparkan punca-punca kecederaan lutut dalam kalangan Siswa Guru yang terlibat dengan aktiviti fizikal.

Jadual 2

Rumusan Punca Kecederaan Lutut

| PK1 | PK2 | PK3 |
|---|--|--|
| <u>Jurulatih</u> <ul style="list-style-type: none"> • Stress • Memaksa <u>Memanaskan badan</u> <ul style="list-style-type: none"> • Intensiti rendah • Tidak ikut prosedur • Tidak buat bersungguh | <u>Jurulatih</u> <ul style="list-style-type: none"> • Latihan berterusan • Tidak cukup rehat <u>Memanaskan badan</u> <ul style="list-style-type: none"> • Strecthing dinamik • Strecthing statik | <u>Kapten</u> <ul style="list-style-type: none"> • Stress • Awal turun latihan <u>Keganasan dalam sukan</u> <ul style="list-style-type: none"> • Pihak lawan menggenggam kedua-dua belah kaki |

Punca berlaku kecederaan ACL adalah melalui dua jenis sukan seperti *contact* dan *non-contact* (Yu, 2007). Dapatan ini juga disokong oleh kajian Meredith (2013) yang menyatakan bahawa kebiasaannya kecederaan yang melibatkan sentuhan adalah dalam sukan seperti bola sepak dan ragbi yang mudah untuk bertembung antara satu sama lain. Dapatan kajian menunjukkan bahawa responden mengalami tekanan terhadap jurulatih dan kapten dalam pasukannya. Hal ini kerana mereka terpaksa berlatih bersungguh-sungguh untuk menggapai kejayaan dalam sesuatu pertandingan yang diadakan. Dapatan ini disokong oleh Solukun (1994) dalam kajiannya menyatakan bahawa aspek psikologi seperti tahap kebimbangan, tekanan, ketegangan dan kemarahan atlit boleh membawa kepada kecederaan.

Jadual 3 memaparkan langkah-langkah mengatasi kecederaan lutut semasa mengikuti aktiviti fizikal.

Jadual 3
Rumusan Langkah Mengatasi Kecederaan Lutut

| PK1 | PK2 | PK3 |
|---|---|---|
| <u>Latihan</u> <ul style="list-style-type: none"> Berhati-hati Mengikut protokol fisio | <u>Latihan</u> <ul style="list-style-type: none"> Melakukan aktiviti saranan doktor Secara teratur Melakukan fisioterapi | <u>Latihan</u> <ul style="list-style-type: none"> Fisioterapi Squat |
| <u>Peraturan</u> <ul style="list-style-type: none"> Mengikut peraturan yang ditetapkan | <u>Peraturan</u> <ul style="list-style-type: none"> Disiplin | <u>Peraturan</u> <ul style="list-style-type: none"> Mengikut semua peraturan yang ditetapkan |
| <u>Teknik</u> <ul style="list-style-type: none"> Tackle dengan betul Berlari dengan betul | <u>Senaman ringan</u> <ul style="list-style-type: none"> <i>Push up</i> | <u>Senaman</u> <ul style="list-style-type: none"> <i>Shuttle run</i> <i>Lunges</i> |

Dapatan kajian menunjukkan bahawa latihan yang betul memainkan peranan dalam memastikan kesihatan lutut berada pada tahap yang optimum. Latihan yang dilakukan perlu dipraktikkan mengikut kemampuan diri agar tidak memberi tekanan yang berlebihan kepada lutut sekaligus mendatangkan kecederaan. Dapatan ini selari dengan kajian Peter (2017) yang menjelaskan atlet juga boleh melakukan senaman menguatkan kekuatan otot paha dan betis untuk menolong menyokong struktur rekonstruksi seperti melakukan *straight leg raise*.

6.0 KESIMPULAN, CADANGAN DAN IMPLIKASI

Pemilihan sesi latihan serta persediaan sebelum melakukan aktiviti fizikal menjadi penentu kepada tahap kecederaan lutut. Para pensyarah harus bijak memilih kaedah yang sesuai untuk melatih serta memberi tunjuk ajar agar input maksimum dapat dicurahkan kepada pelajar. Kaedah kawalan emosi perlu dipraktikkan oleh pelajar agar dapat mengharungi cabaran yang mendatang khususnya sewaktu menjalankan aktiviti fizikal.

Kajian lanjutan yang dicadangkan adalah dengan melibatkan semua pelajar IPG diseluruh Malaysia dan IPTA. Hasil dapatan boleh dibuat perbandingan antara konstruk kecederaan lutut pelajar IPG dan IPTA. Selain itu, bilangan subjek perlu ditambah daripada tiga orang kepada 8 atau 10 orang. Hal ini lebih sesuai dan berguna jika reka bentuk kajian menggunakan kaedah gabungan kualitatif dan kuantitatif agar dapat menghasilkan kajian yang konsisten.

Dapatan kajian ini diharapkan dapat memberi sumbangan ilmu yang bermakna kepada IPGM, IPG Kampus Ilmu Khas, para pensyarah serta siswa guru itu sendiri. Oleh itu, beberapa cadangan telah dikemukakan kepada pihak tersebut bagi membantu mengurangkan serta menghindari masalah kecederaan lutut di kalangan siswa guru. Di samping itu, kajian lanjutan yang diutarakan dapat membantu melengkapkan dapatan kajian sedia ada.

RUJUKAN

- American of Orthopaedic Surgeons. (2019). *Anterior Cruciate Ligament (ACL) Injuries*: Retrieved from <https://orthoinfo.aaos.org/en/diseases--conditions/anterior-cruciate-ligament-acl-injuries/>
- Boden, B., Dean, G., Feagin, J., & Garrett, W. (2000). Mechanisms of anterior cruciate ligament injury. *Orthopedics*, 23(6), 573-578.
- Bogdan, R.C. & Biklen, S.K. (1998). *Qualitative research in education: An introduction to theory and methods*. (3rd ed.). Bostan: Allyn & Bacon Inc.
- Loftland, J. & Lofland, L.H. (1995). *Analyzing social setting: A guide to qualitative observation and analysis* (3rd ed.). Belmont, CA: Wadsworth.
- Mohd Latif. (2017). *Sakit Lutut: Punca, Simptom dan Cara Rawatan*: Retrieved from <https://thediagnosa.com/2017/11/11/sakit-lutut-punca-simptom-cara-rawatan/>
- Merriam, S.B. (1998). *Qualitative Research and Case Study Applications in Education*. 2nd ed. San Francisco: Jossey-Bass.
- Miles, M.B. & Huberman, A.M. (1994). *Qualitative data analysis: An Expanded Sourcebook*. (2nd. Ed). Thousan Oak CA: Sage
- Mohd. Khamdani Sairi. (2010). *Pendekatan Penerapan Nilai dalam pengurusan sekolah*. Tesis Dr. Fal. Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Mayo Clinic. (2019). *ACL Injury*: Retrieved from <https://www.mayoclinic.org/diseases-conditions/acl-injury/symptoms-causes/syc-20350738>
- Meredith. (2013). *Self-Compassionate Reactions to Health Threats*: Retrieved from <http://journals.sagepub.com/doi/abs/10.1177/0146167213488213>
- Peter. (2017). *Kecederaan ACL*: Retrieved from http://ww1.utusan.com.my/utusan/Kesihatan/20110601/kn_01/ACL-Kecederaan-lutut#ixzz5AMIYKpui
- Syafiq. (2013, April 10). *Sakit Lutut: Punca dan Rawatan Terbaik*: Retrieved from <http://www.kliniksofia.com/sakit-lutut/>
- Yu, B. & Garrett, W. E. (2007). Mechanisms of non-contact ACL injuries. *British Journal of Sports Medicine*, 41(1), 147-151.

MENINGKATKAN KOORDINASI MATA DAN TANGAN MURID PEREMPUAN TAHUN 5 DENGAN MENGGUNAKAN KAEDAH BALL – WALL TOSS

ZURAIDA BINTI ZABIDIN
Jabatan Sains Sukan

Pensyarah Pembimbing
EN. JALALUDDIN BIN ABD. LATIF

ABSTRAK

Kajian Tindakan ini dijalankan untuk melihat keberkesanan penggunaan kaedah Ball Wall – Toss dalam meningkatkan tahap koordinasi mata dan tangan murid perempuan tahun 5. Sepuluh orang murid perempuan tahun 5 adalah responden yang memperolehi skor terendah dalam ujian Alternate Hand Wall Toss. Intervensi latihan kaedah Ball Wall – Toss telah dilakukan oleh responden selama 4 minggu. Data dikumpulkan melalui ujian sebelum dan ujian selepas membuat intervensi. Keputusan kajian menunjukkan bahawa kaedah Ball Wall – Toss amat berkesan dalam membantu murid untuk meningkatkan tahap koordinasi mata dan tangan ketika menangkap bola melantun dalam permainan softball.

Kata Kunci: Kaedah *Ball Wall – Toss*, koordinasi mata dan tangan, murid perempuan tahun 5

ABSTRACT

The purpose of this action research is to observe the effectiveness of Ball Wall – Toss Method to improve the level of eye – hand coordination of standard 5 female pupils. Ten (10) standard 5 female pupils were the respondents who obtained the lowest score in the Alternate Hand Wall Toss tests. As for the intervention, all respondents have been trained with Ball Wall – Toss Method for 4 weeks. The data were collected before and after the intervention. Based on the scores result, all respondents showed positive improvement during the post – test. The result showed that Ball Wall – Toss Method is very effective in order to help pupils to improve their eye – hand coordination skills, especially for catching the bouncing ball in softball game.

Keywords: Ball Wall – Toss, hand – eye coordination, standard 5 girl pupils

Emel: aidazabidin64@gmail.com

1.0 PENGENALAN

Noor Hidayah Sabaruddin (2008) ada menjelaskan bahawa kehidupan kanak-kanak akan berkembang di setiap tahun yang berlalu dari sudut penguasaan kemahiran asas yang mana terbahagi kepada tiga kemahiran motor umum iaitu lokomotor, bukan lokomotor dan memanipulasi alatan. Dalam menguasai kemahiran manipulasi alatan, hal ini merangkumi kemahiran motor halus dan motor kasar yang melibatkan pengawalan objek peringkat primer dengan tangan dan kaki seperti aktiviti melontar, menangkap, menendang dan memukul.

Bersangkutan dengan proses pertumbuhan dan perkembangan ini, koordinasi antara anggota dan pancaindera sangat berkait dalam setiap aktiviti yang kita lakukan untuk mencapai sesuatu matlamat. Menurut Suharno (1982) dalam jurnal Yogi Rivaldi (2013), koordinasi adalah kemampuan untuk merangkaikan beberapa gerakan untuk menjadi suatu gerakan yang selaras sesuai dengan tujuan.

1.1 REFLEKSI PENGALAMAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN

Pada praktikum fasa 2 yang lepas, dapat diperhatikan semasa sesi Pembelajaran dan Pemudahcaraan berlangsung terdapat beberapa orang murid yang tidak berminat untuk mempelajari kemahiran yang menggunakan alatan yang memerlukan kemahiran dan kecekapan yang tinggi seperti kemahiran menangkap, menyepak atau memukul. Waktu subjek Pendidikan Jasmani adalah terlalu singkat dengan hanya 60 minit seminggu. Tempoh masa ini terlalu singkat untuk menilai keberkesanan penguasaan kemahiran murid dalam sesuatu sesi pembelajaran.

Hasil daripada perbincangan dan bimbingan bersama guru PJ, saya cuba untuk merancang satu tindakan baru yang membantu murid untuk menguasai dengan mengurangkan kebarangkalian berlakunya gangguan dalam pembelajaran. Hal ini kerana, waktu yang singkat memerlukan fokus dan aktiviti yang khusus dan menarik yang dapat membantu meningkatkan keyakinan dan minat murid untuk mempelajari kemahiran-kemahiran baru dalam kehidupan mereka.

2.0 FOKUS KAJIAN

Kajian tindakan tentang kaedah Hand Ball – Toss yang saya laksanakan ini adalah tertumpu kepada 10 orang murid perempuan Tahun 5 sahaja di SK Seri Sekamat. Kaedah ini juga hanya tertumpu kepada koordinasi tahap mata dan tangan dalam kemahiran menangkap bola lantun. Kaedah ini diadaptasi berdasarkan ujian *Alternate Hand Wall Toss Coordination* yang telah dicadangkan oleh Brunetto, Atkinson, Kleoudis dan Stewart (2009) yang bertujuan untuk menguji kemahiran koordinasi mata dan tangan bagi kanak – kanak yang berumur 8 hingga 12 tahun.

3.0 OBJEKTIF DAN SOALAN KAJIAN

3.1 OBJEKTIF KAJIAN

Kaedah *Ball Wall – Toss* membantu guru meningkatkan koordinasi mata dan tangan murid perempuan Tahun 5 semasa menangkap bola lantun dalam permainan softball.

3.2 SOALAN KAJIAN

Bagaimanakah Kaedah *Ball Wall – Toss* dapat membantu meningkatkan koordinasi mata dan tangan murid perempuan Tahun 5 untuk menangkap bola lantun dalam permainan softball?

4.0 PESERTA KAJIAN

Kajian ini saya laksanakan kepada murid perempuan Tahun 5 Sekolah Kebangsaan Seri Sekamat, Kajang. Kajian dan ujian yang dijalankan adalah kepada murid yang telah dikenal pasti kurang menguasai kemahiran menangkap bola softball dalam pembelajaran mata pelajaran PJ. Seramai 10 orang daripada 15 orang murid perempuan telah dipilih berdasarkan markah yang diperolehi dalam ujian *Alternate Hand Wall Toss Coordination*. 10 orang murid ini telah mendapat markah yang rendah iaitu pada tahap lemah dan sangat lemah.

5.0 PELAKSANAAN TINDAKAN

Langkah – Langkah Tindakan

Dalam kajian yang telah saya jalankan, saya menggunakan triangulasi kaedah melibatkan pemerhatian, temubual dan ujian. Kaedah ini sangat membantu saya dalam menganalisis dan memastikan kualiti kajian adalah baik. Pada awal praktikum fasa 2, saya mulakan dengan memilih dan mengenal pasti murid yang bermasalah dalam pembelajaran. Saya menggunakan pemerhatian terhadap murid sewaktu sesi pengajaran dan pembelajaran berlangsung sebanyak tiga kali. Sepanjang sesi PdPc juga terdapat beberapa murid yang mengeluh semasa melakukan aktiviti ansur maju kemahiran menangkap.

Pelaksanaan tindakan saya ini saya jalankan selama 4 minggu iaitu menggunakan 2 waktu sesi pembelajaran pada setiap minggu. Pada waktu ini saya memfokuskan murid dengan aktiviti membalik bola ke dinding dan aktiviti melantun secara individu selama 3 minit sebelum murid melakukan aktiviti yang lain iaitu melantun bola secara berpasangan dan isipadu latihan (ulangan aktiviti) ditingkatkan pada setiap dua minggu.


Jadual 1
Latihan Menangkap Bola Berpasangan

| Minggu | Hari | Isipadu Latihan / Jumlah Ulangan tangkapan | Tempoh Masa (minit) |
|--------|--------|--|---------------------|
| 1 | Selasa | 30 | 3 |
| | Rabu | 30 | 3 |
| 2 | Selasa | 30 | 3 |
| | Rabu | 30 | 3 |
| 3 | Selasa | 40 | 3 |
| | Rabu | 40 | 3 |
| 4 | Selasa | 40 | 3 |
| | Rabu | 40 | 3 |

Data dikumpul setiap kali selesai sesi melakukan latihan menangkap bola berpasangan dan selepas sesi intervensi. Tujuan data diambil pada setiap kali sesi latihan adalah untuk melihat perkembangan prestasi murid sama ada semakin meningkat atau pun masih sama dengan data latihan sebelumnya. Data dikumpul dan dimasukkan kedalam *Microsoft Excel* bagi memudahkan proses mendapatkan dapatan kajian.

6.0 DAPATAN KAJIAN

Berdasarkan hasil dapatan data-data ujian dan pemerhatian sepanjang kajian yang saya jalankan menunjukkan bahawa tindakan yang saya jalankan berjaya menjawab persoalan kajian dengan baik. Peserta kajian menunjukkan perkembangan yang positif di mana mereka telah berjaya meningkatkan kemahiran menangkap bola kepada lebih baik kerana berlaku peningkatan kekerapan tangkapan bola lantun pada ujian selepas tindakan dijalankan. Hasil dapatan ujian menunjukkan peningkatan terhadap skor ujian menangkap selepas menjalankan tindakan.



Rajah 1. Data ujian sebelum dan selepas intervensi.

Berdasarkan hasil dapatan kajian, dapat dilihat bahawa setiap data peserta kajian menunjukkan peningkatan. Peningkatan yang berlaku untuk semua peserta kajian terhadap bilangan kekerapan tangkapan hampir dua kali ganda daripada tangkapan pada ujian awal.

7.0 REFLEKSI

Penggunaan kaedah *Ball Wall Toss* dalam pengajaran kemahiran menangkap yang saya jalankan sangat membantu murid untuk melakukan aktiviti dengan lebih kerap dan mendapatkan pengalaman pembelajaran deria yang maksimum walaupun dalam masa yang singkat. Hal ini sangat berkait rapat dengan kajian Mohamad Fhaizul (2009) mendapati bahawa penggunaan alat bantu mengajar adalah penting dalam membantu guru dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Menurutnya lagi, beliau sangat menegaskan ciri-ciri bahan bantu mengajar tersebut dalam membantu keberkesanannya. Kesimpulannya, setiap guru perlu cuba untuk merancang suatu kelainan dalam sesi pengajaran terutama berkaitan dengan permainan. Hal ini kerana memang lumrah hidup kanak-kanak untuk bermain dan meneroka pengalaman sendiri dengan rasa seronok dan selamat. Oleh itu, adalah menjadi tugas seorang guru untuk memastikan agar murid atau kanak-kanak mendapatkan hak mereka untuk belajar dan terus belajar.

8.0 CADANGAN DAN TINDAKAN SUSULAN

Antara perkara yang boleh ditambah baik adalah, alatan yang digunakan boleh disertakan dengan sarung tangan (*glove*). Dalam kajian yang saya laksanakan, saya tidak menggunakan sarung tangan untuk melakukan aktiviti. Hal ini kerana dalam permainan softball, penggunaan sarung tangan adalah wajib semasa aktiviti memadam. Selain itu, penggunaan ini perlulah digunakan secara maksimum di mana tidak mengehadkan tahap atau kumpulan murid tertentu untuk melakukan aktiviti tersebut. Hal ini kerana setiap murid berhak mendapatkan peluang belajar sama rata seperti rakan murid yang lain.

RUJUKAN

- Brunetto, F., Atkinson, P., Brooks, C., Kleoudis, T., and Stewart, R. (2009). *Step up: health and physical education for Queensland*. Australia. Cambridge.
- Mohamad Fhaizul Mohamad Mukhori. (2009). *Satu Tinjauan Penggunaan Alat Bantu Mengajar Yang Berkesan Dalam Pengajaran Pendidikan Seni Visual Sekolah Rendah*. *Jurnal Prosiding Seminar Penyelidikan Seni Visual 2009*, 15 – 20.
- M. Yogi Rivaldi. (2013). *Pengaruh Metode Latihan Kelincahan Dan Koordinasi Mata-Tangan Terhadap Keterampilan Gerak Dasar Menggiring Bola Tangan*. Fakultas Keguruan Dan Ilmu Pendidikan Universitas Lampung. 1-12.
- Noor Hidayah Sabaruddin & Halijah Ibrahim (2008). *Prestasi Kemahiran Motor Kanak-Kanak Berumur Lima Tahun..* Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.

G8.8 TESL



WORK RELATED STRESS: PRIMARY SCHOOL ENGLISH TEACHER COPING STRATEGIES

ANISAH BINTI MOHD HAIZALD
Jabatan Pengkhususan Bahasa Inggeris

Pensyarah Pembimbing
DR. ZAIRA ABU HASSAN SHAARI

ABSTRACT

Teacher stress levels are gradually increasing as a result of work related stress. If the stress levels are left unchecked it may lead to burnouts among teachers. Therefore, it is important to explore teacher coping strategies in dealing with stress so that their mental health will not be affected by the stress level. This study focuses on examining English primary school teachers coping strategies in dealing with work related stress. The study was conducted in a primary school situated in Kuala Lumpur. Data from the study were obtained through qualitative data collection method which is interview sessions with 2 English primary school teachers. The English teachers were selected to give more insights on their coping strategies in dealing with work related stress. The findings revealed the coping strategies that teachers applied when dealing with work related stress such as leisure activities and problem solving. This study provides important information for teachers to identify positive coping strategies and for school administration to promote positive and healthy school environment.

Keywords: Work related stress, English teachers, coping strategies

ABSTRAK

Tahap stress guru semakin meningkat disebabkan oleh tekanan kerja yang dihadapi mereka. Sekiranya tahap stress guru dibiarkan begitu sahaja ia berkemungkinan akan menyebabkan guru-guru menjadi burnout. Maka, penting bagi kita untuk mengkaji kaedah guru menghadapi tekanan kerja agar kesihatan mental mereka tidak terjejas. Kajian ini berfokuskan kepada mengkaji kaedah guru Bahasa Inggeris sekolah rendah menghadapi tekanan kerja. Kajian ini telah dijalankan di salah sebuah sekolah rendah di Kuala Lumpur. Dapatan kajian ini telah diperoleh melalui kaedah pengumpulan data kualitatif iaitu sesi temu bual bersama dua orang guru Bahasa Inggeris sekolah rendah. Guru Bahasa Inggeris telah dipilih bagi mendapatkan maklumat mengenai kaedah menghadapi tekanan kerja mereka. Hasil dapatan kajian telah menunjukkan kaedah menghadapi tekanan guru Bahasa Inggeris apabila menghadapi tekanan kerja seperti melakukan aktiviti masa lapang dan penyelesaian masalah. Kajian ini memberikan maklumat penting agar guru-guru dapat mengenal pasti kaedah menghadapi tekanan yang positif dan supaya pentadbiran sekolah dapat mewujudkan dan menggalakkan suasana kerja yang positif dan sihat.

Kata Kunci: Tekanan kerja, guru Bahasa Inggeris, kaedah menghadapi tekanan

Email: anisah_95haizald@yahoo.com.my

1.0 INTRODUCTION

Based on a study conducted by the Ministry of Education, a total of 2,123 teachers were reported to suffer from work related stress in 2017 (Nor Ain Mohamed Radhi, 2018). There are many reasons why the teacher would suffer from work related stress, one of it could be because of the individuals' inability to cope with the stress well, which leads to more problems. Teacher stress may lead to burnout and lower performance of teachers work (Subon & Sigie, 2016). Therefore, it is important to look into teachers' coping strategies in dealing with work related stress to help teachers manage their stress well.

Coping strategies implies a more specific process of cognitive appraisal to determine whether an individual has the resources to respond effectively to the stressor (Lazarus & Folkman, 1987). There are few factors that contribute to teachers work related stress namely heavy workload, demanding administrations and time constraint (Azizi Yahaya & Mazeri Ismail, 2010; Nurwahida Faradila Taharim, Dinuka Pramodya, Lim, & Umami Kalsom Zakaria, 2014). Based on previous study, an individual stress level is related to the ways of coping strategies used. This is because teachers who apply strategies

such as exercise and relaxation to cope with stress are less prone to be stressful compared to the teachers who apply escape avoidance strategy (Vicky, Surya Shah, & Steven, 2005). Based on the studies above, there are many factors that can affect teachers work related stress. In order to cope with the work related stress well, teachers need to apply effective coping strategies. Thus, this study will explore teachers resources i.e the coping strategies in dealing with work related stress.

2.0 PROBLEM STATEMENT

Teachers may experience burnout if they cannot manage their stress well and this will affect their profession as an educator in a classroom. This is supported by Azizi Yahaya and Mazeni Ismail (2010) that the teaching and learning process deteriorate when teachers are stress. Therefore, teachers should be able to develop positive coping strategies such as seeking emotional support from someone close so that they can carry out their responsibilities efficiently.

Although coping strategies are an important aspect in managing stress, many studies on teacher work related stress' in Malaysia focus on identifying factors for stress among teachers and factors for burnout phenomenon among teachers (Azlihanis, Naing, Aziah, Rusli & Mohd Rahim, 2009; Subon & Sigie, 2016; Bavanhi & Norasmah, 2017). Therefore, this study intends to focus in exploring English primary school teacher coping strategies when they face work related stress. This is because coping strategies that are healthy and positive help teachers to be more motivated and are likely to performed well despite the overwhelming responsibilities. Sprenger (2011) indicates that it is vital for teachers to respond positively to keep them motivated and focus on their students better.

By examining teachers' coping strategies in dealing with work related stress, we can better understand ways in helping teachers cope with their stress and the cause of their stress. With this understanding, teachers and school administrators can identify possible positive coping strategies to be adopted as well as promote positive and healthy working environment in school.

3.0 OBJECTIVES AND RESEARCH QUESTIONS

Research Objectives

The objective of this research is to:

1. Explore work related stress faced by English primary school teachers.
2. Examine the English primary school teachers coping strategies in dealing with work related stress.

Research Questions

The questions that this study intends to answer:

1. What is the work related stress faced by primary school English teachers?
2. How does primary school English teachers cope with work related stress?

4.0 METHODOLOGY

In order to explore primary school English teachers' coping strategies in dealing with work related stress, a generic qualitative research was conducted for this study. The type of sample for this study was purposeful sampling. The participants were chosen among English teachers in the school. The teachers were expected to provide insights and information on their coping strategies in dealing with work related stress.

There were only 4 English teachers available in the school. Each teacher was asked individually whether they were willing to be the participants of this study. The researcher explained to the teachers the purpose of the study and informed them that there were going to be a few semi-structured interview sessions conducted in order to gain the data. Two English teachers volunteered while the other two English teachers declined the researcher's request. The interview sessions were conducted during school hours when the teachers were available. The validity of the interview questions was tested through pilot study and a few questions on coping strategies were added after the pilot study. The interview sessions were also recorded and transcribed for the researcher to analyse underlying themes of teachers' coping strategies in dealing with work related stress. The data was then taken to the participants for them to do member-checking to check for reliability.

5.0 FINDINGS AND DISCUSSION

The study identified two types of work related stress that the teachers faced in the school which are administration and workload. The teachers in this study reported that the administration contributed to their work related stress by giving them task at the last minute. This shows that the administration has poor management and communication skill and this in turn has caused stress among the teachers. Previous study also has shown that administrator's poor communication skills are the major cause of stress among the teachers (Aishah Mohd Azhan, Nur Aziemah Majid, Nur Hidayah Marzuki, & Md Noh Ab. Majid, 2016). Other than that, the teachers also experienced work related stress because of their workload in the school. The teachers in this study reported that workload outside of classroom such as handling programmes and clerical works are sometimes overwhelming and it caused them to feel stress. The findings of this study corroborated with Baliyan, Pritika Singh and Mokoena (2018) as they identified too much workload as one of the important causes of stress among teachers.

